LAPORAN PERSIDANGAN

MESYUARAT KEDUA
PENGGAL PERTAMA

DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KETIGA BELAS

Tarikh : **29 NOVEMBER 2013 (JUMAAT)**

Masa : **9.30 Pagi**

Tempat : **Dewan Undangan Negeri**
Lebuh Light, George Town
Pulau Pinang.

HADIR

Bil.	Nama	Ahli Kawasan/Jawatan
1.	Y.A.B. Lim Guan Eng	Ketua Menteri / Air Putih
2.	YB. Dato' Law Choo Kiang	Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri
3.	YB. Dato' Haji Mohd Rashid Bin Hasnon	Timbalan Ketua Menteri I/ Pantai Jerejak
4.	YB. Prof. Dr. P. Ramasamy A/L Palanisamy	Timbalan Ketua Menteri II/Perai
5.	YB. Chow Kon Yeow	Padang Kota
6.	YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim	Batu Maung
7.	YB. Chong Eng	Padang Lalang
8.	YB. Lim Hock Seng	Bagan Jermal
9.	YB. Law Heng Kiang	Batu Lancang
10.	YB. Phee Boon Poh	Sungai Puyu
11.	YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh	Datok Keramat
12.	YB. Dr. Afif Bin Bahardin	Seberang Jaya
13.	YB. Maktar Bin Haji Shapee	Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri/Sungai Bakap
14.	YB. Wong Hon Wai	Air Itam
15.	YB. Ong Kok Fooi	Berapit
16.	YB. Dr. Norlela Binti Ariffin	Penanti
17.	YB. Dato' Haji Mohd. Salleh Bin Man	Permatang Pasir

Bil.	Nama	Ahli Kawasan/Jawatan
18.	YB. Tanasekharan A/L Autherapady	Bagan Dalam
19.	YB. Yeoh Soon Hin	Paya Terubong
20.	YB. Teh Yee Cheu	Tanjong Bunga
21.	YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji	Seri Delima
22.	YB. Ong Chin Wen	Bukit Tengah
23.	YB. Lau Keng Ee	Pengkalan Kota
24.	YB. Cheah Kah Peng	Kebun Bunga
25.	YB. Lim Siew Khim	Sungai Pinang
26.	YB. Teh Lai Heng	KOMTAR
27.	YB. Yap Soo Huey	Pulau Tikus
28.	YB. Soon Lip Chee	Jawi
29.	YB. Lee Khai Loon	Machang Bubuk
30.	YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa	Batu Uban
31.	YB. Dato' Hajah Jahara Bt. Hamid	Telok Ayer Tawar
32.	YB. Sr. Haji Muhamad Farid bin Haji Saad	Pulau Betong
33.	YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin	Pinang Tunggal
34.	YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria	Sungai Acheh
35.	YB. Mohd Zain Bin Ahmad	Penaga
36.	YB. Omar Bin Haji Abd Hamid	Permatang Berangan
37.	YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor	Sungai Dua
38.	YB. Nordin Bin Ahmad	Bayan Lepas
39.	YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah	Telok Bahang
40.	YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman	Bertam

AHLI-AHLI YANG HADIR MENGIKUT BAHAGIAN I BAB 3 PERKARA 6A PERLEMBAGAAN NEGERI PULAU PINANG.

Bil.	Nama	Jawatan
1.	YB. Dato' Haji Farizan Bin Darus	Setiausaha Kerajaan Negeri
2.	YB. Dato' Faiza Bt. Zulkifli	Penasihat Undang–Undang Negeri
3.	YB. Dato' Haji Mokhtar Bin Mohd Jait	Pegawai Kewangan Negeri

TURUT HADIR

Cik Maheswari a/p Malayandy - Setiausaha Dewan Undangan Negeri

Dewan mula bersidang pada jam 9.30 pagi.

Setiausaha:

Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ahli-ahli Yang Berhormat bacaan Doa.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Dato' Haji Mohd. Salleh Bin Man):

Membaca Doa.

Setiausaha:

Pengumuman oleh Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ahli-ahli Yang Berhormat sebagaimana yang sedia maklum bahawa bekas Ahli Dewan Undangan Negeri iaitu Allahyarham Dato' Haji Zain Bin Haji Omar telah meninggal dunia pada 27 Oktober 2013. Allahyarham telah berkhidmat sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri kawasan Telok Kumbar mulai 22 April 1982 hingga 5 April 1995. Oleh itu para hadirin saya pohon bagi yang beragama Islam membaca surah *Al-Fatihah* dan untuk yang bukan beragama Islam, bertafakur selama satu minit. Para hadirin diminta berdiri. Para hadirin diminta duduk.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri telah menetapkan hari ini iaitu 29 November 2013 sebagai hari permulaan Mesyuarat Kedua Penggal Pertama Dewan Undangan Negeri Ketiga Belas melalui perisytiharan bertarikh 4 Oktober 2013 yang diwartakan pada 10 Oktober 2013. Pada sesi ini kita akan menimbangkan 72 soalan lisan, 513 soalan bertulis, dua (2) Rang Undang-undang dan tiga (3) Usul. Mesyuarat akan bersidang sehingga semua urusan mesyuarat selesai. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Risalah Bilangan 16 Tahun 2013 telah diubah kepada usul seperti edaran yang diletakkan di atas meja.

Ahli-ahli Yang Berhormat, saya juga mohon kerjasama agar Ahli-ahli Yang Berhormat dapat menumpukan penuh perhatian dalam Sesi Persidangan pada kali ini. Sesi Persidangan pada kali ini penting kerana Ahli-ahli Yang Berhormat akan diminta untuk memberi cadangan apa-apa peraturan yang terdapat dalam peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang untuk dibuat pindaan kepada Setiausaha Dewan selepas Sesi Persidangan ini selesai. Pada sidang kali ini juga Dewan menyediakan perkhidmatan WiFi percuma kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat dan hadirin sekalian. Ahli-ahli Yang Berhormat dan para hadirin sekalian diminta juga supaya mematuhi peraturan iaitu kawasan larangan merokok perkarangan Dewan ini, harap kerjasama daripada semua Ahli-ahli Yang Berhormat dan para hadirin. Sekian.

Setiausaha:

Pembentangan Risalah.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, saya mohon membentangkan di atas meja Dewan, Risalah bilangan 1 hingga 15 tahun 2013 seperti yang tersenarai dalam susunan urusan mesyuarat.

Bil. 1 Tahun 2013	-	Bajet Negeri Pulau Pinang Tahun 2014 Anggaran Hasil dan Perbelanjaan.
Bil. 2 Tahun 2013	-	Bajet Negeri Pulau Pinang Tahun 2014 Anggaran Perbelanjaan Pembangunan.
Bil. 3 Tahun 2013	-	Bajet Negeri Pulau Pinang Tahun 2014 Perjanjian Program dan Senarai Perjawatan.
Bil. 4 Tahun 2013	-	Penyata Kewangan Negeri Pulau Pinang Tahun 2012.
Bil. 5 Tahun 2013	-	Kertas Status 1 Tahun 2013 Elaun dan Keistimewaan Ahli Dewan Undangan Negeri.
Bil. 6 Tahun 2013	-	Laporan Ketua Audit Negara Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang Tahun 2012.
	-	Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Pulau Pinang Tahun 2012 (Siri. 1 dan Siri. 2).
Bil. 7 Tahun 2013	-	Penyata Kewangan Majlis Perbandaran Pulau Pinang Tahun 2012.
Bil. 8 Tahun 2013	-	Penyata Kewangan Majlis Perbandaran Seberang Perai Tahun 2012.
Bil. 9 Tahun 2013	-	Penyata Kewangan Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang Tahun 2012.
Bil. 10 Tahun 2013	-	Penyata Kewangan Lembaga Muzium Negeri Pulau Pinang Tahun 2012.
Bil. 11 Tahun 2013	-	Penyata Kewangan Kumpulan Wang Amanah Sekolah Penang Free Tahun 2012.
Bil. 12 Tahun 2013	-	Penyata Kewangan Tabung Biasiswa Negeri Pulau Pinang Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2012.
Bil. 13 Tahun 2013	-	Penyata Kewangan Tabung Biasiswa Kecil Negeri Pulau Pinang bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2012.

Bil. 14 Tahun 2013	-	Penyata Kewangan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang Tahun 2012.
Bil. 15 Tahun 2013	-	Penyata Kewangan Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang Tahun 2012.

Setiausaha:

Soalan-soalan.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Soalan Lisan.

Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng):

Yang Berhormat Dato' Speaker, soalan saya nombor 1.

(a) Sila nyatakan jumlah perbelanjaan yang ditanggung untuk kerja-kerja tindakan selepas kes keruntuhan sebahagian struktur bangunan menara UMNO berlaku.

(b) Pihak manakah yang menanggung kesemua kos perbelanjaan tersebut.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Terima kasih YB. Dato' Speaker dan terima kasih YB. KOMTAR. Kerajaan Negeri telah menubuhkan Suruhanjaya Siasatan Kegagalan Struktur-struktur tertentu yang telah diperkenankan oleh Tuan Yang Terutama Yang Di-Pertua Negeri Pulau Pinang untuk menjalankan siasatan ke atas dua insiden yang berlaku baru-baru ini iaitu keruntuhan *lightning arrester pole* dan *RC Fixture Wall* di Menara UMNO Jalan Macalister serta insiden keruntuhan *ramp* Jambatan Kedua Pulau Pinang. Suruhanjaya Siasatan diketuai oleh YBhg. Dato' Yeoh Yen Pow sebagai Pengerusi Suruhanjaya Siasatan Ahli-ahli lain dalam Suruhanjaya ialah Prof. Ir. Roslan Bin Hashim dan YBhg. Dato' Dr. Oii Sek Siew. Suruhanjaya telah memulakan siasatan pada 11 Oktober 2013 di Mahkamah Teknologi Kompleks Mahkamah Tinggi Pulau Pinang dan orang ramai yang mempunyai maklumat berkenaan kedua kejadian ini diminta memberi keterangan memandangkan Suruhanjaya masih menjalankan kerja-kerja siasatan pihak Kerajaan Negeri akan menunggu perakuan daripada Suruhanjaya ini dan akan menentukan tindakan susulan atas isu-isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat. Sekian.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Dato' Haji Mohd. Salleh Bin Man):

YB. Dato' Speaker saya ada sedikit soalan. Berkenaan apa yang terjadi berkaitan dengan keruntuhan sebahagian daripada struktur bangunan Menara UMNO yang kita sedia maklum walaupun siasatan sedang dijalankan tetapi apa yang didapati sehingga kini, apabila saya nak hak mohon jawapan bahawa bila berlaku runtuhan struktur ini mengakibatkan beberapa perkara yang menimbulkan permasalahan khususnya di bangunan tersebut di Pejabat Majlis Agama Islam Pulau Pinang yang

didapati berlakunya kebocoran bila berlakunya hujan lebat ini memang sehingga pejabat saya sendiri pun kena menyediakan empat (4) timba sebab bocor dan mengakibatkan lantai-lantai sudah berlaku kerosakan. Jadi selain daripada siasatan perlu juga kepada penyelenggaraan. Ini satu (1) perkara yang saya rasa dan kita telah pun kita buat aduan dan telah pun dibuat siasatan berlakunya kebocoran tersebut jadi sekarang ini musim hujan kita rasa takut akan berlaku lagi insiden-insiden yang tidak diingini.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Permatang Pasir soalannya.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Dato' Haji Mohd. Salleh Bin Man):

Soalannya dan bilakah dari segi penyelenggaraan untuk menampung berkaitan dengan kebocoran yang berlaku.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Perkara ini adalah di antara penyewa ataupun pemilik bangunan. Dalam kes ini Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang dengan pemilik bangunan Tetuan JKP Sdn. Bhd. Saya rasa walaupun pendengaran oleh Suruhanjaya masih berjalan isu-isu sedemikian antara penyewa dengan pemilik dapat diuruskan juga.

Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Ong Chin Wen):

Soalan tambahan. YB. Padang Kota. Cuma nak dapatkan sedikit maklumat berkenaan dengan tempoh pelantikan Suruhanjaya Siasatan tersebut. Berapa lamakah Suruhanjaya tersebut perlu habiskan siasatan?

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Tak ada tempoh ditentukan tetapi saya percaya Suruhanjaya telah menetapkan sesi-sesi pendengaran dengan rapinya dan berharap dapat selesaikan pendengaran dan memberikan syor-syor dalam jangka yang terdekat.

Ahli Kawasan Air Itam (YB. Wong Hon Wai):

Soalan tambahan YB. Dato' Speaker, di tangan saya ada Warta Kerajaan 15 Ogos 2013 tentang Suruhanjaya adalah Suruhanjaya tentang dua insiden iaitu Jambatan Kedua Pulau Pinang dan Menara UMNO, kita dapati dan baca dalam surat khabar masih dalam peringkat Menara UMNO sahaja dan belum sampai ke Jambatan Kedua Pulau Pinang dan dalam warta Kerajaan ini dan adalah dalam tempoh enam (6) bulan daripada Ogos 15 iaitu akan tamat pada tahun depan iaitu 14 Februari. Oleh itu saya rasa mungkin kena lanjutkan masa kerana masih separuh sahaja yang belum habis pun yang mendengar tentang Menara UMNO. Adakah Kerajaan Negeri berhasrat melanjutkan tempoh siasatan suruhanjaya dan adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk menambahkan *resources* untuk membantu mendapatkan laporan dalam masa enam (6) bulan seperti yang ditetapkan dalam Warta Kerajaan.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Sememangnya kalau ada keperluan, tempoh boleh diberikan untuk Suruhanjaya menghabiskan kerja-kerja mereka. Tetapi kerja-kerja yang dilakukan oleh Suruhanjaya tidak melarang Jambatan Kedua Negeri Pulau Pinang untuk dibuka dalam tempoh yang akan ditetapkan oleh Kementerian sebab selain daripada siasatan suruhanjaya, agensi-agensi yang berkenaan telah pun menyempurnakan siasatan mereka, laporan-laporan sudahpun dikemukakan dan Kementerian dan juga syarikat Jambatan Kedua Negeri Pulau Pinang adalah bertanggungjawab memastikan apabila *ramp* ini dibuka. Sebenarnya jalan raya di bawah *ramp* itu sudahpun dibuka untuk laluan lalu lintas dan mereka akan bertanggungjawab terhadap keselamatan *ramp* yang sudah dibina semula. Jadi saya rasa kerja-kerja yang dilakukan oleh Suruhanjaya tidak melarang sama sekali lain-lain kerja yang perlu dijalankan dan siasatan Suruhanjaya tidak *stop* segala langkah untuk memastikan keselamatan Jambatan Kedua Pulau Pinang mahupun Menara UMNO. Siasatan itu cuma nak mengetahui apakah kelemahan yang berada dan mengetengahkan cadangan-cadangan supaya kejadian sedemikian tidak berlaku, tetapi di samping itu sepertimana kes Jambatan Kedua Negeri Pulau Pinang, memang syarikat itu dan Kementerian perlu memastikan keselamatan dan dalam kes Menara UMNO, MPPP juga sebelum Suruhanjaya ini dibentuk dan walaupun semasa Suruhanjaya menjalankan siasatan memang pemantauan dan urusan dengan arkitek daripada Tetuan JKP Sdn. Bhd., masih berjalan untuk memastikan keselamatan bangunan menara UMNO tersebut.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Seterusnya soalan.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Tanasekharan A/L Autherapady):

Dato' speaker soalan saya ialah soalan nombor 2.

(a) Berapa banyakkah unit rumah mampu milik yang dicadang untuk dibina oleh Kerajaan Negeri?

(b) Bilakah projek perumahan yang dicadang akan siap dibina?

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Terima kasih Dato' Speaker. Terima kasih Bagan Dalam untuk mengemukan soalan yang kedua ini. Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah pun menjadikan *priority* terutamanya pembekalan rumah mampu milik ini telah dibuat melalui beberapa mekanisme tertentu iaitu terhadap pemaju swasta iaitu kita memerlukan mereka menyediakan unit-unit perumahan kos rendah dan kos sederhana rendah dan sekarang rumah mampu milik dan selain daripada ini Kerajaan Negeri sendiri terlibat dalam beberapa projek yang diusahakan bersama-sama dengan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) untuk membina unit-unit perumahan mampu milik di Pulau Pinang. Sebagai jawapan pada Bagan Dalam di peringkat ini di sebelah Pulau Betong empat (4) kawasan telah dikenal pasti iatu seperti berikut Dato' Speaker.

Kawasan Pulau

(1) SP Chelliah

Melalui projek ini di Daerah Timur Laut, sebanyak 1,900 jumlah unit akan dibina iaitu 770 kos sederhana rendah dan 1,130 unit kos sederhana. Unit kos sederhana rendah berkeluasan 700 kaki persegi dijangka berharga RM72,500.00, 1,130 unit kos sederhana berkeluasan 800 hingga 1,000 kaki persegi dan berharga antara RM200,000.00 sehingga RM400,000.00 seunit. Iadijangkakan bermula awal tahun 2014 dan dijangka siap Jun 2017.

(2) Telok Kumbar

Melalui projek ini di Daerah Barat Daya, sebanyak 694 jumlah unit akan dibina iaitu 346 kos sederhana rendah dan 348 unit kos sederhana. Unit kos sederhana rendah berkeluasan 700 kaki persegi berharga RM72,500.00, 344 unit kos sederhana berkeluasan 850 hingga 1,000 kaki persegi berharga antara RM200,000.00 hingga RM320,000.00 seunit. Ia dijangkakan bermula awal tahun 2014 dan dijangka siap Februari tahun 2017.

(3) Jelutong

Melalui projek ini di Daerah Timur Laut, sebanyak 556 jumlah unit kos sederhana rendah akan dibina iaitu berkeluasan 700 kaki persegi yang berharga RM72,500.00. Ia dijangkakan bermula Jun tahun 2014 dan dijangkakan siap pada Julai tahun 2017.

(4) Pintasan Cecil

Melalui projek ini di Daerah Timur Laut, sebanyak 298 jumlah unit kos sederhana rendah akan dibina iaitu berkeluasan 700 kaki persegi berharga RM72,500.00. Ia dijangkakan bermula akhir tahun 2014 dan dijangka siap pada akhir tahun 2017. Jadi YB. Dato' Speaker, untuk di Pulau, berdasarkan empat (4) projek di kawasan Pulau tersebut, jumlah unit yang akan disediakan adalah 3,448 unit.

Kawasan Seberang

(1) Batu Kawan

Fasa pertama projek di Bandar Cassia, Batu Kawan (SPS) Seberang Perai Selatan mengandungi 520 unit. 149 unit adalah unit kos sederhana rendah berkeluasan 800 kaki persegi dengan harga jualan seunit RM72,500.00. 98 unit adalah jenis kos sederhana berkeluasan 900 kaki persegi dengan harga jualan seunit RM168,000.00. 273 unit adalah jenis kos sederhana berkeluasan 1,000 kaki persegi dengan harga jualan RM220,000.00 seunit. Ia dijadualkan bermula pada akhir tahun 2013 dan dijangka akan siap dibina pada tahun 2016.

Bandar Cassia ini merangkumi beberapa fasa yang keseluruhannya akan membekalkan 11,800 unit rumah mampu milik kelak.

(2) Kampung Jawa

Projek yang terletak di Seberang Perai Utara ini mengandungi 707 unit di mana 353 unit adalah kos sederhana rendah berkeluasan 700 kaki persegi dengan harga jualan seunit RM72,500.00. 140 unit adalah jenis kos sederhana berkeluasan 850 kaki persegi dengan harga jualan seunit RM200,000.00. Manakala 205 unit adalah jenis kos sederhana berkeluasan 1,000 kaki persegi dengan harga jualan RM280,000.00 seunit dan projek ini dijadualkan akan bermula pada bulan Februari tahun 2014 dan dijangka akan siap dibina pada Januari tahun 2017.

(3) Mak Mandin

Projek yang terletak di Seberang Perai Utara ini mengandungi 250 unit yang merupakan unit kos rendah berkeluasan 650 kaki persegi dengan harga jualan seunit RM42,000.00. Ia dijadualkan bermula pada September tahun 2014 dan dijangka akan siap dibina pada September tahun 2017.

(4) Ampang Jajar

Projek yang terletak di Seberang Perai Utara ini merangkumi jumlah 1,200 unit di mana 600 unit adalah unit kos sederhana rendah dengan keluasan 700 kaki per segi dengan harga jualan RM 72,500.00. 360 unit kos sederhana yang berkeluasan 850 kaki persegi dan akan dijual pada harga RM200,000.00 dan 240 unit kos sederhana yang berkeluasan 1,000 kaki per segi akan dijual pada harga RM240,000.00. Projek ini dijadual untuk bermula pada Januari tahun 2015 dan dijangka siap pada Januari tahun 2018.

(5) Bukit Mertajam

Projek ini yang terletak di Seberang Perai Tengah mengandungi 968 unit di mana 484 unit adalah unit kos sederhana rendah dengan keluasan 700 kaki persegi dengan harga RM72,500.00. 160 unit kos sederhana yang berkeluasan 850 kaki persegi akan dijual pada RM200,000.00 dan 324 unit lagi kos sederhana yang berkeluasan 1,000 kaki persegi dengan harga jualan RM240,000.00. Ia dijadualkan bermula pada Mac tahun 2015 dan dijangka siap dibina pada Januari tahun 2018.

(6) Juru

Projek ini yang terletak di Seberang Perai Tengah mengandungi 1,600 unit di mana 800 unit adalah unit kos sederhana rendah dengan keluasan 700 kaki per segi dengan harga RM72,500.00. 200 unit kos

sederhana yang berkeluasan 850 kaki persegi akan dijual pada RM200,000.00 dan 600 unit lagi kos sederhana yang berkeluasan 1,000 kaki persegi dengan harga jualan RM240,000.00. Ia dijadualkan bermula pada Mac tahun 2015 dan siap dibina pada Januari tahun 2018.

Untuk projek ini Dato' Speaker, ia dijadualkan bermula pada Mac tahun 2015 dan siap dibina pada Januari tahun 2018. itu saja Dato' Speaker. Terima kasih.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Tanasekharan A/L Autherapady):

Soalan tambahan.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Bagan Dalam.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Tanasekharan A/L Autherapady):

Saya ingin tanya Dato' Speaker, sudah berapa rumah mampu milik dibina oleh Kerajaan Persekutuan selama 5 tahun yang lalu?

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Terima kasih Bagan DBlam. Jawapan senang saya kepada soalan kamu ialah langsung tiada. Sebelum bajet 2014 Dato' Speaker, saya dimaklumkan melalui pengumuman yang dibuat oleh Timbalan Perdana Menteri dalam surat khabar apabila beliau datang menziarahi Pulau Pinang bahawa 20,000 unit rumah mampu milik akan disediakan di bawah program PR1MA untuk Negeri Pulau Pinang. Ini saya difahamkan berlaku awal tahun ini, dan beberapa tapak lokasi telah dinyatakan oleh beliau di mana projek-projek mampu milik di bawah PR1MA ini akan dilaksanakan di Pulau Pinang.

Walau bagaimanapun sehingga sekarang Dato' Speaker, saya tidak nampak mana-mana tapak dilaksanakan Projek PR1MA di Negeri Pulau Pinang. Namun demikian saya dapati YB. Dato' Speaker bahawa di negeri-negeri lain YB. Dato' Speaker, di mana juga ada projek PR1MA oleh Kerajaan Pusat tapak-tapak telah pun dikenal pasti dan projek sedang akan dimulakan. Kita di Pulau Pinang saya telah mengeluarkan satu surat melalui 20 Oktober 2013 kepada Menteri Dato' Abdul Rahman Dahlan memohon beliau. Satu, membuat pengesahan akan pengumuman yang dibuat tentang pembinaan 20,000 unit tersebut itu senang saja boleh disahkan kerana telah diumumkan. *Number two* dan yang penting itu saya nak tahu *time line* untuk *delivering* pembekalan untuk tersebut di Negeri Pulau Pinang kerana kita nak bekerjasama YB. Dato' Speaker dengan Kerajaan Pusat dalam kes ini kerana sekarang kawan-kawan saya di sebelah sana boleh bantu rakyat Pulau Pinang kerana kita berada di Kerajaan Pusat dan memang ada pengumuman untuk 20,000 unit ini, kalau boleh disahkan tapak lokasi tersebut, maka kita boleh mempercepatkan proses-proses kebenaran yang diperlu dan sebagainya yang masih dalam kawalan negeri. *So* kita perlu bekerjasama untuk menyediakan dan membekalkan 20,000 unit mampu milik ini kepada Negeri Pulau Pinang, itu sebelum Bajet 2014.

Pada dua (2) atau tiga (3) minggu lalu apabila Bajet 2014 diumumkan Perdana Menteri menyatakan Projek PR1MA 80,000 unit lagi akan dibekalkan, tetapi dia tidak nyatakan di negeri mana *so* kita harap daripada 80,000 unit tersebut Negeri Pulau Pinang tidak akan dianaktirikan kita perlu lebih unit juga dan saya juga telah membuat satu surat lagi YB. Dato' Speaker, kepada rakan saya di Kementerian Dato' Abdul Rahman Dahlan mohon beliau berkenaan unit yang diumumkan dalam Bajet 2014 ini berapakah yang disalurkan di Negeri Pulau Pinang, tapak mereka dan *time line* kerana kita nak bekerjasama supaya ini dapat menjadi satu realiti. Sekian.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

YB. Pulau Betong.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Terima kasih YB. Dato' Speaker, daripada penjelasan YB. Datok Keramat tadi saya difahamkan bahawa dalam kategori mampu milik, kita ada *low cost, low medium cost* dan *medium cost* betul ya. Saya nak tahu sebab bila kata RM400,000.00 ini jumlah harga rumah yang sukar dimiliki di luar kemampuan. Betul tak YB. Datok Keramat boleh tolong bagi ekspektasi untuk kos rendah, kos sederhana rendah dan kos sederhana. Keduanya, borang permohonan untuk ketiga-tiga kategori ini adakah memakai borang yang sama atau borang yang berlainan. Adakah ia juga merujuk kepada kategori apa itu kriteria pemilihan yang diamalkan untuk *low cost*.

Saya nak sentuh sikit tentang Bagan Dalam, PR1MA bukan ditubuhkan untuk lima (5) tahun yang lalu. Ia baru ditubuhkan dan saya setuju YB. Datok Keramat bahawasanya pengumuman telah pun dibuat dan memang YB. Datok Keramat dan kami pun prihatin tentang masalah perumahan ini dan *insya-Allah* di pihak kami juga pun akan berhubung dengan pihak PR1MA untuk membantu dan kita berharap apabila ia telah dikenal pasti dan berharap yang Kerajaan Negeri juga akan mempercepatkan proses kelulusan supaya manfaat rumah kos rendah dapat kita *share* dengan rakyat Negeri Pulau Pinang ini.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Terima kasih rakan YB. Pulau Betong, soalan pertama ialah dengan definisi tafsiran *low cost, low medium cost* dan *medium cost* dan sekarang mampu milik. Sebelum ini YB. Dato' Speaker, unit-unit yang disediakan oleh Kerajaan Negeri ataupun pihak swasta untuk membantu golongan yang tidak dapat memiliki perumahan ialah unit-unit kos rendah iaitu KR, LC ataupun kos sederhana rendah. *So far* ini adalah apa yang kategori yang wujud *so* saya bincang itu dulu. Itu *low cost* atau kos rendah adalah berharga dalam RM42,000 di kawasan pulau, RM25,000 di kawasan Seberang dan kebiasaannya dalam keluasannya 600 hingga 650 kaki persegi. Manakala untuk kos sederhana rendah (KSR) (LMC) *low medium cos*t, harga dia ialah RM72,500 dan kebiasaannya keluasannya ialah dalam lingkungan 750 kaki persegi sepertimana tadi saya ada nyatakan dalam jawapan saya secara terperinci sama juga untuk LC, LMC *that is the general sizes* dan harga ...(dengan izin).

Sekarang YB. Dato' Speaker, *move forward* kita telah mara ke hadapan dengan memperkenalkan kategori baru ini iaitu kategori mampu milik kerana kita dapati bahawa perumahan seperti *low cos*t dan *low medium cost* dan sekarang tidak mempunyai imuniti fasiliti yang begitu baik untuk kita hendak mara ke hadapan dan meningkatkan kualiti jadi apa yang kita buat kita perkenalkan konsep mampu milik dan untuk konsep mampu milik untuk pengetahuan Dato' Speaker, di kawasan Negeri kita ada siling iaitu RM400,000, di kawasan Seberang pula siling dia RM250,000. Ini adalah kategori siling kepada kategori perumahan mampu milik yang ada dan kategori perumahan mampu milik yang ada sekarang untuk pemaju swasta kita menghendaki mereka di mana pemaju di kawasan-kawasan tertentu *designated areas*...(dengan izin).

YB. Dato' Speaker, mereka diberi kebenaran untuk menggunakan kepadatan yang lebih tinggi *that means they are allowed to build* ...(dengan izin)...*more units 87 acres per* unit polisi yang kita perkenalkan tersebut tapi sebagai balasan kepada Kerajaan Negeri dia perlu memperuntukkan rumah mampu milik *that is the first time* apabila kategori rumah mampu milik ini *came about* di mana keperluan tersebut ada 5%, RM200,000, 15%, RM300,000 dan lagi 5%, RM400,000 dan bawah, itu adalah keperluan yang kita kehendaki daripada swasta dan sekarang berkenaan projek-projek Kerajaan Negeri yang kita buat bersama-sama dengan PDC. Yang saya sebut tadi harga-harga saya telah pun sebut tadi kebanyakan dalam *regio*n adalah RM200,000 ke RM250,000, ada sekelompok kecil saja dalam *region* RM400,000 tetapi kita berpendapat itu masih jauh kurang berbanding dengan *open market value* di Pulau Pinang. Saya ingat rakan dari Pulau Betong tidak dapat lari dari hakikat tersebut, kita sudah sampai satu tahap hampir sama atau mungkin lebih di kawasan tertentu harga nilai tanah berbanding di Klang Valley di mana Klang Valley begitu tinggi, Penang *it's getting there*, jadi kita perlu ada mekanisme kontrol kita hendak kontrol supaya tidak ada spekulatif, transaksi spekulatif yang akan menyebabkan secara mendadak harga-harga tersebut naik. Itu jawapan saya kepada soalan pertama, ada soalan yang kedua.....(gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Sikit lagi *income bracket* yang melayakkan ...(gangguan).

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Saya akan jawab itu, memang itu telah pun ditetapkan macam dulu *LC, LMC* kita ada kriteria kelayakan dan saya ingat semua orang tahu iaitu melalui Borang PN1, kalau saya hendak layak membeli rumah kos rendah atau kos sederhana rendah LC atau LMC ada dua kriteria kelayakan yang penting. Iaitu no.1, tidak boleh memiliki rumah *then only eligible to LC or LMC. Number two, ceiling* gaji had pendapatan untuk *low cost* kos rendah RM2,500 seisi rumah atau kurang, *not more than two thousand five*...(dengan izin)...for KSR *or low medium cost it st* RM3,500 *and below* seisi rumah *now* saya akan jawab. Soalan kedua untuk borang juga kerana apa yang rakan saya nyatakan YB. dari Pulau Betong adalah betul, berkenaan borang, sebelum ini borang yang wujud cuma adalah berkenaan kos rendah dan kos sederhana rendah kerana itulah kategori yang wujud, sekarang kita mara ke hadapan untuk kategori mampu milik.

Untuk makluman YB. Pulau Betong dan semua yang hadir di sini, saya telah pun membuat pengumuman sebelum ini melalui media massa tapi sekarang di Dewan saya akan nyatakan bahawa Borang PN1, siri 1/2013 telah pun siap pindaan di mana ia merangkumi keseluruhan kos rendah, kos sederhan rendah dan mampu milik kita tidak mahu ada dua jenis borang untuk mengurangkan *red tape if i may say that because we have it amalgamated it into* satu borang, *so* dalam borang itu, kita juga ada kategori mampu milik iaitu kurang daripada RM250,000, kurang daripada RM300,000 dan kurang daripada RM400,000. Saya telah pun menjawab soalan rakan saya berkenaan had gaji untuk 2, 3 *and* 4 apa yang kita telah tetapkan untuk RM200,000 seisi rumah tidak boleh lebih daripada RM6000, untuk RM300,000 seisi rumah tidak lebih daripada RM8000 dan untuk RM400,000 seisi rumah tidak lebih dari RM10,000. Itu adalah jawapan saya tetapi saya ingin sebelum saya akhiri, sebelum saya sudahi saya ingin mengucapkan terima kasih kepada YB. Pulau Betong atas komitmen YB. Pulau Betong untuk membantu kita untuk mendapat maklumat berkenaan pelaksanaan Program PR1MA, kita mesti bekerjasama sekarang, kita memang Kerajaan Negeri di sini tapi jangan lupa kamu masih Kerajaan Pusat walaupun tidak dapat undi popular tapi masih Kerajaan pusat tak apa kita boleh bekerjasama *so*....(gangguan). Kerajaan Pusat... (gangguan), tak Kerajaan Barisan Nasional tak dapat undi popular kurang daripada 50% tapi kita masih boleh bekerjasama...(gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Penjelasan YB. Datok Keramat sikit lagi saja kita melihat yang kategori daripada segi harga jualan itu RM42,000 kepada RM72,000 lepas itu *up to* RM400,000, pemaju akan *go straight* kepada RM400,000 yang memerlukan *income, so* saya berharap supaya *gap* ini sepatutnya dikurangkan tapi diperbanyakkan kalau kata *low cost* RM42,000, *low medium c*ost RM72,000 dan *medium cost* mampu milik ini dah terlalu lebar dia punya harga rumah dia *so* kalau boleh biarlah mereka ataupun disyaratkan kepada mereka untuk memberi tumpuan kepada harga dalam RM300,000 atau RM200,000 ke bawah itu mungkin lebih mampu dimiliki dan bukan berapa ramai orang RM10,000 gaji, RM6,000 gaji tak ramai yang bergaji itu ya, terima kasih.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Ya, *just to answer that* YB. Dato' Speaker, *very short one* itu betul kita tak mau pemaju daripada lari daripada tanggungjawab dia untuk bekalkan kos rendah dan kos sederhana rendah kerana kita ada kategori baru tapi jangan kita kaburkan keadaan kerana apa yang sebenarnya yang kita memperkehendaki daripada pemaju swasta ialah mereka masih perlu 30% *LC or LMC*, atas itu ialah 25% lagi mampu milik *so they still have to provide* 30% *plus additional* 25%, 5 - 15 - 5 itu adalah polisi yang wujud sekarang untuk pemaju-pemaju swasta.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ya, seterusnya soalan lisan...(gangguan), sudah terlalu *detail* dan sudah pun lepasi tiga soalan. Sila.

Ahli Kawasan Air Itam (YB. Wong Hon Wai):

YB. Dato' Speaker, soalan saya no. 3.

Memandangkan sisa pepejal yang semakin meningkat kuantitinya, apakah perancangan dan dasar baru Kerajaan Negeri dalam pengurusan kutipan, pengangkutan dan pelupusan sisa pepejal di Bahagian Pulau dan di Seberang Perai untuk tempoh 10 tahun akan datang.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Terima kasih YB. Dato' Speaker dan terima kasih YB. Kawasan Air Itam bagi menjawab soalan YB. Air Itam, perancangan dan dasar baru Kerajaan Negeri dalam pengurusan kutipan, pengangkutan dan pelupusan sisa pepejal melalui Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) di Bahagian Pulau untuk tempoh 10 tahun akan datang adalah berpandukan kepada sistem pengurusan sisa pepejal yang bersepadu dan mengutamakan amalan-amalan terbaik dalam sistem pengurangan sisa pepejal.

Rancangan jangka pendek dan jangka panjang di dalam memantapkan sistem pengurusan sisa pepejal adalah diambil pelan tindakan seperti berikut :-

(1) Rancangan Pengurusan Sisa Pepejal.

(a) Sistem Pungutan dan Mengangkut Sampah

(i) Melaksanakan pengurusan sistem pungutan sampah secara *hybrid* mengikut kawasan secara berperingkat-peringkat yang dikendalikan oleh MPPP sendiri.

(ii) Melaksanakan pengurusan sistem pungutan sampah bagi kawasan perkhidmatan yang selainnya yang dikendalikan secara penswastaan. Perancangan dan pelaksanaannya bagi tempoh lima (5) tahun akan datang mulai tahun 2015 adalah kawasan yang diswastakan ini akan dikaji aspek perubahan seperti berikut:

(a) iaitu keperluan pensempadanan semula kawasan untuk menentukan sesebuah skim perkhidmatan;

(b) cadangan penambahbaikan kepada sistem dan piawaian perkhidmatan;

(c) membangunkan portal mengenai pemberitahuan tentang perkhidmatan;

(d) melesenkan pengusahaan perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan pengusaha barangan lusuh;

(e) menguatkuasakan pemasangan Global Positioning System (GPS) secara menyeluruh bagi pembekal perkhidmatan pungutan sampah yang diuruskan oleh MPPP dan syarikat swasta termasuk pengusaha barangan lusuh;

(f) mengurangkan pengwujudan longgokan sisa pepejal yang dilupuskan dengan menguatkuasakan undang-undang dan penubuhan skuad pemantauan anggota penguatkuasaan;

(g) mempertingkatkan mutu khidmat pembersihan dan pengurusan sisa pepejal, berpandukan kerangka Pelan Induk Pembersihan yang digunakan sebagai panduan bagi merancang dan mengawal aktiviti kebersihan mengikut kawasan fokus yang akan dijalankan secara berperingkat dengan mengambil tindakan bersepadu bagi membasmi kawasan longgokan sampah.

(b) Sistem Pemindahan Sampah

(i) meningkatkan kapasiti kenderaan dan kemudahan serta loji rawatan di stesen Pemindahan Sampah Ampang Jajar yang sekarang dikongsi bersama dengan MPSP.

(ii) Perancangan untuk membangunkan Stesen Pemindahan Sampah di Batu Maung yang berasaskan kepada *Containerised Transfer By Barge System* dengan menggunakan kaedah pengangkutan laut bagi pengendalian semua jenis sampah termasuk sampah domestik dan komersial, sisa binaan *marine care*. Sistem ini turut menyediakan *Material Recovery Facility* (MRF).

(c) Sistem Pelupusan Sampah.

(i) Pemantapan sistem dan teknologi pengurusan sisa pepejal seperti pengurusan dan penyeleggaraan tapak pelupusan sampah Pulau Burung untuk mencapai *Sanitary Landfill Level IV* melalui rancangan penyediaan kemudahan *leached* atau *leached treatment plant* di mana sebuah *leached treatment plant* yang *mobile* telah pun siap diguna pakai. *Ecopark MRF* dan *refill derived facilities* secara berperingkat.

(ii) Perancangan untuk *land mining* dan *rehabilitation* di tapak pelupusan sampah di Jelutong termasuk perancangan jangka pendek untuk penyediaan kemudahan dan infrastruktur bagi pengurusan dan kitar semula sisahan yang dilupuskan di tapak pelupusan sampah tersebut.

(2) Rancangan pengurangan sisa pepejal

(a) Memperkukuhkan undang-undang dan peraturan serta garis panduan seragam yang berkaitan dengan sistem pengurangan sisa pepejal untuk sisa makanan, sisa binaan, sampah pukal dan sampah tukun dan sebagainya.

(b) Membangunkan dan memperluaskan model dan mekanisme pengurangan sisa pepejal yang berasaskan kepada budaya pengasingan sisa di peringkat punca yang berasaskan kepada 5R (Reduce, Reuse, Recycle, Rethink, Reinvent) berserta dengan syarat kegunaan teknologi yang bersesuaian iaitu:

(i) Program Pengurangan Sisa Makanan yang melibatkan komuniti peniaga pasar, sekolah, pengurusan bangunan, kediaman bertingkat tinggi, kompleks makanan, restoran, hotel dan hospital serta pasar raya melalui kaedah *decentralize segregation at source.*

(ii) Projek *e-Waste Collection, Segregation and Transportation from Household Recycling* yang dibangunkan bersama dengan Jabatan Alam Sekitar dan JICA berasaskan kepada penglibatan komuniti peniaga barangan elektronik dan elektrik dan syarikat *Full Recovery Facility.*

(iii) Program pengwujudan pusat sumber alam sekitar atau pusat pengasingan sisa komuniti yang berperanan untuk merealisasikan pelbagai program yang berbentuk kesedaran dan penglibatan masyarakat tentang pemuliharaan alam sekitar. Sebanyak lapan (8) buah pusat sedemikian telah diwujudkan setakat ini.

(c) Menambah baik penglibatan komuniti berterusan di peringkat sekolah, penduduk, badan pengurusan dan pengusaha serta ejen kitar semula. Melaksanakan program di bawah Majlis Perundingan Komuniti yang bertindak sebagai platform ke arah Negeri Hijau dengan penglibatan wakil rakyat, Ahli Majlis, persatuan penduduk, NGO dan sektor swasta melalui komuniti *Cleaner ,Greener, Safer and Healthier Penang*.

(d) Menguatkuasakan melalui pendaftaran pengeluaran permit terhadap organisasi atau Pertubuhan Bukan Kerajaan atau institusi serta badan sukarela yang melaksanakan kitar semula.

(e) Membangunkan garis panduan-garis panduan berikut:

(i) Garis panduan untuk pengurusan sisa pepejal bagi skim bangunan baru;

(ii) Garis panduan untuk pengurusan dan pengasingan sisa pepejal dalam peringkat pemajuan; dan

(iii) Garis panduan untuk pengurusan dan pengasingan sisa makanan di bangunan kediaman bertingkat serta penetapan insentif kewangan berdasarkan keberhasilan.

Di Seberang Perai pula, perancangan terhadap pengurangan sisa pepejal adalah seperti berikut:

(i) MPSP akan mengambil alih 100% pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam mulai 1 Januari 2014. Dalam proses pengambilalihan telah pun dimulakan secara berperingkat mulai tahun 2013.

(ii) Pembelian kenderaan pembersihan selaras dengan proses pengambilalihan.

(iii) penambahan kakitangan pembersihan yang melibatkan semua peringkat bagi memantapkan pelaksanaan dan pemantauan.

(iv) Menggalakkan pengasingan di punca dan kitar semula bagi mengurangkan berat sampah yang akan dihantar ke tapak pelupusan.

(v) Menggalakkan aktiviti pengkomposan sisa organik di peringkat komuniti bagi penghasilan baja organik.

(vi) Menggalakkan aktiviti pengkomposan sisa kebun, tanaman dan menghasilkan baja kompos dan *green palette*.

(vi) Mengenakan caj sisa industri dan perdagangan di tapak pelupusan dan sepertimana diumumkan.

(viii) Menaik taraf Tapak Pelupusan Pulau Burung ke *Sanitary Landfill Level III* kepada *Sanitary Landfill Level* IV beserta dengan kemudahan rawatan *leached.*

(ix) Membina Material Recovery Facility (MRF) di tapak pelupusan Pulau Burung bagi meningkatkan keupayaan kitar semula bagi meminumum jumlah sampah dan dapat memanjangkan tempoh hayat tapak pelupusan.

(x) Meningkatkan *Education And Awareness campaign* tentang kebersihan dan keperluan untuk mengurangkan sampah melalui program "*Local Action 21"* diperingkat sekolah, komuniti, industri dan pusat komersial.

Ahli Kawasan Air Itam (YB. Wong Hon Wai):

YB. Speaker, soalan tambahan. Terima kasih di atas penjelasan yang panjang lebar lebih panjang daripada apa yang saya jangkakan. Saya tertarik juga dengan pengumuman kenyataan oleh Ahli Kawasan Sungai Puyu pada 31 Oktober 2013 tentang kuantiti sampah yang telah kita *produce,* 1600 tan setiap hari oleh *Penangnite* dan melalui sampah tersebut dijangkakan Pulau Burung tak boleh tahan 30 tahun.

Tadi saya mendengar ucapan Ahli Kawasan Padang Kota dan adakah di negara-negara lain seperti di Hong Kong, mereka mahal tetapi masalah sampah mengerumuni seluruh bandar kerana tapak pelupusan semua yang akan penuh pada masa akan datang sekiranya tidak ada tindakan yang lebih konkrit dan kreatif. Soalan saya adakah Kerajaan Negeri mengambil pengalama daripada bandar raya lain seperti di Taipei dan Hong Kong yang akan mengenakan caj tambahan terhadap sampah-sampah tambahan domestik dan sama ada Kerajaan Negeri bercadang selain daripada *convention way* untuk menguruskan sampah untuk fasiliti *incinerator* dilaksanakan dan apakah *recycle* sama ada kita ada rancangan untuk *recycle plan* untuk Pulau Pinang kerana kita tidak mahu setiap hari begitu banyak sampah dikeluarkan dan sampai satu hari berapa tahun, setahun, 20 tahun seluruh tempat yang sedia ada akan dipenuhi dengan sampah.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Terima kasih YB. Dato' Speaker. Terima kasih atas soalan tambahan daripada Yang Berhormat Ahli Kawasan Air Itam, yang mengeluarkan keprihatinan terhadap masalah pengurusan sisa pepejal. Kerajaan Negeri percaya dengan ISWM ataupun *Integrated Solid Waste Management Plan* yang saya umumkan tadi bagi jangka pendek, sederhana dan jangka panjang, kita dapat mengawal keadaan melalui berbagai tindakan dan program yang saya umumkan dapat mengawal penjanaan sampah walaupun penduduk akan kian meningkat untuk memastikan pelaksanaanya pelan-pelan tindakan dan program dari *beginning* sehingga *end to find solution* yang melibatkan pengurusan kutipan pengangkutan dan pelupusan. Kita dapat mengawal keadaan di mana tapak pelupusan sampah di Pulau Burung dapat tahan melebihi 30 tahun hingga 50 tahun.

Itu saya rasa satu jangka masa yang amat selesa untuk Negeri Pulau Pinang sekurang-kurangnya dengan adanya ISWM kita merasakan dalam tempoh 30 tahun ini hingga 50 tahun yang akan datang kita dapat menguruskan sisa pepejal ini dengan baiknya dan dengan ruang untuk kita memikirkan teknologi yang baru dalam mungkin 10 hingga 20 tahun yang akan datang. Saya rasa bandar raya-bandar raya yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi juga melalui proses yang saya sebutkan tadi. Memang di Hong Kong pun banyak tapak pelupusan yang ditutup dan dibuka untuk Golf Driving Range untuk memulihkan tapak-tapak sedemikian. Tapi akhirnya mereka perlu memikirkan teknologi *incinerator*. Tapi bagi Negeri Pulau Pinang sepertimana saya katakan, *we do not need to look at incinerator in the next 30 years. Maybe after next thirtieth years* wakil rakyat yang masih berada dalam Dewan ini boleh memikirkan satu kaedah yang lebih baik daripada apa yang saya umumkan *disintegrated solid waste management* di Negeri Pulau Pinang ini. Sekian.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Last question, soalan yang terakhir kerana....(gangguan).

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ahli Kawasan Sungai Acheh bagi soalan ringkas dan padat.

Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Yang berkaitan pengurusan sisa pepejal, Kerajaan Negeri dan EXCO berkenaan pun telah memaklumkan bahawa kita akan jalankan sistem MRF. Cuma soalan saya bilakah dapat kita jalankan sistem MRF ini sepenuhnya dan dari manakah teknologi ini kita ambil dan di tapak pelupusan manakah kita laksanakan MRF ini sama ada Pulau Burung atau sebelah Seberang sini. Yang kedua kita dapat maklum dan telah dibentangkan tadi kita akan ambil ramai pekerja-pekerja bawahan kerana kita nak laksanakan sendiri dari segi sistem kutipan sampah dengan tujuan kita nak bagi peluang kepada rakyat ini untuk bekerja dan menjimatkan perbelanjaan tapi tak bimbangkan nanti kita akan ambil ramai pekerja timbul pula soal kucing kurap. Terima kasih.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Yang Berhormat merasakan pekerja pembersihan itu kucing kurap? Seperti yang Yang Berhormat sangkakan... (gangguan). Tarik balik sebelum saya jawab.

Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Saya buat soalan Yang di-Pertua Speaker, hai *lawyer*. Saya buat soalan saya tanya adakah, saya tidak tuduh. Takkan duduk di Malaysia lama tak tahu bahasa ini. Dewan Bahasa dan Pustaka pun ada pun boleh rujuk. Saya buat soalan. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Saya pun tanya soalan yang sama adakah Yang Berhormat menganggap pekerja-pekerja pembersihan yang diupah oleh MPSP dan MPPP bagi tujuan pengambilalihan itu kucing kurap. Jawab, jawab.

Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Tidak, tidak.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Kalau tidak jangan ungkitkan. Siapa tak dengar Yang Berhormat ungkit. Mengenai soalan Yang Berhormat Ahli Kawasan Sungai Acheh walaupun ungkit-ungkitkan perkara yang disebutkan tadi jawapan terhadap soalan pertama MRF memang dalam perjanjian yang sudah pun dimeteraikan MTPT bersama MPSP dengan syarikat PLB Trang yang sudahpun mengambil alih kerja-kerja pelupusan di tapak Fasa 1, Fasa 2, Fasa 3 lah akan mengandungi satu tapak pelupusan yang baru di samping pembinaan MRF yang kekal. walaupun begitu, di atas tapak sekarang syarikat sudahpun memulakan kemudahan MRF secara berkecilan sebab kita tau pembinaan MRF adalah secara modul 1, 2, 3 mengikut jumlah *tonnage* yang masuk ke MRF itu. Kalau sisa itu melebihi dia mungkin akan menambah kemudahan itu. Dan apa yang dilaksanakan di tapak sekarang akan dipindah apabila EIA diperolehi dari JAS mungkin dalam pertengahan tahun akan datang di mana apabila siapnya pembinaan MRF, MRF yang mini itu akan menjadi sebahagian daripada MRF yang kekal, sebenarnya sudah mula operasi MRF secara sementara menunggu MRF yang kekal. Konsep MRF sememangnya boleh juga dilakukan di Ampang Jajar. MRF *is to recycle the waste* apa kaedah, apa cara pun, di Ampang Jajar memang berjalan pengurusan sisa-sisa kebun dan sebagainya. Kalau tidak dijalankan proses MRF, sisa-sisa ini akhirnya akan perlu dihantar ke tapak pelupusan yang akan mengisi tapak itu dengan begitu cepat sehingga nyawa atau hayat tapak pelupusan itu akan dipendekkan. Saya percaya pekerja-pekerja yang diambil oleh MPSP adalah diberi latihan untuk menjalankan kerja-kerja pengambilan 100%. Memang persiapan atau kerja-kerja persiapan sudah mula akhir tahun 2012 dengan pengambilan perkerja-pekerja baru untuk mengambil alih semua zon-zon pembersihan yang pada kininya diusahakan oleh pihak swasta.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

You rasa Padang Kota, berapakah pekerja-pekerja sedia ada yang berkhidmat dengan swasta akan diserapkan? Sebab mereka ini memerlukan pekerjaan, YB. Padang Kota.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Memang ramai daripada pekerja-pekerja yang diikat dengan syarikat kontrak itu diserap oleh MPSP melainkan dia kalau bukan warga asing memang MPSP akan menyerap pekerja-pekerja yang bekerja dengan syarikat kontrak pada masa kini.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Seterusnya, soalan lisan?

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Selamat pagi Yang Berhormat Speaker, soalan saya nombor 4.

Tempat letak kereta bertingkat di kaki Bukit Bendera telah gagal disiapkan mengikut tarikh.

(a) Jelaskan sebab kelewatan dan nyatakan dengan terperinci jadual pelaksanaan, kos meroboh dan kos membina semula serta nyatakan sumber pembiayaan projek yang kedua ini. Berikan perincian sebab dirobohkan dan apakah pendirian Kerajaan Negeri di atas kegagalan pembinaan yang pertama dan siapakah yang bertanggungjawab

Y.A.B. Ketua Menteri:

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker dan juga kepada Yang Berhormat daripada Pulau Betong. Sepertimana yang telah disebutkan sebelum ini oleh kerana ini adalah kali pertama sesi DUN yang baru yang diadakan, pihak Kerajaan Negeri ingin mengulangi sekali lagi bahawa punca projek in lewat disiapkan kerana terdapat masalah daripada aspek percanggahan maklumat mengenai keadaan tanah *(sub-surface conditions)* di mana berdasarkan *soil investigation* yang dilaksanakan, kedalaman *bedrock* hanyalah di antara 7 meter hingga 14 meter. Namun begitu, selepas *micro piling* dilaksanakan, adalah didapati kedalaman sebenar *bedrock* melebihi 27 meter. Memandangkan kos untuk membina cerucuk secara *micro piling* adalah tinggi, maka PDC telah membuat keputusan untuk menukarkan kaedah penanaman cerucuk kepada *jack-in piling system*, iaitu menggunakan *pile jack-in machine* dan *precast concrete spun piles*. Kerja-kerja penanaman cerucuk secara *jack-in* tidak dapat dilaksanakan dengan lancar kerana terdapat banyak batu-batu atau *boulders* pada kedalaman di antara 2 hingga 6 meter oleh aras tanah sedia ada. Batu-batu ini terpaksa dipecahkan menggunakan jentera dan menggunakan kimia atau *chemical blasting* serta dibuang dari tapak sebelum kerja-kerja *piling* dilaksanakan di lokasi terbabit. Kerja-kerja pemecahan batu ini telah memakan masa yang lama untuk memastikan keselamatan kepada orang ramai dan struktur berdekatan dapatlah terjamin.

Yang Berhormat Dato' Speaker, projek asalnya adalah di bawah kelolaan Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri Barisan Nasional sebelum tahun 2008. Apabila Kerajaan Negeri pada masa itu meluluskannya dalam tahun 2007, ia diserahkan kepada PDC yang telah pun menguruskannya secara langsung dengan pelanggannya iaitu Kementerian Pelancongan tanpa merujuk kepada Kerajaan Negeri. Itulah sebabnya apabila Kerajaan Negeri berubah kepada Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat pada tahun 2008, Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat tidak diminta untuk memberikan sebarang kelulusan atau mengadakan mesyuarat berkaitan kerana semua sudah diputuskan oleh pentadbiran Kerajaan Negeri yang lepas. Pada asalnya, projek peningkatan kemudahan pelancongan di Stesen Bawah Bukit Bendera iaitu pembinaan tempat letak keteta bertingkat merupakan projek yang diluluskan sebagai satu komponen di bawah RMKe-9 Kementerian Pelancongan Malaysia. Mesyuarat Projek Peningkatan Kemudahan Pelancongan di stesen bawah Bukit Bendera pada 19 Mac 2007, memutuskan untuk membangunkan tempat letak kereta bertingkat dan diatas lot 10004, dan sebahagian dari rezab jalan Mukim 16 Jalan Bukit Bendera, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang yang merupakan tanah Kerajaan Negeri. Jumlah kos keseluruhan *jack-in piling* dan pemecahan batu adalah jauh lebih rendah dari kos asal kontrak untuk *micro piling* yang dikira berdasarkan purata kedalaman 17 meter. Sebab-sebab tempat letak kereta yang lama dirobohkan adalah kerana:

(1) PDC telah menjalankan kajian kos terhadap pembinaan semula tempat letak kereta bertingkat di Bukit Bendera. Jumlah kos pembangunan bangunan lama ialah RM5.75 juta termasuk kos untuk membaik pulih bangunan. Namun begitu, bangunan ini hanya boleh menempatkan 96 tapak letak kereta. Ini bermakna, dengan perbelanjaan RM5.75 juta, kos untuk 96 tempat letak kereta menjadikan kos setiap tapak letak kereta sebanyak RM59,896 atau hampir RM60,000.

(2) Jumlah kos tempat letak kereta baru telah ditolak ruang pejabat, kedai dan *food court,* termasuk kos perobohan ialah sebanyak RM10,684,000. Bangunan baru ini dapat menampung 310 tapak letak kereta iaitu 214 unit lebih daripada bangunan lama. Ini bermakna kos untuk setiap tempat letak kereta bagi bangunan baru ialah sebanyak RM34,465. Iaitu jauh lebih rendah berbanding kos unit bangunan asal atau hampir 50% lebih rendah kalau dikira secara kos *per unit*. Manakala kos unit keseluruhan atau *overall cost per bay* ialah RM51,200 setelah mengambil kira kos pembangunan bangunan lama, kos perubahan dan kos bangunan baru yang juga masih rendah daripada kos unit tapak kereta lama sebanyak RM59,896.

(3) Keputusan Kerajaan Negeri untuk membina semula kompleks letak kereta dengan satu reka bentuk yang lebih efisien serta tambahan kemudahan tempat letak kereta dan kedai akan dapat menebus semula semua kos terdahulu dengan tambahan hasil kutipan yuran letak kereta dan juga sewaan kedai. Ini adalah kerana permintaan yang tinggi yang amat memerlukan tempat letak kereta khususnya daripada pelawat-pelawat ke stesen ataupun pusat peranginan Bukit Bendera adalah dirasakan dapat memenuhi semua tapak letak kereta yang akan disediakan.

Yang Berhormat Dato' Speaker, perobohan tempat letak kereta yang lama juga telah dipersetujui oleh Kementerian Pelancongan Malaysia berdasarkan hasil kajian pasukan pakar JKR yang memberi maklumbalas bahawa terdapat rekahan pada lantai dan rasuk bangunan. Susun atur dalaman bangunan tidak selamat serta kos yang tinggi untuk pemulihan. Projek ini dijangka siap pada 31 Mei 2014 dan mendapat CCC atau *Certificate of Completion and Compliance* pada 1 September 2014. Jadual pelaksanaan projek terperinci adalah seperti berikut:

(a) Kerja-kerja cerucuk telah disiapkan pada 9 November 2013;

(b) Kerja-kerja di bawah aras tanah *ground floor* dijangka siap pada 9 Disember 2013;

(c) Kerja-kerja *super structure* dijangka siap pada 27 Mac 2014;

(d) Kerja-kerja bumbung dijangka siap pada 10 Mei 2014;

(e) Kerja-kerja *architectural* dijangka siap 23 Mei 2014;

(f) Kerja-kerja *plumbing, M&E* dan infrastruktur luaran dijangka siap 29 Mei 2014; dan

(g) *Clearing* dan *handling over* dijangka siap pada 31 Mei 2014.

Kos meroboh adalah sebanyak RM688,000,00 dan kos membina semula ialah RM11,491,073.90. Sumber pembayaran bagi projek yang kedua ini dan juga kos meroboh bangunan lama adalah daripada PDC. Pendirian Kerajaan Negeri di atas kegagalan pembinaan yang pertama ialah PDC yang meluluskannya perlu bertanggungjawab di atas kesilapan pelaksanaan projek ini iaitu meroboh bangunan tempat letak kereta yang lama dan membina semula tempat letak kereta baru yang lebih efisien dan pegawai yang bertanggungjawab telah pun diambil tindakan dengan ditamat perkhidmatan serta merta dan dirujuk kepada Perbadanan Arkitek Malaysia. Pegawai yang bertanggungjawab ialah Ketua Pegawai Eksekutif PDC Consultancy Sdn. Bhd., pada masa itu. Terima Kasih.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ya silakan.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Terima kasih Yang Berhormat Ketua Menteri, kita berharaplah yang Kancil Car Park yang telah pun dirobohkan yang akan digantikan dengan mungkin *Camry car park* sebab dia lebih besar dari Kancil, boleh lebih senang naik atas tempat itu. Cuma saya nak melihat kalau Yang Berhormat ambil kos kalau 10 juta ringgit bahagi dengan 310 itu bermakna kos dia lebih kurang RM34,000 sahaja per unit. Tetapi kalau dicampur dengan kos asal, kerugian merobohkan ia berjumlah 52,000 lebih. Satu jumlah yang tinggi Yang Berhormat untuk satu *car park*.

Yang keduanya, *design team* yang membuat Kancil *car park* adalah sama dengan *design team* yang membuat *car park* yang baru diatas tapak yang sama. *Soil condition* juga adalah sama. Apakah masa PDC membuat *design* untuk *piling* di tapak yang pertama, mereka tidak membuat *soil investigation*. Macam mereka membuat *piling*, jadi benda yang sama, tapak yang sama, *soil* yang sama, kenapa hari ini ada sebab dia? Ada sebabnya, kerana hari ini *piling* yang lambat dan sebagainya. Yang keduanya, saya rasa okeylah sebab dah ambil tindakan sebab *design team* yang buat itu adalah orang yang sama, walaupun ia sebagai *executive*, tetapi arkiteknya, *engineer* nya, juru ukur bahan, orang yang sama jugak. *So*, adakah kita meletakkan kepercayaan kepada mereka yang sama jugak untuk *design the second car park*? Terima Kasih.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Terima kasih Yang Berhormat Pulau Betong. Saya rasa kalau disebut tentang kos untuk setiap tapak letak kereta, memang kalau dicampur dengan kos asal, setiap tempat letak kereta adalah sebanyak RM51,200 seperti yang saya sebut tadi, tapi ia masih lebih rendah kepada kos tapak letak kereta bangunan lama sebanyak RM60,000. Perbezaan hanyalah dari segi bilangan tapak letak kereta dan tentulah kita membina baru supaya kereta Yang Berhormat Pulau Betong boleh naik dan boleh diletakkan di sana.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Bagaimana dengan kereta baru Ketua Menteri, Camry baru tu dan sebagainya.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Tak apalah kalau ada kereta-kereta lain kereta Ahli Yang Berhormat Pulau Betong pun masih boleh muat itu tak jadi hal, kita nak pastikan dapat muat. Tentang mengapa apabila yang asal telah buat pemeriksaan itu tanah mengapa ia berbeza. Saya rasa itu adalah sesuatu yang saya pun tanya mengapa ada perbezaan dan inilah jawapan yang tidak dapat bahawa nampaknya tidak ada pemeriksaan tanah yang lebih menyeluruh atau sempurna menyebabkan apabila *piling* dibuat terdapat *boulder-boulder* tersebut.

Seperti yang dimaklum oleh Yang Berhormat seorang professional surveyor kita mestilah memastikan keselamatan struktur kerana kita tidak mahu kejadian-kejadian yang tidak diingini berlaku seperti di rem kedua Jambatan Kedua Pulau Pinang ataupun daripada menara UMNO kita tak mahu 10 tahun kemudian bangunan UMNO jatuh menyebabkan dua (2) orang terkorban. Sebab itu kita nak pastikan ia benar-benar selamat dan juga selamat kalau boleh selamanya. Itulah sebab apabila terdapat masalah sedemikian maka tindakan yang sewajarnya diambil yang tidak diambil kira sebelum ini dan seperti yang saya sebut tadi. Arkitek tersebut telah ditamatkan perkhidmatan dan dirujuk kepada Perbadanan Arkitek Malaysia. Bukan orang yang sama, tetapi saya rasa kalau dari segi teknikal Yang Berhormat sebagai seorang Professional *Surveyor* mungkin ada lebih banyak soalan teknikal. Saya ingin saya tawarkan pihak pegawai profesional dalam projek ini untuk berjumpa dengan Yang Berhormat Pulau Betong kalau perlu untuk mendapat jawapan teknikal tersebut saya akan meminta Encik Iskandar merupakan pegawai yang bertanggungjawab projek ini untuk berjumpa kalau Yang Berhormat hendak dan menjawab semua soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Yang Berhormat dari Air Putih, saya telah menghantar surat kepada MPPP minta pertemuan dan penjelasan tetapi tak dilayan. Saya dah minta MPPP *check* surat melalui Dato' Rosli, kepada PDC....*(sorry),* satu surat pengurusan PDC minta pertemuan dan penjelasan tapi tak dilayan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Saya tak sedar tentang itu surat, tetapi tak apa, saya rasa itulah tawaran saya. Saya buat tawaran.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Saya tawarkan diri awal lagi, tapi tidak dilayan, sebelum ditawarkan diri, berjumpa untuk minta penjelasan sebab saya nak tahu.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Saya tidak mengambil maklum tentang permintaan Yang Berhormat *so* sekarang di dalam Dewan yang mulia ini saya buat tawaran tanpa diminta oleh Yang Berhormat iaitu tadi saya cakap dalam sesi Dewan ini saya tawar tanpa diminta oleh Yang Berhormat iaitu kalau ada sebarang pertanyaan yang mahu disusuli saya akan minta PDC untuk berjumpa dan menjawab soalan-soalan tersebut.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Saya menerima tawaran dan tak tahu saya telah menawarkan diri kepda PDC untuk meminta penjelasan.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd Zain Bin Ahmad):

Boleh saya tanya soalan tambahan. Yang Amat Berhormat Ketua Menteri *simple* sahaja saya nak tanya sama ada bayaran, *fee* kepada konsultan yang dilantik semula untuk membina projek baru ini adakah perlu dibayar, atau disebabkan projek asal di mana *investigation* didapati tidak memuaskan, mereka juga dilantik semula. Adakah soalan saya bayaran profesional juga dibayar kepada konsultan-konsultan yang terlibat.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Projek ini saya hendak mendapat kepastian kemudian tetapi projek ini dijalankan menerusi PDC konsultansi adalah secara dalaman dan seperti yang dimaklumkan oleh Penaga ini dimiliki 100% oleh PDC dan juga secara tidak langsung dengan PDC saya rasa yang penting ialah tentang kontraktor dan sebagainya ianya di *award* sebagai tender terbuka, yang penting struktur itu stabil, kukuh dan selamat.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Soalan Yang Berhormat Dato' Speaker soalan saya No. 5.

Apakah tindakan yang diambil oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang terhadap pihak-pihak yang bertanggungjawab dalam tragedi keruntuhan penebat kilat di Menara UMNO dan tapak pembinaan keruntuhan penebat kilat di Menara UMNO dan tapak pembinaan Jambatan kedua Pulau Pinang yang menyebabkan kehilangan nyawa.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Terima kasih Dato' Speaker, terima kasih Yang Berhormat Seri Delima, saya percaya Yang Berhormat telah pun mengikuti jawapan kepada soalan pertama sebaik sahaja sesi soal jawab bermula dan jawapan adalah yang sama dan harap Yang Berhormat dapatlah terima jawapan dan kepada soalan asal dan soalan tambahan.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Soalan tambahan, terima kasih Dato' Speaker, saya nak tanya sama ada pihak Majlis Perbandaran Pulau Pinang mengamalkan sikap pilih kasih. Persoalan ini timbul kerana kalau kita lihat tuan punya rumah persendirian yang ingin membuat ubahsuai kepada rumah mereka terpaksa memohon kepada Majlis Perbandaran Pulau Pinang untuk memperolehi kelulusan dan sebagainya. Tetapi kita lihat ibu pejabat parti politik seperti UMNO terdapat aduan bahawa ibu pejabat mereka kemungkinan yang dibina sekarang atau sebelum 2008 tidak pernah mempunyai kelulusan daripada MPPP. Dan soalan saya adalah jika benar tidak ada sebarang kelulusan diberikan, mengapa pihak MPPP mengambil tindakan penguatkuasaan sekarang tuan yang saya terima adalah kononnya ibu Pejabat Tanjung UMNO berdekatan dengan Dewan Undangan Negeri mempunyai struktrur binaan cermin gelas panel yang dibina bersama-sama dengan besi dan juga pembinaan tersebut tidak memperolehi sebarang kelulusan saya risau bangunan itu runtuh pula jika berlaku bencana apa yang akan berlaku kepada orang yang lalu lalang tersebut. Adakah kelulusan diperolehi oleh Ibu Pejabat Tanjung bagi pembinaan tersebut adakah jika tidak pihak MPPP akan mengambil tindakan segera meruntuhkan struktur bangunan tersebut. Terima kasih.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Terima kasih Yang Berhormat Seri Delima. Saya boleh memberi pengakuan disini MPPP tidak akan pilih kasih dan penguatkuasaan memang berjalan seperti biasa dan dalam kes yang disebutkan oleh Yang Berhormat, MPPP akan siasat dan ambil tindakan sewajarnya. Tidak wujud bahawa pindaan dan sebagainya tidak perlu memohon ianya perlu dipohon dan tindakan penguatkuasaan diambil kerana tak pohon.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sila tanya soalan yang berkaitan asal sahaja.

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):

Terima kasih Dato' Speaker. Soalan tambahan memandangkan bangunan-bangunan tinggi di Pulau Pinang termasuk di Pulau Pinang dan Seberang Perai dan terdapat banyak struktur-struktur yang terletak di bangunan tinggi ini, adakah Pihak Berkuasa Tempatan telah mengadakan satu rancangan untuk menyemak semua struktur tersebut sama ada ia selamat dan kukuh supaya ia tidak akan berlaku lagi tragedi berlaku di Menara UMNO ini. Apakah rancangan yang akan diadakan oleh PBT.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Memang mengikut Akta Jalan Bangunan dan Parit diperlukan pemerikasaan berjadual dan MPPP telah memulakan proses ini dengan menghantar notis-notis kepada pemilik-pemilik bangunan yang melebihi peringkat ini melebihi 10 tingkat untuk mewajibkan mereka melantik Jururunding yang bertauliah menjalankan ataupun mengemukakan satu laporan audit keselamatan terhadap bangunan tersebut.

Memang ada yang mematuhi arahan daripada MPPP ada yang masih belum mengemukakan laporan-laporon audit keselamatan yang diwajibkan jadi ini adalah pemantauan dan penguatkuasaan yang berterusan dan kita menyeru pihak badan profesional itu mematuhi arahan atau mendapat kerjasama daripada tuan punya bangunan sedemikian untuk mengemukakan *audit report* tentang keselamatan bangunan MPPP.

Struktur di atas bangunan lazimnya merupakan struktur telekomunikasi. Ada banyak. Memang di Negeri Pulau Pinang ianya juga melalui proses yang amat ketat di mana sebarang kelulusan perlulah disokong oleh pelan-pelan daripada jurutera yang bertauliah dari MPPP, di MPSP mewajibkan pembaharuan pelan bangunan iaitu struktur telekomunikasi setiap tiga (3) tahun dan disokong oleh Audit Keselamatan MPPP dan juga sedang melaksanakan reiim baru ini di mana walaupun diberi kelulusan pelan pada masa dulu diwajibkan juga untuk mendapat permit pembaharuan setiap tahun pada peringkat itu satu laporan daripada jurutera bertauliah perlu disertakan dalam permohonan untuk membaharui permit bangunan bagi struktur-struktur telekomunikasi.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Adakah Kerajaan Tempatan mempunyai data mengenai papan-papan iklan dalam Pulau Pinang. Kita nampak struktur papan tanda dibuat daripada besi besar adakah kita ada data yang mana *illegal* atau tak *illegal* adakah kita buat program untuk mendapatkan maklumat ini supaya kita dapat menyelesaikan secara menyeluruh dalam jangka masa yang panjang.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Terima kasih Yang Berhormat Telok Bahang atas soalan berhubung dengan struktur papan iklan. Memang apabila kita ambil alih didapati melebihi 90% papan iklan di Negeri Pulau Pinang ini adalah tidak menerima permit kelulusan dan sebagainya dan kita pun sudah oleh itu kita memulakan proses melihat pengurusan papan-papan iklan di Negeri Pulau Pinang dan mengubahsuai dan meminda garis panduan papan iklan pusat untuk diguna pakai di Negeri Pulau Pinang dan mula pada masa itu kita pun menjalankan proses pemutihan. Mana-mana struktur yang tidak dapat kelulusan perlu mengemukakan permohonan pertamanya untuk membereskan isu tanah kalau di letakkan dalam tanah-tanah kerajaan misalnya rizab-rizab tanah dan jalan perlulah mengemukakan permohonan kepada PBT dan akan meletakkan syarat tunai syarat bahawa isu tanah diselesaikan sebelum lesen penuh dikeluarkan.

Sepanjang proses pemutihan memang MPPP dan MPSP menurunkan papan yang tidak mempunyai permit dan satu keputusan untuk membekukan permohonan sudah dibuat sementara menunggu proses bagi kes-kes yang tertunggak, apabila kes-kes tertunggak ini selesai saya rasa pada awal tahun akan datang kita akan membuka semula permohonan bagi struktur-struktur papan iklan dan kita percaya kita dapatlah membawa transformasi kepada satu keadaan di mana sesiapa pun boleh datang ke Negeri Pulau Pinang meletakkan papan iklan tanpa kelulusan, saya rasa protokol penguatkuasaan mana-mana papan iklan baru yang diletakkan akan diroboh dengan serta merta.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Seterusnya soalan lisan.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Lau Keng Ee):

YB. Dato' Speaker soalan saya no. 6.

Apakah status perkembangan tentang cadangan yang dibuat oleh ADUN Pengkalan Kota pada sesi Mesyuarat Dewan Undangan Negeri yang lalu mengenai tentang kutipan cukai pelancong sebanyak RM10.00 seorang daripada pelancong asing. Sila nyatakan dengan teliti.

Ahli Kawasan Batu Lancang (YB. Law Heng Kiang):

Terima kasih, YB. Dato' Speaker, terima kasih kepada YB. Pengkalan Kota yang bertabah hati sering membangkit isu ini di dalam Dewan yang lepas dan juga di dalam Dewan penggal ini, memang kita telah berkali-kali mengkaji dan membincang dengan persatuan perhotelan di Pulau Pinang dan mereka bersetuju dengan pengutipan cukai dengan beberapa syarat yang pertama kalau kutip cukai ini tidak akan hanya terhadap pelancong asing sahaja tetapi juga kepada pelancong tempatan. Kedua mereka rasa kutipan cukai bukan sahaja terhadap hotel-hotel di dalam persatuan sahaja tetapi juga merangkumi hotel-hotel seperti bukan dalam persatuan dan juga bajet dan juga *boutique hotel,* yang ketiga dan ini diharapkan supaya boleh digunakan untuk promosi dalam pelancongan di dalam Negeri dan juga di luar Negeri, jadi memang kita dalam dua (2), tiga (3) tahun kebelakangan ini hotel-hotel di Pulau Pinang memang mendapat penginapan bilik yang begitu baik dan tinggi dan mereka juga bersetuju dengan prinsiplah, tetapi kita juga masih ada beberapa masalah lagi dan kita masih lagi mengkaji dan kita juga berbincang dengan Y.A.B. Ketua Menteri dan Y.A.B. Ketua Menteri akan memberi maklumat dalam ucapan bajet pada petang ini.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

Soalan tambahan, terima kasih YB. Dato' Speaker, berkenaan dengan pelancong ini, saya ingin bertanya soalan, pelancong-pelancong kebanyakkannya masuk ke Pulau Pinang menggunakan sama ada Lapangan Terbang ataupun Penang Port di mana ada kapal-kapal pelancong. Berkenaan dengan Lapangan Terbang Pulau Pinang sejak kebelakangan ini terdapat banyak kejadian-kejadian semasa hujan lebat, kita lihat ada saja bumbung yang runtuh dan menyebabkan banyak kesusahan kepada pelancong-pelancong yang masuk, kalau kita hendak meminta kepada mereka membayar cukai RM10.00 kita juga perlu menyediakan satu perkhidmatan dan keselesaan kepada mereka.

Jadi saya ingin bertanya apakah cadangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk mengatasi masalah ini, kerana projek membina dan menaik taraf Lapangan Terbang Pulau Pinang masih lagi belum selesai, walaupun ia adalah projek Kerajaan Persekutuan berbilion-bilion telah dibelanja dan banyak sangat pekerja-pekerja asing yang kita lihat Bangla ada, Pakistan ada yang melakukan kerja-kerja di situ dan kerja-kerja masih belum selesai, saya begitu risau kerana setiap kali saya pergi ke *airport*

ada orang kenal saya dan bertanya kepada saya mengapa Kerajaan Negeri tidak mengambil tindakan, jadi apa penjelasan YB. Batu Lancang untuk mengatasi masalah ini, siapa yang wajib dipersalahkan bagi masalah ini Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri, terima kasih.

Ahli Kawasan Batu Lancang (YB. Law Heng Kiang):

Ini adalah soalan lain daripada lain, walau bagaimanapun untuk pelancong-pelancong yang datang ke Pulau Pinang lebih 50% sedikit adalah dari pelancong asing, saya rasa lebih kurang 55% dan 45% adalah dari pelancong tempatan, jadi kita tahu banyak kapal terbang-kapal terbang selalunya penuh dan kita pun mempunyai kapal terbang yang baru banyak tambahan penerbangan ke Pulau Pinang dan kalau semasa musim cuti sekolah memang penuh dengan pelancong tempatan, jadi untuk masalah-masalah yang dihadapi di LapanganTerbang memang kita selalu mengadakan mesyuarat dengan mereka dan mereka selalu pun berjanji akan menambah baik dengan mengubah suai, tetapi kadang-kadang ada juga masalah seperti keruntuhan dinding, banjir, tetapi mereka berjanji bahawa banjir ini tidak akan berlaku dan kita akan tengoklah sama ada runtuhan dan banjir ini tidak lagi akan berlaku.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhammad Farid Bin Haji Saad):

Penjelasan, YB. Batu Lancang, saya hendak merujuk kepada Seri Delima juga, memang benar berlaku banjir. Kontrak ini adalah *contract design and build,* yang meluluskan adalah MPPP, ini bermakna orang yang memeriksa kali terakhir sebelum memberi kelulusan harus juga bertanggungjawab selain daripada pihak perunding dan mereka yang bertanggungjawab untuk reka bentuk dan sebagainya pihak MPPP juga selaku agensi yang meluluskan juga bertanggungjawab. Ini bermakna kalau kita mendapati bahawasanya ada banyak sangat masalah yang lahir ataupun yang timbul selepas pembinaan mungkin kita hendak lihat juga bagaimana kita hendak memantapkan lagi Jurutera dan Pegawai-pegawai MPPP supaya dapat melihat dengan lebih jauh lagi tentang kemungkinan berlaku kerosakan atau kegagalan serius dan sebagainya supaya perkara ini tidak akan berulang lagi.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji):

YB. Dato' Speaker, saya tidak berpuas hati dengan kenyataan YB. Pulau Betong itu tadi seolah-olah kakitangan MPPP dan sebagainya tidak berkelayakan.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Lau Keng Ee):

Itu bukan soalan yang berkaitan.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Berbalik kepada soalan....(gangguan).

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Lau Keng Ee):

Terima kasih YB. Dato' Speaker, saya hendak berterima kasih ke atas jawapan yang diberi oleh YB. Batu Lancang dan saya ingin hendak tanya adakah YB. Batu Lancang memberitahu kepada persatuan-persatuan hotel tersebut bahawa cadangan yang kami berikan adalah spesifik untuk caj terhadap pelancong yang datang dari negara asing itu sahaja dan bukan pelancong tempatan kerana kami tidak mahu Kerajaan Pusat yang sentiasa mengambil warga negara kita, menaikkan cukai terhadap warga negara kita sendiri, terima kasih.

Ahli Kawasan Batu Lancang (YB. Law Heng Kiang):

Memang kita berbincang tentang isu ini, tetapi mereka merasa tidak adil kalau hanya caj kepada pelancong asing sahaja, jadi untuk menjanakan dana sekali gus kita akan kenakan caj kepada semua.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Soalan lisan yang seterusnya.

Ahli Kawasan Berapit (YB. Ong Kok Fooi):

YB. Dato' Speaker, soalan no. 7.

Apakah SOP Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam menetapkan Mekanisme Pencegahan Bencana?

(a) Pihak siapakah yang bertanggungjawab memantau bencana di kawasan Seberang Perai Tengah?

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Terima kasih kepada YB. Dato' Speaker dan YB. Berapit, saya ingin menarik perhatian Dewan mengenai takrifan bencana iaitu bencana ini ialah satu kejadian yang menyebabkan gangguan pada aktiviti masyarakat dan urusan negara melibatkan kehilangan nyawa, kerosakan harta benda, kerugian ekonomi dan kemusnahan alam sekitar yang melangkaui kemampuan masyarakat untuk mengatasinya dan memerlukan tindakan pengemblengan sumber yang *excessive.* Di Pulau Pinang seperti juga di seluruh negara, *procedure standard ...*(dengan izin), *standard of procedure* atau dasar dan mekanisme pengurusan bencana yang diguna pakai dan menjadi amalan Kerajaan Negeri adalah berdasarkan arahan 20 semakan semula Majlis Keselamatan Negara.

Sejarah awal dasar ini adalah susulan daripada keruntuhan Pangsapuri Highland Tower di Hulu Kelang, Selangor pada 11 Disember 1993 maka Jemaah Menteri pada 18 Mei 1994 telah memutuskan untuk mewujudkan satu mekanisme pengurusan bencana dan diletakkan di bawah Majlis Keselamatan Negara dan juga Jabatan Perdana Menteri. Hasil daripada keputusan tersebut, Majlis Keselamatan Negara telah mengeluarkan arahan mengenai dasar dan mekanisme pengurusan dan bantuan

bencana negara pada 11 Mei 1997. Semakan semula pada arahan ini telah dilaksanakan pada 30 Mac 2012. Demi menyesuaikan dasar ini dengan tuntutan keperluan semasa. Arahan ini menggariskan mekanisme pengurusan bencana secara lebih menyeluruh meliputi peringkat sebelum, semasa dan selepas sesuatu kejadian bencana.

Setiap agensi seperti Kerajaan Negeri ataupun Kerajaan Pusat, Pejabat Daerah, Jabatan Kebajikan Masyarakat, PDRM, Jabatan Bomba dan Penyelamat, Jabatan Pengairan dan Saliran, Jabatan Kerja Raya, Pihak Berkuasa Tempatan, Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung dan juga lain-lain agensi seperti yang tersenarai di dalam Arahan 20 perlu melaksanakan peranan masing-masing dan dilaksanakan secara bersepadu oleh semua agensi supaya tindakan di setiap peringkat menjadi lebih efektif dan efisien dia juga bertujuan untuk mengelakkan berlakunya pembaziran, kekeliruan, konflik percanggahan atau pertindihan peranan semasa menangani bencana. Tatacara-tatacara pengurusan ini terbahagi kepada tiga tahap iaitu yang pertama, bencana tahap satu kejadian setempat yang terkawal dan tidak berpotensi untuk merebak atau di dalam satu-satu daerah. Bencana ini tidak menjejaskan aktiviti harian penduduk setempat secara meluas dan Pihak Berkuasa di peringkat daerah mempunyai kemampuan untuk mengawal dan mengatasi kejadian ini. Bencana tahap dua kejadian yang lebih serius meliputi kawasan yang luas atau melebihi satu daerah dan berpotensi untuk merebak, bersifat lebih kompleks daripada bencana tahap satu, memerlukan pengendalian oleh Pihak Berkuasa dari peringkat negeri tanpa atau dengan bantuan dari luar. Bencana tahap tiga kejadian berlaku melebihi dari satu Negeri, perlu dan berupaya dikendali oleh Pihak Berkuasa di peringkat Pusat tanpa atau dengan bantuan dari luar negara. Secara amnya, tahap pengurusan bencana adalah bergantung kepada penilaian Jawatankuasa Pengurusan Bencana di peringkat Daerah, negeri atau pusat.

Merujuk kepada soalan daripada YB. Berapit, di peringkat Daerah termaktub seperti di dalam arahan No. 20 Majlis Keselamatan Negara. Pegawai Daerah selaku Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah (JPBD) bertanggungjawab melaksanakan segala tindakan penyelarasan keseluruhan pengurusan bencana. Pegawai Daerah akan turut sama dibantu oleh Ketua Polis Daerah sebagai Komander Operasi dan juga Pegawai Bomba Daerah sebagai Timbalan Komander Operasi di lapangan. Segala operasi akan dipantau melalui Pusat Kawalan Operasi Bencana (PKOB) di Bilik Gerakan Pejabat Daerah dengan dibantu oleh Pusat Kawalan Daerah (DCC) oleh PDRM dan Pusat Gerakan Operasi Daerah (PGO) oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia. Selain itu, pelan komunikasi antara agensi dan Pejabat Daerah dalam menyalurkan maklumat bencana penting supaya Bilik Gerakan Pejabat Daerah dan kerja-kerja koordinasi dapat dijalankan dengan lancar dan pantas. Keutamaan operasi adalah untuk memastikan tiada kehilangan jiwa dalam sebarang kejadian bencana. Seperti yang disebut di dalam Majlis Keselamatan Negara, mekanisme ini adalah termasuk juga dengan proses-proses pemulihan dan juga pembangunan semula selepas bencana. Proses pemulihan dan pembangunan semula hendaklah dilaksanakan dengan segera selepas sesuatu kejadian bencana berlaku. Setiap agensi kerajaan, Badan Berkanun, pihak swasta dan badan-badan sukarela yang terlibat bertanggungjawab dalam melaksanakan penilaian kerosakan serta pemulihan dan pembangunan semula infrastruktur awam di bawah bidang kuasa masing-masing.

Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah dan JPBN (Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri) bertanggungjawab membuat penilaian, perancangan dan perakuan kepada JPBP (Jawatankuasa Pengurusan Bencana Pusat) mengenai cadangan program pemulihan dan pembangunan semula dengan mengambil kira konsep pengurangan risiko bencana. JPBP bertanggungjawab memutuskan program pemulihan dan pembangunan semula yang akan dilaksanakan dan menetapkan Agensi Kerajaan atau pihak berkaitan untuk melaksanakan. Kesimpulannya, Kerajaan Negeri Pulau Pinang mengambil pakai Arahan No. 20 Majlis Keselamatan Negara sebagai prosedur standard di dalam pengurusan bencana di Negeri ini. Memetik kata-kata Ahli Astrofizik terkemuka Amerika...(dengan izin), Neil deGrasse Tyson "*Even with all our technology and the inventions that make modern life so much easier than it once was it, takes just one big natural disaster to wipe all that away and remind us that, here on Earth, we're still at the mercy of nature."*

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Norlela Binti Ariffin):

Soalan tambahan.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Soalan tambahan ke apa? Nanti saya izinkan bagi soalan yang pendek, terus.

Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Saya cuma nak dapat maklumat bagaimana yang disebutkan tadi kita ada Jawatankuasa Bencana yang dipengerusikan oleh Pegawai Daerah. Bencana Alam bencana apa? Jawatankuasa Bencana, cuma nak dapat maklumat adakah peruntukan tertentu yang dikhususkan kepada jawatankuasa ini atau tabung tertentu untuk diguna pakai sebagai perbelanjaan kecemasan dan kalau ada berapakah peruntukannya. Terima kasih.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Terima kasih Yang Berhormat Sungai Acheh. Soalan tadi mengenai. Adakah ada peruntukan tertentu yang diperuntukkan ianya untuk makluman Yang Berhomat. Setiap Jawatakuasa ini diketuai oleh Pegawai Daerah dan semua agensi-agensi yang ada di situ dan di rujuk kepada peringkat negeri. Setiap peruntukan atau Tabung Amanah Bencana kalau di Pulau Pinang ini, kita ada Tabung Amanah Bencara melalui daripada Tabung Tuan Yang Terutama. Kemudiannya bergantung kepada nasihat daripada Jawantankuasa Pengurusan Bencana Daerah dan pandangan mereka juga kepada Jawatankuasa Perancangan Bencana Negeri sama ada untuk memerlukan satu tabung khas atau peruntukan khas dikeluarkan bergantung kepada setiap bencana itu yang berlaku. Dan tadi saya difahamkan Sungai Acheh juga menyebut bencana bagaimana mengikut definisi yang diberi dimaksudkan oleh Jawatankuasa Majlis Keselamatan Negara bencana seperti banjir, ribut, tsunami, tanah runtuh dan beberapa lagi di dalam Arahan 20 Majlis Keselamatan Negara.

Untuk maklumat Dewan juga saya ingin menarik perhatian kerana Kerajaan Negeri baru-baru ini Negeri Pulau Pinang dilanda banjir di beberapa kawasan terutama Seberang Perai Tengah dan Seberang Perai Selatan dan juga Yang Berhormat Pulau Betong sendiri difahamkan bahawa Kerajaan Negeri sekarang mengambil keputusan memasukkan dana RM500,000.00 untuk membaik pulih dalam sistem-sistem perparitan yang ada di kawasan-kawasan ini. Kita membawa masuk dana ini kerana kita melihat seperti yang saya sebut tadi jawatankuasa ini perlu menasihatkan mengenai program pemulihan selepas bencana itu berlaku.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Penanti.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Norlela Binti Ariffin):

Disebabkan oleh bencana kebanyakan berlaku terutama banjir di kawasan kampung sebagai contohnya di Penanti kita ada 28 kampung dan kalau saya nak tanya berapakah peruntukan yang disalurkan untuk menaiktarafkan parit, membina parit, dan penyelenggaraan parit di kawasan-kawasan kampung sebab ini adalah di bawah peruntukan Pejabat Daerah jadi soalannya berapakah peruntukan yang disalurkan projek penstrukturan asas parit untuk mengelakkan kejadian banjir sebabnya dari pengamatan saya sebagai ADUN selama 6 bulan kebanyakannya semua parit penyelenggaraan parit dan pembinaan parit- parit tanah kepada parit-parit tanah dan parit-parit konkrit adalah diguna Pejabat Daerah akan menyuruh ADUN. Peruntukan ADUN P16-02 hanyalah RM80,000 jadi.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Yang Berhormat soalan, soalan yang berkaitan.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Norlela Binti Ariffin):

Bagaimanakah sistem perparitan boleh diadakan sebab di dalam kampung tidak ada sistem dan infrastruktur perparitan, jadi bagaimanakah peruntukan ADUN terlalu sedikit itu boleh menyelesaikan sistem perparitan di 28 kampung di KADUN sebagai contohnya.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Yang Berhormat EXCO, kalau boleh jawab, jawab, kalau tidak boleh nanti.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Terima kasih YB. Dato' Speaker dan ADUN Penanti. Saya cuba jawab. Untuk makluman ADUN Penanti dalam proses sistem perparitan terutamanya di kawasan kampung ada beberapa agensi yang membuat projek-projek ini selain daripada pihak Kerajaan Negeri termasuk juga pihak Majlis Berkuasa Tempatan, Jawatankuasa Negeri dan termasuk Jawatankuasa Tempatan dan juga Kerajaan Pusat. Saya dari segi berapa

perbelanjaan khusus mungkin saya bawa dalam penggulungan saya sentuh berapa banyak yang telah dibelanjakan tetapi untuk makluman ADUN sekarang ini Pejabat Daerah terutamanya di Seberang Perai Tengah telah meneliti di beberapa tempat terutama di kawasan kampung dan berapa jumlah kos diperlukan sebenarnya menaik taraf semua parit-parit dan longkang yang ada di kawasan-kawasan yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat tadi.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Seterusnya soalan lisan.

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):

Terima kasih Dato' Speaker soalan no. 8 soalan saya terima kasih.

Sila beritahu jumlah penerima Sumbangan Penghargaan Warga Emas, jumlah bayaran, masalah yang dihadapi dan tindakan yang akan diambil untuk mengatasi masalah tersebut sejak pelancaran program tersebut sehingga sekarang?

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Terima kasih atas soalan ini, YB. Dato' Speaker jumlah penerima bayaran warga emas sumbangan warga emas mengikut tahun adalah seperti berikut.

1) Pada tahun 2010 adalah 108,644 orang telah menerima jumlah RM10,864,400.00 telah dibayar;

2) Tahun 2011, 122,689 penerima dengan bayaran RM12,268,900.00; dan

3) Tahun 2012, 136,288 penerima jumlah telah dibayar RM13,628.00 telah dibayar.

Untuk tahun 2013 sehingga 12 November, jumlah 132,595 orang dengan perbelanjaan RM13,259,500.00 telah dibayar fasa ketiga pada bulan Disember. Setiap sistem sentiasa perlu ditambah baik dari semasa ke semasa dengan pengalaman yang telah dilalui semasa implementasi. Masalah-masalah tersebut telah diselesaikan melalui beberapa siri perbincangan dan mesyuarat penyelarasan yang diadakan antara kesemua pihak terlibat. Dan di sini hanya satu (1) sahaja masalah yang belum dapat diselesaikan akan tetapi bukan dari masalah sistem atau pentadbiran iaitu tuduhan atau sandiwara pihak tertentu yang menyatakan bahawa sumber kewangan yang disumbangkan adalah daripada sumber yang haram dan pihak telah menghebohkan bahawa lebih dari 1,000 warga emas telah kembalikan wang dan namun sehingga hari ini saya belum dapat menerima senarai nama Program Warga Emas dan tidak apa masalah Program Warga Emas.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Soalan seterusnya, Jawi.

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):

Adakah tuduhan atau kenyataan oleh pihak ini benar. Jika tidak bolehkah pihak ini memberikan satu penjelasan kerana untuk kepentingan rakyat, terima kasih.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

YB. Dato' Speaker, tuduhan dan kenyataan pihak jahat ini tidak berasas dan penjelasan dan keterangan teliti telah dirakamkan dalam Dewan yang mulia ini juga di mahkamah. Berkenaan dengan sandiwara di mana kenyataan pihak jahat melebihi 1,000 warga emas telah kembalikan wang yang telah diterima sehingga kini Kerajaan Negeri belum dapat senarai nama dan kewangan yang telah dikatakan telah dikembalikan masih berada dengan pihak yang jahat ini.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Seterusnya. Berapit.

Ahli Kawasan Berapit (YB. Ong Kok Fooi):

Soalan tambahan YB. Dato' Speaker. Soalan yang berkaitan. Saya setuju memang bagus Kerajaan memberi RM100.00 kepada warga emas dan Kerajaan Pusat bagi BR1M RM500.00 kepada rakyat tetapi memandangkan taraf hidup kualiti warga emas di Negara Malaysia dan Negeri Pulau Pinang saya tidak dapat membantu warga emas yang pendapatan rendah atau tiada ahli keluarga, sebab segi kesihatan perubatan mereka tidak dapat penjagaan yang begitu bagus dan apa pula yang warga emas yang tiada ahli keluarga kena hantar ke rumah orang tua *so* ada apa-apa projek atau rancangan yang baru untuk menolong warga emas di Pulau Pinang untuk meningkatkan taraf hidup mereka daripada Sungai Puyu.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Memang program-program peruntukan seperti (BOT) Bantuan Orang Tua telah disalurkan dari dulu, memang BOT tidak dihebahkan, tetapi pada kini telah dihebahkan ada banyak telah menerima sumbangan ini.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Jahara Binti Hamid):

Terima kasih, YB. Dato' Speaker. Bagi Sungai Puyu menyatakan kenyataan itu jahat adalah juga jahat, kerana apa seharusnya Kerajaan Negeri dan juga pegawai-pegawai EXCO yang berkenaan menghormati pandangan atau fikiran siapa-siaapa pun. Boleh nak tuduh 40,000 Bangladesh itu pun jahat juga, tapi itu persepsi yang ditimbulkan, kenyataan yang ada-adakan. Jadi di sini individu yang dikatakan 1,000 itu kalau tidak mahu terima ini hak mereka dia orang nak pulang balik, dia orang tidak mahu terima itu hak mereka, semua ada hak masing-masing. Jadi terpulang kepada sesiapa pun Kerajaan Negeri nak bagi, sama ada dia nak terima pun itu hak mereka.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Memang itu hak sebagai pihak suatu organisasi mesti bertanggungjawab. Apabila organisasi telah membuat kenyataan dalam surat khabar dan majlis-majlis tertentu di mana orang warga emas diminta dikembalikan kewangan itu. Jika niat daripada 1,000 warga emas telah kembali kewangan, mengapa haknya ada jumlah ada RM23,700 itu ada niat dan mengatakan bahawa sumber daripada sumber haram. Sumber haram dia kata, tetapi tidak dapat buktikan, ini kumpulan atau pihak tertentu yang jahat, bila dapat di sini mengatakan bahawanya jumlah kewangan yang datang, yang disalurkan kepada program penghargaan adalah hasil Kerajaan yang bersih iaitu Pakatan Rakyat yang mengamalkan dasar CAT, bukan berbanding pihak yang jahat, apa dia jahat pinjam kewangan BR1M saya beri penjelasan. Ini cerita lama tetapi saya nak bagi tahu sumbangan Kerajaan bersih...(gangguan).

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Pendekkan jawapan.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Dan tidak seperti BR1M yang datang dari wang pinjaman dan kerana buat kembali buat apa dia kutip GST. Tetapi kutip balik melalui GST. Bukan kegiatan yang jahat apakah ini bermakna.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sila duduk. Saya nak bagi nasihat kepada semua, lain sila duduk.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Yang bersih tetap bersih.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Tiada soalan, sudah lebih dari tiga (3). Saya hendak bagi nasihat, selagi ada Ahli yang sedang berucap yang lain tolong diam, yang lain tolong diam. Bagi Ahli yang buat soalan, yang lain ataupun mereka yang sedang jawab, yang lain sila tolong diam.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):

YB. Dato' Speaker, Sungai Puyu bukan berucap, dia gulung....(gangguan).

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Soalan lisan yang seterusnya.

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Teh Yee Cheu):

YB. Dato' Speaker, soalan saya No. 9.

Senarai dan huraikan MEGA Projek yang akan dan sedang dilaksanakan dan ekspektasinya, kepulangannya dan impaknya dari segi pembangunan ekonomi, sosial, alam sekitar, sumber manusia dan pendidikan kepada Negeri Pulau Pinang bagi jangka masa pendek iaitu tempoh tiga (3) hingga lima (5) tahun dan jangka masa panjang iaitu lima (5) hingga sepuluh (10) tahun.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Lim Hock Seng):

Terima kasih, YB. Tanjong Bunga. YB. Dato' Speaker. Pembangunan infrastruktur yang mapan merupakan faktor penting dalam menentukan daya saing sesebuah negeri. Dalam meniti arus pembangunan, Kerajaan Negeri tidak dapat lari daripada pelaksanaan projek-projek mega berimpak tinggi. Oleh yang demikian, Kerajaan Negeri amat menitikberatkan perancangan yang teliti supaya pelaksanaan projek-projek mega tersebut mencerminkan dasar mesra alam sekitar dan bertaraf antarabangsa. Pada masa ini, Kerajaan Negeri melalui syarikat Consortium Zenith BUCG Sdn. Bhd., telah memulakan proses Kajian Kemungkinan *(Feasibility Study)* pada 1 November 2013 ke atas cadangan Projek Pembinaan Jalan Berkembar Persisiran Pantai iaitu dari Jalan Tanjung Bungah ke Telok Bahang, Projek Pembinaan Jalan Pintas dari Lebuh Raya Tun Dr. Lim Chong Eu ke Ayer Itam, Projek Pembinaan Jalan Pintas dari Lebuh Raya Tun Dr. Lim Chong Eu ke Air Itam dan Projek Pembinaan Link Ketiga Pulau Pinang Dari Persiaran Gurney ke Bagan Ajam. Ia merupakan susulan daripada perjanjian awal yang ditandatangani oleh Kerajaan Negeri dengan pihak syarikat pada 6 Oktober 2013 bagi membolehkan kerja-kerja Kajian Kemungkinan, Reka Bentuk Terperinci dan Penilaian Impak Alam Sekitar Terperinci (DEIA) dilaksanakan ke atas empat (4) buah projek berkenaan untuk menentukan kebolehlaksanaan serta kaedah mengurangkan kesan kepada alam sekitar.

Sekiranya diperakukan melalui Kajian Kemungkinan dan mendapat kelulusan DEIA, Projek Pembinaan Jalan Berkembar Persisiran Pantai Dari Jalan Tanjung Bungah ke Telok Bahang akan dimulakan pada tahun 2015 dan disiapkan dalam tempoh tiga (3) tahun. Anggaran kos bagi projek ini adalah sebanyak RM800 juta. Projek ini akan meredakan kesesakan lalu lintas di jalan pesisir pantai di utara Pulau dari Tanjung Bungah ke Telok Bahang. Projek Pembinaan Jalan Pintas dari Lebuh Raya Tun Dr. Lim Chong Eu ke Air Itam pula dijangka akan bermula pada tahun 2015 dan disiapkan dalam tempoh empat (4) tahun. Projek ini dianggarkan bernilai RM1 bilion dan mampu mengurangkan kesesakan lalu lintas di jalan-jalan hubungan dan perantaraan dari kawasan Air Itam ke persisiran pantai di timur Pulau. Selain itu, Projek Pembinaan Jalan Pintas dari Persiaran Gurney ke Lebuh Raya Tun Dr. Lim Chong Eu dijangka bermula pada tahun 2016 dan disiapkan dalam tempoh empat (4) tahun. Anggaran kos projek ini adalah sekitar RM800 juta dan berupaya mengurangkan kesesakan lalu lintas di jalan-jalan hubungan dan perantaraan dari kawasan utara George Town ke pesisir pantai timur Pulau.

Untuk memastikan pembangunan yang sekata di ketiga-tiga buah daerah di Seberang Perai, Kerajaan Negeri juga bercadang untuk melaksanakan Projek Link Ketiga Pulau Pinang dari Persiaran Gurney ke Bagan Ajam yang merupakan sebuah terowong dasar laut. Pelaksanaan projek ini akan diteliti secara terperinci terlebih dahulu supaya situasi menang-menang dapat diwujudkan di antara semua pihak yang terlibat. Projek yang dianggarkan bernilai RM3.5 bilion ini dijangka akan bermula pada tahun 2018 dan disiapkan dalam tempoh lima (5) tahun. Pelaksanaan projek ini sudah pastinya akan mengambil kira semua faktor termasuk kebolehlaksanaan, kelulusan DEIA, kesan kepada Pelabuhan Pulau Pinang dan lain-lain lagi. Projek ini dijangka akan membantu menyelesai kesesakan lalu lintas yang dialami di Lebuh Raya Tun Dr. Lim Chong Eu di bahagian Pulau termasuk meredakan kesesakan di Lebuh Raya Utara Selatan di Seberang Perai. Projek Link Ketiga ini juga berupaya menjana pertumbuhan ekonomi di Daerah Seberang Perai Utara.

Untuk pelaksanaan projek-projek ini, tanah Kerajaan Negeri seluas 110 ekar di Tanjung Pinang, Tanjung Tokong akan ditebus guna dan dijadikan sumber pembiayaan projek. Projek-projek ini dijangka akan membantu menjana ekonomi Negeri Pulau Pinang secara menyeluruh. Ini adalah kerana limpahan ekonomi dari projek ini akan turut dirasai oleh kontraktor dan pembekal tempatan yang akan diberi keutamaan mengambil bahagian dalam pelaksanaan projek sekiranya berkelayakan. Selain itu, peluang-peluang pekerjaan juga terbuka luas untuk dinikmati oleh rakyat di Negeri ini. Kerajaan Negeri amat berharap agar projek-projek ini juga akan dapat menggalakkan perkembangan kawasan perbandaran, perumahan dan perindustrian kerana ianya akan menghubungkan kawasan-kawasan yang strategik. Selain itu, ianya akan dapat membantu mengurangkan kesesakan di jalan-jalan perbandaran dan ini akan memberi ruang dan peluang kepada perkhidmatan pengangkutan awam untuk beroperasi dengan lebih efektif.

Dalam masa yang sama, Kerajaan Negeri juga telah merancang beberapa buah projek infrastruktur jalan raya untuk jangka masa panjang yang mampu menggiatkan pembangunan di kawasan Seberang Perai. Projek-projek tersebut melibatkan pembinaan jalan penyambung di antara Jalan Betek, Jalan Permatang Rawa dan Jalan Tanah Liat, pelebaran Jalan Bukit Minyak ke Alma, pembinaan jambatan baru merentasi Sungai di atas laluan P169, Kampung Tanjung Berembang, pelebaran jambatan dan jalan dari Jalan Perusahaan hingga ke persimpangan lampu isyarat Jalan Tok Kangar, pembinaan jejambat dan jalan di Rozhan, Alma dan pembinaan jalan menghubungkan Guar Perahu dengan Kampung Mengkuang. Sekiranya dapat direalisasikan, kesemua projek berkenaan akan menelan kos sebanyak RM168 juta dan tentunya akan dilaksanakan secara berperingkat mengikut kemampuan Kerajaan Negeri. Pada tahun 2014, Kerajaan Negeri bakal menyiapkan projek pelebaran jalan dan menaik taraf jambatan di Jalan Song Ban Kheng, Daerah Seberang Perai Tengah yang bernilai RM20.42 juta.

Semua sedia maklum bahawa Projek Jambatan Kedua Pulau Pinang bakal disiapkan pada awal Januari 2014. Jambatan yang bernilai RM4.5 bilion ini dijangka akan menerima antara 30 hingga 40 peratus daripada jumlah trafik semasa di Jambatan Pulau Pinang. Secara tidak langsung, jumlah trafik di Jalan Permatang Damar Laut dan Lebuh Raya Bayan Lepas turut akan meningkat disebabkan jalan-jalan

tersebut merupakan laluan utama bagi penyuraian trafik dari Jambatan Kedua. Oleh itu, Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Kerja Raya telah meluluskan pelaksanaan Projek Pembinaan Lebuh Raya Bayan Lepas bertingkat dari Batu Maung Ke Jambatan Pulau Pinang yang bernilai RM379.6 juta. Selain itu, Projek Menaik Taraf Jalan Permatang Damar Laut dari Batu Maung ke Jalan Sultan Azlan Shah juga akan dilaksanakan dengan kos RM142 juta. Ini adalah peristiwa di mana Pulau Betong di mana kawasan Pulau Betong ada membantah berkenaan dengan pengambilan tanah di jajaran itu. Untuk mengurangkan kesesakan di Bandar Bayan Lepas pula, Kerajaan Persekutuan akan melaksanakan Projek Pelebaran Jalan Dari Bayan Lepas ke Telok Kumbar yang dianggarkan bernilai RM310 juta. Kerajaan Negeri berharap, dengan pelaksanaan kesemua projek-projek ini, ianya akan membantu pembangunan sektor-sektor lain di Negeri ini dalam usaha untuk menuju ke arah Negeri bertaraf antarabangsa. Sekian terima kasih.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Terima kasih Bagan Jermal, saya ingin tahu, kita sering dikejutkan dengan projek mega RM6 bilion, RM800 juta dan sebagainya, saya tahu. Adakah ini termasuk dalam Pelan Struktur Pulau Pinang. Saya difahamkan belum ada lagi, selepas 2010 di Negeri Pulau Pinang belum ada lagi dan bagaimana projek ini dibuat kajian menyeluruh dalam mengira semua faktor di Negeri Pulau Pinang, sebab kalau dia *prove* sedikit demi sedikit, masyarakat tidak tahu, ini jadi kritikan bagaimana kita hendak pastikan bahawa projek ini adalah projek untuk rakyat. Saya takut perkara ini dibuat berdasarkan kepada yang lain, mungkin perkara-perkara lain yang tidak pasti dan saya rasa rakyat perlu tahu bagaimana pelan ini dijalankan. Siapa yang meluluskan dan kenapa benda itu dan yang paling penting sekali kalau boleh kita lihat di mana dia Pelan Struktur Pulau Pinang yang menggambarkan kesemua ini perkara ini lebih jelas tentang apa yang berlaku di Negeri ini.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Lim Hock Seng):

YB. Dato' Speaker mengenai kekurangan perancangan di pelan struktur ini kami masih menelitinya tetapi antara semua projek-projek mega ini agak semua adalah di rekomen atau dipersetujui oleh *Traffic Master Plan* yang diluluskan pada tahun ini. Jadi dari kawasan Pulau Betong adakah maksud bahawa Yang Berhormat tidak setuju bahawa dengan projek-projek yang boleh memanfaatkan Negeri dan juga rakyat kita ini.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Kita bersetuju apa saja projek yang memberi manfaat kepada masyarakat anak Pulau Pinang kita bersetuju, tapi rakyat perlu tahu projek perancangan menyeluruh sebab tahun 2010 sudah tiga (3) tahun berlalu kerja Pakatan Negeri Pulau Pinang ini, mana dia, jadi kenapa rakyat Negeri ini yang melibat 110 ekar misalnya, contohnya melibatkan pertambahan saiz Pulau Pinang, mungkin bentuk dia sekarang dia akan berubah sehingga saiz dia akan berbeza disebabkan penambakan laut dan sebagainya, kerana itu kita hendak tahu apa yang akan berlaku mungkin, rakyat perlu diberi peluang untuk melihat secara langsung keseluruhan perancangan Negeri Pulau Pinang ini.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Lim Hock Seng):

Kita mengambil berat tentang berkenaan dengan pandangan Yang Berhormat Pulau Betong dan saya tadi telah mengatakan ada apa-apa kekurangan kami sedang berusaha untuk mengatasinya, terima kasih.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):

Soalan tambahan.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Bagi peluang kepada Pulau Tikus.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):

Terima kasih, berkenaan dengan kajian *feasibility* dan DEIA pemahaman saya adalah tanggungjawab pihak pemaju untuk melantik panel untuk membuat kajian tersebut dan dari segi DEIA juga laporan DEIA akan di hantar terus kepada DOE Jabatan Alam Sekitar iaitu di bawah Kerajaan Pusat. Saya ingin mendapat penjelasan daripada pihak Kerajaan Negeri badan mana dalam Kerajaan Negeri yang bertanggungjawab untuk memantau projek-projek yang melibatkan impak ke atas alam sekitar kalau kita takkan kita bergantung sahaja kepada DOE untuk membuat pemantauan dan membuat kesimpulan sama ada suatu projek DEIA itu patut atau tidak patut diteruskan, terima kasih.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Lim Hock Seng):

YB. Dato' Speaker, memang DEIA ini di bawah Kerajaan Pusat, tetapi di dalam prosedur mengkaji DEIA ini seperti baru-baru sahaja satu kajian DEIA sedang dijalankan oleh Tanjung Pinang atau E&O di Tanjung Tokong itu, ia akan membuka kepada semua lapisan rakyat dan juga badan untuk memanjangkan pandangan mereka terhadap impak alam sekitar ini. Saya pasti Yang Berhormat ada menghadiri satu *hearing* atau satu pembentangan oleh konsultan-konsultan DEIA di mana mereka telah diadakan di pejabat E&O untuk menebus guna sebuah pulau itu dan ini adalah prosedurnya, semua lapisan rakyat akan dirujuk akan dirunding seperti nelayan, penduduk tempatan dan pengusaha-pengusaha berkenaan semua digalakkan untuk memberi pandangan mereka dan semua pandangan-pandangan ini akan di *compile* supaya ia menjadi satu bahagian di dalam DEIA ini...(gangguan).

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Seterusnya soalan lisan...(gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):

Cadangan saya adalah agar satu badan perlu ditubuhkan dalam pihak Kerajaan Negeri untuk memantau kes-kes ini...(gangguan).

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Soalan seterusnya lisan. Itu sudah lebih..(gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):

Demi akauntabiliti YB. Dato' Speaker, soalan saya soalan 10.

Sistem pengangkutan mempengaruhi peluang pekerjaan dan kualiti hidup rakyat. Pelan Induk Pengangkutan jelas menyatakan bahawa kualiti dan bilangan sumber manusia yang bertanggungjawab menguruskan dan mempertingkatkan sistem pengangkutan Negeri adalah jauh tidak mencukupi. Apakah rancangan Kerajaan Negeri dalam mempertingkatkan sumber manusia dan kepakaran dalam bidang ini yang begitu banyak mempengaruhi kualiti hidup rakyat?

Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Lim Hock Seng):

Memang YB. Dato' Spaeker.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Soalan 10, nanti gulung...(gangguan).

Timbalan Ketua Menteri II:

Terima kasih YB. Dato' Speaker, terima kasih kepada Ahli Kawasan Pulau Tikus bagi mempertingkatkan sumber manusia berkepakaran dalam bidang pengangkutan, Kerajaan Negeri telah menubuhkan unit lalu lintas di bawah Bahagian Kerajaan Tempatan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri. Objektif unit ini adalah untuk menjadi urus setia kepada Jawatankuasa MMK Pengurusan Lalu Lintas dan Majlis Pengangkutan Negeri. Unit ini juga akan memantau dan menggerakkan Pelan Induk Pengangkutan dan telah menjadi dokumen rasmi Kerajaan Negeri. Unit ini telah diwakili oleh dua (2) orang pegawai dengan latar belakang kejuruteraan dan dua (2) orang kakitangan sokongan.

Selain daripada itu, di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan bagi Majlis Perbandaran Pulau Pinang juga telah mewujudkan unit lalu lintas di bawah Jabatan Kejuruteraan. Unit ini bertanggungjawab untuk membantu pelaksanaan segala perancangan dalam strategi Pelan Induk Pengangkutan. Di Bahagian Seberang Perai pula, Majlis Perbandaran Seberang Perai telah mewujudkan satu unit lalu lintas dan pengangkutan awam di mana objektif unit juga untuk melaksanakan Strategi Pelan Induk Pengangkutan dan mempertingkatkan perkhidmatan pengangkutan awam di Seberang Perai. Bagi tujuan penyelarasan dan pendirian Pelan Induk Pengangkutan Negeri, Kerajaan Negeri telah mengembleng pakar-pakar ini termasuk dari Kerajaan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan, Jabatan Kerja Raya dan termasuk pakar-pakar dari sektor swasta, NGO bagi merealisasikan Pelan Induk Pengangkutan Negeri. Selain itu juga, Kerajaan Negeri melalui Pelan Induk Pengangkutan Negeri telah menubuhkan

dua (2) jawatankuasa iaitu Jawatankuasa Pelan Pelaksanaan Lebuh Raya dan Jawatankuasa Pelaksanaan Pengangkutan Awam yang dipengerusikan oleh Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri bagi menguruskan dan mempertingkatkan sistem pengangkutan Negeri sebagai usaha jangka masa panjang, perjawatan baru akan diteliti semula manakala untuk jangka masa pendek jika terdapat keperluan pakar-pakar tertentu, Kerajaan Negeri akan mendapat khidmat dan perundingan profesional. Walau bagaimanapun, kita mesti ingat juga bahawa bidang pengangkutan ini bukanlah kuasa yang diletakkan di bawah Kerajaan Negeri jadi perkembangan apa ni sumber manusia ini mungkin saya rasa dari segi peringkat Kerajaan Negeri mungkin saya rasa ada batasan-batasan tertentu sebab kuasa ini pengangkutan ini bukanlah kuasa daripada kuasa yang diletak di bawah Kerajaan Pusat, walaupun saya rasa, melalui jawatankuasa-jawatankuasa ini bolehlah kita apa ni memajukan sektor sumber manusia untuk memenuhi keperluan-keperluan Negeri dari segi memenuhi-memenuhi katakan ada laporan. Jadi itu jawapan saya.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):

Soalan tambahan sumber manusia yang telah diberi tadi sebabnya telah pun selain daripada dua (2) pegawai dari Unit Kerajaan Lalu Lintas yang baru telah pun wujud sebelum Pelan Induk Pengangkutan telah dikeluarkan dan kajian bagi Pelan Induk Pengangkutan telah pun mengenal pasti bahawa sumber manusia ini memang tidak mencukupi dan walaupun pengangkutan awam bukan dalam lingkungan Kerajaan Negeri, namun pengurusan lalu lintas, pengurusan jalan raya dan implementasinya memang dalam bidang kuasa Kerajaan Tempatan dan Kerajaan Negeri, maka adakah Kerajaan Negeri rasa bahawa sumber manusia dalam bidang ini sudah pun mencukupi *especially* ...(dengan izin), Pelan Induk sudah pun mengenal pasti bahawa ianya tidak mencukupi, maka apakah pelan induk untuk meningkatkan Sumber Manusia dalam bidang pengangkutan dan lalu lintas ini.

Timbalan Ketua Menteri II:

Terima kasih kepada Ahli YB. Pulau Tikus. Saya rasa ada dua (2) bahagian dalam soalan ini. Satu (1) bahgian sumber manusia lagi tentang struktur ataupun agensi-agensi, jalan jadi itu bukan sebarang bidang portfolio saya walau bagaimana pun saya rasa saya memang terima hujah ahli tadi YB. Pulau Tikus bahawa memang tak cukup, saya rasa banyak aspek di Kerajaan Negeri di mana kita rasa tak cukup dan isu yang penting adalah bahawa kadang-kadang kita wujudkan, tapi kita mesti dapatkan kebenaran daripada pelbagai agensi termasuklah agensi pusat dan saya rasa bahawa dari segi pengangkutan juga memang kita telah tubuhkan saya rasa kita proaktif bukan katakan bahawa ini bukan kuasa kita memperolehi seperti dalam bidang pendidikan walaupun saya rasa bidang pendidikan bukan di bawah Kerajaan Negeri. Walau bagaimanapun, kita rasa kita mesti ada satu peranan yang penting dan saya rasa perkara ini akan diteliti dan saya rasa ini mungkin bincang sama ahli daripada Padang Kota yang sebenarnya di mana isu pengangkutan semua ini diletakkan di bawah Kerajaan Tempatan di Negeri Pulau Pinang. Jadi Sumber Manusia ini memang penting dan ini merupakan dikatakan sebagai *variable capital* supaya melalui ini kita akan mempercepatkan ataupun memastikan keefisienan sistem pengangkutan dari segi itu, saya rasa kalau kita rasa juga mungkin kita ambil langkah-langkah yang tertentu, terima kasih.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):

YB. Dato' Speaker, soalan tambahan. Kalau begitu boleh tak YB. Padang Kota mungkin komen sikit tentang sumber manusia.

Timbalan Ketua Menteri II:

Kita mungkin...(gangguan). Apa ni...(gangguan).

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Dalam penggulunggan.

Timbalan Ketua Menteri II:

Kita boleh buat dalam penggulunggan. Langkah-langkah tertentu, saya rasa kita tidak ada langkah-langkah tertentu apa yang penting adalah penubuhan jawatankuasa terlebih dahulu kemudian kita *decide*, saya rasa apakah keperluan sumber manusia *that means we don't put the cart before the horse* lah, apa yang perlu keburukan kemudian kepakaran-kepakaran yang saya rasa perlu diisilah, okey...(gangguan).

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Soalan lisan terus.

Ahli Kawasan Paya Terubong (YB. Yeoh Soon Hin):

YB. Dato' Speaker, soalan saya soalan ke 11.

Sila nyatakan rancangan Kerajaan Negeri bagi jangka masa pendek dan panjang dalam menuju ke arah *Low Carbon City?*

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Terima kasih ahli daripada ahli YB. Paya Terubong. Kerajaan Negeri sememangnya mempunyai perancangan menuju ke arah *Low Carbon City* melalui perancang ke dasar *zero waste* dan Kerajaan Negeri telah menandatangani untuk menjadi ahli *Low Carbon City* dalam tahun 2013. Prinsip sisa-sisa sifar tidak ada satu dasar Kerajaan Negeri kepada di rancangan dasar panjang dan ini selaras dengan hasrat Kerajaan mempromosi *Safer, Cleaner, Greener and Healthier Penang*. Oleh itu, di antara perancangan jangka masa pendek dalam menuju *Low Carbon City* ialah ke sisa-sisa organik, *organic waste diversion* dibawa kepada tapak pelupusan melalui program kompos membuat baja di Pusat-pusat Sumber Alam Sekitar, Pusat Komuniti dan Kompos di rumah *backyard compos* dan selain daripada itu, sisa organik daripada pasar awam, restoran makanan dan dibawa ke tapak pelupusan melalui loji kompos membuat baja di pusat-pusat, pasar awam seperti Pasar Awam Bagan Ajam, Pasar Awam Bayan Baru seterusnya individu komuniti, sekolah-sekolah juga telah terlibat menjalankan aktiviti seperti *urban farming*, *vertical farming* di mana sisa dijadi baja kompos untuk tanaman sayuran dan lain-lain.

Di samping itu, di sekolah-sekolah yang mempunyai sisa-sisa makanan yang banyak juga termasuk dalam *digested* untuk menghasilkan baja bukan haknya tetapi kilang-kilang juga telah ambil, ada kini lebih dari tujuh MMC juga terlibat dengan program ini. Antara perancangan panjang menuju kepada arah *Low Carbon City* ini adalah mewujudkan polisi berasingan di puncak *secretion a source* dan mempunyai sisa-sisa organik dan bahan-bahan yang boleh dikitar semula dan diasingkan dan tidak di bawa ke tapak pelupusan dan mewujudkan polisi supaya sisa organik yang akan dikurangkan secara berperingkat daripada di bawa ke tapak pelupusan dan dalam tempoh sepuluh tahun, ada keyakinan bahawa program ini akan berjaya mungkin *the next ten years, we talking about zero waste society* ini ada kerana Pulau Pinang telah menjayakan dalam kadar 3R daripada 8% tahun 2008 kepada kini adalah 33% *in* Oktober 2013. Sasaran Kerajaan Pusat adalah 20% pada tahun 2020, ini bermakna pada bahawa Pulau Pinang telah berjaya sasaran lebih awal daripada lain-lain negeri. Oleh demikian, Kerajaan Negeri juga adalah satu (1). *Signatory to CCAC* iaitu kata *Criminally Care Air Collision* dan pada ini Pulau Pinang juga telah ditarafkan oleh UNITA dan UNAT termasuk GEC sebagai COE (*Center of Excellent*) bermakna Pulau Pinang akan menjadi tuan rumah untuk memberi latihan-latihan kepada Negeri-Negeri Asia *Pacific Region. We are supposed to conduct classes and this* akan bermula pada tahun 2014 di mana *the first training session will be in also generated*. Dengan ini kami juga menggalakkan apa ni kata *waste to energy* melalui RDF iaitu kata *all the green waste* akan dikutip pada kini yang buang di tapak pelupusan sampah kini akan di *diverted* buat baja dan kayu bakau ini akan dijadi (RDF) *refused derived fuel* dan ini akan dijalankan pada tahun depan...(gangguan).

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Norlela Binti Ariffin):

Soalan tambahan, saya ada soalan tambahan berkenaan dengan RDF yang disebutkan oleh YB. Sungai Puyu. Pertamanya tadi YB. Sungai Puyu ada menyebutkan akan menjadikan *pit stop* daripada RDF akan dijadikan kepada bahan kompos. Soalan saya ialah adakah kalau kita tengok seperti sebuah bandar di Kajang, Kajang mempunyai 750 tan sampah sehari dan kalau kita tengok di Seberang Perai kita ada 1,200 tan sehari dan dari Pulau sendiri anggaran sampah *about* 750 tan sehari juga. Jadi saya punya soalan adalah selain daripada dijadikan kepada kompos, adakah cadangan Kerajaan Negeri untuk mengguna pakai balik RDF ataupun *refused derived fuel* ini untuk menjana *electricity.* Disebabkan sebagai contohnya di KADUN Penanti ada ada *black out* ataupun setiap bulan kita ada *black out* bermakna *electricity* tidak mencukupi dan juga stesen Janakuasa Elektrik di Pulau Pinang juga adalah bertaraf yang agak kecil. Jadi adakah cadangan Kerajaan Negeri untuk mengguna pakai semula RDF itu untuk menjana elektrik sebab ini boleh mengurangkan kos kepada MPSP sebanyak, sebagai contohnya kalau 750 tan sehari sampah boleh mengurangkan kos RM12 juta setahun untuk MPSP. Terima kasih.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Seperti Ahli Yang Berhormat dari Penanti sedar bahawanya apabila kata *energy* ada di bawah kawalan pentadbiran Kerajaan Pusat. Kerajaan Negeri telah mencadangkan untuk menggunakan solar. Solar bukan sampah untuk buat jana *electricity* tetapi sehingga kinipun tidak diberi kelulusan. Memang ada orang yang

melapor kerana Pulau Pinang ada Negeri yang bertaraf *the second city in whole Malaysia* yang ada *most sunlight,* tetapi ini tidak, tetapi di sini saya ingin menarik perhatian bahawa sampah apa itu sampah. Ada sampah yang *can generate methane gas, bio gas* tetapi *all wet waste*, sampah basah *we will derived from the landfill,* tetapi MPSP dan MPPP telah dan sedang melaksanakan satu dasar iaitu *your trash are our treasure.* Itu saya akan dalam bidang kuasa Ahli Yang Berhormat Padang Kota, dia akan menjawab tetapi saya menyatakan untuk *Low Carbon City we will stop the production of methane gas by diversion from weight waste* dan *green waste to the landfill* dan di sana jadi baja dan jadi RDF, di sini RDF tidak akan dipakai di Negeri Malaysia. Ini akan dieksport ke Negara China dan juga kepada Korea di mana pasaran di Korea ada 3,000 metrik tan satu bulan dan harga telah melambung daripada *US120 dollars per metric tonne.* Memang ada *inquiry* daripada China dan juga Korea. Oleh demikian kita harus buat *diversion* di sini dan usaha-usaha ini telah dibuat.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Norlela Binti Ariffin):

Soalan tambahan.....(gangguan).

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Seterusnya soalan 12.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim):

YB. Dato' Speaker, soalan saya yang ke-12.

Wanita adalah antara penyumbang terbesar di dalam sektor ekonomi Negeri Pulau Pinang. Apakah pelan prancangan Kerajaan Negeri dalam menambah baik atau membantu golongan ini dalam memacu ekonomi dalam Negeri khususnya kelompok itu tunggal dan beliawanis.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Terima kasih YB. Dato' Speaker dan juga YB. Sungai Pinang. Kerajaan Negeri mengakui dan mengiktiraf bahawa perlu adanya penambahbaikan dalam pelbagai aspek dan bukan saja satu sektor ekonomi Negeri tetapi bagi golongan wanita khususnya kelompok ibu tunggal dan beliawanis. Pengiktirafan ini adalah usaha baik Kerajaan Negeri dalam penubuhan *Penang Women's Development Corporation* atau PWDC pada November 2011. Bersandarkan kepada dua bidang teras; iaitu Dasar Gender dan Advokasi dalam pendek (GPA) dan Pemerkasaan dan Kepimpinan Wanita dalam pendek (WEL), PWDC diamanahkan untuk berusaha ke arah mengarusperdanakan gender ke dalam dasar dan program yang dijalankan di semua sektor bagi mencapai kesaksamaan gender dan keadilan sosial pada peringkat Negeri. Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa MMK Belia dan Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komunikasi dan PWDC sedang dalam proses menggubal cadangan Dasar Gender dan Pelan Tindakan untuk tahun 2014 hingga 2018 di mana beberapa tindakan akan diajukan untuk jangka pendek dan sederhana untuk golongan wanita secara keseluruhannya termasuklah program khusus untuk ibu tunggal dan beliawanis.

Di antara pelan tindakan segera yang dicadangkan termasuklah meningkatkan taraf hidup wanita dalam sektor tidak formal dengan mewujudkan lebih banyak peluang untuk perniagaan dan meningkatkan sokongan kredit serta kemahiran pembangunan perniagaan bagi usahawan wanita, dan memperkenalkan program keselamatan sosial untuk kumpulan yang terjejas termasuklah ibu-ibu tunggal dan ibu-ibu tinggal. Ramai wanita yang menyumbang kepada pembangunan ekonomi tetapi secara tidak langsung kerana aktiviti ekonomi mereka adalah tergolong dalam sektor tidak formal *(informal sector)* seperti penjaja kecil, mengambil upah menjahit, mengemas dan membersihkan rumah ataupun *domestic work.* Ibu-ibu tunggal merupakan salah satu kumpulan terbesar dalam golongan ini. Dana khusus untuk Ibu Tunggal dalam Skim Mikrokredit Projek Titian Saksama Rakyat yang diumumkan oleh Y.A.B. Ketua Menteri pada Ucapan Bajet 2013 tahun lalu memberikan faedah yang besar kepada ibu-ibu tunggal. Kerajaan Negeri juga menggalakkan golongan beliawanis yang berhasrat dan berminat untuk bergiat dalam keusahawanan untuk mengikuti program seumpamanya. Selain itu, *Penang Paradigm* yang disediakan oleh Penang Institute, telah merangka strategi-strategi bagi golongan belia seperti penyediaan pusat-pusat belia serta program-program untuk memupuk etika dan moral yang akan mengurangkan pengangguran dan menggalakkan pemerkasaan diri.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Norlela Binti Ariffin):

Soalan.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Terima kasih YB. Dato' Speaker. Kita menyambut baik penubuhan PWDC ini tetapi dalam pengetahuan saya sehingga sekarang program-program PWDC belum sampai lagi ke kawasan-kawasan kita atau maklumat-maklumat belum lagi dimaklumkan dan ia menjadi satu kemusykilan kerana kawasan-kawasan yang BN pegang adalah kawasan luar bandar dan ramai masalah-masalah yang melibatkan ibu-ibu, keluarga berpendapatan rendah yang disasarkan di dalam PWDC. Jadi saya ingin bertanya adakah rancangan PWDC ini menyeluruh kepada seluruh Negeri Pulau Pinang dan melibatkan kumpulan-kumpulan sasar yang seharusnya menjadi perhatian.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Terima kasih YB. Telok Ayer Tawar. Secara dasarnya, dasar ini akan dilaksanakan di seluruh Negeri. Jadi dasar ini apabila dilaksanakan, akan dilaksanakan di mana-mana saja, tak kira kawasan di mana, tetapi secara lebih terperinci PWDC menguruskan menjadi *secretariat* untuk Briged Wanita. Briged Wanita ini adalah di semua kawasan termasuk juga kawasan-kawasan Barisan Nasional. Sekiranya pihak di sana kalau berminat juga untuk mendapat kursus dengan PWDC ataupun Briged Wanita bolehlah berhubung dengan PWDC. Memang kita sudah menjalankan kursus-kursus di setiap daerah tak kisah mereka datang dari mana. Jadi ini tidak ada perbezaan di dalam politik. Jadi wanita ini juga di bawah bidang kuasa Kerajaan Pusat.

Jadi saya mengalu-alukan pihak di sana boleh bekerjasama dan juga memaklumkan Kerajaan Negeri apakah yang telah dilaksanakan di dalam Negeri Pulau Pinang ini kerana tidak berhenti *what do you say* apakah program yang telah dijalankan oleh Kerajaan Pusat, kita pun boleh jalankan program yang berlainan. Jadi saya harap pihak Ketua Pembangkang boleh memberi kerjasama. Terima kasih.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Norlela Binti Ariffin):

Soalan tambahan. Saya ada soalan tadi YB. ADUN Padang Lalang menyebutkan pasal peruntukan, jadi saya nak tanya berapakah peruntukan yang disalurkan untuk keselamatan sosial terutama untuk ibu tunggal dan ibu tinggal? Lagi satu (1) berapa banyakkah peruntukan PTSR disalurkan pada ibu tunggal dan berapa banyak peruntukan PTSR yang telah disalurkan beliawanis golongan muda dan terakhir sekali saya nak tanya, bilakah Kerajaan Negeri akan melaksanakan bajet *responsive gender responsive budget* yang dibuat secara pilot di MPSP dan juga di MPPP? Terima kasih.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Terima kasih YB. Penanti. Kerana soalan-soalan ini meminta angka-angka yang spesifik jadi saya meminta notis secara bertulis tetapi dengan berkenaan bilakah kerajaan akan melaksanakan *gender responsive budget* ini akan terpulang apabila kita hasil habiskan *pilot* projek itu dan saya rasa YB. Penanti juga bersama-sama dengan kita di dalam Jawatankuasa MMK sebagai Pengerusi Gender Polisi. Jadi saya rasa YB. boleh memainkan peranan yang besar. Kita sama-samalah berusaha. Terima kasih.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguhkan selama 25 minit dan sesi soal jawab akan disambung dan Dewan akan bersidang semula pada jam 3.00 petang.

Dewan ditangguhkan pada jam 12.15 tengah hari.

Dewan disambung semula pada jam 3.05 petang.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ahli-ahli Yang Berhormat, sidang bermula. Seterusnya soalan lisan.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

YB. Dato' Speaker, soalan saya nombor 13.

Apakah status Muzium Islam di rumah Syed Hussain Al-atas di Lebuh Armenian? Apakah usaha Kerajaan Negeri untuk memulihara dan menyelenggara bangunan tersebut sebagai Bangunan Islam Warisan Islam Pulau Pinang dan mempromosikan produk pelancongan ini supaya ianya berdaya maju dan masyhur?

Timbalan Ketua Menteri I:

YB. Dato' Speaker, Yang Berhormat Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar, Ketua Pembangkang. Rumah Agam ...(dengan izin) *mansion* Syed Hussain Al-Attas di Lebuh Armenian merupakan hak milik Majlis Perbandaran Pulau Pinang. Ia disewakan kepada pihak Yayasan Islam Pulau Pinang sejak tahun 2012. Pada masa ini *mansion* yang ditempatkan di rumah ini yang diletakkan di rumah ini sebagai Muzium Islam telah ditutup disebabkan kerosakan pada struktur rumah yang memerlukan peruntukan yang tinggi iaitu RM4 juta untuk kerja-kerja membaiki pulih.

Dalam masa yang sama pihak Yayasan Islam Pulau Pinang, bersama-sama dengan *Think City Sdn. Bhd.* dan juga Universiti Teknologi Mara (UiTM) telah merangka satu pelan tindakan *Muslim Enclave* untuk meneliti, merancang, dan melaksanakan pelan pembangunan baru dipanggil *Muslim Enclave* di kawasan tersebut. Rumah Agam Syed Hussein Al-Attas merupakan salah satu komponen dalam pelan tindakan ini. Pihak Yayasan Islam Pulau Pinang dan *Team City* juga telah menerima permohonan daripada pelbagai pihak untuk membaik pulih dan menghidupkan semula Rumah Agam Syed Hussein Al-Attas ini. Sehubungan dengan itu pihak Yayasan Islam Pulau Pinang sedang meneliti permohonan-permohonan tersebut agar pilihan yang dilakukan akan memberi impak tinggi dan bernilai yang *value for money* dan pihak Yayasan juga oleh kerana penyewaan adalah dalam jangka masa pendek iaitu *three plus three years* daripada Majlis Perbandaran. Kami sedang berusaha untuk mendapat tempoh masa yang lebih panjang dan ini sedang dan telah diusahakan untuk mendapatkan waktu yang lebih lama lagi contohnya *ten plus ten* ....(dengan izin), untuk membaik pulih *mansion* ini. Terima kasih.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Soalan tambahan. Terima kasih YB. Dato' Speaker. YB. Pantai Jerejak, tidak menjawab soalan saya seterusnya di situ mempromosikan produk pelancongan. Supaya berdaya maju. Selain daripada membaik pulih, yang mana memang diharapkan Kerajaan Negeri mengambil perhatian, tentang membaik pulih dan memulihara serta mempromosikan warisan Islam, warisan Melayu di Pulau Pinang juga membantu untuk menjadikan ia berdaya maju supaya menjadi satu produk pelancongan.

YB. Pantai Jerejak, Kubur Kristian di Farquhar Street itu pun dimasukkan dalam *Road Map Tourist* di Pulau Pinang. Muzium Sun Yar Sen, jadi kenapa tidak boleh diberi perhatian kepada Muzium Islam ini dan beberapa produk-produk lain yang merupakan warisan komuniti Islam di Pulau Pinang. Saya nak memohon, kalau boleh ya, ini soalan saya juga dibuat pengambilan ke atas bangunan rumah asal Tuan Haji Syed Shaikh Al-Hadi kerana ia jatuh ke tangan persendirian dan tidak boleh dijadikan sebuah muzium atau tempat warisan Islam. Ini satu rumah asal tokoh bersejarah kepada kita dan juga Lebuh Acheh. Lebuh Acheh itu kalau rumah-rumah biasa pun boleh dibaik pulih untuk jadi cantik dan sebagainya, kenapa tidak Lebuh Acheh sebagai satu kawasan bersejarah, komuniti asal orang Pulau Pinang dapat dimajukan sebagai produk yang dipulihara dan pelihara untuk masa depan anak cucu kita. Terima kasih.

Timbalan Ketua Menteri I:

YB. Dato' Speaker dan Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar, bila saya sebut tadi, ia merupakan, bila soalan tentang mansion Syed Al-Attas, ia sebahagian daripada *Muslim Enclave*. Sebab itu dalam rangka yang lebih besar memang itu merupakan satu *feed back* yang baik kerana itu merupakan satu kawasan yang bersejarah sejak pada kurun ke-19 lagi. Contohnya kalau *mansion* itu sendiri, sejak 1808 hingga 1826 *mansion* tersebut, jadi sememangnya kita memasukkan bukan sahaja Yayasan Islam tetapi bersekali dengan *Think City Sdn. Bhd.* juga Majlis Agama Islam dan kita melakarkan *Heritage Trail* ini termasuk warisan Islam di dalam peta apabila pelancong-pelancong datang ke kawasan *George Town World Heritage*. Jadi sebab itu tadi, kita memerlukan sebab ia berkait dengan *mansion* tadi kita nak waktu yang lebih panjang lagi kita masukkan kawasan yang itu dijadikan sejarah kita yang kita tidak boleh keluarkan kerana tempat itulah contohnya Masjid Melayu Kampung Acheh, tempat di mana ramai mereka dulu untuk pergi ke haji tempat mereka berkumpul di sini untuk pergi menunaikan fardu haji.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Tambahan YB. Dato' Speaker. Saya ingin merujuk kepada beberapa salinan surat yang diberikan kepada saya oleh Y.A.B. Ketua Menteri oleh sesi yang lepas berkenaan permohonan Kerajaan Negeri kepada Kementerian Pelancongan dan Warisan tentang Batu Uban. Saya nak mengusulkan kepada YB. Pantai Jerejak untuk dijawab supaya memasukkan kawasan Batu Uban, masjid dan segalanya itu, sebagai kawasan warisan dalam *local plan* Pulau Pinang. Dan kalau boleh, hak untuk mewartakan kawasan itu adalah atau mengezon kawasan itu adalah terletak pada Kerajaan Tempatan. *So* kalau jadikan atau zonkan Batu Uban itu sebagai kawasan *heritage* untuk orang Islam dan orang Melayu.

Timbalan Ketua Menteri I:

Itu merupakan cadangan dan kita akan memasukkan dalam malah bukan itu saja pada kawasan-kawasan yang lain contohnya di Tanjung Tokong sekali. Jadi kita nak mensasarkan sekali. Maknanya bila kita sebutkan *heritage* di Negeri Pulau Pinang ini, kita akan memasukkan kawasan-kawasan yang memang ada sejarahnya, termasuk Batu Uban yang telah dicadangkan oleh YB. Pulau Betong tadi. Terima kasih.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Soalan lisan yang seterusnya.

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):

YB. Dato' Speaker, soalan saya No. 14.

Apakah status projek menaik taraf dan pelebaran Jalan Bukit Minyak - Alma yang telah diumum sebelum Pilihan Raya Umum Ke-13? Sila jelaskan status perancangan dan pelaksanaan projek tersebut termasuk perkembangan tender terbuka.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Lim Hock Seng):

YB. Dato Speaker. Terima kasih kepada YB. Machang Bubuk yang ingin mengetahui status cadangan membina jalan Bukit Minyak Alma.

Y.B. Dato' Speaker sebentar tadi semasa saya menjawab dari YB. dari Tanjung Bungah secara sepintas lalu saya telah menyentuh cadangan projek ini iaitu cadangan membina jalan atau pelebaran Jalan Bukit Minyak Alma, projek ini kini dalam proses penyediaan reka bentuk terperinci oleh pihak perunding dan juga proses pengambilan tanah projek ini akan ditender selepas semakan oleh pihak JKR ke atas pelan reka bentuk yang dijangka akan dapat diselesaikan pada bulan Disember tahun ini. Terima kasih.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Seterusnya soalan lisan.

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):

Y.B. Dato' Speaker soalan 15, soalan saya.

Produk dan perkhidmatan halal di Negeri Pulau Pinang.

(a) Berapa banyakkah MOU yang telah ditandatangani oleh Kerajaan Negeri dengan pelabur dan syarikat dalam tempoh itu.

(b) Nyatakan sebab-sebab terdapat syarikat yang tidak meneruskan hasrat untuk melabur di Negeri Pulau Pinang dan bilangannya.

(c) Apa bentuk insentif yang disediakan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk pelabur yang terlibat?

Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim):

Assalamualaikum salam sejahtera menjawab soalan Ahli Kawasan Bertam tentang produk perkhidmatan halal di Pulau Pinang. Kerajaan Negeri Pulau Pinang, YB. Dato' Speaker Negeri Pulau Pinang telah menandatangani melalui Halal Penang dan sebanyak tiga puluh (30) MOU dan beberapa organisasi yang berkepentingan. Keputusannya adalah beberapa MOU telah pun berjaya dijalankan dan beberapa MOU lagi masih dalam tindakan dan ada yang belum lagi dapat diambil tindakan Kerajaan Negeri Pulau Pinang juga telah memperuntukkan 100 ekar tanah industri untuk dibangunkan sebagai Taman Perindustrian Halal Pulau Pinang. Sehingga kini, Taman Perindustrian Halal Pulau Pinang berjaya menerima sepuluh (10) pelaburan daripada syarikat tempatan dan antarabangsa dan nilai pelaburan berjumlah RM484.2 juta merangkumi 53.97 ekar tanah industri. Daripada 100 ekar tanah yang disediakan oleh Kerajaan Negeri hanya 60.97 ekar sahaja yang siap untuk dimasuki pelabur. Ini menimbulkan masalah apabila baki tanah 40.5 ekar dijangka siap untuk dimasuki pelabur pada pertengahan tahun 2015 berikutan proses pengambilan tanah dan

penyediaan infrastruktur. Kerajaan Negeri telah menerima empat puluh (40) buah melalui Halal Penang 14 buah permohonan tanah industri lagi dengan pelaburan yang bernilai RM116.9 juta dengan keluasan tanah sebanyak 40.77 ekar dan ini adalah *pending list*. Taman Industri Halal Pulau Pinang telah mendapat pengiktirafan Halal Status HALMAS pada tahun 2011 oleh Halal Industry Development HDC melalui pengiktirafan ini. Operator dan pemain industri ataupun *The Industry Player ...*(dengan izin), dapat menikmati insentif-insentif yang ditawarkan oleh HDC.Di antara insentif yang ditawar oleh HDC ialah 100% pengecualian cukai untuk sepuluh tahun atau 100% pengecualian cukai perbelanjaan modal atau *Capital Expenditure* untuk lima (5) tahun.

Yang kedua pengecualian import duti dan pengecualian bagi peralatan dan permesinan yang digunakan dalam bilik sejuk beku. Sebagai *value add* halal Penang kepada pelabur-pelabur, Kerajaan Negeri melalui agensi Halal Penang turut menyediakan khidmat *facilitation* kepada pelabur seperti permohonan persijilan halal kelulusan dengan jabatan-jabatan Kerajaan Negeri, tempatan dan pusat pelabur juga mendapat sokongan dalam pemasaran dan promosi ke peringkat global. Perkhidmatan ini hanya ada di Pulau Pinang dan berbeza dengan Kerajaan-Kerajaan Negeri yang lain. Sekian terima kasih.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Seterusnya soalan lisan.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Omar Bin Haji Abd Hamid):

YB. Dato' Speaker soalan saya soalan No. 16.

Keperluan tapak sekolah bagi tujuan mematuhi syarat pemajuan sepatutnya diserahkan kepada Kemenerian Pelajaran.

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Terima kasih Dato' Yang di-Pertua dan juga YB. Permatang Berangan. Untuk menjawab soalan daripada Yang Berhormat. MPPP dan MPSP telah melaksanakan dasar penyerahan tapak sekolah kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang ke atas pelan-pelan permohonan kebenaran merancang sejak tahun 2009 melalui arahan dan keputusan Jawatankuasa Perancang Negeri pada 26 Mei 2009. Pada masa kini, bagi MPSP, satu tapak sekolah seluas 13 ekar diserahkan oleh PDC kepada Kerajaan Negeri. Tapak ini berada di dalam Perumahan Mampu Milik yang dibangunkan di Batu Kawan Seberang Perai Selatan yang telah diluluskan oleh MPSP pada 24 Oktober 2012. Manakala satu tapak seluas 7.98 ekar diserahkan oleh asas Dunia Berhad diserahkan oleh Sekolah Jit Sin. Tapak ini terletak di Jalan Tasik Valdor dan telah diluluskan oleh MPSP pada 21 November 2012. Tiada permohonan kebenaran merancang diterima atau diluluskan untuk tujuan sekolah pada tahun 2013, manakala mengikut rekod di MPPP, pada tahun 2011 hingga 2013 adalah seperti berikut iaitu pada bagi tetuan Koperasi Tunas Muda Sungai Ara Berhad. Pada tahun 2012 melalui pindaan kepada *Master Plan* sebanyak tiga (3) tapak sekolah seluas 15.983 ekar telah disyaratkan semula dalam kebenaran merancang untuk diserahkan kepada Kerajaan Negeri dan kelulusan kebenaran merancang adalah pada 24 April 2012. Bagi tahun

2013, pemohon yang sama telah mengemukakan pelan pindaan *master plan* melalui permohonan kebenaran merancang yang mensyaratkan tambahan 0.017 ekar baki bagi menjadikan tapak sekolah seluas 16 ekar dan diserahkan kepada Kerajaan Negeri dan sebelum itu pada 2011, 4.669 ekar di Kampung Perlis Bayan Lepas dan bagi 2013 satu tapak lagi 12.003 di Jalan Sultan Azlan Shah telah pun disyaratkan untuk diserahkan kepada Kerajaan Negeri. Maksudnya dalam tempoh 2011 hingga 2013 bagi MPPP sebanyak 32.672 ekar disyaratkan untuk diserahkan sebagai tapak sekolah kepada pihak Kerajaan Negeri. Sekian.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Soalan tambahan. YB. Padang Kota terima kasih. Setelah Pemaju menyerahkan tanah itu kepada pihak Kerajaan Negeri, *normally* yang saya tahu apabila kita serahkan kepada Jabatan Pendidikan dengan token RM10 kita akan membina sekolah di situ. Tapi apabila kita serahkan kepada Kerajaan Negeri akan menyerahkan tanah itu kepada untuk membuat sekolah. Adakah Kerajaan Negeri mengenakan bayaran premium atau mengenakan caj kepada sekolah atau jabatan Kerajaan yang akan bina di situ dan jumlahnya?

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Terima kasih Yang Berhormat, saya mohon maaf kepada Dato' Yang di-Pertua sebab bagi MPPP bidang kuasa MPPP dalam perkara ini. Cuma mensyaratkan sepertimana arahan dan keputusan SPC iaitu tapak sekolah yang diperlukan mengikut syarat-syarat yang ditetapkan diserahkan kepada pihak Kerajaan Negeri, setelah ia dibuat adalah hak dan keputusan pihak Kerajaan Negeri bagaimana untuk menguruskan penyerahan tapak-tapak ini kepada sekolah-sekolah berkenaan dan saya tak ada perhubungan kepada perkara ini.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Mohon kepada Padang Kota berhubung kepada perkara ini tetapi hari minggu depan boleh kita ada sediakan maklumat kita ini berapakah jumlah yang dikenakan atau dibayar oleh sekolah-sekolah swasta ke ataupun Jabatan Pendidikan Negeri untuk membina sekolah di tapak tersebut sebab jumlahnya 76.1 ekar jumlah yang cukup luas.

Ahli Kawasan Padang Kota (Y.B. Chow Kon Yeow):

Percaya Y.A.B. Ketua Menteri yang bertanggungjawab atas perkara ini akan memberi jawapan penuh.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Omar Bin Haji Abd Hamid):

Soalan Tambahan. Tadi kata 32 ekar yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri untuk pembinaan sekolah berapakah ekar atau peruntukan yang diberikan kepada sekolah kebangsaan, sekolah jenis kebangsaan dan sekolah agama?

Ahli Kawasan Padang Kota (YB. Chow Kon Yeow):

Jawapan yang sama seperti diberikan atas soalan tambahan, butir-butir saya percaya memang saya tak dapat jawab bidang kuasa MPPP sampai itu sahaja dan lain-lain butir di bawah Pihak Berkuasa Negeri, Pejabat Tanah yang akan menguruskan. Sekian.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ahli-ahli Yang Berhormat tiga (3) jam untuk soalan lisan sudah tamat. Bagi soalan-soalan yang tidak sempat dijawab saya minta Y.A.B. Ketua Menteri memberi jawapannya kepada Ahli yang bertanya selaras sub-Peratuaran 26(7) Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang.

Setiausaha:

Soalan bertulis.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Jawapan kepada soalan-soalan lisan akan dibentang atas meja kepada Ahli yang bertanya pada petang ini dan soalan bertulis sebelum 9 Disember 2013 dan akan dimasukkan dalam penyata rasmi.

JAWAPAN BERTULIS KEPADA SOALAN-SOALAN LISAN

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

17. Sila nyatakan dengan terperinci dasar Kerajaan Negeri bagi Projek Perumahan Kos Rendah, Kos Sederhana Rendah dan Rumah Mampu Milik di Negeri Pulau Pinang. Adakah pembeli bumiputra akan diberi pengurangan harga pembelian rumah?

Y.A.B. Ketua Menteri:

17. (A) Kerajaan Negeri sememangnya berhasrat untuk memenuhi keperluan perumahan rakyat yang berpendapatan rendah. Ini adalah selari dengan sasaran perumahan Kerajaan Negeri iaitu satu keluarga satu rumah. Sasaran tersebut diharap akan tercapai menjelang 2020. Kerajaan Negeri akan meneruskan usaha-usaha yang ada termasuk mencari kaedah baru ke arah menggalakkan pembinaan rumah kos rendah, sederhana rendah dan mampu milik untuk golongan berpendapatan rendah dan sederhana. Berikut adalah dasar yang telah digariskan oleh Kerajaan Negeri bagi Projek Perumahan Kos Rendah dan Kos Sederhana Rendah:-

(i) Dasar sumbangan 30% Rumah Kos Rendah telah diluluskan oleh Pihak Berkuasa Negeri pada 1 Januari 1986. Mengikut dasar ini, pemaju swasta yang membina rumah melebihi 150 unit di dalam kawasan pembangunan dikehendaki menyumbangkan sekurang-kurangnya 30% rumah kos rendah kepada Kerajaan Negeri. Bagi rumah-rumah yang dibina di luar kawasan pembangunan, sumbangan sekurang-kurangnya 30 peratus rumah kos rendah hendaklah dibuat oleh pemaju swasta sekiranya jumlah unit yang dibina di kawasan tersebut melebihi 100 unit.

(ii) Melalui pemakaian Garis Panduan Peningkatan Ketumpatan dan Nisbah Plot MPPP yang diluluskan pada 21 Disember 2011, mana-mana pemajuan yang menggunapakai garis panduan tersebut adalah dikenakan syarat penyediaan 30% rumah kos sederhana rendah sekiranya pemajuan tersebut terletak di Daerah Timur Laut. Manakala penyediaan 30% rumah kos rendah ATAU 15% rumah kos rendah dan 15% rumah kos sederhana rendah adalah disyaratkan bagi pemajuan yang terletak dalam Daerah Barat Daya yang menggunapakai garis panduan tersebut.

(iii) Penentuan harga perumahan kos rendah/kos sederhana rendah bergantung kepada lokasi, jenis rumah kos rendah yang disediakan dengan keluasan saiz minimum bagi lantai/unit tersebut. Perincian jadual penetapan harga untuk rumah kos rendah/kos sederhana rendah adalah seperti di Lampiran A.

(iv) Pemaju yang tidak membina perumahan kos rendah/kos sederhana rendah dan tidak menggunakan kuota rumah (dari syarikat pemaju yang sama atau subsidiarinya) dikehendaki membayar RM120,000.00 seunit kepada Kerajaan Negeri. Polisi wang sumbangan bagaimanapun bukan merupakan kelulusan automatik tetapi perlu mendapat kelulusan daripada Jawatankuasa Perancang Negeri berdasarkan keadaan sesuatu pembangunan.

(v) Pemaju yang mempunyai lebihan kuota 30% daripada keperluan penyediaan Perumahan Kos Rendah/Kos Sederhana Rendah mengikut garispanduan boleh diambilkira untuk tujuan pembangunan projek-projek lain pada masa depan di bawah syarikat pemaju yang sama atau subsidiarinya.

(vi) Pemaju dikehendaki memperuntukkan 30% unit daripada projek perumahan (harga melebihi RM75,000.00) atau komersil melebihi 4 unit yang dibangunkan, kepada kaum Bumiputera bagi memastikan pemilikan hartanah oleh Bumiputera adalah seimbang. Walau bagaimanapun, pemaju boleh memohon untuk pelepasan mengikut syarat dan prosedur tertentu sekiranya unit-unit yang diperuntukkan tidak dapat dijual kepada kaum Bumiputera.

(vii) Permohonan penjualan dan pindah milik bagi Rumah Kerajaan boleh dibuat apabila tempoh milikan harta telah mencapai atau melebihi 10 tahun bagi penjualan/pindah milik kali pertama dan mencapai atau melebihi 5 tahun bagi penjualan/pindah milik seterusnya.

(viii) Permohonan penjualan dan pindah milik bagi Rumah Swasta/Agensi Kerajaan apabila tempoh milikan harta telah mencapai atau melebihi 5 tahun bagi penjualan/pindah milik kali pertama dan mencapai atau melebihi 3 tahun bagi penjualan/pindah milik seterusnya.

(ix) Berkenaan dasar bagi kategori baru rumah mampu milik, di peringkat ini Kerajaan Negeri telah memutuskan bahawa untuk pemaju swasta yang membina rumah di kawasan tertentu di mana ia dibenarkan peningkatan kepadatan 87 unit seekar, maka pemaju tersebut perlu menyediakan kategori rumah mampu milik sebanyak 25% iaitu 5% berharga tidak melebihi RM200,000.00, 15% tidak melebihi RM300,000.00 dan 5% tidak melebihi RM400,000.00. Bagi projek perumahan mampu milik yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri bersama-sama dengan PDC siling harga yang ditetapkan, selain daripada rumah kos sederhana rendah, juga adalah tidak melebihi RM200,000.00, RM300,000.00 dan RM400,000.00.

Untuk unit-unit perumahan mampu milik ini yang tidak melebihi RM200,000.00, RM300,000.00 dan RM400,000.00 (untuk pemaju swasta dan projek-projek Kerajaan Negeri), pemilihan akan berdasarkan senarai di Bahagian Perumahan dan pemohon-pemohon antara lain tidak boleh berpendapatan seisi rumah lebih daripada RM6,000.00, RM8,000.00 dan RM10,000.00 masing-masing.

(B) Pembeli Bumiputera adalah diberi pengurangan sebanyak 5% daripada harga rumah yang bernilai melebihi RM75,000.00 dan ke atas.

LAMPIRAN A

PENETAPAN HARGA RUMAH KOS RENDAH DAN KOS SEDERHANA RENDAH DI PULAU PINANG

Jenis Rumah	Keluasan Minimum Lantai	Zon Utama (RM)	Zon Sekunder (RM)	Zon Tertier (RM)
Landed (Teres)	650 kp	42,000.00	40,000.00	35,000.00
Landed (Kluster / Rumah)		42,000.00	38,000.00	33,000.00
Pangsa (Maksimum 5 Tingkat)		36,000.00	35,000.00	33,000.00

Jadual 1 : Penetapan Harga Rumah Kos Rendah Di Daerah Barat Daya, Seberang Perai Utara, Seberang Perai Tengah Dan Seberang Perai Selatan.

Jenis Rumah	Keluasan Minimum Lantai	Zon Utama (RM)	Zon Sekunder (RM)
Pangsa 5 Tingkat	650 kp	72,500.00	67,500.00
Pangsa 5 Tingkat	570 kp	63,500.00	58,500.00

Jadual 2 : Penetapan Harga Rumah Kos Sederhana Rendah Di Daerah Timur Laut.

Jenis Rumah	Keluasan Lantai / Unit (Minimum)	Harga Maksimum		
		Zon Utama (RM)	Zon Sekunder (RM)	Zon Tertier (RM)
Landed (Teres)	650 kp	70,000.00	65,000.00	55,000.00
	700 kp	75,000.00	70,000.00	60,000.00
	753 kp	80,000.00	75,000.00	65,000.00
Landed (Kluster / Rumah)	650 kp	65,000.00	60,000.00	45,000.00
	700 kp	70,000.00	65,000.00	50,000.00
	753 kp	75,000.00	70,000.00	55,000.00
Pangsa	650 kp	60,000.00	50,000.00	40,000.00
	700 kp	65,000.00	55,000.00	45,000.00
	753 kp	70,000.00	60,000.00	50,000.00

Jadual 3 : Penetapan Harga Rumah Kos Sederhana Rendah Di Daerah Barat Daya, Seberang Perai Utara, Seberang Perai Tengah Dan Seberang Perai Selatan.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Dato' Haji Mohd. Salleh Bin Man) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

18. (a) Berapakah peruntukan bantuan pertanian yang diberikan kepada petani di Negeri Pulau Pinang sejak pemerintahan Kerajaan Pakatan Rakyat?

(b) Adakah dengan bantuan yang diberikan itu dapat mencapai hasrat Kerajaan Negeri untuk memajukan para petani? Sila nyatakan mengikut tahun pencapaian.

(c) Dengan bantuan yang diberikan, adakah para petani mendapat manfaat secara terus atau terdapat pihak ketiga yang mengambil kesempatan dengan bantuan yang diberikan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

18. (a) Sejak pemerintahan Kerajaan Pakatan Rakyat, peruntukan yang diberikan kepada petani Negeri Pulau Pinang secara keseluruhannya berjumlah RM26,114,230.00. Peruntukan yang disediakan mengikut tahun adalah:-

TAHUN	JUMLAH PERUNTUKAN
2008	RM4,000,000.00
2009	RM5,000.000.00
2010	RM4,273,920.00
2011	RM4,130,060.00
2012	RM4,240,140.00

(b) Kerajaan Negeri optimis bahawa, setiap bantuan yang diberikan dengan hasrat untuk memajukan para petani dapat dicapai. Ini dapat dilihat daripeningkatan jumlah pengeluaran dan jumlah pendapatan yang diraih saban tahun oleh kira-kira 15,000 orang petani di negeri ini. Pada tahun 2012, jumlah pengeluaran petani adalah RM600,941,768.69 dengan anggaran pendapatan bulanan sebanyak RM3,252.48 seorang.Perincian jumlah pengeluaran dan pendapatan para petani daritahun 2008 hingga 2012 adalah seperti di lampiran.

(c) Kerajaan Negeri juga yakin bantuan yang diberikan diperoleh secaraterus oleh petani yang layak dan tiada pihak ketiga yang terlibat mengambil kesempatan ke atas bantuan yang diberikan. Pemberian bantuan adalah dengan kawalan dan pemantauan berterusan Jabatan Pertanian Negeri.

JUMLAH PENGELUARAN DAN PENDAPATAN PETANI NEGERI PULAU PINANG TAHUN 2008 HINGGA 2013

Tahun	Keluasan (Ha)	Bilangan Petani	Pengeluaran Hasil (Tan)	Nilai Pengeluaran (RM)	Purata Hasil (Tan/ha)	Petani/Bulan (RM)
2008	33259.74	15275	220060.57	414,171,575.62	6.6164248428	2,259.53
2009	33435.55	15471	241321.45	464,227,493.90	7.2175110025	2,500.53
2010	33203.88	15186	251694.07	515,864,501.80	7.5802608008	2,830.81
2011	33358.68	15264	261694.409	548,344,905.26	7.8448670331	2,993.67
2012	33462.19	15397	275128.99	600,941,768.69	8.2220855838	3,252.48

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

19. Pertubuhan Belia memainkan peranan mewujudkan pelapis kepimpinan.

(a) Apakah langkah Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam mengukuhkan pertubuhan belia dan menarik minat remaja terhadap pertubuhan belia?

(b) Sila nyatakan jumlah agihan dan pecahan kepada pertubuhan belia yang telah menerima peruntukan *outright grant* Kerajaan Negeri

(c) Sila nyatakan peruntukan pembangunan ekonomi belia yang disalurkan oleh Kerajaan Negeri.

Y.A.B. Ketua Menteri:

19. (a) Melalui Jawatankuasa MMK Belia dan Sukan dengan kerjasama Majlis Belia Negeri, sebanyak 28 aktiviti dan program telah dirancang dan dilaksanakan sepanjang tahun bagi mengukuhkan pertubuhan belia disamping menarik minat remaja terhadap pertubuhan belia.

(b) Peruntukan Outright Grant Kerajaan Negeri yang diagihkan kepada Majlis Belia Negeri Pulau Pinang sebanyak RM300,000.00.

(c) Bagi tujuan pembangunan ekonomi Kerajaan Negeri dengan kerjasama Majlis Belia Negeri telah mengadakan program pembangunan ekonomi belia seperti berikut:-

(i) Konvensyen Usahawan Belia Pulau Pinang

(ii) Kelas Fotografi

(iii) Seminar Pembiayaan Perniagaan Bersama Perbadanan Nasional Berhad (PNS) & Perbadanan Usahawan Nasional Bhd. (PUNB) 2013.

(iv) Projek Titian Saksama Rakyat

Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Ong Chin Wen) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

20. Apakah langkah-langkah yang telah dan/atau akan diambil oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi memastikan Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang menjadi institusi perundangan yang mempunyai ciri-ciri sepertimana yang dicadangkan oleh *Commonwealth Parliamentary Association* dalam *Recommended Benchmarks for Asia, India and South-East Asia Regions' Democratic Legislatures.*

Y.A.B. Ketua Menteri:

20. Kerajaan Negeri sentiasa prihatin terhadap cadangan penambahbaikan kepada Institusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang. Malah Kerajaan Negeri sendiri menyedari bahawa Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang juga memerlukan pembaharuan selaras dengan kemajuan dan perkembangan semasa. Begitu juga dengan cadangan-cadangan yang disarankan oleh Commonwealth Parliamentary Association (CPA) perlu dikaji dengan teliti selaras dengan kehendak Perlembagaan Negeri, Perlembagaan Persekutuan dan juga Peraturan Dewan Undangan Negeri yang sedia ada.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd Zain Bin Ahmad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

21. Menurut Pihak Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP), mulai 1 September 2013 hanya 28 peratus (128,863) daripada 460,966 pengguna domestik akan dikenakan Surcaj Pemuliharaan Air (WCS) sebanyak RM0.48 setiap 1000 liter bagi penggunaan domestik melebihi 35,000 liter sebulan dan 72 peratus (332,103) lagi tidak dikenakan. Adakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang mengambil kira golongan miskin dan miskin tegar yang mempunyai bilangan anak lebih daripada lima (5) orang dalam pelaksanaan WCS.

Y.A.B. Ketua Menteri:

21. PBAPP sentiasa perihatin terhadap golongan miskin/miskin tegar. Golongan miskin yang disahkan oleh Pejabat Daerah layak mendapat pengecualian caj penggunaan air sebanyak RM8.60 untuk penggunaan 30,000 liter air yang pertama bagi setiap bulan. Golongan miskin hanya akan dikenakan surcaj air apabila penggunaan melebihi 35,000 liter sebulan. Oleh itu cadangan pengenaan surcaj tersebut telah mengambil kira kepentingan kumpulan ini.

Namun begitu sekiranya memang terdapat kumpulan ini yang dikenakan surcaj dan disahkan mereka miskin maka pertimbangan untuk pengecualian boleh diberikan dan ini adalah selaras dengan dasar kerajaan berjiwa rakyat. Di samping itu, pihak PBAPP juga memberi sumbangan kepada golongan miskin yang berpendapatan RM460.00 ke bawah dengan memberi kemudahan penyambungan paip dan deposit secara percuma.

0 – 30,000 Liter Pengecualian Caj Air
30,001 - 35,000 Liter Caj Air
Melebihi 35,001 Liter Caj Air + Surcaj Air

Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

22. Sejauh manakah ketelusan Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam pemilihan Ahli Jawatankuasa Kariah Masjid di Negeri Pulau Pinang.

Y.A.B. Ketua Menteri:

22. Urusan pemilihan Ahli Jawatankuasa Qariah untuk masjid-masjid di seluruh Negeri Pulau Pinang adalah di bawah tanggungjawab dan bidang kuasa Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP). Oleh itu, tiada campur tangan Kerajaan Negeri atau mana-mana pihak dalam urusan pemilihan tersebut. Pemilihan Ahli Jawatankuasa Qariah dibuat berdasarkan keputusan Mesyuarat MAINPP dan berlandaskan kepada enakmen serta kaedah sedia ada termasuk tatacara yang diluluskan oleh Seri Paduka Baginda Yang diPertuan Agong pada 20 September 2012.

    Melalui kaedah yang digubal oleh Jawatankuasa Khas Merangka Tatacara Pemilihan yang dipengerusikan oleh Setiausaha MAINPP dan 10 ahli jawatankuasanya yang terdiri daripada wakil kariah, ahli akademik, NGO Islam dan agensi agama berkaitan, pemilihan adalah lebih telus berbanding dengan kaedah perlantikan sebelum ini. Proses pemilihan dipantau oleh para pegawai Jabatan Hal Ehwal Agama Islam P.Pinang. Sebanyak 200 buah masjid sepatutnya mengadakan mesyuarat agung khariah. Proses pemilihan secara umum boleh dibahagikan kepada 2 kategori.

    i) Perlantikan Melalui Mesyuarat Agung Khariah Dan Lantikan Terus.

        Daripada 173 yang mengadakan mesyuarat agung, hanya 165 khariah diperakui MAINPP, termasuk sebanyak 7 khariah (3%) melalui lantikan terus kerana tidak mempunyai khariah. 8 buah tidak diperakukan oleh MAINPP atas faktor melebihi had umur 65 tahun, rekod perkhidmatan yang kurang memuaskan dan faktor kredibiliti yang kemudiannya dilantik melalui perbincangan khas.

    ii) Perlantikan Melalui Rundingan Kerana Gagal Mengadakan Mesyuarat Agung.

        Sebanyak 27 buah masjid (14%) dilantik melalui rundingan khas demi kepentingan ahli-ahli qariah secara keseluruhan.

Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

23. Pasukan bola sepak Pulau Pinang pernah menjadi Naib Juara Piala Malaysia pada tahun 1977. Selepas itu, pasukan bola sepak Pulau Pinang telah tenggelam dan jauh ketinggalan berbanding dengan pasukan negeri-negeri lain. Adakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang mempunyai rancangan untuk mengembalikan kegemilangan pasukan bola sepak negeri ini?

Y.A.B. Ketua Menteri:

23. Kerajaan Negeri Pulau Pinang sentiasa berusaha untuk membantu persatuan-persatuan sukan bagi memastikan segala urusan berkaitan dengan pembangunan sukan berjalan lancar dan memperolehi keputusan yang baik dalam acara-acara sukan yang dipertandingkan. Pasukan Bola Sepak Pulau Pinang merupakan pasukan yang berada di bawah urus tadbir Persatuan Bola Sepak Pulau Pinang FAP) yang mana Persatuan ini turut berada dibawah naungan Persatuan Bola Sepak Malaysia dan juga Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang. Sebanyak RM2.35 juta telah diberikan kepada FAP oleh Kerajaan Negeri, PDC dan PBA sejak 2008.

    Dalam usaha Kerajaan Negeri untuk membantu mengembalikan kegemilangan pasukan bola sepak negeri, Kerajaan Negeri telah menerapkan usaha-usaha yang membantu Persatuan Bola Sepak Pulau Pinang melalui kaedah-kaedah seperti berikut:-

(i) Membenarkan FAP menggunakan kemudahan gimnasium dan mendapatkan khidmat kepakaran jurulatih kecergasan Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang dan Pusat Satelit Institut Sukan Negara Cawangan Pulau Pinang khususnya melalui bantuan perkhidmatan sains sukan dalam usahan berterusan untuk meningkatkan daya tahan serta prestasi fizikal pemain-pemain.

(ii) Menggalakkan jurulatih-jurulatih lantikan FAP untuk mengikuti kursus Skim Persijilan Kejurulatihan Kebangsaan (SPKK) Tahap 1, 2 dan 3 yang dikendalikan oleh Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang melalui kerjasama dengan Majlis Sukan Negara Malaysia dalam usaha untuk meningkatkan tahap kualiti bidang kejurulatihan dari segi sains sukan selaras dengan kehendak serta hala tuju pembangunan sukan negara yang dipelopori oleh Majlis Sukan Negara Malaysia dan Institut Sukan Negara.

(iii) Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang bersama dengan Unit Sukan Prestasi Tinggi Cawangan Pulau Pinang membantu serta melaksanakan program-program penyediaan atlet pelapis dan atlet elit negeri untuk diketengahkan ke dalam kejohanan Sukan Malaysia.

(iv) Membantu menyediakan skuad pelapis awal yang diketengahkan ke Pasukan Piala Belia, Pasukan Piala Presiden (U-20) dan juga Pasukan Sukan Malaysia yang menjadi penyumbang kepada pemain-pemain untuk Pasukan Bola Sepak Pulau Pinang untuk bermain di Liga FAM, Liga Perdana atau ke Liga Super.

(v) Membantu pihak FAP dengan memberi elaun latihan kepada Skuad Sukan Malaysia dan membayar elaun jurulatih yang dilantik untuk membimbing pasukan bola sepak Sukan Malaysia.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (YB. Nordin Bin Ahmad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

24. Kenapa kariah-kariah yang telah menjalankan Mesyuarat Agung Kariah mengikut arahan pihak Majlis Agama Islam serta dipantau oleh pegawai Pejabat Agama Daerah serta wakil Jawatankuasa Pembangunan Kariah telah membuat pelantikan jawatankuasa kariah tetapi pihak Majlis tidak mengiktiraf pelantikan ini ?

Y.A.B. Ketua Menteri:

24. Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) secara umumnya menerima sepenuhnya keputusan pemilihan Ahli Jawatankuasa Kariah yang dibuat melalui Mesyuarat Agung Masjid. Ini terbukti melalui 165 buah khariah menerima perakuan MAINPP sepenuhnya daripada 173 buah yang mengadakan mesyuarat agung. Bakinya dilantik secara terus oleh MAINPP sama ada kerana gagal mengadakan mesyuarat Agung, atau tidak memenuhi kreteria dan tatacara pemilihan yang digariskan MAINPP. Meskipun pemilihan dipantau oleh pegawai JHEAIPP, namun keputusan muktamad pemilihan perlulah diperakui dalam mesyuarat MAINPP.

Hakikatnya, bukan seluruh jawatankuasa pilihan anak khariah tidak diiktiraf MAINPP, sebaliknya hanya melibatkan beberapa individu dipilih melalui mesyuarat agung tidak diperakui MAINPP. Ini berdasarkan beberapa faktor, termasuk rekod lampau pentadbiran yang tidak memuaskan ketika individu terbabit menganggotai jawatankuasa masjid. Selain individu berkenaan menghadapi masalah kredibiliti untuk dilantik sebagai peneraju masjid.

Tindakan MAINPP membuat pindaan terhadap pemilihan beberapa kariah, adalah berdasarkan kepada Perkara 4 (2) Kaedah-kaedah Jawatankuasa Kariah dan Pegawai Masjid (Negeri Pulau Pinang) 1997 yang berbunyi:

“MAINPP bolehlah melantik mana-mana anak kariah bagi kariah masjid itu yang pada pandangannya adalah layak untuk menjadi Pengerusi atau Ahli Jawatankuasa Kariah”. Tindakan yang diambil oleh MAINPP adalah untuk kebaikan kariah secara keseluruhannya.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Norlela Binti Ariffin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

25. Berapakah peruntukan tahunan untuk setiap portfolio Jawatankuasa Majlis Mesyuarat Kerajaan dari tahun 2008 sehingga 2013? Nyatakan,

    (a) Jumlah dan jenis perbelanjaan tahunan

    (b) Amaun yang telah dibelanjakan di setiap Kadun setiap tahun

    (c) Jumlah dan jenis perbelanjaan tahunan yang disalurkan ke setiap KADUN

Y.A.B. Ketua Menteri:

25. Peruntukan tahunan yang diluluskan untuk setiap portfolio Jawatankuasa MMK dari tahun 2008 sehingga 2013 adalah seperti dijadual.

    Perbelanjaan tahunan untuk setiap portfolio Jawatankuasa MMK dari tahun 2008 hingga 2013 adalah seperti di jadual.

    Peruntukan yang disediakan di bawah portfolio Jawatankuasa MMK adalah untuk pembiayaan program-program MMK di peringkat negeri dan bukan untuk pembiayaan projek-projek secara khusus yang boleh ditentukan mengikut KADUN.

JADUAL

SOALAN ID 523

Bil	Nama Jawatankuasa (portfolio terkini)	Tahun (RM)				
		2008	2009	2010	2011	2012
1	Hal Ehwal Tanah dan Pembangunan Tanah, Penerangan, Kebudayaan dan Kesenian, Warisan dan Hal Ehwal Bukan Islam	530,000.00	574,500.00	3,224,500.00	5,954,500.00	9,954,500.00
2	Pembangunan Industri,Perdagangan Antarabangsa, Koperasi,Pembangunan Keusahawanan dan Perhubungan Masyarakat	1,103,500.00	1,853,000.00	1,186,500.00	1,186,500.00	1,186,500.00
3	Perancangan Ekonomi Negeri, Pendidikan dan Sumber Manusia, Sains, Teknologi dan Inovasi	1,248,900.00	848,900.00	878,900.00	918,900.00	918,900.00
4	Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir	906,500.00	320,000.00	100,000.00	346,500.00	346,500.00
5	Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna	143,000.00	323,010.00	823,010.00	1,323,000.00	1,323,000.00
6	Kerjaraya, Utiliti (Tenaga, Air, Telekom) dan Pengangkutan (Udara, Laut & Keretapi)	122,000.00	122,000.00	132,000.00	132,000.00	132,000.00
7	Pembangunan Pelancongan dan Kebudayaan	5,030,000.00	4,395,000.00	4,065,000.00	6,365,000.00	8,865,000.00
8	Kebajikan & Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar	792,980.00	452,980.00	752,980.00	752,980.00	752,980.00
9	Pertanian dan Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan	969,000.00	969,000.00	769,000.00	769,000.00	769,000.00
10	Perancang Bandar dan Desa, Perumahan	920,000.00	145,000.00	610,000.00	610,000.00	780,000.00
11	Belia & Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga & Komuniti	3,918,570.00	4,411,070.00	5,000,000.00	5,000,000.00	7,650,000.00

* Termasuk Peruntukan di bawah JKN

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

26. (a) Pangsapuri Padang Tembak yang dibina sejak setengah abad lalu semakin merosot. Minta penjelasan mengenai rancangan untuk membina bangunan baru atau rumah gantian.

(b) Adakah dalam bajet tahun 2014, Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan mendirikan bangunan baru atau gantian?

(c) Sekiranya tidak ada, minta bentangkan laporan status memperbaiki, mengecat dan memperbaharui lif Pangsapuri Padang Tembak.

Y.A.B. Ketua Menteri:

26. (a) Rumah Pangsa Padang Tembak telah siap dibina pada tahun 1969 di atas Lot 1275 – 1283 Seksyen 2, Daerah Timur Laut dan ianya mempunyai 9 blok bangunan yang mana mengandungi 3,660 unit rumah. Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) telah pernah mengadakan Pertandingan Urban Renewal Design Ideas bagi mendapatkan idea terbaik untuk pembangunan semula kawasan perumahan Padang Tembak. Kerajaan Negeri telah diberi taklimat oleh pihak PDC pada 7 Oktober 2013 berhubung cadangan untuk pembangunan semula Rancangan Perumahan Padang Tembak. Walau bagaimanapun perbincangan terhadap pembangunan semula tersebut masih dalam peringkat awal dan ADUN kawasan akan dijemput hadir bagi membincangkan isu tersebut.

(b) Dalam bajet tahun 2014, tiada peruntukan untuk pembangunan semula projek perumahan di Rumah Pangsa Padang Tembak.

(c) Kerajaan Negeri telah melaksanakan kerja-kerja menaik taraf, membaiki dan mengecat bangunan di Rumah Pangsa Padang Tembak seperti berikut:-

(i) Projek pengecatan di Blok F, Rumah Pangsa Padang Tembak, konsep 80:20 tersebut digunapakai pada tahun 2011 di mana 80% (RM195,200.00) dibiayai oleh Kerajaan Negeri dan baki dibiayai oleh penduduk/pihak swasta sebanyak 20% (RM48,800.00). Jumlah keseluruhan bagi pengecatan di Blok F adalah sebanyak RM244,000.00. Bagi Blok E pula, kerja-kerja pengecatan tersebut dibiayai 100% (RM243,090.00) oleh Kerajaan Negeri memandangkan sebahagian unit di Blok E adalah unit sewaan Kerajaan Negeri. Bagi Blok J pula, 100% peruntukan mengecat dibiayai oleh Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) di bawah tanggungjawab sosial korporat (CSR) kerana Blok J merupakan unit sewa dan sebanyak 68 unit disewa oleh Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP). Mulai tahun 2012, konsep 80:20 di atas dilaksanakan bersama dengan Program HAPPY!. Oleh itu, projek pengecatan 6 blok lagi yang belum dicat akan dilaksanakan dengan menggunakan formula 90:10 di mana 90% akan dibiayai oleh Kerajaan Negeri dan baki 10% akan dibiayai oleh penduduk/pihak swasta. Sekiranya terdapat sebarang badan yang tampil untuk membiayai baki 10% tersebut, Kerajaan Negeri tiada halangan untuk meluluskan projek tersebut.

(ii) Projek penukaran lif baru pula akan dilaksanakan sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri. Buat masa ini, 4 buah lif sudah siap digantikan dengan lif yang baru dengan jumlah perbelanjaan sebanyak RM2,411,354.00 dan hanya tinggal 5 buah lif yang masih belum dibuat penukaran. Walau bagaimanapun, penukaran 5 buah lif tersebut akan dilakukan mengikut giliran dari tahun ke tahun sehingga selesai berdasarkan kepada keseriusan kerosakan keadaan lif tersebut.

(iii) Sebanyak 122 unit CCTV telah dipasang di Rumah Pangsa Padang Tembak iaitu di Blok A, B, C, D, E, F, G, H dan J yang mana 98 unit CCTV telah disumbangkan oleh YB ADUN Kawasan pada tahun 2012 dengan peruntukan sebanyak RM70,000.00 manakala 24 unit CCTV lagi telah dipasang oleh Kerajaan Negeri dengan peruntukan sebanyak RM19,970.00.

(iv) Kerja-kerja mengantikan saluran paip najis dan paip air bersih telah dilaksanakan di Blok B, C, D, E, F, G, H, J manakala bagi blok A hanya kerja penukaran paip air bersih sahaja yang dilaksanakan. Jumlah kos keseluruhan bagi projek tersebut adalah sebanyak RM5,444,450.00.

(v) Kerja-kerja pembaikan dan naik taraf 150 unit kosong di Blok E dan Blok J untuk disewakan yang mana dilaksanakan dari semasa ke semasa, bermula pada tahun 2010 sehingga kini.

(vi) Kerja-kerja menaik taraf bilik sampah dan laluan di hadapannya untuk Blok A, B, C, D, E, F, G, H, dan J telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri dengan jumlah perbelanjaan sebanyak RM114,438.00.

Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

27. Berapakah jumlah pemohonan rumah kos rendah, kos sederhana rendah dan mampu milik yang masih dalam senarai menunggu?

(i) Bagaimanakah proses Sistem Perolehan Rumah dilakukan?

(ii) Adakah Jawatankuasa Pembersihan Proses Perolehan Perumahan (JPPPP) berfungsi dengan efisyen?

(iii) Sila nyatakan projek perumahan yang ada dalam rancangan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

27. Senarai menunggu bagi Permohonan Rumah Kos Rendah di Negeri Pulau Pinang sehingga 12 November 2013 adalah berjumlah 17,809 pemohon. Manakala permohonan Rumah Kos Sederhana Rendah pula berjumlah 13,734 pemohon.

Manakala bagi permohonan perumahan mampu milik, Bahagian Perumahan telah menerima dan mendaftarkan masing-masing sebanyak 26,549 dan 2,696 pemohon yang berminat dengan projek di kawasan Pulau dan Seberang Perai. Pendaftaran ini ialah bagi tujuan kajian perancangan pembangunan projek kerana tiada dokumen sokongan disertakan untuk menentukan kelayakan pemohon. Borang pendaftaran sebenar akan dikeluarkan mulai 14 Disember 2013 dan borang tersebut boleh didapati di Tingkat 3 KOMTAR atau secara atas talian di laman sesawang http://erumah.penang.gov.my.

i) Kerajaan telah menubuhkan satu Jawatankuasa Pembersihan dan Peningkatan Mutu Proses Pemilihan Perumahan (JPPPPP)/ Selection Process Enhancement Committees (SPECS) dengan tujuan memantapkan lagi proses pemilihan dan penawaran seunit Rumah Kos Rendah/Kos Sederhana Rendah di Negeri Pulau Pinang. Pemilihan akan dibuat berdasarkan kawasan Geografi pemohon (tempat kediaman/bermastautin pemohon) dan tertakluk kekosongan unit di projek perumahan tersebut. Senarai nama akan dipilih berdasarkan tahun permohonan.

ii) Jawatankuasa Pembersihan dan Peningkatan Mutu Proses Pemilihan Perumahan (JPPPPP) bermesyuarat sekurang-kurangnya sekali dalam seminggu tertakluk kepada permohonan yang diterima sehingga kini telah menyempurnakan tanggungjawabnya.

iii) Senarai Projek Rumah Kos Rendah/Kos Sederhana Rendah yang ada dalam perancangan adalah seperti di Lampiran A. Manakala senarai projek rumah mampu milik yang ada dalam perancangan adalah seperti di Lampiran B.

Lihat folder lampiran ID21 (LTLH)

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Tanasekharan A/L Autherapady) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

28. (a) Berapa banyakkah pelancong yang telah mengunjungi Bukit Bendera sejak tren baru mula beroperasi?

(b) Apakah produk-produk pelancongan baru yang telah di laksanakan atau dirancang di Bukit Bendera?

(c) Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk membina *Cable Car* sebagai satu cara *transportasi* alternatif ke atas Bukit Bendera?

Y.A.B. Ketua Menteri:

28. (a) Sejak tren baru mula beroperasi, jumlah pengunjung yang mengunjungi Bukit Bendera adalah seramai 693,590 orang bagi tempoh Mei hingga Disember 2011. Manakala seramai 1,204,739 orang mengunjungi Bukit Bendera pada tahun 2012 dan sehingga September 2013, seramai 812,072 telah melawat tempat tersebut.

(b) Bagi menambahkan tarikan Bukit Bendera sebagai kawasan tarikan pelancongan, pelbagai program telah dirancang seperti Hill Explorce. Selain daripada itu, replika-replika semula jadi yang melambangkan sejarah Bukit Bendera dijadikan hotspot yang sesuai untuk fotografi bagi pengunjung. Terdapat juga acara-acara menarik yang dianjurkan di Bukit Bendera seperti Pameran Dinosaur Pesta Tanglung, Battle Of The Band dan minggu kebudayaan Melayu, Cina dan India.

(c) Kerajaan Negeri juga mempertimbangkan pembinaan *Cable Car* sebagai pengangkutan alternatif ke Bukit Bendera. Selain daripada keretapi dan juga laluan *jeep track. Cable Car* berpotensi menjadi produk pelancongan yang sangat menarik sebagai salah satu pilihan pengangkutan yang akan menambahkan lagi keunikan dan tarikan Bukit Bendera untuk kunjungan pelancong dalam dan luar Negara.

Ahli Kawasan Air Itam (YB. Wong Hon Wai) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

29. Huraikan apakah usaha, permasalahan dan jadual pelaksanaan program Teknologi Maklumat Kerajaan Negeri, Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) dalam menghubungkan database masing-masing dengan Jabatan Pendaftaran Negara secara *online* dan *real time* untuk mengesan samada seseorang pembayar cukai, penyewa rumah kerajaan atau penerima kebajikan sudah meninggal dunia?

Y.A.B. Ketua Menteri:

29. Pada masa ini Kerajaan Negeri termasuk MPPP dan MPSP membuat permohonan semakan secara manual dengan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) untuk mengesan pembayar cukai, penyewa rumah kerajaan ataupun penerima sumbangan kebajikan. Bagi MPPP dan MPSP, pemakluman kematian seseorang pembayar cukai hendaklah dibuat oleh waris melalui Borang J (Peruntukan Seksyen 160 Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171)) sementara pemakluman kematian pembayar cukai Kerajaan Negeri hanya memerlukan pengesahan salinan sijil kematian.

Penggunaan nombor MyKad sebagai rujukan tunggal akan memudahkan Kerajaan Negeri mahupun MPPP dan MPSP memohon kemudahan semakan secara online ataupun melalui kaedah batch processing daripada pihak JPN. Setakat ini, pihak JPN tidak membenarkan mana-mana Jabatan untuk ekses kepada databasenya secara on-line dan real time atas sebab-sebab keselamatan.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

30. Jelaskan secara terperinci kelulusan perancangan dan kelulusan lain yang berkaitan dengan cadangan Projek Tanjung Pinang yang melibatkan pengwujudan tiga (3) buah pulau. Jelaskan komposisi pembangunan, anggaran penduduk dan bagaimanakah masalah kesesakan lalu lintas akan diatasi.

Y.A.B. Ketua Menteri:

30. Melalui Perjanjian Konsesi di antara Kerajaan Negeri dan Usahasama Koperasi Gabungan Negeri Pulau Pinang dan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (KGN-PDC) pada 4 Oktober 1990, Kerajaan Negeri telah memberi kebenaran kepada KGN-PDC untuk menjalankan kerja-kerja tebus guna ke atas tanah seluas 980 ekar di Tanjong Tokong. Ekuiti KGN-PDC adalah masing-masing 60 % dan 40 %. Pelan Konsep Pembangunan Tebus Guna Tanah di Tanjong Tokong telah dibentangkan dan diluluskan oleh Pihak Berkuasa Negeri (PBN) kepada KGN-PDC pada 10 Mac 1994. Tujuan utama pembangunan ini adalah untuk mempromosikan Pulau Pinang sebagai salah satu wilayah utama dalam perniagaan, penawaran kediaman dan pelancongan. KGN-PDC kemudiannya telah menyerahkan hak penebusgunaan tanah ini kepada Tanjung Pinang Development Sdn. Bhd. (TPDSB) iaitu sebuah syarikat usahasama di antara Permaijana Ribu (M) Sdn. Bhd. (PR) dan KGN-PDC dengan masing-masing memiliki ekuiti 70% dan 30% . Perjanjian Konsesi antara Kerajaan Negeri dan TPDSB bertarikh 31 Oktober 1996 telah memberi hak kepada TPDSB untuk menebus guna tanah kawasan pesisir pantai di Tanjong Tokong dan seterusnya melaksanakan projek pembangunan kediaman dan perdagangan. Pembahagian kawasan pembangunan adalah mengikut kegunaan tanah dan terbahagi kepada 2 fasa iaitu Fasa 1 : tanah besar dan Fasa 2: 3 buah pulau. Tebus Guna tanah Fasa 1 melibatkan 240 ekar yang kini dikenali sebagai Bandar Tanjong Pinang. TPDSB telah mendapat kelulusan Pindaan Susun Atur daripada Jabatan Perancang Bandar dan Desa (JPBD) pada September 2003 dan tebus guna tanah Fasa 1 berjaya disiapkan 100% pada tahun 2006. Komponen pembangunan merangkumi Rumah Teres 2 ½ tingkat (325 unit), Rumah Semi-D (214 unit), Rumah sesebuah 3 tingkat (139 unit), Kondominium (1246 unit), Service Apartment (217 unit), Rumah Kos Sederhana Rendah (LMC) (692 unit siap dibina dan 644 akan dibina awal tahun 2014), Marina & Kedai (terletak dalam lot yang sama dengan Service Apartment) dan TESCO. Status terkini pembangunan projek Fasa 1 telah siap kira-kira 85 % dimana baki kawasan yang masih belum dibangunkan adalah terdiri daripada sebahagian LMC berjumlah 644 unit, tanah perdagangan dan 3 blok kondominium (iaitu sebahagian dari 1246 unit).

Lanjutan kejayaan tebus guna Fasa 1, Pelan Induk Bagi Cadangan Pembangunan Perumahan dan Perdagangan di atas Kawasan Tebus Guna Tanah Tanjong Tokong (Fasa 2), telah dikemukakan oleh TPDSB kepada JPBD untuk tebus guna tanah merangkumi 760 ekar dengan pindaan cadangan asal 3 buah pulau menjadi 1 pulau sahaja. Pelan induk tersebut telahpun dibentangkan pada 1 April 2011. Jawatankuasa Perancang Negeri pada dasarnya telah meluluskan pelan tersebut dan keputusan hanya disahkan pada 11 Mei 2011 dengan syarat pelan induk hendaklah mematuhi semua keperluan- keperluan teknikal dan syarat-syarat kelulusan pelan kebenaran merancang oleh JPBD dan beberapa keperluan seperti Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling Terperinci (Detailed Environmental Impact Assessment – DEIA), kajian Hidraulik dan Geoteknik dari Jabatan-jabatan berkaitan. Sehingga kini pelan tersebut masih belum dimuktamadkan dan tertakluk kepada DEIA. Mengenai jumlah keluasan kawasan tebus guna, mengikut perjanjian awal pada 1990 adalah seluas 980 ekar. 240 ekar telah pun ditebus guna untuk Fasa 1 dengan baki seluas 740 ekar. Walau bagaimanapun, semasa menjalankan kerja tebus guna untuk Fasa 1, kawasan seluas 20 ekar telah ditebus guna dan di serahkan kepada Kerajaan Negeri sebagai rezab PORR (Penang outer Ring Road). Perjanjian

Konsesi Tambahan yang ditandatangani pada 7 Oktober 1999 telah membenarkan TPDSB menambah kawasan tebus guna sebanyak 20 ekar sebagai balasan kawasan 20 ekar yang diserahkan kepada Kerajaan Negeri untuk PORR. Oleh itu, jumlah kawasan yang akan ditebusguna untuk Fasa 2 ialah 760 ekar (740 +20).

Bagi cadangan Pembangunan Perumahan dan Perdagangan di atas Kawasan Tebus Guna Tanah Tanjong Tokong (Fasa 2) ini, ia masih dalam peringkat mendapatkan kelulusan DEIA, sebelum pemaju mengemukakan secara rasmi permohonan kebenaran merancang kepada pihak JPBD. Pelan Induk ini juga adalah tertakluk kepada semua perundangan dan Garis panduan yang terpakai bagi Negeri Pulau Pinang. Ini adalah termasuk Laporan Traffic Impact Assessment (TIA) yang akan menentukan kaedah pengawalan lalu lintas dan aliran trafik. Anggaran jumlah penduduk yang akan dijana oleh pembangunan ini belum dimuktamadkan lagi. Terkini, TPDSB sedang dalam proses menyediakan laporan kajian lalu lintas untuk pembangunan yang dicadangkan di tapak yang akan ditebus guna. Butir-butir mengenai lalulintas akan diatasi hanya dapat diketahui selepas laporan kajian lalu lintas disiapkan dan diluluskan.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

31. Mengapakah pihak-pihak yang bertanggungjawab melakukan kerja-kerja tanah di Bukit Relau tidak melaksanakan tanggungjawab menanam semula pokok-pokok yang telahpun ditebang.

Y.A.B. Ketua Menteri:

31. Pemilik tanah telah diminta menjalankan kerja-kerja mitigasi sepertimana yang disyorkan oleh Pakar Geoteknikal Dato' Ir. Dr. Gue See Sew seperti berikut:

    (i) Membina beberapa kolam enapan pada laluan parit tanah sementara dan laluan masuk.

    (ii) Menutup tebing cerun yang terdedah dengan kepingan geotekstil sebagai langkah jangka masa pendek dan menanam rumput sebagai langkah kekal.

    (iii) Menyediakan parit tetangga di sepanjang laluan masuk untuk menyurai aliran air permukaan.

    Pemilik tanah juga diminta supaya menanam semula pokok-pokok setelah kerja-kerja mitigasi cerun dilaksanakan.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Lau Keng Ee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

32. Apakah bentuk bantuan yang akan disalur kepada ibu tunggal supaya dapat membantu mereka mencari rezeki dan pada masa yang sama penjagaan anak tidak diabaikan. Sila nyatakan bantuan yang telah diberi selain daripada RM100 setahun.

Y.A.B. Ketua Menteri:

32. Jabatan Kebajikan Masyarakat membantu ibu tunggal melalui bantuan kewangan yang disalurkan secara bulanan kepada ibu tunggal yang berkelayakan iaitu mereka yang berpendapatan di bawah RM400.00 sebulan. Bantuan am secara bulanan akan diberikan kepada ibu tunggal yang layak (miskin) pada kadar maksimum RM770.00 setiap bulan. Pemberian bantuan dilihat sebagai usaha untuk meringankan beban yang ditanggung untuk kelangsungan kehidupan seharian.

    Namun begitu, ibu tunggal turut diberi peluang untuk menjana ekonomi dan tindakan diambil untuk merujuk kes-kes mereka kepada agensi-agensi berkaitan yang boleh memberi bantuan modal untuk memulakan perniagaan kecil-kecilan dan akan dipantau oleh Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah.

Golongan ibu tunggal telah menerima manfaat melalui bantuan kewangan secara bulanan khususnya mereka yang mempunyai tanggungan/anak-anak yang berumur di bawah 18 tahun. Sehingga kini, Kerajaan Negeri masih meneruskan dasar yang sedia ada dalam membantu golongan sasar termasuk ibu tunggal.

Ahli Kawasan Berapit (YB. Ong Kok Fooi) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

33. Bilakah projek pembinaan perumahan mampu milik di kawasan Seberang Perai Tengah akan bermula? Apakah projek perumahan mampu milik di kawasan Seberang Perai Tengah yang telah dan akan dirancang?

Y.A.B. Ketua Menteri:

33. Projek pembinaan perumahan mampu milik di kawasan Seberang Perai Tengah melibat dua tapak iaitu di Bukit Mertajam dan Juru. Kedua-dua projek ini dijangka akan dimulakan pada tahun 2015 tertakluk kepada penempatan semula setinggan sedia ada oleh pihak Kerajaan Negeri bagi tapak di Bukit Mertajam.

Butir projek perumahan mampu milik di kawasan Seberang Perai Tengah yang telah dirancang adalah di Jadual.

PROJEK PERUMAHAN MAMPU MILIK YANG TELAH DIRANCANG DI KAWASAN SEBERANG PERAI TENGAH

Bil	Lokasi	Jenis Rumah Mampu Milik (Unit)		Jumlah Unit
		Kos Sederhana Rendah	Kos Sederhana	
1.	Bukit Mertajam	484	484	968
2.	Juru	800	800	1,600
		1,284	1,284	2,568

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

34. Sejak bila Kerajaan Negeri Pulau Pinang memulakan pemberian peruntukan tetap atau secara berkanun kepada Sekolah-sekolah Bantuan Modal termasuk Sekolah Agama Rakyat, Sekolah Cina, Sekolah Tamil dan Sekolah Mubaligh dan berapa jumlah peruntukannya untuk setiap tahun?

Y.A.B. Ketua Menteri:

34. Kerajaan Negeri Pulau Pinang memulakan pemberian peruntukan tetap kepada sekolah-sekolah bantuan modal termasuk Sekolah Agama Rakyat, Sekolah Cina, Sekolah Tamil dan Sekolah Mubaligh bermula dari tahun 2009 sehingga sekarang. Jumlah agihan peruntukan adalah seperti di berikut:

Tahun	Sekolah Cina / Sekolah Mubaligh (RM juta)	Sekolah Persendirian (RM juta)	Sekolah Agama Rakyat (RM juta)	Sekolah Tamil (RM juta)	JUMLAH (RM juta)
2009	4.50	1.00	1.50	1.50	8.50
2010	5.80	2.00	1.75	1.75	11.30
2011	6.50	2.00	1.75	1.75	12.00
2012	6.50	2.00	1.75	1.75	12.00
2013	6.50	2.00	1.75	1.75	12.00

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Teh Yee Cheu) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

35. Huraikan konsep Big Data dan rancangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk menubuhkan sistem Big Data berdasarkan satu / Akta Big Data agar Enakmen Kebebasan Maklumat Pulau Pinang *Freedom Of Information* dapat diperkukuh dan dipertingkatkan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

35. Big Data adalah istilah yang digunakan untuk data dalam kuantiti yang besar, kompleks, tidak berstruktur atau separa berstruktur serta tidak boleh diuruskan melalui pangkalan data biasa. Data ini berubah dan berkembang dengan pantas dalam sesebuah organisasi contohnya emel, kandungan media sosial, gambar, video, laporan dan sebagainya. Ia juga boleh disebarkan dengan teknologi internet terkini seperti *cloud computing*.

Kerajaan Negeri akan melihat kepada kesesuaian pelaksanaan Big Data dan perancangan bagi pelaksanaannya tertakluk kepada beberapa aspek penting iaitu:

(a) kesediaan data – kesediaan dan bentuk maklumat yang diperlukan dan berada di pelbagai jabatan kerajaan

(b) tenaga manusia – keupayaan dan bakat dalam pengurusan dan analisa data dan maklumat

(c) teknologi – kesediaan dan kesesuaian teknologi

(d) kos dan impak pelaksanaannya

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

36. Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah mengumumkan infrastruktur lebuh raya seperti yang dicadangkan dalam Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang. Namun, pelan jelas menyaran bahawa infrastruktur akan gagal menangani masalah pengangkutan tanpa penggubalan polisi yang selaras dengan matlamat Pelan Induk.

(a) Apakah tiga (3) polisi garis panduan yang dikenal pasti oleh Kerajaan Negeri sebagai paling mustahak digubal.

(b) Apakah jangka masa penggubahan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

36. (a) Bagi memastikan infrastruktur lebuh raya seperti yang dicadangkan dalam Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang dapat memberi impak kepada masalah pengangkutan, tindakan yang diambil bagi pihak MPPP ialah meningkatkan kualiti dan bilangan sumber manusia yang bertanggungjawab menguruskan dan mempertingkatkan sistem pengangkutan negeri dengan:-

(i) Menambah bilangan kakitangan yang terlibat dalam pengurusan dan perlaksanaan sistem lalu lintas;

(ii) Menghantar kakitangan terlibat menghadiri kursus dan latihan berkaitan untuk memahirkan diri;

(iii) Mendapat perkhidmatan juruperunding yang berkemahiran dalam bidang lalu lintas dan pengangkutan; dan

(iv) Melawat negara-negara lain seperti Hong Kong dan Singapura untuk

mempelajari dari mereka.

Pihak MPSP bercadang melantik seorang Jurutera Pengangkutan dan Lalu Lintas yang akan bertanggungjawab di dalam merancang dan menguruskan sistem pengangkutan dan lalu lintas di Seberang Perai.

(b) Tidak ada jangkamasa tertentu ditetapkan untuk penggubahan ini. Walau bagaimanapun latihan secara berkala diberikan kepada pagawai yang terlibat dalam merancang dan menguruskan sistem pengangkutan dan lalulintas. Latihan ini dapat mempertingkatkan kecekapan dan kepakaran kepada pegawai yang terlibat dalam bidang tersebut.

Ahli Kawasan Paya Terubong (YB. Yeoh Soon Hin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

37. Sila senaraikan usaha-usaha yang telah diambil oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) untuk menaik taraf jalan-jalan di Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Paya Terubong serta perbelanjaannya.

Y.A.B. Ketua Menteri:

37. 1. Jabatan Kerja Raya (JKR) telah melaksanakan pelbagai usaha untuk pembangunan, penaiktarafan dan penyelenggaraan jalanraya di Negeri Pulau Pinang. Pada tahun 2013, pihak JKR telah melaksanakan 2 buah projek penyelenggaraan jalan raya di KADUN Paya Terubong, manakala 2 buah projek lagi masih dalam pelaksanaan. 2 buah projek yang telah dilaksanakan tersebut ialah kerja-kerja mencantas dahan pokok di bahu jalan di Air Itam, Farlim dan Relau yang bernilai RM88,500.00. Selain itu, kerja-kerja pembaikan tembok dan pembentung jalan di KM13.6, Jalan Paya Terubong turut dilaksanakan dengan kos RM30,000.00.

2. Sementara itu, terdapat 2 buah projek yang sedang dalam pelaksanaan oleh pihak JKR iaitu kerja-kerja membaiki laluan pejalan kaki, bahu jalan dan mencantas pokok di Farlim, Air Itam, Relau dan Paya Terubong dengan kos sebanyak RM200,000.00. Pihak JKR juga sedang melaksanakan kerja-kerja membaru muka jalan di Persiaran Paya Terubong dengan kos sebanyak RM200,000.00.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

38. Nyatakan Pelan Rancangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi jangka pendek dan panjang berkaitan peningkatan pengguna jalan raya (trafik) di kawasan Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang ekoran banyak projek pemajuan yang membabitkan perumahan sekali gus bakal menambahkan lagi jumlah pengguna jalan raya.

Y.A.B. Ketua Menteri:

38. Kerajaan Negeri melalui MPPP telah merancang beberapa tindakan yang akan diambil untuk menambah baik aliran lalu lintas di kawasan Dewan Undangan Negeri Sungai Pinang. Di antaranya ialah:-

i. kerja-kerja penyambungan Jalan Tan Sri Teh Ewe Lim dari Lebuh raya Tun Dr. Lim Chong ke Jalan Jelutong dijalankan dengan secepat mungkin;

ii. melaksanakan sistem jalan sehala di kawasan yang dilingkungi oleh Jalan Jelutong, Jalan Perak, Jalan Lenggong dan Lorong Perak untuk mewujudkan lingkaran jalan sehala. Sistem jalan sehala ini akan dilaksanakan sebelum pembukaan jalan sambungan Jalan Tan Sri Teh Ewe Lim;

iii. mensyaratkan jalan-jalan berhadapan dengan kawasan-kawasan dilebarkan dan disediakan dengan lorong pecutan dan nyahpecutan;

iv. memastikan jalan khidmat disediakan oleh pemaju untuk pemajuan berbentuk komersial;

v. menghendaki setiap pemajuan menyediakan tempat letak kenderaan yang mencukupi;

vi. mensyaratkan semua pemajuan menyediakan laluan basikal dan pemajuan berunsur komersial dan pendidikan ditetapkan syarat tambahan untuk menyediakan kemudahan penunggang basikal; dan

vii. menaiktaraf perhentian bas dan lay-by disediakan di mana ruang mencukupi.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

39. Berapa banyakkah jumlah kutipan bayaran RM0.20 sen untuk satu beg plastik yang dikenakan oleh semua pasaraya di Negeri Pulau Pinang sejak program atau arahan itu dibuat? Bagaimanakah wang tersebut dibelanjakan dan apakah kesannya ke atas jumlah sampah pepejal yang telah dapat dikurangkan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

39. Sejak program Tanpa Beg Plastik Percuma dilancarkan pada tahun 2009, jumlah kutipan RM 0.20 untuk satu beg plastik yang dikenakan oleh semua pengusaha pasaraya dan peniaga terhadap pengguna-pengguna ialah RM 3,499,844.06. Kutipan ini dimasukkan ke dalam Tabung Rakan Anti Kemiskinan (RAK) dan digunakan untuk bayaran kepada penerima bantuan Pembasmian Miskin Tegar sejak tahun 2010 sehingga 2012. Mulai tahun 2013, kutipan ini telah digunakan untuk bayaran pembasmian kemiskinan. Kempen Hari Tanpa Beg Plastik Percuma telah berjaya meningkatkan kesedaran di kalangan masyarakat. Ini terbukti dengan terdapatnya peningkatan kadar 3R (Reduce, Reuse, Recylce) dari 8% pada tahun 2008 kepada 33% pada tahun 2013. Negeri Pulau Pinang telah berjaya melebihi sasaran yang ditetapkan oleh Kerajaan Persekutuan iaitu 20% kesedaran 3R pada tahun 2020.

Walaupun kempen ini memberi kesan positif kepada program kitar semula dan juga kawalan pencemaran alam sekitar tetapi jumlah sampah pepejal masih tidak dapat dikurangkan. Hal ini berlaku kerana terdapat pertambahan penduduk, pertumbuhan industri dan juga perluasan perkhidmatan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang meliputi seluruh negeri menyebabkan jumlah sisa pepejal akan sentiasa bertambah selaras dengan pembangunan kawasan baru.

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

40. Adakah pihak eksekutif mempertimbangkan cadangan untuk pembahagian peruntukan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) berasaskan bilangan pengundi, keluasan pentadbiran dan perbandaran? Jika ya, bila ia akan dilaksanakan? Jika tidak, kenapa?

Y.A.B. Ketua Menteri:

40. Kerajaan Negeri buat masa kini tidak bercadang untuk mengagihkan peruntukan ADUN berasaskan bilangan pengundi, keluasan, pentadbiran dan perbandaran. Peruntukan KADUN yang disediakan oleh Kerajaan Negeri kepada ADUN Kerajaan adalah bagi tujuan pembiayaan pelaksanaan projek-projek kecil dan segera dalam sesuatu KADUN sahaja. Di samping peruntukan KADUN, Kerajaan Negeri juga menyediakan peruntukan cara langsung kepada jabatan-jabatan untuk pelaksanaan projek-projek pembangunan yang dirancang.

Terdapat berbagai-bagai jenis projek dengan sifat yang berbeza-beza seperti projek pertanian, industri, pelancongan, sosial, infrastruktur dan lain-lain yang merentasi persempadanan KADUN yang diperlukan untuk memperolehi faedah dan mencapai objektif-objektif pembangunan yang dikehendaki oleh Negeri. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri sedia menimbang cadangan ini sekiranya penggunaan sumber-sumber yang terhad bagi memaksimumkan pencapaian objektif pembangunan tidak berjaya membawa kejayaan kepada rakyat. Kerajaan Negeri juga telah bersetuju untuk memberi peruntukan KADUN kepada ADUN pembangkang tetapi telah

ditolak.

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

41. Huraikan dari mana sumber dana RM500 juta diperolehi oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk membiayai projek pembinaan rumah mampu milik.

    (a) Apakah status terkini dana ini dan adakah dana tersebut telah dibelanjakan?

    (b) Berapa projek yang akan mendapat manfaat dari dana ini dan cara agihannya?

    (c) Apakah status pembinaan projek rumah mampu milik dan bilangan pembeli yang telah membuat permohonan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

41. (a) Sumber dana RM500 juta untuk pembiayaan pembinaan rumah mampu milik diperolehi dari sumber kewangan Kerajaan Negeri dan PDC hasil daripada jualan tanah di Bayan Mutiara. Memandangkan Pelaksanaan projek ini adalah melalui Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC), maka Kerajaan Negeri telah menyalurkan RM163.1 juta kepada PDC sebagai geran untuk pembangunan perumahan mampu milik di Negeri Pulau Pinang.

    (b) Sejumlah 10 projek yang mengandungi 19,973 unit rumah mampu milik akan mendapat manfaat dari dana ini. Butiran projek cadangan adalah seperti di Jadual A.

    (c) Setakat ini PDC telah merancang untuk memulakan pembinaan rumah mampu milik di Bandar Cassia Fasa 1, Seberang Perai Selatan pada akhir tahun 2013. Manakala bagi projek di Telok Kumbar, Daerah Barat Daya dan projek di Kampung Jawa, Seberang Perai Utara akan dimulakan pada awal tahun 2014. Butiran projek adalah seperti di Jadual B.

    Manakala permohonan perumahan mampu milik, Bahagian Perumahan telah menerima dan mendaftarkan masing-masing sebanyak 26,549 dan 2696 pemohon yang berminat dengan projek di kawasan Pulau dan Seberang Perai. Pendaftaran ini ialah bagi tujuan kajian perancangan pembangunan projek kerana tiada dokumen sokongan disertakan untuk menentukan kelayakan pemohon. Borang pendaftaran sebenar akan dikeluarkan mulai 14 Disember 2013 dan borang tersebut boleh didapati di antara lain di Tingkat 3 KOMTAR atau secara atas talian di laman sesawang http://erumah.penang.gov.my).

Jadual A

PROJEK RUMAH MAMPU MILIK PDC MENGIKUT DAERAH

Bil	Lokasi	Daerah	Kos Rendah	Kos Sederhana Rendah	Kos Sederhana	Jumlah Unit
1.	S.P. Chelliah	DTL	-	770	1,130	1,900
2.	Telok Kumbar	DBD	-	346	348	694
3.	Jelutong	DTL	-	556	-	556
4.	Pintasan Cecil	DTL	-	298	-	298
5.	Bandar Cassia	SPS	-	3,372	8,428	11,800
6.	Kampung Jawa	SPU	-	353	354	707
7.	Ampang Jajar	SPU	-	600	600	1,200
8.	Bukit Mertajam	SPT	-	484	484	968
9.	Juru	SPT	-	800	800	1,600
10.	Mak Mandin	SPU	250	-	-	250
	Jumlah		**250**	**7,579**	**12,144**	**19,973**

Jadual B

PROJEK RUMAH MAMPU MILIK PDC YANG AKAN DIMULAKAN PEMBINAAN PADA TAHUN 2013 DAN 2014

Bil	Lokasi	Jenis Rumah Mampu Milik		Jumlah Unit	Jangka mula pembinaan (Tahun)
		Kos Rendah Sederhana	Kos Sederhana		
1.	Bandar Cassia Fasa 1, SPS	149	371	520	2013
2	Telok Kumbar, DBD	346	348	694	2014
3	Kampung Jawa SPU	353	354	707	2014
		848	**1,073**	**1,921**	

Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Omar Bin Abd Hamid) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

42. Adakah kerajaan mengenakan caj nominal atau mengikut harga pasaran ke atas tanah-tanah yang diserahkan kepada Agensi Persekutuan bagi tujuan pembangunan untuk rakyat.

(a) Berapakah keluasan tanah yang diserahkan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang kepada Sekolah Agama, Sekolah Kebangsaan, Sekolah Cina dan Tamil dan berapakah premiumnya?

Y.A.B. Ketua Menteri:

42. (1) Kadar premium yang dikenakan ke atas kelulusan pemberimilikan tanah kepada agensi Kerajaan Persekutuan adalah seperti berikut:-

a) Kadar namaan RM10.00 - iaitu bagi tanah-tanah kerajaan yang diperolehi melalui proses pengambilan balik tanah di bawah Akta Pengambilan Tanah 1960 di mana kos pengambilan tanah ditanggung sepenuhnya oleh agensi Kerajaan Persekutuan.

b) Kadar harga pasaran - iaitu bagi tanah-tanah yang asal tanah milik Kerajaan Negeri.

(2) 2013 adalah seperti berikut:-

Jenis Sekolah	Jumlah Sekolah	Jumlah Keluasan (ekar)
Sekolah Agama	7	5.38
Sekolah Jenis Kebangsaan Cina	3	5.48
Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil	2	4.49
Lain-lain (i.e. Persendirian)	3	4.32

Maklumat penuh adalah seperti berikut:

Bil.	Tujuan	Butir-Butir Tanah	Keluasan	Premium
1.	Madrasah dan Sekolah Agama Rakyat	Permohonan pemberimilikan tanah kerajaan Petak A (di atas sebahagian Lot 1768), Seksyen 2, Bandar Ayer Itam, DTL.	1793 m^2 (19300 k.p)	RM10.00 (nominal)
2.	Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) Kwang Hwa	Permohonan pemberimilikan tanah kerajaan di atas sebahagian Lot 793 dan 792 Seksyen 2, Bandar Buterworth, DSPU.	2690 m^2	RM230,700.00
3.	Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) Yang Cheng Telok Kumbar	Permohonan pemberimilikan tanah kerajaan di atas Lot 874, 914, 915, 982, 983, 984 dan 985, Mukim 9, DBD	1.8443 ha	RM1.00 (nominal)

Bil.	Tujuan	Butir-Butir Tanah	Keluasan	Premium
4	Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) True Light	Permohonan kebenaran menggunakan tanah kerajaan di atas Lot 587 dan Lot 588, Mukim 13, DSPT.	0.32 ekar	-
5.	SJK(T) Subramaniya Barathee	Permohonan pemberimilikan tanah kerajaan bagi petak A (di atas sebahagian Lot 11310) dan Petak B (bersebelahan Lot-lot 1665, 1666 dan 7582) Bandar Gelugor, DTL	9361 m^2	RM10.00 (nominal)
6.	Pesuruhjaya Tanah Persekutuan SK Padang Menora	Permohonan pemberimilikan tanah kerajaan di atas Lot 506, 562, 1075 dan 1078, Mukim 13, DSPU.	2.01 ekar	RM325,000.00
7.	Pesuruhjaya Tanah Persekutuan SK Pinang Tunggal	Permohonan pemberimilikan tanah kerajaan di atas Lot 3136, Mukim 3, DSPU	3.01 ekar	RM244,000.00
8.	Pesuruhjaya Tanah Persekutuan SK Bumbung Lima	Permohonan pemberimilikan tanah Kerajaan di atas Lot 1337, Mukim 3, DSPU.	2.35 ekar	RM524,000.00
9.	Pesuruhjaya Tanah Persekutuan SK ealok Air Tawar	Permohonan pemberimilikan tanah kerajaan di atas Lot 2528, 2529, 2530, 2531, Mukim 7, DSPU.	1.23 ekar	RM1,562,000.00
10.	Pesuruhjaya Tanah Persekutuan SK Permatang Janggus	Permohonan pemberimilikan tanah kerajaan di atas Lot 1833, 1835, 2980, 2982, 2984, 2985, 2987 dan 2988, Mukim 2, DSPU.	1.77 ekar	RM287,000.00
11.	Pesuruhjaya Tanah Persekutuan SK Tasek Glugor	Permohonan pemberimilikan tanah kerajaan di atas Lot 3076, MUkim 12, DSPU.	1.75 ekar	RM230,000.00
12.	Pesuruhjaya Tanah Persekutuan SK Bagan Ajam	Permohonan pemberimilikan tanah kerajaan di atas Lot 1412 dan Lot 15 Mukim 9, DSPU.	1.88 ekar	RM1,183,000.00
13.	Pesuruhjaya Tanah Persekutuan SK Hashim Awang	Permohonan pemberimilikan tanah kerajaan di atas Lot 517 dan 526, Mukim 6, DSPU.	8.61 ekar	RM4,532,000.00
14.	Pesuruhjaya Tanah Persekutuan SK Kuala Muda	Permohonan pemberimilikan tanah kerajaan di atas Lot 851 dan Lot 977, Mukim 1, DSPU.	2.38 ekar	RM484,000.00
15.	Pesuruhjaya Tanah Persekutuan SK Pasir Gebu	Permohonan pemberimilikan tanah kerajaan di atas Lot 1217 dan 1183, Mukim 1, DSPU.	2.43 ekar	RM394,000.00
16.	Pesuruhjaya Tanah Persekutuan SK Ara Rendang	Permohonan pemberimilikan tanah kerajaan di atas Lot 2081, 2083, 2085 dan 2087 Mukim 11, DSPU.	1.14 ekar	RM279,000.00
17.	Pesuruhjaya Tanah Persekutuan SK Permatang Tok Jaya	Permohonan pemberimilikan tanah Kerajaan di atas Lot 820, 822, 2872 dan 2873, Mukim 7, DSPU.	2.33 ekar	RM472,000.00
18.	Pesuruhjaya Tanah Persekutuan SK Bagan Tuan Kechil	Permohonan pemberimilikan tanah kerajaan Lot 217, Seksyen 2, Bandar Butterworth, DSPU.	3.33 ekar	RM2,162,000.00
19.	Pesuruhjaya Tanah Persekutuan SK dan SM Sri Muda	Permohonan pemberimilikan tanah Kerajaan di atas Lot 1047, Mukim 4, DSPU.	10.15 ekar	RM2,466,000.00
20.	Pesuruhjaya Tanah Persekutaan SK Permatang Bertam	Permohonan pemberimilikan tanah kerajaan di atas Lot 699, 730 dan 2103, Mukim 8, DSPU.	2.212 ekar	RM627,000.00
21.	Pesuruhjaya Tanah Persekutaan SK Permatang Buloh	Permohonan pemberimilikan tanah kerajaan di atas Lot 2788, 409, 408, 407, 377, 2778 dan 2779, Mukim 11, DSPU.	3.21 ekar	RM405,000.00
22.	Pesuruhjaya Tanah Persekutaan SK Guar Perahu	Permohonan pemberimilikan tanah kerajaan di atas Lot 1494, 596 dan 679, Mukim 20, DSPT.	2.496 ekar	RM636,000.00

Bil.	Tujuan	Butir-Butir Tanah	Keluasan	Premium
23.	Pesuruhjaya Tanah Persekutaan SK Khir Johari	Permohonan pemberimilikan tanah kerajaan di atas sebahagian Lot 239, Mukim 1 DSPT.	1 ekar	RM1,425,000.00
24.	Persatuan Kebajikan Kanak-Kanak Terencat Akal Seberang Perai Tengah – Sekolah Sinar Harapan	Permohonan pemberimilikan tanah kerajaan di atas Lot 1314, Mukim 7, DSPT.	0.4 ekar	RM10.00 (nominal)
25.	Majlis Perbandaran Pulau Pinang – SM St. Xavier	Permohonan pemberimilikan tanah kerajaan Plot 1 di atas sebahagian halaman Dundas bersebelahan lot-lot 584, 859, 860, 866 dan 867, Seksyen 19, Bandar George Town, DTL	1367 k.p	RM53,500.00
26.	The Sevretary of The Trustee of The Methodist Church in Malaysia SM Persendirian Wesley Methodist	Permohonan pemberimilikan tanah kerajaan bagi Petak 1, Seksyen 8, Bandar George Town, DTL	4 ekar	RM13 juta

ROJEK RUMAH MAMPU MILIK PDC MENGIKUT DAERAH

Bil	Lokasi	Daerah	Kos Rendah	Kos Sederhana Rendah	Kos Sederhana	Jumlah Unit
1.	S.P. Chelliah	DTL	-	770	1,130	1,900
2.	Telok Kumbar	DBD	-	346	348	694
3.	Jelutong	DTL	-	556	-	556
4.	Pintasan Cecil	DTL	-	298	-	298
5.	Bandar Cassia	SPS	-	3,372	8,428	11,800
6.	Kampung Jawa	SPU	-	353	354	707
7.	Ampang Jajar	SPU	-	600	600	1,200
8.	Bukit Mertajam	SPT	-	484	484	968
9.	Juru	SPT	-	800	800	1,600
10.	Mak Mandin	SPU	250	-	-	250
	Jumlah		**250**	**7,579**	**12,144**	**19,973**

LAMPIRAN B

PROJEK RUMAH MAMPU MILIK PDC YANG AKAN DIMULAKAN PEMBINAAN PADA TAHUN 2013 DAN 2014

Bil	Lokasi	Jenis Rumah Mampu Milik		Jumlah Unit	Jangka mula pembinaan (Tahun)
		Kos Rendah Sederhana	Kos Sederhana		
1.	Bandar Cassia Fasa 1, SPS	149	371	520	2013
1.	Telok Kumbar, DBD	346	348	694	2014
2.	Kampung Jawa SPU	353	354	707	2014
		848	**1,073**	**1,921**	

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

43. Sila nyatakan dengan terperinci dasar Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi Projek Industri Kecil dan Sederhana (IKS) di Negeri Pulau Pinang. Apakah syarat-syarat yang mesti dipatuhi sebelum projek tersebut dilaksanakan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

43. Kerajaan Negeri melalui PDC telah meletakan sasaran untuk pembangunan IKS sejak dari dahulu lagi dengan penubuhan Inves Penang dan Penang Institute yang berfungsi juga untuk menyediakan program-program pembangunan untuk faedah syarikat IKS tempatan dalam menghadapi persaingan di pasaran terbuka.

IKS merupakan komponen penting kepada pembangunan ekonomi Negeri Pulau Pinang memandangkan peranan mereka dalam menyokong syarikat syarikat Multi Nasional (MNC). PDC dengan sokongan daripada Kerajaan Negeri telah mengambil tiga (3) pendekatan dalam pembangunan IKS iaitu:

i. Penubuhan SMART CENTRE untuk menyediakan kemudahan dan panduan kepada pengusaha IKS.

ii. Pembinaan Penang SME Centre sebagai pusat inkubasi dan menyediakan ruang kilang kepada pengusaha yang tidak mampu memiliki premis sendiri.

iii. Pembangunan SME Village untuk menyediakan unit-unit kilang siapbina dan plot tanah berkeluasan kecil di kawasan taman perindustrian.

SMART CENTER yang diinspirasikan oleh Y.A.B. Ketua Menteri telah ditubuhkan bagi memberi kemudahan dan bantuan kepada semua pengusaha projek IKS atau *start-up company* seperti berikut :

i) Menawarkan perkhidmatan juruperunding, konsultansi dan khidmat nasihat

ii) Membekal maklumat pasaran

iii) Sumber rantai maklumat, pemadanan perniagaan

iv) Dokumen dan bahan cetakan untuk rujukan

v) Khidmat latihan dan program pembangunan

Untuk menyemarakkan lagi pembangunan projek IKS, PDC juga bekerjasama dengan SME Corp Cawangan Zon Utara dengan menyewakan seunit kilang di Bukit Minyak Industrial Park (BMIP) kepada pihak berkenaan bagi kemudahan khidmat nasihat, latihan dan bantuan kewangan.

Dalam tempoh lebih 40 tahun beroperasi, PDC telah terlibat dengan pembangunan taman-taman IKS di Taman-taman Perindustrian seperti Bayan Lepas, Sungai Pinang, Bukit Minyak, Bukit Tengah dan yang terbaru di Batu Kawan. PDC masih terus merancang program pembangunan baru selaras dengan peningkatan Industri Kecil & Sederhana dengan kemasukan pelabur pelabur asing bertaraf MNC di Pulau Pinang. Akibat daripada permintaan yang makin meningkat, kini PDC akan embangunkan lagi kilang-kilang untuk pengusaha IKS dengan pembinaan 24 unit kilang baru di Bukit Minyak dan pembangunan SMI Village di atas tanah seluas 150 ekar di Taman Perindustrian Batu Kawan.

PDC juga memperkenalkan Projek Titian Saksama Rakyat (PTSR – Skim Pinjaman Mikro Kredit) bertujuan membantu mewujudkan satu sistem penyaluran modal perniagaan yang mudah tanpa membebankan syarikat tempatan. Kesimpulannya, PDC sentiasa menetapkan syarat-syarat yang agak mudah kepada pemaju projek IKS bagi membantu PDC menyediakan ruang perniagaan / kilang kepada pengusaha IKS yang telah meningkat sejak tahun kebelakangan ini. Oleh yang demikian, pemaju projek IKS tidak terasa bebanan dan mampu menyiapkan projek IKS mengikut jadual dengan kualiti yang memuaskan. Bagi tujuan pembangunan perindustrian termasuk jenis IKS diberi kelulusan ia hendaklah berada di dalam kawasan yang di zonkan sebagai kawasan perindustrian serta selaras dengan Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang 2020. Aspek teknikal seperti yang disyaratkan oleh jabatan jabatan teknikal seperti keperluan tempat letak kenderaan, laluan, perparitan serta lain-lain kemudahan dan utiliti hendaklah dipatuhi sebelum sesuatu permohonan tersebut diberi kelulusan.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Dato' Haji Mohd. Salleh Bin Man) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

44. (a) Adakah seluruh projek perumahan di Negeri Pulau Pinang ini berjalan lancar?

(b) Masih wujudkah bangunan terbengkalai dalam Negeri Pulau Pinang? Bagaimana perkara-perkara ini boleh berlaku? Apakah tindakan Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam menyelesaikan masalah ini?

Y.A.B. Ketua Menteri:

44. (a) Keseluruhan projek perumahan di Negeri Pulau Pinang adalah berjalan dengan lancar kecuali beberapa projek yang diklasifikasikan sebagai bermasalah oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) iaitu sama ada terbengkalai, lewat dan sakit seperti di Jadual:

(b) Projek terbengkalai yang masih wujud di Negeri Pulau Pinang ialah Taman Terubong Indah, Taman Mengkuang Height dan Taman Bayu Aman. Perkara ini berlaku mungkin berpunca dari kawasan perumahan yang dibangunkan adalah tidak strategik yang turut mempengaruhi penjualan rumah tersebut.

Antara usaha-usaha yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri untuk menyelesaikan masalah projek terbengkalai adalah :-

(i) Mengadakan perbincangan dengan pihak pemaju, pihak bank, atau pihak berkepentingan dan juga penduduk yang terlibat dalam mencari jalan penyelesaian bersama pihak KPKT. Mesyuarat penyelarasan merupakan pendekatan yang dijalankan oleh Kerajaan Negeri di dalam mengadakan perbincangan dan perundingan di antara pemaju atau syarikat penyelamat *white knight* bersama agensi-agensi teknikal berkaitan bagi mempercepatkan proses pemulihan sesuatu projek dan menyegerakan proses kelulusan untuk mendapatkan Sijil Layak Menduduki (O.C).

(ii) Kerajaan Negeri melalui Bahagian Perumahan PSUK juga sentiasa memantau projek-projek terbengkalai tersebut dengan menghubungi pihak KPKT, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan pemaju asal / ambil alih untuk mengetahui status terkini projek.

JADUAL

STATISTIK KESELURUHAN PROJEK-PROJEK PERUMAHAN SWASTA BERMASALAH TERBENGKALAI DI PULAU PINANG SEHINGGA 31 OKTOBER 2013 (3 unit)

BIL	PEMAJU	NAMA PROJEK	JENIS PEMAJUAN	KEMAJUAN FIZIKAL
1	Deloitte Corporate Solution Sdn Bhd	Taman Terubong Indah	342 unit – KSR 6 unit kedai (Fasa 2A) 22 unit lot industri kecil(Fasa 2A) 358 unit – RPKR 168 unit - RPKR 16 unit kedai (Fasa 2B) 549 unit – RPKR (Fasa 3A) 9 unit kedai (Fasa 3A)	Keseluruhan (pilling work) 70.00%
2	UDA Land North Sdn Bhd	Taman Mengkuang Height	80 unit - RB1T	33.06%
3	Welcome Properties Sdn Bhd	Taman Bayu Aman	298 unit – RP7T 183 – RT3T 216 – R Kondominium	65.00% Baru lulus pelan 0%

STATISTIK KESELURUHAN PROJEK-PROJEK PERUMAHAN SWASTA BERMASALAH LEWAT DI PULAU PINANG SEHINGGA 31 OKTOBER 2013 (4 unit)

Bil	Nama Pemaju	Nama Projek	Tempoh Lesen/Permit	Jenis Pemajuan	Tarikh S&P	Tarikh Siap	Tahap Kemajuan Fizikal
1	Landmark Strategy Sdn Bhd	Landmark Strategy Sdn Bhd	11189-2/02-2016/226 Sah hingga 23/02/2016 11189-2/1427/2013(06)1 Sah hingga 17/06/2013	RP35.5T	15/07/2011	15/07/2014	28.01%
2	Adept Development Sdn Bhd	Lot 550	11589-1/06-2014/748 Sah hingga 16/06/2014 11589-1/2533/2013(10) Sah hingga 21/10/2013	RT2T	10/11/11	10/11/13	44.16%
3	Taman Ratu Sdn Bhd	Taman Ratus Sdn Bhd	3457-3-04-2014/499 Sah hingga 20/04/2014 3457-3/3004/2013(12) Sah hingga 12/12/2013	RB3T	29/02/2012	28/02/2014	22.00%
4	GTM Land & Property Sdn Bhd	Residensi Tropika (Seberang Perai Tengah	12621-2/11-2016/1347 Sah hingga 20-04-2014 3457-3/3004/2013(12) Sah hingga 12/12/2013	RB2T(Gated) RT3T (Gated	03/03/12	03/03/2015 01/01/2015	6.00% 5.00%

STATISTIK KESELURUHAN PROJEK-PROJEK PERUMAHAN SWASTA BERMASALAH SAKIT DI PULAU PINANG SEHINGGA 31 OKTOBER 2013 (4 unit)

Bil	Nama Pemaju	Nama Projek	Tempoh Lesen/Permit	Jenis Pemajuan	Tarikh S&P	Tarikh Siap	Tahap Kemajuan Fizikal
1	Veinna Home Sdn Bhd	Lagenda @ Southbay (Barat Daya)	11348-1/09-2015/1042 Sah hingga 13/09/2015 11348-1/2495/2013(10) Sah hingga 17/10/2013	RB3T RS3T RS4T	22/11/2010 10/11/2010 10/11/2010	22/11/2013 10/11/2013 10/11/2013	33.41% 33.41% 33.41%
2	TF Land Sdn Bhd	Bandar Machang Bubuk	6287-8/03-2014/544 Sah hingga 16/03/2014 6287-8/969/2013(04) Sah hingga 25/04/2013	RS3T RB3T	03/01/2012 12/10/2011	01/03/2014 12/10/2013	53.00% 34.00%
3	Maltag Sdn Bhd	Taman Bukit Mertajam Indah (SPT)	11653-1/07-2014/829 Sah hingga04/07/2014 11653-1/2092/2013(08) Sah hingga 28/08/2013	RB2T RB2.5T	26/09/2011 26/09/2011	26/09/2013 26/09/2013	40.00% 40.00%
4	Welcome Properties Sdn Bhd	Taman Bayu Aman	10769-1/09-2015/345 Sah hingga 23/09/2015 10769-1/657/2014(03) Sah hingga 19/03/2014	RT3HT	23/03/2012	23/03/2014	40.00%
5	GLM Property Development Sdn Bhd	Surin 1 (Barat Daya)	10565-1/03-2013/222 Sah hingg 06/03/2013 10565-1/489/2010(03) Sah hingga 24/03/2010	RP28T	20/08/2009	20/08/2012	90.00%
6	Homewonders Sdn Bhd	Taman Sinar	85463/07-2014/1285 Sah hingga 09/07/2014 8546-3/2807/2013(11) Sah hingga 21/11/2013	RT2T	18/02/2011	18/02/2013	96.00%
7	Dynamic Homepro Sdn Bhd	Casa Lagenda Mutiara (Barat Daya)	10645-1/01-2014/30 Sah hingga 07/01/2014 10645-1/1065/2011(06) Sah hingga 06/06/2011	RB3T RB1.5T	02/11/2009 16/07/2009	02/11/2012 08/03/2013	80.67% 77.50%
8	Gold Mart Development Sdn Bhd	Taman Titi Heights (Barat Daya)	9944-2/08-2014/805 Sah hingga 16/08/2014 9944-2/2024/2012(10) Sah hingga 05/10/2012	RB3T RT2T	11/12/2010 09/11/2010	11/12/2012 09/11/2012	79.50% 92.50%

Bil	Nama Pemaju	Nama Projek	Tempoh Lesen/Permit	Jenis Pemajuan	Tarikh S&P	Tarikh Siap	Tahap Kemajuan Fizikal
9	Capaian Positif Development Sdn Bhd	Taman Murai Villa	11156-1/04-2015/279 Sah hingga 21/04/2015 11156-1/554/2014(03) Sah hingga 06/03/2014	RB2T	22/07/2010	22/07/2012	62.00%
10	Sempadan Seloka	Lot 5687 (Seb. Perai Utara)	11331-1/10-2013/1160 Sah hingga 12/10/2013 11331-1/143/2013(01)	RHT1T	16/03/2011	16/03/2013	29.44%
11	Lembamam Development Sdn Bhd	Taman Season (Timur Laut)	10866-4/07-2014/751 Sah hingga 28/07/2014 10866-4/2270/2012(10) Sah hingga 31/10/2012	RP31T	21/05/2010	21/05/2013	68.48%
12	Januari Prop. Sdn Bhd	Taman Seri Sayang (Barat Daya)	7781/01-2006/53 Sah hingga 12/01/2006 7781/141/2002/01 Sah hingga 30/01/2002	RT2T RP5T	23/04/2001 16/02/2001	23/04/2003 16/02/2004	95.00% 95.00%
13	Magmawise Pathau Sdn Bhd	Taman Murai Jaya Fasa 2 (Seb. Perai Selatan)	6859-2/12-2009/947 Sah hingga 06/12/2009 6859-2/1775/2008(08) Sah hingga 19/08/2008	RT2T	01/02/07	01/02/09	80.00%

Nota:
RT – Rumah Teres
RP – Rumah Pangsa
RB – Rumah Banglo
RHT – Rumah Harga Tinggi
RS – Rumah Sebuah

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

45. Sukan merupakan elemen penting dalam mewujudkan masyarakat sihat.

(a) Nyatakan jumlah peruntukan pembangunan sukan Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan program yang telah, sedang dan akan dilaksanakan di Negeri Pulau Pinang.

(b) Sejauh manakah komitmen Kerajaan Negeri dalam mewujudkan kemudahan sukan dan nyatakan jumlah kemudahan sukan yang telah diwujudkan sejak tahun 2008 hingga sekarang?

Y.A.B. Ketua Menteri:

45. (a) Jumlah geran peruntukan yang disalurkan oleh Kerajaan Negeri kepada Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang bagi tahun 2013 untuk pembangunan sukan negeri Pulau Pinang adalah berjumlah RM 7,168,000.00 dengan agihan seperti berikut:-

(i) Perbelanjaan Mengurus Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang - RM5,300,000.00

(ii) Perbelanjaan Sukan Untuk Semua - RM268,000.00

(iii) Perbelanjaan Sukan Malaysia - RM1,000,000.00

(iv) Geran Penyelenggaran Stadium Batu Kawan - RM600,000.00

Kerajaan Negeri melalui Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (MSNPP) juga meneruskan program-program pembangunan prestasi atlet sukan negeri sebagai usaha berterusan. Antara program-program tersebut adalah seperti berikut:-

(i) Program Latihan Bersepadu Atlet-atlet Sukan

Melalui program ini, atlet-atlet diberi pendedahan dan latihan dalam aspek mental dan fizikal agar dapat bersaing dengan atlet-atlet negeri lain dan seterusnya menyumbang pingat di dalam pertandingan yang disertai. Beberapa siri latihan bersepadu telah dirancang berteraskan aspek sains sukan yang akan diuruskan oleh pihak ISN dan USTPN.

(ii) Kem Mingguan Asrama Mutiara

Program latihan mingguan yang dikhususkan untuk latihan pusat di mana para atlet disyaratkan untuk menetap di Asrama Mutiara dan menjalani latihan komprehensif penuh masa di Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang.

(iii) Program Pencarian Bakat Baru melalui "Talent ID"

MSNPP dengan kerjasama persatuan-persatuan sukan,USPTN, ISNPP dan Jabatan Pelajaran Negeri Pulau Pinang secara berterusan melaksanakan program mengenal pasti bakat-bakat baru untuk diketengahkan dalam Sukan Malaysia. Atlet-atlet yang menunjukkan prestasi yang baik akan diserap bagi menjalani latihan pusat bersama dengan Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang.

(iv) Kursus Skim Pensijilan Kejurulatihan Kebangsaan (SPKK) Tahap 1 Dan 2.

MSNPP giat menjalankan Kursus Skim Pensijilan Kejurulatihan Kebangsaan (SPKK) bertujuan meningkatkan kualiti kejurulatihan dalam aspek sains sukan selaras dengan kehendak Majlis Sukan Negara(MSN) dan Institut Sains Sukan (ISS). Semua jurulatihyang di bawah MSNPP dikehendaki menamatkan Skim Pensijilan Kejurulatihan Kebangsaan (SPKK) Tahap 1 dan 2. Kursus ini dijalankan pada setiap tahun di MSNPP.

(v) Periodization Plan

Memastikan bahawa perancangan latihan tahunan atlet mengikuti fasa latihan berkala dalam membentuk persediaan atlet bagi menghadapi kejohanan penting.

(vi) Program Pendedahan ke Pertandingan Dalam dan Luar Negara

Mendedahkan atlet kepada penyertaan pertandingan dalam dan luar negara untuk mengenal pasti kekuatan dan kelemahan atlet serta pihak lawan supaya kajian dapat dilakukan untuk meningkatkan prestasi dan mengetahui kedudukan ranking atlet tersebut.

(vii) Pembelian dan Penaiktarafan Peralatan Sukan

Kualiti peralatan sukan yang digunakan oleh atlet semasa latihan dan semasa menyertai pertandingan amat dititikberatkan oleh MSNPP agar peralatan tersebut dapat membantu atlet meningkatkan prestasi atlet dan seterusnya meraih pingat dalam pertandingan. Sehubungan itu, pembelian peralatan sukan yang berkualiti diamalkan oleh MSNPP.

(viii) Program Pemakanan Tambahan (Food Supplement)

Makanan tambahan amatlah diperlukan oleh setiap atlet terutamanya atlet elit kerana makanan tambahan dapat meningkatkan tahap kecergasan, menggantikan tenaga yang digunakan, meningkatkan kadar metabolisme badan dan membantu pertumbuhan otot badan. Sehubungan itu, MSNPP mewajibkan para atlet berprestasi tinggi mengikuti Program PemakananTambahan ini.

(ix) Program Skim Atlet Elit

Bagi mengekalkan kecemerlangan atlet, Kerajaan Negeri melalui MSNPP telah mewujudkan Program Skim Atlet Elit. Para atlet dipilih melalui pencapaian yang cemerlang semasa Sukan Malaysia. Terdapat 2 kategori Skim Atlet iaitu Kategori A dan Kategori B. Atlet dalam Kategori A merupakan atlet yang meraih pingat emas dalam Sukan Malaysia dan mereka diberi insentif sebanyak RM500.00 sebulan. Kategori B pula merupakan atlet yang meraih pingat perak dan gangsa dan mereka ini diberi insentif sebanyak RM300.00 sebulan.

(x) Penganjuran Festival Sukan Kombat (FESKOM)

Festival Sukan Kombat (FESKOM) merupakan pertandingan bertaraf antarabangsa yang merangkumi semua acara sukan tempur atau *combat sports*. Tujuan diadakan FESKOM adalah untuk mengenal pasti kekuatan dan kelemahan atlet Negeri Pulau Pinang dan prestasi pihak lawan dari tahun ke tahun. FESKOM melibatkan 8 acara sukan tempur iaitu Karate-Do, Wushu, Pencak Silat, Taekwondo, Tinju, Silambam,Judo dan Lawan Pedang.

(xi) Anugerah Sukan Negeri Pulau Pinang

Anugerah Sukan Negeri Pulau Pinang merupakan salah satu pengiktirafan Kerajaan Negeri ke atas kecemerlangan atlet-atlet. Anugerah ini juga diwujudkan untuk memberi dorongan, menghargai sumbangan dan pencapaian atlet-atlet dalam bidang sukan. Berikut adalah jenis-jenis anugerah yang diberikan:-

- Anugerah Tokoh Pemimpin Sukan;
- Anugerah Jurulatih Terbaik;
- Anugerah Pasukan Lelaki Terbaik;
- Anugerah Pasukan Wanita Terbaik;
- Anugerah Olahragawan Paralimpik Terbaik;
- Anugerah Olahragawati Paralimpik Terbaik;
- Anugerah Olahragawan Harapan;
- Anugerah Olahragawati Harapan;
- Anugerah Olahragawan;
- Anugerah Olahragawati; dan
- Anugerah Perdana TYT Yang Dipertua Negeri Pulau Pinang

Selain daripada program-program yang diusahakan ini, Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang turut memastikan agar kebajikan serta jalinan kerjasama diantara pihak persatuan diambil dalam memastikan atlet-atlet yang mewakili Negeri Pulau Pinang adalah yang terbaik berteraskan pelaksanaan usaha-usaha seperti berikut:-

Mengikat kontrak dengan atlet yang berpotensi menyumbangkan pingat di dalam Sukan Malaysia akan datang. Atlet-atlet yang terpilih sebagai atlet Elit akan dikategorikan sebagai Atlet Elit Kategori A (bagi penyumbang pingat Emas) dan Atlet Elit Kategori B (bagi penyumbang pingat Perak dan Gangsa). Atlet Elit Kategori A akan diberi pembayaran insentif sebanyak RM500.00 sebulan dan Atlet Elit Kategori B dibayar sebanyak RM300.00 sebulan bagi menjalani latihan untuk mencapai kejayaan di kejohanan Sukan Malaysia yang berikutnya.

Para atlet juga didedahkan kepada pertandingan-pertandingan yang dianjurkan oleh Persatuan Sukan Kebangsaan ataupun negeri-negeri lain sebagai persediaan menimba pengalaman dan memantau prestasi pencapaian semasa. Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang akan menghantar atlet dan pasukan menyertai pertandingan didalam dan luar Negeri Pulau Pinang untuk mengetahui kekuatan dan kelemahan pasukan dan lawan. Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang dengan kerjasama Pusat Satelit Institut Sukan Negara Cawangan Pulau Pinang dan Unit Sukan Prestasi Tinggi Majlis Sukan Negara juga mengadakan latihan suaian fizikal, aktiviti-aktiviti psikologi dan ujian kecergasan fizikal bersama dengan atlet-atlet sukan negeri secara harian mengikut Pelan Latihan Periodisasi berteraskan konsep Sains Sukan dalam memastikan prestasi atlet dapat ditingkatkan ke tahap yang lebih tinggi.

Kesemua atlet-atlet daripada jenis sukan yang dipertandingkan di Sukan Malaysia juga telah disaran untuk menjalani latihan secara berterusan untuk sekurang-kurangnya 5 hari setiap minggu dengan jangka waktu latihan selama 3 hingga 5 jam setiap sessi. Di bawah konsep sukan berbentuk penyertaan komuniti, Kerajaan Negeri di bawah Jawatankuasa MMK Belia dan Sukan bersama Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang juga terus melaksanakan program-program sukan berkomuniti sejajar dengan hasrat untuk membentuk “Gaya Hidup Sihat dan Aktif Ke Arah Komuniti Berharmoni” melalui perlaksanaan sebanyak program-program sukan yang diketengahkan dalam “Penang Calender of Events” sejak tahun 2009 hingga kini yang meliputi program sukan berstatus antarabangsa dan peringkat negeri.

(b) Untuk memastikan kemudahan-kemudahan sukan di Negeri Pulau Pinang adalah selari dengan program pembangunan sukan negeri yang dijalankan, pihak Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang telah melaksanakan kerja-kerja untuk menambah baik serta membangunkan pusat-pusat latihan sedia ada dan pengambil alih pengurusan pusat-pusat latihan sukan baru seperti dibawah:-

(i) Tempat Sukan Baru Yang Dibina

* Menaik taraf Kompleks Sukan Titi Mukim (Membina Gelanggang Futsal) – 2012

* Menaik taraf Kompleks Sukan Titi Mukim (Membina Gelanggang Petanque) – 2012

(ii) Tempat Bersukan Dibaikpulih

* Menaik taraf Kelab Menembak Pulau Pinang (2009)

* Menaik taraf Pusat Latihan Gimnastik Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (2010)

* Menaik taraf Pusat Latihan Gimnasium Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (2010)

* Menaik taraf Pusat Latihan Wushu Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (2010)

* Menaik taraf Dataran Kejat Stadium Negeri Batu Kawan (2010)

* Menaik taraf Pusat Latihan Angkat Berat SMK Seri Balik Pulau, Pulau Pinang (2011)

* Menaik taraf Kem Bina diri Pantai Robina (2012)

* Menaik taraf Wisma Angkat Berat Bukit Mertajam (2012)

(iii) Pengambilalihan Pengurusan Kemudahan Sukan Yang Baru

* Stadium Negeri Batu Kawan Pulau Pinang (Tahun 2009)

* Dewan Komuniti Gat Lebuh Macallum (Tahun 2012) untuk dijadikan Pusat Latihan Sukan Ping Pong

* Dewan Komuniti Kampung Buah Pala (Tahun 2012) untuk dijadikan Pusat Latihan Sukan Bola Tampar.

Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Ong Chin Wen) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

46. (a) Adakah Kerajaan Negeri menyediakan peruntukan khas untuk tujuan pembangunan infrastruktur asas seperti penurapan jalan mini tar di kawasan luar bandar?

(b) Sekiranya ada, sila nyatakan butiran projek-projek pembangunan tersebut sejak tahun 2011.

(c) Sekiranya tidak, dari manakah peruntukan untuk pembangunan infrastruktur asas kawasan luar bandar?

Y.A.B. Ketua Menteri:

46. (a) Kerajaan Negeri menyediakan sejumlah peruntukan untuk tujuan pembangunan infrastruktur asas di kawasan luar bandar. Peruntukan ini digunakan untuk menyediakan kemudahan infrastruktur asas luar bandar seperti penurapan jalan kampung, pembaikan sistem perparitan, bekalan air bersih, pemasangan tiang lampu dan tiang elektrik.

(b) Pada tahun 2011, secara keseluruhannya Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sebanyak RM1,792,895.00 bagi pelaksanaan 150 buah projek pembangunan infrastruktur asas. Sebanyak 31 buah projek dilaksanakan di Daerah Timur Laut dengan peruntukan sebanyak RM479,169.00. Di Daerah Barat Daya pula sebanyak 8 buah projek dilaksanakan dengan peruntukan sebanyak RM57,000.00. Di Daerah Seberang Perai Selatan, sebanyak RM610,406.00 diperuntukkan untuk pelaksanaan 32 buah projek. Manakala, di Daerah Seberang Perai Tengah,Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sebanyak RM344,506.00 untuk pelaksanaan 34 buah projek. Di Daerah Seberang Perai Utara, sebanyak 45 projek dilaksanakan dengan peruntukan RM301,814.00.

(c) Pada tahun 2012 pula, Kerajaan Negeri telah memperuntukan sebanyak RM3,881,594.26 bagi pelaksanaan 330 buah projek. Sebanyak 55 buah projek dilaksanakan di Daerah Timur Laut dengan peruntukan sebanyak RM973,963.00. Di Daerah Barat Daya pula sebanyak RM395,500.00. Di Daerah Seberang Perai Selatan, sebanyak RM736,717.50 diperuntukkan untuk pelaksanaan 72 buah projek. Manakala di Daerah Seberang Perai Tengah, Kerajaan Negeri telah memperuntukan sebanyak RM1,109,931.95 untuk pelaksanaan 88 buah projek. Di Daerah Seberang Perai Utara, sebanyak 82 projek dilaksanakan dengan peruntukan RM665,481.81.

(d) Sehingga Oktober 2013, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sebanyak RM1,727,615.93 bagi pelaksanaan 133 buah projek. Sebanyak 27 buah projek dilaksanakan di Daerah Timur Laut dengan peruntukan sebanyak RM326,874.48. Di Daerah Barat Daya pula sebanyak 6 buah projek dilaksanakan dengan peruntukan sebanyak RM71,700.00. Di Daerah Seberang Perai Selatan, sebanyak RM765,347.00 diperuntukkan untuk pelaksanaan 48 buah projek. Manakala, di Daerah Seberang Perai Tengah, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sebanyak RM208,616.25 untuk pelaksanaan 25 buah projek. Di Daerah Seberang Perai Utara, sebanyak 27 projek dilaksanakan dengan peruntukan RM335,078.20

Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd Zain Bin Ahmad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

47. Sila nyatakan status terkini Projek Zon Industri Akuakultur (ZIA) Penaga dan maklumat terperinci mengenai projek tersebut.

Y.A.B. Ketua Menteri:

47. Zon Industri Akuakultur (ZIA) yang terletak di Penaga adalah berkeluasan 206 hektar. Pada tahun ini,pengeluaran akuakultur disasarkan sebanyak 50,000 tan dengan nilai bejumlah RM642 juta. Pemajuan Projek ZIA bukan sahaja akan memberi faedah kepada peningkatkan pengeluaran akuakultur tetapi juga turut berpeluang menjadi kawasan tarikan agropelancongan. Bagi merealisasikan projek ZIA ini, seramai 19 pengusaha telah dipilih daripada sejumlah 45 orang pengusaha yang ditemuduga. Pemilihan pengusaha dibuat berdasarkan pengalaman, keupayaan kewangan yang kukuh, konsep pelaksanaan projek yang jelas, strategi pemasaran yang baik serta kesediaan tanggungjawab sosial kepada masyarakat setempat.

Projek akuakultur yang akan dilaksanakan ialah ternakan, asuhan dan pembenihan ikan / udang laut seperti siakap, kerapu, udang putih, udang harimau dan lain-lain. Kos pembangunan projek akan ditanggung oleh pengusaha yang terpilih termasuk DEIA, pecah lot, penyediaan jalan ladang, bekalan elektrik, bekalan air bersih dan sistem perparitan. Setiap pengusaha perlu bersepakat dan bersama-sama mematuhi syarat dan peraturan yang ditetapkan seperti penjagaan alam sekitar, kawalan penyakit, penjagaan kualiti air, pemasaran dan sebagainya. Zon penampan ditetapkan sebanyak 200 meter dari pantai, 30 meter dari penempatan dan 20 meter dari sungai bagi mengawal persekitaran paya bakau. Kajian DEIA akan dijalankan sebelum projek atau aktiviti akuakultur dijalankan. Tabung Pemulihan Alam Sekitar juga akan diwujudkan di mana setiap pengusaha atau peserta projek ZIA Penaga dimestikan untuk menabung dalam amaun tertentu bagi tujuan penanaman semula pokok bakau atau pemulihan habitat persekitaran.

Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

48. Kenapakah pihak Kerajaan Negeri menimbulkan sensitiviti orang-orang Islam di negeri ini dengan meletakkan gambar kaabah palsu di dalam kain rentang Selamat Hari Raya Aidil Adha oleh pemimpin-pemimpin Pakatan Rakyat.

Y.A.B. Ketua Menteri:

48. Kerajaan Negeri tidak pernah berniat, apatah lagi untuk menghina mana-mana agama dan kaum di negeri ini, sama ada berkaitan perkauman lebih-lebih lagi agama. Apa yang berlaku di dalam kain rentang berkenaan, adalah kesalahan di pihak pereka bentuk (designer) yang hanya mendapatkan gambar Kaabah tersebut dalam laman sesawang tidak rasmi, selain kelalaian pihak yang dipertanggungjawab untuk memastikan *design* terakhir disemak sebelum dimuktamadkan. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri berpendirian bahawa ia suatu perkara tidak wajar berlaku, dan akan memastikan perkara itu tidak berulang.

Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

49. Kerajaan Negeri Pulau Pinang sedang menyediakan landasan berbasikal di pinggir pantai.

    (a) Adakah pihak Kerajaan Negeri mempunyai rancangan untuk membina taman rekreasi khas untuk kaki-kaki pancing ikan?

    (b) Adakah Kerajaan Negeri mempunyai rancangan-rancangan lain selain daripada aktiviti yang disebutkan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

49. Kerajaan Negeri tiada perancangan untuk membina taman rekreasi khas untuk kaki-kaki pancing ikan. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri dengan kerjasama MPPP telah dan akan terus menganjur aktiviti-aktiviti memancing seperti Penang Beach Carnival dan juga aktiviti yang dianjurkan oleh Persatuan Pemancing Pulau Pinang.

    Rancangan-rancangan yang lain selain daripada aktiviti memancing yang disediakan oleh MPSP adalah seperti berikut :

    i. Menaik taraf Taman Bandar Ampang Jajar, Permatang Pauh. Komponen-komponen baru yang ditambah adalah laluan berbasikal dengan jarak 1.1 km, menaik taraf ruang dan anak-anak tangga serta membersihkan sebahagian hutan nipah.

    ii. Menaik taraf Taman Tunku Seberang Jaya dengan menyediakan trek jogging dengan jarak 0.9 km.

    Iii. Ampang Jajar, Kerian, SPS

    Rancangan-rancangan menaik taraf di kawasan-kawasan yang dinyatakan di atas telah membersih dan membuka ruang kepada kaki pancing untuk memancing. Di samping itu, kawasan tepi pantai, Sungai Juru dan Sungai Kerian menyediakan rekreasi semulajadi kepada kaki pancing untuk memancing.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Norlela Binti Ariffin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

50. Dari tahun 2008 sehingga 2013, senaraikan mengikut Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) jumlah kawasan perindustrian, gerai, dewan orang ramai, jeti dan stor nelayan, tempat bersukan dan tempat rekreasi yang telah di bangunkan oleh Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) dan Kerajaan Negeri yang baru dibina, dibaikpulih dan yang dirancang bagi tahun 2014.

Y.A.B. Ketua Menteri:

50. (a) MPSP tidak membina gerai dan dewan orang ramai dari tahun 2008 sehingga 2013.

    (b) Senarai gerai dan dewan orang ramai yang telah dibaik pulih oleh MPSP dari tahun 2008 sehingga 2013 seperti di Lampiran.

    (c) Pada tahun 2014, MPSP mempunyai rancangan untuk membina sebuah dewan orang ramai bertempat di Bandar Perda dalam KADUN Seberang Jaya.

    Senarai mengikut KADUN jumlah tempat rekreasi yang telah dibangunkan oleh Kerajaan Negeri seperti berikut :

Di Pinang Tunggal tempat rekreasi yang dibangunkan ialah Vision Park melalui CSR oleh Bertam Properties, manakala di DUN Telok Ayer Tawar dan Sungai Dua telah dibangunkan Pusat Rekreasi Pantai Robina dan Taman Rekreasi Air Hitam oleh JPS dan Jabatan Perhutanan. Di Bagan Jermal, Taman Tugu Demokrasi telah dibangunkan pada tahun 2011 melalui CSR. Di Bagan Dalam dan Seberang Jaya, Taman Linear Semilang dibangunkan oleh MPSP tetapi ini merupakan projek lama melebihi 20 tahun.

Di Permatang Pasir, MPSP telah membangunkan Taman Bandar Ampang Jajar pada tahun 1994, manakala PBA telah mewujudkan kawasan rekreasi di Empangan Mengkuang di DUN Penanti. Hutan lipur Cherok Tok Kun di Berapit telah ditambahbaikan oleh Jabatan Perhutanan dengan peruntukan Kementerian Pelancongan. Tahun ini, PBA telah membangunkan Taman Rekreasi Bukit DO di Padang Lalang. Di DUN Sungai Bakap dan Sungai Acheh terdapat Hutan Lipur Bukit Panchor, Taman Rekreasi Ampang Jajar Kerian dan Taman Rekreasi Kebun Baru yang merupakan kawsan rekreasi lama. Taman Rekreasi terbaru terletak di DUN Jawi iaitu Taman Rekreasi Pulau Burung yang telah dibangunkan tahun ini oleh PLB Terang Sdn. Bhd., pemegang kontrak Tapak Pelupusan Pulau Burung. Kawasan DUN yang tidak ada taman rekreasi ialah Penaga, Bertam, Permatang Berangan, Sungai Puyu, Machang Bubuk, Perai, Bukit Tengah dan Bukit Tambun.

Dalam tempoh berkenaan PDC telah melaksanakan 3 projek di Seberang Perai yang melibatkan 2 Dewan Komuniti iaitu di Seberang Jaya dan Batu Kawan dan 1 projek kawasan perindustrian Batu Kawan serta 1 projek di bahagian Pulau yang melibatkan balai nelayan di sebelah Polis Marin. Manakala bagi tahun hadapan, PDC akan membangunkan Penang Science Park di Bukit Minyak. PDC akan menyediakan kemudahan-kemudahan seperti dewan, pusat komuniti, tapak penjaja, padang bola dan kawasan lapang di projek-projek PDC mengikut kehendak/ syarat PBT dari semasa ke semasa.

Tempat bersukan yang telah dinaik taraf serta dibangunkan oleh Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang seperti berikut :

(i) Tempat Bersukan Baru Dibina

Menaik taraf Kompleks Sukan Titi Mukim dengan Membina Gelanggang Futsal dan membina Gelanggang Petanque pada Tahun 2012 di KADUN Penaga.

(ii) Tempat Bersukan Dibaik pulih

Ini termasuk menaik taraf Kelab Menembak Pulau Pinang pada Tahun 2009 di KADUN Kebun Bunga.
Lain-lain kemudahan yang telah dinaik taraf pada tahun 2010 ialah Pusat Latihan Gimnastik dan Pusat Latihan Gimnasium, Pusat Latihan Wushu Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang di KADUN Batu Uban dan Menaik taraf Dataran Kejat Stadium Negeri Batu Kawan di KADUN Bukit Tengah.

Majlis Sukan Negeri juga Menaik taraf Pusat Latihan Angkat Berat SMK Seri Balik Pulau Pinang pada Tahun 2011 di KADUN Pulau Betong dan Kem Bina Diri Pantai Robina di Kadun Teluk Air Tawar dan Wisma Angkat Berat Bukit Mertajam di KADUN Berapit pada Tahun 2012.

(iii) Tempat Bersukan Yang Dirancang Tahun 2014

Ini melibatkan projek-projek Membina Gelanggang Bola Keranjang, Gelanggang Tennis dan Gelanggang Futsal di Perkarangan Tempat Letak Kenderaan Stadium Negeri Batu Kawan di KADUN Bukit Tengah.

Membina Gelanggang Woodball di Kompleks Sukan Titi Mukim di KADUN Penaga dan akhirnya.

Menaik taraf Kelab Menembak Pulau Pinang di KADUN Kebun Bunga.

Pada tahun 2013, JKR Pulau Pinang hanya melaksanakan kerja-kerja pembaikan dewan orang ramai iaitu di Dewan Millenium. Antara kerja-kerja baik pulih yang dilakukan ialah:

(i) Bumbung bocor

(ii) Baiki tandas dan lain-lain.

LAMPIRAN

SENARAI GERAI YANG DIBAIK PULIH DARI TAHUN 2008-2013

TAHUN 2008

BIL	GERAI	KOS (RM)	TARIKH MULA	TARIKH SIAP	KADUN
1.	Kompleks makanan Jln Tenggiri Pembaikan : -Slab konkrit -Interlocking paver	4,864.44	16.6.2008	17.6.2008	**P044: PERMTG. PAUH** **N10: SEBERANG JAYA**
2.	Kompleks makanan Beringin Pembaikan: -Pasang palong air	2,780.00	26.5.2008	2.7.2008	**P046: BATU KAWAN** **N17: BKT TENGAH**
3.	Gerai makan Jalan Kurau Pembaikan : -Pasang bumbung dan kerangka	9,961.00	26.5.2008	2.7.2008	**P046: BATU KAWAN** **N16:PERAI**
4.	Kompleks makan Bertam Permai Pembaikan: -Bina slab konkrit -Tukar siling -Pasang pintu dan grill -Cat dinding tandas -Kelengkapan dlm tandas	3,703.00	16.10.2008	17.11.2008	**P041:KEPALA BATAS** **N2: BERTAM**
5.	Kompleks makan Tun Dr Awang Pembaikan : -Pasang pintu tandas -Cat dinding tandas -Kelengkapan dalam tandas -Baiki bumbung dan tingkap -Baiki kebocoran pada dinding	4,853.00	19.8.2008	16.10.2008	**P043: BAGAN** **N8 : BAGAN JERMAL**
6.	Kompleks makan Tmn Teluk Air Tawar Pembaikan : -Pasang pintu tandas -Pasang pintu grill -Baiki kebocoran dalam tandas -Mengecat dalam tandas -Kelengkapan dalam tandas -Baiki kebocoran pada tangki air	4,164.00	19.8.2008	16.10.2008	**P041:KEPALA BATAS** **N6: Telok Ayer Tawar**
7.	Kompleks makan Jln Tenggiri Pembaikan: -Bina slab,baiki -lantai -Bina lantai - Pasang pintu	6,290.00	24.8.2008	16.10.2008	**P044: PERMTG PAUH** **N10: SEBERANG JAYA**
8.	Kompleks makan Tun Hussin Onn Pembaikan: -Baiki bumbung	1,936.00	24.8.2008	16.10.2008	**P044:PERMATANG PAUH** **N10: SEBERANG JAYA**
9.	Kompleks makan Tmn Pauh Indah Pembaikan : -Pasang pintu -Pasang pintu grill -Baiki kebocoran tandas	2,908.00	24.8.2008	16.10.2008	**P044:PMTG PAUH** **N10: SBRG. JAYA**
10	Gerai makan Ting.Perusahaan 6 Pembaikan: -Bumbung -Paip	16,168.00	22.9.2008	29.11.2008	**P046: BATU KAWAN** **N16: PERAI**
11.	Kompleks makan Guar Perahu Pembaikan: -Pasang pintu belakang tandas -Pasang pintu grill -Baiki dan tukar siling -Baiki kelengkapan tandas -Baiki palung air	6,368.00	24.8.2008	16.10.2008	**P044 :PMTG PAUH** **N12: PENANTI**

BIL	GERAI	KOS (RM)	TARIKH MULA	TARIKH SIAP	KADUN
12.	Kompleks makan Penaga Pembaikan: -Roller shutter -Bumbung	8,040.00	24.8.2008	16.10.2008	**P041:KEPALA BATAS** **N1: PENAGA**
13	Kompleks makan Medan Selera Jawi Pembaikan: -Baiki kerosakan dlm tandas -Pasang slab -siling/bumbung -Membaiki tingkap surau	4,000.00	24.8.2008	16.10.2008	**P047:NIBONG TEBAL** **N19: JAWI**
14	Kompleks makan Taman Sentosa,SPS Pembaikan: Pasang bumbung	4,155.00	24.8.2008	16.10.2008	**P047 :NIBONG TEBAL** **N19: JAWI**
15	Kompleks Makan Tambun Jaya, SPS Pembaikan: -Baiki kerosakan dlm tandas	1,714.00	24.8.2008	16.10.2008	**P046 :BATU KAWAN** **N18: BUKIT TAMBUN**
16	Pusat Penjaja Tmn Belibis,SPS Pembaikan: -Baiki kerosakan dlm tandas -cat bangunan	2,731.00	24.8.2008	16.10.2008	**P046:NIBONG TEBAL** **N20: SUNGAI BAKAP**

TAHUN 2009

BIL	GERAI	KOS (RM)	TARIKH MULA	TARIKH SIAP	KADUN
1	Kompleks Makan Bertam Permai Indah Pembaikan: -Pecah lantai -Pasang jubin	7,123.00	15.2.2009	28.4.2009	**P041 :KEPALA BATAS** **N2 :BERTAM**
2.	Kompleks Makan Mak Mandin Pembaikan: -Baiki perangkap minyak -Baiki kerosakan pintu dlm bilik air -Slab konkrit	11,713.00	15.2.2009	28.4.2009	**P043: BAGAN** **N7:SUNGAI PUYU**
3.	Gerai Makan Jalan Perusahaan 10 Pembaikan: -Baiki bumbung -Baiki tandas	17,000.00	2.3.2009	22.5.2009	**P046: BATU KAWAN** **N16:PERAI**
4.	Bina bumbung dan baiki palong air di pusat penjaja Machang Bubuk, SPT	20,000.00	15.10.2009	15.12.2009	**P045: BKT MERTAJAM** **N14 : MACHANG BUBUK**
5.	Kompleks makan Mak Mandin Pembaikan: -Baiki perabung -Baiki paip dan sinki -Baiki tandas	8,268.00	15.10.2009	15.12.2009	**P043: BAGAN** **N7:SUNGAI PUYU**
6.	Kompleks makan Sri Uda (KTM) - cat -baiki bumbung -baiki siling -kerusi meja	8,808.45	15.10.2009	15.12.2009	**P043:BAGAN** **N9: BAGAN DALAM**

TAHUN 2010

BIL	GERAI	KOS (RM)	TARIKH MULA	TARIKH SIAP	KADUN
1.	Kompleks makanan Taman Belibis Pembaikan: -Pasang palong air -baiki longkang -baiki bumbung ,siling, roller shutter	7,820.00	1.7.,2010	23.8.2010	**P046:NIBONG TEBAL** **N20: SUNGAI BAKAP**
2.	Kompleks makanan Tmn Tun Hussein Onn Pembaikan: -Baiki bumbung -baiki kerusi meja makan	4,300.00	9.7.2010	29.9.2010	**P044:PERMATANG PAUH** **N10: SEBERANG JAYA**
3.	Kompleks makanan Taman Pauh Damai Pembaikan: -Baiki bumbung bocor - Pembaikan meja makan	5,560.00	9.7.2010	29.9.2010	**P044: PMTG PAUH** **N11: PMTG PASIR**
4.	Kompleks Makanan Astaka Perda Pembaikan: - slab konkrit	700.00	9.7.2010	29.9.2010	**P045: BKT MERTAJAM** **N15: PADANG LALLANG**
5.	Gerai Makan Kurau 3 -Bekal dan pasang bumbung -Baiki longkang	5,180.00	22.9.2010	22.10.2010	**P046: BATU KAWAN** **N16:PERAI**

BIL	GERAI	KOS (RM)	TARIKH MULA	TARIKH SIAP	KADUN
6.	Kompkeks Makanan Jalan Tenggiri, SPT Pembaikan -2 unit roller shutter	5,400.00	22.9.2010	22.10.2010	**P044: PERMATANG PAUH** **N10 : SEBERANG JAYA**
7.	Kompleks Makanan Penaga Pembaikan: - 1 unit Roller shutter	1,800.00	22.6.,2010	22.7.2010	**P041 : KEPALA BATAS** **N1:PENAGA**
8.	Kompleks makanan Desa Murni Pembaikan: - baiki bumbung	4,200.00	22.6.,2010	22.7.2010	**P042: TAEK GELUGOR** **N5:SUNGAI DUA**
9.	Kompleks Tmn Selat Pembaikan: -Bekal dan pasang kabinet di Taman Selat	15,000.00	6.1.2010	3.2.1010	**P043:BAGAN** **N9: BAGAN DALAM**
10.	Kompleks makanan Kampung Jawa Pembaikan: - Memasang Pintu	2,200.00	11.6.2010	1.8.2010	**P043:BAGAN** **N9: BAGAN DALAM**
11.	Kompleks makanan Teluk air Tawar Pembaikan: -Pintu roller shutter -Slab konkrit -Baiki bumbung bocor	3,200.00	1.4.2010	28.6.2010	**P042 :TASEK GELUGOR** **N6: TELUK AIR TAWAR**
12.	Kompleks makanan Mak Mandin Pembaikan: -Pelapik longkang -Baiki bumbung -Baiki Pintu PVC -Pintu roller shutter	4,000.00	1.4.2010	28.6.2010	**P043: BAGAN** **N7:SUNGAI PUYU**
11	Kompleks makanan Guar Perahu Pembaikan: -Baiki kerusi meja -Baiki bumbung dan palong -Pintu roller shutter	8,750.00	1.4.2010	28.6.2010	**P044: PERMTG PAUH** **N12:PENANTI**
12.	Kompkeks makanan Taman Kelisa Pembaikan: -Baiki pagar -Pintu grill	1,300.00	1.4.2010	28.6.2010	**P044: PMTG PAUH** **N10:SEBERANG JAYA**
13.	Kompleks makanan Pelangi, A & B , gerai makanan kawasan perusahaan 6, 2 10 dan gerai makanan Taman Seri Delima	10,000.00	1.4.2010	28.6.2010	**P046: BATU KAWAN** **N16: PERAI**
14.	Kompleks makanan Kuala Bekah Pembaikan: -Baiki bumbung dan palong -Pasang tingkap dapur -Cat pintu belakang -Cat bangunan tandas -Baiki kerusi makan -Baiki peralatan dalam tandas -Pasang kerangka tingkap	7,870.00	3.6.2010	22.7.2010	**P042: TASEK GELUGOR** **N6: Telok Ayer Tawar**
15.	Kompleks makanan Penaga Pembaikan: Baiki siling	520.00	3.6.2010	22.7.2010	**P041: KEPALA BATAS** **N1: PENAGA**
16	Kompleks makanan Jalan Tenggiri Pembaikan: -Pasang pintu belakang -Pasang tingkap -Baiki paver interlocking -Baiki dan pasang slab longkang -Bekal dan pasang pintu roller shutter	7,440.00	1.4.2010	28.6.2010	**P044:PERMATANG PAUH** **N10:SEBERANG JAYA**
17.	Kompleks makanan Penaga Pembaikan: -Pasang pintu roller shutter -Pasang pintu belakang -Pasang tingkap pecah	7,245.00	2.1.2010	25.2.2010	**P041: KEPALA BATAS** **N1: PENAGA**
18.	Kompleks makanan Kuala Bekah Pembaikan: -Baiki bumbung bocor -Baiki dan pasang kepala paip, sinki dan paip tersumbat	700.50	2.1.2010	25.2.2010	**P042: TASEK GELUGOR** **N6: Telok Ayer Tawar**
19.	Gerai makan Taman Guru Pembaikan: -Palong air -Bina longkang -Baiki bumbung dan siling -Pasang sinki	3,354.75	6.1.2010	6.3.2010	**P044 :PERMATANG PAUH** **N12: PENANTI**
20.	Gerai makan Tmn Hj Mohd Amin Baiki pintu roller shutter Pasang pintu tandas	2,570.00	6.1.2010	6.3.2010	**P044: PMTG PAUH** **N11:PMTG PASIR**

TAHUN 2011

BIL	GERAI	KOS (RM)	TARIKH MULA	TARIKH SIAP	KADUN
1.	Kompleks makanan Pauh Indah Pembaikan: -slab konkrit -bumbung bocor	4,500.00	30.3.2011	30.6.2011	**P044: PERMATANG PAUH** **N10: SEBERANG JAYA**
2.	Kompleks makan Tun Huseein Onn Baiki bumbung	3,900.00	30.3.2011	30.6.2011	**P044: PERMATANG PAUH** **N10: SEBERANG JAYA**
3.	Kompleks makanan Jalan Tenggiri Bina depo sampah	3,210.00	27.5.2011	19.8.2011	**P044: PERMATANG PAUH** **N10: SEBERANG JAYA**
4.	Pusat penjaja Taman Selat Pembaikan: -Tanggal palong -pasang talang cucur atap, pasang papan tanda	16,200.00	9.8.2011	9.11.2011	**P043: BAGAN** **N9: BAGAN DALAM**
5	Gerai makan Desa Murni Kebaikan: -Roller shutter -Bumbung	1,013.00	14.11.2011	29.12.2011	**P042: TASEK GELUGOR** **N5: SUNGAI DUA**
6.	Kompleks makan Tambun Jaya Pembaikan: -Cat -Bumbung	8,755.00	5.1.2011	3.3.2011	**P046 : BATU KAWAN** **N18: BUKIT TAMBUN**
7.	Kompleks Taman Selat Pembaikan: -Baiki kebocoran -palong air -Bumbung	3,982.00	5.1.2011	3.3.2011	**P043: BAGAN** **N9: BAGAN DALAM**
8.	Kompleks Mak Mandin, SPU Pembaikan -Bumbung -Siling	1,888.00	5.1.2011	3.3.2011	**P043: BAGAN** **N7:SUNGAI PUYU**

TAHUN 2012

BIL	GERAI	KOS (RM)	TARIKH MULA	TARIKH SIAP	KADUN
1	Kompleks makanan Jln Tenggiri - - -bumbung - pintu roller shutter - slab konkrit, pembaikan tandas	137,829.00	28.8.2012	5.11.2012	**P044:PERMATANG PAUH** **N10:SEBERANG JAYA**
2	Kompleks Makanan Astaka Perda -bumbung -tar -tandas , longkang	171,268.00	20.9.2012	21.11.2012	**P044:PERMATANG PAUH** **N10:SEBERANG JAYA**
3.	Kerja-kerja pembaikan dan kerja berkaitan di kompleks makan Inderawasih, SPT	20,000.00	17.5.2012	30.12.2012	**P046: BATU KAWAN** **N16: PERAI**
4.	Kompleks makanan Mak Mandin Tukar Bumbung	4,837.00	15.10.2012	21.12.2012	**P043: BAGAN** **N7:SUNGAI PUYU**
5.	Kompleks makan Taman Sentosa,SPT Menyediakan water proofing	4,500.00	15.10.2012	21.12.2012	**P045 : BUKIT MERTAJAM** **N13:BERAPIT**
6.	Kompleks makan Tmn Inderawasih parit konkrit lantai	18,334.00	6.1.2012	7.3.2012	**P046: BATU KAWAN** **N16: PERAI**
7.	Gerai makan Tmn Seri Menerong Roller shutter Pasang pintu kayu	9,763.00	6.1.2012	7.3.2012	**P042: TASEK GELUGOR** **N3: PINANG TUNGGAL**
8.	Komplek makan Tambun Jaya Grating	2,500.00	1.3.2012	27.4.2012	**P046: BATU KAWAN** **N18: BUKIT TAMBUN**
9.	Gerai makan Tun Dr Awang Roller Shutter	3,409.00	1.3.2012	27.4.2012	**P043: BAGAN** **N7:SUNGAI PUYU**
10.	Kompleks makan jln Tenggiri Pasang penghadang Pasang papan tanda	5,540.00	27.2.2012	30.6.2012	**P044:PERMATANG PAUH**

TAHUN 2013

BIL	GERAI	KOS (RM)	TARIKH MULA	TARIKH SIAP	KADUN
1.	Kerja-kerja menaiktaraf kompleks makanan Taman Sentral,SPU	44,500.00	18.4.2013	19.6.2013	**P043: BAGAN** **N9: BAGAN DALAM**
2.	Kerja-kerja menaiktaraf tandas di kompleks penjaja perkampungan Machang Bubuk, SPT	68,478.00	17.4.2013	8.6.2013	**P045: BKT MERTAJAM** **N14 : MACHANG BUBUK**
3.	Kerja-kerja menaiktaraf Pusat Penjaja Sungai Dua Seberang Perai Utara	54,960.00	28.5.2013	24.6.2013	**P042 :TASEK GELUGOR** **N5: SUNGAI DUA**
4.	Cadangan menaiktaraf gerai penjaja Kubang Menerong, Tasek Gelugor, SPU.	92,500.00	22.10.2013	9.12.2013	**P042 :TASEK GELUGOR** **N4: PERMATANG BERANGAN**
5.	Cadangan pengubahsuaian gerai makan sediada di Taman Guar Perahu, SPT	85,000.00	22.10.2013	16.12.2013	**P044 :PERMATANG PAUH** **N12: PENANTI**
6.	Membekal dan memasang pintu roller shutter di gerai , kerusi dan grating di Kompleks makanan Tun Dr Awang.	28,722.42	25.6.2013	30.6.2013	**P044:PERMATANG PAUH** **N10:SEBERANG JAYA**
7.	Membekal pintu roller shutter, kerusi , siling ,menukar bumbung ,membekal dan memasang jubin mozek, pasang paip UPVC di kompleks makanan Mak Mandin	18,642.66	25.6.2013	30.6.2013	**P043: BAGAN** **N7: SUNGAI PUYU**
10	Medan selera Taman Siakap, SPT , Pemasangan jubin	2,005.00	15.8.2013	20.8.2013	**P044:PERMATANG PAUH** **N10:SEBERANG JAYA**
11.	Kerja-kerja naiktaraf pusat penjaja Taman Jaya, SPT	171,000.00	15.11.2013	09.1.2014	**P045: BKT MERTAJAM** **N13: BERAPIT**

SENARAI GERAI MENGIKUT KADUN DARI TAHUN 2008-2013

C) Yang dirancang bagi tahun 2014

BIL	GERAI	KOS (RM)	TARIKH MULA	TARIKH SIAP	KADUN
1	Kompleks makanan Taman Beringin				
2	Kompleks makanan Taman Pauh Damai				
3	Kompleks makanan Lorong Perusahaan 3				

SENARAI DEWAN YANG DI BAIKPULIH DARI TAHUN 2008 HINGGA 2013

BIL	TAHUN	DEWAN	KOS (RM)	TARIKH MULA	TARIKH SIAP	KADUN
1.	**2008**	Dato Hj Ahmad Badawi,SPU	20,829.00	24.3.2008	18.12.2008	BAGAN
		Tmn Teratai Indah,SPU	28708.11	15.7.2013	14.9.2008	BAGAN
		Tmn Mutiara,SPT	29,961.43	15.7.2008	28.8.2008	BKT MERTAJAM
		Dewan Pasar Kota Permai, SPT	18,200.00	02.01.2008	1.8.2013	BKT MERTAJAM
		Tmn Kota Permai,SPT	7,124.06	15.7.2008	1.8.2008	BKT MERTAJAM
		Tmn Kpg Baru,SPT	12,869.33	15.7.2008	1.8.2008	BKT MERTAJAM
		Tmn Gamelan,SPS	7,213.17	15.7.2008	1.8.2008	NIBONG TEBAL
		Tmn Tambun Jaya,SPS	16,781.88	15.7.2008	1.8.2008	BATU KAWAN
		Tmn Nibong Tebal Jaya,SPS	39,959.21	15.7.2008	14.9.2008	NIBONG TEBAL
2.	**2009**	Dato Hj Ahmad Badawi,SPU	8,575.61 23,500.00	1.10.2009 28.5.2009	15.10.2009 6.8.2009	BAGAN
		Tmn Seri Serdang,SPU	14,720.00	14.5.2009	4.6.2009	BAGAN
		Dewan Mellenium, Kepala Batas,SPU	5,423.73 19,646.33	19.2.2009	19.3.2009	KEPALA BATAS
		Dewan Pasar Kepala Batas,SPU	14,981.80 7,648.35	11.5.2009 19.2.2009	10.6.2009 18.3.2009	KEPALA BATAS
		Tmn Desa Damai,SPT	10,429.88	16.6.2009	16.7.2009	BKT MERTAJAM

BIL	TAHUN	DEWAN	KOS (RM)	TARIKH MULA	TARIKH SIAP	KADUN
		Tmn Sentul,SPT	19,485.40	6.8.2009	9.11.2009	BKT MERTAJAM
		Tmn Lampam,SPT	29,950.00	24.2.2009	7.4.2009	PMTG PAUH
		Tmn Sentul Indah,SPT	14,780.63	16.6.2009	16.9.2009	BKT MERTAJAM
		Tmn Pauh Jaya,SPT	1,902.72	16.9.2009	15.10.2009	PMTG PAUH
		Tmn Pauh Damai,SPT	3,616.06	15.10.2009	14.11.2009	PMTG PAUH
		Tmn Desa Damai,SPT	1,222.43	15.11.2009	31.12.2009	BKT MERTAJAM
		Tmn Desa Palma,SPT	19,987.83 31,780.00	11.5.2009	12.6.2009	BKT MERTAJAM
		Tmn Berjaya,SPS	1,207.85	16.6.2009	16.8.2009	NIBONG TEBAL
		Tmn Seri Tambun,SPS	3,362.00	13.6.2009	14.7.2009	BATU KAWAN
		Tmn Mutiara,SPT	1,439.82	11.5.2009	11.7.2009	BKT MERTAJAM
		Tmn Gemalan,SPS	11,938.37	11.7.2009	11/09/09	NIBONG TEBAL
3	2010	Tmn Telok Ayer Tawar Indah,SPU	20,000.00	1.42010	1.5.2010	TASEK GELUGOR
		Dewan Hj Ahmad Badawi,SPU	16,622.00	7.1.2010	18.6.2010	BAGAN
		Tmn Seri Indah,SPU	6,504.93	7.3.2010	6.4.2010	KEPALA BATAS
		Tmn Alma Jaya,SPT	8,341.21	1.4.2010	29.4.2010	BKT MERTAJAM
		Tmn Inderawasih,SPT	10,896.16	1.4.2010	29.4.2010	BATU KAWAN
		Tmn Cendana,SPT	20,000.00	29.1.2010	4.2.2010	BATU KAWAN
		Taman Serumpun,SPT	19,808.38	14.9.2010	15.10.2010	BKT MERTAJAM
		Taman Sutera Prima,SPT	25,884.00	8.11.2010	31.12.2010	PMTG PAUH
		Tmn Tambun Indah,SPS	3,620.37	7.1.2010	2.8.2010	BATU KAWAN
		Tmn Mutiara Tanjung,SPS	16,553.22	7.1.2010	3.9.2010	BATU KAWAN
		Tmn Seruling Emas,SPS	18,265.57	14.9.2010	15.10.2010	NIBONG TEBAL
		Tmn Tambun Jaya,SPS	19,237.85	7.4.2010	6.5.2010	BATU KAWAN
4.	2011	Tmn Penaga,SPU	12,397.00	1.4.2011	1.6.2011	KEPALA BATAS
		Tmn Perkasa,SPU	7,603.00	1.4.2011	1.6.2011	BAGAN
		Tmn Seri Pinang,SPU	20,000.00	13.9.2011	13.10.2011	BAGAN
		Tmn Machang Manis,SPT	19,506.25	1.2.2011	29.3.2011	BKT MERTAJAM
		Tmn Machang Bubuk,SPT	15,349.59	21.6.2011	20.5.2011	BKT MERTAJAM
		Tmn Bukit Minyak Indah,SPT	19,839.34	1.4.2011	1.5.2011	BATU KAWAN
		Tmn Bandar Tasek Mutiara Fasa 2,SPS	65,350.00	3.5.2011	13.6.2011	BATU KAWAN
		Tmn Jawi Indah & Tmn Tasek Indah,SPS	20,000.00	11.2.2011	10.3.2011	NIBONG TEBAL
		Tmn Sg Bakap Permai, Tmn Sg Bakap Indah & Tmn Bandar Tasek Mutiara,SPS	18,852.90	1.7.2011	31.12.2011	NIBONG TEBAL/BATU KAWAN
		Tmn Cenderawasih Indah,SPS	11,000.00	11.10.2011	10.11.2011	NIBONG TEBAL
		Tmn Nilam Tanjung,Batu Kawan, SPS	11,150.72	11.10.2011	10.11.2011	BATU KAWAN
		Tmn Cenderawasih, SPS	8,849.00			NIBONG TEBAL
		Tmn Sg Duri ,Tmn Tambun Indah & Tmn Tasek Indah Indah,SPS	9,808.64	1.4.2011		BATU KAWAN/NIBONG TEBAL
5.	2012	Tmn Bertam Permai,SPU	20,000.00	9.9.2012	11.10.2012	KEPALA BATAS
		Dato Hj. Ahmad Badawi	20,000.00	16.1.2012	16.2.2012	BAGAN
		Tmn Permata,SPT	10,282.51	14.5.2012	13.6.2012	BKT MERTAJAM
		Tmn Inderawasih,SPT	4,894.36	14.5.2012	13.6.2012	BATU KAWAN
		Tmn Berapit,SPT	2,799.92	14.5.2012	13.6.2012	BKT MERTAJAM
		Tmn Kijang Indah,SPT	7,100.00	16.1.2012	20.2.2012	BKT MERTAJAM
		Taman Pelangi, Tmn Duku & Tmn Sukun,SPT	19,570.59	16.1.2012	31.12.2012	BATU KAWAN
		Tmn Nilam Tanjung Permai, Tmn Panchor Permai & Tmn Panchoe Indah,SPS	20,000.00	9.9.2012	31.12.2012	NIBONG TEBAL/BATU KAWAN
		Tmn Mutiara ,SPT	64,000.00	1.7.2012	27.8.2012	BKT MERTAJAM

BIL	TAHUN	DEWAN	KOS (RM)	TARIKH MULA	TARIKH SIAP	KADUN
		Tmn Kasawari & Tmn Bistari, SPS	20,000.00	16.1.2012	15.2.2012	BATU KAWAN
		Tmn Sg. Bakap &Tmn Tasek indah , SPS	19,842.03	14.5.2012	15.5.2012	NIBONG TEBAL/BATU KAWAN
6.	2013	Tmn Perkasa,SPU	5,500.00	4.6.2013	15.7.2013	BAGAN
		Tmn Pokok Sena Indah & Tmn Desa Sena,SPU	20,000.00			KEPALA BATAS
		Tmn Seri Delima &Tmn Pauh Damai,SPT	19,229.34	20.3.2013	10.7.2013	PERMATANG PAUH
		Tmn Belimbing, SPT	7,650.00	2.5.2013	23.5.2013	BKT MERTAJAM
		Tmn Bandar Tasek Mutiara Fasa 3	Sebutharga ditutup pada 11.11.2013	20.3.2013	15.7.2013	BATU KAWAN
		Tmn Suria Aman	Sebutharga ditutup pada 11.11.2013			BKT MERTAJAM
		Tmn Mutiara Tanjung, SPS	Telah hantar untuk iklan ke bahagian perolehan pada 11.11.2013			BATU KAWAN

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

51. Bangunan Sekolah Shi Chung di Jalan Farquhar adalah satu contoh bangunan warisan dunia yang ditinggalkan dalam kehancuran. Adalah sakit mata dan sakit hati memandangkan bangunan ini hampir runtuh dan tidak ada strategi dan tindakan dari Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan Pihak Berkuasa Tempatan untuk menyelamatkan warisan dunia ini.

Y.A.B. Ketua Menteri:

51. Sukalah dijelaskan bahawa Bangunan Sekolah Shi Chung, di Jalan Sultan Ahmad Shah (bukan Jalan Farquhar) telah pun disenaraikan sebagai bangunan warisan dan juga bangunan usang dalam senarai MPPP. Pihak MPPP telah memberi notis di bawah Seksyen 82 AKT 1976 (Notis mengkehendaki kacau ganggu dihapuskan) pada tahun 2012 kepada pemilik bangunan serta mengeluarkan surat mengkehendaki pemilik bangunan supaya mengambil langkah-langkah keselamatan dan perlindungan pada bangunan dengan membuat *steel bracing dan steel props*, memasang pagar keselamatan serta membuang pokok-pokok liar pada bangunan. Dalam hal ini, pemilik bangunan telah mengambil tindakan dengan membuang pokok liar dan memasang pagar keselamatan di sekeliling bangunan sebagai langkah sementara. Mengikut rekod majlis terkini, pemilik bangunan telah mengemukakan Pelan Permohonan Merancang MPPP/OSC/PM (1587)/11 untuk pemajuan baru dan membaikpulih bangunan sedia ada tersebut. Oleh kerana permohonan ini melibatkan bangunan warisan, maka pemohon telah diminta untuk membuat kajian lanjut tentang konsep pemajuan dan pemohon kini dalam proses untuk mengemukakan semula cadangan pemajuan. Dalam masa yang sama, pemaju/pemilik bangunan diarah supaya mengambil langkah-langkah keselamatan ke atas bangunan tersebut termasuk membina bumbung sementara. Sekiranya pemaju/pemilik bangunan tersebut gagal mengambil tindakan, MPPP akan menjalankan kerja-kerja yang sewajarnya bagi melindungi bangunan ini. Semua kos yang terlibat akan dikenakan kepada pemilik bangunan tersebut.

Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

52. Adakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang merancang untuk membina lebih banyak tempat letak kereta bertingkat di kawasan Tanjong terutamanya di KADUN KOMTAR dan KADUN Padang Kota?

Y.A.B. Ketua Menteri:

52. Buat masa sekarang, Kerajaan Negeri tidak mempunyai perancangan untuk membina tempat letak kereta bertingkat yang baru. Walau bagaimanapun, perkara ini akan diberi pertimbangan sekiranya mendapat tapak yang bersesuaian.

MPPP mempunyai 3 kompleks tempat letak kereta bertingkat iaitu di Jalan Hutton, Lebuh Union dan Lebuh Pantai dan pada masa ini tempat letak kereta bertingkat di KADUN KOMTAR adalah mencukupi.

Ahli Kawasan Air Itam (YB. Wong Hon Wai) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

53. (a) Nyatakan angka terkini bilangan pekerja asing yang mempunyai permit kerja sah di Negeri Pulau Pinang dan pecahan mengikut sektor dan negara asal.

(b) Apakan strategi Kerajaan Negeri dalam mengurangkan kepergantungan ekonomi Negeri Pulau Pinang kepada pekerjaasing.

Y.A.B. Ketua Menteri:

53. (a) Angka terkini bilangan pekerja asing yang mempunyai permit kerja sah di Negeri Pulau Pinang dan pecahan mengikut sektor dan negara asal adalah seperti dilampiran.

(b) Untuk menangani isu kebergantungan kepada pekerja asing ini, Kerajaan Negeri telah merangka strategi-strategi berikut:-

(i) Menggalakkan pelaburan dalam industri-industri berteknologi tinggi dan nilai tambah tinggi seperti aerospace, peralatan perubatan dan sebagainya yang memerlukan tenaga kerja berkemahiran tinggi.

(ii) Menggalakkan tenaga kerja yang sedia ada untuk menjalani program latihan kemahiran samada di institut kemahiran tajaan kerajaan atau swasta demi meningkatkan kemahiran.

(iii) Memberi tumpuan kepada sektor teknologi maklumat dan perkhidmatan seperti *Shared Service Outsourcing* (SSO) dan *Business Process Outsourcing* (BPO) yang mengambil hampir 100% pekerja tempatan.

(iv) Menggalakkan perusahaan kecil dan sederhana (IKS) dalam penggunaan automasi untuk meningkat nilai rantaian bagi mengurangkan keperluan mereka mengambil pekerja asing. Dalam hal ini, Kerajaan Negeri telah menubuhkan SMART Centre untuk menyediakan kemudahan dan panduan kepada pengusaha IKS.

(v) Penubuhan Majlis Sains Pulau Pinang yang turut memperlihatkan hala tuju Pulau Pinang dalam melahirkan lebih ramai tenaga kerja yang berkemahiran sains dan teknologi.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

54. Perincikan perancangan pembangunan baru dibawah Perbadanan Bukit Bendera. Adakah cadangan pembangunan di Bukit Bendera ini mendapat restu dan persetujuan daripada pemilik hartanah di kawasan berkaitan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

54. Bagi tahun 2014, Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang (PBBPP) telah membuat perancangan untuk melaksanakan sebanyak sepuluh (10) projek utama merangkumi pembaikan cerun, pembaikan sistem pembentungan dan pembaikan sistem saliran. Projek- projek berkenaan tidak melibatkan pemilik hartanah di Bukit Bendera. Di antara projek-projek telah di rancang yang dimaksudkan adalah:-

    i) Penyelenggaraan dan Penambahbaikan Cerun berdekatan Stesen Atas Bukit Bendera (Site 1) yang melibatkan kerja-kerja penstabilan cerun.

    ii) Penyelenggaraan dan Penambahbaikan Cerun di Jalan Tuanku Yahya Petra View Point Bukit Bendera (Site 4) yang melibatkan kerja-kerja penstabilan cerun.

    iii) Cadangan Menaik taraf Stesen Atas (Fasa 2) di Bukit Bendera lanya melibatkan kerja-kerja pembinaan pelantar dan holding area berdekatan Stesen Atas Bukit Bendera.

    iv) Kerja-kerja pembaikan parit monsoon dan saliran utama dari stesen atas sehingga Stesen Viaduct.

    v) Kajian pengukuhan struktur viaduct di sepanjang landasan dan terowong di landasan keretapi Bukit Bendera.

    vi) Menaik taraf landskap di Jalan Tuanku Yahya Petra (dari stesen atas sehingga Hotel Bellevue, Bukit Bendera).

    vii) Cadangan Penambahan Infrastruktur Sistem Pembentungan di Bukit Bendera yang melibatkan kerja-kerja pembaikan sistem pembentungan sedia ada.

    viii) Kerja–kerja pengubahsuian ruang pejabat Perbadanan Bukit Bendera.

    ix) Pemulihan parit-parit di sekitar kawasan Bukit Bendera yang melibatkan kerja-kerja pembaikan parit-parit sekitar atas Bukit Bendera.

    x) Membina laluan kecemasan dari Stesen Atas ke Stesen Bawah Bukit Bendera Pembinaan laluan kecemasan dari stesen tengah ke stesen bawah Bukit Bendera.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Lau Keng Ee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

55. Apakah tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang terhadap penceroboh tanah kerajaan? Sila nyatakan dengan teliti berapa kes dan apakah tindakan hukuman yang telah diambil mulai Januari 2013 hingga Oktober 2013 mengikut daerah di Negeri Pulau Pinang.

Y.A.B. Ketua Menteri:

55. (a) Kerajaan Negeri mengambil tindakan terhadap penceroboh tanah kerajaan seperti berikut:-

    (i) Mengeluarkan notis pemberitahuan mengenai kesalahan pencerobohan di bawah Seksyen 425 dan 426 Kanun Tanah Negara.

Ahli Kawasan Berapit (YB. Ong Kok Fooi) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

56. Memandangkan pembangunan pesat sedang dijalankan di Seberang Perai Tengah, apakah rancangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk menyelesaikan masalah kesesakan lalulintas dan masalah banjir kilat di Seberang Perai Tengah? Sila huraikan dengan teliti.

Y.A.B. Ketua Menteri:

56. Isu kesesakan lalu lintas di Seberang Perai Tengah (SPT) akan ditangani berdasarkan cadangan Pelan Induk Pengangkutan seperti berikut **:**

i. *Highway Improvement Strategy*

Pembinaan North-Sourth Expressway Link Road yang melalui Bandar Bukit Mertajam. Cadangan ini dijangka dibina bermula tahun 2020.

ii. *Public Transport Improvement Strategy*

a. Menambahkan bilangan perkhidmatan bas di SPT seperti di Machang Bubuk dan Alma.

b. Menggalakkan penggunaan Keretapi Elektrik (Double Track) sebagai salah satu pengangkutan utama.

Bagi menyelesaikan masalah banjir kilat pula, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pengairan Dan Saliran (JPS) akan melaksanakan kajian untuk menyediakan pelan induk sistem saliran mesra alam bagi Daerah Seberang Perai Tengah. Kajian ini dijangka bermula pada Mei 2014 dan akan siap pada Mei 2015. Hasil kajian ini akan dapat menyediakan pelan jangka panjang bagi mengatasi masalah sistem saliran sedia ada. Selain itu, masalah banjir kilat boleh diatasi dengan penyelenggaraan berkala kolam-kolam takungan yang disediakan oleh pemaju dan menaiktaraf sistem saliran dalaman.

Manakala perancangan MPSP bagi menangani isu banjir kilat di Daerah Seberang Perai Tengah adalah seperti berikut:

i. Bagi setiap pembangunan baru terutama di kawasan SPT dan di kawasan *hotspot* banjir, kecukupan kapasiti kolam takungan akan diteliti dengan lebih terperinci sebelum kelulusan kebenaran merancang diberikan.

ii. Pembangunan pesat di SPT menyumbang kepada pertambahan air larian permukaan menyebabkan parit dan sungai tidak dapat menampung pertambahan kapasiti air. Sebagai panduan kepada pembangunan, JPS telah membentangkan permohonan peruntukan untuk penyediaan satu *Drainage Master Plan* di kawasan SPT. Ini sebagai rujukan kepada pembangunan pada masa hadapan supaya sistem perparitan lebih teratur dan dapat menampung pertambahan kapasiti air.

iii. Satu pembinaan kolam tadahan komunal telah dicadang di kawasan Alma. Pihak JPS akan mengambil tindakan untuk membuat pengambilan tanah di sebelah kemajuan Tetuan DNP. Ini untuk mengatasi masalah banjir bagi jangka masa panjang.

iv. Bagi kawasan melibatkan Parit 4 iaitu kawasan Lembangan Sungai Rambai, Kebun Sireh dan Perai, satu cadangan membina rumah pam di kawasan Autocity sedang diteliti pihak JPS. Pembinaan rumah pam ini jika diluluskan oleh Kerajaan Negeri akan dapat menyelesaikan isu banjir di sepanjang kawasan Parit 4.

v. Pihak JPS dalam proses rekabentuk dan tender bagi pembinaan satu saluran pintasan sepanjang 1.8 km yang bermula dari Taman Impian Murni melalui Jalan Rozhan ke Taman Permatang Tinggi dan kemudian ke Rumah Pam Permatang Tinggi. Perlaksanaan ini akan dapat menyelesaikan masalah banjir di Alma dan Permatang Tinggi.

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

57. Adakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan mengurangkan peruntukan tetap atau secara berkanun kepada Sekolah-sekolah Bantuan Modal dalam bajet tahun 2014 seperti Kerajaan Persekutuan yang mengurangkan separuh peruntukan kepada Sekolah Rendah Cina?

Y.A.B. Ketua Menteri:

57. Kerajaan Negeri Pulau Pinang tidak bercadang untuk mengurangkan agihan peruntukan kepada sekolah-sekolah Bantuan Modal dalam Bajet 2014. Untuk tahun 2014, Kerajaan Negeri dijangka akan memperuntukkan sejumlah RM12.0 juta untuk program bantuan pendidikan sama seperti tahun semasa 2013. Namun begitu jumlah sebenar akan hanya diputuskan selepas Bajet Kerajaan Negeri bagi tahun 2014 diluluskan dalam sidang Dewan Undangan Negeri ini.

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Teh Yee Cheu) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

58. Huraikan sebab-sebab berlaku kelewatan dan masih tiada keputusan bagi pelaksanaan :

(i) Kajian Semula Pelan Struktur Pulau Pinang 2007;

(ii) Pewartaan Pelan Tempatan Pulau Pinang;

(iii) Enakmen Kebebasan Maklumat Pulau Pinang (Freedom of Information) dan

(iv) Enakmen Warisan (Heritage).

Y.A.B. Ketua Menteri:

58. (i) Kajian Semula Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang

Kajian Semula Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang 2020 (RSNPP 2020) mula dilaksanakan pada bulan September 2012 selaras dengan Seksyen 11A, Akta 172. Kajian ini melibatkan penilaian dan kajian semula terhadap dasar-dasar yang telah dikenal pasti dan disyorkan dipinda berdasarkan kepada arahan-arahan dari Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri, aduan-aduan orang awam dan maklumbalas-maklumbalas dari agensi teknikal. Penyediaan Kajian Semula RSNPP 2020 adalah mengikut proses asal penyediaan Rancangan Struktur Negeri. Secara umumnya proses penyediaan RSN ini mengambil masa yang agak lama iaitu di antara 3 hingga 5 tahun kerana ianya juga melibatkan 2 proses bantahan awam yang panjang.

Kajian Semula RSNPP 2020 perlu melalui proses-proses yang tertakluk di dalam Akta 172 sebelum ianya dapat diwartakan. Proses penyediaan Kajian Semula RSNPP 2020, melibatkan beberapa peringkat iaitu:-

(a) Laporan Pemeriksaan yang menyediakan maklumat-maklumat dan data-data terkini pembangunan negeri

(b) Publisiti dan Laporan Publisiti

(c) Draf Laporan Awal Kajian Semula

(d) Draf Akhir Kajian Semula (Rancangan Struktur Negeri)

(e) Pembentangan kepada Jawatankuasa Perancang Negeri

(f) Majlis Perancang Fizikal Negara (MPFN) dan

(g) Pewartaan

Sehingga Oktober 2013, JPBD telah menyiapkan Laporan Pemeriksaan dan akan dibentangkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri untuk kelulusan publisiti. Laporan ini mengandungi data-data terkini semua sektor yang terdapat di dalam RSNPP 2020. Data ini perlu diperolehi dari pelbagai agensi dan memerlukan banyak sesi perbincangan untuk pengesahan dan pengumpulan data tersebut. Publisiti akan diadakan selama 1 bulan dan dalam peringkat publisiti, satu pameran akan diadakan kepada orang awam bagi membolehkan mereka memberi ulasan dan cadangan mengenai data-data yang dipamerkan. Satu laporan akan disediakan berdasarkan maklum balas dan cadangan dari orang awam tersebut dan ianya akan digunakan dalam merumuskan dasar-dasar baru dan dimasukkan dalam Draf Laporan (Kajian Semula RSNPP 2020) yang akan disediakan pada awal tahun 2014.

(ii) Pewartaan Pelan Tempatan Pulau Pinang

Penyediaan Rancangan-Rancangan Tempatan (RT) tertakluk kepada keperluan Kerajaan Negeri dan oleh kerana ianya melibatkan pindaan-pindaan tertentu, maka tambahan masa diperlukan untuk disempurnakan sebelum pewartaan dapat dilaksanakan dan Rancangan-rancangan Tempatan berkenaan dapat diguna pakai. Dalam masa yang sama, ianya masih perlu dirujuk dan dibincang secara mendalam bersama-sama ADUN Kerajaan Negeri yang berkenaan dan proses ini agak memakan masa. Di samping itu juga ianya perlu dipinda selaras dengan dasar-dasar terkini pembangunan negeri dan hanya akan dipamerkan setelah mendapat kelulusan Jawatankuasa Perancang Negeri setelah perkara-perkara yang perlu dipertimbangkan diambil kira dan dimasukkan di dalam Rancangan Tempatan.

Bagi Rancangan Tempatan Pulau terdapat beberapa pindaan perlu diselaraskan dan dimasukkan di dalam deraf Rancangan Tempatan berkenaan dan dengan mengambil kira Rancangan Kawasan Khas Kawasan Tapak Warisan Dunia Georgetown dan Taman Botani. Di samping itu juga, pengesahan kandungan RT juga perlu diperolehi dari ADUN dan Ahli EXCO di bahagian Pulau sebelum RT ini dibawa untuk sesi publisiti dan bantahan awam.

Rancangan Tempatan Pulau Pinang (Pulau) telah diluluskan diperingkat MPPP pada 13.1.2008 dan telah dibentangkan di Jawatankuasa Perancang Negeri pada 14.1.2010, 21.1.2010 dan 7.4.2010. Draf rancangan Tempatan Pulau Pinang (Pulau) 2020 dalam penelitian.

Pelan Tempatan di dalam kawasan Seberang Perai adalah Draf RTD SPU, RTD SPT dan RTD SPS. Ketiga-tiga Draf ini telah diluluskan oleh Majlis Penuh MPSP. Berikut ialah Draf Rancangan Tempatan dengan tarikh kelulusan oleh Jawatankuasa Perancang Negeri, RTD SPU (1 April 2011), RTD SPT (16 Mei 2011) dan RTD SPS (14 Mei 2012). Draf RTD SPU dan SPT dalam peringkat Sesi Siasatan dan Pendengaran Awam yang akan diadakan bermula pada 26 November 2013 ini. Manakala Draf RTD SPS dalam peringkat pindaan draf laporan akhir.

(iii) Enakmen Kebebasan Maklumat Pulau Pinang (Freedom of Information)

Enakmen Kebebasan Maklumat Negeri Pulau Pinang telah dibentangkan di dalam Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) pada 11 Oktober 2013 dan telah diputuskan cadangan penguatkuasaan Enakmen tersebut ialah pada 1 Julai 2014. Bagi tujuan memenuhi Enakmen ini penetapan Ahli-ahli Lembaga Rayuan adalah diperlukan untuk diwartakan. Bagi tujuan ini perwartaan Ahli Lembaga Rayuan akan dibuat setelah dibentang dan diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri (DUN) Sesi Pertama/2014.

(iv) Enakmen Heritage

Enakmen Heritage telah diwartakan pada 12 November 2011. Walau bagaimanapun tarikh penguatkuasaan enakmen ini masih dalam peringkat pertimbangan Kerajaan Negeri. Pewartaan enakmen ini perlu disusuli dengan pewartaan peraturan-peraturan warisan yang masih dalam peringkat akhir penyediaan.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

59. Penglibatan Kementerian dan Agensi Kerajaan Persekutuan diperlukan untuk menjayakan Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang. Apakah status perbincangan, kerjasama dan komitmen antara Kementerian dan Agensi-agensi Kerajaan Persekutuan dan Negeri? Apakah halangan dalam usaha memperbaiki sistem pengangkutan demi kebajikan rakyat?

Y.A.B. Ketua Menteri:

59. Pelan Induk Pengangkutan telah dijadikan dokumen rasmi Kerajaan Negeri untuk diguna pakai oleh semua agensi berkaitan. Kerajaan Negeri juga telah mula berjumpa dengan semua pihak yang terlibat di dalam merealisasikan semua strategi di dalam Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang bermula awal tahun ini. Perbincangan dan kerjasama setakat ini menampakkan hasil yang positif terutama di dalam menaiktaraf sistem pengangkutan awam kerana beberapa strategi Kerajaan Persekutuan adalah seiring dengan strategi Kerajaan Negeri. Dalam elemen lebuhraya pula, semua cadangan di dalam Pelan Induk akan diketengahkan bagi kebaikan semua. Perjumpaan dan perbincangan ini akan diteruskan bagi kelangsungan semua strategi Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang.

Halangan yang dihadapi seperti yang dinyatakan di dalam kajian Pelan Induk Pengangkutan adalah seperti berikut:

i. Peruntukan kewangan dan kuasa yang terhad kerana ia merupakan bidang kuasa Kerajaan Persekutuan yang kurang berminat bekerjasama dengan Kerajaan Negeri.

ii. Perkhidmatan pengangkutan awam sedia ada adalah terhad dan tidak menyeluruh.

iii. Pelaksanaan terutama di kawasan Bandar George Town perlu diteliti kerana kawasan tersebut terlingkung di dalam kawasan Warisan Dunia.

Ahli Kawasan Paya Terubong (YB. Yeoh Soon Hin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

60. Apakah usaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk peningkatan kesedaran awam danpermintaan untuk produk hijau, penyelesaian dan perkhidmatan dalam menjadikan negeri Pulau Pinang sebagai negeri hijau. Bagaimana Kerajaan Negeri menebus sempadan, menentukan piawaian baru dan memanfaatkan peluang-peluang yang hijau pada masa yang betul? Adakah *trend Going Green* membuka pasaran keusahawanan bagi usahawan di Negeri Pulau Pinang?

Y.A.B. Ketua Menteri:

60. Antara usaha Kerajaan Negeri dalam menjadikan Negeri Pulau Pinang sebagai negeri hijau ialah melalui program-program yang dijalankan bersama dengan Pihak Berkuasa Tempatan seperti larangan penggunaan bekas polisterin, Program *"No Free Plastic Bag",* penganjuran sesi dialog atau seminar hijau bersama stakeholders, membangunkan dan memperluaskan model dan mekanisme pengurangan sisa pepejal yang berasaskan kepada budaya pengasingan sisa di peringkat punca yang berasaskan kepada prinsip 5R (Reduce, Reuse, Recycle, Rethink & Reinvent) dan melaksanakan program penghijauan bandar dengan menanam lebih banyak pokok-pokok teduhan di pembahagi-pembahagi jalan, taman dan di tanah lapang yang diselenggara oleh PBT.

Kerajaan Negeri sedang berusaha menentukan piawaian baru dengan menyediakan Garis Panduan Eco Town untuk menjadikan Bandar Casia di Batu Kawan sebagai Eco Town yang pertama di Malaysia. Selain daripada itu, Kerajaan Negeri juga telah mengenakan syarat bagi menggalakkan pemohon / pemaju mereka bentuk bangunan yang mempunyai ciri-ciri 'green building' seperti berikut:-

a) Penyediaan bukaan / ruang untuk pencahayaan dan pengudaraan semula jadi.

b) Mengadakan tadahan air hujan untuk kitar semula.

c) Penggunaan 60% bahan-bahan tempatan dalam pembinaan.

d) Melarang penggunaan bahan asbestos dalam pembinaan.

Adalah didapati bahawa *trend 'going green'* sudah pastinya membuka pasaran keusahawanan baru bagi usahawan di Negeri Pulau Pinang. Di antara peluang-peluang baru yang boleh diceburi oleh usahawan adalah seperti:-

a) Penghasilan biogas, baja kompos dan penjanaan elektrik daripada pengurusan sisa organik

b) Merancakkan penglibatan pihak swasta dan pembangunan *"Full Recovery Facility"*

c) Penghasilan produk hijau seperti lampu LED, solar serta bahan binaan yang mesra alam.

Pada Jun 2013, Kerajaan Negeri juga mengambil pendekatan *Green Public Procurement* supaya rangkaian pembekal kepada Kerajaan Negeri boleh menyesuaikan diri dalam *trend 'going green'* ini.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

61. Pengangkutan Awam adalah nadi kepada Sistem Pengangkutan Negeri. Apakah alternatif lain yang mungkin atau akan dilaksanakan di Negeri Pulau Pinang bagi mengurangkan kesesakan di pusat bandar mahupun luar lingkaran pusat bandar yang lebih mesra alam sesuai dengan moto Kerajaan Negeri Pulau Pinang Bersih, Hijau, Sihat dan Selamat.

Y.A.B. Ketua Menteri:

61. Di dalam usaha mengurangkan kesesakan lalu lintas di pusat bandar mahupun luar lingkaran pusat bandar. Kerajaan Negeri telah mengambil langkah-langkah seperti berikut :-

(i) Menggalakkan orang ramai berjalan kaki dengan membina laluan-laluan pejalan kaki baru dan menaik taraf yang sedia ada serta mewujudkan lintasan-lintasan pejalan kaki;

(ii) Membina dan menaik taraf jalan. Projek-projek pembinaan jalan pintas (*by-pass*) dan lebuhraya utama sebagai laluan alternatif untuk mengurangkan kesesakan di jalan-jalan tempatan juga telah dirancang;

(iii) Mengurus aliran lalu lintas dengan mewujudkan sistem jalan sehala dan mengadakan larangan / sekatan serta menaik taraf perfungsian lampu isyarat; dan

(iv) Membina dan menaik taraf laluan dan kemudahan basikal dengan polisi dan garis panduan penyediaan laluan basikal. Sebagai usaha mengurangkan kesesakan lalul intas di Pulau Pinang jangka pula, Pelan Induk Pengangkutan telah diwujudkan di mana pelan berkenaan mencadangkan :-

(a) *Highway Network Improvement*

Terdapat cadangan pembinaan jalan / lebuhraya baru iaitu :

(i) *George Town Outer Bypass*

(ii) *Air Itam – Relau Pair Road*

(iii) *North – Coast Pair Road*

(iv) *North – South Expressway Link Road*

(v) *Third Sea Crossing*

(b) *Highway Network Management Proposal*

Beberapa strategi digariskan iaitu :

(i) *Traffic Signal Operation Improvement Sub-Strategy*

(ii) *Highway Enforcement Sub-Strategy*

(iii) *Road Safety Improvement Sub-Strategy*

(iv) *Traffic Growth Reduction Sub-Strategy*

(v) *Highway Direction Sigbing Sub-Strategy*

(c) Kerajaan Negeri juga telah mengambil langkah segera bagi menyelesaikan masalah kesesakan lalu lintas di Pulau Pinang amnya dan Jambatan Pulau Pinang khususnya dengan memperkenalkan program *Bridge Express Shuttle Transit (BEST)* sebagai alternatif. Terdapat satu lagi perkhidmatan iaitu BEST KOMTAR dengan konsep yang sama yang membawa kakitangan Kerajaan ke tempat kerjadi KOMTAR dan balik. Kedua-dua program ini yang menyediakan perkhidmatan bas percuma melalui Jambatan Pulau Pinang setiap hari bekerja bagi penduduk Seberang Perai dari Seberang Perai Ke Pulau Pinang dan sebaliknya. Kedua-dua program *Park and Ride* ini dibiayai sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

62. (a) Apakah produk-produk baru pelancongan yang telah dimajukan atau disediakan oleh Kerajaan Negeri untuk meningkatkan industri pelancongan di Negeri Pulau Pinang?

(b) Berapakah peningkatan berikut:-

(i) Kemasukan pelancong domestik dan asing;

(ii) Jumlah homestay/inap desa;

(iii) Jumlah bilik penginapan (hotel rooms);

(iv) Jumlah malam menginap (night stay); dan

(v) Perbelanjaan yang dibuat setiap seorang.

Y.A.B. Ketua Menteri:

62. (a) Pada masa ini, produk terbaru yang akan dipromosikan olehKerajaan Negeri adalah Taman Tema Escape dan *Wet World Park. Escape* merupakan satu-satunya Taman Tema berkonsepkan Eko di Malaysia. Sebuah Taman Tema Air atau *"Water Theme Park"* (dengan izin) juga akan dibina bersebelahan Taman Tema Escape yang sedia ada. Selainitu, Kerajaan Negeri juga ingin memberikan tumpuan kepada mural atau *"Street Art"* (dengan izin) yang kini menjadi tarikan yang amat popular. Mural basikal di Jalan Armenian telah dinamakan sebagai salah satu *"Street Art"* yang terbaik di dunia oleh surat khabar *"The Guardian"* dari UnitedKingdom.

Selain daripada itu, Kerajaan Negeri juga sedang berusaha menjenamakan Penang World Music Festival sebagai salah satu lagi produk pelancongan negeri. Penganjuran acara iniakan menjadikan Pulau Pinang sebagai destinasi tumpuan pemuzik dari pelbagai negara setiap tahun seterusnya menarik kemasukan lebih ramai pelancong. Selain daripada itu, Kerajaan Negeri juga mempromosikan *River Cruise* di Auto City di mana pelancong dapat merasai pengalaman eko dan agro di Pulau Pinang.

(b) Hasil kerja keras Kerajaan Negeri dalam mempromosikansektor pelancongan negeri dapat dilihat daripada peningkatan kemasukan pelancong asing dan domestik kePulau Pinang. Pulau Pinang mencatatkan kemasukan seramai 6,019,954 orang pelancong dari dalam dan luar negara padatahun 2011. Dari jumlah tersebut seramai 2,956,390 merupakan pelancong domestik manakala 3,063,564 orang merupakan pelancong asing. Jumlah ini meningkat kepada 6,093,189 orang pada tahun 2012 dengan 2,996,282pelancong domestik dan 3,096,907 pelancong asing.

Program homestay atau inap desa di Pulau Pinang pada masa ini dikendalikan oleh Kementerian Pelancongan.Program ini dimulakan pada tahun 2008. Jumlah homestay yang dikendalikan oleh pihak kementerian dari tahun 2008 sehingga sekarang adalah:-

i. Daerah Barat Daya : 3 homestay iaitu Homestay Teluk Bahang, Homestay Jalan Bharu dan Homestay PulauBetong.

ii. Daerah Seberang Perai Tengah : 2 Homestay Mengkuang Titi dan Homestay Sungai Semilang.

iii. Daerah Seberang Perai Selatan:4 homestay iaitu Homestay Pulau Aman, Homestay Sungai setar, Homestay Sungai Chenaam dan Homestay Sungai Duri

iv. Daerah Seberang Perai Utara: 1 homestay iaitu di Homestay Kota Aur.

Sehingga kini, terdapat sebanyak 152 buah hotel berlesen di Pulau Pinang dengan kemudahan 14,767 buah bilik. 49 daripada 152 buah hotel ini adalah ahli Malaysian Association of Hoteliers (MAH-Penang); dengan jumlah 10,115 buah bilik. Ini diikuti dengan 55 buah hotel di bawah naungan MPSP; dengan jumlah 2337 buah bilik.48 buah hotel lagi ialah hotel bukan ahli MAH dan hotel bajet; dengan jumlah 2315 buah bilik.

v. Jumlah malam menginap oleh pengunjung hotel tidakdapat disediakan secara tepat tetapi secara purata ianya dianggarkan di antara 3 - 5 hari. Secara kasar, dianggarkan purata perbelanjaan setiap pelancongtempatan adalah RM524 manakala anggaran bagi pelancong asing adalah RM2294. Kos ini melibatkan perbelanjaan kunjungan ke tempat-tempat menarik di Pulau Pinang.

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

63. Sila senaraikan projek rumah mampu milik dan bilangan unit yang telah dilancar oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang sejak tahun 2010 hingga kini? Senaraikan jumlah permohonan yang telah dibuat oleh orang ramai mengikut daerah. Apakah status projek rumah mampu milik yang telah dilancarkan dari segi peratusan siap kerja?

Y.A.B. Ketua Menteri:

63. Kerajaan Negeri melalui PDC bercadang untuk membina sebanyak 19,973 unit perumahan mampu milik di seluruh Negeri Pulau Pinang. Sejumlah 3,448 unit telah dikenalpasti untuk dibina di Bahagian Pulau manakala bakinya 16,525 unit akan dibina di Seberang Perai. Butiran projek adalah seperti di jadual.

Sehingga kini, Bahagian Perumahan hanya telah menjalankan bancian terhadap minat untuk memiliki rumah tersebut dan telah menerima masing masing sebanyak 26,549 dan 2,696 pemohon yang berminat dengan projek di kawasan Pulau dan Seberang Perai. Permohonan ini tidak direkod berdasarkan daerah kerana ia hanya bertujuan sebagai survey bagi perancangan pembangunan projek rumah mampu milik di Negeri Pulau Pinang. Borang pendaftaran sebenar akan dikeluarkan mulai 14 Disember 2013 dan borang tersebut boleh didapati di Tingkat 3, KOMTAR atau secara atas talian di laman sesawang http://erumah.penang.gov.my.

JADUAL

PROJEK PERUMAHAN MAMPU MILIK OLEH PDC MENGIKUT DAERAH

Bil	Lokasi	Daerah	Kos Rendah	Kos Sederhana Rendah	Kos Sederhana	Jumlah Unit	Projek dijangka siap
1.	S.P. Chelliah	DTL	-	770	1,130	1,900	2017
2.	Telok Kumbar	DBD	-	346	348	694	2017
3.	Jelutong	DTL	-	556	-	556	2017
4.	Pintasan Cecil	DTL	-	298	-	298	2017
	Jumlah kecil Pulau			1,970	1,478	3,448	
5.	Bandar Cassia Fasa 1	SPS	-	149	371	520	2016
6.	Bandar Cassia Fasa 4	SPS	-	149	371	520	2017
7.	Bandar Cassia Fasa 7	SPS	-	149	371	520	2018
8.	Bandar Cassia Fasa 8	SPS	-	149	371	520	2018
9.	Bandar Cassia (baki 20 fasa)	SPS	-	2,776	6,944	9,720	Selepas Tahun 2018
10.	Kampung Jawa	SPU	-	353	354	707	2017
11.	Mak Mandin	SPU	250	-	-	250	2017
12.	Ampang Jajar	SPU	-	600	600	1,200	2018
13.	Bukit Mertajam	SPT	-	484	484	968	2018
14.	Juru	SPT	-	800	800	1,600	2018
	Jumlah kecil Seberang		250	5,609	10,666	16,525	
	Jumlah besar		**250**	**7,579**	**12,144**	**19,973**	

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

64. Nyatakan bilangan masjid yang terlibat dalam pemilihan Jawatankuasa Karyah ala Pilihan Raya baru-baru ini.

(a) Berapa banyak masjid yang mengalami masalah selepas pemilihan dan puncanya?

(b) Kenapa timbul rungutan calon yang menang tetapi tidak diiktiraf oleh Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP)?

(c) Apakah tindakan yang telah diambil untuk membetulkan masalah tersebut?

Y.A.B. Ketua Menteri:

64.	Jumlah Masjid Khariah, Masjid Negeri, Daerah	:	206
	Perlu Mesyuarat Agung Atau Mesyuarat Khas	:	200
	Perlu Mesyuarat Agung	:	191 (95.5%)
	Perlu Mesyuarat Khas (Tiada Khariah)	:	09 (4.5%)
	Telah Mengadakan Mesyuarat Agung	:	164 (82%)
	Lantikan Jawatankuasa Melalui Mesyuarat Agung	:	156 (78%)
	Lantikan J/Kuasa Setelah Pindaan Oleh Mainpp	:	08 (0.04%)
	Gagal Mengadakan Mesyuarat Agung	:	27 (13.5%)

a) Sebanyak 10 buah masjid telah menimbulkan masalah, 2 daripadanya tidak mengadakan mesyuarat agung. Antara puncanya kerana pihak MAINPP tidak melantik calon-calon yang dipilih dalam mesyuarat.

b) Rungutan timbul kerana calon yang menang tidak diperakui oleh MAINPP kerana faktor-faktor berikut :

(i) Individu itu mempunyai rekod pentadbiran lampau tidak memuaskan antaranya, kegagalan melaksanakan mesyuarat agung tahunan sejak beberapa tahun atau kegagalan membentangkan laporan kewangan tahunan.

(ii) Umur pengerusi atau jawatankuasa utama yang melebihi 65 tahun

(iii) Kesihatan yang tidak memuaskan.

(iv) Mesyuarat Agung tidak dijalankan mengikut tatacara pemilihan yang diluluskan seperti tidak membentangkan Laporan Kewangan.

(v) Kredibiliti individu yang dipertikaikan oleh khariah termasuk oleh Imam khariah.

c) Bagi menyelesaikan masalah yang dihadapi, pihak MAINPP akan menggunakan peruntukan yang terdapat dalam tatacara pemilihan Jawatankuasa MAINPP yang telah diperkenankan oleh Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong pada 20 September 2012, iaitu 'Perkara 4 (2) Kaedah-kaedah Jawatankuasa Kariah dan Pegawai Masjid (Negeri Pulau Pinang) 1997 yang berbunyi,

"MAINPP bolehlah melantik mana-mana anak qariah bagi qariah masjid itu yang pada pandangannya adalah layak untuk menjadi Pengerusi atau Ahli Jawatankuasa Kariah".

Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Omar Bin Haji Abd Hamid) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

65. Apakah kreteria serta syarat kelayakan pelantikan Ahli Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP)?

(i) Adakah mereka ini competen dari segi membuat ulasan dan komen?

(ii) Adakah Ahli Majlis MPPP dan MPSP ini sebagai pembuat keputusan atau setakat mana had kuasa mereka?

(iii) Apakah fungsi dan peranan Ahli Majlis MPPP dan MPSP?

Y.A.B. Ketua Menteri:

65. Seksyen 10(2) Akta Kerajaan Tempatan 1976 menerangkan bahawa:

"Ahli-ahli Majlis Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah dilantik antara orang-orang yang bilangan terbesar daripada mereka hendaklah orang-orang yang biasanya bermastautin dalam kawasan Pihak Berkuasa Tempatan itu dan yang pada pendapat Pihak Berkuasa Negeri mempunyai pengalaman luas dalam hal ehwal kerajaan tempatan atau yang telah memperolehi kejayaan terpuji dalam sesuatu profesyen, perdagangan atau perindustrian ataupun yang mempunyai kebolehan untuk mewakili kepentingan kaum-kaum mereka dalam kawasan Pihak Berkuasa Tempatan itu."

Bagi tujuan pelantikan Ahli Majlis kedua-dua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) ini, Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) juga telah bersetuju dengan kriteria tambahan seperti berikut:

(a) Pegawai kerajaan tidak boleh dilantik menjadi Ahli Majlis kecuali mereka yang dilantik atas jawatan. Ini termasuk pegawai-pegawai yang bekerja dengan agensi-agensi kerajaan dan badan-badan berkanun.

(b) Bekas pegawa ikerajaan hendaklah mereka yang bebas dari sebarang tindakan disiplin dan tatatertib hukuman berat.

(c) Calon mesti bersih selepas tapisan pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan Jabatan Insolvensi.

(i) Selaras dengan Seksyen 10(2) Akta Kerajaan Tempatan kesemua Ahli Majlis MPPP dan MPSP yang dilantik oleh Kerajaan Negeri dalah orang-orang kompeten dalam membuat ulasan dan komen yang berkaitan dengan tugas di bawah Kerajaan Tempatan.

(ii) Ahli Majlis merupakan pembuat dasar di peringkat Kerajaan Tempatan. Kuasa Ahli Majlis adalah tertakluk kepada Seksyen 10, Akta Kerajaan Tempatan 1976. Mengikut Seksyen 10, Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171), had kuasa Ahli Majlis adalah mereka hanya dibolehkan membuat keputusan secara kolektif atau berkumpulan di dalam mesyuarat Jawatankuasa yang dianggotai seperti yang dibenarkan oleh Akta 171.Had kuasa Ahli Majlis juga dinyatakan di dalam Sekyen 35 Akta 171 seperti berikut, 'Tiada seorang Ahli Majlis boleh dengan sendirinya atau melalui pekongsi atau ejennya bertindak atas apa-apa sifat profesional bagi atau terhadap Pihak Berkuasa Tempatan yang dia adalah seorang Ahli Majlisnya'.

(iii) Peranan seorang Ahli Majlis adalah luas. Selain daripada mewakili orang awam dan masyarakat tempatan, beliau juga adalah perantaraan di antara masyarakat dan Pihak Berkuasa Tempatan. Sebagai seorang ahli jawatankuasa yang ditubuhkan oleh Majlis, beliau bertanggungjawab untuk menetapkan dasar bagi PBT dan dasar ini hendaklah selaras dengan hala tuju Kerajaan Negeriserta menepati kehendak rakyat. Seorang Ahli Majlis juga perlu mempertahankan dasar-dasar yang dipersetujui oleh Pihak Berkuasa Tempatan.

Seksyen 16 (4) Akta Kerajaan Tempatan, Pihak Berkuasa yang melantik hendaklah terdiri daripada Yang DiPertua atau wakilnya yang mana hendaklah seorang Ahli Majlis, Setiausaha dan seorang lagi Ahli Majlis yang tilantik oleh Yang DiPertua dari semasa ke semasa yang dilantik oleh mempunyai kuasa untuk melantik orang-orang ke jawatan-jawatan yang ditunjukkan di dalam anggaran belanjawan dan juga mempunyai kuasa tatatertib ke atas semua pegawai dan kakitangan Pihak Berkuasa Tempatan.

(a) Dengan syarat bahawa penurunan pangkat atau pembuangan seorang Ketua Jabatan atau Timbalannya dari jawatannya tidak boleh berkuatkuasa sehingga penurunan pangkat atau pembuangan itu telah disahkan oleh Pihak Berkuasa Negeri.

(b) Dengan syarat bahawa tiada seorang pegawai atau kakitangan boleh diturunkan pangkat atau dibuang tanpa diberi peluang yang berpatutan untuk didengar. Ahli Majlis mempunyai kuasa meminta Yang DiPertua mengadakan satu mesyuarat khas dalam masa 14 hari dengan syarat permohonan dibuat secara bertulis dan mendapat sokongan satu pertiga Ahli Majlis. Seorang Ahli Majlis boleh dilantik sebagai Pengerusi Mesyuarat jika Yang DiPertua atau Timbalan Yang DiPertua tidak hadir. Melaksanakan tugas-tugas yang ditentukan dalam terma terma rujukan perlantikan jawatankuasa atau *task force.*

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Dato' Haji Mohd. Salleh Bin Man) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

66. (a) Berapakah bilangan Syarikat Koperasi di Negeri Pulau Pinang?

(b) Adakah syarikat-syarikat ini memberi sebarang keuntungan kepada Kerajaan Negeri? Jika ada, sila nyatakan jumlah keuntungan bagi tiga (3) tahun terakhir.

Y.A.B. Ketua Menteri:

66. (a) Terdapat sebanyak 622 buah koperasi telah berdaftar dengan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) di Negeri Pulau Pinang sehingga Oktober 2013.

(b) Semua Koperasi tidak memberi sebarang sumbangan keuntungan kepada Kerajaan Negeri. Keuntungan koperasi hanya dikongsi bersama ahli-ahli koperasi tersebut sahaja.

Berdasarkan rekod suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM), sehingga 31 Disember 2012, Jumlah modal syer yang dikumpulkan sepanjang tempoh tahun 2012 adalah sebanyak RM628,800,000.00 dengan jumlah aset adalah sebanyak RM1,810,600.00. Manakala jumlah perolehan bagi tahun 2012 adalah sebanyak RM354,100,000.00.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

67. Semenjak tahun 2008, banyak Dewan JKKK dan Dewan Banjir diambilalih oleh Pentadbiran Negeri Pulau Pinang. Kerja-kerja penyelenggaraan dan pembaikan kurang dilaksanakan.

(a) Adakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang menyediakan peruntukan untuk menyelenggara dewan-dewan tersebut dan berapakah jumlah peruntukan tersebut?

(b) Apakah JKKK(N) yang berkaitan tidak pernah dipantau atau ditegur bagi memastikan kelangsungan hak masyarakat?

Y.A.B. Ketua Menteri:

67. Kerajaan Negeri sememangnya menyediakan peruntukan untuk menyelenggara dewan-dewan tersebut di bawah peruntukan yang diberikan kepada semua PDT sejak tahun 2008 hingga 2013. Maklumat terperinci mengenai peruntukan yang disalurkan mengikut daerah-daerah mulai tahun 2008 hingga 2009 adalah seperti yang disediakan.

PERUNTUKAN KERAJAAN NEGERI UNTUK PENYELENGGARAAN DEWAN BAGI SETIAP DAERAH

Bil	Daerah	Peruntukan (RM)
1.	Daerah Timur Laut	474ribu
2.	Daerah Seberang Perai Tengah	895ribu
3.	Daerah Seberang Perai Utara	653ribu
4.	Daerah Seberang Perai Selatan	1.2juta
5.	Daerah Barat Daya	421ribu
	JUMLAH	**3.6juta**

˘ Peruntukan yang disalurkan mulai tahun 2008 hingga 2013

Tanggungjawab menguruskan dewan-dewan yang dimaksudkan adalah di bawah pihak JKKK di mana proses perlantikannya ditetapkan oleh Kerajaan Negeri. Pejabat Daerah selaku badan pemantauan mempunyai peranan yang penting untuk memastikan pihak JKKK menjalankan tanggungjawab termasuk menguruskan dewan dan antaranya adalah:-

(i) Mengadakan Mesyuarat Bulanan JKKK dan pelaporan dikemukakan kepada Pejabat Daerah melalui minit mesyuarat;

(ii) Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Tindakan Daerah yang diadakan pada setiap bulan dengan dipengerusikan oleh Pegawai Daerah dan melibatkan semua YB. ADUN serta Pegawai Penyelaras KADUN;

(iii) Perjumpaan Pegawai Daerah dengan pengerusi dan setiausaha JKKK yang diadakan dari semasa ke semasa;

(iv) Melalui Penghulu Kawasan yang bertanggungjawab langsung sebagai pengantara pihak Pentadbiran Negeri dan Daerah untuk memantau setiap JKKK bagi setiap KADUN; dan

(v) Kursus pemantapan pentadbiran JKKK yang diadakan berdasarkan keperluan dari semasa ke semasa.

Teguran dan bimbingan kepada kepada JKKK(N) sentiasa diberikan keutamaan oleh Pegawai Daerah masing-masing bagi memastikan jentera akar umbi dapat berfungsi sewajarnya selaras dengan kepimpinan JKKK diperingkat akar umbi.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd Zain Bin Ahmad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

68. Apakah perancangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam usaha membangunkan kawasan Kuala Muda Penaga menjadikannya sebuah destinasi pelancongan? Jika ada, sila berikan maklumat terperinci mengenai perancangan tersebut.

Y.A.B. Ketua Menteri:

68. Kuala Muda, Penaga terkenal dengan lokasi Pasar Bisik yang menjalankan aktiviti penjualan hasil laut secara terus dari nelayan. Kawasan ini juga terkenal dengan aktiviti mencari kepah.

Pasar Bisik beserta dengan 33 lagi tempat-tempat menarik di Seberang Perai Selatan, Seberang Perai Tengah dan Seberang Perai Utara telah pun disenaraikan di dalam Peta Pelancongan Seberang Perai. Peta ini telah dicetak dengan kerjasama MPSP. Peta ini juga menyenaraikan kemudahan penginapan di Seberang Perai dan makanan-makanan popular di sekitar Seberang Perai.

Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

69. Terdapat banyak kolam-kolam pemeliharaan ikan dan udang di kawasan Sungai Udang. Sila nyatakan?

    (a) Tanah milik siapakah kolam itu dibina?

    (b) Adakah pengusaha kolam ini di beri lesen?

Y.A.B. Ketua Menteri:

69. Terdapat sebanyak 31 pengusaha ternakan ikan dan udang di kawasan Sugaring Udang yang melibatkan kawasan seluas 180 hektar dengan 192 unit kolam. Daripada jumlah 31 pengusaha tersebut, 23 daripadanya merupakan pengusaha yang mengusaha ternakan melalui kelulusan Lesen Pendudukan Sementara (TOL) manakala 8 pengusaha lagi mengusahakan projek di atas tanah milik projek di Tanah TOL manakala 8 pengusaha lagi mengusahakan projek di tanah milik. Pengusaha projek tidak dilesenkan di bawah Jabatan Perikanan tetapi dilesenkan di bawah MPSP.

Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

70. Orang ramai ingin mengetahui sama ada lot tanah yang telah diserahkan oleh pemaju perumahan kepada pihak berkuasa untuk tujuan pembinaan taman rekreasi boleh dijual semula untuk projek pembangunan yang lain?

    (a) Adakah hal ini pernah berlaku di Negeri Pulau Pinang? Jikalau ada, nyatakan berapa tempat rekreasi yang telah dijual semula dan lokasinya?

Y.A.B. Ketua Menteri:

70. Semua permohonan kebenaran merancang yang disyaratkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan untuk kawasan lapang yang perlu diserah kepada Kerajaan Negeri dan Pentadbir Tanah Daerah adalah sebagai pentadbir bagi tanah Kerajaan Negeri. Pihak Berkuasa Tempatan bertanggungjawab terhadap penyelenggaraan kawasan lapang yang telah diserahkan. Tiada tanah-tanah bagi kegunaan taman rekreasi dijual semula untuk projek pembangunan yang lain di Pulau Pinang.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Norlela Binti Ariffin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

71. Berapakah peruntukan tahunan untuk Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) dari tahun 2008 sehingga 2013? Nyatakan,

    (a) Amaun yang telah dibelanjakan di setiap Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN);

    (b) Jenis perbelanjaan yang disalurkan ke setiap KADUN;

    (c) Apakah perancangan untuk 2014 bagi KADUN Penanti?

Y.A.B. Ketua Menteri:

71. Peruntukan tahunan untuk Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) dari tahun 2008 sehingga 2013 seperti berikut:

Tahun	Peruntukan (RM)
2008	167.55 juta
2009	160.62 juta
2010	161.51 juta
2011	177.64 juta
2012	201.87 juta
2013	211.28 juta

Bermula tahun 2011, MPSP telah memperuntukan RM50,000 kepada setiap Ahli Majlis untuk dibelanjakan kepada pembangunan dan keperluan masyarakat setempat.

Pada tahun 2013, peruntukan tersebut telah ditambah menjadi RM70,000 setiap seorang Ahli Majlis dengan RM50,000 untuk perbelanjaan yang menyokong usaha Kerajaan Negeri dalam membudayakan Cleaner, Greener, Safer and Healthier Penang dan RM20,000 untuk infrastruktur.

(a) MPSP tidak mempunyai rekod perbelanjaan Ahli Majlis di setiap KADUN. Setiap Ahli Majlis bebas membelanjakan peruntukan yang disediakan untuk keperluan di seluruh Seberang Perai.

(b) Terdapat dua (2) jenis peruntukan Ahli Majlis iaitu Perbelanjaan aktiviti-aktiviti dan pembekalan yang menyokong Cleaner, Greener, Safer and Healthier Penang dan peruntukan untuk infrastruktur.

(c) Seperti yang dinyatakan, peruntukan Ahli Majlis adalah untuk setiap Ahli Majlis dan bukannya mengikut KADUN.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

72. (a) Baru-baru ini Presiden Negara Cina bercadang untuk membuka sebuah Konsulat Negara Cina di Negeri Pulau Pinang. Adakah dan bagaimanakah Kerajaan Negeri akan membantu dalam inisiatif ini?

(b) Sekiranya 18(a) direalisasikan, adakah dan apakah rancangan Kerajaan Negeri untuk meningkatkan sektor pelancongan dan pelaburan asing dalam negeri?

Y.A.B. Ketua Menteri:

72. (a) Kerajaan Negeri Pulau Pinang mengalu-alukan pengumuman Presiden China mengenai cadangan penubuhan Pejabat Konsulat Jeneral Republik Rakyat China di Negeri Pulau Pinang dan akan memberi kerjasama sepenuhnya dalam usaha penubuhan pejabat Konsulat tersebut. Bagi tujuan ini Kerajaan Negeri telah secara rasmi menerima cadangan tersebut melalui Kementerian Luar Malaysia dan telah pun dipersetujui oleh Kerajaan Negeri. Kini, cadangan tersebut sedang diproses di peringkat Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Luar.

(b) Kerajaan Negeri yakin bahawa penubuhan Pejabat Konsulat China akan menandakan satu fasa pelaburan dan pelancongan yang aktif ke Negeri Pulau Pinang yang akan memberi manfaat bersama. Pasaran Negara China yang luas wajar diterokai dengan sebaiknya supaya peluang perniagaan yang menguntungkan dapat ditawarkan kepada rakyat Pulau Pinang.

Dari segi pelaburan, pembukaan pejabat konsulat ini secara langsungnya akan membantu meningkatkan sektor pelaburan asing dalam negeri, khasnya pelabur-pelabur dari Negara China. Kerajaan Negeri akan meneruskan usaha-usaha sedia ada untuk meningkatkan sektor pelaburan seperti memberi perkhidmatan-perkhidmatan fasilitasi kepada para pelabur yang datang ke Pulau Pinang untuk mencari peluang dan potensi pelaburan di sini. Selain itu, Kerajaan Negeri juga akan mengkaji untuk menyertai ekspo dan pameran yang berkaitan dengan sektor perusahaan di Negara China dengan lebih kerap lagi untuk mempromosikan Pulau Pinang sebagai destinasi pelaburan pilihan dunia.

Penubuhan Konsulat Negara China di Pulau Pinang juga akan memudahkan permohonan visa dan pas kemasukan peniaga-peniaga tempatan yang berminat untuk mengkaji peluang perniagaan ke Negara China. Ini secara langsung dapat memupuk kerjasama dua hala dan membantu peniaga tempatan untuk membuka perniagaan mereka ke pasaran dunia dan seterusnya memajukan perniagaan mereka. Kerajaan Negeri juga bercadang untuk mewujudkan kerjasama dua hala dalam komunikasi dan pertukaran maklumat peluang pelaburan di antara dua destinasi. Konsulat Negara China akan berfungsi sebagai penghubung kepada para pelabur Negara China yang ingin mendapatkan maklumat peluang pelaburan di Pulau Pinang dan maklumat-maklumat tersebut dapat diedarkan dengan lebih sempurna.

Penganjuran delegasi pelaburan ke Pulau Pinang dan ke Negara China juga dapat diadakan dengan lebih kerap dengan bantuan pihak Konsulat. Sesi pemadanan perniagaan di antara pelabur-pelabur di Negara China dan Pulau Pinang yang lebih kerap secara langsungnya meningkatkan kerjasama dua hala dan seterusnya membangunkan sektor perusahaan.

Dari aspek pelancongan pula, dengan pembukaan Pejabat Konsulat Negara China di Pulau Pinang, penyelarasan bersama agensi-agensi pelancongan dari Negara China boleh dilaksanakan dengan lebih berkesan agar matlamat merealisasikan semua teras pelancongan negeri dapat dicapai. Selain itu, peranan Pulau Pinang sebagai destinasi MICE dapat diperluaskan dan ditambah baik melalui hubungan erat dengan Pejabat Konsulat memandangkan Negara China sering kali menjadi destinasi bagi penganjuran acara-acara bertaraf antarabangsa seperti Beijing International Trade Expo (BITE) dan Shanghai World Travel Fair.

JAWAPAN BERTULIS KEPADA SOALAN-SOALAN BERTULIS

(I) Ahli Kawasan Berapit (YB. Ong Kok Fooi) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Memandangkan masyarakat Negeri Pulau Pinang menghadapi masalah penuaan, kadar jenayah yang tinggi dan kelembapan ekonomi, bagaimanakah Kerajaan Negeri meningkatkan mutu kehidupan rakyat Negeri Pulau Pinang?

   (a) Apakah langkah Kerajaan Negeri untuk membasmi masalah jenayah?

   (b) Bagaimanakah Kerajaan Negeri membantu mangsa keganasan domestik dan penderaan khasnya mangsa kanak-kanak dan wanita?

Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah memperkenalkan beberapa program pemberian bantuan seperti Program Warga Emas, Program Ibu tunggal, Program Anak Emas, Program Pelajar Emas dan Bantuan Pendaftaran Pelajar ke IPTA bagi meningkatkan mutu kehidupan rakyat Negeri Pulau Pinang.

   (a) Kadar jenayah di Negeri Pulau Pinang adalah terkawal di mana langkah-langkah pencegahan dan pembanterasan jenayah yang diatur dari masa ke semasa oleh PDRM. Langkah-langkah untuk mengurangkan kadar jenayah di negeri ini dilaksanakan dalam berbagai peringkat yang melibatkan pegawai dan anggota PDRM sendiri sama ada di peringkat negeri ataupun daerah-daerah. Tindakan diambil dalam pelbagai cara yang melibatkan tindakan terhadap mereka yang melakukan jenayah dan mengekang mereka daripada terus melakukan tindakan menyalahi undang-undang.

   Bagi menambah keyakinan orang ramai terhadap pasukan Polis gerak kerja yang bersifat *omnipresence* ataupun kehadiran Polis di khalayak ramai merupakan langkah mencegah yang dikehendaki oleh masyarakat kepada memenuhi tuntutan penugasan kepolisan dalam negeri ini. Kehadiran Polis di khalayak ramai akan memudahkan orang ramai dan PDRM berinteraksi antara satu sama lain khususnya dalam hal-hal yang berkaitan keselamatan setempat orang ramai boleh menyalurkan apa jua bentuk maklumat dan persoalan setempat kepada anggota PDRM yang ditemui.

   Dalam masa yang sama masyarakat setempat Pulau Pinang harus memberikan kerjasama dalam menangani masalah jenayah di tempat-tempat kediaman mereka. Dalam hal mencegah jenayah Ketua-ketua Polis Daerah sentiasa mengatur strategi bagi menurunkan kadar jenayah yang berlaku. Sehingga kini program-program pencegahan berupa *reaching out* PDRM bagi merungkai permasalahan yang berlaku. Program-program perjumpaan dan dialog oleh pihak PDRM sentiasa diadakan untuk membincangkan langkah-langkah terbaik yang boleh dipraktikkan dalam kawasan yang disasar.

   Selain daripada itu, komitmen yang ditunjukkan oleh kumpulan-kumpulan rukun tetangga dan Skim Rondaan Sukarela telah memberikan keyakinan kepada PDRM yang meneruskan aktiviti-aktiviti kepolisan komuniti / *community policing* di negeri ini.

   Sejajar dengan itu, kerjasama yang diberikan oleh pasukan RELA, JPAM serta agensi-agensi kerajaan yang lain dalam menguatkuasa tahap keselamatan dalam tadbir urus daerah dan dalam kawasan tadbir urus Ketua-ketua Polis Daerah menambah baik usaha menurunkan kadar jenayah. Masyarakat yang prihatin sentiasa berkolaborasi dengan agensi-agensi penguatkuasaan khususnya PDRM akan memberikan keyakinan orang ramai terhadap keselamatan mereka. Baru-baru ini telah diadakan seminar keselamatan oleh pihak USM untuk melihat bagaimana PDRM akan berperanan dalam masa jangka waktu ke hadapan. Dengan berkeyakinan bahawa keselamatan adalah integrasi pihak

berkuat kuasa dan masyarakat bagi menentukan masyarakat sentiasa dalam keadaan harmoni dan saling bekerjasama antara satu sama lain. Selain daripada itu ia dapat memupuk semangat kerjasama ini pastinya akan menzahirkan tahap keselamatan komprehensif meliputi keselamatan sosial dan ekonomi. Di samping itu, tindakan-tindakan drastik oleh PDRM sendiri telah melibatkan impak kepada masyarakat. Ops Cantas Khas dan operasi-operasi lain sewajarnya dilaksanakan bagi membanteras anasir-anasir mengganggu gugat keharmonian masyarakat.

PDRM telah berusaha membantu kes-kes jenayah melibatkan wanita dan kanak-kanak dengan mewujudkan Bahagian Siasatan Seksual, Wanita dan Kanak-kanak (D11) di bawah Jabatan Siasatan Jenayah sejak tahun 2007. Bahagian ini memainkan peranan seperti berikut :

(i) menyiasat kes-kes keganasan rumah tangga, penderaan kanak-kanak dan kesseksual;

(ii) membantu mangsa keganasan rumah tangga mendapatkan *Interim Protection Order* (IPO) dengan bantuan JKM; dan

(iii) memastikan mangsa-mangsa keganasan rumah tangga tidak terus menjadi mangsa penderaan.

Selain dari itu PDRM juga telah menubuhkan Pusat Temuduga Kanak-kanak (Child Interview Center) yang bertanggungjawab merakamkan keterangan mangsa / saksi berumur di bawah 16 tahun.

Pusat ini diwujudkan sejak 2006 dengan tujuan menemuduga dan merakam keterangan kanak-kanak yang terlibat sebagai mangsa atau saksi dalam kejadian jenayah.

PDRM bertanggungjawab menguatkuasakan Akta Keterangan Saksi Kanak-kanak 2007 yang tertakluk di bawah Seksyen 3 1 (c) di mana rakaman video boleh digunakan dalam merakam keterangan mangsa/saksi kanak-kanak untuk dikemukakan ke mahkamah sebagai *direct oral evidence.*

PDRM juga menubuhkan Pusat Sokongan Mangsa (Victim Care Center (VCC)) bagi mengendalikan mangsa-mangsa jenayah yang traumatik terutamanya wanita dan kanak-kanak. Sebuah rumah yang berkonsep *victim friendly*, VCC mempunyai suasana yang aman, harmoni dan taraputik untuk menempatkan mangsa dan ahli keluarga semasa proses penyiasatan bagi kes jenayah dijalankan.

Tujuan pewujudan VCC adalah memberi perkhidmatan sokongan sosial untuk menyenangkan emosi mangsa dan ahli keluarga semasa mangsa melalui sesi kaunseling, *expressive* terapi dan rundingcara. Di samping itu juga ia membantu pegawai penyiasat menenangkan emosi mangsa supaya dapat menyenangkan proses penyiasatan dengan menggunakan kaedah psikologi kaunseling. Kumpulan sasaran VCC adalah mangsa dan ahli keluarga mangsa jenayah seperti kes keganasan rumah tangga, rogol, sumbang mahram, liwat, penderaan, kes melibatkan kanak-kanak dan kes-kes lain yang akan memberi kesan psikologi kepada mangsa dan ahli keluarga mangsa. VCC dikendalikan oleh seorang kaunselor berdaftar dan seorang penolong pegawai psikologi.

(b) Sementara itu, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Negeri Pulau Pinang dalam membantu kes-kes jenayah melibatkan wanita dan kanak-kanak, Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Pulau Pinang bertanggungjawab bagi membantu mangsa penderaan bagi kanak-kanak dan wanita. JKM menggunakan Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 (Pindaan 2012) dan Akta Kanak-Kanak 2001 dalam memberi bantuan dan perkhidmatan kepada mangsa-mangsa tersebut. Peranan Pegawai JKM dalam membantu mangsa keganasan rumah tangga mengikut Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 (Pindaan 2012) adalah seperti berikut :

(i) membantu mangsa memfailkan permohonan bagi perintah perlindungan interim;

(ii) membantu menempatkan mangsa ke Tempat Selamat/kediaman alternatif/ tempat berlindung (sekiranya diperlukan);

(iii) membantu mengiringi mangsa ke hospital/ tempat kemudahan perubatan bagi rawatan kecederaan (sekiranya diperlukan);

(iv) menjelaskan hak mendapatkan perlindungan terhadap keganasan rumahtangga;

(v) menemankan mangsa ke kediaman untuk mengambil barang kepunyaannya;

(vi) menyediakan tempat perlindungan (tempat selamat);

(vii) memberi perkhidmatan kaunseling;

(h) merujuk kepada agensi lain (jika perlu);

(I) menyediakan khidmat badan pendamai; dan

(j) mempertimbangkan bantuan kewangan.

Pegawai JKM juga diwartakan sebagai pegawai pelindung melalui Akta Kanak-Kanak 2001 bagi membantu mangsa penderaan kanak-kanak. Pegawai Pelindung berperanan untuk menyelamatkan kanak-kanak, memberi pemeliharaan kepada kanak-kanak yang diselamatkan, melindungi kanak-kanak tersebut dan menjalankan sesi pemulihan kepada kanak-kanak bagi menghilangkan trauma mereka.

Ahli Kawasan Berapit (YB. Ong Kok Fooi) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Huraikan bagaimana Kerajaan Negeri membantu meningkatkan mutu kehidupan warga emas selain daripada bantuan Skim Warga Emas.

Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Kerajaan Negeri memberi bantuan kepada rakyatnya berupa bantuan kewangan dan bantuan-bantuan lain seperti berikut:

(i) Bantuan pembinaan atau pembaikan rumah

(ii) Bantuan peralatan berkaitan aktiviti ekonomi untuk meningkatkan pendapatan

(iii) Bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat seperti Bantuan Am, Bantuan Orang Tua, Bantuan Kanak-Kanak dan Bantuan Pesakit Telantar.

Selain itu, Kerajaan Negeri juga telah meluluskan peruntukan bagi menjalankan kajian berkenaan warga emas dalam usaha memastikan kebajikan warga emas sentiasa dijaga dengan sempurna dan Penang Medical College (PMC) telah dilantik untuk menjalankan kajian tersebut. Kerajaan Negeri akan meneliti hasil kajian tersebut dan syor-syor yang dikemukakan di dalam merancang program yang sesuai kepada warga emas di negeri ini pada masa hadapan.

Ahli Kawasan Berapit (YB. Ong Kok Fooi) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Sila huraikan dengan teliti bagaimana Kerajaan Negeri mengawal harga rumah dan membantu dalam memastikan rakyat Negeri Pulau Pinang berkemampuan memiliki rumah pertama mereka, memandangkan harga rumah yang amat tinggi pada masa kini.

Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Kerajaan Negeri telah melaksanakan beberapa langkah untuk menstabilkan harga rumah di Negeri Pulau Pinang dan memastikan rakyat Pulau Pinang berkemampuan memiliki rumah pertama mereka. Di antaranya ialah :

(i) Kerajaan Negeri berusaha menambah bekalan unit perumahan baru termasuk rumah mampu milik dikawasan pembangunan baru (new growth area) di Daerah Barat Daya, Seberang Perai Utara dan Seberang Perai Selatan. Tanah di Negeri Pulau Pinang adalah amat terhad berbanding dengan negeri-negeri lain, malah didapati permintaan ke atas tanah pembangunan perumahan hanya tertumpu di kawasan utama sahaja. Di bahagian Pulau, pemaju lebih menumpukan Daerah Timur Laut berbanding di Daerah Barat Daya, manakala Daerah Seberang Perai Tengah pula menjadi pilihan pemaju jika dibandingkan dengan Daerah Seberang Perai Utara dan Daerah Seberang Perai Selatan. Melalui kaedah penambahan stok tanah untuk tujuan pembangunan perumahan adalah diharapkan dapat mengurangkan kenaikan kos tanah di kawasan pilihan dan akan menstabilkan harga rumah di pasaran.

(ii) Kerajaan Negeri sedang membuat perancangan untuk membina rumah mampu milik di Batu Kawan di atas tanah Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) seluas 200 ekar. Projek ini dijangka akan menyediakan 11,800 unit rumah mampu milik yang berharga di antara RM72,500.00 sehingga RM220,000.00 seunit.

(iii) Selain daripada projek perumahan Batu Kawan, Kerajaan Negeri melalui PDC juga dijangka membina lebih lapan (8) ribu unit rumah di seluruh Negeri Pulau Pinang termasuk kawasan Pulau. Keluasan tanah kerajaan yang terlibat adalah 29 ekar di Seberang Perai Utara (SPU), 32 ekar di Seberang Perai Tengah (SPT), 10 ekar di Daerah Timur Laut (DTL) dan 6 ekar di Daerah Barat Daya (DBD).

(iv) Disamping itu kerajaan menyediakan Garis Panduan Peningkatan Ketumpatan dan nisbah plot oleh Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) yang berkuat kuasa mulai 21 Disember 2011 antaranya:

(a) membenarkan pemaju membangunkan sehingga mencapai kepadatan 87 unit/ekar hingga 120 unit/ekar (maksimum – sekiranya tapak tersebut mempunyai penempatan setinggan) bagi kawasan-kawasan yang dibenarkan bagi penambahan ketumpatan terutama sekali di sekitar kawasan *Transportation Oriented Development* (T.O.D). Misalnya, perumahan kos sederhana rendah diberikan ketumpatan sehingga 120 unit seekar manakala tiada had ketumpatan bagi perumahan kos rendah (dengan syarat mematuhi semua kehendak perancangan). Syarat-syarat lain kepadatan ini adalah :

(i) mensyaratkan mana-mana pemajuan yang menggunapakai garis panduanini menyediakan 30% RKSR bagi kawasan Daerah Timur Laut, manakala bagi kawasan Daerah Barat Daya perlu menyediakan 30% RKR atau 15% RKR dan 15% RKSR; dan

(ii) mensyaratkan sebanyak 5% daripada unit yang dibina dijual pada hargakurang RM200,000.00, 15% lagi pada harga kurang dari RM300,000.00 manakala 5% lagi dijual pada harga RM400,000.00. Ini dapat menggalakkan pemaju-pemaju untuk membina lebih banyak perumahan mampu milik.

\(v) Menggariskan dasar menerusi Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang 2020 (RSN) dalam memastikan penyediaan rumah mampu milik sentiasa diberi keutamaan melalui langkah-langkah berikut:

(a) mengambil kira keupayaan pembeli rumah (purchasing power) penduduk yang berbeza-beza, Kerajaan Negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) akan meluluskan projek perumahan bagi memastikan semua golongan penduduk di Pulau Pinang memiliki rumah berdasarkan dua jenis rumah mampu milik iaitu rumah kos rendah dan kos sederhana rendah.

(b) mengawal harga rumah kos rendah dan sederhana rendah dan menetapkan syarat kelayakan rumah yang lebih realistik bagi golongan pertengahan iaitu individu yang berpendapatan RM2,500.00 hingga RM3,500.00 sebulan.

(vi) Kerajaan Negeri melalui inisiatif OSC di PBT juga berusaha memproses dan meluluskan lebih banyak pelan-pelan permohonan perancangan di dalam waktu yang lebih singkat untuk menggalakkan lebih banyak rumah dapat dibina dalam waktu yang singkat.

(vii) Kerajaan Negeri juga telah mengumumkan levi 3% terhadap transaksi pembelian unit perumahan oleh warga asing dan mengenakan siling terhadap unit-unit yang boleh dibelioleh mereka iaitu tidak kurang daripada RM1,000,00 untuk pangsapuri dan tidak kurang daripada RM2,000,000 bagi harta tanah (landed property).

(vii) Kerajaan Negeri juga bercadang untuk mengenakan levi 2% terhadap penjual transaksi yang dilakukan dalam tempoh 3 tahun dari tarikh pembeliau, di mana cadangan ini kini di dalam peringkat kajian dan perbincangan dengan semua pihak berkepentingan (stakeholders).

Ahli Kawasan Berapit (YB. Ong Kok Fooi) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

4. Apakah rancangan Kerajaan Negeri untuk mengekalkan orang berbakat dalam bidang seni, sukan, kejuruteraan dan sebagainya di Negeri Pulau Pinang.

Y.A.B. Ketua Menteri:

4. Kerajaan Negeri sangat komited dalam usaha mengekalkan orang-orang berbakat di negeri initerutamanya dalam bidang seni, sukan, kejuruteraan dan sebagainya. Sehubungan itu, beberapa program telah digerakkan di bawah setiap bidang tersebut:-

Di bidang seni, Majlis Kebudayaan Negeri adalah satu badan yang menaungi NGO-NGO dan organisasi kesenian berdaftar yang terdiri daripada penari, penulis, pelakon pentas, kumpulan boria dan guru-guru seni yang berbilang kaum dan bangsa. Setiap tahun, kumpulan-kumpulan ini akan diberikan geran untuk mengadakan program-program dan aktiviti-aktiviti contohnya pertandingan boria, festival tarian dan lain-lain. Program-program ini bukan sahaja dapat mengekalkan bakat kesenian tetapi juga mempromosikan Pulau Pinang sebagai salah satu destinasi kesenian di peringkat antarabangsa. Selain itu, Kerajaan Negeri juga sering mengadakan program-program kesenian untuk mencungkil bakat-bakat baru dalam bidang kesenian contohnya seperti program Armenian Street Got Talent, Penang World Music Festival dan George Town Festival yang menjadi platform kepada penggiat seni untuk menunjukkan bakat mereka.

Sementara di bidang sukan pula, Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (MSNPP), telah merancang beberapa langkah pengukuhan kebajikan atlet-atlet negeri telah dirancang bagi memastikan atlet-atlet negeri yang cemerlang terus berada di Pulau Pinang. Antara langkah yang diambil adalah seperti berikut:-

(i) Pelaksanaan Skim Atlet Elit yang merupakan programpembiayaan untuk meneruskan latihan jangka panjang yang dibahagikan kepada dua (2) kategori mengikut status kemenangan pingat di Sukan Malaysia (SUKMA) iaitu Kategori A bagi mereka yang meraih pingat emas dibayar RM500.00 sebulan dan Kategori B bagi mereka yang meraih pingat Perak dan Gangsa dibayar RM300.00 sebulan serta pembiayaan latihan skuad SUKMA sebanyak RM50.00 sebulan kepada setiap atlet yang terpilih.

(ii) Mewujudkan Skim Insurans atau Perlindungan Diri untuk menjaga kebajikan atlet-atlet Negeri Pulau Pinang

(iii) Menjalin kerjasama dengan Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) seperti Universiti Sains Malaysia (USM) dan Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) untuk membenarkan atlet-atlet Negeri Pulau Pinang yang mempunyai kelayakan minima di dalam keputusan SPM dan STPM diberi keutamaan untuk menyambung pengajian di peringkat yang lebih tinggi.

(iv) Membuka peluang pekerjaan kepada atlet-atlet yang berkelayakan untuk berkhidmat diMSNPP khususnya sebagai pegawai dan jurulatih.

(v) Memberi sokongan penuh kepada atlet-atlet negeri yang diserap masuk ke perkhidmatan pasukan beruniform negara seperti Tentera Darat (TDM) Diraja Malaysia, Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM, Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) dan Polis Diraja Malaysia(PDRM).

(vi) Mengiktiraf kejayaan atlet-atlet negeri yang cemerlang dan berjaya melalui pemberian insentif kemenangan dan pencalonan untuk pengiktirafan melalui Majlis Anugerah Sukan yang diadakan setiap tahun.

(vii) Merancang pewujudan galeri atau muzium sukan untuk mengekalkanva sejarah dan pencapaian tokoh-tokoh sukan di Negeri Pulau Pinang.

(viii) Mengetengahkan idea untuk menjadikan atlet-atlet yang cemerlang sebagai ikon diperingkat negeri dalam memperkasa lagi budaya sukan di Pulau Pinang.

Selain itu, dibidang keusahawaan Kerajaan Negeri melalui PDC telah meneruskan usaha memupuk dan menerapkan budaya keusahawanan dengan memberi pendedahan secara langsung kepada para usahawan melalui promosi acara-acara perdagangan dalam dan luar negara melalui program rantaian di bawah IMTGT, Pekan Raya Sumatera Utara dan Expo Halal Cheng Ho di Kelantan. Program-program ini telah dijalankan secara agresif bagi membantu usahawan-usahawan Pulau Pinang mempromosi dan memasarkan produk mereka melalui acara-acara perdagangan yang telah dilaksanakan. Para usahawan diberi peluang untuk menjalinkan jaringan perniagaan yang lebih luas di peringkat luar Negeri Pulau Pinang dan luar negara . Secara tidak langsung melalui insentif- insentif yang diberi ini, orang berbakat khasnya dari bidang keusahawanan dapat dikekalkan di negeri ini.

Ahli Kawasan Berapit (YB. Ong Kok Fooi) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

5. Berapa lamakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang membuat penerokaan geologi terhadap tanah cerun bukit terutamanya cerun bukit berdekatan kediaman seperti di Taman Sri Bukit Indah dan Taman Sentosa? Dalam setahun berapa kalikah penerokaan geologi dilakukan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

5. Tanah bukit di kawasan Taman Sentosa dan Taman Bukit Indah di Bukit Mertajam adalah tanah milik persendirian dan oleh itu pemilik tanah adalah bertanggungjawab sepenuhnya dalam memantau dan menyelenggara cerun bukit tersebut. Namun begitu, Kerajaan Negeri melalui MPSP menjalankan pemantauan berkala bagi memastikan pemilik tanah menyelenggara kawasan tersebut supaya bebas dari sebarang ancaman hakisan dan sebagainya. Manakala cerun yang berada di kawasan tanah kerajaan seperti di kawasan rezab jalan dalam taman perumahan dan kawasan awam akan diselenggara oleh MPSP.

Ahli Kawasan Berapit (YB. Ong Kok Fooi) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

6. Bagaimana Kerajaan Negeri menyelesaikan masalah rumah pangsa yang tidak mempunyai pengurusan dari pihak Joint Management Body (JMB) dan Management Corporation (MC)?

Y.A.B. Ketua Menteri:

6. Mengikut Akta Bangunan dan Harta Bersama (Pengurusan dan Penyelenggaraan) (Akta 663) yang dikuatkuasakan pada 12 April 2007, Badan Pengurusan Bersama/ Joint Management Body (JMB) wajib ditubuhkan di semua bangunan bertingkat di mana Pemaju dikehendaki menyerahkan tanggungjawab penyelenggaraan dan pengurusan kepada JMB tidak lewat daripada dua belas (12) bulan daripada tarikh penyerahan milikan kosong. JMB diwujudkan sebagai satu badan yang bertanggung jawab untuk menjaga dan memelihara daripada pemaju dan pemilik unit. JMB adalah 'perantara' kepada semua pemilik unit sebelum MC diwujudkan. Bagi Rumah Pangsa Kos Rendah Kerajaan Negeri, Bahagian Perumahan berusaha menubuhkan Badan Pengurusan Bersama (JMB) iaitu:

(i) Mengadakan Majlis Taklimat Penubuhan Badan Pengurusa Bersama (JMB) kepada semua pemilik unit mengenai pentingnya penubuhan JMB/MC bagi bangunan bertingkat.

(ii) Mengeluarkan Notis 14 hari sebelum mengadakan Mesyuarat Agong Pertama JMB untuk membuat pelantikan Jawatankuasa.

(iii) Sekiranya Jawatankuasa JMB gagal menjalankan tanggungjawab mengurus dan menyelenggara kawasan perumahan tersebut, maka Kerajaan Negeri melalui Bahagian Perumahan akan mengurus selia kawasan perumahan berkenaan.

(iv) Bagi Rumah Pangsa Kos Rendah yang dimajukan oleh pihak swasta, penubuhan JMB adalah diwajibkan. Sekiranya Jawatankuasa JMB gagal dibentuk atau gagal mengurus dan menyelenggara kawasan perumahan mereka maka pihak COB (MPPP/MPSP) akan berusaha melantik agen pengurusan bagi mengendalikan pengurusan dan penyelenggaraan di kawasan perumahan berkenaan.

(v) Perbadanan Pengurusan atau Management Corporation (MC) adalah satu perbadanan yang ditubuhkan di bawah Akta Hak Milik Strata 1985 (Akta 318). Ia bertujuan bagi menguruskan hal ehwal pentadbiran dan pengurusan bangunan bertingkat. Dengan berkuatkuasanya Akta 318 ini, pemaju dikhendaki menyerahkan tanggungjawab penyenggaraan dan pengurusan kepada MC apabila 25% Hak Milik Strata telah di pindah milik kepada pemilik petak (pemilik asal).

Bagi skim yang perlu ditubuhkan Perbadanan Pengurusan (MC)

(i) Pesuruhjaya Bangunan akan mengarahkan pemilik asal memanggil mesyuarat pertama penubuhan Perbadanan Pengurusan (MC) apabila transaksi unit syer 25% tercapai.

(ii) Sekiranya pemilik asal gagal mematuhi peruntukan tersebut, Pesuruhjaya Bangunan boleh, melantik seseorang bagi memanggil mesyuarat agung tahunan.

(iii) Sekiranya, mesyuarat pertama atau mesyuarat agung tahunan yang dipanggil bagi membentuk perbadanan pengurusan telah gagal dianggotai. Pesuruhjaya Bangunan boleh melantik ejen pengurusan di bawah seksyen 50(1) Akta Hak Milik Strata 1985 (Akta 318). Pesuruhjaya boleh, atas aduan oleh pemilik atau mana-mana orang atau badan lain yang mempunyai kepentingan berdaftar mengenai sesuatu petak bahawa perbadanan pengurusannya telah tidak berfungsi dengan memuaskan, jika berpuas hati kepentingan pemilik petak dalam bangunan atau tanah yang dipecah bahagi itu memerlukannya, melantik ejen pengurus untuk menjalankan kuasa dan menunaikan tugas dan fungsi perbadanan pengurusan itu.

(iv) Bagi Rumah Pangsa Kos Rendah Kerajaan Negeri sekiranya Jawatankuasa MC gagal menjalankan tanggungjawab mengurus dan menyelenggara kawasan perumahan tersebut, maka Kerajaan Negeri melalui Bahagian Perumahan akan mengurus selia kawasan perumahan berkenaan.

(v) Bagi Rumah Pangsa Kos Rendah yang dimajukan oleh pihak swasta, penubuhan MC adalah diwajibkan. Sekiranya Jawatankuasa MC gagal dibentuk atau gagal mengurus dan menyelenggara kawasan perumahan mereka maka pihak COB (MPPP/MPSP) akan berusaha melantik agen pengurusan bagi mengendalikan pengurusan dan penyelenggaraan di kawasan perumahan berkenaan.

Ahli Kawasan Berapit (YB. Ong Kok Fooi) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

7. Rumah Rehat di Jalan Kulim, Bukit Mertajam telah dibiarkan kosong untuk bertahun-tahun. Terdapat banyak lagi bangunan kerajaan yang masih terbiar di Pulau Pinang. Apakah rancangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk memanfaatkan bangunan-bangunan ini?

Y.A.B. Ketua Menteri:

7. Kerajaan memang telah mempunyai rancangan untuk digunakan semula, untuk makluman, Kementerian Kesihatan berminat untuk menjadikan rumah rehat tersebut sebagai Klinik Pesakit Luar bagi Hospital Bukit Mertajam memandangkan hospital tersebut sering menjadi tumpuan pesakit dan tidak dapat menampung keperluan yang sedia ada.Walau bagaimanapun, pihak Kementerian masih belum mengemukakan satu keputusan muktamad mengenainya. Selain daripada itu, tiada mana-mana unit bangunan-bangunan atau kuarters Kerajaan/Jabatan yang terbiar kosong untuk bertahun-tahun, melainkan beberapa unit bangunan MPPP/kuarters yang mengalami kerosakan. Unit kuarters/bangunan ini memerlukan pembaikan, sebelum boleh diduduki atau disewakan.Lain-lain bangunan/kuarters masih digunakan, sama ada sebagai pejabat, kuarters atau lain-lain tujuan yang bersesuaian dengan strukturnya.

Ahli Kawasan Berapit (YB. Ong Kok Fooi) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

8. Walaupun Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah menjalankan Projek Tebatan Banjir, namun banjir kilat masih berlaku di banyak tempat. Apakah rancangan Kerajaan Negeri untuk menyelesaikan masalah banjir kilat?

Y.A.B. Ketua Menteri:

8. Punca berlakunya banjir kilat adalah disebabkan hujan yang lebat melebihi 60 mm dan berpanjangan, aktiviti pembangunan yang berleluasa tanpa kawalan dan sistem perparitan yang tidak efisien / kapasiti parit yang tidak mencukupi, kawasan rendah dan kesan air pasang. Terdapat dua kategori penyelesaian yang dipraktikan oleh Kerajaan Negeri bagi mengurangkan risiko kejadian banjir kilat ini iaitu:

(a) Penyelesaian Secara Struktur:

Penyelesaian secara struktur melibatkan komponen pembinaan kejuruteraan seperti rumah pam, *barrage, ban,* pengukuhan tebing, mendalam dan melebarkan sungai, pembinaan kolam takungan, empangan dan juga pelencongan sungai.

(b) Penyelesaian Secara Bukan Struktur:

Penyelesaian secara bukan struktur melibatkan pelbagai agensi yang berkaitan seperti kempen “Cleaner Greener Penang”, Program gotong royong bersama JKKK tempatan, penyediaan kajian-kajian dan rekabentuk terperinci bagi sesuatu lokasi yang mengalami masalah banjir,Sistem Ramalan Awal Banjir, Stesen Siren, Public Info Banjir dan Penempatan Semula Penduduk seperti di RTB Sungai Pinang Fasa I dan II.

Rancangan MPSP untuk menyelesaikan masalah banjir kilat adalah seperti berikut:

(i) menaik taraf parit yang bermasalah yang menyebabkan banjir kilat iaitu :

(a) Cadangan menaik taraf Sistem Perparitan Dan Infrastruktur Di Sekitar Taman Transkrian, Mukim 9, Seberang Perai Selatan.

(b) Projek Tebatan Banjir Dan menaik taraf Parit Di Sekitar Jalan Kampung Baru, Bukit Mertajam, Seberang Perai Tengah.

(c) Cadangan Kerja-Kerja menaik taraf Sistem Saliran Bagi Mengatasi Masalah Banjir Kilat Di Taman Sri Nibong, Nibong Tebal.

(d) Kerja-Kerja menaik taraf Sistem Saliran Bagi Mengatasi Masalah Banjir Kilat Di Taman Siakap, Seberang Jaya.

(ii) Memastikan pemaju mengikut garis panduan Manual Saliran Mesra Alam.

(iii) Pemantauan keadaan parit-parit monsun dan saliran perparitan di seluruh kawasan Seberang Perai khususnya kawasan berisiko banjir (Hot Spot) dan menjalankan pembersihan dari semasa ke semasa bagi mengelakkan saliran tersumbat.

(iv) Pemantauan ke atas projek pembangunan dijalankan dari semasa ke semasa bagi memastikan pemaju mengikut spesifikasi Pelan Jalan dan Parit yang ditetapkan terutama dari segi penyediaan kolam tadahan dan penyelenggaraan parit-parit dalam kawasan pembangunan yang sedang dilaksanakan.

Sesetengah kawasan di bawah MPPP masih menghadapi masalah banjir kilat yang perlu diuruskan. Di antara lokasi-lokasi hotspot yang telah dikenal pasti menghadapi masalah banjir kilat adalah seperti berikut:-

LOKASI-LOKASI 'HOTSPOT' BANJIR KILAT YANG DIKENAL PASTI

BIL	LOKASI BANJIR KILAT	PUNCA MASALAH	TINDAKAN
1	Jalan Besi	Kawasan curam dan kapasiti parit tidak mencukupi	Projek (1) dalam Lampiran B
	Jalan Westland dan Jalan Padang Victoria	Kawasan rendah dan rata. Kapasiti parit tidak mencukupi	Projek (4) dalam Lampiran B
3	Lorong Thaton dan Solok Thaton	Saliran sediada tersekat akibat tambunan tanah	Projek (5) dalam Lampiran B
4	Taman Gottlied	Kapasiti parit tidak mencukupi	Projek (6) dalam Lampiran B
5	Jalan Anson, Jalan Yeoh Cheang Aun	Masalah kapasiti parit monsun di Jalan Macalister	Projek (7) dalam Lampiran B
6	Jalan Transfer, Lorong Hutton	Kesan air pasang.	Projek (8) dalam Lampiran B
7	Taman Greenlane, Solok Van Praagh, Jalan Hamilton	Kesan air pasang dan kapasiti Sungai Jelutong Diversion	Projek (9) dalam Lampiran B
8	Jalan Tan Sri Teh Ewe Lim	Kesan air pasang Sungai Jelutong	Projek (10) dalam Lampiran B
9	Jalan P. Ramlee	Air Sungai Pinang melimpah akibat kesan air pasang	RTB Sungai Pinang Fasa II di bawah JPS
10	Taman Lumba Kuda	Masalah air anak sungai di Taman Lumba Kuda tidak dapat keluar dengan lancar akibat rintangan aliran deras dari saliran utama dari Sungai Air Itam	Kajian dan reke bentuk tengah dijalankan oleh JPS

Masalah banjir kilat memang tidak dapat diatasi sepenuhnya, walau bagaimanapun MPPP memang berusaha untuk menjalankan projek-projek mitigasi banjir untuk mengurangkan impak masalah banjir kilat dalam kawasan bandar. Diantara projek-projek tebatan banjir yang telah dirancang untuk mengurangkan masalah banjir kilat dalam kawasan hotspot adalah seperti di berikut:-

BIL	NAMA PROJEK	PERUNTUKAN DILULUSKAN (RM)	PEBELANJAAAN SEBENAR (RM)	STATUS PELAKSANAAN JADUAL/SEBENAR	CATATAN
1	Cadangan mengatasi banjir kilat di jalan besi, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang (fasa 1)	275,000.00 (Caruman Pemaritan Kelulusan : Bil 1/2013)	140,525.00	65%/70%	PERNIAGAAN KONGSI MAJU Tarikh Mula : 18.6.2013 Tarikh Siap : 16.9.2013 EOT 1 : 16.10.2013 EOT 2 : 16.11.2013 Kerja-kerja tergendala disebabkan kabel utiliti ditas jajaran parit perlu diubah
2	Cadangan memasang lid konkrit dan bukaan pembersihan untuk parit monsun di tingkat Sungai Ara 1, Daerah Barat Daya, Pulau P	85,000.00 (Caruman Pemaritan Kelulusan Khas)	73,000.00	100%/100%	MAZNOORA ENTERPRISE Tarikh Mula : 1.7.2013 Tarikh Jangka Siap : 31.7.2013 EOT 1 : 10.9.2013
3	Cadangan mengeluarkan mendapan dan membersih rizab parit monsun bermula dari jalan kampung jawa hingga sungai nibong kecil, Daerah Barat Daya, Pulau Pinang	60,000.00 (Caruman Pemaritan Kelulusan Khas)	54,500.00	80%/90%	FATRADINAS JAYA ENTERPRISE Tarikh Mula : 9.9.2013 Tarikh Jangka Siap : 8.10.2013 Tempoh Kontrak : 30 hari EOT 1 : 31.10.2013 EOT 2: 7 November 2013
4	Cadangan membina dan membaiki parit dan bahu jalan di Jalan Burma dari SRJK(C) Union hingga Kelab CRC	450,000.00(Bajet MPPP)	410000	30%/20%	MSA VENTURE Tarikh Mula : 17.9.2013 Tarikh Jangka Siap : 16.12.2013 Tempoh Kontrak : 3 bulan Kelewatan adalah disebabkan oleh bekalan *box culvert*
5	Cadangan membina dan membaiki parit dan bahu jalan di Jalan Burma dari Lengkok Burma hingga Jalan Pangkor	450,000.00 (Bajet MPPP)	443255	5% / 5%	Anjung Innovasi Sdn. Bhd. Tarikh Jangka Mula : 21.10.2013 Tarikh Jangka Siap : 3.1.2014 Tempoh Kontrak : 75 hari
6	Cadangan menaik taraf parit di lorong sisi SRJK(C) Perempuan China, Jalan Gottlieb	50,000.00 (Bajet MPPP)	50,450.00	100%/100%	MAHMUD BIN AYOB Tarikh Mula : 9.9.2013 Tarikh Siap : 23.10.2013
7	Cadangan untuk menaik taraf sistem saliran di Jalan Macalister dari Jalan Perak hingga Jalan Anson untuk mengurangkan masalah banjir di kawasan sekitar, Daerah Timur Laut	1,162,400.00 (Caruman Pemaritan Kelulusan : Bil 3/2013)			Akan diiklankan pada 4 Nov 2013
8	Kajian dan rekabentuk terperinci kerja-kerja tebatan banjir dan menaik taraf sistem saliran bagi mengatasi masalah banjir di Jalan Transfer dan Lorong Hutton, Daerah Timur Laut	160,000.00 (Caruman Pemaritan Kelulusan : Bil 3/2013)			Dalam peringkat pelantikan perunding untuk kajian
9	Kajian dan rekabentuk terperinci kerja-kerja tebatan banjir dan menaik taraf sistem saliran di lembangan Sungai Jelutong Diversion, Daerah Timur Laut.	500,000.00 (Caruman Pemaritan Kelulusan :Bil 3/2013)			Akan dilaksanakan oleh JPS
10	Cadangan mengatasi banjir kilat di Jalan Tan Sri Teh Ewe lim di antara No. 139 hingga Sungai Jelutong Diversion, Daerah Timur Laut	150,000.00 (Caruman Pemaritan Kelulusan : Bil 3/2013)			Akan Diiklankan pada 4 Nov 2013

Ahli Kawasan Berapit (YB. Ong Kok Fooi) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

9. Adakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang merancang untuk menetapkan kawasan berpusat untuk memusatkan tempat kediaman untuk warga pekerja asing?

Y.A.B. Ketua Menteri:

9. Kerajaan Negeri telah merancang untuk membina dua (2) kawasan perumahan pekerja secara berpusat di kawasan Juru dengan tapak seluas 12.6 ekar dan di kawasan Batu Kawan dengan tapak berkeluasan 12.8 ekar.

   Pelaksanaan projek ini akan dibuat secara penswastaan melalui Request For Proposal (RFP) bagi mendapatkan syarikat yang berpengalaman dalam bidang tersebut. RFP telah dibuka pada 17 September 2013 dan akan tutup pada 18 November 2013.

Ahli Kawasan Berapit (YB. Ong Kok Fooi) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

10. Bagaimanakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang memastikan keselamatan wanita terjamin? Adakah kawasan khas bagi kaum wanita akan ditetapkan di tempat letak kereta, tempat menunggu dan lain tempat awam?

Y.A.B. Ketua Menteri:

10. Keselamatan wanita melibatkan strategi dan dasar untuk menghalang perbuatan jenayah atau penganiayaan dan mencegah keganasan dari berlaku. Ini boleh dijalankan dengan meningkatkan pengetahuan dan sikap tentang cara-cara menghapuskan keganasan rumah tangga atau seksual. Pusat Perkhidmatan Wanita (PPW) mengadakan pelbagai aktiviti untuk memberi maklumat dan kesedaran dalam hal-hal keselamatan wanita dan menangani keganasan terhadap wanita.

    Beberapa program telah dirancang dalam cadangan dasar gender dan pelan tindakannya untuk menangani isu-isu keselamatan wanita di negeri ini. Setakat ini pada masa ini, tiada cadangan untuk menetapkan kawasan khas tempat letak kereta, tempat menunggu bas, dan tempat awam khas bagi kaum wanita.

    Walau bagaimanapun, kearah usaha meningkatkan keselamatan semua rakyat termasuk kaum wanita, Kerajaan Negeri telah melaksanakan 23 Langkah Pencegahan Jenayah di bawah Program Bandar Selamat dengan kerjasama PDRM, JPBD, PBT, Agensi-agensi Kerajaan, NGOs dan Kerajaan Persekutuan. Aktiviti yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut :

    (1) Pemasangan CCTV
    (2) Pengasingan laluan pejalan kaki dengan kenderaan bermotor
    (3) Pencahayaan lampu pada waktu malam di tempat yang dikenal pasti menjadi sasaran
    (4) Pemasangan cermin keselamatan
    (5) Penyediaan Pondok Polis di lokasi yang sesuai
    (6) Penyediaan Penggera Keselamatan
    (7) Penyediaan Tempat Letak Motosikal Berkunci
    (8) Pemasangan Lampu di Kaki Lima Premis Perniagaan
    (9) Tidak membenarkan perniagaan dan meletak kenderaan di kaki lima pejalan kaki
    (10) Melalui pendidikan dengan melaksanakan kempen pencegahan jenayah
    (11) Menggalakkan pemaju / pemilik rumah memasang lampu di lorong tepi, depan dan belakang rumah
    (12) Meningkatkan rondaan pada waktu malam
    (13) Menyediakan risalah jenayah kepada orang ramai
    (14) Menggalakkan menyediakan perkhidmatan pengawal keselamatan swasta (Perumahan Gated dan Guarded)
    (15) Menggalakkan pelbagai aktiviti perniagaan dan peniaga menjadi ahli rakan COP

(16) Laluan awam tidak terlindung atau menghalang pandangan awam
(17) Mendirikan papan tanda peringatan jenayah
(18) Menyediakan garispanduan susunatur perumahan yang mengambilkira aspek pencegahanjenayah
(19) Perkongsian maklumat jenayah melalui GIS Based Mapping
(20) Mengawal tanaman landskap di laluan pejalan kaki
(21) Penyediaan Bollard
(22) Menjalankan penyelidikan pencegahan jenayah
(23) Membersihkan kawasan semak dan terlindung

Ahli Kawasan Berapit (YB. Ong Kok Fooi) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

11. Program Bantuan Kerajaan Negeri Pulau Pinang seperti Program Warga Emas, Program Ibu Tunggal, Program Anak Emas dan Program Pelajar Emas telah dilaksanakan sejak Kerajaan Pakatan Rakyat mengambil alih Pulau Pinang. Adakah Kerajaan Negeri akan mengkaji semula dan memperbaikkan program tersebut?

Y.A.B. Ketua Menteri:

11. Program Warga Emas yang diperkenalkan Kerajaan Negeri adalah untuk memberikan bantuan sebanyak RM100.00 setahun kepada golongan warga emas yang berumur 60 tahun ke atas dan berdaftar sebagai pengundi di Pulau Pinang. Program Ibu Tunggal pula diperkenalkan untuk memberi bantuan RM100.00 setahun kepada ibu tunggal yang berumur di bawah 60 tahun dan berdaftar sebagai pengundi di Pulau Pinang. Program Anak Emas adalah pemberian tunai sebanyak RM200.00 kepada bayi yang baru lahir di Pulau Pinang mulai tahun 2011 dan salah seorang ibu/ bapa kepada bayi tersebut mestilah seorang pengundi berdaftar di Pulau Pinang. Program Pelajar Emas merupakan bantuan RM100.00 kepada pelajar darjah 1, darjah 4, tingkatan 1 dan tingkatan 4 yang bersekolah di Pulau Pinang.

    Kerajaan Negeri telah meluluskan kajian bagi Program Warga Emas dan hasil daripada kajian tersebut akan diteliti bagi menambah baik program ini manakala bagi program-program lain, kerajaan belum ada perancangan penambahbaikan.

Ahli Kawasan Berapit (YB. Ong Kok Fooi) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

12. Adakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan memelihara dan memulihara kawasan-kawasan bersejarah selain daripada tapak warisan UNESCO di George Town?

Y.A.B. Ketua Menteri:

12. Selain tapak warisan dunia UNESCO di George Town, terdapat tapak-tapak, bangunan-bangunan serta monumen-monumen bernilai warisan dan sejarah yang berpotensi dikekalkan dan dikenal pasti sebagai aset-aset warisan ketara.

    Pada masa ini, George Town World Heritage Incorporated dan MPPP sedang mengenal pasti bangunan-bangunan di luar Tapak Warisan Dunia George Town yang berpotensi dikategorikan sebagai bangunan warisan. Di samping usaha yang sama juga akan dijalankan di kawasan Seberang Perai.

    Mengikut Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang 2020 dan Deraf-deraf Rancangan Tempatan Pihak Berkuasa Tempatan (MPPP & MPSP) terdapat dasar-dasar warisan dibentuk dan strategi-strategi dicadangkan untuk mengekal, memelihara dan memulihara tapak, bangunan serta monumen yang berpotensi dikenal pasti sebagai warisan. Selain itu, Enakmen Warisan Negeri yang telah diwartakan pada Ogos 2011 juga mengandungi peruntukan-peruntukan dan prosedur ditetapkan untuk penyediaan Daftar Warisan Negeri yang merangkumi warisan kebudayaan ketara, warisan kebudayaan tidak ketara dan tapak warisan semula jadi.

Kerajaan Negeri akan memulihara kawasan bersejarah selain daripada tapak warisan UNESCO di Georgetown. Antara usaha awal yang dilakukan adalah dengan mengadakan inventori bangunan tapak dan monumen di luar tapak warisan UNESCO Georgetown. Ini bertujuan mengenal pasti bangunan, tapak dan monumen yang kritikal dan berada di luar kawasan tapak tersebut untuk dipulihara dan dipelihara.

Pada tahun 2013, inventori warisan sedang dilakukan di kawasan SPU, manakala di SPT akan diadakan pada tahun 2014 dan seterusnya pada tahun 2015 di SPS.

Ahli Kawasan Berapit (YB. Ong Kok Fooi) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

13. Sila senaraikan semua Government Linked Companies (GLC) yang telah ditubuhkan sejak Kerajaan Pakatan Rakyat mengambil alih sebagai Kerajaan Negeri Pulau Pinang pada 8 Mac 2008.

    (a) Senaraikan semua ahli-ahli lembaga, pegawai-pengawai eksekutif, pegawai-pegawai pengurusan dan gaji bulanan mereka.

Y.A.B. Ketua Menteri:

13. (a) PBA Holdings Berhad (PBAHB) yang merupakan sebuah syarikat persendirian yang disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) di mana Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui State Secretary Incorporated (SSI) mempunyai pegangan saham sebanyak 55%.

Senarai Ahli Lembaga Pengarah PBAHB adalah seperti berikut:

Bil.	Nama	Jawatan
1	Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng	Pengerusi
2	YB Dato' Haji Mohd Rashid Bin Hasnon	Timbalan Pengerusi
3	YB Prof. Dr. Ramasamy a/l Palanisamy	Ahli Lembaga Pengarah
4	YB. Dato' Farizan bin Darus	Ahli Lembaga Pengarah
5	YB. Tuan Chow Kon Yeow	Ahli Lembaga Pengarah
6	YB. Tuan Lim Hock Seng	Ahli Lembaga Pengarah
7	YB. Dato' Haji Abdul Malik B. Abul Kassim	Ahli Lembaga Pengarah
8	YB. Dato' Mokhtar Bin Mohd Jait	Ahli Lembaga Pengarah
9	Tuan Haji Mohamad Bin Sabu	Ahli Lembaga Pengarah
10	Y. Bhg. Dato' Chew Kong Seng	Ahli Lembaga Pengarah Bebas
11	Y. Bhg. Dato' Syed Mohamad bin Syed Murtaza	Ahli Lembaga Pengarah Bebas
12	Y. Bhg. Dato' Seri Nazir Ariff Bin Mushir Ariff	Ahli Lembaga Pengarah Bebas
13	Y. Bhg. Dato' Athi Isvar Athi Nahappan	Ahli Lembaga Pengarah Bebas
14	Ms. Agatha Foo Tet Sin	Ahli Lembaga Pengarah Bebas

Jumlah elaun yang diterima oleh Ahli Lembaga Pengarah PBAHB adalah seperti berikut:

Jenis Elaun	Pengerusi	Timbalan Pengerusi	Ahli Lembaga Pengarah Bebas
Elaun Tetap	RM500	RM500	RM500
Elaun Luar Negeri	Tiada	Tiada	RM1,500
Elaun Mesyuarat	RM300	RM300	RM300

Elaun-elaun ini tidak ada perubahan sejak diberikan dalam tahun 1999.

(b) Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP) adalah merupakan sebuah anak syarikat di bawah PBA Holdings Berhad (PBAHB) di mana membekalkan perkhidmatan air ke seluruh Negeri Pulau Pinang.

Senarai Ahli Lembaga Pengarah PBAPP adalah seperti berikut:

Bil.	Nama	Jawatan
1	Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng	Pengerusi
2	YB Dato' Haji Mohd Rashid Bin Hasnon	Timbalan Pengerusi
3	YB Prof. Dr. Ramasamy a/l Palanisamy	Ahli Lembaga Pengarah
4	YB. Dato' Farizan bin Darus	Ahli Lembaga Pengarah
5	YB. Tuan Lim Hock Seng	Ahli Lembaga Pengarah
6	YB. Tuan Lau Keng Ee	Ahli Lembaga Pengarah
7	YB. Tuan Ng Wei Aik	Ahli Lembaga Pengarah
8	YB. Tuan Sim Tze Tzin	Ahli Lembaga Pengarah
9	YB. Tuan Teh Yee Cheu	Ahli Lembaga Pengarah

Jumlah elaun yang diterima oleh Ahli Lembaga Pengarah PBAPP adalah seperti berikut:

Jenis Elaun	Pengerusi	Timbalan Pengerusi	Ahli Lembaga Pengarah Bebas
Elaun Tetap	RM3,000	RM1,500	RM1,000
Elaun Mesyuarat	RM300	RM300	RM300

(c) Fungsi, Peranan dan Kejayaan PBAPP adalah seperti berikut:

(i) PBAPP adalah syarikat yang bertanggungjawab membekalkan perkhidmatan bekalan air ke seluruh Negeri Pulau Pinang.

(ii) PBAPP telah mencapai liputan bekalan air ke kawasan bandar sebanyak 100% dan kawasan luar bandar 99.7%.

(iii) Pencapaian kadar NRW terendah di seluruh negara iaitu 17.6%.

(iv) Merekodkan kecekapan kutipan (collection efficiency) 92.4%.

(v) PBAPP telah memenangi Anugerah Industri Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau & Air Malaysia (KeTTHA) 2013 untuk kategori *Efficiency Award & Water Services Operator of the Year* pada 21.11.2013.

Untuk maklumat lengkap mengenai anak-anak syarikat PBAHB, pegangan saham, Ahli Lembaga Pengarah, elaun Ahli Lembaga Pengarah dan fungsi dan peranan syarikat-syarikat, sila rujuk jadual di bawah:-

BIL	NAMA SYARIKAT	EKUITI PBAHB	AHLI LEMBAGA PENGARAH	ELAUN AHLI LEMBAGA PENGARAH	FUNGSI DAN PERANAN
1.	PBA Resources Sdn. Bhd. (PBAR)	100	1. Ir Jaseni Maidinsa 2. En Raffiq Raveendran Abdullah	Elaun Mesyuarat: RM100	* PBA Resources adalah syarikat yang ditubuhkan untuk menguruskan kumpulan perniagaan di bawah PBAHB yang tidak berkaitan dengan perkhidmatan pembekalan air. * PBAR mengendalikan Penang Water Services Academy (PWSA). * PWSA menganjurkan kursus yang bersesuaian bagi meningkatkan kemahiran di kalangan kakitangan dalaman serta syarikat-syarikat pengeluar air lain yang berminat sama ada dari dalam dan luar negara. Program-program yang diadakan: 1. Kursus untuk pelajar lepasan Tingkatan Lima 2. Kursus untuk Pekerja Pengendali Air di Malaysia 3. Kursus untuk Pekerja Pengendali Air di Indonesia
2.	sland Springwater Sdn. Bhd (ISSB)	100	1. Ir Jaseni Maidinsa 2. Ir Ong Eng Chuan	Elaun Mesyuarat: RM100	* Island Springwater Sdn. Bhd adalah syarikat yang menguruskan operasi dan pengeluaran air minuman botol di Pulau Pinang pada bulan Jun 2009. Namun, pada mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah Mei 2012, Ahli Lembaga Pengarah telah memutuskan untuk menghentikan operasi Island Springwater Sdn. Bhd. kerana ia tidak menguntungkan.
3.	Pinang Water Ltd. (PWL)	26	1. Ir Jaseni Maidinsa (PBAHB) 2. Mr Ooi Kok Ping (Ranhil Water (Hong Kong) Limited 3. Dato' Samsuri Rahmat (YLI Holdings Bhd)	Tiada elaun untuk Ahli Lembaga Pengarah untuk tahun 2013.	* PWL adalah syarikat perkongsian di antara YLI Holdings Bhd, PBAHB dan Ranhil Water (Hong Kong) Limited dengan pegangan saham 37%:26%:37%. Ia diperbadankan pada tahun 2003 untuk menguruskan projek-projek bekalan air di kawasan pesisir pantai. * Projek pertama PWL adalah membina loji saringan air Yuan He (YHWTP) di Bandar Yichun, Republik China. * Fasa pertama YHWTP siap pada November 2005 dan mula beroperasi pada bulan Ogos 2006 dengan kapasiti sebanyak 50 juta liter sehari. * PWL menandatangani perjanjian penjualan air untuk tempoh 29 tahun dengan Yichun Water Supply Corporation iaitu syarikat pembekal air utama di Bandar Yichun, Republik China.

(II) Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Teh Yee Cheu) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Huraikan dengan terperinci kronologi Isu Kampung Tanjong Tokong dan perkembangan perundingan terkini dengan Perbadanan Pembangunan Bandar (UDA) tentang zon warisan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Projek Pembangunan UDA di Kampung Tanjung Tokong telah berlarutan sekian lama dan beberapa siri mesyuarat telah diadakan dan dipengerusikan oleh YB. Timbalan Ketua Menteri 1, dengan dihadiri oleh pihak UDA dan beberapa jabatan teknikal berkaitan. Sehingga kini dimaklumkan isu-isu penempatan semula penduduk dan pembangunan semula Kampung Tanjung Tokong masih dalam perbincangan.

Perkembangan terkini projek pembangunan semula Tanjong Tokong adalah mengikut fasa pembangunan berdasarkan Pelan Susun Atur Induk Pembangunan Perumahan dan Perdagangan Tanjong Tokong yang telah diluluskan oleh Jawatankuasa Perancang Negeri pada 11 November 2003. Pelan Induk ini merangkumi kawasan seluas 78 ekar.

Komponen dan status pembangunan adalah seperti di bawah:-

Parcel	Butir Pembangunan	Status
Parcel 4 : Desa Tanjung 1 (22.42 ekar)	Perumahan Kos Rendah bagi penempatan semula penduduk Tg Tokong.	Pelan kebenaran merancang telah dikemukakan kepada Unit OSC MPPP pada 15.5.2009 dan pelan telah diluluskan pada 26.1.2010. Permohonan yang dikemukakan oleh UDA Holdings Sdn Bhd adalah berbentuk rumah pangsa kos rendah 6 hingga 10 tingkat dengan keluasan rumah antara 800 kp – 850 kp. Berdasarkan pelan yang dikemukakan, rumah-rumah kampung / setinggan di atas tapak parcel 4A akan dirobohkan dan penempatan sementara berupa rumah panjang telah pun disediakan di atas tapak tebusguna (rockfill) di Parcel 1A dan 1B serta sebahagian tapak sekolah. Pembangunan Parcel 4A belum bermula. Tapak Parcel 4A ini juga dikenali sebagai tapak yang di **sebut-sebutkan** untuk pengekalan sebagai kampung tradisional / kampung warisan Tanjung Tokong. Walau bagaimanapun pelan yang dikemukakan dan diluluskan oleh MPPP **tidak** menunjukkan sebagai kampung warisan.
Parcel 5 (3.987 ekar)	Perumahan pangsapuri kos sederhana 128 unit dan townhouse 22 unit.	Pihak UDA belum mengemukakan pelan.
Parcel 2 (1.36 ekar)	Rumah kedai 6 tingkat sebanyak 160 unit.	Siap dan diduduki.
Parcel 3 (7.58 ekar)	Rumah teres 3 tingkat 64 unit.	Siap dan diduduki.
Parcel 1D (3.1 ekar)	Pangsapuri kos sederhana 23 tingkat sebanyak 312 unit	Siap dan diduduki.
Parcel 1C (2.91 ekar)	Pangsapuri kos sederhana 25 tingkat sebanyak 304 unit.	Pihak UDA belum mengemukakan pelan.
Parcel 1B (2.83 ekar)	Pangsapuri kos sederhana 29 tingkat sebanyak 300 unit.	Pihak UDA belum mengemukakan pelan.
Berhampiran Parcel 3 (1.09 ekar)	Tapak Kompleks Penjaja	Projek siap.
Berhampiran Parcel 3 (2.7 ekar)	Sebahagian Tapak Sekolah	Pihak Jabatan Pendidikan Negeri belum mengemukakan pelan tapak sekolah.

Perkara berkaitan Kampung Tanjung Tokong dan Zon Warisan di kawasan tersebut adalah dalam kajian untuk dimasukkan dalam Pindaan Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang 2020 di bawah JPBD Negeri. Kampung Tanjung Tokong juga telah pun dikenal pasti sebagai kampung tradisional dalam Draf Rancangan Tempatan Kawasan (Pulau) MPPP yang perlu dipelihara, dikekalkan dan dipromosikan sebagai aset pelancongan.

Kronologi pemajuan UDA berdasarkan rekod MPPP adalah seperti berikut:-

(1) Permohonan kebenaran merancang no. JPB/PM/4560(LB) yang terletak di kawasan Warisan Tanjung iaitu untuk meroboh rumah sedia ada (70 unit) untuk cadangan skim perumahan gantian parcel 4A yang mengandungi:-

(a) Rumah pangsa kos rendah 6 tingkat (850 kp) 376 unit
(b) Rumah pangsa kos rendah 5 tingkat (800 kp) 120 unit
(c) Dewan serbaguna 2 tingkat
(d) Surau 1 tingkat
(e) Pencawang TNB (1 unit)

di atas sebahagian Lot 341, Sek. 1, Bandar Tanjong Tokong, DTL, Jalan Tanjong Tokong Lama, Pulau Pinang untuk Tetuan UDA Holdings Bhd.

Bil.	Tarikh	Peristiwa
(i)	7.6.2005	Kemuka Permohonan Kebenaran Merancang
(ii)	28.6.2007	Lulus dengan syarat (syarat-syarat teknikal daripada Bomba, TNB, MPPP)
(iii)	28.6.2008 hingga 27.6.2009	Pelanjutan kebenaran merancang 1
(iv)	28.6.2009 hingga 27.6.2010	Pelanjutan kebenaran merancang 2
(v)	28.6.2010 hingga 27.6.2011	Pelanjutan kebenaran merancang 3
(vi)	28.6.2011 hingga 27.6.2012	Pelanjutan kebenaran merancang 4
(vii)	8.6.2012 hingga 27.6.2013	Pelanjutan kebenaran merancang 5

Status terkini : Kebenaran merancang telah luput.

Kronologi isu Kampung Tanjung Tokong dan cadangan pembangunan semula Tanjung Tokong.

(1) Cadangan pembangunan penempatan semula Kampung Tanjung Tokong, akan melibatkan pembangunan 1,200 unit rumah pangsapuri penempatan semula di mana untuk peringkat pertama Warisan Tanjung Parcel 4A sejumlah 550 unit rumah berupa pangsapuri 6 hingga 10 tingkat yang keluasan di antara 800 hingga 850 kaki persegi akan dilaksanakan bagi menempatkan penduduk asal Kampung Tanjung Tokong. Pembinaan ini kini di peringkat tender dan ianya selaras dengan perjanjian yang telah ditandatangani dengan penduduk yang terlibat. Baki sejumlah 650 unit akan dibina pada peringkat kedua apabila Warisan Tanjung Parcel 4A ini disiapkan dan penduduk telah berpindah semula.

(2) Kesemua 96% iaitu 283 dari 294 penduduk yang ditawarkan telah berpindah serta menandatangani Perjanjian Penyelesaian dengan UDA serta bersetuju dengan tawaran yang diberikan oleh pihak UDA. Sejak Disember 2008 hingga Disember 2012 sebanyak 241 keluarga telah berpindah ke rumah transit di mana 74% telah menduduki rumah transit ini melebihi tempoh 4 tahun. Baki 42 keluarga menyewa di luar dengan subsidi sewaan bulanan oleh pihak UDA.

(3) Selain dari penempatan rumah ganti secara percuma, antara lain yang diberikan UDA kepada penduduk adalah berupa bayaran sagu hati berjumlah antara RM2,000.00 ke RM3,500.00, bayaran elaun perpindahan RM1,000.00 atau pilihan untuk subsidi sewa RM500.00 / RM300.00 sebulan untuk menyewa di tempat lain atau penempatan sementara percuma di rumah transit sehingga pembangunan disiapkan dan penduduk akan dipindahkan semula ke tapak asal mereka.

(4) Pihak UDA turut berhadapan dengan desakan bukan hanya daripada penduduk yang enggan berpindah tetapi juga mereka yang telah berpindah ke rumah transit. Ini kerana penduduk rumah transit mendakwa telah terlalu lama mendiami rumah tersebut dan berharap pembangunan Warisan Tanjung Parcel 4A dapat dipercepatkan. Pihak UDA telah bersedia untuk memulakan pelaksanaan pembangunan Parcel 4A pada tahun ini. Walau bagaimanapun, antara punca kelewatan adalah disebabkan segelintir keluarga yang enggan menerima tawaran UDA.

(5) Selain itu, antara punca kelewatan projek ini adalah disebabkan masalah kelulusan pelan oleh Pihak Berkuasa Tempatan. Walau pun kelulusan untuk permohonan merancang dan pelan bangunan diperolehi pada 16 Oktober 2012, tetapi Borang C1 diserahkan kepada UDA pada 27 Mei 2013, di mana kelulusan Permohonan Merancang Asal tamat tempoh sah pada 27 Jun 2013. Pihak UDA tidak sempat mendapatkan kelulusan ke atas Pelan Pecahan Sempadan dan Pelan Kerja Tanah untuk membolehkan Kebenaran Memulakan Kerja diperolehi disebabkan kelewatan Borang C1. Pihak UDA terpaksa mengemukakan semula Pelan Permohonan Kebenaran Merancang dan Pelan Bangunan selepas rayuan ke atas permohonan Lanjutan Pelan Kebenaran Merancang asal ditolak.

(6) Penjualan tender untuk projek ini telah dimulakan pada 23 Oktober sehingga 6 November 2012 dan tender ditutup pada 15 November 2012. Perlantikan kontraktor tidak dapat diteruskan memandangkan masih terdapat sebilangan kecil penduduk yang masih enggan mengosongkan tapak. Pada masa yang sama pihak UDA gagal memperolehi kelulusan ke atas Permohonan Kebenaran Memulakan Kerja daripada pihak MPPP. Tempoh sah tender selama 6 bulan dan disambung selama 3 bulan lagi telah tamat pada Ogos 2013. Pihak UDA dalam proses menender semula projek ini tertakluk kepada kelulusan Pelan Kebenaran Merancang serta Pelan Bangunan yang perlu dikemukakan semula.

(7) Berhubung masalah 11 keluarga yang masih enggan mengosongkan tapak, notis dari pihak UDA sendiri telah dikeluarkan pada 8 November 2012 apabila penduduk terlibat tidak memberi maklum balas ke atas tawaran yang dikeluarkan kepada mereka. Ini diikuti oleh Notis Peguam pada 12 Disember 2012 dan juga 14 Januari 2013. Pihak penduduk telah diberi masa untuk mempertimbangkan tawaran yang diberikan pihak UDA sebelum Notis Mahkamah dikeluarkan pada 22 / 23 Jun 2013. Kes ini telah didengar di mahkamah pada 11 November 2013 dan ditangguhkan pada 4 Disember 2013.

Mengenai isu Kampung Warisan di Tanjung Tokong, pihak UDA telah bersetuju membina Kompleks Galeri Warisan yang akan menempatkan rumah-rumah tradisional melayu bersekali dengan kompleks komersil yang dicadang akan diuruskan oleh Koperasi Penduduk Tanjung Tokong. Cadangan pembangunan tapak seluas lebih kurang 2.6 ekar ini masih diperingkat awal serta secara dasarnya telah dipersetujui oleh Kerajaan Negeri. Bagaimana pun untuk konsep muktamad masih tertakluk kepada perbincangan serta persetujuan bersama antara UDA Holdings Berhad dan Kerajaan Negeri serta pihak berkuasa tempatan.

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Teh Yee Cheu) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Huraikan isu eko sistem laut dan rizab pantai di muara Sungai Kelian yang terjejas oleh projek Infiniti di muara tebing sungai tersebut yang diadu nelayan Pantai Tanjong Bunga. Apakah rancangan untuk mengatasi masalah tersebut?

Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Projek Kondominium Infiniti terletak bersebelahan Sungai Kelian. Ia melibatkan pembinaan 119 unit kondominium mewah di atas lot 3605, 3606 dan 3607 di bandar Tanjong Bungah, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang dan projek adalah dilaksanakan oleh pemaju Tetuan Diamward (M) Sdn. Bhd. Setiap permohonan pembangunan di pesisiran pantai hendaklah melalui Pelan Pengurusan Alam Sekitar (EnvironmentaL Management Plan-EMP) dan Penilai Impak Alam Sekitar (EIA) di bawah pengurusan Jabatan Alam Sekitar. Bagi kelulusan pelan merancang, pemaju telah disyaratkan supaya jarak 6 meter hendaklah dirizab untuk sungai dan diserahkan kepada Kerajaan Negeri bagi tujuan laluan penyelenggaraan, pengukuhan tebing dan pelebaran sungai pada masa akan datang. Bagi memastikan eko sistem laut dan sungai tidak terjejas, pemaju juga telah membelanjakan sebanyak RM1,025,000.00 bagi tujuan menaik taraf Sungai Kelian dengan pembinaan *geo-protect* dan *geo-grid wall'* bagi tujuan pengukuhan tebing ketika pembinaan kondominium tersebut.

Fenomena penutupan muara sungai-sungai di kawasan Tanjung Tokong, Tanjung Bungah dan Batu Feringghi adalah satu fenomena yang berlaku sepanjang tahun. Bagi penyelesaian jangka pendek, JPS akan menjalankan kerja-kerja pengorekan muara yang melibatkan Sungai Kelian, Sungai Mas, Sungai Kechil, Sungai Satu dan Sungai Batu Feringghi sekurang-kurangnya tiga kali bagi tahun 2013. Bagi penyelesaian jangka panjang, Jabatan Pengairan dan Saliran sedang dalam proses mengadakan kajian terhadap kawasan-kawasan ini memandangkan proses penutupan ini berlaku tidak menentu. Pembinaan penahan ombak boleh dipertimbangkan tetapi JPS perlu mengambil kira kawasan pesisiran pantai ini merupakan satu lokasi menarik yang menjadi tarikan pelancong sepanjang tahun.

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Teh Yee Cheu) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Huraikan dengan terperinci rancangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang serta konsep bagi Plot B *(the Sore Thumb*), Bandar Tanjong Bunga, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang sebagai Taman Rekreasi Orang Awam. Bila, bagaimana dan siapakah akan melaksanakannya?

Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Plot 'B' adalah Tanah Kerajaan yang telah diluluskan Lesen Pendudukan Sementara (LPS) kepada Purerich Realty Sdn. Bhd. untuk tujuan Marina. LPS tersebut berkuatkuasa bermula tahun 1995 dan telah tamat pada tahun 2006. Status Plot B kini adalah Tanah Kerajaan.

   Plot 'B' termasuk dalam kawasan pentadbiran Daerah Timur Laut, tetapi tidak termasuk dalam kawasan pentadbiran MPPP kerana tapak ini merupakan kawasan tambak laut. Dalam hal yang demikian hanya pemilik tanah (Kerajaan Negeri) yang berhak menentukan dan mencadangkan sama ada tapak tersebut sesuai untuk tujuan taman rekreasi atau untuk lain-lain tujuan. Dari sudut perundangan (Seksyen 21 (6) subseksyen 3, Akta Perancang Bandar Dan Desa, Akta 172), memandangkan tapak ini belum mempunyai *"Local Plan",* maka sebarang cadangan untuk membangunkannya haruslah dirujuk kepada pemilik tanah/lot-lot berjiran untuk mendapatkan pandangan atau bantahan. Ini bermakna orang awam khasnya penduduk sekitar berhak untuk memberi pendapat atau cadangan mengenai pembangunan yang sesuai untuk tapak (the Sore Thumb) tersebut.

   Sehingga kini masih belum ada perancangan khusus bagi membangunkan tapak Plot 'B' berkenaan untuk tujuan Taman Rekreasi Orang Awam. Walau bagaimanapun dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tanah Negeri Bil 34 Tahun 2013 bertarikh 23/10/2013 telah ada cadangan untuk dimajukan sebagai marina di sekitar kawasan tersebut.

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Teh Yee Cheu) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

4. Senaraikan dengan terperinci (lokasi/lot nombor/keluasan/nama sungai dan lain-lain) tapak komuniti/tanah lapang/tapak RIBI/tapak rekreasi yang telah diserahkan dan yang belum diserahkan kepada Pihak Berkuasa Tempatan (MPPP/MPSP/PDC/JPS/Kerajaan Negeri) khasnya.

Y.A.B. Ketua Menteri:

4. Senarai terperinci tapak komuniti / tanah lapang / tapak rekreasi /tapak RIBI/Sungai lain yang telah diserahkan kepada MPPP,MPSP/JPS dan Kerajaan Negeri adalah seperti di jadual.

BIL.	TAHUN	LOKASI/LOT	LUAS (m.p.)	GUNA TANAH	AGENSI
1.	2008	Plot 28	768.1	Kawasan Lapang	Kerajaan
2.	2008	Plot 34	674	Kawasan Lapang	Kerajaan
3.	2009	Plot 19			
		Plot 20	34826	Kawasan Lapang	Kerajaan
4.	2009	Plot 53	1278.1	Kawasan Lapang	Kerajaan
5.	2010	Plot 22	1199	Kawasan Lapang	Kerajaan
6.	2011	Plot 271	(Lot 10427), 393	Mukim 13, SPU Tanah Kerajaan	Dewan Komuniti
7.	2011	Plot 26	(Lot 20056), 28	Mukim 14, SPU	RIBI
8.	2011	Plot 87	(PT 1959), 237	Mukim 6, SPU Kerajaan	Dewan Orang Ramai
9.	2011	Plot 72	2943.92	Kawasan Lapang	Kerajaan
10.	2012	Plot 53	(PT 1863), 769	Mukim 6, SPU	Surau MAIP
11.	2012	Plot 55	(PT 1865), 559	Mukim 6, SPU Kerajaan	Pusat Komuniti
12.	2012	Plot 81	(Lot 21479), 989	Mukim 6, SPU	Lanskap MPSP
13.	2012	Plot 531-534	7791	Kawasan Lapang	Kerajaan
14.	2013	Plot 12	407.7140	Kawasan Lapang	Kerajaan
15.	2013	Plot 23	845	Kawasan Lapang	Kerajaan

(II) **Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Teh Yee Cheu)** bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

5. Huraikan dengan terperinci semua kes jenayah yang dilaporkan oleh JKKK yang berlaku di KADUN

Y.A.B. Ketua Menteri:

5. Tiada laporan kejadian kes jenayah yang direkodkan di KADUN Tanjung Bunga. Hanya JKKK bagi Daerah Seberang Perai Selatan sahaja yang melaporkan kes jenayah berlaku. Perincian kes direkodkan seperti dibawah:-

Bil	Daerah	Kawasan JKKK	Kategori Kes	Perincian Kes Dilaporkan
1	SPS	Kampung Baru	Kekerasan	Pergaduhan warga asing di Taman Sari pada 14.4.2013.
2			Komersial	Gerai disewakan kepada warga asing dan turut menjual minuman keras.
3		Sungai Udang	Kawalan Trafik	Lumba motor haram pada 16.5.2013.
4		Bandar Tasek Mutiara Selatan	Harta Benda	Kecurian barang dalam kereta semasa mangsa mengambil anak di rumah pengasuh (jam 2.30 petang) pada 20.2.2013.
5		Kampung Besar	Harta Benda	Dewan Sungai Besar dimasuki pencuri dan vendalisma.
6		Padang Lalang	Kawalan Trafik	Kegiatan lumba haram di jalan utama
7		Kepala Gajah	Kawalan Trafik	Kegiatan lumba haram di Taman Tasik Indah
8			Harta Benda	Kecurian dan pecah rumah
9			Harta Benda	Kecurian hasil pertanian (pisan & nenas)
10			Harta Benda	Kecurian besi
11		Sungai Kechil	Kawalan Trafik	Kegiatan lumba haram di Taman Bukit pancur Utama
12			Perkauman	Pergaduhan antara belia India dan Cina (belia kem dan luar), namun disuraikan oleh pihak Polis.
13	SPS	Simpang Tiga	Penagihan	Kegiatan menghidu gam dan cubaan pecah masuk dewan
14		Dato Keramat	Harta Benda	Vendalisma peralatan dewan dan kes kecurian
15		Bukit Pancur	Harta Benda	Kejadian pecah rumah
16		Changkat	Harta Benda	Kecurian hasil pertanian

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Teh Yee Cheu) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

6. Huraikan prestasi persijilan oleh Halal Hub Negeri Pulau Pinang. Senaraikan dengan terperinci pengusaha-pengusaha berdasarkan produk, keluasan kilang, destinasi ekspot dan bilangan pekerja.

Y.A.B. Ketua Menteri:

6. (a) Untuk memartabatkan persijilan halal di Negeri Pulau Pinang, pihak Penang International Halal Hub (Halal Penang) telah bekerjasama dengan Bahagian Pengurusan Halal, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP) untuk menganjurkan seminar kesedaran mengenai pensijilan halal kepada pengusaha-pengusaha industri halal sebagai platform untuk memasarkan produk dan perkhidmatan mereka di peringkat global. Hasilnya, bilangan syarikat yang memperoleh sijil halal di Pulau Pinang telah meningkat sebanyak 953 peratus iaitu dari 55 buah syarikat pada tahun 2008 kepada 579 buah syarikat sehingga November 2013. Statistik peningkatan jumlah syarikat-syarikat berstatus halal di Negeri Pulau Pinang adalah seperti dibawah:-

STATISTIK PENINGKATAN SYARIKAT-SYARIKAT BERSTATUS HALAL DI PULAU PINANG

	2008	2009	2010	2011	2012	2013 (sehingga November 2013)
Produk makanan	40	119	149	218	355	406
Ingredients	2	6	12	25	67	73
Premis makanan	6	18	24	20	40	60
Hotel	4	16	19	21	28	32
Rumah sembelihan	3	6	6	6	8	8
Jumlah	**55**	**165**	**210**	**290**	**498**	**579**

(b) Selain itu, Kerajaan Negeri Pulau Pinang juga telah memperuntukkan 100 ekar tanah industri untuk pembangunan Taman Perindustrian Halal Pulau Pinang (TPHPP). Sehingga kini, TPHPP telah berjaya menerima 10 pelaburan daripada syarikat tempatan dan antarabangsa dengan nilai pelaburan berjumlah RM484.2 juta dan melibatkan pembangunan 53.97 ekar tanah. Senarai terperinci syarikat-syarikat yang terlibat adalah seperti di bawah:-

SENARAI SYARIKAT-SYARIKAT YANG TELAH MEMBUAT PELABURAN DI TAMAN PERINDUSTRIAN HALAL PULAU PINANG

NO.	SYARIKAT	AKTIVITI	JUMLAH EKAR TANAH (EKAR)	DESTINASI EKSPORT	BILANGAN PEKERJA	NILAI PELABURAN (RM)
1.	Jeenhuat Foodstuffs Industries Sdn. Bhd	Pemprosesan makanan laut sejukbeku	9.44	Timur Tengah, USA, UK, Jerman, Holland, France, Australia, Jepun	210 orang	RM 150 Juta
2.	D'nonce Biofoods Sdn. Bhd	Pemprosesan ekstrak herbal	2.5	Hong Kong, Taiwan	170 orang	RM 25 Juta
3.	Swiss Confiserie Sdn. Bhd	Pemprosesan produk bakeri	2.4	-	40 orang	RM10 juta
4.	Aromacom Sdn. Bhd	Pemprosesan dan pengeluaran bahan aditif (penambah perisa makanan)	2.0	1.	100 orang	RM10 juta
5.	Jeenhuat Foodstuffs Industries Sdn. Bhd	Pemprosesan makanan dan minuman bertin	8.0	Timur Tengah, USA, UK, Jerman, Holland, France, Australia, Jepun	213 orang	RM100 juta
6.	Everbest Soya Bean Products Sdn. Bhd	Pemprosesan produk makanan berasasan soya	6.4	Singapore, Indonesia, Taiwan, Thailand, Australia, China, USA, Eropah	218 orang	RM50 juta
7	Tian Seng Hang Trading Sdn. Bhd	Pemprosesan "*green mug beans*" dan "*matpe beans*"	8.7	China, Taiwan, Timur Tengah	27 orang	RM13.6 juta
8.	Butterfield (M) Sdn. Bhd	Pemprosesan estrak tumbuhan dan herbal.	3.8	Asia	50 orang	RM10 juta
9.	Leverage Business Sdn Bhd	Pemprosesan gelatin halal dan produk sampingan	2.6	Afrika Selatan, Turki, Indonesia	28 orang	RM15.6 juta
10.	PH Gelatine Pharmz Sdn Bhd	Pemprosesan dan pengeluaran gelatin mentah	8.13	Asia Tenggara	34 orang	RM100 juta
	JUMLAH		**53.97 ekar**		**1, 010 orang**	**RM484.2 juta**

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Teh Yee Cheu) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

7. Huraikan strategi dan rancangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam mempertingkatkan prestasi penguatkuasaan Pihak Berkuasa Tempatan, termasuk penubuhan Jabatan Penguatkuasaan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

7. Berapa strategi dan perancangan telah diatur untuk mempertingkatkan prestasi penguatkuasaan. Di antaranya ialah memperkukuhkan sumber manusia di mana anggota-anggota penguatkuasa telah didedahkan di dalam pelbagai latihan iaitu Kursus Undang-Undang, Komunikasi, Kursus Bahasa dan sebagainya untuk mempertingkatkan kemahiran dalam bidang kerja. Majlis Perbandaran Pulau Pinang juga telah menambah bilangan anggota penguatkuasa. Pada masa kini berjumlah dua ratus enam puluh satu (261) anggota. Selain itu, Peningkatan Keupayaan Logistik & Peralatan di MPPP melibatkan bilangan kenderaan atau logistik telah ditambah dari masa ke semasa iaitu pada tahun 2013, pembelian empat (4) buah pacuan 4 roda dan lima (5) buah lori tunda telah diluluskan. Direktorat Penguatkuasa menggunakan peralatan-peralatan perobohan iaitu mesin-mesin yang berteknologi dan tidak lagi menggunakan kaedah lama iaitu tindakan perobohan secara manual.

Bagi memastikan organisasi dan fungsi Majlis Perbandaran Pulau Pinang menjadi organisasi yang lebih baik, MPPP telah menyemak semula kelemahan-kelemahan yang ada sewaktu penstrukturan semula pada tahun 2004 dan berikutan daripada itu, MPPP telah mengemukakan permohonan baru bagi penstrukturan semula organisasi MPPP ke Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) pada 30 Januari 2012 dan kini masih lagi dalam peringkat pertimbangan JPA. Didalam cadangan Penstrukturan semula organisasi MPPP ini juga telah melibatkan pewujudan jabatan baru iaitu Direktorat Penguatkuasa bagi bertujuan memastikan peningkatan prestasi perkhidmatan dan kecekapan mutu kerja di Majlis Perbandaran Pulau Pinang. Di Seberang Perai, Direktorat Penguatkuasaan MPSP telah ditubuhkan dengan rasminya pada tahun 2010. Tujuan penubuhan jabatan ini adalah bagi memusatkan tindakan penguatkuasaan fizikal daripada jabatan dalaman MPSP kepada Direktorat Penguatkuasaan. Bagi memantapkan penguatkuasaan MPSP, beberapa strategi telah dibentuk iaitu Meningkatkan Kecekapan Pengurusan Anggota melibatkan penambahan anggota penguatkuasa seramai 150 orang secara berperingkat mulai tahun 2014. Di bawah strategi ini juga, penekanan kepada aspek mengoptimumkan modal insan turut ditekankan melalui latihandan kursus bagi meningkatkan kefahaman anggota berkenaan pelaksanaan tugas penguatkuasaan secara keseluruhan.

Selain itu, MPSP juga akan meningkatkan keupayaan logistik melalui strategi Memperkasakan Keupayaan Logistik. Antara pelan tindakan di bawah strategi ini adalah mewujudkan Unit *Tow Truck* di setiap daerah bagi memantapkan tindakan penguatkuasaan melibatkan kenderaan dan tempat letak kereta. MPSP juga akan mewujudkan stor sitaan di setiap daerah bagi memperkemaskan pengurusan dan penyimpanan barang sitaan. Pembelian peralatan bagi tujuan mempertahankan diri anggota penguatkuasa yang terlibat juga akan dibuat iaitu melibatkan penggunaan senjata api dan cota kepada anggota penguatkuasa.

Akhir sekali, strategi yang digariskan adalah meningkatkan Imej Keberkesanan Penguatkuasaan. Di bawah strategi ini, penekanan kepada konsep Omnipresent dibuat di mana anggota penguatkuasa ditempatkan di lokasi-lokasi strategik bagi memastikan orang ramai mematuhi undang- undang. Penekanan ini adalah menjurus kepada penguatkuasaan melibatkan tempat letak kereta. Di samping itu, penguatkuasaan secara total melibatkan aspek–aspek penjaja, halangan, tempat letak kereta dan seumpamanya di bawah bidang kuasa PBT juga akan dibuat di kawasan-kawasan terpilih bagi memberikan imej baru kepada penguatkuasaan. Diperingkat negeri, Jawatankuasa Dasar dan Penguatkuasaan PBT baru ditubuhkan. Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh EXCO Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalu lintas dan Tebatan Banjir. Beberapa ADUN dijemput untuk menganggotai jawatankuasa ini. Bahagian Kerajaan Tempatan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri merupakan urusetia jawatankuasa ini. Jawatankuasa ini akan memberi hala tuju kepada kedua-dua PBT bagi memantapkan penguatkuasaan diperingkat PBT selari dengan visi dan objektif Kerajaan Negeri.

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Teh Yee Cheu) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

8. Huraikan dengan terperinci *segregation at source* yang sedang digunakan Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) iaitu kaedah-kaedah dan garis panduannya. Senaraikan statistik pecahan jenis sampah yang disegregatkan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

8. Majlis Perbandaran Pulau Pinang merancang dan melaksanakan pengasingan dan punca *segregation at source* melalui beberapa pendekatan berikut:

(1) Membudayakan amalan kitar semula dan hijau di bawah *Inisiatif Cleaner and Greener Penang.*

(2) Mengarusperdanakan pertimbangan terhadap alam sekitar melalui projek/ program pengurangan sisa.

(3) Mengubah pola penggunaan masyarakat melalui kempen kitar semula, program hari tanpa plastik dan program *No Polystyrene.*

Antara rancangan pengasingan oleh MPPP secara berterusan adalah membangunkan dan memperluaskan model dan mekanisma pengurangan sisa pepejal yang berasaskan kepada budaya pengasingan sisa di peringkat punca yang berasaskan kepada prinsip 5R *(Reduce, Reuse, Recycle, Rethink and Reinvent)* berserta dengan syarat kegunaan teknologi yang bersesuaian seperti berikut:-

(a) Program Pengurangan Sisa Makanan yang melibatkan komuniti peniaga pasar, sekolah, pengurusan bangunan kediaman bertingkat tinggi, melalui kaedah d*ecentralize segregation at source.*

(b) Projek *e-Waste Collection, Segregation and Transportation from Households Recycling* yang dibangunkan bersama Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan Japan I*nternational Cooperation Agency* (JICA) berasaskan kepada penglibatan komuniti peniaga barangan elektronik dan elektrik dan syarikat *Full Recovery Facility.*

(c) Program Pengwujudan Pusat Sumber Alam Sekitar / Pusat Pengasingan Sisa Komuniti yang berperanan untuk merialisasikan pelbagai program yang berbentuk kesedaran dan penglibatan masyarakat tentang pemuliharaan alam sekitar.

Cadangan memperkukuhkan program Pusat Sumber Alam Sekitar adalah seperti berikut:

(i) Menggunakan dewan atau tapak bersesuaian sebagai tempat pengumpulan barangan kitar semula di setiap komuniti dengan mengaktifkan jawatankuasa setempat.

(ii) Memperluaskan penglibatan program kitar semula dengan mensyaratkan penubuhan jawatankuasa kitar semula di setiap organisasi, agensi kerajaan, pusat perniagaan, pasar dan kawasan perumahan.

(iii) Mewujudkan pusat sumber pendidikan alam sekitar di Stesyen Pemindahan Sampah atau Tapak Pelupusan Sampah.

(iv) Menggalak masyarakat setempat untuk menjadi tenaga sukarelawan alam sekitar daripada komuniti penduduk, sektor restoran, sektor kilang, sektor sekolah dan sebagainya secara *self initiative.*

(d) Program Pengurangan Sisa Sifar bagi komuniti sekolah melalui program seperti Anugerah Sekolah Hijau dan Kempen Tahunan Kitar semula Peringkat Sekolah.

(e) Projek Perintis Pengasingan Sisa Kebun dengan menggunakan kaedah *groundswell composting process.*

(f) Cadangan menyediakan garis panduan berikut :

(i) Garis panduan untuk pengurusan sisa pepejal bagi skim bangunan baru.

(ii) Garis panduan untuk pengurusan dan pengasingan sisa pepejal dalam peringkat pemajuan.

(iii) Garis panduan untuk pengurusan dan pengasingan sisa makanan dibangunan kediaman bertingkat serta penetapan Insentif Kewangan Berasaskan Keberhasilan.

Statistik pecahan jenis sampah yang disegregatkan adalah berpandukan kepada kajian yang dibuat pada tahun 2003 mengenai komposisi sampah seperti berikut :

Jenis Sampah	Peratusan
Sisa Organik	43%
Kertas	28%
Plastik	15%
Alumunium dan Besi	5%
Kaca	0%
Lain-lain	9%
Jumlah	100%

Di Seberang Perai, kaedah *segregation at source* yang diamalkan oleh MPSP adalah berbentuk pengasingan di pusat pengumpulan komuniti. Penduduk membawa bahan-bahan yang boleh dikitar semula termasuk sisa dapur untuk dijadikan kompos dan di masukkan ke dalam bekas yang disediakan mengikut jenis barang kitar semula di Pusat Pengumpulan. Sukarelawan akan membantu proses *segregation at source* di Pusat Pengumpulan. MPSP juga melaksanakan kaedah *segregation at source* melalui program-program seperti berikut :

- Program Zero Waste – komuniti
- Program Zero Waste – sekolah
- Program Composting
- Program kitar semula peringkat komuniti / institusi / kilang / pejabat kerajaan

Statistik barangan yang dikitar semula adalah seperti dibawah:-

JENIS BARANGAN YANG DIKITAR SEMULA (KG) -TAHUN

	Kotak	Kertas	Plastik	Kaca	Alum	Besi	Tembaga	Organik	Jumlah
2009	62,299	21,613,238	5,051,803	997,473	1,980,558	495,589	1,103,408	-	31,304,368
2010	19,345,562	6,823,421	4,380,144	3,258,373	4,519,816	11,141,375	1,617,779	-	51,086,470
2011	8,070,210	110,387,180	4,742,972	883,908	1,967,548	14,093,492	1,772,362	92,015	142,009,687
2012	1,049,423	136,828,056	5,574,442	84,474	3,785,596	9,499,178	1,725,729	634,698	159,181,596

Segregation At Source belum dijadikan dasar di dalam sistem pengurusan sisa pepejal MPSP. Oleh itu, garis panduan secara khusus belum diwujudkan.

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Teh Yee Cheu) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

9. Huraikan selain daripada pelancongan, perindustrian dan perkhidmatan sebagai *Economy Pillar* Negeri Pulau Pinang. Apakah rancangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang memperkembangkan Ekonomi Lautan terutamanya di Lautan India sebagai sumber ekonomi baru dan pasaran pekerjaan baru.

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Teh Yee Cheu) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

9. Dalam usaha memperkembangkan ekonomi kelautan terutamanya di Lautan Hindi, Malaysia telah pun menganggotai Pertubuhan Indian Ocean Tuna Commision (IOTC). IOTC merupakan pertubuhan antarabangsa yang mengawal aktiviti tangkapan ikan tuna di Lautan Hindi. Keahlian ini dimanfaatkan menerusi pemberian permit pendaratan ikan tuna kepada syarikat tempatan di Pulau Pinang iaitu Kha Yang Marine Sdn Bhd. Pada masa ini, pendaratan ikan tuna adalah sebanyak 10-20 tan metrik yang dieksport terus ke Jepun dan EU melalui Mauritius. Ini telah mewujudkan peluang pekerjaan kepada rakyat Pulau Pinang. Penyertaan Kerajaan Negeri boleh dipertimbangkan melalui penubuhan anak syarikat serta pelan pelaksanaan yang kemas bagi memastikan bidang ini mampu menjadi sumber ekonomi baru Kerajaan Negeri serta mewujudkan peluang pekerjaan kepada rakyat.

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Teh Yee Cheu) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

10. Huraikan dengan terperinci setiap rombongan Majlis Mesyuarat Kerajaan termasuk Y.A.B. Ketua Menteri yang mengunjungi negara lain atau bandar raya antarabangsa pada tahun 2013. Apakah pengalaman, pengetahuan dan keputusan yang tercapai untuk mempertingkatkan pembangunan negeri dan prestasi sumber manusia Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Y.A.B. Ketua Menteri:

10. Kerajaan Negeri telah mengadakan beberapa siri lawatan ke luar Negara pada tahun 2013 bagi memperluaskan hubungan dua hala dan mempertingkatkan aktiviti pelaburan, mempromosi sektor pelancongan selain dari menghadiri persidangan antarabangsa yang amat berfaedah kepada masa depan Pulau Pinang. Keterangan lanjut faedah lawatan adalah seperti di Lampiran:-

Lihat folder Lampiran (ID58 BTYC)

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Teh Yee Cheu) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

11. Huraikan faktor-faktor menghindarkan penubuhan Jawatankuasa Transgender walaupun penubuhannya telah dipersetujui beberapa Ahli Dewan Undangan Negeri pada mesyuarat yang lalu. Apakah cadangan dan rancangan untuk penubuhan jawatankuasa tersebut?

Y.A.B. Ketua Menteri:

11. Kerajaan Negeri telah mengadakan inisiatif terhadap kebajikan dan pembangunan wanita, keluarga dan komuniti selain diperkukuhkan lagi dengan menjadikan 3Gs iaitu (Good, Gorvernance and Gender Equality Society) sebagai elemen kepada Penang W*omen Development Corporation* (PWDC) yang telah ditubuhkan pada Januari 2012. Salah satu daripada teras utama PWDC ialah advokasi dan dasar gender yang berperanan untuk merumuskan dasar-dasar berkaitan gender yang relevan, memantau dasar yang bersifat diskriminasi gender serta menginstitusikan Bajet Responsif Gender (BRG) - Projek Perintis selama 3 tahun di peringkat kerajaan tempatan bersama dengan Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP). Atas alasan tersebut, setakat ini Kerajaan Negeri belum bercadang untuk menubuhkan Jawatankuasa *Transgender* .

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Teh Yee Cheu) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

12. Huraikan status perkembangan dan faktor-faktor menghalang permintaan laluan basikal negeri (bicycle lanes and tracks) dengan terperinci dan kemukakan petanya. Apakah tindakan untuk mengatasinya dan bila laluan basikal tersebut akan disempurnakan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

12. Kerajaan Negeri melalui MPSP telah menyediakan Pelan Laluan Basikal bagi seluruh Seberang Perai seperti di Lampiran. Trial Ride juga diadakan di setiap laluan yang telah dikenal pasti. Tarikh pelaksanaan *Trial Ride* tersebut adalah seperti berikut:

DAERAH	TARIKH TRIAL RIDE	JARAK (KM)
SPU	18 Mac 2012	33
SPT	3 Jun 2012	36
SPS	6 Januari 2013	20

Hasil dari *Trial Ride* yang telah diadakan, didapati faktor-faktor yang menghalang adalah seperti berikut:

(i) Tiada Laluan Khas (dedicated lane) untuk basikal di jalan-jalan utama.

(ii) Isu keselamatan pengguna jalan raya yang lain kerana kelebaran jalan sedia ada tidak mengambil kira laluan basikal.

(iii) Penyediaan laluan basikal di jalan-jalan Negeri/ Persekutuan perlu dirujuk kepada pihak JKR kerana jalan-jalan ini di bawah seliaan pihak terbabit.

Tindakan yang dicadangkan untuk mengatasi masalah seperti di atas adalah seperti berikut:

(i) Penyediaan laluan khas bagi pengguna-pengguna yang berbasikal di dalam pembangunan baru terutamanya dalam skim-skim perumahan melalui Permohonan Kebenaran Merancang (PKM);

(ii) Laluan berbasikal yang disediakan hendaklah mempunyai minimum 1.5 meter lebar;

(iii) Bagi jalan-jalan Negeri/Persekutuan yang tidak mempunyai ruang kelebaran yang mencukupi, pendekatan “Road Sharing” boleh diambil kira dalam menyediakan laluan berbasikal ini;

(iv) Papan tanda yang mecukupi hendaklah dipasang di dalam jarak yang sesuai untuk keselamatan penunggang; dan

(v) Kempen berteraskan pendidikan bagi memberi kesedaran tentang etika-etika pengguna ketika menggunakan jalan raya.

Laluan basikal yang telah disempurnakan di Seberang Perai adalah seperti berikut:

(i) Taman Bandar Ampang Jajar, Permatang Pauh, SPT

Jarak Laluan Berbasikal yang disediakan adalah sepanjang 1.1 km mengelilingi taman rekreasi ini. Taman Rekreasi ini telah dinaik taraf di bawah program Corporate Social Responsibility (CSR) dan telah ditaja oleh LP Mountain Bike Club dengan kos keseluruhan sebanyak RM50,000.00;

Perasmian laluan berbasikal ini dibuat pada 20 Januari 2013 dan dirasmikan oleh YB Law Choo Kiang.

(ii) Taman Tunku Seberang Jaya, SPT

Kawasan lapang di Taman Tunku ini telah dinaik taraf di bawah program CSR dan ditaja oleh pemaju/perunding yang menganggotai Jawatankuasa SPEAD. Kemudahan Laluan Berbasikal yang disediakan adalah sepanjang 900 meter dan ianya turut digunakan oleh penduduk setempat untuk berjoging.

Jumlah keseluruhan kos adalah RM470,000.00. Majlis perasmian telah diadakan pada 29 Julai 2013 dan dirasmikan oleh Y.A.B. Lim Guan Eng, Ketua Menteri Pulau Pinang.

(iii) Laluan yang ditunjukkan seperti di lampiran.

Laluan yang ditunjukkan di atas pelan di Lampiran masih di peringkat perbincangan selepas "Trial Ride" diadakan. Laluan ini akan dimuktamadkan pada awal tahun 2014.

Manakala bagi MPPP pula, langkah pertama ke arah penyediaan laluan basikal secara menyeluruh adalah dengan menyediakan Pelan Induk Laluan Basikal yang sedang dibangunkan secara berperingkat. Pelan Induk Laluan Basikal MPPP adalah seperti berikut:

LALUAN BASIKAL	DIBINA OLEH:	STATUS PERKEMBANGAN
Bulatan Queensbay pertama - Bulatan Queensbay kedua	Asia Green Group	Kerja pembinaan sedang dijalankan
Bulatan Queensbay kedua - Ikan bakar Jalan Aziz Ibrahim	Ideal Gim Venture	Kerja pembinaan sedang dijalankan
Ikan bakar Jalan Aziz Ibrahim - Sungai Dua Besar	GSD Sdn. Bhd.	Kerja pembinaan tidak dapat dijalankan sebab terdapat struktur gerai haram di kawasan '*Hammer Bay*' menghalang akses ke tapak tapak Kerja pembinaan hanya dapat dimula selepas Pejabat Daerah dan Tanah-Daerah Barat Daya selesaikan masalah tersebut di atas. (3 gerai)
Sungai Dua Besar - Polis Marin	Tropicana Ivory Sdn. Bhd.	Pemaju memaklumkan kerja pembinaan akan bermula pada hujung November 2013
Bawah Jambatan Pulau Pinang	LLM	Wakil LLM memaklumkan kerja pembinaan dijangka bermula pada bulan Januari 2014
Bawah Jambatan Pulau Pinang - Bandar Sri Pinang	IJM Land Berhad	Kerja pembinaan ditangguh sehingga pemindahan 'squatters' di sepanjang persisiran pantai diselesaikan oleh Pejabat Daerah dan Tanah-Daerah Timur Laut.
Bandar Sri Pinang - KOMTAR	Majlis Perbandaran Pulau Pinang	Kerja pembinaan sedang dijalankan

Setakat ini, lebih kurang 145 km laluan basikal atau 83% daripada 174 km laluan basikal di dalam pelan induk telah disediakan.

Di antara koridor-koridor di mana laluan basikal telah disediakan adalah:-

(i) Persisiran pantai timur dari Batu Maung ke Queensbay Mall dan dari Pantai Jerejak ke Sungai Pinang.

(ii) Kawasan pusat bandar George Town dan Zon Warisan.

(iii) Persiaran Gurney ke Telok Bahang

(iv) Telok Bahang ke Bayan Lepas.

(v) Laluan di kawasan perkampungan dan tepi pantai di Balik Pulau.

(vi) Lorong Basikal di Zon Warisan

MPPP akan melengkapkan laluan basikal seperti yang ditetapkan dalam pelan induk pada tahun 2014. Peta laluan adalah seperti di lampiran.

* Lihat Folder Lampiran (ID 60 Sol. 12 BTYC)

Antara faktor yang menghalang permintaan laluan basikal dihadapi oleh MPPP adalah seperti berikut:-

(i) Kerja pembinaan tidak dapat dimulakan di laluan ikan bakar Jalan Aziz Ibrahim ke Sungai Dua Besar kerana terdapat struktur gerai haram di kawasan Hammer Bay yang menghalang akses ke tapak. Kerja pembinaan hanya akan dapat dimulakan selepas Pejabat Daerah dan Tanah Barat Daya menyelesaikan masalah yang melibatkan 3 buah gerai tersebut.

(ii) Kerja pembinaan ditangguh bagi laluan bawah Jambatan Pulau Pinang ke Bandar Sri Pinang sehingga pemindahan setinggan di sepanjang persisir pantai diselesaikan oleh Pejabat Daerah dan Tanah Timur Laut.

Walau bagaimanapun, semua perkara di atas sedang dalam tindakan pihak berkuasa yang berkaitan. Bagi memastikan objektif dan pelaksanaan pelan induk tercapai, MPPP menyediakan peruntukan setiap tahun untuk membina, menaik taraf dan menyelenggara laluan basikal. Status laluan basikal yang terkini seperti di lampiran.

* Lihat Folder Lampiran (ID 60 Sol. 12 BTYC)

Laluan basikal dijangka siap pada pertengahan tahun 2014 sekiranya tiada halangan-halangan atau faktor-faktor yang menghalang perlaksaan projek berkenaan.

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Teh Yee Cheu) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

13. Huraikan tindakan pendakwaan ke atas penternakan khinzir yang mencerobohi lot tanah kerajaan di Pantai Acheh dan jadual mengambil balik tanah tersebut serta tindakan undangan pencemaran alam dan eko sistem *mangrove swamp* dan *wetland* Pantai Acheh?

Y.A.B. Ketua Menteri:

13. (a) Penternakan Khinzir

Penternakan khinzir di Pantai Acheh diusahakan di atas tanah hak milik iaitu Lot 485 Mukim 1, Daerah Barat Daya kepunyaan Syarikat Fortress Homes Sdn. Bhd. Namun demikian, pengusaha tersebut telah melanggar sempadan tanah milik kerajaan di atas Lot 486 dan sebahagian Lot 155 Mukim 1 Daerah Barat Daya seluas 5.557 ekar. Pihak Berkuasa Negeri pada 19 Oktober 2011 telah meluluskan Lesen Pendudukan Sementara seluas 4.476 ekar kepada pengusaha iaitu Fortress Homes Sdn. Bhd bagi sebahagian Lot 155 Mukim 1, Daerah Barat Daya sahaja bagi kegunaan Kolam Takungan Najis Khinzir. Pada 6 Jun 2012, sekali lagi pengusaha Syarikat Fortress Homes Sdn. Bhd., telah mengemukakan satu lagi permohonan Lesen Pendudukan Sementara di atas Lot 486 Mukim 1, Daerah Barat Daya seluas 1.081 ekar bagi tujuan bangsal khinzir. Walau bagaimanapun, Pihak Berkuasa Negeri pada 12 Disember 2012 dan disahkan pada 17 Disember 2012 telah menolak permohonan tersebut. Pada masa ini, Pejabat Tanah & Daerah Barat Daya sedang dalam tindakan untuk menjalankan penguatkuasaan kepada pengusaha tersebut disebabkan oleh pencerobohan tanah Lot 486 Mukim 1, Daerah Barat Daya.

(b) Pencemaran alam dan eko sistem mangrove swamp dan wetland Pantai Acheh

Semua kawasan paya bakau dan tanah lembap (mangrove swamp and wetland) yang berstatus hutan simpanan kekal adalah tertakluk kepada Seksyen 83 Akta Perhutanan Negara 1984 (Pindaan 1993. Bagi kawasan yang berstatus Tanah Kerajaan dan Tanah Milik, ianya tidak termaktub di dalam Akta Perhutanan Negara 1984 (Pindaan 1993). Sebahagian besar kawasan Pantai Acheh yang asalnya merupakan hutan simpanan kekal telah diwarta keluar pada tahun 2003 sebagai Taman Negara Pulau Pinang dan diurus sepenuhnya oleh Pengurusan Taman Negara Pulau Pinang. Walau bagaimanapun, semakan dengan pihak pengurusan Taman Negara Pulau Pinang mendapati kawasan Pantai Acheh tidak termasuk dalam kawasan yang diwartakan sebagai Taman Negara Pulau Pinang.

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Teh Yee Cheu) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

14. Huraikan dengan terperinci bajet perbelanjaan termasuk emolumen untuk menguruskan sisa pepejal oleh Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) pada lima (5) tahun yang lalu. Sila nyatakan statistik pecahan jenis sisa pepejal yang diuruskan oleh semua kontraktor daerah yang dihantar ke Pulau Burung?

Y.A.B. Ketua Menteri:

14. (i) Kos perbelanjaan bagi pengurusan sisa pepejal untuk tempoh 2008 - 2012 bagi MPPP adalah seperti berikut :

Tahun	Kos Perbelanjaan
2008	RM37,375,496.64
2009	RM36,044,655.45
2010	RM34,276,655.06
2011	RM35,837,212.45
2012	RM40,049,925.73

Ia melibatkan perbelanjaan untuk perkhidmatan pungutan MPPP dan kontrak pungutan sampah bagi kawasan selainnya, kontrak pemindahan sampah, kontrak tapak pelupusan sampah, perbelanjaan emolumen dan perbelanjaan modal serta operasi kenderaan termasuk kemudahan tong sampah. Manakala kos perbelanjaan bagi pembersihan awam untuk tempoh 2008 - 2012 adalah seperti berikut :

Tahun	Kos Perbelanjaan
2008	RM37,452,852.35
2009	RM31,464,796.36
2010	RM29,618,782.40
2011	RM27,333,953.65
2012	RM33,559,835.82

Ini melibatkan perbelanjaan untuk perkhidmatan pembersihan yang diuruskan oleh MPPP dan yang dikontrakkan. Sebahagian kawasan pembersihan jalan dan parit yang dikontrakkan, kontrak pembersihan pantai dan laut serta kos menaik taraf/ menyelenggara tandas awam, perbelanjaan emolumen dan perbelanjaan modal serta operasi jentera pembersihan termasuk kemudahan peralatan.

Kos pengurusan operasi pelupusan sampah di Tapak Pelupusan Sampah Jelutong dari tahun 2008 - 2012 adalah seperti berikut :

Tahun	Kos Pengurusan
2008	RM1,605,036.00
2009	RM1,262,145.00
2010	RM1,289,696.00
2011	RM1,566,815.00
2012	RM1,923,656.00

Semua kos di atas adalah termasuk kos bagi item-item seperti di bawah :

- Emolumen (termasuk bayaran kerja lebih masa)
- Kos penyewaan jentera
- Kos Penyelenggaraan Infrastruktur Tapak Pelupusan Sampah Jelutong
- Bekalan Tanah Merah
- Bekalan Batu
- Bayaran LesenTrunk Radio
- Penyelenggaraan Jambatimbang
- Perkhidmatan Keselamatan

Statistik jenis sisa pepejal yang dilupuskan di Tapak Pelupusan Sampah di Jelutong dan Tapak Pelupusan Sampah di Pulau Burong adalah seperti di lampiran.

* Lihat Folder Lampiran (ID 60 Sol. 14 BTYC)

(ii) Bajet perbelanjaan bagi MPSP termasuk emolumen yang terperinci untuk pengurusan sisa pepejal selama lima (5) tahun adalah seperti di Lampiran B.

Manakala statistik sampah yang dilupuskan di Tapak Pelupusan Pulau Burung adalah seperti berikut :

Tahun	*TPAJ (Tan)	*TPPB (Tan)	Jumlah Sampah (Tan)
2008	164,612.29	307,391.11	472,003.40
2009	165,129.82	258,066.34	423,196.16
2010	160,660.40	260,308.78	420,969.18
2011	172,127.78	240,238.45	412,366.23
2012	176,246.33	383,196.06	206,949.73

Nota : Sampah dari Kawasan SPU dan sebahagian dari SPT yang diangkut / kumpul di Stesen Pemindahan Ampang Jajar (TPAJ) sebelum dilupuskan di tapak pelupusan Pulau Burung.

** Sampah dari kawasan SPS dan sebahagian dari SPT yang dihantar terus ke Tapak Pelupusan Pulau Burung (TPPB).

Daripada kajian yang telah dilakukan pada tahun 2003 oleh Satang, statistik pecahan jenis sisa yang dilupuskan di Tapak Pelupusan Pulau Burung adalah seperti berikut :

Bahan organik / sisa makanan	42 %
Kertas / kadbod	17.00%
Plastik	14.00%
Sisa perindustrian	9.00%
Lampin pakai buang	6.00%
Kayu	5.00%
Rumput	3.00%
Bahan kulit	2.00%
Pakaian	2.00%

Perbelanjaan	2008(RM) Bajet	2009(RM) Bajet	2010(RM) Bajet	2011(RM) Bajet	2012(RM) Bajet
Emolumen*	18296.35	17,913,652	16,839,500	19,032,900	19,668,400
Emolumen kakitangan kontrak dan sambilan	3,800,000	5,000,000	5,000,000	4,500,000	4,500,000
Kontrak pembersihan	36,500,000	36,500,000	36,500,000	47,400,000	65,000,000
Bayaran Tipping Fees		14,000,000	8,000,000	9,000,000	15,000,000
Transfer Station	6,000,000	6,000,000	3,500,000	4,000,000	4,000,000
Pengurusan tempat membuang sampah	100,000	110,000	110,000	80,000	200,000
Bekalan Tong Sampah	100,000	700,000	700,000	700,000	200,00
Penyelenggaraan Tong Sampah	-	-	-	-	300,000
Bekalan Perlatan Keselamatan (OSHA)	-	-	-	-	100,000
Pembeliaan Kenderaan dan Kelengkapan	-	10,000	25,000	1,340,000	1,660,000
JUMLAH	77,996,352	79,733,652	70,674,500	86,052,900	110628400
* Emolumen bagi tahun 2008 dan 2009 termasuk emolumen untuk kakitangan Jabatan Perkhidmatan Kesihatan					

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Teh Yee Cheu) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

15. Hurai dan senaraikan dengan terperinci nombor lot, nama pemaju, jumlah tingkat, bilangan unit dan projek bagi permohonan pembangunan bertingkat di lereng bukit bercerun kelas 3 dan 4 di KADUN Tanjong Bunga yang telah, belum dan akan diluluskan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

15. Mengikut rekod MPPP terdapat sebanyak 10 permohonan kebenaran merancang yang telah dikemukakan dari tahun 2010 hingga kini melibatkan kawasan bercerun kelas 3 dan 4 di KADUN Tanjong Bunga. Dari jumlah tersebut terdapat 5 permohonan kebenaran merancang yang telah diluluskan dan 5 permohonan masih dalam pertimbangan.

Maklumat permohonan kebenaran merancang secara terperinci seperti berikut:-

TAHUN	BIL PM		
	Lulus	Dalam Pertimbangan	*JUMLAH*
2010	2	0	*2*
2011	1	2	*3*
2012	1	2	*3*
Okt-2013	1	1	*2*
Jumlah	*5*	*5*	*10*

Jawatankuasa Perancang Negeri (JPN) pada 17 Januari 2011 telah mengkehendakkan mana-mana pembangunan yang melebihi 5 tingkat di kawasan Batu Ferringgi dan Tanjung Bunga perlu dirujuk kepada JPN sebelum pelan kebenaran merancang diluluskan.

Jawatankuasa Perancang Negeri (JPN) pada 14 Jun 2012 juga telah mengarahkan MPPP untuk membentangkan semula permohonan sama ada permohonan kebenaran merancang yang dalam pertimbangan atau permohonan perlanjutan kebenaran merancang bagi pemajuan yang diklasifikasikan sebagai 'projek istimewa' di bawah Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang 2020.

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Teh Yee Cheu) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

16. Hurai dan senaraikan dengan terperinci, nombor lot, nama pemaju, nama projek, jumlah tingkat, bilangan unit dan jangka siap bagi permohonan rumah kos sederhana rendah (LMC) yang telah, sedang dan akan diluluskan di KADUN Tanjong Bunga iaitu di Tanjong Tokong, Tanjong Bunga dan Batu Feringghi.

Y.A.B. Ketua Menteri:

16. Maklumat mengenai permohonan projek perumahan kos sederhana rendah bagi KADUN Tanjong Bunga adalah seperti berikut:-

Vale of Tempe (Permai Jaya)	RP28T (550 kp)	1684 unit
Tiada maklumat	RP26T (700 kp) & 190 unit	76 unit
Tiada maklumat	RP16T	29 unit
Tiada maklumat	RP15T	1038 unit
Jalan lembah Permat	RP17T	384 unit
Tiada maklumat	RP38T	216 unit
Tiada maklumat	RP16& (700 kp)	116 unit
M Avenue	RP30T (650 kp)	680 unit

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Teh Yee Cheu) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

17. Huraikan kebaikan dan hasrat Kerajaan Negeri Pulau Pinang menghadkan jawatan Ketua Menteri kepada dua penggal sahaja bermula Pilihan Raya Ke-14 yang akan datang?

Y.A.B. Ketua Menteri:

17. Setakat hari ini masih belum ada sebarang peruntukan di dalam Enakmen Negeri yang menetapkan had pelantikan Ketua Menteri itu terhad kepada dua penggal sahaja melainkan adanya undi tidak percaya.

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Teh Yee Cheu) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

18. Huraikan demi reformasi dan pertingkatkan pendemokrasian Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang dicadangkan Kerajaan Negeri Pulau Pinang menetapkan Dewan Undangan ini dibubarkan cukup lima (5) tahun seperti Pilihan Raya Umum Ke-13 iaitu ditetapkan pada 5 Mei 2018.

Y.A.B. Ketua Menteri:

18. Kerajaan Negeri Pulau Pinang senantiasa menyanjung tinggi dan mendokong prinsip-prinsip demokrasi. Dewan Undangan Negeri akan terbubar secara automatik selepas lima tahun dari tarikh angkat sumpah ADUN. Yang di-Pertua Negeri boleh membubarkan Dewan atas nasihat Ketua Menteri dalam menentukan tarikh pembubaran yang sesuai sekiranya tarikh pembubaran tersebut dibuat lebih awal. Banyak faktor perlu diperhalusi sebelum Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang dibubarkan seperti pembubaran Dewan Rakyat dan pembubaran dewan-dewan undangan negeri di Malaysia. Apabila Dewan Undangan Negeri dibubarkan suatu pilihan raya

umum hendaklah diadakan dalam tempoh 60 hari dari tarikh dewan dibubarkan. Pilihan raya ini akan dikendalikan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia. Bagi memudahkan urusan pilihan raya dan menjimatkan kos pengurusan, maka kebiasaanya pilihan raya diadakan serentak di seluruh negara.

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Teh Yee Cheu) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

19. Huraikan kebaikan, keburukan dan juga hasrat Kerajaan Negeri Pulau Pinang menghadkan jawatan Yang DiPertua Majlis Perbandaran Pulau Pinang dan Majlis Perbandaran Seberang Perai untuk dua (2) penggal dan dipilih oleh rakyat setiap dua (2) tahun.

Y.A.B. Ketua Menteri:

19. Cadangan menghadkan penggal YDP PBT kepada hanya 2 penggal dengan ia dipilih oleh rakyat setiap dua tahun ada baik buruknya. Keburukannya adalah tempoh YDP yang singkat sukar memberi kesan atau kesinambungan kepada program-program yang telah dirancang. Di samping itu, kakitangan PBT memerlukan masa untuk menyesuaikan diri dengan corak dan kepimpinan YDP. Kebaikan tempoh YDP dihadkan 2 penggal dan dipilih oleh rakyat adalah ini selari dengan prinsip demokrasi sebuah kerajaan rakyat untuk rakyat serta oleh rakyat. Rakyat berhak memilih pemimpin atau pentadbir sendiri yang difikirkan terbaik untuk meneraju PBT kerana mereka merupakan pembayar cukai.

    Di samping itu, YDP baru boleh membawa bersama-sama idea-idea baru untuk diimplementasi di PBT bagi kebaikan rakyat. Dalam dunia yang mencabar ini, bandaraya bersaing di antara satu sama lain untuk menarik pelaburan dan kepakaran. Bandaraya yang diketuai oleh YDP yang dinamik dan progresif akan bertambah maju. Di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976, YDP serta Ahli Majlis dilantik oleh Kerajaan Negeri dan bukan dipilih oleh rakyat. Kerajaan Negeri berpandangan PBT seharusnya diketuai oleh seorang profesional yang pakar dalam bidang berkaitan yang boleh membawa PBT ke tahap yang lebih tinggi sejajar dengan visi Kerajaan Negeri menjadikan Pulau Pinang sebagai *international city*. Kerajaan Negeri Pulau Pinang masih amat komited dan bersedia untuk melaksanakan Pilihan Raya Kerajaan Tempatan di negeri ini supaya rakyat Pulau Pinang dapat memilih wakil dalam pentadbiran PBT. Pada masa ini, tindakan sedang diambil untuk menguatkuasakan Enakmen 17 Pilihan Raya Kerajaan Tempatan (Pulau Pinang & Seberang Perai) 2012 dan mewartakan pengecualian Seksyen 15 Akta Kerajaan Tempatan 1976.

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Teh Yee Cheu) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

20. Huraikan kelemahan organasasi dan fungsi Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) serta perlu ditubuhkan lebih banyak Jabatan baru misalnya Jabatan Penguatkuasa, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan lain-lain untuk mempertingkatkan prestasi dan perkhidmatan PBT.

Y.A.B. Ketua Menteri:

20. Bagi memantapkan organisasi dan fungsi MPPP menjadi organisasi yang lebih baik, MPPP telah menyusun semula organisasi bagi memenuhi ekspektasi stake holder dan pelanggan. Sehubungan itu, MPPP telah mengemukakan cadangan bagi penstrukturan semula organisasi MPPP ke Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) pada 30 Januari 2012 dan kini masih dalam peringkat pertimbangan JPA. Penstrukturan semula organisasi MPPP ini melibatkan pewujudan beberapa jabatan baru seperti Jabatan Perundangan, Jabatan Landskap, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal & Pembersihan Awam dan Direktorat Penguatkuasa bertujuan memastikan peningkatan prestasi perkhidmatan dan kecekapan mutu kerja di MPPP.

    Manakala, MPSP telah menubuhkan beberapa jabatan baru seperti Direktorat Penguatkuasaan, Jabatan Perkhidmatan Perbandaran, Jabatan Korporat & Perhubungan Antarabangsa dan Jabatan Landskap di samping beberapa Unit baru seperti Unit Warisan di Jabatan Bangunan dan Unit Eko Komuniti di Jabatan Kemasyarakatan. Penubuhan jabatan-jabatan dan unit-unit baru ini adalah untuk mempertingkatkan prestasi dan memantapkan fungsi perkhidmatan yang disediakan oleh MPSP.

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Teh Yee Cheu) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

21. Huraikan dengan terperinci prestasi semua skim mikro kredit yang sedia ada yang telah ditawarkan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Pihak Berkuasa Tempatan dan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang. Huraikan rancangan dan skim baru untuk pemuda-pemudi yang terlibat dalam bidang kesenian, persembahan, perfileman dan reka bentuk (design).

Y.A.B. Ketua Menteri:

21. Skim mikrokredit yang sedia ada yang ditawarkan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang hanyalah melalui PDC iaitu Projek Titian Saksama Rakyat (PTSR) yang telah dilancarkan pada 6 Oktober 2009 atas inisiatif Kerajaan Negeri melalui PDC bagi membantu mewujudkan satu sistem penyaluran modal tambahan yang mudah dan tidak membebankan penjaja dan peniaga kecil.

Semenjak projek ini diwujudkan sehingga kini, dana yang disumbangkan oleh Kerajaan Negeri dan PDC berjumlah RM7.0 juta. Sehingga 31 Oktober 2013, sejumlah 1,509 peniaga kecil telah menerima pinjaman berjumlah RM5,977,630.40.

Kerajaan Negeri akan meneruskan usaha mempertingkatkan pemberian kemudahan pinjaman mikro kredit ini kepada golongan peniaga kecil yang memerlukan bantuan bagi memajukan dan memperkembangkan perniagaan dan ekonomi rakyat. Walau bagaimanapun Kerajaan Negeri tiada sebarang rancangan dan skim baru untuk pemuda-pemudi yang terlibat dalam bidang kesenian, persembahan, perfileman dan *design.*

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Teh Yee Cheu) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

22. Huraikan dengan terperinci statistik kes penyakit yang diserangi wabak virus, kuman, bakteria bagi demam denggi, kencing tikus, H1N1, *Hand-foot-mouth*, Malaria dan lain-lain untuk tempoh sepuluh (10) tahun yang lalu sehingga kini dan apakah rancangan untuk mengurangkannya.

Statistik kes penyakit kencing tikus, Hand-Foot-Mouth, Demam Denggi dan Malaria adalah seperti di bawah:-

Statistik Kes Denggi Tahun 2003 hingga 2013

Daerah	2003	2004	2005	2006	2007	2008	2009	2010	2011	2012	2013 (sehingga minggu 45)
George Town(MPPP)	215	524	605	500	597	477	511	461	460	169	135
TimurLaut	165	596	969	1080	889	539	681	585	368	88	133
Barat Daya	212	278	1233	654	899	644	754	465	356	236	221
Seberang Perai Utara	41	89	226	142	115	184	138	101	92	57	57
Seberang Perai Tengah	82	175	307	148	439	326	209	116	236	181	187
Seberang Perai Selatan	31	105	187	129	181	159	151	106	67	60	51
Jumlah	**746**	**1767**	**3527**	**2653**	**3120**	**2329**	**2444**	**1834**	**1579**	**791**	**784**

Statistik Kes Malaria tahun 2003 hingga 2013

Daerah	2003	2004	2005	2006	2007	2008	2009	2010	2011	2012	2013 (sehingga minggu 45)
Timur Laut	36	26	50	102	19	65	42	44	36	10	5
Barat Daya	56	9	10	16	15	96	26	36	20	5	8
Seberang Perai Utara	1	3	4	5	2	11	1	4	3	5	4
Seberang Perai Tengah	9	4	6	18	12	12	10	7	10	9	16
Seberang Perai Selatan	4	5	3	4	6	10	7	20	19	8	1
Jumlah	**106**	**47**	**73**	**145**	**54**	**194**	**86**	**111**	**88**	**37**	**34**

Statistik Bagi Kes Hand, Foot Mouth Disease (HFMD), Influenza A, Kencing Tikus

Penyakit	2003	2004	2005	2006	2007	2008	2009	2010	2011	2012	2013 (sehingga minggu 45)
HFMD	436	364	1603	666	1192	742	1063	1501	574	1579	1060
Influenza A (H1N1)	-	-	-	-	-	-	1561	857	251	216	554
Kencing Tikus (Leptospirosis)	-	-	-	-	-	-	-	-	33	128	109

Rancangan yang dilaksanakan untuk mengurangkan wabak-wabak ini adalah :

(a) Demam Dengggi

(i) Mengurangkan tempat-tempat pembiakan (source reduction) melalui aktiviti pemeriksaan pembiakan Aedes, cari dan musnah tempat pembiakan oleh anggota kesihatan.

(ii) Mobilisasi masyarakat dengan kerjasama pemimpin tempatan bagi menjalankan gotong-royong membersihkan persekitaran daripada tempat-tempat yang berpotensi pembiakan.

(iii) Menjalankan aktiviti penguatkuasaan ke atas pemilik premis yang didapati positif untuk pembiakan Aedes dengan mengeluarkan kompaun ataupun arahan penutupan.

(iv) Semburan kabus (thermal fogging dan ULV) bagi membunuh nyamuk-nyamuk dewasa yang infektif.

(v) Larviciding (menggunakan temephos atau Bti) bagi membunuh jentik-jentik nyamuk. Temephos boleh diambil oleh orang awam di klinik-klinik kesihatan kerajaan.

(vi) Aktiviti promosi kesihatan terutamanya di lokaliti-lokaliti kes dan wabak bagi meningkatkan kesedaran orang awam tentang kes-kes denggi di tempat mereka dan mengambil langkah-langkah pencegahan bagi mengelakkan jangkitan.

(b) Malaria

(i) Stratifikasi kawasan bagi mengenal pasti lokaliti-lokaliti yang pernah berlaku jangkitan malaria tempatan.

(ii) Menjalankan aktiviti pengesanan kes secara aktif di kalangan warga asing yang disyaki membawa masuk parasit malaria (melalui saringan darah) dan memberikan rawatan segera dan lengkap di hospital agar tidak menyebabkan jangkitan berlaku di dalam komuniti.

(iii) Menjalankan aktiviti kawalan iaitu semburan residu dan edaran kelambu berubat kepada penduduk berisiko di lokaliti-lokaliti yang telah dikenal pasti bermasalah malaria.

(iv) Menjalankan aktiviti kawalan secara intensif bagi lokaliti wabak untuk memastikan wabak dikawal dalam masa 6 minggu.

(v) Meningkatkan aktiviti pendidikan kesihatan mengenai malaria terutamanya di lokaliti- lokaliti berisiko.

(c) H1N1, Hand-Foot-Mouth dan Kencing Tikus

Sementara itu, tidak berlaku wabak bagi penyakit H1N1, Hand-Foot-Mouth dan Kencing Tikus. Hanya cluster of case di mana apabila terdapat dua (2) kes dalam satu (1) lokaliti dilaporkan, aktiviti pencegahan untuk mengurangkan jangkitan akan diambil seperti kempen kesedaran, pameran kesihatan, hebahan media massa dan ceramah di sekolah dan komuniti.

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Teh Yee Cheu) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

23. Huraikan dengan terperinci prestasi dan senaraikan badan-badan bukan kerajaan (NGO) yang aktif bekerjasama dengan Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan mengambil bahagian dalam setiap Jawatankuasa MMK untuk menyumbangkan perkhidmatan kepada Kerajaan Negeri dan rakyat.

Y.A.B. Ketua Menteri:

23. Prestasi keseluruhan Badan-Badan (NGO) dibawah Jawatankuasa MMK adalah baik. Setakat ini tiada indikator khusus ditetapkan untuk menilai prestasi NGO-NGO ini. Senarai badan-badan bukan kerajaan (NGO) yang aktif bekerjasama dengan Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan mengambil bahagian dalam setiap Jawatankuasa MMK adalah seperti di senarai:-

JAWATANKUASA MMK BELIA & SUKAN 2013

BIL	NGO
1	Majlis Belia Negeri Pulau Pinang
2	Persekutuan Pengilang-Pengilang Malaysia, Cawangan Pulau Pinang (FMM Penang Branch)
3	Pertubuhan Inline Skate Freestyle Pulau Pinang
4	Gerakan Belia Bersatu Malaysia (GBBM)
5	Penang Chefs Association
6	Pertubuhan Wanita Mutiara
7	Persatuan Pemuda-Pemuda Kristian Pulau Pinang (YMCA)
8	Majlis Jimnastik Amatur Pulau Pinang
9	Persatuan Skimboarding Pulau Pinang
10	Penang Sport Club
11	Pergerakan Pemuda Malaysia (YMM) Pulau Pinang
12	Persatuan Belia Siam George Town
13	Laksamana Cycling Club
14	Bukit Jambul Hikers Club
15	LP Mountain Bike Club
16	United Moral Uplifting Society Malaysia, Pulau Pinang
17	Persatuan Bahasa Tionghua USM

JAWATANKUASA MMK PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN KOMUNITI

BIL	NGO
1	Pusat Kesedaran Wanita Women's Centre for Change (WCC)
2	Dewanita Pulau Pinang
3	Pertubuhan IKRAM Malaysia, Pulau Pinang
4	Persatuan Wanita Kristian(YWCA) Pulau Pinang
5	Soroptimist International Penang
6	Persatuan Bimbingan Pengusaha Pulau Pinang
7	Family Development Centre
8	NCWO Negeri Pulau Pinang
9	World Alliance for Breastfeeding Action (WABA)
10	Mother To Mother Peer Support (MMPS)
11	Pers. Hokkien Hoay Kuan Seberang Perai
12	Pers. Pemuda Hung Kung, Pers. Kwong Waai Siew Sbrg. Perai, Pers. Hainan Sbrg. Perai dan Pertubuhan Hakka Sbrg. Perai
13	Pertubuhan Pembangunan Wanita Malaysia Cawangan Bukit Mertajam

JAWATANKUASA MMK PERANCANG EKONOMI NEGERI, PENDIDIKAN & SUMBER MANUSIA, SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

Bil	Senarai Pertubuhan / Persatuan
1	Malayan Nature Society (MNS)
2	Kesatuan Penasihat Kesihatan & Keselamatan Pekerjaan
3	Electrical Industry Employees Union (EIEU)
4	Kesatuan Kongress Kesatuan Sekerja (MTUC)
5	International Chamber of Commerce & Industry
6	Penang Foundry and Engineering Industries Association
7	Penang Furniture Manufacturers Association
8	FREPENCA
9	Federation of Malaysian Manufacturers
10	Jawatankuasa Khas Sekolah-Sekolah Tamil
11	Persekutuan Pengilang-Pengilang Malaysia (FMM)
12	Sekretariat Majlis Sains Negeri Pulau Pinang
13	Friends of Penang Botanic Gardens Society

JAWATANKUASA MMK KERAJAAN TEMPATAN

Bil	Senarai Pertubuhan / Persatuan
1	Persatuan Mendaki Bukit Pulau Pinang
2	Persatuan Mendaki Bukit Pulau Pinang
3	Persatuan Berbasikal Pulau Pinang
4	Kelab Pengembara Pulau Pinang
5	Persatuan Kecergasan Fizikal Pulau Pinang
6	Kelab Rotary Pulau Pinang
7	Kelab Lions Pulau Pinang
8	Persatuan Penduduk Taman Jesselton, Pulau Pinang

9	Persatuan Olahraga Amatur Pulau Pinang
10	Kelab Perahu Naga Taman Perbandaran
11	Kelab Taichi Taman Perbandaran
12	Kelab Line Dance Taman Perbandaran
13	Kelab Memanah Taman Perbandaran
14	Pusat Sumber Alam Sekitar SPT
15	Pusat Sumber Alam Sekitar SPU
16	Pusat Sumber Kampung Permatang Nibong
17	Pusat Sumber Taman tambun Indah
18	Pusat Sumber Taman Putri Gunung
19	33 organisasi Pusat Kitar Semula Komuniti
20	Perbadanan Pengurusan Palm Villa, Butterworth
21	Persatuan Pemunya Kedai Elektrik
22	Persatuan Peniaga Pasar Awam Bg Ajam, Kampong Baru dan Persatuan Pemborong Sayur Bukit Mertajam

JAWATANKUASA MMK KOPERASI

1	Majlis Belia Negeri (MBN)
2	PERDASAMA

JAWATANKUASA MMK PERHUBUNGAN MASYARAKAT

1	Pemasaran Revision Energy Partners
2	Majlis Belia Negeri (MBN)
3	PERDASAMA

JAWATANKUASA MMK INDUSTRI DAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA

1	Persatuan Pedagang dan Pengusaha Melayu Malaysia Pulau Pinang
2	Pemasaran Revision Energy Partners
3	JBC Malaysia National Secretariat
4	Dewan Perniagaan Melayu Pulau Pinang
5	Dewan Perniagaan Tionghua Pulau Pinang
6	Dewan Perniagaan India Pulau Pinang
7	Persatuan Syarikat Perindustrian Bebas Pulau Pinang
8	National Institute of Occupational Safety & Health
9	Malaysia Productivity Corporation Northern Region

JAWATANKUASA MMK KEUSAHAWANAN

10	Pertubuhan Pembangunan Orang Buta Pulau Pinang
11	JBC Malaysia National Secretariat
12	Dewan Perniagaan Melayu Pulau Pinang
13	Dewan Perniagaan Tionghua Pulau Pinang
14	Dewan Perniagaan India Pulau Pinang
15	Liga Muslim Pulau Pinang
16	Dewan Perniagaan Islam Pulau Pinang

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Teh Yee Cheu) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

24. Senaraikan tapak perkhemahan dengan terperinci dari segi lokasi, keluasan, bilangan kem, kapasiti, kemudahan, tuan tanah, caj dan lain-lain yang sedia ada. Huraikan betapa perlu dan mustahaknya satu tapak perkhemahan antarabangsa iaitu *International Youth Camp Site* untuk memupuk pemuda-pemudi beraktiviti dan minda yang sihat.

Y.A.B. Ketua Menteri:

24. Senarai terperinci tapak perkhemahan sedia ada dan kemudahan yang disediakan adalah seperti di bawah:-

Lokasi	Keluasan	Bil. Kem	Kapisiti	Kemudahan	Pemilik	Bayaran/caj
Hutan Lipur Telok Bahang, Daerah Barat Daya	37.0 hektar	2	400 orang	tandas, surau, asrama, kolam mandi, denai hutan, muzium perhutanan, dewan annex, gerai makan dan pelantar pemandangan	Jabatan Perhutanan Negeri Pulau Pinang	Tandas – RM0.30/seorang; Muzium - RM1.00/seorang; Asrama – RM15.00/seorang ; Dewan Annex – RM50.00/4 jam.
Hutan Lipur Bukit Mertajam, Daerah Seberang Perai Tengah	32.0 hektar	1	100 orang	tandas, surau, 5 unit chalet, kolam mandi, denai hutan, pondok informasi, gerai makan, gerai buah, gerai tea SPA, kantin dan pelantar pemandangan	batan Perhutanan Negeri Pulau Pinang	Tandas – RM0.30/seorang; chalet – RM120.00/hari/orang ;
Hutan Lipur Bukit Panchor, Daerah Seberang Perai Selat	3.0 hektar	1	100 orang	tandas, surau, 2 unit chalet, kolam mandi, denai hutan, pondok informasi dan kantin.	Jabatan Perhutanan Negeri Pulau Pinang	Tandas – RM0.30/seorang; chalet – RM120.00/hari/orang

Tapak Perkhemahan Antarabangsa (International Youth Camp Site) memang perlu diadakan bagi tujuan memupuk pemuda-pemudi beraktiviti dan mempunyai minda yang sihat. Dengan adanya tapak perkhemahan seperti ini kegiatan pelancongan boleh dipertingkatkan seperti jamboree pengakap yang disertai oleh pelbagai negara. Pewujudan tapak ini memerlukan penyediaan infrastruktur yang berkaitan. Secara tidak langsung dengan adanya infrastruktur tersebut akan memberi manfaat juga kepada masyarakat setempat. Selain itu, dengan adanya kegiatan-kegiatan seumpamanya di kawasan ini akan memberi peluang pekerjaan serta peningkatan taraf hidup kepada masyarakat setempat.

Keperluan tapak perkhemahan antarabangsa diwujudkan adalah bagi:-

(i) Perlancongan – menarik minat pelancong mengadakan perhimpunan kelab / persatuan contohnya: Jamboree Pengakap

(ii) Kemudahan asas rekreasi kepada penduduk setempat – pada masa yang sama kemudahan dapat dimanfaatkan oleh penduduk tempatan

(iii) Menjana pendapatan tambahan kepada negara khususnya kepada penduduk serta dapat meningkatkan taraf hidup masyarakat setempat

(iv) Mewujud dan menggalakkan aktiviti berkumpulan yang sihat kepada setiap golongan untuk memupuk semangat berpersatuan dan bermasyarakat.

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Teh Yee Cheu) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

25. Huraikan dari segi alam sekitar, kacau gangguan ketenteraman komuniti setempat, keharmonian perumahan baru, kesihatan dan keselamatan suasana perumahan berjiranan di taman-taman baru di Lembah Permai, Tanjong Bunga. Mengapakah kilang Teik Kuari di Lembah Permai tidak dipindahkan atau ditutup.

Y.A.B. Ketua Menteri:

25. Premis ini telah diberikan kelulusan EIA pada tahun 2010. Dari perspektif alam sekitar, kuari ini telah mendatangkan kacau ganggu kepada penduduk berdekatan berdasarkan dari rekod aduan yang diterima oleh Jabatan Alam Sekitar. Bermula dari Januari 2012 sehingga November 2013, Jabatan Alam Sekitar telah menerima sebanyak 5 aduan kacau ganggu habuk dan bunyi bising yang berpunca dari pergerakan lori keluar / masuk serta aduan gegaran dari aktiviti letupan. Jabatan Alam Sekitar telah mengambil tindakan dengan mengeluarkan notis arahan dan 5 kompaun ke atas pihak premis dan operator-operator *batching plant* yang beroperasi di dalam kawasan premis tersebut.

Walaupun tindakan diambil dan premis patuh kepada syarat-syarat EIA, ianya masih tidak dapat membendung dan mengatasi secara total kacau ganggu gegaran dan habuk dari aktiviti pengkuarian memandangkan pembangunan perumahan baru atau telah diduduki terletak berdekatan dengan zon penampan kuari. Untuk tindakan semasa, Jabatan Alam Sekitar akan meneruskan pemeriksaan ke atas premis ini supaya kesemua syarat-syarat EIA dipatuhi terutama dari segi kawalan pencemaran habuk. Bagi masalah kacau ganggu gegaran dan bunyi bising akibat dari aktiviti blasting Jabatan Alam Sekitar akan bekerjasama dengan Jabatan Mineral dan Geosains (JMG) yang memberikan lesen letupan kepada projek berkenaan.

Kerajaan Negeri melalui MPPP telah mengeluarkan Pemberitahu Tentang Kesalahan kepada pengusaha di bawah Undang-Undang Kecil (Tred, Perniagaan dan Perindustrian) MPPP 1991 atas kesalahan menjalankan aktiviti perniagaan tanpa lesen yang sah. Di bawah Undang-undang kecil ini, syarikat hanya dikenakan kompaun sebanyak RM250.00 kerana menjalankan perniagaan tanpa lesen.

Kilang ini tidak dipindahkan atau ditutup kerana syarikat telah mematuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh JAS. Selain itu, aktiviti kuari yang dijalankan oleh Syarikat Teik Granite adalah di atas lot-lot tanah persendirian yang tidak memerlukan permit pengeluaran bahan batuan (Permit 4C) kerana tanah-tanah tersebut adalah berstatus *first grade, condition A* dan B. Walau bagaimanapun, pemantauan berterusan akan dibuat bagi memastikan kerja-kerja kuari oleh syarikat tersebut sentiasa mematuhi peraturan dan prosedur jabatan-jabatan berkaitan.

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Teh Yee Cheu) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

27. Senaraikan dengan terperinci kawasan dan lokasi tanah yang telah ditebus guna (reclaimed land) iaitu yang sedia ada dan yang akan ditebus guna di Negeri Pulau Pinang. Huraikan sebab-sebab perlunya projek tersebut dan teknologi yang digunakan dari segi ekonomi dan impak alam sekitar (Detail Environmental Impact Assessment/Environmental Impact Assessment).

Y.A.B. Ketua Menteri:

27. (a) Daerah dan kawasan serta pemaju terlibat dengan tebus guna di Pulau Pinang adalah seperti berikut:-

DAERAH	TAHUN MULA TEBUS GUNA	KELUASAN	LOKASI
DTL	1999	249.6 ekar	Tanjung Pinang, Tg. Tokong
DTL	1997	642.66 ekar	Jelutong
DTL	1985	54 ekar	Tg. Tokong
DTL	1976	61.8 ekar	Maccallum
DBD	1988	1094.05 ekar	Bayan Lepas, Bayan Baru
SPU	1999	115.65 ekar	Bagan Luar, Butterworth
Jumlah		**2217.76 ekar**	

Tebus guna tersebut dilakukan dengan tujuan:-

(i) Sebagai tambahan penyediaan kawasan baru untuk pelbagai jenis pembangunan termasuk pelabuhan memandangkan kawasan sedia ada semakin berkurangan.

(ii) Membaiki kawasan pantai yang terbiar, rosak akibat hakisan dan juga mendapan.

Sebelum melaksanakan kerja-kerja tersebut, pemaju terlibat perlu memastikan:-

(a) Segala perundangan dan peraturan yang terpakai bagi Negeri Pulau Pinang dipatuhi untuk menjamin keselamatan.

(b) Langkah-langkah keselamatan berkaitan dengan pembangunan semasa tapa ditebus guna ini dipantau oleh Jabatan Teknikal berkaitan iaitu Jabatan Alam Sekitar melalui pematuhan kepada kelulusan EIA dan syarat-syaratnya, Jabatan Pengairan dan Saliran melalui pematuhan kepada kelulusan kajian hidraulik. Manakala jurutera perunding bertauliah yang dilantik oleh pemaju bertanggung jawab sepenuhnya ke atas keselamatan umum semasa kerja-kerja tebus guna dijalankan.

(c) Metodologi kerja-kerja tebus guna tanah dijalankan adalah menggunakan konsep *sand replacement* di mana pasir diperolehi pada dasar laut menggunakan c*utter suction* pasir bersama air laut tersebut dipam melalui paip keluli dan dibuang di atas tapak tebus guna. Air laut kemudiannya disalirkan kembali ke laut dan meninggalkan pasir yang membentuk tanah tebus guna.

(d) Pemaju terlebih dahulu telah menjalankan *soil investigation* di kawasan tersebut yang meliputi:

Mengumpul data alam sekitar sedia ada terhadap air dan udara Kajian komprehensif terhadap *soil investigation* ujian makmal terhadap contoh tanah dari gerudi (bore hole).

(e) Kajian ini bagi membolehkan jurutera menentukan ciri-ciri subsrata tanah, ketebalan tanah liat dan sifat tanah.

(f) 'Perimeter bund' dibina dengan menggunakan bahan batuan seberat 1 tan setiap satu batu di sekeliling kawasan yang hendak ditebus guna. 'Perimeter bund' berfungsi sebagai tembok penahan daripada pasir yang ditambun daripada masuk semula ke laut. Ia juga berfungsi sebagai penahan ombak.

(g) Setelah pasir yang ditambun mencapai platform yang ditentukan oleh reka bentuk, vertical drain dipasang dalam jarak 1 meter persegi menggunakan 'crawler rig'.

(h) 'Vertical drain' adalah seperti hos pemadam api yang fleksibel, ditanam hingga ke dalam tanah liat. Tujuan 'vertical drain' ini dipasang adalah bagi membolehkan cecair keluar dari dasar tanah liat apabila ianya tertekan oleh penimbunan pasir. Bagi tujuan ini ketebalan pasir tertentu digunakan yang dipanggil surcharge ditetapkan bagi maksud memanpatkan tanah. Perkiraan ini ditentukan melalui kajian makmal.

(i) Bagi kawasan Tanjong Pinang surcharge setebal 2 meter telah diletakkan selama 6 bulan, satu tempoh masa yang telah memampatkan tanah tersebut dikenali sebagai *settlement*. Bacaan *settlement* ini diambil setiap 2 minggu bagi memantau konsolidasi tanah dan bacaan ini dibuat dalam bentuk graf. Setelah 6 bulan bacaan graf mendatar menunjukkan tanah tersebut telah betul-betul mampat.

(j) Setelah mampat sucaj dikeluarkan dan tanah diratakan kepada platform pembangunan dan kawasan ini tersedia untuk pembangunan.

(k) Setelah *settlement* berlaku pemaju menjalankan kerja-kerja pengukuhan tebing kawasan tanah tebus guna menggunakan *rock revetment wall* seperti kehendak JPS.

(l) Semua pembangunan fizikal seperti perumahan dan perniagaan di atas tanah tebus guna adalah dibuat di atas piling bagi menampung berat bangunan tersebut.

(m) Kesemua kawasan tebus guna di Negeri Pulau Pinang, kerja-kerja tebus guna tanah dipantau oleh jurutera dari syarikat yang menjalankan tugas-tugas penimbunan tanah. Jurutera tersebut akan mengesahkan sama ada tanah tersebut bersedia untuk pembangunan.

(n) Jabatan Pengairan dan Saliran juga bertanggung jawab terhadap pembinaan struktur *rock revetment wall* dan juga saliran di kawasan ini dan sekelilingnya.

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Teh Yee Cheu) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

27. Huraikan kelemahan dan kekuatan Jawatankuasa Tanah dalam pengurusan tanah dan menangani isu-isu tanah. Adalah perlu untuk adakan Rancangan Kawasan Khas (RKK) Tanah Tambunan (Reclaimed Land Master Plan) agar tanah kerajaan termasuk perairan laut dapat diurus dengan lebih bernilai.

Y.A.B. Ketua Menteri:

27. (1) Keahlian Jawatankuasa Tanah adalah seperti berikut:-

(a)	Y.A.B. Ketua Menteri	-	Pengerusi
(b)	YB. Timbalan Ketua Menteri (1)	-	Ahli
(c)	YB. Timbalan Ketua Menteri (2)	-	Ahli
(d)	Ahli EXCO	-	Ahli Jemputan
(e)	YB. Setiausaha Kerajaan Neger	-	Ahli
(f)	YB. Pegawai Kewangan Negeri	-	Ahli
(g)	YB. Penasihat Undang-Undang Negeri	-	Ahli
(h)	Pengarah Tanah dan Galian	-	Ahli
(I)	Pengurus Besar PDC	-	Ahli Jemputan
(j)	Pegawai-Pegawai Daerah	-	Ahli Jemputan

Sebelum tahun 2008, Jawatankuasa Tanah tidak mengandungi ahli-ahli EXCO lain kecuali seorang Pengerusi dan Pegawai Kerajaan Negeri. Kini terdapat 3 orang ahli EXCO tetap dan ahli EXCO jemputan. Dengan struktur keahlian tersebut adalah jelas bahawa Jawatankuasa Tanah mempunyai kekuatan yang mencukupi tanpa sebarang kelemahan memandangkan keahliannya terdiri daripada mereka yang juga merupakan anggota EXCO Kerajaan Negeri serta yang terlibat dengan pengurusan Tanah secara langsung. Tambahan pula Jawatankuasa Tanah dipengerusikan oleh Y.A.B. Ketua Menteri sendiri, yang juga akan mempengerusikan mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri.

(2) Mesyuarat Jawatankuasa Tanah diadakan secara berjadual setiap minggu bagi membincangkan dan menimbangkan pemohonan yang berkaitan dengan pembangunan tanah, dan permohonan tanah seperti permohonan pemberimilikan, TOL, permit bahan batuan, tukar syarat tanah, isu cukai tanah dan lain-lain.

Mengenai RKK Tanah Tambunan (Reclaimed Land Master Plan), setakat ini Negeri Pulau Pinang tidak mempunyai satu pelan induk mengenai RKK Tanah Tambunan. Walau bagaimanapun, Negeri Pulau Pinang mempunyai prosedur yang jelas dalam menangani isu tanah tambun seperti berikut:-

(a) Suatu ikatan perjanjian akan ditandatangani terlebih dahulu yang biasanya dikenali sebagai perjanjian konsesi. Di dalam perjanjian tersebut butiran mengenai maklumat kawasan tebus guna, penjadualan kerja, cadangan pembangunan, cadangan pelan *'lay-out',* pulangan kepada Kerajaan Negeri, dan lain-lain bidang akan diperincikan.

(b) Pelan Induk Pembangunan disediakan, di mana semua komponen pembangunan utama dinyatakan seperti keluasan tanah tambun, gunatanah utama, densiti, plot ratio, penyediaan rumah kos rendah, kemudahan awam, sekolah, tanah lapang dan laluan utama. Pelan induk ini diluluskan oleh Jawatankuasa Perancang Negeri apabila ianya telah mematuhi semua ulasan Jabatan Teknikal yang berkaitan.

(c) Pelan Induk ini kemudianya dirujuk kepada Majlis Perancangan Fizikal Negara (MPFN).

(d) 'Detailed Environmental Impact Assessment' (DEIA) perlu disediakan oleh pemaju bagi tujuan menambun tanah dan kerja-kerja hidraulik dimana kelulusan DEIA adalah melibatkan “public participation”. Kelulusan DEIA diberikan oleh Jabatan Pengairan Dan Saliran Kuala Lumpur dimana kelulusan ini juga akan menentukan bentuk (shape) tanah yang akan ditambun selepas mengambil kira kelajuan arus, arah ombak dankedalaman kawasan yang boleh ditambun.

(e) Permohonan Pemilikan Tanah hanya boleh dibuat selepas perkara (a), (b) dan (c) diselesaikan dan tanah telah terbentuk secara fizikal.

(f) Pemaju kemudiannya bolehlah mengemukakan permohonan pelan Kebenaran Merancang dan Pelan Bangunan kepada Jabatan Perancang Bandar dan Desa (JPBD) selaku Pihak Berkuasa Perancangan Tempatan Mengikut Seksyen 5(2) Akta Perancang Bandar Dan Desa 1976, Akta 172. Kelulusan Kebenaran merancang, pelan bangunan, pela kejuruteraan, sijil layak menduduki dan penguatkuasaan adalah sama dengan lain-lain kawasan yang bukan tebusguna.

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Teh Yee Cheu) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

28. Huraikan kekuatan dan kelemahan pengangkutan awam mass (mass transportation system) antara *Subway*, LRT dan Monorel. Dengan adanya sikap pengguna pengangkutan awam Pulau Pinang, cuaca dan had tanah *discard angina subway* dipilih demi maksud tersebut dan peluang ekonomi baru kepada rakyat.

Y.A.B. Ketua Menteri:

28. Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang telah mencadangkan supaya sistem tram digunakan kerana ia adalah lebih sesuai bagi sebuah bandar yang kecil seperti George Town. *Subway / heavy rail* adalah tidak sesuai kerana memerlukan pelaburan modal yang sangat tinggi dan tidak sesuai bagi perjalanan jarak dekat.

Cadangan pembinaan sistem pengangkutan sama ada subway, monorail dan LRT merupakan satu cadangan yang baik. Walau bagaimanapun, perancangan jajaran perlu dilaksanakan dengan teliti. Setiap daripada sistem pengangkutan tersebut mempunyai kelebihan dan kekurangan yang tertentu. Oleh yang demikian, ia perlu disesuaikan dengan cadangan lokasi supaya pembinaannya adalah menepati dan mencapai objektif di samping dibina pada kos yang berpatutan.

Keterangan kekuatan dan kelemahan sistem pengangkutan awam seperti dibawah:-

Kekuatan Dan Kelemahan Pengangkutan Awam Antara Subway, LRT Dan Monorail

	Subway /Heavy Rail	**Light Rail /Tram**	**Monorail**
Kekuatan	Adalah sangat sesuai untuk perjalanan jarak jauh.	Kos operasi secara keseluruhannya adalah lebih rendah.	Memerlukan ruang yang lebih kecil dan treknya adalah elevated.
	Dapat bergerak dengan cepat kerana tidak berkongsi trek dengan mod pengangkutan yang lain.	Perhentian tram adalah di atas jalan dan senang dicapai.	Operasinya adalah lebih senyap kerana menggunakan roda getah di atas trek konkrit.
	Tidak menggangu pandangan bandar kerana adalah di bawah tanah atau dibina trek yang berasingan	Sistem Tram dapat diwujudkandi bandar yang kecil dan tidak menggangu pandangan / fasad bandar.	Monorail berkeupayaan digunakan untuk memanjat dan menurun dari kecerunan yang tinggi.
	Carrying capacity adalah tinggi dan laluan dilindungi daripada pendedahan hujan, matahari dan lain-lain.		Mempunyai tahap keselamatanyang lebih tinggi kerana tidak berlakunya penggeliciran trek.
Kelemahan	Memerlukan pelabuhan kapital yang sangat tinggi.	Apabila hujan trek akan basah dan dengan itu boleh berlakunya kegeliciran.	Penumpang tidak dapat turun daripada monorail apabila berlakunya kecemasan kerana treknya adalah elevated.
	Kos Pembinaan, penyelengaraan dan overhead adalah sangat tinggi.	Oleh sebab trek tram adalah di atas jalan, ia akan melambatkan kelajuan mod pengangkutan yang lain.	Kos lebih tinggi diperlukan apabila sambungan trek diperlukan.
	Tidak sesuai dan tidak ekonomi untuk jarak yang pendek.	Apabila berlakunya kemalangan ataupun kerja-kerja pembaikan jalanraya, keseluruhan sistem tram akan dijejaskan.	Treknya akan menjejaskan pandangan / fasad bandar.

Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang telah mencadangkan supaya sistem tram digunakan kerana ia adalah lebih sesuai digunakan di bandar yang kecil terutamanya George Town yang telah diisytiharkan sebagai Tapak Warisan Sedunia. Subway/heavy rail adalah tidak sesuai kerana memerlukan pelaburan kapital yang sangat tinggi dan tidak sesuai bagi perjalanan jarak pendek.

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Teh Yee Cheu) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

29. Huraikan kelemahan Pihak Berkuasa Tempatan tentang pengurusan, pengalaman dan kemahiran teknikal dalam bidangkuasa geoteknik atas pembangunan lereng bukit, terutamanya bercerun kelas 3 dan 4 dan yang berisiko. Dicadangkan satu Jabatan Geoteknik ditubuhkan, satu Rancangan Kawasan Khas (RKK) Tanah Berisiko dan Bercerun Kelas 3 dan 4 diwartakan untuk maksud tersebut.

Y.A.B. Ketua Menteri:

29. Garis panduan *Safety Guideline for Hillsite Development* 2012 merupakan garis panduan yang disediakan oleh JPBD bersama–sama Pihak Berkuasa Tempatan. Garis panduan ini disediakan untuk mengawal aspek keselamatan dan penyelenggaraan dalam aktiviti pembangunan di kawasan lereng bukit di Negeri Pulau Pinang. Antara cadangan yang dikemukakan dalam Garis Panduan ini termasuklah mengukuhkan unit geoteknikal di bawah pengelolaan Jabatan Kejuruteraan PBT.

Dalam mempertimbangkan permohonan melibatkan cerun-cerun berisiko, MPPP telah mensyaratkan setiap pembangunan tersebut disertakan dengan Laporan Geoteknikal melalui jurutera perunding bagi cerun-cerun berisiko termasuk kelas 3 & 4. Laporan ini akan dibentangkan ke dalam Jawatankuasa Pengurusan Tanah Berisiko Negeri Pulau Pinang yang dianggotai oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) Cawangan Cerun, Jabatan Mineral dan Geosains (JMG), Jabatan Kerja Raya Daerah, Pejabat Tanah & Daerah, Jabatan Pengairan & Saliran (JPS), Kumpulan IKRAM Sdn. Bhd. (IKRAM) dan kedua-dua PBT.

Bahagian Geoteknikal, Jabatan Kejuruteraan, MPPP pada masa ini dianggotai oleh dua (2) orang jurutera, tiga (3) orang Penolong Jurutera dan tiga (3) orang juruteknik. Tindakan sedang diambil oleh MPPP untuk mendapatkan seorang pakar geoteknikal bersama-sama dengan enam (6) orang Jurutera yang mempunyai pengalaman dalam bidang geoteknikal untuk membantu bahagian ini. Manakala dua jawatan Jurutera bertaraf kontrak juga akan dilantik pada tahun 2014 untuk mengukuhkan lagi organisasi dan fungsi Bahagian berkenaan. Selain daripada itu, dua (2) Jawatankuasa telah ditubuhkan yang dianggotai oleh pakar-pakar yang berpengalaman iaitu :-

(i) Jawatankuasa *Hillsite Development Planning Review* untuk mengkaji semula polisi-polisi sedia ada berkaitan pembangunan tanah bukit bagi menambahbaik keselamatan cerun dan mewujudkan alam sekitar yang lebih mampan.

(ii) Jawatankuasa Penasihat Teknikal bagi memastikan cadangan pembangunan baru mematuhi *Penang Safety Guidelines For Hillsite Development 2012*, melatih dan memantapkan kakitangan Bahagian Geoteknikal, Jabatan Kejuruteraan, MPPP dalam menyediakan kerja-kerja harian di samping memajukan strategi dan perancangan untuk meningkatkan pengurusan yang mampan. Kerajaan Negeri belum merancang untuk mengadakan RKK untuk tanah berisiko dan bercerun disebabkan pembangunan melibatkan beberapa kawasan berasingan.

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Teh Yee Cheu) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

30. Huraikan rancangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam memastikan air mentah dan bekalan air selalu mencukupi untuk tempoh 50 tahun yang akan datang. Adakah kilang *filtration/distillation of sea water to fresh water akan dibina di negeri ini?*

Y.A.B. Ketua Menteri:

30. Sebahagian besar bekalan air mentah di Negeri Pulau Pinang bergantung kepada Sg. Muda dan pada tahun 2012 sahaja, Sungai Muda telah membekalkan lebih 80% dari keperluan air mentah untuk Negeri Pulau Pinang. Bekalan air mentah dari Sungai Muda dijangkakan hanya dapat memenuhi keperluan bekalan air mentah Negeri Pulau Pinang sehingga tahun 2020 sahaja. Selepas tahun 2020, sumber tambahan adalah diperlukan untuk membekalkan air mentah bagi Negeri Pulau Pinang.

Rancangan Kerajaan seperti mana laporan “Masterplan Study For Potable Water Supply in Pulau Pinang until year 2050” yang telah disiapkan pada Oktober 2009 telah mengenal pasti Sungai Perak sebagai sumber air mentah untuk Negeri Pulau Pinang. Kos anggaran untuk projek pemindahan air mentah ini ialah RM300 juta dan pembiayaannya adalah oleh Kerajaan Persekutuan seperti yang termaktub dalam Akta Industri Perkhidmatan Air (WSIA Act).

Projek pemindahan air mentah ini dijangka akan mengambil masa 6 tahun untuk disiapkan bermula dari kerja-kerja ukur, siasatan tapak, reka bentuk dan pembinaan. Oleh itu adalah amat penting bagi projek pemindahan air mentah ini dimulakan segera. Walau bagaimanapun, PBAPP masih perlu melabur sebanyak RM1.7 billion untuk kerja-kerja rawatan air, pemasangan paip dan kolam takungan air. Projek ini dirancang untuk dilaksanakan dalam 4 fasa untuk memenuhi keperluan bekalan air Negeri Pulau Pinang sehingga tahun 2050.

Pembinaan kilang *filtration/distillation of sea water to fresh water* untuk tujuan rawatan air laut, memerlukan kos yang tinggi. Pada masa ini pembinaan loji rawatan untuk memproses air laut adalah tidak ekonomikal memandangkan tarif air yang rendah di Negeri Pulau Pinang. Walau bagaimanapun, PBAPP telah menjalankan kajian terhadap proses rawatan air laut, justeru sebuah loji rawatan sebagai 'pilot project' berkapasiti 1-1.5 meter padu/jam dengan kos anggaran RM500,000.00 telah dirancang untuk dibina di Pulau Aman, SPS dalam tahun 2014, dan seterusnya kajian selanjutnya dapat dijalankan.

(III) Ahli Kawasan Paya Terubong (YB. Yeoh Soon Hin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Sila senaraikan peruntukan yang telah dibelanjakan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dalam kerja-kerja mengindahkan Kolam Takungan Sungai Dondang di Paya Terubong.

Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Sehingga tahun 2013, JPS Pulau Pinang tidak mendapat sebarang peruntukan bagi kerja-kerja pengindahan dan pemuliharaan di Kolam Takungan Dondang, Paya Terubong. Namun begitu, peruntukan pembangunan negeri diterima bagi kerja-kerja infrastruktur di kolam memandangkan fungsi utama kolam ini adalah bagi tujuan tebatan banjir.

Berikut merupakan kerja infrastruktur dan penyelenggaraan yang dijalankan pada tahun 2013.

Bil.	TAJUK KERJA	KOS (RM)
1	Membina Laluan Penyelenggaraan di Kolam Sungai Dondang A dan Lain-lain Kerja Berkaitan di Daerah Timur Laut, Pulau Pinang	35,548.00
2	Kerja-kerja Mendalam Sungai Dondang (Kolam) dan Kerja-kerja yang Berkaitan di Daerah Timur Laut, Pulau Pinang.	19,340.00
3	Pembersihan Kolam Takungan Sungai Dondang A,B dan C di Daerah Timur Laut, Pulau Pinang.	51,000.00
JUMLAH		**105,888.00**

Ahli Kawasan Paya Terubong (YB. Yeoh Soon Hin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Sila nyatakan status cadangan paired road di Paya Terubong yang menyambungkan Paya Terubong dengan Bukit Jambul. Adakah projek ini masih dipertimbangkan atau telah diluluskan oleh Kerajaan Pusat?

Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Kerajaan Negeri telah mengemukakan permohonan peruntukan bagi Projek Jalan Berkembar Jalan Paya Terubong dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK-10). Walau bagaimanapun permohonan tersebut sehingga kini masih belum diluluskan. Kerajaan Negeri akan mengemukakan rayuan untuk peruntukan bagi tujuan tersebut dipertimbangkan.

Ahli Kawasan Paya Terubong (YB. Yeoh Soon Hin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Sila senaraikan peruntukan yang telah dibelanjakan oleh pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) bagi tahun 2013 dalam meningkatkan kemudahan asas di KADUN Paya Terubong.

Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Senarai peruntukan yang telah dibelanjakan oleh Jabatan Kerja Raya Negeri Pulau Pinang (JKR) bagi tahun 2013 dalam meningkatkan kemudahan asas di KADUN Paya Terubong adalah seperti berikut:-

Senarai Peruntukan Serta Projek Yang Telah Dibelanjakan Oleh Pihak JKR Dalam Tahun 2013 Untuk Meningkatkan Kemudahan Asas di KADUN Paya Terubong

Bil	Butiran	Nama Projek	Anggaran Perbelanjaan/ Perbelanjaan Sebenar (RM)
1.	P12/15	Kerja-Kerja Membaiki Lorong Pejalan Kaki, Bahu Jalan dan Mencantas Pokok di Kawasan Zon Tengah (Farlim & Air Itam, Relau,Paya Terubong)	200,000.00 (Kerja-kerja sedang dijalankan)
2.	57006	Kerja-Kerja Membarumuka Jalan di Kawasan Persiaran Paya Terubong, Relau, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang	200,000.00 (Kerja-kerja sedang dijalankan)
3.	57006	Kerja-Kerja mencantas Dahan dan Pokok di Kawasan Air Itam, Farlim dan Relau, DTLPP	88,500.00
4.	B27	Kerja-Kerja Pembaikan Tembok dan Pembentung Jalan Yang Rosak di KM13.60, Laluan Persekutuan FT220 Jalan Paya Terubong, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang	30,000.00
JUMLAH			**518,500.00**

Ahli Kawasan Paya Terubong (YB. Yeoh Soon Hin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

4. Pengurusan bakat adalah salah satu daripada beberapa cabaran yang sering dihadapi oleh sebuah negara atau negeri. Bagaimana rancangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk menarik, membangun dan mengekalkan bakat tempatan dan bakat global di Negeri Pulau Pinang?

Y.A.B. Ketua Menteri:

4. Kerajaan Negeri sangat komited dalam usaha menarik, membangun dan mengekalkan orang-orang berbakat dalam negeri terutamanya dalam bidang seni. Sehubungan itu, beberapa program telah digerakkan dibawah setiap bidang seperti berikut:-

(a) Bidang Seni

Setiap tahun, kumpulan-kumpulan ini akan diberikan geran untuk mengadakan program-program dan aktiviti-aktiviti contohnya pertandingan boria, festival tarian dan lain-lain. Program-program ini bukan sahaja dapat mengekalkan bakat kesenian tetapi juga mempromosikan Pulau Pinang sebagai salah satu destinasi kesenian di peringkat antarabangsa. Selain itu, Kerajaan Negeri juga sering mengadakan program-program kesenian untuk mencungkil bakat-bakat baru dalam bidang kesenian contohnya seperti program *Armenian Street Got Talent, Penang World Music Festival* dan *George Town Festival* yang menjadi platform kepada penggiat seni untuk menunjukkan bakat mereka.

(b) Bidang Sukan

Di bawah program pembangunan sukan Negeri Pulau Pinang yang digerakkan melalui Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (MSNPP), beberapa perancangan dan langkah-langkah pengukuhan kebajikan atlet-atlet negeri telah dirancang bagi memastikan atlet-atlet negeri yang cemerlang terus berada di Pulau Pinang. Antara langkah yang diambil adalah seperti berikut:-

(i) Pelaksanaan Skim Atlet Elit yang merupakan program pembiayaan untuk meneruskan latihan jangka panjang yang dibahagikan kepada dua (2) kategori mengikut status kemenangan pingat di Sukan Malaysia (SUKMA) iaitu Kategori A bagi mereka yang meraih pingat emas dibayar RM500.00 sebulan dan Kategori B bagi mereka yang meraih pingat Perak dan Gangsa dibayar RM300.00 sebulan serta pembiayaan latihan skuad SUKMA sebanyak RM50.00 sebulan kepada setiap atlet yang terpilih.

(ii) Mewujudkan Skim Insurans atau Perlindungan Diri untuk menjaga kebajikan atlet-atlet Negeri Pulau Pinang

(iii) Menjalin kerjasama dengan Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) seperti Universiti Sains Malaysia (USM) dan Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) untuk membenarkan atlet-atlet Negeri Pulau Pinang yang mempunyai kelayakan minima di dalam keputusan SPM dan STPM diberi keutamaan untuk menyambung pengajian di peringkat yang lebih tinggi.

(iv) Membuka peluang pekerjaan kepada atlet-atlet yang berkelayakan untuk berkhidmat di MSNPP khususnya sebagai pegawai dan jurulatih.

(v) Memberi sokongan penuh kepada atlet-atlet negeri yang diserap masuk ke perkhidmatan pasukan beruniform negara seperti Tentera Darat (TDM) Diraja Malaysia, Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM, Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM).

(vi) Mengiktiraf kejayaan atlet-atlet negeri yang cemerlang dan berjaya melalui pemberian insentif kemenangan dan pencalonan untuk pengiktirafan melalui Majlis Anugerah Sukan yang diadakan setiap tahun.

(vii) Merancang pengwujudan galeri atau muzium sukan untuk mengekalkan sejarah dan pencapaian tokoh-tokoh sukan di Negeri Pulau Pinang.

viii) Mengetengahkan idea untuk menjadikan atlet-atlet yang cemerlang sebagai ikon di peringkat negeri dalam memperkasa lagi budaya sukan di Pulau Pinang.

(c) Bidang Keusahawanan

Dalam usaha untuk mengekalkan orang berbakat khasnya dalam bidang keusahawanan, Kerajaan Negeri melalui PDC telah meneruskan usaha memupuk dan menerapkan budaya keusahawanan dengan memberi pendedahan secara langsung kepada para usahawan melalui promosi acara-acara perdagangan dalam dan luar negara melalui program rantaian di bawah IMTGT, Pekan Raya Sumatera Utara dan Expo Halal Cheng Ho di Kelantan. Program-program ini telah dijalankan secara agresif bagi membantu usahawan-usahawan Pulau Pinang mempromosi dan memasarkan produk mereka melalui acara-acara perdagangan yang telah dilaksanakan. Para usahawan diberi peluang untuk menjalinkan jaringan perniagaan yang lebih luas di peringkat luar Negeri Pulau Pinang dan luar negara . Secara tidak langsung melalui insentif-insentif yang diberi ini, orang berbakat khasnya dari bidang keusahawanan dapat dikekalkan di negeri ini.

Ahli Kawasan Paya Terubong (YB. Yeoh Soon Hin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

5. Sila nyatakan tempat hotspot Penang Wifi yang telah dipasang di Paya Terubong, Bandar Baru Air Itam dan Relau?

Y.A.B. Ketua Menteri:

5. Hotspot Penang Free WiFi yang telah dipasang di KADUN Paya Terubong (termasuk Relau) dan KADUN Air Itam adalah seperti berikut:

KADUN Paya Terubong

(i) Econsave, Blok 28 Lbh Thean Teik, Paya Terubong
(ii) YFC Global Food Supplies, 1038-G Paya Terubong
(iii) Kedai Kopi Joo Hong, 20-R, Jalan Paya Terubong Road
(iv) HShin Garden Food & Beverages Enterprise, 20-I, Mk14, Jln Paya Terubong
(v) Young Ones Shopping Centre , Paya Terubong 134 E&F, Jln Paya Terubong
(vi) TCC Trading,1101-M MK13, Jalan Paya Terubong
(vii) Salun Rimix Hair Zone And Academy 2, 604- P, Jln Paya Terubong
(viii) Pusat Memandu, 2-G, Jln Angsana, Bandar Baru Ayer Itam
(ix) Jing Ming Training, Paya Terubong 12-R, Jln Angsana, Bandar Baru Ayer Itam
(x) Salun Rimix Hair Zone And Academy 1, 604- P,Jln Paya Terubong
(xi) Foong Village Restaurant, 12&12-A, Lbh Rambai 11, Paya Terubong
(xii) Farhah Maju Restoran, Farlim, 36-A, Lintang Angsana, Bandar Baru Farlim
(xiii) NBL Management, Paya Terubong 70 A, Lintang Angsana, Bandar Baru Aitr Itam
(xiv) Pejabat Police Community, 10-01-03, Tmn Alor Vista, Lebuh Relau
(xv) Alor Vista Community Hall, 10-01-03, Tmn Alor Vista, Lebuh Relau
(xvi) HSL Electrical, 823-G-5 Paya Terubong, Relau
(xvii) Hameedia Nasi Kandar, 823-G-4, Jln Paya Terubong
(xviii) In Hair Saloon, 88c-00-16, Tmn Sri Relau,Persiaran Paya Terubong 2
(xix) Nam Sing Car Repair, 821-D-G Jln Paya Terubong, Relau 3
(xx) Hallo Mobile Communications, 88-B-G-01 Taman Sri Relau, Paya Terubong
(xxi) Island Photo Studio & Color Lab, 925-T, Mk 13 Relau, Jln Paya Terubong
(xxii) Taman Metropolitan MPPP Relau Garden, Paya Terubong
(xxiv) Kedai Kopi Nam Shan, Paya Terubong
(xxv) MPPP Multi Story Car Parking, Paya Terubong
(xxvi) Nu Shalum Café, 28-G, Ground Floor, Medan Angsana 4, Bandar Baru
(xxvii) Season Vegiterian Corner, 16-G , Medan Angsana 4,Bandar Baru
(xxviii) Color World Hair Saloon, Blk 4D-0103, Lrg Semarak Api 1
(xxix) MPPP Food Court Paya Terubong 2, Paya Terubong
(xxxx) MPPP Food Court Paya Terubong 1, Paya Terubong
(xxxi) Kompleks Sri Aman
(xxxii) JKKK Relau

KADUN Air Itam

(i) Kampung Melayu Food Court 1,(Astaka Kg.Melayu)
(ii) Kampung Melayu Food Court 2, (Astaka Kg.Melayu)
(iii) Dewan JKKK Kg.Melayu, Jalan Kg.Melayu
(iv) Restoran 1998,288D Fortune Court,Jalan Thean Teik
(v) Lenspecs Optical Center,288A Fortune Court,Jalan Thean Teik
(vi) Kai Sin Store,288C Fortune Court,Bandar Baru
(vii) Joy Star Café, 288C Jalan Thean Teik
(viii) Perniagaan Joo Yi Siang, 5-01-06 Lintang Kampung Melayu
(ix) Plus Plus Café, 288E Fortune Court, Jalan Thean Teik, Surau Kg Shaik Eusoff, Air Itam
(xi) Restoran Salam, 288 Fortune Court, Jalan Thean Teik, Bandar Baru
(xii) Kedai Runcit Dua Puluh Empat,1-1-2 Desa Mawar, Lintang Kampung Melayu 2, Air Itam
(xiii) 3288 Food Court, 4 Lintang Kampung Melayu 2, Air itam
(xiv) FDI Etaly, 24 Limtang Angsana, Bandar Baru Air Itam
(xv) Sunshine Farlim, 294 Jalan Thean Teik, Bandar Baru AyerItam
(xvi) Restoran Tomyam Dangdut,11 Gerai Kampung Melayu, Air Itam.
(xvii) MPPP Market Air Itam 1, Air Itam
(xviii) Chinese Methodist Church,J alan Paya Terubong, Air Itam

(xix) Vel Gas Enterprise/Cheong See Gas, Flat 4C, Semarak Api Satu, Bandar Baru Farlim
(xx) Auto Repair Leader, Air Itam
(xxi) MPPP Market Air Itam 2, Air Itam
(xxii) DNS Crystal Car Wash, 256, Mukim 13, Jalan Thean Teik
(xiii) Perpustakaan Desa FRU , Unit 3 FRU,J alan Sempadan, Air Itam
(xiv) Metal Icon Sdn Bhd, Air Itam
(xxv) CH Choong Heng Metal, Air Itam
(xxvi) Masjid Bandar Baru Air Itam, Air Itam
(xxvii) Kompleks Farlim MPPP Food Court, Air Itam
(xxviii) Kedai kopi Chong San,7D Lebuh Raya Thean Teik,Air Itam
(xxix) Top Tailor, 7A Lebuhraya Thean Teik, Farlim, Air Itam

Ahli Kawasan Paya Terubong (YB. Yeoh Soon Hin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

6. Apakah status projek terbengkalai di Majestic Heights Fasa 2, 2A, 2B, 3, dan 4 di Paya Terubong? Adakah *white knight* telah mengambilalih projek ini dan bilakah projek ini akan dipulihkan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

6. *White knight* yang telah mengambil alih projek terbengkalai di Majestic Heights ialah PLB Land Sdn. Bhd. yang berhasrat untuk meneruskan projek tersebut. PLB Land Sdn. Bhd. kini dalam proses untuk mengemukakan semula permohonan kepada Majlis Perbandaran Pulau Pinang untuk membangunkan semula projek tersebut berdasarkan pelan "as built".

Sehubungan dengan itu, pihak PLB Land Sdn. Bhd. telah mengadakan perjumpaan dengan YB EXCO Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan pada 12 September 2013 dan memohon beberapa isu ditangani sebelum pembangunan semula projek terbengkalai tersebut dapat diteruskan. Oleh itu, adalah diharap projek terbengkalai tersebut dapat diteruskan dalam jangka masa terdekat.

Ahli Kawasan Paya Terubong (YB. Yeoh Soon Hin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

7. Adakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang masih berminat dengan projek monorel, LRT atau MRT?

Y.A.B. Ketua Menteri:

7. Berdasarkan kepada cadangan pihak perunding dalam Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang yang telah disiapkan pada pertengahan tahun 2013, mod pengangkutan awam yang bersesuaian untuk ditambah baik atau diperkenalkan di Negeri Pulau Pinang ini ialah tram, Light Rail Transit (LRT), Bus Rapid Transit (BRT) dan catamaran (teksi air) bagi pengangkutan air. Sehubungan itu, Kerajaan Negeri sememangnya masih berminat untuk melaksanakan projek LRT, namun perlulah mengikut keutamaan dan kemampuan kewangan.

Kerajaan Negeri juga akan mempertimbangkan pelaksanaan projek mass transit transport seperti monorel dan MRT sekiranya terdapat keperluan pada masa hadapan serta bantuan dana dan kelulusan permit daripada Kerajaan Persekutuan. Sebenarnya Kerajaan Negeri mengharapkan Kerajaan Pusat menunaikan janji membina LRT, MRI atau Monorel yang dibuat sejak 2007. Sungguhpun Kerajaan Negeri lebih cenderung kepada sistem tram.

Apa-apa sistem yang dibiayai dan dipilih oleh Kerajaan Pusat boleh dipertimbangkan. Sekiranya Kerajaan Pusat enggan menunaikan janji mereka, maka Kerajaan Negeri telah meminta Kerajaan Pusat menyerahkan kuasa kawalan dan pengendalian ke atas sistem pengangkutan awam di Pulau Pinang agar Kerajaan Negeri dapat mencari jalan mendirikan sistem tram untuk mengatasi kesesakan trafik di Pulau Pinang.

Ahli Kawasan Paya Terubong (YB. Yeoh Soon Hin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

8. Sila nyatakan secara terperinci kos penyelenggaraan yang telah dibelanjakan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) di Kolam Takungan Sg. Dondang di Paya Terubong dari tahun 2008 sehingga 2013.

Y.A.B. Ketua Menteri:

8. Kos penyelenggaraan untuk kerja-kerja memotong rumput, membersihkan sampah dan pemangkasan pokok yang telah dibelanjakan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) untuk Kolam Takungan Sungai Dondang di Paya Terubong dari tahun 2008 sehingga 2013 adalah seperti:

   Kos Penyelenggaraan Kolam Takungan Sungai Dondang dari tahun 2008-2013 dengan menggunakan Peruntukan Mengurus Negeri Pulau Pinang adalah seperti berikut:-

No	TAHUN	Kos (RM)
1	2008	57,600.00
2	2009	59,442.00
3	2010	13,120.00
4	2011	40,935.00
5	2012	57,130.00
6	2013	51,000.00
	JUMLAH	**279,227.00**

Ahli Kawasan Paya Terubong (YB. Yeoh Soon Hin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

9. Adakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang mempunyai cadangan untuk memperluakan zon tiada kereta di Beach Street setiap hari Ahad memandangkan sambutan yang baik dan juga terdapat aduan bahawa zon tiada kereta tidak cukup panjang dan luas? Bolehkah zon tiada kereta ini diperluaskan ke seluruh zon warisan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

9. Kerajaan Negeri sememangnya mempunyai cadangan dan perancangan untuk memperluaskan kawasan sedia ada dan juga di lain-lain kawasan dalam Zon Warisan secara berperingkat. Walau bagaimanapun, kajian terperinci perlu dijalankan oleh MPPP terlebih dahulu dari semua aspek termasuk kesan kepada sektor perniagaan, keselesaan pengguna jalan raya seperti laluan bas, teksi dan kereta.

Ahli Kawasan Paya Terubong (YB. Yeoh Soon Hin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

10. Adakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang mempunyai pelan untuk mengubah atau membatalkan sekatan pembangunan di tanah yang melebihi 250 kaki memandangkan tanah yang boleh dibangun di Negeri Pulau Pinang semakin kurang?

Y.A.B. Ketua Menteri:

10. Buat masa sekarang, Kerajaan Negeri tidak berhasrat untuk mengubah atau membatalkan sekatan pembangunan di tanah yang melebihi 250 kaki seperti yang dinyatakan di dalam Dasar DK3 Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang 2020 mengenai pemotongan tanah bukit.

    Jabatan Alam Sekitar berpandangan dasar ini perlu dikekalkan memandangkan di bawah Pelan Strategik Guna Tanah RSNPP2020, kawasan bukit melebihi 250 kaki dikategorikan kawasan sensitif alam sekitar dan perlu dikekalkan dan dipelihara.

Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri melalui Dasar DSU7 Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang (RSNPP) menggalakkan pembangunan sehingga tahun 2020 pada kawasan pembangunan sedia ada dan kawasan pembangunan baru secara *infill*. Kerajaan Negeri juga membenarkan tebusguna tanah sebagai alternatif penyediaan kawasan pembangunan baru yang dihadkan di kawasan yang telah dikenal pasti dalam RSNPP 2020.

Namun begitu projek pembangunan di atas tanah melebihi kontor 250 kaki boleh diberi pertimbangan berdasarkan 'Garis Panduan Projek Istimewa Yang Dikenal Pasti Di Dalam Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang 2020' yang diluluskan di Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri Pulau Pinang Bil.4/2009 bertarikh 21 & 26/5/2009. Projek istimewa yang dinyatakan dalam Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang 2020 di bawah perkara DK3 L4 ditaksirkan mengikut 3 kategori pembangunan iaitu:-

(a) Projek-projek infrastruktur utama berkepentingan Kerajaan, untuk kegunaan awam yang melibatkan pembangunan di tanah tinggi yang melebihi 76 meter (250 kaki) dan / atau tanah yang melebihi cerun 25° dan / atau melibatkan tanah – tanah yang diwartakan di bawah Akta Pemeliharaan Tanah 1960 (yang dikenali juga sebagai Warta Tanah Bukit).

(b) Projek-projek istimewa yang dimaksudkan adalah meliputi :

(i) Projek kereta kabel
(ii) Projek keretapi bukit
(iii) Pembinaan jalanraya–jalanraya atau laluan utama yang penting
(iv) Pembinaan empangan / jambatan gantung
(v) Jambatan / jejantas / jambatan gantung
(vi) *Helipad*; dan
(vii) Apa-apa projek infrastruktur lain berkepentingan Kerajaan dan untuk kegunaan awam yang tidak dapat dielakkan untuk tidak dibina di kawasan yang dimaksudkan.

Ahli Kawasan Paya Terubong (YB. Yeoh Soon Hin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

11. Adakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang bercadang supaya peruntukan pembangunan kepada setiap ADUN diagihkan mengikut keluasan KADUN dan juga populasi pengundi demi prinsip keadilan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

11. Kerajaan Negeri tidak bercadang untuk mengagihkan peruntukan ADUN berasaskan bilangan pengundi, keluasan, pentadbiran dan perbandaran.

Peruntukan KADUN yang disediakan oleh Kerajaan Negeri kepada ADUN Kerajaan adalah bagi tujuan pembiayaan pelaksanaan projek-projek kecil dan segera dalam sesuatu KADUN sahaja. Di samping peruntukan KADUN, Kerajaan Negeri juga menyediakan peruntukan cara langsung kepada jabatan-jabatan untuk pelaksanaan projek-projek pembangunan yang dirancang. Terdapat berbagai-bagai jenis projek dengan sifat yang berbeza-beza seperti projek pertanian, industri, pelancongan, sosial, infrastruktur dan lain-lain yang merentasi persempadanan KADUN yang diperlukan untuk memperolehi faedah dan mencapai objektif-objektif pembangunan yang dikehendaki oleh Negeri. Kerajaan Negeri juga membuat perancangan yang teratur dengan penggunaan sumber-sumber yang terhad bagi memaksimumkan pencapaian objektif pembangunan di samping menilai kejayaan dan keberkesanan sesuatu projek kepada rakyat. Kerajaan Negeri juga telah bersetuju untuk memberi peruntukan KADUN kepada ADUN pembangkang tetapi telah ditolak.

Ahli Kawasan Paya Terubong (YB. Yeoh Soon Hin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

12. Adakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang bercadang untuk menetapkan suatu polisi supaya ADUN kawasan dirujuk oleh Pihak Berkuasa Tempatan dalam setiap pelan merancang supaya ulasan dan pendapat ADUN diambil kira demi mengelakkan kepentingan pemaju yang mungkin menjejaskan kepentingan awam penduduk tempatan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

12. Polisi merujuk kepada pandangan/ulasan ADUN telah diputuskan oleh Jawatankuasa Perancang Negeri pada 30 Ogos 2011 sekadar untuk mendapatkan pandangan/ulasan sebagai makluman sahaja. Ini adalah kerana keputusan OSC di PBT dan Jawatankuasa Perancang Negeri adalah muktamad. Kelulusan sesuatu cadangan kemajuan adalah terletak kepada Jawatankuasa OSC yang terdapat di PBT dengan mematuhi ketetapan Akta Perancang Bandar dan Desa (Akta 172).

Ahli Kawasan Paya Terubong (YB. Yeoh Soon Hin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

13. Apakah keseimbangan yang dicadangkan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam masalah kenaikan harga hartanah di Negeri Pulau Pinang akibat kemasukan modal warga asing dalam bidang hartanah dan usaha menarik warga asing untuk menduduki di Negeri Pulau Pinang?

Y.A.B. Ketua Menteri:

13. Negeri Pulau Pinang merupakan sebuah negeri yang mempunyai keluasan tanah yang terhad untuk pembangunan perumahan. Dengan permintaan tanah yang tinggi ke atas stok tanah yang terhad telah memberikan tekanan kepada peningkatan harga hartanah dan dalam masa yang sama terdapat peningkatan dalam harga bahan binaan yang secara tidak langsung turut menyumbang kepada peningkatan harga hartanah yang dimajukan. Di samping itu, kemasukan pembeli-pembeli asing ke atas hartanah di Pulau Pinang juga telah mendorong kepada peningkatan harga. Oleh yang demikian, sebagai langkah kawalan dan memberi lebih peluang kepada pembeli-pembeli tempatan, Kerajaan Negeri telah mengenakan sekatan ke atas pembeli-pembeli asing dengan mengenakan kawalan ke atas harga pembelian. Berdasarkan kepada garis panduan kawalan harga minima, pembeli asing hanya boleh membeli hartanah seperti berikut:-

    (a) Harga kawalan minima di paras RM1.0 juta bagi hartanah strata di kawasan Pulau dan Seberang Perai.

    (b) Harga kawalan minima di paras RM1.0 juta bagi hartanah landed di kawasan Seberang Perai dan RM2.0 juta bagi kawasan Pulau.

    Dalam usaha menarik warga asing untuk menduduki dan membeli hartanah di Pulau Pinang, Kerajaan Negeri telah menerima pakai satu program yang diperkenalkan oleh Kerajaan Pusat iaitu program Malaysia *My Second Home* (MM2H). Melalui program ini, harga kawalan minima hartanah ialah RM500,000.00 seunit. Walau bagaimanapun, di bawah program ini terdapat beberapa syarat lain yang perlu dipatuhi seperti tempoh minima bermastautin dan jumlah deposit minima yang perlu dikekalkan di dalam bank tempatan.

Ahli Kawasan Paya Terubong (YB. Yeoh Soon Hin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

14. Apakah status projek pasar terbengkalai di Paya Terubong dan apakah usaha yang diambil oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri memandangkan pemilik tanah adalah Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri?

Ahli Kawasan Paya Terubong (YB. Yeoh Soon Hin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

14. Untuk makluman Yang Berhormat, Syarikat Bina Nusa Sdn. Bhd. yang telah menandatangani satu perjanjian usaha sama dengan Kerajaan Negeri pada 27 April 1987 dan diperuntukkan Tanah pajakan 99 tahun seluas 41.1 ekar. Komponen yang terdapat dalam pembangunan tersebut ialah :-

(a) 1,560 unit flat kos rendah;
(b) 1,420 unit flat kos sederhana rendah;
(c) Kompleks perdagangan 3 tingkat – 16 unit dan 18 unit kilang;
(d) Pusat komuniti dan sukan; dan
(e) Sebuah pasar awam

Pasar awam tersebut terletak di atas Lot 8826, Mukim 13, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang yang telah diberi milik kepada Perbadanan Setiausaha Kerajaan Pulau Pinang (SSI) pada 13 Jun 1987 dengan keluasan 6,291 meter persegi. Pasar tersebut hendaklah diserahkan kepada Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP). Walau bagaimanapun setelah pasar awam di Paya Terubong di siapkan 60% ianya terbengkalai di sebabkan Syarikat Bina Nusa Sdn Bhd digulung pada 17 Mei 2010.

Antara usaha yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri ialah memutuskan supaya tapak bagi pembinaan pasar awam di atas Lot 8826, Mukim 13, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang milikan SSI dipindah milik kepada MPPP. Segala urusan berkaitan dengan pembangunan semula bangunan berkenaan yang telah terbengkalai akan dilaksanakan oleh MPPP. SSI telah mengemukakan permohonan untuk tukar syarat nyata dan membatalkan sekatan kepentingan di Lot 8826, Mukim 13, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang pada 24 Ogos 2012. Pihak Berkuasa Negeri di Mesyuarat Majlis Mesyuarat Negeri Pulau Pinang pada 18 Oktober 2013 dan disahkan pada 24 Oktober 2013 telah meluluskan permohonan tersebut. MPPP telah mengadakan panggilan *Request For Proposal* (RFP) untuk cadangan kerja-kerja pemulihan dan menyiapkan Kompleks Pasar dan Penjaja 4 tingkat (juga mengandungi komponen dewan) di atas Lot 8826 MK. 13, DTL sebanyak 2 kali seperti berikut:-

<u>Sesi Pertama:</u>

Tarikh Iklan	:	25 Mei 2012
Penjelasan tapak	:	11 Jun 2012
Tarikh Tutup	:	16 Julai 2012

<u>Sesi Kedua:</u>

Tarikh Iklan	:	30 Julai 2012
Penjelasan tapak	:	13 Ogos 2012
Tarikh Tutup	:	3 September 2012

Tiada penyertaan daripada kontraktor/petender bagi kedua-dua tender RFP.

Pada 19 Oktober 2012, MPPP telah mengemukakan cadangan kepada YB. Chow Kon Yeow supaya pemulihan pasar ini boleh disepadukan dengan baki tanah-tanah Kerajaan Negeri bersebelahan yang masih belum dibangunkan.

Ahli Kawasan Paya Terubong (YB. Yeoh Soon Hin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

15. Sila senaraikan pelan-pelan permohonan merancang yang telah diluluskan di KADUN Paya Terubong pada tahun 2012 dan 2013.

Y.A.B. Ketua Menteri:

15. Sebanyak 8 permohonan kebenaran merancang telah diluluskan di KADUN Paya Terubong dari tahun 2012 hingga kini. Maklumat permohonan kebenaran merancang secara terperinci yang telah diluluskan adalah seperti di lampiran.

* lihat Folder Lampiran (ID 113 Sol. 15 BYSH)

TAHUN	BIL PM	
	LULUS	JUMLAH
2012	5	5
OKT - 2013	3	3
JUMLAH	8	8

Kawasan Paya Terubong (YB. Yeoh Soon Hin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

16. Sila nyatakan usaha yang telah dilakukan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam membangunkan Negeri Pulau Pinang sebagai hub atau pusat sains dan teknologi di Asia Tenggara. Sila nyatakan usaha yang telah dilakukan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam membangunkan Negeri Pulau Pinang sebagai hub atau pusat sains dan teknologi di Asia Tenggara.

Y.A.B. Ketua Menteri:

16. Pelbagai usaha telah dilakukan oleh Kerajaan Negeri melalui *investPenang* dalam membangunkan Pulau Pinang sebagai hub atau pusat sains dan teknologi di Asia Tenggara. Antaranya ialah:-

(a) Menggiatkan sektor pelaburan dan perindustrian

(i) Menggiatkan sektor pelaburan dan perindustrian melalui pelaburan baru dan pelaburan tambahan atau pelaburan semula (re-investment) ke negeri ini dengan mempromosikan industri-industri berteknologi tinggi yang berpotensi seperti Diod Pancaran Cahaya (LED), Fotovoltaik/Suria (Solar), Avionik/Aeroangkasa (Aerospace), Teknologi Maklumat (ICT), Peralaran Perubatan dan Bioteknologi (Medical Devices/Biotechnology), “Shared Services Outsourcing” dan sebagainya.

(ii) Bekerjasama rapat dengan agensi Kerajaan Pusat seperti MIDA, MDEC dan sebagainya dalam mengenal pasti dan menarik bakal-bakal pelabur asing yang terlibat di dalam Teknologi Tinggi serta menawarkan insentif-insentif yang sesuai kepada mereka. Ini termasuk dengan menganjurkan misi-misi promosi sendiri atau menyertai misi-misi promosi anjuran Kerajaan Pusat.

(iii) Menyediakan dan membangunkan kawasan perindustrian baru dan sedia ada seperti Penang Science Park dan Batu Kawan Industrial Park khas untuk pelabur-pelabur yang terlibat di dalam industri teknologi tinggi dan pengeluaran produk yang mempunyai nilai ditambah lebih tinggi. InvestPenang juga bekerjasama dengan Penang Development Corporation (PDC) dalam menawarkan skim harga tanah perindustrian yang kompetitif bagi projek pelaburan yang strategik.

(iv) Mempelbagaikan atau diversify asas ekonomi negeri dengan tidak bergantung sepenuhnya kepada semikonduktor, komputer, perisian dan peranti, dan “Contract Manufacturing” dengan sentiasa berusaha menerokai bidang-bidang

teknologi dan produk yang baru seperti di dalam industri ICT dan bidang-bidang baru yang sedang dipromosikan termasuk peralatan wireless dan komunikasi, peralatan ujian dan pengukuran (test and measurement), peralatan perubatan, aplikasi perisian (software applications) serta perkhidmatan nilai tambah seperti Business Processing Outsourcing (BPO) and Knowledge Processing Outsourcing (KPO). Bidang-bidang ini adalah merupakan industri berasaskan pengetahuan atau *knowledge based industry* yang menuju ke arah teknologi tinggi dan nilai tambah yang tinggi di mana secara langsung dapat membangunkan Pulau Pinang sebagai hub atau pusat sains dan teknologi. Beberapa projek dan lokasi baru telah dikenal pasti untuk dibangunkan dan dipromosikan sebagai Penang BPO hub. Lokasi ini bakal menawarkan kemudahan ruang pejabat (office space) Gred A untuk di sewa di samping menyediakan kemudahan pembangunan pangsapuri dan bangunan komersil bagi menyokong sektor perkhidmatan ini.

(v) Bagi memacu pembangunan perusahaan kecil dan sederhana (EKS) pula, Kerajaan Negeri telah mengenal pasti tiga pendekatan utama iaitu penubuhan Pusat Penasihat Pasaran, Sumber dan Latihan EKS (SME Market Advisory, Resource & Training Centre - SMART) untuk memberikan nasihat kepakaran perundingan, Pusat EKS (SMECentre) yang membantu techno-preneur baru memulakan perniagaan dengan subsidi sewa dan Perkampungan EKS (SME Village) untuk mereka yang perlukan tanah untuk mendirikan kilang khasnya yang terlibat di dalam aktiviti-aktiviti berteknologi tinggi.

(b) Membangunkan modal insan yang berdaya saing dan menepati kehendak pasaran.

(i) Mempromosikan Pulau Pinang sebagai hub pendidikan. Kerajaan Negeri berjaya menarik pelaburan baru daripada institusi pengajian tinggi terkemuka Asian Women Leadership University yang dipimpin oleh universiti wanita terunggul Amerika Syarikat iaitu Smith College di tapak tanah kerajaan seluas 100 ekar di Balik Pulau. Selain itu Kerajaan Negeri juga berjaya menarik dua institusi pengajian tinggi seperti KDU Kolej dan Hull Universiti untuk dibina di Batu Kawan.

(ii) Menubuhkan Majlis Sains Negeri Pulau Pinang (Penang Science Council) yang dipandu sepenuhnya oleh pihak industri khususnya MNC seperti Agilent, Motorola, Mini Circuits, Intel dan B. Braun bagi menjadikan Negeri Pulau Pinang sebagai pusat kecemerlangan kejuruteraan, sains dan teknologi serta menggalakkan generasi muda untuk meminati bidang sains dan teknologi. Antara inisiatif terbaru yang bakal dilaksanakan ialah Projek Penang Tech Centre yang bermatlamat mewujudkan penyertaan rakyat dalam bidang sains dan teknologi serta penglibatan sektor industri dan perusahaan swasta yang telah dirancang semula untuk dibina di Dewan Tunku (Geodesic Dome), KOMTAR.

(iii) Menangani masalah pengangguran dan mengekalkan talent pool' di Pulau Pinang khasnya yang terlibat di dalam aktiviti berpengetahuan tinggi melalui penubuhan Pusat Kerjaya dan Bakat Negeri Pulau Pinang (Pusat CAT Pg) (Penang Career Assistance and Talent (CAT Centre). Misi pusat CAT ialah untuk menjenamakan semula Pulau Pinang sebagai lokasi untuk bekerja dan hidup dengan moto My Penang, *My Workplace* dengan menitikberatkan peluang, ekonomi dan taraf hidup.

(v) Menyokong dan bekerjasama rapat dengan PSDC, Universiti Sains Malaysia dan institusi-institusi pengajaran tinggi awam dan swasta yang lain untuk meningkatkan tahap pembangunan sumber manusia di Pulau Pinang.

(c) Merancakkan sektor pelancongan dan warisan melalui pembangunan Bandar Lestari *Liveable City.*

(i) Merancakkan sektor pelancongan dan warisan yang merupakan sektor ekonomi kedua terpenting Negeri Pulau Pinang selaras dengan pengiktirafan yang diterima oleh Negeri Pulau Pinang iaitu sebagai *Eighth Most Liveable City in Asia* oleh *ECA International* pada tahun 2008-2012 dan paling sesuai diduduki di Malaysia serta 8 *Top Islands in the world You Must Explore Before You Die* oleh *Yahoo Travel.* Antara projek-projek terbaru ialah dengan membina Escape Theme Park di Teouk Bahang.

(ii) Giat menganjurkan acara-acara kebudayaan dan tarikan pelancongan di peringkat tempatan dan antarabangsa, menaik taraf dan melindungi Kawasan Warisan Dunia George Town. Antaranya seperti menganjurkan pelbagai aktiviti-aktiviti kebudayaan dan warisan sempena George Town Festival yang telah diadakan setiap tahun. Ini selaras dengan pengiktirafan George Town sebagai Tapak Warisan Dunia oleh UNESCO.

(iii) Membangunkan pelancongan *Meetings, Incentives, Conventions and Exhibitions* (MICE), melalui penubuhan dua lokasi MICE iaitu *Subterrance Penang International Conference & Exhibition Centre* (sPICE) dan *Penang Waterfront Convention Centre* (PWCC). dan

(iv) Meluaskan perkhidmatan WiFi (Penang Free WiFi) percuma di seluruh negeri dan menyediakan infrastrukur internet berkelajuan tinggi. Setakat ini, lebih daripada 1550 lokasi hotspot telah disediakan di tempat awam.

Ahli Kawasan Paya Terubong (YB. Yeoh Soon Hin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

17. Apakah status *Penang Outer Ring Road* (PORR)? Adakah projek ini akan diteruskan dan oleh pihak mana?

Y.A.B. Ketua Menteri:

17. (a) Bagi pelaksanaan Projek Penang Outer Ring Road (PORR), Kerajaan Negeri sentiasa berusahauntuk mendapatkan kerjasama Kerajaan Persekutuan ke arah merealisasikan projek ini. Peruntukan bagi pelaksanaan projek ini juga telah dipohon melalui RMKe-10 tetapi tidak diluluskan.

(b) Pada ketika ini, Kerajaan Negeri sedang meneliti cadangan untuk menyambungkan jajaran Jalan Pintasan (by-pass) Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu – Air Itam yang akan mula dibina pada tahun 2015 dengan Persiaran Gurney supaya dapat melengkapkan jajaran asal PORR. Walau bagaimanapun, cadangan ini perlu diteliti terlebih dahulu dari pelbagai aspek termasuk pengambilan balik tanah, impak sosial dan impak alam sekitar.

Ahli Kawasan Paya Terubong (YB. Yeoh Soon Hin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

18. Sila nyatakan usaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam mempromosikan durian tempatan ke luar negeri.

Y.A.B. Ketua Menteri:

18. Di antara usaha Kerajaan Negeri bagi mempromosikan durian tempatan ke pasaran luar negara, adalah melalui acara tahunan Penang Durian Festival di Anjung Indah, Balik Pulau. Penganjuran Penang Durian Festival ini mendapat sambutan yang amat menggalakkan dari pengunjung luar terutamanya pengunjung dari Hong Kong. Pesta Durian ini mempamerkan pelbagai jenis durian tempatan dan mendapat sambutan yang amat menggalakkan pada setiap kali penganjurannya. Kunjungan dan pembelian daripada orang ramai ini telah memberikan pendapatan yang lumayan kepada peniaga-peniaga durian di Balik Pulau dan Pulau Pinang khususnya.

Selain daripada itu, bagi meningkatkan kualiti pengeluaran buah durian, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pertanian telah menggalakkan kebun-kebun durian sama ada di Pulau atau Seberang Perai untuk dipersijilkan dengan Sijil Amalan Ladang Baik Malaysia (SALM) atau sekarang dikenali dengan Sijil MyGAP. Dengan adanya persijilan ini, kualiti pengeluaran buah dan cara penanaman adalah lebih terjamin dan diyakini.

Ahli Kawasan Paya Terubong (YB. Yeoh Soon Hin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

19. Adakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang mempunyai rancangan untuk membina sebuah dewan serbaguna di Paya Terubong memandangkan KADUN Paya Terubong tidak mempunyai sebuah dewan serbaguna walaupun merupakan KADUN yang mempunyai populasi paling tinggi di Negeri Pulau Pinang?

Y.A.B. Ketua Menteri:

19. Kerajaan Negeri setakat ini belum mempunyai perancangan untuk membina dewan serbaguna di KADUN Paya Terubong. Walau bagaimanapun, terdapat dua (2) buah dewan di KADUN Paya Terubong yang terletak di bawah pengawasan Pejabat Daerah dan Tanah Timur Laut iaitu seperti berikut:

    (i) Dewan JKKK yang beralamat di Jalan Rambai, Pulau Pinang. Dewan tersebut dibina sekitar tahun 1990-an di atas tanah Kerajaan Negeri. Pengurusan dewan berkenaan telah diserahkan kepada JKKK Paya Terubong.

    (ii) Dewan JKKK yang terlak di atas sebahagian Lot. 8805, Mukim 13, Relau, Paya Terubong yang merupakan tanah milik MPPP. Dewan tersebut dikongsi bersama dan diuruskan oleh JKKK Relau, Sri Relau dan Lebuh Relau.

(IV) Ahli Kawasan Air Itam (YB. Wong Hon Wai) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Apakah perancangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Jabatan Kerja Raya (JKR) dan Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) terhadap masalah trafik yang semakin meningkat dan kesesakan di sepanjang Telok Kumbar ke Bayan Lepas dan bilakah akan dilaksanakan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Kerajaan Pulau Pinang memang mempunyai perancangan dan maklum akan masalah kesesakan trafik di sepanjang laluan Telok Kumbar ke Bayan Lepas. Lantaran itu, JKR Pulau Pinang telah melaksanakan projek melalui peruntukan Kerajaan Persekutuan di bawah RMK-9 iaitu projek menaik taraf kerja-kerja tertinggal untuk menaik taraf laluan Persekutuan 6, dari Bayan Lepas ke Balik Pulau. Pakej 2B, dari Telok Kumbar Pekan Genting yang telah disiapkan pada 15 Mac 2013.

    Bagi RMK-10, Kerajaan Persekutuan telah meluluskan projek naik taraf Jalan Persekutuan FT006 dari Telok Kumbar ke Lapangan Terbang Antarabangsa, Bayan Lepas, Pulau Pinang dan dijangka mula pembinaan pada Januari 2014. Melalui projek tersebut masalah kesesakan trafik di laluan Telok Kumbar, Bayan Lepas dijangka dapat dikurangkan.

    Manakala, MPPP mempunyai perancangan untuk melaksanakan sistem jalan sehala untuk menambah baik aliran lalu lintas di Jalan Telok Kumbar ke Bayan Lepas. Perancangan ini melibatkan pelaksanaan lingkaran sistem jalan sehala yang melibatkan Jalan Kampung Bukit, sebahagian Jalan Dato' Ismail Hashim dan sebahagian Jalan Bayan Lepas. Sistem jalan sehala ini akan dilaksanakan pada tahun 2014 selepas jambatan yang menghubungkan Jalan Kampung Bukit ke Jalan Dato' Ismail Hashim disiapkan oleh pemaju perumahan yang telah disyaratkan membina jambatan tersebut.

Ahli Kawasan Air Itam (YB. Wong Hon Wai) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

2. (a) Berapakah jumlah duti hiburan yang dikutip oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi tiga (3) tahun kebelakangan ini? Sila senaraikan mengikut kategori hiburan.

(b) Bagaimana kutipan duti hiburan ini digunakan untuk menggalakkan aktiviti kesenian, kebudayaan dan hiburan dalam Negeri Pulau Pinang. Sila huraikan dengan angka-angka peruntukan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

2. (a) Jumlah duti hiburan yang dikutip oleh Kerajaan Negeri bagi tiga (3) tahun kebelakangan iaitu bagi tahun 2010 sehingga 2012 dan untuk tahun semasa (Oktober 2013) adalah seperti berikut:

TAHUN	JUMLAH (RM)
2010	RM10,077,018.16
2011	RM11,277,876.46
2012	RM11,796,806.07
2013 (sehingga Oktober)	RM9,663,751.00

Hampir 90% daripada hasil duti hiburan adalah daripada kutipan tiket pawagam.

(b) Kutipan duti hiburan adalah sebagai sumber hasil negeri dan diperakaunkan dalam Akaun Hasil Negeri Disatukan. Pembiayaan bagi menggalakkan aktiviti kesenian, kebudayaan dan hiburan dalam Negeri Pulau Pinang adalah ditentukan dalam proses bajet tahunan dan diperuntukkan di bawah Jawatankuasa MMK berkaitan. Peruntukan yang telah diluluskan bagi tahun 2010 sehingga 2013 bagi pembiayaan aktiviti kesenian, kebudayaan dan hiburan adalah seperti berikut:

TAHUN	KESENIAN KEBUDAYAAN DAN HIBURAN	PERUNTUKAN YANG DILULUSKAN (RM)
2010	430,000.00	435,000.00
2011	430,000.00	735,000.00
2012	600,000.00	735,000.00
2013	600,000.00	735,000.00

Ahli Kawasan Air Itam (YB. Wong Hon Wai) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

3. (a) Apakah perancangan telekomunikasi Next Generation Network (NGN) Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC)?

(b) Berapakah wang yang diperuntukkan untuk NGN dan apakah Return On Investment bagi projek NGN ini?

Y.A.B. Ketua Menteri:

3. (a) Penang Next Generation Network (Penang NGN) merupakan projek penyediaan rangkaian telekomunikasi berdasarkan teknologi kabel gentian optik (fibre optics). Melalui projek ini, PDC Telecommunication Services Sdn. Bhd. (PDC Telco) akan membina rangkaian kabel gentian optik berdasarkan Sistem Perparitan Bersepadu untuk menyediakan satu rangkaian yang neutral dan dapat diakses secara saksama oleh semua operator penyedia perkhidmatan telekomunikasi. Penang NGN merangkumi 5 komponen induk iaitu:-

(i) Rangkaian Common Duct berdasarkan Sistem Perparitan Bersepadu
(ii) Rangkaian Dark Fibre untuk disewa kepada semua operator
(iii) Penjanaan band width untuk semua operator
(iv) Fiber-To-The-Home (FTTH) dan Fiber-To-The-Building; dan
(v) Pangkalan Data Dinamik bagi mengesan rangkaian kabel gentian optik yang ditanam di bawah tanah

Rangkaian Penang NGN dianggarkan sepanjang 160 km di bahagian Pulau dan 500 km di Seberang Perai. Sasaran bagi FTTH dianggarkan sebanyak 150,000 sambungan dalam tempoh 5 tahun dari tarikh siap Projek Penang NGN. Setakat ini, PDC Telco telah menyiapkan pelan induk bagi model perniagaan dan pelan tindakan teknikal, pelan utiliti bawah tanah, piawaian teknikal bertaraf antarabangsa, sistem daftar bahan / komponen serta menjalinkan kerjasama erat dengan syarikat-syarikat pakar dari Jepun, Korea, Amerika Syarikat dan Eropah.

(b) Anggaran kos pelaksanaan projek adalah RM60 juta untuk tempoh 3 tahun dengan nisbah perbelanjaan adalah dianggarkan 65 peratus bagi perbelanjaan modal, 25 peratus bagi perbelanjaan operasi dan 10% untuk pembangunan dan penyelidikan serta penyelenggaraan. Kerajaan Negeri serta PDC Premier Holdings Sdn. Bhd. tidak akan memperuntukkan dana bagi projek ini, sebaliknya, pihak PDC Telco kini sedang berusaha untuk mendapatkan suntikan dana daripada pihak swasta termasuk pemegang syer minoriti dalam syarikat. Dana untuk pelaksanaan projek dijangka akan dapat diperoleh dalam suku pertama tahun 2014.

Ahli Kawasan Air Itam (YB. Wong Hon Wai) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

4. (a) Apakah perancangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk menaik taraf Dewan Sri Pinang sebagai satu pusat aktiviti kesenian dan kebudayaan di Negeri Pulau Pinang.

(b) Senaraikan nama dan jawatan dalam jawatankuasa yang menguruskan Dewan Sri Pinang dan jawatankuasa naik taraf tersebut.

Y.A.B. Ketua Menteri:

4. (a) Pentadbiran Kerajaan Negeri telah melaksanakan kerja-kerja menaik taraf Dewan Sri Pinang bagi menggantikan bahagian-bahagian yang rosak atau yang memerlukan penambahbaikan sahaja. Terdapat tiga (3) projek menaik taraf yang sedang dilaksanakan oleh pihak JKR di Dewan Sri Pinang iaitu:

(i) Menaik taraf stor bahagian atas bangunan Dewan Sri Pinang di Jalan Tun Syed Barakhbah, George Town sebagai stor simpanan barang-barang Tuan Yang Terutama Yang Di Pertua Negeri Pulau Pinang;

(ii) Kerja-kerja mengubah suai pejabat Dewan Sri Pinang di Lebuh Light;

(iii) Kerja-kerja menaik taraf 3 tandas lelaki di Dewan Sri Pinang; dan

(iv) Kerja-kerja mengecat keseluruhan pagar di Dewan Sri Pinang.

Manakala kerja-kerja ubah suai utama termasuk cadangan menaik taraf Dewan Sri Pinang masih lagi dalam perancangan kerana melibatkan kerja-kerja pembinaan bahagian dalaman dewan dan sistem audio.

(b) Pengurusan Dewan Sri Pinang adalah di bawah tanggungjawab Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri dan bagi melaksanakan kerja-kerja menaik taraf dilakukan dengan bantuan JKR.

Ahli Kawasan Air Itam (YB. Wong Hon Wai) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

5. (a) Sila nyatakan jumlah anggota di bahagian Perusuhjaya Bangunan (COB) Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) masing-masing dan kategori jawatan mereka?

(b) Berapakah bilangan bangunan tinggi yang terletak di bawah kawal seliaan COB MPPP dan MPSP masing-masing?

Y.A.B. Ketua Menteri:

5. (a) Bilangan kakitangan yang terdapat di Jabatan Pesuruhjaya Bangunan, Majlis Perbandaran Pulau Pinang setakat 1 November 2013 adalah seramai sepuluh (10) orang dengan perjawatan seperti berikut:-

Bil	Jawatan	Bilangan
(1)	Pengarah Pesuruhjaya Bangunan Gred W44	1
(2)	Penolong Pegawai Penilaian Gred W27 (Tetap)	1
(3)	Penolong Pegawai Penilaian Gred W27(Sambilan)	1
(4)	Penolong Akauntan Gred W27 (Tetap)	1
(5)	Penolong Pegawai Tadbir Gred N27(Tetap)	1
(6)	Pembantu Tadbir Kanan Gred N22 (Tetap)	1
(7)	Pembantu Penilaian Kanan Gred W22 (Tetap)	1
(8)	Pembantu Tadbir P/O Gred N17(Tetap)	1
(9)	Penghantar Notis Gred N3 (Tetap)	1
(10)	Pembantu Am Pejabat Gred N1 (Tetap)	1

Manakala bilangan kakitangan di Jabatan Pesuruhjaya Bangunan, MPSP adalah seramai 11 orang seperti berikut:

(1)	1 orang Pengarah Gred W44 (Tetap)
(2)	2 orang Penolong Pegawai Penilaian Gred W27 (1 tetap & 1 kontrak)
(3)	1 orang Penolong Pegawai Tadbir Gred N27 (Tetap)
(4)	1 orang Penolong Akauntan Gred W27 (Tetap)
(5)	2 orang Pembantu Penilaian Gred W17 (Kontrak)
(6)	3 orang Pembantu Tadbir Gred N17 (1 Tetap & 2 Sambilan)
(7)	1 orang Pembantu Am Pejabat Gred N1 (Tetap)

(b) Bilangan skim pemajuan yang terdapat di bawah seliaan Jabatan Pesuruhjaya Bangunan, Majlis Perbandaran Pulau Pinang sehingga 30 Jun 2013 adalah seperti berikut:-

DAERAH	BIL. SKIM PEMAJUAN	BIL. PETAK
TIMUR LAUT	866	138,944
BARAT DAYA	301	33,552
JUMLAH	1167	172,496

Jumlah kawasan pemajuan berstrata di bawah seliaan Jabatan Pesuruhjaya Bangunan, MPSP adalah seperti berikut:

JENIS KAWASAN PEMAJU	BILANGAN KAWASAN PEMAJUAN	BILANGAN PETAK STRATA BERTINGKAT
Petak Strata Bertingkat	908	58,949
Strata Landed	13	1074
Jumlah Keseluruhan	921	60,023

Ahli Kawasan Air Itam (YB. Wong Hon Wai) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

6. (a) Apakah maklum balas terkini berkenaan teguran dalam Laporan Ketua Audit Negara bagi Negeri Pulau Pinang tahun 2010 (ms 55) bahawa Jabatan Kerja Raya (JKR) perlu menyediakan rekod penyenggaraan jalan raya?

(b) Senaraikan rekod penyelenggaraan jalan dari segi kekerapan dan kos penyelenggaraan bagi Lorong Batu Lancang, Jalan Paya Terubong, Jalan Pasar dan Jalan Air Itam.

Y.A.B. Ketua Menteri:

6. (a) Sistem MARRIS digunakan bagi tujuan merekodkan data-data jalan raya di seluruh negeri merangkumi Jalan Raya Negeri, Jalan Raya Perbandaran, Jalan Kawasan Perumahan Murah, Lorong Belakang dan Jalan Pertanian. Selaras dengan teguran dalam Laporan Ketua Audit Negara, JKR telah pun mengemaskini rekod penyelenggaraan jalan raya. Semua jalan-jalan baru perlu di daftarkan dalam sistem MARRIS bagi memastikan Kerajaan Negeri memperolehi geran penyenggaraan jalan daripada Kerajaan Persekutuan setiap tahun.

(b) Rekod penyelenggaraan jalan dari segi kekerapan dan kos penyelenggaraan Lorong Batu Lancang, Jalan Paya Terubong, Jalan Pasar dan Jalan Air Itam adalah seperti di bawah:-

Bil	Lokasi	Agensi	Tahun	Kos Penyenggaraan (RM)
1	Lorong Batu Lacang	MPPP	2011	343,303.00
			2012	10,000.00
			2013	3,550,762.50
2	Jalan Paya Terubong	JKR	2011	535,000.00
			2012	125,577.53
			2013	515,858.49
3	Jalan Pasar	JKR	2011	tiada
			2012	tiada
			2013	200,000.00
4	Jalan Air Itam	JKR	2011	535,000.00
			2012	tiada
			2013	20,000.00

Ahli Kawasan Air Itam (YB. Wong Hon Wai) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

7. *Mural Little Children On A Bicycle* memenangi lima belas (15) mural paling popular di seluruh dunia oleh Akhbar British The Guardian, tetapi timbul banyak juga graffiti di dinding-dinding bangunan lama di bandar George Town.

(a) Apakah mekanisme kawalan terhadap graffiti sedemikian?

(b) Berapakah permohonan yang telah diluluskan dan ditolak? Senaraikan alasan penolakan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

7. (a) Setiap cadangan lukisan dinding hendaklah dikemukakan kepada MPPP terlebih dahulu melalui permohonan permit lukisan dinding untuk pertimbangan dan kelulusan sebelum ia hendak dilaksanakan. Sekiranya tiada kebenaran, pihak MPPP akan mengeluarkan surat/notis kepada pemilik bangunan mengkehendaki supaya lukisan tersebut dipadamkan/dibersihkan.

(b) MPPP pernah meluluskan lukisan mural sempena George Town Festival dan pernah menerima 2 permohonan lukisan mural oleh pihak persendirian yang diberi kelulusan. Sehingga kini tiada permohonan ditolak. Permohonan akan ditolak sekiranya tidak mematuhi penggunaan bahan, memaparkan imej yang tidak sesuai, tidak mendapat kebenaran pemilik bangunan dan lokasi yang tidak sesuai.

Ahli Kawasan Air Itam (YB. Wong Hon Wai) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

8. Sila berikan butiran pindah milik hartanah kepada warga negara asing di seluruh Negeri Pulau Pinang bagi tahun 2012 dan 2013. Nyatakan:

(a) Jumlah pindah milik dan nilai setiap pindah milik mengikut daerah.

(b) Statistik negara asal warga negara asing.

Y.A.B. Ketua Menteri:

8. (a) Jumlah transaksi hartanah kepada warga asing abagi tahun 2012 dan 2013 adalah seperti berikut :

DAERAH	TAHUN 2012	TAHUN 2013
Daerah Timur Laut	692	437
Daerah Barat Daya	230	94
Seberang Perai Utara	28	6
Seberang Perai Tengah	50	19
Seberang Perai Selatan	10	5
Jumlah	1010	561

Nilai setiap transaksi hartanah kepada warga asing adalah seperti di Lampiran A'.

(b) Statistik negara asal warga asing adalah seperti di Lampiran B

* lihat Folder Lampiran (ID 142 Sol. 8 BWHW)

Ahli Kawasan Air Itam (YB. Wong Hon Wai) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

9. Sila berikan butiran pindah milik hartanah kepada orang asing di kawasan *core zone* dan *buffer zone* kawasan warisan George Town dari 7 Julai 2008 sehingga 2013. Nyatakan

(a) Jumlah pindah milik mengikut tahun, dan

(b) Nombor lot-lot berkenaan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

9. Butiran transaksi hartanah kepada warga asing di kawasan *core zone* dan *buffer zone* kawasan warisan George Town mengikut jumlah transaksi tahunan beserta lot-lot berkenaan adalah seperti di Lampiran A.

* lihat Folder Lampiran (ID 142 Sol. 9 BWHW)

Ahli Kawasan Air Itam (YB. Wong Hon Wai) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

10. Senaraikan semua tapak perkuburan (termasuk columbarium) Cina, Kristian, Hindu dan lain-lain agama bukan Islam mengikut nombor lot dan keluasan masing-masing yang telah:

    (a) Diluluskan pemberimilikan,

    (b) Diluluskan rezoning menjadi kubur sejak tahun 2008 sehingga sekarang.

Y.A.B. Ketua Menteri:

10. (a) Senarai tapak perkuburan yang diluluskan pemberimilikan adalah seperti di Lampiran A.

    (b) Senarai kelulusan *rezoning* dari tahun 2008 sehingga sekarang adalah seperti di Lampiran B.

Lihat folder lampiran (ID 147) (Sol. 10 BWHW)

Ahli Kawasan Air Itam (YB. Wong Hon Wai) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

11. (a) Senaraikan hotspot Penang Free WiFi di KADUN Air Itam yang aktif pada masa kini.

    (b) Apakah kadar penggunaan Penang Free WiFi dan berapakah pengguna aktif yang berdaftar di seluruh Negeri Pulau Pinang?

Y.A.B. Ketua Menteri:

11. (a) Senarai hotspot Penang Free WiFi di KADUN Air Itam yang aktif pada masa kini adalah sepertiberikut:

    (1) Kampung Melayu Food Court 1, (Astaka Kg.Melayu), Air Itam
    (2) Kampung Melayu Food Court 2, (Astaka Kg.Melayu), Air Itam
    (3) Dewan JKKK Kg. Melayu, Jalan Kg. Melayu , Air Itam
    (4) Restoran 1998, 288D Fortune Court, Jalan Thean Teik, Air Itam
    (5) Lenspecs Optical Center, 288A Fortune Court, Jalan Thean Teik, Air Itam
    (6) Kai Sin Store, 288C Fortune Court, Bandar Baru, Air Itam
    (7) Joy Star Café, 288C Jalan Thean Teik, Air Itam
    (8) Perniagaan Joo Yi Siang, 5-01-06 Lintang Kampung Melayu, Air Itam
    (9) Plus Plus café, 288E Fortune Court, Jalan Thean Teik, Air Itam
    (10) Surau Kg Shaik Eusoff, Air Itam
    (11) Restoran Salam, 288 Fortune Court, Jalan Thean Teik, Bandar Baru, Air Itam
    (12) Kedai Runcit Dua Puluh Empat, 1-1-2 Desa Mawar, Lintang Kampung Melayu 2, Air Itam
    (13) 3288 Food Court, 4 Lintang Kampung Melayu 2, Air itam
    (14) FDI Etaly, 24 Limtang Angsana, Bandar Baru Air Itam, Air Itam
    (15) Sunshine Farlim, 294 Jalan Thean Teik, Bandar Baru Ayer Itam, Air Itam
    (16) Restoran Tomyam Dangdut, 11 Gerai Kampung Melayu, Air Itam
    (17) MPPP Market Air Itam 1, Air Itam
    (18) Chinese Methodist Church, Jalan Paya Terubong, Air Itam

(19) Vel Gas Enterprise / Cheong See Gas Flat 4C , Semarak Api Satu, Bandar Baru Farlim, Air Itam
(20) Auto Repair Leader, Air Itam
(21) MPPP Market Air Itam 2, Air Itam
(22) DNS Crystal Car Wash, 256, Mukim 13 Jalan Thean Teak, Air Itam
(23) Perpustakaan Desa FRU, Unit 3 FRU, Jalan Sempadan, Air Itam
(24) Metal Icon Sdn Bhd, Air Itam
(25) CH Choong Heng Metal, Air Itam
(26) Masjid Bandar Baru Air Itam, Air Itam
(27) Kompleks Farlim MPPP Food Court, Air Itam
(28) Kedai kopi Chong San, 7D Lebuh Raya Thean Teik, Air Itam
(29) Top Tailor, 7A Lebuhraya Thean Teik, Farlim, Air Itam

(b) Kadar penggunaan Penang Free WiFi adalah di antara 45 ribu hingga 55 ribu pengguna setiap bulan.

Pengguna aktif yang berdaftar di seluruh Pulau Pinang sehingga 31 Oktober 2013 adalah berjumlah 395,258 pengguna.

Ahli Kawasan Air Itam (YB. Wong Hon Wai) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

12. (a) Apakah pencapaian program dan perancangan baru yang dilaksanakan oleh Botanical Garden sejak pentadbiran baru pada tahun 2012 sehingga kini?

(b) Apakah hasil lawatan dan perkara yang dipelajari oleh delegasi Kerajaan Negeri Pulau Pinang ke Kew Garden, London?

Y.A.B. Ketua Menteri:

12. Program yang dilaksanakan pada tahun 2012 di Botanical Garden adalah seperti berikut:-

(i) Program lawatan kerja Jabatan Taman Botani Pulau Pinang ke Pre Congress Tour dan 5th Global Botanic Gardens Congress di Dunedin Botanic Garden, New Zealand;

(ii) Program lawatan kerja ke Taman Botani Singapura;

(iii) Menerima kunjungan hormat delegasi Bandar Itabashi, Jepun;

(iv) Kem Pendidikan Pulau Pinang dengan mengadakan Program Amal Kebajikan Dan Penanaman Herba-Herba di Sekolah- Sekolah di Daerah Timur Laut ;

(v) Program Pendidikan Alam Sekitar yang menggabungkan agensi-agensi lain seperti Taman Botani Putrajaya, Taman Botani Perdana, Taman Botani Shah Alam dan Jabatan Perhutanan;

(vi) Lawatan Sambil Belajar daripada Universiti Tun Abdul Razak;

(vii) Program Larian Kebajikan daripada NCS Informations Systems Sdn. Bhd;

(viii) Program identifikasi tumbuhan di kawasan Sekolah Menengah Kebangsaan Convent Green Lane;

(ix) Program Lawatan ke Taman Botani daripada sekolah dan institut pendidikan;

(x) Program Bina Insan Guru (Khidmat Masyarakat) daripada Institut Pendidikan Guru Kampus Sultan Abdul Halim;

(xi) Program gotong-royong daripada Syarikat Dell Global Business Centre Sdn. Bhd;

(xii) Menganjurkan program lawatan dan explorace untuk Pusat Pengajian Ilmu Pendidkan USM;

(xiii) Menganjurkan program pembinaan sahsiah untuk Sekolah Menengah Kebangsaan Berapit, Bukit Mertajam; dan

(xiv) Mengadakan pameran tumbuh-tumbuhan di Sekolah Menengah Kebangsaan Telok Kumbar sempena karnival kokurikulum dan keusahawanan kali ke-14.

Pencapaian daripada program yang dilaksanakan sejak pentadbiran baru pada 2012 hingga kini adalah:

(a) berupaya menerapkan konsep mekanisasi penggunaan jentera untuk kegunaan di Taman Botani Pulau Pinang;

(b) menjalankan pembahagian kumpulan kerja secara lebih sistematik dan efisien mengikut pengkhususan di tempat kerja dan perancangan untuk mewujudkan aktiviti lawatan berpandu yang dikendalikan oleh jurupandu terlatih licensed tourist guide;

(c) pertambahan program anjuran agensi kerajaan dan swasta yang dijalankan di dalam kawasan taman iaitu sebanyak 7 program pada tahun 2011,16 program pada tahun 2012 dan 23 program sehingga 31 Oktober 2013 telah dijalankan;

(d) pertambahan bilangan pengunjung pada hari bekerja seramai 1500 – 2300 pengunjung sehari manakala pada hujung minggu seramai lebih daripada 2000 orang pengunjung sehari.

Perancangan baru Jabatan Taman Botani untuk tahun 2014 dan seterusnya adalah seperti berikut:-

(i) Projek menaik taraf Rumah Orkid (Orchidarium) di Taman Botani dan dicadangkan untuk dibuka kepada orang awam;

(ii) Projek menaik taraf rumah pelindung pokok di Taman Botani dan dibuka kepada orang awam;

(iii) Pembinaan tandas awam baru bersebelahan pintu utama (Formal Garden) untuk kemudahan kepada pengunjung dan orang awam; dan

(iv) Pembinaan pentas dan jambatan di Taman Buluh (Bambusetum) untuk cadangan mengadakan pertunjukan muzik seperti gamelan serta menggunakan peralatan berkonsepkan buluh seperti angklung.

Hasil lawatan Kew Garden

Hasil daripada lawatan yang diadakan ke Kew Gardens, London pada 18 hingga 25 Mei 2013 telah dapat mengukuhkan hubungan antara Kerajaan Negeri Pulau Pinang dengan pihak yang menguruskan taman-taman di London iaitu The Regent Park, RHS Garden Wisley, Royal Botanic Garden Kew, RHS Chelsea Flower Show, Wakehurst Place dan Savill Garden. Hasil yang dimaksudkan adalah:-

(i) Peluang yang di tawarkan kepada pengurusan Taman Botani Pulau Pinang untuk meningkatkan kemahiran dan kepakaran dalam pengurusan taman melalui latihan yang ditawarkan oleh RHS Garden Wisley seperti berikut:

(a) Wisley Diploma in Practical Horticulture (WDPH) selama 2 tahun di Garden Wisley

(b) Specialist Option Certificate (SOC) selama setahun di Garden Wisley

(c) Certificate in Practical Horticulture (CPH) selama setahun di Garden Wisley

(d) Certificate in Practical Horticulture (CPH) selama setahun di Garden Hyde Hall

(e) Certificate in Practical Horticulture (CPH) selama setahun di Garden Rosemoor

(f) Master of Horticulture selama 3 tahun di Garden Wisley

(ii) Nasihat pengurusan dan pembangunan taman boleh diwujudkan melalui perjanjian MOU di antara Kerajaan Negeri Pulau Pinang dengan taman-taman yang dilawati. Lawatan ke RHS Chelsea Flower Show pula dapat menjana idea bagi merancang untuk menjayakan 'Horticultural Shows' ke peringkat antarabangsa pada tahun 2014 di Jabatan Taman Botani Pulau Pinang. Selain itu, ia juga dapat mewujudkan kerjasama di antara Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan Royal Botanic Gardens, Kew dalam usaha untuk menjadikan Taman Botani Pulau Pinang sebagai destinasi pelancongan antarabangsa. Pengamatan dan pemerhatian secara langsung di taman-taman yang dilawati membekalkan maklumat mengenai pengurusan sesebuah taman, penyelenggaraan taman, pemuliharaaan flora dan fauna, pengurusan nurseri, pengurusan sumber manusia, pengurusan latihan dan lain-lain.

(iii) Di antara penemuan-penemuan yang diperolehi dan dipelajari bagi mengadaptasi taman botani adalah seperti berikut:

(a) Pengwujudan infrastruktur nurseri yang lengkap penting dalam sesebuah taman botani.

(b) Papan tanda maklumat yang lengkap, tepat dan menarik memberi implikasi yang besar kepada pengunjung serta meningkatkan imej pengurusan taman botani.

(c) Kemudahan-kemudahan lengkap dalam taman seperti tempat rehat perlu di perbanyakkan dalam usaha menarik pengunjung ke taman botani.

(d) Aktiviti pendidikan alam sekitar perlu dipelbagaikan dalam usaha memberi maklumat kepada pengunjung terutama kanak-kanak untuk menghargai alam semulajadi.

e) Kepakaran seperti botanist, taxonomist, arborist, saintis, akitek landskap dan *ecologist* perlu diwujudkan bagi menentukan hala tuju Jabatan Taman Botan tercapai mengikut standard taman botani di London.

(f) Mewujudkan 'seed bank' di Jabatan Taman Botani bagi mengumpul biji benih tumbuhan supaya melestarikan tumbuhan serta mengelak kepupusan seperti yang dilakukan oleh Seed Bank di Wakehurst Garden.

(g) Satu teknologi rumah Alpine dan Glasshouse bagi penyimpanan pokok pertama di Malaysia yang menempatkan beberapa iklim tanaman yang berbeza.

Ahli Kawasan Air Itam (YB. Wong Hon Wai) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

13. Sila berikan pecahan jumlah buku mengikut bahasa iaitu Bahasa Melayu, Inggeris, Cina dan Tamil yang ditambah dalam inventori buku Perpustakaan Negeri Pulau Pinang bagi tahun 2012 dan 2013 berdasarkan

(a) Perolehan melalui peruntukan Kerajaan Persekutuan.

(b) Perolehan melalui peruntukan Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

(c) Dermaan daripada orang ramai.

Y.A.B. Ketua Menteri:

13. Perolehan koleksi Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang bagi tahun 2012 dan 2013 adalah menggunakan peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan sahaja dan tiada peruntukan Kerajaan Negeri yang digunakan bagi tujuan tersebut. Jumlah peruntukan yang diterima pada tahun 2012 adalah sebanyak RM2,320,000.00 dan RM2,000,000.00 pada tahun 2013. Perolehan telah dilakukan melalui e-Perolehan Kerajaan Negeri.

Pecahan jumlah buku mengikut bahasa bagi tahun 2012 dan 2013:-

JENIS BUKU	TAHUN 2012	TAHUN 2013
Bahasa Melayu	47476	31357
Bahasa Inggeris	19134	18395
Bahasa Cina	5821	4428
Bahasa Tamil	4940	2640
Jumlah (Naskah)	77371	56820

Manakala jumlah buku yang didermakan kepada Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang untuk tahun 2012 dan 2013 adalah seperti berikut;-

JENIS BUKU	TAHUN 2012	TAHUN 2013
Bahasa Melayu	1699	502
Bahasa Inggeris	358	1125
Bahasa Cina	696	1219
Bahasa Tamil	15	3
Jumlah (Naskah)	2768	2849

Ahli Kawasan Air Itam (YB. Wong Hon Wai) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

14. Senaraikan semua kes sivil, jenis kes dan kuantum yang terlibat sejak tahun 2008 di mana Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan agensi-agensi Kerajaan Negeri Pulau Pinang disaman dan diputuskan oleh Mahkamah untuk membayar pampasan atau kos kepada pihak yang menyaman. Jika terdapat rayuan dan berapa pembayaran dibuat mengikut setiap kes.

Y.A.B. Ketua Menteri:

14. Senarai semua kes sivil, jenis kes dan kuantum yang terlibat sejak tahun 2008 di mana Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan agensi-agensi Kerajaan Negeri Pulau Pinang disaman dan diputuskan oleh Mahkamah untuk membayar pampasan atau kos kepada pihak yang menyaman adalah seperti

Senarai kes sivil, jenis kes dan kuantum yang terlibat sejak tahun 2008 hingga 2013
Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan Agensi Kerajaan Negeri Pulau Pinang
Disaman dan Diputuskan oleh Mahkamah Membayar Pampasan

Bil.	Tajuk Kes / No. Saman	Tahun	Agensi	Jenis Kes	Pampasan Dibayar	Kos Perbicaraan Ditanggung	Kos Rayuan Ditanggung
1	Mahkamah Sesyen George Town Saman No: 53-271-2008 Victor Paul a/l Augustine Ganakumar dan 1. Mohamed Johari bin Abdul Karim 2. Majlis Perbandaran Pulau Pinang 3. Kerajaan Malaysia	2008	MPPP	Sivil	RM 1,000.00	-	-
2	Mahkamah Tinggi Pulau Pinang Rayuan No: 12B-699-10 [Mahkamah Sesyen Guaman Sivil No: 53-411-2009] Antara Tan Sai San Sai (mendakwa sebagai isteri yang menakat dan orang tanggungan kepada Kong Yuen Hoong, simati) dan 1. Sivasubramaniam a/l Perumal 2. MPPP	2009	MPPP	Sivil	RM 160,646.14	RM 8,952.00	-
3	Mahkamah Sesyen George Town Saman No: 53-3030-2009 Hasmadi bin Ahmad dan 1. Majlis Perbandaran Pulau Pinang 2. Azanan bin Ahamad	2009	MPPP	Sivil	RM 6,000.00	RM 600.00	-
4	Mahkamah Sesyen George Town Saman No: 73-521-2009 Saiful Rizal bin Abdul Manaf dan 1. Md. Yusoff bin Omar 2. Majlis Perbandaran Pulau Pinang	2009	MPPP	Sivil	RM 33,479.35	RM 9,905.00	-
5	Mahkamah Sesyen George Town Saman No: 53-826-2009 Sinta Madar bin Shahul Hamid, mendakwa sebagai benefisiari dan bapa yang sah kpd Hamdun Taha bin Sinta Madar, simati dan 1. Rahmat bin Tekor 2. Majlis Perbandaran Pulau Pinang	2009	MPPP	Sivil	RM 33,436.44	RM 3,343.64	-
6	Mahkamah Sesyen George Town Saman No: 53-261-2010 Arumugam a/l Govindasamy dan 1. Majlis Perbandaran Pulau Pinang 2. Nor Efendi bin Halip	2010	MPPP	Sivil	RM 70,000.00	RM 7,000.00	-
7	Mahkamah Sesyen George Town Saman No: 53-642-2011 Pau Chooi Cheng -lwn- 1. Mohamed Amin bin Ahmadsha 2. Majlis Perbandaran Pulau Pinang	2011	MPPP	Sivil	RM 30,000.00	RM 3,000.00	-
8	Mahkamah Sesyen George Town Saman No: 73-621-11/2012 Hoe Jit Peng lwn 1. Majlis Perbandaran Pulau Pinang 2. Jamaludin bin Abu Yamin	2012	MPPP	Sivil	RM 14,000.00	RM 1,400.00	-
9	Mahkamah Sesyen George Town Saman No: 53-852-10/2012 Tan Hak Wey -lwn- Majlis Perbandaran Pulau Pinang	2012	MPPP	Sivil	RM 55,000.00	-	-

Bil.	Tajuk Kes / No. Saman	Tahun	Agensi	Jenis Kes	Pampasan Dibayar	Kos Perbicaraan Ditanggung	Kos Rayuan Ditanggung
10	Mahkamah Tinggi Pulau Pinang Guaman No: 22NCVC-8-01/2013 1. Boustead Holdings Berhad 2. Boustead Weld Quay Sdn. Bhd. -lwn- 1. Kerajaan Negeri Pulau Pinang 2. Majlis Perbandaran Pulau Pinang	2013	MPPP	Sivil	RM 20,804,857.27	-	-
11	Mahkamah Tinggi Pulau Pinang Guaman Sivil No.: 22-36-2010 Warisan Naning Sdn. Bhd. (Plaintif) Lawan Majlis Perbandaran Seberang Perai (Defendan)	2010	MPSP	Sivil	RM 200,000.00	-	-
12	MTPP Usul Pemula: 25-73-2009 Batu Tiga Quarry Sdn Bhd Lwn Pentadbir Tanah Daerah Seberang Perai Tengah & 1 Lagi	2009	Pejabat Penasihat Undang-Undang	Sivil	RM 1,000,000.00	-	-
13	Tiada laporan kes pada tahun semasa		PDC		-	-	-

Ahli Kawasan Air Itam (YB. Wong Hon Wai) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

15. (a) Berapakah kes penceraian yang didaftarkan di Mahkamah Tinggi Pulau Pinang dan di Mahkamah Syariah Negeri Pulau Pinang bagi tahun 2011, 2012 dan 2013?

(b) Apakah program yang dijalankan oleh Jawatankuasa MMK Pembangunan Keluarga terhadap trend penceraian ini?

Y.A.B. Ketua Menteri:

15. (a) Jumlah kes perceraian yang didaftarkan di Mahkamah Tinggi Pulau Pinang bagi pasangan bukan Islam dan jumlah kes perceraian yang didaftarkan di Mahkamah Syariah Pulau Pinang bagi pasangan Islam adalah seperti berikut:

Bilangan Kes Perceraian Yang Didaftarkan Di Mahkamah Tinggi Pulau Pinang dan Di Mahkamah Syariah Negeri Pulau Pinang Bagi Tahun 2011, 2012 dan 2013

BIL	JENIS MAHKAMAH	JUMLAH KES PERCERAIAN		
		2011	2012	2013
1.	Mahkamah Tinggi (pasangan bukan Islam)	1,087	1,303	1,066 (setakat 25 November 2013)
2.	Mahkamah Syariah (pasangan Islam)	3,347	1,351	1,204 (setakat 20 November 2013)
JUMLAH		**4,434**	**2,654**	**2,270**

(b) Untuk menangani masalah perceraian di kalangan pasangan Islam, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP) serta Pejabat-pejabat Agama Daerah telah menjalankan program-program dan tindakan seperti berikut:-

(i) Program Gerak Remaja Tahun 2013;

(ii) Seminar Keluarga Bahagia Peringkat Negeri Pulau Pinang;

(iii) Program Keluarga Bahagia Komuniti;

(iv) Kursus pra perkahwinan yang bermutu;

(v) Prosedur kelulusan perkahwinan yang lebih ketat; dan

(vi) Sesi kaunseling keluarga.

MMK Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti pula telah memberi *out-right grant* kepada Pusat Perkhidmatan Wanita (PPW) sejak tahun 2009 yang dikelolakan oleh *Women Centre for Change* (WCC). PPW yang terletak di Daerah Seberang Perai Tengah telah menyediakan perkhidmatan kepada mereka yang memerlukan tanpa mengira agama atau kaum dan perkhidmatan tersebut termasuklah kaunseling secara bersemuka, kaunseling melalui telefon dan juga melalui *Sistem e-Counselling.* PPW juga menyediakan tempat perlindungan sementara bagi wanita dan kanak-kanak mangsa penderaan dan khidmat nasihat undang-undang.

PWDC juga telah bekerjasama dengan WCC untuk mengadakan seminar dan bengkel pemahaman tentang isu keganasan terhadap wanita, keganasan dalam rumah tangga (domestic violence) dan membina keharmonian hidup berumahtangga. Sepanjang tahun 2012 sehingga akhir Oktober 2013, sekurang-kurangnya 5 program seumpama ini telah pun berjaya dijalankan. Penekanan terhadap pemahaman peranan gender (gender roles) diberikan perhatian penuh dalam program-program tersebut kerana hasil penyelidikan menunjukkan banyak kes-kes perceraian berpunca dari rasa kurang puas hati tentang peranan gender dan ketidaksamaan gender dalam rumahtangga yang kemudiannya menjurus kepada kekerasan atau keganasan terhadap wanita.

Ahli Kawasan Air Itam (YB. Wong Hon Wai) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

16. Apakah program selain daripada program sukan yang dijalankan oleh di bawah MMK Belia dalam membimbing golongan belia dalam pembinaan diri dan negara? Berapakah jumlah peruntukan yang terlibat dalam setiap program tersebut?

Y.A.B. Ketua Menteri:

16. Program selain dari aktiviti sukan di bawah Jawatankuasa MMK Belia dan Sukan dan jumlah peruntukan yang terlibat adalah seperti dibawah:-

Program dan peruntukan Belia di bawah Jawatankuasa MMK Belia dan Sukan 2013

Bil.	PROGRAM	PERUNTUKAN
1	Pertandingan Jemputan Debat Mandarin IPT Antarabangsa 2013	RM50,000.00
2	Youth Creative Public Service Awareness (PSA) Short Film Contest 2013	RM60,000.00
3	Malaysia Slalom Series - 2nd Penang International Freestyle Skating Championship 2013	RM29,702.00
4	Pertandingan Masakan Antarabangsa	RM10,000.00
5	Esplanade Line Dance Jamboree 2013	RM10,000.00
6	Program Amal Persatuan Perlindungan Kanak-Kanak, Kebajikan Binatang-Binatang Peliharaan Dan Pembangunan Belia-Belia Kristian	RM2,000.00
7	Program Malam Berpidato Yang Ke-20	RM5,000.00
8	Program Berbasikal Belia Dari Hong Kong Ke China (Shenzen-Huizhou- Heyuan)	RM10,005.00
9	Bboy War 5	RM3,000.00

Ahli Kawasan Air Itam (YB. Wong Hon Wai) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

17. Apakah persiapan dan program kepada penjawat awam untuk memberikan pendedahan kepada mereka terhadap pelaksanaan Enakmen Kebebasan Maklumat Negeri Pulau Pinang? Sila berikan tarikh mesyuarat/taklimat atau program tersebut.

Y.A.B. Ketua Menteri:

17. (a) Dimaklumkan bahawa Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) telah membuat ketetapan supaya tarikh penguatkuasaan Enakmen Kebebasan Maklumat Bagi Negeri Pulau Pinang (FOI) mulai 1 Julai 2014 (tentatif).

(b) Pada masa ini, dua (2) Subsidiari dan satu (1) Garis Panduan sedang disediakan dan akan diwartakan terlebih dahulu. Selain itu, latihan kepada penjawat awam terutamanya semua Pegawai Maklumat di Jabatan Negeri, Agensi Negeri dan Badan Berkanun Negeri akan diaturkan mulai awal tahun 2014.

Ahli Kawasan Air Itam (YB. Wong Hon Wai) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

18. Apakah program yang dijalankan di bawah Jawatankuasa MMK Perdagangan Dalam Negeri untuk melindungi pengguna dan memberi pendidikan kepada pengguna?

Y.A.B. Ketua Menteri:

18. Program untuk melindungi dan memberi pendidikan kepada pengguna dijalankan di bawah Jawatankuasa MMK Hal Ehwal Pengguna adalah seperti berikut :-

(a) Program Pameran Pengguna dan Santai Anak Muda 2012 pada 18 dan 19 Mei 2012;

(b) Karnival Pengguna Bersama Ustaz Muda Pulau Pinang 2013 pada 24 dan 25 Ogos 2013;

(c) Lawatan Pemantauan Harga dan Kualiti Barangan di Pasar Awam Bagan Ajam pada 19 Januari 2012;

(d) Lawatan Pemantauan Harga dan Kualiti Barangan di Pasar Chowrasta dan TESCO Jelutong pada 22 Februari 2012;

(e) Lawatan Pemantauan Harga dan Kualiti Barangan di Pasar Awam Balik Pulau pada 16 Ogos 2012;

(f) Lawatan Pemantauan Harga dan Kualiti Barangan di Pasar Awam Bayan Baru pada 5 Februari 2013;

(g) Lawatan Pemantauan Harga dan Kualiti Barangan di Pasar Awam Permatang Manggis, Kepala Batas pada 27 Julai 2013; dan

(h) *Roadshow* Kesedaran dan Hak Pengguna bersama-sama pihak Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) di 23 acara perdagangan (trade event) pada tahun 2012 dan 20 acara perdagangan pada tahun 2013.

Ahli Kawasan Air Itam (YB. Wong Hon Wai) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

19. Senaraikan langkah-langkah yang telah diambil untuk mengatasi masalah lalu lintas yang semakin banyak di kawasan Air Itam. Apakah perancangan baru dan jadual pelaksanaan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

19. Kerajaan Negeri melalui Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) telah mengambil langkah-langkah untuk mengurangkan masalah lalu lintas di kawasan Ayer Itam seperti berikut:-

(a) Pelebaran persimpangan Lebuhraya Thean Teik / Lorong Batu Lancang.

(b) Pelebaran Jalan Ayer Itam dari Jalan Kampar ke Jalan Sekolah La Salle.

(c) Pelebaran persimpangan Jalan Ayer Itam / Jalan Masjid Negeri / Jalan Scotland.

(d) Menambah baik perkhidmatan bas awam dengan kerjasama Rapid Penang.

(e) Mengambil tindakan penguatkuasaan ke atas kenderaan-kenderaan yang menghalang / mengganggu aliran lalu lintas.

Kerajaan Negeri juga telah merancang untuk mengatasi masalah trafik di kawasan Air Itam dengan rancangan baru seperti berikut:-

(i) Pembinaan jalan pintas (by-pass) dari Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu ke Ayer Itam. Projek ini dijangka dapat dimulakan pada tahun 2015 dan disiapkan dalam tempoh 4 tahun; dan

(ii) Pelebaran Lorong Batu Lancang dari Lebuhraya Thean Teik ke Jalan Masjid Negeri mula siap.

Pihak Jabatan Kerja Raya Pulau Pinang (JKR PP) telah mengemukakan senarai rancangan bagi menaik taraf jalan di kawasan Air Itam di dalam permohonan untuk Rancangan Malaysia Ke-10 (RMK-10) kepada Unit Perancang Ekonomi (EPU), walau bagaimanapun cadangan tersebut tidak diluluskan.

Ahli Kawasan Air Itam (YB. Wong Hon Wai) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

20. Apakah peranan Penang Global Tourism Sdn. Bhd. dan berapakah misi penarikan pelancongan dalam negara dan di luar negara sejak penubuhannya sehingga kini dan siapakah yang turut serta dalam misi tersebut bersama destinasinya. Berapakah kos yang terlibat bagi setiap misi dan program yang diadakan semasa misi tersebut?

Y.A.B. Ketua Menteri:

20. Penang Global Tourism (PGT)adalah salah sebuah agensi negeri yang ditubuhkan untuk menjalankan kerjasama dan mewujudkan jaringan erat dengan penggiat industri pelancongan utama di dalam dan di luar Pulau Pinang. PGT bertujuan memastikan usaha mempromosikan sektor pelancongan negeri dapat digerakkan dengan lancar. Selain daripada itu, PGT juga turut bekerjasama dengan agensi Kerajaan Pusat bagi memastikan data dan statistik yang tepat dapat dibekalkan bagi tujuan perancangan pembangunan sektor pelancongan negeri. Di antara peranan PGT adalah seperti berikut;-

(i) Mempromosikan pelancongan negeri dengan kerjasama agensi Kerajaan Negeri dan pusat, syarikat penerbangan, agen pelancongan, hotel dan hospital- hospital swasta di Pulau Pinang.

(ii) Menjalankan usaha-usaha publisiti dengan mengendalikan lawatan oleh media dan agen-agen pelancongan asing,melaksanakan kempen-kempen pengiklanan keistimewaan Negeri PGT juga dari semasa ke semasa menghasilkan bahan-bahan promosi Pulau Pinang yang baru dan berinformasi seperti brosur Marking George Town, brosur Peranakan, maklumat berkenaan tempat-tempat tarikan pelancong yang diletakkan di dalam bas CAT dan iklan secara atas talian online mengenai acara-acara yang dianjurkan di Pulau Pinang.

(iii) Menganjurkan dan membantu penyelarasan acara-acara pelancongan tempatan dan antarabangsa yang mempamerkan keistimewaan muzik, seni dan budaya warisan Pulau Pinang. Antara acara-acara yang telah dianjurkan oleh PGT pada tahun 2013 adalah *Last Friday, Saturday & Sunday* (LFSS), *Die Fledermaus* (Opera sempena ulang tahun ke-40 bandar berkembar George Town dan Adelaide), *Culture Japan Convention* 2013, *George Town Literary Festival* (GTLF), dan acara-acara kecil pada setiap hari Ahad semasa *Car Free Day* di George Town.

(iv) Berperanan sebagai pusat informasi kepada pelancong melalui Pusat Maklumat Pelancongan, risalah-risalah serta peta Pulau Pinang yang disediakan di tempat tumpuan pelancong. Maklumat dan data kemasukan pelancong serta kadar occupancy di hotel turut dikumpulkan bagi kegunaan dan rujukan agensi kerajaan

(v) Bekerjsama dengan institut-institut pengajian tinggi di Pulau Pinang untuk meningkatkan tahap piawaian pelancongan negeri melalui penubuhan *Penang Centre of Tourism Excellence* (PCTE).

Semenjak penubuhannya, misi penarikan pelancongan yang telah dijalankan adalah seperti berikut:-

2009 : 11 misi antarabangsa dan 8 misi domestik
2010 : 20 misi antarabangsa dan 4 misi domestik
2011 : 15 misi antarabangsa dan 4 misi domestik
2012 : 19 misi antarabangsa dan 4 misi domestik
2013 : 11 misi antarabangsa dan 2 misi domestik

Perincian bagi peserta dan jumlah kos adalah seperti di lampiran.

* lihat Folder Lampiran (ID 158 Sol. 20 BYSH)

Ahli Kawasan Air Itam (YB. Wong Hon Wai) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

21. (a) Apakah program dan projek teknologi maklumat yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) pada tahun 2012 dan 2013 untuk meningkatkan produktiviti kerja.

(b) Apakah perancangan dalam dua (2) tahun yang akan datang?

Y.A.B. Ketua Menteri:

21. Program dan projek teknologi maklumat yang diusahakan oleh Kerajaan Negeri, MPPP dan MPSP pada tahun 2012 dan 2013 untuk meningkatkan produktiviti kerja dan perancangan dalam 2 tahun yang akan datang adalah seperti di bawah:-

Kerajaan Negeri

(a) Program dan projek teknologi maklumat yang diusahakan oleh Kerajaan Negeri adalah selaras dengan Pelan Strategik ICT PSUKPP (2011 – 2015). Antara program dan projek utama yang diusahakan oleh Kerajaan Negeri pada tahun 2012 adalah :

<u>Pembangunan dan perluasan sistem aplikasi</u>

(i) Perluasan eRating ke 9 Pejabat Rancangan Perumahan, Pejabat Pengarah Tanah dan Galian dan 5 Pejabat Daerah & Tanah. eRating ialah kemudahan untuk menilai perkhidmatan yang disampaikan oleh petugas kaunter melalui terminal eRating yang disediakan serta penilaian perkhidmatan jabatan melalui *kiosk eRating.*

(ii) Pembangunan 2 modul baru iSejahtera iaitu Program Anak Emas dan Pelajar Emas untuk penggunaan semua Pejabat Daerah & Tanah dan Pejabat KADUN serta UPEN sebagai pemilik dan penyelaras program kebajikan negeri.

(iii) Perluasan Sistem Pengurusan Dokumen dan Fail Standard (iDOF) ke PDTSPT, PDTDTL dan JKM. IDOF merupakan sistem pengurusan fail dan dokumen standard untuk jabatan-jabatan Negeri Pulau Pinang.

(iv) Perluasan eBayar untuk kemudahan bayaran secara online bagi pendaftaran dan pembelian dokumen ePerolehan dan bayaran tempahan kemudahan MPPP.

(v) Pembangunan dua modul baru di bawah iGov Penang Dashboard iaitu Prestasi Pencapaian Fizikal & Kewangan Projek-Projek Pembangunan Negeri dan Prestasi Pelaksanaan Pelan Strategik ICT PSUKPP.

(vi) Penyedian modul baru eRumah iaitu Integrasi Maklumat Hartanah PTG, MPPP dan MPSP yang membantu Bahagian Perumahan bagi meningkatkan proses penyemakan kelayakan pemohon rumah serta membolehkan perkongsian maklumat secara online antara 4 jabatan tersebut.

(vii) Pembangunan ePingat Fasa 1 bagi membolehkan pencalonan Darjah Kebesaran dan Pingat Negeri Pulau Pinang dilaksanakan secara online.

(viii) eJKKK Fasa 2 yang melibatkan penyediaan modul baru mengenai info dan aktiviti JKKK Negeri Pulau Pinang. eJKKK dapat membantu semua Pejabat Daerah dan Tanah serta Kerajaan Negeri dalam meningkatkan pengurusan JKKK.

(ix) Pembangunan e-Sumbangan Sekolah-Sekolah Pulau Pinang (eSSPP) yang memudahkan sekolah-sekolah mubaligh dan cina di seluruh Negeri Pulau Pinang membuat permohonan peruntukan kepada Kerajaan Negeri dan memudahkan proses kelulusan dan pemantauan di peringkat negeri.

Pemantapan Infrastruktur dan Keselamatan ICT

(i) Pelaksanaan Sistem Pengurusan dan Kawalan Identiti Pengguna yang membolehkan penguatkuasaan polisi dan kawalan penggunaan sumber-sumber ICT Kerajaan Negeri oleh pengguna yang sah dan berdaftar.

(ii) Peningkatan Rangkaian LAN Pejabat-pejabat Luar KOMTAR Fasa 1 ke *gigabit ethernet* bagi membolehkan capaian pantas ke sistem-sistem aplikasi Kerajaan Negeri.

(iii) Pelaksanaan *Security Posture Assesment* bagi menguji dan menilai tahap keselamatan infrastruktur ICT Kerajaan Negeri dan mengambil tindakan-tindakan pengukuhan yang sewajarnya.

(iv) Kajian Semula Dasar Keselamatan ICT (DKICT) Negeri versi 1.1 dan DKICT versi baru 1.2 telah dikuatkuasakan pada 24 Disember 2012.

Program dan Promosi

(i) Program Latihan ICT 2012 melibatkan penganjuran 38 sesi latihan ICT kepada warga kerja jabatan-jabatan Negeri Pulau Pinang

(ii) Penganjuran Seminar eKerajaan 2012 pada 17 Mei 2012

(iii) Penganjuran Pameran eKerajaan 2012 pada 20 & 12 November 2012

Antara program dan projek utama yang diusahakan oleh Kerajaan Negeri pada tahun 2013 adalah :

Pembangunan dan perluasan sistem aplikasi

(i) Pembangunan eKuarters yang membolehkan permohonan dan penyemakan status permohonan secara *online* dan mempertingkatkan pengurusan permohonan, agihan dan pengurusan kuarters secara bersepadu.

(ii) Pengubahsuaian eRumah selaras dengan penawaran rumah mampu milik.

(iii) Pembangunan ePingat Fasa 2 bagi melengkapkan proses pengurusan Darjah Kebesaran dan Pingat Negeri Pulau Pinang secara online.

(iv) Pembangunan Semula Portal Rasmi Kerajaan Negeri dengan menggunakan teknologi portal terkini yang menyokong dan meningkatkan ciri-ciri keselamatan dan mesra pengguna.

(v) Pembanguann modul baru iSejahtera bagi pengurusan Program Ibu Emas Kerajaan Negeri.

(vi) Peningkatan Sistem Pengurusan Dokumen dan Fail Standard (iDOF) versi 3 supaya selaras dengan sistem kod klasifikasi baru Arkib Negara.

Pemantapan Infrasruktur dan Keselamatan ICT

(i) Sistem Pengurusan & Kawalan Identiti Pengguna Fasa 2.

(ii) Peningkatan Rangkaian LAN Pejabat-Pejabat Luar KOMTAR Fasa 2.

(iii) Pelaksanaan Dual Stack IPv6 bagi Rangkaian Kerajaan Negeri.

(iv) Penggantian Sistem Hawa Dingin di Pusat Data Utama PSUKPP.

(v) Kajian Semula Polisi Emel Rasmi Kerajaan Negeri P.Pinan

(vi) Penggantian Internet Firewall dengan teknologi terkini bagi memantapkan aspek keselamatan aset ICT Kerajaan Negeri.

(vii) Pensijilan MS ISO/IEC 27001:2007 ISMS (Information Security Management System) bagi Pengurusan eMel dan Portal Kerajaan Negeri.

(viii) Pembangunan Pelan Kesinambungan Perkhidmatan (PKP) PSUKPP bertujuan memastikan kesinambungan penyampaian perkhidmatan utama PSUKPP apabila berlaku sesuatu bencana. Pelan ini mempunyai 4 pelan utama iaitu Pelan Induk PKP, Pelan Tindakbalas Kecemasan (ERP), Pelan Komunikasi Krisis (CCP) dan Pelan Pemulihan Bencana (DRP).

Program dan Promosi

(i) Program Latihan ICT 2013 melibatkan penganjuran 35 sesi latihan ICT kepada warga kerja jabatan-jabatan Negeri Pulau Pinang

(ii) Kajian Semula Pelan Strategik ICT PSUKPP 2011-2015

(iii) Penganjuran Seminar eKerajaan 2013 pada 14 November 2013

(iv) Penganjuran Pameran eKerajaan 2013 pada 14 & 15 November 2013

(b) Program/projek utama yang dirancang pada tahun 2014 – 2015 berdasarkan Kajian Semula Pelan Tindakan ISP PSUKPP adalah seperti berikut:

(i) Pembangunan Sistem Aplikasi Permohonan Projek ICT/JPPICT
(ii) Pembangunan eJKKK Fasa 3
(iii) Perluasan iDOF Versi 3 ke 10 buah jabatan negeri yang telah menggunakan iDoF versi 2 dan ke 4 buah jabatan baru iaitu JPV, JPN, Botani dan JKR.
(iv) Pembangunan Sistem Pengurusan Sewaan Komputer/Notebook (eSPSKN)
(v) Perluasan Penggunaan MyMesyuarat
(vi) Perluasan Penggunan MyPrestasi
(vii) Perluasan Perkhidmatan eBayar
(viii) Perluasan Perkhidmatan MySMS
(ix) Pembangunan dan Pengukuhan Geoportal Negeri
(x) Pengukuhan dan Perluasan iGov Penang Dashboard
(xi) Peningkatan Infrastruktur Rangkaian LAN, WAN dan Internet
(xii) Pengukuhan dan Peningkatan Keselamatan ICT
(xiii) Penganjuran Program Latihan ICT
(xiv) Penganjuran Pameran & Seminar eKerajaan

Majlis Perbandaraan Pulau Pinang

(a) MPPP telah menjalankan beberapa program dan projek teknologi maklumat pada tahun 2012 dan 2013 bagi meningkatkan kecekapan proses-proses kerja di MPPP. Fokus program dan projek teknologi maklumat tersebut diberikan kepada inisiatif- inisiatif seperti berikut :

(i) Aplikasi Dalaman

(ii) Aplikasi Komuniti

<u>Tahun 2012</u>

(i) Sistem Pengurusan Hasil Bersepadu: Bagi menambahbaik dari segi kecekapan pengurusan hasil dan kutipan harian Majlis, Sistem Pengurusan Hasil Bersepadu telah diguna pakai. Pengunaan Sistem Pengurusan Hasil dapat melengkapkan Sistem Pengurusan Kewangan Majlis kerana ia dapat memberi laporan pendapatan dan perbelanjaan Majlis dan juga mengeluarkan penyata kewangan Majlis secara automatik dan dapat diakses secara dalam talian di intranet Majlis.

(ii) Sistem Perakaunan Bersepadu: Sistem Perakaunan Bersepadu sediada telah ditambah baik supaya semua pembayaran kepada pembekal boleh dibuat terus ke akaun pembekal melalui fasiliti EFT (Electronic Fund Transfer) dan ini telah mempercepatkan proses pembayaran kepada pembekal. Fasiliti ini juga digunakan untuk pembayaran kepada semua kakitangan Majlis.

(iii) Sistem e-Penilaian: Hasil Cukai Taksiran menyumbang pendapatan yang besar kepada Majlis. Oleh itu Sistem ePenilaian telah dipasangkan bagi memudahkan semua aspek pengurusan penilaian harta-harta.

(iv) Sistem eTempahan: Kecekapan pengurusan fasiliti-fasiliti Majlis untuk tujua sewaan kepada individu-individu atau lain-lain organisasi telah disokong oleh penggunaan Sistem e-Tempahan. Ia memudahkan orang ramai membuat semakan, tempahan dan pembayaran secara atas talian ke atas fasiliti yang ingin disewa dari Majlis.

(v) Infrastruktur ICT: Terdapat keperluan untuk mengakses aplikasi dengan lebih pantas. Oleh itu Infrastruktur Rangkaian di Pejabat Majlis di KOMTAR telah dipertingkatkan kepada teknologi Gigabit.

Tahun 2013

(i) Sistem Pemantauan Kenderaan secara GPS: Pemantauan ke atas pergerakan lori-lori kontraktor sampah dibuat supaya tidak berlaku ketirisan di dalam pengendalian harian kenderaan berkenaan. Sistem Pemantauan Kenderaan secara GPS telah dipasang di semua lori-lori sampah yang dilantik oleh Majlis.

(ii) Sistem Pengurusan Klinik Panel: Bagi memantau penggunaan fasiliti kesihatan yang diberikan kepada kakitangan Majlis, satu Sistem Pengurusan Klinik Panel telah diguna pakai bagi menguruskan kemudahan serta pemantauan ke atas penggunaan fasiliti lebih efisen, real-time dan cepat.

(iii) Sistem Pengurusan Maklumat Lesen: Pengeluaran pelbagai lesen dan permit perlu diurus dengan cekap. Oleh itu pembangunan Sistem Pengurusan Maklumat Lesen telah dibuat. Pengurusan lesen dan permit meliputi dari proses permohonan sehinggalah ke proses akhir iaitu penamatan. Ianya juga termasuk penyediaan kemudahan bayaran secara dalam talian.

(iv) Infrasruktur ICT: Bagi menyokong operasi harian supaya gangguan dapat diminimumkan, infrasruktur ICT telah dinaiktarafkan. Ia meliputi peningkatan kelajuan rangkaian di cawangan-cawangan Majlis dengan pemasangan litar suwa yang lebih laju dan pemasangan point-to-point wireless. Pelaburan aset-aset ICT perlu dilindungi dan pemasangan Sistem Backup Berpusat dan Precision Aircond telah dibuat bagi memastikan operasi yang berterusan.

(b) Beberapa projek atau program telah dikenal pasti bagi dijayakan pada tahun 2014 dan 2015:

- Sistem Pengurusan Maklumat Pelan Bangunan
- Sistem Pengurusan Kedatangan dan Gaji Kakitangan
- Sistem eRating
- Sistem GIS Berpusat
- Sistem Pengurusan Klinik Dalaman
- Sistem eAudit
- Penambahbaikan Sistem ePerjawatan
- Peluasan Storan dan Kemudahan Emel Kakitangan

Majlis Perbandaraan Seberang Perai

(a) Dalam tahun 2012, MPSP telah melancarkan semula wajah baru laman web MPSP iaitu www.mpsp.gov.my untuk meningkatkan lagi keberkesanan sistem aplikasi dan cara berinteraksi antara stakeholder, kakitangan dan MPSP. Selain itu, iPad juga telah dibekalkan kepada semua Ahli Majlis dan Pengarah Jabatan untuk memudahkan komunikasi dan e-mesyuarat di mana notis, minit dan kertas mesyuarat diedarkan melalui emel dan kalendar MPSP dari semasa ke semasa di sepanjang tahun.

Manakala dalam tahun 2013, MPSP telah merangka Dasar Keselamatan ICT MPSP untuk membolehkan kakitangan menggunakan kemudahan ICT MPSP dengan lebih selamat dan berkesan. Beberapa sistem baru juga telah dibangunkan seperti Sistem Pemantauan Pintar, Sistem Pengurusan Aset dan Sistem Pengurusan Kontrak untuk meningkatkan produktiviti dan mengawal perbelanjaan dengan lebih berkesan. Turut dilancarkan adalah laman web intranet MPSPNet yang bertujuan untuk membolehkan semua kakitangan berinteraksi dan melakukan kerja harian dengan senang dengan hanya merujuk kepada satu portal sahaja.

(b) MPSP akan terus memantapkan lagi sistem-sistem sedia ada dan membangunkan sistem-sistem baru dari semasa ke semasa mengikut keperluan untuk tahun 2014 dan 2015. Dalam perancangan MPSP adalah untuk menyediakan platform untuk mengintegrasi sistem-sistem sedia ada di semua jabatan supaya perkongsian data di antara jabatan-jabatan MPSP dapat dibuat dengan lebih bersepadu. Sistem Pengurusan Dokumen Elektronik (EDMS) juga akan diperluaskan penggunaan dan dimantapkan lagi di jabatan-jabatan MPSP. Berikutan dengan pengambil-alihan tugas pembersihan secara keseluruhan oleh MPSP pada tahun hadapan, semua pejabat-pejabat depo sampah MPSP juga akan dilengkapkan sepenuhnya dengan kemudahan komputer dan VPN (*Virtual Private Network*) untuk memudahkan pemantauan secara elektronik tugas-tugas harian di tapak dari ibu pejabat MPSP di Bandar Perda. Kehadiran harian pekerja-perkeja di lapangan akan dipantau dengan menggunakan sistem kehadiran biometrik. MPSP juga telah menjadi ahli dalam organisasi WeGO (World e-Goverment) yang beribu pejabat di Seoul. Perkongsian pengetahuan ICT di peringkat global juga dapat dipertingkatkan melalui WeGO.

Ahli Kawasan Air Itam (YB. Wong Hon Wai) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

22. Senaraikan nama jawatan-jawatan yang disandang di badan statutori dan Government Linked Companies (GLC) oleh setiap Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan termasuk ex-officio Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Y.A.B. Ketua Menteri:

23. Senarai nama Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan dan keanggotaan di Badan Berkanun Negeri dan GLC adalah seperti berikut:-

Senarai nama jawatan-jawatan yang disandang di Badan Statutori oleh setiap Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan termasuk ex-officio Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

LEMBAGA PDC

Bil.	Nama	Jawatan
1	Y.A.B. Lim Guan Eng	Pengerusi
2	YB. Dato' Haji Mohd Rashid Bin Hasnon	Ahli
3	YB. Prof. Dr. P.Ramasamy a/l Palaniasamy	Ahli
4	YB. Dato' Abdul Malik bin Abul Kassim	Ahli
5	YB. Dato' Haji Farizan bin Darus	Ahli
6	YB. Dato' Haji Mokhtar bin Mohd Jait	Ahli

Senarai nama jawatan-jawatan yang disandang di Government Linked Companies (GLC) oleh setiap Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan termasuk ex-officio Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

PENANG GLOBAL TOURISM SDN BHD

Bil.	Nama	Jawatan
1	Y.A.B. Lim Guan Eng	Pengerusi
2	YB. Law Heng Kiang	Ahli Lembaga
3	YB. Dato' Abdul Malik bin Abul Kassim	Ahli Lembaga

PIHH DEVELOPMENT SDN BHD

Bil.	Nama	Jawatan
1	YB. Dato' Abdul Malik bin Abul Kassim	Pengerusi

PYDC STRATEGIES SDN BHD

Bil.	Nama	Jawatan
1	Y.A.B. Lim Guan Eng	Pengerusi
2	YB. Chong Eng	Ahli Lembaga
3	YB. Dr. Afif Bin Bahardin	Ahli Lembaga

PWDC SDN BHD

Bil.	Nama	Jawatan
1	YB. Chong Eng	Pengerusi

PGC STRATEGIES SDN BHD

Bil.	Nama	Jawatan
1	Y.A.B. Lim Guan Eng	Pengerusi
2	YB. Phee Boon Poh	Ahli Lembaga
3	YB. Chow Kon Yeow	Ahli Lembaga

PEC MANAGEMENT SDN BHD

Bil.	Nama	Jawatan
1	Y.A.B. Lim Guan Eng	Pengerusi

GEORGE TOWN WORLD HERITAGE INCORPORATED

Bil.	Nama	Jawatan
1	Y.A.B. Lim Guan Eng	Pengerusi
2	YB. Chow Kon Yeow	Ahli Lembaga
3	YB. Dato' Haji Farizan bin Darus	Ahli Lembaga
4	YB. Dato' Haji Mokhtar bin Mohd Jait	Ahli Lembaga

PENANG SCIENCE CLUSTER BHD

Bil.	Nama	Jawatan
1	Y.A.B. Lim Guan Eng	Pengerusi
2	YB. Prof. Dr. P.Ramasamy a/l Palaniasamy	Ahli Lembaga

PENANG HEALTH ALLIANCE SDN BHD

Bil.	Nama	Jawatan
1	Y.A.B. Lim Guan Eng	Pengerusi
2	YB. Phee Boon Poh	Ahli Lembaga
3	YB. Dr. Afif Bin Bahardin	Ahli Lembaga

PDC HERITAGE HOTEL SDN BHD

Bil.	Nama	Jawatan
1	Y.A.B. Lim Guan Eng	Pengerusi

INSTITUT INTEGRITI Negeri Pulau Pinang

Bil.	Nama	Jawatan
1	YB. Dato' Haji Farizan bin Darus	Pengerusi
2	YB. Dato' Haji Mokhtar bin Mohd Jait	Ahli Lembaga
3	YB. Dato' Faiza bin Zulkifli	Ahli Lembaga

ISLAND GOLF PROPERTIES BHD

Bil.	Nama	Jawatan
1	YB. Phee Boon Poh	Pengarah

Ahli Kawasan Air Itam (YB. Wong Hon Wai) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

23. Apakah cabaran fizikal dari segi kepanjangan, kedalaman serta keadaan fizikal undersea tunnel antara Pulau dan Seberang Perai yang diumumkan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang berbanding dengan *undersea tunnel* yang terkemuka di dunia iaitu *Channel Tunnel* yang menghubungi Britain dan Perancis, Seikan Tunnel yang menghubungi Honshu dan Hokkaido, Japan dan Marmoray Tunnel di Turki.

Y.A.B. Ketua Menteri:

23. Kajian Kemungkinan (Feasibility Study) untuk Projek Link Ketiga Pulau Pinang baru sahaja dimulakan oleh pihak Consortium Zenith BUCG Sdn. Bhd. pada 1 November 2013. Oleh yang demikian, Kerajaan Negeri belum dapat menentukan bentuk cabaran fizikal yang bakal dihadapi dengan tepat pada masa ini, sama ada dari aspek panjang terowong, kedalaman atau keadaan fizikal. Ianya hanya akan dapat diketahui setelah Kajian Kemungkinan selesai.

Ahli Kawasan Air Itam (YB. Wong Hon Wai) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

24. (a) Senaraikan semua kolam takungan milikan pengurusan bangunan tinggi di Bahagian Pulau yang diluluskan oleh Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP).

(b) Apakah polisi dan tanggungjawab serta jadual pemantauan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Pesuruhjaya Bangunan (COB) dan Pihak Berkuasa Tempatan terhadap kolam takungan sedemikian yang bakal menjadi punca banjir.

Y.A.B. Ketua Menteri:

25. (a) MPPP tidak mempunyai data mengenai kolam takungan milikan pengurusan bangunan tinggi di bahagian Pulau ini. Penyediaan kolam takungan atau *On Site Detention* (OSD) untuk mengurus *Stormwater* adalah mengikut Manual Saliran Mesra Alam (MSMA) yang dikawalselia oleh Jabatan Pengaliran dan Saliran (JPS).

(b) Tanggungjawab JPS terhadap kolam takungan hanya pada peringkat ulasan teknikal dan reka bentuk sahaja. Mengikut syarat kelulusan JPS untuk pelan pengurusan *stormwater* untuk sebarang pembangunan, pihak JPS telah mengenakan syarat kepada pemaju dan juru perunding yang bertanggungjawab dengan pembangunan untuk menyelenggara sistem saliran di kawasan lot pemaju dan memastikan ia berfungsi dengan sempurna. Ini adalah selaras dengan MSMA di mana manual telah mencadangkan jadual penyelenggaraan seperti berikut :-

Untuk premis kediaman, kerja-kerja penyelenggaraan dilakukan setiap 3 bulan dan kerja-kerja pembersihan dilakukan setiap 6 bulan selepas hujan lebat. Manakala untuk premis komersial dan Industri pula kerja-kerja penyelenggaraan dilakukan setiap 2 bulan selepas hujan lebat dan kerja-kerja pembersihan dilakukan setiap 4 bulan.

Ahli Kawasan Air Itam (YB. Wong Hon Wai) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

25. (a) Senaraikan nama JKKK mengikut KADUN yang mempunyai Pengerusi dan/atau Setiausaha wanita.

(b) Senaraikan bilangan ahli wanita (termasuk Pengerusi dan Setiausaha) dalam setiap JKKK mengikut KADUN.

Y.A.B. Ketua Menteri:

26. Senarai JKKK yang mempunyai pelantikan Pengerusi, Setiausaha dan AJK dari golongan wanita bagi Negeri Pulau Pinang adalah seperti lampiran.

*** lihat Folder Lampiran (ID 158 Sol. 26 BYSH)**

Ahli Kawasan Air Itam (YB. Wong Hon Wai) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

26. Sila berikan maklumat berkaitan sektor pelancongan di Negeri Pulau Pinang bagi tahun 2011, 2012 dan 2013 dari segi :

(a) Bilangan ketibaan warga asing di Lapangan Terbang Antarabangsa Bayan Lepas,

(b) Bilangan penginapan di hotel-hotel di Negeri Pulau Pinang.

Y.A.B. Ketua Menteri:

26. (a) Ketibaan warga asing di Lapangan Terbang Antarabangsa Bayan Lepas bagi tahun 2011 - 2013 adalah seperti berikut:-

Bil.	Tahun	Bilangan Orang
i	2011	607,340
ii	2012	614,039
iii	2013	56,495

(b) Bilangan warga asing yang menginap di hotel Pulau Pinang bagi tahun 2011 - 2013 adalah seperti berikut:-

Bil.	Tahun	Bilangan Orang
i	2011	3,063,564
ii	2012	3,096,907
iii	2013	1,122,196

Ahli Kawasan Air Itam (YB. Wong Hon Wai) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

27. Apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Jabatan Alam Sekitar dan Kerajaan Negeri Pulau Pinang terhadap pencemaran *petroleum hydrocarbon* yang wujud di sepanjang Selat menghubungkan Pulau dan Seberang Perai seperti yang dilaporkan dalam *World Applied Sciences Journal* 23(11): 1481-1488 tahun 2013?

Y.A.B. Ketua Menteri:

27. Antara langkah-langkah yang diambil oleh Jabatan Alam Sekitar dan Kerajaan Negeri terhadap pencemaran *petroleum hydrocarbon* yang wujud di sepanjang selat yang menghubungkan Pulau dan Seberang Perai adalah meningkatkan pematuhan punca-punca pelepasan di bawah bidangkuasa Akta

Kualiti Alam Sekeliling, 1974 yang terdapat di Lembangan Sungai Prai bagi memastikan pematuhan kepada peruntukan Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 dan Peraturan-peraturan di bawahnya dan kedua menjalankan persampelan sedimen di Perairan Selat Pulau Pinang; dan *Marine Water Quality Criteria and Standards* (MWQCS) di Malaysia yang dikeluarkan oleh JAS pada tahun 2013 telah mengambil kira PAHs tetapi hanya untuk kualiti air marin sahaja. Persampelan yang dijalankan oleh JAS sehingga kini belum mengambilkira parameter *Polycyclic Aromatic Hydrocarbons* (PHAs). Oleh yang demikian, JAS akan mengambilkira PHAs dalam persampelan yang akan dijalankan selepas mengikut standard baru yang dikeluarkan.

Ahli Kawasan Air Itam (YB. Wong Hon Wai) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

28. (a) Apakah indeks bekalan elektrik *System Average Interruption Duration* (SAIDI) bagi Negeri Pulau Pinang pada amnya dan Kawasan Air Itam khasnya bagi tiga (3) tahun kebelakangan?

(b) Apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk mengurangkan kejadian gangguan bekalan elektrik di Negeri Pulau Pinang amnya dan Kawasan Air Itam khasnya.

Y.A.B. Ketua Menteri:

28. (a) Indeks bekalan elektrik *System Average Interruption Duration* (SAID) bagi Negeri Pulau Pinang dan Kawasan Air Itam bagi 3 tahun kebelakangan ini adalah seperti:

Indeks Bekalan elektrik System Average Interruption Duration (SAIDI) Bagi Negeri Pulau Pinang dan Kawasan Air Itam Mulai Tahun 2011, 2012 dan 2013

Bil	Tahun	SAIDI Negeri Pulau Pinang	SAIDI Kawasan Air Itam
1	2011	84.191 min	6.592 min
2	2012	71.515 min	3.672 min
3	2013	73.13 min	3.54 min

(b) Langkah-langkah yang telah diambil untuk mengurangkan gangguan bekalan elektrik di Negeri Pulau Pinang amnya dan Kawasan Air Itam khususnya adalah seperti berikut:-

(i) Melaksanakan penyelenggaraan ke atas pepasangan alat suis & alat ubah melalui *thermo scanning, ultra sound & TEV ;*

(ii) Melaksanakan ujian PD Mapping ke atas kabel bagi mengenal pasti *weak – point* pada kabel dan melaksanakan kerja-kerja pembaikan ;

Ahli Kawasan Air Itam (YB. Wong Hon Wai) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

29. Apakah status terkini jadual pelaksanaan dan permasalahan cadangan projek Pusat Dialysis yang didirikan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang?

Y.A.B. Ketua Menteri:

29. Pusat Dialisis (CAT) Negeri Pulau Pinang telah pun mula beroperasi pada 21 Jun 2013 dengan kapasiti 5 buah katil. Kos rawatan yang dikenakan adalah RM110. Pesakit hanya perlu menjelaskan RM30 sebagai bayaran rawatan. Kerajaan Negeri pada masa ini memberi subsidi sebanyak RM30 manakala baki RM50 akan ditanggung oleh Kementerian Kesihatan. Sementara menunggu kelulusan dari pihak kementerian, pihak PCC menanggung kos sebanyak RM50 tersebut. Pesakit yang layak telah dipilih melalui Jawatankuasa Pemilihan Pesakit Pusat Dialisis (CAT) Negeri Pulau Pinang. Sehingga kini, tidak timbul permasalahan yang sukar ditangani. Setiap isu yang berbangkit diselesaikan diperingkat Jawatankuasa Pemilihan Pesakit.

Ahli Kawasan Air Itam (YB. Wong Hon Wai) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

30. Apakah status terkini, jadual pelaksanaan dan permasalahan yang dihadapi terhadap pelan-pelan:

    (a) SPU, SPT, SPS Draft Local Plan

    (b) Penang Island Draft Local Plan

    (c) Special Area Plan bagi Tapak Warisan Georgetown dan Botanical Garden.

Y.A.B. Ketua Menteri:

30. (a) Rancangan Tempatan Daerah (RTD) SPU, SPT dan SPS Draf Rancangan Tempatan Daerah Seberang Perai Utara 2020 telah diluluskan oleh Jawatankuasa Perancang Negeri pada 1 April 2011 dan Draf Rancangan Tempatan Daerah Seberang Perai Tengah 2020 telah diluluskan oleh Jawatankuasa Perancang Negeri pada 16 Mei 2011 manakala Draf Rancangan Tempatan Daerah Seberang Perai Selatan 2020 telah diluluskan oleh Jawatankuasa Perancang Negeri pada 14 Mei 2012.

    Draf Rancangan Tempatan bagi Rancangan Tempatan Daerah Seberang Perai Utara (SPU) dan Rancangan Tempatan Daerah Seberang Perai Tengah (SPT) akan dibawa ke Mesyuarat Jawatankuasa Siasatan Tempatan dan Pendengaran awam yang akan bermula 26 November 2013 hingga 9 Disember 2013. RTD SPS masih dalam proses pindaan laporan akhir dan akan diselaraskan dengan Kajian Semula RSNPP 2020.

    (b) Rancangan Tempatan Daerah Pulau (MPPP), Pulau Pinang Draf Rancangan Tempatan Pulau Pinang (Pulau) 2020 telah ditangguhkan sehingga Rancangan Kewangan Khas George Town sebagai Tapak Warisan UNESCO dapat dimutamadkan dan diwartakan agar tidak berlaku sebarang percanggahan dan Perancangan Tempatan Daerah Pulau Pinang yang menambahkan kemusykilan. Ini adalah kerana Rancangan Kewangan Khas mesti dipatuhi kerana telah pun menerima restu daripada UNESCO. Oleh itu, Rancangan Tempatan Pulau Pinang terpaksa merangkumi hujah-hujah dalam Rancangan kawasan Khas George Town agar tidak timbul percanggahan yang akan menimbulkan kekeliruan di kalangan rakyat dan pemilik hartanah.

    Penyediaan Rancangan- Rancangan Tempatan (RT) juga tertakluk kepada keperluan Kerajaan Negeri dan oleh kerana ia melibatkan pindaan-pindaan tertentu, maka tambahan masa diperlukan untuk disempurnakan sebelum pewartaan dapat dilaksanakan dan Rancangan-rancangan Tempatan berkenaan dapat diguna pakai. Dalam masa yang sama, ianya masih perlu dirujuk dan dibincang secara mendalam bersama-sama ADUN Kerajaan Negeri yang berkenaan dan proses ini agak memakan masa. Di samping itu juga ianya perlu dipinda selaras dengan dasar-dasar terkini pembangunan negeri dan hanya akan dipamerkan setelah mendapat kelulusan Jawatankuasa Perancang Negeri setelah perkara-perkara yang perlu dipertimbangkan diambil kira dan dimasukkan di dalam Rancangan Tempatan.

    Bagi Rancangan Tempatan Pulau terdapat beberapa pindaan perlu diselaraskan dan dimasukkan di dalam draf Rancangan Tempatan berkenaan dan dengan mengambil kira Rancangan Kawasan Khas Kawasan Tapak Warisan Dunia George Town dan Taman Botani. Di samping itu juga, pengesahan kandungan RT juga perlu diperolehi dari ADUN dan Ahli EXCO di bahagian Pulau sebelum RT ini dibawa untuk sesi publisiti dan bantahan awam.

(c) Special Area Plan bagi Tapak Warisan George Town dan Botanical Garden.

Sehingga November 2013 RKK Tapak Warisan Dunia George Town sedang dalam proses terjemahan dari bahasa Inggeris ke Bahasa Kebangsaan dan akan dibawa untuk penilaian Jawatankuasa Pemandu. Seterusnya ia akan dibawa ke Mesyuarat EXCO untuk tujuan pewartaan.

Status terkini RKK Taman Botani ialah Jawatankuasa siasatan dan pendengaran awam telah membentangkan syor sintesis bantahan awam RKK Taman Botani di dalam Mesyuarat Perancang Negeri (SPC) Bil. 11/2013 pada 1 November 2013. Pihak perunding kini sedang membuat penambahbaikan mengenai ulasan dari mesyuarat tersebut dan akan dibentang semula kepada SPC dan EXCO dan seterusnya akan diangkat untuk pewartaan. Adalah dijangka RKK Taman Botani ini dapat diwartakan pada Mac 2014.

(V) Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Berapakah jumlah keluasan tanah lapang yang telah diwartakan bagi tahun 2008 hingga 2013 serta senaraikan lokasi dan status kegunaan tanah lapang tersebut pada tahun 2008, 2009, 2010, 2011, 2012, 2013 sehingga kini.

Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Jumlah keluasan tanah lapang yang telah diwartakan bagi tahun 2008 sehingga kini adalah seluas 1,790,389.6 meter persegi. Pecahan keluasan kawasan lapang yang telah diwartakan mengikut daerah adalah seperti butiran berikut:

Daerah	2008	2009	2010	2011	2012	2013
Timur Laut	10850	30033	19211	12419	-	22976
Barat Daya	5386	46185	19005	18834	-	2843
SP Utara	200395.5	168651.1	129474.8	19778	821	2351
SP Tengah	55634	162694	209270	422143.6	1169	-
SP Selatan	-	46540	171781	5380	-	6563

Butiran terperinci keseluruhan kawasan lapang bagi seluruh Negeri Pulau Pinang yang telah diwartakan bagi tahun 2008 hingga sekarang adalah seperti di Lampiran.

* lihat Folder Lampiran (ID 51 Sol. 1 BLKL)

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Berapakah notis berhenti kerja ke atas pemaju pembangunan rumah yang telah dikeluarkan oleh Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) dan Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) bagi 2010, 2011, 2012 sehingga kini? Sila senaraikan kesalahan yang telah dilakukan oleh pemaju tersebut dan berapakah yang telah diambil tindakan mahkamah?

Y.A.B. Ketua Menteri:

2. MPPP telah mengeluarkan sejumlah 14 notis henti kerja ke atas pemaju pembangunan rumah pada tahun 2010, manakala pada tahun 2011, sejumlah 11 notis dikeluarkan, sementara pada tahun 2012, pula berjumlah 12 notis dikeluarkan.

Bersama-sama ini juga dikepilkan senarai kesalahan yang telah dilakukan oleh pemaju seperti di Lampiran.

Notis henti kerja ke atas pemaju pembangunan tanah pada tahun 2010 pula adalah berjumlah 11 notis, manakala 10 notis pada tahun 2011, 3 notis pada tahun 2012 serta 13 notis yang sama pada tahun 2013.

Semua kesalahan yang dilakukan oleh pemaju pembangunan tanah adalah tidak mematuhi syarat di dalam Pelan Kerja Tanah.

Sejumlah 31 tindakan mahkamah yang diambil di bawah Seksyen 19 Akta Perancang Bandar dan Desa 1976 dan Seksyen 70(1) Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 pada tahun 2010, manakala 17 tindakan mahkamah pada tahun 2011 dan sejumlah 18 tindakan mahkamah pada tahun 2013.

MPSP pula sebanyak lapan (8) Notis Henti Kerja yang dikeluarkan oleh Jabatan Kejuruteraan MPSP dari tahun 2010 sehingga kini adalah seperti di Lampiran.

Sebanyak 15 Notis Henti Kerja yang dikeluarkan oleh Jabatan Bangunan MPSP dari tahun 2010 sehingga kini.

Tiada tindakan mahkamah diambil berdasarkan notis berhenti kerja yang dikeluarkan kepada pemaju sehingga kini.

* lihat Folder Lampiran (ID 190 Sol. 2 BLKL)

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Berapakah jumlah peruntukan geran Sistem Maklumat Rekod Jalan Raya Malaysia diperolehi oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang mengikut tahun 2010, 2011, 2012 dan 2013? Sila senaraikan projek-projek penyenggaraan/pembinaan baru yang telah dilaksanakan. Agensi mana yang mengendalikan projek tersebut?

Y.A.B. Ketua Menteri:

3. (a) Peruntukan Geran Sistem Maklumat Rekod Jalan Raya Malaysia yang diperolehi oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang mulai tahun 2010 hingga 2013 adalah seperti berikut:-

   (i) RM57,261,928.00 – 2010;

   (ii) RM59,685,592.00 – 2011;

   (iii) RM65,981,247.00 – 2012; dan

   (iv) RM23,169,068.08 – 2013.

   (b) Projek-projek penyelenggaraan dan pembinaan baru yang telah dilaksanakan melalui peruntukan Geran Sistem Maklumat Rekod Jalan Raya Malaysia bagi Jabatan Kerja Raya dan Majlis Perbandaran Pulau Pinang untuk tahun 2013 adalah seperti di Lampiran 1 dan Lampiran 2. Tiada projek dijalankan oleh Majlis Perbandaran Seberang Perai melalui peruntukan Geran Sistem Maklumat Rekod Jalan Raya Malaysia bagi tahun 2013.

* lihat Folder Lampiran (ID 191 Sol. 3 BLKL)

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

4. Nyatakan jumlah keluasan serta peratusan daripada jumlah keluasan permukaan tanah bagi hutan simpanan kekal di Negeri Pulau Pinang. Sila senaraikan hutan simpanan kekal tersebut. Berapakah hutan simpanan kekal yang telah dikeluarkan daripada warta hutan simpanan sejak tahun 2008?

Y.A.B. Ketua Menteri:

4. Keluasan Hutan Simpanan Kekal di Negeri Pulau Pinang adalah 5,100.93 hektar iaitu merangkumi 4.9% keluasan tanah di Pulau Pinang (104,800ha). Terdapat enam belas (16) buah Hutan Simpanan Kekal yang terdapat di Pulau Pinang. Senarai HSK beserta keluasan adalah seperti di Jadual 1. Tiada kawasan Hutan Simpanan Kekal di Pulau Pinang yang diwarta keluar sejak tahun 2008.

BIL	HUTAN SIMPANAN KEKAL	KELUASAN (HA)
1	HSK Balik Pulau	166.38
2	HSK Bukit Gemuroh	51.66
3	HSK Bukit Genting	9.09
4	HSK Bukit Juru	150.18
5	HSK Bukit Kerajaan	2287.91
6	HSK Bukit Mertajam	312.95
7	HSK Bukit Panchor	446.60
8	HSK Bukit Relau	67.56
9	HSK Bukit Seraya	45.11
10	HSK Byram	214.66
11	HSK Highlands	91.54
12	HSK Laksamana	226.28
13	HSK Pasir Panjang	32.77
14	HSK Penara Bukit	94.99
15	HSK Pantai Acheh	73.05
16	HSK Telok Bahang	830.20
	JUMLAH	**5100.93**

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

5. Berapakah projek-projek pembangunan di atas cerun bukit yang telah diluluskan oleh Pihak Berkuasa Tempatan iaitu Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) sejak tahun 2008 sehingga kini? Sila senaraikan projek-projek tersebut serta status pembangunan tersebut. Apakah kawalan yang khas untuk pembangunan di cerun bukit untuk mengelakkan tragedi tanah runtuh?

Y.A.B. Ketua Menteri:

5. Terdapat 20 permohonan kebenaran merancang yang telah diluluskan oleh MPPP sejak 2008 hingga kini. Senarai projek adalah seperti di Lampiran. Tiada projek pembangunan di atas cerun bukit yang diluluskan kebenaran merancang oleh MPSP dari tahun 2008 hingga kini. MPSP hanya meluluskan Pelan Kerja Tanah bagi cadangan pembinaan kolam air konkrit bertulang di Mukim 12 Tok Kangar, SPT pada 29 November 2011 untuk Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang.

Bagi mengelakkan tragedi tanah runtuh bagi pembangunan bercerun, Kerajaan Negeri telah menyediakan Garis Panduan *Safety Guideline For Hill Side Development 2012* bagi tujuan pengawalan dalam kelulusan pembangunan bagi kawasan tanah tinggi. Kerajaan Negeri juga menubuhkan Jawatankuasa Pengurusan Tanah Berisiko Negeri Pulau Pinang. MPPP juga mewujudkan tindakan kawalan khas untuk pembangunan di cerun bukit bagi mengelak tragedi tanah runtuh seperti berikut :-

(i) Mengemukakan laporan geoteknikal oleh jurutera geoteknikal bertauliah dan review oleh Jurutera Geoteknikal lain.

(ii) Membentangkan laporan geoteknikal ini dalam Jawatankuasa Pengurusan Tanah Berisiko Negeri Pulau Pinang untuk kelulusan.

(iii) Pemaju dikehendaki melantik dua orang Jurutera Geoteknikal untuk menyelia kerja-kerja semasa pembinaan.

* lihat Folder Lampiran (ID 193 Sol. 5 BLKL)

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

6. Dalam projek 1BestariNet di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia, berapa buah sekolah di Negeri Pulau Pinang akan dibina menara telco? Senaraikan nama sekolah dan lokasi mengikut daerah. Adakah pembinaan menara telco tersebut mendapat kelulusan merancang daripada Pihak Berkuasa Tempatan serta implikasi kesihatan terhadap orang ramai?

Y.A.B. Ketua Menteri:

6. Program 1BestariNet adalah di bawah Kementerian Pelajaran dan Y.A.B. Timbalan Perdana Menteri telah menulis surat kepada Y.A.B. Ketua Menteri untuk menyegerakannya agar memastikan keperluan internet akses diberikan kepada semua pelajar khususnya golongan tidak berada. Setakat ini sebanyak 132 sekolah dikenal pasti dan dicadangankan (53 di Daerah Timur Laut dan Daerah Barat Daya dan 29 di seluruh Seberang Perai). Kelulusan pembinaan Menara Telco di bawah projek 1BestariNet untuk Kementerian Pelajaran bagi kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (MPPP dan MPSP) telah dikecualikan dari kebenaran merancang oleh Jawatankuasa Perancang Negeri (SPC) dan sebaliknya pemohon hanya perlu mengemukakan pelan bangunan untuk kelulusan PBT serta menyelaraskan segala bayaran yang telah ditetapkan. Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang juga telah memberi persetujuan ini, manakala sehingga kini sebanyak 24 tapak telah diluluskan dikawasan ini .

Bagi kawasan MPSP pula, jumlah sekolah yang akan dibina Menara Telco adalah sebanyak 79 buah sekolah. Senarai sekolah dan lokasi adalah seperti di bawah:-

SENARAI SEKOLAH DISEBERANG PERAI YANG TERLIBAT DENGAN PROJEK 1BESTARINET INTEGRATED RECEIVER SYSTEM (1BRIS)

SEBERANG PERAI UTARA

BIL	NAMA SEKOLAH	LOKASI
1.	SK Kuala Muda	Kuala Muda, 13110 Penaga
2.	SK Permatang Buloh	Permatang Buloh, 13220 Kepala Batas
3.	SK Lahar Yooi	Lahar Yooi, 13300 Tasek Gelugor
4.	SK Kampong To' Bedor	Kg. To' Bidor, 13300 Tasek Gelugor
5.	SK Padang Menora	-
6.	SK Bagan Jermal	Bagan Jermal, Butterworth
7.	SK Pinang Tunggal	Pinang Tunggal, 13210 Kepala Batas
8.	SK Lahar Kepar	Lahar Kepar, 13200 Kepala Batas
9.	SK Pematang Binjai	Permatang Binjai, 13100 Penaga
10.	SK Taman Senangan	Jalan Telok Ayer Tawar, 13050 Butterworth
11.	SK Bagan Ajam	Bagan Ajam, 13050 Butterworth
12.	SK Sungai Puyu	Jalan Benggali, Sg. Puyu, 13020 Butterworth
13.	SK Ara Rendang	Ara Rendang
14.	SK Seri Gemilang	Jalan Padang Benggali, Telok Ayer Tawar, 13050 Butterworth
15.	SRJK(C) Mak Mandin	Mak Mandin
16.	SMK Desa Murni	Sungai Dua, 13800 Butterworth
17.	SMK Kampong Selamat	Kg. Selamat, 13300 Tasek Gelugor

18.	SMK Mak Mandin	Tkt Mak Mandin 2, 13400 Butterworth
19.	SMK Bagan Jaya	Jalan Ong yi How, 13400 Butterworth
20.	SMK Sri Muda	Penaga
21.	SMK Bertam Indah	Taman Bertam Indah, 13200 Kepala Batas.
22.	SM Sains Kepala Batas	Jalan Pokok Jenerih, 13200 Kepala Batas.
23.	SMK Bertam Perdana	Bertam Perdana 3, 13200 Kepala Batas.
24.	SMK Telok Ayer Tawar	Telok Ayer Tawar, 13050 Butterworth
25.	SMK Permatang Tok Jaya	Sg. Dua, 13800 Butterworth
26.	SM Kampung Kastam	Kampung Kastam, Butterworth
27.	SJK(C) Nung Min	-
28.	SJK (C) Sin Chung	-
29.	SRJK (C) Li Hwa	-
30.	SRK ST Mark (M)	Butterworth
31.	SRK Assumption	Butterworth
32.	Maahad Al-Imam An-Nawawi	-
33.	SMA Daeratul Ma'arifil Wataniah Satu	Kepala Batas
34.	SM Chung Ling Butterworth	Butterworth
35.	BTPN Pulau Pinang	Pokok Sena, 13220 Kepala Batas

SEBERANG PERAI TENGAH

BIL	NAMA SEKOLAH	LOKASI
1.	SK Sungai Rambai	Jalan Manggis, Bkt. Mertajam
2.	SK Kebun Sireh	Jalan Kebun Sireh, Bkt. Mertajam
3.	SK Juru	Juru
4.	SK Alma	Jalan Alma, Bkt. Mertajam
5.	SK Alma Jaya	Alma, BM
6.	SK Machang Bubuk II	Bukit Mertajam
7.	SK Machang Bubuk	Jalan Gajah Mati, Bkt. Mertajam
8.	SK Permatang Tok Kandu	Pmtg Pauh
9.	SK Jalan Baharu	Jalan baru, Perai
10.	SK Taman Impian	Taman Impian Ria, BM
11.	SK Juara	-
12.	SK Permatang Pasir	Pematang Pasir
13.	SK Bandar Baru Perda	Bandar Perda, BM
14.	SRJK(C) True Light	Simpang Ampat.
15.	SJK (C) Kampung Sungai Lembu	Kg. Sg. Lembu, BM
16.	SRJK (C) Perkampungan Berapit	Berapit, BM
17.	SJK (T) Permatang Tinggi	Simpang Ampat
18.	SMK Taman Inderawasih	Tmn Inderawasih, perai
19.	SMK Perai	Perai
20.	SMK Seberang Jaya	Jalan Sembilang, Sbrg Jaya
21.	SMK Permai Indah	Bukit Minyak, BM
22.	SMK Alma	Jalan Bukit Minyak, BM
23.	SM Jalan Damai	-
24.	SMK Guar Perahu Indah	Kubang Semang, BM

BIL	NAMA SEKOLAH	LOKASI
25.	SMK Pauh Jaya	Taman Pauh Jaya, Perai
26.	SMK Permatang Rawa	Jalan Pmtg Rawa, BM
27.	SMK Berapit	Jln Berapit, BM
28.	SMK Taman Sejahtera	Tmn Sejahtera, BM
29.	SMK Mengkuang	Mengkuang
30.	SRJK (T) Ladang Juru	Ladang Juru
31.	SRJK (C) Peng Bin	-

SEBERANG PERAI SELATAN

BIL	NAMA SEKOLAH	LOKASI
1.	SK Seri Tasek	Simpang Ampat
2.	SK Sungai Setar	Sg. Kechil, Nibong Tebal
3.	SK Sg. Bakau	Sungai Bakap
4.	SK Batu Kawan	Batu Kawan, Simpang Ampat
5.	SK Bandar Tasek Mutiara	Simpang Ampat
6.	SK Bakap Indah	Sg. Jawi
7.	SK Sungai Bakap	Sungai Bakap
8.	SMK Seri Nibong	Jln. Ooi Kar Seng, Nibong Tebal
9.	SMK Valdor	Valdor
10.	SMK Jawi	Jawi
11.	SJK(T) Ladang Jawi	Jawi
12.	SJK (C) Boon Beng	-
13.	SJK (C) Keng Koon	-

Nota : Bagi sekolah yang tiada lokasi, permohonan belum diterima oleh MPSP

Mengenai implikasi kesihatan terhadap orang ramai, isu ini perlu dipanjangkan kepada Suruhanjaya Komunikasi & Multimedia Malaysia (SKMM) manakala pihak Jabatan Kesihatan Negeri memaklumkan bahawa mereka tidak mempunyai kepakaran dalam menilai risiko kesihatan akibat radiasi terhadap penduduk sekitar dan tidak menjalankan kajian atau pemantauan radiasi Menara Telco. Perkara ini juga adalah diluar bidang kuasa Kerajaan Negeri.

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

7. Adakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang mempunyai rancangan untuk mewujudkan ADUN Muda Negeri Pulau Pinang seperti di Parlimen dan juga di Negeri Selangor? Sekiranya ada, apakah pelan tindakan yang dirancang? Sekiranya tidak, kenapa?

Y.A.B. Ketua Menteri:

7. Kerajaan Negeri sedar usaha bagi mendidik dan mendedahkan generasi muda terhadap peranan dan tanggungjawab sebagai rakyat yang peka terhadap isu semasa dan mengetahui hak asasi amat penting. Perkara ini penting bagi melahirkan generasi yang berfikiran terbuka, analitik dan matang dalam membuat keputusan. Dewan Undangan Negeri telah mengadakan sesi Persidangan Parlimen Muda bagi tahun 2012 pada 12 sehingga 14 Oktober 2012. Seramai 32 ahli Parlimen Muda yang berumur 25 tahun ke bawah menghadiri persidangan tersebut. Buat masa sekarang, Kerajaan Negeri tiada perancangan yang khusus terhadap Program Parlimen Muda ini, walau bagaimanapun Kerajaan Negeri sentiasa menggalakkan program sebegini diteruskan dari semasa ke semasa.

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

8. Memandangkan anggota Polis DiRaja Malaysia (PDRM) untuk menjaga keselamatan adalah tidak mencukupi, adakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan mewujudkan Polis Bantuan di bawah Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP)? Sila senaraikan bilangan anggota PDRM yang bertugas untuk menjaga keselamatan mengikut daerah. Berapakah jumlah kekurangan anggota mengikut daerah?

Y.A.B. Ketua Menteri:

8. MPPP pernah membuat permohonan untuk melantik pegawai-pegawai penguatkuasa MPPP sebagai Polis Bantuan pada tahun 2010. Walau bagaimanapun, melalui surat bertarikh 11 Mac 2011, permohonan MPPP telah ditolak oleh Ketua Polis Negara. Manakala MPSP sudah pun mempunyai 30 anggota Polis Bantuan.

Bilangan anggota Polis mengikut daerah adalah seperti berikut:

Bil.	Daerah	Jumlah pegawai dan anggota Polis
1	IPK Polis Pulau Pinang	896
2	Timur Laut	1452
3	Barat Daya	853
4	Seberang Perai Utara	909
5	Seberang Perai Tengah	843
6	Seberang Perai Selatan	618
	Jumlah	**5571**

Penugasan Polis di daerah bukan sahaja dilaksanakan oleh Polis mengikut daerah masing-masing. Pada masa tertentu pihak Polis akan mengembelingkan keseluruhan kekuatan termasuk di peringkat Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) dan daerah lain dalam melaksanakan penguatkuasaan undang-undang.

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

9. Berapakah peruntukan yang digunakan untuk pelaksanaan Briged Wanita? Sejauh manakah sambutan daripada kalangan wanita di Negeri Pulau Pinang? Sila senaraikan bilangan anggota Briged Wanita mengikut KADUN serta daerah.

Y.A.B. Ketua Menteri:

9. Sejak dilancarkan pada 22hb Jun 2013, Briged Wanita Pulau Pinang mendapat sambutan menggalakkan dari kalangan wanita di semua kawasan DUN dan Parlimen di Pulau Pinang. Keahliaan Briged terdiri daripada pelbagai kaum dan mewakili di setiap komuniti sama ada kawasan taman perumahan, rumah pangsa mahupun kampung/luar bandar, pelbagai peringkat umur serta tanpa mengira kerjaya mereka. Keahlian Briged meningkat dari sebulan ke sebulan. Sambutan peserta bagi setiap kursus induksi melebihi sasaran merupakan tanda aras petunjuk peningkatan minat dan sambutan baik untuk menyertai Briged Wanita Pulau Pinang. Gerak kerja sukarela, berganding bahu membantu pembangunan wanita merupakan suatu elemen utama yang berjaya menarik minat wanita tempatan menyertai Briged Wanita. Sejak ia dilancarkan seramai 1,454 ahli Briged Wanita telah didaftarkan. Senarai mengikut KADUN adalah seperti di bawah:-

Kawasan DUN / Parlimen	Keahlian setakat 5/12/2013
N1 – Penaga	40
N2- Bertam	15
N3 – Pinang Tunggal	38
N4- Permatang Berangan	40
N5 – Sungai Dua	20
N6 - Telok Ayer Tawar	20
N7 – Sungai Puyu	11
N8 – Bagan Jermal	17
N9 – Bagan Dalam	25
N10 – Seberang Jaya	28
N11 – Permatang Pasir	122
N12 - Penanti	73
N13 Berapit	15
N14 Machang Bubuk	91
N15 – Padang Lalang	125
N16 - Perai	12
N17 – Bukit Tengah	60
N18 – Bukit Tambun	15
N19 - Jawi	55
N20 – Sungai Bakap	30
N21 Sungai Acheh	15
N22 – Tanjung Bungah	12
N23 – Air Puteh	10
N24 – Kebun Bunga	54
N25 – Pulau Tikus	10
N26 – Padang Kota	20
N27 - Pengkalan Kota	10
N28 – KOMTAR	30
N29 – Dato' Kramat	20
N30 - Sungai Pinang	98
N31 – Batu Lanchang	50
N32 – Seri Delima	15
N33 – Air Itam	30
N34 – Paya Terubong	50
N35 – Batu Uban	42
N36 – Pantai Jerjak	29
N37 – Batu Maung	80
N38 – Bayan Lepas	56
N39 – Pulau Betong	120
N40 – Telok Bahang	78
P50 – Parlimen Jelutong	18
Parlimen Bukit Gelugor	9
JUMLAH	**1708**

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

10. Sejauh manakah keberkesanan konsep gender responsif bajet yang telah dilaksanakan dalam urus tadbir Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)? Berapakah peruntukan telah digunakan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan PBT untuk melaksanakan konsep tersebut? Apakah status pelaksanaan tersebut?

Y.A.B. Ketua Menteri:

10. Kerajaan Negeri pada pada masa kini sedang mengemaskini cadangan Senarai Semakan Gender untuk Reka Bentuk Bandar dan Penempatan/Perumahan (Gender Checklist for Urban Design and Housing). Senarai semakan ini akan berfungsi sebagai garis panduan bagi melaksanakan pembangunan mesra gender (gender responsive). Pihak kerajaan akan meminta kerjasama pelbagai jabatan dan agensi kerajaan, NGO dan Comunity Based Organization (CBO), syarikat-syarikat awam dan swasta, dan komuniti dan orang awam dalam pelaksanaannya. Pada masa ini Kerajaan Negeri belum mengeluarkan apa-apa peruntukan untuk konsep ini tetapi berkajasama dengan PBT untuk melaksanakan projek ini. Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) menyediakan peruntukan sebanyak RM600,000 untuk projek ini iaitu RM200,000 setahun selama tempoh tiga (3) tahun dari 1 April 2012 hingga 31 Mac 2015 manakala, Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) telah memperuntukan RM63,000.00 pada tahun 2012 dan RM200,000.00 bagi tahun 2013 dan 2014 untuk memajukan projek-projek GRB.

Konsep *gender* responsif bajet dalam urus tadbir Kerajaan Negeri dan PBT telah menunjukkan kesan dengan penubuhan Jawatankuasa-Jawatankuasa untuk membincang dan melaksanakan program-program pendedahan, pendidikan dan kaji selidik keperluan gender. Kedua-dua PBT menganggotai Jawatankuasa Pemandu Projek Perintis Gender Responsive Budgeting (GRB) di peringkat Negeri Pulau Pinang yang dipengerusikan oleh Y.B Tuan Chow Kon Yeow. MPSP telah mewujudkan Jawatankuasa Gender mulai 10 Januari 2013 di mana Yang Di Pertua sebagai Pengerusi dan keahliannya di kalangan Ahli Majlis bertujuan untuk mengarusperdanakan gender ke dalam pengurusan dan perancangan. Selain itu, MPSP juga telah menubuhkan Jawatankuasa Kerja GRB di peringkat MPSP yang dipengerusikan oleh Setiausaha Perbandaran untuk melaksanakan keputusan Jawatankuasa Gender dan Jawatankuasa Pemandu.

Status pelaksanaan GRB di Seberang Perai adalah mengikut jadual. Projek yang telah dan sedang dijalankan adalah:-

(i) Projek keselamatan di PPR Ampangan, Ampang Jajar bersama komuniti telah memasuki Fasa 4 iaitu melaksanakan projek membangunkan Taman Rekreasi seperti yang diputuskan dalam bancian dengan penduduk di peringkat Fasa 1 hingga 3.

(ii) Projek kebersihan dan kitar semula dilaksanakan bersama Jawatankuasa LA21 di Taman Tambun Indah, SPS.

(iii) Program Wanita Hijau yang sedang dilaksanakan di SPT diperluaskan ke SPS dan SPU. Dilaksanakan secara bersama dengan Jawatankuasa LA21 Kecemerlangan Wanita.

(iv) Pembangunan kapasiti kepada kakitangan MPSP bertujuan untuk memberi kefahaman mengenai keperluan gender ketika menjalankan tugas.

(v) Projek komuniti dijalankan di Kampung Ladang Kalidonia, Nibong Tebal, SPS.

(vi) MPSP dengan kerjasama PWDC telah melaksanakan kajian manfaat/faedah gender ke atas beberapa projek MPSP yang baru disiapkan seperti penyelenggaraan gelanggang bola keranjang di Taman Desa Palma.

(vii) Reka bentuk baru tandas wanita lebih besar dan lebih banyak di tempat-tempat awam.

(viii) Membuat kajian penambahbaikan pusat asuhan kanak-kanak di bangunan MPSP.

(ix) MPSP juga telah mewujudkan bilik laktasi di dalam bangunan MPSP untuk pekerja wanita MPSP memberi penyusuan bayi.

Di kawasan Pulau pula, sejak April 2012, Kumpulan GRB telah giat menjalankan projek di PPR Jalan Sungai. Objektif projek perintis ini adalah untuk memahami keperluan dan kehendak penduduk dan pada masa yang sama mewujudkan perhubungan dua hala di antara penduduk PPR dan PBT melalui sesi dialog.

MPPP sentiasa peka tentang keperluan pengguna PPR Jalan Sungai yang merupakan satu skim perumahan rakyat di bawah naungan MPPP. Penglibatan komuniti dalam Projek GRB ini telah berjaya mendapat maklum balas yang bernas daripada penduduk dan boleh diguna pakai untuk perancangan dan pembuatan keputusan. Sesi kumpulan tumpu bincang telah pun dijalankan untuk mendengar suara penduduk dan mengenal pasti permasalahan. Pendekatan memberi peluang kepada penduduk untuk membuat cadangan merupakan satu pendekatan yang bijak kerana ianya dapat membantu penduduk lebih prihatin terhadap penyelenggaraan bangunan di PPR ini. Keprihatinan penduduk terhadap penyelenggaraan dapat mengurangkan kes-kes vandalisme dan menurunkan kos penjagaan dan membaik pulih.

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

11. Senaraikan semua *Government Linked Companies* (GLC) di bawah Kerajaan Negeri Pulau Pinang dengan senarai nama Pengarah Eksekutif dan gaji bulanan mereka.

(a) Berapakah jumlah peruntukan yang dibelanjakan dan keuntungan yang diperolehi oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk menampung *overhead expenses* bagi setiap GLC bagi tahun 2010, 2011, 2012 dan 2013?

Y.A.B. Ketua Menteri:

11. Syarikat GLC di bawah Kerajaan Negeri Pulau Pinang ialah PBA Holdings Berhad (PBAHB) yang merupakan sebuah syarikat persendirian yang disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) di mana Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Senarai Ahli Lembaga Pengarah PBAHB adalah seperti berikut:-

(i) Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng - Pengerusi
(ii) YB. Dato' Haji Mohd Rashid Bin Hasnon – Timbalan Pengerusi
(iii) YB. Prof. Dr. Ramasamy a/l Palanisamy – Ahli Lembaga Pengarah
(iv) YB. Dato' Farizan bin Darus – Ahli Lembaga Pengarah
(v) YB. Tuan Chow Kon Yeow – Ahli Lembaga Pengarah
(vi) YB. Tuan Lim Hock Seng – Ahli Lembaga Pengarah
(vii) YB. Dato' Haji Abdul Malik B. Abul Kassim – Ahli Lembaga Pengarah
(viii) YB. Dato' Mokhtar Bin Mohd Jait – Ahli Lembaga Pengarah
(ix) Tuan Haji Mohamad Bin Sabu – Ahli Lembaga Pengarah
(x) Y.Bhg. Dato' Chew Kong Seng – Ahli Lembaga Pengarah Bebas
(xi) Y.Bhg. Dato' Syed Mohamad bin Syed Murtaza – Ahli Lembaga Pengarah Bebas
(xii) Y.Bhg. Dato' Seri Nazir Ariff Bin Mushir Ariff – Ahli Lembaga Pengarah Bebas
(xiii) Y.Bhg. Dato' Athi Isvar Athi Nahappan – Ahli Lembaga Pengarah Bebas
(xiv) Ms. Agatha Foo Tet Sin – Ahli Lembaga Pengarah Bebas

Jumlah elaun yang diterima oleh Ahli Lembaga Pengarah PBAHB adalah seperti berikut:

Jenis Elaun	Pengerusi	Ahli Lembaga Pengarah	Ahli Lembaga Pengarah Bebas
Elaun Tetap	RM500	RM500	RM1,500
Elaun Luar Negeri	Tiada	Tiada	RM1.500
Elaun Mesyuarat	RM300	RM300	RM300

* Elaun-elaun ini tidak ada perubahan sejak diberikan dalam tahun 1999.

Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP) adalah merupakan sebuah anak syarikat di bawah PBA Holdings Berhad (PBAHB) di mana membekalkan perkhidmatan air ke seluruh Negeri Pulau Pinang.

Berikut adalah senarai Ahli Lembaga Pengarah PBAPP:

(i) Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng – Pengerusi
(ii) YB. Dato' Haji Mohd Rashid Bin Hasnon - T.Pengerusi
(iii) YB. Prof. Dr. P. Ramasamy a/l Palanisamy – Ahli Lembaga Pengarah
(iv) YB. Dato' Farizan bin Darus – Ahli Lembaga Pengarah
(v) YB. Tuan Lim Hock Seng – Ahli Lembaga Pengarah
(vi) YB. Dato' Mokhtar Bin Mohd Jait – Ahli Lembaga Pengarah
(vii) YB. Tuan Lau Keng Ee – Ahli Lembaga Pengarah
(viii) YB. Tuan Ng Wei Aik – Ahli Lembaga Pengarah
(ix) YB. Tuan Sim Tze Tzin – Ahli Lembaga Pengarah
(x) YB. Tuan Teh Yee Cheu – Ahli Lembaga Pengarah

Semua Ahli Lembaga Pengarah PBAPP tidak diberikan gaji bulanan namun elaun yang diterima oleh Ahli Lembaga Pengarah PBAPP:

Jenis Elaun	Pengerusi	Ahli Lembaga Pengarah	Ahli Lembaga Pengarah Bebas
Elaun Tetap	RM3,000	RM1,500	RM1,000
Elaun Mesyuarat	RM300	RM300	RM300

(i) PBAPP adalah syarikat yang bertanggungjawab membekalkan perkhidmatan bekalan air keseluruh Negeri Pulau Pinang.

(ii) PBAPP telah mencapai liputan bekalan air ke kawasan bandar sebanyak 100% dan kawasan luar bandar 99.7%.

(iii) Pencapaian kadar NRW terendah di seluruh negara iaitu 17.6%.

(iv) Merekodkan kecekapan kutipan (collection efficiency) 92.4%.

(v) PBAPP telah memenangi Anugerah Industri Kementerian Tenaga. Teknologi Hijau & Air Malaysia (keTTHA) 2013 untuk kategori *Efficiency Award & Water Services Operator Of The Year* pada 21.11.2013.

Untuk maklumat lengkap mengenai anak-anak syarikat PBAHB, pegangan saham, Ahli Lembaga Pengarah, elaun Ahli Lembaga Pengarah dan fungsi dan peranan syarikat-syarikat, sila rujuk lampiran.

* lihat Folder Lampiran (ID 113 Sol. 11 BLKL)

Kepentingan Kerajaan Negeri di dalam PBAHB dan PBAPP adalah kerana Kerajaan Negeri merupakan pemegang syer terbesar. Kerajaan Negeri tidak terlibat di dalam menampung kos syarikat termasuk kos *overhead* manakala hasil keuntungan yang diperolehi oleh PBAHB adalah sebanyak RM10juta setiap tahun.

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

12. Senaraikan secara terperinci tentang rumah pangsa berstrata di kawasan Parlimen Bukit Mertajam mengikut projek. Nyatakan nama-nama pengerusi Joint Management Body (JMB)/Management Corporation (MC), alamat dan nombor telefon mereka. Nyatakan bilangan unit dan tarikh diserahkan kepada JMB/MC serta sama ada aktif, tidak aktif atau bermasalah.

Y.A.B. Ketua Menteri:

12. Butir-butir terperinci mengenai rumah pangsa berstrata di perumahan Bukit Mertajam, hanya pengerusi dan alamat serta, telefon dan status keaktifan JMB/MC adalah seperti lampiran 'A' berkepil.

* lihat Folder Lampiran (ID 320 Sol. 12 BLKL)

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

13. Apakah rancangan pembangunan perumahan baru yang sedang dirancang di kawasan Parlimen Bukit Mertajam? Nyatakan lokasi, keluasan tanah dan tarikh kelulusan projek. Adakah kajian impak lalu lintas dan sistem pengaliran dibuat agar tidak mendatangkan kesan negatif?

Y.A.B. Ketua Menteri:

13. Terdapat 45 buah rancangan pembangunan perumahan baru yang sedang dirancang di kawasan Parlimen Bukit Mertajam. Maklumat terperinci projek beserta lokasi, keluasan tanah dan tarikh kelulusan projek adalah seperti di bawah:-

* lihat Folder Lampiran (ID 321 Sol. 13 BLKL)

Aspek lalu lintas dan sistem pengairan telah diambilkira semasa suatu rancangan pembangunan dipertimbangkan di peringkat kebenaran merancang. Agensi teknikal seperti Jabatan Kerja Raya, Jabatan Pengairan dan Saliran dan Jabatan Kejuruteraan Majlis Perbandaran Seberang Perai turut dirujuk bagi meneliti aspek-aspek tersebut semasa suatu pelan kebenaran merancang dipertimbangkan.

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

14. Flat Taman Budiman mengalami kerosakan bumbung serta keadaan yang kritikal. Bilakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan mengambil tindakan untuk memperbaiki bumbung dan dinding flat tersebut? Kenapa masalah tersebut tidak diambil tindakan sehingga kini?

Y.A.B. Ketua Menteri:

14. Rumah Pangsa Taman Budiman yang terletak di Alma, Bukit Mertajam adalah projek perumahan swasta dan menjadi tanggungjawab Badan Pengurusan berkenaan menguruskannya. Walau bagaimanapun, sebagai usaha membantu perumahan sebegini Kerajaan Negeri telah menyediakan peruntukan sebanyak RM50 juta untuk membaiki, menaik taraf dan memulihkan rumah pangsa kos rendah dan kos sederhana rendah yang dimajukan oleh pihak swasta di bawah Program Bantuan Perumahan Pulau Pinang atau Housing Assisted Programme Of Penang, YES! (HAPPY!).

Program HAPPY! ini adalah untuk membiayai baki (topup) jumlah kos penyelenggaraan yang akan ditanggung oleh Kerajaan Persekutuan iaitu 90% kos untuk projek perumahan kos rendah dan 70% kos untuk projek perumahan kos sederhana rendah melalui program Tabung Penyelenggaraan 1 Malaysia (TP1M). Maka projek perumahan swasta yang layak memohon untuk bantuan peruntukan dari TP1M seharusnya membuat sedemikian dan sekiranya permohonan tersebut diluluskan, maka pihak Kerajaan Negeri sentiasa bersedia untuk membiayai baki 10% atau 30% masing-masing untuk projek kos rendah dan kos sederhana rendah. Selain dari itu, Kerajaan Negeri juga telah memperuntukkan bajet sebanyak RM3 juta untuk kerja-kerja mengecat semula Rumah Pangsa milik Kerajaan Negeri manakala bagi menaik taraf lif, ianya juga turut merangkumi rumah kos rendah dan rumah kos sederhana rendah projek swasta atas keperluan mendesak yang boleh menjejaskan keselamatan nyawa jika tidak dibaiki.

Bagi rumah kos rendah swasta, pembiayaan bagi pembaikan tersebut adalah diperuntukkan sebanyak 90% oleh Kerajaan Negeri dan baki 10% adalah sumbangan daripada penduduk/Badan Pengurusan Bersama(JMB)/Perbadanan Pengurusan (MC) atau pihak swasta. Manakala bagi rumah kos sederhana rendah swasta pula Kerajaan Negeri akan menanggung sebanyak 70% dan 30% sumbangan daripada penduduk/JMB/MC atau badan swasta. Rumah Pangsa Taman Budiman merupakan projek swasta dan pihak penduduk boleh memohon melaksanakan kerja-kerja pembaikan bumbung yang rosak melalui peruntukan tersebut. Sehingga kini, permohonan masih belum diterima untuk kerja tersebut daripada pihak penduduk.

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

15. Senaraikan CCTV yang telah dan akan dipasang oleh Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) di KADUN Machang Bubuk mengikut lokasi, tarikh dipasang, bilangan dan kos pemasangan. Apakah kriteria yang diambil kira dalam menentukan pemasangan CCTV tersebut?

Y.A.B. Ketua Menteri:

15. Sehingga kini, tiada CCTV yang dipasang di KADUN Machang Bubuk. Walau bagaimanapun, tiga (3) buah CCTV telah disenaraikan untuk pemasangan bagi tahun 2013 / 2014 seperti berikut :

    (i) Persimpangan Lampu Isyarat Jalan Kulim ke Taman Machang Bubuk

    (ii) Simpang Jalan Kolam / Sekolah Kebangsaan Juara Cherok To' Kun

    (iii) Persimpangan lampu isyarat Jalan Rozhan / Jalan masuk ke Tesco Alma / Persiaran Seri Impian

    Pemasangan CCTV tersebut masih dalam peringkat penilaian tender oleh pihak MPSP. Oleh itu, kos belum dapat ditentukan.

    Kriteria pemilihan lokasi adalah berdasarkan kriteria-kriteria yang ditentukan oleh PDRM iaitu di antaranya kadar jenayah yang tinggi atau berlaku peningkatan kadar jenayah.

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

16. Sila senaraikan jumlah peruntukan yang telah dibelanjakan oleh Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Tengah untuk pembangunan infrastruktur di kampung-kampung KADUN Machang Bubuk mengikut tahun 2010, 2011, 2012 dan 2013. Sila nyatakan rancangan dan cadangan pembangunan infrastruktur pada lima (5) tahun yang akan datang.

Y.A.B. Ketua Menteri:

16. Berkaitan dengan peruntukan yang disalurkan kepada Pejabat Daerah dan Tanah SPT (PDT SPT) untuk projek- projek pembangunan di KADUN Machang Bubuk, Kerajaan Negeri telah memperuntukan sebanyak RM1.8juta mulai tahun 2010 sehingga tahun 2013 dengan jumlah 131 projek yang telah dilaksanakan melalui pelbagai agensi meliputi projek- projek jalan kampung, dewan, gerai,baiki dan bina rumah golongan miskin, membina dan menaik taraf masjid, utiliti, longkang dan lain -lain projek infra. Perincian mengenai maklumat berkenaan disediakan sepertimana lampiran A.

PDT SPT juga tidak ketinggalan di dalam perancangan pembangunan untuk dinikmati oleh rakyatnya pada masa hadapan. Antara perancangan dan cadangan pembangunan infrastruktur yang telah dirangka untuk tempoh lima (5) tahun akan datang adalah:

(i) Mengenalpasti dan menaik taraf jalan-jalan kampung dan luar bandar yang rosak dan perlu diselenggara untuk kemudahan dan keselesaan pengguna. Bagi jalan-jalan yang telah dinaik taraf dan dibaharumuka akan didaftarkan di dalam Sistem Maklumat Rekod Jalan Raya Malaysia (MARRIS) supaya ianya dapat dibuat penyelenggaraan secara berkala;

(ii) Menilai dan mengkaji semula sistem perparitan di Perkampungan Baru yang tidak mempunyai sistem perparitan dan saliran yang sempurna semasa dibangunkan. Selain daripada itu, melalui Jabatan Pengairan dan Saliran Seberang Perai Tengah, PDT SPT telah memohon peruntukan untuk menjalankan Kajian Pelan Induk Sistem Saliran Mesra Alam bagi Daerah Seberang Perai Tengah dan ianya telah diluluskan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tebatan Banjir Negeri Pulau Pinang Bil. 4/2013. Melalui hasil kajian ini ianya akan menjadi panduan dan rujukan kepada semua agensi di Daerah Seberang Perai Tengah khususnya Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Jabatan Kerja Raya (JKR) dan Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Tengah (PDTSPT) sebelum pelaksanaan projek-projek yang berkaitan dengan saliran dan perparitan; dan

(iii) PDT SPT telah mengenalpasti tanah-tanah kerajaan dan kawasan-kawasan lapang untuk dibina Gelanggang Futsal di setiap KADUN termasuk di KADUN Machang Bubuk bagi menggalakkan aktiviti bersukan di kalangan penduduk khususnya di kalangan belia.

Berkaitannya juga, MPSP turut menyediakan pelan pembangunan untuk KADUN Machang Bubuk untuk tempoh lima (5) tahun akan datang seperti di lampiran B.

*** lihat dalam Folder Lampiran A & B (ID 324 Sol. 16 BLKL)**

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

17. Sila senaraikan butiran projek-projek yang telah dilaksanakan dan jumlah peruntukan yang telah dibelanjakan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) di KADUN Machang Bubuk mengikut tahun 2010, 2011, 2012, dan 2013. Senaraikan rancangan lima (5) tahun yang akan datang untuk menangani masalah banjir di KADUN Machang Bubuk.

Y.A.B. Ketua Menteri:

17. Butiran projek-projek yang dijalankan oleh JPS dan jumlah peruntukan yang diluluskan di KADUN Machang Bubuk mengikut tahun 2010, 2011, 2012, dan 2013 adalah seperti di Lampiran.

Bagi menangani masalah banjir di ADUN Machang Bubuk, perancangan melibatkan tempoh 5 tahun telah disediakan iaitu:-

(i) Projek membina kolam-kolam takungan banjir di Lembangan Sungai Junjong;

(ii) Projek RTB Sungai Junjung; dan

(iii) Projek Pembinaan Sebuah Saluran Pintasan (Bypass Channel) Di Permatang Tinggi.

Butiran projek-projek bagi KADUN Machang Bubuk dari tahun 2010 hingga 2013 adalah seperti di Lampiran.

* lihat Folder Lampiran (ID 325 Sol. 17 LKL)

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

18. Apakah langkah-langkah proaktif Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam membantu kedai-kedai runcit serta pengusaha kecil dalam persaingan sengit dengan hypermarket? Apakah kuasa dan peranan Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam mengawal dan melulus pembangunan *hypermarket* dikawasan perumahan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

18. (a) Kerajaan Negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan telah mensyaratkan bahawa sebelum sesebuah *hypermarket* yang baru diberikan kelulusan untuk kebenaran merancang, pihak pemohon adalah dikehendaki mengemukakan laporan analisis yang turut mengambil kira impak ke atas peniaga- peniaga kecil di kawasan sekitarnya kepada Pihak Berkuasa Tempatan. Hasil daripada laporan tersebut akan dijadikan sebagai asas dalam mempertimbangkan permohonan tersebut termasuk membuat *zoning* kawasan dan pandangan daripada Jabatan Teknikal juga akan diambilkira. Ini adalah merupakan langkah yang diambil bagi mengelakkan berlaku sebarang ketidakadilan kepada para pekedai runcit dan peniaga kecil di sesebuah kawasan.

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

19. Sejauh manakah Sistem Pemantauan Bandar Selamat (SPBS) dilaksanakan di Negeri Pulau Pinang? Sila senaraikan taman perumahan yang mempunyai status SPBS mengikut daerah. Apakah kriteria yang diambil kira dalam proses menentukan SPBS di sesuatu taman perumahan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

19. Sistem Pemantauan Bandar Selamat (SPBS) yang mengandungi pemetaan GIS jenayah dan Program Bandar Selamat adalah salah satu daripada 6 langkah segera Program Bandar Selamat yang diperakukan oleh NKRA Mengurangkan Jenayah di bawah Program Transformasi Kerajaan (GTP). SPBS adalah satu sistem yang mengintegrasikan elemen penandaan kejadian jenayah di peta atas pelantar sistem maklumat geografi (GIS) yang mempunyai koordinat. Sistem ini yang telah dilancarkan pada tahun 2010 adalah merupakan transformasi pemetaan lokasi kejadian jenayah dari pin map kepada peta digital. Sistem ini mampu mengurus data dan menyediakan maklumat jenayah bagi menyokong dan mempertingkatkan keberkesanan Program Bandar Selamat (PBS) yang telah dilaksanakan. SPBS direkabentuk bagi membolehkan data jenayah sentiasa dikemas kini setiap kali aduan didaftarkan oleh pihak PDRM.

Objektif utama Sistem Pemantauan Bandar Selamat (SPBS) adalah :

(i) memantau keberkesanan pelaksanaan langkah Program Bandar Selamat dalam menangani jenayah jalanan di kawasan pihak berkuasa tempatan (PBT);

(ii) mengenal pasti kawasan hotspot sedia ada dan berpotensi;

(iii) mengenal pasti corak jenayah dan lokasi yang kerap berlaku jenayah; dan,

(iv) menyediakan maklumat untuk penguatkuasaan langkah-langkah pencegahan jenayah.

Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia (JPBD SM) dengan kerjasama PDRM telah diberi tanggungjawab untuk membangunkan dan memantau sistem tersebut. Bagi Negeri Pulau Pinang, Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) adalah antara 12 PBT pertama yang menggunakan SPBS. SPBS meliputi keseluruhan kawasan PBT dan tidak terhad kepada satu-satu taman perumahan dalam satu-satu daerah sahaja. Kriteria penentuan kawasan bagi pelaksanaan SPBS ini adalah berdasarkan maklumat rekod jenayah pihak PDRM. SPBS ini adalah di bawah kawalan dan pemantauan PDRM.

MPPP membantu melaksanakan projek berkaitan 6 Langkah segera Program Bandar Selamat seperti :

- Pencahayaan
- Pengasingan Laluan Pejalan Kaki dari Laluan Bermotor
- Cermin keselamatan / Pembersihan semak samun
- Penggera keselamatan
- CCTV
- Pemetaan GIS Jenayah

SPBS meliputi keseluruhan kawasan PBT (Seberang Perai) dan tidak terhad kepada satu-satu taman perumahan dalam satu-satu daerah sahaja. Lokasi yang menunjukkan data jenayah tertinggi ditunjukkan secara spatial sebagai kawasan hotspot.

Kawasan Hotspot bagi data jenayah yang dicatatkan antara bulan Januari – September 2013 untuk kawasan MPSP adalah seperti berikut :

(i) Pusat Bandar Seberang Jaya

(ii) Sekitar Kawasan Balai Polis dan Hospital Seberang Jaya

(iii) Bandar Perai Jaya (Sekitar Megamall Perai)

(iv) Taman Chai Leng

(v) Taman Inderawasih

(vi) Taman Pauh Indah

(vii) Sekitar Bandar Perda

(viii) Sekitar Pusat Bandar Bukit Mertajam

(ix) Jalan Bukit Tengah (Di sekitar Taman Limau Manis, Taman Sejati & Taman Bayu Mutiara)

Di bawah GTP 1.0 NKRA - Mengurangkan Jenayah, lokasi Program Bandar Selamat untuk tahun 2010 hingga 2012 dibuat berdasarkan kriteria hotspot iaitu kawasan yang mempunyai kadar jenayah tertinggi.

Manakala di bawah Inisiatif GTP 2.0 NKRA - Mengurangkan Jenayah, kriteria pemilihan lokasi Program Bandar Selamat bagi tahun 2013-2015 adalah menjurus kepada inisiatif Pemutihan Kawasan blackspot iaitu kawasan yang berpotensi berlaku jenayah berdasarkan persepsi penduduk.

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

20. Berapakah jumlah peruntukan serta peratusan dalam jumlah belanjawan tahunan yang digunakan oleh Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) dalam pengurusan sisa pepejal bagi tahun 2010, 2011, 2012, 2013? Apakah rancangan lima tahun yang diambil oleh MPSP dan MPPP untuk pengurusan sisa pepejal?

Y.A.B. Ketua Menteri:

20. (A) MPPP

Peruntukan untuk perbelanjaan bagi pengurusan sisa pepejal oleh MPPP untuk tempoh 2008 - 2012 adalah seperti berikut :

Tahun	Kos Perbelanjaan (RM)	Peratus Dalam Jumlah Belanjawan
2010	RM34.766.55	43.77
2011	RM35.837.212.45	48.43
2012	RM40.049.925.73	54.8
2013	RM91.068.400.00 (anggaran)	43.1

Kos ini melibatkan perbelanjaan untuk perkhidmatan pungutan MPPP dan kontrak pungutan sampah bagi kawasan selainnya, kontrak pemindahan sampah, kontrak tapak pelupusan sampah, perbelanjaan emolumen dan perbelanjaan modal serta operasi kenderaan termasuk kemudahan tong sampah.

Kos perbelanjaan bagi pembersihan awam untuk tempoh 2008 - 2012 adalah seperti berikut :

Tahun	Kos Perbelanjaan(RM)
2008	RM37452852.35
2009	RM31464796.36
2010	RM29618782.40
2011	RM27333953.65
2012	RM33559835.82

Kos ini melibatkan perbelanjaan untuk perkhidmatan pembersihan yang diuruskan oleh MPPP dan yang dikontrakkan. Sebahagian kawasan pembersihan jalan dan parit yang dikontrakkan, kontrak pembersihan pantai dan laut serta kos menaik taraf/menyelenggara tandas awam, perbelanjaan emolumen dan perbelanjaan modal serta operasi jentera pembersihan termasuk kemudahan peralatan.

Rancangan jangka pendek dan jangka panjang di dalam memantapkan sistem pengurusan sisa pepejal adalah di ambil pelan tindakan seperti berikut :-

Rancangan Pengurusan Sisa Pepejal

(a) Sistem Pungutan Dan Mengangkut Sampah

(i) Melaksanakan pengurusan sistem pungutan sampah secara hybrid mengikut kawasan secara berperingkat-berperingkat yang dikendalikan oleh MPPP. Perancangan dan pelaksanaan dalam tempoh lima (5) tahun pertama adalah melibatkan kawasan perkhidmatan dan kos perbelanjaan modal kenderaan (capex) seperti berikut :

Kawasan Perkhidmatan Perbelanjaan Modal Kenderaan (CAPEX) Catitan Balik Pulau RM1,944,500. Pelaksanaan mulai 2013.

(ii) Batu Maung - Bayan Lepas - Bayan Baru RM6,500,000. Cadangan pelaksanaan mulai 2015

Melaksanakan pengurusan sistem pungutan sampah bagi kawasan perkhidmatan yang selainnya yang dikendalikan secara penswastaan. Perancangan dan pelaksanaannya bagi tempoh lima (5) tahun akan datang mulai tahun 2015.

Kawasan yang diswastakan ini akan dikaji aspek perubahan seperti berikut:

(a) Keperluan pensempadanan semula kawasan untuk menentukan sesebuah skim perkhidmatan.

(b) Cadangan penambahbaikan kepada sistem dan piawaian perkhidmatan.

(c) Membangunkan portal mengenai pemberitahuan tentang perkhidmatan.

(iii) Melesenkan pengusaha perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan pengusaha barangan lusuh.

(iv) Menguatkuasakan pemasangan *Global Positioning System* (GPS) secara menyeluruh bagi pembekal perkhidmatan pungutan sampah yang di uruskan oleh MPPP dan syarikat swasta termasuk pengusaha barangan lusuh.

(v) Mengurangkan pewujudan longgokan sisa pepejal yang dilupuskan dengan menyalahi undang-undang dan penubuhan skuad pemantauan anggota penguatkuasa.

(vi) Mempertingkatkan mutu khidmat pembersihan dan pengurusan sisa pepejal, berpandukan kerangka Pelan Induk Pembersihan yang digunakan sebagai panduan bagi merancang dan mengawal aktiviti kebersihan mengikut kawasan fokus yang akan dijalankan secara berperingkat dengan mengambil tindakan bersepadu serta membasmi kawasan longgokan sampah. Kawasan-kawasan fokus yang terlibat dalam perancangan tersebut adalah seperti berikut :-

Heritage Enclave Pengkalan Weld termasuk Lebuh Macallum,Jalan Macalister Gurney Drive, Bukit Jambul, Queensbay, Bayan Mutiara, Bayan Baru, Jalan Utama, Hospital, Kediaman TYT, Kompleks Masyarakat Penyayang. Tempat tumpuan Pelancong Persisiran Pantai

(b) Sistem Pemindahan Sampah

(i) Meningkatkan kapasiti kenderaan dan kemudahan serta loji rawatan di Stesyen Pemindahan Sampah Ampang Jajar yang telah dilaksanakan pada tahun 2013.

(ii) Perancangan untuk membangunkan Stesyen Pemindahan Sampah Batu Maung yang berasaskan kepada *Containerised Transfer By Barge System* dengan menggunakan kaedah pengangkutan laut bagi pengendalian semua jenis sampah termasuk sampah domestik dan komersial, sisa binaan, marine clay. Sistem ini turut menyediakan Material Recovery Facility (MRF).

(c) Sistem Pelupusan Sampah

(i) Pemantapan sistem dan teknologi pengurusan sisa pepejal seperti pengurusan dan penyelenggaraan Tapak Pelupusan Sampah Pulau Burong (Sanitary Landfill Level IV) melalui rancangan penyediaan kemudahan rawatan *leachate* (mobile leachate treatment plant), ecopark, material recovery facility, dan *refuse derived fuel* secara berperingkat.

(ii) Perancangan untuk land mining dan rehabilitation Tapak Pelupusan Sampah Jelutong termasuk perancangan jangka pendek untuk pengurusan sisa binaan dan sampah pukal / kebun.

Rancangan Pengurangan Sisa Pepejal

(a) Merealisasikan usaha Kerajaan Negeri di dalam memperkukuhkan undang-undang dan peraturan serta garis panduan seragam yang berkaitan dengan sistem pengurangan sisa pepejal untuk sisa makanan, sisa binaan, sampah pukal dan sampah kebun dan sebagainya.

(b) Membangunkan dan memperluaskan model dan mekanisma pengurangan sisa pepejal yang berasaskan kepada budaya pengasingan sisa di peringkat punca yang berasaskan kepada prinsip 5R (Reduce, Reuse, Recycle, Rethink and Reinvent) berserta dengan syarat kegunaan teknologi yang bersesuaian seperti berikut :-

(i) Program Pengurangan Sisa Makanan yang melibatkan komuniti peniaga pasar, sekolah, pengurusan bangunan kediaman bertingkat tinggi, kompleks makanan, restoran, hotel dan hospital serta pasaraya melalui kaedah *decentralize segregation at source.*

(ii) Projek Ewaste Collection, Segregation and Transportation from Households *Recycling* yang dibangunkan bersama Jabatan Alam Sekitar dan Japan International Cooperation Agency berasaskan kepada penglibatan komuniti peniaga barangan elektronik dan elektrik dan syarikat *Full Recovery Facility.*

(iii) Program Pewujudan Pusat Sumber Alam Sekitar / Pusat Pengasingan Sisa Komuniti yang berperanan untuk merialisasikan pelbagai program yang berbentuk kesedaran dan penglibatan masyarakat tentang pemuliharaan alam sekitar.

Cadangan memperkukuhkan Pusat Sumber Alam Sekitar adalah seperti berikut:

(i) Menggunakan dewan atau tapak bersesuaian sebagai tempat pengumpulan barangan kitar semula di setiap komuniti dengan mengaktifkan jawatankuasa setempat.

(ii) Memperluaskan penglibatan program kitar semula dengan mensyaratkan penubuhan jawatankuasa kitar semula di setiap organisasi, agensi kerajaan, pusat perniagaan, pasar dan kawasan perumahan.

(iii) Mewujudkan pusat sumber pendidikan alam sekitar di Stesyen Pemindahan Sampah atau Tapak Pelupusan Sampah.

(iv) Menggalak masyarkat setempat untuk menjadi tenaga sukarelawan alam alam sekitar daripada komuniti penduduk, sektor restoran, sektor kilang, sektor sekolah dan sebagainya secara *self initiative.*

(v) Program Pengurangan Sisa Sifar bagi komuniti sekolah melalui program seperti Anugerah Sekolah Hijau dan sebagainya.

(vi) Projek Perintis Pengasingan Sisa Kebun dengan menggunakan *groundswell composting process.*

(c) Menambah baik penglibatan komuniti berterusan di peringkat sekolah, penduduk, badan pengurusan dan pengusaha/agen kitar semula. Melaksanakan program di bawah Majlis Perunding Komuniti yang bertindak sebagai platform ke arah Negeri Hijau dengan penglibatan ADUN, Ahli majlis, Persatuan Penduduk, NGO's dan swasta melalui program komuniti Cleaner, Greener Penang.

(d) Menguatkuasakan pendaftaran melalui pengeluaran permit terhadap organisasi atau pertubuhan bukan kerajaan dan institusi serta badan sukarela yang melaksanakan perkhidmatan kitar semula.

(B) MPSP

Menyediakan Perancangan lima tahun untuk pengurusan sisa pepejal di Seberang Perai adalah seperti berikut :

(i) Mengambil alih sepenuhnya (100%) kerja-kerja Perkhidmatan Pelupusan Sampah (PPS) dan Kerja Pembersihan Awam (KPA).

(ii) Memastikan pengurusan *Transfer Station* di Ampang Jajar berjalan lancar.

(iii) menaik taraf Tapak Pelupusan di Pulau Burung dari Sanitary Landfill Level III kepada *Level IV* dengan membina loji rawatan *leachate.*

(iv) Memanjangkan hayat Tapak Pelupusan Pulau Burung dengn membina fasiliti Material Recovery Facility (MRF) di Tapak Pulau Burung untuk memastikan supaya barangan yang boleh di kitar semula tidak dibuang ke tapak pelupusan.

(v) Mewujudkan dasar *Polluters Pay Policy* dengan mengenakan caj pelupusan sisa industri dan perdagangan di Tapak Pelupusan Pulau Burung.

(vi) Mempergiatkan konsep *Low Carbon City* melalui penggunaan semula sisa organik untuk dijadikan kompos, biogas atau menjana elektrik.

(vii) Memperkenalkan dasar pengagihan di punca.

Jumlah peruntukan serta peratusan jumlah belanjawan tahunan yang digunakan oleh MPSP dalam pengurusan sisa pepejal bagi tahun 2010 sehingga 2013 adalah seperti di Lampiran.

* lihat dalam Folder Lampiran (ID 331 Sol. 20 BYSH)

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

21. Apakah rancangan jangka masa panjang Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dalam menangani masalah banjir di KADUN Machang Bubuk? Dengan pembangunan perumahan yang pesat di sekitar Alma, keperluan kolam takungan air yang besar diperlukan. Apakah status pelaksanaan kolam takungan air yang dicadangkan oleh JPS di Kawasan Alma?

Y.A.B. Ketua Menteri:

21. Rancangan jangka masa panjang JPS dalam menangani masalah banjir di KADUN Machang Bubuk adalah seperti berikut:

(i) Pelaksanaan projek membina kolam-kolam takungan banjir di Lembangan Sungai Junjong;

(ii) Pelaksanaan Projek RTB Sungai Junjung; dan

(iii) Projek Pembinaan Sebuah Saluran Pintasan (Bypass Channel) Di Permatang Tinggi.

Perlaksanaan kolam takungan banjir Alma akan dilaksanakan apabila proses pengambilan balik tanah seluas kira-kira 8.7 hektar selesai dilaksanakan.

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

22. Sila nyatakan status pelaksanaan secara peringkat tentang Enakmen Kebebasan Maklumat Pulau Pinang (FOI) yang telah diluluskan. Bilakah Enakmen FOI boleh dilaksanakan di Negeri Pulau Pinang? Apakah masalah yang dihadapi dalam perlaksanaan tersebut?

Y.A.B. Ketua Menteri:

22. (a) Enakmen Kebebasan Maklumat Negeri Pulau Pinang telah ibentangkan di dalam mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) pada 11 Oktober 2013 dan telah diputuskan penguatkuasaan Enakmen tersebut mulai 1 Julai 2014.

(b) Pewartaan Ahli Lembaga Rayuan akan dibuat pada Persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) sesi yang akan datang.

(c) Tambahan dua (2) Subsidiari dan satu (1) Garis Panduan masih di dalam peringkat penelitian oleh Penasihat Undang-Undang sebelum diwartakan.

(d) Enakmen Kebebasan Maklumat (FOI) adalah patuh kepada keperluan Akta Rahsia Rasmi 1972 di mana tiada maklumat terperingkat didedahkan melalui Enakmen ini.

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

23. Sila senaraikan nama-nama pengusaha industri di Negeri Pulau Pinang yang mencemari Alam Sekitar serta dipantau oleh Jabatan Alam Sekitar. Apakah masalah pencemaran yang berlaku pada tahun 2010, 2011, 2012 dan 2013? Apakah rancangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam mengurangkan industri yang mencemari alam sekitar di Negeri Pulau Pinang?

Y.A.B. Ketua Menteri:

23. Masalah pencemaran yang berlaku dan bilangan kes berdasarkan aduan yang diterima dari tahun 2010 hingga Oktober 2013 adalah seperti di Jadual A. Siasatan dan tindakan sewajarnya telah diambil. Pematuhan adalah merujuk kepada Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan Peraturan-peraturan di bawahnya telah dikuat kuasakan.

Dalam mengurangkan industri yang mencemari alam sekitar di Negeri Pulau Pinang, Kerajaan Negeri akan menjalankan penguatkuasaan secara berkala ke atas premis-premis industri dan mengambil tindakan ke atas ketidak patuhannya.

Jadual A

Bilangan	Tahun	Jenis Pencemaran	Bilangan Kes
1	2010	1)Pelepasan udara dari premis dan kenderaan. 2)Pembakaran terbuka oleh orang awam dan premis. 3)Pelepasan effluen dari premis yang tidak patuh standard pelepasan yang dibenarkan.	505 311 72
2	2011	1) Pembakaran terbuka oleh orang awam dan premis 2) Pelepasan udara dari premis dan kenderaan 3) Pencemaran di luar bidangkuasa JAS seperti isu gegaran, bau, penternakan dan lain-lain.	331 231 71
3	2012	1) Pembakaran terbuka oleh orang awam dan premis 2) Pelepasan udara dari premis dan kenderaan 3) Pencemaran di luar bidangkuasa JAS seperti isu gegaran, bau, penternakan dan lain-lain.	305 135 67
4	2013*	1) Pembakaran terbuka oleh orang awam dan premis 2) Pelepasan udara dari premis dan kenderaan 3) Pencemaran di luar bidangkuasa JAS seperti isu gegaran, bau, penternakan dan lain-lain.	266 105 56

BILANGAN	TAHUN	BILANGAN PREMIS DIPERIKSA	BILANGAN PREMIS PATUH	BILANGAN PREMIS TIDAK PATUH
1	2010	598	514	84
2	2011	597	530	67
3	2012	512	437	75
4	2013	557	452	105

Data adalah sehingga 31 Oktober 2013

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

24. Sila senaraikan nama syarikat pembekalan makanan di Negeri Pulau Pinang yang berjaya memperolehi Standard Skim Organik Malaysia (SOM) mengikut daerah. Apakah rancangan Jabatan Pertanian dalam masa lima (5) tahun untuk menjamin keselamatan dan kedaulatan makanan untuk rakyat Negeri Pulau Pinang?

Y.A.B. Ketua Menteri:

24. Senarai syarikat perbekalan makanan di Negeri Pulau Pinang yang berjaya memperolehi *standard* Skim Organik Malaysia adalah seperti lampiran berikut:-

Rancangan yang akan dilakukan untuk menjamin keselamatan makanan rakyat di Negeri Pulau Pinang adalah seperti berikut:

(i) Pemantauan Residu Racun Perosak pada tanaman makanan secara berkala.

(ii) Penggunaan logo SOM ke atas produk yang telah mendapatkan persijilan.

(iii) Memperbaharui persijilan SOM setiap tahun.

(iv) Khidmat nasihat berterusan kepada petani.

(v) Perkhidmatan Analisa Logam Berat.

(vi) Perkhidmatan Analisa Air.

Perladangan organik adalah satu sistem perladangan yang tidak melibatkan penggunaan racun dan baja kimia semasa proses pengeluaran makanan di samping memelihara alam sekitar bagi menghasilkan produk yang selamat dimakan dan berkualiti. Seramai 5 pengusaha telah berjaya memperolehi Sijil Skim Organik Malaysia (SOM). Butiran syarikat dan atau pengusaha adalah seperti berikut :-

Bil	Daerah	Nama Syarikat / Pengusaha	No. Pendaftaran SOM	Jenis Tanaman
1	Seberang Perai Selatan	Ogosdeka Sdn.Bhd	SOM 07.10/P-54	Sayuran buah dan berdaun
2		Kean Beng Lee Industries (M) Sdn. Bhd	SOM 14.11/P-82	Sayuran buah dan berdaun
3		Victory Breeding Farm Sdn. Bhd	SOM 20.11/P-83	Cendawan, sayuran buah dan berdaun
4	Barat Daya	Lui Teik Hock	SOM 09.09/P-97	Sayuran buah dan berdaun
5	Timur Laut	Lee Kok Leong	SOM 23.11/P-98	Sayuran buah dan berdaun

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

25. Sila senaraikan syarikat di Negeri Pulau Pinang yang berjaya mencapai Standard Skim Amalan Ladang Baik Malaysia (SALM) mengikut daerah dan tahun. Sejauh manakah SALM memastikan keselamatan makanan dari segi pemprosesan, pengeluaran serta pemasaran kepada pengguna?

Y.A.B. Ketua Menteri:

25. Syarikat di Pulau Pinang yang berjaya mencapai Standard Skim Amalan Ladang Baik Malaysia (SALM) adalah seperti di jadual di bawah.

Keselamatan makanan untuk rakyat Pulau Pinang dipastikan sentiasa terjamin melalui usaha-usaha berterusan seperti berikut :

(i) Pemantauan Residu Racun Perosak pada tanaman makanan secara berkala.

(ii) Memperbaharui persijilan SALM setiap dua (2) tahun.

(iii) Penggunaan logo MyGAP dapat menyakinkan pengguna terhadap keselamatan produk.

(iv) Khidmat nasihat berterusan kepada petani.

(v) Perkhidmatan Analisa Logam Berat.

(vi) Perkhidmatan Analisa Air.

Jadual

Bil	Daerah	Tahun	Nama Syarikat / Pengusaha	No. Pendaftaran SALM	Jenis Tanaman
1	Seberang Perai Utara	2005	Md. Rashid bin Hj Latif	SALM.03.144/P-159	Sayuran buah dan berdaun
2		2009	Teow Ah Ba @ Teow Han Weng	SALM.08.32/P-242	Sayuran buah dan berdaun
3			Rahemy bin Ab. Rahim	SALM.08.33/P-243	Sayuran buah dan berdaun
4			Chu Wei Peng	SALM.08.34/P-244	Sayuran buah dan berdaun
5			Mohd Puaad bin Hashim	SALM.08.35/P-245	Sayuran buah dan berdaun
6		2010	Zaiton binti Mohd Yusop	SALM.08.31/P-250	Sayuran buah dan berdaun
7			Razali bin Musa	SALM.08.36/P-251	Sayuran buah dan berdaun
8			Mohd Noor bin Abd Aziz	SALM.08.37/P-252	Sayuran buah dan berdaun
9			Mohd Fauzee bin Ali	SALM.08.38/P-253	Sayuran buah dan berdaun
10	Seberang Perai Selatan	2009	Hj. Hassan bin Hj. Awang	SALM.05.97/P-227	Buahan
11	Barat Daya	2004	Mohd Shariff bin Ramli	SALM.03.85/P-97	Sayuran buah dan berdaun
12		2012	Wong Soon Theam	SALM.10.155/P-362	Durian dan lain-lain buah
13			James Wong	SALM.10.156/P-363	Durian dan lain-lain buah
14			Stone House Plantation	SALM.11.151/P-578	Durian dan lain-lain buah

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

26. Sila nyatakan penguatkuasaan yang telah dijalankan oleh Jabatan Kesihatan ke atas pengeluar makanan dan minuman yang tidak mengikut standard serta kualiti yang ditetapkan. Sila senaraikan nama syarikat yang telah diambil tindakan mengikut daerah, kesalahan yang disabitkan serta jenis hukuman yang telah dikenakan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

26. (1) Tindakan penguatkuasaan yang diambil adalah berdasarkan peruntukan Akta Makanan 1983 dan Peraturan-Peraturan Makanan 1985 iaitu seperti berikut :-

(i) Merampas dan menahan makanan yang melanggar mana-mana peruntukan Akta dan Peraturan; dan

(ii) Membuka kertas siasatan untuk dirujuk kepada Timbalan Pendakwa Raya bagi pendakwaan di Mahkamah.

(2) Nama syarikat yang telah diambil tindakan adalah seperti di Lampiran.

* lihat Folder Lampiran (ID 346 Sol. 26 BLKL)

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

27. Sila senaraikan kerja-kerja tanah secara haram yang dijalankan oleh pemaju atau individu tanpa kelulusan kebenaran merancang atau pelan kerja tanah mengikut daerah dan mulai tahun 2008. Apakah tindakan penguatkuasaan yang diambil serta keberkesanan dalam membanteras kegiatan haram tersebut? Sila nyatakan dengan terperinci.

Y.A.B. Ketua Menteri:

27. Senarai kerja tanah haram yang dijalankan di kawasan MPPP tanpa kelulusan Pelan Kerja Tanah mengikut daerah dan tanah sejak 2008 sehingga 2012 adalah seperti di Lampiran A.

* lihat Folder Lampiran (ID 347 Sol. 27 BLKL)

Tindakan penguatkuasaan yang diambil adalah seperti berikut :-

(a) Mengeluarkan Notis Mengkehendaki Kerja-kerja Tanah Diberhentikan kepada pemilik tanah.

(b) Merujuk kepada Penasihat Undang-Undang untuk tindakan pendakwaan di mahkamah.

(c) Menjalankan pemantauan ke atas lot-lot untuk memastikan kerja-kerja telah diberhentikan.

(d) Meminta dikemukakan Pelan Kerja Tanah melalui jurutera perunding bertauliah.

(e) Mengarahkan kerja-kerja mitigasi dijalankan seperti membaikpulih tanah itu ke kedudukan asal, menyediakan parit tanah sementara dan kolam enapan bagi mengelak hakisan tanah dan banjir lumpur.

Manakala MPSP memaklumkan bahawa senarai tindakan penguatkuasaan yang diambil di bawah Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976; (Akta 172) untuk kerja tanah haram yang dijalankan oleh pemaju / individu tanpa kebenaran merancang adalah seperti berikut :

Tahun 2013

Borang E : Notis Supaya Memberhentikan Pemajuan dan Memulih Semula Tanah Kepada Keadaan Asal Dalam Hal Pemajuan Tanpa Kebenaran Merancang.

DAERAH SPU

1. Lot 228, Mukim 8, SPU
2. Lot 274, Mukim 16, SPU

DAERAH SPT

1. Lot 3872, Mukim 20, SPT
2. Lot 95, Mukim 6, SPT

DAERAH SPS

1. Lot 681, Mukim 8, SPS

Tahun 2013

Borang F : Notis Memanggil Permohonan Untuk Kebenaran Merancang Dalam Hal Pemajuan Tanpa Kebenaran Merancang

DAERAH SPU

1. Lot 3579, Mukim 6, SPU

DAERAH SPT -

DAERAH SPS -

Senarai kerja tanah tanpa pelan kerja tanah adalah seperti berikut :

Bil. Notis Kerja Tanah Tanpa Kebenaran (2008-2013)

SPU - 74 kes
SPT - 213 kes
SPS - 69 kes

Notis kerja tanah tanpa kebenaran yang dikeluarkan adalah berdasarkan Seksyen 70A Akta Jalan Parit Dan Bangunan 1974.

Tindakan Penguatkuasaan kerja tanah tanpa kebenaran yang diambil oleh pihak MPSP adalah seperti berikut :-

(i) Tindakan Mahkamah di bawah Seksyen 70A-Kerja Tanah – Akta Jalan Parit Dan Bangunan 1974 yang memperuntukkan apabila disabitkan denda RM50,000.00 atau penjara tidak lebih 5 tahun atau kedua-duanya .Bagi kesalahan yang berterusan selepas disabitkan denda boleh meningkat sebanyak RM500.00 setiap hari kesalahan diteruskan.

(ii) Memindahkan peralatan, mesin, jentera, kenderaan dan lain-lain bagi memastikan kerja tanah diberhentikan.

(iii) Mengorek laluan keluar / masuk.

Berdasarkan pengalaman, tindakan yang dikenakan PBT tidak dapat memberi pengajaran sewajarnya bagi membanteras kegiatan haram tersebut kerana denda yang dikenakan rendah berbanding keuntungan yang diperolehi oleh pihak pesalah.

Oleh itu, PBT telah memutuskan semua kesalahan kerja tanah haram tidak dikompaun tetapi akan didakwa di mahkamah.

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

28 Sila nyatakan bilangan orang muda di bawah umur 35 tahun yang menganggur mengikut daerah dan tahun sejak tahun 2008. Apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam mewujudkan peluang pekerjaan kepada orang muda? Adakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan menawarkan mikro kredit untuk membantu orang muda untuk menjadi usahawan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

28. Pada dasarnya tidak terdapat perangkaan bilangan orang muda di bawah 35 tahun yang menganggur mengikut daerah. Namun begitu, kadar pengangguran Negeri Pulau Pinang bagi tahun 2012 adalah 2.0% atau 15.7 ribu orang. Dari segi peluang pekerjaan, berdasarkan Buletin Perangkaan Sosial Malaysia 2012, terdapat 171,897 kekosongan jawatan pada tahun 2011.

Di antara langkah-langkah yang diambil Kerajaan Negeri untuk mewujudkan peluang-peluangpekerjaan adalah melalui strategi-strategi berikut:-

(1) Menggalakkan pelaburan dalam industri-industri berteknologi tinggi dan nilai tambah tinggi seperti *aerospace*, peralatan perubatan dan sebagainya yang memerlukan tenaga kerja berkemahiran tinggi.

(2) Menggalakkan tenaga kerja sedia ada untuk menjalani program latihan kemahiran sama ada di institut kemahiran tajaan Kerajaan atau swasta demi meningkatkan kemahiran.

(3) Memberi tumpuan kepada sektor teknologi maklumat dan perkhidmatan seperti *Shared Service Outsourcing* (SSO) dan *Business Process Outsourcing* (BPO) yang akan membuka lebih banyak peluang pekerjaan melalui Syarikat-syarikat yang terlibat.

(4) Menggalakkan perusahaan kecil dan sederhana (IKS) dalam penggunaan automasi untuk meningkat nilai rantaian bagi mengurangkan keperluan mereka mengambil pekerja asing. Dalam hal ini, Kerajaan Negeri telah menubuhkan *SMART Centre* untuk menyediakan kemudahan dan panduan kepada pengusaha IKS.

(5) Penubuhan Majlis Sains Pulau Pinang yang turut memperlihatkan hala tuju Pulau Pinang dalam melahirkan lebih ramai tenaga kerja yang berkemahiran sains dan teknologi.

(6) Penubuhan Penang CAT Centre, bertujuan untuk membantu pencari kerja mencari peluang-peluang pekerjaan dengan kerjasama Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang(PDC), Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP), Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) dan Pulau Pinang Perbadanan Bekalan Air (PBAPP). Pusat ini juga berkerjasama dengan syarikat-syarikat multinasional dalam mengisi kekosongan jawatan di seluruh negara.

Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang telah melancarkan Projek Titian Saksama Rakyat (PTSR). Skim ini menawarkan pinjaman mikro-kredit kepada semua peniaga kecil di Pulau Pinang. Pinjaman ditawarkan kepada peniaga yang berumur 18-60 tahun dan wajib mempunyai lesen perniagaan. Peminjam perlu berniaga sekurang-kurangnya 6 bulan sebelum membuat pinjaman dengan PTSR.

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

29. Tiga puluh lima (35) keluarga di Permatang Tok Suboh menghadapi ancaman untuk diusir keluar oleh tuan tanah. Apakah usaha dan bantuan yang akan diberikan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang? Apakah dasar Kerajaan Negeri dalam melindungi hak pemilik rumah bagi peneroka bandar yang tinggal di atas tanah tersebut lebih daripada 30 tahun?

Y.A.B. Ketua Menteri:

29. Isu 35 keluarga di Permatang Tok Suboh melibatkan pendudukan di atas tanah persendirian milik Distinct Class Sdn. Bhd. di Lot 1258 Mukim 14, Seberang Perai Tengah.

Kerajaan Negeri mempunyai dasar yang khusus untuk penempatan penduduk yang meneroka dan menduduki tanah kerajaan. Namun begitu bagi Lot 1258 yang merupakan tanah persendirian, pihak Kerajaan Negeri tetap prihatin dengan masalah yang dihadapi oleh keluarga yang menduduki tanah tersebut dan telah mengambil inisiatif untuk menjadi perantara di antara pihak tuan tanah dengan penduduk yang terlibat untuk berbincang dan mencari jalan penyelesaian secara situasi menang-menang kepada kedua-dua pihak.

Beberapa siri perbincangan di antara Yang Berhormat Timbalan Ketua Menteri 1, Yang Berhormat Ahli Parlimen Bukit Mertajam, Yang Berhormat ADUN Kawasan, Ahli Majlis Pihak Berkuasa Tempatan, penduduk dan wakil tuan tanah telah diadakan sebanyak tiga (3) kali di Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Tengah. Dalam masa yang sama, Pihak Kerajaan Negeri juga turut membantu mengedarkan borang permohonan Projek Perumahan Rakyat (PPR) untuk penempatan penduduk yang berminat untuk berpindah. Wakil rakyat tersebut juga memberikan bantuan guaman terhadap pemaju yang menggunakan seorang peguam yang ada hubungan dengan Barisan Nasional.

Walaupun isu ini telah dibawa ke mahkamah oleh tuan tanah dan masih di dalam proses sebutan, Pihak Kerajaan Negeri tetap cuba untuk mencari jalan penyelesaian di luar mahkamah. Berdasarkan perbincangan terakhir yang diadakan pada 18 Oktober 2013, pihak penduduk telah diminta untuk mengemukakan cadangan tuntutan secara rasmi kepada tuan tanah untuk penilaian dan pertimbangan sebelum dibentangkan dalam perbincangan kali keempat yang dijadualkan pada 4 Disember 2013 bertempat di Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Tengah.

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

30. Sila senaraikan tindakan penguatkuasaan ke atas kedai mesin judi di KADUN Machang Bubuk mengikut bulan dalam tahun 2013. Berapakah pengusaha kedai mesin judi haram yang telah didakwa dan dihukum? Sila nyatakan mengikut jadual dengan nama, tempat dan hukuman. Apakah peranan Polis DiRaja Malaysia (PDRM) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dalam membanteras kedai mesin judi secara haram?

Y.A.B. Ketua Menteri:

30. Siasatan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) mendapati hanya dua (2) premis yang menjalankan aktiviti perjudian di KADUN Machang Bubuk iaitu di Jalan Kulim, Taman Machang Bubuk. Walau bagaimanapun, premis tersebut telah ditutup dan tiada tindakan penguatkuasaan dijalankan sepanjang tahun 2013.

Peranan MPSP hanya dalam membantu PDRM untuk membekalkan maklumat pengusaha atau pemilik premis tersebut sahaja. Tindakan penguatkuasaan mesin judi di bawah bidang kuasa PDRM. Selain itu, pemantauan berkala juga turut dijalankan dari semasa ke semasa.

Statistik tindakan yang telah diambil oleh Pihak Polis ke atas pengusaha perjudian di KADUN Machang Bubuk bagi tempoh Januari – Oktober 2013 seperti berikut:-

Bulan	Jum. Serbuan	Tangkapan	Rampasan	Tuduh
Januari	23	8	103	5
Februari	7	3	25	2
Mac	12	2	25	1
April	2	2	25	1
Mei	11	5	86	3
Jun	25	5	78	1
Julai	20	10	105	5
Ogos	25	5	112	4
September	19	0	0	0
Oktober	19	4	50	2
Jumlah	**163**	**44**	**609**	**24**

(VI) **Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji)** bertanya Kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Berapakah bilangan kakitangan berbangsa India dan Cina dalam Jabatan Penguatkuasaan Majlis Perbandaran Pulau Pinang.

Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Daripada jumlah 261 kakitangan Direktorat Penguatkuasa MPPP terdapat 4 orang berbangsa Cina dan16 orang berbangsa India. Sementara selebihnya 241 lagi berbangsa Melayu.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji) bertanya kepada Y.A.B. Ketua **Menteri**:

1. Apakah tindakan segera yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk mengurangkan kesesakan lalu lintas yang semakin teruk di Negeri Pulau Pinang.

Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Tindakan segera yang sedang dan akan diambil oleh Kerajaan Negeri bagi mengurangkan kesesakan lalu lintas adalah seperti berikut:-

   (i) Mewujudkan satu proses peralihan daripada penggunaan kenderaan persendirian kepada pengangkutan awam untuk mengurangkan isipadu kenderaan persendirian di atas jalan selaras dengan Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang. Sehubungan dengan itu, Kerajaan Negeri telah bekerjasama dengan Rapid Penang untuk menambahbaik perkhidmatan bas awam di Pulau Pinang. Pada masa sekarang, Rapid Penang mempunyai 350 buah bas yang beroperasi di Pulau Pinang. Bilangan bas akan ditambah mengikut keperluan untuk penyediaan perkhidmatan yang lebih efisien dan berkualiti yang dapat meliputi laluan-laluan sosial.

(ii) menaik taraf jalan-jalan lingkaran seperti Jalan Masjid Negeri, Jalan Scotland, Jalan Gottlieb dan Jalan Bagan Jermal. Kerja-kerja pelebaran jalan di Jalan Masjid Negeri sedang dijalankan dan dijangka siap pada penghujung 2014 di mana ianya melibatkan kerja-kerja pelebaran jalan, pembinaan jejambat dan mengoptimakan kawalan lampu isyarat.

(iii) Membina jalan-jalan baru dan menaik taraf jalan sedia ada untuk mengawal kesesakan, mengagih dan menyurai aliran lalu lintas serta meningkatkan keselamatan jalan raya. Kerajaan Negeri sedang berusaha untuk membina jalan-jalan kritikal untuk mengurangkan kesesakan lalu lintas seperti projek pembinaan By-Pass dari Persiaran Gurney ke Lebuhraya Tun Dr Lim Chong Eu, Ayer Itam ke Lebuhraya Tun Dr Lim Chong Eu dan Jalan Berkembar Tanjong Bunga - Telok Bahang.

(iv) Dari segi pengurusan lalu lintas setempat (localized traffic management plan), sistem jalan sehala dan sistem kawalan lampu isyarat berkomputer sedang dijalankan dan diperluaskan. Di samping ini, langkah-langkah sedang diambil untuk melicinkan aliran lalu lintas dan mengurangkan gangguan di jalan-jalan utama yang sering mengalami kesesakan lalu lintas dengan mengadakan larangan-larangan, mengeluarkan petak letak kenderaan di tepi-tepi jalan dan meningkatkan penguatkuasaan. Unit Lalulintas, Direktorat Penguatkuasaan juga kini sedang dilatih oleh pihak Polis untuk membantu pihak Polis mengawal lalu lintas di persimpangan-persimpangan jalan yang sering mengalami kesesakan.

(v) Liputan sistem kawalan CCTV akan diperluaskan lagi dengan menambah bilangan kamera. Sistem CCTV telah digunakan dengan berkesan untuk meningkatkan keselamatan, pemantauan lalu lintas dan mengawal kesesakan.

(vi) Mengawal corak pembangunan dan corak guna tanah supaya tersusun dan mempunyai infrastruktur yang berpadanan untuk mengalih dan mengurangkan kesesakan lalu lintas di kawasan pembangunan padat sedia ada.

Manakala di Seberang Perai, antara tindakan segera yang akan diambil bagi mengatasi kesesakan lalu lintas adalah seperti berikut:-

(i) Penambahan laluan baru pengangkutan awam terutama bas di lokasi tumpuan orang ramai dan sedang membangun seperti di Machang Bubuk dan Alma.

(ii) Perlaksanaan aliran lalu lintas sehala di kawasan-kawasan sibuk dan sesak.

(iii) Penyelarasan semula sela masa lampu isyarat berdasarkan kajian trafik di persimpangan lampu isyarat utama di seluruh Seberang Perai.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Mengapa pihak Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) tidak mengambil tindakan penguatkuasaan untuk menutup premis perniagaan yang diusahakan oleh warganegara asing yang semakin banyak di Negeri Pulau Pinang.

Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Bagi isu penjaja warga asing, MPPP sebenarnya telah mengambil tindakan penguatkuasaan dengan membuat 47 rampasan di bawah Undang-Undang Kecil Penjaja MPPP, 1979 kerana warga asing berkenaan menjalankan aktiviti penjaja tanpa lesen. Walau bagaimanapun, MPPP tidak mempunyai peruntukan undang-undang untuk menutup premis perniagaan tanpa lesen yang dikendalikan oleh warga asing. Setakat ini MPPP hanya mengeluarkan kompaun terhadap perniagaan tanpa lesen.

Warga negara asing tidak dibenarkan menjalankan perniagaan di kompleks, gerai dan pasar. Walau bagaimanapun, warga asing hanya dibenarkan menjalankan perniagaan tertentu menerusi usahasama dengan rakyat tempatan di premis-premis perniagaan dengan syarat syarikat berkenaan perlu didaftarkan di bawah syarikat Sendirian Berhad sahaja melalui Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM). Peruntukan ini adalah mengikut Akta Syarikat 1965 yang mana salah seorang pengarah syarikatnya mesti dari warga Malaysia. Justeru itu, lesen premis perniagaan dilesenkan atas nama syarikat Sendirian Berhad sahaja.

MPPP tidak mempunyai kuasa untuk menutup premis yang diusahakan oleh warga asing yang mempunyai lesen perniagaan. MPPP hanya boleh membuat penutupan sementara premis perniagaan yang terlibat dengan masalah kebersihan, kesihatan dan penyakit berjangkit seperti peruntukan undang-undang berikut:-

(i) Seksyen 11, Akta Makanan 1983 (Penutupan premis tak suci)

(ii) Seksyen 18(1)(d), Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Penutupan premis untuk dibasmi kuman, serangga dan tikus); dan

(iii) Undang-Undang Kecil 38(1) Undang-Undang Kecil Establisymen Makanan MPPP, 1991(Penutupan establisymen makanan yang disyaki atau mungkin menjadi sumber jangkitan penyakit)

Permohonan lesen-lesen premis perniagaan kepada MPPP biasanya dipohon oleh rakyat tempatan berwarganegara Malaysia. Walau bagaimanapun, dalam banyak kes, selepas lesen diluluskan, pemilik premis menggajikan warga asing untuk membantu mereka menjalankan perniagaan. Isunya sama ada warga asing ini mempunyai permit kerja atau tidak maka ia adalah di luar pengetahuan MPPP.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

4. Apakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang bercadang untuk memberikan apa-apa imbuhan kepada anggota Pasukan Peronda Sukarela dan Briged Wanita bagi meningkatkan komitmen dan penyertaan dalam badan-badan sukarela ini.

Y.A.B. Ketua Menteri:

4. Kerajaan Negeri belum bercadang untuk memberi imbuhan. Walau bagaimanapun Kerajaan telah menyediakan keperluan penting kepada Pasukan Peronda Sukarela (PPS) seperti pakaian seragam (topi, seluar dan kasut), walkie-talkie, lampu suluh, dan vest termasuk juga insurans bagi setiap anggota PPS dalam memastikan kebajikan mereka terus terpelihara. Bagi Briged Wanita pula, Kerajaan Negeri akan menyediakan keperluan latihan serta pakaian khas (vest) bagi anggota menjalankan aktiviti.

(VII) Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid bin Haji Saad) bertanya Kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Berapakah sumbangan yang telah diberikan kepada mangsa-mangsa banjir dikawasan KADUN Pulau Betong dan KADUN Bayan Lepas yang melanda kawasan itu pada bulan Oktober 2013. Apakah justifikasi tindakan tersebut.

Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Bencana banjir yang berlaku pada 13 Oktober 2013 ini telah mengakibatkan aktiviti penduduk terjejas selain kediaman penduduk mengalami kerosakan. Paras air yang naik secara mendadak antara 0.5 sehingga 1 meter telah mengakibatkan sebahagian mereka terputus hubungan. Justeru, Kerajaan Negeri telah menyalurkan bantuan segeram berupa makanan dan minuman ke kawasan-kawasan yang terjejas melalui Pejabat Daerah dan Tanah Daerah Barat Daya.

Bagi KADUN Pulau Betong sejumlah RM1,600.00 telah dibelanjakan bagi penyediaan makanan dan minuman kepada hampir 200 orang mangsa banjir yang telah dipindahkan ke pusat pemindahan dan diberikan bantuan kit bencana dan barangan keperluan asas. Manakala RM9,660.00 telah dibelanjakan bagi mangsa-mangsa di KADUN Bayan Lepas berjumlah 650 orang dan seramai 11 keluarga telah dipindahkan ke pusat pemindahan. Semua mangsa telah diberikan bantuan makanan oleh Kerajaan Negeri dan mangsa-mangsa yang berpindah diberi bantuan kit bencana dan barangan keperluan asas. Bantuan yang diberikan adalah sejajar dengan Arahan Majlis Keselamatan Negara (MKN 20) yang memperuntukkan seperti berikut 'Pegawai Daerah sebagai Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah bertanggungjawab melaksanakan segala tindakan berkenaan operasi mencari dan menyelamat, pengambilalihan dan penyediaan peralatan dan jentera serta lain-lain bantuan kecemasan seperti makanan dan rawatan dan memastikan ianya dilaksanakan dan diuruskan secara teratur dan harmoni.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid bin Haji Saad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Perincikan jumlah peruntukan yang telah diberikan dalam bentuk program dan projek dalam ketiga- tiga KADUN dalam Parlimen Balik Pulau sejak dari tahun 2008 sehingga suku pertama tahun 2013.

Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Jumlah peruntukan bagi pelaksanaan projek-projek kemasyarakatan dan bekalan di bawah Maksud Pembangunan P16 dalam Parlimen Balik Pulau dari tahun 2008 sehingga suku pertama tahun 2013 adalah seperti di jadual.

Tahun	Peruntukan P16 (RM)	
	Projek Kemasyarakatan	Projek Khas/Bekalan
2008	40,000.00	60,000.00
2009	40,000.00	60,000.00
2010	40,000.00	60,000.00
2011	40,000.00	60,000.00
2012	40,000.00	60,000.00
2013 (suku pertama)	40,000.00	60,000.00

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid bin Haji Saad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Berapakah kutipan hasil bagi Daerah Timur Laut dan Daerah Barat Daya bagi tahun-tahun bermula 2008 sehingga 2013. Berapakah bilangan projek dan jumlah kos projek dan program yang telah dibelanjakan untuk ketiga-tiga KADUN dalam Parlimen Balik Pulau.

Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Kutipan hasil bagi Daerah Timur Laut dan Barat Daya bagi tahun-tahun bermula 2008 sehingga 2013 adalah seperti berikut:

Kutipan hasil bagi Daerah Timur Laut dan Barat Daya bagi tahun-tahun bermula 2008 sehingga 2013

TAHUN	JUMLAH KUTIPAN (RM)	
	DTL	DBD
2008	35,183,647.57	29,395,696.66
2009	49,657,528.86	35,909,333.57
2010	69,637,885.46	33,033,287.93
2011	51,600,964.57	26,012,653.09
2012	182,562,068.73	61,535,054.85
2013 (Sehingga Oktober)	172,217,371.18	40,650,901.01

Bilangan projek dan jumlah kos projek yang telah dibelanjakan untuk tiga (3) KADUN dalam Parlimen Balik Pulau adalah melibatkan projek-projek yang diluluskan di bawah Maksud Pembangunan P08 JPS, P12 JKR dan P16 Jabatan Kewangan Negeri seperti berikut:-

	Bilangan Projek					
Tahun	**2008**	**2009**	**2010**	**2011**	**2012**	**2013 (Oktober)**
Pulau Betong	53	41	56	51	63	96
Bayan Lepas	9	27	38	46	49	67
Telok Bahang	53	48	50	49	39	81
Jumlah Keseluruhan	**115**	**116**	**144**	**146**	**151**	**244**
Jumlah Kos Projek (RM)	**1,878,224.92**	**1,840,580.27**	**3,189,896.79**	**4,798,476.80**	**6,238,892.05**	**6,080,620.04**

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid bin Haji Saad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

4. Sejak dilancarkan kempen Tiada Beg Plastik, berapakah jumlah kutipan mengikut tahun sehingga bulan Oktober 2013. Adakah badan selia dan di manakah wang tersebut disimpan dan bagaimana dibelanjakan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

4. Sejak kempen Tanpa Beg Plastik Percuma dilancarkan, jumlah kutipan adalah seperti di jadual.

TAHUN	JUMLAH KUTIPAN (RM)
2011	1, 437, 042.96
2012	1, 236, 763.25
2013 (OKTOBER)	826,037.85
JUMLAH	**3,499,844.06**

Jumlah kutipan akan dimasukkan ke dalam tabung Rakan Anti Kemiskinan (RAK). Kutipan ini akan diagihkan sebagai bantuan kepada Ketua Isi Rumah (KIR) golongan miskin tegar. Bantuan yang diberikan merupakan bantuan kewangan bulanan untuk meningkatkan pendapatan bulanan KIR melepasi pendapatan Garis Kemiskinan (PGK).

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid bin Haji Saad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

5. Apakah bentuk ketirisan kewangan dan pengurusannya yang dihadapi oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang? Bermula dari tahun 2008, perincikan jumlah wang akibat ketirisan bagi setiap perkara yang berkaitan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

5. Pada awal Pakatan Rakyat mengambil alih pentadbiran Negeri pada Mac 2008, Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat telah memberi penekanan kepada perbelanjaan berhemah bagi mengelakkan pembaziran, kawalan dalaman perbelanjaan oleh jabatan-jabatan serta penggunaan kaedah perolehan secara terbuka bagi memastikan nilai yang terbaik (optimal value for money) bagi perolehan yang dibuat. Nyata pendekatan-pendekatan yang diterapkan ini telah menunjukkan keberkesanannya kerana Laporan Ketua Audit Negara berkaitan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang tahun 2008 dan bagi tahun-tahun seterusnya sehingga laporan terkini tahun 2012 telah mengiktirafkan keupayaan Negeri dalam mengendalikan sistem kewangan yang baik iaitu seperti pernyataan berikut:

   (i) Penyediaan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri adalah baik, dan kesemua angka dapat disahkan dengan dokumen sokongan yang mencukupi. Laporan juga menyatakan Penyata Kewangan telah dapat menunjukkan suatu gambaran yang benar dan saksamama terhadap kedudukan kewangan Negeri.

   (ii) Analisis Audit mendapati kedudukan kewangan Kerajaan Negeri pada akhir tahun 2012 adalah baik, dengan baki Akaun Hasil Disatukan telah bertambah dengan lebihan sejumlah RM114.47 juta dan menjadikan lebihan terkumpul meningkat kepada RM825.28 juta. Hasil dan kedudukan aset juga meningkat. Kedudukan aset Negeri pada akhir tahun 2012 berjumlah RM1,192.25 juta berbanding RM1,133.74 juta pada tahun 2011. Analisis Audit juga mendapati kedudukan Kumpulanwang Disatukan Negeri pada tahun 2012 merupakan paras tertinggi dalam tempoh lima (5) tahun berbanding tahun-tahun sebelumnya.

   (iii) Kerajaan Negeri disyorkan untuk mengekalkan prestasi menambahkan hasil dan mengekalkan perbelanjaan berhemat bagi memastikan kedudukan kewangannya terus bertambah baik.

   (iv) Prestasi pengurusan kewangan tahun 2012 bagi jabatan/agensi Negeri juga menunjukkan peningkatan. Prestasi pengurusan kewangan di tujuh (7) jabatan adalah sangat baik dan empat (4) jabatan pada tahap baik.

   Secara keseluruhannya, sistem pengurusan kewangan yang diterapkan dan terus diamalkan di peringkat Negeri telah berupaya mengelak pembaziran dan membendung ketirisan kewangan daripada berlaku. Selaras dengan syor audit, Kerajaan Negeri akan berusaha untuk mengekalkan prestasi menambahkan kutipan hasil dan mengekalkan perbelanjaan berhemat bagi memastikan kedudukan kewangan Negeri terus cemerlang.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid bin Haji Saad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

6 Siapakah yang menganggotai Jawatankuasa Lesen Minuman Keras? Berapakah jumlah lesen yang telah dikeluarkan sejak tahun 2008 dan di manakah ianya dibelanjakan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

6. Ahli-ahli Lembaga Pelesenan (Eksais) Negeri Pulau Pinang adalah seperti berikut :

Pengerusi	:	YB. Chow Kon Yeo	- Pengerusi MMK Kerajaan Tempatan Pengurusan Lalu Lintas dan Tebatan Banjir
Naib Pengerusi	:	YB. Yeoh Soon Hin	- ADUN Paya Terubong
Ahli-Ahli	:	(i) YB. Dr. Jayabalan a/l Thambyappa	- ADUN Batu Uban
		(ii) YB. Ong Chin Wen	- ADUN Bukit Tengah
		(iii) YB. Teh Lai Heng	- ADUN KOMTAR
Setiausaha	:	Ketua Penolong Setiausaha	- Bahagian Kerajaan Tempata

Bilangan lesen baru dan pembaharuan lesen minuman keras yang diluluskan oleh Lembaga Pelesenan (Eksais) Negeri semenjak tahun 2008 adalah seperti berikut:-

TAHUN	BARU:	PEMBAHARUAN	JUMLAH
2008	66	580	646
2009	64	828	892
2010	50	662	712
2011	51	676	727
2012	57	718	775

Semua wang yang dikutip menjadi hasil Kerajaan Negeri. Wang tersebut dicampur dengan hasil lain Kerajaan Negeri untuk digunakan bagi pelbagai tujuan.

TAHUN	BARU	PEMBAHARUAN	JUMLAH
2008	66	580	646
2009	64	828	892
2010	50	662	712
2011	51	676	727
2012	57	718	775

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid bin Haji Saad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

7. Sejak tahun 2009, Berapakah syarikat yang berdaftar dengan e-perolehan Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan daripada jumlah itu, berapakah syarikat yang telah mendapat projek? Daripada jumlah itu juga, berapakah syarikat yang berdaftar dengan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) dan Kementerian Kewangan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

7. Jumlah syarikat yang berdaftar dengan e-Perolehan Kerajaan Negeri (sysP) dan mendapat projek adalah seperti berikut :

Tahun	Bil Yang Berdaftar	Jumlah Projek Yang Ditawarkan
2009	1101	519
2010	742	926
2011	575	1258
2012	517	1448
2013 (Sehingga Oktober)	383	1453

Sejak tahun 2009, antara syarikat yang berdaftar serta aktif dengan sysP ialah 2,124. Jumlah syarikat yang berdaftar dengan CIDB berjumlah 1,385 dan syarikat yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan berjumlah 1,513.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid bin Haji Saad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

8. Berapakah jumlah peruntukan yang telah dibelanjakan untuk membangunkan *homestay* di Negeri Pulau Pinang sejak tahun 2008. Berapakah jumlah pendapatan dari program *homestay* ini dan apakah tindakan yang telah dan akan diambil untuk mempromosikan program *homestay* ini.

Y.A.B. Ketua Menteri:

8. Pada masa ini, Kerajaan Negeri belum mempunyai program *homestay* yang dikelolakan sendiri oleh Kerajaan Negeri. *Homestay* yang beroperasi di Pulau Pinang pada waktu ini adalah dibawah seliaan Kementerian Pelancongan.

Kini Kerajaan Negeri telah pun memulakan rancangan bagi mewujudkan sendiri *homestay*. Sesi pengenalan program *homestay* telah pun diadakan bersama bakal-bakal pengusaha *homestay* dari seluruh daerah Negeri Pulau Pinang. Homestay yang bakal diwujudkan ini akan dipromosikan melalui misi perdagangan yang disertai Kerajaan Negeri serta melalui pakej pelancongan yang disediakan oleh agen-agen pelancongan di Pulau Pinang.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid bin Haji Saad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

9. Apakah tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk menambahkan pendapatan sempena dengan Tahun Melawat Malaysia 2014? Berapakah jangkaan kedatangan pelancong dan anggaran jumlah pendapatan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

9. Tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri untuk menambahkan pendapatan sempena Tahun Melawat Malaysia 2014 adalah seperti berikut:-

(i) Mempromosikan tarikan pelancongan Pulau Pinang di misi-misi perniagaan yang disertai di luar Negara seperti ke Indonesia, Jepun, China, Eropah dan lain-lain Negara Asia;

(ii) menjalankan kempen pelancongan My Penang di pasaran high end di rantau Asia Pasifik seperti seperti Singapura, Australia dan Hong Kong.

(iii) memastikan kemudahan entry point negeri seperti Pelabuhan Pulau Pinang, Lapang Terbang Antarabangsa Bayan Lepas dan Jambatan Pulau Pinang berada dalam keadaan yang baik;

(iv) memastikan keindahan perbandaran sentiasa dipelihara bersesuaian dengan status GeorgeTown sebagai Bandar Warisan Dunia;

(v) menumpukan kepada penyediaan logistik yang lengkap sebagai persiapan penganjuran acara MICE (Meetings, Incentives, Convention & Exhibition);

(vi) mengalakkan peningkatan pemasaran produk makanan negeri seperti Asam Laksa, Char Koay Teow dan Nasi Kandar.

(vii) membantu penganjuran acara kebudayaan dan keagamaan yang berupaya menjadi tarikan pelancongan negeri

(viii) membelanjakan RM10 juta projek kemudahan asas di Bukit Bendera untuk dijadikan pusat peranginan bukit terunggul.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid bin Haji Saad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

10. Kenapa pihak Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan Pihak Berkuasa Negeri melengah-lengahkan kelulusan pembangunan dan kelulusan menduduki bagi projek-projek yang dilaksanakan oleh Agensi Kerajaan Pusat?

Y.A.B. Ketua Menteri:

10. Kerajaan Negeri Pulau Pinang ataupun Pihak Berkuasa Tempatan tidak pernah melengah-lengahkan kelulusan pembangunan dan kelulusan menduduki bagi projek-projek yang dilaksanakan oleh agensi Kerajaan Pusat.

Semua kelulusan untuk projek pembangunan dan kelulusan menduduki yang dikemukakan kepada MPPP dan MPSP akan diproses mengikut akta dan undang-undang, dasar dan garis panduan yang sedia ada. Sekiranya kelulusan tidak diperolehi ini bermakna terdapat aspek-aspek keperluan dari segi perancangan yang tidak dipatuhi atau memenuhi kehendak Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid bin Haji Saad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

11. Jelaskan dengan terperinci kedudukan sebenar pelaksanaan projek yang telah melibatkan penggondolan di Bukit Relau. Apakah status kerja di tapak tersebut pada masa sekarang dan apakah yang akan berlaku seterusnya ke atas tapak tersebut?

Y.A.B. Ketua Menteri:

11. Penggondolan Bukit Relau merupakan kerja tanah yang tidak mendapat kebenaran dan kelulusan MPPP. Pihak MPPP juga tidak mengetahui jenis pembangunan yang akan dijalankan oleh pemilik tanah kerana tiada pelan perancangan dikemukakan kepada MPPP.

Pada masa sekarang pemilik tanah sedang menjalankan kerja-kerja mitigasi ke atas tapak tersebut. Pemilik tanah telah diarah untuk menjalankan kerja-kerja berikut :-

(i) Membina beberapa kolam enapan pada laluan parit tanah sementara.

(ii) Menutup tebing cerun yang terdedah dengan kepingan geotekstil sebagai langkah jangka masa pendek dan menanam rumput sebagai langkah kekal.

(iii) Menyediakan parit tetangga di sepanjang laluan masuk untuk menyurai aliran air permukaan serta bagi mengelak hakisan tanah.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid bin Haji Saad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

12. Berapakah jumlah kilang yang beroperasi secara haram dan yang mendapat kelulusan beroperasi sekarang ini di Negeri Pulau Pinang. Apakah tindakan yang telah dan akan diambil terhadap kilang- kilang yang beroperasi secara haram ini? Berapakah anggaran kerugian kutipan hasil dari premis- premis ini?

Y.A.B. Ketua Menteri:

12. Jumlah kilang yang beroperasi secara haram/tiada kelulusan di Negeri Pulau Pinang ialah 443 buah, manakala yang beroperasi secara sah ialah 4,599. Di kawasan MPPP terdapat 242 kilang yang diluluskan dan 61 buah yang haram, manakala di MPSP terdapat 4,357 kilang diluluskan dan 382 yang haram.

    Kerajaan Negeri melalui PBT telah pun mengeluarkan notis di bawah Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 ke atas kesemua kilang-kilang yang beroperasi secara haram.

    Anggaran kerugian kutipan hasil dari fi lesen bagi jumlah 443 yang beroperasi secara haram dalam negeri ialah RM468,800 setahun iaitu RM224,000 bagi MPPP dan RM224,800 bagi MPSP.

    Tindakan yang telah dan akan diambil terhadap kilang-kilang haram adalah seperti berikut :-

    (i) Notis untuk memberhentikan aktiviti perniagaan.

    (ii) Kompaun atas kesalahan menjalankan perniagaan tanpa lesen.

    (iii) Tindakan mahkamah sekiranya premis masih lagi beroperasi setelah notis tamat.

    (iv) PBT juga sedang melaksanakan dasar pemutihan kilang di kawasan industri bagi kilang-kilang yang beroperasi sebelum 31 Disember 2012.

    (v) Bagi kilang-kilang yang beroperasi selepas tarikh tersebut tindakan mengeluarkan satu notis meruntuh (Seksyen 72) di bawah Akta Jalan, Parit dan Bangunan akan diserahkan kepada pemilik kilang. Jika arahan ini gagal dipatuhi dalam tempoh 30 hari maka Pihak Berkuasa Tempatan akan meruntuh pembinaan tersebut tanpa mengeluarkan sebarang notis lagi. Segala kos dan perbelanjaan yang terlibat akan ditanggung oleh pemilik kilang.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid bin Haji Saad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

13. Apakah pendirian Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang telah meluluskan kain rentang ucapan Hari Raya Aidil Adha dengan gambar kelambu Kaabah diletakkan tanda salib. Apakah pula pendirian EXCO Agama dan Yang di-Pertua Majlis Agama Islam Pulau Pinang berhubung dengan kelulusan ini yang dianggap menghina Kaabah.

Y.A.B. Ketua Menteri:

13. Kerajaan Negeri dan EXCO Hal Ehwal Agama berasa kesal atas kecuaian pihak terbabit dan berpendirian bahawa ia sesuatu yang tidak sewajarnya berlaku, dan akan memastikan perkara itu tidak berulang. Tidak timbul isu menghina Kaabah atau mana-mana agama dan kaum di negeri ini. Apa yang berlaku terhadap kain rentang berkenaan, adalah kesalahan di pihak pereka bentuk (designer) yang hanya mendapatkan gambar Kaabah tersebut dalam laman sesawang tidak rasmi, selain kelalaian pihak yang dipertanggungjawab untuk memastikan *design* terakhir disemak sebelum dimuktamadkan.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid bin Haji Saad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

14. Perincikan intipati perjanjian kontrak pembinaan terowong dasar laut yang bakal menghubungi Pulau dan Seberang. Sila jelaskan jadual pelaksanaan bermula dari initial stage sehinggalah penyiapan projek. Apakah tanggungjawab Kerajaan Negeri Pulau Pinang sebagai balasan kepada kontrak perjanjian itu.

Y.A.B. Ketua Menteri:

14. (i) Perjanjian Awal Penswastaan Projek Pembinaan Jalan-jalan Utama dan Terowong Di Pulau Pinang telah ditandatangani pada 6 Oktober 2013 di antara Kerajaan Negeri Pulau Pinang dengan Consortium Zenith BUCG Sdn. Bhd. Dengan menandatangani perjanjian tersebut, Kerajaan Negeri bersetuju ke atas pelaksanaan Kajian Kemungkinan (Feasibility Study), Kajian Terperinci Impak Alam Sekitar (Detailed Environmental Impact Assessment - DEIA) dan Rekabentuk Terperinci (Detailed Design) oleh Consortium Zenith BUCG Sdn. Bhd. untuk kelulusan Kerajaan Negeri bagi projek-projek infrastruktur mega seperti berikut:-

(a) Jalan berkembar kepada jalan sedia ada daripada Tanjung Bunga ke Telok Bahang (North Coastal Paired Road);

(b) Jalan pintasan dari Bandar Baru Air Itam menghubungkan Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu;

(c) Jalan pintasan dari Persiaran Gurney menghubungkan Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu; dan

(d) Terowong dasar laut menghubungkan Persiaran Gurney dengan Bagan Ajam, Butterworth (Projek Link Ketiga Pulau Pinang).

(ii) Consortium Zenith BUCG Sdn. Bhd. (CZBUCG) merupakan konsortium yang terdiri daripada syarikat-syarikat berikut:-

(a) Zenith Construction Sdn. Bhd.;

(b) Beijing Urban Construction Group Co. Ltd;

(c) Sri Tinggi Sdn. Bhd.; dan

(d) Juteras Sdn. Bhd.

(iii) Perjanjian Awal ini turut ditandatangani oleh syarikat gergasi Negara China iaitu China Railway Construction Corporation Ltd. yang bersetuju untuk memberi kerjasama penuh, segala bantuan dan kepakaran terhadap pelaksanaan projek bersama-sama dengan CZBUCG.

(iv) Pelaksanaan Perjanjian Awal melibatkan kos sebanyak RM305,003,880.00 dan nilai tidak boleh dipinda walaupun terdapat peningkatan kos. Sebagai balasan kepada pelaksanaan Perjanjian Awal ini, pihak CZBUCG akan diberikan tanah Kerajaan Negeri seperti berikut:-

(a) Tanah Rezab Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Lot 713, Seksyen 1, Bandar Tanjong Pinang, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang dengan keluasan kasar Gross Developed Area seluas 5.73 ekar. Keluasan tanah tersebut yang akan diberi milik dan didaftarkan ke atas nama CZBUCG adalah lebih kecil kerana sebahagian Lot 713 dengan keluasan anggaran 1.44 ekar akan digunakan oleh Tenaga Nasional Berhad (TNB) untuk pembinaan sub-station; atau

(b) Tanah Rezab Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Lot 702, Seksyen 1, Bandar Tanjong Pinang, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang dengan keluasan kasar Gross Developed Area seluas 3.67 ekar.

(v) Dalam keadaan di mana nilai tanah yang akan diberi milik kepada CZBUCG adalah kurang daripada kos pelaksanaan perjanjian awal, bayaran dalam bentuk wang akan dilakukan bersamaan dengan nilai yang kurang tersebut.

(vi) Nilai tanah yang akan diberi milik kepada CZBUCG ditetapkan pada nilai RM1,300.00 sekaki persegi. Syarat guna tanah adalah bangunan (pembangunan komersial).

(vii) CZBUCG perlu mengemukakan Kajian Kemungkinan kepada Kerajaan Negeri bagi kebolehlaksanaan setiap satu projek termasuk cadangan, opsyen pelaksanaan, anggaran kos termasuk sebarang halangan atau isu yang dijangkakan.

(viii) Kerajaan Negeri perlu melantik perunding bebas untuk menyediakan DEIA dan untuk mengambil tindakan yang perlu bagi mendapatkan kelulusan DEIA daripada Jabatan Alam Sekitar (JAS). Jumlah bayaran yang dibayar oleh Kerajaan Negeri kepada perunding bebas perlu dibayar balik oleh CZBUCG kepada Kerajaan Negeri.

(ix) Kerajaan Negeri dan CZBUCG mengambil maklum dan bersetuju bahawa kelulusan DEIA adalah syarat utama kepada pelaksanaan projek-projek.

(x) CZBUCG perlu menyediakan dan mengemukakan Reka Bentuk Terperinci Awalan (Preliminary Detailed Design) kepada JAS untuk kelulusan DEIA. CZBUCG juga perlu menyediakan dan mengemukakan Reka Bentuk Terperinci Muktamad (Final Detailed Design) kepada Kerajaan Negeri yang mana telah mengambilkira semua pindaan seperti yang dikehendaki oleh JAS.

(xi) CZBUCG hendaklah, pada setiap masa, bertanggungjawab ke atas Reka Bentuk Terperinci yang telah diluluskan dari aspek kecukupan fungsi, integriti dan keselamatan struktur serta jaminan bahawa Reka Bentuk Terperinci yang telah diluluskan tersebut adalah mengikut paiwaian dan standard codes of practice.

(xii) Kerajaan Negeri akan melantik Perunding Teknikal untuk menjalankan semakan dan audit ke atas kerja-kerja yang akan dilaksanakan oleh CZBUCG.

(xiii) Kerajaan Negeri memiliki hak untuk meminda, menangguhkan atau tidak meneruskan mana-mana atau kesemua projek selepas pelaksanaan Perjanjian Awal ini. Perjanjian kedua yakni Perjanjian Pembinaan dan Perjanjian Konsesi (bagi Projek Link Ketiga) perlu ditandatangani sekiranya Kerajaan Negeri bersetuju untuk meneruskan pelaksanaan projek.

(xiv) Anggaran kos bagi pelaksanaan kesemua projek kelak dianggarkan RM6.036 billion dan sebagai balasan untuk pelaksanaan projek ini, CZBUCG akan diserahkan tanah Kerajaan Negeri seluas 110 ekar di tanah tebus guna Bandar Tanjong Pinang yang akan ditebus guna oleh Tanjung Pinang Development Sdn. Bhd. Keluasan sebenar yang akan diserahkan kepada CZBUCG akan ditolak dengan keluasan tanah yang akan diberi milik melalui pelaksanaan Perjanjian Awal.

(xv) Pada dasarnya, Kerajaan Negeri telah menetapkan tiada caj tol yang akan dikenakan bagi 3 buah projek jalanraya. Sebaliknya, hanya Projek Link Ketiga (tunnel) Pulau Pinang yang akan diberikan hak konsesi (mengoperasi, penyelenggara dan mengutip tol) selama 30 tahun kepada CZBUCG. Kadar tol perlulah pada bila-bila masa, bersamaan dengan kadar tol kedua-dua Jambatan Pulau Pinang yang sedia ada.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid bin Haji Saad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

15. Nyatakan nama jawatankuasa yang dibentuk di bawah Majlis Agama Islam Pulau Pinang (MAIPP). Berikan bilangan Mesyuarat Penuh Majlis Agama Islam Pulau Pinang dan mesyuarat Jawatankuasa yang dibentuk sejak tahun 2009 mengikut tahun sehingga kini. Apakah kejayaan MAIPP dalam membangunkan tanah-tanah wakaf?

Y.A.B. Ketua Menteri:

15. (1) (1.1) Terdapat sejumlah 17 Jawatankuasa yang dibentuk di bawah Majlis Agama Islam Pulau Pinang (MAINPP) dan ianya adalah seperti berikut:-

(1.2) Jawatankuasa Perjawatan dan Perkhidmatan;

(1.3) Jawatankuasa Pelaburan, Kewangan dan Belanjawan;

(1.4) Jawatankuasa Khutbah dan Pentauliahan Pengajaran Agama Islam;

(1.5) Jawatankuasa Lembaga Rayuan Tatatertib;

(1.6) Jawatankuasa Peguam Syarie;

(1.7) Jawatankuasa Lembaga Tender;

(1.8) Jawatankuasa Panel Pensijilan Halal Malaysia Pulau Pinang;

(1.9) Jawatankuasa Kesihatan dan Kesejahteraan Hayat;

(1.10) Jawatankuasa Pembangunan dan Hal Ehwal Generasi Pewaris;

(1.11) Jawatankuasa Pembangunan Insan dan Dakwah;

(1.12) Jawatankuasa Pembangunan Masjid dan Hal Ehwal Qaryah;

(1.13) Jawatankuasa Pembangunan, Hal Ehwal Tanah dan Aset;

(1.14) Jawatankuasa Pendidikan dan Bantuan Pelajaran;

(1.15) Jawatankuasa Kebajikan, Kesejahteraan Keluarga dan Hal Ehwal Wanita;

(1.16) Jawatankuasa Tatatertib Kumpulan Pengurusan;

(1.17) Jawatankuasa Tatatertib Kumpulan Sokongan; dan

(1.18) Jawatankuasa Teknikal Undang-Undang Syarak.

Terdapat beberapa Jawatankuasa yang ditubuhkan tidak bermesyuarat kerana tidak terdapat keperluan untuk berbuat demikian.

(2) Sejak tahun 2009 sehingga sekarang, Mesyuarat Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang telah diadakan sebanyak 30 kali. Manakala, bilangan mesyuarat bagi semua Jawatankuasa adalah sebanyak 198 kali. Perincian bilangan mesyuarat adalah seperti berikut:-

BILANGAN MESYUARAT PENUH MAINPP DAN MESYUARAT JAWATANKUASA DI BAWAH MAINPP

BIL	NAMA MESYUARAT	BILANGAN MESYUARAT					Jumlah
		2009	2010	2011	2012	2013	
1.	Mesyuarat Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang	7	7 (Mesy Khas sekali)	6 (Mesy Khas sekali)	5	5	30
2.	Jawatankuasa Perjawatan & Perkhidmatan	3	1	1	-	1	6
3.	Jawatankuasa Pelaburan, Kewangan & Belanjawan	3	2	1	1	1	8
4.	Jawatankuasa Khutbah & Pentauliahan Pengajaran Agama Islam	10	8	6	11	8	43
5.	Jawatankuasa Lembaga Rayuan Tatatertib	-	-	-	-	-	-
6.	Jawatankuasa Peguam Syarie	2	2	2	2	1	9
7.	Jawatankuasa Lembaga Tender	2	1	1	-	1	5
8.	Jawatankuasa Panel Pensijilan Halal Malaysia Pulau Pinang	11	9	13	12	10	55
9.	Jawatankuasa Kesihatan & Kesejahteraan Hayat	-	2	-	-	-	2
10.	Jawatankuasa Pembangunan Dan Hal Ehwal Generasi Pewaris	-	-	-	2	1	3
11.	Jawatankuasa Pembangunan Insan Dan Dakwah	2	2	2	1	1	8
12.	Jawatankuasa Pembangunan Masjid & Hal Ehwal Qaryah	5	5	7	4	10	31
13.	Jawatankuasa Pembangunan, Hal Ehwal Tanah Dan Aset	3	4	2	2	4	15
14.	Jawatankuasa Pendidikan Dan Bantuan Pelajaran	1	2	2	1	1	7
15.	Jawatankuasa Kebajikan, Kesejahteraan Keluarga & Hal Ehwal Wanita	-	5	1	-	-	6
16.	Jawatankuasa Tatatertib Kumpulan Pengurusan	-	-	-	-	-	-
17.	Jawatankuasa Tatatertib Kumpulan Sokongan	-	-	-	-	-	-
18.	Jawatankuasa Teknikal Undang-Undang Syarak	-	-	-	-	-	-
							228

PROJEK-PROJEK YANG DIBANGUNKAN OLEH MAINPP (DARI TAHUN 2009)

BIL.	PEMBANGUNAN	LUAS TAPAK	NILAI (RM)
1.	Maahad Al Mashoor Al- Islami (Balik Pulau)	20 ekar	42,000,000.00
2.	Taman Wakaf Seetee Aisah (Seberang Jaya)	9.86 ekar	20,000,000.00
3.	Pangsapuri Wakaf Khan Mohamed (Jalan Perak)	0.7 ekar	3,000,000.00
4.	Hotel An Nur Express & Baikpulih 69 Kedai/Bazar 2 Tingkat	2 ekar	7,000,000.00
5.	Pusat Latihan Zakat (Balik Pulau)	6 ekar	15,000,000.00
6.	Pusat Warga Emas (Darul Hanan, Pongsu Seribu)	6 ekar	15,000,000.00
7.	Inapan Kasih Sayang (Anak Miskin, Pongsu Seribu)	6 ekar	15,000,000.00
8.	Pusat Saudara Baru (Darul Hidayah, Permatang Tok Gelam)	4 ekar	7,000,000.00
9.	Pusat Latihan Wanita (Darul Sakinah) Kerja Ubahsuai	0.2 ekar	147,182.00
10.	Surau Pangsapuri Pinang Court & Surau Desa Indah (Paya Terubong)	0.5 ekar	842,811.00
11.	Bazar Wakaf Rakyat Di Masjid Bayan Baru, Sheikh Eusoff, Bertam & Jawi.	0.3 ekar	595,254.00
	JUMLAH	**55.56 ekar**	**125,585,244.00**

(3) Sejak tahun 2009 sehingga sekarang, MAINPP telah berjaya membangunkan 11 buah projek wakaf yang bernilai RM125.58 juta. Ketika ini, terdapat 4 buah projek wakaf yang dalam pembinaan dan menelan kos sebanyak RM66.91 juta. Butiran projek-projek MAINPP berserta kos adalah seperti di

PROJEK-PROJEK YANG DALAM PEMBINAAN OLEH MAINPP

BIL.	PEMBANGUNAN	LUAS TAPAK	NILAI (RM)
1.	Pangsapuri Wakaf Masjid Sungai Nibong	1.6 ekar	20,000,000.00
2.	Pangsapuri Masjid Teluk Ayer Tawar	2.5 ekar	40,000,000.00
3.	143 Unit Rumah Teres, Taman Kuala Bekah	3.084 ekar	6,000,000.00
4.	Surau Taman Seri Murni (Sungai Dua) & Surau Taman Tok Bedu (Tasek Gelugor)	0.3 ekar	914,353.00
	JUMLAH	**7.484 ekar**	**66,914,353.00**

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid bin Haji Saad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

16. Jelaskan perancangan pembangunan projek perkampungan Hakka yang telah diwar-warkan di Balik Pulau, termasuklah komposisi pembangunan serta kos, anggaran jumlah penduduk dan kesan ekonomi, sosial dan alam sekitar.

Y.A.B. Ketua Menteri:

16. Tetuan Treasure Orchard Sdn. Bhd. telah memohon untuk perlingkungan semula tanah bukit kepada Pelancongan Am kepada Jawatankuasa Perancang Negeri. Permohonan ini telah diluluskan dan disahkan pada 4 Mac 2013. Namun sehingga kini, MPPP belum menerima sebarang permohonan merancang untuk pembangunan projek Pelancongan Hakka di Balik Pulau yang telah banyak disiarkan dalam surat khabar. Oleh itu, MPPP tidak dapat memberi maklumat mengenai komposisi pembangunan, kos dan anggaran jumlah penduduk dan kesan kepada ekonomi, siosial dan alam sekitar di kawasan tersebut. Jumlah penduduk adalah terkawal kerana ia banyak melibatkan tempat penginapan untuk pelancong–pelancong dan pelawat.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid bin Haji Saad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

17. Selepas pemasangan keretapi bukit bendera yang baru, nyatakan bilangan dan jenis kerosakan serta sebab kerosakan yang telah berlaku.

Y.A.B. Ketua Menteri:

17. Sejak penggunaan keretapi bukit bendera yang baru, beberapa kejadian kerosakan keretapi telah berlaku. Maklumat untuk tiga tahun mulai 2011 hingga 2013 adalah seperti berikut:-

    Tahun 2011: Berlaku 9 kerosakan dimana 6 kes melibatkan kerosakan pada komponen elektrik dan medium penghantaran bekalan kuasa. Manakala 3 kes melibatkan faktor luaran seperti pokok tumbang dan lintasan haiwan seperti ular, anjing yang menyebabkan berlakunya kemalangan.

    Tahun 2012: Berlaku 14 kerosakan dimana 10 kes melibatkan kerosakan pada komponen elektronik, mekanikal dan kerosakan ada medium penghantar kuasa.Manakala 4 lagi melibatkan factor luaran seperti pokok tumbang dan batu menghempap pengalir bekalan kuasa.

    Tahun 2013: Berlaku 6 kes.Tiga daripada kes tersebut adalah disebabkan masalah teknikal seperti kerosakan eletronik dan medium penghantaran bekalan kuasa. Manakala 3 lagi kes melibatkan kecuaian pekerja dan kontraktor yang melakukan kerja di atas landasan yang menyebabkan berlakunya pelanggaran tidak sengaja.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid bin Haji Saad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

18. Berapakah kos penganjuran George Town Festival bagi tahun-tahun yang diadakan. Berapakah jumlah pendapatan langsung dan tidak langsung kepada Negeri Pulau Pinang dan kesannya kepada sektor pelancongan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

18. George Town Festival (GTF) merupakan perayaan seni budaya untuk meraikan ulang tahun pengiktirafan George Town sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO yang disambut selama sebulan setiap tahun sejak tahun 2010. Penganjuran GTF bertujuan untuk menyokong dan mempromosi aktiviti-aktiviti kesenian dan kebudayaan tempatan. Bagi penganjuran GTF ini, Kerajaan Negeri telah membelanjakan peruntukan seperti berikut :

Tahun 2010	RM397,590.01
Tahun 2011	RM1.5 juta
Tahun 2012	RM1.5 juta
Tahun 2013	RM1.5 juta

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid bin Haji Saad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

19. Berikan butiran-butiran projek yang sedang dilaksanakan sama ada di peringkat kajian, tendermahupun dalam pelaksanaan ditapak oleh pihak Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC). Sila senaraikan nama-nama perunding, alamat mereka dan justifikasi pemilihan mereka dibuat.

Y.A.B. Ketua Menteri:

19. Terdapat sebanyak 81 projek yang sedang dilaksanakan oleh pihak PDC di pelbagai peringkat seperti kajian, tender mahupun dalam perlaksanaan di tapak. Secara ringkasnya sejumlah 33 projek diperingkat kajian/rekabentuk, 7 projek diperingkat tender manakala sebanyak 41 projek sedang dalam peringkat pelaksanan. Maklumat terperinci mengenai butiran projek termasuk nama-nama perunding adalah seperti di dalam lampiran.

* Lihat Folder Lampiran (ID 122 Sol. 19 BMFS)

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid bin Haji Saad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

20. Berikan pecahan peruntukan yang diberikan kepada setiap Penyelaras Dewan Undangan Negeri untuk satu (1) tahun termasuk peruntukan projek dan program. Nyatakan justifikasinya.

Y.A.B. Ketua Menteri:

20. Kerajaan Negeri memperuntukkan sejumlah RM100,000.00 setahun untuk setiap Penyelaras DUN iaitu sebanyak RM40,000.00 bagi membiayai cadangan projek-projek pembangunan masyarakat dan RM60,000.00 untuk projek-projek khas dan bekalan. Agihan untuk projek pembangunan masyarakat sebanyak RM40,000.00 ialah untuk pembiayaan pelaksanaan projek-projek infrastruktur kecil manakala agihan RM60,000.00 bagi projek khas dan bekalan pula ialah pembiayaan untuk pelaksanaan program sosial, kebudayaan, sukan dan bantuan peralatan/barangan yang boleh dimanfaatkan dan memberi faedah kepada masyarakat dan orang ramai di KADUN berkaitan.

    Pada penggal DUN semasa ini, Kerajaan Negeri masih memperuntukkan sejumlah RM100,000.00 untuk setiap Penyelaras DUN terlibat tetapi agihannya ialah RM20,000.00 untuk projek-projek infrastruktur kecil dan RM80,000.00 untuk pembiayaan projek khas dan bekalan. Kerajaan Negeri mengurangkan agihan peruntukan bagi pembiayaan projek infrastruktur kecil kerana mengambil kira peruntukan pembangunan untuk pelaksanaan projek-projek infrastruktur disediakan secara langsung di bawah vot JKR dan JPS. Di samping itu, Kerajaan Negeri akan memperuntukkan RM40,000.00 kepada setiap ADUN pembangkang UMNO sebanyak RM40,000.00 setahun mulai 2014.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid bin Haji Saad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

21. Sila senaraikan nama- nama pembeli rumah bagi setiap projek kos rendah yang disiapkan oleh swasta dan Kerajaan Negeri Pulau Pinang sejak tahun 2008. Apakah kriteria serta syarat pemilihan lain selain daripada yang tercatat dalam borang permohonan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

21. Senarai nama-nama pembeli rumah bagi setiap projek kos rendah yang disiapkan oleh swasta dan Kerajaan Negeri sejak tahun 2008 adalah seperti di lampiran.

    Selain daripada kriteria dan syarat pemilikan yang ditetapkan, keutamaan diberi kepada pemohon berdasarkan daerah tempat tinggal pemohon (kawasan Geografi).

    Selain itu, bagi kes-kes tertentu seperti pemohon kelainan upaya (OKU) ataupun pemohon yang terlibat dengan pembangunan semula tanah dan telah menerima Notis Arahan Pindah juga akan diberikan keutamaan untuk memiliki rumah.

* Lihat Folder Lampiran (ID 124Sol. 21 BMFS)

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid bin Haji Saad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

22. Jelaskan proses tender terbuka untuk kerja-kerja naik taraf KOMTAR dengan menyatakan tarikh, penyertaan, harga tender dan justifikasi pemilihan kontraktor. Adakah telah dibuat analisa kestabilan struktur bangunan sebelum penambahbaikan dibuat.

Y.A.B. Ketua Menteri:

22. Projek menaik taraf bangunan KOMTAR adalah di bawah pengurusan pihak Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC).

    PDC telah mengiklankan tender di laman sesawang sistem E-Perolehan Kerajaan Negeri Pulau Pinang di akhbar Sinar Harian, akhbar Star, laman sesawang PDC dan dipamerkan di papan notis Bahagian Khidmat Pengurusan PDC. Pendaftaran adalah terbuka untuk semua kontraktor tempatan yang berdaftar dengan sistem E-Perolehan Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan CIDB (Perakuan Pendaftaran atau Perakuan Pendaftaran dengan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan). Tempoh tender dipamerkan adalah minimum 21 hari.

    Sila rujuk Lampiran 'A' untuk maklumat terperinci senarai kerja-kerja naik taraf KOMTAR berserta tarikh tender, bilangan penyertaan, harga tender dan justifikasi pemilihan kontraktor. Kerja-kerja ini merupakan kerja kemasan dan penambahbaikan yang tidak melibatkan struktur bangunan. Oleh yang demikian, analisa kestabilan struktur bangunan tidak diperlukan. Walau bagaimanapun, PDC kini sedang melaksanakan kajian integriti struktur bagi Bangunan KOMTAR. Semua tender dijalankan secara tender terbuka dan dipilih berdasarkan harga, kualiti, 'track record' dan pengalaman.

* Lihat Folder Lampiran (ID 125 Sol. 22 BMFS)

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid bin Haji Saad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

23. Jelaskan keperluan pembangunan bagi memenuhi kehendak Enviromental Impact Assesment (EIA) bagi kedua-dua projek berikut iaitu Projek Seri Tanjung Fasa 2 dan Projek Pembangunan Terowong Bawah Dasar Laut. Nyatakan status permohonan dan adakah pembangunan akan diteruskan tanpa kelulusan EIA dari Jabatan Alam Sekitar.

Y.A.B. Ketua Menteri:

23. (i) Projek Seri Tanjung Pinang Fasa 2 adalah tertakluk kepada Aktiviti 4, Tebus Guna Tanah di Bawah Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti Yang Ditetapkan) (Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling) 1987. Penggerak projek iaitu Tanjung Pinang Development Sdn. Bhd. perlu melantik syarikat yang berkelayakan untuk menjalankan Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling (EIA) dan mengemukakan laporan kepada Jabatan Alam Sekitar

untuk pertimbangan sebelum sebarang keputusan dikeluarkan. Berdasarkan Seksyen 34 A (2), Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, sebarang kerja-kerja pembangunan tidak boleh dimulakan sebelum mendapat kelulusan Laporan EIA daripada Jabatan Alam Sekitar. Setakat ini, permohonan kelulusan laporan EIA bagi Projek Seri Tanjung Pinang Fasa 2 belum dikemukakan kepada Jabatan Alam Sekitar.

(ii) Bagi Projek Link Ketiga Pulau Pinang yang melibatkan pembinaan terowong dasar laut pula, ianya tertakluk kepada Aktiviti 9 (C), Pembinaan Lebuhraya Bandar di bawah Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti Yang Ditetapkan) (Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling) 1987. Kerajaan Negeri sebagai penggerak projek akan melantik syarikat yang berkelayakan untuk menjalankan EIA yang seterusnya akan mengemukakan laporan kepada Jabatan Alam Sekitar untuk pertimbangan sebelum sebarang keputusan dikeluarkan. Berdasarkan Seksyen 34 A (2) Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, sebarang kerja-kerja pembangunan tidak boleh dimulakan sebelum mendapat kelulusan Laporan EIA daripada Jabatan Alam Sekitar.

(iii) Pihak Consortium Zenith BUCG Sdn. Bhd. iaitu syarikat yang dilantik oleh Kerajaan Negeri telah memulakan proses Kajian Kemungkinan projek pada 1 November 2013. Dalam masa yang sama, Kerajaan Negeri dalam proses untuk melantik syarikat yang berkelayakan dan berkecuali melalui kontrak dengan Consortium Zenith BUCG Sdn. Bhd. untuk menjalankan EIA. Kerajaan Negeri berpandangan bahawa mana-mana projek yang tidak mendapat kelulusan EIA adalah tidak wajar dilaksanakan sejajar dengan inisiatif Cleaner, Greener, Safer & Healthier Penang.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid bin Haji Saad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

24. Nyatakan bagaimana kaedah top up dibuat kepada warga miskin untuk mengeluarkan mereka daripada kelompok definasi miskin. Berikan perincian mengikut daerah, kaum, bilangan penerima dan jumlah wang peruntukan yang diagihkan untuk tujuan tersebut.

Y.A.B. Ketua Menteri:

24. Negeri Pulau Pinang adalah negeri pertama yang mencapai sifar miskin tegar. Pada tahun 2009, Kerajaan Negeri telah mengumumkan Program Pembasmian Kemiskinan Tegar yang dikuatkuasakan mulai bulan Mac 2009. Penerima bantuan kewangan bulanan Kerajaan Negeri adalah kelompok keluarga miskin tegar yang dikenal pasti berdasarkan penarafan Kerajaan Negeri dengan menggunakan PGK RM500.00 sekeluarga (Mac 2009 hingga Mac 2012), PGK RM600.00 sekeluarga (April 2012 hingga Disember 2012) dengan perkapita RM120.00 dan PGK RM770.00 sekeluarga (mulai Januari 2013) dengan perkapita RM220.00.

Bantuan kewangan bulanan (top up) yang diberikan oleh Kerajaan Negeri melalui program ini adalah supaya mereka yang dikenal pasti keluar daripada kelompok miskin tegar. Jumlah bantuan yang diberi setiap bulan ialah minimum RM100 dan maksimum RM770.00. Perincian jumlah penerima bantuan mengikut tahun dan daerah adalah seperti di Lampiran ID 170.

* lihat folder lampiran ID 170 BMFS

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid bin Haji Saad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

25. Apakah bentuk tawaran dan syarat yang diberikan kepada Rapid Penang bagi peruntukan sebanyak RM10 juta yang telah dicadangkan oleh Y.A.B. Ketua Menteri. Jelaskan logik dan asas pengiraan tawaran tersebut.

Y.A.B. Ketua Menteri:

25. Bentuk tawaran yang dibuat adalah berdasarkan perkhidmatan yang dijalankan oleh Rapid Penang hanya pada waktu puncak selama 6 jam iaitu bermula jam 6 pagi sehingga 9 pagi dan 4.30 petang sehingga 8.30 malam. Ini terpakai kepada semua bas Rapid Penang yang beroperasi di seluruh negeri. Pengguna boleh menaiki secara percuma pada waktu ini. Tiada apa-apa syarat yang khusus dikenakan selagi pihak Rapid Penang dapat memberikan perkhidmatan yang baik kepada semua pengguna.

    Jumlah RM10 juta ini diambil kira berdasarkan jumlah bas yang dicadangkan di dalam Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang iaitu sebanyak 350 buah bas yang beroperasi pada waktu puncak sahaja.

    Perbincangan lanjut masih lagi dilakukan bersama dengan pihak Rapid Penang dan Syarikat Prasarana berkenaan tawaran ini. Pada masa kini, Kerajaan Negeri masih menunggu keputusan daripada pihak Prasarana untuk perbincangan lanjut.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid bin Haji Saad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

26. Berikan lokasi tempat-tempat yang menyediakan makanan untuk gelandangan bagi setiap bulan sejak diwujudkan oleh Badan Bukan Kerajaan (NGO). Berapa ramaikah anggota masyarakat yang mengunjungi pusat ini. Bagaimanakah dipastikan makanan yang disajikan kepada umat Islam adalah halal. Berikan tarikh-tarikh pemantauan dibuat oleh Jabatan Agama Islam Pulau Pinang (JAIPP) dan Majlis Agama Islam Pulau Pinang (MAIPP). Adakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang berhasrat untuk membuka sendiri pusat sebegini.

Y.A.B. Ketua Menteri:

26. Kerajaan Negeri tidak mempunyai maklumat mengenai tempat-tempat gelandangan yang disediakan makanan oleh NGO kerana tempat-tempat tersebut diuruskan oleh NGO sepenuhnya. Kerajaan Negeri belum mempunyai perancangan untuk mewujudkan pusat gelandangan.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid bin Haji Saad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

27. Berapa ramaikah jumlah penduduk Negeri Pulau Pinang ini yang dijangka terlibat dalam bayaran surcaj air dan berapakah jumlah jangkaan hasil kutipan kerajaan selepas penguatkuasaan surcaj. Berikan pecahan di atas mengikut daerah.

Y.A.B. Ketua Menteri:

27. Pecahan pengguna atau penduduk yang terlibat dan jangkaan kutipan hasil mengikut Daerah adalah seperti berikut :

Bil.	Pengguna	Jangkaan Hasill Kutipan 2014 (RM)
Daerah Timur Laut	27,669	3,344,225
Daerah Barat Daya	23,933	2,892,688
Seberang Prai Utara	33,164	4,008,328
Seberang Prai Tengah	28,035	3,388,486
Seberang Prai Selatan	16,268	1,966,272
JUMLAH	**129,070**	**15,600,000**

Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid bin Haji Saad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

28. Berapakah jumlah restoran dan jumlah warung yang berdaftar dengan Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) dan berapa pula yang tidak berdaftar. Bagi tahun 2013, berapakah jumlah tindakan undang-undang yang telah diambil terhadap premis yang kotor dan nyatakan jenis kesalahan. Apakah langkah yang telah dan sedang diambil bagi menjamin industri makanan di Negeri Pulau Pinang ini tidak terjejas sempena Tahun Melawat Malaysia 2014.

Y.A.B. Ketua Menteri:

28. Jumlah dan status restoran dan warung yang direkod beroperasi di kawasan MPPP seperti berikut:

	Restoran	Warung	Jumlah
Berlesen	1860	3860	5720
Tidak Berlesen	348	3380	3728

Bagi tindakan undang-undang yang telah diambil ke atas premis kotor adalah seperti berikut:

Kesalahan	**Tahun 2012**	**Tahun 2013 sehingga Oktober**
Kesalahan dibawah Undang-undang Kecil Pengendalian Makanan	1549	865
Kesalahan dibawah Undang-undang Kecil Establishmen Makanan	817	547
Kesalahan dibawah Undang-undang Kecil Penjaja	7912	4124
Kesalahan dibawah Undang-undang Kecil Kebersihan dan Keselamatan Awam	175	86

Untuk menjamin industri makanan di negeri ini tidak terjejas sempena Tahun Melawat Malaysia 2014, selain daripada tindakan kompaun, pihak MPPP bersama Kementerian Kesihatan Malaysia telah menjadualakn operasi bersepadu 2 kali sebulan mulai daripada Jun 2013 bagi memfokuskan kepada premis-premis yang kotor selain operasi penilaian kebersihan secara mingguan ke kawasan yang dijadualkan. Selain itu, pendidikan kesihatan juga diberikan semasa operasi dijalankan.

Bagi kes restoran yang tidak mematuhi syarat perlesenan, tindakan notis dan pembatalan lesen turut diambil.

Jumlah restoran, warung dan kedai makan yang berlesen dan tidak berlesen untuk tahun 2013 berdaftar dengan MPSP adalah seperti berikut:

Status	Restoran	Kedai Makan/Kedai Kopi	Jumlah
Berlesen	689	1009	1698
Tidak Berlesen	917	529	1443

Jumlah tindakan Undang-Undang yang telah diambil terhadap premis yang kotor dan jenis kesalahan adalah seperti berikut:-

Kesalahan	Tahun 2012	Tahun 2013 sehingga Oktober
Kesalahan dibawah Undang-undang Kecil Pengendalian Makanan	98	63
Kesalahan dibawah Undang-undang Kecil Establishmen Makanan	-	-
Kesalahan dibawah Undang-undang Kecil Penjaja	23	124
Kesalahan dibawah Undang-undang Kecil Kebersihan dan Keselamatan Awam	-	-

Langkah yang sedang / telah diambil oleh MPSP bagi menjamin kebersihan dan keselamatan makanan terjamin sempena Tahun Melawat Malaysia 2014 adalah dengan mengadakan program-program berikut seperti :

(i) Menambahkan kekerapan pemeriksaan di lokasi tumpuan awam / pelancong dengan pembahagian zon;

(ii) Menjalankan pertandingan premis bersih mengikut kategori dan zon;

(iii) Mengadakan bengkel peningkatan tahap kebersihan premis makanan terhadap premis yang mendapat gred C;

(iv) Menjalankan pertandingan tandas bersih termasuk tandas di permis makanan mengikut kategori;

(v) Pengauditan star rating tandas awam (Bintang) kategori premis makanan;

(vi) Menjalankan aktiviti pendidikan kesihatan berbentuk media cetak dan elektronik dengan tema dan ikon baru; dan

(vii) Program penganugerahan stiker penggredan premis makanan.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid bin Haji Saad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

29. Jelaskan tindakan promosi yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk menerima kedatangan pelancong sempena Tahun Melawat Malaysia 2014. Berapakah anggaran kedatangan pelancong dan pendapatan industri pelancongan bagi tahun 2012, 2013 dan 2014. Apakah produk baru yang akan diketengahkan pada tahun 2014?

Y.A.B. Ketua Menteri:

29. Tindakan promosi yang telah dan sedang diambil oleh Kerajaan Negeri melalui agensinya seperti PGT adalah:-

(i) Mempromosikan tarikan pelancongan Pulau Pinang di misi-misi perniagaan yang disertai di luar Negara seperti ke China, Eropah dan lain-lain Negara Asia;

(ii) Menjalankan kempen pelancongan My Penang di pasaran *high end* di rantau Asia Pasifik seperti seperti Singapura, Australia dan Hong Kong.

(iii) Berusaha untuk menjenamakan Penang World Music Festival di luar negara sebagai salah satu tarikan pelancongan negeri;

(iv) Melengkapkan pusat tumpuan pelancong dengan informasi dan maklumat pelancongan untuk kemudahan pelancong seperti peta dan risalah-risalah pelancongan.

Produk baru yang akan diketengahkan adalah pelancongan eko iaitu *River Cruise Auto City Juru. River Cruise* ini memberi peluang kepada pelancong untuk menikmati pemandangan semulajadi dengan menyusuri perkampungan nelayan Sungai Juru, melawat penternakan ikan dalam sangkar, menangkap ketam, seterusnya ke laut lepas dan mendekati Struktur Jambatan Pulau Pinang.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid bin Haji Saad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

30. Sejak Pelan Struktur Pulau Pinang diluluskan pada tahun 2007, adakah ianya dikaji semula dengan memasukkan Projek Mega pembinaan terowong. Jika tiada kelulusan semakan pelan struktur diperolehi, mengapakah projek terowong diluluskan dan perjanjian projek telah ditandatangani. Jelaskan kedudukan sebenarnya bagi projek ini.

Y.A.B. Ketua Menteri:

30. Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang (RSNPP) 2020 telah diwartakan pada 28 Jun 2007 dan kini telah mencapai tempoh lima tahun. Jabatan Perancang Bandar dan Desa (JPBD) Pulau Pinang sedang menjalankan kajian semula ke atas RSNPP 2020 mulai September 2012 seiring dengan keperluan di bawah Seksyen 11(1), Akta 172 – "Sesuatu rancangan struktur yang telah mula berkuatkuasa hendaklah tertakluk kepada kajian semula tiap-tiap lima tahun seiring dengan penyediaan rancangan pembangunan lima tahun Negeri, dan kajian semula itu hendaklah berkaitan dengan seluruh Negeri itu."

Kajian semula RSNPP 2020 dijalankan bertujuan untukmenjalankan kajian semula dan penilaian terhadap dasar-dasar sedia, gambarajah utama, pelaksanaan projek dan program yang telah digariskan di dalam RSNPP 2020 dan seterusnya membuat penilaian dan cadangan hasil dari penemuan-penemuan kajian. Bagi projek-projek mega terkini seperti cadangan pembinaan terowong Projek Link Ketiga Pulau Pinang, ianya akan dimasukkan ke dalam laporan kajian semula RSNPP 2020 selepas Kajian Kemungkinan memperakukan pelaksanaan tersebut serta mendapat kelulusan oleh Kerajaan Negeri. Kerajaan Negeri melalui perunding yang telah dilantik sedang menjalankan Kajian Kemungkinan (Feasibility Study) dan Kajian Terperinci Impak Alam Sekitar (DEIA) untuk mengenal pasti aspek dan tahap kebolehlaksanaan projek dan juga kesan ke atas alam sekitar. Di samping itu juga, Penilaian Impak Sosial dan Penilaian Impak Lalulintas turut akan dijalankan.

(VIII) Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara binti Hamid) Bertanya Kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

1. (a) Berapa banyakkah ladang-ladang khinzir yang masih beroperasi di Negeri Pulau Pinang mengikut daerah?

   (b) Sila nyatakan piawaian dan penguatkuasaan yang telah diambil untuk mengawasi ternakan khinzir tersebut.

   (c) Mengapakah pencemaran dari ladang-ladang khinzir di Kampung Selamat masih dibenarkan mencemari Sungai Kreh dan di Lahar Bubu ladang khinzir dapat beroperasi berhampiran dengan kawasan kediaman?

Y.A.B. Ketua Menteri:

1. (a) Pada masa ini terdapat sebanyak 208 buah ladang khinzir yang masih beroperasi di Negeri Pulau Pinang dengan populasi khinzir mencapai 319,296 ekor secara keseluruhannya. Bilangan ladang khinzir mengikut daerah adalah seperti berikut:-

   (i) Daerah Seberang Perai Utara (SPU) - 90 buah ladang dengan populasi 101,970 ekor

(ii) Daerah Seberang Perai Tengah (SPT) - 13 buah ladang dengan populasi 28,913 ekor

(iii) Daerah Seberang Perai Selatan (SPS) - 87 buah ladang dengan populasi 161,162 ekor

(iv) Daerah Barat Daya (DBD) - 18 buah ladang dengan populasi 28,084 ekor

(v) Daerah Timur Laut (DTL) - Tiada ladang ternakan.

(b) Penguatkuasaan adalah berbeza mengikut fungsi jabatan.

Jabatan Perkhidmatan Veterinar bertanggungjawab memantau pergerakan pemindahan penternakan khinzir menggunakan Sistem e-Permit 2 di Pulau Pinang melalui 3 aspek pemantauan iaitu:

(i) Kawalan penyakit bagi setiap ternakan dilakukan bagi memastikan sihat melalui program kesihatan seperti vaksinasi berjadual. Contohnya, suntikan penyakit kuku dan mulut (FMD) dan demam babi (Swine Fever).

(ii) Kawalan pencemaran dilakukan dengan cara memastikan setiap ladang mematuhi bacaan Biological Oxygen Demand (BOD) dari kolam kumbahan najis khinzir supaya tidak melebihi 50 ppm.

(iii) Setiap pergerakan ternakan khinzir yang keluarkan dari ladang perlu mendapatkan sijil kesihatan veterinar dari Pejabat Perkhidmatan Veterinar Daerah berhampiran.

Manakala Pihak Berkuasa Tempatan pula mempunyai kuasa untuk melesenkan dan menguatkuasakan Undang-Undang Kecil (Memelihara Babi) ke atas ladang-ladang yang beroperasi di bahagian Pulau. Pemantauan piawaian dan aktiviti penguatkuasaan yang diguna pakai adalah mengikut kaedah yang ditetapkan didalam Garis Panduan Penternakan Khinzir Negeri Pulau Pinang 2001.

Mengikut Garis Panduan Penternakan Khinzir Negeri Pulau Pinang 2001, setiap ladang perlu menyediakan sistem rawatan *effluent* yang efisyen dan dikehendaki mencapai tahap BOD kurang dari 50 ppm. Mana-mana ladang yang gagal mematuhi tahap BOD kurang dari 50 ppm, tindakan kompaun pada kadar maksimum RM250.00 akan dikenakan. Berdasarkan Laporan sampel air yang diterima setakat Julai 2013 dari Unit Kawalan Pencemaran Ternakan Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Pulau Pinang, kesemua 17 ladang yang terdapat di kawasan pentadbiran Majlis Perbandaran Pulau Pinang masih mematuhi tahap BOD kurang dari 50ppm.

Antara Undang-Undang yang digunakan oleh MPSP dalam penguatkuasaan terhadap ladang ternakan khinzir ialah:-

(i) The Rural District Council Central P.W. Piggenies By-Laws 1965

(ii) The Rural District Council South P.W. Piggeries By-Laws 1971

(iii) The Rural District Council North P.W. Piggeries By-Laws 1956

(c) Penternakan khinzir di Kampung Selamat

Kampung Selamat yang terletak di Seberang Perai Utara merupakan sebahagian kawasan yang mempunyai banyak ladang khinzir. Kebanyakan ladang dikategori dalam gred B, C dan D. Penternak-penternak di Kampung Selamat telah diminta mematuhi syarat-syarat pelesenan dan membuat penambahbaikan bagi mendapatkan gred ladang yang lebih baik dan menghalang dari berlakunya pencemaran terutama di Sungai Kreh.

Bagi menangani masalah pencemaran di Sungai Kreh yang berpunca daripada ternakan khinzir di Kampung Selamat, tindakan berikut telah dilaksanakan:-

(i) Menjalankan Audit dan Penggredan untuk memudahkan tindakan penguatkuasaan terhadap ladang ternakan khinzir.

(ii) Melakukan pemantauan berjadual di Kampung Selamat bagi kepatuhan syarat-syarat pelesenan ternakan khinzir.

(iii) Mengambil sampel air pelepasan di semua ladang khinzir supaya mematuhi Tahap Piawaian Pelepasan BOD 50ppm.

(iv) Penternak khinzir di Kampung Selamat telah dimaklumkan tentang kegagalan mematuhi syarat-syarat perlesenan dan dinasihatkan supaya menambahbaik keadaan ladang untuk mendapat gred yang lebih baik.

Bagi penternakan khinzir di Lahar Bubu, penternak ini telah memulakan penternakan secara berlesen sejak tahun 2011. Pembangunan kawasan perumahan berdekatan iaitu Taman Seri Indah dibuka pada tahun 1978. Walau bagaimanapun, penternak telah pun dinasihati supaya mengekang masalah bau di kawasan berkenaan.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara binti Hamid) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

2. (a) Berapakah kutipan zakat yang diperolehi pada tahun 2012 dan 2013 di Negeri Pulau Pinang?

(b) Berapakah jumlah perbelanjaan yang dibuat mengikut Asnaf untuk tahun 2012 dan 2013?

(c) Sila nyatakan perincian perbelanjaan wang zakat untuk Asnaf Muallaf di Negeri Pulau Pinang untuk tahun 2012 dan 2013.

Y.A.B. Ketua Menteri:

2. (a) Jumlah kutipan zakat pada tahun 2012 adalah sebanyak RM72,296,317.00, manakala kutipan zakat pada tahun 2013 (sehingga 31 Oktober 2013) adalah sebanyak RM53,246,562.00.

(b) Jumlah perbelanjaan yang dibuat mengikut Asnaf bagi tahun 2012 adalah sebanyak RM70,051,641.00 dan pembayaran pada tahun 2013 (sehingga 31 Oktober 2013) adalah sebanyak RM49,929,687.00. Butiran perbelanjaan mengikut Asnaf adalah seperti dibawah:-

Jumlah Perbelanjaan Wang Zakat Mengikut Asnaf Di Pulau Pinang

Bil	Golongan Asnaf	2012 (RM)	2013 (sehingga 31 Oktober) (RM)
1	Fakir	5,472,488.00	4,385,981.00
2	Miskin	27,303,376.00	21,667,175.00
3	Amil	10,583,303.00	5,662,177.00
4	Muallaf	3,664,268.00	4,014,890.00
5	Ghorimin	1,260,545.00	1,200,743.00
6	Ibnu Sabil	318,391.00	188,262.00
7	Fisabilillah	21,449,270.00	12,810,459.00
Jumlah		**70,051,641.00**	**49,929,687.00**

(c) Jumlah perbelanjaan wang zakaf untuk Asnaf Muallaf bagi tahun 2012 adalah sebanyak RM3,664,268.00 dan perbelanjaan bagi tahun 2013 (sehingga 31 Oktober 2013) adalah sebanyak RM4,014,890.00. Butiran perbelanjaan wang zakat untuk Asnaf Muallaf adalah seperti dibawah:-

Perincian Perbelanjaan Wang Zakat Untuk Asnaf Muallaf Di Pulau Pinang

Bil	Program	2012 (RM)	2013 (sehingga 31 Oktober) (RM)
1	Pendidikan	197,880.00	148,900.00
2	Skim Galakan - - Saguhati Berkhatan - Saguhati Berkahwin - Saguhati Memeluk Islam	 7,400.00 52,000.00 254,384.00	 7,700.00 49,000.00 182,200.00
3	Pembelian Peralatan Ibadah	31,700.00	62,805.00
4	Pengurusan Darul Hidayah	273,957.00	208,450.00
5	Pembangunan Darul Hidayah	2,601,727.00	3,217,540.00
6	Pembelian Kenderaan	59,550.00	-
7	Program Seminar/ Dakwah	10,513.00	14,319.00
8	Program Khas Muallaf	38,689.00	40,935.00
9	Saguhati Hari Raya	90,000.00	54,400.00
10	Bantuan Kebajikan	46,468.00	28,641.00
Jumlah		**3,664,268.00**	**4,014,890.00**

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara binti Hamid) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Sila nyatakan sumbangan unit rumah kos rendah, kos sederhana rendah dan mampu milik yang telah disediakan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk penduduk di Negeri Pulau Pinang sejak tahun 2008 sehingga sekarang dan berapakah harga untuk rumah tersebut?

Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) telah membangunkan Projek Halaman Kenanga di Sungai Nibong, Daerah Timur Laut Pulau Pinang yang telah mula dibina pada 25 Januari 2008 dan telah siap pada 31 Januari 2012. Projek ini mengandungi 204 unit rumah kos rendah berharga RM42,000 seunit dan 510 unit rumah kos sederhana rendah berharga RM72,500 seunit.

Selain daripada itu, PDC juga telah membangunkan Projek Halaman Seroja di Batu Kawan yang mengandungi 195 unit rumah kos sederhana rendah yang berharga RM72,500 seunit. Projek ini mula dibina pada 21 Januari 2010 dan telah siap pada 16 Oktober 2012. Tiada projek pembangunan rumah mampu milik yang telah siap dibina dalam tempoh 2008 hingga sekarang. Walau bagaimanapun, terdapat cadangan dan perancangan untuk membangunkan rumah mampu milik melalui PDC di semua daerah di Negeri Pulau Pinang iaitu seperti di bawah:-

PROJEK PERUMAHAN MAMPU MILIK OLEH PDC MENGIKUT DAERAH

Bil	Lokasi	Daerah	Kos Rendah	Kos Sederhana Rendah	Kos Sederhana	Jumlah Unit	Projek dijangka siap
1.	S.P. Chelliah	DTL	-	770	1,130	1,900	2017
2.	Telok Kumbar	DBD	-	346	348	694	2017
3.	Jelutong	DTL	-	556	-	556	2017
4.	Pintasan Cecil	DTL	-	298	-	298	2017
	Jumlah kecil Pulau			1,970	1,478	3,448	
5.	Bandar Cassia Fasa 1	SPS	-	149	371	520	2016
6.	Bandar Cassia Fasa 4	SPS	-	149	371	520	2017
7.	Bandar Cassia Fasa 7	SPS	-	149	371	520	2018
8.	Bandar Cassia Fasa 8	SPS	-	149	371	520	2018
9.	Bandar Cassia (baki 20 fasa)	SPS	-	2,776	6,944	9,720	Selepas Tahun 2018
10.	Kampung Jawa	SPU	-	353	354	707	2017
11.	Mak Mandin	SPU	250	-	-	250	2017
12.	Ampang Jajar	SPU	-	600	600	1,200	2018
13.	Bukit Mertajam	SPT	-	484	484	968	2018
14.	Juru	SPT	-	800	800	1,600	2018
	Jumlah kecil Seberang		250	5,609	10,666	16,525	
	Jumlah besar		**250**	**7,579**	**12,144**	**19,973**	

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara binti Hamid) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

4. Sila nyatakan jumlah permintaan untuk rumah kos rendah dan sederhana rendah mengikut daerah dan nyatakan perancangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk memenuhi permintaan ini.

Y.A.B. Ketua Menteri:

4. Jumlah permintaan untuk rumah Kos Rendah / Kos Sederhana Rendah mengikut daerah sehingga 12 November 2013 adalah seperti berikut :-

Daerah	Kos Rendah	Kos Sederhana Rendah
Timur Laut	3376	16189
Darat Daya	4905	187
Seberang Perai Tengah	1833	107
Seberang Perai Utara	2755	280
Seberang Perai Selatan	865	1046
JUMLAH PERMOHONAN	**13734**	**17809**

Antara perancangan dan usaha Kerajaan Negeri untuk memenuhi permintaan ini adalah seperti berikut:

(i) Memperluaskan stok tanah perumahan.

(a) Kerajaan Negeri berusaha menambah pembinaan perumahan baru termasuk rumah mampu milik di kawasan pembangunan baru (new growth area) di Daerah Barat Daya, Seberang Perai Utara dan Seberang Perai Selatan. Tanah di Negeri Pulau Pinang adalah amat terhad berbanding dengan negeri-negeri lain, malah

didapati permintaan ke atas tanah pembangunan perumahan hanya tertumpu di kawasan utama sahaja. Di bahagian Pulau, pemaju lebih tertumpu di Daerah Timur Laut berbanding di Daerah Barat Daya, manakala Daerah Seberang Perai Tengah pula menjadi pilihan pemaju jika dibandingkan dengan Daerah Seberang Perai Utara dan Daerah Seberang Perai Selatan. Melalui kaedah penambahan stok tanah untuk tujuan pembangunan perumahan adalah diharapkan dapat mengurangkan kenaikan kos tanah di kawasan pilihan dan akan menstabilkan harga rumah di pasaran.

(b) Kerajaan Negeri dalam masa yang sama sedang membuat perancangan untuk membina rumah mampu milik di Batu Kawan di atas tanah Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) seluas 200 ekar. Projek ini dijangka akan menyediakan 11,800 unit rumah mampu milik yang berharga di antara RM72,500.00 sehingga RM220,000.00 seunit.

(c) Selain daripada projek perumahan Batu Kawan, Kerajaan Negeri melalui PDC juga dijangka membina lebih lapan (8) ribu unit rumah di seluruh Negeri Pulau Pinang termasuk kawasan pulau. Keluasan tanah kerajaan yang terlibat adalah 29 ekar di Seberang Perai Utara (SPU), 32 ekar di Seberang Perai Tengah (SPT), 10 ekar di Daerah Timur Laut (DTL) dan 6 ekar di Daerah Barat Daya (DBD).

(ii) Melaksanakan Garis Panduan Peningkatan Ketumpatan dan nisbah plot oleh Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) yang berkuat kuasa mulai 21 Disember 2011 antaranya:

(a) Membenarkan pemaju membangunkan sehingga mencapai kepadatan 87 unit/ekar hingga 120 unit/ekar (maksimum – sekiranya tapak tersebut mempunyai penempatan setinggan) bagi kawasan-kawasan yang dibenarkan bagi penambahan ketumpatan terutama sekali di sekitar kawasan Transportation Oriented Development (T.O.D). Misalnya, perumahan kos sederhana rendah diberikan ketumpatan sehingga 120 unit seekar manakala tiada had ketumpatan bagi perumahan kos rendah (dengan syarat mematuhi semua kehendak perancangan);

(b) Mensyaratkan mana-mana pemajuan yang menggunapakai garis panduan ini menyediakan 30% RKSR bagi kawasan Daerah Timur Laut, manakala bagi kawasan Daerah Barat Daya perlu menyediakan 30% RKR atau 15% RKR dan 15% RKSR; dan

(c) Mensyaratkan sebanyak 5% daripada unit yang dibina dijual pada harga kurang RM200,000.00, 15% lagi pada harga kurang dari RM300,000.00 manakala 5% lagi dijual pada harga RM400,000.00. Ini dapat menggalakkan pemaju-pemaju untuk membina lebih banyak perumahan mampu milik.

(iii) Menaikkan harga rumah yang layak dibeli oleh warga asing di Pulau Pinang dari RM250,000.00 ke RM500,000.00 mulai 1 Januari 2010. Pada tahun 2012, Kerajaan Negeri telah mengumumkan untuk mengkaji semula dasar pemilikan hartanah oleh warga asing ini dari RM500,000.00 ke RM1,000,000.00 kepada had yang lebih tinggi iaitu RM2,000,000.00 untuk hartanah di bahagian Pulau dan mengekalkan had RM500,000.00 kepada pemaustatin tetap.

(iv) Menggariskan dasar menerusi Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang 2020 (RSN) dalam memastikan penyediaan rumah mampu milik sentiasa diberi keutamaan melalui langkah-langkah berikut:

(a) Mengambil kira keupayaan pembeli rumah (purchasing power) penduduk yang berbeza-beza, Kerajaan Negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) akan meluluskan projek perumahan bagi memastikan semua golongan penduduk di Pulau Pinang memiliki rumah berdasarkan dua jenis rumah mampu milik iaitu rumah kos rendah dan kos sederhana rendah.

(b) Mengawal harga rumah kos rendah dan sederhana rendah dan menetapkan syarat kelayakan rumah yang lebih realistik bagi golongan pertengahan iaitu individu yang berpendapatan RM2,500.00 hingga RM3,500.00 sebulan.

(v) Kerajaan Negeri melalui inisiatif *One Stop Centre* di PBT juga berusaha memproses dan meluluskan lebih banyak pelan-pelan permohonan perancangan di dalam waktu yang lebih singkat untuk menggalakkan lebih banyak rumah dapat dibina dalam waktu yang singkat.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara binti Hamid) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

5. Berapakah jumlah tanah mengikut jumlah kelulusan dan keluasan Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang telah dibuat pengambilan balik tanah untuk tujuan awam dari tahun 2008 sehingga sekarang. Apakah projek yang telah dibangunkan di atas tanah-tanah tersebut?

Y.A.B. Ketua Menteri:

5. Pengambilan tanah untuk tujuan awam mengikut daerah bagi tempoh 2008 hingga 2013 adalah seperti di Lampiran A.

* lihat folder lampiran (ID 139 BJH)

Perincian projek yang dibangunkan di atas tanah tersebut adalah seperti senarai dibawah:-

MAKLUMAT PENGAMBILAN TANAH MENGIKUT DAERAH BAGI TAHUN 2008 – 2013

TAHUN	DAERAH TIMUR LAUT	DAERAH BARAT DAYA	DAERAH SEBERANG PERAI UTARA	DAERAH SEBERANG PERAI TENGAH	DAERAH SEBERANG PERAI SELATAN	JUMLAH MENGIKUT TAHUN	JUMLAH KELUASAN (METER PERSEGI)
2008	1	0	3	4	1	9	51,750.84
2009	1	2	3	3	1	10	508,525.59
2010	0	3	0	2	1	6	412,351.51
2011	1	2	1	4	1	9	85,853.15
2012	0	1	1	5	0	7	33,319.56
2013	2	3	1	1	1	8	3,282,269.73
JUMLAH (MENGIKUT DAERAH)	**5**	**11**	**9**	**19**	**5**	**49**	**4,374,070.38**

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara binti Hamid) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

6. Berapakah kelulusan tanah Temporary Occupation Licence (TOL) dan pemberimilikan tanah yang telah dibuat oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang sejak tahun 2008 sehingga sekarang? Sila nyatakan nombor lot, keluasan dan penerima lot-lot berkenaan dan tujuan ianya dimohon.

Y.A.B. Ketua Menteri:

6. Sejak tahun 2008 hingga kini, kelulusan yang diberikan bagi Temporary Occupation License (TOL) adalah sebanyak 1,417 lesen dan kelulusan pemberimilikan tanah kerajaan berjumlah 1,162.

Ringkasan pecahan kelulusan mengikut daerah adalah seperti berikut:

Daerah/Tahun	Temporary Occupation License (TOL)	Pemberimilikan
Seberang Perai Utara	451	605
Seberang Perai Tengah	88	279
Seberang Perai Selatan	545	71
Daerah Timur Laut	158	83
Daerah Barat Daya	175	124
JUMLAH	1417	1162

Butiran lanjut pemohonan yang diluluskan TOL dan pemberimilikan tanah kerajaan dalam tempoh tersebut adalah seperti di lampiran.

* lihat folder lampiran (ID 140 BDJH)

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara binti Hamid) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

7. Sila nyatakan struktur Ahli Lembaga dan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Invest Penang iaitu:

(a) Senarai nama,

(b) Aktiviti Promosi untuk tahun 2012/2013,

(c) Pelaburan yang berjaya dibawa masuk, dan

(d) Imbuhan kepada Pengarah dan CEO.

Y.A.B. Ketua Menteri:

7. (i) Ahli-Ahli Lembaga InvestPenang adalah seperti berikut:

(1) Y.A.B. Lim Guan Eng - Ketua Menteri

(2) YB. Dato' Haji Mohd Rashid bin Hasnon -Timbalan Ketua Menteri I

(3) YB. Prof Dr Ramasamy a/l Palanisamy - Timbalan Ketua Menteri II

(4) YB. Dato' Haji Abdul Malik bin Abul Kassim - EXCO Kerajaan Negeri Pulau Pinang

(5) YB. Dato' Haji Farizan bin Darus - Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang

(6) YB. Dato' Hj Mokhtar bin Mohd Jait - Pegawai Kewangan Negeri

(7) YB. Tuan Phee Boon Poh - EXCO Kerajaan Negeri Pulau Pinang

(8) YB. Tuan Tanasekharan a/l Autherapady - ADUN Bagan Dalam

(9) YB. Dato' Mansor b Othman - Ahli Parlimen Nibong Tebal

(10) YB. Tuan Jeff Ooi Chuan Aun - Ahli Parlimen Jelutong

(11) YB. Tuan Sim Tze Tzin - Ahli Parlimen Bayan Baru

(12) YB. Tuan Tony Pua Kiam Wee

(13) Y.Bhg Dato' Lee Kah Choon

(14) Y.Bhg Dato' Haji Abdul Halim bin Hussain

(15) Tuan Koay Teng Hai

(16) YM Tunku Abdul Aziz bin Tunku Ibrahim

(ii) Aktiviti promosi yang dijalankan bagi tahun 2012/2013 adalah seperti berikut:

(a) merancang dan mengadakan misi ke luar negara dan mensasarkan pelaburan strategik dan bernilai tinggi untuk dibawa masuk ke Pulau Pinang;

(b) mengikuti misi-misi pelaburan bersama pihak MIDA keluar negara;

(c) mengadakan sesi dialog dan persidangan kepada delegasi dari dalam dan luar negara serta agensi-agensi kerajaan dan bukan kerajaan;

(d) mengekalkan dan menarik bekalan tenaga mahir di dalam dan luar negara untuk bekerja di Pulau Pinang;

(e) membantu membangunkan IKS di Pulau Pinang yang penting dalam menyokong syarikat-syarikat MNC dan mengukuhkan rantaian bekalan di Pulau Pinang;

(f) Invest Penang juga sentiasa menjalinkan dan menjaga hubungan baik dengan pelabur-pelabur sedia selain memberi tumpuan kepada pelabur-pelabur baru bagi menggalakkan pelaburan semula (re-investment) ke Negeri Pulau Pinang;

(g) mempromosikan Pulau Pinang dalam usaha menarik pelaburan semula termasuk menyediakan platform pelabur-pelabur untuk menyuarakan masalah dan pendapat melalui sesi dialog bagi memastikan pelabur-pelabur selesa sepanjang tempoh berada di Pulau Pinang;

(h) mempromosikan Pulau Pinang sebagai sebuah destinasi pelaburan *work, live and play* kepada para pelabur baru dan pelabur sedia ada.

(iii) Sehingga bulan Ogos 2013, jumlah pelaburan yang berjaya di bawa masuk ke Pulau Pinang bagi tahun 2013 adalah sebanyak RM2.1 billion. Daripada jumlah tersebut, pelaburan baru adalah sebanyak RM863 juta dan pelaburan semula sebanyak RM1.2 billion.

(iv) Imbuhan kepada Pengarah (Ahli Lembaga)

Ahli Lembaga Pengarah Invest Penang Berhad tidak menerima sebarang bayaran atau imbuhan daripada syarikat melainkan pembayaran balik berkaitan dengan pendahulua yang dibuat oleh mereka mengenai tuntutan pengangkutan dan penginapan semasa penyertaan rasmi dalam misi pelaburan ke luar negara.

(v) Imbuhan kepada CEO

Invest Penang Berhad hanya diketuai oleh seorang Pengurus Besar dengan dibayar imbuhan seperti berikut:

(i) Elaun Perkhidmatan - RM2,000.00

(ii) Elaun Petrol Kereta - RM350.00 sebulan

(iii) Elaun telefon Bimbit - Mengikut billing sebenar

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara binti Hamid) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

8. Sila nyatakan syarikat yang menyelenggarakan Keretapi Bukit Bendera. Mengapakah sejak akhir ini terlalu kerap masalah kerosakan berlaku yang menjejaskan perkhidmatan dan operasinya?

Y.A.B. Ketua Menteri:

8. (1) Bahagian Operasi, Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang (PBBPP) menjalankan penyelenggaraan ke atas Keretapi Bukit Bendera. Sejak bulan Mac sehingga Oktober 2013, hanya 6 kes kegagalan teknikal atau kerosakan telah direkodkan oleh pihak PBBPP. Daripada jumlah kes tersebut, 3 kes berlaku atas faktor teknikal. Manakala 3 kes lagi berlaku akibat daripada faktor luaran. Berikut merupakan huraian bagi 6 kes tersebut:-

(a) Kegagalan teknikal pada Gerabak 1 apabila mengalami masalah brek pada 19 Mac 2013;

(b) Faktor luaran yang menyebabkan power pick up wire pada Gerabak 2 mengalami kerosakan akibat dipukul cable tie di landasan pada 25 Ogos 2013;

(c) Faktor luaran apabila rimbunan pokok buluh tumbang ke atas landasan pada ketinggan 1100 meter dari stesyen bawah yang menyebabkan kerosakan J Plate dan power rail pada 10 September 2013;

(d) Kegagalan teknikal apabila power pick up pada Gerabak 1 mengalami masalah pada 10 Oktober 2013;

(e) Faktor luaran apabila batu besar jatuh ke landasan dan merosakkan kabel kuasa sistem Keretapi Bukit Bendera pada 13 Oktober 2013; dan

(f) Kegagalan teknikal apabila control room Tenaga Nasional Berhad mengalami kerosakan yang menyebabkan sistem Keretapi Bukit Bendera terhenti pada 18 Oktober 2013.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara binti Hamid) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

9. Apakah status pembangunan projek-projek pelancongan di atas Bukit Bendera. Sila nyatakan perinciannya dan bila dijangka siap.

Y.A.B. Ketua Menteri:

9. Status pembangunan projek pelacongan di Bukit Bendera adalah seperti dibawah:-

Perbadanan Bukit Bendera diperuntukkan sebanyak RM 7.65 juta untuk melaksanakan projek pembangunan bagi tahun 2013.

Jadual 1.0: Senarai Projek yang dilaksanakan bagi tahun 2013

Bil	Nama projek	Jumlah Kos	Nama Kontraktor	Status semasa
1.	Proposed Alteration & Addition Works to Lower Station, Retractable Roof Canopy and Elevated Walkway on Upper Station for Penang Hill Railway Station at Jalan Stesen Bukit Bendera, Mukim 16, Bandar Ayer Itam, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang	RM 3,783,331.50	Corak Skala Sdn Bhd	Projek telah siap sepenuhnya. Dalam tempoh kecacatan sekarang.
2.	Membaiki dan menaik taraf Bypath A,B, C dan D (Fasa 1 & 2), Bukit Bendera, Mukim 16, Daerah Timur Laut, 11500 Ayer Itam, Pulau Pinang	RM 1,270,310.00	Mahkota Bina	Projek dalam peringkat pelaksanaan.
3.	Cadangan menaik taraf sistem perkabelan elektrik sepanjang 'track' menggantikan sistem yang sediada dan menukar kesemua lampu sepanjang 'track' Bukit Bendera, Pulau Pinang	RM 1,814,832.63	A.B.U Hayat Sdn Bhd	Projek telah siap sepenuhnya. Dalam tempoh kecacatan sekarang.
4.	Kerja-kerja Lanskap Sepanjang Jalan Tuanku Yahya Petra (dari Pejabat Pos sehingga Banglo Southview) (Fasa 1 & 2), Bukit Bendera, Mukim 16, Daerah Timur Laut, 11500 Ayer Itam, Pulau Pinang	RM 1,020,980.68	Arza Aktif Enterprise	Projek telah siap sepenuhnya. Dalam tempoh kecacatan sekarang.
5.	Membaiki dan menaik taraf tandas di stesen tengah Bukit Bendera, Mukim 16, Daerah Timur Laut, 11500 Ayer Itam, Pulau Pinang	RM136,870.00	Rizwani	Projek telah siap sepenuhnya. Dalam tempoh kecacatan sekarang.
6.	Cadangan projek untuk membekal dan memasang lima jenis lampu LED di kawasan lanskap stesen bawah Bukit Bendera, Mukim 16, 11500 Ayer Itam, Pulau Pinang	RM120,000.00	Metrolux Lighting Sdn Bhd	Projek telah siap sepenuhnya.
7.	Kerja-kerja penyediaan papan tanda informasi pelancongan dan tanda arah di sekitar kawasan atas Bukit Bendera (Fasa 1)	RM18,000.00	-	Dalam fasa perolehan sekarang. Dijangka siap ahkir Disember 2013.
8.	Kerja-kerja lanskap di laluan yang terletak bersebelahan klinik (dari Elevated Walkway baru sehingga pentas) di atas Bukit Bendera, Pulau Pinang	RM50,000.00	-	Dalam fasa perolehan sekarang. Dijangka siap ahkir Disember 2013.
9.	Kerja-kerja menaik taraf laluan warisan dari Stesen Tengah ke Stesen Bawah, Bukit Bendera, Mukim 16, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang	RM500,000.00	-	Dalam fasa perolehan sekarang. Dijangka siap ahkir Januari 2014.
10.	Kerja-kerja pemasangan pagar keselamatan dan menaik taraf sekeliling bangunan kuarters no. 1 dan no. 2 Stesen Tengah Bukit Bendera Pulau Pinang	RM18,000.00		Dalam fasa perolehan sekarang. Dijangka siap ahkir Disember 2013.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara binti Hamid) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

10. Syarikat manakah yang telah dilantik oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk meroboh dan membina semula Tempat Letak Kereta di Air Itam (Kancil Car Park). Berapakah jumlah kontrak tersebut dan berapakah denda lewat yang dikenakan? Kenapakah projek ini lewat disiapkan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

10. PDC telah melantik syarikat Yuan Seng Building Trading Sdn Bhd untuk meroboh dan membina semula Tempat Letak Kereta Bertingkat di Jalan Bukit Bendera, Air Itam. Jumlah Kontrak untuk perobohan dan pembinaan semula yang dipanggil melalui tender terbuka ialah RM12,179,073.90 iaitu meliputi RM688,000.00 untuk perobohan dan RM11,491,073.90 untuk pembinaan semula. Denda lewat serah (LAD) belum dikenakan kepada syarikat berkenaan memandangkan Lanjutan Masa (EOT) boleh dibenarkan mengikut syarat-syarat kontrak. Tarikh siap asal kontrak ialah 25 November 2013.

Berkaitan dengan isu kelewatan projek, terdapat percanggahan maklumat mengenai keadaan tanah (sub-surface conditions) di mana berdasarkan *Soil Investigation* yang dilaksanakan ke kedalaman bedrock hanyalah di antara 7 meter hingga 14 meter. Namun begitu, selepas kerja-kerja menanam cerucuk (micropiling) dilaksanakan adalah didapati kedalaman sebenar bedrock melebihi 27 meter.
Memandangkan kos untuk meneruskan pembinaan cerucuk secara micropiling adalah terlalu tinggi, maka PDC telah membuat keputusan untuk menukarkan kaedah penanaman cerucuk kepada *jack-in piling* system iaitu menggunakan *pile jack-in machine* dan *precast spun piles*. Kerja-kerja penanaman cerucuk *spun piles* secara *jack-in* tidak dapat dilaksanakan dengan lancar kerana terdapat banyak batu-batu (boulders) pada kedalaman di antara 2 hingga 6 meter dari aras tanah sedia ada. Batu-batu ini terpaksa dipecahkan menggunakan jentera dan secara kimia (chemical blasting) serta dibuang dari tapak sebelum kerja-kerja piling dilaksanakan di

lokasi terbabit. Kerja-kerja pemecahan batu ini telah memakan masa yang lama untuk memastikan keselamatan kepada orang ramai dan struktur berdekatan. Jumlah kos keseluruhan *jack-in piling* dan pemecahan batu adalah jauh lebih rendah dari kos asal kontrak *micropiling* yang dikira kepada purata kedalaman 17 meter.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara binti Hamid) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

11. Sila nyatakan komposisi Jawatankuasa Perancang Negeri (State Planning Committee) dan berapa kerapkah jawatankuasa ini bermesyuarat?

Y.A.B. Ketua Menteri:

11. (1) Seksyen 4(1) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) memperuntukkan supaya ditubuhkan bagi Negeri-Negeri suatu Jawatankuasa Perancang Negeri Keahlian Jawatankuasa Perancangan Negeri Pulau Pinang adalah seperti berikut:-

(i) Pengerusi, Y.A.B Tuan Lim Guan Eng, Ketua Menteri;

(ii) Timbalan Pengerusi yang dilantik oleh Pihak Berkuasa Negeri,
YB. Dato' Haji Mohd. Rashid bin Hasnon, Timbalan Ketua Menteri I;

(iii) Tiga Orang Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri yang dilantik oleh Pihak Berkuasa Negeri,

Y.B Tuan Ramasamy a/l Palanisamy, Timbalan Ketua Menteri II dan Pengerusi Jawatankuasa MMK Perancangan Ekonomi Negeri, Pendidikan & Sumber Manusia, Sains, Teknologi dan Inovasi,

Y.B Tuan Jagdeep Sigh Deo a/l Karpal Singh, Pengerusi Jawatankuasa MMK Perancangan Bandar dan Desa, Perumahan,

Y.B Tuan Chow Kon Yeow, Pengerusi Jawatankuasa MMK Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalu lintas dan Tebatan Banjir;

(iv) Setiausaha Kerajaan Negeri;
(v) Pengarah Perancang Bandar dan Desa Negeri;
(vi) Pengarah Tanah dan Galian Negeri;
(vii) Pengarah Unit Perancang Ekonomi Negeri;
(viii) Pengarah Kerja Raya Negeri;
(ix) Penasihat Undang-undang Negeri;
(x) Pegawai Kewangan Negeri;
(xi) Pegawai Pembangunan Negeri;
(xii) Pengarah Jabatan Alam Sekitar Negeri; dan
(xiii) Tidak lebih daripada empat orang ahli lain yang dilantik oleh Pihak Berkuasa Negeri iaitu :-.

(a) YDP MPPP, Y.Bhg. Dato' Ar Hajah Patahiyah bt. Ismail
(b) YDP MPSP, Puan Maimunah bt. Mohd. Sharif
(c) Jabatan Pertanian Negeri
(d) Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri

(2) Bilangan Kekerapan Mesyuarat

Sejak tahun 2009 hingga 2012 Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri telah bersidang sebanyak 48 kali (sekali bagi setiap bulan). Bagi tahun 2013 sehingga 15 November sebanyak 13 kali mesyuarat telah diadakan.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara binti Hamid) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

12. Pejabat Ketua Menteri telah melantik seorang Pegawai Undang-Undang dan sila maklumkan bidang tugas beliau. Pelantikan ini belum pernah dibuat sebelum ini. Apakah rasional dan keperluan di atas lantikan tersebut?

Y.A.B. Ketua Menteri:

12. Pegawai Khas Undang-Undang bertanggungjawab untuk, antara lain, membantu pentadbiran Kerajaan Negeri termasuk Pejabat Ketua Menteri dari segi mengkaji isu undang-undang yang berbangkit serta meneliti perjanjian-perjanjian yang melibatkan Perbadanan Ketua Menteri dan Perbadanan Setiausaha Negeri Pulau Pinang sebelum dipanjangkan untuk semakan dan kelulusan YB. Penasihat Undang-undang Negeri Pulau Pinang (PUN). Memang pejabat kekurangan anggota perundangan yang mencukupi dan seorang lagi peguam dapat melicinkan proses pentadbiran yang bersandarkan perundangan.

    Pelantikan tersebut diharap dapat membantu meringankan beban pihak PUN di samping menyokong usaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk mencapai sistem pentadbiran yang lebih efektif dan selaras dengan lunas undang-undang, khususnya semangat Perlembagaan Negeri. Sekiranya Kementerian Kerajaan Persekutuan boleh melantik pegawai undang-undang, tidak ada masalah sistem serupa dipakai di peringkat Kerajaan Negeri.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara binti Hamid) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

13. Apakah status pembangunan di Pulau Jerejak oleh Jerejak Island Resort Sdn. Bhd.? Bilakah kesemua komponen pembangunan yang telah dirancangkan akan dibangunkan dan jika tidak mengapa?

Y.A.B. Ketua Menteri:

13. Setakat ini pihak Tropical Island Resort Sdn Bhd (TIR) telah menyediakan pelan induk pembangunan projek di Pulau Jerejak yang telah dibahagikan kepada tiga (3) fasa meluputi kawasan milikan TIR berkeluasan 80 ekar. Berdasarkan pelan induk tersebut, perancangan asal dan cadangan baru bagi pembangunan projek- projek di Pulau Jerejak adalah seperti berikut:-

    (a) Fasa 1 (20.2 ekar)

    Pembangunan Zon ini berkonsepkan *adventure camp*. TIR telah membangunkan sebahagian dari Fasa 1 yang dikenali sebagai Jerejak Rainforest Resort (JRR). JRR mula beroperasi pada 27 Januari 2004. Pembangunan JRR merangkumi bangunan utama, dua (2) blok domitori, chalet (20 bilik), bangunan servis, bilik air berpusat, tapak perkhemahan, spa, tempat beribadat, jeti ketibaan dan berlepas serta kawasan rekreasi. Bagi perancangan masa hadapan, TIR bercadang untuk membina bangunan tambahan 2 blok service apartment yang mengandungi 54 unit kediaman untuk dijual.

    (b) Fasa 2 (30 ekar)

    Perancangan asal berkonsep Public & Commercial Zone yang memberi tumpuan kepada penginapan dan kemudahan beriadah para pengunjung.

    (c) Fasa 3 (29.8 ekar)

    Perancangan asal berkonsepkan *exclusive resort.* Pembangunan Zon ini terhalang berikutan dengan terdapatnya lebih kurang 10 kelong yang menghalang pemandangan serta mencacatkan pembangunan Zon ini. Oleh itu, perancangan kawasan ini telah ditangguhkan sehingga keadaan mengizinkan.

Berdasarkan akaun TIR yang diaudit pada 31 Disember 2012, kerugian selepas cukai adalah sebanyak RM3.86 juta dan kerugian terkumpul syarikat adalah sebanyak RM26.56 juta. Kedudukan kewangan syarikat yang mengalami kerugian terkumpul menyukarkan untuk syarikat meneruskan agenda pembangunan yang telah dirancang.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara binti Hamid) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

14. Berapakah jumlah tanah yang telah didaftarkan di atas Ketua Menteri yang diperbadankan sejak ianya ditubuhkan dan berapakah jumlah wang sumbangan/caruman yang diperolehi dan bagaimanakah kaedah pembangunan tanah-tanah tersebut dan perbelanjaan wang yang telah dikutip?

Y.A.B. Ketua Menteri:

14. Jumlah tanah yang didaftar adalah sebanyak 14 bidang tanah dimana, sebanyak lapan (8) bidang tanah di Daerah Timur Laut (DTL), tiga (3) bidang tanah di Daerah Barat Daya (DBD), satu (1) di Daerah Seberang Perai Tengah (SPT) dan dua (2) bidang tanah di Daerah Seberang Perai Utara (SPU). Maklumat berkaitan dengan setiap tanah dan kaedah pembangunan adalah seperti di bawah:-

(Soalan ID : 458 (8w-14)

Bil.	Nama Projek	No. PT / Bandar / Pekan / Mukim / Daerah	Syarat-syarat Nyata	Tarikh Didaftarkan (No. Hak Milik Sementara)	Keluasan (Hektar)	Kaedah Pembangunan
1	Hotel Crag	PT 26 Bandar Bukit Bendera, DTL	Pembangunan hotel dan aktiviti pelancongan	1 Mac 2012 (17720)	3.1084	*Request For Proposal.*
2	Terminal Bas Awam Rapid Penang	PT 461, Seksyen 23 Bandar George Town, DTL	Tapak Terminal Bas	2 Disember 2011 (17692)	0.3515	Berdasarkan Keputusan Pihak Berkuasa Negeri pada 20 Disember 2010.
3	Fort Cornwallis	PT 4, Seksyen 4 Bandar George Town, DTL	Pembangunan Fort Cornwallis	9 Disember 2011 (17699)	3.3587	*Request For Proposal.*
4	Rumah Suffolk	PT 61, Seksyen 3 Bandar George Town, DTL	Bangunan Warisan Suffolk House	25 Oktober 2011 (17619)	0.6055	Berdasarkan keputusan MMK pada 13 Februari 2008 pengurusan dan pengendalian Rumah Suffolk diserahkan kepada Badan Warisan Malaysia Services Sdn. Bhd. (BWM) dengan kadar sewa nominal.
5	Petak A, B, C	PT 222 – PT 224, Seksyen 8 Bandar George Town, DTL	Tapak meletak kenderaan	8 Mei 2012 (17925 – 17927)	0.1122	Sebutharga.
6	Pelot 1, Bersebelahan Lot 110	PT 254, Seksyen 9W Bandar George Town, DTL	Tapak meletak kenderaan	20 Jun 2012 (18002)	0.0422	Berdasarkan Keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Tanah Negeri pada 10 Mac 2011.
7	Sandiland Foreshore	PT 330, Seksyen 11E Bandar George Town, DTL	Pembangunan dan komersial	6 Mac 2013 (18205)	1.7120	*Request For Proposal.*
8	Lot 12, 13, 14, 15, 16, 17, 18 dan 19	PT 98 Seksyen 4 Bandar Jelutong, DTL	Perumahan	26 September 2013 (18464)	0.6708	Berdasarkan Keputusan Pihak Berkuasa Negeri pada 12 November 2010.
9	SRJK (C) Yang Cheng	Lot 10060, Mukim 9 Kampung Matahari Naik, Telok Kumbar, DBD	Tapak Sekolah	7 Mac 2013 (228)	1.8443	Berdasarkan keputusan Pihak Berkuasa Negeri pada 19 Mei 2011.
10	Lot 73	Lot 73, Mukim 3, DBD	Pertanian (Tanaman Getah)	4 Ogos 2011 (23767)	0.0044	Berdasarkan keputusan Pihak Berkuasa Negeri pada 2 Julai 2010.
11	Bersempadan Lot 12033	PT 6562, Mukim 12, DBD	Tempat letak kereta dan landskap	18 November 2011 (23897)	0.3770	Sebutharga.
12	TKPM	Lot 1441, Mukim 12, SPT	Program Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM)	22 Julai 2011 (57691)	115.2000	Pemilihan pengusaha melalui temuduga oleh Jabatan Pertanian, Jabatan Perkhidmatan Veterinar dan Jabatan Perikanan.
13	Gelanggan Badminton dan Kompleks Sukan	PT 482, Seksyen 3, SPU	Bangunan (membina gelanggang badminton dan kompleks sukan)	3 Julai 2013 (32903)	2.030	Berdasarkan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Tanah Negeri Bil. 2/2013 yang bersidang pada 8 Januari 2013.
14	Galeri Warisan Arkeologi Guar Perahu	PT 23, Mukim 02 Guar Kepah, SPU	Bangunan (Pembinaan Galeri Warisan Arkeologi Guar Kepah)	7 Mac 2013 (76)	0.9672	Berdasarkan cadangan oleh Pusat Penyelidikan Arkeologi Global, USM.

Sumbangan / Caruman yang diperolehi sehingga 30 Oktober 2013 daripada pembangunan tanah ini adalah berjumlah RM358,975.25 dan ianya dimasukkan ke dalam akaun Bendahari Negeri Pulau Pinang. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa projek yang masih dalam peringkat untuk dimuktamadkan perjanjian dan hasil akan diperolehi selepas perjanjian ditandatangani serta projek siap dibina.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara binti Hamid) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

15. Setakat manakah program Satu Negeri Satu Sungai (peruntukan khas untuk Sungai Pinang) telah berjaya dilaksanakan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

15. Program 1N1S Sungai Pinang telah berjaya mengurangkan masalah pencemaran bau. Manakala kualiti air telah bertambah baik dari Kelas 4 ke Kelas 3. Namun, pada masa tertentu seperti ketika hujan lebat, masalah sampah dan kelodak telah menyebabkan masalah pencemaran berulang kembali. Justeru itu, program rawatan ini perlu dibuat secara berterusan dan penglibatan semua pihak dalam menjayakan program ini amatlah diperlukan.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara binti Hamid) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

16. Sila nyatakan berapakah jumlah pengusaha ternakan ikan dalam sangkar di sekeliling perairan Pulau Jerejak dan Pulau Aman. Berapakah diantara mereka yang mempunyai lesen menduduki sementara (TOL)?

Y.A.B. Ketua Menteri:

16. Bilangan pengusaha ternakan ikan dalam sangkar di yang memiliki Lesen Pendudukan Sementara (LPS) adalah seramai 35 pengusaha di Pulau Jerejak dan 234 pengusaha di Pulau Aman.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara binti Hamid) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

17. Kenapakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang tidak mengambil sebarang tindakan ke atas restoran-restoran makanan laut yang beroperasi tanpa kebenaran di tepi pantai Bagan Ajam dan terus membina bangunan kekal tanpa sebarang kawalan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

17. Sehingga kini terdapat sejumlah 4 buah restoran makanan laut di tepi pantai Bagan Ajam yang telah beroperasi seperti berikut:-

(i) Restoran 323 Seafood,
(ii) Restoran Lobster Village Seafood,
(iii) Restoran Northern Coastal Seafood dan
(iv) Kedai makanan Ah Chung.

Sehingga kini tindakan penguatkuasaan ke atas premis restoran makanan laut berkenaan dengan mengeluarkan sebanyak 4 kompaun dari tahun 2010 hingga tahun 2013 telah diambil.

Tarikh pengeluaran kompaun adalah seperti berikut :

(i) 31 Mac 2010

(ii) 19 Mei 2011

(iii) 09 Oktober 2012

(iv) 20 Jun 2013

Manakala bagi pembinaan baru yang sedang dibuat, tindakan penguatkuasaan telah dijalankan melibatkan sebuah restoran, Lobster Village Seafood Restaurant pada 07 September 2012 yang mana binaan baru tersebut diruntuhkan binaan pada hari tersebut.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara binti Hamid) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

18. Kenapakah tiada tindakan daripada pihak Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPSP) ke atas pengusaha ternakan anjing di Bagan Belat walaupun laporan telah dibuat kepada MPSP?

Y.A.B. Ketua Menteri:

18. Sehingga kini MPSP telah mengambil tindakan seperti berikut terhadap pengusaha ternakan anjing di Bagan Belat:-

(i) Sebanyak tiga (3) notis kacau ganggu di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 bertarikh 27 Mei 2013 telah dikeluarkan oleh Pembantu Veterinar setelah pemeriksaan mendapati najis anjing telah disalurkan terus ke dalam longkang.

(ii) Sebanyak tiga (3) kompaun telah dikeluarkan selepas mendapati pengusaha ternakan anjing tidak mematuhi kehendak syarat notis kacau ganggu pada 11 Jun 2013.

(iii) Menjalankan siasatan pada 07 November 2013 dan bertemu dengan pengadu. Operasi penangkapan anjing telah dijalankan pada 10 November 2013 dan 2 ekor anjing telah ditangkap di sekitar lokasi aduan.

Tindakan tersebut telah berjaya mengekang masalah anjing-anjing di kawasan berkenaan.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara binti Hamid) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

19. Pusat hiburan didapati di merata tempat di Negeri Pulau Pinang. Berbagai tangkapan dibuat di premis-premis hiburan ini oleh Pihak Berkuasa atas pelbagai kesalahan seperti menggunakan khidmat *Guest Relations Officer* (GRO) haram, pengedaran pil ekstasi, dadah dan sebagainya.

(a) Berapa kelulusan lesen hiburan dibuat pada setiap tahun sejak tahun 2008?

(b) Berapa jumlah pengusaha pusat hiburan mengikut kaum?

(c) Berapa kekerapan sebulan atau setahun pemantauan dibuat oleh pihak Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) atau Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) ke atas pusat-pusat hiburan ini?

Y.A.B. Ketua Menteri:

19. (a) Bilangan lesen hiburan yang dikeluarkan oleh MPPP pada setiap tahun sejak tahun 2008 adalah seperti berikut:-

Tahun	Bilangan Lesen
2008	82
2009	62
2010	78
2011	82
2012	61
2013	62

(b) Bilangan lesen hiburan yang dikeluarkan kepada pengusaha mengikut kaum oleh MPPP.

Melayu	11
China	300
India	14
Lain-lain	12

(c) Pemantauan terhadap pusat hiburan oleh MPPP adalah dijalankan sekurang-kurangnya 3 kali sebulan di mana pemantauan ini adalah berkaitan dengan pematuhan syarat-syarat yang telah ditetapkan di bawah bidang kuasa MPPP.

Jumlah lesen hiburan yang diluluskan oleh MPSP sejak tahun 2008 adalah seperti berikut:-

Tahun	Bilangan Lesen
2008	32
2009	45
2010	12
2011	17
2012	14
2013	3

(d) Jumlah pengusaha pusat hiburan mengikut kaum adalah seperti berikut:-

Melayu	11
China	107
India	5
Lain-lain	0

(c) Jumlah kekerapan pemantauan yang dibuat oleh MPSP terhadap pusat hiburan adalah 8 kali sebulan.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara binti Hamid) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

20. Di Negeri Pulau Pinang terdapat restoran-restoran di hotel dan di pusat makanan yang dikunjungi orang Islam.

(a) Berapakah jumlah restoran-restoren tersebut yang mempunyai kelulusan atau memakai tanda halal Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)?

(b) Apakah nama restoran tersebut?

(c) Berapa jumlah restoran yang memakai tanda halal yang bukan dari JAKIM dan apakan tindakan yang telah diambil oleh Majlis Agama Islam Pulau Pinang (MAIPP) terhadap restoran-restoran ini?

Y.A.B. Ketua Menteri:

20. (a) Jumlah restoran dan hotel yang telah mendapat Sijil Pengesahan Halal oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) di Negeri Pulau Pinang adalah sebanyak 87 buah seperti di Jadual.

(b) Jumlah sebenar restoran yang memakai tanda halal yang bukan dari JAKIM tidak dapat dipastikan kerana ianya diberikan oleh pihak swasta di mana pengeluarannya sebelum ini di luar kawalan Jabatan Agama / JAKIM. Walau bagaimanapun, melalui penguatkuasaan yang dijalankan telah dapat mengesan sebanyak 13 buah restoran yang menggunakan logo Halal Swasta serta diambil tindakan di bawah Seksyen 28 dan 29 Akta Perihal Dagangan (2011) iaitu kesalahan di bawah Perintah Perihal Dagangan (Takrif Halal) dan Perintah Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan Halal).

Jadual

SENARAI HOTEL DAN RESTORAN YANG TELAH MENDAPAT PENSIJILAN HALAL DARI PIHAK JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA (JAKIM) DI NEGERI PULAU PINANG.

BIL	NAMA HOTEL
1	**Vistana Hotel Penang** 213 Jalan Bukit gambier, Jalan Bukit Jambul, 11900 Pulau Pinang.
2	**The Summit Hotel Bukit Mertajam** 566, Jalan Arumugam Pillai, 14000 Bukit Mertajam, Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang.
3	**Sunway Hotel (Penang) Sdn. Bhd.** No.33, New Lane, 10400 Pulau Pinang.
4	**Hydro Hotel Penang (Mister Phoenix (M) Sdn. Bhd.)** Miami Beach, Batu Ferringhi, 11100 Pulau Pinang.
5	**Hotel Sentral Georgetown** No.12, Lorong Kinta, 10400, Georgetown Pulau Pinang
6	**Citytro Sdn Bhd (Eastin Hotel Penang)** No 1, Solok Bayan Indah Queensbay 11900 Pulau Pinang.
7	**Golden Nasmir Hotel Sdn. Bhd.** 1639 dan 1640 Jalan Perusahaan Bukit Tengah Taman Pelangi Seberang Perai Tengah Pulau Pinang
8	**Asia Garden Sdn. Bhd. (Hotel Holiday Inn Penang)** Terrace Cafe, Holiday Inn Resort Penang 72, Batu Ferringhi 11100, Daerah Timur Laut Pulau Pinang

BIL	NAMA HOTEL
9	**Ganthavee Properties Management Sdn. Bhd. (Pearl View Hotel)** 2933, Jalan Baru Butterworth, Seberang Perai Tengah Pulau Pinang
10	**Traders Penang Hotel** Tingkat 3 Jalan Magazine 10300, Daerah Timur Laut Pulau Pinang
11	**B-Suite Sdn. Bhd. (B-SUITE Hotel)** No. 19, Medan Kampung Relau 11900, Daerah Barat Daya Pulau Pinang
12	**Flamingo By The Beach (MAGNUM Leisure Sdn. Bhd.)** Jalan Tanjung Bungah 11200, Daerah Timur Laut Pulau Pinang
13	**Muszai Enterprise (D'JAWI Bella Hotel)** Jalan Besar Seberang Perai Selatan 14200, Seberang Perai Selatan Pulau Pinang
14	**G Hotel Sdn. Bhd.** 2nd Floor G Hotel 168A, Persiaran Gurney, 10250 Penang, Malaysia. 10250, Daerah Timur Laut Pulau Pinang
15	**Ixora Hotel Sdn. Bhd.** 3096, Jalan Baru Bandar Perai Jaya 13600 Perai, Seberang Perai Tengah Pulau Pinang
16	**Bayview Beach Resort Penang** 339, Jalan Telok Bahang Batu Ferringhi, Pulau Pinang
17	**Hotel Seri Malaysia (Penang)** No 7 Jalan Mayang Pasir 2 Bandar Bayan Baru , 11950, Daerah Barat Daya Pulau Pinang
18	**Residence Hotels & Resorts Sdn. Bhd.** Suite E-7-01, Neo Damansara, No. 1. Jln Pju, 8/1 Damansara Perdana Petaling Jaya, Selangor **Outlet:** Mgl Central Kitchen Penang 156, Persiaran Mayang Pasir Bukit Gedung, Bayan Baru Bayan Lepas 11900 Pulau Pinang
19	**Hotel Grand Continental Penang,** No.68, Jalan Gurdwara (Jalan Brick Kiln) Daerah Timur Laut Pulau Pinang.

BIL	NAMA HOTEL
20	Cititel Hotel Penang (Cahaya Utara Sdn. Bhd.), 66, Penang Road, Pulau Pinang.
21	**Parkroyal Penang** Batu Feringhi Beach 11100, Daerah Timor Laut Pulau Pinang
22	**Georgetown City Hotel Sdn. Bhd.** (Berjaya Georgetown Hotel (Penang) Sdn Bhd), 1- Stop Midlands Park Jalan Burmah 10350, Daerah Timur Laut Pulau Pinang
23	**Bayview Hotel Georgetown Penang** 25-A, Farquhar Street 10200, Daerah Timor Laut Pulau Pinang
24	**Faber Kompleks Sdn. Bhd.** (Hotel Royal Penang) 3, Jalan Larut 10050 Pulau Pinang
25	**Hotel Equatorial Penang** 1, Jln Bukit Jambul, Pulau Pinang
26	**Sunway Hotel (Seberang Jaya) Sdn. Bhd.** 11, Leboh Tenggiri 2, Pusat Bandar Seberang Jaya, 13700 Prai, Pulau Pinang.
27	**The Gurney Resort Hotel & Residences** 18 Persiaran Gurney, Georgetown, Pulau Pinang 10250, Daerah Barat Daya Pulau Pinang
28	**Shangri-La Hotels (Malaysia) Berhad** Batu Feringgi Beach 11100 Daerah Timor Laut Pulau Pinang
29	**Hotel Palm Inn (M) Sdn. Bhd.** No.4802 Jalan Bagan Luar, 12000 Seberang Perai Utara, Pulau Pinang.
30	**Copthorne Orchid Hotel Penang** Tanjung Bungah, 11200 Daerah Timur Laut, Pulau Pinang.
31	**Champsurf Sdn. Bhd.** (Rainbow Paradise Beach Resort) 527, Jalan Tanjung Bungah, 11200, Daerah Timur Laut Pulau Pinang

BIL	NAMA RESTORAN	
1	Zhulian Jewellery Manufacturing Plot 42, Bayan Lepas Industrial Estate Phase IV, Pulau Pinang	Kantin Kilang
2	YMK Catering & Services (Dell Global Business Center Sdn Bhd) Plot P27, Bayan Lepas Industrial Zone, Phase IV, Bayan Lepas 11900, Daerah Barat Daya Pulau Pinang	Makanan dan Minuman (Kantin Kilang)
3	Brahim's Airline Catering Sdn. Bhd. (Lsg Sky Chefs Brahim Sdn Bhd) Penang International Airport, Jalan Garuda Bayan Lepas	Katering
4	Gemini Catering Sdn. Bhd. 1-03-16, Kompleks Sri Relau PSN Bkt Jambul 1, Bayan Baru, Bayan Lepas. Outlet: Jabil Circuit Sdn. Bhd. Plot 56, Hilir Sungai Keluang 1 Bayan Lepas, 11900, Daerah Barat Daya Pulau Pinang Gemini Catering Sdn. Bhd. Plot 1242, Lebuh Kg. Jawa, Bayan Lepas Industrial Park, Phase 3, 11900, Daerah Barat Daya, Pulau Pinang	Kantin Kilang Kafetaria Kafetaria
5	Island Hospital Sdn. Bhd. 308, Jalan Macalister, Pulau Pinang	Island Hospital Cafe
6	Hneah & Soo Enterprise (SUBWAY) 35-3-20, Lebuh Nipah, Sungai Nibong, Daerah Barat Daya Pulau Pinang Outlet: Subway G21, 1st Avenue Mall, 182, Jalan Magazine, Georgetown, 10300, Daerah Timur Laut Pulau Pinang.	Roti Sandwich
7	Nasi Kandar Nasmir Sdn. Bhd. 1639 Jalan Perusahaan Bukit Tengah Taman Pelangi, Seberang Perai Tengah Pulau Pinang. Outlet: No.2, Lorong Perda Utama 4 Bandar Perda Bukit Mertajam 14000, Seberang Perai Tengah Pulau Pinang 29-G, Jalan Lenggong Pulau Pinang 11600, Daerah Timur Laut Pulau Pinang	Makanan dan Minuman

BIL	NAMA RESTORAN	
	No.23, Jalan Jentayu Indah Taman Jentayu Indah Simpang Ampat 14100, Seberang Perai Selatan Pulau Pinang 1371 & 1372, Jalan Sungai Bakap Taman Sungai Bakap Permai 14200, Seberang Perai Selatan Pulau Pinang 1639 Jalan Perusahaan Bukit Tengah Taman Pelangi, Bukit Mertajam 13600, Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang.	
8	Stable Delights Sdn. Bhd. (SUBWAY), 1-01-04, Ground Floor eGate Lebuh Tunku Kudin 2 11700, Daerah Timur Laut Pulau Pinang Outlet: Subway 1-01-04 Ground Floor eGate Lebuh Tunku Kudin 2 11700, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang Subway 20, Whiteaways Arcade (Street Facing) Lebuh Pantai, Georgetown 10300, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang	Roti Sandwich
9	Juicelab Sdn. Bhd. (SUBWAY) 1-01-04 Ground Floor eGate lebuh Tunku Kudin 2, Pulau Pinang. Outlet: Subway 170-6-11 Plaza Gurney Persiaran Guney, 10250, Daerah Timur Laut Pulau Pinang Subway 18-G-B Gurney Tower , 18 Persiaran Gurney 10250, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang.	Roti Sandwich
10	Enchanteur Food (SUBWAY) 1-01-04, Ground Floor eGate Lebuh Tunku Kudin 2 Pulau Pinang Outlet: Subway GF-136, Queensbay Mall 100, Persiaran Bayan Indah Bayan Lepas 11900, Daerah Barat Daya, Pulau Pinang	Roti Sandwich

BIL	NAMA HOTEL	
11	Yit Capital Venture (SUBWAY), 27, Lintang Delima 4 Daerah Timor Laut Pulau Pinang Outlet: Subway Sungai Dua 723-R-G Vanda Business Park Jalan Sungai Dua 11700, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang	Roti Sandwich
12	Eden Catering Sdn. Bhd. Level 2, Main Arena,Penang International Sports Arena, Jalan Tun Dr Awang, Bayan Lepas, Penang 11900, Daerah Barat Daya, Pulau Pinang	Makanan dan Minuman
13	Kamalia restaurant 556 & 557, Main Road Perai 13600, Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang	Makanan dan Minuman
14	Tiffin Empire Restoran Asian Heritage Paradise Sandy Beach Resort 527, Jalan Tanjung Bungah 11200, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang	Makanan dan Minuman
15	Sunsub Food (Subway) LG 45 Sunway Carnival Mall, 13700 Seberang Jaya Seberang Perai Tengah Pulau Pinang Outlet: Sunsub Food (Subway) LG 45 Sunway carnival mall Seberang Jaya 13700, Seberang Perai Tengah Pulau Pinang	Roti Sandwich
22	Nationgate F&B Sdn Bhd 1819-D, Jalan Perusahaan, Auto City North South Highway Juru Interchange Perai Seberang Perai Utara, Pulau Pinang Outlet: Swensens Gurney Plaza Unit 170-01-72, Plaza Gurney Persiaran Gurney, 10250, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang Swensens Auto City 1819-D, Jalan Perusahaan Auto City, North South Highway Juru Interchange 13600, Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang	Makanan dan Minuman

BIL	NAMA HOTEL	
23	RZ Natasha Enterprise (Kafe Sri Kulai) No. 115, Tingkat Bawah, Jalan Dagangan 2, Pusat Bandar Bertam Perdana 1. 13200, Seberang Perai Utara, Pulau Pinang	Restoran Makan Segera
24	Spring Onion F&B Services Sdn. Bhd. No.1049, Jalan Perindustrian Bukit Minyak 8 Kawasan Perindustrian Bukit Minyak 14100 Simpang Ampat, Pulau Pinang	Kafeteria Kilang
25	Sri Ananda Bahwan Catering Sdn. Bhd. (Sri Ananda Bahwan Catering) 4345, Jalan Bagan Luar, Butterworth 12200, Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang	Katering
26	Sunlink Properties Sdn. Bhd. Birch House, 73, Jalan Dato Keramat Daerah Timur Laut, Pulau Pinang Outlet: Marrybrown 1-1-1 Plaza Ivory Commercial, Halaman Bukit gambier, Gelugor 11700, Pulau Pinang Marrybrown 77-G-12 Penang Times Square Jalan Dato Keramat, Georgetown 10150, Pulau Pinang	Restoran Makan Segera
27	Delicious Red Apple Cafe, No.23, Jalan Bulan, Fettes Park, Tanjung Bungah 11200, Pulau Pinang	Kafeteria
28	Safira Country Club, 2769, Mk. 1 Jalan Todak Bandar Seberang Jaya Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang	Restoran Hotel/ Kelab
29	Perniagaan Sajian Berkat Lg-108, Lower Ground Floor Queensbay Mall, 100, Persiaran Bayan Indah Bayan Lepas, Pulau Pinang	Kafeteria
30	Tenaga Sebati Sdn. Bhd. Lot 35, No.1, Tingkat Bukit Minyak 9, Taman Bukit Minyak, Pulau Pinang. Outlet: Marrybrown Bukit Minyak (Main Kitchen Carrefour) Marrybrown Bukit Minyak (Serving Area)	Restoran
31	Zhulian Industries Sdn Bhd Plot 3, Bayan Lepas Free Industrial Zone, Phase IV, 11900 Bayan Lepas, Daerah Barat Daya, Pulau Pinang.	Kantin Kilang

BIL	NAMA HOTEL	
32	Koperasi Specialist Berhad 19 & 20, Jalan Logan, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang.	Kantin Hospital
33	Mk Bistro & Cafe Jalan Bagan Luar Butterworth, 12000, Seberang Perai Utara, Pulau Pinang.	Kafetaria
34	CMR Restaurant Sdn Bhd 70-01-12a & 70-01-14, D-Piazza Mall, Jalan Mahsuri, Bayan Baru, 11900, Seberang Perai Tengah Pulau Pinang	Restoran Makanan
35	Spring Onion F&B Services Sdn Bhd, 721, Persiaran Cassia Selatan 1, Mukim 13, Batu Kawan Industrial Park, S.P.S Penang Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang Outlet: Honeywell Aerospace Avionics Malaysia Sdn. Bhd., 3057, Tingkat Perusahaan 4A Kawasan Perusahaan Bebas Perai 13600 Perai,Pulau Pinang 13600, Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang. Boon Siew Honda Sdn. Bhd. 721, Persiaran Cassia Selatan 1, Mukim 13 Batu Kawan Industrial Park S.P.S Penang, 14100, Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang.	Kafetaria Kilang Kafetaria Kilang (Honeywell Aerospace Avionics Malaysia Sdn Bhd) Kafetaria Kilang (Boon Siew Honda Sdn. Bhd.)
36	Delicious Delights Garden 49G, Persiaran Bayan Indah, Bayan Bay Bayan Lepas 11900, Daerah Barat Daya, Pulau Pinang Outlet: Advanced Micro Devices Sdn. Bhd. Phase III, Bayan Lepas Free Industrial Zone Bayan Lepas 11900, Daerah Barat Daya, Pulau Pinang OSRAM Opto Semiconductors (Malaysia) Sdn Bhd - PEN 1 Cafe Bayan Lepas, Free Industrial Zone, Phase 1, 11900 Bayan Lepas, Penang, Malaysia 11900, Daerah Barat Daya, Pulau Pinang	Restoran, Kafetaria Kilang
39	Vital Manpower Network Sdn Bhd (Penang Seagate Industries (M) Sdn Bhd) 88 Lebuhraya Kampung Jawa Taman Perindustrian Bayan Lepas 11900, Daerah Barat Daya, Pulau Pinang	Kantin Kilang
40	Star Cruise (HK) Limited C/O Star Cruises Travel Service (M) Sdn Bhd Logan Heritage No 6, Beach Street, Pulau Pinang	Restoran Spices dan Blue Lagoon

BIL	NAMA HOTEL	
41	Foodville Sdn. Bhd, 4402, Jalan Chain Ferry, Seberang Perai Utara, Pulau Pinang Outlet: Next Stop Sunway Carnival S-22 Sunway Carnival Mall 3068,Jalan Todak,Pusat Bandar Seberang Jaya, Seberang Jaya 13700,Seberang Perai Utara, Pulau Pinang Next Stop 1st Avenue 8-02,1st Avenue Mall, 182,Jalan Magazine, George Town, 10300 Pulau Pinang Next Stop Gurney 170-07-10A,Plaza Gurney, Persiaran Gurney, 10250 Pulau Pinang	Kiosk
42	Delmeron Catering Sdn Bhd, Jerajak Resort & Spa No.1, Mk13, Daerah Timur Laut, Pulau Jerejak Pulau Pinang.	Driving Range Cafe
43	Win Win Catering, 6-6-2, Lintang Kampung Masjid1,Telok Kumbar Permai, Daerah Barat Daya, Pulau Pinang Outlet: Dufu Industries Sdn Bhd 19,Hilir Sungai Keluang 2 Taman Perindustrian Bayan Lepas, Fasa IV, Penang,Malaysia 11900, Daerah Barat Daya, Pulau Pinang	Kafetaria kilang
44	Merlion Star Sdn. Bhd. No. 5, Jalan Ismail Nagore, 11700 Gelugor, Pulau Pinang. Outlet: Strawberry Forever Dessert Cafe Unit 26, Lebuh Sungai Pinang 5 11600 Jelutong, Pulau Pinang.	Restoran
45	Sedap Aroma Sdn Bhd 10-C-22, Precint 10, Jalan Tanjong Tokong Daerah Timur Laut , Pulau Pinang	Katering
46	Kafe Kasih Sayang No.01-07, Park View Tower Jalan Harbour Place, 12100, Seberang Perai Utara Pulau Pinang	Kafetaria

BIL	NAMA HOTEL	
47	Delicious Delights Garden, 49G, Persiaran Bayan Indah, Bayan Bay, Daerah Barat Daya, Pulau Pinang Outlet: Penang Seagate Industries (M) Sdn Bhd Lot 88/89 Jalan Kmpung Jawa, Bayan Lepas Industrial Estate, Bayan Lepas 11900, Daerah Barat Daya, Pulau Pinang	Kafetaria
48	De Pauh Garden Lot Pt 1618, Mukim 6, Jalan Permatang Pauh 13500 Permatang Pauh, Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang	Restoran
49	Yes Yogurt Cafe Sdn Bhd 3 Ground Floor Jalan Perniagaan Gemilang 1 Pusat Perniagaan Gemilang Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang.	Kafetaria
50	Spring Onion Food Production & Services (By Spring Onion F&B Services Sdn Bhd) 26 Ground Floor, Desa Pilihan Jalan Kedidi, Sungai Ara 11900, Daerah Barat Daya, Pulau Pinang	Kafetaria
51	Restoran Jaya AGD Sdn Bhd 349N Jalan Sultan Azlan Shah, Gelugor, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang. Outlet: Restoran Jaya AGD Sdn Bhd (Gelugor) Jalan Sultan Azlan Shah Restoran Jaya AGD Sdn Bhd (Penang Road) Jalan Penang Restoran Jaya AGD Sdn Bhd(Penang Road) Jalan Penang Restoran Jaya AGD Sdn. Bhd (Bayan Baru) Taman Sri Tunas, Jalan Tengah, Bayan Baru Restoran Jaya AGD Sdn. Bhd (Dato Kramat) Jalan Dato' Keramat Restoran Jaya AGD Sdn. Bhd (Seberang Jaya) Jalan Todak 2, Seberang Jaya	Makanan dan Minuman
52	EM Cool Venture, No 53, Lengkok Pauh Jaya, Alamaya, Taman Pauh Jaya Seberang Perai Tengah Pulau Pinang. Outlet: Coolblog Taman Pauh Indah No. 3, Jalan Pauh Indah, Taman Pauh Indah, 13500, Seberang Perai Tengah Pulau Pinang	Kiosk

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara binti Hamid) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

21. Ramai penduduk membantah tentang pelantikan Ahli Jawatankuasa Kariah yang telah dibuat baru-baru ini. Terdapat pelantikan yang dibuat bukan melalui mesyuarat.

    (a) Berapa jumlah bantahan yang telah dibuat?

    (b) Apakan perkara-perkara yang dibantah?

    (c) Adakah bantahan telah diselesaikan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

21. Secara umumnya perlantikan Jawatankuasa Khariah yang lebih telus dan terbuka menggunakan kaedah pemilihan yang diperkenankan oleh Yang Dipertuan Agong pada 20 September 2012 telah berlangsung dengan baik. Majlis penyampaian tauliah kepada semua Jawatankuasa Khariah telah diadakan pada 20 Oktober 2013, bertempat di Hotel Seri Malaysia, Kepala Batas.

    Daripada 200 buah masjid yang perlu mengadakan mesyuarat pemilihan, sebanyak 173 buah (86.5%) telah mengadakan mesyuarat agung atau mesyuarat khas. Sebanyak 164 buah masjid (82%) jawatankuasanya telah diperakui oleh MAINPP sepenuhnya melalui keputusan mesyuarat agung. Hanya 8 buah masjid (4.87%) telah dibuat pindaan setelah didapati individu terpilih melalui mesyuarat agung gagal memenuhi beberapa kreteria yang digariskan oleh MAINPP. 27 buah masjid yang tidak mengadakan mesyuarat agung, jawatankuasanya dilantik melalui perbincangan antara wakil MAINPP, pegawai masjid dan pemimpin setempat.

    Secara perangkaan ditunjukkan di bawah :

BIL	PERKARA	JUMLAH	PERATUS (%)
1	Jumlah Masjid Negeri Daerah dan Khairah	207	
2	Perlu Mesyuarat Agung Atau Mesyuarat Khas	200	
3	Perlu Mesyuarat Agung	191 / 200	95.5
4	Telah Mengadakan Mesyuarat Agung	164 / 191	82
5	Perlu Mesyuarat Khas (Tiada Khariah)	09 / 191	4.71
6	Telah Mengadakan Mesyuarat Khas	09/09	100
7	Lantikan Jawatankuasa Melalui Mesyuarat Agung	156 / 164	95.1
8	Lantikan J/Kuasa Setelah Pindaan Oleh MAINPP	08/164	4.87
9	Gagal Mengadakan Mesyuarat Agung	27 / 191	13.5

(i) Lapan (8) buah masjid telah mengadakan mesyuarat agung yang kemudiannya membuat bantahan adalah :

SPU - Masjid Bakar Kapor, Masjid Bagan Dalam dan Masjid Sungai Lokan,

SPS - Masjid Sungai Kechil dan Masjid Sungai Acheh

SPT - Masjid Alma.

DBD - Masjid Permatang Damar Laut dan Masjid Kampung Binjai

(ii) Dua (2) masjid yang gagal mengadakan mesyuarat agung tapi membuat bantahan adalah :

SPU - Masjid Kota Aur dan Masjid Pinang Tunggal.

Bantahan keputusan MAINPP yang tidak memperakui individu yang dipilih melalui mesyuarat agung yang tidak mengikut tatacara pemilihan yang digariskan oleh MAINPP, antaranya :

(i) Individu itu mempunyai rekod pentadbiran lampau tidak memuaskan antaranya, kegagalan laksanakan mesyuarat agung tahunan sejak beberapa tahun atau kegagalan membentangkan laporan kewangan tahunan

(ii) Umur pengerusi atau jawatankuasa utama yang melebihi 65 tahun.

(iii) Faktor kesihatan.

(iv) Mesyuarat Agung tidak dijalankan mengikut tatacara pemilihan yang diluluskan seperti tidak membentangkan Laporan Kewangan.

(v) Kredibiliti individu yang dipertikaikan oleh qariah termasuk oleh Imam Qariah.

Sementara masjid yang gagal mengadakan mesyuarat agung, enggan menerima keputusan MAINPP melantik jawatankuasanya melalui perbincangan antara wakil MAINPP, pegawai masjid dan pemimpin setempat.

Secara umumnya bantahan boleh dianggap kes terpencil dan telah diselesaikan, kecuali tiga buah termasuk sebuah masjid yang gagal mengadakan mesyuarat agung dan enggan akur dengan bidang kuasa MAINPP.

Justeru, bagi menyelesaikan bantahan itu, MAINPP akan menggunakan peruntukan di bawah 'Perkara 4 (2) Kaedah-kaedah Jawatankuasa Kariah dan Pegawai Masjid (Negeri Pulau Pinang) 1997 yang berbunyi,

"MAINPP bolehlah melantik mana-mana anak kariah bagi qariah masjid itu yang pada pandangannya adalah layak untuk menjadi Pengerusi atau Ahli Jawatankuasa Kariah".

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara binti Hamid) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

22. (a) Lesen-lesen pungutan/kutipan atau jualan barang-barang lusuh telah dikeluarkan MajlisPerbandaran Pulau Pinang (MPPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP). Adakah MPPP dan MPSP memantau aktiviti-aktiviti pusat-pusat ini?

(b) Berapa kali seminggu, sebulan atau setahun pemantauan dibuat?

(c) Adakah MPSP dan MPPP memantau pengumpulan secara haram di dalam kampung-kampung dan kawasan-kawasan setinggan sehingga menimbulkan keresahan penduduk kerana telah menjadi tempat pembiakan nyamuk aedes?

Y.A.B. Ketua Menteri:

22. Di kawasan MPPP terdapat sejumlah 53 premis barang lusuh berlesen manakala 51 premis lagi tidak berlesen.

Semua premis barang lusuh dipantau secara bulanan dan meliputi kawasan-kawasan kampung dan setinggan. Operasi bersepadu turut dijalankan bersama pihak Polis dari masa ke semasa. Operasi kawalan pembiakan nyamuk aedes dijalankan secara berkala oleh MPPP bagi kawasan George Town dan Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang bagi kawasan selainnya.

Di Seberang Perai lesen premis perniagaan jualan barang-barang lusuh dikeluarkan oleh MPSP dan permit barang lusuh dikeluarkan oleh PDRM. MPSP melakukan pemantauan di tempat pungutan atau kutipan jualan barang-barang lusuh sebulan sekali.

Pusat pengumpulan barang-barang lusuh di kampung-kampung dan kawasan setinggan diusahakan tanpa lesen atau permit. Oleh itu MPSP tidak mempunyai jadual yang khusus untuk membuat pemantauan. MPSP hanya membuat pemantauan apabila terdapat aduan kacau ganggu atau pembiakan nyamuk aedes. Kekerapan aduan bergantung kepada tahap kacau ganggu.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara binti Hamid) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

23. Adakah Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) dapat mengesan kewujudan Cyber Café di Negeri Pulau Pinang?

Y.A.B. Ketua Menteri:

23. Selaku Pihak Berkuasa Tempatan yang bertanggungjawab, Majlis Perbandaran Seberang Perai dapat mengesan kewujudan kafe siber melalui pemantauan pegawai kawasan dan melalui permohonan pengesahan lesen daripada PDRM.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara binti Hamid) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

24. (a) Apakah tindakan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) untuk mengelak supaya penduduk tidak mengambil tindakan sendiri membakar sampah yang bertimbun?

(b) Sejauh manakah pemantauan dibuat seperti mendenda penduduk yang membuang sampah berhampiran tong sampah?

(c) Apakah tindakan yang telah diambil terhadap pencari botol-botol plastik dan barang-barang berharga di awal pagi yang menyebabkan sampah keluar dari dalam tong sampah?

Y.A.B. Ketua Menteri:

24. (a) Tindakan yang diambil oleh MPSP untuk tidak mengelak supaya penduduk membakar sampah yang bertaburan adalah:

(i) Membuat kutipan sampah di tong-tong CU dan Ro-Ro setiap hari.

(ii) Meletakkan tong CU atau Ro-Ro berdekatan dengan kawasan penempatan atau berpenghuni.

(iii) Meletakkan tanda amaran 'Dilarang Membakar' pada tong CU.

(iv) Pemantauan oleh pegawai di lapangan dan jika perlu membuat intipan.

(v) Menawarkan insentif sebanyak RM100.00 kepada sesiapa yang dapat membekalkan maklumat mereka yang membuang sampah di luar tong CU.

(b) Tindakan pemantauan dan intipan sememangnya dibuat oleh MPSP. Peruntukan di bawah Undang-Undang Kecil Pemungutan, dan Pelupusan Sampah Sarap (MPSP) 1994, Seksyen 8, dengan jelas menyatakan bahawa "Tiada seorang pun boleh menyelongkar mana-mana tong sampah" dan Seksyen 9, "Tiada seorang pun boleh membakar apa-apa bahan buangan".

(c) MPSP menghadapi kesukaran untuk mendapatkan bukti pelaku yang melakukan kesalahan membuang sampah berhampiran tong sampah, membakar sampah dan pencari-pencari kotak serta barangan berharga di awal pagi yang menyebabkan sampah keluar dari dalam tong sampah.

(IX) Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar bin Othman) Bertanya Kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Nyatakan bilangan penerima bantuan dari Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan Jabatan Kebajikan Masyarakat dari tahun 2008 hingga sekarang.

(a) Nyatakan jenis bantuan dan kadar yang diterima.

(b) Berapa ramai yang berjaya dikeluarkan dari senarai penerima bantuan. Nyatakan sebab dikeluarkan.

(c) Bilangan penerima baru bantuan dan sebab.

Y.A.B. Ketua Menteri:

1. (a) Pada 1 Mac 2008, jumlah penerima bantuan bulanan berdasarkan rekod Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) adalah seramai 8,727 orang dan pada 1 Januari 2013, jumlah penerima bantuan bulanan telah meningkat kepada 24,427 orang.

Jenis bantuan kewangan yang diberikan adalah berdasarkan kadar yang ditetapkan seperti berikut:

BIL	JENIS BANTUAN	KADAR BANTUAN
1	Bantuan Kerajaan Negeri	Bantuan Am (RM220 – RM770)
Bantuan Kerajaan Persekutuan		
1	Bantuan Kanak-kanak	(RM100 – RM450)
2	Bantuan Orang Tua	(RM300)
3	Bantuan Penjagaan Pesakit/OKU Terlantar	(RM300)
4	Bantuan OKU Tidak Bekerja	(RM150)
5	Elaun Pekerja Cacat	(RM300)

(b) Bantuan yang diberikan kepada pemohon yang layak dalam tempoh satu tahun dan kajisemula dijalankan untuk memastikan penerima dipertimbangkan atau dikeluarkan dari senarai penerima bantuan JKM. Dari tahun 2011 hingga 2013, seramai 5336 penerima bantuan telah dikeluarkan dari senarai penerima bantuan kerana pendapatan telah melepasi garis kemiskinan, meninggal dunia, berpindah dan mendapat bantuan daripada agensi lain.

(c) Bilangan penerima bantuan baru JKM pada tahun 2013 ialah seramai 3877. Kelulusan bantuan diberikan kepada penerima yang memenuhi syarat ditetapkan oleh jabatan iaitu Warganegara Malaysia, berpendapatan PGK keluarga tidak melebihi pendapatan garis kemiskinan semasa RM720 bagi bantuan persekutuan dan pendapatan perkapita individu RM220 seorang bagi Bantuan Am Negeri. Di samping itu, jabatan juga mengambil kira faktor-faktor lain seperti bilangan anak/tanggungan yang tinggal bersama dan berasingan, tahap keupayaan ketua keluarga atau ahli keluarga, sokongan dari ahli keluarga, keadaan dan kelengkapan rumah berdasarkan keperluan keluarga dan faktor-faktor lain yang munasabah serta boleh memberikan gambaran kedudukan kewangan dan perbelanjaan harian pemohon/keluarga.

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar bin Othman) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Nyatakan sama ada masih wujud penduduk miskin tegar di Negeri Pulau Pinang.

(a) Jika ya, nyatakan bilangan dan pecahan mengikut daerah, jantina dan kaum.

(b) Apakah pekerjaan mereka dan jumlah pendapatan yang mampu dijana sebulan.

(c) Bentuk bantuan yang disalurkan dan adakah ia cukup menampung perbelanjaan bulanan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

2. (a) Tiada miskin tegar di Pulau Pinang. Negeri Pulau Pinang adalah negeri pertama yang mencapai sifar miskin tegar. Ada tahun 2009, Kerajaan Negeri telah mengumumkan Program Pembasmian Kemiskinan Tegar yang dikuat kuasakan mulai bulan Mac 2009. Penerima bantuan kewangan bulanan Kerajaan Negeri adalah kelompok keluarga miskin tegar yang dikenal pasti berdasarkan penarafan Kerajaan Negeri dengan menggunakan PGK RM500.00 sekeluarga Mac 2009 hingga Mac 2012), PGK RM600.00 sekeluarga bermula April 2012) dengan perkapita RM120.00 dan PGK RM770.00 sekeluarga dengan perkapita RM220.00 (bermula Januari 2013).

(b) Golongan miskin tegar kebanyakannya bekerja sebagai nelayan, petani, mengambil upah dan ada yang tidak bekerja disebabkan faktor kesihatan. Jumlah pendapatan yang mampu dijana sebulan adalah tidak menentu dan kebanyakannya di bawah PGK RM770.00 sekeluarga.

(c) Bentuk bantuan yang disalurkan adalah bantuan kewangan tambahan (top up) untuk mencapai PGK RM770.00 yang diberikan oleh Kerajaan Negeri melalui program ini adalah supaya mereka yang dikenal pasti keluar daripada kelompok miskin dan terkeluar dari garis kemiskinan tegar.

Selain daripada pemberian Bantuan Kewangan Kerajaan Negeri (BKKN) di dalam bentuk kewangan, Jawatankuasa Pembasmian Kemiskinan Peringkat Daerah juga mempertimbangkan bantuan-bantuan lain melalui agensi-agensi berkaitan seperti berikut :

(i) Bantuan pembinaan atau pembaikkan rumah.

(ii) Bantuan peralatan untuk meningkatkan pendapatan.

(iii) Bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat seperti Bantuan Am, Bantuan Orang Tua, Bantuan Kanak-Kanak dan Bantuan Pesakit Telantar.

(iv) “Job matching” melalui Jabatan Tenaga Kerja.

(v) Bantuan melalui Zakat Pulau Pinang seperti bantuan kewangan dan makanan.

(vi) Bantuan Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin (KWAMP) melalui Pejabat Pelajaran Daerah.

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar bin Othman) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Nyatakan keadaan terkini sungai yang tercemar di Negeri Pulau Pinang.

(a) Bilangan sungai yang terlibat, punca pencemaran dan proses untuk memulihkannya.

(b) Nyatakan kos untuk projek pemulihan ini sejak dimulakan hingga sekarang.

Y.A.B. Ketua Menteri:

3. (a) Terdapat lima (5) sungai yang telah tercemar di Negeri Pulau Pinang iaitu Sungai Jawi,Sungai Pertama, Sungai Kereh, Sungai Jelutong dan Sungai Dondang. Pencemaran berlaku akibat daripada sisa kumbahan khinzir, sampah sarap dan sisa industri.

Peruntukan daripada Kerajaan Negeri telah digunakan untuk melaksanakan program jangka pendek iaitu mengutip sampah dalam sungai manakala bagi Sungai Kereh di bawah RTB Tasek Gelugor (2013-2015) dan telah ditambah skop kolam merawat air kumbahan sisa khinzir.

(b) Kerja-kerja mengutip sampah dalam sungai telah dilaksanakan oleh JPS Daerah dengan jumlah peruntukan daripada Kerajaan Negeri sebanyak RM1 juta. Manakala di bawah program 1N1S, perbelanjaan sebanyak RM6 juta telah digunakan untuk melaksanakan program pembersihan dan rawatan untuk Sungai Pinang.

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar bin Othman) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

4. Nyatakan perkembangan terkini projek bebola lumpur (mud ball) yang diperkenalkan di Negeri Pulau Pinang beberapa tahun lalu.

(a) Adakah ia berjaya mengurangkan pencemaran sungai dan laut? Jelaskan.

(b) Jumlah kos yang dibelanjakan untuk projek ini. Nyatakan pecahan mengikut projek atau program yang diadakan.

(c) Adakah ia masih diteruskan atau telah dihentikan. Jelaskan kenapa?

Y.A.B. Ketua Menteri:

4. (a) Penggunaan *Effective Microorganism* (EM) *Mudball* merupakan salah satu cara rawatan pemulihan yang boleh mengurangkan pencemaran air dengan menggunakan kaedah bioteknologi. Kaedah ini adalah selaras dengan hasrat Kerajaan Negeri untuk membudayakan pelaksanaan EM di semua agensi kerajaan serta NGO dan pencinta alam sekitar dalam aktiviti pemulihan alam sekitar.

Kaedah EM yang diaplikasikan adalah melalui penyemburan EM atau dengan mencampakkan EM *Mud Ball* ke dalam tasik, empangan, kolam, sungai dan laut. Tujuan pelaksanaan EM adalah untuk mengurangkan bau busuk, meningkatkan kualiti air dan membaik pulih ekosistem dalam kolam takungan serta sungai yang semakin pupus disebabkan oleh pencemaran air. Selain itu juga, pelaksanaan EM juga bertujuan untuk memberi kesedaran dan pendidikan kepada masyarakat bahawa menjadi tanggungjawap bersama untuk pemulihan alam sekitar. PBT telah melaksanakan banyak program dan lebih sejuta EM *Mudballs* telah dicampakkan ke dalam sungai serta laut di pesisiran Pesiaran Gurney dan sungai-sungai disekitar Pulau Pinang.

Penggunaan EM oleh masyarakat juga boleh membantu memulihara alam sekitar melalui kaedah kitar semula sisa buangan yang boleh menghasilkan baja EM-Kompos Organik dan Enzim Sampah. Ia bukan sahaja dapat membantu dalam rawatan air di sungai yang telah tercemar tetapi juga ianya digunakan sebagai baja tanaman.

(b) Sejumlah RM20,000.00 telah diperuntukkan oleh JPS untuk menjalankan projek EM *Mudball* kerana kebanyakkan program yang di laksanakan telah ditaja oleh pihak swasta. Program dilaksanakan secara bersama oleh JPS, NGO dan PBT.

(c) Program penghasilan Enzim dan EM *Mudball* masih diteruskan termasuk diperingkat sekolah-sekolah.

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar bin Othman) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

5. Nyatakan tindakan Kerajaan Negeri Pulau Pinang terhadap teguran atau kelemahan yang dipaparkan dalam Laporan Audit Negara setiap tahun.

   (a) Apa yang dilakukan terhadap beberapa teguran kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat dalam laporan tahun 2012?

   (b) Nyatakan tindakan yang diambil terhadap beberapa agensi lain seperti Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC), Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP).

Y.A.B. Ketua Menteri:

5. (a) Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah mengambil beberapa tindakan untuk mengatasi kelemahan teguran Audit tahun 2012 seperti berikut :

   Bagi bayaran yang dibuat kepada penerima yang meninggal dunia, semakan segera JKM mendapati 41 kes penerima bantuan diambil oleh waris / penjaga. Operasi tuntutan balik bayaran telah dijalankan keatas waris melalui lawatan ke rumah serta di kemukakan surat tuntutan bayaran balik bantuan.

   Sehingga kini seramai 3 penerima telah memulangkan kembali bayaran tersebut dan 38 lagi masih belum berbuat demikian. JKM akan terus mengeluarkan surat peringatan sehingga pihak waris memulangkan wang bantuan.

   Sebagai langkah tindakan berterusan pula, Garis Panduan Bantuan Am 2012 telah dikemaskini dengan meletakkan tanggungjawab kepada penerima bantuan iaitu:

   (i) Kelulusan bantuan untuk tempoh satu tahun dan pemohon perlu membuat permohonan semula jika masih memerlukan bantuan.

   (ii) Bayaran bantuan bulanan dalam tempoh 1-10 haribulan pada setiap bulan dan jika tidak dituntut akan di *'refund'* oleh pihak bank dalam tempoh 21 hari.

   (iii) Penggunaan Sistem 'ALIS' (Agency Link-up System) dengan Jabatan Pendaftaran Negara telah membantu mengesan kes penerima bantuan yang meninggal dunia untuk ditamatkan bantuan.

   (b) Berdasarkan kepada teguran audit yang dilaporkan berkaitan PDC, MPPP dan MPSP adalah seperti berikut:

   (i) PDC telah memastikan syarikat berkenaan mengambil tindakan pembetulan dengan segera. Pemantauan berterusan juga dibuat bagi memastikan perkara ini tidak berulang lagi. Pemeriksaan secara menyeluruh dan tindakan pembetulan juga dibuat ke atas semua aktiviti bagi memastikan syarikat mematuhi semua undang-undang dan peraturan Kerajaan serta prosedur dan garis panduan yang ditetapkan.

   (ii) MPPP telah mengambil tindakan-tindakan untuk meningkatkan prestasi pengurusan perumahan awam MPPP seperti berikut:

   - Membeli sistem berkomputer yang dikenali sebagai e-penilaian/e-sewaan dimana semua urusan pendaftaran permohonan penyewaan, pengemaskinian maklumat penyewaan, pemantauan tunggakan sewa, aduan kerosakan dan sebagainya akan diuruskan oleh sistem ini;

- Melantik konsultan dan melalui proses ‘change management’ telah menyediakan proses kerja baru bagi memendekkan tempoh masa untuk menangani aduan kerosakan;

- Menghantar senarai penyewa berdaftar untuk semakan Jabatan Pendaftaran Negara setiap tahun bagi mengesahkan sama ada penyewa-penyewa masih hidup atau meninggal dunia;

- Kajian juga sedang dibuat sama ada boleh menghubungkan sistem maklumat Jabatan Pendaftaran Negara supaya semakan tersebut boleh dibuat secara ‘real time'.

- Menyediakan jadual pemeriksaan dan bancian bagi setiap skim perumahan awam bagi memastikan tiada sewa kecil, tukarguna, halangan koridor dan sebagainya.

(iii) MPSP telah mengambil tindakan pembetulan ke atas teguran Ketua Audit Negara tahun 2012 berkaitan Pengurusan Kenderaan di MPSP. Teguran kelemahan tersebut adalah seperti berikut:

- Jawatankuasa Penilaian Teknikal dan Jawatankuasa Penilaian Harga tidak ditubuhkan bagi perolehan kenderaan secara tender.

- Pemantauan penggunaan kenderaan tidak dapat disempurnakan oleh Pegawai Pengangkutan.

- Kos penyenggaraan bagi 5 kes kenderaan berusia melebihi 10 tahun melebihi kos asal pembelian kenderaan antara 109% dan 232%.

- Tempat penyimpanan kenderaan didapati kurang sesuai.

Tindakan yang telah diambil bagi mengatasi kelemahan-kelemahan di atas adalah seperti berikut :

Untuk teguran pertama, MPSP telah mengambil tindakan menubuhkan Jawatankuasa Penilaian (Teknikal dan Harga) dan Jawatankuasa Penilaian Teknikal dan Jawatankuasa Harga akan ditubuhkan secara berasingan bagi tender bekalan, perkhidmatan dan kerja berasaskan *Turnkey* atau *Design and Build’*seperti yang diperuntukkan di dalam Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil 5/2007 perkara 39.2.

Untuk teguran kedua pula, pelantikan Pegawai Pengangkutan MPSP telah dibuat dengan menjelaskan senarai tugas Pegawai Pengangkutan. Senarai tugas Pegawai Pengangkutan juga telah dimasukkan ke dalam fail meja pegawai tersebut supaya pemantauan penggunaan kenderaan dapat disempurnakan oleh beliau dengan berkesan.

- Kursus berkaitan penggunaan dan penyelenggaraan kenderaan yang merangkumi pengemaskinian buku log, pengiraan cerakinan dan penggunaan bahan api telah dirancang untuk diberi kepada semua yang terlibat dengan pengurusan kenderaan seperti Pegawai Pengangkutan, Penyelia Kenderaan Jabatan dan Pemandu supaya pengurusan kenderaan Majlis lebih berkesan.

  Sementara untuk teguran ketiga pula, MPSP telah mewujudkan polisi bagi pelupusan kenderaan supaya MPSP dapat membuat perancangan untuk pelupusan dan penggantian kenderaan baru.

- Polisi ini dikawal dan dipantau oleh Penolong Pengarah (Bahagian Perolehan) dan Pegawai Pengangkutan MPSP. Perbincangan akan dilakukan oleh mereka sekiranya pelupusan kenderaan perlu dilakukan sebelum diputuskan oleh Pengurusan Atasan.

  Bagi mengatasi masalah-masalah tempat penyimpanan kenderaan yang kurang sesuai di dalam teguran keempat, tindakan-tindakan berikut telah diambil:

- Depo-depo kenderaan yang dikenal pasti kurang sesuai telah dinaik taraf secara berperingkat mulai tahun 2012 sehingga 2015.

- Penaiktarafan itu meliputi ciri-ciri keselamatan dan kemudahan yang sesuai seperti memasang pagar, menyediakan kemudahan paip air tekanan tinggi (*water jet pump*) untuk mencuci kenderaan dan menyediakan lantai bersimen serta longkang untuk tempat mencuci kenderaan.

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar bin Othman) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

6. Nyatakan pendirian Kerajaan Negeri Pulau Pinang terhadap fahaman Wahabi dan Syiah.

   (a) Adakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang mempunyai rekod mengenai perkembangannya dan bilangan pengikutnya?

   (b) Nyatakan tindakan Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk membendung penyebaran fahaman ini di Negeri Pulau Pinang termasuk mendakwa mereka di mahkamah.

   (c) Apa kuasa yang ada pada Jabatan Agama Islam Pulau Pinang (JAIPP) dan Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) untuk bertindak terhadap pengikut fahaman ini?

Y.A.B. Ketua Menteri:

6. (a) Pendirian Kerajaan Negeri berhubung fahaman Wahabi adalah berpandukan kepadakeputusan Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang Bil. 3/2012 bertarikh 23 Mei 2012 yakni melarang pembid'ahan dan penghinaan terhadap amalan-amalan Ahli Sunnah Wal Jamaah sebagai panduan atau irsyad hukum (tidak diwartakan) yang dilakukan oleh fahaman Wahabi. Bagi fahaman Syiah pula, difatwakan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang pada Disember 1996 dan diwartakan pada 16 Januari 1997 ialah mana-mana orang Islam atau kumpulan yang berpegang kepada ajaran-ajaran dan fahaman-fahaman tersebut adalah dilarang kerana ia bertentangan dengan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah.

   (b) Kerajaan Negeri tiada rekod mengenai perkembangan dan jumlah pengikut kedua-dua fahaman ini.

   (c) Selain daripada menghukum pengikut kedua-dua fahaman tersebut, majlis-majlis ilmu telah disampaikan oleh guru-guru Takmir di masjid dan penceramah agama untuk memberikan kefahaman kepada orang ramai supaya berpegang kepada ajaran Islam mengikut Sunnah Wal Jamaah.

   (d) Apabila fahaman di atas telah difatwa dan diwartakan tindakan boleh diambil mengikut Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Negeri Pulau Pinang) Tahun 1996.

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar bin Othman) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

7. Nyatakan status cadangan sebuah syarikat dari Timur Tengah untuk melabur dalam bidang perhotelan pematuhan syariah di Negeri Pulau Pinang beberapa tahun lalu.

   (a) Apakah bentuk cadangan pembangunan atau pelaburan yang dirancang?

   (b) Berapa jumlah pelaburannya dan pecahan mengikut sektor?

   (c) Jika syarikat itu membatalkan cadangan itu, jelaskan kenapa?

Y.A.B. Ketua Menteri:

7. Bagi membangunkan industri perhotelan di Pulau Pinang, Halal Penang telah memeterai MOU bersama syarikat Al-Jawhara Group Hotel & Apartments pada Mei 2009 bagi menjalinkan kerjasama untuk membangunkan industri pelancongan dan hospitaliti Negeri Pulau Pinang.

   Al-Jawhara bertindak sebagai rujukan utama bagi membangunkan industri perhotelan Pulau Pinang berasaskan Syariah dengan memberikan bimbingan dan latihan mengenai pengurusan hotel berasaskan Syariah.

   Syarikat Al-Jawhara Group Hotel & Apartments tidak berhasrat untuk melabur di dalam industri perhotelan berasaskan Syariah dan hanya akan membantu pembangunan industri perhotelan berasaskan Syariah melalui khidmat latihan dan konsultansi bagi berkongsi kepakaran dalam pembangunan industri perhotelan halal. Al-Jawhara Group Hotel & Apartments telah bersetuju untuk membantu secara teknikal untuk membimbing hotel-hotel tersebut sebagai Syariah Compliant Hotel.

   Hasil dari MOU tersebut, Halal Penang telah mengenal pasti dua hotel yang berpotensi untuk dibangunkan sebagai hotel berasaskan Syariah; Hotel Seri Malaysia dan D'Feringghi Hotel. Halal Penang masih lagi memberikan khidmat nasihat untuk kedua-dua hotel untuk dibangunkan sebagai hotel berasaskan Syariah, tetapi kedua-dua hotel tersebut masih belum bersedia untuk menerapkan garis panduan yang digunapakai oleh Al-Jawhara Group Hotel & Apartments.

   Malah kita juga telah mempelawa Al-Jawhara melabur di bidang perhotelan dan resort di Pulau Pinang dengan mengemukakan dua (2) projek iaitu sebuah di Bertam yang hampir siap pada masa itu dan sebidang tanah di kawasan Gertak Sanggul. Perbincangan di adakan dengan pemilik resort di Bertam tetapi tidak berjaya manakala tanah di Gertak Sanggul menghadapi beberapa masalah. Syarikat ini merupakan anak syarikat sebuah syarikat konglomerat, SS Lootah Group yang masih lagi berminat untuk melabur dalam bidang perhotelan di Pulau Pinang dan memberi khidmat nasihat serta technical advisory untuk hotel-hotel berasaskan Syariah.

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar bin Othman) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

8. Nyatakan bilangan projek pembaikan jalan kampung di kawasan Dewan Undangan Negeri Bertam dari tahun 2008 hingga sekarang dan kosnya.

   (a) Adakah semua jalan itu di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri Pulau Pinang atau Kerajaan Persekutuan?

   (b) Berapa banyak projek pembaikan jalan negeri tetapi dilaksanakan oleh Unit Penyelarasan dan Pelaksanaan Jabatan Perdana Menteri (ICU JPM) dalam tempoh itu.

Y.A.B. Ketua Menteri:

8. Projek pembaikan jalan kampung dan pecahan projek yang dijalankan di kawasan KADUN Bertam adalah seperti dibawah:-

TAHUN	BIL PROJEK	KOS
2008	14	804,375.57
2009	2	24,000
2010	3	23,500
2011	7	29,500
2012	6	39,100
2013	3	16,000
Jumlah	35	936,475.57

(a) Kesemua jalan kampung tersebut adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri dan sebahagian daripadanya melibatkan lot tanah persendirian.

(b) Untuk makluman pada tahun 2008 Unit Penyelarasan dan Pelaksanaan Jabatan Perdana Menteri (ICU JPM) telah memperuntukkan sebanyak RM804,375.57 kepada Pejabat Daerah & Tanah Seberang Perai Utara (PDTSPU) bagi melaksanakan sebanyak 14 buah projek pembaikan jalan kampung di DUN Bertam. Namun begitu, bermula tahun 2009 sehingga sekarang, ICU, JPM tidak lagi memberi peruntukan kepada PDTSPU bagi melaksanakan pembaikan jalan kampung di DUN Bertam tetapi projek pembaikan jalan kampung dilaksanakan sendiri oleh ICU JPM.

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar bin Othman) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

9. Nyatakan status padang hoki di Kompleks Sukan Bertam, Kepala Batas, Seberang Perai Utara.

(a) Adakah masih boleh digunakan atau sebaliknya?

(b) Apakah kerosakan yang berlaku dan kos untuk membaikinya?

(c) Syarikat manakah yang bertanggungjawab melaksanakan pembaikan dan bilakah pembaikan akan selesai?

Y.A.B. Ketua Menteri:

9. (a) Padang hoki di Kompleks Sukan Bertam pada masa kini masih belum dapat digunapakai disebabkan kerosakan teruk pada padang sintetik dan merbahaya kepada pengguna.

(b) Kerosakan yang terlibat adalah seperti berikut:

(i) Permukaan padang sintetik telah haus dan terkoyak.

(ii) *Sprinkler* tidak berfungsi sepenuhnya.

(iii) Sistem perparitan di kawasan padang hoki tidak berfungsi dan rosak.

Kos untuk tujuan pembaikan dan menaik taraf padang hoki dianggarkan berjumlah RM4juta.

(c) Pembaikan padang hoki di Kompleks Sukan Bertam belum dimulakan dan MPSP belum melantik mana-mana syarikat untuk tujuan tersebut.

Kerajaan Negeri akan memohon bantuan daripada Kementerian Belia dan Sukan untuk memperbaikinya.

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar bin Othman) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

10. Nyatakan peruntukan tahunan atau berkala Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk kerja penyelenggaraan Pasar Awam Kepala Batas, Seberang Perai Utara.

    (a) Adakah cadangan untuk melakukan kerja naik taraf pasar ini yang agak daif sekarang ini?

    (b) Adakah pemantauan dilakukan dari segi kebersihan persekitaran, tempat jualan dan tandas?

    (c) Apakah perancangan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) untuk memanfaatkan tingkat satu Pasar Awam tersebut?

Y.A.B. Ketua Menteri:

10. Kerajaan Negeri melalui MPSP menanggung kos kontrak kebersihan yang dijalankan oleh kontraktor sebanyak RM191,760.00 untuk kontrak selama 2 tahun atau bersamaan RM7,990.00 sebulan. Selain itu, kerja-kerja pembaikan yang telah dilaksanakan oleh MPSP untuk pasar tersebut pada tahun 2012 dan 2013 adalah seperti berikut :

    (i) Pembaikan gutter / bumbung
    (ii) Pembaikan kerusi dan meja makan
    (iii) Pembaikan manhole
    (iv) Pembaikan tandas tersumbat
    (v) Pembaikan elektrik (lampu dan kipas)
    Kos yang terlibat adalah sebanyak RM35,400.00.

    (a) Sehingga kini Kerajaan Negeri tidak mempunyai perancangan untuk melaksanakan kerja-kerja naik taraf Pasar Awam Kepala Batas untuk tahun 2014. Walau bagaimanapun Kerajaan Negeri melalui MPSP telah melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan pasar tersebut pada tahun 2012 dengan kos berjumlah RM185,662.00. Kerja-kerja yang dilaksanakan adalah seperti berikut :

        (i) menaik taraf bumbung
        (ii) Memasang pelapik besi longkang dalam pasar
        (iii) menaik taraf palong air di gerai pasar
        (iv) Menurap jalan di sekeliling pasar
        (v) Membaikpulih tandas lelaki / wanita
        (vi) Membaikpulih depoh sampah

    (b) Pemantauan ke atas aspek kebersihan, penyelenggaraan dan juga penguatkuasaan undang-undang serta syarat lesen dibuat secara berkala oleh Penyelia Pasar (Memperbaharui Lesen).

    (c) Sebagai salah satu usaha untuk memanfaatkan tingkat satu Pasar Awam Kepala Batas, tingkat tersebut telah disewa kepada Majlis Sukan Negeri bagi aktiviti sukan ping pong. Malah sekiranya terdapat cadangan-cadangan lain yang boleh mendatangkan manfaat kepada masyarakat, MPSP sentiasa mengalu-alukan cadangan tersebut.

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar bin Othman) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

11. Produk dan perkhidmatan halal di Negeri Pulau Pinang

    (a) Berapa banyak MoU yang ditandatangani oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang dengan pelaburan dan syarikat dalam tempoh itu.

(b) Nyatakan sebab syarikat yang tidak meneruskan hasrat untuk melabur di Pulau Pinang dan bilangan syarikat yang terlibat.

(c) Apa bentuk insentif yang disediakan Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk pelabur yang terlibat?

Y.A.B. Ketua Menteri:

11. (a) Kerajaan Negeri telah berjaya menandatangani 30 buah MOU dengan beberapa organisasi berkepentingan. Senarainya adalah seperti di bawah:-

SENARAI ORGANISASI MENANDATANGANI MoU DENGAN Kerajaan Negeri Pulau Pinang

No.	Nama pihak 1	Nama pihak 2	Kandungan MoU
1.	PIHH Development Sdn. Bhd (Halal Penang)	Unicorn International Investment Bank Berhad (Bahrain) Asian Finance Bank Berhad (Qatar)	Kerjasama untuk menyediakan jaringan pembiayaan berasaskan syariah untuk pelabur-pelabur asing dan tempatan yang melabur di Pulau Pinang.
2.	PIHH Development Sdn. Bhd (Halal Penang)	Al-Jawhara Group of Hotels (UAE)	Kerjasama untuk membangunkan industri pelancongan dan hospitaliti Negeri Pulau Pinang. Al-Jawhara bertindak sebagai rujukan utama bagi membangunkan industri perhotelan Pulau Pinang berasaskan syariah.
3.	PIHH Development Sdn. Bhd (Halal Penang)	Hotel Seri Malaysia Pulau Pinang D'Feringghi Hotel & Restaurant	Usahasama bagi membangunkan kedua-dua buah hotel sebagai perintis hotel berasaskan syariah.
4.	PIHH Development Sdn. Bhd (Halal Penang)	Global Livestock Corporation (M) Sdn. Bhd Fresh Frozen Resources Sdn Bhd Intan Farm (M) Sdn. Bhd	Kerjasama strategik bagi membangunkan industri asas tani melalui projek " Juru Beef" yang merangkumi R&D dan teknologi maju dalam penternakan dan pemprosesan lembu berkualiti tinggi.
5.	PIHH Development Sdn. Bhd (Halal Penang)	A La Turko Pte Ltd (Australia)	Persefahaman untuk membangunkan francais makanan segera kebab di Malaysia, Indonesia, Thailand, China dan Bosnia melalui jaringan perniagaan. Pulau Pinang akan menjadi hab pengeluaran daging dan R&D syarikat ini untuk bekalan seluruh dunia termasuk Australia, Fiji dan Timur Tengah.
6.	PIHH Development Sdn. Bhd (Halal Penang)	Al- Mataf Global (Arab Saudi)	Persefahaman untuk membawa masuk produk dari Pulau Pinang ke Timur Tengah melalui jaringan perdagangan Al-Mataf.
7.	PIHH Development Sdn. Bhd (Halal Penang)	Halal Industries Limited (UK)	Kerjasama dalam pembangunan, pembiayaan, promosi dan pemasaran rangkaian berkembar Hab Halal Antarabangsa Pulau Pinang dan UK, Brazil, Europe, Iran, Dubai dan India.
8.	PIHH Development Sdn. Bhd (Halal Penang)	Xu Chang Municipality (China)	Kerjasama dalam membangunkan industri pelancongan, pensijilan halal, pemasaran dan perdagangan dua-hala industri halal di Xu Chang, Henan, China.

No.	Nama pihak 1	Nama pihak 2	Kandungan MoU
9.	PIHH Development Sdn. Bhd (Halal Penang)	My-Gulf Investment Corporation (Yemen)	Kerjasama dalam membangunkan Taman Perindustrian Halal, pensijilan halal, pemasaran dan perdagangan dua-hala industri halal di Yemen.
10.	PIHH Development Sdn. Bhd (Halal Penang)	International Halal Integrity Alliance	Kerjasama strategik bagi membangunkan standard dan piawaian untuk melatih dan menjana pengaudit halal yang kompeten dan professional untuk mengekalkan integriti halal.
11.	PIHH Development Sdn. Bhd (Halal Penang)	Investmy International Ltd.	Kerjasama untuk membangunkan Taman Industri Halal di Haddah Sana'a, Yemen dengan memberikan khidmat nasihat dan konsultansi.
12.	PIHH Development Sdn. Bhd (Halal Penang)	Halal Science Center, Chulalongkorn University Faculty of Allied Health Siences, Bangkok ADempiere Asia and KPerak Inc. Malaysia, Indonesian Forwarders and Logistics Service Providers Association (GAFEKSI/INFA) Region 12 Department of Science and Technology (DOST XII),Filipina South African National Halaal Authority (SANHA) European Institute of Halal Certification (EHZ), Hamburg, Germany The Mediterranean Halal Science Research Center (MNSRC)Turkey Halal Global Services Co. Ltd. Bangkok	Kerjasama strategik melalui pertukaran idea dan kepakaran bagi membangunkan industri logistik halal and ICT Superhighway.
13.	PIHH Development Sdn. Bhd (Halal Penang)	Supreme Manufacturing & Services	Kerjasama bagi membangunkan Taman Industri Halal di India dengan memberi khidmat nasihat dan konsultansi dan menjalinkan kerjasama perdagangan dua hala di antara Pulau Pinang dan India.
14.	PIHH Development Sdn. Bhd (Halal Penang)	Sindh Board of Investment	Usahasama dalam membangunkan pensijilan halal, membangunkan Taman Perindustrian Halal di Karachi dengan memberi khidmat nasihat dan konsultansi dan menganjurkan persidangan halal antarabangsa di Karachi.
15.	PIHH Development Sdn. Bhd (Halal Penang)	Halal Development Council	Kerjasama untuk membangunkan Taman Perindustrian Halal di Pakistan dengan memberi khidmat nasihat dan konsultansi.

No.	Nama pihak 1	Nama pihak 2	Kandungan MoU
16.	PIHH Development Sdn. Bhd (Halal Penang)	Halal Research Council	Kerjasama untuk membangunkan Taman Perindustrian Halal di Pakistan dengan memberi khidmat nasihat dan konsultansi dan usahasama bagi menganjurkan persidangan halal di Malaysia.
17.	PIHH Development Sdn. Bhd (Halal Penang)	Punjab Industrial Estates Development and Management Company	Kerjasama untuk membangunkan Taman Perindustrian Halal di Punjab dengan memberi khidmat nasihat dan konsultansi dan pemindahan teknologi (*technology transfer*) bagi pengurusan dan operasi makanan halal.
18.	PIHH Development Sdn. Bhd (Halal Penang)	Lahore Meat Company (Government of Punjab)	Kerjasama dalam membangunkan rantaian industri daging berkualiti tinggi mengikut standard dan piawaian dan menggunakan Pulau Pinang sebagai pusat perdagangan bagi membawa masuk produk berasaskan daging dari Pakaistan.
19.	PIHH Development Sdn. Bhd (Halal Penang)	Halal Feed and Food Inspection Authority	Kerjasama strategik bagi membangunkan modul untuk melatih dan menjana pengaudit halal yang kompeten dan professional melalui latihan dan pemindahan teknologi.
20.	PIHH Development Sdn. Bhd (Halal Penang)	Muslim Council of Britain (MCB)	Kerjasama strategik bagi membangunkan modul untuk melatih dan menjana pengaudit halal yang kompeten dan professional melalui latihan dan pemindahan teknologi.
21.	PIHH Development Sdn. Bhd (Halal Penang)	Pharmnz R&D Corporation Limited	Kerjasama bagi mempromosikan dan membangunkan projek insulin halal di Taman Perindustrian Halal Pulau Pinang.
22.	PIHH Development Sdn. Bhd (Halal Penang)	Halal Club (Wallonia Foreign Trade & Investment Agency)	Kerjasama bagi membantu syarikat-syarikat halal di Belgium mengukuhkan perniagaan di Pulau Pinang dan menggunakan Pulau Pinang sebagai laluan masuk bagi menembusi pasaran Asia Tenggara.
23.	PIHH Development Sdn. Bhd (Halal Penang)	Halal Serbia	Kerjasama bagi menjalinkan hubungan perdangan dan pelaburan dua-hala di antara Pulau Pinang dan Serbia, mewujudkan kolaberasi membangunkan pendidikan melalui program pertukaran pelajar dan mempromosikan industri pelancongan halal.
24.	PIHH Development Sdn. Bhd (Halal Penang)	Progenus S.A, Belgium	Kerjasama bagi membantu Progenus mengukuhkan pernigaan di Asia Tenggara.
25.	PIHH Development Sdn. Bhd (Halal Penang)	Megabook Resources	Kerjasama bagi menterjemahkan buku Halal Index: Pig Based Pharmaceuticals ke bahasa Arab.

No.	Nama pihak 1	Nama pihak 2	Kandungan MoU
26.	PIHH Development Sdn. Bhd (Halal Penang)	Expo Centre Sharjah (ECS)	Kerjasama dua hala bagi mempromosikan dan membawa masuk delegasi perdagangan ke Pameran Halal Antarabangsa Pulau Pinang dan Sharjah, UAE bagi mengukuhkan pembangunan ekonomi dan pelaburan halal.
27.	PIHH Development Sdn. Bhd (Halal Penang)	CNR Holding/Forum Trade Fairs Inc.	Kerjasama bagi mempromosikan PIHEC kepada syarikat-syarikat di Turki dan membawa masuk delegasi perdagangan dan kerjasama mempromosikan Expo anjuran CNR Holding kepada pemamer dari Pulau Pinang.
28.	PIHH Development Sdn. Bhd (Halal Penang)	Caprice Gold Group of Turkey	Kerjasama bagi membangunkan industri pelancongan dan hospitaliti Negeri Pulau Pinang. Caprice bertindak sebagai rujukan utama bagi membangunkan industri perhotelan Pulau Pinang berasaskan syariah.
29.	PIHH Development Sdn. Bhd (Halal Penang)	Centre Regional of Investment, Meknes	Kerjasama strategik bagi mempromosikan perdagangan dan pelaburan dua hala di antara Wilayah Meknes dan Pulau Pinang terutamanya dalam membangunkan industri Halal.
30.	PIHH Development Sdn. Bhd (Halal Penang)	Moroccon Exporters Association (ASMEX)	Kerjasama untuk mempromosikan industri pelancongan halal, mempromosikan perdagangan dan pelaburan dua hala khususnya dalam industri pertanian dan agro-industri, industri perkapalan dan maritim mengukuhkan pensijilan halal.

(b) Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah memperuntukkan 100 ekar tanah industri untuk dibangunkan sebagai Taman Perindustrian Halal Pulau Pinang. Sehingga kini, TPHPP telah berjaya menerima 10 pelaburan daripada syarikat tempatan dan antarabangsa dengan nilai pelaburan berjumlah RM484.2 juta merangkumi 53.97 ekar tanah industri. Butiran lanjut adalah seperti di bawah:-

SENARAI SYARIKAT YANG MELABUR DI TAMAN PERINDUSTRIAN HALAL PULAU PINANG

NO	SYARIKAT	AKTIVITI	JUMLAH EKAR TANAH (EKAR)	NILAI PELABURAN (RM) JUTA
1.	Jeenhuat Foodstuffs Industries Sdn. Bhd	Pemprosesan makanan laut sejukbeku	9.44	RM 150
2.	D'nonce Biofoods Sdn. Bhd	Pemprosesan ekstrak herbal	2.5	RM 25
3.	Swiss Confiserie Sdn. Bhd	Pemprosesan produk bakeri	2.4	RM10
4.	Aromacom Sdn. Bhd	Pemprosesan dan pengeluaran bahan aditif (penambah perisa makanan)	2.0	RM10
5.	Jeenhuat Foodstuffs Industries Sdn. Bhd	Pemprosesan makanan dan minuman bertin	8.0	RM100
6.	Everbest Soya Bean Products Sdn. Bhd	Pemprosesan produk makanan berasasan soya	6.4	RM50
7.	Tian Seng Hang Trading Sdn. Bhd	Pemprosesan "*green mug beans*" dan "*matpe beans*"	8.7	RM13.6
8.	Butterfield (M) Sdn. Bhd	Pemprosesan estrak tumbuhan dan herbal.	3.8	RM10
9.	Leverage Business Sdn Bhd	Pemprosesan gelatin halal dan produk sampingan	2.6	RM15.6
10.	PH Gelatine Pharmz Sdn Bhd	Pemprosesan dan pengeluaran gelatin mentah	8.13	RM100
JUMLAH			**53.97 ekar**	**RM484.2 juta**

Daripada 100 ekar tanah yang disediakan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang, hanya 60.97 ekar sahaja yang siap untuk dimasuki pelabur. Ini menimbulkan masalah apabila baki tanah 40.5 ekar tanah (Plot D) hanya dijangka siap untuk dimasuki pelabur pada pertengahan tahun 2015 berikutan proses pengambilan tanah dan penyediaan infrastruktur. Kerajaan Negeri telah menerima 14 buah permohonan tanah industri lagi dengan nilai pelaburan berjumlah RM116.99 juta dengan keluasan tanah sebanyak 40.77 ekar yang disenaraikan sebagai pending list memandangkan tiada tanah industri yang siap untuk dimasuki pelabur. Kesemua syarikat-syarikat tersebut masih berminat untuk meneruskan hasrat untuk melabur di Taman Perindustrian Pulau Pinang.

Butiran permohonan tanah industri yang disenaraikan sebagai *pending list* adalah seperti di bawah:-

SENARAI SYARIKAT YANG BERMINAT MELABUR DI TAMAN PERINDUSTRIAN HALAL PULAU PINANG

NO.	SYARIKAT	AKTIVITI	JUMLAH EKAR	NILAI PELABURAN (RM) JUTA
1.	Pinang Kicap Enterprise Sdn. Bhd	Pemprosesan makanan	1.0	RM 1.7
2.	Gold Choice Food Industries Sdn. Bhd	Pemprosesan minuman pracampuran kopi segera dan bijirin	4.7	RM12.48
3.	Bino Confectionery Sdn. Bhd	Pemprosesan produk coklat	2	RM5.8
4.	Cheng Hoe Food Manufacturing Sdn. Bhd	Pemprosesan produk berasaskan soya	2	RM4.2
5.	Hiap Seng Huat Foodstuff Sdn. Bhd	Pemprosesan produk biskut dan coklat	2	RM8.0
6.	Soo Tatt Vending (M) Sdn. Bhd	Pemprosesan minuman pracampuran	2	RM5.48
7.	Heng Lee Sauce Sdn. Bhd	Pemprosesan sos	1	RM3.0
8.	Street's Food Products Sdn. Bhd	Pemprosesan produk jem buah-buahan	1.5	RM3.0
9.	Seng Enterprise Seafood Supplier (1986) Sdn. Bhd	Pemprosesan produk makanan laut sejukbeku, akuakultur R&D	2.5	RM9.0
10.	APT World International Sdn. Bhd	Pemprosesn produk penjagaan kulit	3.07	RM3.48
11.	Fuchipagus Agritech Sdn. Bhd	Pemprosesan sarang burung dan pembangunan produk "*downstream*".	3.0	RM10.69
12.	Panda Foods Co. Sdn. Bhd	Pemprosesan makanan laut sejuk beku dan bilik dingin sejukbeku	10.0	RM28.0
13.	Ghee Hiang Manufacturing Co. Sdn. Bhd	Pemprosesan minyak bijan	4.0	RM19.56
14.	Bamboo Catering (M) Sdn. Bhd	Pemprosesan dan pengeluaran bahan makanan (food coating, rempah ratus dan sos)	2.0	RM2.6
		JUMLAH	**38.77 ekar**	**RM114.39 juta**

* *Untuk makluman syarikat* ***Bamboo Catering (M) Sdn. Bhd*** *telah ditawarkan di tanah perindustrian yang lain.*

(c) Taman Perindustrian Halal Pulau Pinang telah mendapat pengiktirafan status HALMAS pada tahun 2011 oleh Halal Industry Development Corporation (HDC). Melalui pengiktirafan ini, operator dan pemain industri halal dapat menikmati insentif-insentif yang ditawarkan oleh HDC. Antara insentif –insentif yang ditawarkan ialah :

(i) 100% pengecualian cukai untuk 10 tahun atau 100% pengecualian cukai untuk perbelanjaan modal (capital expenditure) untuk 5 tahun.

(ii) Pengecualian duti import dan cukai jualan bagi peralatan dan permesinan yang digunakan dalam bilik sejuk beku.

Sebagai *value-add* untuk pelabur, Kerajaan Negeri melalui agensinya Halal Penang turut menyediakan khidmat *facilitation* kepada pelabur seperti permohonan persijilan halal, kelulusan dengan jabatan-jabatan Kerajaan Negeri, tempatan dan pusat. Pelabur juga turut mendapat sokongan dalam pemasaran dan promosi ke peringkat global. Perkhidmatan ini hanya ada di Pulau Pinang dan berbeza dengan Kerajaan-Kerajaan Negeri yang lain.

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar bin Othman) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

12. Nyatakan projek pembangunan yang dirancang untuk Kawasan Dewan Undangan Negeri Bertam dalam tempoh lima (5) tahun akan datang.

(a) Huraikan projek yang telah dirancang oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan agensinya untuk kawasan ini dari tahun 2008 hingga 2013?

(b) Berapa kos untuk melaksanakan semua projek ini. Huraikan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

12. Bagi tempoh 2008 hingga 2013, Kerajaan Negeri telah memperuntukan sebanyak RM13 juta kepada KADUN Bertam untuk menjalankan projek-projek pembangunan. Daripada jumlah peruntukan berkenaan, sebanyak 60 projek pembangunan telah dilaksanakan dengan melibatkan kos sebanyak RM8 juta. Princian berkenaan projek yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri dan agensinya mengikut tahun mulai tahun 2008 hingga 2013 dan kos yang terlibat adalah seperti dilampiran.

Perancangan pembangunan DUN Bertam bagi tempoh lima (5) tahun akan datang oleh pihak MPSP sepertimana Draf Rancangan Tempatan Daerah SPU (DRTD SPU) melibatkan:-

(a) Blok Perancangan 5 (Kepala Batas), Blok Perancangan 6 (Teluk Ayer Tawar) dan Blok Perancangan 8 (Kuala Muda)

(b) Tempoh pelaksanaan perancangan pembangunan yang digariskan di dalam DRTD SPU adalah dirumuskan di antara tahun 2010 - 2020 yang melibatkan umumnya komponen cadangan pembangunan seperti cadangan perumahan, cadangan kemudahan masyarakat, cadangan pusat bandar dan peniagaan, cadangan penempatan desa, cadangan pelancongan, cadangan infrastruktur dan cadangan pertanian.

* Lihat folder Lampiran BSAO (Sol. No. 12 ID180)

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar bin Othman) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

13. Nyatakan kerja-kerja pembersihan dan penyenggaraan yang dilaksanakan oleh Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) dalam kawasan Dewan Undangan Negeri Bertam.

(a) Huraikan mengikut kawasan dan kos.

(b) Nyatakan nama kontraktor yang terlibat dan hasil laporan selepas selesai kerja.

Y.A.B. Ketua Menteri:

13. (a) Kerja-kerja pembersihan dan penyenggaraan di kawasan Dewan Undangan Negeri Bertam yang dilaksanakan mengikut kawasan dan kos adalah seperti di bawah

(b) Nama kontraktor yang terlibat adalah seperti di Lampiran. Tiada laporan khusus bagi DUN Bertam memandangkan zon pembersihan yang ditetapkan oleh MPSP tidak mengikut KADUN. Walau bagaimanapun MPSP mendapati perkhidmatan yang diberikan oleh kontraktor sedia ada adalah tidak memuaskan. Sehubungan itu, MPSP sedang dalam proses untuk mengambil alih perkhidmatan tersebut secara berperingkat.

KAWASAN DAN KOS PEMBERSIHAN DI DUN BERTAM YANG DILAKSANAKANOLEH KONTRAKTOR DAN MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI (MPSP)

KONTRAKTOR / MPSP	JENIS PERKHIDMATAN	KOS (RM) / SEBULAN	KAWASAN	CATITAN
Koperasi Pembangunan Daerah SPU	Perkhidmatan Perlupusan Sampah (PPS)	5,322.00	Taman Bintang, Taman Famosa, Taman Kuala Bekah, Taman Permatang Sintok	Kawasan kontraktor ini juga meliputi kawasan DUN Penaga dan DUN Teluk Air Tawar dengan kos keseluruhan sebanyak RM 26,611.50 . Bagi DUN Bertam hanya lebih kurang 20 % sahaja.
Pertubuhan Peladang Negeri P.Pinang	Kerja Pembersihan Awam (KPA)	30,486.97	Taman Bertam Indah Fasa 1,Fasa 1a, Fasa 2, Fasa 3, Fasa 4, Fasa 5, Fasa 6, Taman Sri Serdang, Taman Haji Abdullah Fahim, Rumah Kedai Jalan Bertam, Taman Pongsu Seribu, Jalan Sri Serdang, Taman Sepakat Fasa 1 Dan Fasa 2, Taman Rupawan, Taman Bahagia	-
Majlis Perbandaran Seberang Perai	Perkhidmatan Perlupusan Sampah (PPS)	65,500.00	Taman Cahaya Seribu, Taman Alamanda, Taman Bertam Indah, Taman Serdang Villa, Kompleks Kerajaan, Kompleks Dato Kailan, Taman Sri Serdang, Kuarters Guru, Taman Rupawan, Taman Hj Abdullah Fahim, Rumah Kedai Zon Ria, Rumah Kedai Jalan Bertam, Taman Budi, Jalan Kedah, Jalan Perak, Jalan Padang Kelab, Jalan Badawi.	
	Kerja Pembersihan Awam (KPA)	19,600.00	Taman Sri Rupawan, Taman Serdang Villa, Taman Bintang, Taman Famosa , Kompleks Kerajaan (Jln Bertam), Kompleks Dato Kailan, Taman Sri Serdang, Rumah Kedai Zon Ria, Taman Sri Bertam, Taman Bertam Jaya.	

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar bin Othman) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

14. Nyatakan peruntukan yang disediakan Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk masjid dan surau di KADUN Bertam.

(a) Huraikan projek yang terlibat dari tahun 2008 hingga 2013.

(b) Apakah projek yang dirancang dari tahun 2013 hingga 2018?

Y.A.B. Ketua Menteri:

14. (a) Jumlah peruntukan yang telah disediakan oleh Kerajaan Negeri bagi pelaksanaan projek-projek berkaitan dengan surau dan masjid di KADUN Bertam mulai tahun 2008 sehingga 2013 adalah sebanyak RM269,014.54. Senarai projek-projek berkenaan seperti di bawah:-

TAHUN	BIL	TAJUK/PROJEK	JUMLAH (RM)
2008		TIADA	
2009	1	Kerja-kerja tambahan di Masjid Baru, Taman Bertam Indah, Kepala Batas, Seberang Perai Utara.	RM38,475.87
	2	Kerja-kerja membina dataran kejat, setor, pagar, tempat mengambil wuduk dan memasang *awning* serta yang berkaitan dengannya di Surau Al-Muttaqin, Bandar Putra Bertam, Kepala Batas, Seberang Perai Utara.	RM74,000.00
2010	3	Kerja-kerja membina tempat letak kereta serta yang berkaitan dengannya di Masjid Attaqwa, Taman Bertam Indah, Kepala Batas, Seberang Perai Utara	RM19,568.97
	4	Kerja-kerja menambun tanah tapak perkuburan serta yang berkaitan dengannya di Masjid Permatang Haji Hassan, Kepala Batas, Seberang Perai Utara	RM19,790.00
2011	5	Kerja membina tempat wuduk berbumbung, mengikat bata dan memasang jeriji besi serta yang berkaitan dengannya di Surau As-Salikin, Persiaran Seksyen 3/20, Bandar Putra Bertam, Kepala Batas, Seberang Perai Utara	RM19,999.70
	6	Membina stor Surau An Nur Taman Haji Abdullah Fahim, Seberang Perai UtarA	RM5,000.00
2013	7	Kerja-kerja Kerja-kerja memasang wning serta yang berkaitan dengannya di Surau Al-Falah, Bandar Putra Bertam, Seberang Perai Utara.	RM9,960.00
	8	Membina stor Surau Al-Mustaqim, Kepala Batas, Seberang Perai Utara.	RM6,500.00
2013	9	Kerja membina bilik Imam, balai lintang, menaiktaraf setor, menukar pintu dan tingkap serta yang berkaitan dengannya di Surau As-Salikin, Persiaran Seksyen 3/20, Bandar Putra Bertam, Kepala Batas, Seberang Perai Utara	RM68,720.00
	10	Membaikpulih stor bumbung hadapan Surau Al-Mustaqim, Kepala Batas, Seberang Perai Utara	RM7,000.00
	11	Kerja membina bilik serbaguna serta yang berkaitan dengannya di Masjid Abdullah Fahim, Bertam, Kepala Batas, Seberang Perai Utara	RM197,500.00
		JUMLAH	**RM392,514.54**

(b) Bagi tahun 2013, Kerajaan Negeri telah memulakan proses pembinaan Masjid Qaryah Lahar Tabut dengan kerjasama Kerajaan Persekutuan dan ianya dijangka siap pada Mac 2014. Peruntukan yang disalurkan oleh Kerajaan Negeri bagi projek masjid ini adalah sebanyak RM1 juta, sementara peruntukan Kerajaan Persekutuan sebanyak RM2.38 juta. Selain itu, terdapat juga perancangan Kerajaan Negeri untuk membina sebuah dewan serbaguna di Masjid Abdullah Fahim pada tahun 2014 yang dijangka akan menelan kos sebanyak RM2.2 juta. Projek-projek lain akan ditentukan dari masa ke semasa berdasarkan keperluan oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang sehingga tahun 2018.

(X) Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Setakat ini, terdapat berapa peratusan tanah yang dikategorikan untuk kegunaan penternakan, pertanian, perikanan, perumahan, perniagaan dan perindustrian bagi Daerah Seberang Perai Selatan mengikut KADUN masing-masing?

Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Majlis Perbandaran Seberang Perai dengan kerjasama JPBD Pulau Pinang pada masa kini sedang menyediakan Draf Rancangan Tempatan Daerah (RTD) SPS. Kandungan draf RTD tersebut menyatakan guna tanah bagi daerah berkenaan serta unjuran sehingga tahun 2020. Maklumat lengkap berkaitan kegunaan tanah semasa adalah seperti berikut di lampiran berkepil.

* Lihat folder lampiran Sol. No. 1 (ID 2014)(BSLC)

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Bilakah Pelan Rancangan Struktur Tempatan yang baru untuk Daerah Seberang Perai Selatan akan disiapkan?

   (a) Berapa peratusan tanah yang akan dibangunkan untuk penternakan, pertanian, perikanan, perumahan, perniagaan dan perindustrian bagi Daerah Seberang Perai Selatan mengikut KADUN masing-masing di bawah Pelan Rancangan Struktur Tempatan yang baru?

Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Kajian Draf Rancangan Tempatan Daerah Seberang Perai Selatan (DRTD SPS) dimulakan pada 2009 dan siap pada 2011. Ia telah dibentangkan di dalam Mesyuarat Majlis Penuh MPSP Bil 10/2011 pada 28 September 2011 dan disahkan pada 30 Oktober 2011 DRTD SPS tersebut dibentangkan kepada Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri Bil 3/2012 iaitu pada 29 Mac 2012 dan diluluskan dengan pindaan pada 14 Mei 2012.

   Pada 23 Oktober 2012 melalui Mesyuarat Persediaan Publisiti Awam yang dipengerusikan oleh Yang DiPertua MPSP, mesyuarat menetapkan bahawa publisiti awam DRTD SPS akan ditangguhkan sehingga laporan DRTD SPS siap dipinda. Ia juga lanjutan daripada Kajian Semula RSNPP yang mana DRTD SPS perlu selari dengan kajian semula tersebut. Oleh itu, DRTD SPS akan dimuktamadkan selepas Kajian Semula RSNPP diluluskan oleh Jawatankuasa Perancang Negeri.

   DRTD SPS melibatkan 4 KADUN iaitu :-

   (a) Bkt Tambun (N18)

   (b) Jawi (N19)

   (c) Sungai Bakap (N20)

   (d) Sugaring Acheh (N21)

   Berikut merupakan keluasan (hektar) dan peratus tanah yang terdapat di dalam setiap KADUN :-

KADUN	Bukit Tambun	Sungai Bakap	Sugaring Acheh	Jawi
Pertanian	252.67 - 4.75%	4444 - 42.52%	2073.63 - 50.5%	2336.17 - 50%
Penternakan& Perikanan	49.97 - 0.94%	293 - 2.8%	198.28 - 4.8%	203.17- 4.35%
Perumahan	1221.57 - 22.98%	2350 - 22.48%	634.08 - 15.43%	802.18 - 17.17%
Perniagaan	392.37 - 7.38%	53 - 0.5%	16.73 - 0.4%	35.89 - 0.76%
Perindustrian	908.5 - 17.1%	468 - 4.47%	17.24 - 0.41%	58.47 -1.25%

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Bilakah projek Rancangan Tebatan Banjir sepanjang Sungai Kerian bermula dari sempadan Negeri Perak dan Daerah Seberang Perai Selatan akan mula dijalankan?

   (a) Bilakah projek tersebut dijangka akan siap dibina?

   (b) Berapakah kos pembinaan untuk projek tersebut?

   (c) Adakah ia akan menjejaskan habitat untuk kelip-kelip yang sedia ada di sepanjang tebing Kampung Sanglang?

Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Projek Rancangan Tebatan Banjir sepanjang Sungai Kerian bermula dari sempadan Perak dan Daerah Seberang Perai Selatan telah bermula pada April 2012. Projek ini adalah dibiayai oleh Kerajaan Persekutuan.

   (a) Projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Sungai Kerian dijangka siap dibina sepenuhnya pada tahun 2015.

   (b) Kos pembinaan projek tersebut adalah sebanyak RM90 juta termasuk kos pengambilan tanah.

   (c) Kawasan habitat kelip-kelip yang terletak di kawasan projek di antara jambatan motosikal Tanjung Berembang/Teluk Ipil hingga ke muara telah pun siap dan tidak menjejaskan habitat kelip-kelip.

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

4. Dari manakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang mendapat statistik yang menunjukkan bahawa jumlah pelancong yang datang ke Negeri Pulau Pinang adalah sebanyak 6.09 juta dan 3.09 juta daripada jumlah tersebut adalah pelancong asing?

   (a) Daripada jumlah 6.09 juta pelancong tersebut, berapa pelancong yang melancong ke kawasan Seberang Perai?

Y.A.B. Ketua Menteri:

4. Data kemasukan pelancong diperolehi daripada Tourism Malaysia. Tiada rekod yang jelas berkenaan jumlah pelancong asing yang melancong ke kawasan Seberang Perai. Ini kerana, pergerakan pelancong asing melalui Jambatan Pulau Pinang ke Seberang Perai tidak direkodkan.

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

5. Sila senaraikan jumlah pelancong asing dan pelancong tempatan yang mengunjungi Negeri Pulau Pinang mengikut tahun iaitu dari tahun 2008 sehingga 2012.

(a) Berapakah jumlah pendapatan yang diperolehi oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang daripada bidang pelancongan sejak tahun 2008 sehingga 2012?

Y.A.B. Ketua Menteri:

5. Jumlah pelancong asing dan pelancong tempatan yang mengunjungi Negeri Pulau Pinang mengikut tahun dari 2008 hingga 2012 adalah seperti di bawah:-

Tahun	Pelancong Asing	Pelancong Tempatan	Jumlah
2008	2,811,175	3,496,293	**6,307,468**
2009	2,977,642	2,982,687	**5,960,329**
2010	3,048,320	2,942,544	**5,990,864**
2011	3,063,564	2,956,390	**6,019,954**
2012	3,096,907	2,996,282	**6,093,189**

Kerajaan Negeri tiada data yang tepat berkenaan jumlah pendapatan daripada sektor pelancongan. Pendapatan sektor pelancongan merangkumi pelbagai hasil yang diperolehi oleh pengusaha hotel-hotel,peniaga-peniaga dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh agensi-agensi pelancongan di negeri ini. Selain dari itu, kutipan cukai perkhidmatan sektor pelancongan adalah di bawah Kerajaan Persekutuan.

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

6. Apakah usaha dan rancangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk meningkatkan bilangan pelancong dan pendapatan dari bidang pelancongan?

(a) Sila senaraikan tempat-tempat pelancongan yang sedia ada di Daerah Seberang Perai Utara, Seberang Perai Tengah dan Seberang Perai Selatan.

(b) Adakah tempat-tempat pelancongan tersebut masih menjadi tarikan dan tempat kunjungan pelancong?

Y.A.B. Ketua Menteri:

6. Usaha Kerajaan Negeri untuk meningkatkan bilangan kehadiran pelancong dan pendapatan dari sektor pelancongan adalah seperti berikut:-

(i) Mempromosikan tarikan pelancongan Pulau Pinang di misi-misi perniagaan yang disertai di luar Negara seperti ke China, Eropah dan lain-lain Negara Asia;

(ii) Menjalankan kempen pelancongan My Penang di pasaran *high end* di rantau Asia Pasifik seperti Singapura, Australia dan Hong Kong;

(iii) Memastikan kemudahan *entry point* negeri seperti Pelabuhan Pulau Pinang, Lapang Terbang Antarabangsa Bayan Lepas dan Jambatan Pulau Pinang berada dalam keadaan yang baik;

(iv) Memastikan keindahan perbandaran sentiasa dipelihara bersesuaian dengan status George Town sebagai Bandar Warisan Dunia;

(v) Menumpukan kepada penyediaan logistik yang lengkap sebagai persiapan menjadi lokasi penganjuran acara MICE (Meetings, Incentives, Convention & Exhibition);

(vi) Menggalakkan peningkatan pemasaran produk makanan negeri seperti Assam Laksa, Char Koay Teow dan Nasi Kandar; dan

(vii) Membantu penganjuran acara kebudayaan dan keagamaan yang berupaya menjadi tarikan pelancongan negeri.

(a) Di antara Tempat pelancongan yang menarik di Seberang Perai Utara adalah di Kuala Muda, Penaga dan Vison Park di Bertam. Manakala daerah SPT adalah di Juru Auto City. Kawasan pelancongan di SPS adalah Pulau Aman dan Hutan Lipur Bukit Panchor.

(b) Ya, tempat-tempat berikut masih menerima kunjungan pelancong khasnya Pulau Aman yang sering dilawati pelancong terutamanya pada hujung minggu dan musim cuti sekolah.

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

7. Di kawasan Kampung Sanglang, Daerah Seberang Perai Selatan berapakah jumlah pelancong yang mengunjungi tempat pelancongan kelip-kelip setiap tahun dari tahun 2008 sehingga 2012?

Y.A.B. Ketua Menteri:

7. Jumlah pelancong yang mengunjungi kawasan kelip-kelip dari tahun 2008 sehingga 2012 adalah seperti berikut:-

Tahun	Jumlah
2008	4500
2009	3000
2010	3800
2011	4800
2012	5000

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

8. Berapakah peratusan pencapaian untuk program kitar semula yang dicapai oleh Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP)dari tahun 2008 sehingga 2012?

(a) Apakah rancangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan Pihak Berkuasa Tempatan untuk mempromosikan program kitar semula?

Y.A.B. Ketua Menteri:

8. Peratusan pencapaian untuk program kitar semula yang dicapai oleh MPPP dari tahun 2008 sehingga 2012 adalah seperti berikut:

TAHUN	KADAR KITAR SEMULA
2008	13.39%
2009	22.07%
2010	22.99%
2011	25.65%
2012	28.58%

Manakala peratusan pencapaian untuk program kitar semula yang dicapai oleh MPSP dari tahun 2008 sehingga 2012 adalah seperti berikut:

TAHUN	KADAR KITAR SEMULA
2008	20.82%
2009	23.55%
2010	23.35%
2011	26.48%
2012	29.77%

(a) Rancangan Untuk Mempromosikan Kitar Semula

Rancangan untuk mempromosikan kitar semula oleh MPPP adalah seperti berikut:

(i) Merealisasikan usaha Kerajaan Negeri di dalam memperkukuhkan undang-undang dan peraturan serta garis panduan seragam yang berkaitan dengan sistem pengurangan sisa pepejal untuk sisa makanan, sisa binaan, sampah pukal dan sampah kebun dan sebagainya

(ii) Membangun dan memperluaskan model dan mekanisma pengurangan sisa pepejal yang berasaskan kepada budaya pengasingan sisa di peringkat punca yang berasaskan kepada prinsip 5R (Reduce, Reuse, Recycle, Rethink and Reinvent) berserta dengan syarat kegunaan teknologi yang bersesuaian seperti berikut :-

(a) Program Pengurangan Sisa Makanan yang melibatkan komuniti peniaga pasar, sekolah, pengurusan bangunan kediaman bertingkat tinggi. Kompleks makanan, restoran, hotel dan hospital serta pasaraya melalui kaedah de*centralize segregation at source.*

(b) Projek *Ewaste Collection, Segregation and Transportation from Households Recycling* yang dibangunkan bersama Jabatan Alam Sekitar dan Japan International Cooperation Agency (JICA) berasaskan kepada penglibatan komuniti peniaga barangan elektronik dan elektrik dan syarikat *full recovery facility.*

(c) Program Pengwujudan Pusat Sumber Alam Sekitar/Pusat Pengasingan Sisa Komuniti yang berperanan untuk merialisasikan pelbagai program yang berbentuk kesedaran dan penglibatan masyarakat tentang pemuliharaan alam sekitar.

(iii) Cadangan memperkukuhkan Pusat Sumber Alam Sekitar adalah seperti berikut:

(a) Menggunakan dewan atau tapak bersesuaian sebagai tempat pengumpulan barangan kitar semula di setiap komuniti dengan mengaktifkan jawatankuasa setempat.

(b) Memperluaskan penglibatan program kitar semula dengan mensyaratkan penubuhan jawatankuasa kitar semula di setiap organisasi, agensi kerajaan, pusat perniagaan, pasar dan kawasan perumahan.

(c) Mewujudkan pusat sumber pendidikan alam sekitar di Stesyen Pemindahan Sampah atau Tapak Pelupusan Sampah.

(d) Menggalak masyarkat setempat untuk menjadi tenaga sukarelawan alam alam sekitar daripada komuniti penduduk, sektor restoran, sektor kilang, sektor sekolah dan sebagainya secara *self initiative.*

(e) Program Pengurangan Sisa Sifar bagi komuniti sekolah melalui program seperti Anugerah Sekolah Hijau dan sebagainya.

(f) Cadangan Projek Pengasingan Sisa Kebun dengan menggunakan kaedah *groundswell composting process.*

(iv) Menambah baik penglibatan komuniti berterusan di peringkat sekolah, penduduk, badan pengurusan, dan pengusaha/agen kitar semula. Melaksanakan program di bawah Majlis Perunding Komuniti yang bertindak sebagai platform ke arah Negeri Hijau dengan penglibatan ADUN, Ahli Majlis, persatuan penduduk, NGO's dan swasta melalui program komuniti Cleaner, Greener Penang.

(v) Menguatkuasakan pendaftaran melalui pengeluaran permit terhadap organisasi atau pertubuhan bukan kerajaan dan institusi serta badan sukarela yang melaksanakan perkhidmatan kitar semula.

(vi) Cadangan membangunkan garis panduan-garis panduan berikut :

(a) Garis panduan untuk pengurusan sisa pepejal bagi skim bangunan baru.

(b) Garis panduan untuk pengurusan dan pengasingan sisa pepejal dalam peringkat pemajuan.

(c) Garis panduan untuk pengurusan dan pengasingan sisa makanan di bangunan kediaman bertingkat serta penetapan Insentif Kewangan Berasaskan Keberhasilan

(vii) Perancangan untuk membangunkan Stesyen Pemindahan Sampah Batu Maung yang berasaskan kepada *Containerised Transfer By Barge System* dengan menggunakan kaedah pengangkutan laut bagi pengendalian semua jenis sampah termasuk sampah domestik dan komersial, sisa binaan, marine clay. Sistem ini turut menyediakan *Material Recovery Facility* (MRF) untuk pengurusan sampah kebun dan pukal.

(viii) Perancangan untuk memantapkan sistem dan teknologi pengurusan sisa pepejal di Tapak Pelupusan Sampah Pulau Burong (Sanitary Landfill Level IV) melalui rancangan penyediaan kemudahan rawatan l*eachate* (mobile leachate treatment plant), *eco-park, material recovery facility,* dan *refuse derived fuel.*

Rancangan untuk mempromosikan kitar semula oleh MPSP adalah seperti berikut:

(i) Program Anugerah Sekolah Hijau

Program ini diadakan untuk memberi pendekatan secara holistik dalam pengurusan alam sekitar dan menggalakkan penambahbaikan secara berterusan. Program ini menerapkan pendidikan alam sekitar kepada semua pelajar untuk membina generasi yang mampu menjaga alam sekitar untuk masa hadapan.

(ii) Program Sisa Sifar

Program Sisa Sifar diadakan untuk menjadikan amalan kitar semula sebagai satu budaya di kalangan pelajar bermula dari peringkat sekolah. Amalan ini perlu bagi mendidik pelajar bersama-sama memulihara alam sekitar daripada terus tercemar. Setakat ini bilangan sekolah yang terlibat dengan Program Sisa Sifar adalah sebanyak 32 buah sekolah.

(iii) Anugerah Komuniti Mampan

Program ini adalah untuk memberikan pengiktirafan kepada komuniti bagi melahirkan sebuah masyarakat dan komuniti setempat yang sihat dan peka terhadap isu-isu alam sekitar untuk diseimbangkan dengan perkembangan ekonomi dan pembangunan sosial. Sehingga kini bilangan komuniti yang terlibat adalah sebanyak 8 buah.

(iv) Penubuhan Pusat Sumber Alam Sekitar

Pendidikan kesedaran kepada komuniti tentang mengitar semula sampah dijalankan supaya dapat membantu mengurangkan kos pelupusan sampah. Pusat Sumber Alam Sekitar telah ditubuhkan di 4 taman perumahan dan sebuah kampung.

(v) Selain itu, MPSP telah menawarkan 20 lot tanah bekas tangki najis dan depo sampah untuk disewakan oleh JKKK, persatuan penduduk, rukun tetangga, pertubuhan-pertubuhan serta syarikat swasta yang berminat bagi tujuan pusat kitar semula/kompos. Sehingga 31 Oktober 2013, sebanyak 6 lot telah disewakan bagi tujuan pusat kitar semula/kompos. Lebih banyak tapak-tapak yang seumpamanya akan dibuka oleh MPSP di masa hadapan untuk disewakan bagi tujuan pusat kitar semula/kompos.

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

9. Sila nyatakan jumlah bangunan yang tinggi di Negeri Pulau Pinang mengikut kawasan di Seberang Perai dan di sebelah Pulau.

Y.A.B. Ketua Menteri:

9. Jumlah bangunan tinggi di kawasan Seberang Perai mengikut daerah adalah seperti berikut:-

(a) Daerah SPU 74

(b) Daerah SPT 56

(c) Daerah SPS 2

Jumlah bangunan tinggi di kawasan MPPP adalah berjumlah 615 buah. Bagi maksud bangunan tinggi dalam jawapan ini adalah bangunan melebihi 5 tingkat.

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

10. Sila nyatakan jumlah bangunan tinggi yang usianya melebihi sepuluh (10) tahun yang menghantar dan tidak menghantar laporan penyelenggaraan bangunan kepada Pihak Berkuasa Tempatan.

(a) Apakah tindakan yang boleh diambil oleh Pihak Berkuasa Tempatan ke atas bangunan tinggi berusia lebih daripada sepuluh (10) tahun tetapi tidak menghantar laporan penyelenggaraan bangunan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

10. Jumlah bangunan tinggi di kawasan MPSP dengan usianya melebihi 10 tahun yang ada dan yang tidak hantar laporan penyelenggaraan bangunan mengikut Daerah seperti berikut :

Daerah	Ada hantar laporan	tidak hantar laporan
SPU	12	26
SPT	11	18
SPS	0	0
Jumlah	23	44

Majlis Perbandaran Pulau Pinang

Ada hantar laporan	tidak hantar laporan
82	304

Bagi mana-mana pemilik bangunan yang tidak mengemukakan laporan pemeriksaan struktur bangunan berkala, MPPP akan memberikan notis peringatan kepada pemilik bangunan tersebut. Setakat ini belum ada tindakan perundangan diambil ke atas mana-mana pemilik bangunan yang belum kemukakan laporan.

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

11. Berapakah peratusan yang dicapai oleh Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) untuk kelulusan pelan kebenaran merancang dalam Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) dari tahun 2008 sehingga 2012?

Y.A.B. Ketua Menteri:

11. Peratusan permohonan kebenaran merancang di kawasan MPPP yang diselesaikan dari 1 Januari 2008 sehingga 31 Disember 2012 adalah sebanyak 97.78%. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 13.47% diselesaikan dalam tempoh piagam manakala 86.53% diselesaikan melebihi tempoh piagam. (Jadual peratusan adalah seperti di bawah)

Peratusan Permohonan Kebenaran Merancang yang diselesaikan di kawasan MPSP dari 1 Januari 2008 hingga 31 Disember 2012 adalah sebanyak 99.70%. (Jadual peratusan adalah seperti di bawah):

MPPP

Peratusan Permohonan Kebenaran Merancang

Tahun	Permohonan Selesai	Selesai Mengikut Piagam	Selesai Melebihi Piagam
2008	99.45%	7.52%	92.48%
2009	99.70%	6.34%	93.66%
2010	97.66%	10.93%	89.07%
2011	97.05%	12.65%	87.35%
2012	95.45%	29.69%	70.31%

MPSP

Peratusan Permohonan Kebenaran Merancang

Tahun	Permohonan Selesai	Selesai Mengikut Piagam	Selesai Melebihi Piagam
2008	99.89%	64.71%	35.29%
2009	100.00%	60.57%	39.43%
2010	100.00%	64.40%	35.60%
2011	100.00%	78.34%	21.66%

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

12. Sila senaraikan sekolah-sekolah bantuan modal dan jumlah peruntukan tetap yang diberi oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang setiap tahun.

    (a) Adakah jumlah peruntukan tetap yang diberi kepada sekolah-sekolah bantuan modal akan bertambah setiap tahun?

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

13. Perincian peruntukan yang diberi oleh Kerajaan Negeri kepada sekolah-sekolah bantuan modal daripada tahun 2008 sehingga November 2013 adalah seperti dilampiran:-

    (a) Kerajaan Negeri bermula pada tahun 2011, menetapkan pemberian sebanyak RM12.0 juta untuk Program Bantuan Pendidikan yang dimanfaatkan oleh 172 buah sekolah, meliputi Sekolah Agama Rakyat, Sekolah Jenis Kebangsaan Cina/Persendirian, Sekolah Tamil dan Sekolah Mubaligh. Pemberian ini bukan sebagai peruntukan tetap tahunan, tetapi adalah untuk membantu menyediakan pendidikan yang berkualiti dan pemberian kepada sekolah-sekolah tidak ditetapkan tetapi bergantung kepada keperluan. Walau bagaimanapun pemberian agihan yang telah dibuat ialah RM1.75 juta untuk Sekolah Agama Rakyat, RM1.75 juta untuk Sekolah Tamil dan RM8.5 juta untuk Sekolah Cina/Persendirian/Mubaligh. Setakat ini Kerajaan Negeri tidak bercadang untuk mengkaji semula peruntukkan tersebut.

RINGKASAN

PERUNTUKAN SEKOLAH MUBALIGH, SAR, SRJK CINA DAN TAMIL					
SEKOLAH MUBALIGH	SEK. CINA/ PERSENDIRIAN	SAR	SEKOLAH TAMIL	SEKOLAH PUNJABI	JUMLAH
(RM)	(RM)	(RM)	(RM)	(RM)	(RM)
52,500	730,498	88,250	34,430	-	905,678
1,208,000	4,292,000	1,500,000	1,500,000	-	8,500,000
850,000	6,950,000	1,750,000	1,666,000	84,000	11,300,000
1,269,000	7,231,000	1,750,000	1,750,000	-	12,000,000
1,256,500	7,277,500	1,749,400	1,750,000	-	12,033,400
1,269,000	6,517,000	1,750,000	1,750,000	-	11,286,000

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

13. Setakat ini, berapa kawasan di Negeri Pulau Pinang sebelah Pulau dan Seberang Perai yang telah disenaraikan sebagai kawasan warisan (heritage)?

    (a) Apakah rancangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk mempromosikan kawasan-kawasan warisan (heritage) ini?

Y.A.B. Ketua Menteri:

13. Sehingga kini hanya terdapat satu kawasan di Seberang Perai yang disenaraikan sebagai tapak warisan kebangsaan iaitu Batu Bersurat Cherok To'Kun, Bukit Mertajam. Manakala bagi kawasan di sebelah pulau, terdapat dua tapak yang diklasifikasikan sebagai kawasan warisan iaitu Makam Sheik Omar di Mukim 13, Daerah Timur Laut dan Tapak Warisan Dunia George Town.

    Bagi mempromosikan kawasan warisan ini selaras dengan pengisytiharan George Town sebagai tapak warisan dunia UNESCO pada tahun 2008, Kerajaan Negeri telah melaksanakan pelbagai program dan aktiviti antaranya:- .

(i) Menubuhkan George Town World Heritage Incorporated (GTWHI) bagi melaksanakan usaha-usaha untuk mengurus dan mempromosi Tapak Warisan Dunia George Town (TWDGT)

(ii) Mewujudkan jaringan dan berkongsi pengalaman bagi pengurusan tapak warisan melalui kunjungan delegasi dari tapak warisan dunia lain ke TWDGT.

(iii) Memperkenal TWDGT kepada delegasi dari dalam dan luar negara yang melawat Pulau Pinang melalui taklimat dan lawatan ke TEDGT.

(iv) Mewujudkan laman sesawang GTWHI untuk memperkenalkan TWDGT.

(v) Mengadakan program-program pendidikan dan kesedaran kepada stakeholder mengenai
TWDGT seperti "heritage walk", bengkel, taklimat, ceramah dan khidmat nasihat berkaitan pemuliharaan warisan.

(vi) Mengadakan pameran-pameran warisan di dalam dan luar negara.

(vii) Menerbitkan risalah-risalah mengenai TWDGT.

(viii) Penjenamaan semula TWDGT melalui program-program seperti "Marking George Town", pelaksanaan projek pemasangan Sistem Pandu Arah dan projek penghijauan TWDGT.

(x) Mempromosi melalui hebahan dalam laman sesawang MPSP dan MPPP.

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

14. Sila nyatakan program-program yang telah diadakan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) setelah mengamalkan polisi *Cleaner, Greener, Safer and Healthier Penang.*

(a) Apakah rancangan oleh Pihak Berkuasa Tempatan untuk mempromosikan polisi tersebut?

Y.A.B. Ketua Menteri:

14. Program *Safer, Cleaner, Greener and Healthier Penang* yang dilaksanakan oleh MPPP adalah seperti berikut:-

Program Bandar Selamat, Majlis Perbandaran Pulau Pinang telah dilaksanakan sejak dari tahun 2004 selaras dengan pelancaran Program Bandar Selamat Peringkat Kebangsaan. MPPP telah mengunakan peruntukan sendiri bagi menjayakan program ini bagi menjamin keselamatan rakyat terjamin dari jenayah jalanan.

MPPP mempertingkatkan usaha untuk jaminan keselamatan orang awam dan sistem kawalan trafik kepada masyarakat negeri ini dengan pemasangan 31 unit kamera litar tertutup (CCTV), 2 unit *CCTV mobile* kepada PDRM termasuk 4 unit *kiosk Alarm* Keselamatan yang telah dipasang di Upper Penang Road dan Gurney Drive, dengan kos sebanyak RM4.8 juta bagi 5 tahun. Pada tahun 2010, Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan telah memperuntukan 24 CCTV kepada MPPP dan pada 2012, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan akan memperuntukkan sebanyak 32 CCTV di bawah Fasa II.

Pada tahun 2009, *Lab* NKRA Mengurangkan Jenayah yang diadakan pada 5 Oktober 2009 hingga 19 November 2009 untuk meningkatkan keselamatan awam. Program Bandar Selamat 2004 disyorkan menjadi asas utama untuk mencegah jenayah jalanan, program seumpana ini telah menunjukkan kejayaan di bandar-bandar lain di peringkat antarabangsa dalam mencegah jenayah jalanan secara keseluruhan. Program Bandar Selamat 2004 yang mengandungi 23 langkah pencegahan jenayah telah ditakrifkan semula kepada 15 langkah Bandar Selamat.

Pada tahun 2010, Kementerian Dalam Negeri (KDN) telah meluluskan peruntukan perbelanjaan pembangunan untuk melaksanakan Insiatif NKRA Lab Pencegahan Jenayah. Peruntukan diluluskan hanya kepada 5 langkah segera Program Bandar Selamat, iaitu:-

(i) Pencahayaan

(ii) Pengasingan laluan pejalan kaki dari laluan bermotor (penyediaan bollard / rel penghadang / tanaman landskap / penyediaan laluan motosikal khas / laluan pejalan kaki khas)

(iii) Pemasangan penggera keselamatan

(iv) Pembersihan kawasan semak samun dan

(v) Penyediaan peta GIS Program Bandar Selamat dan jenayah.

Peruntukan awal yang diluluskan bagi melaksanakan 5 langkah segera Program Bandar Selamat adalah sebanyak RM2.450 juta.

Unit NKRA Bandar Selamat pada 18 Februari 2011 memaklumkan bahawa Kementerian Dalam Negeri (KDN) telah meluluskan peruntukan perbelanjaan pembangunan tahun 2011 (P62) untuk melaksanakan Insiatif NKRA Lab Pencegahan Jenayah. Peruntukan diluluskan hanya kepada 4 langkah segera Program Bandar Selamat, iaitu:-

(i) Pencahayaan

(ii) Pengasingan laluan pejalan kaki dari laluan bermotor (penyediaan *bollard/rel* penghadang / penyediaan laluan motosikal khas / laluan pejalan kaki khas)

(iii) Cermin Keselamatan.

(iv) 2 Unit Interactive Alarm System

Pada 2012, Unit NKRA Bandar Selamat telah meluluskan peruntukan sebanyak RM2.1 juta. Peruntukan diluluskan hanya kepada 5 langkah segera Program Bandar Selamat, iaitu:-

(i) Pencahayaan

(ii) Pengasingan laluan pejalan kaki dari laluan bermotor (penyediaan *bollard/rel* penghadang / penyediaan laluan motosikal khas / laluan pejalan kaki khas)

(iii) Cermin Keselamatan

(iv) Papan Tanda Peringatan Keselamatan

(v) Tempat Letak Motosikal Berkunci

Lebih membanggakan sasaran Petunjuk Prestasi Utama (KPI) yang ditetapkan di peringkat nasional bagi kes jenayah jalanan iaitu 20% berjaya di atasi di Pulau Pinang apabila mencatat 42% penurunan tahun 2011.

MPPP bersama 11 Pihak Berkuasa-Berkuasa lain telah dibekalkan Sistem Pemantauan Bandar Selamat (SPBS) yang merupakan sistem yang mampu mengurus data dan menyediakan maklumat jenayah bagi menyokong Program Bandar Selamat dan asas kepada Pemetaan GIS Jenayah dan peringkat pelaksanaan Fasa 4.

Pada bulan Disember 2011 hingga Februari 2012, Unit NKRA Bandar Selamat telah menjalankan Kajian Audit Keselamatan dan Kebersihan bagi 32 tandas awam, 5 terminal bas pengangkutan awam dan di kawasan pentadbiran MPPP dan didapati kesemua 32 tandas awam dan terminal pengangkutan awam dalam keadaan selamat untuk pengguna.

Makmal Program Transformasi Kerajaan 2.0 yang meliputi tujuh Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) yang berjaya dilaksanakan dan tamat pada 31 Mei 2012 telah mengenal pasti inisiatif-inisiatif bagi meneruskan agenda Program Transformasi Kerajaan bagi tempoh 2013 hingga 2015. KPKT telah dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan 3 daripada 35 inisiatif di bawah NKRA Mengurangkan Jenayah:-

(a) Pemutihan kawasan black spot melalui tindakan bersepadu pihak berkuasa tempatan berasma semua agensi / jabatan, persatuan penduduk, pemaju dan sebagainya untuk membersih sesuatu kawasan menjadi lebih selamat dan bersih.

(b) Mengurangkan kes pecah rumah melalui Crime Prevention Through Environmental Design (CPTED); dan

(c) Mengurangkan kes kecurian kenderaaan dengan meningkat ciri-ciri keselamatan tempat letak kenderaan melalui penyediaan *Car Park League* di bawah pemantaun Jabatan Kerajaan Tempatan, KPKT dan Pihak Berkuasa Tempatan.

Oleh itu, usaha sama di antara Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, PDRM dan Pihak Berkuasa Tempatan juga menyumbang ke arah Program Bandar Selamat.

MPPP telah melaksanakan pelbagai program polisi *Cleaner, Greener, Safer and Healthier Penang* melalui penglibatan bersama ADUN, Ahli Majlis, Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Penduduk, Persatuan Penduduk, NGO's dan pihak swasta. Program-program dilaksanakan adalah seperti berikut:-

(a) Majlis Perbandaran Pulau Pinang merancang dan melaksanakan mempromosi s*egregation at source* melalui beberapa pendekatan berikut:-

(i) Membudayakan amalan kitar semula dan hijau di bawah Inisiatif *Cleaner and Greener Penang.*

(ii) Mengarusperdanakan pertimbangan terhadap alam sekitar melalui projek / program pengurangan sisa.

(iii) Mengubah pola penggunaan dan pengeluaran masyarakat melalui kempen kitar semula, Program *No Plastic Day* dan Program *No Polystyrene.*

Antara rancangan *segregation at source* oleh MPPP secara berterusan adalah membangunkan dan memperluaskan model dan mekanisma pengurangan sisa pepejal yang berasaskan kepada budaya pengasingan sisa di peringkat punca yang berasaskan kepada prinsip 5R (Reduce, Reuse, Recycle, Rethink and Reinvent) berserta dengan syarat kegunaan teknologi yang bersesuaian seperti berikut:-

(a) Program Pengurangan Sisa Makanan yang melibatkan komuniti peniaga pasar, sekolah, pengurusan bangunan kediaman bertingkat tinggi. Kompleks makanan, restoran, hotel dan hospital serta pasar raya melalui kaedah *decentralize segregation at source.*

(b) Projek *E-Waste Collection, Segregation and Transportation from Households Recycling* yang dibangunkan bersama Jabatan Alam Sekitar dan Japan International Cooperation Agency berasaskan kepada penglibatan komuniti peniaga barangan elektronik dan elektrik dan syarikat Full Recovery Facility.

(c) Program Pengwujudan Pusat Sumber Alam Sekitar / Pusat Pengasingan Sisa Komuniti yang berperanan untuk merealisasikan pelbagai program yang berbentuk kesedaran dan penglibatan masyarakat tentang pemuliharaan alam sekitar.

Cadangan memperkukuhkan Pusat Sumber Alam Sekitar adalah seperti berikut:-

(i) Menggunakan dewan atau tapak bersesuaian sebagai tempat pengumpulan barangan kitar semula di setiap komuniti dengan mengaktifkan jawatankuasa setempat.

(ii) Memperluaskan penglibatan program kitar semula dengan mensyaratkan penubuhan jawatankuasa kitar semula di setiap organisasi, agensi kerajaan, pusat perniagaan, pasar dan kawasan perumahan.

(iii) Mewujudkan pusat sumber pendidikan alam sekitar di Stesyen Pemindahan Sampah atau Tapak Pelupusan Sampah.

(iv) Menggalak masyarkat setempat untuk menjadi tenaga sukarelawan alam alam sekitar daripada komuniti penduduk, sektor restoran, sektor kilang, sektor sekolah dan sebagainya secara self initiative.

(d) Program Pengurangan Sisa Sifar bagi komuniti sekolah melalui program seperti Anugerah Sekolah Hijau dan Kempen Tahunan Kitar Semula Peringkat Sekolah.

(e) Projek Perintis Pengasingan Sisa Kebun dengan menggunakan kaedah *groundswell composting process.*

Bagi merealisasikan matlamat Greener Penang, Majlis akan terus melaksanakan program-program penghijauan dan keceriaan bandar seperti penanaman pokok, kerja-kerja landskap, menaik taraf taman dan kawasan permainan kanak-kank serta pemasangan lampu hiasan. Majlis juga telah merancang untuk memperbanyakkan bilangan taman awam dan pocket park dalam kawasan pentadbiran Majlis sebagai kemudahan kepada penduduk setempat untuk bersenam dan beriadah. Usaha ini bertujuan untuk meneruskan kesinambungan hasrat Kerajaan Negeri bagi menepati matlamat Program *Safer, Cleaner, Greener and Healthier Penang.* Di antara projek yang telah dikenal pasti ialah Projek Pengindahan Tanah Lapang Beriksa Farlim, Projek Pengindahan Tanah Lapang Lebuh Nipah 2 dan Menaik taraf Laluan *Jogging* di Tanah Lapang Jalan Merbah Desa Bayan, Pulau Pinang. Selain itu, Majlis juga akan menaik taraf tanah lapang Lebuh Batu Maung 8, Tanah Majlis Bukit Gedung dan tanah lapang Telok Kumbar, Pulau Pinang.

Selaras dengan seruan *Safer, Cleaner, Greener and Healthier Penang,* beberapa usaha telah diambil oleh Kerajaan Negeri dan MPPP untuk meningkatkan penggunaan mod pengangkutan bukan bermotor seperti basikal. Peralihan daripada penggunaan kenderaan persendirian kepada pengangkutan awam dan mod pengangkutan lain diberi perhatian oleh Kerajaan Negeri dalam mewujudkan satu gaya kehidupan yang lebih bersih dan sihat. Hala tuju Kerajaan Negeri dalam usaha ini telah diperkukuhkan dengan polisi serta garis panduan penyediaan laluan dan kemudahan basikal.

MPPP dengan kerjasama jabatan-jabatan kerajaan lain dan organisasi bukan kerajaan serta syarikat-syarikat swasta telah menyediakan dan menaik taraf lorong-lorong basikal sama ada secara berasingan atau berkongsi dengan kenderaan bermotor di beberapa koridor di bahagian pulau, Pulau Pinang. Koridor-koridor terlibat adalah:-

- Bahagian-bahagian tertentu di persisiran pantai timur dari Batu Maung ke Queensbay Mall dan dari Pantai Jerejak ke Sungai Pinang.

- Kawasan pusat bandar George Town dan Zon Warisan.
- Persiaran Gurney ke Telok Bahang.
- Telok Bahang ke Bayan Lepas.
- Laluan di kawasan perkampungan dan tepi pantai di Balik Pulau (nature trail).
- Laluan dari Taman Belia ke Bukit Bendera (hill trail).

Sebagai langkah pertama ke arah penyediaan laluan basikal secara menyeluruh, MPPP telah menyediakan Pelan Induk Laluan Basikal yang sedang dibangunkan secara berperingkat. Setakat ini, lebih kurang 145 km daripada laluan basikal dalam pelan induk yang jumlah panjangnya 200 km telah diadakan di bahagian Pulau, Pulau Pinang. Peruntukan disediakan setiap tahun untuk membina, menaik taraf dan menyelenggara laluan basikal.

Selain daripada itu, MPPP juga berhasrat melengkapkan laluan basikal persisiran pantai dari Batu Maung ke Telok Bahang yang telah dinamakan *Coastal Cycling Route* sejauh 38 km. Untuk merealisasikan impian ini, perancangan telah dibuat di bawah Fasa 1 untuk menyambung sebahagian daripada laluan tersebut dari kawasan Queensbay Mall ke pusat bandar George Town yang akan dihubungkan ke KOMTAR. Laluan basikal sepanjang 12.5 km ini akan dibina dan dinaik taraf oleh MPPP dengan kerjasama jabatan-jabatan kerajaan lain dan pemaju-pemaju swasta. Majlis juga telah pun menyenaraikan sebanyak 10 program *Cleaner, Greener Healthier and Safer Penang* untuk tahun 2014 seperti berikut :-

(1) City Walk 1.1.14 sempena City Day 2014
(2) Hari Tanpa Kenderaan (setiap hari Ahad)
(3) MPPP Heritage Hunt 2014
(4) MPPP Drumline Festival 2014
(5) Penang International Triathlon and Duathlon 2014
(6) SCI Malaysia / MPPP Peace Run 2014
(7) Campaign For A Lane 2014 (CFAL)
(8) Senamrobik 2 Jam
(9) Delta Eco Night Run 2014
(10) Program-program di bawah Local Agenda 21 [LA21]

Rancangan MPSP bagi mempromosikan polisi tersebut adalah seperti berikut :-

(i) Melalui community engagement
(ii) Dialog Bajet
(iii) Mendokumenkan di dalam Fokus 2014
(iv) Banner, pamplet
(v) Ucapan di dalam Perhimpunan Korporat Tuan Yang DiPertua dan Tuan Setiausaha Perbandaran
(vi) Pembentangan kertas kerja oleh Tuan Yang DiPertua dan Tuan Setiausaha Perbandaran di dalam dan luar negara
(vii) Menerima lawatan dari dalam dan luar negara
(viii) Pengauditan dan penguatkuasaan

Bahagian Kerajaan Tempatan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri telah menganjurkan pelbagai program kebersihan dan penghijauan seperti berikut:-

(1) Pelancaran inisiatif dan dasar Cleaner Greener Penang di tepi Prangin Canal pada 22 Mei 2010 oleh Y.A.B. Ketua Menteri. Ini diikuti dengan gotong royong di sekitar KOMTAR melibatkan MPPP, ADUN kawasan sekitar, Persatuan Penduduk, JKKK dan penduduk tempatan.

(2) Majlis Spring Cleaning @ George Town World Heritage Site 2011 pada 9 November 2011, bertempat di Chinese Town Hall dirasmikan oleh Y.A.B. Ketua Menteri. Sempena majlis ini diadakan gotong royong di 5 kawasan sekitar Bandar George Town yang dihadiri oleh YB. ADUN Kawasan, Ahli Majlis, penduduk setempat, pelajar sekolah, MPPP dan Pejabat SUK. Program ini dihadiri oleh seramai 500 orang yang mengambil bahagian.

(3) Majlis Cleaner, Greener Penang @ Bukit Minyak diadakan pada 10 Julai 2011 di sekitar Kawasan Perindustrian Bukit Minyak dirasmikan oleh YB. Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy. Program ini melibatkan YB. ADUN Kawasan, Ahli Majlis, MPSP, Penuntut JMTI, Pemaju, NGO, Jabatan dan Agensi Kerajaan di Seberang Perai serta pengusaha dan pekerja kilang.

Jabatan Perhutanan Negeri telah membantu projek ini dengan membekalkan 500 pokok yang ditanam di Kawasan Perindustrian Bukit Minyak oleh peserta.

(4) Pameran di Lembaga Muzium Negeri Pulau Pinang, Jalan Macalister pada 14 April hingga 14 April 2011. Tujuan adalah untuk memberi kesedaran kepada orang awam mengenai dasar dan pelaksanaan Cleaner, Greener Penang.

(5) Pre Launch – projek CGP school bus Advertising Project diadakan pada 12 November 2011, bertempat di Dewan Bandaraya, Jalan Padang Kota Lama. Penglibatan YB. ADUN Kawasan, NGO dan Ahli Majlis serta pengusaha bas sekolah. Projek ini membantu mempromosikan Cleaner Greener Penang sebagai dasar Kerajaan Negeri.

(6) Kempen Kawalan Tikus di Pihak Berkuasa Tempatan tahun 2013 disambut di peringkat kebangsaan yang dianjurkan oleh Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan pada 24 Ogos 2013. Sambutan ini juga diadakan di peringkat negeri pada hari yang sama bertempat di Dewan Bandaraya, Jalan Padang Kota Lama dan Dewan Orang Ramai, Jalan Tuna, Seberang Jaya yang dihadiri kira-kira 200 orang yang terdiri dari pelbagai jabatan seperti Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang, MPPP, MPSP,Kementerian Pelancongan Negeri Pulau Pinang, USM, NGO, Peniaga dan PSUKPP. Kempen ini bertujuan untuk menghapuskan virus penyakit kencing tikus. Sebanyak 217 ekor tikus telah dibunuh di kawasan Little India yang merangkumi Lebuh Queen dan Jalan Pasar.

(7) Setiap tahun mulai tahun 2012, Kerajaan Negeri menganjurkan Kempen Tandas Bersih untuk membudayakan amalan tandas bersih dalam kehidupan penduduk Pulau Pinang. Kempen ini meliputi seluruh masyarakat. Pertandingan Tandas Bersih Negeri diadakan dalam 8 kategori tandas, iaitu stesyen minyak, pusat beli belah, jabatan kerajaan, tandas milik PBT, sekolah rendah, sekolah menengah, restoran dan kedai makan. Kerajaan Negeri juga menyambut Hari Tandas Sedunia setiap tahun. Objektifnya adalah untuk memupuk kesedaran mengenai kepentingan kebersihan dan sanitari tandas dalam kehidupan seharian dan juga memberi kesedaran kepada orang awam mengenai amalan budaya tandas bersih yang perlu diamalkan.

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

15. Sila senaraikan Pasukan Peronda Sukarela (PPS) yang sedia ada dan masih aktif di setiap KADUN di Negeri Pulau Pinang.

(a) Adakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang merancang untuk meningkatkan bilangan pasukan PPS di setiap KADUN?

Y.A.B. Ketua Menteri:

15. Pasukan Peronda Sukarela (PPS) yang telah berdaftar di seluruh Pulau Pinang adalah berjumlah 265 pasukan setakat ini dengan bilangan ahli seramai 8,061 orang. Senarai PPS mengikut KADUN adalah seperti di Lampiran A.

    (a) Sasaran Kerajaan Negeri adalah untuk mendapatkan sebanyak 6 Pasukan PPS di setiap KADUN dengan bilangan ahli seramai 10,000 orang.

* Lihat folder lampiran Sol. No. 15 (ID219)(BSLC)

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

16. Adakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang merancang untuk menyediakan perkhidmatan Bridge Express Shuttle Transit (BEST) ke KADUN Jawi melalui Queensbay Mall selepas Jambatan Kedua Pulau Pinang mula digunakan? Sekiranya ada, sila nyatakan laluan perkhidmatan bas yang dirancangkan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

16. Perkhidmatan BEST merupakan program usahasama Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Unit Pengurusan Lalu lintas Bahagian Kerajaan Tempatan, Rapid Penang dan MPSP.

    Pada ketika ini, Kerajaan Negeri tidak mempunyai sebarang perancangan untuk menyediakan perkhidmatan BEST dari KADUN Jawi ke Queensbay Mall selepas Jambatan Kedua Pulau Pinang mula digunakan.

    Melalui Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang, Kerajaan Negeri juga ada cadangan untuk menambah lebih banyak lokasi *Park N Ride* di semua KADUN di Pulau Pinang. KADUN Jawi merupakan salah satu lokasi yang akan diteliti dan dikaji dengan lebih mendalam.

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

17. Sila nyatakan laluan bas sedia ada yang menghubungi taman-taman perumahan di KADUN Jawi dan kekerapannya.

    (a) Adakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang merancang untuk menambah laluan bas yang menghubungi taman-taman perumahan di KADUN Jawi? Sekiranya ada, sila nyatakan taman-taman perumahan yang akan dilalui.

Y.A.B. Ketua Menteri:

17. Pada masa kini terdapat 5 laluan perkhidmatan bas yang menghubungkan taman perumahan di KADUN Jawi. 3 laluan daripada Rapid Penang dan 2 laluan daripada Cityliner. Kekerapan bas bermula daripada 35 minit sehingga 80 minit.

    Rapid Penang Laluan 801

    Pergi : Nibong Tebal - Seberang Perai Selatan – Jawi - Sungai Jawi - Sungai Bakap - Simpang Ampat - Bukit Minyak - Bukit Tengah - Jalan Baru - Terminal Bas Megamall - J Baru - J Chain Ferry - Terminal Ferry.

    Balik : Terminal Ferry- J Chain Ferry - J Baru - Terminal Bas Megamall – Jalan Baru – Bukit Tengah - Bukit Minyak - Simpang Ampat - Sungai Bakap - Sungai Jawi- Jawi- Seberang Perai Selatan - Nibong Tebal.

Laluan 802

Pergi : BM Plaza - J Arumugam Pillai - J Sungai Rambai - J Padang Lalang -J Kebun Sireh - J Bukit Tengah - Bukit Minyak - Simpang Ampat - Sungai Bakap - Sungai Jawi - Jawi - Seberang Perai Selatan - Nibong Tebal:

Balik : Nibong Tebal - Seberang Perai Selatan - Jawi - Sungai Jawi - Sungai Bakap - Simpang Ampat - Bkt. Minyak - J Bukit Tengah - J Kebun Sireh - J Padang Lalang - J Sungai Rambai - J Arumugam Pillai - BM Plaza.

Laluan 803

Pergi : Nibong Tebal - Jalan Parit Buntar - Simpang 9 - Sungai Setar (J Atas) - Pekan Sungai Acheh-Jalan Sungai Udang - Jalan Baru Sungai Chenaam - PPRT Sungai Chenaam - Jalan Kg Baru - Sungai Acheh - Jalan Sungai Air Itam - Pekan Sungai Bakau - Jalan Padang - Transkerians - Taman Ilmu (USM)

Balik : Taman Ilmu (USM) - Transkerians - Jalan Padang - Pekan Sungai Bakau - J Sungai Air Itam - Sungai Acheh - J KKampung Baru - PPRT Sungai Chenaam - J Baru Sungai Chenaam - J Sungai Udang - Pekan Sungai Acheh - Sungai Setar (J Atas) - Simpang 9 - J Parit Buntar - Nibong Tebal.

Cityliner Laluan 514

Penang Sentral - Parit Buntar (lebuh raya melalui Jawi, Nibong Tebal, Simpang Sembilan) - Pusat Bandar

Laluan 97

BM Plaza - Desa Damai - Kebun Sireh - Bukit Tengah - Simpang Juru - Valdor - Permatang Tinggi - Jawi - Nibong Tebal - Simpang Sembilan - Parit Buntar

(a) Pada masa kini, Kerajaan Negeri bersama-sama dengan pihak SPAD dan operator bas sedang menilai dan mengkaji pelaksanaan ke atas laluan baru bukan sahaja KADUN Jawi tetapi di seluruh Negeri Pulau Pinang. Laluan baru ini adalah seperti dicadangkan di dalam Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang.

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

18. Sila nyatakan laluan bas sedia ada yang menghubungi taman-taman perumahan di KADUN Jawi dan kekerapannya.

(a) Adakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang merancang untuk menambah laluan bas yang menghubungi taman-taman perumahan di KADUN Jawi? Sekiranya ada, sila nyatakan taman-taman perumahan yang akan dilalui.

Y.A.B. Ketua Menteri:

18. Pada masa kini, di KADUN Jawi, terdapat 5 laluan perkhidmatan bas yang menghubungkan taman perumahan di sana. 3 laluan daripada Rapid Penang dan 2 laluan daripada Cityliner. Kekerapan bas bermula daripada 35 minit sehingga 80 minit.

Bas Rapid Penang

Nombor 801

Pergi : Nibong Tebal- Seberang Prai Selatan- Jawi - Sungai Jawi- Sungai Bakap- Spg Ampat- Bkt minyak - Bkt Tengah- Jln Baru- Terminal Bas Megamall- J Baru- J Chain Ferry- Terminal Ferry Laluan

Balik : Terminal Ferry- J Chain Ferry- J Baru - Terminal Bas Megamall - Jln Baru- Bkt Tengah- Bkt Minyak- Spg Ampat- Sungai Bakap- Sungai Jawi- Jawi- Seberang Prai Selatan- Nibong Tebal

Nombor 802

Pergi : BM Plaza - J Arumugam Pillai - J Sungai Rambai - J Padang Lalang - J Kebun Sireh - J Bukit Tengah - Bkt. Minyak - Spg Ampat - Sungai Bakap - Sungai Jawi - Jawi - Seberang Perai Selatan - Nibong Tebal -

Balik : Nibong Tebal -Seberang Perai Selatan - Jawi - Sungai Jawi - Sungai. Bakap - Spg Ampat - Bukit. Minyak - J Bukit Tengah - J Kebun Sireh - J Padang Lalang - J Sungai Rambai - J Arumugam Pillai - BM Plaza.

Nombor 803

Pergi : Nibong Tebal - Jalan Parit Buntar - Simpang 9 - Sungai Setar (J Atas) - Pekan Sungai Acheh - Jalan Sungai Udang - Jalan Baru Sungai Chenaam - PPRT Sungai Chenaam - Jalan Kg Baru - Sungai Acheh - Jalan Sungai Air Itam - Pekan Sungai Bakau - Jalan Padang - Transkerians - Taman Ilmu (USM)

Balik : Taman Ilmu (USM) - Transkerians - Jalan Padang - Pekan Sungai Bakau - J Sungai Air Itam - Sungai Acheh - J Kg. Baru - PPRT Sungai Chenaam -J Baru Sungai Chenaam - J Sungai Udang - Pekan Sungai Acheh - Sungai Setar (J Atas) - Simpang 9 - J Parit Buntar - Nibong Tebal.

Bas Cityliner

Nombor 514

Penang Sentral - Parit Buntar (lebuhraya melalui Jawi, Nibong Tebal, Simpang Sembilan) - Pusat Bandar

Nombor 97

BM Plaza - Desa Damai - Kebun Sireh - Bukit Tengah - Simpang Juru - Valdor - Permatang Tinggi - Jawi - Nibong Tebal - Simpang Sembilan - Parit Buntar

(a) Pada masa kini, Kerajaan Negeri bersama-sama dengan pihak SPAD dan operator basedang menilai dan mengkaji kaedah pelaksanaan ke atas laluan baru di seluruh negeri Pulau Pinang. Laluan baru ini adalah seperti dicadangkan di dalam Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang. Sebarang perkembangan akan dimaklumkan dari semasa ke semasa.

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

19. Kampung Sanglang di KADUN Jawi selalu mengalami masalah banjir apabila hujan lebat dan masalah ini telah berlanjutan lebih kurang 20 tahun. Apakah rancangan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) untuk menyelesaikan masalah banjir ini?

Y.A.B. Ketua Menteri:

19. Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) akan membina sebuah rumah pam di kawasan tersebut. Projek ini dijangka bermula pada bulan Disember 2013 dan dijangka siap pada bulan Februari 2014. Sehingga kini, JPS telah melantik sebuah syarikat jurukur untuk menjalankan kerja-kerja ukur di kampung tersebut. Kajian dan reka bentuk sistem saliran dalam kampung itu akan dilaksanakan selepas kerja-kerja ukur siap yang dijangka mengambil masa 3 minggu.

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

20. Sila nyatakan jumlah pam yang telah dipasang di KADUN Jawi.

    (a) Sila nyatakan bilangan pam yang masih berfungsi dengan baik dan bilangan pam yang telah rosak di KADUN Jawi.

    (b) Sila nyatakan kos untuk penyelenggaraan pam di KADUN Jawi setiap tahun dari tahun 2008 sehingga sekarang.

Y.A.B. Ketua Menteri:

20. Jumlah pam yang telah di pasang di KADUN Jawi adalah sebanyak 19 buah seperti berikut:

Bil	Nama Tempat	Bilangan Pam
1	Pam Saliran Jawi	1 buah
2	Rumah Pam Nibong Tebal	7 buah
3	Rumah Pam Taman Sanglang	3 buah
4	Rumah Pam Kampung Che Minah	2 buah
5	Rumah Pam Ladang Victoria	2 buah
6	Pam Bergerak Kampung Jawi	2 buah
7	Pam Bergerak Victoria	1 buah
8	Pam Bergerak Changkat	1 buah

    (a) Kesemua 18 pam yang di pasang masih berfungsi dengan baik dan hanya sebuah pam telah rosak iaitu di Rumah Pam Nibong Tebal yang sedang dibaiki.

    (b) Kos penyelenggaraan pam di KADUN Jawi dari tahun 2008 hingga sekarang adalah berbeza beza mengikut keperluan. Walau bagaimanapun secara dasarnya adalah seperti berikut:-

Tahun 2008	-	Tiada
Tahun 2009	-	Tiada
Tahun 2010	-	RM 205,880
Tahun 2011	-	RM 231,075
Tahun 2012	-	RM 90100
Tahun 2013	-	RM 158385

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

21. Adakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang merancang untuk mewujudkan lebih banyak kawasan perindustrian di KADUN Jawi supaya dapat mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan untuk penduduk setempat?

Y.A.B. Ketua Menteri:

21. PDC mempunyai hasrat untuk memperluaskan Taman Perindustrian Batu Kawan yang terletak dalam KADUN Bukit Tambun dan bersempadan dengan KADUN Jawi. Ini adalah kerana kawasan sebenar pembesaran tersebut masih belum dapat dipastikan kerana masih di dalam kajian di peringkat awal oleh PDC. Ini adalah kerana proses penjualan Tanah di kawasan perindustrian Batu Kawan masih di peringkat permulaan dan terdapat banyak lebihan Tanah kosong untuk dibangunkan. Di samping itu PDC juga memberi tumpuan kepada pembesaran Penang Science Park.

(XI) Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Omar bin Haji Abd Hamid) Bertanya Kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam bencana banjir pada bulan Oktober 2013 yang lepas di Kawasan Labuh Banting, Kampung Cegar, Lahar Yooi dan perkampungan pinggir sungai di Seberang Perai Utara?

Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Bencana banjir yang berlaku pada bulan Oktober 2013 berpunca daripada limpahan Sungai Kereh, Sungai Korok, Sungai Jarak dan Sungai Kulim yang tidak dapat menampung kapasiti air hujan yang banyak akibat dari hujan yang lebat dan berpanjangan.

   Urusan menangani sebarang bentuk bencana dikendalikan mengikut Standard Operation Procedure (SOP) yang telah ditetapkan dalam Arahan No. 20 oleh Majlis Keselamatan Negara.

   Langkah-langkah yang diambil dalam urusan menangani bencana banjir yang melanda SPU dari 20 hingga 23 Oktober 2013, menerusi Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Utara (PDTSPU) ialah melaksanakan tindakan penyelarasan pengurusan bencana banjir. Tindakan awal ialah dengan membuka Pusat Kawalan Operasi Bencana (PKOB) di Pejabat Daerah. Pihak Polis DiRaja Malaysia (PDRM) selaku Komandan medan pula telah membuka Pusat Kawalan Daerah (DCC) dan Pos Kawalan Tempat Kejadian (PKTK). Urusan pemindahan mangsa telah dilaksanakan dengan bantuan pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat (JPBM) dan Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM).

   Pegawai Daerah selaku Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah telah mengadakan mesyuarat penyelarasan bagi pengurusan bencana pada hari yang sama iaitu 20 Oktober 2013. PKOB telah beroperasi 24 jam setiap hari dari hari kejadian. Melalui mesyuarat yang diadakan, Jawatankuasa membuat penyelarasan pengagihan bantuan kepada mangsa-mangsa yang terlibat. Pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah memberi bantuan makanan, selimut, tikar dan kit penjagaan diri kepada mangsa. Pihak JKM juga membuat pemantauan di pusat-pusat pemindahan banjir yang telibat.

   Dalam usaha untuk mengelakkan penularan wabak penyakit bawaan air, Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) telah menggerakkan Pembantu Perubatan dan Jururawat ke pusat-pusat pemindahan banjir. Urusan menyelamatkan satu kes post-natal di Kampung Sungai Korok, Lahar Yooi dan seorang ibu mengandung di Air Itam Dalam, juga telah diselaraskan oleh PDTSPU, PDRM, JPAM dan PKD pada 21 Oktober 2013 pukul 11.24 pagi.

   Bagi memastikan keselesaan mangsa-mangsa banjir, kerja-kerja pembaikan kecil dan penyambungan bekalan utiliti telah dibuat di pusat-pusat pemindahan banjir. Pusat-pusat pemindahan banjir ini tidak aktif untuk tempoh 10 tahun kerana tiada kes banjir dalam tempoh tersebut dan tidak ekonomik untuk membiarkan bekalan utiliti dibekalkan secara terus ke pusat-pusat tersebut jika tidak digunakan.

   Langkah-langkah yang telah diambil oleh MPSP adalah dengan menghantar Skuad Khas dan Response Team Perbandaran untuk membersihkan longkang serta saluran air daripada sampah-sampah terapung yang dibawa oleh arus supaya air berjalan lancar.

MPSP juga membantu mangsa banjir dari aspek kebersihan dengan menyediakan tong-tong sampah di pusat-pusat pemindahan banjir serta membantu operasi pembersihan selepas banjir.

Semua sungai yang dinyatakan di atas adalah di bawah tanggungjawab / kawalan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS). Pihak JPS telah membuat semakan secara keseluruhannya dan mendapati terdapat infrastruktur sistem saliran yang telah rosak dan memerlukan penambahbaikan seperti memperdalamkan sungai, meninggikan ban dan menstabilkan tebing sungai, dengan anggaran kos sebanyak RM 3 juta seperti di bawah:-

Bil.	Cadangan Skop Kerja	Unit	Kuantiti	Kadar(RM)	Harga(RM)
	Sungai Kulim@Sungai Perai- PARLIMEN TASEK GELUGOR				
1	Memasang flap gate (HDPE) di lokasi-lokasi struktur DEC/Outlet sediada Sungai Kulim (berdiameter 600mm-900mm)	M	5	15,000.00	75,000.00
2	Mendalamkan Sg. Kulim sepanjang 3 KM (lebar 15m - 20m)	M^{3M3}	60,000	7.00	420,000.00
	Sungai Tok Tongkat@Sungai Jarak - PARLIMEN TASEK GELUGOR				
3	Membina parit jejari di Kg. Chegar	M	200	300.00	60,000.00
4	Mendalamkan Sg. Tok Tongkat sepanjang 1.2 KM(lebar 5- 10m)	M^{3M3}	12,000	7.00	84,000.00
5	Meninggikan ban Sg. Tok Tongkat setinggi 1 meter sepanjang 1.2 KM	M^{3M3}	14,400	30.00	432,000.00
	Sungai Kreh@Sungai Perai - PARLIMEN TASEK GELUGOR				
6	Meninggikan ban Sg. Kreh setinggi 1 meter sepanjang 700 meter di kampung Lahar Yooi	M^{3M3}	16,800	30.00	504,000.00
	Sungai Orang Putih@Sungai Kreh - PARLIMEN TASEK GELUGOR				
7	Mengorek Sg. Orang Putih sepanjang 900 meter (lebar 5- 10m)	M^{3M3}	9,000	7.00	63,000.00
	Sungai Jarak@Sungai Perai - PARLIMEN TASEK GELUGOR				
8	Meninggikan ban Sg. Jarak setinggi 1 meter sepanjang 250 meter di kampung bersebelahan jalan Arumugam Pillai-Simpang Pokok Tampang	M^{3M3}	6,000	30.00	180,000.00
9	Meninggikan ban Sg. Jarak setinggi 1 meter sepanjang 600 meter di Kg. Seberang Tok Dol Padang Menora	M^{3M3}	14,400	30.00	432,000.00
10	Mengorek Sg. Jarak sepanjang 4.5 KM(lebar 20m) dari sempadan kedah sehingga jalan tasek gelugor	M^{3M3}	90,000	7.00	630,000.00
	Sungai Maklom@Sungai Tok Sani @ Sungai Perai - PARLIMEN TASEK GELUGOR				
11	Meninggikan ban Sg. Maklom setinggi 1 meter sepanjang 200 meter di Kg. Sungai Maklom	M^3	2,400	30.00	72,000.00
	Sungai Lahar Tiang @ Sungai Tembus - PARLIMEN KEPALA BATAS				
12	Menaiktaraf culvert di bawah jalan JKR(hadapan rumah Dato Roslan) -Tindakan JKR				
			JUMLAH	**NEGERI**	**534,000.00**
			JUMLAH	**PERSEKUTUAN**	**2,418,000.00**

Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Omar bin Haji Abd Hamid) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Berapakah jumlah biasiswa yang diperuntukkan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang kepada pelajar untuk memasuki universiti tempatan dan luar negeri bagi tahun 2012 dan 2013? Berapa pelajar Melayu menikmati peluang ini?

Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Kerajaan Negeri tidak memperuntukan biasiswa kepada pelajar untuk memasuki universiti tempatan dan luar negeri. Sebaliknya Kerajaan Negeri hanya menyediakan pinjaman kepada pelajar yang akan melanjutkan pelajaran di Universiti / Institut Pengajian Tinggi (IPT) tempatan sahaja.

   Pelajar yang membuat pinjaman dengan Kerajaan Negeri Pulau Pinang sekiranya mendapat keputusan Ijazah atau Sarjana Kelas Pertama dengan sekurang-kurangnya CGPA 3.67 dan ke atas, maka pinjaman tersebut adalah layak dipertimbangkan oleh Lembaga Biasiswa dan Pinjaman Penuntut Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk ditukar status kepada biasiswa.

   Laporan Peruntukan Pertukaran Pinjaman kepada Biasiswa yang diluluskan oleh Lembaga Biasiswa dan Pinjaman Penuntut Negeri Pulau Pinang mengikut kaum bagi tahun 2012 dan 2013 adalah seperti di bawah:-

   Berikut adalah Laporan Peruntukkan Pertukaran Pinjaman kepada Biasiswa yang diluluskan oleh Lembaga Biasiswa dan Pinjaman Penuntut Negeri Pulau Pinang mengikut kaum bagi tahun 2012 dan 2013.

Tahun	Bilangan Peminjam			Jumlah Peminjam	Jumlah Peruntukkan (RM)
	Melayu	Cina	India		
2013	6	1	2	9	91,500.00
2012	1	2	0	3	22,500.00

Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Omar bin Haji Abd Hamid) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Apakah bentuk bantuan awal dan bantuan susulan kepada mangsa banjir bulan Oktober 2013 di Seberang Perai terutama di Kawasan DUN Permatang Berangan? Sudahkah bantuan-bantuan ini diberi?

Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Bencana banjir telah berlaku di Daerah Seberang Perai Utara pada 18 Oktober 2013 dan kawasan terlibat ialah di kawasan Permatang Berangan dan Bumbung Lima, jumlah mangsa yang terlibat adalah seramai 740 orang. Semua mangsa dipindahkan ke Pusat Pemindahan.

   Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Utara merupakan agensi penyelaras kepada agensi-agensi lain yang terlibat dalam kes banjir mengikut MKN 20.

   Bentuk bantuan awal yang disalurkan ialah:

   (a) Membuka bilik Pusat Kawalan Operasi Bencana dan membuka dewan-dewan penempatan mangsa banjir.

   (b) Menyelaras mesyuarat peringkat daerah yang dipengerusikan oleh Pegawai Daerah serta mengeluarkan arahan kepada agensi-agensi yang terlibat mengikut MKN 20 adalah seperti berikut :

      (i) Jabatan Kebajikan Masyarakat Daerah untuk menyediakan bantuan peralatan dan makanan.Bilangan mangsa di kawasan Permatang Berangan seramai 711 orang dan bentuk bantuan yang telah diberikan adalah seperti berikut:

(a) Bantuan keperluan makanan kepada 711 orang.

(b) Bantuan keperluan di pusat pemindahan (kit bencana, tikar dan toto).

Bantuan keperluan asas telah disalurkan kepada semua mangsa yang berpindah. Maklumat lanjut seperti di Lampiran.

(ii) Ibu Pejabat Polis Daerah pula adalah menjaga keselamatan orang awam dan harta benda.

(iii) Jabatan Bomba Daerah dan JPAM untuk membantu menyelamat mangsa yang terkandas dalam banjir.

Pihak JPS telah menjalankan kerja-kerja pemantauan di lokasi yang terlibat dengan banjir dan pada semua infrastruktur yang rosak/terlibat dengan banjir dan tindakan pembaikkan segera dibawah kos RM 20,000.00 telah dan sedang dilaksanakan.

Lihat Folder Lampiran (ID 222 BOAH)

Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Omar bin Haji Abd Hamid) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

4. Adakah penyelenggaraan berkala terhadap pintu-pintu air dibuat oleh Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) terutama di Sungai Jarak?

(a) Kemukakan rekod-rekod penyelenggaraan?

(b) Mengikut rekod sejak bila satu daripada tiga pintu air di Sungai Jarak rosak dan sudahkah diperbaiki?

Y.A.B. Ketua Menteri:

4. Kerja-kerja penyelenggaraan berkala bagi pintu-pintu air adalah dibuat sebanyak 4 kali dalam masa setahun.

(a) Rekod penyelengaraan adalah seperti di Jadual.

(b) Berdasarkan rekod, Struktur Ibu Bekalan Sungai Jarak yang telah dibina sekitar tahun 1970-an itu perlu dinaik taraf atau pun dibina semula menggantikan pintu jenis Radial gate kepada *Sluice Lifting Gate.*

Pada masa sekarang kerja-kerja menaik taraf untuk pintu dan sistem kawalan akan dilaksanakan oleh Bahagian Pengairan Dan Saliran Pertanian Putrajaya dalam masa terdekat ini.

JADUAL

Bil	Tarikh	Kerja-kerja	Catatan
1	11 Julai 2012	JPS telah mengantikan wire rope biasa dengan kos RM1,800.00	Pintu No. 1 yang telah putus, akibat dari berkarat dan tekanan air
2	23 Oktober 2013	JPS telah mengantikan wire rope stainlestail RM4,500.00	Pintu No. 3 pula telah terputus, akibat tekanan kuat air serta longgokan kayu semasa banjir.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Omar bin Haji Abd Hamid) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

5. Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah mengambil alih Dewan-Dewan Banjir yang dibina oleh Kerajaan Barisan terutama di Daerah Seberang Perai Utara di atas tanah Kerajaan Negeri dan akhirnya tiada penyelenggaraan, bekalan air dan elektrik dipotong terbiar usang dan rosak. Apakah langkah Kerajaan Negari Pulau Pinang menangani masalah ini dan berapakah peruntukan yang dibelanja untuk kerja-kerja baikpulih?

Y.A.B. Ketua Menteri:

5. Status 21 buah dewan banjir di dalam Daerah Seberang Perai Utara adalah seperti berikut:- Penyambungan bekalan air dan elektrik akan dibuat untuk penggunaan semasa berlaku bencana yang melibatkan pemindahan mangsa.

Senarai penuh dewan banjir yang dibaiki oleh Kerajaan Negeri adalah seperti di bawah:-.

STATUS 21 BUAH DEWAN BANJIR DI DALAM DAERAH SEBERANG PERAI UTARA.

BIL	KADUN	Nama Dewan	Status/ Keadaan Dewan	Air	Eletrik
1	PENAGA	Dewan Banjir Titi Merdeka	Roboh Projek Rtb Sg.Muda	*TIADA	*TIADA
2		Dewan Banjir Guar Kepah	Pendawaian Rosak	*TIADA	*TIADA
3		Dewan Banjir Pengkalan Bonggor	Semak Samun	*TIADA	Ada
4		Dewan Banjir Rantau Panjang	Baik	Ada	Ada
5		Dewan Banjir Kota Aur	Baik	Ada	Ada
6		Dewan Banjir Permatang Bendahari	Baik	Ada	Ada
7	PINANG TUNGGAL	Dewan Banjir Bumbung Lima	Baik	Ada	Ada
8		Dewan Banjir Permatang Saga	Baik	Ada	Ada
9		Dewan Orang Ramai Pinang Tunggal	Baik	Ada	Ada
10		Dewan Banjir Ekor Kucing	-TANDAS Rosak - Pendawaian Rosak	*TIADA	*TIADA
11		Dewan Banjir Kampung Tok Bedu	Baik	Ada	Ada
12	PERMATANG BERANGAN	Dewan Banjir Labuh Banting	-TANDAS Rosak -PENDAWAIAN Rosak	*TIADA	*TIADA
13		Dewan Banjirlubuk Meriam	Baik	Ada	Ada
14		Dewan Banjir Desa Puri	-BUMBUNG Rosak -TANDAS Rosak - Pendawaian Rosak	*TIADA	*TIADA
15		Dewan Banjir Ara Kuda	Baik	Ada	Ada
16		Dewan Banjir Air Melintas Kecil	Baik	Ada	Ada
17		Dewan Banjir Paya Tok Akil	Baik	Ada	Ada
18		Dewan Banjir Padang Menora	-BUMBUNG Rosak -TANDAS Rosak - Pendawaian Rosak	*TIADA	*TIADA
19	SUNGAI DUA	Dewan Banjir Merbau Kudong	Baik	Ada	Ada
20		Dewan Muhibah	Baik	Ada	Ada
21	BAGAN	Dewan Banjir Kampung Tok Sani	Baik	Ada	Ada

TAHUN	BIL	TAJUK / NAMA PROJEK	PERUNTUKAN (RM)	PERUNTUKAN (RM)
2008	1	Membaiki Dan Menyelenggara Pusat Banjir Rantau Panjang	50,000.00	105,000.00
	2	Menyelenggara Pusat Banjir Paya Tok Akil	25,000.00	
	3	Membaiki Dan Menyelenggara Pusat Banjir Permatang Bendahari Dan Rantau Panjang	30,000.00	
2009	1	Baiki Dewan Banjir Padang Menora	5,000.00	65,000.00
	2	Baiki Dewan Banjir Ara Kuda	10,000.00	
	3	Baikpulih Dewan Banjir Ara Kuda Bagi Dijadikan Kelas Agama Fardhu Ain (KAFA)	50,000.00	
2010	1	Membaiki Dewan Banjir Permatang Saga, Pinang Tunggal	8,000.00	12,000.00
	2	Membaiki Dewan Banjir Paya Tok Akil	4,000.00	
2011	1	-	-	-
2012	1	Membina Pagar Chain Link Di Dewan Banjir Kota Aur.	1,578.00	24,021.10
	2	Membaiki Pintu Pagar Dan Pagar Chain Link Di Dewan Banjir Rantau Panjang.	3,868.00	
	3	Membaiki Dewan Banjir Permatang Bendahari.	5,800.00	
	4	Membaik Pulih Dewan Banjir Guar Kepah, Penaga.	3,475.10	
	5	Membaiki Dewan Banjir Permatang Saga, Pinang Tunggal.	9,300.00	
2013	1	Menaiktaraf Dewan Banjir Pengkalan Bonggor,Penaga	5,000.00	21,877.00
	2	Kerja-Kerja Membaiki Dewan Banjir Labuh Banting, Padang Menora, Tasek Gelugor	12,677.00	
	3	Kerja-Kerja Membaiki Dewan Banjir Kg. Desa Puri	2,900.00	
	4	Kerja-Kerja Membaiki Dewan Banjir Kg. Paya Tok Akil	1,300.00	
		JUMLAH		**227,898.10**

Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Omar bin Haji Abd Hamid) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

6. Apakah langkah serta tindakan yang diambil oleh pihak Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) dan Jabatan Kerja Raya (JKR) bagi memperlahankan kenderaan yang lalu-lalang untuk memudahkan para jemaah melintasi jalan untuk ke masjid terutama Masjid Tasek Gelugor dan Pokok Tampang?

   (a) Adakah cadangan memasang lampu isyarat (traffic light) dan garisan kuning serta bonggol?

Y.A.B. Ketua Menteri:

6. Di antara langkah yang diambil ialah memasangkan papan tanda amaran lalu lintas serta *transverse* bar di jalan ke Masjid Tasek Gelugor dan Masjid Pokok Tampang sebagai langkah-langkah untuk memperlahankan kenderaan di kawasan tersebut. Sebagai tindakan tambahan, pihak Jabatan Kerja Raya dalam proses untuk menjalankan kerja-kerja mengecat dan menebalkan tranverse bar dan kotak kuning (yellow box).

   (a) Pemasangan lampu isyarat adalah tidak perlu di kawasan tersebut kerana ia merupakan jalan utama dua hala yang lurus. Manakala, pemasangan bonggol pula tidak disyorkan untuk Jalan Negeri.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Omar bin Haji Abd Hamid) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

7. Berapakah peruntukan Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang telah dikeluarkan kepada mangsa banjir dan bencana-bencana lain pada tahun 2012 hingga 2013 ?

   (a) Bagaimana cara dan bentuk sumbangan?

   (b) Berapakah purata sumbangan yang diterima oleh satu mangsa?

Y.A.B. Ketua Menteri:

7. Peruntukan Kerajaan Negeri untuk mangsa banjir dan bencana-bencana lain bagi tahun 2012 adalah RM219,446.00 dan RM181,561.00 pada tahun 2013.

(a) Cara bantuan bencana diberikan kepada mangsa bencana ialah mangsa didaftarkan ketika berpindah ke pusat pemindahan banjir. Kemudian siasatan dijalankan bagi menentukan jenis bantuan. Bantuan tersebut seperti bekalan makanan mangsa banjir dan bantuan bencana ribut dan kebakaran adalah seperti bantuan membaiki rumah, bantuan kewangan, bantuan pakaian dan bantuan keperluan rumah/dapur.

(b) Setiap mangsa bencana akan dipertimbangkan kadar bantuan seperti berikut:

(i) Bantuan sekolah – RM50.00 maksimum bagi menggantikan peralatan sekolah dan bayaran RM70.00 maksimum bagi menggantikan pakaian sekolah

(ii) Pakaian harian – maksimum RM70.00/ seorang

(iii) Bantuan keluarga – maksimum RM40.00/ seorang

(iv) Bantuan keperluan rumah/dapur – maksimum RM100.00/ sekeluarga

(v) Bantuan membaiki rumah – maksimum RM2,500.00

(vi) Bantuan kematian – RM1,000.00/1 mangsa

Kadar maksimum yang boleh dipertimbangkan bagi satu keluarga ialah RM5,000.00.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Omar bin Haji Abd Hamid) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

8. Berapakah jumlah peruntukan yang telah dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang berbanding Kerajaan Persekutuan melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat dalam tahun 2012 dan 2013?

(a) Kenapa Kerajaan Negeri Pulau Pinang mengharap bantuan Kerajaan Pusat pada hal tugas ini perlu dipikul oleh Kerajaan Negeri?

Y.A.B. Ketua Menteri:

8. (a) Kerajaan Negeri telah membelanjakan sebanyak RM4,435,013.00 dalam tahun 2012 dan sebanyak RM4,815,556.77 setakat 25 November 2013 melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat untuk tujuan pemberian Bantuan Am.

(b) Perkara 74 dalam Perlembagaan Persekutuan telah menyatakan bahawa dalam Jadual Kesembilan atau Senarai Bersama perkara berkaitan Kebajikan Masyarakat adalah diuruskan secara bersama di antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan. Lantaran itu, adalah menjadi tanggungjawab bagi kedua-dua Kerajaan Persekutuan dan Negeri untuk berganding usaha dalam mengukuhkan sistem penyampaian sokongan sosial demi meningkatkan kebajikan rakyat amnya lebih-lebih lagi memandangkan kutipan hasil cukai sebanyak RM5 billion dicarumkan secara tahunan oleh rakyat dan Syarikat Pulau Pinang adalah munasabah. Pulau Pinang mendapat balik pulangan separuh daripada jumlah itu.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Omar bin Haji Abd Hamid) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

9. Senaraikan jumlah dan kawasan rumah kos rendah yang telah dibina oleh Kerajaan Negeri dalam tahun 2012 hingga 2113

Y.A.B. Ketua Menteri:

9. Bagi tempoh 2012 hingga 2013, tiada rumah kos rendah yang dibina oleh Kerajaan Negeri. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri melalui PDC menumpukan kepada pembinaan Rumah Kos Sederhana Rendah dan Rumah Mampu Milik yang lebih baik dari segi spesifikasi dan keluasan bagi memberi lebih keselesaan kepada penduduk Negeri Pulau Pinang.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Omar bin Haji Abd Hamid) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

10. Adakah kajian kemungkinan (feasibility study) dan Laporan Kajian Impak Alam Sekitar (EIA) telah dibuat ke atas terowong (undersea tunnel) yang telah ditandatangani oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang?

    (a) Sila bentangkan laporan yang telah dibuat?

    (b) Syarikat mana yang membuat laporan tersebut dan adakah syarikat ini berpengalaman dan kompeten?

Y.A.B. Ketua Menteri:

10. (i) Proses Kajian Kemungkinan bagi Projek Link Ketiga Pulau Pinang (terowong dasar laut) baru sahaja dimulakan pada 1 November 2013. Manakala, proses Laporan Impak Alam Sekitar (EIA) akan dimulakan selepas tempoh 8 bulan. Sehubungan itu, tiada laporan yang boleh dibentangkan setakat ini. Perjanjian Awal yang ditandatangani oleh Kerajaan Negeri dengan Consortium Zenith BUCG Sdn. Bhd. pada 6 Oktober 2013 bukanlah perjanjian untuk pembinaan projek. Sebaliknya, perjanjian tersebut hanyalah untuk pelaksanaan Kajian Kemungkinan, Laporan Impak Alam Sekitar dan Reka Bentuk Terperinci.

    (ii) Consortium Zenith BUCG Sdn. Bhd. bersama-sama pasukan perundingnya memiliki pengalaman, keupayaan dan kemampuan untuk menjalankan projek ini. Pasukan perundingnya terdiri daripada syarikat yang tersenarai dalam Fortune 500 dengan pengalaman luas dalam pembinaan jalan raya, lebuh raya, terowong dan kerja-kerja infrastruktur yang lain. Consortium Zenith BUCG Sdn. Bhd. mempunyai sekurang-kurangnya 17 perunding tempatan dan antarabangsa dan setiap perunding memiliki kemahiran, pengalaman dan kecekapan yang tersendiri. Ketua perunding Consortium Zenith BUCG Sdn. Bhd. iaitu Jurutera Konsult Maju Sdn. Bhd. (JKM) telah mendapatkan khidmat perunding pakar antarabangsa iaitu Meinhardt International yang telah menjalankan pelbagai reka bentuk terowong di peringkat antarabangsa.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Omar bin Haji Abd Hamid) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

11. Dalam menandatangani perjanjian terowong dasar laut (undersea tunnel) oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang baru-baru ini, adakah semua syarat dan terma yang digariskan oleh Kerajaan Pusat dipatuhi?

Y.A.B. Ketua Menteri:

11. Perjanjian Awal yang ditandatangani oleh Kerajaan Negeri dengan Consortium Zenith BUCG Sdn. Bhd. pada 6 Oktober 2013 bukanlah perjanjian untuk pembinaan projek. Sebaliknya, perjanjian tersebut hanyalah untuk pelaksanaan Kajian Kemungkinan, Laporan Impak Alam Sekitar dan Rekabentuk Terperinci. Sehubungan itu, tiada sebarang pelanggaran syarat dan terma Kerajaan Persekutuan. Kesemua kelulusan yang diperlukan bagi tujuan pelaksanaan projek tersebut akan dipohon kelak.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Omar bin Haji Abd Hamid) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

12. Kawasan penempatan manakah yang terlibat dan berapa luas kawasan yang perlu dibuat proses pengambilan balik tanah serta jumlah penduduk yang terlibat di Seberang Perai Utara dalam pembinaan terowong dasar laut?

Y.A.B. Ketua Menteri:

12. Jajaran pembinaan terowong kawasan laut yang melibatkan kawasan Daerah Timur Laut dan Seberang Perai Utara masih belum dimuktamadkan. Oleh itu, isu mengenai kawasan penempatan yang terlibat dan luas kawasan yang terlibat belum dapat dikenal pasti. Setakat ini, belum ada proses pengambilan tanah untuk projek tersebut.

(XII) Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan bin Ayoob Hussain Shah) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Sejauh manakah perkembangan pembangunan sukan di Negeri Pulau Pinang sejak tahun 2008 sehingga sekarang.

Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang yang berperanan sebagai penggerak utama sukan berprestasi tinggi dan sukan berbentuk penyertaan komuniti di Negeri Pulau Pinang sentiasa berusaha untuk meneraju arus pembangunan sukan Negeri Pulau Pinang ke tahap yang lebih tinggi sejajar dengan tahap pencapaian antarabangsa. Untuk memastikan impian ini tercapai, Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang telah menggariskan serta melaksanakan pendekatan dan program komprehensif untuk mencapai kegemilangan dalam program pembangunan sukan di Negeri Pulau Pinang.

   Berhasratkan untuk mengembalikan era Power House ke Negeri Pulau Pinang, program pemantapan atlet, jurulatih dan pegawai-pegawai sukan telah dilaksanakan bagi membentuk kecergasan fizikal, mental, teknikal dan taktikal bagi membentuk kegemilangan dalam sukan yang diceburi. Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang memastikan bahawa setiap fasa latihan, kursus dan kem yang dijalankan adalah berkonsepkan teras Sains Sukan yang diguna pakai oleh Majlis Sukan Negara Malaysia dan juga institusi-institusi sukan luar Negara.

   Pelaksanaan pelbagai program serta strategi pembangunan sukan telah diadakan untuk meningkatkan keupayaan dan prestasi atlet supaya sentiasa mencapai kecemerlangan dalam setiap pertandingan yang disertai. Selain itu, penerusan terhadap program-program pembangunan prestasi atlet sukan negeri turut dikelolakan sepanjang tahun sebagai usaha berterusan dalam memajukan sukan di Negeri Pulau Pinang. Selaras dengan penganjuran kejohanan Sukan Malaysia pada setiap tahun bermula dari tahun 2011, Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang telah menetapkan teras pembangunan yang lebih mampan ke arah penyediaan kontinjen negeri yang mempunyai daya saing yang tinggi untuk menghadapi Sukan Malaysia setiap tahun dalam memburu harapan impian menjulang kejayaan.

   Antara program dan langkah yang berpotensi untuk menjana transformasi sukan negeri adalah melalui penyediaan dan menaik taraf kemudahan serta fasiliti sukan sedia ada di bawah pengurusan Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang. Ini meliputi penaiktarafan peralatan-peralatan sukan dari masa ke semasa. Selain itu, Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang melalui gandingan kerjasama bersama Persatuan Sukan Negeri dan Majlis Sukan Daerah terus berusaha untuk mengenal pasti kemudahan dan lokasi-lokasi sukan yang terbaru bagi dijadikan pusat latihan sama ada di peringkat daerah ataupun negeri.

   Bagi pembangunan sukan di peringkat akar umbi, Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang melalui program pembangunan sukan di peringkat Majlis Sukan Daerah telah giat melaksanakan progam pembangunan sukan daerah yang merangkumi sukan Angkat Berat, Olahraga, Taekwondo, Memanah, Silambam, Ping Pong, Silat dan Petanque. Penempatan pegawai-pegawai sukan dari Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang di semua Pejabat Daerah dan Tanah bermula tahun 2011 turut membolehkan pembangunan sukan di peringkat daerah digerakkan secara komprehensif dan teratur yang dilaksanakan hasil kerjasama diantara Pejabat Daerah dan Tanah bersama dengan Jabatan Pelajaran Negeri Pulau Pinang. Selain itu, Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang juga meneruskan program-program pembangunan prestasi atlet sukan negeri sebagai usaha berterusan. Antara program-program tersebut adalah seperti berikut:-

(i) Program Latihan Bersepadu Atlet-atlet Sukan

Melalui program ini, atlet-atlet diberi pendedahan dan latihan dalam aspek mental dan fizikal agar dapat bersaing dengan atlet-atlet negeri lain dan seterusnya menyumbang pingat di dalam pertandingan yang disertai. Beberapa siri latihan bersepadu telah dirancang berteraskan aspek sains sukan yang akan diuruskan oleh pihak ISN dan USTPN.

(ii) Kem Mingguan Asrama Mutiara

Program latihan mingguan yang dikhususkan untuk latihan pusat di mana para atlet disyaratkan untuk menetap di Asrama Mutiara dan menjalani latihan komprehensif penuh masa di Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang.

(iii) Program Pencarian Bakat Baru melalui "Talent ID"

MSNPP dengan kerjasama persatuan-persatuan sukan, USPTN, ISNPP dan Jabatan Pelajaran Negeri Pulau Pinang secara berterusan melaksanakan program mengenalpasti bakat-bakat baru untuk diketengahkan dalam Sukan Malaysia. Atlet-atlet yang menunjukkan prestasi yang baik akan diserap bagi menjalani latihan pusat bersama dengan Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang.

(iv) Kursus Skim Pensijilan Kejurulatihan Kebangsaan (SPKK) Tahap 1 Dan 2

MSNPP giat menjalankan Kursus Skim Pensijilan Kejurulatihan Kebangsaan (SPKK) bertujuan meningkatkan kualiti kejurulatihan dalam aspek sains sukan selaras dengan kehendak Majlis Sukan Negara (MSN) dan Institut Sains Sukan (ISS). Semua jurulatih yang di bawah MSNPP dikehendaki menamatkan Skim Pensijilan Kejurulatihan Kebangsaan (SPKK) Tahap 1 dan 2. Kursus ini dijalankan pada setiap tahun di MSNPP.

(v) Periodization Plan

Memastikan bahawa perancangan latihan tahunan atlet mengikuti fasa latihan berkala dalam membentuk persediaan atlet bagi menghadapi kejohanan penting.

(vi) Program Pendedahan ke Pertandingan Dalam dan Luar Negara

Mendedahkan atlet kepada penyertaan pertandingan dalam dan luar negara untuk mengenal pasti kekuatan dan kelemahan atlet serta pihak lawan supaya kajian dapat dilakukan untuk meningkatkan prestasi dan mengetahui kedudukan ranking atlet tersebut.

(vii) Pembelian dan Penaiktarafan Peralatan Sukan

Kualiti peralatan sukan yang digunakan oleh atlet semasa latihan dan semasa menyertai pertandingan amat dititikberatkan oleh MSNPP agar peralatan tersebut dapat membantu atlet meningkatkan prestasi atlet dan seterusnya meraih pingat dalam pertandingan. Sehubungan itu, pembelian peralatan sukan yang berkualiti diamalkan oleh MSNPP.

(viii) Program Pemakanan Tambahan (Food Supplement)

Makanan tambahan amatlah diperlukan oleh setiap atlet terutamanya atlet elit kerana makanan tambahan dapat meningkatkan tahap kecergasan, menggantikan tenaga yang digunakan, meningkatkan kadar metabolisme badan dan membantu pertumbuhan otot badan. Sehubungan itu, MSNPP mewajibkan para atlet berprestasi tinggi mengikuti Program Pemakanan Tambahan ini.

(ix) Program Skim Atlet Elit

Bagi mengekalkan kecemerlangan atlet, Kerajaan Negeri melalui MSNPP telah mewujudkan Program Skim Atlet Elit. Para atlet dipilih melalui pencapaian yang cemerlang semasa Sukan Malaysia. Terdapat 2 kategori Skim Atlet iaitu Kategori A dan ukan Malaysia dan mereka diberi insentif sebanyak RM500.00 sebulan. Kategori B pula merupakan atlet yang meraih pingat perak dan gangsa dan mereka ini diberi insentif sebanyak RM300.00 sebulan.

(x) Penganjuran Festival Sukan Kombat (FESKOM)

Festival Sukan Kombat (FESKOM) merupakan pertandingan bertaraf antarabangsa yang merangkumi semua acara sukan tempur atau *combat sports*. Tujuan diadakan FESKOM adalah untuk mengenal pasti kekuatan dan kelemahan atlet Negeri Pulau Pinang dan prestasi pihak lawan dari tahun ke tahun. FESKOM melibatkan 8 acara sukan tempur iaitu Karate-Do, Wushu, Pencak Silat, Taekwondo, Tinju, Silambam, Judo dan Lawan Pedang.

(xi) Anugerah Sukan Negeri Pulau Pinang

Anugerah Sukan Negeri Pulau Pinang merupakan salah satu pengiktirafan Kerajaan Negeri ke atas kecemerlangan atlet-atlet. Anugerah ini juga diwujudkan untuk memberi dorongan, menghargai sumbangan dan pencapaian atlet-atlet dalam bidang sukan. Berikut adalah jenis-jenis anugerah yang diberikan:-

- Anugerah Tokoh Pemimpin Sukan;
- Anugerah Jurulatih Terbaik;
- Anugerah Pasukan Lelaki Terbaik;
- Anugerah Pasukan Wanita Terbaik;
- Anugerah Olahragawan Paralimpik Terbaik;
- Anugerah Olahragawati Paralimpik Terbaik;
- Anugerah Olahragawan Harapan;
- Anugerah Olahragawati Harapan;
- Anugerah Olahragawan;
- Anugerah Olahragawati; dan
- Anugerah Perdana TYT Yang Dipertua Negeri Pulau Pinang

Selain daripada program-program yang diusahakan ini, Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang turut memastikan agar kebajikan serta jalinan kerjasama diantara pihak persatuan diambil dalam memastikan atlet-atlet yang mewakili Negeri Pulau Pinang adalah yang terbaik berteraskan pelaksanaan usaha-usaha seperti berikut:-

Mengikat kontrak dengan atlet yang berpotensi menyumbangkan pingat didalam Sukan Malaysia akan datang. Atlet-atlet yang terpilih sebagai atlet Elit akan dikategorikan sebagai Atlet Elit Kategori A (bagi penyumbang pingat Emas) dan Atlet Elit Kategori B (bagi penyumbang pingat Perak dan Gangsa). Atlet Elit Kategori A akan diberi pembayaran insentif sebanyak RM 500.00 sebulan dan Atlet Elit Kategori B dibayar sebanyak RM 300.00 sebulan bagi menjalani latihan untuk mencapai kejayaan di kejohanan Sukan Malaysia yang berikutnya.

Para atlet juga didedahkan kepada pertandingan-pertandingan yang dianjurkan oleh Persatuan Sukan Kebangsaan ataupun negeri-negeri lain sebagai persediaan menimba pengalaman dan memantau prestasi pencapaian semasa. Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang akan menghantar atlet dan pasukan menyertai pertandingan didalam dan luar Negeri Pulau Pinang untuk mengetahui kekuatan dan kelemahan pasukan dan lawan.

Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang dengan kerjasama Pusat Satelit Institut Sukan Negara Cawangan Pulau Pinang dan Unit Sukan Prestasi Tinggi Majlis Sukan Negara juga mengadakan latihan suaian fizikal, aktiviti-aktiviti psikologi dan ujian kecergasan fizikal bersama dengan atlet-atlet sukan negeri secara harian mengikut Pelan Latihan Periodisasi berteraskan konsep Sains Sukan dalam memastikan prestasi atlet dapat ditingkatkan ke tahap yang lebih tinggi. Mengadakan sessi kem latihan mingguan di Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang sebagai langkah mewujudkan program latihan berpusat untuk pemantapan atlet-atlet negeri.

Mengadakan kem latihan kekuatan mental dan fizikal untuk semua atlet yang terlibat serta mengadakan kem bina semangat untuk atlet/jurulatih/pengurus pasukan/pegawai teknikal serta penyelaras sukan bagi memastikan kontinjen Pulau Pinang bersedia menghadapi segala rintangan di gelanggang perlawanan kelak.

Memberi bantuan peruntukan menyertai pertandingan, bantuan peralatan sukan, serta bantuan makanan tambahan ("food supplement") kepada persatuan sukan negeri dan atlet-atlet negeri untuk menjalani aktiviti-aktiviti pembangunan sukan di setiap lapisan atlet. Menyediakan atau membantu persatuan/atlet/jurulatih dari segi peralatan dan kemudahan sukan di peringkat Negeri Pulau Pinang.

Bekerjasama erat bersama persatuan-persatuan sukan negeri juga dipertingkatkan dengan mengadakan sessi perbincangan bersama persatuan sukan dengan lebih kerap bagi memantapkan lagi pembangunan sukan atlet di Negeri Pulau Pinang. emastikan semua jurulatih yang dilantik oleh Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang memiliki Skim Persijilan Kejurulatihan Kebangsaan (SPKK) sama ada di tahap I, II atau III untuk meningkatkan sukan spesifik masing-masing.

Menubuhkan Jawatankuasa Penilaian Atlet dalam memastikan satu penilaian serta pengesahan setiap atlet yang dikemukakan oleh MSNPP / Persatuan Sukan Negeri / Jurulatih Sukan berkenaan adalah benar-benar layak untuk diketengahkan ke dalam Kejohanan Sukan Malaysia. Kesemua atlet-atlet daripada jenis sukan yang dipertandingkan di Sukan Malaysia juga telah disaran untuk menjalani latihan secara berterusan untuk sekurang-kurangnya 5 hari setiap minggu dengan jangka waktu latihan selama 3 hingga 5 jam setiap sessi.

Di bawah konsep sukan berbentuk penyertaan komuniti, Kerajaan Negeri dibawah Jawatankuasa MMK Belia dan Sukan bersama Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang juga terus melaksanakan program-program sukan berkomuniti sejajar dengan hasrat untuk membentuk "Gaya Hidup Sihat dan Aktif Ke Arah Komuniti Berharmoni" melalui perlaksanaan sebanyak program-program sukan yang diketengahkan dalam *Penang Calender of Events* sejak tahun 2009 hinggi kini yang meliputi program sukan berstatus antarabangsa dan peringkat negeri.

Sejak tahun 2008, Kerajaan Negeri telah berjaya menganjurkan lebih daripada 150 program sukan berbentuk penyertaan komuniti yang terbuka kepada semua beliawan dan beliawanis Negeri Pulau Pinang.

TAHUN	BILANGAN PROGRAM PENYERTAAN KOMUNITI
2008	11
2009	23
2010	37
2011	30
2012	20
2013	29
JUMLAH	**150**

Kejayaan ini dapat dilihat melalui penganjuran program-program bertaraf antarabangsa di Negeri Pulau Pinang. Mata dunia kini telah pun melihat kepada Negeri Pulau Pinang sebagai destinasi sukan yang unggul di mana Negeri Pulau Pinang telah terpilih untuk menjadi tuan rumah sebanyak 4 tahun berturut-turut untuk sukan angkat berat dimana acara seperti "Commonwealth Weightlifting Championship 2009", "1st IWF Intercontinental Club Grand Prix & Junior Weightlifting Championships 2010" dan "37th Men and 17th Women World Junior Weightlifting Championship 2011" telah dilangsungkan di Negeri Pulau Pinang dengan penyertaan sebanyak 80 buah negara seluruh dunia dan juga acara sukan bola keranjang seperti "25th World Chinese Basketball Invitational Tournament" pada tahun 2009 dengan penerimaan kunjungan sebanyak 3,000 orang dari seluruh dunia yang meliputi pemain, jurulatih dan pegawai sukan.

Malahan, Negeri Pulau Pinang pada tahun ini turut diberi penghormatan sekali lagi untuk menjadi hos penganjuran kejohanan angkat berat dunia buat kali yang keempat pada untuk acara "Commonwealth Senior, Junior, & Youth And World Cup Master Weightlifting Championship 2013" yang telah disertai oleh 60 buah negara dengan penyertaan sebanyak 500 orang peserta pada 24 November 2013 hingga 30 Disember 2013.

Program-program bertaraf antarabangsa ini merupakan pemangkin kepada penumpuan mata dunia terhadap Negeri Pulau Pinang sebagai destinasi sukan yang berjaya menganjurkan pelbagai kejohanan bertaraf antarabangsa yang meningkat setiap tahun sejak tahun 2008, dimana antaranya adalah seperti mana Pusat Skuasy Antarabangsa Nicol David turut menjadi tumpuan dunia pada tahun 2011 dengan penganjuran "16th Asian Individual Squash Championships 2011" yang menyaksikan pemain terbaik dunia berentap merebut kejuaraan skuasy di Negeri Pulau Pinang dan juga lain-lain program sukan bertaraf antarabangsa seperti "Penang Bridge International Marathon" mulai tahun 2008 hingga kini, "International Skimboarding Competition", "Penang International Freestyle Skating Championship 2013" , "Asean Kendo Tournament 2013", "Penang Run", dan "Penang International Triathlon & Duathlon 2013".

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan bin Ayoob Hussain Shah) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Sila nyatakan dengan terperinci dasar Kerajaan Negeri Pulau Pinang mengenai bekalan air di Negeri Pulau Pinang. Nyatakan caj-caj perkhidmatan air yang dikenakan kepada pengguna mengikut pecahan tahun mulai tahun 2008 hingga sekarang.

Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Dasar Kerajaan Negeri mengenai bekalan air di Negeri Pulau Pinang adalah memastikanpengurusan bekalan air bersih yang sentiasa mencukupi dan berterusan dengan mengambil kira pertambahan permintaan hasil daripada peningkatan aktiviti ekonomi dan pertambahan penduduk.

Di antara inisiatif-inisiatif yang diambil kira adalah seperti berikut:

(i) Melaksanakan Pengurusan Non Revenue Water (NRW) yang holistik
(ii) Meningkatkan Nilai Air (Surcaj Air "WCS" & Tarif Air)
(iii) Meningkatkan Kesedaran & Pendidikan kepada pihak awam
(iv) Mempromosi Peranti Penjimatan Air
(v) Membangunkan Sumber Air Tambahan

Caj-caj perkhidmatan air yang dikenakan kepada pengguna mengikut pecahan tahun mulai tahun 2008 hingga sekarang ditunjukkan dalam jadual.

Berikut adalah kadar Tarif Air Domestik yang ditetapkan di Negeri Pulau Pinang mengikut pecahan tahun mulai tahun 2008:

Jumlah	Tahun 2008 – 2010 Tarif bagi setiap 1,000 liter	Tahun 2011 – 2013 Tarif bagi setiap 1,000 liter
20,000 liter pertama	RM0.22	**RM.022**
Melebihi 20,000 liter sehingga 35,000 liter	RM0.42	**RM0.42**
Melebihi 35,000 liter sehingga 40,000 liter	RM0.42	**RM0.42**
Melebihi 40,000 liter sehingga 60,000 liter	RM0.52	**RM0.52**
Melebihi 60,000 liter sehingga 200,000 liter	RM0.90	**RM0.90**
Melebihi 200,000 liter	RM1.00	**RM1.00**
Kadar Surcaj Air	NA	***RM0.24 bagi setiap tambahan 1,000 liter air**

* Mulai November 2010 pengguna domestik yang menggunakan lebih daripada 35,000 liter air sebulan dikenakan surcaj air iaitu sebanyak RM0.24 bagi setiap tambahan 1,000 liter air yang digunakan.

** Berkuatkuasa pada November 2013 pengguna domestik yang menggunakan lebih daripada 35,000 liter air sebulan dikenakan surcaj air iaitu sebanyak RM0.48 bagi setiap tambahan 1,000 liter air yang digunakan.

Berikut adalah kadar Tarif Air Perniagaan yang diamalkan di Negeri Pulau Pinang mengikut pecahan tahun mulai tahun 2008:

Kategori	Jumlah	Tahun 2008 – 2010 Tarif bagi setiap 1,000 liter	Tahun 2011 – 2013 Tarif bagi setiap 1,000 liter
Perniagaan (Biasa)	20,000 liter pertama	RM0.52	**RM0.66**
	Melebihi 20,000 liter sehingga 40,000 liter	RM0.70	**RM0.89**
	Melebihi 40,000 liter sehingga 200,000 liter	RM0.90	**RM1.15**
	Melebihi 200,000 liter	RM1.00	**RM1.27**
Perniagaan (Khas)	Kadar rata bagi setiap 1,000 liter	RM1.20	**RM1.52**
Perniagaan (Perkapalan)	Kadar rata bagi setiap 1,000 liter	RM2.00	**RM2.54**

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan bin Ayoob Hussain Shah) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Sila nyatakan dengan terperinci dasar Kerajaan Negeri Pulau Pinang mengenai pelaburan di Negeri Pulau Pinang. Senaraikan semua pelaburan yang telah diperolehi oleh Negeri Pulau Pinang mengikut pecahan tahun dari tahun 2010 sehingga sekarang mengikut pecahan yang diusahakan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia(MIDA).

Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Dasar Kerajaan Negeri untuk menarik pelaburan ke Negeri Pulau Pinang melibatkan promosi pelaburan-pelaburan berteknologi, bernilai tinggi dan strategik ke Pulau Pinang. Antara sektor berteknologi tinggi tersebut termasuklah pelaburan dalam bidang Diod Pancaran Cahaya (LED), Solar, ICT, Avionik, Peralatan Perubatan (Medical Devices) dan Perkongsian Perkhidmatan Penyumberan Luar (Shared Services Outsourcing - SSO). Sektor-sektor tersebut adalah penting dalam menuju ke arah ekonomi berpengetahuan dan berpendapatan tinggi dan meningkatkan rantaian nilai. Oleh itu, Kerajaan Negeri juga sentiasa berusaha untuk menyediakan tapak-tapak industri yang teratur dan terancang yang lengkap dengan segala infrastruktur lengkap bagi menarik pelabur-pelabur strategik ke Pulau Pinang. Selain itu, Kerajaan Negeri juga sentiasa mengamalkan urus tadbir berpandukan prinsip CAT Cekap (Competency), Bertanggungjawab (Accountability) dan Telus (Transparency).

Pelaburan yang berjaya diperolehi oleh Negeri Pulau Pinang bagi tahun 2010 sehingga Ogos 2013 adalah seperti berikut:

TAHUN	BILANGAN PROJEK	JUMLAH PELABURAN (RM BILLION)
2010	128	12,237,958,878
2011	109	9,106,014,669
2012	115	2,471,455,535'
Jan. - Ogos 2013	70	2,052,595,639'
Jumlah Pelaburan (RM)	422	25.9

Pelaburan-pelaburan ini berjaya diperolehi hasil kerjasama Kerajaan Negeri melalui InvestPenang, PDC dengan agensi–agensi Kerajaan Persekutuan seperti MIDA, Penang Port.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan bin Ayoob Hussain Shah) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

4. Sila nyatakan dengan terperinci dasar Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) mengenai tanah-tanah perindustrian. Senaraikan kilang yang telah dibina mulai tahun 2009 sehingga sekarang mengikut bidang masing-masing, nama syarikat, jumlah pekerjaan, kos harga jualan tanah dan kos pembinaan kilang di kawasan Science Park Bukit Minyak.

Y.A.B. Ketua Menteri:

4. PDC telah membangunkan beberapa kawasan perindustrian yang lengkap dengan prasarana moden dan disokong oleh persekitaran yang kondusif untuk para pelabur. Selain itu, PDC juga turut menyedia dan membangunkan kawasan perindustrian baru dan sedia ada seperti Penang Science Park dan Batu Kawan Industrial Park adalah khusus untuk pelabur-pelabur yang terlibat di dalam industri berteknologi tinggi dan pengeluaran produk yang mempunyai nilai tambah lebih tinggi.

PDC juga sentiasa berusaha memberi tumpuan kepada pembangunan tanah perindustrian ke arah teknologi tinggi (high tech) bagi menjamin pendapatan tinggi kepada rakyat dan Kerajaan Negeri. PDC dengan kerjasama Invest Penang giat menggalakkan pelaburan baru dan pelaburan tambahan atau pelaburan semula (re-investment) ke negeri ini dengan mempromosikan industri-industri berteknologi tinggi seperti Diode Pancaran Cahaya (LED), Solar, ICT, Avionik, Peralatan Perubatan (Medical Devices), *Shared Services Outsourcing* dan sebagainya. Disamping itu,PDC juga turut mempelbagaikan atau *diversify* asas ekonomi negeri dengan tidak bergantung sepenuhnya kepada *semi-conductor,* komputer, perisian dan peranti, dan Contract Manufacturing dengan sentiasa berusaha menerokai bidang-bidang teknologi dan produk yang baru seperti di dalam industri ICT dan bidang-bidang baru yang sedang dipromosikan termasuk peralatan wireless dan komunikasi, peralatan ujian dan pengukuran *(test and measurement)*, peralatan perubatan, aplikasi perisian *(software applications)* serta perkhidmatan nilai tambah seperti Business Processing Outsourcing (BPO) and Knowledge Processing Outsourcing (KPO). Bidang-bidang ini adalah merupakan industri berasaskan pengetahuan atau *"knowledge based industry"* yang menuju ke arah teknologi tinggi dan nilai tambah yang tinggi. Tumpuan diberi oleh PDC kepada bidang ICT yang merangkumi BPO dan KPO di mana beberapa projek dan lokasi telah dikenal pasti bagi membangunkan sektor ini dan menyediakan tapak atau *office building* khas untuk pelabur-pelabur baru dan sedia ada yang terlibat di dalam sektor tersebut melalui aktiviti-aktiviti mempromosikan dan membangunkan kawasan MSC Penang Cybercity.

Berdasarkan rekod daripada PDC dari tahun 2009 sehingga bulan Oktober 2013, senarai kilang yang telah dibina di Penang Science Park (PSP) adalah seperti di Lampiran 1.

Kebanyakkan syarikat yang belum memulakan kerja-kerja pembinaan kini berada dalam peringkat perancangan pembangunan kilang seperti penyediaan pelan dan juga mendapatkan kelulusan-kelulusan yang berkaitan.

* lihat folder lampiran ID239 (BSHAHS)

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan bin Ayoob Hussain Shah) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

5. Sila senaraikan pendapatan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) hasil penjuala tanah perusahaan di kawasan perusahaan di seluruh Negeri Pulau Pinang mengikut pecahan tahun dari tahun 2008 sehingga sekarang. Senaraikan Pengerusi dan Ahli Jawatankuasa Pelaburan dari tahun 2008 sehingga sekarang.

Y.A.B. Ketua Menteri:

5. Hasil pendapatan PDC, dari tahun 2008 sehingga Oktober 2013 dan penjualan tanah perindustrian dengan keluasan 987.10 ekar adalah RM867.33 juta. Pecahan pendapatan daripada hasil penjualan tanah perusahaan mengikut tahun adalah seperti bawah:-

   PDC hanya mempunyai Lembaga Pengarahnya tersendiri dan Jawatankuasa Pelaburan secara khusus.

Pecahan pendapatan daripada hasil penjualan tanah perusahaan mengikut tahun adalah seperti berikut:

TAHUN	KELUASAN (EKAR)	JUALAN (RM)
2008	183	84,191,598
2009	62.8	65,999,142
2010	60.3	46,710,410
2011	342.7	266,039,588
2012	157.5	164,897,028
2013 –Okt 2013	180.8	239,488,531
JUMLAH	**987.10**	**867,326,297**

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan bin Ayoob Hussain Shah) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

6. Senaraikan lawatan Y.A.B. Ketua Menteri ke luar negara mengikut pecahan tahun mulai tahun 2009 hingga sekarang. Nyatakan kos lawatan (RM) sama ada ditanggung oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang atau pihak swasta, negara, tarikh dan tujuan lawatan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

6. Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah mengambil beberapa inisiatif untuk mengadakan beberapa siri lawatan ke luar negara bagi memperluaskan hubungan dua hala dan mempertingkatkan aktiviti pelaburan, mempromosikan sektor pelancongan serta menghadiri persidangan antarabangsa yang amat berfaedah kepada pembangunan masa depan Negeri Pulau Pinang.

   Selain dari misi pelaburan dan perdagangan ke Negara berkenaan, Pulau Pinang juga mengambil bahagian di dalam pameran di peringkat antarabangsa untuk mempromosikan negeri ini ke arena antarabangsa.

   Lawatan-lawatan ini juga dapat melahirkan pemimpin-pemimpin Kerajaan Negeri yang berpengetahuan, kreatif dan inovatif di dalam merebut peluang kerjaya di dalam bidang-bidang yang berkaitan.

   Lawatan-lawatan Y.A.B. Ketua Menteri ke luar negara mengikut pecahan tahun mulai tahun 2009 sehingga kini adalah seperti di lampiran.

* lihat folder lampiran ID241 (BSHAHS)

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan bin Ayoob Hussain Shah) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

7. Adakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang bercadang untuk membuat pengambilan tanah untuk tujuan memperluaskan kawasan perindustrian untuk tujuan membina kilang. Jika ada, sila nyatakan keluasan, daerah, mukim dan nilai perbelanjaan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

7. PDC mempunyai perancangan untuk mengambil balik tanah bagi tujuan pembesaran kawasan perindustrian. Kawasan yang dikenal pasti adalah di sekitar Batu Kawan dan sedang dalam proses pengesahan dan ukuran tanah.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan bin Ayoob Hussain Shah) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

8. Sila nyatakan dengan terperinci dasar Kerajaan Negeri Pulau Pinang mengenai pertanian iaitu tanah sawah di Negeri Pulau Pinang. Adakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan mengekalkan keluasan tanah-tanah sawah yang sedia ada sekarang. Jika ada, sila jelaskan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

8. Dasar Kerajaan Negeri melalui Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang 2020 dan Dasar Spatial Utama (DSU) 10 telah mengenal pasti kawasan jelapang padi di Negeri Pulau Pinang sebagai kawasan sensitif alam sekitar (KSAS) sokongan hidup yang merupakan kawasan bernilai tinggi bagi menyokong keperluan asas untuk kesinambungan dan kesejahteraan manusia dan hidupan lain. Maka kawasan tanaman padi seluas 12,782 hektar akan terus dikekalkan dan dipelihara.

   Secara umumnya, pembangunan selain daripada tanaman padi adalah tidak dibenarkan dan tidak disokong oleh agensi dan jabatan berkaitan seperti Jabatan Pertanian, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dan pihak Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu Pulau Pinang (Integrated Agriculture Development Area).

   Di samping itu juga, kawasan jelapang padi merupakan aktiviti pertanian yang akan dipertingkatkan selaras dengan sasaran untuk mengurangkan import makanan negara. Melalui Dasar Sektoral (DS) 21 beberapa langkah juga telah digariskan untuk meningkatkan pengeluaran sektor padi dari 4.5 tan sehektar kepada 10 tan sehektar pada tahun 2020 dengan cara dan pendekatan seperti berikut:-

   (a) Memperluaskan lagi program pembangunan infrastruktur pengairan oleh JPS ke kawasan tanaman padi yang terletak di luar skim pengairan;

   (b) Meningkatkan kekerapan tanaman padi crop intensity dari 2 kali setahun kepada 2.5 kali setahun di skim-skim pengairan Sungai Muda, Sungai Kulim, Pinang Tunggal, Sungai Jarak dan Sungai Burung;

   (c) Mewartakan kawasan padi IADP Negeri Pulau Pinang sebagai kawasan Jelapang Padi Negara dengan mengamalkan tanaman tepat dengan kemudahan pengairan yang mencukupi.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan bin Ayoob Hussain Shah) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

9. (a) Senaraikan keluasan tanah sawah mengikut daerah dan mukim mulai tahun 2009 sehingga sekarang.

(b) Senaraikan keluasan tanah sawah tanah first grade dan bukan *first grade* yang diluluskan untuk ditambun mengikut daerah dan tahun mulai tahun 2009 hingga Jun 2013.

Y.A.B. Ketua Menteri:

9. (a) Keluasan tanah sawah mengikut daerah adalah seperti berikut:-

Daerah	Keluasan
SPU	8515 Hektar
SPT	2592 Hektar
SPS	1365 Hektar
DBD	310 Hektar
Jumlah Keluasan	12782 Hektar

(b) Keluasan tanah sawah *first grade* dan bukan *first grade* yang diluluskan untuk ditambun adalah seperti di bawah:-

Senarai keluasan tanah sawah yang telah diluluskan untuk pembangunan bagi Daerah Seberang Perai Utara adalah seperti berikut:

BIL	TAHUN	KATEGORI TANAH	LOT/MUKIM	LUAS	TUJUAN TAMBUN
1	2009	Geran Mukim First Grade	Lot 5190 Dan Lot 5191 / Mukim 7	1.575 hektar 0.5135 hektar	Cadangan Mendirikan Sebuah Kilang Beras
2	2010	Geran Mukim First Grade	Lot 1678 Dan Lot 1679/ Mukim 1	2594.0347 meter persegi 1899.4902 meter persegi	Projek Perniagaan
3.	2010	Geran Mukim First Grade	Lot 3827 Dan Lot 4917/ Mukim 3	0.4649 hektar 10277 meter persegi	Projek Stesen Minyak
4.	2010	Geran Mukim First Grade	Lot 4105 / Mukim 2	0.7717 hektar	Pembangunan Tanah (Kediaman)
5.	2010	Geran Mukim First Grade	Lot 3026,Lot 3028 Dan Lot 3030/ Mukim 5	9736.7355 meter persegi 8421.5073 meter persegi 7587.855 meter rsegi	Membina Kilang Padi
6.	2011	Geran Mukim First Grade	Lot 841 Dan Lot 2088/ Mukim 6	20108.8275 meter persegi 0.874 hektar	Membina Akademi Latihan Memandu
7.	2011	Geran Mukim First Grade	Lot 2969/Mukim 9	5163.7883 meter persegi	Pembangunan Perumahan
8.	2012	Geran Mukim First Grade	Lot 2601 / Mukim 4	2.203 hektar	Pembangunan Cadangan Skim Perumahan
9.	2012	Geran Mukim First Grade	Lot 3820 /Mukim 5	0.4005 hektar	Skim Perniagaan (1 Unit Ruang Pameran Dan Stor 1 Tingkat
10.	2013	Geran Mukim First Grade	Lot 4803 Dan Lot 4804/ Mukim 8	0.439 hektar 0.0729 hektar	Pembangunan Tanah (Kediaman)

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan bin Ayoob Hussain Shah) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

10. Pihak Berkuasa Tempatan pernah memberi pengecualian cukai taksiran. Jika ada berikan butir-butir terperinci.

Y.A.B. Ketua Menteri:

10. Senarai harta-harta yang dikecualikan daripada cukai taksiran di kawasan MPPP dan MPSP adalah di Lampiran A dan B masing-masing. Peruntukan pengecualian cukai taksiran diberi di bawah Seksyen 134 Akta Kerajaan Tempatan 1976.

Peruntukan pengecualian cukai taksiran diberi di bawah Seksyen 134 dan 135 Akta Kerajaan Tempatan 1976. Syarat-syarat pengecualian cukai adalah seperti berikut:-

(a) Bangunan digunakan bukan untuk maksud mendapatkan keuntungan.

(b) Kegunaan bangunan adalah semata-mata sebagai:-

(i) tempat awam untuk sembahyang ;
(ii) tanah perkuburan atau tempat membakar mayat awam yang berlesen ;
(iii) sekolah awam ;
(iv) tempat awam bagi maksud khairat atau bagi maksud sains, sastera atau seni halus dan
(v) maksud rekreasi, sosial atau kebajikan,

(c) Kegunaan bangunan adalah selaras sepertimana kelulusan MPSP dan MPPP

(d) Pengecualian tertakluk kepada kelulusan Pihak Berkuasa Negeri.

Lihat Folder Lampiran id 245 (BSHAHS)

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan bin Ayoob Hussain Shah) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

11. Sila nyatakan kedudukan wang simpanan Kerajaan Negeri Pulau Pinang mengikut tahun mulai tahun 2009 sehingga sekarang.

Y.A.B. Ketua Menteri:

11. (a) Kedudukan wang simpanan Kerajaan Negeri berdasarkan Penyata Kewangan Negeri yang diaudit mulai tahun 2009 sehingga tahun 2012 ialah seperti berikut:

TAHUN	BAKI PADA 31 DISEMBER (RM)
2009	538,953,550.83
2010	572,492,567.14
2011	710,809,941.38
2012	825,285,384.24

(b) Manakala bagi tahun 2013 setakat 25 November 2013 jumlah wang simpanan Kerajaan Negeri adalah sebanyak RM889.85 juta.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan bin Ayoob Hussain Shah) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

12 Sila nyatakan kedudukan wang simpanan Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) mulai tahun 2009 sehingga sekarang.

Y.A.B. Ketua Menteri:

12. Kedudukan wang simpanan MPSP dan MPPP mulai tahun 2009 sehingga sekarang adalah seperti berikut:

TAHUN	Wang Simpanan MPSP (RM)	Wang Simpanan MPPP (RM)
2009	53,676,446	200,236,168
2010	89,553,391	248,600,639
2011	117,079,612	294,168,92
2012	151,727,275	362,326,109
2013	157,886,311 (Setakat 31 Oktober)	430,815,697 (Setakat 30 September)

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan bin Ayoob Hussain Shah) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

13. Sila nyatakan baki pinjaman Kerajaan Negeri Pulau Pinang dengan Kerajaan Persekutuan mulai tahun 2008 sehingga sekarang. Bagaimanakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang menjelaskan pinjaman tersebut. Sila jelaskan secara terperinci.

Y.A.B. Ketua Menteri:

13. Baki pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan mulai tahun 2008 sehingga sekarang adalah seperti lampiran. Bagi baki pinjaman yang sedia ada, Kerajaan Negeri membuat bayaran balik pinjaman mengikut jumlah dan tarikh matang anuiti yang ditetapkan dalam Jadual Bayaran Balik Pinjaman bagi setiap pinjaman selaras dengan perjanjian yang ditandatangani oleh Kerajaan Negeri. Bayaran ini dijelaskan melalui kaedah bayaran EFT "Electronic Fund Transfer" ke akaun Jabatan Akauntan Negara mengikut butiran pinjaman yang berkaitan.

Pada tahun 2009, baki pinjaman bagi 3 Projek Bekalan Air Luar Bandar berjumlah RM 4,169,485.15 telah dihapuskira oleh Kerajaan Persekutuan. Manakala pada tahun 2011 pula, baki pinjaman untuk Pihak Berkuasa Air Pulau Pinang sebanyak RM 655,248,416.64 bagi membiayai Projek Bekalan Air, Pulau Pinang (Rang Undang-Undang bagi menggantikan Subseksyen 3(1), Enakmen 2/1997 bertarikh 1 April 2009) telah diselaraskan dengan proses migrasi dan penstrukturan semula industri perkhidmatan air di antara Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB) dan Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP).

Baki pinjaman sejumlah RM 49,873,305.53 pada 31 Oktober 2013 adalah berdasarkan kepada pelarasan kadar faedah yang dipermodalkan selaras dengan rekod Kementerian Kewangan. Baki pinjaman terlibat ialah untuk Projek Perumahan Awam Kos Rendah, Projek Pembentungan Najis Pantai Utara Fasa 1, Projek Mengurangkan Kadar Kehilangan Air Tidak Terhasil (NRW) dan *Project Indoor Archade and Seafood Centre.*

LAMPIRAN

Baki pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan mulai tahun 2008 sehingga sekarang

Perkara	**Tahun**					
	2008	**2009**	**2010**	**2011**	**2012**	**2013 (OKTOBER)**
Jumlah Pinjaman (RM)	496,515,049.79	625,442,355.95	683,750,354.97	687,789,776.52	36,720,992.76	49,234,066.32
Bayaran Balik Pinjaman Dalam Tahun Semasa (RM)	4,688,119.84	2,035,736.83	1,753,697.45	2,409,696.12	2,176,284.44	1,670,754.79
Pinjaman Diterima Dalam Tahun semasa (RM)	133,615,426.00	64,513,221.00	5,793,119.00	6,589,329.00	14,689,358.00	2,309,994.00
Jumlah Tunggakan (RM)	-	-	-	-	-	-
Baki Pinjaman (RM)	**625,442,355.95**	**683,750,354.97**	**687,789,776.52**	**36,720,992.76**	**49,234,066.32**	**49,873,305.53**

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan bin Ayoob Hussain Shah) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

14. Apakah tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk mengawal harga rumah di Negeri Pulau Pinang. Nyatakan harga rumah kos rendah, kos sederhana rendah dan mampu milik di negeri ini.

Y.A.B. Ketua Menteri:

14. (a) Kerajaan Negeri telah mengambil beberapa langkah untuk mengawal harga rumah di Negeri Pulau Pinang. Diantaranya ialah :

(i) Kerajaan Negeri berusaha menambah bekalan unit perumahan baru termasuk rumah mampu milik di kawasan pembangunan baru (new growth area) di Daerah Barat Daya, Seberang Perai Utara dan Seberang Perai Selatan. Tanah di Negeri Pulau Pinang adalah amat terhad berbanding dengan negeri-negeri lain, malah didapati permintaan ke atas tanah pembangunan perumahan hanya tertumpu di kawasan utama sahaja. Di bahagian pulau, pemaju lebih tertumpu di Daerah Timur Laut berbanding di Daerah Barat Daya, manakala Daerah Seberang Perai Tengah pula menjadi pilihan pemaju jika dibandingkan dengan Daerah Seberang Perai Utara dan Daerah Seberang Perai Selatan. Melalui kaedah penambahan stok tanah untuk tujuan pembangunan perumahan adalah diharapkan dapat mengurangkan kenaikan kos tanah di kawasan pilihan dan akan menstabilkan harga rumah di pasaran.

(ii) Melaksanakan Garis Panduan Peningkatan Ketumpatan dan nisbah plot oleh Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) yang berkuat kuasa mulai 21 Disember 2011 antaranya :

Membenarkan pemaju membangunkan sehingga mencapai kepadatan 87unit/ekar hingga 120 unit/ekar (maksimum – sekiranya tapak tersebut mempunyai penempatan setinggan) bagi kawasan-kawasan yang dibenarkan bagi penambahan ketumpatan terutama sekali di sekitar kawasan Transportation Oriented Development (T.O.D). Misalnya, perumahan kos sederhana rendah diberikan ketumpatan sehingga 120 unit seekar manakala tiada had ketumpatan bagi perumahan kos rendah (dengan syarat mematuhi semua kehendak perancangan). Syarat-syarat kepadatan 87 unit/ekar adalah:

(a) mana-mana pemajuan yang mengguna pakai garis panduan ini menyediakan 30% RKSR bagi kawasan Daerah Timur Laut, manakala bagi kawasan Daerah Barat Daya perlu menyediakan 30% RKR atau 15% RKR dan 15% RKSR; dan

(b) mensyaratkan sebanyak 5% daripada unit yang dibina dijual pada harga kurang RM200,000.00, 15% lagi pada harga kurang dari RM300,000.00 manakala 5% lagi dijual pada harga RM400,000.00. Ini dapat menggalakkan pemaju-pemaju untuk membina lebih banyak perumahan mampu milik.

(iii) Menggariskan dasar menerusi Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang 2020 (RSN) dalam memastikan penyediaan rumah mampu milik sentiasa diberi keutamaan melalui langkah-langkah berikut :

(a) mengambil kira keupayaan pembeli rumah (purchasing power)penduduk yang berbeza-beza, Kerajaan Negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) akan meluluskan projek perumahan bagi memastikan semua golongan penduduk di Pulau Pinang memiliki rumah berdasarkan dua jenis rumah mampu milik iaitu rumah kos rendah dan kos sederhana rendah.

(b) mengawal harga rumah kos rendah dan sederhana rendah dan menetapkan syarat kelayakan rumah yang lebih realistik bagi golongan pertengahan iaitu individu yang berpendapatan M2,500.00 hingga RM3,500.00 sebulan.

(iv) Kerajaan Negeri juga telah mengumumkan levi 3% terhadap transaksi pembelian unit perumahan oleh warga asing dan mengenakan siling terhadap unit-unit yang boleh dibeli oleh mereka iaitu tidak kurang daripada RM1,000,00 untuk pangsapuri dan tidak kurang daripada RM2,000,000 bagi harta tanah (landed property).

(v) Kerajaan Negeri juga bercadang untuk mengenakan levi 2% terhadap penjual transaksi yang dilakukan dalam tempoh 3 tahun dari tarikh pembeliau, di mana cadangan ini kini di dalam peringkat kajian dan perbincangan dengan semua pihak berkepentingan (stakeholders).

(b) Harga bagi rumah kos rendah dan sederhana rendah yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Negeri adalah seperti di bawah. Manakala bagi harga rumah mampu milik masih di peringkat perbincangan dan masih belum dimuktamadkan oleh Pihak Berkuasa Negeri. Walau bagaimanapun, cadangan harga bagi rumah mampu milik adalah di antara RM75,000.00 hingga RM400,000.00.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan bin Ayoob Hussain Shah) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

15. Adakah warganegara asing boleh membeli rumah di Negeri Pulau Pinang. Jika ada, nyatakan harga rumah yang boleh dibeli, nama projek dan jumlah unit yang dijual mulai tahun 2009 sehingga sekarang.

Y.A.B. Ketua Menteri:

15. (a) Warga asing boleh membeli hartanah di Pulau Pinang dengan harga rumah yang boleh dibeli tertakluk kepada kawalan harga minima seperti berikut:-

(i) Hartanah Strata - Harga kawalan minima RM1 juta (di Pulau dan Seberang Perai).

(ii) Hartanah *Landed* - Harga kawalan minima RM1 juta bagi hartanah di Seberang Perai dan RM2 juta bagi hartanah di Kawasan Pulau.

(iii) Kawalan harga minima bagi pembelian hartanah di bawah Program Malaysia *My Second Home* (MM2H) ialah RM500,000.00.

(b) Nama projek yang terlibat mengikut tahun adalah seperti di lampiran:-

Lihat Folder Lampiran Sol. 15 (ID 250 - BSHAHS)

(c) Jumlah unit rumah yang dijual mulai tahun 2009 sehingga sekarang.

1	Tahun 2009	432 unit
2	Tahun 2010	563 unit
3	Tahun 2011	710 unit
4	Tahun 2012	958 unit
5	Tahun 2013	530 unit

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan bin Ayoob Hussain Shah) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

16. Sila nyatakan dasar Kerajaan Negeri Pulau Pinang mengenai Lesen Pendudukan Sementara (TOL) di Negeri Pulau Pinang. Senaraikan jumlah penerima mengikut daerah sehingga kini.

Y.A.B. Ketua Menteri:

16. (a) Permohonan Lesen Pendudukan Sementara (TOL) adalah mengikut Seksyen 65, Kanun Tanah Negara 1965. TOL boleh diluluskan oleh Pihak Berkuasa Negeri ke atas tanah-tanah berikut:-

(i) Tanah Kerajaan.

(ii) Tanah lombong yang tidak lagi digunakan bagi maksud perlombongan.

(iii) Tanah rezab yang tidak lagi digunakan bagi maksud yang direzabkan.

(b) Kerajaan Negeri mempunyai ketetapan yang jelas mengenai pengeluaran TOL seperti berikut:-

(i) Tapak tanah yang diluluskan TOL adalah bersesuaian dengan kegunaan yang dipohon dan mengikut ketetapan kegunaan yang dinyatakan dalam Rancangan truktur Negeri Pulau Pinang (RSNPP).

(ii) TOL dikeluarkan ke atas sesuatu tanah di mana kerajaan tidak mempunyai perancangan untuk mengunakan tanah tersebut. Ini termasuklah tanah-tanah terpencil yang mana tanah tersebut tidak dapat digunakan untuk kegunaan lain.

(iii) TOL dikeluarkan kepada ketegori orang miskin, di mana mereka tidak berupaya menjelaskan premium tanah, jika diluluskan secara pemberian milik.

(iv) TOL dikeluarkan hanya untuk pembinaan bangunan separuh kekal sahaja.

(v) TOL yang dikeluarkan tidak boleh dipindah hak (assign),melainkan mendapat kebenaran Pihak Berkuasa Negeri terlebih dahulu.

(vi) TOL boleh ditarik balik atau dibatalkan pada bila-bila masa tanpa bayaran ganti rugi.

(vii) TOL yang dikeluarkan hanya untuk kegunaan pemegang lesen sahaja, dan ianya tidak boleh disewakan.

Jumlah pemegang TOL mengikut adalah seperti berikut:-

Daerah	Bilangan Pemegang TOL
Daerah Timur Laut	158
Daerah Barat Daya	175
Seberang Perai Utara	451
Seberang Perai Tengah	313
Seberang Perai Selatan	545
Jumlah	1642

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan bin Ayoob Hussain Shah) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

17. Sila nyatakan dasar Kerajaan Negeri Pulau Pinang mengenai Pemberian Milik Tanah(Pajakan Tanah) di Perkampungan Baru di Negeri Pulau Pinang. Senaraikan nama Perkampungan Baru yang terdapat di Negeri Pulau Pinang mengikut daerah dan tempoh pajakan sehingga kini.

Y.A.B. Ketua Menteri:

17. (i) Perkampungan baru di Negeri Pulau Pinang wujud sekitar tahun 1950-an, untuk menempatkan penduduk diperkampungan baru berkenaan untuk tujuan keselamatan. Penduduk-penduduk terikat pada awalnya telah diberikan hak milik tanah secara pajakan 33 tahun. Tempoh pajakan tersebut telah berakhir sekitar tahun 1980-an atau awal 1990-an. Hampir kesemua pemilik-pemilik tanah di perkampungan baru telah memperbaharui semula tempoh pajakan bagi tanah masing-masing.

(ii) Dasar Kerajaan Negeri mengenai pemberian milik tanah di Kampung Melayu, perkampungan baru ladang estet adalah seperti berikut:-

(a) Memberikan tempoh pegangan yang lebih panjang iaitu sama ada 60 tahun atau 99 tahun.

(b) Mengenakan bayaran premium tanah bagi kelulusan untuk menyambung tempoh pajakan iaitu:

- 12% daripada nilai pasaran tanah bagi penduduk yang memilih untuk pajakan 60 tahun atau
- 10% daripada nilai pasaran tanah bagi penduduk yang memilih untuk pajakan 99 tahun.

(iii) Pengenaan harga premium seperti di atas hanya terhad kepada pemilik asal, waris-waris pemilik asal seperti anak, isteri, cucu dan waris terdekat sahaja. Jika pemberian milik adalah kepada bukan penduduk asal, atau waris-waris terdekat, mereka akan dikenakan premium tanah mengikut nilai harga pasaran semasa.

(iv) Senarai Perkampungan baru mengikut daerah seperti berikut:-

Daerah SPU

Perkampungan Baru Kampung Selamat, Mukim 12.

Daerah SPT

(a) Perkampungan Berapit, Mukim 9
(b) Perkampungan Permatang Tinggi, Mukim 14
(c) Perkampungan Juru, Mukim 13
(d) Perkampungan Macang Bubuk, Mukim 16
(e) Perkampungan Sungai Lembu, Mukim 18

Daerah SPS

(a) Perkampungan Baru Sungai Kechil, Mukim 8
(b) Perkampungan Jawi, Mukim 11
(c) Perkampungan Valdor, Mukim 15

Manakala daerah DTL dan DBD tiada perkampungan baru.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan bin Ayoob Hussain Shah) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

18. Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah menandatangani perjanjian dengan syarikat di Negeri China untuk membina terowong dasar laut dan dua lebuh raya berharga RM6 billion. Siapakah yang menanggung perbelanjaan ini dan sekiranya di tanggung oleh Syarikat Negeri China adakah pertukaran tanah akan berlaku, jika ada di manakah lokasi, keluasan tanah dan kos nilaian sekaki persegi(skp).

Y.A.B. Ketua Menteri:

18. Perjanjian awal yang ditandatangani oleh Kerajaan Negeri dengan Consortium Zenith BUCG Sdn. Bhd. pada 6 Oktober 2013 bukanlah perjanjian untuk pembinaan Projek Link Ketiga (terowong dasar laut) dan 3 buah lebuhraya. Sebaliknya, perjanjian tersebut hanyalah untuk pelaksanaan Kajian Kemungkinan, Laporan Impak Alam Sekitar dan Rekabentuk Terperinci. Kos pelaksanaan ketiga-tiga proses ini adalah sebanyak RM305 juta dan ditanggung oleh pihak syarikat. Sebagai balasan, Kerajaan Negeri akan menyerahkan tanah Kerajaan di Lot 713 atau 702, Seksyen 1, Bandar Tanjung Pinang, Daerah Timur Laut Pulau Pinang dengan keluasan kasar masing-masing 5.73 ekar bagi Lot 713 dan 3.67 ekar bagi Lot 702. Nilai tanah telah ditetapkan pada nilai RM1,300.00 sekaki persegi bagi net developed area untuk kedua-dua lot tersebut. Kerajaan Negeri masih dalam proses rundingan sama ada ingin menyerahkan tanah di Lot 713 atau 702.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan bin Ayoob Hussain Shah) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

19. Sila nyatakan dasar Kerajaan Negeri Pulau Pinang mengenai penduduk miskin tegar dan miskin. Sila nyatakan jumlah penduduk di Negeri Pulau Pinang yang masih tergolong dalam miskin tegar dan miskin. Apakah tindakan Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam membantu mereka.

Y.A.B. Ketua Menteri:

19. Dasar Kerajaan Negeri ialah untuk mengurangkan atau menghapuskan kadar miskin dan miskin tegar. Sehingga kini, Negeri Pulau Pinang adalah negeri pertama yang mencapai sifar miskin tegar dan masih ada seramai 880 keluarga miskin. Pada tahun 2009, Kerajaan Negeri mengumumkan Program Pembasmian Kemiskinan Tegar yang dikuatkuasakan mulai bulan Mac 2009. Tindakan kerajaan ialah memberi bantuan kewangan bulanan kepada kelompok keluarga miskin yang dikenal pasti berdasarkan penarafan Kerajaan Negeri dengan menggunakan PGK RM500.00 sekeluarga (Mac 2009 hingga Mac 2012), PGK RM600.00 sekeluarga (April 2012 hingga Disember 2012) dengan perkapita RM120.00 dan PGK RM770.00 sekeluarga (mulai Januari 2013) dengan perkapita RM220.00.

    Bantuan kewangan tambahan (top up) untuk mencapai PGK RM770.00 yang diberikan oleh Kerajaan Negeri melalui program ini adalah supaya mereka yang dikenal pasti keluar daripada kelompok miskin dan terkeluar dari garis kemiskinan tegar. Selain daripada pemberian Bantuan Kewangan Kerajaan Negeri (BKKN) di dalam bentuk kewangan, Jawatankuasa Pembasmian Kemiskinan Peringkat Daerah juga mempertimbangkan bantuan-bantuan lain melalui agensi-agensi berkaitan seperti berikut :

    (i) Bantuan pembinaan atau pembaikan rumah;

    (ii) Bantuan peralatan untuk meningkatkan pendapatan;

    (iii) Bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat seperti Bantuan Am, Bantuan Orang Tua, Bantuan Kanak-Kanak dan Bantuan Pesakit Telantar;

    (iv) *Job matching* melalui Jabatan Tenaga Kerja;

(v) Bantuan melalui Zakat Pulau Pinang seperti bantuan kewangan dan makanan; dan

(vi) Bantuan Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin (KWAMP) melalui Pejabat Pelajaran Daerah

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan bin Ayoob Hussain Shah) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

20. Sila nyatakan tapak lokasi mengikut daerah dan jumlah unit rumah kos rendah, sederhana rendah dan mampu milik yang akan dibina oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Bilakah projek tersebut akan siap dan berapakah harga sebuah unit rumah kos rendah, kos sederhana rendah dan mampu milik.

Y.A.B. Ketua Menteri:

20. Kerajaan Negeri melalui PDC akan membina sejumlah 19,973 unit perumahan mampu milik di seluruh Negeri Pulau Pinang. Daripada jumlah itu, sebanyak 3,448 unit akan dibina di Bahagian Pulau di mana 1,970 unit daripadanya merupakan rumah kos sederhana rendah dan 1,478 unit rumah kos sederhana. Baki sebanyak 16,525 unit lagi pula akan dibina di Seberang Perai di mana 250 unit daripadanya merupakan rumah kos rendah, 5,609 unit rumah kos sederhana rendah dan 10,666 unit rumah kos sederhana. Butiran projek dan tahun pelaksanaan projek dijangka siap adalah seperti di bawah:-

Bagi rumah kos rendah dan kos sederhana rendah, harga yang telah ditetapkan dalan Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang Tahun 2005- 2020 adalah digunapakai sehingga kini iaitu seperti di Lampiran B. Manakala harga bagi rumah mampu milik yang akan dibina masih belum diputuskan oleh Kerajaan Negeri.

Walau bagaimanapun, bagi projek di S.P. Chelliah, Daerah Timur Laut, rumah kos sederhana rendah adalah berharga RM72,500 manakala rumah kos sederhana adalah berharga di antara RM200,000 hingga RM400,000. Bagi semua projek lain di Bahagian Pulau dan Seberang Perai, harga rumah mampu milik adalah tidak melebihi RM250,000. Selain itu, terdapat juga projek perumahan yang melibatkan pembangunan di atas tanah milik Perbadanan Setiausaha Kerajaan Pulau Pinang (SSI) iaitu seperti berikut:

(1) Projek perumahan bercampur yang akan dibangunkan oleh JKP Sdn. Bhd. di atas Lot PT. 81 – 84, Seksyen 4, Bandar Jelutong, Daerah Timur Laut. Projek perumahan yang terlibat adalah 192 unit rumah kos rendah(RM42,000.00 dan ke atas), 192 unit rumah kos sederhana rendah (RM75,000.00 dan ke atas) dan 382 unit rumah kos sederhana/mampu milik (RM300,000.00 – maksimum). Projek pembangunan di peringkat permohonan kelulusan pelan pindaan dan tambahan kepada Pelan Merancang sedia ada yang telah diluluskan pada 5 Mei 2009 dan dijangka siap pada tahun 2017.

(2) Projek perumahan mampu milik yang akan dibangunkan oleh Silver Channel Sdn. Bhd. di atas Lot 5962, Seksyen 3, Jalan Mak Mandin, Bandar Butterworth, Daerah Seberang Perai Utara. Jumlah unit rumah yang akan dibangunkan adalah 780 unit (5 blok bangunan) dengan harga RM235,000.00 seunit. Projek pembangunan di peringkat kelulusan Pelan Merancang dan dijangka siap pada tahun 2017.

Lihat Folder Lampiran So. 20 (ID255 BSHAHS)

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan bin Ayoob Hussain Shah) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

21. Sila nyatakan secara terperinci status keuntungan dan kerugian (jika ada) yang dialami oleh Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) dan anak syarikat PDC sehingga Jun 2013. Jika ada kerugian, jelaskan dengan terperinci.

Y.A.B. Ketua Menteri:

21. Maklumat mengenai status keuntungan dan kerugian bagi PDC dan anak-anak syarikatnya bagi tempoh Januari sehingga Jun 2013 adalah seperti berikut:

Bil.	Nama Syarikat	Jumlah Keuntungan/ (Kerugian) Terkumpul RM	Catatan
1	PDC	1,427,317,649	
2	* PDC Properties Sdn. Bhd.	34,716,985	
3	* PDC Telecommunication Sdn. Bhd.	15,081,108	
4	* PDC Consultancy Sdn. Bhd.	8,960,973	
5	PDC Premier Holdings Sdn. Bhd.	7,222,447	
6	* PDC Setia Urus Sdn. Bhd.	4,323,584	
7	& PDC Events & Advertsing Sdn. Bhd.	865,096	
8	Penang Global Tourism Sdn. Bhd.	192,311	
9	* PHC Management Sdn. Bhd. (PFCM)	4.608	Merupakan syarikat yang diaktifkan semula pada 1 Jan 2012, dahulunya dikenali sebagai Pen-Urus Harta Sdn. Hjd. Yang telah berhenti operasi sejak tahun 1005. Kerugian adalah kerana kos pengurusan yang ditanggung oleh syarikat. Syarikan mulai menjadana syarikat Oleh syarikat. Syarikat mulai menjana keuntungan pada tarhun kewangan 2013.
10.	* PDC Home Sdn Had Bhd.	87,928	Sebelum ini syarikat dikenali sebagai PDC Ar & T Total Management Sdn. Bhd. Yang telah berhenti beroperasi pada tahun 2004. Syarikat diaktifkan semula dengan nama PDC Homes Sdn. Bhd. Pada tahun 2007. Kerugian terkumpul adalah merupakan kerugian daripada PDC Ar & T Total Management snd. Bhd. Walau bagaimanapun, jumlah kerugian terkumpul ini telah berkrangan dari tahun ke tahun semenjak PDCH beroperasi dan telah menunjukkan keuntungan pada tahun kewangan 2013

Bil.	Nama Syarikat	Jumlah Keuntungan/ (Kerugian) Terkumpul RM	Catatan
11.	PIHK Developmeny Sdn. Berhad/		PIHH berperanan membangun dan mempromosikan industri halal di Pulau Pinang khususnya untuk menjenamakan Pulau Pinang sebagai hab halal antarabangsa. Oleh itu, PIHH merupakan sebuah *cost centre entity* dan bukan berasaskan keuntungan. Kerugian terkumpul disebabkan oleh perbelanjaan yang belum dikontra dengan geran yang diterima pada tahun kewangan 2012.
12	* PDC Nusabina Sdn. Bhd. (PDCN)		Kerugian berpunca daripada kegagalan PCDN untuk memperolehi tender yang disertai dalam pasaran terbuka termasuk tender yang dikeluarkan oleh PDC dan juga anak-anak syarikat PDC. Pihak Pengurusan PDCN sentiada mencari peluang perniagaan baru yang menjamin pulangan yang baik untuk terus beroperasi dan mengurangkan kerugian terkumpul dari tahun ke tahuj, syarikat mula memperolehi keutungan berjumlah RM72,640 mulai tahun 2012
Nota: Merupakan Anak syarikat miliha penuh PDC Premier Holding, Sdn. Bhd.			

Tak Ada Lampiran Dlm Sistem Bshahs Id 256 (21)

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan bin Ayoob Hussain Shah) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

22. Banjir kilat sering berlaku di negeri ini. Apakah tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk mengatasi masalah ini.

Y.A.B. Ketua Menteri:

22. Banjir kilat adalah berlaku disebabkan hujan yang lebat dan berpanjangan, aktiviti pembangunan yang berleluasan tanpa kawalan, sistem perparitan yang tidak efisien, kawasan rendah dan kesan air pasang.

Projek-projek tebatan banjir yang dijalankan oleh Kerajaan Negeri adalah bertujuan untuk menguruskan masalah banjir supaya impak banjir dapat dikurangkan kepada tahap yang minimum. Dalam pelaksanaan rancangan tebatan banjir, JPS merupakan pakar runding utama yang dipertanggungjawab untuk melaksanakan tugas ini. Selama ini, JPS, MPPP, MPSP dan JKR memang memainkan peranan masing-masing untuk menjalankan Projek Tebatan Banjir bagi mengurangkan impak banjir yang melanda negeri ini. Terdapat dua kategori yang dipraktikkan oleh Kerajaan Negeri bagi mengatasi/ mengurangkan risiko kejadian banjir kilat ini iaitu:

(a) Penyelesaian Secara Struktur:

Penyelesaian secara struktur melibatkan komponen pembinaan kejuruteraan seperti rumah pam, *barrage,* ban, pengukuhan tebing, mendalam dan melebarkan sungai, pembinaan kolam takungan, empangan dan juga pelencongan sungai.

(b) Penyelesaian Secara Bukan Struktur:

Penyelesaian secara bukan struktur melibatkan pelbagai agensi yang berkaitan seperti kempen Cleaner Greener Penang, Program gotong royong bersama JKKK tempatan, penyediaan kajian-kajian dan reka bentuk terperinci bagi sesuatu lokasi yang mengalami masalah banjir, Sistem Ramalan Awal Banjir, Stesen Siren, Public Info Banjir dan Penempatan Semula Penduduk seperti di RTB Sungai Pinang Fasa I dan II.

Tindakan MPSP untuk mengatasi masalah banjir kilat di kawasan Seberang Perai adalah seperti berikut:

(1) Menaik taraf parit yang bermasalah yang menyebabkan banjir kilat seperti:

(a) Cadangan Menaik Taraf Sistem Perparitan Dan Infrastruktur Di Sekitar Taman Transkrian, Mk. 9, Seberang Perai Selatan.

(b) Projek Tebatan Banjir dan menaik taraf Parit Di Sekitar Jalan Kampung Baru, Bukit Mertajam, Seberang Perai Tengah.

(c) Cadangan Kerja-Kerja Menaik taraf Sistem Saliran Bagi Mengatasi masalah Banjir Kilat Di Taman Sri Nibong, Nibong Tebal.

(d) Kerja-Kerja Menaik taraf Sistem Saliran Bagi Mengatasi Masalah Banjir Kilat Di Taman Siakap, Seberang Jaya, Pulau Pinang.

(2) Memastikan pemaju mengikut garis panduan Manual Saliran Mesra Alam (MSMA) untuk reka bentuk perparitan.

(3) Pemantauan keadaan parit-parit monsun dan saliran perparitan di seluruh kawasan Seberang Perai khususnya kawasan berisiko banjir *Hot Spot* dan menjalankan pembersihan dari semasa ke semasa bagi mengelakkan saliran tersumbat.

(4) Pemantauan ke atas projek pembangunan dijalankan dari semasa ke semasa bagi memastikan pemaju mengikut spesifikasi Pelan Jalan dan Parit yang ditetapkan terutama dari segi penyediaan kolam tadahan dan penyelenggaraan parit-parit dalam kawasan pembangunan yang sedang dilaksanakan.

Sementara di kawasan MPPP pula, sesetengah kawasan di bawah MPPP masih menghadapi masalah banjir kilat yang perlu diuruskan. Di antara lokasi-lokasi hotspot'yang telah dikenal pasti menghadapi masalah banjir kilat adalah seperti di bawah:**-**

MPPP memang berusaha untuk menjalankan projek-projek mitigasi banjir untuk mengurangkan impak masalah banjir kilat dalam kawasan bandar. Di antara projek-projek tebatan banjir yang telah dirancang untuk mengurangkan masalah banjir kilat dalam kawasan hotspot adalah seperti di lampiran:-

Lihat Folder Lampiran Sol. 22 (ID257 - BSHAHS)

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan bin Ayoob Hussain Shah) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

23. Sila nyatakan dasar Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam bidang pendidikan. Senaraikan nama sekolah dan jumlah peruntukan yang telah disalurkan bagi Sekolah Kebangsaan, Cina, Tamil, Mubaligh dan Sekolah Agama Rakyat bagi tahun 2012 dan 2013.

Y.A.B. Ketua Menteri:

23. Pada dasarnya pendidikan adalah di dalam bidang kuasa Kerajaan Persekutuan. Namun begitu Kerajaan Negeri juga mempunyai dasar tersendiri tentang bidang ini. Dasar Kerajaan Negeri dalam bidang pendidikan boleh diterjemahkan di dalam visi dan strategi Kerajaan Negeri dalam memastikan penglibatan masyarakat dalam semua peringkat pendidikan melalui Majlis Pendidikan Negeri Pulau Pinang (MPNPP) yang ditubuhkan oleh Kerajaan Negeri. MPNPP adalah untuk merealisasikan konsep "Pendidikan untuk Semua" yang tidak menindas sesiapa dari segi pendidikan tanpa sebarang sebab. Majlis ini memainkan peranan untuk melaksanakan inisiatif dan program dengan kerjasama pihak kerajaan, swasta, kumpulan akademik, institusi pendidikan dan badan bukan kerajaan dengan tujuan untuk menutup jurang yang berlaku dalam sistem pendidikan serta memainkan peranaan sebagai pelengkap kepada sistem pendidikan sedia ada. MPNPP menjalankan pelbagai program dan inisiatif demi pembangunan pendidikan yang efektif di Pulau Pinang, walaupun sebahagian daripada program-program ini adalah program one-off.

Selain itu juga, dasar Kerajaan Negeri dalam bidang pendidikan adalah untuk terus membantu meningkatkan kualiti pembelajaran dan pengajaran di sekolah-sekolah. Bantuan kewangan yang telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri kepada sekolah-sekolah bantuan modal termasuk sekolah agama, sekolah Tamil dan Cina adalah secara tahunan berjumlah RM12 juta dengan pembiayaan tahun 2012 dan 2013 seperti lampiran.

Tahun	Sekolah Mubaligh	Sek. Cina/ Persendirian	SAR	Sekolah Tamil	Jumlah
2012	1,256,500	7,277,500	1,749,400	1,750,000	12,033,400
2013	1,269,000	6,517,000	1,750,000	1,750,000	11,286,000

Agihan bantuan kepada sekolah-sekolah mengikut tahun adalah seperti di Lampiran B dan C.

Lihat Folder Lampiran Sol. 23 (ID258 – BSHAHS) B&C

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan bin Ayoob Hussain Shah) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

24. Adakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang bercadang untuk menaikkan elaun Imam, Bilal dan Siak. Jika ada, nyata bila. Jika tiada nyata sebabnya.

Y.A.B. Ketua Menteri:

24. Kerajaan Negeri tidak bercadang untuk menaikkan jumlah elaun yang diberikan kepada Imam kerana elaun tersebut dibayar oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Manakala elaun kepada Bilal dan Siak yang dibayar oleh Kerajaan Negeri telah dinaikkan pada 1 Jun 2011. Elaun Bilal dinaikkan daripada RM180.00 kepada RM342.00 dan elaun Siak dinaikkan daripada RM200.00 kepada RM360.00. Sehubungan itu setakat ini Kerajaan Negeri belum bercadang untuk menaikkan elaun Bilal dan Siak.

Walau bagaimanapun menjadi hasrat Kerajaan Negeri memberikan perhatian khusus tentang kebajikan dan kemajuan pegawai masjid terutama sekali Imam, Bilal dan Siak.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan bin Ayoob Hussain Shah) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

25. Sejak tahun 2008 sehingga sekarang, berapa buah mssjidkah yang telah dibina oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang tanpa bantuan daripada Kerajaan Persekutuan. Jika ada, nyatakan nama masjid dan kos pembinaan. Jika tidak ada, nyatakan sebab-sebabnya.

Y.A.B. Ketua Menteri:

25. Demi kepentingan umat Islam khususnya di Pulau Pinang, Kerajaan Negeri sentiasa bekerjasama dengan kerajaan pusat. Sama ada kerjasama berbentuk program kerohanian atau pembangunan fizikal. Sepertimana amalan bekas Kerajaan Negeri terdahulu, kos pembinaan masjid dibiayai secara bersama. Kerajaan Negeri menyediakan tanah dan sebahagian kos pembinaan, sementara kerajaan pusat membiayai kos bangunan.

    Masjid yang telah siap dan sedang dibina sejak 2008 sehingga 2013, seperti berikut :

    (1) Masjid Abdullah Fahim
    (2) Masjid Farlim Air Hitam
    (3) Masjid Tasek Gelugor
    (4) Masjid Simpang Tiga Tasek Gelugor
    (5) Masjid Kota Aur
    (6) Masjid Lahad Kepar
    (7) Masjid Lahad Kabut
    (8) Masjid Junjung
    (9) Masjid Timah
    (10) Masjid Telok Kumbar
    (11) Masjid Kelawai
    (12) Masjid Sungai Gelugor
    (13) Masjid Telaga Air
    (14) Masjid Sungai Acheh

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan bin Ayoob Hussain Shah) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

26. Sila nyatakan dasar Kerajaan Negeri Pulau Pinang mengenai pengangkutan awam di negeri ini. Berapakah perbelanjaan yang telah disediakan dalam isu pengangkutan awam terutama bas tambang percuma dan nyatakan laluan bas tersebut.

Y.A.B. Ketua Menteri:

26. Dasar utama Kerajaan Negeri mengenai pengangkutan awam adalah menyediakan perkhidmatan yang berkesan untuk semua rakyat Pulau Pinang. Di dalam pelaksanaan Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang, terdapat beberapa laluan baru yang perlu diberi perkhidmatan kepada rakyat. Semua proses pelaksanaan ini sedang dirancang dan dirangka oleh Kerajaan Negeri bersama-sama pihak Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Darat (SPAD). Kerajaan Negeri telah mengambil beberapa inisiatif untuk menggalakkan penggunaan pengangkutan awam. Salah satu inisiatif adalah memberi perkhidmatan bas awam yang percuma kepada orang awam. Perkhidmatan bas awam percuma yang disediakan oleh Kerajaan Negeri adalah:-

    Central Area Transit (CAT)

    MPPP telah melancarkan Perkhidmatan Bas Central Area Transit (CAT) pada tahun 2009. Kos untuk membiayai perkhidmatan adalah sebanyak RM600,000 setahun. Laluan bas adalah dari Pengkalan Weld (Feri) ke KOMTAR sejauh 8 km (pergi balik) dengan 19 perhentian bas yang meliputi kawasan seluas 1 km persegi.

Pelan Induk Pengangkutan menggariskan dasar-dasar seperti berikut:-

(a) Menyediakan jalan yang mesra dan selamat untuk pengguna

(b) Bergerak ke arah mencapai 40% pengguna mod pengangkutan awam dalam kalangan masyarakat Pulau Pinang

(c) Memastikan integrasi antara pengangkutan dan rancangan pembangunan

(d) Memastikan integrasi sistem pengangkutan di antara Pulau dan Tanah Besar

Sementara itu, MPSP pula tidak menyediakan sebarang perkhidmatan bas percuma kepada orang ramai. Walau bagaimanapun, pihak Kerajaan Negeri dengan usahasama Unit Pengurusan Lalulintas Bahagian Kerajaan Tempatan dan Rapid Penang telah melancarkan *Program Bridge Express Shuttle Transit* (BEST), dimana pengguna dari Seberang Perai boleh menggunakan perkhidmatan bas percuma untuk ke KOMTAR dan FIZ Bayan Lepas.

Tiga (3) hub utama perkhidmatan ini adalah di Bandar Perda, Juru Autocity dan Bandar Sunway. Dalam menyokong usaha ini, pihak MPSP telah menyediakan tempat letak kereta percuma kepada pengguna perkhidmatan BEST di Bandar Perda. Jumlah kos bagi perkhidmatan BEST FIZ adalah sebanyak RM154,800.00 sebulan menggunakan 17 buah bas Rapid Penang manakala BEST KOMTAR sebanyak RM18,000.00 sebulan menggunakan 2 buah bas Plusliner.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan bin Ayoob Hussain Shah) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

27. Sila nyatakan dasar Kerajaan Negeri Pulau Pinang mengenai penjaja haram. Apakah langkah-langkah yang telah diambil bagi menyelesaikan isu tersebut.

Y.A.B. Ketua Menteri:

27. Kerajaan Negeri melalui kedua-dua PBT telah menyediakan dasar mengenai penjaja haram. Berdasarkan dasar berkenaan, MPSP tidak membenarkan penjaja haram. Semua penjaja hendaklah mematuhi Undang-Undang Kecil Penjaja (Majlis Perbandaran Seberang Perai) 1991 iaitu setiap penjaja yang berniaga hendaklah mempunyai lesen yang sah dari MPSP. Bagi penjaja haram, tindakan pelbagai peringkat penguatkuasaan diambil dari semasa ke semasa termasuk tindakan pembetulan seperti berikut :

(i) Memberikan Amaran Lisan

(ii) Mengeluarkan Notis

(iii) Mengenakan Kompaun

(iv) Tindakan Rampasan setelah tindakan -tindakan awal gagal

Sehubungan dengan itu, MPSP juga telah dan sedang mengambil tindakan-tindakan berikut bagi membantu penjaja ini dapat beroperasi secara sah iaitu :

(i) Meluluskan lesen penjaja dalam tempoh satu (1) hari setelah mematuhi semua syarat Pelesenan.

(ii) Diskaun 50% diberikan kepada lesen penjaja sejak dari tahun 2010.

(iii) Menyediakan ruang-ruang tambahan di pasar awam dan kompleks makanan sedia ada

(iv) Mewujudkan ruang-ruang penjaja baru di tempat-tempat yang sesuai seperti di Pasar Perkampungan Juru, penempatan semula penjaja Bukit Panchor, Pasar awam Tambun Indah, Pasar Awan Taman Berjaya, Pasar Awam Tasek Gelugor, Pusat Penjaja Pasar Awam Berapit, Kompleks Penjaja Taman Jaya Bukit Mertajam dan Kompleks Penjaja Taman Guar Perahu Indah.

(v) Menawarkan ruang niaga MPSP melalui Temuduga Terbuka kepada semua penjaja haram dan pihak lain yang berminat bagi mengisi kekosongan gerai di kompleks makanan dan pasar MPSP.

(vi) Satu garis panduan khusus mengenai penjajaan secara mudah alih sedang disediakan bagi memudahkan semua pihak.

(vii) Mengeluarkan permit sementara kepada penjaja bagi keluasan-keluasan yang bersesuaian.

Manakala MPPP mempunyai perancangan seperti berikut:

(i) Merancang dan melaksanakan projek pembangunan yang seimbang termasuk penyediaan tapak-tapak penjaja yang lebih sesuai dan strategik.

(ii) Merancang dan mengemaskini keperluan berkaitan pembangunan ekonomi sektor penjaja seperti pasar malam, pasar pagi dan penjaja statik sementara.

(iii) Meningkatkan lagi hebahan-hebahan awam serta pendidikan kepada orang awam maklumat-maklumat berkaitan sektor penjaja.

Bagi mengatasi masalah penjaja haram, MPPP telah dan sedang mengambil tindakan-tindakan berikut:

(i) Berusaha melesenkan tempat-tempat penjaja yang didapati dapat memenuhi syarat-syarat MPPP.

(ii) Menjalankan proses temu duga setiap bulan bagi memberi peluang perniagaan secara sah kepada penjaja di kompleks/pasar/tapak penjaja hak milik Majlis.

(iii) Keutamaan diberi kepada penjaja-penjaja yang telah menjalankan perniagaan untuk pengisian ke tapak kosong kompleks/pasar/tapak penjaja hak milik MPPP.

(iv) Kawalan dan tindakan tegas bagi kes-kes penjaja tanpa lesen yang baru beroperasi.

(v) Keutamaan diberikan kepada penjaja tanpa lesen yang berdaftar ditempatkan di kompleks baru yang diserah oleh pemaju di lokaliti yang sama melalui temuduga tertutup.

Baru-baru ini, Kerajaan Negeri telah menubuhkan Jawatankuasa Dasar dan Penguatkuasaan Negeri yang dipengerusikan YB EXCO Kerajaan Tempatan. Antara lain, Jawatankuasa ini akan memastikan dasar dan penguatkuasaan dilaksanakan terutama diperingkat PBT melibatkan penjaja-penjaja haram dan tindakan diselaraskan di MPPP dan MPSP.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan bin Ayoob Hussain Shah) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

28. Didapati lori yang mengangkut sampah sering kali air dari lori tersebut akan mengalir keluar di atas sepanjang jalan yang dilalui yang menyebabkan bau yang amat busuk. Apakah tindakan yang akan diambil oleh Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) bagi menyelesaikan masalah tersebut supaya tidak berulang di masa hadapan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

28. Dari aspek perkhidmatan yang diberikan oleh kontraktor, tindakan penguatkuasaan oleh MPPP adalah diambil terhadap pelanggaran syarat kontrak termasuk mengakibatkan air mengalir ke jalan dari lori-lori sampah dengan dikenakan *Liquidated Ascertain Damages* sebanyak RM250 bagi setiap kesalahan setiap hari. Kesalahan ini berlaku kerana keadaan lori, tong-tong yang membawa sampah berkenaan bocor serta pengurusan yang kurang baik.

    Bagi mengatasi masalah ini kawasan Balik Pulau, MPPP telah menguruskan pembelian kenderaan-kenderaan yang berikut sebagai menggantikan kenderaan yang usang dengan kos perbelanjaan modal sebanyak RM1,944,500:

(a)	Kompaktor	:	3 unit
(b)	High Side Tipper	:	2 unit
(c)	Prime Mover	:	2 unit

    Manakala bagi kawasan yang lain tindakan yang sama diambil untuk mempertingkatkan tahap perkhidmatan pengangkutan sampah lebih efisien.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan bin Ayoob Hussain Shah) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

29. Berapakah kadar pertumbuhan pendapatan bersih (GNI) bagi Negeri Pulau Pinang? Berapakah perbezaan di antara kaum (ethnic group) di antara penduduk Pulau dan Seberang Perai.

Y.A.B. Ketua Menteri:

29. (a) Sebagai makluman, pertumbuhan pendapatan bersih GNI hanya dibuat bagi peringkat negara sahaja dan bukannya peringkat negeri. Menurut World Bank, GNI bagi Malaysia adalah sebanyak USD 9,800.00 bagi tahun 2012, yang mencatat pertumbuhan sebanyak 11.36% berbanding tahun 2011 (USD 8,800.00). Bagi peringkat negeri, indikator pertumbuhan yang digunakan adalah Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) atau Gross Domestic Product (GDP). Menurut Jabatan Perangkaan Malaysia, GDP Negeri Pulau Pinang pada tahun 2012 mencatat pertumbuhan sebanyak 5.0% berbanding pertumbuhan GDP tahun 2011 sebanyak 3.9%. Kerajaan Persekutuan tidak memberikan maklumat mengikut negeri.

    (b) Selain itu, pertumbuhan pendapatan GDP hanya terdapat bagi peringkat negara dan negeri. Maka, tiada data yang dapat dirujuk untuk menunjukkan perbezaan di antara kaum serta antara penduduk pulau dan penduduk Seberang Perai.

(XIII) Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Dato' Haji Mohd. Salleh Bin Man) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Apakah pelan tindakan terkini untuk pembangunan belia khususnya di Negeri Pulau Pinang? Sila nyatakan objektif yang ingin dicapai.

Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Pelan terkini ialah Penubuhan Perbadanan Pembangunan Belia Pulau Pinang (Penang Youth Development Corporation atau PYDC) pada Julai 2013 lalu jelas menunjukkan komitmen dan keutamaan Kerajaan Negeri untuk membangun dan memperkasa kepentingan dan peranan belia dalam masyarakat. PYDC akan mula beroperasi pada Januari 2014 untuk menyediakan satu platform dan memberi khidmat kepada golongan belia dalam negeri. Diantara objektifnya adalah seperti berikut:-

(i) Menganjurkkan aktiviti pengukuhan rohani, jasmani, ekonomi, dan pendidikan;

(ii) Menggalakan persahabatan dan persefahaman di kalangan belia dari pelbagai bangsa, agama dan budaya;

(iii) Mengemukakan pendapat dan perakuan kepada Kerajaan Negeri mengenai perkara-perkara berkaitan pemantapan sahsiah dan perkembangan belia Negeri Pulau Pinang;

iv) Mengukuhkan hubungan dengan majlis serta pertubuhan belia peringkat kebangsaan dan antarabangsa;

(v) Menjana minda para belia mengenai kesedaran sosial serta isu semasa di dalam negara dan;

(vi) Memupuk perasaan kasih sayang kepada keluarga dan kesetiaan kepada negara.

Selain itu, bagi memenuhi keperluan belia semasa, Kerajaan Negeri telah mengambil inisiatif dengan mewujudkan Pusat Belia Setempat (Youth One Stop Centre) iaitu penubuhan Pusat Pelajaran Pulau Pinang dan Akademi Badminton Pulau Pinang yang bernilai RM4 juta hasil usahasama dan sumbangan Yayasan ECM Libra. Pusat tersebut dibangunkan di Kampung Buah Pala dilengkapi dengan sebuah sudut membaca, dewan serbaguna, bilik kelas dan aktiviti, serta enam gelanggang badminton bagi kegunaan belia selain dapat mencungkil bakat baru dan melatih pemain-pemain badminton muda yang berpotensi untuk bersaing diperingkat antarabangsa. Pusat Belia Setempat ini dijangka beroperasi sepenuhnya pada tahun 2014.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Dato' Haji Mohd. Salleh Bin Man) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

2. (a) Berapakah keluasan tanah rezab Melayu yang terkini di dalam Negeri Pulau Pinang?

(b) Adakah terdapat tanah rezab Melayu yang telah di tukar status semasa pemerintahan Kerajaan Pakatan Rakyat? Jika ada, berapakah keluasan tanah yang telah di tukar status?

Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Kerajaan Negeri Pulau Pinang tidak terdapat tanah yang dikategorikan sebagai tanah rizab Melayu. Tidak ada tanah yang dikategorikan sedemikian sejak Merdeka.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Dato' Haji Mohd. Salleh Bin Man) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

3. (a) Berapa ramaikah rakyat Negeri Pulau Pinang yang berada di bawah tahap paras kemiskinan? Sila nyatakan mengikut pecahan bangsa.

(b) Apakah tindakan terkini oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi menangani masalah kemiskinan rakyat selain daripada pemberian bantuan?

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Dato' Haji Mohd. Salleh Bin Man) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

3. (a) Bilangan penerima bantuan kewangan Kerajaan Negeri dan masih di bawah paras kemiskinan sehingga Oktober 2013 adalah seramai 880 Ketua Isi Rumah (KIR). Pecahan penerima mengikut bangsa adalah seperti di bawah:-

PECAHAN PENERIMA BANTUAN MENGIKUT BANGSA

Daerah	Melayu	Cina	India	Jumlah
DTL	35	19	13	67
DBD	108	5	1	114
SPU	410	7	24	441
SPT	158	11	20	189
SPS	50	7	12	69
JUMLAH KESELURUHAN				**880**

(b) Tindakan yang diambil Kerajaan Negeri adalah memberi bantuan kewangan bulanan (top up) yang diberikan oleh Kerajaan Negeri melalui program ini adalah supaya mereka yang dikenal pasti keluar daripada kelompok miskin tegar. Bantuan bulanan pesakit terlantar sebanyak RM300.00 juga tidak diambil kira sebagai pendapatan Ketua Isi Rumah (KIR). Selain daripada pemberian Bantuan Kewangan Kerajaan Negeri (BKKN) di dalam bentuk kewangan, Jawatankuasa Pembasmian Kemiskinan Peringkat Daerah juga mempertimbangkan bantuan-bantuan lain melalui agensi-agensi berkaitan seperti berikut:

(i) Bantuan pembinaan atau pembaikan rumah

(ii) Bantuan peralatan untuk meningkatkan pendapatan

(iii) Bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat seperti Bantuan Am, Bantuan Orang Tua, Bantuan Kanak-Kanak dan Bantuan Pesakit Terlantar.

(iv) Job matching melalui Jabatan Tenaga Kerja

(v) Bantuan melalui Zakat Pulau Pinang seperti bantuan kewangan dan makanan

(vi) Bantuan Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin (KWAMP) melalui Pejabat Pelajaran Daerah

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Dato' Haji Mohd. Salleh Bin Man) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

4. Apakah usaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang kepada golongan Bumiputera bagi mendapatkan penempatan di Pusat Bandar khususnya di dalam Bandar George Town. Sila nyatakan maklumat penempatan yang telah berjaya ditempatkan bagi unit perumahan dan perniagaan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

4. Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang 2020 (RSNPP 2020) yang diwarta pada 28 Jun 2007 digunakan sebagai asas Pengurusan dan Pelaksanaan oleh Bahagian Perumahan bagi tujuan pengagihan Rumah Kos Rendah dan Kos Sederhana Rendah di Negeri Pulau Pinang iaitu seperti berikut:

Rumah Kos Rendah	Melayu	50%
	Cina & Lain-lain	35%
	India	15%
Rumah Kos Sederhana Rendah	Melayu	30%
	Cina & Lain-lain	55%
	India	15%

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Dato' Haji Mohd. Salleh Bin Man) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

5. (a) Berapakah statistik kes jenayah yang berlaku dalam Negeri Pulau Pinang?

(b) Apakah tindakan Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi menangani masalah ini? Adakah terdapat perubahan melalui tindakan yang diambil oleh Kerajaan Negeri? Sila nyatakan perubahan mengikut statistik terkini.

(c) Adakah pemasangan CCTV di tempat-tempat tertentu dapat mengurangkan kes jenayah? Jika kes jenayah masih meningkat di tempat tersebut, apakah tindakan yang diambil secara efektif selain dari pemantauan CCTV?

Y.A.B. Ketua Menteri:

5. (a) Statistik kadar jenayah mengikut daerah bagi tahun 2011, 2012 dan Januari – Oktober 2013 adalah seperti di Lampiran.

Antara langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri khususnya PDRM dalam membasmi masalah jenayah di Negeri Pulau Pinang ialah :

(i) Pembentukan *Task Force* yang fokus kepada empat (4) jenaya yang menyumbang kepada indeks iaitu samun berkawan tanpa senjata api, samun tanpa senjata api, curi kenderaan dan curi ragut;

(ii) Mempergiatkan tangkapan ke atas saspek dalam tempoh tersebut pada keseluruhannya tahun 2012 sebanyak 4,593 orang telah berjaya ditangkap manakala dalam tempoh Januari hingga Oktober 2013 seramai 3,729 orang telah ditangkap bersamaan 81.2% secara bandingan dengan tahun 2012;

(iii) Mempergiatkan Inisiatif *Omnipresence* dan inisiatif-inisiatif lain dalam NKRA mengurangkan kadar jenayah;

(iv) Program kolaborasi antara agensi dalam membanteras jenayah terus dilaksanakan;

(v) Kerjasama antara kontinjen dalam usaha mengekang kegiatan jenayah diadakan dan tindakan bersama terus dilaksanakan berdasarkan perkongsian maklumat. Contohnya tangkapan kumpulan Colombia yang bergiat aktif di kawasan Pulau Pinang, Pahang, Kuala Lumpur, Selangor, Melaka dan Kedah;

(vi) Mengadakan program dialog dan perbincangan *Community Policing* dengan masyarakat setempat;

(vii) Meningkatkan *charging rate* ke atas pesalah. Dalam tempoh Januari hinga Oktober 2013 kadar pertuduhan untuk tiga jabatan iaitu JSJ, JSJK dan JSJN mencecah 51% melebihi sasaran yang ditetapkan oleh NKRA sebanyak 30%;

(viii) Perancangan pencegahan jenayah secara kolektif diteruskan;

(ix) mengenalpasti penjenayah menerusi integrasi perkongsian maklumat jabatan dipergiatkan;

(x) *Aggressive Policing* dipertingkatkan dengan melaksanakan operasi-operasi terancang seperti Op Kesan, Op Pintu, Op Rentap, Op Tebuk, Op Rantau, Op Lejang, Op Tapis, Op Laras, Op Noda, Op Cantas, Op Cantas Khas, Op Scorpion, Op Tabung dan Op Kargo; dan

(xi) Unit Rondaan Bermotosikal (URB) dalam 10 kawasan perumahan semakin memberikan impak kepada kadar penurunan jenayah.

(b) Antara langkah-langkah yang telah diambil oleh MPPP dan MPSP :

(i) Pencahayaan;

(ii) Pengasingan laluan pejalan kaki dari laluan bermotor (penyediaan bollard / rel penghadang / tanaman landskap / penyediaan laluan motosikal khas / laluan pejalan kaki khas);

(iii) Pemasangan penggera keselamatan;

(iv) Pembersihan kawasan semak samun; dan

(v) Penyediaan peta GIS Program Bandar Selamat dan jenayah.

Salah satu tujuan pemasangan CCTV adalah untuk mengurangkan jenayah. Jika kes jenayah masih meningkat, maka langkah-langkah lain yang dapat diambil adalah menempatkan anggota penguatkuasa sepenuh masa, rondaan yang lebih kera dan sekatan jalan-jalan.

(c) Pemasangan CCTV di tempat-tempat tertentu / hotspot terbukti telah mengurangkan kadar jenayah. Bagi memperkasakan pemantauan / mengekang perlakuan jenayah, pihak Polis telah memperbanyakkan penugasan Unit Rondaan Bermotosikal (URB), menempatkan lebih banyak kiosk, balai bergerak dan Op Payung. Selain itu, pelbagai program kesedaran pencegahan jenayah bersama komuniti dianjurkan oleh pihak PDRM. Tindakan oleh pihak MPPP dan MPSP seperti pemasangan lampu jalan di lokasi gelap dan pemasangan railing melalui projek 'Bandar Selamat' merupakan antara tindakan yang diambil selain daripada pemasangan CCTV.

Lihat Folder Lampiran (ID 278 - BMSM)

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Dato' Haji Mohd. Salleh Bin Man) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

6. (a) Adakah masih terdapat kanak-kanak yang tidak bersekolah?

(b) Jika ada, apakah punca atau sebab kanak-kanak tersebut tidak bersekolah?

(c) Apakah tindakan Kerajaan Negeri Pulau Pinang lakukan untuk menangani masalah kanak-kanak tidak bersekolah?

Y.A.B. Ketua Menteri:

6. (a) Memang masih terdapat kanak-kanak yang tidak bersekolah, satistik sehingga tahun 2012 menunjukkan bahawa seramai 58 murid sekolah rendah dan 1320 murid sekolah menengah telah tercicir dari sistem persekolahan di Negeri Pulau Pinang.

(b) Di antara punca yang dikenal pasti kanak-kanak ini tidak bersekolah adalah kerana masalah keluarga, ingin bekerja, mengikuti keluarga keluar negara dan dibuang sekolah atas masalah disiplin.

(c) Kanak-kanak yang tidak bersekolah ini masih diberi peluang untuk memohon bagi menyambung pelajaran mereka di sekolah-sekolah kerajaan. Selain itu, bagi menangani dan mencegah masalah ini, Kerajaan Negeri telah mengambil inisiatif bagi melindungi dan memperkasakan hak kanak-kanak melalui Dasar dan Pelan Tindakan Jagaan Kanak-Kanak pada 1 Mac 2013. Di antara objektif Dasar dan Pelan Tindakan ini adalah:-

(i) Untuk memastikan bahawa kanak-kanak di negeri ini disediakan dengan keperluan asas seperti identiti, tempat tinggal, makanan, pakaian, keselamatan dan persekitaran yang kondusif dan mesra kanak-kanak.

(ii) Untuk meningkatkan kerjasama antara agensi-agensi kerajaan, badan bukan kerajaan, sektor swasta dan masyarakat setempat dalam penjagaan kesihatan, keselamatan dan pendidikan untuk menjaga kesejahteraan dan kebajikan kanak-kanak.

(iii) Untuk meningkatkan kualiti dan memperluaskan perkhidmatan sokongan dan bantuan sosial mengikut keperluan kanak-kanak, termasuk kanak-kanak kurang upaya, kanak-kanak tanpa kerakyatan, pelarian dan anak-anak yatim.

(iv) Untuk menjalankan program-program untuk menggalakkan dan melindungi hak kanak-kanak terutamanya dari golongan berpendapatan rendah dan kanak-kanak kurang upaya.

(v) Untuk membantu keluarga untuk menyediakan persekitaran yang penyayang, sihat dan selamat untuk kanak-kanak untuk membangunkan potensi mereka sepenuhnya.

(vi) Untuk menjalankan penyelidikan dan pengumpulan data mengenai isu-isu yang melibatkan kanak-kanak, contohnya bilangan perkahwinan kanak-kanak di negeri ini dan latar belakang mereka.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Dato' Haji Mohd. Salleh Bin Man) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

7. (a) Selepas George Town diwartakan sebagai Bandar Warisan Dunia, adakah ia memberikan kesan yang positif kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang?

(b) Bagaimana pula dengan peratus kedatangan pelancong luar negara yang datang melawat Negeri Pulau Pinang? Sila nyatakn mengikut pecahan tahun.

(c) Adakah rakyat Negeri Pulau Pinang menerima manfaat daripada pewartaan tersebut? Sila nyatakan mengikut pecahan tahun?

Y.A.B. Ketua Menteri:

7. (a) Pewartaan George Town sebagai Bandar Warisan Dunia telah memberikan kesan yang positif kepada Kerajaan Negeri dari segi kesesuaian pelancongan. Antara kesan positif yang dapat dilihat adalah:-

(i) Bandar Georgetown bukan sahaja menjadi sentiasa bersih dan kemas tetapi juga didapati bangunan-bangunan warisan yang dipulihara;

(ii) Kewujudan pakej Heritage Trail yang memberi peluang pelancong mendalami nilai warisan Georgetown dengan menaiki beca. Pakej ini juga memberikan pendapatan tambahan kepada pengayuh beca;

(iii) Pulau Pinang sering menjadi hos kepada pengajuran pelbagai forum berteraskan warisan yang menghimpunkan pelbagai Negara.

(b) Jumlah pelancong luar negara yang melawat Pulau Pinang mengikut tahun adalah seperti berikut:-

2008	2009	2010	2011	2012
2,811,175 orang	2,977,642 orang	3,048, 320 orang	3,063,564 orang	3,096,907 orang

(c) Pengiktirafan bandar George Town sebagai tapak warisan dunia UNESCO, telah meransang pertumbuhan aktiviti-aktiviti perhotelan, perniagaan dan perkhidmatan. Pengiktirafan ini secara tidak langsung telah menjana pendapatan kepada peniaga dan pengusaha tempatan terutamanya apabila pelancong datang melawat dalam kumpulan yang besar. Pelaksanaan projek-projek menaik taraf tapak warisan Georgetown turut memberi manfaat kepada rakyat dengan memperolehi kemudahan infrastruktur yang lebih selesa dan selamat serta peluang pekerjaan kepada rakyat.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Dato' Haji Mohd. Salleh Bin Man) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

8. Berapakah perbelanjaan yang dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk mempromosikan Negeri Pulau Pinang sebagai tempat pelancongan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

8. Kerajaan Negeri memperuntukkan sejumlah RM7.5 juta setahun bagi mempromosikan Pulau Pinang sebagai tempat pelancongan. Antara aktiviti promosi yang dijalankan adalah:-

(i) mempromosikan pelancongan Negeri Pulau Pinang di *trade mission* yang disertai di dalam dan di luar Negara;

(ii) mewujudkan kerjasama erat dengan agensi pelancongan dan pihak berkuasa di luar Negara untuk mempromosikan produk-produk pelancongan negeri;

(iii) menjalankan kempen My Penang di Bandar-Bandar *high end* seperti Singapura dan Hong Kong;

(iv) melengkapkan informasi tempat-tempat pelancongan di Pulau Pinang di 'entry point' negeri seperti di Pelabuhan Pulau Pinang dan Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang;

(v) menjenamakan acara-acara bertaraf antarabangsa yang seringkali dianjurkan di Pulau Pinang seperti Penang World Music Festival ke pameran-pameran pelancongan di luar Negara;

(vi) mempromosikan George Town sebagai Bandar Warisan Dunia melalui risalah, mural,dan *familiarization trip* kepada wakil media dan agensi pelancongan dari luar Negara; dan

(vii) mempromosikan keistimewaan dan budaya Pulau Pinang melalui saluran televisyen antarabangsa seperti *Asian Food Channel.*

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Dato' Haji Mohd. Salleh Bin Man) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

9. (a) Adakah masih wujud tempat yang diwartakan sebagai Taman Negara di Negeri Pulau Pinang? Sila nyatakan mengikut pecahan daerah.

(b) Adakah Taman Negara ini diselia urus dengan sebaik mungkin? Siapakah yang menguruskan Taman Negara tersebut?

(c) Adakah terdapat pencerobohan ke atas Taman Negara ini? Jika ada, sila nyatakan kes yang berjaya dikesan oleh Pihak Berkuasa.

Y.A.B. Ketua Menteri:

9. (a) Kawasan yang diwarta sebagai Taman Negara masih wujud iaitu di Taman Negara Pulau Pinang di Telok Bahang, Daerah Barat Daya sahaja. Kawasan ini diwartakan sebagai Taman Negara Pulau Pinang pada 10 April 2003 di bawah Akta Taman Negara 1980 (Akta 226).

(b) Taman Negara ini diuruskan berdasarkan Akta Taman Negara 1980 oleh Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN). Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 (Akta 716) juga turut diguna pakai dalam menguruskan Taman Negara ini.

(c) Setakat ini, tiada pencerobohan yang dilaporkan berlaku di Taman Negara Pulau Pinang.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Dato' Haji Mohd. Salleh Bin Man) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

10. (a) Adakah pelan ekonomi yang dirancang sebelum PRU 13 tercapai oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam masa tahun pemerintahan?

(b) Jika tidak tercapai, sila nyatakan.

(c) Adakah rakyat Negeri Pulau Pinang menerima kesan akibat dari kelewatan pencapaian pelan ekonomi tersebut?

Y.A.B. Ketua Menteri:

10. (a) Sepanjang tempoh penggal pemerintahan Kerajaan Negeri Pulau Pinang sebelum PRU-13, Kerajaan Negeri telah mengambil inisiatif untuk mengukuhkan ekonomi negeri dalam industri-industri utama negeri seperti pembuatan, pelancongan, industri hijau serta industri halal melalui usaha-usaha memudahcara *(facilitation)* yang dilakukan oleh agensi-agensi seperti InvestPenang, Penang Global Tourism, Halal Penang dan sebagainya. Secara umunya pelan ekonomi yang dirancang telah tercapai dengan indikator berikut:

(b) Dari segi pelaburan, Kerajaan Negeri berjaya mencatatkan jumlah pelaburan langsung asing (FDI) yang tinggi dalam tempoh tahun 2008-2013, iaitu sejumlah RM36.1 bilion berbanding RM18.7 bilion yang dicatatkan oleh Kerajaan Negeri terdahulu dari tahun 2003-2007. Ini merupakan peningkatan dua kali ganda, walaupun ekonomi dunia mengalami kemelesetan pada tahun 2008-2009.

(c) Oleh yang demikian, rakyat telah menerima faedah secara langsung dan tidak langsung dari peningkatan pelaburan asing ini apabila faktor ini meningkatkan peluang pekerjaan dan perniagaan kepada rakyat negeri ini. Selain itu, rakyat juga mendapat faedah dari kesan 'rantaian ekonomi' di atas penambahan pelaburan ini hasil dari pelan ekonomi dan strategi yang efektif Kerajaan Negeri selain dari pendekatan tadbir urus (Good Governance) yang baik dan dasar 'Cekap, Akauntabiliti dan Telus' (CAT) yang dilaksanakan sejak 2008. Kerajaan Negeri Pulau Pinang juga melalui badan pemikir iaitu Penang Institute telah merangka Paradigma Pulau Pinang (Penang Paradigm) atau pelan induk Paradigma Pulau Pinang yang telah dilancarkan pada 23 Februari 2013. Pelan induk ini merupakan rangka pelan pembangunan selama 10 tahun dari tahun 2013 dengan matlamat untuk mewujudkan negeri pintar dan bertaraf antarabangsa dengan “masyarakat seimbang” yang merangkumi sifat-sifat kemakmuran, pemerkasaan politik, kemajuan sosial, daya intelektual yang kreatif, alam sekitar yang lestari serta kepesatan budaya.

Dalam pada itu, Paradigma Pulau Pinang telah mengenal pasti tiga pemacu kemajuan, iaitu idea-idea, pelaburan swasta dan infrastruktur awam. Ketiga-tiga pemacu ini harus digembleng melalui dasar-dasar yang menggalakkan dinamisme ekonomi, kesesuaian didiami (liveability) dan kelestarian, serta pembangunan dan keterangkuman sosial (social inclusiveness). Maka dengan itu, Paradigma Pulau Pinang telah mencadangkan beberapa dasar, program dan projek baru serta rombakan dan pengemaskinian dasar-dasar sedia ada demi mencapai objektif negeri pintar dan antarabangsa. Secara keseluruhan, pembangunan Negeri Pulau Pinang secara khusus dan Malaysia secara umum memerlukan anjakan paradigma yang dapat mengurangkan ketirisan, menangani rasuah dan pembaziran, mengagihkan kekayaan kepada semua lapisan masyarakat, memastikan keterangkuman sosial serta memacu pertumbuhan ekonomi yang pesat.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Dato' Haji Mohd. Salleh Bin Man) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

11. (a) Nyatakan pertubuhan atau persatuan di bawah seliaan Hal Ehwal Agama.

(b) Apakah manfaat kewujudan pertubuhan atau persatuan tersebut kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang serta masyarakat yang tinggal dalam Negeri Pulau Pinang?

Y.A.B. Ketua Menteri:

11. (a) Secara umumnya tidak ada pertubuhan atau persatuan di bawah seliaan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam secara khusus. Sebaliknya, Kerajaan Negeri akan mengadakan kerjasama, berganding bahu dengan mana-mana pertubuhan dan NGO Islam bagi manfaat umat Islam berdasarkan keperluan semasa.

(b) Pada 14 Jun 2013, MMK Agama Islam telah menubuhkan Jawatankuasa Pembangunan Saudara Kita, hasil daripada keputusan mesyuarat Majlis Syura Pulau Pinang. Jawatankuasa itu dipengerusikan oleh EXCO Hal Ehwal Agama dan keanggotaannya terdiri daripada pertubuhan dan persatuan Islam antaranya Persatuan Cina Muslim Malaysia, Pertubuhan al-Khadeem Foundation, Persatuan Hidayah Center (MACMA), Islamic Charity Society Penang (ICS), Islamic Propagation Society International (IPSI), Pertubuhan IKRAM Malaysia P.Pinang dan Skuad Mubaligh Malaysia.

Jawatankuasa itu akan memberi tumpuan bagi menangani kes-kes murtad, kebajikan dan bimbingan kepada ‘saudara kita’.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Dato' Haji Mohd. Salleh Bin Man) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

12. (a) Adakah masih wujud tanah yang terabai atau tidak dibangunkan?

(b) Jika ada, mengapa masih berlaku masalah tanah tersebut?

(c) Apakah penyelesaian yang diambil oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk mengatasi masalah tersebut.

Y.A.B. Ketua Menteri:

12. (a) Tanah terabai adalah tanah pertanian yang tidak diusahakan dengan aktiviti pertanian sebagaimana sepatutnya terutamanya tanah sawah.

Dengan adanya infrastruktur pertanian yang sempurna seperti jaringan perparitan, jalan ladang dan tawaran pakej input pertanian yang lengkap, maka sebahagian besar daripada kawasan-kawasan sawah diusahakan secara berterusan dan tidak wujud masalah tanah sawah terbiar yang ketara kecuali bagi petak-petak tertentu.

(b) Masalah ini berlaku kerana disebabkan oleh beberapa kemungkinan seperti:-

(i) Terdapat cadangan untuk menjual dan menukar guna;

(ii) Masalah pemilikan termasuk urusan pesaka kecil yang mengakibatkan pemilikan sekeping tanah yang ramai;

(iii) Petak pemilikan adalah kecil dan tidak ekonomik untuk diusahakan; dan

(iv) Petak sawah tersebut mempunyai pemilik yang ramai dan tiada kata sepakat sama ada untuk mengusaha atau sebaliknya

(v) Terdapat juga keadaan di mana pemilik tanah tidak tinggal di kawasan berkenaan, atau sengaja dibiarkan kerana tuan tanah bukan seorang petani.

(c) Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Pertanian Negeri sentiasa menjalankan program-program yang sesuai bagi menggiatkan aktiviti-aktiviti pertanian. Progam-program ini dikendalikan melalui Jabatan Pertanian, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Jabatan Veterinar, IADP dan beberapa agensi lagi. Program-program bersepadu ini berhasrat untuk membaiki taraf hidup petani dengan penggunaan tanah yang lebih intensif, ekonomik dan meningkatkan produktiviti. Aktiviti-aktiviti galakan dan pengembangan sentiasa diadakan sepanjang tahun.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Dato' Haji Mohd. Salleh Bin Man) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

13. Apakah keberhasilan dari program kitar semula yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang? Nyatakan pelaksanaan mengikut pecahan daerah serta sebutkan agensi yang terlibat dengan program tersebut.

Y.A.B. Ketua Menteri:

13. Pulau Pinang telah mencapai 33% 3RS sejak September 2013 Sasaran kebangsaan adalah 20% pada 2020. Antara keberhasilan dari program kitar semula yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang ialah seperti berikut:

(a) membangunkan komuniti kitar semula melalui *Public Private Partnership Programme* dengan mewujudkan pelbagai model kolaborasi projek dan program pengurangan sisa.

(b) mempergiatkan penggiat kitar semula dengan mewujudkan Pusat Komuniti Kitarsemula seperti di semua lima Daerah melalui LA 21.

(c) mewujudkan kesedaran di kalangan masyarakat awam dan pelbagai pihak penggiat kitar semula melalui penganjuran kempen dan program Cleaner,Greener Penang yang berterusan pada setiap tahun.

(d) mendaftar pengusaha barangan lusuh yang berlesen sebanyak 53 pengusaha Pelaksanaan aktiviti kitar semula mengikut pecahan daerah serta agensi yang terlibat.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Dato' Haji Mohd. Salleh Bin Man) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

14. (a) Apakah tindakan yang diambil oleh Kerajann Negeri Pulau Pinang untuk menangani masalah kesesakan lalu lintas terutamanya di pusat bandar?

(b) Adakah masalah lalu lintas ini berpunca dari pihak yang tidak menjalankan tugas atau sebab-sebab lain?

(c) Apakah alternatif yang dijalankan bagi mengelak kesesakan pada waktu kemuncak terutama di pusat bandar?

Y.A.B. Ketua Menteri:

14. Kerajaan Negeri telah melantik Halcrow Sdn. Bhd. bagi menghasilkan Pelan Induk Pengangkutan Negeri Pulau Pinang sebagai perancangan jangka panjang untuk menangani masalah kesesakan lalu lintas terutamanya di pusat bandar. Pelan Induk tersebut merupakan satu pelan pengangkutan menyeluruh bagi Negeri Pulau Pinang bagi tempoh 2013 – 2030. Pelan ini dijangka dapat menyelesaikan masalah kesesakan untuk jangka masa panjang. Antara strategi utama yang digariskan di dalam Pelan Induk Pengangkutan adalah seperti berikut :

(i) *The Proposed Highway Network Improvement*

(ii) *The Proposed Public Transport Improvement*

(iii) *The Proposed Highway Network Management*

(a) Tindakan yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk menangani masalah kesesakan lalu lintas terutamanya di pusat bandar adalah :-

(i) Melaksanakan pelebaran jalan dan persimpangan, melarang pembelokan ke kanan dan melaksanakan sistem jalan sehala di kawasan-kawasan yang berlakukesesakan.

(ii) Menaik taraf dan menyelaras sistem lampu isyarat bagi mewujudkan *green wave*.

(iii) Melaksanakan perkhidmatan Bas Central Area Transit (CAT) dalam kawasan pusat bandar George Town bagi mewujudkan sistem pengangkutan yang efisien danmenggalakkan penggunaan pengangkutan awam.

(iv) Memasang CCTV di kawasan pusat bandar. Sistem CCTV telah digunakan dengan berkesan untuk meningkatkan keselamatan, pemantauan lalu lintas dan mengawal kesesakan.

(v) Membina dan menaik taraf laluan pejalan kaki, menyediakan lintasan-lintasan berlampu isyarat dan jejantas untuk menggalakkan orang ramai berjalan kaki bagi perjalanan jarak dekat.

(vi) Menyediakan laluan dan kemudahan basikal.

(vii) Melaksanakan *car free day* supaya penggunaan kenderaan bermotor dikurangkan.

(viii) Mengambil tindakan penguatkuasaan dengan menunda atau mengapit roda kenderaan di mana perlu.

(ix) Mensyaratkan penyediaan Laporan *Traffic Impact Assessment* untuk pembangunan baru di kawasan yang padat dan mengambil kira pertambahan kenderaan yang akan dijana akibat daripada pembangunan tersebut.

(b) Masalah kesesakan lalu lintas di Pulau Pinang lebih berpunca daripada perkara-perkara berikut dan bukan dari punca-punca lain

(i) Pertumbuhan kenderaan yang tinggi lebih daripada 100,000 kenderaan didaftarkan setiap tahun di Pulau Pinang.

(ii) Kapasiti jalan yang terhad dan tidak dapat dilebarkan lagi akibat bangunan-bangunan yang membarisi jalan terutama sekali di kawasan pusat bandar.

(iii) Halangan dan gangguan kepada aliran lalu lintas akibat aktiviti-aktiviti tertentu seperti punggah-memunggah dan menjaja.

(iv) Perkhidmatan pengangkutan awam yang tidak menyeluruh dan kurang kekerapan yang menyebabkan orang ramai memandu kenderaan sendiri.

(c) Alternatif yang dijalankan untuk mengurangkan kesesakan pada waktu puncak lalu lintas terutama sekali di pusat bandar adalah :-

(i) Bekerjasama dengan pihak Polis untuk mengawal lalu lintas.

(ii) Mempertingkatkan penguatkuasaan.

(iii) Menyelaras masa lampu isyarat untuk memberi keutamaan kepada pergerakan lalu lintas di jalan-jalan utama.

Di samping itu, tindakan sedang diambil untuk membina jalan-jalan alternatif.

Kerajaan Negeri juga telah mengambil langkah segera bagi menyelesaikan masalah kesesakan lalu lintas di Pulau Pinang amnya dan Jambatan Pulau Pinang khususnya dengan memperkenalkan program Bridge Express Shuttle Transit (BEST) sebagai alternatif. Program ini memberikan perkhidmatan bas percuma bagi penduduk Pulau Pinang yang melalui Jambatan Pulau Pinang setiap hari sama ada dari Seberang Perai Ke Pulau Pinang dan sebaliknya.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Dato' Haji Mohd. Salleh Bin Man) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

15. (a) Berapakah nilai kutipan semua cukai yang diterima oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi dua (2) tahun terakhir?

(b) Bagaimanakah penguatkuasaan terhadap pihak yang masih enggan membayar cukai.

Y.A.B. Ketua Menteri:

15. (a) Kutipan hasil cukai yang diterima oleh Kerajaan Negeri bagi tahun 2011 dan 2012 adalah seperti di jadual.

Hasil Cukai	2011	2012
Cukai Tanah,	106,040,813.96	104,249,740.17
Cukai Parit & Tali Air	666,069.72	666,878.14
Cukai Langsung Yang Lain	191,894.27	229,167.13
Cukai Hiburan	11,277,876.46	11,496,806.07
JUMLAH HASIL CUKAI	118,176,654.41	116,642,591.51

(b) Diantara tindakan-tindakan penguatkuasaan yang diambil terhadap pihak yang enggan membayar cukai adalah :

(i) Bagi kegagalan membayar cukai tanah, pengeluaran notis-notis tuntutan di bawah Kanun Tanah Negara akan dibuat dan jika tidak dijelaskan dalam tempoh yang ditetapkan, maka tindakan susulan adalah tindakan perampasan tanah mengikut Seksyen 100 Kanun Tanah Negara.

(ii) Bagi kegagalan membayar cukai hiburan, tindakan mengeluarkan notis serta pemeriksaan mengejut ke pusat-pusat hiburan.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Dato' Haji Mohd. Salleh Bin Man) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

16. (a) Bagaimanakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang menyalurkan peluang pekerjaan terhadap graduan yang tamat pengajian khususnya graduan anak Negeri Pulau Pinang?

(b) Nyatakan maklumat graduan yang masih menganggur terutamanya bagi anak Negeri Pulau Pinang.

Y.A.B. Ketua Menteri:

16. (a) Kerajaan Negeri telah mempromosikan peluang pekerjaan terhadap graduan yang tamat pengajian khususnya graduan anak Negeri Pulau Pinang melalui Penang CAT Centre. Penang CAT Centre juga telah mengadakan program dan lawatan ke institusi-institusi pengajian tinggi dan penglibatan di Ekspo Pekerjaan. Aktiviti-aktiviti tersebut meliputi, ceramah dan maklumat kepada graduan tentang peluang pekerjaan di Pulau Pinang, serta memperkenalkan laman web Penang CAT Centre yang merupakan pusat sumber kerjaya.

Selain itu, perkhidmatan pemadanan jawatan dengan kerjasama Syarikat-syarikat swasta dan agensi kerajaan telah diadakan.

(b) Mengikut Sumber Perangkaan 2012 Kementerian Pelajaran, bilang graduan dari Pulau Pinang yang belum bekerja 3-4 bulan selepas tamat pengajian adalah 2,026 orang (20%) pada tahun 2011.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Dato' Haji Mohd. Salleh Bin Man) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

17. Sejauh manakah Dasar Perumahan Kerajaan Negeri Pulau Pinang menyokong penduduk Pulau Pinang memiliki rumah sendiri pada harga serendah RM300,000.00 seunit terutamanya di bahagian Pulau? Nyatakan projek perumahan yang telah dan akan dibina di negeri ini.

Y.A.B. Ketua Menteri:

17. Kerajaan Negeri sentiasa menyokong penduduk Pulau Pinang memiliki rumah sendiri pada harga serendah RM300,000.00 seunit. Bagi rumah kos rendah dan kos sederhana rendah, harga yang telah ditetapkan dalan Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang Tahun 2005- 2020 adalah diguna pakai sehingga kini iaitu RM42,000 hingga RM72,500. Manakala bagi rumah mampu milik, harga yang ditetapkan ialah RM400,000 dan ke bawah. Kerajaan Negeri melalui PDC akan menyediakan sebanyak 3,110 unit Rumah Mampu Milik berharga di bawah RM300,000 di Bahagian Pulau dan 16,525 unit Rumah Mampu Milik berharga dibawah RM300,000 di Seberang Perai.

Bagi tempoh 2008 hingga 2013, Kerajaan Negeri melalui PDC telah membina rumah bagi Projek Halaman Kenanga di Sungai Nibong, Pulau Pinang yang mengandungi 714 unit perumahan, di mana 204 unit adalah rumah kos rendah dan 510 unit rumah kos sederhana rendah. Projek ini telah dimulakan pembinaannya pada 25 Januari 2008 dan telah siap pada 31 Januari 2012.

PDC juga telah membina Projek Halaman Seroja, di Bandar Cassia Batu Kawan yang mengandungi 195 unit Kos Sederhana Rendah. Projek ini telah dimulakan pembinaan pada 21 Januari 2010 dan telah siap pada 16 Oktober 2012.

Senarai terperinci mengenai projek perumahan yang akan dibina oleh Kerajaan Negeri melalui PDC adalah seperti di Lampiran.

BIL	LOKASI	DAERAH	KOS RENDAH	KOS SEDERHANA RENDAH	KOS SEDERHANA	JUMLAH UNIT	PROJEK DI JANGKA SIAP
1	S.P. Chelliah	DTL	-	770	1,130	1,900	2017
2	Telok Kumbar	DBD	-	346	348	694	2017
3	Jelutong	DTL	-	556	-	556	2017
4	Pintasan Cecil	DTL	-	298	-	298	2017
	JUMLAH KECIL PULAU			**1,970**	**1,478**	**3,448**	
5	Bandar Cassia Fasa 1	SPS	-	149	371	520	2016
6	Bandar Cassia Fasa 4	SPS	-	491	371	520	2017
7	Bandar Cassia Fasa 7	SPS	-	149	371	520	2018
8	Bandar Cassia Fasa 8	SPS	-	149	371	520	2018
9	Bandar Cassia Fasa (baki 20 fasa)	SPS	-	2,776	6,944	9,720	Selepas Tahun 2018
10	Kampung Jawa	SPU	-	353	354	707	2017
11	Mak Mandin	SPU	250	-	-	250	2017
12	Ampang Jajar	SPU	-	600	600	1,200	2018
13	Bukit Mertajam	SPT	-	484	484	968	2018
14	Juru	SPT	-	800	800	1,600	2018
	JUMLAH KECIL SEBERANG		**250**	**5,609**	**10,666**	**16,525**	
	JUMLAH BESAR		**250**	**7,579**	**12,144**	**19,973**	

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Dato' Haji Mohd. Salleh Bin Man) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

18. Apakah usaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi memastikan pembinaan lokasi perniagaan penjaja dan peniaga kecil benar-benar di lokasi yang strategik? Nyatakan statistik terkini mengikut daerah.

Y.A.B. Ketua Menteri:

18. Antara usaha yang sedang dijalankan oleh kerajaan melalui Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) adalah seperti berikut :

(i) Penentuan tapak penjaja yang lebih strategik seboleh-bolehnya di kawasan hadapan setiap projek pembangunan. Perkara ini diluluskan semasa di peringkat memproses pelan Kebenaran Merancang lagi.

(ii) Mendapatkan ulasan dari semua jabatan teknikal bagi memastikan lokasi yang strategik dan mesra pengguna.

(iii) Tapak tersebut mudah dilihat orang awam dan mudah untuk diselenggara.

Manakala Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) pula telah mewujudkan satu Garis Panduan Baru Penyediaan Ruang Niaga MPSP semasa permohonan kebenaran merancang dan telah diluluskan dalam Majlis Penuh pada bulan Jun 2013. Garis panduan ini menekankan 4 prinsip perancangan utama iaitu :-

(i) Teratur dan sistematik
(ii) Kemudahsampaian dan aksesibiliti
(iii) Keselamatan
(iv) Keselesaan dan keindahan

Garis Panduan diwujudkan bagi mengatasi dan mengurangkan masalah semasa yang dihadapi oleh MPSP seperti ruang niaga kurang mendapat sambutan, terbengkalai, kacau ganggu dan sebagainya. Statistik terkini mengikut daerah adalah seperti berikut :-

DAERAH	SPU	SPT	SPS	DTL	DBD
JUMLAH MASALAH	40	43	12	26	18

Di samping itu Pejabat Daerah dan Tanah juga mencari dan mengenal pasti tanah yang sesuai dan strategik sebagai tapak perniagaan penjaja. Ini bagi mengelakkan pusat penjaja yang terbiar kerana kurang pelanggan disebabkan lokasi yang tidak strategik. Setakat ini, Pejabat Daerah Dan Tanah Daerah Timur Laut (PDTTL) sedang menguruskan 16 unit gerai di beberapa lokasi seperti jadual di bawah.

BIL.	NAMA GERAI	LOKASI	BILANGAN GERAI
1	Arked Tanjung Bunga	Tanjung Bunga	5
2	Moonlight Bay	Tanjung Bunga	2
3	Gerai Sungai Gelugor	Kampung Sungai Gelugor	4
4	Gerai Suruhanjaya Pelaburan (SPPP) Pulau Pinang	Jalan Tun Syed Shah Barakbah	5
		Jumlah	**16**

Gerai-gerai berkenaan dibina di atas tanah Kerajaan dan tujuan gerai-gerai berkenaan dibina adalah untuk membantu golongan peniaga kecil di Daerah Timur Laut bagi meningkatkan pendapatan mereka. Kesemua gerai-gerai berkenaan telah disewakan kepada peniaga tempatan dan beroperasi dengan baik.

Sehingga kini, gerai-gerai dan tapak-tapak penjaja di Seberang Perai Selatan yang dibina, ditempatkan di lokasi yang strategik seperti berhadapan dengan jalan raya ataupun simpang-simpang. Statistik bagi premis tersebut bagi tahun 2008-2013 adalah seperti berikut:-

BIL.	KATEGORI	LOKASI DUN	BILANGAN GERAI
1	Gerai	Kampung Besar Jawi	5
2	Gerai	Seri Ampangan Sungai Acheh	3
3	Tapak Penjaja	Sungai Duri Sungai Bakap	8
4	Tapak Penjaja	Kepala Gajah Sungai Bakap	10
5	Tapak Penjaja	Perkampungan Jawi	40

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Dato' Haji Mohd. Salleh Bin Man) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

19. Sejauh manakah tindakan pemaju mengikuti dasar Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Majlis Agama Islam Negri Pulau Pinang (MAINPP) iaitu mendirikan Pasar Awam serta Masjid atau Surau di lokasi yang strategik. Nyatakan tindakan yang telah berjaya dilaksanakan dan tindakan yang gagal dilaksanakan bermula dari tahun 2010.

Y.A.B. Ketua Menteri:

19. Pelan-pelan Kebenaran Merancang yang dikemukakan oleh pihak OSC MPSP telah diberi ulasan secara sewajarnya oleh pihak MAINPP. Pengecualian untuk binaan surau/penyerahan tapak masjid akan diberikan sekiranya surau/masjid sedia ada terletak berhampiran dengan kawasan cadangan pemajuan atau bilangan penghuni beragama Islam terlalu rendah di kawasan tersebut.

(XIV) Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff bin Mohd Noor) bertanya kepada .YA.B. Ketua Menteri:

1. Tanaman padi merupakan tanaman penting dan membekal sumber beras kepada rakyat negeri ini. Hampir setiap hari kita mendengar tentang tanah-tanah bendang yang telah ditambun untuk pembangunan. Apakah tindakan yang diambil oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk menghalang dari perkara ini berterusan. Berapakah jumlah peruntukan yang disalurkan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang kepada sektor penanaman padi selain daripada peruntukan daripada Kerajaan Pusat?

Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Tindakan yang diambil untuk menghalang tanah-tanah bendang ditambun untuk pembangunan adalah dengan:

   (i) Menguatkuasakan peraturan sedia ada seperti di dalam RSNPP 2020 berkenaan larangan bagi tanah-tanah pertanian dimajukan kecuali dengan kelulusan daripada Jawatankuasa Perancangan Negeri untuk perlingkungan semula bagi tujuan pembangunan;

   (ii) Mensyaratkan agar tuan tanah perlu mendapatkan kelulusan mengeluarkan Warta Tali Air daripada Pihak Berkuasa Negeri bagi tanah-tanah yang terikat dengan Warta Tali Air 1953.

   (iii) Setiap rancangan kerja tambun Tanah memerlukan kelulusan PBT dan kerja tambun tanah dibenarkan hanya diluar kawasan tanaman padi.

   Jumlah peruntukan yang disalurkan oleh Kerajaan Negeri bagi tujuan penanaman padi adalah seperti berikut :-

Tahun	Jumlah
2011	RM500,000.00
2012	RM600,000.00
2013	RM600,000.00

   Status terkini proses pemutihan kawasan sawah padi Negeri Pulau Pinang adalah seperti berikut:

   (i) Daerah Seberang Perai Utara - 70 % siap

   (ii) Daerah Seberang Perai Tengah - 15% siap

   (iii) Daerah Seberang Perai Selatan - 70% siap

   (iv) Daerah Barat Daya - 15% siap

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff bin Mohd Noor) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Bagi peruntukan bandar selamat Kerajaan Pusat telah menyumbang peruntukan sebanyak RM4.75 juta bagi membiayai dua puluh enam (26) projek. Berapa banyakkah peruntukan dan bilangan projek yang dibiayai oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Kerajaan Negeri melalui MPPP telah memperuntukkan sebanyak RM5.31 juta ke atas 17 projek bagi tujuan bandar selamat di bahagian pulau seperti yang disenaraikan di Lampiran A.

   Manakala di Seberang Perai, tiada peruntukan yang telah dibelanjakan oleh Kerajaan Negeri setakat ini. Semua peruntukan untuk program bandar selamat termasuk 24 CCTV adalah daripada Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Walau bagaimanapun, MPSP akan memasang sejumlah 56 buah CCTV dengan peruntukan sendiri untuk tujuan pemantauan jenayah oleh PDRM dan MPSP. Peruntukan ini dianggarkan berjumlah sebanyak RM10 juta.

Lihat Folder Lampiran (ID 287 – MYMN)

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff bin Mohd Noor) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah menubuhkan CAT CENTER bagi membangunkan tenaga kerja di negeri ini. Berapakah peluang pekerjaan yang telah berjaya ditawarka kepada pengganggur oleh pusat tersebut dari tarikh penubuhannya hingga sekarang?

Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Sejak penubuhan CAT Center pada Mac 2009, secara kumulatif, Penang CAT Centre telah melaksanakan pemadanan jawatan untuk 212 buah syarikat. Seramai 14,504 pemadanan jawatan (6,460 pendaftar) telah dijalankan untuk 5,559 jawatan yang diminta dari syarikat-syarikat tersebut.

   Selain daripada itu, Penang CAT Centre telah menawarkan CAT Attachment Program (jawatan 6 bulan yang boleh dilanjutkan 3 bulan lagi) kepada 347 pemohon. Program *Attachmen*t ini adalah dijalankan dengan rakan-rakan agensi Penang CAT Centre, iaitu PDC, MPPP, MPSP dan PBA. Selepas tamat program, 62 orang peserta telah diserap ke dalam agensi berkenaan sebagai pekerja kekal/kontrak.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff bin Mohd Noor) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

4. Kerajaan Negeri Pulau Pinang pernah mendakwa bahawa telah membawa masuk banyak pelaburan baru ke negeri ini

   (a) Berapa banyakkah peluang pekerjaan yang dihasilkan melalui pelaburan baru tersebut?

   (b) Apakah tindakan yang telah dibuat oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui investPenang bagi memastikan para pelabur berminat untuk melabur di negeri ini?

Y.A.B. Ketua Menteri:

4. (a) Pada tahun 2013 sehingga bulan Ogos 2013, sejumlah RM2.1 billion pelaburan telah berjaya di bawa masuk. Daripada jumlah tersebut, jumlah pelaburan baru adalah sebanyak RM863 juta dan sebanyak 3,908 peluang pekerjaan telah diwujudkan melalui jumlah pelaburan baru tersebut.

   (b) Kerajaan Negeri melalui InvestPenang telah mengambil beberapa tindakan bagi memastikan pelabur yang berminat untuk melabur di negeri ini. Berikut adalah beberapa tindakan yang telah di ambil:

(i) Meningkatkan daya saing Negeri dari segi teknologi dan rantaian nilai melalui pelaburan langsung asing yang berkualiti;

(ii) Mempromosikan pelaburan dalam sektor perkhidmatan yang tinggi dalam nilai tambah dan teknologi;

(iii) Membangunkan dan bekerjasama dengan IKS tempatan untuk menjadi lebih kompetitif di peringkat antarabangsa dan meningkatkan kedudukan IKS di dalam rantaian nilai;

(iv) Mengekalkan, melatih dan menguruskan bekalan tenaga mahir di dalam negeri dan menarik tenaga mahir dari luar untuk bekerja di Pulau Pinang selari dengan sokongan Kerajaan Negeri untuk meningkatkan rantaian nilai industri-industri di Pulau Pinang; dan

(v) Menanam minat dalam bidang sains dan kejuruteraan dikalangan generasi muda melalui pendedahan dan penglibatan secara langsung dalam aktiviti anjuran Kerajaan Negeri dan pihak industri.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff bin Mohd Noor) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

5. Sektor perkhidmatan merupakan satu sektor yang berkembang pesat di negeri ini. Apakah langkah-langkah penambahbaikkan yang diambil oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk memperkembangkan lagi sektor ini supaya ia dapat menjana pendapatan negeri?

Y.A.B. Ketua Menteri:

5. Sektor perkhidmatan merupakan satu sektor yang berkembang pesat di negeri ini dan sektor ini mempunyai potensi besar untuk dimajukan sebagai sektor ekonomi utama negeri pada masa hadapan. Pelbagai usaha dan langkah penambah baikkan telah diambil oleh Kerajaan Negeri untuk memperkembangkan lagi sektor ini bagi menjana pendapatan negeri. Antaranya ialah:-

(a) Memberi tumpuan promosi dan pembangunan aktiviti-aktiviti sektor perkhidmatan seperti "Design dan Development", "Shared Services and Outsourcing", "Regional and Operational Headquarters" dan sebagainya.

(b) Mempromosikan Pulau Pinang sebagai hub pendidikan. Ini bertujun untuk membangunkan modal insan yang berdaya saing dan menepati kehendak pasaran. Antaranya ialah dengan penubuhan beberapa institusi pengajian tinggi yang baru seperti *Asian Women Leadership University* di Balik Pulau dan KDU Kolej dan Hull Universiti di Batu Kawan.

(c) Merancakkan sektor pelancongan dan warisan yang merupakan sektor ekonomi kedua terpenting Negeri Pulau Pinang selaras dengan pengiktirafan yang diterima oleh Negeri Pulau Pinang iaitu sebagai 'Eighth Most Liveable City in Asia' oleh ECA International pada tahun 2008-2012 dan paling sesuai diduduki di Malaysia serta '8 *Top Islands in the world You Must Explore Before You Die*' oleh *Yahoo Travel.* Antara projek terbaru ialah dengan membina *Escape Theme Park* di Telok Bahang.

(d) Menganjurkan acara-acara kebudayaan dan tarikan pelancongan di peringkat tempatan dan antarabangsa, menaik taraf dan melindungi Kawasan Warisan Dunia George Town. Antaranya seperti menganjurkan pelbagai aktiviti-aktiviti kebudayaan dan warisan sempena "George Town Festival" yang diadakan setiap tahun. Ini selaras dengan pengiktirafan George Town sebagai Tapak Warisan Dunia oleh UNESCO.

(e) Membangunkan pelancongan *Meetings, Incentives, Conventions and Exhibitions* (MICE), melalui penubuhan dua lokasi MICE iaitu Subterrance Penang International Conference & Exhibition Centre (sPICE) dan Penang Waterfront Convention Centre (PWCC).

(f) Meluaskan perkhidmatan WiFi ("Penang Free WiFi") percuma di seluruh negeri dan menyediakan infrastrukur internet berkelajuan tinggi. Setakat ini, lebih daripada 1550 lokasi hotspot telah disediakan di tempat awam.

(g) Menambah baik infrastruktur dan prasarana seperti menaik taraf Terminal Lapangan Terbang Pulau Pinang dan "North Butterworth Container Terminal" di samping melaksanakan "Electrified Double Tracking Project" dan pembinaan jambatan kedua Pulau Pinang dengan kerjasama Kerajaan Pusat.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff bin Mohd Noor) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

6. Kerajaan Negeri Pulau Pinang dilaporkan akan meneruskan projek pembinaan terowong dasar laut dan komponen tiga lintasan lebuh raya yang menelan belanja RM6.3 billion. Apakah bentuk pembangunan yang bakal diperolehi oleh tiga buah daerah di Seberang Perai hasil daripada pelaksanaan projek tersebut?

Y.A.B. Ketua Menteri:

6. Bentuk pembangunan yang bakal diperolehi di tiga buah daerah di Seberang Perai hasil daripada pembinaan Projek Link Ketiga Pulau Pinang iaitu terowong dasar laut adalah seperti berikut:-

(a) Bagi Daerah Seberang Perai Utara, projek pembinaan terowong dasar laut ini akan memberi impak kepada kepesatan pembangunan di koridor utara bermula dari Butterworth ke Bagan Ajam hingga ke Sungai Dua dan Telok Ayer Tawar dalam bentuk pembangunan bercampur. Pusat-pusat perniagaan dan kawasan perindustrian dijangka akan membangun dengan pesatnya seperti mana yang telah berlaku di kawasan Seberang Perai, Bukit Minyak, Juru dan Batu Kawan akibat daripada jaringan Jambatan Pulau Pinang dan Jambatan Kedua Pulau Pinang. Selain itu, Daerah Seberang Perai Utara juga akan menjadi pusat petempatan utama berikutan adanya kemudahan hubungan jalan raya dengan bahagian pulau negeri ini.

(b) Di Daerah Seberang Perai Tengah, projek pembinaan terowong ini akan dapat menyuraikan kesesakan lalu lintas di Jambatan Pulau Pinang sedia ada. Ini adalah kerana, kenderaan dari arah utara Seberang Perai tidak lagi perlu melalui Jambatan Pulau Pinang untuk ke bahagian pulau, sebaliknya hanya menggunakan terowong. Daerah Seberang Perai Tengah turut dijangka akan merasai limpahan nikmat pembangunan yang akan diterima oleh Daerah Seberang Perai Utara terutama dalam sektor perindustrian, perniagaan dan perumahan terutamanya di koridor pembangunan Seberang Jaya, Bukit Mertajam, Juru, Bukit Minyak dan Permatang Tinggi.

(c) Daerah Seberang Perai Selatan tidak menerima kesan secara langsung akibat daripada pembinaan terowong. Sebaliknya, kesan langsung dirasai dengan pembinaan Jambatan Kedua Pulau Pinang. Dengan adanya 2 buah jambatan dan 1 buah terowong kelak, aliran trafik di ketiga-tiga daerah ini akan lebih lancar. Ini adalah sejajar dengan hasrat Kerajaan Negeri untuk pembangunan mampan berkonsepkan Eco-Town terutamanya di Batu Kawan.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff bin Mohd Noor) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

7. Berapakah bilangan rumah mampu milik (kos rendah dan sederhana rendah) yang telah dibina oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi memenuhi permintaan rakyat negeri ini semenjak tahun 2008 hingga 2013?

Y.A.B. Ketua Menteri:

7. Bagi tempoh 2008 hingga 2013, Kerajaan Negeri melalui PDC telah membina keseluruhan sebanyak 1,623 rumah bagi projek di Halaman Kenanga di Sungai Nibong, Pulau Pinang yang mengandungi 714 unit perumahan, di mana 204 unit adalah rumah kos rendah dan 510 unit rumah kos sederhana rendah. Projek ini telah dimulakan pembinaannya pada 25 Januari 2008 dan telah siap pada 31 Januari 2012.

   PDC juga telah membina Projek Halaman Seroja, di Bandar Cassia, Batu Kawan yang mengandungi 195 unit kos sederhana rendah. Projek ini telah dimulakan pembinaan pada 21 Januari 2010 dan telah siap pada 16 Oktober 2012.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff bin Mohd Noor) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

8. Berapakah jumlah tunggakan penyewa Projek Perumahan Rakyat (PPR) di semua projek perancangan Perumahan Rakyat Kerajaan Negeri? Apakah tindakan yang telah dan akan diambil oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk mengutip semula tunggakan ini?

Y.A.B. Ketua Menteri:

8. Di Negeri Pulau Pinang terdapat empat (4) Projek Perumahan Rakyat (PPR) dan 2 Projek Perumahan Rumah Sewa Kerajaan Negeri iaitu Rumah Pangsa Padang Tembak Blok E dan J dan Pangsapuri Pelangi DTL. Senarai Projek tersebut adalah seperti berikut:

   (a) PPR Taman Manggis, DTL

   (b) PPR Taman Bagan Jaya, SPU

   (c) PPR Ampang Jajar, SPU

   (d) PPR Desa Wawasan, SPT

   (e) Rumah Pangsa Padang Tembak, DTL Blok E dan J

   (f) Pangsapuri Pelangi, DTL

   Jumlah tunggakan sewa dan penyelenggaraan bagi Projek Perumahan Rakyat (PPR) Kerajaan Negeri sehingga bulan Oktober 2013 adalah seperi berikut:

(a)	PPR Taman Manggis, DTL	RM258,168.00
(b)	PPR Bagan Jaya, SPU	RM1,058,216.00
(c)	PPR Ampang Jajar, SPU	RM1,320,000.00
(d)	PPR Desa Wawasan, SPT	RM1,180,650.00
(e)	Blok E & J Padang Tembak, DTL	RM1,325,378.00
(f)	Pangsapuri Pelangi, DTL	RM17,716.00
Jumlah Besar		**RM5,160,128.00**

Antara tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri supaya penyewa-penyewa rumah PPR membayar sewa adalah seperti berikut:-

(i) Penyampaian Bil/ Notis Kepada Penghuni

(a) Pejabat Rancangan Perumahan akan mengeluarkan bil yang menyatakan jumlah tunggakan sewa dan penyelenggaraan untuk diserahkan kepada semua unit penyewa bagi menjelaskan dalam tempoh 14 Hari.

(b) Sekiranya penyewa ingkar mematuhi bil 14 hari tersebut, maka Unit Penguatkuasaan Bahagian Perumahan akan mengeluarkan Notis Amaran 14 hari untuk menjelaskan tunggakan sewa dan penyelenggaraan.

(c) Sekiranya penghuni masih gagal menjelaskan tunggakan selepas tamat tempoh Notis Amaran 14 Hari tersebut, maka Notis Tarik Balik 14 Hari akan dikeluarkan oleh Unit Penguatkuasaan Bahagian Perumahan kepada unit-unit berkenaan.

(d) Sekiranya penghuni masih ingkar dengan arahan Notis Tarik Balik 14 Hari, maka tindakan akhir yang diambil oleh Unit Penguatkuasaan adalah dengan mengeluarkan Notis Pengosongan ke atas unit tersebut. Tindakan tersebut diambil setelah menerima kelulusan daripada Y.B EXCO Perumahan.

(ii) Mengadakan Operasi kutipan dari rumah ke rumah oleh Unit Penguatkuasaan pada hari Sabtu setiap minggu mulai Februari 2012 dan Pembukaan Kaunter oleh Pejabat Rancangan Perumahan setiap Sabtu minggu pertama mulai Januari 2013.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff bin Mohd Noor) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

9. Terdapat peningkatan kes demam denggi pada tahun 2013. Berapa banyakkah pasukan COMBI yang telah ditubuhkan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang di bawah JKKK (N) / ADUN Pakatan Rakyat / Pegawai Penyelaras KADUN bagi membantu mengekang penularan penyakit ini?

Y.A.B. Ketua Menteri:

9. Bagi mengekang masalah demam denggi di Negeri Pulau Pinang, sebanyak 94 Jawatankuasa COMBI diwujudkan di Negeri Pulau Pinang meliputi semua daerah Negeri Pulau Pinang.

Jawatankuasa COMBI ini ditubuhkan melalui Kementerian Kesihatan. Walau bagaimanapun, terdapat jawatankuasa COMBI ini digerakkan oleh JKKK/ADUN Pakatan Rakyat/Pegawai Penyelaras KADUN.

Pecahan jawatankuasa COMBI berdasarkan daerah adalah seperti berikut :

DAERAH	DTL	DBD	SPU	SPT	SPS	JUMLAH JAWATANKUASA
BILANGAN JAWATANKUASA	20	28	20	14	12	94

Daripada jumlah tersebut Jawatankuasa COMBI yang digerakkan oleh JKKK/ADUN Pakatan Rakyat dan Penyelaras KADUN adalah seperti berikut :

Daerah Bilangan Jawatankuasa

DAERAH	DTL	DBD	SPU	SPT	SPS	JUMLAH JAWATANKUASA
BILANGAN JAWATANKUASA	14	14	9	2	3	42

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff bin Mohd Noor) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

10. Apakah fungsi dan peranan Penang Green Office? Berapakah yang diperuntukkan oleh Kerajaan Negeri untuk perbelanjaan operasi pejabat ini?

Y.A.B. Ketua Menteri:

10. Projek Pejabat Hijau Pulau Pinang adalah satu skim pensijilan dilancarkan pada 22hb September 2012.

Objektif projek ini adalah visi menjadikan Pulau Pinang sebagai Negeri Hijau pertama di Malaysia melalui Pendidikan & Pelaksanaan Inisiatif Hijau dalam pejabat-pejabat Kerajaan dan Swasta. Bajet Projek Pejabat Hijau Pulau Pinang pada tahun 2013 adalah RM50,000.00 dan perbelanjaan sebenar sehingga September 2013 adalah RM9,200.00

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff bin Mohd Noor) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

11. Sejauh manakah pelaksanaan gelanggang futsal di Negeri Pulau Pinang yang bernilai RM5 juta yang telah dijanjikan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang pada tahun 2012. Mengapakah Kerajaan Negeri tidak memberi kerjasama dalam membenarkan tanah milik Kerajaan Negeri untuk pembinaan gelanggang futsal oleh Kementerian Belia dan Sukan Malaysia.

Y.A.B. Ketua Menteri:

11. Kerajaan Negeri sememangnya menyediakan peruntukan sebanyak RM5 juta dalam bajet 2013 yang diumumkan pada 2 November 2012 untuk pembinaan sebuah gelanggang futsal di setiap KADUN. Bagi tujuan pembinaan gelanggang futsal terlibat, perlulah dikenal pasti tanah kerajaan yang sesuai. Setakat ini dengan mengambil kira faktor kesesuaian tanah, Kerajaan Negeri telah pun meluluskan pembinaan beberapa gelanggang futsal di beberapa KADUN. Senarai perancangan dan pembinaan mengikut lokasi adalah seperti di bawah:-

Adalah tidak benar sama sekali bahawa Kerajaan Negeri tidak memberi kerjasama kepada Kementerian Belia Dan Sukan Malaysia untuk membina gelanggang futsal di tanah milik Kerajaan Negeri. Ini adalah kerana projek-projek pembiayaan Kerajaan Persekutuan tidak dibawa ke pengetahuan awal Kerajaan Negeri kerana ia diselaraskan oleh Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri Pulau Pinang.

(i) Status pelaksanaan projek gelanggang futsal bagi Daerah Barat Daya adalah seperti berikut:-

Bil	KADUN	Status Pelaksanaan	Anggaran Peruntukan
1.	Batu Maung	Sedang dalam pelaksanaan dan dijangka siap pada 13 Disember 2013.	RM 150,000.00
2.	Pantai Jerejak	Dalam proses mengenalpasti tapak yang sesuai, dijangka pelaksanaan pada tahun 2014.	RM 150,000.00
	Bayan Lepas		
	Pulau Betong		
3.	Telok Bahang	Tapak telah dikenal pasti dan perancangan pelaksanaan adalah pada awal tahun 2014.	RM 150,000.00

(ii) Bagi Daerah Timur Laut, status terikini permohonan yang telah diterima dan sedang dikaji oleh Pejabat Daerah dan Tanah Timur Laut ini adalah seperti berikut :-

Bil	KADUN	Lokasi/Tapak Cadangan	Anggaran Peruntukan
1	Pengkalan Kota	Kawasan tanah lapang, Jeti Tan, Pengkalan Weld	RM 150,000.00
2	Seri Delima	Tapak bersebelahan Dewan JKKK Sungai Gelugor	RM 150,000.00
3	KOMTAR	Tanah lapang bertentangan dengan Apartment Taman Lembah Sungai, Jalan SP Chelliah	RM 150,000.00

(iii) Pembinaan gelanggang futsal bagi Daerah Seberang Perai Selatan pada tahun 2012 telah dilaksanakan di dua (2) kawasan iaitu seperti berikut:-

Bil	KADUN	Lokasi/Tapak Cadangan	Anggaran Peruntukan
1	Sungai Acheh	Berhampiran Pekan Sg. Acheh	RM 150,000.00
2	Sungai Bakap	Kawasan tanah lapang Sg. Kechil	RM 150,000.00

(iv) Pembinaan gelanggang futsal bagi Daerah Seberang Perai Utara pada tahun 2012 dan 2013 telah dilaksanakan di dua (2) kawasan iaitu seperti berikut:-

Bil	KADUN	Lokasi/Tapak Cadangan	Anggaran Peruntukan
1	Penaga	Di kawasan Guar Tuan Syed (2012)	RM 150,000.00
2	Sg Dua	Kawasan Dewan Besar Sg. Dua (2013)	RM 150,000.00

(v) Cadangan pembinaan Gelanggang Futsal bagi Daerah Seberang Perai Tengah adalah seperti berikut:-

Bil	KADUN	Lokasi/Tapak Cadangan	Anggaran Peruntukan
1	Permatang Pasir	Lot 1322, Mukim 3, Permatang Ara	RM 150,000.00
2	Penanti	Padang Awam Taman Guar Perahu	RM 150,000.00
3	Berapit	Padang Permainan Taman Permata	RM 150,000.00
4	Bukit Tengah	Lot 152, Mk 13, Perkampungan Juru	RM 150,000.00
5	Machang Bubuk	Padang Permainan Taman Alma Jaya	RM 150,000.00
6	Seberang Jaya	Padang Awam Permatang Rawa	RM 150,000.00

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff bin Mohd Noor) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

12. Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah menubuhkan Pasukan Peronda Sukarela (PPS). Apakah bidang kuasa dan punca kuasa pasukan ini dalam menjalankan tugas-tugas mereka berbanding Rukun Tetangga yang ditubuhkan berasaskan Akta Rukun Tetangga?

Y.A.B. Ketua Menteri:

12. Penubuhan PPS adalah untuk membantu Pihak Berkuasa Keselamatan dalam menangani kegiatan atau aktiviti sosial yang negatif di sesuatu kawasan termasuk membersihkan kawasan daripada anasir dadah. PPS turut membekal maklumat kepada Polis Diraja Malaysia (PDRM) bagi tujuan memantau dan mencegah kegiatan jenayah, di samping mewujudkan persekitaran kejiranan yang ceria, selamat dan bersatu padu.

    Setiap PPS adalah digalakkan untuk bekerjasama dengan agensi-agensi kerajaan yang lain seperti Polis (PDRM), Bomba, Jabatan Agama Islam Pulau Pinang (JAIPP), Majlis Agama Islam Pulau Pinang (MAIPP), Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang, Jabatan Imigresen, Pihak Berkuasa Tempatan (MPPP dan MPSP) dan lain-lain agensi penguatkuasaan undang-undang yang berkaitan. Hubungan kerjasama ini adalah untuk melancarkan dan memudahkan proses penguatkuasaan undang-undang dalam usaha mengurangkan kadar jenayah.

    Tugasan PPS adalah berlandaskan kepada arahan-arahan Kerajaan Negeri melalui YB ADUN dan Ketua Pasukan masing-masing. Selain itu, punca kuasa PPS juga meliputi dua seksyen dalam Undang-undang Malaysia iaitu Seksyen 27 Kanun Acara Jenayah dan Seksyen 15 Kanun Acara Jenayah.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff bin Mohd Noor) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

13. Terdapat banyak gerai-gerai haram yang tumbuh bagaikan cendawan selepas hujan. Apakah tindakan proaktif Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam menangani peniaga dan penjaja haram ini selain dari tindakan penguatkuasaaan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

13. Tindakan yang diambil oleh Kerajaan Negeri melalui Kedua-dua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) iaitu Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) adalah seperti berikut:-

    Tindakan MPPP

    (i) Mendaftar semua penjaja-penjaja tanpa lesen yang lama di mana berdasarkan bancian yang dijalankan. Setelah semua penjaja tanpa lesen didaftarkan, peringkat kedua adalah untuk mengenal pasti lokasi yang sesuai supaya tidak menimbulkan kacau ganggu dari segi lalu lintas dan kesihatan awam. Mereka akan diberi lesen secara sah tertakluk kepada kelulusan MPPP.

    (ii) Menjalankan proses temuduga setiap bulan bagi memberi peluang perniagaan secara sah kepada penjaja di kompleks/pasar/tapak penjaja hak milik Majlis.

    (iii) Keutamaan diberi kepada penjaja-penjaja yang telah menjalankan perniagaan untuk pengisian tapak kosong kompleks/pasar/tapak penjaja hak milik MPPP.

    (iv) Keutamaan diberikan kepada penjaja tanpa lesen yang berdaftar ditempatkan di kompleks baru yang diserah oleh pemaju dilokaliti yang sama melalui temu duga tertutup.

    Tindakan MPSP seperti berikut :

    (i) Menawarkan peniaga ke ruang niaga MPSP yang bersesuaian.

    (ii) Menempatkan semula penjaja di lokasi yang sesuai.

(iii) Membenarkan Penubuhan Pasar Malam, Pasar Pagi di tempat tempat yang bersesuaian.

(iv) Mengeluarkan permit sementara kepada peniaga yang menjalankan perniagaan di lokasi yang bersesuaian.

(v) Mengambil tindakan penguatkuasaan ke atas penjaja yang didapati mengganggu lalu lintas dan menyebabkan gangguan awam.

(vi) Mewujudkan zon larangan menjaja di lokasi tertentu. Manakala Pejabat Daerah dan Tanah mengambil tindakan proaktif dengan menjalankan pemantauan secara berkala ke atas tanah kerajaan agar tidak diceroboh. Di samping itu, tindakan memberi nasihat dan amaran kepada pihak-pihak yang cuba untuk menceroboh tanah kerajaan turut dilakukan. Selain daripada tindakan penguatkuasaan Pejabat Daerah dan Tanah akan merujuk dan mengadakan perbincangan dengan Pihak Berkuasa Tempatan bagi mengenal pasti premis dan menempatkan peniaga gerai-gerai haram tersebut di astaka / gerai yang diselia oleh Pihak Berkuasa Tempatan berkenaan.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff bin Mohd Noor) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

14. Adakah perancangan untuk menjadikan pasar malam sebagai satu daya tarikan pelancong dalam dan luar negeri agar ia lebih tersusun dan menjamin kelangsungan peniaga serta dapat mengkhususkan tempat berniaga bagi mengelakkan berlakunya kesesakan lalu lintas dan sebagainya?

Y.A.B. Ketua Menteri:

14. Sememangnya Kerajaan Negeri merancang untuk menjadikan pasar malam sebagai salah satu tarikan pelancongan dalam dan luar negeri. Oleh itu, kedua-dua PBT sedang dalam proses merancang penyusunan semula lokasi pasar malam sedia ada supaya lokasi-lokasi pasar malam tersebut adalah lebih strategik dan tidak mengganggu lalulintas dan keselesaan penduduk kediaman yang berhampiran.

    Selain daripada itu juga, sebagai permulaan dan pengenalan, agensi-agensi pelancongan negeri sering membawa pelancong luar terutamanya pelancong asing ke pasar malam yang bersesuaian. Maka, isu kesesakan, keselesaan dan tempat letak kereta merupakan perkara yang perlu difokuskan untuk menjadikan pasar malam di negeri ini supaya salah satu tarikan pelanconan yang menarik.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff bin Mohd Noor) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

15. KOMTAR sebagai satu ikon di Negeri Pulau Pinang tetapi sekarang ini sudah tiada lagi daya penarik dan banyak lot-lot/ruang-ruang pejabat/kedai yang masih kosong yang tidak disewa atau digunakan. Apakah perancangan jangka panjang Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk memastikan KOMTAR tetap menjadi ikon yang dapat dibanggakan oleh rakyat Negeri Pulau Pinang?

Y.A.B. Ketua Menteri:

15. Pelbagai usaha telah dan sedang dijalankan oleh Kerajaan Negeri dengan kerjasama pihak PDC untuk memastikan KOMTAR terus menjadi ikon yang boleh dibanggakan oleh rakyat Pulau Pinang. Salah satu usaha ialah cadangan menaik taraf dan pengubahsuaian aras tertentu KOMTAR dan Kerajaan telah menjemput bidaan terbuka untuk pembangunan KOMTAR iaitu menggunakan kaedah Request for Proposal (RFP).

Melalui kaedah ini, World Equipment Sdn Bhd (WESB), iaitu syarikat di bawah Kumpulan Only World Group (OWG), telah berjaya dipilih untuk melaksanakan kerja-kerja pemulihan dan pembangunan tersebut. Dokumen perjanjian di antara WESB dan PDC telah ditandatangani pada tahun 2012 melibatkan nilai pelaburan berjumlah RM40 juta.

Komponen pembangunan yang dilaksanakan merangkumi Pembangunan semula Kompleks Makanan di Aras 5 (Rooftop) Blok Podium sebagai Dewan Bankuet, Pemasangan *escalator* di *Grand Staircase* dari KOMTAR Walk ke Aras 5.

Pembinaan *observation lifts* di luar Blok Menara yang menghubungi Aras 5 ke Aras 59 dan 60, dan seterusnya ke Aras 64 dan 65, Pembangunan restoran *outdoor dining* di Aras 64 dan 65, Blok Menara dan Aktiviti komersil di ruang terbuka di Aras 5.

Komponen pertama pembangunan ini melibatkan pembinaan Dewan Bankuet di mana kontraktor binaan telah mengambil alih tapak pada 23 September 2013. Kerja-kerja pembinaan Dewan Bankuet tersebut dijangka siap pada pertengahan tahun 2014. Keseluruhan pembangunan yang melibatkan komponen-komponen lain dijangka siap pada tahun 2015.

Pada tahun 2010, PDC telah menawarkan penyewaan ruang seluas 99,851 kaki persegi di Fasa 1B dan 1D, Blok Podium kepada Venice Gateway Sdn Bhd (VGSB) untuk dijadikan ICT Mall. ICT Mall sedang menjalankan aktiviti-aktiviti teknologi maklumat dan komunikasi dan menawarkan pelbagai produk "ICT" kepada orang ramai yang mengunjungi KOMTAR.

Dalam usaha untuk menarik minat khususnya rakyat Pulau Pinang ke KOMTAR , PDC juga telah menawarkan penyewaan ruang di tingkat 1 hingga 4 di Fasa 2 kepada Pasaraya Pacific Hypermarket & Departmental Store Sdn Bhd (Pacific) pada tahun 2008. Pihak Pacific juga telah membangunkan KOMTAR Walk untuk menempatkan kedai-kedai makanan & minuman.

Selain daripada itu, pihak PDC juga telah melaksanakan pelbagai projek naik taraf ruang-ruang di sekitar bangunan KOMTAR dan kerja- kerja landskap.

Kerja-kerja naik taraf melibatkan penaiktarafan ruang-ruang di sekitar bangunan KOMTAR merangkumi kerja-kerja naik taraf tandas-tandas di Blok Podium dan Menara, ubahsuai siling dan lantai, pencahayaan di kawasan berhampiran Pasaraya Pacific, pembaikan kebocoran pada bumbung Dewan Tunku, ubah suai konkos di Aras 3, Blok Podium dan lain-lain lagi. Manakala kerja-kerja "M&E" pula termasuklah penaiktarafan lif di Zon Tinggi dan Zon Bawah, Blok Menara, sistem *chiller* dan "AHU", pemasangan "CCTV" dan pertukaran *handrail belt* pada beberapa escalator. Kos keseluruhan bagi kerja-kerja tersebut sejak tahun 2008 adalah lebih kurang RM28 juta.

Dengan pelbagai usaha dan program yang telah, sedang dan akan terus dilaksanakan, Kerajaan Negeri dan PDC yakin bahawa KOMTAR dapat dikekalkan sebagai bangunan ikon di Negeri Pulau Pinang di samping sebagai tumpuan hub pentadbiran Kerajaan Negeri dan juga satu tarikan pelancong. Projek-projek tersebut akan memberi manafaat kepada peniaga sediada di KOMTAR dan juga rakyat jelata Pulau Pinang.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff bin Mohd Noor) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

16. Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn. Bhd. (PBAPP Sdn. Bhd.) telah mengenakan surcar air yang tinggi kepada pengguna untuk memastikan pengguna menggunakan air dengan lebih berhemah. Nyatakan berapa peratuskah penjimatan yang berlaku bermula dari tarikh pelaksanaan hingga sekarang?

Y.A.B. Ketua Menteri:

16. Sehingga kini pelaksanaan surcaj air tidak menunjukkan penjimatan pengurangan air. Ini mungkin disebabkan kadar takrif air yang masih terendah di Malaysia sungguhpun selepas mengambil kira surcaj air. Keadaan ini dapat dilihat di mana penggunaan per kapita sehari yang semakin meningkat setiap tahun (kecuali tahun 2011). Berikut adalah fakta per kapita seperti dalam jadual berikut:Jadual Perkapita Sehari.

Tahun	Per Kapita Sehari	Peratus Perbezaan
2010	291	-
2011	285	-2%
2012	294	+3%
2013 (sehingga Oktober 2013)	301	+2.4%

Oleh sebab itu, kenaikan Surcaj Air dari RM0.24 ke RM0.48 bagi setiap tambahan 1,000 liter air yang digunakan mulai November 2013 dikuatkuasakan bagi pengguna domestik yang menggunakan lebih daripada 35,000 liter air sebulan.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff bin Mohd Noor) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

17. Program Corporat Sosial Responsibility (CSR) telah dilaksanakan oleh pihak Perbadana Bekalan Air Pulau Pinang Sdn. Bhd. (PBAPP Sdn. Bhd.) Berapakah jumlah yang telah dibelanjakan hingga kini dan kepada siapakah ianya disalurkan. Sila senaraikan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

17. Sejumlah RM9,007,536.00 (2011 - 2013) telah dibelanjakan oleh pihak Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn. Bhd. (PBAPP Sdn. Bhd.) melalui Program Corporate Social Responsibility (CSR). Jumlah perbelanjaan dari organisasi yang menerima bantuan adalah seperti di Lampiran A.

Lihat Folder Lampiran (ID 303 – BMSMN)

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff bin Mohd Noor) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

18. Adakah pihak Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn. Bhd. (PBAPP Sdn. Bhd.) memberi sumbangan kepada persatuan-persatuan sukan? Jika ada, sila nyatakan jumlah yang disalurkan mengikut persatuan-persatuan sukan yang terlibat.

Y.A.B. Ketua Menteri:

18. Sumbangan PBAPP kepada Persatuan-persatuan sukan adalah seperti di bawah:

Nama-nama Persatuan Sukan	2012	2013
1. Majlis Sukan Negeri PP - Agensi angkat untuk pembangunan sukan.	500,000	500,000
2. Persatuan Squash Pulau Pinang - Tajaan untuk PBA Pg International Junior Championship.	75,000	80,000
3. Persatuan Bolasepak Pulau Pinang	300,000	2,035,700
4. Persatuan Angkat Berat Amator Pulau Pinang - Kejohanan Terbuka Malaysia 2013 - Commonwealth Senior, Junior, Youth & World Cup Master Championship.	 - -	 10,000 400,000
5. Persatuan Bina Badan Pulau Pinang î Pertandingan Mr. Malaysia	-	10,000
JUMLAH	**875,000**	**3,035,700**

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff bin Mohd Noor) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

19. Sila nyatakan jumlah keluasan tanah yang telah ditebus guna dan ditukar status pertanian kepada lain-lain status dan senaraikan kawasan-kawasan yang terlibat.

Y.A.B. Ketua Menteri:

19. (a) Jumlah keluasan tanah yang telah ditebusguna ialah 2217.76 ekar. (Butiran adalah seperti di Lampiran A).

(b) Jumlah keluasan tanah yang telah ditukar syarat daripada status pertanian kepada lain-lain status bagi tempoh 2008 – 2013 (Oktober) adalah seluas 1826.48 seperti berikut:-

Daerah	2008 Ekar	2009 Ekar	2010 Ekar	2011 Ekar	2012 Ekar	2013 Ekar	Jumlah Ekar
Daerah Timur Laut	5.40	-	-	9.00	-	1.44	15.84
Daerah Barat Daya	-	4.11	60.49	6.91	61.98	88.88	222.37
Seberang Perai Utara	17.06	7.65	17.81	13.38	36.52	6.58	99.00
Seberang Perai Tengah	69.01	1.65	132.36	340.07	168.49	57.54	769.12
Seberang Perai Selatan	20.37	6.09	492.54	76.98	112.03	12.14	720.15
Jumlah	111.84	19.50	703.20	446.34	379.02	166.58	1826.48

Butiran terperinci adalah seperti di Lampiran B.

Lihat Folder Lampiran (ID 305 – BMSMN)

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff bin Mohd Noor) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

20. Apakah langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi mengatasi masalah bau najis khinzir dan kesan pencemaran kepada penduduk sekitar? Apakah kaedah yang terbaik bagi melupuskan sisa-sisa kumbahan khinzir dan mengapa perkara ini masih menjadi masalah dan tidak dapat diselesaikan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

20. Langkah yang diambil bagi mengatasi bau najis khinzir adalah seperti berikut:-

(i) Mengenal pasti kawasan panas (hot spot) pencemaran bau najis khinzir Kawasan yang dikenal pasti akan diberi rawatan kawalan pencemaran oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) dan JPV juga akan memantau secara berterusan dilakukan ke atas ladang yang telah melakukan pencemaran tersebut.

(ii) Membuat indeks pencemaran bau bagi mengenal pasti tahap sebenar pencemaran bau di ladang khinzir Indeks pencemaran bau ladang khinzir diwujudkan melalui alat pengesan gas bagi menghasilkan bacaan standard. Ladang-ladang yang mempunyai bacaan indeks melebihi 20 ppm akan diberi teguran untuk memperbaiki pengurusan kumbahan ladang tersebut. Sekiranya teguran ini tidak dipatuhi, perkara ini akan dibawa kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) untuk tindakan lanjut.

(iii) Menjalankan program rawatan pencemaran kumbahan najis khinzir di ladang hot spot.

Ladang-ladang yang tidak dapat menjayakan rawatan secara sepenuhnya akan dibantu oleh pihak Jabatan Perkhidmatan Veterinar berdasarkan keupayaan peruntukan yang disediakan. Bagi ladang-ladang yang mempunyai bacaan BOD yang melebihi 50 ppm pengeluaran lesen pergerakan ternakan dihentikan sehingga ladang melakukan pematuhan.

(iv) Program rawatan kumbahan najis khinzir di parit yang memasuki Sungai Kereh.

Rawatan kumbahan najis khinzir yang memasuki saluran parit dan sungai dilakukan bagi tujuan pemuliharaan kualiti air sungai. Sejumlah RM 780,000 diterima daripada Kerajaan Persekutuan manakala RM80,000 disalurkan oleh Kerajaan Negeri bagi tujuan ini.

Pada masa ini, kaedah terbaik bagi melupuskan sisa-sisa kumbahan babi adalah melalui *zero-discharge system* (di mana kumbahan tidak dikeluarkan ke saliran perparitan). Walau bagaimanapun, kaedah penternakan secara zero-discharge masih tidak diamalkan secara meluas. Penyelesaian tindakan melalui kaedah tersebut perlu pemantauan dan pelaksanaan berterusan mengambil kira keadaan pencemaran telah lama berlaku.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff bin Mohd Noor) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

21. Berapa banyakkah peruntukan yang disediakan oleh pihak Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) dalam membaiki dan menaik taraf longkang/parit di kawasan taman perumahan setiap tahun?

Y.A.B. Ketua Menteri:

21. MPSP menggunakan Wang Amanah Jalan bagi kerja pembaikan parit di taman perumahan. Peruntukan yang disediakan untuk tujuan tersebut adalah sebanyak RM 2.5 juta setiap tahun dari tahun 2009 hingga 2013.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff bin Mohd Noor) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

22. Pembinaan terowong dasar laut akan memberi kesan negatif kepada pelabuhan sedia ada, aktiviti nelayan akan terjejas, kawasan perumahan sedia ada perlu dipindah, kemusnahan eko sistem akan berlaku dan pelbagai masalah lain. Apakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan meneruskan projek terowong ini jika hasil kajian terperinci alam sekitar dan kajian lain tidak menyokong pelaksanaannya.

Y.A.B. Ketua Menteri:

22. Kerajaan Negeri tidak akan meneruskan pelaksanaan Projek Link Ketiga Pulau Pinang (terowong dasar laut) sekiranya ia memberi impak yang keterlaluan terhadap alam sekitar mahupun aspek sosial. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri percaya bahawa pelaksanaan projek ini akan dapat direalisasikan dengan penggunaan kaedah dan teknologi terkini sebagaimana yang telah dibuktikan melalui projek pembinaan Terowong Channel yang menghubungi Britain dan Perancis, Terowong Seikan yang menghubungi Honshu dan Hokkaido, di Jepun serta Terowong Marmaray di Turki.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff bin Mohd Noor) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

23. Terdapat banyak bangunan Industri Kecil Sederhana (IKS) yang terbiar dan tidak diusahakan. Apakah tindakan Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam memastikan tidak akan berlaku sebarang pembaziran rizab tanah dan bangunan-bangunan kosong supaya yang sedia ada dapat digunakan sepenuhnya?

Y.A.B. Ketua Menteri:

23. Sehingga kini tiada unit-unit kilang IKS milik PDC di Taman-Taman Perindustrian PDC yang terbiar atau pun tidak diusahakan. Malah terdapat permintaan yang tinggi untuk penyewaan unit-unit kilang IKS ini. Malah PDC mempunyai beberapa permohonan yang terpaksa diletakkan dalam senarai menunggu. Bagi menampung permintaan dan membantu pengusaha-pengusaha kilang IKS ini, pihak PDC telah memulakan pembangunan dan pembinaan projek kilang IKS seperti berikut :

    (i) 27 unit kilang IKS di kawasan Taman Perindustrian Bukit Minyak. Projek ini akan dilaksanakan pada penghujung tahun ini dan dijangka siap pada penghujung tahun 2014.

    (ii) Projek pembangunan kilang-kilang IKS di plot-plot kosong tanah industri di Bayan Lepas.

    (iii) Projek pembangunan semula bagi menaik taraf kilang sedia ada untuk membekalkan kemudahan dan teknologi terkini.

    (iv) Pelaksanaan projek baru di SME Village Bandar Batu Kawan yang akan merangkumi lebih kurang 298 unit kilang siap bina pelbagai jenis. Pembangunan ini akan dilaksanakan dalam 5 fasa mengikut permintaan pasaran.

    Sebagai strategi bagi pelaksanaan projek-projek ini, PDC telah menjalankan kajian-kajian fisibiliti, mengadakan perbincangan dengan pelabur bagi mendapatkan maklum balas serta mempelbagaikan saiz unit-unit kilang siap bina ini bagi menampung dan menyokong permintaan serta kehendak para pelabur.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff bin Mohd Noor) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

24. Kenapakah peniaga-peniaga di kawasan Taman Chai Leng dan Raja Uda yang berniaga hingga memasuki kawasan jalan raya tidak ditempatkan di satu kawasan yang lebih baik dan teratur agar tidak mengganggu laluan lalu lintas?

Y.A.B. Ketua Menteri:

24. Peniaga yang berniaga hingga memasuki jalan raya adalah disebabkan kekurangan tempat/ruang dibandingkan dengan bilangan peniaga yang ramai. Walau bagaimanapun ini adalah tidak sah dan tindakan akan diambil terhadap mereka yang menganggu laluan lalu lintas.

MPSP telah membuat penempatan semula peniaga-peniaga di Taman Chai Leng sebanyak 100 peniaga (termasuk Lebuh Kurau 5 dan gerai pasar awam Taman Chai Leng sebanyak 64 peniaga.

MPSP juga telah membuat penempatan semula penjaja di Jalan Raja Uda Pasar Apollo, di bawah bumbung sebanyak 106 penjaja.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff bin Mohd Noor) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

25. Masjid di Negeri Pulau Pinang telah lama dibina dan memerlukan penyelenggaraan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Berapakah jumlah peruntukan penyelenggaraan masjid dan surau yang telah disalurkan dan nyatakan kariah masjid dan surau yang terlibat.

Y.A.B. Ketua Menteri:

25. Kerajaan Negeri telah membelanjakan sebanyak RM2,124,805.60 untuk penyelenggaraan masjid dan surau pada tahun 2013 iaitu sehingga 14 November 2013. Senarai projek serta masjid yang terlibat adalah seperti berikut:-

Lihat Folder Lampiran (ID 311 – BMSMN)

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff bin Mohd Noor) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

26. Sila nyatakan kejayaan Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk program Meeting, Incentive, Conference and Exhibition (MICE) dan bagaimanakah ia dapat menambat hati orang luar seperti yang dilaung-laungkan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

26. Jawatankuasa Majlis Mesyuarat Kerajaan Bagi Perdagangan dan Perniagaan telah mula menganjurkan Penang International MICE Conference kali pertama pada Disember 2010 yang bertujuan untuk mengorak langkah bagi menjadikan Pulau Pinang yang mula bertapak dalam industri MICE (Meeting, Incentive, Conference & Exhibition). Selanjutnya Penang International MICE Conference kali kedua telah diadakan pada 5 Disember 2011 di Hotel Traders bagi memberi peluang kepada semua pihak yang terbabit di dalam industri MICE (Incentives and Conventions and the Trade Events and Expos) mendapat peluang daripada pakar dalam bidang MICE dari dalam dan luar negara bagi mengukuhkan lagi kedudukan Pulau Pinang sebagai pusat MICE yang utama. Bagi *MICE Conference* kali ketiga yang telah diadakan di Hotel Hard Rock, Batu Feringghi, Penang pada 5 Januari 2013, tumpuan telah diberikan kepada aspek penubuhan Penang International Convention and Exhibition Bureau (PICEB). Kerajaan Negeri percaya bahawa melalui penubuhan PICEB ini Pulau Pinang dapat dijadikan destinasi bagi mempromosikan Pulau Pinang sebagai pusat MICE antarabangsa. Lagi sekali, MICE Conference Ke-4 diteruskan dan akan diadakan pada 23 November 2013 ini bersama dengan Pelancaran Penang Trade Events 2014 Calendar di Four Points By Sheraton Hotel, Tanjung Bungah dengan tumpuan untuk terus menjadikan Pulau Pinang sebagai destinasi MICE yang utama di rantau ini

Hasil daripada persidangan Penang International MICE Conference, Kerajaan Negeri telah berjaya membangunkan SPICE (Subterranean Penang International Convention and Exhibition Centre) dengan kerjasama pihak swasta iaitu E&O Meridian Sdn Bhd bagi memenuhi keperluan penganjur acara di Pulau Pinang. SPICE ini mempunyai segala kemudahan yang diperlukan bagi penganjuran persidangan tempatan dan juga antarabangsa. Butir-butir projek SPICE ini dalam jadual.

BUTIRAN PROJEK
PROJECT DETAILS:

Status tender	Panggilan tender terbuka
Tarikh pengiklanan RFP kali ke-2	05.07.2010
Tarikh Penjelasan tapak	19.07.2010
Tarikh tutup tender	20.09.2010
Kelayakan	Berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dengan 'paid-up capital' sekurang-kurangnya RM1,000,000.00
Syarikat 'Concessionaire'	Eco Meridian Sdn. Bhd. (EMSB) subsidiary of SP Setia Berhad
Tarikh Menandatangani Perjanjian	19.08.2011
Tarikh 'Vacant Possession'	15.04.2012
Tarikh 'Project Completion' ikut kontrak	15.10.2015
Tempoh pembinaan	3 tahun
Tempoh 'Concession'	15 tahun + 15 tahun
'Total anticipated costs for the project '	RM 250,955,249.00 (dinyatakan dalam kontrak), ditanggung oleh EMSB
Jumlah kos sumbangan daripada MPPP	RM 50,000,000.00
'Project Management Consultant' (PMC)	Arkitek Perunding - East Design Architect Sdn Bhd Jurutera C&S - Chrison Konsultant Sdn Bhd Jurutera M&E - AG Konsult Sdn. Bhd Jurukur bahan - Kuantibina Sdn Bhd

Persidangan MICE yang telah diadakan ini juga telah berjaya meningkatkan aktiviti-aktiviti ekonomi melalui pameran dan ekspo perniagaan yang telah diadakan. Ini terbukti melalui acara-acara Penang Trade Events Calendar mula dilancarkan pada tahun 2009, hanya 15 acara dilancarkan. Pada tahun 2010 terdapat 40 acara, 49 acara dalam tahun 2011, 52 acara pada 2012 dan 62 acara pada tahun 2013 dan terkini 64 acara telah disahkan akan dilaksanakan pada tahun 2014. Sesungguhnya program ini telah merangsang dan membangunkan perdagangan dan perniagaan di Pulau Pinang. Ini adalah petanda baik yang menunjukkan peningkatan acara-acara dan ia sudah semestinya merancakkan aktiviti ekonomi di samping ia akan membantu meningkatkan perkembangan sektor perniagaan dan perdagangan serta pelancongan di Pulau Pinang. Acara-acara yang dilaksanakan ini tidak hanya melibatkan masyarakat tempatan malahan juga pihak luar termasuk dari luar negara. Secara tidak langsung, usaha dan komitmen yang ditunjukkan oleh Kerajaan Negeri telah menunjukkan hasil kejayaan.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff bin Mohd Noor) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

27. Sila nyatakan secara terperinci penggunaan wang zakat Pusat Urus Zakat (PUZ) bagi tahun 2013 pembahagian kepada lapan (8) asnaf yang layak menerimanya.

Y.A.B. Ketua Menteri:

27. Sehingga 31 Oktober 2013, sejumlah RM49,929,687.00 wang zakat Pusat Urus Zakat (PUZ) telah digunakan untuk membantu 8 golongan Asnaf dan butiran terperinci agihan tersebut adalah seperti berikut:

Pecahan Agihan Wang Zakat Mengikut Kategori Asnaf Bagi tahun 2013 (sehingga 31 Oktober 2013)

Bil	Program / Asnaf	Agihan (RM)
1	Asnaf Fakir	4,385,981.00
2	Asnaf Miskin	21,667,175.00
3	Asnaf Muallaf	4,014,890.00
4	Asnaf Ghorimin	1,200,743.00
5	Asnaf Ibnu Sabil	188,262.00
6	Asnaf Fisabilillah	12,810,459.00
7	Asnaf Amil	5,662,177.00
8	Asnaf Ar-Riqab (Hamba)	0.00
	JUMLAH	**49,929,687.00**

Perincian Pecahan Agihan Wang Zakat Untuk Setiap Kategori Asnaf Bagi tahun 2013 sehingga 31 Oktober 2013)

(A)	Asnaf Fakir	Agihan (RM)
1	Saguhati Hari Raya	392,750.00
2	Persekolahan	2,000.00
3	Permulaan IPT	3,600.00
4	Bantuan Kewangan Bulanan	3,160,800.00
5	Bantuan Makanan Bulanan	715,336.00
6	Bantuan Kewangan Sekaligus	7,500.00
7	Program Nur Ramadhan	59,250.00
8	Bantuan Perubatan	43,895.00
9	Bantuan Kecemasan	850.00
	Jumlah Agihan Fakir	**4,385,981.00**

(B)	Asnaf Miskin	
10	Saguhati Hari Raya	3,366,490.00
11	Persekolahan	72,350.00
12	Bantuan Pakaian Seragam Sekolah	561,156.00
13	Biasiswa SMAR	238,800.00
14	Kursus / Motivasi	1,346,491.00
15	Permulaan IPT	2,566,635.00
16	Kelas Persediaan Malam (Prep Class)	82,636.00
17	Biasiswa IPT	2,433,500.00
18	Bantuan Kewangan Bulanan	3,968,250.00
19	Bantuan Makanan Bulanan	246,272.00
20	Bantuan Kewangan Sekaligus	2,269,540.00
21	Program Nur Ramadhan	1,393,484.00
22	Bantuan Perumahan	1,284,124.00
23	Bantuan Modal Perniagaan	39,600.00
24	Bantuan Bencana Alam	173,650.00
25	Program Latihan Keusahawanan	682,406.00
26	Bantuan Perubatan	880,171.00
27	Bantuan Kecemasan	61,620.00
	Jumlah Miskin	**21,667,175.00**
28	**Asnaf Amil**	
29	Amil Zakat Fitrah	529,505.00
30	Amil Zakat Harta	5,132,672.00
	Jumlah Amil	**5,662,177.00**

(D)	Asnaf Muallaf	
31	Pendidikan	148,900.00
32	Skim Galakan -	
	- Saguhati Berkhatan	7,700.00
	- Saguhati Berkahwin	49,000.00
	- Saguhati Memeluk Islam	182,200.00
33	Pembelian Peralatan Ibadah	62,805.00
34	Pengurusan Darul Hidayah	208,450.00
35	Pembangunan Darul Hidayah	3,217,540.00
36	Pembelian Kenderaan	0.00
37	Program Seminar/ Dakwah	14,319.00
38	Program Khas Muallaf	40,935.00
39	Saguhati Hari Raya	54,400.00
40	Bantuan Kebajikan	28,641.00
	Jumlah Muallaf	**4,014,890.00**

(E)	**Asnaf Ghorimin**	
41	Bantuan Orang Berkesusahan Berat	99,795.00
42	Bantuan Rawatan /Pembedahan	1,038,828.00
43	Institusi/ Sekolah Istimewa Islam yang Tidak Mampu	62,120.00
	Jumlah Ghorimin	**1,200,743.00**
(F)	**Asnaf Ibnu Sabil**	
44	Musafir Terputus Belanja	9,062.00
45	Permulaan IPT (Luar Negara)	179,200.00
	Jumlah Ibnu Sabil	**188,262.00**

(G)	**Asnaf Fisabilillah**	
46	Saguhati Pegawai Masjid (30 %)	984,960.00
47	Tambang Menunaikan Haji (pegawai masjid terpilih)	60,000.00
48	Saguhati Guru Agama Sukarela	348,600.00
49	Saguhati Guru Al Quran Sukarela	1,024,800.00
50	Saguhati Naib Kadi	29,780.00
51	Pengurusan Jenazah Tidak Berwaris	38,913.00
52	Saguhati Pegawai Masjid Daerah	95,472.00
53	Kelas-kelas Pengajian Agama	193,710.00
54	Program Dakwah dan Siaran	1,196,285.00
55	Emolumen Kakitangan MAINPP	2,516,890.00
56	Sumbangan Sek Men. Agama Islam	1,018,000.00
57	Sumbangan kpd Pengurusan KITAB	1,500,000.00
58	Sumbangan kpd Tadika Islam MAINPP	415,000.00
59	Sumbangan kpd Pusat Haemodialisis Zakat	1,358,380.00
60	Sumbangan kpd Darul Hannan	600,000.00
61	Sumbangan kpd Bahagian Perkhidmatan Kesihatan PHZ	89,669.00
62	Sumbangan kpd Persatuan Pelajar Pulau Pinang Di Luar Negara (Mesir / Jordan)	10,000.00
63	Sumbangan kpd Inapan Kasih Sayang	1,300,000.00
64	Penyelenggaraan Van Jenazah	30,000.00
	Jumlah Fisabilillah	**12,810,459.00**
(H)	**Asnaf Ar-Riqab (Hamba)**	0.00
	Jumlah Keseluruhan	**49,929,687.00**

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff bin Mohd Noor) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

28. Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah mewujudkan lebih banyak produk pelancongan yang merangkumi aspek kesukanan untuk mengamalkan gaya hidup sihat supaya negeri ini dikenali sebagai "SEMUA ADA DI PULAU PINANG", tetapi mengapakah Stadium Batu Kawan tidak dimainkan peranan untuk mencapai matlamat itu serta berapakah kos penyelenggaraan yang ditanggung oleh Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) setiap bulan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

28. Sejak pengambilalihan pengurusan Stadium Negeri Batu Kawan pada tahun 2009, pihak Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang telah mengambil pelbagai langkah untuk memulihkan kembali Stadium negeri Batu Kawan dan membangunkan kembali penggunaan stadium.

Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang dan Persatuan-persatuan Sukan, Jabatan-jabatan dan Agensi-agensi Kerajaan telah pun menganjurkan beberapa program untuk menjadikan Stadium Negeri Batu Kawan sebagai Stadium Komuniti seperti program“ Pi Batu Kawan – Karnival Buah-buahan dan Makanan 2009”, Liga Bola sepak Piala Malaysia, Kejohanan Olahraga Majlis Sukan Sekolah-sekolah Pulau Pinang, Astro Ceria dan sesi latihan skuad SUKMA untuk acara balapan dan sukan silambam.

Kerajaan Negeri juga menjadikan perkarangan Stadium Negeri Batu Kawan sebagai pusat sukan permotoran sama ada secara mingguan, bulanan atau tahunan. Acara-acara sukan bermotor yang telah dikenal pasti ialah Kejuaraan Cup Prix Malaysia AAM Petronas, Pertandingan Kereta Radio kawalan Jauh, Pertandingan Pocket Bike, Pertandingan Go Kart, Demonstrasi Helikopter Kawalan Jauh, Pertandingan Layang-layang dan Demonstrasi Drif.

Ada di antara program-program yang dijalankan ini juga telah dijadikan program tahunan yang di ketengahkan ke dalam "Penang Calender of Events – Penang Participative Sports" di mana Stadium Negeri Batu Kawan telah menjadi *venue* utama kepada penganjuran program-program sukan berbentuk penyertaan komuniti sejak tahun 2009 sehingga 2013 kini.

Stadium Batu Kawan telah dan sedang digunakan untuk tujuan menjalankan aktiviti sukan untuk semua dan sukan prestasi tinggi.

Stadium Batu Kawan telah digunakan oleh Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang untuk melatih atlet-atlet olah raga negeri. Stadium ini juga telah digunakan oleh sekolah-sekolah berhampiran untuk menganjurkan kejohanan olah raga tahunan masing-masing. Persatuan Bola Sepak Pulau Pinang dan Pasukan Bola Sepak Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd juga telah menggunakan stadium ini sebagai *venue* utama untuk mengadakan perlawanan bola sepak Liga Super, Piala Malaysia, Piala Belia dan lain-lain perlawanan persahabatan bersama dengan persatuan bola sepak yang bernaung di bawah Persatuan Bola Sepak Malaysia.

Di samping itu, persekitaran stadium juga digunakan sebagai trek perlumbaan motosikal seperti *Cup Prix* dan lain-lain aktiviti sukan bermotor.

Di antara cadangan untuk mempertingkatkan penggunaan Stadium Batu Kawan adalah seperti berikut:-

(i) Membina gelanggang untuk lain-lain sukan seperti gelanggang tenis, futsal, bola keranjang dan lain-lain sukan yang sesuai.

(ii) Membina Asrama Sukan.

(iii) Menempatkan ruang pejabat kepada semua Persatuan Sukan Negeri Pulau Pinang.

Dengan pembinaan kemudahan-kemudahan sukan seperti di atas, maka aktiviti sukan akan menjadi lebih meriah. Orang ramai dapat menggunakan kemudahan ini untuk beriadah dan atlet prestasi tinggi juga boleh menjalankan latihan berterusan sekiranya terdapat asrama berhampiran dengan gelanggang.

Selaras dengan program serta promosi yang dijalankan oleh pihak Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang, penggunaan Stadium Batu Kawan telah menunjukkan peningkatan penggunaannya yang mana stadium ini telah ditempah dan digunakan hampir setiap hari untuk perlawanan bolasepak yang merangkumi sebanyak 90% penggunaannya, 5% untuk kejohanan sukan sekolah, dan 5% untuk penggunaan tapak letak kenderaan.

Kos penyelenggaran Stadium Batu Kawan adalah seperti di bawah:-

Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang memulakan pengurusan terhadap Stadium Negeri Batu Kawan bermula pada 30 Januari 2009 daripada Majlis Perbandaran Pulau Pinang.

Kerajaan Negeri telah menyalurkan peruntukan penyelenggaraan sebanyak RM600,000.00 setahun bermula pada tahun 2011 kepada pihak Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang.

Kos Penyelengaraan Bulanan adalah seperti berikut:-

Tempat / Lokasi	Butiran Perbelanjaan	Jumlah Perbelanjaan Sebulan (Terkini pada bulan Oktober 2013) (RM)
Stadium Negeri Batu Kawan Pulau Pinang	Penyelenggaraan Mekanikal & Elektrik	6,490.00
	Bil Air	18,728.50
	Bil Elektrik	6,136.85
	Bil Telefon	52.35
	Kawalan Keselamatan	10,511.52
	Penyelenggaraan Kebersihan	11,000.00
	Penyelenggaraan Padang	6,408.00
	Penyelenggaraan Landskap	4,000.00
	Penyelenggaraan Lift	597.00
JUMLAH PERBELANJAAN SEBULAN		**63,924.22**

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff bin Mohd Noor) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

29. Kerajaan Negeri Pulau Pinang mendakwa telah berjaya membasmi golongan miskin tegar. Sila nyatakan jumlah yang telah berjaya dikeluarkan dan kenapakah masih terdapat banyak golongan gelandangan di kawasan bandar dan data miskin bandar yang mencapai 7,423 orang

Y.A.B. Ketua Menteri:

29. Jumlah penerima yang berjaya dikeluarkan daripada belenggu kemiskinan tegar sehingga Oktober 2013 adalah seramai 880 Ketua Isi Rumah (KIR).

Antara faktor yang menyebabkan masih terdapat golongan gelandangan adalah:-

(a) Peluang yang mudah untuk mencari sumber pendapatan seharian.

(b) Makanan percuma yang disediakan oleh pihak NGO dan orang awam.

(c) Tiada tempat tinggal.

(d) Kurang aktiviti penguatkuasaan

(e) Golongan ini terdiri daripada kalangan berisiko seperti penagih dadah, masalah mental, keluarga bermasalah, penyakit berjangkit dan kaki botol.

Tiada data sebenar golongan gelandangan di Pulau Pinang walau bagaimanapun berdasarkan statistik operasi pengemis dan kutu rayau yang telah dijalankan oleh JKM pada tahun 2012, seramai 288 orang diselamatkan di mana 236 orang merupakan warganegara dan 52 orang merupakan warga asing. Pada tahun ini, sehingga Oktober 2013, JKM telah berjaya menyelamatkan seramai 70 orang pengemis dan kuturayau yang terdiri daripada 64 orang warganegara dan 6 orang warga asing.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff bin Mohd Noor) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

30. Penyelenggaraan tong sampah di kawasan kampung dan taman perumahan agak kurang memuaskan. Berapakah bajet yang diperuntukkan untuk penyelenggaraan sampah dan adakah terdapat sebarang perancangan kaedah terbaik untuk memilih tempat dan kedudukan tong sampah tersebut.

Y.A.B. Ketua Menteri:

30. Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) sentiasa berusaha untuk meningkatkan dan menambah baik perkhidmatan kutipan sampah dari setiap rumah kediaman (landed property) termasuk kawasan kampung dan taman perumahan. Di samping itu MPPP menguatkuasakan Undang-undang Kecil Kebersihan dan Keselamatan Awam MPPP yang memperuntukkan bahawa pemilik atau penghuni premis adalah bertanggungjawab untuk menyediakan tong sampah yang bersesuaian.

Bajet yang diperuntukkan oleh MPPP bagi menyelenggara sejumlah lebih kurang 541 tong tersebut adalah seperti berikut :-

TAHUN	PERUNTUKAN
2009	RM16,000.00
2010	RM19,400.00
2011	RM10,000.00
2012	RM61,960.00
2013	RM65,000.00
2014	RM86,400.00

Selain daripada itu, MPPP juga menyediakan tong-tong sampah komunal (HDPE 660 L) di kawasan-kawasan tertentu yang terdapat masalah akses laluan termasuk pasar dan kompleks serta tapak penjaja.

Manakala bajet bagi kawasan MPSP untuk penyelenggaraan tong sampah komunal adalah seperti berikut :

TAHUN	BEKALAN/PENGGANTIAN	PEMBAIKAN
2009	RM700,000.00	RM10,000.00
2010	RM802,105.00	RM25,000.00
2009	RM700,000.00	RM10,000.00
2010	RM802,105.00	RM25,000.00
2011	RM700,000.00	-
2012	RM500,000.00	RM100,000.00
2013	RM600,000.00	RM150,000.00

Tong sampah komunal sangat diperlukan oleh orang ramai khususnya penduduk kampung, namun sukar ditentukan lokasi yang sesuai kerana pelbagai halangan/masalah. Kaedah semasa yang digunakan untuk memilih tempat lokasi yang sesuai bagi tong sampah komunal adalah dengan membuat lawatan tapak/perbincangan dengan pihak JKKK/RA dan Ahli Majlis kawasan.

Bagi kawasan perumahan kutipan sampah dilakukan dari rumah ke rumah, manakala bagi kawasan pembangunan strata yang diuruskan oleh Perbadanan Pengurusan, lokasi pusat pengumpulan sampah adalah seperti yang terdapat dalam pelan kebenaran merancang yang diluluskan.

(XV) Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Kebersihan adalah tanda aras sesebuah komuniti itu memiliki kesedaran sosial yang tinggi. Justeru itu, bagaimanakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang membina masyarakat agar tahap kesedaran sosial meningkat demi meneruskan agenda Negeri Pulau Pinang Bersih, Hijau, Sihat dan Selamat?

Y.A.B. Ketua Menteri:

1. MPSP mengambil tindakan berikut di dalam usaha membina masyarakat agar tahap kesedaran sosial mengenai kebersihan meningkat iaitu :

(i) Pendidikan di Peringkat Sekolah

Program Anugerah Sekolah Hijau

Program ini diadakan untuk memberi pendekatan secara holistik dalam pengurusan alam sekitar dan menggalakkan penambahbaikan secara berterusan. Program ini menerapkan pendidikan alam sekitar kepada semua pelajar untuk membina generasi yang mampu menjaga alam sekitar untuk masa hadapan. Jumlah sekolah yang terlibat adalah seperti berikut:

PENGLIBATAN SEKOLAH DALAM PROGRAM SEKOLAH HIJAU

TAHUN	2010	2011	2012	2013
SEKOLAH RENDAH	14	19	33	59
SEKOLAH MENENGAH	16	17	20	27
JUMLAH SEKOLAH	30	36	53	86

Program Sisa Sifar

Program sisa sifar diadakan untuk menjadikan amalan kitar semula sebagai satu budaya di kalangan pelajar bermula dari peringkat sekolah. Amalan ini perlu bagi mendidik pelajar bersama-sama memulihara alam sekitar daripada terus tercemar. Bilangan sekolah yang terlibat dengan Program Sisa Sifar adalah seperti berikut:

PENGLIBATAN SEKOLAH DALAM PROGRAM SISA SIFAR

TAHUN	2012	2013
SEKOLAH RENDAH	4	20
SEKOLAH MENENGAH	2	12
JUMLAH SEKOLAH	6	32

(ii) Pendidikan di Peringkat Komuniti

Anugerah Komuniti Mampan

Program ini adalah untuk memberikan pengiktirafan kepada komuniti bagi melahirkan sebuah masyarakat dan komuniti setempat yang sihat dan peka terhadap isu-isu alam sekitar untuk diseimbangkan dengan perkembangan ekonomi dan pembangunan sosial. Bilangan komuniti yang terlibat adalah seperti berikut :

TAHUN	2013
Bil. Komuniti	8

Penubuhan Pusat Sumber Alam Sekitar

Pendidikan kesedaran kepada komuniti tentang mengitar semula sampah dijalankan supaya dapat membantu mengurangkan kos pelupusan sampah. Penubuhan Pusat Sumber Alam Sekitar adalah seperti berikut :

TAMAN PERUMAHAN	4
KAMPUNG	1

Selain itu, MPSP telah menawarkan 20 lot tanah bekas tangki najis dan depoh sampah untuk disewakan oleh JKKK, persatuan penduduk, rukun tetangga, pertubuhan-pertubuhan serta syarikat swasta yang berminat bagi tujuan pusat kitar semula / kompos. Sehingga 31 Oktober 2013, sebanyak 6 lot telah disewakan bagi tujuan pusat kitar semula / kompos.

Lebih banyak tapak-tapak yang seumpamanya akan dibuka oleh MPSP di masa hadapan untuk disewakan bagi tujuan pusat kitar semula / kompos. Selain itu, MPSP juga menjalankan program Senamrobik Bersama NGO termasuk Persatuan Penduduk setiap bulan pada hari Ahad minggu pertama di Taman Tunku Seberang Jaya, minggu ketiga di Taman Tugu Kota Demokrasi Bagan serta minggu keempat di Taman Berjaya Nibong Tebal. MPSP turut mengadakan Jelajah Bersih di ketiga-tiga daerah disamping program-program sukan berbasikal di ketiga-tiga daerah SPU, SPT dan SPS.

Program dan aktiviti MPPP yang telah dijalankan bagi meningkatkan tahap kesedaran sosial demi meneruskan agenda Pulau Pinang Bersih, Hijau, Sihat dan Selamat adalah seperti berikut:

Program Bandar Selamat, Majlis Perbandaran Pulau Pinang telah dilaksanakan sejak dari tahun 2004 selaras dengan pelancaran Program Bandar Selamat peringkat Kebangsaan. MPPP telah mengunakan peruntukan sendiri bagi menjayakan program ini bagi menjamin keselamatan rakyat terjamin dari jenayah jalanan.

MPPP mempertingkatkan usaha untuk jaminan keselamatan orang awam dan sistem kawalan trafik kepada masyarakat negeri ini dengan pemasangan 31 unit kamera litar tertutup (CCTV), 2 unit CCTV mobile kepada PDRM termasuk 4 unit kiosk Alarm Keselamatan yang telah dipasang di Upper Penang Road dan Gurney Drive, dengan kos sebanyak RM 4.8 juta bagi 5 tahun. Pada tahun 2010, Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan telah memperuntukan 24 CCTV kepada MPPP dan pada 2012, Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan akan memperuntukan sebanyak 32 CCTV dibawah Fasa II.

Pada tahun 2009, Lab NKRA Mengurangkan Jenayah yang diadakan pada 5 Oktober 2009 hingga 19 November 2009 untuk meningkatkan keselamatan awam. Program Bandar Selamat 2004 disyorkan menjadi asas utama untuk mencegah jenayah jalanan; program seumpana ini telah menunjukkan kejayaan di bandar-bandar lain diperingkat antarabangsa dalam mencegah jenayah jalanan secara keseluruhan. Program Bandar Selamat 2004 yang mengandungi 23 langkah pencegahan jenayah telah ditakrifkan semula kepada 15 langkah Bandar Selamat.

Pada tahun 2010, Kementerian Dalam Negeri (KDN) telah meluluskan peruntukan perbelanjaan pembangunan untuk melaksanakan Insiatif NKRA Lab Pencegahan Jenayah. Peruntukan diluluskan hanya kepada 5 langkah Segera Program Bandar Selamat, iaitu:

(i) Pencahayaan

(ii) Pengasingan laluan pejalan kaki dari laluan bermotor (penyediaan bollard / rel penghadang / tanaman landskap / penyediaan laluan motosikal khas / laluan pejalan kaki khas)

(iii) Pemasangan penggera keselamatan

(iv) Pembersihan kawasan semak samun dan

(v) Penyediaan peta GIS Program Bandar Selamat dan jenayah.

Peruntukan awal yang diluluskan bagi melaksanakan 5 langkah segera Program Bandar Selamat adalah sebanyak RM 2.450 juta.

Unit NKRA Bandar Selamat pada 18 Februari 2011 memaklumkan bahawa Kementerian Dalam Negeri (KDN) telah meluluskan peruntukan perbelanjaan pembangunan tahun 2011 (P62) untuk melaksanakan Insiatif NKRA Lab Pencegahan Jenayah. Peruntukan diluluskan hanya kepada 4 langkah Segera Program Bandar Selamat, iaitu:

(i) Pencahayaan

(ii) Pengasingan laluan pejalan kaki dari laluan bermotor (penyediaan bollard / rel penghadang / penyediaan laluan motosikal khas / laluan pejalan kaki khas)

(iii) Cermin Keselamatan.

(iv) 2 Unit Interactive Alarm System

Pada 2012, Unit NKRA Bandar Selamat telah meluluskan peruntukan sebanyak RM 2.1 juta. Peruntukan diluluskan hanya kepada 5 langkah Segera Program Bandar Selamat, iaitu:

(i) Pencahayaan

(ii) Pengasingan laluan pejalan kaki dari laluan bermotor (penyediaan bollard / rel penghadang / penyediaan laluan motosikal khas / laluan pejalan kaki khas)

(iii) Cermin Keselamatan

(iv) Papan Tanda Peringatan Keselamatan

(v) Tempat Letak Motosikal Berkunci

Lebih membanggakan sasaran Petunjuk Prestasi Utama (KPI) yang ditetapkan di peringkat nasional bagi kes jenayah jalanan iaitu 20 % berjaya di atasi di Pulau Pinang apabila mencatat 42 % penurunan tahun 2011. MPPP bersama 11 Pihak Berkuasa Tempatan lain telah dibekalkan Sistem Pemantauan Bandar Selamat (SPBS) yang merupakan sistem yang mampu mengurus data dan menyediakan maklumat jenayah bagi menyokong Program Bandar Selamat dan asas kepada Pemetaan GIS Jenayah dan peringkat perlaksanaan Fasa 4 (empat).

Pada bulan Disember 2011 hingga Februari 2012, Unit NKRA Bandar Selamat telah menjalankan Kajian Audit Keselamatan dan Kebersihan bagi 32 tandas awam, 5 terminal bas pengangkutan awam dan di kawasan pentadbiran MPPP dan didapati kesemua 32 tandas awam dan terminal pengangkutan awam dalam keadaan selamat untuk pengguna.

Makmal Program Transformasi Kerajaan 2.0 yang meliputi tujuh Bidang Keberhasilan Utama Negra (NKRA) yang berjaya dilaksanakan dan tamat pada 31 Mei 2012 telah mengenal pasti inisiatif-inisiatif bagi meneruskan agenda Program Transformasi Kerajaan bagi tempoh 2013 hingga 2015. KPKT telah dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan 3 daripada 35 inisiatif di bawah NKRA Mengurangkan Jenayah:

(a) Pemutihan kawasan black spot melalui tindakan bersepadu pihak berkuasa tempatan bersama semua agensi/jabatan, persatuan penduduk, pemaju dan sebagainya untuk membersih sesuatu kawasan menjadi lebih selamat dan bersih.

(b) Mengurangkan kes pecah rumah melalui Crime Prevention through Environmental Design (CPTED); dan

(c) Mengurangkan kes kecurian kenderaaan dengan meningkatkan ciri-ciri keselamatan tempat letak kenderaan melalui penyediaan *Car Park League* di bawah pemantaun Jabatan Kerajaan Tempatan, KPKT dan Pihak Berkuasa Tempatan.

Oleh itu, usaha sama di antara Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan, PDRM dan Pihak Berkuasa Tempatan juga menyumbang ke arah program Bandar Selamat. MPPP telah melaksanakan pelbagai program polisi Cleaner, Greener, Safer and Healthier Penang melalui penglibatan bersama ADUN, Ahli Majlis, Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Penduduk, Persatuan Penduduk, NGO's dan pihak swasta.

Bahagian Kerajaan Tempatan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri telah menganjurkan pelbagai program kebersihan dan penghijauan seperti berikut :

(1) Pelancaran inisiatif dan dasar Cleaner Greener Penang ditepi Prangin Canal pada 22 Mei 2010 oleh Y.A.B. Ketua Menteri. Ini diikuti dengan gotong royong disekitar KOMTAR melibatkan MPPP, ADUN kawasan sekitar, Persatuan Penduduk, JKKK dan penduduk tempatan.

(2) Majlis Spring Cleaning @ George Town World Heritage Site 2011 pada 9 November 2011 bertempat di Chinese Town Hall dirasmikan oleh Y.A.B. Ketua Menteri. Sempena majlis ini diadakan gotong royong di 5 kawasan sekitar Bandar George Town yang dihadiri oleh YB. ADUN Kawasan, Ahli Majlis, Penduduk Setempat, Pelajar Sekolah, MPPP dan Pejabat SUK. Program ini dihadiri oleh seramai 500 orang yang mengambil bahagian.

(3) Majlis Cleaner, Greener Penang@Bukit Minyak diadakan pada 10 Julai 2011 di sekitar Kawasan Perindustrian Bukit Minyak dirasmikan oleh YB. Timbalan Ketua Menteri II Prof. Dr. P Ramasamy. Program ini melibatkan YB. Adun Kawasan, Ahli Majlis, MPSP, Penuntut JMTI, Pemaju, NGO, Jabatan dan Agensi Kerajaan di Seberang Perai serta pengusaha dan pekerja kilang.

Jabatan Perhutanan Negeri telah membantu projek ini dengan membekalkan 500 pokok yang ditanam di Kawasan Perindustrian Bukit Minyak oleh peserta.

(4) Pameran di Lembaga Muzium Negeri Pulau Pinang, Jalan Macalister pada 14 Aprilhingga 14 April 2011. Tujuan adalah untuk memberi kesedaran kepada orang awam mengenai dasar dan pelaksanaan Cleaner, Greener Penang.

(5) Pre Launch – projek CGP school bus Advertising Project diadakan pada 12November 2011 bertempat di Dewan Bandaraya Jalan Padang Kota Lam. Penglibatan YB. Adun Kawasan, NGO dan Ahli Majlis serta pengusaha bas sekolah. Projek ini membantu mempromosikan Cleaner Greener Penang sebagai dasar Kerajaan Negeri.

(6) Kempen kawalan tikus di Pihak Berkuasa Tempatan tahun 2013 disambut di peringkat Kebangsaan yang dianjurkan oleh Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan pada 24 Ogos 2013. Sambutan ini juga diadakan diperingkat negeri pada hari yang sama bertempat di Dewan Bandar Raya, Jalan Padang Kota Lama dan Dewan Orang Ramai, Jalan Tuna, Seberang Jaya yang dihadiri kira-kira 200 orang yang terdiri dari pelbagai jabatan seperti Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang, MPPP, MPSP, Kementerian Pelancongan Negeri Pulau Pinang, USM, NGO, Peniaga dan PSUKPP. Kempen ini bertujuan untuk menghapuskan virus penyakit kencing tikus. Sebanyak 217 ekor tikus telah dibunuh di kawasan Little India yang merangkumi Lebuh Queen dan Jalan Pasar.

(7) Setiap tahun mulai tahun 2012, Kerajaan Negeri menganjurkan kempen Tandas Bersih untuk membudayakan amalan tandas bersih dalam kehidupan penduduk Pulau Pinang. Kempen ini meliputi seluruh masyarakat. Pertandingan Tandas Bersih Negeri diadakan dalam 8 kategori tandas; iaitu Stesyen Minyak, Pusat Beli Belah, Jabatan Kerajaan, Tandas Milik PBT, Sekolah Rendah, Sekolah Menengah, Restoran dan Kedai Makan. Kerajaan Negeri juga menyambut Hari Tandas Sedunia setiap tahun. Objektifnya adalah untuk memupuk kesedaran mengenai kepentingan kebersihan dan sanitari tandas dalam kehidupan seharian dan juga memberi kesedaran kepada orang awam mengenai amalan budaya tandas bersih yang perlu diamalkan.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Apakah rancangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam menyelesaikan masalah pencemaran air di Sungai Pinang?

Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Kerajaan Negeri telah mengambil beberapa inisiatif dan langkah pencegahan pencemaran air di Sungai Pinang melalui Jabatan Pengairan dan Saliran Pulau Pinang. Antaranya tindakan-tindakan tersebut ialah :

(A) Sistem ini telah diwujudkan sejak Ogos 2007 dengan objektif utama ISO 140001 adalah:

(i) Meningkatkan Indeks Kualiti Air Sungai Pinang daripada Kelas IV kepada Kelas II menjelang tahun 2015.

(ii) Mengurangkan kadar sisa pepejal di dalam sungai daripada 30 tan/bulan kepada sifar menjelang tahun 2015; dan

(iii) Mempertingkatkan keindahan persekitaran sungai sepanjang 3.2km menjelang tahun 2015.

Di bawah ISO 140001, Pengurusan Sungai Pinang bertujuan untuk mengenal pasti masalah yang dihadapi di lembangan Sungai Pinang di sepanjang 3.2 km dari segi isu pencemaran, rizab sungai yang sedia ada dan masalah banjir yang sering berlaku di lembangan Sungai Pinang. Hasil dari punca-punca yang dikenal pasti tersebut, langkah penyelesaian dibuat melalui kaedah secara struktur dan bukan struktur yang melibatkan semua jabatan khususnya Kerajaan Negeri.

Pada asalnya, tahap pencemaran Sungai Pinang adalah di dalam kategori kelas IV (sejak tahun 2009-2011). Terdapat empat (4 elemen kawalan yang diberi penekanan bagi sistem sistem ini iaitu:

(i) Mengawal aktiviti penyelenggaraan dan pembangunan Sungai Pinang supaya tidak mencemar dan merosakkan Alam Sekitar.

(ii) Mewujudkan zon rekreasi yang selamat, mesra pengguna dan mesra alam. (Seperti Taman Rekreasi Muara Sungai Pinang)

(iii) Memantau *effluent* yang dilepaskan ke dalam sungai.

(iv) Memeriksa parameter-parameter air sungai mengikut Indeks Kualiti Air (WQI) di lokasi yang ditetapkan.

Bagi pemantauan dan Pelaksanaan Polisi, Pengurusan Sungai Pinang menyediakan program-program alam sekitar dan dokumentasikan Sistem Pengurusan Alam Sekitar. Pengurusan Sungai Pinang juga memastikan semua anggota, orang awam dan pihak-pihak berkepentingan mudah memperolehi maklumat berkaitan dengan polisi. Sehingga kini beberapa siri kejayaan hasil dari Sistem Pengurusan ISO 140001 Sungai Pinang telah diperolehi, antaranya:

(i) Pusat penyembelihan berhampiran Sungai Pinang telah dikeluarkan notis kerana mengalirkan sisa penyembelihan terus ke Sungai Pinang. Pusat penyembelihan ini diarahkan membuat proses rawatan IWK sebelum dialirkan semula ke dalam sungai.

(ii) Kilang Lee Rubber yang terletak bersebelahan dengan cabang Sungai Pinang telah diarahkan berpindah akibat mencemarkan sungai dengan mengalirkan sisa pemprosesan getah terus ke sungai.

(B) Kerja-kerja Infrastruktur dan Bukan Struktur:

Memandangkan isu pencemaran Sungai Pinang adalah kritikal, Kerajaan Negeri telah menyalurkan peruntukan mengurus di mana kerja penyelenggaraan secara berkala dibuat setiap bulan bagi membersihkan rizab sungai dan mengutip sampah di dalam sungai. Kos setiap tahun bagi kerja penyelenggaraan di Sungai Pinang adalah sebanyak RM84,000.00. Kerja pengorekan Sungai Pinang juga dijalankan bertujuan mengeluarkan enapan di dalam sungai bagi mengelakkan sungai cetek dan banjir. Kos pengorekan Sungai Pinang sehingga ke muara adalah sekitar RM200,000.00. Program-program kesedaran dan membuat EM-Mudball bersama pihak JKKK, pelajar sekolah dan Institusi Pengajian Tinggi dan pihak NGO juga diadakan setiap tahun bagi memberi kesedaran kepada semua pihak tentang pencemaran sungai adalah tanggungjawab bersama.

(C) Penempatan di Rizab Sungai Pinang

Salah satu faktor pencemaran Sungai Pinang adalah dari pembuangan sisa dosmetik dari penduduk yang tinggal di Sungai Pinang. Oleh itu, Kerajaan Negeri dengan kerjasama semua jabatan yang terlibat sedang menjalankan proses penempatan semula penduduk bagi Projek Rancangan Tebatan Banjir Sungai Pinang Fasa II.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Muara Sungai Pinang perlu diberi perhatian khusus dari segi penyelenggaraan dan peruntukan yang sewajarnya. Sepanjang tahun 2013, berapakah jumlah peruntukan yang telah digunakan dan jadual berkala penyelenggaraan muara Sungai Pinang seperti mendalamkan dan membersihkan sisa sampah di sepanjang Sungai Pinang sehingga ke muara Sungai Pinang?

Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pengairan dan Saliran Pulau Pinang telah memperuntukkan sejumlah RM151,333.00 bagi kerja-kerja mendalam dan penyelenggaraan Sungai Pinang bagi tahun 2013. Kerja-kerja yang terlibat ialah pembersihan Saluran dan Rizab Sungai Pinang, Daerah Timur Laut (sehingga ke muara), yang bernilai RM83,333.00 dari peruntukan Mengurus Negeri serta kerja-kerja pengorekan dan membina Ban di Muara Sungai Pinang, Daerah Timur Laut bernilai RM68,000.00 dari Caruman Perparitan. Kerja-kerja penyelenggaraan ini dibuat pada setiap bulan.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

4. Masalah setinggan bukan asing lagi di Kawasan Dewan Undangan Negeri Sungai Pinang. Memandangkan banyak projek pemajuan sedang dan akan berlaku di sini, apakah perancangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam penempatan semula penduduk asal dan bagaimanakah ia diuruskan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

4. Kerajaan Negeri sentiasa memberi perhatian yang serius bagi penyelesaian masalah penempatan setinggan sama ada setinggan di atas tanah Kerajaan atau tanah persendirian. Bagi masalah setinggan termasuk di KADUN Sungai Pinang, satu Garis Panduan Bayaran Pampasan/Wang Ehsan Kepada Penduduk/Setinggan Yang Terlibat Dengan Projek Kerajaan telah digubal pada tahun 2003. Namun begitu, bagi projek swasta juga boleh menguna pakai garis panduan tersebut. Walau bagaimanapun, kini garis panduan tersebut dalam tindakan untuk dikemas kini dan penambahbaikan bagi memantapkan lagi garis panduan sedia ada. Bagi penduduk asal kategori pemilik tanah dengan rumah dan penyewa tapak tanah milik dengan rumah yang akan dimajukan oleh pihak Kerajaan akan diselesaikan dengan menggunakan Akta Pengambilan Tanah 1960.

   Sehingga kini masih belum ada sebarang perancangan khusus bagi menyusun semula penempatan setinggan yang terdapat di DUN Sungai Pinang. Walau bagaimanapun sekiranya penduduk berkenaan terlibat dengan pelaksanaan projek-projek Kerajaan Negeri, maka isu setinggan dan penduduk asal ini akan diselesaikan secara berhemah mengikut kes.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

5. Masalah pengangguran yang semakin ketara di kalangan belia khususnya dilihat semakin meruncing antaranya belia yang keciciran dalam pelajaran dan tidak mampu bersaing dengan kehendak semasa. Apakah perancangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam memberi peluang pendidikan berupa kemahiran, peluang pekerjaan ataupun khidmat nasihat kepada golongan ini?

Y.A.B. Ketua Menteri:

5. Bagi menangani masalah pengangguran dikalangan belia, Kerajaan Negeri telah menubuhkan Pusat Kerjaya dan Bakat Negeri Pulau Pinang (Penang Career Assistance and Talent (CAT Centre). Misi pusat CAT ialah untuk menjenamakan semula Pulau Pinang sebagai lokasi untuk bekerja dan hidup dengan moto 'My Penang, My Workplace' dengan menitikberatkan peluang ekonomi dan taraf hidup. Kerajaan Negeri telah mempromosikan peluang pekerjaan terhadap belia-belia khususnya graduan anak Negeri Pulau Pinang melalui Penang CAT Centre. Penang CAT Centre juga telah mengadakan program dan lawatan ke institusi-institusi pengajian tinggi dan penglibatan di Ekspo Pekerjaan. Aktiviti-aktiviti tersebut meliputi ceramah dan maklumat kepada graduasi atau pelawat ke pameran di mana maklumat tentang perkembangan di Pulau Pinang serta memperkenalkan laman web Penang CAT Centre yang merupakan pusat sumber kerjaya.

Selain itu juga, Kerajaan Negeri menyokong dan bekerjasama rapat dengan PSDC, Universiti Sains Malaysia dan institusi-institusi pengajaran tinggi awam dan swasta yang lain untuk meningkatkan tahap pembangunan sumber manusia di Pulau Pinang.

Penang Skill Development Center (PSDC) juga memainkan peranan untuk melatih sumber manusia di pelbagai bidang kemahiran tinggi bagi memenuhi kehendak Industri berasaskan teknologi tinggi di negeri ini. Selain itu, Institut Latihan Kemahiran seperti Institut Latihan Perindustrian (ILP), Institut Kemahiran Tinggi MARA (IKTM) dan Japan Malaysian Institute (JMTI) turut memainkan peranan menyediakan sumber tenaga mahir di negeri ini.

Terkini Kerajaan Negeri telah menubuhkan sebuah Perbadanan Pembangunan Belia Pulau Pinang (Penang Youth Development Corporation atau PYDC) pada Julai 2013 lalu jelas menunjukkan komitmen dan keutamaan Kerajaan Negeri untuk membangun dan memperkasa kepentingan dan peranan belia dalam masyarakat. PYDC mula beroperasi pada Januari 2014, berhasrat untuk menyediakan satu platform dan memberi khidmat nasihat kepada golongan belia dalam negeri.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

6. Nelayan adalah antara penyumbang kepada ekonomi negeri. Apakah pelan pembangunan untuk golongan ini seperti pendidikan ataupun pendedahan teknologi baru dalam membantu meningkatkan pendapatan mereka serta mengurangkan kebergantungan bahan industri perikanan negeri daripada sumber luar.

Y.A.B. Ketua Menteri:

6. Dalam Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang melalui Dasar Sektoral (24) menjelaskan pelan pembangunan untuk sektor perikanan adalah :

   (i) membangunkan dan mewartakan kawasan seluas 200 hektar di Penaga sebagai Zon Industri Akuakultur (ZIA) bagi pengeluaran benih dan penternakan ikan siakap dan udang harimau;

   (ii) membangunkan ZIA ikan dalam sangkar di Sungai Udang, Pulau Gedong dan Pulau Aman, Seberang Perai Selatan;

   (iii) membangunkan ZIA kolam udang harimau di Sungai Chenaam dan Sungai Udang (SPS), Sungai Penaga (SPU) dan Sungai Pinang dan Pulau Betong (DBD);

   (iv) membangunkan ZIA perusahaan kerang di kawasan persisiran pantai dari perairan Tengah ke Selatan.

   Sementara itu, langkah-langkah yang diambil untuk memberi pendidikan dan pendedahan bagi meningkatkan pendapatan dan mengurangkan kebergantungan bahan industri perikanan negeri daripada sumber luar adalah:-

   (i) memberi latihan dan kursus kepada nelayan untuk meningkatkan ilmu dan kemahiran terutamanya melibatkan penemuan kepada teknologi baru dalam bidang perikanan atau teknologi lepas tuai

   (ii) mengalakkan nelayan menceburkan diri dalam bidang akuakultur atau menternak ikan bagi meningkatkan pendapatan dengan menyediakan kursus-kursus berkaitan akuakultur;

   (iii) mendedahkan nelayan kepada perikanan berkonsepkan agrotourism seperti membawa pemancing memancing ikan di laut. Bagi tujuan ini, nelayan akan dibantu dari aspek prosedur perlesenan;

(iv) melaksanakan projek membina dan melabuhkan tukun tiruan di perairan negeri Pulau Pinang. Sehingga kini, terdapat 144 unit tukun tiruan telah dilabuhkan.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

7. Flat Jelutong Indah selalu mengalami masalah penyelenggaraan seperti bumbung bocor, tangki bocor, lif rosak, sistem pam air automatik yang rosak sehingga penduduk terpaksa menggunakan kaedah manual sehari tiga (3) kali untuk mengepamkan air ke dalam tangki. Apakah tindakan sewajar yang akan diambil oleh JKP Sdn. Bhd. untuk menyelesaikan masalah tersebut?

Y.A.B. Ketua Menteri:

7. Pihak JKP Sdn. Bhd. telah mengemukakan kos bagi pelaksanaan kerja-kerja pembaikan dan menaik taraf perumahan berkenaan secara keseluruhan. Sehubungan itu, Mesyuarat Membincangkan Mengenai Isu-Isu Berbangkit Berhubung Projek Pembangunan Semula Kampung Pisang Awak Fasa I (Pangsapuri Jelutong Indah), Seksyen 4, Bandar Jelutong, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang telah diadakan pada 25 Oktober 2013 bagi membincangkan mengenai perkara tersebut. Lanjutan itu, satu sesi lawat periksa ke perumahan berkenaan telah diadakan pada 13 November 2013. Sesi lawat periksa tersebut yang turut disertai oleh wakil dari JKP Sdn. Bhd. dan wakil penduduk adalah bagi meninjau aduan kerosakan yang diterima dan seterusnya mengenal pasti anggaran kos yang diperlukan bagi tujuan pelaksanaan kerja-kerja pembaikan dan menaik taraf perumahan berkenaan.

Kerosakan yang berlaku telah dikenal pasti dan kos yang diperlukan bagi tujuan tersebut akan disediakan. Pelaksanaan kerja pembaikan berkenaan akan dilakukan mengikut keutamaan dan dijadual untuk dijalankan oleh kontraktor lantikan Kerajaan Negeri dalam bulan Disember 2013. Setelah kerja-kerja pelaksanaan pembaikan dan menaik taraf perumahan Pangsapuri Jelutong Indah dijalankan, urusan pengurusan dan penyelenggaraan perumahan tersebut akan diserahkan kepada pihak Badan Pengurusan Bersama (JMB) yang telah ditubuhkan pada 14 April 2008. Mesyuarat kedua JMB perumahan berkenaan akan diadakan bagi tujuan itu.

Di samping itu, pihak JKP Sdn. Bhd. juga diminta mengemukakan kos terperinci bagi pelaksanaan kerja-kerja pembaikan dan menaik taraf Pangsapuri Jelutong Indah yang meliputi kerja-kerja pembaikan bumbung, pembaikan tangki dan pam air, pembaikan sistem paip kumbahan, pembaikan dan penyelenggaraan sistem janakuasa sedia ada dan sistem elektrikal, pemasangan penutup konkrit longkang, menaik taraf lif dan pembasmian anai-anai.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

8. Penjadualan semula kontraktor memungut sampah perlu dilihat semula seperti jumlah hari bekerja dan kemampuan bekerja terutamanya musim cuti perayaan. Apakah tindakan Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) untuk menangani aduan tentang masalah longgokan sampah pada musim perayaan supaya tidak menjejaskan moto Kerajaan Negeri Pulau Pinang iaitu Bersih, Hijau, Sihat dan Selamat.

Y.A.B. Ketua Menteri:

8. Sememangnya penjadualan perkhidmatan pungutan sampah bagi setiap kenderaan dilaksanakan mengikut piawaian perkhidmatan dan kawasan serta laluan perkhidmatan. Data kawasan dan laluan perkhidmatan bagi setiap kenderaan kompaktor dan multi lift telah dinaikmuat dalam Global Positioning System (GPS).

Piawaian perkhidmatan pungutan sampah adalah seperti berikut:

(a) Untuk premis kediaman (landed property) – 3 kali seminggu kecuali hari Ahad (hanya disediakan perkhidmatan skeleton)

(b) Untuk premis komersial dan bangunan bertingkat – setiap hari kecuali hari Ahad (hanya disediakan perkhidmatan skeleton)

(c) Untuk premis pasar – setiap hari

Perkhidmatan pungutan, mengangkut dan pelupusan sampah di Stesen Pemindahan Sampah Ampang Jajar bagi sampah domestik adalah dilaksanakan pada waktu 6.00 petang hingga 6.00 pagi.

Semasa musim perayaan pula, pihak MPPP dan juga kontraktor sentiasa bersedia dengan pelan kontingensi untuk mengutip longgokan-longgokan sampah pada waktu siang. MPPP sentiasa peka terhadap semua aduan yang diterima dan setiap aduan akan diselesaikan dalam tempoh 24 jam. Talian hotline MPPP boleh dihubungi di 04-2637637 / 04-2637000.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

9. Memandangkan keadaan tunggakan sewa rumah Projek Perumahan Rakyat (PPR) makin bertambah, apakah tindakan Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk mengatasi masalah tersebut? Adakah Kerajaan Negeri akan mengadakan tabung bantuan khas untuk membantu golongan yang benar-benar tidak mampu bayar sewa?

Y.A.B. Ketua Menteri:

9. Di Negeri Pulau Pinang terdapat empat (4) Projek Perumahan Rakyat (PPR) iaitu :-

(i) PPR Taman Manggis, DTL

(ii) PPR Taman Bagan Jaya, SPU

(iii) PPR Ampang Jajar, SPU

(iv) PPR Desa Wawasan, SPT dan

Dua (2) Projek Perumahan Rumah Sewa Kerajaan Negeri iaitu :-

(i) Pangsapuri Pelangi DTL

(ii) Rumah Pangsa Padang Tembak, DTL Blok E & J.

Jumlah keseluruhan tunggakan sewa dan penyelenggaraan adalah sebanyak RM5,160,128 dan pecahan tunggakan sewa dan penyelenggaraan adalah seperti di bawah:-

PPR/RUMAH SEWA	**TUNGGAKAN**	
	SEWA	**PENYELENGGARAAN**
1. PPR TAMAN MANGGIS, DTL	RM208,200.00	RM49,968.00
2. PPR TAMAN BAGAN JAYA, SPU	RM853,400.00	RM204,816.00
3. PPR AMPANG JAJAR, SPU	RM1,320,000.00	-
4. PPR DESA WAWASAN, SPT	RM1,180,650.00	-
5. PANGSAPURI PELANGI, DTL	RM10,300.00	RM7,416.00
6. RUMAH PANGSA PADANG TEMBAK, DTL BLOK E DAN J	RM949,433.00	RM375,945.00
JUMLAH	RM4,521,983.00	RM638,145.00
JMLAH BESAR	**RM5,160,128.00**	

Antara tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri supaya penyewa-penyewa rumah PPR membayar sewa adalah seperti berikut:-

(i) Penyampaian Bil / Notis Kepada Penghuni

(a) Pejabat Rancangan Perumahan akan mengeluarkan bil yang menyatakan jumlah tunggakan sewa dan penyelenggaraan untuk diserahkan kepada semua unit penyewa bagi menjelaskan dalam tempoh 14 Hari.

(b) Sekiranya penyewa ingkar mematuhi bil 14 hari tersebut maka, Unit Penguatkuasaan Bahagian Perumahan akan mengeluarkan Notis Amaran 14 hari untuk menjelaskan tunggakan sewa dan penyelenggaraan.

(c) Sekiranya penghuni masih gagal menjelaskan tunggakan selepas tamat tempoh Notis Amaran 14 hari tersebut, maka Notis Tarik Balik 14 hari akan dikeluarkan oleh Unit Penguatkuasaan Bahagian perumahan kepada unit-unit berkenaan.

(d) Sekiranya penghuni masih ingkar dengan arahan Notis Tarik Balik 14 hari, maka tindakan akhir yang diambil oleh Unit Penguatkuasaan adalah dengan mengeluarkan Notis Pengosongan ke atas unit tersebut. Tindakan tersebut diambil setelah menerima kelulusan daripada Y.B EXCO Perumahan.

(ii) Mengadakan Operasi kutipan dari rumah ke rumah oleh Unit Penguatkuasaan pada hari Sabtu setiap minggu mulai Februari 2012 dan pembukaan kaunter oleh Pejabat Rancangan Perumahan setiap Sabtu minggu pertama mulai Januari 2013.

(iii) Buat masa ini, Kerajaan Negeri belum lagi bercadang untuk mengadakan tabung bantuan khas bagi membantu golongan yang benar-benar tidak mampu untuk membayar sewa dan penyelenggaraan di rumah PPR.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

10. Ramai penduduk tempatan dan pelancong mengunjungi Lebuh Sungai Pinang 4, 5 dan 8 kerana pemandangannya yang cantik. Malangnya kes samun seringkali berlaku. Adakah Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) atau Pihak Berkuasa Negeri mempunyai apa-apa cadangan seperti pemasangan CCTV dan penguatkuasaan yang lebih tegas di tempat tersebut?

Y.A.B. Ketua Menteri:

10. Walaupun indeks jenayah menurun sedikit di mana Statistik Jenayah Indeks dikawasan Lebuh Sungai Pinang 4, 5 dan 8 bagi tempoh 1.1.2012-11.11.2012 sebanyak 22 kes dicatatkan berbanding 20 kes bagi tempoh yang sama tahun 2013, iaitu penurunan 2 kes bersamaan 9.1%. Untuk tahun 2013 (sehingga 11.11.2013) hanya 1 kes samun dilaporkan berbanding 2 kes bagi tahun tempoh yang sama tahun 2012. Kerajaan Negeri prihatin dan memandangkan ia tempat pelancongan, maka pihak Polis termasuk Polis Pelancongan daripada IPK Pulau Pinang sentiasa meningkatkan rondaan dan pencegahan untuk menunjukkan kehadiran Polis. Usaha pihak kerajaan melalui MPPP telah merancang untuk memasang CCTV di tempat-tempat strategik di lokasi tersebut. Untuk membantu mencegah jenayah terutama kes-kes samun.

Pihak PDRM bersama MPPP telah merancang untuk melaksanakan pemasangan CCTV di kawasan Lebuh Sungai Pinang 4, 5 dan 8 untuk mengurangkan indeks jenayah di kawasan tersebut. Langkah ini bertujuan untuk menangani kes-kes jenayah yang sering berlaku. Perancangan yang rapi masih dalam proses perbincangan akhir bersama pihak MPPP. Di samping itu pihak MPPP mengambil maklum akan keperluan untuk meningkatkan keselamatan di kawasan tersebut dengan menambah pencahayaan di kawasan *Promenade.*

Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

11. Selain daripada tempat tumpuan pelancongan di tepi laut seperti Persiaran Gurney, Padang Kota Lama ataupun Batu Ferringhi, adakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang berhasrat untuk mewujudkan tempat pelancongan yang baru dan mempertimbangkan *Promenade* di Lebuh Sungai Pinang 4, 5 dan 8 di kawasan Sungai Pinang, Jelutong?

Y.A.B. Ketua Menteri:

11. *Promenade* di Lebuh Sungai Pinang tidak termasuk dalam pembangunan Zon Pelancongan Pantai Utara (Batu feringghi, Tg Tokong, Telok Bahang dan Tanjung Bungah) ataupun Zon Pelancongan Bahagian Selatan (Bayan Lepas, Batu Maung, Telok Kumbar, Gertak Sanggul dan Balik Pulau). Namun demikian, kawasan *Promenade* berpotensi menjadi tumpuan orang ramai bagi tujuan riadah dan bersosial. Dari segi pelancongan,ia boleh menjadi tumpuan orang ramai disebabkan kemudahan infrastruktur yang baik dan terletak berhampiran dengan Jambatan Pulau Pinang serta mempunyai replika dan arca yang menarik pandangan.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

12. Sila senaraikan projek perumahan di Parlimen Jelutong (mengikut Dewan Undangan Negeri) yang telah dan yang belum mendapat hak milik strata. Sila nyatakan kenapa projek perumahan tersebut belum mendapat hak milik strata dan apakah cadangan untuk menangani masalah tersebut.

Y.A.B. Ketua Menteri:

12. Mengikut rekod permohonan hak milik strata, terdapat 169 skim perumahan yang telah mendapat hakmilik strata di kawasan Parlimen Jelutong. (Senarai skim mengikut DUN bagi Parlimen Jelutong adalah seperti di lampiran A).

Mengikut rekod penguatkuasaan hak milik strata, terdapat 9 skim pembangunan berstrata di dalam kawasan Parlimen Jelutong yang masih belum mengemukakan permohonan untuk pengeluaran hak milik strata. Senarai berkenaan adalah seperti di lampiran B.

Beberapa faktor kelewatan permohonan tersebut telah dikenal pasti termasuklah:-

(i) Tuan tanah dan/atau pemaju telah digulungkan dan juga terlibat dengan pembubaran syarikat. (Kes Insolvensi)

(ii) Terdapat juga kes di mana terdapat pindaan pada pelan bangunan di peringkat pertimbangan oleh PBT.

(iii) Di dalam beberapa kes, ketiadaan pelan bangunan juga menyebabkan kelewatan di mana pihak jurukur perlu menyediakan *as built plan* sebelum mengemukakan permohonan strata.

(iv) Merujuk kepada beberapa kes, adalah didapati terdapat skim-skim berstrata terlibat dengan masalah pembangunan tanah yang wajar diselesaikan terlebih dahulu sebelum permohonan pecah bahagi bangunan dikemukakan untuk pertimbangan PTG. Antaranya ialah proses penyerahan dan beri milik semula serta melibatkan cantuman tanah (bangunan terletak diatas 2 atau lebih lot).

Lihat Folder Lampiran (ID453 BLSK)

Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

13. Apakah perancangan atau tindakan Kerajaan Negeri Pulau Pinang di perkampungan setinggan atas air/paya yang dihimpit arus pembangunan seperti di Tokong Batu dan Kota Giam di dalam KADUN Sungai Pinang?

Y.A.B. Ketua Menteri:

13. (a) Tokong Batu dan Kota Giam melibatkan tapak di Plot B, Seksyen 1, Bandar Jelutong, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang.

(b) Tapak ini masih dalam peringkat pemberimilikan oleh Kerajaan Negeri Perbadanan Setiausaha Kerajaan (SSI). Zoning di sekitar kawasan tersebut adalah perumahan am dan utiliti & infrastruktur. Projek pembangunan perumahan atas tanah ini akan dilaksanakan secara terbuka melalui Request For Proposal (RFP). Pada masa kini, pentadbiran ini sedang dalam peringkat mengumpulkan input untuk penyediaan RFP.

Tapak ini terdapat rumah kediaman. Hasil bancian kasar oleh Pejabat Daerah dan Tanah, Daerah Timur Laut mendapati bahawa terdapat lebih kurang 25 buah rumah yang mempunyai Lesen Pendudukan Sementara (LPS). Justeru itu, Kerajaan Negeri akan merancang untuk pembangunan perumahan setelah mengambil kira jumlah penduduk yang terlibat dalam projek pembangunan tersebut.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

14. Banyak projek perumahan akan dijalankan di KADUN Sungai Pinang, keperluan seperti kompleks makanan, pasar dan pusat perniagaan sehenti perlu dirancang agar lebih strategik dan menguntungkan rakyat serta mengelakkan wujudnya premis haram di mana akhirnya menjadi White Elephant. Apakah garis panduan yang akan digunapakai oleh Pihak Berkuasa Tempatan dalam menangani masalah ini?

Y.A.B. Ketua Menteri:

14. Sememangnya MPPP mengguna pakai 'Garis Panduan Untuk Penyediaan Kemudahan Masyarakat Di Kawasan Baru' yang diluluskan oleh MPPP pada 14 Disember 1989 dalam memastikan semua pemajuan dilengkapi dengan kemudahan masyarakat. Melalui garis panduan, ini menjadi dasar kepada penyediaan kemudahan-kemudahan tersebut berdasar kepada pemajuan yang ingin dilaksanakan.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

15. KADUN Sungai Pinang merupakan KADUN yang terletaknya dua (2) aspek penting iaitu loji IWK dan tapak pelupusan sampah. Apakah perancangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang *re-brand* kedua-dua tempat ini?

Y.A.B. Ketua Menteri:

15. Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) telah melantik sebuah syarikat juru runding iaitu M.E.I Consultants Sdn Bhd pada 1 Julai 2013 untuk menjalankan kajian teknikal dan menyediakan laporan rehabilitasi bagi Tapak Pelupusan Sampah Jelutong (Jelutong Landfill). Tempoh kajian adalah selama tujuh (7) bulan bermula dari 1 Julai 2013 hingga 31 Januari 2014. Pada masa kini laporan penyiasatan ke atas Jelutong *Dumpsite* belum lagi diperolehi kerana tarikh akhir siap laporan tersebut adalah pada 31 Januari 2014.

Sehingga kini Kerajaan Negeri tidak mempunyai cadangan untuk menjenamakan semula loji kumbahan IWK mahupun tapak pelupusan sampah melainkan memastikan keadaan kedua-dua kemudahan tersebut sentiasa berada dalam keadaan yang baik.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

16. Kes demam denggi semakin meningkat dan telah melibatkan perbelanjaan yang besar. Sejauh manakah keberkesanan proses semburan asap yang dilakukan? Adakah kajian dilakukan terhadap keberkesanan bahan kimia yang digunakan dan kesan sampingan ke atas kesihatan manusia?

Y.A.B. Ketua Menteri:

16. Aktiviti pengasapan (fogging) adalah kaedah semburan asap racun serangga yang berkesan bagi membunuh nyamuk *aedes* dewasa yang telah dijangkiti virus denggi. Keberkesanan kaedah ini terbukti dimana kawasan wabak telah dapat dihapuskan atau dikawal.

Keberkesanan racun yang digunakan untuk pengasapan sentiasa dikaji dengan menggunakan kaedah *ovi trap*. Kaedah ini dapat menggunakan perangkap telur nyamuk yang dipasang di lokaliti tersebut tertentu untuk menjadi indikator terhadap keberkesanan racun yang digunakan. Sekiranya masih terdapat telur dalam perangkap tersebut selepas fogging bermakna racun tersebut adalah tidak efektif lagi.

Racun yang digunakan akan ditukar bagi untuk memastikan tiada berlakunya peningkatan daya tahan nyamuk (resistan) terhadap hanya satu racun yang diguna pakai dengan kerap. Setiap racun mempunyai kesan sampingan terhadap manusia dalam jangka masa yang panjang. Oleh itu sebagai langkah keselamatan dasar *fogging* yang ditetapkan adalah seperti berikut:-

(a) Tidak menggalakkan aktiviti semburan dijalankan terlalu kerap dan sewenang-wenangnya;

(b) Pengasapan hanya dijalankan jika ada kejadian kes denggi dan berlakunya pembiakan nyamuk aedes yang tinggi di lokaliti tersebut. Kawalan diperingkat akar umbi seperti menjaga kebersihan sekitar adalah diutamakan. Kaedah ini bagi mengurangkan penggunaan racun. Pendedahan racun kepada orang awam dapat dikurangkan;

(c) Pemeriksaan kesihatan dibuat kepada pegawai/kakitangan/operator semburan racun setiap tahun bagi mencegah kesan-kesan racun yang boleh membahayakan kesihatan; dan

(d) Mewajibkan semua kakitangan/operator semburan racun mengguna pakai Peralatan Keselamatan (PPE) yang lengkap pakai mengikut ketetapan OHSAS 18001:2007

Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

17. Bilangan pelancong ke Negeri Pulau Pinang kian meningkat. Adakah sebarang perancangan oleh mana-mana agensi untuk mempertingkatkan keselamatan pelancong daripada ancaman jenayah seperti ragut, rompak, penipuan dan lain-lain?

Y.A.B. Ketua Menteri:

17. Terdapat Unit Polis Pelancong PDRM dengan keanggotaan seramai 30 orang ditugaskan untuk mengawal keselamatan pelancong. Unit ini bertugas membuat rondaan setiap hari di kawasan-kawasan tumpuan pelancong seperti di kawasan George Town dan Batu Feringghi Perancangan lain yang dilakukan oleh PDRM untuk mempertingkatkan keselamatan pelancong adalah:-

(i) memberi keutamaan layanan kepada pelancong;

(ii) menyalurkan maklumat dan panduan tunjuk arah kepada pelancong;

(iii) menentukan semua tempat tumpuan pelancong adalah terkawal;

(iv) menerangkan prosedur laporan dan memberi bantuan perlindungan kepada pelancong yang menjadi mangsa penjenayah;

(XVI) Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Ong Chin Wen) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

1. (a) Berapakah jumlah peruntukan di bawah Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Pembangunan Desa bagi tahun 2010, 2011, 2012 dan 2013?

(b) Apakah sebab / alasan terdapat peningkatan / pengurangan peruntukan di bawah Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Pembangunan Desa?

Y.A.B. Ketua Menteri:

1. (a) Peruntukan bagi Majlis Mesyuarat Kerajaan Pembangunan Desa adalah seperti berikut:-

2010 : RM100,000.00
2011 : RM100.000.00
2012 : RM100,000.00
2013 : RM100,000.00

(b) Dalam tempoh tersebut tidak ada pengingkatan/pengurangan peruntukan yang diberikan.

Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Ong Chin Wen) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Setakat manakah pelaksanaan projek satu gelanggang futsal untuk satu KADUN yang telah dinyatakan dalam ucapan Bajet 2013.

Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Kerajaan Negeri sememangnya menyediakan peruntukan sebanyak RM5 juta dalam bajet 2013 untuk pembinaan satu gelanggang futsal di setiap KADUN. Bagi tujuan pembinaan gelanggang futsal terlibat, perlulah dikenal pasti tanah kerajaan yang sesuai.

Setakat ini dengan mengambil kira faktor kesesuaian tanah, Kerajaan Negeri telah pun meluluskan pembinaan beberapa gelanggang futsal di beberapa KADUN seluruh negeri. Senarai perancangan dan pembinaan mengikut lokasi adalah seperti di bawah:-

(i) Status pelaksanaan projek gelanggang futsal bagi Daerah Barat Daya adalah seperti berikut:-

Bil	KADUN	Status Pelaksanaan	Anggaran Peruntukan
1.	Batu Maung	Sedang dalam pelaksanaan dan dijangka siap pada 13 Disember 2013.	RM 150,000.00
2.	Pantai Jerejak	Dalam proses mengenalpasti tapak yang sesuai, dijangka pelaksanaan pada tahun 2014.	RM 150,000.00
	Bayan Lepas		
	Pulau Betong		
3.	Telok Bahang	Tapak telah dikenal pasti dan perancangan pelaksanaan adalah pada awal tahun 2014.	RM 150,000.00

(ii) Bagi Daerah Timur Laut, status terikini permohonan yang telah diterima dan sedang dikaji oleh Pejabat Daerah dan Tanah Timur Laut ini adalah seperti berikut :-

Bil	KADUN	Lokasi/Tapak Cadangan	Anggaran Peruntukan
1	Pengkalan Kota	Kawasan tanah lapang, Jeti Tan, Pengkalan Weld	RM 150,000.00
2	Seri Delima	Tapak bersebelahan Dewan JKKK Sungai Gelugor	RM 150,000.00
3	KOMTAR	Tanah lapang bertentangan dengan Apartment Taman Lembah Sungai, Jalan SP Chelliah	RM 150,000.00

(iii) Pembinaan gelanggang futsal bagi Daerah Seberang Perai Selatan pada tahun 2012 telah dilaksanakan di dua (2) kawasan iaitu seperti berikut:-

Bil	KADUN	Lokasi/Tapak Cadangan	Anggaran Peruntukan
1	Sungai Acheh	Berhampiran Pekan Sg. Acheh	RM 150,000.00
2	Sungai Bakap	Kawasan tanah lapang Sg. Kechil	RM 150,000.00

(iv) Pembinaan gelanggang futsal bagi Daerah Seberang Perai Utara pada tahun 2012 dan 2013 telah dilaksanakan di dua (2) kawasan iaitu seperti berikut:-

Bil	KADUN	Lokasi/Tapak Cadangan	Anggaran Peruntukan
1	Penaga	Di kawasan Guar Tuan Syed (2012)	RM 150,000.00
2	Sg Dua	Kawasan Dewan Besar Sg. Dua (2013)	RM 150,000.00

(v) Cadangan pembinaan Gelanggang Futsal bagi Daerah Seberang Perai Tengah adalah seperti berikut:-

Bil	KADUN	Lokasi/Tapak Cadangan	Anggaran Peruntukan
1	Permatang Pasir	Lot 1322, Mukim 3, Permatang Ara	RM 150,000.00
2	Penanti	Padang Awam Taman Guar Perahu	RM 150,000.00
3	Berapit	Padang Permainan Taman Permata	RM 150,000.00
4	Bukit Tengah	Lot 152, Mk 13, Perkampungan Juru	RM 150,000.00
5	Machang Bubuk	Padang Permainan Taman Alma Jaya	RM 150,000.00
6	Seberang Jaya	Padang Awam Permatang Rawa	RM 150,000.00

Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Ong Chin Wen) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Sila senaraikan semua enakmen seperti tarikh digubal, tarikh digazetkan, tarikh berkuatkuasa, tarikh pindaan yang telah diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang sejak penubuhannya sehingga kini.

Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Enakmen yang telah diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang sejak penubuhannya sehingga kini adalah seperti di Lampiran.

Lihat Folder Lampiran (ID 355 -BOCW)

Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Ong Chin Wen) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

4. Adakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang bercadang untuk menggubal Penang State Assembly Service Enactmen yang bermirip kepada Parliamentary Service Act 1963 yang mana telah dimansuhkan pada tahun 1992 dan mengapa?

Y.A.B. Ketua Menteri:

4. Kerajaan Negeri Pulau Pinang dari masa ke semasa memperbaiki khidmat penyampaiannya kepada orang ramai.Perkara ini bagi memastikan perkhidmatan yang disampaikan cekap dan berkesan. Parliamentary Service Act 1963 telah dimansuhkan bagi tujuan untuk melicinkan lagi pentadbiran, menambahbaik perjalanan dan kemajuan kerjaya di Parlimen. Hasil pemansuhan akta tersebut kemajuan kerjaya pegawai di Parlimen telah diperbaiki dan menyediakan perkhidmatan Parlimen Malaysia lebih cekap dan berkesan. Cadangan penggubalan *State Assembly Service Enactment* memerlukan kajian terperinci Kerajaan Negeri. Perkara ini perlu dibincang diperingkat Pentadbiran Kerajaan Negeri dan Agensi Pusat sebelum dibawa ke Dewan untuk kelulusan.

Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Ong Chin Wen) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

5. (a) Setakat manakah pelaksanaan struktur pembersihan yang baru oleh Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) di mana 40% oleh kontraktor pembersihan dan 60% oleh kakitangan MPSP?

   (b) Sila senaraikan kawasan yang dirangkumi dalam setiap zon pembersihan dalam Daerah Seberang Perai tengah(SPT)dan sama ada dipertanggungjawabkan kepada kontraktor pembersihan atau kakitangan MPSP serta bilangan kakitangan MPSP dalam satu zon?

Y.A.B. Ketua Menteri:

5. (a) Kerajaan Negeri telah memutuskan bahawa MPSP perlu melaksanakan 100 % kerja-kerja pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam di seluruh Seberang Perai.

   Sehingga kini, MPSP telah mengambil alih sebanyak 60% kerja-kerja tersebut dan baki 40% lagi akan diambil alih secara berperingkat pada tahun 2014.

   (b) Maklumat berkaitan zon pembersihan dan tanggungjawab seperti di Lampiran.

Lihat folder Lampiran (ID 357 -BOCW)

Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Ong Chin Wen) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

6. Apakah status perkembangan terbaru penyediaan Rancangan Tempatan (Local Plan) bagi kelima-lima daerah di Negeri Pulau Pinang oleh Pihak Berkuasa Tempatan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

6. Draf Rancangan Tempatan Pulau Pinang (Pulau) 2020 telah diluluskan oleh Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) pada 13.1.2008 dan telah dibentangkan di Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri (SPC) pada 14.1.2010, 21.1.2010 dan 7.4.2010. Kerajaan Negeri sedang meneliti Draf Rancangan Tempatan Pulau Pinang (Pulau) 2020.

   Status perkembangan terbaru penyediaan Rancangan Tempatan di Seberang Perai adalah seperti berikut:

   (1) Draf Rancangan Tempatan Daerah Seberang Perai Utara 2020 telah diluluskan oleh Jawatankuasa Perancang Negeri pada 1 April 2011. Sesi Siasatan Tempatan dan Pendengaran Awam akan diadakan pada 4 Disember 2013.

   (2) Draf Rancangan Tempatan Daerah Seberang Perai Tengah 2020 telah diluluskan oleh Jawatankuasa Perancang Negeri pada 16 Mei 2011. Sesi Siasatan Tempatan dan Pendengaran Awam akan diadakan pada 26 November – 3 Disember 2013.

(3) Draf Rancangan Tempatan Daerah Seberang Perai Selatan 2020 telah diluluskan oleh Jawatankuasa Perancang Negeri pada 14 Mei 2012.Draf tersebut diperingkat pindaan dan semakan untuk diselaraskan dengan Kajian Semula Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang.

Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Ong Chin Wen) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

7. Sila nyatakan langkah-langkah yang telah diambil oleh Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) dalam menangani isu kilang tanpa lesen di kawasan Seberang Perai Tengah?

Y.A.B. Ketua Menteri:

7 Tindakan yang telah diambil oleh MPSP untuk mengatasi isu kilang tanpa lesen di kawasan Seberang Perai Tengah adalah dengan mengadakan dasar dan program pemutihan secara berperingkat.

Langkah-langkah yang telah diambil adalah seperti berikut :

(a) MPSP sedang melaksanakan program pemutihan bagi kilang-kilang yang beroperasi sebelum 31 Disember 2012 dan berada di dalam kawasan industri.

(b) Bagi kilang-kilang yang beroperasi selepas tarikh tersebut, MPSP akan mengambil tindakan dengan mengeluarkan notis meruntuh (Seksyen 72) di bawah Akta Jalan, Parit dan Bangunan kepada pemunya kilang.

Jika arahan ini gagal dipatuhi dalam tempoh 30 hari maka pihak MPSP akan meruntuh pembinaan tersebut tanpa mengeluarkan sebarang notis lagi. Segala kos dan perbelanjaan yang terlibat akan ditanggung oleh pemunya kilang.

(c) MPSP telah mengadakan perjumpaan dengan pemunya kilang-kilang haram untuk memberi penjelasan tentang prosedur permohonan kelulusan dan di samping itu bertujuan memahami masalah mereka.

Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Ong Chin Wen) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

8. Sila nyatakan butir-butir projek pembangunan infrastruktur di bawah P16(02) bagi Ahli Dewan Undangan Negeri Penaga, Sungai Dua, Bagan Dalam, Machang Bubuk, Seberang Jaya, Perai, Sungai Bakap, Telok Bahang, Pantai Jerejak, KOMTAR, Pulau Tikus, Batu Lancang dan Paya Terubong bagi tahun 2010, 2011 dan 2012.

Y.A.B. Ketua Menteri:

8. Perincian nilai projek pembangunan infrastruktur di bawah P16 (02) bagi KADUN Penaga, Sungai Dua, Bagan Dalam, Machang Bubuk, Seberang Jaya, Perai, Sungai Bakap, Telok Bahang, Pantai Jerejak, KOMTAR, Pulau Tikus, Batu Lancang dan Paya Terubong bagi tahun 2010, 2011 dan 2012 adalah seperti di Lampiran 1 hingga Lampiran 5.

Lihat Folder Lampiran (ID360 - BOCW)

Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Ong Chin Wen) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

9. Apakah perkembangan terbaru pelaksanaan Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM)di Juru?

Y.A.B. Ketua Menteri:

9. Perkembangan terbaru (TKPM) Juru ialah menjadikan kepada 3 zon utama iaitu zon pertanian, zon penternakan dan zon perikanan. Jumlah keseluruhan peserta bagi TKPM Juru adalah seramai 14 pengusaha yang meliputi 8 pengusaha zon pertanian, 1 pengusaha bagi zon penternakan dan 5 pengusaha zon perikanan.

Ketiga-tiga zon di TKPM Juru ini adalah di bawah seliaan jabatan-jabatan seperti berikut:

(a) Jabatan Pertanian Negeri Pulau Pinang menyelia kawasan zon pertanian di TKPM Juru dengan tanaman nanas. Terdapat 8 lot dipajakkan kepada pengusaha-pengusaha yang berkelayakan dengan keluasan di antara 4 hingga 10 ekar. Rekod hasil pengeluaran TKPM Juru sehingga September 2013 adalah seperti di bawah:-

REKOD PENGELUARAN TANAMAN NANAS DI TKPM JURU SEHINGGA SEPTEMBER 2013

No. Lot	Gred A (biji)	Gred B (biji)	Gred C (biji)	Jumlah / Biji Nanas	Jumlah pendapatan (RM)	Catatan
1	35,000	-	-	35,000	52,500	Tarikh Tanam : September 2012
2	40,000	1,000	-	41,000	61,000	Tarikh Tanam : Jun 2012
3	37,000	700	-	37,700	56,200	Tarikh Tanam : Julai 2012
4	30,500	-	-	30,500	45,750	Tarikh Tanam : September 2012
5	30,000	500	-	30,500	45,500	Tarikh Tanam : September 2012
6a	-	-	-	-	-	Belum berhasil
6b	-	-	-	-	-	Belum berhasil
7	-	35,000	20,000	35,000	45,000	Tarikh Tanam : Mac 2011
Jumlah	**172,500**	**37,200**	**20,000**	**209,700**	**RM305,950**	

Anggaran Harga
Gred A – RM1.50
Gred B – RM1.00
Gred C – RM0.50

(b) Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Pulau Pinang menyelia zon penternakan seluas 60 ekar yang telah ditawarkan kepada Syarikat CAB Cakaran Breeding Farm Sdn. Bhd. untuk melaksanakan penternakan ayam baka secara sistem tertutup dengan kapasiti 73,600 ekor ayam baka. Untuk fasa pertama, pihak syarikat akan membina 4 buah reban dengan kapasiti 36,800 ekor ayam baka. Untuk fasa kedua, 4 buah reban lagi akan dibina dengan kapasiti yang sama. Syarikat CAB Cakaran Breeding Farm Sdn. Bhd. telah memperolehi Kelulusan Merancang pada Disember 2012 dengan tempoh sah laku 1 tahun sehingga Disember 2013 daripada Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP). Pelan Pembangunan yang disediakan oleh pihak syarikat juga telah diluluskan oleh MPSP pada 3 April 2013. Pihak syarikat kini sedang menunggu kelulusan proses terakhir iaitu Pelan Kerja Tanah daripada MPSP. Projek penternakan ayam baka ini dijangka akan bermula pada pertengahan tahun 2014. Dijangkakan juga unjuran pengeluaran anak ayam melalui fasa pertama adalah sebanyak 1,398,955 ekor anak ayam; dan

(c) Jabatan Perikanan Negeri Pulau Pinang pula menyelia zon perikanan dengan keluasan tanah sebanyak 50 ekar yang telah diusahakan oleh 2 buah syarikat bagi tujuan projek asuhan & ternakan ikan / udang laut. Hasil pengeluaran bagi tahun 2013 sehingga September 2013 ialah sebanyak 1.75 juta ekor benih ikan laut yang dianggarkan bernilai RM2.07 juta. Pengeluaran ikan bersaiz pasaran pula adalah sebanyak 98783.4 tan

metrik dengan nilai RM1.77 juta. Bagi lot ikan hiasan dengan keluasan keseluruhan 10 ekar sehingga kini tiada sebarang hasil pengeluaran memandangkan syarikat-syarikat yang berkelayakan baru sahaja menandatangani perjanjian pada tahun ini. Untuk memastikan keselamatan dan pengawalan terhadap TKPM Juru satu projek kecil sedang dilaksanakan iaitu pembinaan pondok pengawal beserta palang di kawasan TKPM Juru oleh Pejabat Daerah dan Tanah Daerah Seberang Perai Tengah dengan menggunakan peruntukan P01 Butiran 64 berjumlah RM11,000.00

Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Ong Chin Wen) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

10. Berapakah jumlah peruntukan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) bagi tahun 2011, 2012, 2013 dan 2014 untuk tujuan kerja-kerja pembersihan awam dan pengurusan sisa pepejal?

Y.A.B. Ketua Menteri:

10. Jumlah peruntukan MPSP bagi tahun 2011, 2012, 2013 dan 2014 untuk tujuan kerja-kerja pembersihan awam dan pengurusan sisa pepejal termasuk emolumen (gaji/elaun) pegawai dan kakitangan adalah seperti berikut:.

BAJET	2011 (RM)	2012 (RM)	2013 (RM)	2014 (RM)
Emolumen	19,032,900.00	19,668,400.00	21,388,400.00	*15,604,700
Emolumen kakitangan kontrak dan sambilan	4,500,00	4,500,00	29,500,00	55,735,000
Kontrak pembersihan (KPA & PPS	47,400,00	65,000,00	26,700,000	10,000,000
Bayaran tipping fees	9,000,00	15,000,00	9,000,000	9,000,000
Transfer station	4,000,00	4,000,00	3,960,000	3,960,000
Pengurusan tempat membuang sampah	80,000	200,000	270,000	50,000
Bekalan tong sampah	700,000	200,000	-	-
Penyelenggaraan tong sambah	-	300,000	150,000	460,000
Bekalan peralatan Keselamatan (OSHA)	-	100,000	100,000	300,00
Pembelian kenderaan dan kelengkapan	1,340,000	1,660,000	-	400,000
Jumlah	86,052,900	110,628,400	91,068,400	95,409,700

˘ Jabatan Landskap telah ditubuhkan. Oleh itu, emolumen untuk kakitangan jabatan tersebut diasingkan.

(XVII) Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Sila terangkan mengapa bangunan menara UMNO mendapat Commencement of Work (COW) pada tahun 1995 tetapi pelan bangunan hanya diluluskan pada tahun 1997.

Adakah projek ini dikira sebagai projek istimewa dan diberi pengecualian?

Sila berikan contoh projek lain yang mendapat layanan istimewa.

Adakah Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) berhak memberi pengecualian ini? Jika ada, terletak di dalam kategori mana?

Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Cadangan pemajuan ini adalah untuk Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) yang mana Kebenaran Memulakan Kerja (COW) diberi selepas kelulusan permohonan kebenaran merancang dan juga pada masa yang sama pelan bangunan telah dikemukakan. Cadangan pemajuan ini adalah untuk MAINPP yang mana adalah dianggap sebagai projek kerajaan.

   Diantara contoh-contoh projek lain yang diberikan keistimewaan Kebenaran Memulakan Kerja sebelum pelan bangunan diluluskan ialah pembinaan sekolah, rumah pangsa kos rendah/sederhana, hotel 5 bintang dan kilang (keseluruhan kilang di kawasan perindustrian Bayan Lepas).

   Pengecualian yang diberikan adalah berdasarkan kepada surat daripada Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) bertarikh 15.08.1995 (Ruj : KPKT(02)(5)74/4Kit.3(52) yang mana bangunan kerajaan tidak memerlukan kelulusan pelan bangunan.

Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Sila nyatakan secara terperinci tentang status terkini Bangunan Choo Ah Beng iaitu tempat letak kereta bertingkat di sebelah menara KOMTAR.

   (a) Adakah pihak Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) bersiap sedia untuk mengambil alih dan apakah pelan menaik taraf yang dirancang?

Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Berkenaan dengan status terkini bangunan Choo Ah Beng (tempat letak kereta di sebelah Menara KOMTAR yang dipajak kepada Tropiland Sdn Bhd), ianya masih lagi dalam tindakan mahkamah. Sehingga kini,masih terdapat dua (2) kes mahkamah yang masih berjalan iaitu :-

   (i) Kes CS No. 22-569-2006 iaitu Tuntutan PDC Untuk Perlucutanhak Pajakan dimana pada 7 Oktober 2013, Mahkamah Rayuan telah menolak rayuan oleh Tropiland Sdn Bhd, dengan kos.

   (ii) Civil Appeal No. P-02-(NCVC) (W) - 789-04 / 2013 iaitu Tuntutan Tropiland Sdn Bhd Untuk Mengkaji Semula Kenaikan Sewa Pajakan

   Perbicaraan kes di Mahkamah Rayuan telah ditetapkan pada 27 November 2013.

   (a) Berdasarkan kepada status terkini seperti di atas, pihak PDC masih belum boleh lagi mengambil alih milikan kosong ke atas premis tersebut. Perancangan seterusnya sama ada untuk menaik taraf premis berkenaan hanya akan dapat dilaksanakan setelah status milikan diselesaikan.

Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Kebanyakan unit kedai di KOMTAR tidak mendapat sambutan yang baik. Sila senaraikan unit milikan swasta dan milikan Kerajaan yang terletak di podium dan menara KOMTAR.

   (a) Adakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang bercadang untuk mengambil alih semua unit milikan swasta bagi menjalankan projek revitalisasi?

Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Maklumat senarai milikan kedai di KOMTAR boleh dibahagikan kepada empat (4) fasa seperti berikut:

(1) Fasa 1, Blok Menara KOMTAR
(2) Fasa 1, Blok Podium KOMTAR
(3) Fasa 2, Blok Podium KOMTAR
(4) Fasa 2B, Blok Podium KOMTAR

Maklumat milikan mengikut fasa adalah seperti di jadual 1

Fasa	Bil Unit	Milik Kerajaan	Milik Swasta	Kosong
Fasa 1 Menara KOMTAR	70	60	9	2
Fasa 1Blok Podium	513	17	482	14
Fasa 2 Blok Podium	16	-	10	6
Fasa 2B Blok Podium	102	-	102	-

Maklumat terperinci berkenaan unit kedai di KOMTAR milikan Kerajaan dan swasta disertakan seperti mana di lampiran. Buat masa sekarang, pihak Kerajaan Negeri belum mempunyai perancangan untuk mengambil alih semua unit milikan swasta bagi menjalankan projek revitalisasi.

Lihat Folder Lampiran (ID 365 - BTLH) A-F

Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

4. (a) Apakah punca yang menyebabkan kesesakan lalu lintas di sekeliling kawasan KOMTAR terutamanya pada waktu lepas kerja dan cuti umum?

(b) Adakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang mempunyai Pelan Induk Khas untuk menyelesaikan masalah ini?

(c) Adakah Kerajaan Negeri merancang membina sebuah *flyover* dari Gat Lebuh Prangin ke Lebuh Raya Tun Dr. Lim Chong Eu?

Y.A.B. Ketua Menteri:

4. (a) Punca kesesakan lalu lintas di sekeliling kawasan KOMTAR adalah disebabkan oleh isipadu aliran lalu lintas yang tinggi pada waktu-waktu puncak lalu lintas dan cuti umum. Di samping itu, sikap pemandu yang enggan mematuhi garisan kotak kuning di persimpangan dan meletak atau menunggu di kawasan larangan terutama di hadapan pintu utama bangunan KOMTAR, serta parkir secara tidak sah oleh bas persiaran di tepi Jalan Ria juga menyebabkan berlakunya kesesakan lalu lintas. Tindakan penguatkuasaan diambil oleh pihak Polis dan MPPP dari masa ke semasa.

(b) Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang memberi tumpuan kepada pembinaan lebuh raya utama dan pewujudan proses peralihan daripada pengguna kenderaan persendirian kepada pengangkutan awam bagi mengurangkan masalah kesesakan lalu lintas di Pulau Pinang. Masalah kesesakan lalu lintas di KOMTAR dan Pulau Pinang secara amnya boleh dikurangkan dengan pelaksanaan perakuan-perakuan dalam Pelan Induk ini.

(c) Pembinaan *fly over* dari Gat Lebuh Prangin ke Lebuh Raya Tun Dr Lim Chong Eu sememangnya terdapat dalam pelan perancangan asal untuk menambahbaik aliran lalu lintas di kawasan KOMTAR. Pelan ini akan dikaji semula.

Menyelaras sistem lampu isyarat juga sedang diperkemaskan agar kitaran dan perhubungan di antara satu lampu isyarat dengan yang lain akan wujud dan dapat membantu aliran trafik bergerak dengan lancar.

Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

5. Senaraikan premis penginapan yang terletak di Tapak Warisan George Town mengikut gred, termasuk hotel bajet.

   (a) Berapakah yang mempunyai lesen berniaga dan berapakah yang tidak berlesen?

   (b) Sila nyatakan kadar penginapan bagi lima (5) tahun yang terdekat.

Y.A.B. Ketua Menteri:

5. Tidak ada maklumat mengenai gred hotel dan kadar penginapan di tapak warisan terlibat kerana ia di bawah Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan.

   (a) Jumlah premis penginapan di Tapak Warisan Dunia George Town yang memiliki lesen adalah sebanyak 49 premis manakala yang tidak berlesen sebanyak 61 premis.

   Senarai premis penginapan di Tapak Warisan Dunia George Town yang berlesen adalah seperti di Lampiran 'A' , manakala senarai yang tidak berlesen adalah seperti di Lampiran 'B' .

   (b) Kadar penginapan diuruskan oleh Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan. Oleh itu tiada maklumat berkaitan dengan kadar penginapan tersebut.

Lihat Folder Lampiran (ID367 - BTLH)

Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

6. Berapakah bilangan bangunan usang yang masih ada di tapak warisan termasuk Zon Teras dan Zon Penampan? Sila senaraikan mengikut bilangan, lokasi dan status terbaru.

   (a) Apakah sebab pemilik bangunan usang tidak bertindak untuk membaik pulih bangunan tersebut?

   (b) Apakah tindakan yang boleh, sedang dan akan diambil terhadap pemilik yang enggan bertindak membaik pulih bangunan tersebut?

Y.A.B. Ketua Menteri:

6. Berdasarkan kepada statistik MPPP yang terkini, terdapat 105 unit bangunan usang di dalam Tapak Warisan Dunia George Town (TWDGT) UNESCO iaitu 32 unit bangunan dalam Zon Teras dan 73 unit bangunan dalam Zon Penampan.

   (a) Antara alasan-alasan pemilik yang tidak membaik pulih adalah:-

      (i) Masalah status pemilikan di mana pemilik asal bangunan telah lama meninggal dunia, pewaris tidak dapat dikesan dan masalah pemilikan yang dibawa ke mahkamah.

      (ii) Kos membaik pulih yang tinggi berdasarkan aspek warisan dan oleh kerana nilai pasaran hartanah meningkat maka pemilik bangunan lebih cenderung untuk menjual hartanah tersebut.

(b) Tindakan yang boleh, sedang dan akan diambil terhadap pemilik bangunan adalah:-

(i) MPPP telah, sedang dan akan mengeluarkan notis penguatkuasaan di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 (notis kacauganggu dihapuskan) dan Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (notis supaya diperbuat sesuatu) kepada pemunya.

(ii) Sekiranya pemilik bangunan gagal mematuhi arahan yang dikeluarkan maka tindakan mahkamah perundangan di bawah akta-akta yang berkaitan boleh diambil.

(iii) MPPP juga akan memberi khidmat nasihat dari segi membaik pulih bangunan warisan dan mempercepatkan proses pengeluaran permit membaik pulih bangunan.

(iv) MPPP juga telah, sedang dan akan mengambil tindakan memasang "hoarding", kerja pembersihan, pembuangan pokok-pokok liar dan mengambil langkah keselamatan ke atas mana-mana struktur yang berbahaya serta mengambil/ menuntut kos ini daripada pemilik bangunan tersebut.

Dalam masa yang sama GTWHI menyediakan khidmat nasihat secara percuma untuk membantu pemilik bangunan memahami keperluan dan prosedur untuk membaiki, menyelenggara, memulihara dan membaik pulih bangunan warisan.

Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

7. Secara jangka panjang, apakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang merancang membangunkan atau menjenamakan tapak warisan dari segi pelancongan?

(a) Adakah cadangan caj warisan dikenakan ke atas premis penginapan di kawasan George Town dipertimbangkan?

(b) Adakah cadangan menubuhkan sebuah Tabung Pemuliharaan/Pembelian Hartanah di Tapak Warisan dipertimbangkan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

7. Status George Town sebagai tapak warisan dunia UNESCO merupakan satu penjenamaan kepada sektor pelancongan di Pulau Pinang dan pengiktirafan ini secara tidak langsung telah menyumbang kepada ekonomi dalam sektor pelancongan.

(a) Kerajaan Negeri setakat ini belum bercadang untuk mengenakan caj warisan ke atas premis perniagaan di dalam Tapak Warisan Dunia George Town (TWDGT). Ini adalah kerana dasar semasa adalah lebih untuk menarik lebih ramai pengunjung untuk melawat kawasan ini yang boleh memberikan sumbangan dari segi jumlah pelancong yang melawat serta dapat membantu ekonomi tempatan.

(b) Mengikut Deraf Rancangan Kawasan Khas George Town terdapat syor untuk penubuhan Tabung Amanah Warisan bagi tujuan pemuliharaaan aset-aset warisan dan pembelian hartanah di dalam TWDGT. Caj-caj warisan ini yang dikutip kelak boleh disalurkan kepada tabung amanah ini yang bakal diuruskan oleh GTWHI.

Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

8. Sila senaraikan rombongan lawatan rasmi ke luar Negara oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang termasuk Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) pada tahun 2012 hingga 2013.

(a) Berapakah kos dan siapakah yang menyertai rombongan ?

(b) Sila nyatakan tujuan lawatan dan apakah pencapaiannya.

Y.A.B. Ketua Menteri:

8. Lawatan rasmi ke luar negara oleh Kerajaan Negeri dan juga GLC pada tahun 2012-2013 adalah merupakan misi perdagangan dan pelaburan selain dari menghadiri mesyuarat, persidangan antarabangsa di negara-negara berkenaan.

Keberhasilan dari lawatan-lawatan yang telah diadakan, ia dapat mengeratkan dan mengukuhkan perhubungan dua hala di samping dapat mempromosikan pelancongan ke pasaran baru selain daripada memperkukuhkan aktiviti perindustrian, hab halal, perdagangan, pelaburan, ekonomi, keusahawanan dan sebagainya.

Kos lawatan dan penyertaan ahli-ahli rombongan serta pencapaian ada lah seperti di lampiran A.

Lihat Folder Lampiran (ID370 - BTLH)

Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

9. Sila senaraikan Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang terbaru.

(a) Sila senaraikan ahli jawatankuasa GLC.

(b) Adakah elaun diberi kepada ahli-ahli jawatankuasa, berapakah elaun Pengarah?

(c) Apakah fungsi dan peranan GLC?

Y.A.B. Ketua Menteri:

10. PBA Holdings Berhad (PBAHB) adalah merupakan sebuah syarikat persendirian yang disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) di mana Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui State Secretary Incorporated (SSI) mempunyai pegangan saham sebanyak 55%.

(a) Senarai Ahli Lembaga Pengarah PBAHB adalah seperti berikut:

(1) Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng - Pengerusi
(2) Y.B. Dato' Haji Mohd Rashid Bin Hasnon – Timbalan Pengerusi
(3) Y.B. Prof. Dr. Ramasamy a/l Palanisamy
(4) Y.B. Dato' Farizan bin Darus
(5) Y.B. Tuan Chow Kon Yeow
(6) Y.B. Tuan Lim Hock Seng
(7) Y.B. Dato' Haji Abdul Malik B. Abul Kassim
(8) Y.B. Dato' Mokhtar Bin Mohd Jait
(9) Tuan Haji Mohamad Bin Sabu
(10) Y.Bhg. Dato' Chew Kong Seng
(11) Y.Bhg. Dato' Syed Mohamad bin Syed Murtaza
(12) Y. Bhg. Dato' Seri Nazir Ariff Bin Mushir Ariff
(13) Y. Bhg. Dato' Athi Isvar Athi Nahappan
(14) Ms. Agatha Foo Tet Sin

(b) Jumlah elaun yang diterima oleh Ahli Lembaga Pengarah adalah seperti berikut:

Jenis	Elaun Pengerusi	Ahli Lembaga Pengarah	Ahli Lembaga Pengarah Bebas
Elaun Tetap	RM500	RM500	RM1500
Elaun Mesyuarat	RM300	RM300	RM300

Elaun-elaun ini tidak ada perubahan sejak diberikan dalam tahun 1999.

(c) Untuk maklumat lengkap mengenai anak-anak syarikat PBAHB, pegangan saham, Ahli Lembaga Pengarah, elaun Ahli Lembaga Pengarah dan fungsi dan peranan syarikat-syarikat, sila rujuk berikut:

BIL	NAMA SYARIKAT	EKUITI PBAHB %	AHLI LEMBAGA PENGARAH	ELAUN AHLI LEMBAGA PENGARAH	FUNGSI DAN PERANAN
1.	PBA Resources Sdn. Bhd. (PBAR)	100	1. Ir Jaseni Maidinsa 2. En Raffiq Raveendran Abdullah	Elaun Mesyuarat: RM100	• PBA Resources adalah syarikat yang ditubuhkan untuk menguruskan kumpulan perniagaan di bawah PBAHB yang tidak berkaitan dengan perkhidmatan pembekalan air. • PBAR mengendalikan Penang Water Services Academy (PWSA). • PWSA menganjurkan kursus yang bersesuaian bagi meningkatkan kemahiran di kalangan kakitangan dalaman serta syarikat-syarikat pengeluar air lain yang berminat sama ada dari dalam dan luar negara. Program-program yang diadakan: 1.Kursus untuk pelajar lepasan Tingkatan Lima 2.Kursus untuk Pekerja Pengendali Air di Malaysia 3.Kursus untuk Pekerja Pengendali Air di Indonesia
2	Island Springwater Sdn. Bhd (ISSB)	100	1. Ir Jaseni Maidinsa 2. Ir Ong Eng Chuan	Elaun Mesyuarat: RM100	
3	Pinang Water Ltd. (PWL)	26	1. Ir Jaseni Maidinsa (PBAHB) 2. Mr Ooi Kok Ping (Ranhil Water (Hong Kong) Limited 3. Dato' Samsuri Rahmat (YLI Holdings Bhd)	Tiada elaun untuk Ahli Lembaga Pengarah untuk tahun 2013.	

Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

10. (a) Sila berikan statistik pendaftaran nombor plat kenderaan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan di Negeri Pulau Pinang mengikut kategori kenderaan.

(b) Sila nyatakan kadar penambahan/pengurangan pendaftaran dari tahun 2000 hingga 2013.

Y.A.B. Ketua Menteri:

10. (a) Statistik pendaftaran nombor plat kenderaan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan di Negeri Pulau Pinang mengikut kategori kenderaan disertakan seperti di Lampiran

(b) Kadar penambahan/pengurangan pendaftaran dari tahun 2000 hingga 2013 adalah seperti di Lampiran.

Lihat Folder Lampiran (ID372 - BTLH)

Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

11. Berapakah pelaburan asing dan tempatan di Negeri Pulau Pinang bagi tahun 2008 hingga 2013?

(a) Apakah rancangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk menarik pelaburan baru?

(b) Apakah insentif yang diberi oleh Kerajaan Negeri untuk menarik pelaburan baru?

Y.A.B. Ketua Menteri:

11. Jumlah pelaburan asing dan tempatan di Negeri Pulau Pinang dari tahun 2008 sehingga tahun 2013 (sehingga Ogos) adalah seperti di bawah:-

Tahun	Pelaburan Asing (RM Million)	Pelaburan Tempatan (RM Million)	Jumlah Pelaburan (RM Million)
2008	5,087.6	5,068.7	10,156.3
2009	1,448.5	0,716.7	2,165.2
2010	10,451.1	1,786.9	12,238.0
2011	7,145.6	1,960.4	9,106.0
2012	1,126.5	1,344.9	2,471.4
2013 (Jan-Ogo)	1,008.6	1,044.0	2,052.6

Pelbagai rancangan Kerajaan Negeri dilakukan untuk menarik pelaburan baru dan ianya adalah seperti berikut:

Meningkatkan daya saing Negeri dari segi teknologi dan rantaian nilai melalui pelaburan langsung asing yang berkualiti termasuk menarik pelaburan dari industri-industri strategik. Di samping itu penyertaan syarikat IKS Pulau Pinang dalam rantaian bekalan global bagi industri yang disasarkan juga telah meningkat di samping pemindahan teknologi tinggi oleh syarikat-syarikat asing kepada syarikat tempatan.

Kerajaan Negeri juga melakukan usaha-usaha mempromosikan pelaburan dalam sektor perkhidmatan yang tinggi dengan nilai tambah dan teknologi yang terkini serta boleh menjadi pemangkin ekonomi. Ini dilakukan melalui perkembangan pembangunan Koridor Raya Multimedia (MSC) di Pulau Pinang iaitu Penang Cybercity dengan mengenalpasti beberapa bangunan komersil yang boleh dibangunkan sebagai bangunan MSC.

Usaha-usaha juga dilakukan bagi membangunkan dan bekerjasama dengan IKS tempatan untuk menjadi lebih kompetitif di peringkat antarabangsa dan meningkatkan kedudukan IKS di dalam rantaian nilai. Initiatif ini diambil melalui investPenang untuk membangunkan IKS di Pulau Pinang dengan tiga (3) pendekatan, iaitu; penubuhan Pusat Penasihat Pasaran, Sumber dan Latihan IKS (SME Market Advisory, Resource & Training - S.M.A.R.T. Centre), Pusat IKS (SME Centre) dan Perkampungan IKS (SME Village).

Bagi tujuan perkampungan IKS tanah perindustrian seluas 150 ekar di kawasan perindustrian Batu Kawan telah dikenal pasti oleh PDC untuk dibangunkan sebagai perkampungan IKS. Objektif Perkampungan IKS tersebut adalah seperti berikut:

(i) menyediakan kilang-kilang yang telah siap dibina jenis teres atau berkembar serta plot-plot tanah perindustrian kecil untuk IKS.

(ii) menempatkan IKS secara kelompok untuk mempamerkan rantaian bekalan (supply chain) yang lengkap bagi menarik pelabur-pelabur asing.

(iii) mewujudkan persekitaran perniagaan yang kondusif dengan kemudahan berkongsi.

Usaha-usaha juga dilakukan untuk mengekalkan, melatih dan menguruskan bekalan tenaga mahir di dalam negeri dan menarik tenaga mahir dari luar untuk bekerja di Pulau Pinang selari dengan sokongan Kerajaan Negeri untuk meningkatkan rantaian nilai industri-industri di Pulau Pinang.

Kerajaan Negeri juga mengambil langkah untuk menanam minat dalam bidang sains dan kejuruteraan dikalangan generasi muda melalui pendedahan dan penglibatan secara langsung dalam aktiviti anjuran Kerajaan Negeri dan pihak industri seperti penubuhan Majlis Sains Pulau Pinang (Penang Science Council) yang telah menganjurkan pameran dan program berasaskan sains dan teknologi untuk para pelajar diperingkat sekolah. Insentif lain yang disediakan oleh Kerajaan Negeri adalah dalam bentuk penyediaan persekitaran yang kondusif untuk pelaburan dan kemudahan menjalankan perniagaan;

(i) Menubuhkan Pasukan Petugas Khas yang diketuai sendiri oleh Y.A.B. Ketua Menteri sebagai pemudahcara perniagaan bagi setiap pelaburan yang melebihi jumlah RM1 Billion. Bekerjasama dengan Penang Development Corporation (PDC) dalam menawarkan skim harga tanah perindustrian yang kompetitif bagi projek pelaburan yang strategik.

(ii) InvestPenang sebagai sebuah Pusat Hentian Setempat (One Stop Centre) berperanan membantu bakal pelabur dalam semua urusan rasmi sejak dari hari pertama pelabur tiba di Pulau Pinang sehinggalah mereka menjalankan operasi.

(iii) Menjadi pemudahcara dan menjalinkan kerjasama erat dengan agensi-agensi kerajaan di peringkat persekutuan yang terlibat dalam aktiviti pelaburan seperti MIDA untuk pemberian insentif, Jabatan Alam Sekitar untuk proses kelulusan dan institusi-institusi latihan teknikal tempatan untuk melatih tenaga kerja berkemahiran tinggi serta agensi-agensi lain yang berkaitan.

Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

12. Sila nyatakan projek tebatan banjir yang telah dan akan dijalankan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang sejak 2008.

(a) Senaraikan kos dan anggaran tarikh pelaksaan projek.

Y.A.B. Ketua Menteri:

12. (a) Senarai kos dan anggaran tarikh perlaksaan projek tebatan banjir yang telah dan akan dijalankan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang sejak 2008 adalah seperti di bawah:-

Bil.	Rancangan Tebatan Banjir telah siap	Kos Projek(RM)	Tarikh Mula	Tarikh Siap
1	Bertam-Kepala batas	169 juta	22.2.2007	21.2.2009
2	Sg. Muda	700 juta	25.6.2007	1.9.2014
3	Sg. Perai	50 juta	1.1.2005	1.1.2013
4	Sg. Kerian Fasa 1	35 juta	1.1.2006	30.6.2013
5	Sg. Pinang Fasa 1	10 juta	1.1.1998	1.1.2000
Rancangan Tebatan Banjir dalam perancangan & pelaksanaan				
1	Tasek Gelugor	41 juta	1.1.2013	1.1.2015
2	Sg. Kerian Fasa 2	35 juta	1.1.2015	1.1.2018
3	Sg. Pinang Fasa 2	70 juta	1.1.2015	1.1.2018

Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

13. Sila berikan status terkini tentang sebidang lot tanah Kerajaan Negeri yang berlokasi di sebelah rumah Projek Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) di Taman Manggis.

14.

Y.A.B. Ketua Menteri:

13. Status terkini Tanah Kerajaan Negeri yang terletak di bersebelahan rumah PPRT Taman Manggis iaitu (Seksyen 16, Bandar George Town, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang yang akan dibangunkan sebagai hospital swasta iaitu Victoria Specialist Hospital oleh syarikat Kuala Lumpur International Dental Centre (KLIDC).

    Pihak Berkuasa Negeri telah mengenakan syarat nyata terhadap tapak tersebut di bawah Seksyen 76, Kanun Tanah Negara 1965 seperti berikut :-

    "Tanah yang diberimilik ini hendaklah digunakan untuk tujuan pembangunan pakar mata, pusat pakar pergigian dan pusat pakar pembedahan plastik (30%) dan untuk tujuan pembangunan *service suites* dan hotel (70%) yang bukan untuk tujuan dijual kepada orang ramai."

    Mesyuarat MMK juga telah memutuskan hak milik tanah hanya akan didaftarkan atas nama KLIDC setelah Pelan Kebenaran Merancang diluluskan oleh Majlis Perbandaran Pulau Pinang. Pelan Kebenaran merancang cadangan tersebut telah dikemukakan kepada Pengarah Tanah dan Galian pada 25 November 2013 untuk ditandatangani selaku tuan tanah sebelum KLIDC menghantar PKM tersebut untuk proses kelulusan MPPP. Pelaksanaan projek tersebut hanya akan dimulakan setelah PKM diluluskan oleh OSC MPPP.

Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

14. Berapakah permohonon Rumah Kos Rendah(KR), Kos Sederhana Rendah(KSR) & Mampu Milik yang diterima oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang? Sila jadualkan mengikut tahun dan status kelulusan sejak tahun 2008.

    (a) Sila nyatakan lokasi dan bilangan unit projek perumahan yang akan dibina oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang pada masa depan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

14. Jumlah permohonan dan tawaran yang telah dibuat sejak tahun 2008 bagi Rumah Kos Rendah(KR)dan Kos Sederhana Rendah(KSR)adalah seperti di Lampiran A.

    Bagi perumahan mampu milik, Bahagian Perumahan telah menerima dan mendaftarkan masing-masing sebanyak 26,549 dan 2,696 pemohon yang berminat dengan projek di kawasan Pulau dan Seberang Perai. Pendaftaran ini ialah bagi tujuan kajian perancangan pembangunan projek kerana tiada dokumen sokongan disertakan untuk menentukan kelayakan pemohon. Borang pendaftaran sebenar akan dikeluarkan mulai 14 Disember 2013 dan borang tersebut boleh didapati di Tingkat 3 KOMTAR atau secara atas talian di laman sesawang http://erumah.penang.gov.my.

    (a) Kerajaan Negeri melalui PDC akan membina sejumlah 19,973 unit perumahan mampu milik di seluruh Negeri Pulau Pinang. Daripada jumlah itu, sebanyak 3,448 unit akan dibina di Bahagian Pulau di mana 1,970 unit daripadanya merupakan rumah kos sederhana rendah dan 1,478 unit rumah kos sederhana. Baki sebanyak 16,525 unit lagi pula akan dibina di Seberang Perai di mana 250 unit daripadanya merupakan rumah kos rendah, 5,609 unit rumah kos sederhana rendah dan 10,666 unit rumah kos sederhana. Lokasi projek dan bilangan unit yang akan dibina adalah seperti di Lampiran B.

Lihat Folder Lampiran (ID376 BTLH)

Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

15. Apakah rancangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang terhadap pembinaan laluan khas bas awam memandangkan penambahan bilangan Bas Rapid di Pulau Pinang.

(a) Sila nyatakan kadar penggunaan Rapid Penang *free shuttle* bus sejak dilancarkan mengikut pecahan umur, jantina dan lokaliti pengguna.

Y.A.B. Ketua Menteri:

15. Kerajaan Negeri melalui MPPP mempunyai rancangan untuk menyediakan laluan bas di jalan-jalan yang mempunyai kekerapan perkhidmatan bas awam yang tinggi. Di antara laluan tersebut adalah Lebuh Chulia, Jalan Penang, Jalan Ria dan Jalan Burma. Adalah dijangka laluan-laluan bas ini dapat dilaksanakan pada tahun 2014 selepas diwartakan. Laluan-laluan bas ini akan diperluaskan mengikut keperluan masa hadapan.

(a) Sejak dilancarkan, kadar penggunaan *shuttle service* adalah sangat memuaskan. Secara purata seramai 3,000 penumpang menggunakan perkhidmatan ini pada setiap hari. Pihak Rapid tidak mempunyai rekod penumpang mengikut umur, jantina dan lokaliti.

Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

16. Adakah Sistem Key Performance Indicator/Standard Operating Procedure (KPI/SOP) digunakan sebagai penilaian prestasi dan pencapaian kerja kakitangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan Majlis Perbandaran? Ini adalah untuk memberi perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat Negeri Pulau Pinang.

(a) Adakah SOCSO diberi kepada kakitangan kerajaan terutamanya mereka yang sering bekerja di luar pejabat?.

Y.A.B. Ketua Menteri:

16. Kecekapan dan prestasi kakitangan awam termasuk PBT dipantau melalui Laporan Nilaian Prestasi Tahunan (LNPT). Di dalam LNPT tersebut telah ditetapkan untuk dicapai bagi tahun berkenaan. Peraturan mengenai pelaksanaan KPI digariskan di dalam Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 2 Tahun 2008.

(Garis Panduan bagi Mewujudkan Petunjuk-petunjuk Prestasi Utama (Key Performance Indicators/KPI) dan melaksanakan Pengukuran Prestasi di agensi kerajaan). Disamping itu mulai tahun 2014, prestasi juga akan diukur melalui bajet *outcome based* bagi setiap jawatan.

(a) Kakitangan kerajaan tidak diperuntukkan SOCSO melainkan KWSP sahaja

Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

17. Bagaimana Kerajaan Negeri Pulau Pinang merancang untuk membangunkan sektor Pelancongan Perubatan memandangkan sektor ini adalah satu sektor pelancongan yang baru dan berpotensi.

(a) Manakah lokasi yang dirancang untuk pembangunan sektor ini?

Y.A.B. Ketua Menteri:

17. Pada masa ini, rancangan untuk memajukan sektor pelancongan perubatan dibuat dengan kerjasama Penang Global Tourism dan hospital-hospital swasta di Pulau Pinang. Kejayaan sektor Pelancongan perubatan bergantung kepada kesediaan penerbangan terus dari Negara berkenaan seperti Indonesia terus ke Pulau Pinang. Selain daripada itu, keupayaan Pulau Pinang untuk memenuhi keperluan logistik dan makanan juga merupakan faktor yang sangat penting bagi sektor pelancongan perubatan.

Pada masa ini, pasaran baru yang ingin diterokai bagi menjayakan sektor pelancongan perubatan negeri adalah Hong Kong dan Myanmar.

Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

18. Apakah Pelan Induk Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) terhadap projek Pembangunan Bandar Baru Batu Kawan?

    (a) Berapakah baki tanah yang masih tinggal untuk tujuan pembangunan?

    (b) Sila nyatakan perkembangan terkini dan rancangan seterusnya.

Y.A.B. Ketua Menteri:

18. Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) telah menyediakan pelan pembangunan Batu Kawan atau lebih dikenali sebagai Pelan Induk Bandar Cassia, Batu Kawan yang berteraskan konsep Eco-City. Bandar Cassia akan menjadi lokasi terpilih sebagai tempat kediaman, bekerja, belajar, beriadah dan bersukan (live, work, learn and play). Bandar Cassia dirancang sebagai sebuah bandar yang *self contained* di mana dilengkapi dengan komponen Taman Perindustrian Bandar Cassia yang akan menjadi destinasi pilihan kepada pelabur-pelabur.

    (a) Sehingga kini masih terdapat sejumlah 2,676 ekar tanah daripada keseluruhan Bandar Cassia iaitu 6,326 ekar telah komited dengan pembangunan seperti projek perumahan, komersial, industri, universiti, Stadium Negeri Batu Kawan, jalan raya dan kemudahan infrastruktur yang lain.

    (b) Di samping itu, pihak PDC sedang dalam peringkat perbincangan dengan beberapa pelabur untuk membangunkan projek *Theme Park, International Golf Resort, IT Park dan Mega Shopping Complex* di Bandar Cassia. Dalam hal ini, PDC berkeyakinan Bandar Cassia akan menjadi sebuah bandar baru yang bertaraf antarabangsa apabila siap dibangunkan kelak dan mampu meningkatkan kedudukan Negeri Pulau Pinang di peringkat antarabangsa.

Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

19. Berapakah tanah yang dimiliki oleh Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) di Negeri Pulau Pinang, sila senaraikan mengikut kategori kegunaan tanah.

    (a) Apakah rancangan pembangunan terkini?

Y.A.B. Ketua Menteri:

19. Jumlah keseluruhan tanah yang dimiliki oleh PDC mengikut kategori kegunaan tanah dan rancangan pembangunan terkini adalah seperti di bawah:-

Tanah Kosong PDC setakat 30 Jun 2013

BIL	LOKASI	KELUASAN (EKAR)	CADANGAN KEGUNAAN TANAH
PULAU PINANG			
	PAYA TERUBONG	558.23	Agro-tourism
	BUKIT JAMBUL/SUNGAI NIBONG	117.50	Perumahan/Komersil/Agro-tourism
	BAYAN BARU	6.55	Perumahan/Komersil/Agro-tourism
	PAKEJ 1B5	5.60	Perumahan/Komersil
	BAYAN LEPAS (1B3)	19.48	Perumahan/Komersil
	PERMATANG DAMAR LAUT	1.63	Perumahan
	BATU MAUNG	123.26	Perumahan/Komersil
GEORGE TOWN			
1	KOMTAR (Fasa 5)	3.81	Komersil/Taman Bandar
1	GAT LEBUH MACALLUM	3.45	Perumahan/Institusi

BIL	LOKASI	KELUASAN (EKAR)	CADANGAN KEGUNAAN TANAH
SEBERANG PERAI			
1	SEBERANG JAYA	51.87	Perumahan/Komersil/Pertanian
2	BUKIT TENGAH	36.10	Perumahan/Komersil/Pertanian
3	JURU	12.75	Perumahan
4	BUKIT MINYAK	97.03	Industri/Pertanian
5	BUKIT MINYAK - North of PSP	385.59	Pembangunan Bercampur
6	TAMAN PERINDUSTRIAN PERAI	52.26	Industri/Pertanian
7	BERTAM	4.29	Institusi
8	BATU KAWAN	2,627.28	Pembangunan Bercampur

Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

20. Memandangkan kes bunuh diri semakin bertambah, apakah usaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam menangani kes ini?

    (a) Sila senaraikan statistik kes bunuh diri mengikut pecahan umur, jantina, pekerjaan dan daerah.

Y.A.B. Ketua Menteri:

20. (1) Berikut adalah usaha-usaha yang boleh dilakukan bagi menangani kes bunuh diri yang kian meningkat:-

(i) Memantapkan pendidikan dari segi akhlak dan juga tarbiah.

(ii) Kempen pencegahan sebab dan akibat fenomena ini terjadi.

(iii) Peranan keluarga dalam menangani masalah individu terbabit.

(iv) Peranan masyarakat sekeliling untuk mencegah fenomena ini.

(v) Hidup sihat dengan cara berinteraksi antara satu sama lain bagi mengurangkan stress kehidupan.

(vi) Melahirkan insan yang bersyukur.

(vii) Penekanan kepada pemantapan rohani dan emosi oleh pelbagai bangsa dan agama.

(viii) Menerapkan nilai-nilai murni ke arah mencintai dan menghargai kehidupan.

(2) Statistik kes bunuh diri dalam pecahan modus operandi, umur, jantina, bangsa dan daerah bagi tahun 2012 dan Januari – Oktober 2013 adalah seperti berikut:

Statistik kes bunuh diri tahun 2009, 2010, 2011, 2012 dan Jan – Okt. 2013 mengikut pecahan bangsa dan jantina di Pulau Pinang.

Tahun	**2009**		**2010**		**2011**		**2012**		**Jan – Okt 2013**		**Jumlah**	
Bangsa / Jantina	L	P	L	P	L	P	L	P	L	P	L	P
Melayu	0	0	0	1	1	1	2	0	1	0	4	2
Cina	9	1	4	1	7	1	15	6	9	0	44	9
India	7	3	1	0	5	0	2	3	3	1	18	7
Lain-lain	4	0	1	2	2	0	5	3	0	0	12	5
Jumlah	20	4	6	4	15	2	24	12	13	1	78	23
Jumlah Besar	**24**		**10**		**17**		**36**		**14**		**101**	

Nota : (L) Lelaki (P) Perempuan

Statistik kes bunuh diri tahun 2009, 2010, 2011, 2012 dan Jan – Okt. 2013 mengikut pecahan daerah di Pulau Pinang.

Daerah / Tahun	2009	2010	2011	2012	Jan – Okt 2013	**Jumlah**
Timur Laut	1	3	12	13	8	**37**
Barat Daya	2	4	0	0	0	**6**
Seberang Perai Utara	1	0	1	4	0	**6**
Seberang Perai Tengah	9	0	3	11	6	**29**
Seberang Perai Selatan	11	3	1	8	0	**23**
Jumlah	**24**	**10**	**17**	**36**	**14**	**101**

Statistik Modus Operandi (MO) kes bunuh diri tahun 2009, 2010, 2011, 2012 dan Jan – Okt. 2013 di Pulau Pinang.

Bil.	MO /Tahun	2009	2010	2011	2012	2013	**Jumlah**
1.	Terjun dari bangunan	6	1	6	7	4	**24**
2.	Minum racun	7	0	3	1	1	**12**
3.	Gantung diri	6	6	4	21	9	**46**
4.	Terjun jambatan	3	2	4	6	0	**15**
5.	Bakar diri dengan petrol	1	1	0	1	0	**3**
6.	Sedut asap ekzos kereta	1	0	0	0	0	**1**
Jumlah		**24**	**10**	**17**	**36**	**14**	**101**

Statistik punca kes bunuh diri tahun 2009, 2010, 2011, 2012 dan Jan – Okt. 2013 di Pulau Pinang.

Bil.	Punca bunuh diri	Tahun					**Jumlah**
		2009	2010	2011	2012	2013	
1.	Selisih dengan teman wanita	0	0	1	1	0	**2**
2.	Sakit jiwa / kurang siuman	6	1	1	10	9	**27**
3.	Sebab yang tidak diketahui	18	9	15	25	5	**72**
Jumlah		**24**	**10**	**17**	**36**	**14**	**101**

Statistik kes bunuh diri tahun 2010, 2011, 2012 dan Jan – Okt. 2013 mengikut pecahan bangsa dan umur di Pulau Pinang.

Tahun /Umur	2009			2010			2011			2012			2013			**Jumlah**		
	19-35	36-44	>45	19-35	36-44	>45	19-35	36-44	>45	19-35	36-44	>45	19-35	36-44	>45	**19-35**	**36-44**	**>45**
Bangsa																		
Melayu	1	0	0	0	0	0	1	0	0	1	0	1	0	1	**0**	**3**	**1**	1
Cina	4	3	2	1	3	2	5	3	2	6	8	4	0	5	4	**16**	**22**	**14**
India	4	5	1	1	0	0	1	2	1	3	4	1	1	1	2	**10**	**12**	**5**
Lain-lain	3	1	0	2	1	0	2	0	0	6	2	0	0	0	0	**13**	**4**	**0**
Jumlah	12	9	3	4	4	2	9	5	3	16	14	6	1	7	6	**42**	**39**	**20**
Jumlah Besar	**24**			**10**			**17**			**36**			**14**			101		

Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

21. Di bawah Akta Jalan & Parit, Bangunan 1976, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) berhak mengeluarkan notis kepada semua bangunan melebihi 5 tingkat dan berusia melebihi 10 tahun untuk menghantar laporan keselamatan bangunan. Berapakah notis yang telah dikeluarkan?

    (a) Berapakah pemilik yang sudah memberi respon?

    (b) Apakah tindakan susulan yang telah diambil terhadap pemilik yang tiada respon?

Y.A.B. Ketua Menteri:

21. MPPP telah mengeluarkan notis pemeriksaan struktur bangunan secara berkala di bawah seksyen 85 A Akta Jalan, Parit & Bangunan 1974 kepada 386 pemilik bangunan. Manakala MPSP pula telah mengeluarkan notis kepada 88 pemilik bangunan.

    (a) Sehingga kini sebanyak 82 maklum balas telah diterima oleh MPPP dan 41 maklum balas telah diterima oleh MPSP

(b) MPPP akan memberikan notis peringatan kepada mana-mana pemilik bangunan yang belum mengemukakan laporan pemeriksaan struktur bangunan berkala. Setakat ini belum ada tindakan perundangan diambil oleh MPPP ke atas mana-mana pemilik bangunan yang belum kemukakan laporan.

Manakala MPSP pula telah mengambil tindakan susulan dengan menghantar notis peringatan di bawah Seksyen 85, Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 kepada pemilik bangunan yang masih belum mengemukakan laporan keselamatan bangunan.

Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

22. Banyak hartanah dalam Tapak Warisan George Town dibeli oleh Warga Negara Asing dan menyebabkan kenaikan harga hartanah sehingga orang tempatan terpaksa berhijrah keluar atas sebab ketidakmampuan membeli/menyewa. Adakah Kerajaan Negeri merancang untuk menghadkan Warga Negera Asing daripada membeli hartanah di Tapak Warisan George Town?

Y.A.B. Ketua Menteri:

22. Kerajaan Negeri mempunyai polisi yang jelas mengenai pemilikan hartanah oleh warga asing. Harga kawalan pemilikan hartanah oleh warga asing adalah seperti berikut:-

(a) Bagi pemilikan Hartanah Strata harga minima yang boleh dibeli oleh warga asing ialah RM1 juta.

(b) Bagi pemilikan Hartanah *Landed*, harga minima yang boleh dibeli oleh warga asing ialahRM2 juta di kawasan pulau dan RM1 juta di kawasan Seberang Perai.

Mulai 1 Februari 2014, Kerajaan Negeri bercadang untuk mengenakan levi 3% bagi pembelian oleh warga asing. Sehingga kini Kerajaan Negeri belum bercadang untuk menghadkan warga asing daripada membeli hartanah di tapak Warisan George Town, tetapi setiap pembelian mestilah mematuhi polisi kawalan harga minima seperti di atas.

Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

23. Berapakah kos pemuliharaan yang telah dibayar oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) untuk memulihara bangunan usang milik swasta di Tapak Warisan?

(a) Berapakah kos yang telah dikutip balik daripada jumlah kos yang dibayar?

(b) Adakah PBT ingin mengenakan insentif cukai pintu yang berbeza kepada pemilik bangunan usang yang telah menyiapkan pemuliharaan dan enggan bertindak?

Y.A.B. Ketua Menteri:

23. MPPP tidak menjalankan kerja pemuliharaan bangunan usang milik swasta. Bagi pemilik swasta bangunan-bangunan usang yang gagal mengambil tindakan terhadap bangunan tersebut. MPPP hanya menjalankan kerja-kerja memasang pagar keselamatan (hoarding), kerja pembersihan, kerja pembuangan pokok-pokok liar pada bangunan dan memasang penyokong besi tambahan sekiranya perlu demi keselamatan orang awam.

Kos yang telah dibelanjakan untuk kerja-kerja tersebut adalah sebanyak RM434,546.66 dan daripada jumlah ini pembayaran yang diterima/dikutip sehingga ini adalah sebanyak RM76,143.20.

Selain itu, MPPP akan memberi insentif rebat cukai pintu kepada mana-mana bangunan warisan yang dipulihara mengikut peraturan untuk kawasan pemuliharaan bangunan-bangunan warisan dan ini termasuklah bangunan-bangunan warisan yang usang.

Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

24. Sila berikan statistik kadar jenayah mengikut daerah dari tahun 2011 hingga sekarang.

    (a) Berapakah kes yang telah selesai siasatan dan kes ditutup?

Y.A.B. Ketua Menteri:

24. Statistik bagi kadar jenayah (jumlah kes dan jumlah kes selesai) mengikut pecahan Daerah dartahun 2011 hingga sekarang adalah seperti di Lampiran A.

Lihat Folder Lampiran (ID492 - BTLH)

Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

25. Kerajaan Negeri Pulau Pinang menjaga kebajikan golongan ibu tunggal dengan membekalkan Program bantuan ibu tunggal, perkhidmatan mammogram percuma, skim pinjaman mikrokredit dan lain-lain. Apakah langkah yang telah dan akan diambil untuk memelihara kebajikan golongan bapa tunggal?

Y.A.B. Ketua Menteri:

25. Kerajaan Negeri belum mempunyai apa-apa rancangan dalam membantu golongan bapa tunggal, di samping itu dimaklumkan tiada maklumat berkaitan statistik atau lain-lain berkaitan dengan golongan bapa tunggal.

Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

26. Sila terangkan butiran dan perkembangan dalam pelaksanaan Projek Briged Wanita.

    (a) Apakah rancangan pada masa hadapan?

    (b) Adakah peruntukan diberi kepada semua ahli-ahli Briged Wanita yang berkhidmat secara sukarela?

Y.A.B. Ketua Menteri:

26. Sejak dilancarkan pada 22hb Jun 2013 sehingga 5 Disember 2013, seramai 1,708 ahli Briged Wanita telah didaftarkan. Dengan peningkatan keahlian yang tinggi sejak dilancarkan maka Kerajaan Negeri telah merancang kursus-kursus Induksi untuk ahli Briged Wanita di setiap daerah untuk memberi penerangan mengenai tugasan dan tanggungjawab sebagai ahli Briged Wanita. Seramai 935 orang ahli Briged Wanita telah menyertai kursus-kursus Induksi yang telah disempurnakan sejak inisiatif ini dilancarkan. Semua kursus dilaksanakan dalam Bahasa Malaysia kecuali satu sesi yang disempurnakan dalam Bahasa Mandarin atas permintaan setempat.

    (a) Rancangan pada masa hadapan ialah Kerajaan Negeriakan meneruskan penganjuran kursus-kursus Induksi di kesemua daerah dengan kerjasama pejabat-pejabat KADUN. Selain itu, satu kursus Induksi dalam Bahasa Tamil juga dirancang pada awal tahun depan. Kerajaan Negeri melalui Penang Women Development Corporation(PWDC) juga merancang beberapa kursus-kursus susulan berkenaan kepemimpinan untuk ahli-ahli Briged Wanita yang sudah mengikuti kursus Induksi.

    (b) Pada masa ini pihak Jawatankuasa Kerja Briged Wanit Peringkat Negeri belum merancan untuk memberi apa-apa peruntukan kerana kesemua ahli-ahli Briged Wanita yang berkhidmat secara sukarela. Ahli Briged Wanita yang telah menyertai kursus Induksi akan dibekalkan dengan sepasang vest yang akan dipakai sewaktu menjalankan tugasan mereka.

Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

27. Berapakah menara dan struktur sistem pemancar telco yang terdapat di Negeri Pulau Pinang?

(a) Nyatakan berapa yang telah diluluskan dan bilangan tanpa kebenaran.

(b) Apakah tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang terhadap menara atau struktur telco yang dibina tanpa kebenaran?

Y.A.B. Ketua Menteri:

27. (a) Setakat ini, sebanyak 353 struktur pemancar telco telah diluluskan di bawah kawalan MPPP (pulau sahaja) dan sebanyak 143 masih belum mendapat kelulusan dari MPPP.

Jumlah menara dan struktur sistem pemancar Telco di Seberang Perai yang telah diluluskan adalah sebanyak 314 dan tanpa kebenaran adalah 190.

(b) Tindakan yang akan diambil keatas menara atau struktur yang dibina tanpa kebenaran akan dirobohkan dengan kadar segera mengikut prosedur MPPP dan setakat ini sebanyak 43 struktur pemancar telah dirobohkan.

Tindakan yang telah diambil oleh MPSP terhadap menara dan struktur telco yang dibina tanpa kebenaran adalah seperti berikut :

BIL	PERKARA	JUMLAH
1	Notis meruntuh yang telah dikeluarkan	34
2	Binaan tanpa kebenaran StrukturTelekomunikasi yang belum diambil tindakan penguatkuasaan	21
3	Binaan Tanpa Kebenaran struktur telekomunikasi yang telah diambil tindakan penguatkusaan (Meruntuh)	80

Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

28. Sila terangkan kaedah yang diambil oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk pengurusan sisa-sisa pepejal dan sisa organik.

Y.A.B. Ketua Menteri:

28. Kaedah yang digunakan untuk pengurusan sisa pepejal dan sisa organik bagi kawasan MPPP adalah seperti berikut:-

(a) Sistem Perkhidmatan Pungutan, Mengangkut dan Pelupusan

Pelaksanaan sistem pungutan sampah secara *hybrid* adalah seperti berikut:-

(i) Perkhidmatan pungutan sisa domestik termasuk sisa organik dan bukan organik daripada premis kediaman dan bangunan komersial dengan menggunakan kenderaan kompaktor

(ii) Perkhidmatan pungutan sampah pukal dan sampah organik (kebun) daripada premis kediaman dan bangunan komersial dengan menggunakan kenderaan *high side tipper.*

(iii) Perkhidmatan pungutan sampah organik daripada pasar dengan menggunakan kenderaan prime mover

(b) Perkhidmatan Pemindahan Sampah

Perkhidmatan pemindahan sampah di Stesyen Pemindahan Sampah Ampang Jajar kini menguruskan kemudahan untuk melupuskan sisa domestik daripada premis kediaman dan komersial.

MPPP mempunyai perancangan untuk membangunkan Stesyen Pemindahan Sampah Batu Maung yang berasaskan kepada Containerised Transfer By Barge System dengan menggunakan kaedah pengangkutan laut bagi pengendalian semua jenis sampah termasuk sampah domestik dan komersial, sisa binaan dan *marine clay.* Sistem ini turut menyediakan Material Recovery Facility (MRF).

(c) Perkhidmatan Pelupusan Sampah

(i) Tapak Pelupusan Sampah Pulau Burong

Pengurusan dan penyelenggaraan Tapak Pelupusan Sampah Pulau Burong (Sanitary Landfill Level IV) yang di kendalikan kini melalui rancangan penyediaan kemudahan *leachate* (mobile leachate treatment plant), e*copark, material recovery facility* dan *refuse derived fuel* secara berperingkat.

(ii) Tapak Pelupusan Sampah Jelutong

Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang mempunyai perancangan untuk *land mining* dan *rehabilitation* Tapak Pelupusan Sampah Jelutong termasuk perancangan jangka pendek untuk penyediaan kemudahan dan infrastruktur bagi pengurusan dan kitar semula sisa binaan yang dilupuskan di Tapak Pelupusan Sampah tersebut.

Untuk pengurangan sisa organik, antara rancangan pengurangan sisa organik secara berterusan adalah seperti berikut:-

Merealisasikan usaha Kerajaan Negeri di dalam memperkukuhkan undang-undang dan peraturan serta garis panduan seragam yang berkaitan dengan sistem pengurangan sisa pepejal untuk sisa makanan, sisa binaan, sampah pukal dan sampah kebun dan sebagainya.

Membangunkan dan memperluaskan model dan mekanisma pengurangan sisa pepejal yang berasaskan kepada budaya pengasingan sisa di peringkat punca yang berasaskan kepada prinsip 5R (Reduce, Reuse, Recycle, Rethink and Reinvent) berserta dengan syarat kegunaan teknologi yang bersesuaian seperti berikut:-

Program Pengurangan Sisa Makanan yang melibatkan komuniti peniaga pasar, sekolah, pengurusan bangunan kediaman bertingkat tinggi, kompleks makanan, restoran, hotel dan hospital serta pasaraya melalui kaedah d*ecentralize segregation at source.*

Projek Perintis Pengasingan Sisa Kebun dengan menggunakan kaedah kitar semula secara *groundswell.*

(d) Cadangan membangunkan garis panduan berikut:-

(i) Garis panduan untuk pengurusan dan pengasingan sisa pepejal dalam peringkat pemajuan.

(ii) Garis panduan untuk pengurusan dan pengasingan sisa makanan di bangunan kediaman bertingkat serta penetapan Insentif Kewangan Berasaskan Keberhasilan.

Kaedah yang diambil oleh MPSP untuk mengurus sisa pepejal dan sisa organik adalah seperti berikut:

(i) Semua sisa sama ada organik atau pepejal yang dimasukkan ke dalam tong CU atau Ro-Ro atau yang dipungut rumah ke rumah akan dihantar ke Tapak Pelupusan Pulau Burung.

(ii) Sisa pepejal yang terdiri daripada bahan yang boleh dikitar semula akan dibawa ke pusat pengumpulan komuniti atau ke pusat *buy back centre* di pasar raya akan dijual kepada agen kitar semula dan dibawa ke pusat pengumpulan kitar semula untuk dikitar semula.

(iii) Sisa organik yang dihantar ke pusat pengumpulan komuniti akan dijadikan kompos untuk baja oleh komuniti.

(iv) Sisa organik di pasar yang terpilih seperti Pasar Bagan Ajam diproses dengan menggunakan loji memproses yang diuruskan oleh swasta.

(v) MPSP bercadang perlu diwujudkan lebih banyak pusat pemprosesan di peringkat pasar, gerai makan dan komuniti.

Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

29. Memandangkan dasar dan polisi Kerajaan Negeri Pulau Pinang tidak mencapai golongan rakyat yang berpendidikan rendah, bagaimanakah Kerajaan Negeri mempromosi dan meningkatkan pelaksanaan dasar dan polisi tersebut menerusi pendidikan sivik?

Y.A.B. Ketua Menteri:

29. Pada masa ini dasar dan polisi Kerajaan Negeri telah disampaikan kepada setiap golongan rakyat di negeri ini. Kerajaan Negeri telah meningkatkan promosi tentang pelaksanaan dasar melalui beberapa pendekatan iaitu diantaranya:-

(i) Edaran akhbar Buletin Mutiara sebanyak 2 bulan sekali secara percuma kepada hampir seluruh kawasan di Negeri Pulau Pinang. Akhbar ini dikeluarkan dalam versi pelbagai bahasa bagi menerangkan dasar dan polisi kerajaan serta agen penerangan aktiviti-aktiviti Kerajaan Negeri dan aktiviti masyarakat setempat. Laman web Buletin Mutiara juga telah diwujudkan bagi memudahkan akses melalui internet.

(ii) Program-program dan aktiviti Kerajaan Negeri diperingkat akar umbi yang dilaksanakan melalui Jawatankuasa-Jawatankuasa MMK. Sebagai contoh program pemberian sagu hati warga emas, anak emas, pelajar emas, OKU dan ibu tunggal. Selain itu, aktiviti seperti Briged Wanita dan Pasukan Peronda Sukarela (PPS) juga dapat membantu menyampaian maklumat kepada rakyat. Program seumpamanya telah diadakan di setiap daerah dan meliputi setiap golongan masyarakat.

(iii) Program-program melibatkan perjumpaan pemimpin dengan rakyat seperti Ceramah-ceramah Perdana di KADUN-KADUN, Majlis Penerangan bersama Pemimpin Negeri dan Program Hari Bertemu Pelanggan oleh Jabatan dan Agensi Kerajaan Negeri dapat menyampaikan dasar dan polisi kerajaan kepada setiap golongan masyarakat.

(iv) ADUN-ADUN,Penyelaras KADUN, Ahli JKKK dan Persatuan Penduduk juga memainkan peranan dalam penyampaian maklumat dan dasar-dasar Kerajaan Negeri di kawasan masing-masing.

Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

30. Selain daripada bas awam, apakah sistem pengangkutan awam yang ada dalam rancangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk menambah baik dan menaik taraf sistem pengangkutan negeri?

(a) Sila berikan cadangan laluan pengangkutan awam dan tahun perlaksanaan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

30. Sistem pengangkutan awam yang ada dalam rancangan Kerajaan Negeri selain daripada bas awam adalah:-

(i) *Bus Rapid Transit* (BRT);

(ii) *Hybrid Electric Tram System;* dan

(iii) *Water Taxi / Catamaran Service.*

Ketiga-tiga sistem ini telah dicadangkan dalam Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang. Cadangan laluan untuk ketiga-tiga sistem ini dan cadangan tahun pelaksanaannya adalah seperti di Lampiran 1 (tahun 2020), Lampiran 2 (tahun 2025) dan Lampiran 3 (tahun 2030).

Selain daripada bas awam, keretapi dan feri diantara pengangkutan awam yang dicadangkan untuk ditambah baik di dalam Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang.

(a) Cadangan laluan pengangkutan awam dan tahun perlaksanaan yang dicadangkan adalah seperti berikut :-

Keretapi

(i) Nibong Tebal

(ii) Simpang Ampat

(iii) Bukit Tengah

(iv) Bukit Mertajam

(v) Tasek Gelugor

(vi) Butterworth Dicadangkan digunakan setelah keretapi laju elektrik mula beroperasi pada November 2014.

Feri

(i) Butterworth - George Town 2015 - 2020

(ii) Butterworth - Gurney 2020 - 2030

(iii) Butterworth - Queensbay 2020 - 2030

Lihat Folder Lampiran (ID500 BTLH)

(XVIII) Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Lau Keng Ee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Di hadapan Sri Saujana sebidang tanah milik Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) yang telah lama terbiar iaitu selama lebih lima (5) tahun. Apakah projek yang akan dijalankan dan bilakah projek itu akan bermula dan tarikh siap. Sila nyatakan dengan teliti.

Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Pada tahun 2010 Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) telah menandatangani satu perjanjian pembangunan dengan anak syarikat PDC iaitu PDC Properties Sdn. Bhd. (PDCP) bagi membangunkan tanah seluas 1.8 ekar di kawasan Gat Lebuh Macallum, Seksyen 11E, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang. Pada asalnya, cadangan pembangunan melibatkan pembangunan 53 unit bangunan komersial dan pejabat 5 tingkat beserta tempat letak kereta di aras sub-basement.

   Walau bagaimanapun, projek ini tidak dapat diteruskan dengan serta merta memandangkan pihak PDC dan PDCP menghadapi masalah pencerobohan dua tokong cina di dalam tapak ini. Masalah ini hanya dapat diselesaikan pada pertengahan tahun 2012 dan taraf pemilikan kosong tapak ini hanya dapat diberikan kepada PDCP pada bulan Ogos 2012 sahaja. Dalam hal ini juga pihak PDCP perlu mengemukakan semula permohonan untuk memperbaharui semua kelulusan pelan-pelan berkaitan sebelum projek bermula memandangkan semua kelulusan pembangunan yang telah diperolehi telah tamat tempoh. Projek ini dijangka dapat disiapkan dalam tempoh 24 bulan dari tarikh mula kerja.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Lau Keng Ee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah memperuntukkan sejumlah RM6.1 juta bagi tahun 2013. Apakah projek menaik taraf dijalankan oleh GTWHI melalui peruntukan ini? Sila nyatakan dengan teliti.

Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Antara projek-projek yang telah dan sedang dilaksanakan oleh GTWHI melalui peruntukan RM6.1 juta ini adalah seperti berikut:-

   (i) Penyediaan Inventori Warisan Ketara Pulau Pinang Fasa 2

   (ii) Penyediaan Inventori Warisan Tidak Ketara dalam TWDGT (Fasa 2)

   (iii) Dokumentasi Sejarah Lisan

   (iv) Projek Lukisan Terukur Bagi Bangunan Warisan Kategori Satu

   (v) Pemasangan Sistem Pandu Arah (Fasa 3) di TWDGT

   (vi) Projek GTWHI Interpretive Centre

   (vii) Projek Built Environment & Monitoring

   (viii) Pendidikan dan Pembangunan Kemahiran

   (x) Pusat Sumber GTWHI

   (xi) Community Resource Development

   (xii) George Town Festival

Senarai ringkas projek dan kos yang diperuntukkan bagi setiap projek di atas adalah seperti di bawah:-

Penyediaan Inventori Warisan Ketara Pulau Pinang Fasa 2

Projek ini merupakan inisiatif yang diambil oleh GTWHI untuk mengemaskini dan menyedia rekod inventori bangunan-bangunan dan monumen-monumen di luar kawasan Tapak Warisan Dunia George Town yang mempunyai kepentingan dari segi nilai-nilai sejarah, senibina, budaya, arkeologi dan penyumbang kepada pembentukan identiti unik sesuatu tempat. Kajian inventori ini dijalankan secara berperingkat, fasa pertama projek ini yang dijalankan pada tahun 2012, meliputi kawasan pulau; iaitu Daerah Timur Laut dan Daerah Barat Daya. Fasa ke-2 kajian inventori ini pula meliputi kawasan SPU. Senarai inventori ini perlu dihalusi lagi dan melalui proses penyertaan awam sebelum senarai inventori ini dimuktamadkan.

Penyediaan Inventori Warisan Tidak Ketara dalam TWDGT (Fasa 2)

Warisan tak ketara adalah merangkumi cara hidup, aktiviti-aktiviti sosio-ekonomi dan amalan budaya masyarakat pelbagai kaum merupakan antara nilai-nilai keunggulan sejagat (*outstanding universal values-OUVs*) TWDGT. Oleh itu, pengumpulan data warisan tak ketara adalah penting dalam usaha pemuliharaan nilai-nilai keunggulan sejagat TWDGT. Projek Inventori Warisan Tidak Ketara dalam TWDGT dibuat secara berperingkat dan telah bermula pada tahun 2012. Bagi tahun 2013, penyediaan inventori warisan tak ketara ini memfokus kepada data kategori *"Festivals and ritual celebrations". Output inventory* ini adalah dalam bentuk senarai inventori acara perayaan dan penyediaan kalendar acara-acara perayaan tersebut. Hasil *output* kajian inventori ini akan dimuat naik ke laman sesawang GTWHI untuk rujukan orang awam. Data yang diperolehi daripada kajian inventori ini bertujuan membantu membentuk strategi-strategi pembangunan yang bersesuaian untuk usaha memelihara Warisan Tidak Ketara yang bernilai bagi masyarakat kita.

Dokumentasi Sejarah Lisan

Sejak 2 tahun yang lalu, GTWHI telah memulakan program yang dikenali sebagai "*Living Museum*" sempena perayaan George Town Festival yang melibatkan penceritaan kisah-kisah penduduk asal George Town mengenai corak kehidupan mereka pada masa silam dan kini. Bagi memastikan kisah-kisah penceritaan ini direkodkan sebagai bukti sejarah dan untuk kegunaan penyelidikan masa depan, projek Dokumentasi Sejarah Lisan perlu dilaksanakan secara berterusan merangkumi semua aspek-aspek warisan dalam kawasan TWDGT. Bagi tahun 2013, projek dokumentasi sejarah lisan yang pertama dikenali sebagai "Cherita Lebuh Chulia". Hasil output dokumentasi ini telah dipamerkan pada 7 Julai 2013 sempena sambutan George Town Festival 2013 dan mendapat sambutan yang mengalakkan dari orang ramai.

Projek Lukisan Terukur Bagi Bangunan Warisan Kategori Satu

Penyediaan Lukisan Terukur penting untuk kegunaan kerja-kerja penyelenggaraan, pembaikan pengurusan dan pemajuan sesuatu bangunan warisan. Dalam usaha mengumpul rekod lukisan terukur bagi semua bangunan warisan kategori 1 dalam TWDGT, GTWHI telah memulakan Projek Penyediaan Lukisan Terukur Bagi Bangunan Warisan Kategori Satu untuk 5 buah bangunan warisan kategori 1. Bangunan warisan kategori 1 yang terpilih adalah Mesjid Benggali, Nagore Shrine, Balai Bomba Lebuh Pantai, Gereja St. Francis Xavier dan Muzium Negeri Pulau Pinang.

Pemasangan Sistem Pandu Arah (Fasa 3) di TWDGT

Projek ini bertujuan untuk mewujudkan satu Sistem Pandu Arah yang berkesan supaya memandu pelawat-pelawat mengunjungi dan menerokai tempat-tempat tarikan pelancongan utama di TWDGT. Sistem pandu arah ini merangkumi pemasangan papan tanda berarah, papan tanda berpeta dan plak bangunan-bangunan warisan yang telah dikenal pasti pasang di lokasi-lokasi strategik di dalam TWDGT. Fasa 3 projek ini meliputi sebahagian kawasan teras dan

seluruh kawasan zon penampan TWDGT. Sebanyak 35 papan tanda berarah, 16 papan tanda berpeta dan 25 plak bangunan warisan akan dipasang di kawasan teras dan zon penampan TWDGT pada penghujung tahun 2013.

Projek GTWHI Interpretive Centre

Selaras dengan peranan GTWHI untuk mendidik, menyebar pengetahuan dan maklumat-maklumat tentang pemuliharaan dan pemeliharaan warisan, "*GTWHI Interpretive Centre*" perlu diwujudkan sebagai satu pusat informasi dan interpretasi TWDGT. Orang ramai boleh mengenali dan menghayati TWDGT dengan lebih dekat melalui paparan maklumat yang lebih menarik dan interaktif yang terletak di ruang legar pejabat GTWHI di Lebuh Acheh dan pusat interpretasi baru di paras 2, premis 139, Lebuh Carnavon.

Projek Built Environment & Monitoring

Di bawah projek "Built Environment & Monitoring", GTWHI melaksanakan kerja-kerja pemuliharaan dan pengurusan data bagi memastikan kerja-kerja pengurusan dan pemantauan tapak yang lebih berkesan. Pada tahun 2013, kerja-kerja yang dilaksanakan adalah seperti berikut ;

- Menyedia laporan dilapidasi semua kubur sediada dan membaik pulih 35 kubur yang rosak dalam Tapak Perkuburan Protestant, Jalan Sultan Ahmad Shah.

- Mengemaskini Data Spatial GIS (Pelan Kadaster) bagi semua bangunan dalam kawasan TWDGT.

- Mengendalikan bengkel Pelan Pengurusan bagi sistem perparitan dalam TWDGT.

Pendidikan dan Pembangunan Kemahiran

Program pendidikan dan dan pembangunan kemahiran dalam bidang pemuliharaan warisan perlu dikendali secara berterusan demi memastikan pembangunan sumber manusia mempunyai kemahiran dan ilmu pengetahuan yang bersesuaian untuk kerja-kerja mengurus, memantau dan membangunkan Tapak Warisan Dunia Program-program pendidikan dan pembangunan kemahiran warisan yang telah dan sedang dilaksanakan oleh GTWHI adalah :

- Ceramah awam bulanan yang dikenali sebagai "*Public Talk*" dan "*Kopi Conversation"* diadakan secara percuma kepada orang ramai.

- Penganjuran bengkel warisan yang menyentuh topik-topik pengurusan aset warisan dan teknik-teknik pemeliharaan / pemuliharaan bangunan warisan.

- Program eksplorasi warisan yang dikendalikan secara percuma untuk golongan pelajar sekolah dan orang awam bagi meningkatkan kesedaran dan memupuk perasaan cinta terhadap warisan budaya masyarakat kita.

- Projek rakaman video kerja-kerja pemuliharaan bangunan warisan dan penerbitan buku penerangan. Dokumentasi kerja pemuliharaan ini menjurus kepada penggunaan bahan-bahan binaan traditional seperti kayu, batu, kapur dan tanah liat.

Pusat Sumber GTWHI

Pusat Sumber GTWHI berfungsi sebagai pusat penyelidikan dan pengumpulan maklumat warisan untuk rujukan orang awam serta menggalakkan aktiviti-aktiviti pembelajaran, penyelidikan dan mewujudkan jaringan rangkaian dengan pihak-pihak yang berminat dalam aspek warisan. Bagi pembangunan Pusat Sumber ini, GTWHI sedang melaksanakan kerja-kerja berikut :

(i) Mengumpul koleksi bahan-bahan bercetak dan terbitan berkaitan dengan topik-topik sejarah, budaya dan warisan dalam negara dan luar negara.

(ii) Menjalankan kerja-kerja membaiki, mengkatalog dan mengimbas pelan-pelan lama.(iii)

(iii) Menganjur sesi bulanan *"Talking Books"* bersama dengan pengarang tempatan atau pengiat seni yang aktif berkecimpung dalam bidang warisan.

Community Resource Development

Keunikan kepelbagaian budaya masyarakat George Town merupakan salah satu nilai keunggulan sejagat George Town dimertabatkan status Tapak Warisan Dunia UNESCO. Oleh itu, GTWHI telah memulakan initiatif menjalankan kerja penyelidikan dan menerbit risalah-risalah mengenai kawasan-kawasan, bangunan-bangunan warisan bersejarah dan aktiviti-aktiviti seni budaya dalam TWDGT.

George Town Festival

Mengendalikan *George Town Festival* (GTF) yang merupakan perayaan seni budaya tahunan negeri untuk meraikan ulang tahun pengiktirafan George Town sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO. Senarai ringkas projek dan kos yang diperuntukkan bagi setiap projek di atas adalah seperti berikut :

Bil.	Nama Projek	Peruntukan (RM)
1.	Inventori Warisan Ketara Pulau Pinang	700,000.00
2.	Inventori Warisan Tidak Ketara dalam TWDGT	250,000.00
3.	Dokumentasi Sejarah Lisan	60,000.00
4.	Projek Lukisan Terukur Bagi Bangunan Warisan Kategori Satu	200,000.00
5.	Pemasangan Sistem Pandu Arah (Fasa 3) di TWDGT	253,000.00
6.	Projek GTWHI Interpretive Centre	300,000.00
7.	Projek Built Environment & Monitoring	420,000.00
8.	Pendidikan dan Pembangunan Kemahiran	235,000.00
9.	Pusat Sumber GTWHI	100,000.00
10.	Community Resource Development	260,000.00
11.	George Town Festival	1,500,000.00
	Jumlah peruntukan	4,278,000.00

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Lau Keng Ee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Apakah perkembangan status pembangunan KOMTAR Fasa 5 sebagai Penang Heritage Square yang telah disenaraikan dalam Bajet 2013 tetapi status tanah masih kosong.

Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Projek ini sedang dalam peringkat penyediaan pelan konsep oleh perunding. Konsep yang dirancang adalah merangkumi pemuliharaan struktur sedia ada di tapak termasuk 'Sia Boey Market' pembangunan taman bandar dan 'Heritage Square'.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Lau Keng Ee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

4. Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah memperuntukkan sebanyak RM41.60 juta kepada Jabatan Kerja Raya (JKR) pada tahun 2013 untuk kerja menaik taraf kemudahan dan infrastruktur negeri. Apakah projek yang telah dijalankan oleh JKR melalui bajet tersebut dan sila nyatakan dengan teliti.

Y.A.B. Ketua Menteri:

4. Senarai projek-projek yang telah dijalankan oleh pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) Negeri Pulau Pinang melalui Peruntukan Pembangunan (P12) sebanyak RM41.6 juta bagi tahun 2013 adalah seperti di Lampiran.

Lihat Folder Lampiran Soalan No. 4 (ID387 BLKE)

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Lau Keng Ee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

5. Adakah Pejabat-pejabat Daerah memohon peruntukan untuk menjaga dan menaik taraf tanah kerajaan yang dijaga oleh pihak tertentu? Jika ada, sila nyatakan jumlah peruntukkan yang telah dipohon bagi setiap daerah.

Y.A.B. Ketua Menteri:

5. Tanah kerajaan adalah tanah yang tidak mempunyai hakmilik termasuk tanah yang diserahkan oleh pemaju bagi tujuan kawasan rizab jalan, kolam takungan, kawasan lapang dan sebagainya. Bagi tanah kerajaan tersebut Kerajaan Negeri telah mengenalpasti pihak-pihak yang bertanggungjawab untuk menguruskan dan menjaga tapak-tapak berkenaan yang terdiri dari Pihak Berkuasa Tempatan, JKR, JPS dan lain-lain.

   Pejabat Daerah juga memainkan peranan yang sama tetapi lebih selaku penyelaras dalam usaha memantau tanah kerajaan. Dalam hubungan ini, sekiranya terdapat keperluan untuk memohon peruntukan, pegawai boleh berbuat demikian kepada Jabatan Kewangan dengan justifikasinya sebagai contoh Pejabat Daerah Timur Laut pernah meminta peruntukan berjumlah RM42,788.00 untuk membiayai kos kerja-kerja pembersihan secara berkala di tanah-tanah Kerajaan Negeri seperti di Pengkalan Weld, di sebelah 58 Tanjung Park 1, tanah kerajaan berdekatan Apartment Mutiara Ria Jalan Bukit gambier dan lain-lain.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Lau Keng Ee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

6. Apakah status penambahan bas Rapid di Negeri Pulau Pinang dan jumlah bas yang berjalan dan berapakah peratusan jumlah yang telah discover oleh Rapid Penang?

Y.A.B. Ketua Menteri:

6. Pada masa kini, pihak Rapid Penang mempunyai sebanyak 256 buah bas yang sedang beroperasi di seluruh Negeri Pulau Pinang. Penambahan bas baru pada tahun ini adalah sebanyak 80 buah bas khas untuk Pulau Pinang. Setakat ini, sebanyak 70 buah bas telah diterima dan baki 10 buah akan diterima pada hujung tahun ini. Bas baru ini akan digunakan untuk menggantikan bas yang rosak dan bas yang sudah uzur bagi memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada pengguna.Tambahan bas pada tahun akan datang akan diteliti bersama pihak Syarikat Prasarana Negara Berhad, pemilik Rapid Penang, agar keperluan laluan baru sepertimana yang terkandung di dalam Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang akan dapat direalisasikan.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Lau Keng Ee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

7. Apakah tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan pihak Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) untuk mengelakkan pencerobohan dan kerja naik taraf bangunan tanpa lesen dijalankan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

7. Tindakan yang diambil bagi mengelak pencerobohan ialah dengan mempercepatkan pertimbangan pelan bangunan untuk kerja-kerja menaik taraf bangunan. Dalam hubungan ini, MPPP telah mengambil tindakan seperti berikut:-

(a) Pertimbangan melalui 'on the spot approval'' di mesyuarat Pusat Setempat OSC bagi kerja-kerja menaik taraf yang belum dijalankan dan kurang daripada 1000 kaki persegi.

(b) Permohonan pelan bangunan dikemukakan dan dipertimbangkan dalam tempoh 37 hari.

Kerajaan Negeri baru-baru ini telah menubuhkan Jawatankuasa Dasar dan Penguatkuasaan Negeri yang dipengerusikan oleh YB. EXCO Kerajaan Tempatan untuk menangani masalah seperti pencerobohan dan struktur haram.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Lau Keng Ee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

8. Adakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang berhasrat untuk mendirikan Kampung Pekerja Asing untuk menyelesaikan masalah pekerja asing rumah kos sederhana rendah atau rumah kos rendah yang sepatutnya didiami oleh warganegara Malaysia?

Y.A.B. Ketua Menteri:

8. Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Pembangunan Negeri Pulau Pinang (PDC) mempunyai perancangan untuk penyediaan Kampung Pekerja Asing atau *Workers Village.* Dua (2) tapak telah dikenal pasti iaitu di Juru dengan keluasan 12.6 ekar dan Batu Kawan 18.2 ekar.

Pelaksanaan projek ini akan dibuat secara penswastaan melalui Request For Proposal (RFP) bagi mendapatkan syarikat yang berpengalaman dalam bidang tersebut. RFP telah dibuka pada 17 September 2013 dan akan tutup pada 18 November 2013.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Lau Keng Ee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

9. Sila nyatakan mulai tahun 2012 hingga 2013 berapakah jumlah projek pembinaan rumah kos rendah dan kos sederhana rendah yang telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan sila nyatakan projek-projek tersebut sekiranya ada.

Y.A.B. Ketua Menteri:

9. Jumlah projek pembinaan rumah kos rendah dan kos sederhana rendah yang telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang dari tahun 2012 hingga 2013 ialah 28 projek rumah kos rendah dan 16 projek kos sederhana rendah. Maklumat terperinci bagi projek-projek berkenaan adalah seperti di Lampiran A.

Lihat Folder Lampiran Soalan No. 9 (ID392 - BLKE)

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Lau Keng Ee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

10. Apakah bantuan yang akan diberi oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk membantu warga emas yang masih berupaya untuk bekerja walaupun mereka telah sampai umur bersara?

Y.A.B. Ketua Menteri:

10. Bantuan yang diberi oleh Kerajaan Negeri adalah seperti bantuan kewangan melalui Program Penghargaan Warga Emas dan Program Pembasmian Kemiskinan. Selain itu, Kerajaan Negeri juga memberikan bantuan-bantuan lain seperti:

(i) Bantuan pembinaan atau pembaikan rumah

(ii) Bantuan peralatan berkaitan aktiviti ekonomi untuk meningkatkan pendapatan

(iii) Bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat seperti Bantuan Am, Bantuan Orang Tua, Bantuan Kanak-Kanak dan Bantuan Pesakit Telantar.

Dalam masa yang sama, Kerajaan Negeri juga telah meluluskan peruntukan bagi menjalankan kajian berkenaan warga emas dalam usaha memastikan kebajikan warga emas sentiasa dijaga dengan sempurna dan Penang Medical College (PMC) telah dilantik untuk menjalankan kajian tersebut. Kerajaan Negeri akan meneliti hasil kajian tersebut dan syor-syor yang dikemukakan di dalam merancang program yang sesuai kepada warga emas di negeri ini pada masa hadapan.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Lau Keng Ee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

11. Apakah program sosial dan kebajikan yang telah dijalankan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang dengan bajet RM60 juta yang telah disediakan? Sila nyatakan dengan teliti.

Y.A.B. Ketua Menteri:

11. Program kebajikan serta sosial yang dijalankan oleh Kerajaan Negeri melalui peruntukan yang disediakan adalah seperti berikut:

    (a) Program Penghargaan Warga Emas
    (b) Program Sumbangan Waris Warga Emas Meninggal Dunia
    (c) Program Ibu Tunggal
    (d) Program Anak Emas
    (e) Program Orang Kurang Upaya (OKU)
    (f) Program Pelajar Emas
    (g) Pasukan Peronda Sukarela (PPS)
    (h) Pusat Dialisis CAT

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Lau Keng Ee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

12. Apakah tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang terhadap pemilik rumah kos rendah dan kos sederhana rendah yang telah menyewa kepada pekerja asing?

Y.A.B. Ketua Menteri:

12. Tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang terhadap pemilik rumah kos rendah dan kos sederhana rendah yang telah menyewa kepada pekerja asing adalah seperti berikut:-

    (i) Satu operasi telah dilakukan pada 8 September 2011 di Rumah Pangsa Taman Ampang Jajar oleh Jabatan Imigresen dengan memberi notis sebanyak 30 hari kepada pemilik unit menyewakan unit mereka kepada pekerja warganegara asing. Selepas tamat tempoh 30 hari tersebut, semakan semula mendapati bahawa pekerja-pekerja warganegara asing tersebut telah berpindah keluar dari unit-unit berkenaan.

    (ii) Untuk kes rumah kos rendah swasta yang disewakan kepada pekerja warganegara asing termasuk Pangsapuri Sri Saujana, satu perbincangan telah diadakan di antara YB. EXCO Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan bersama Bahagian Perumahan PSUK pada bulan Oktober 2011 dengan pihak yang menyewakan rumah kos rendah kepada pekerja asing (agen yang menyewakan unit rumah tersebut) supaya mengawasi penyewa bagi memastikan mereka tidak menimbulkan masalah kekotoran dan kacau ganggu kepada penduduk sekitar. Perbincangan juga telah diadakan dengan pemaju yang menyewakan unit rumah (yang tidak dapat dijual akibat dari kurang sambutan pembeli kerana projek perumahan tersebut tidak menepati cita rasa bakal pembeli) kepada pekerja kilang supaya mengeluarkan segera penyewa tersebut dan Kerajaan Negeri membantu dari segi mempercepatkan penjualan rumah tersebut agar dibeli segera oleh pembeli untuk mengelakkan rumah tersebut dari rosak akibat vandalisme kerana kosong begitu lama.

(iii) Satu mesyuarat berkenaan masalah ini juga telah diadakan pada 10 Oktober 2011. Mesyuarat tersebut telah dipengerusikan oleh YB. EXCO Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan dan telah dihadiri oleh YB.-YB. ADUN, Pihak Berkuasa Tempatan, Federation of Malaysia Manufacturers (FMM), Real Estate and Housing Developers Association Malaysia (REHDA), Invest-in-Penang Berhad, Socio-Economic & Environment Research Institute (SERI), Jaringan Utara Migrasi dan Pelarian (JUMP), Penang Office for Human Development (POHD) dan agensi-agensi swasta. Antara cadangan yang telah disyorkan oleh ahli mesyuarat adalah untuk membina asrama pekerja di kawasan-kawasan berdekatan kawasan perindustrian.

(iv) Pada 3 November 2011, Bahagian Perumahan PSUKPP telah mengeluarkan surat arahan kepada pemaju CMC Premier Planner Sdn. Bhd. untuk pihak mereka mengosongkan 55 unit rumah kos rendah yang telah disewakan kepada suatu syarikat yang dijadikan sebagai asrama untuk pekerja warganegara asing memandangkan Bahagian Perumahan PSUKPP telah menerima aduan daripada penduduk setempat berhubung masalah sosial dan ketenteraman.

(v) Pada tahun 2012, Bahagian Perumahan PSUKPP telah mengeluarkan notis arahan kepada 21 pemilik unit rumah kos rendah/kos sederhana rendah di Halaman Kenanga untuk pihak mereka membatalkan menyewaan unit-unit mereka kepada pekerja-pekerja warganegara asing memandangkan Bahagian Perumahan PSUKPP telah menerima aduan daripada penduduk setempat berhubung masalah sosial dan ketenteraman.

(vi) Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Bil. 43/2012 bertarikh 23 November 2012 telah memutuskan supaya Bahagian Perumahan menyediakan Garis Panduan Dan Penguatkuasaan Ke Atas Warganegara Asing Yang Menduduki Rumah Kos Rendah Awam di Negeri Pulau Pinang yang kini masih dalam peringkat perangkaan.

(vii) Terkini berkenaan isu ini ialah satu perjumpaan telah diadakan bersama YB. EXCO Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan dan ADUN berkaitan untuk mengenal pasti unit-unit yang telah disewakan kepada warga asing. Setelah itu, satu mesyuarat telah diadakan di antara YB. EXCO Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan dan wakil dari Jawatankuasa Peguam Negeri Pulau Pinang pada 22 Oktober 2013 bersama wakil rakyat yang berlatarbelakangkan undang-undang untuk membincangkan terma notis yang dicadang untuk dikeluarkan kepada pemilik-pemilik unit yang telah melanggar syarat dengan memberi sewaan kepada warga asing. Draf notis tersebut telah pun siap dan setelah disahkan, tindakan akan diambil untuk menghantar notis tersebut kepada pemilik yang berkenaan.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Lau Keng Ee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

13. Berapakah projek perumahan yang telah berjaya dibina dengan bajet bantuan perumahan pulau pinang "YES" dalam tahun 2013?

Y.A.B. Ketua Menteri:

13. Program Bantuan Perumahan Pulau Pinang atau Housing Assisted Programme Of Penang, Yes! (HAPPY!) telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan pada 15 Ogos 2012. Melalui program ini RM50 juta diperuntukkan oleh Kerajaan Negeri untuk membaiki, menaik taraf dan memulihkan rumah pangsa kos rendah dan kos sederhana rendah yang dimajukan swasta.

Program HAPPY! ini adalah untuk membiayai baki (topup) program Tabung Penyelenggaraan 1 Malaysia (TP1M) di mana 90% dan 70% kos peruntukan akan dibiayai oleh Kerajaan Pusat untuk projek perumahan kos rendah dan kos sederhana rendah masing-masing.

Melalui program HAPPY! ini Kerajaan Negeri akan menanggung bahagian 10% dan 30% masing-masing bagi rumah kos rendah dan rumah kos sederhana rendah yang dimajukan swasta yang sepatutnya ditanggung oleh Badan Pengurusan Bersama/Perbadanan Pengurusan atau Agen yang dilantik oleh Pesuruhanjaya Bangunan (COB)/Persatuan Penduduk dengan had jumlah RM50 juta bagi tempoh 2011 sehingga 2015.

Peruntukan HAPPY! ini boleh digunakan bagi antara lain untuk :

(a) Membaiki atau mengganti lif
(b) Membaiki atau mengganti bumbung
(c) Membaiki atau mengganti tangki air dan sistem relikulasi
(d) Membaiki atau mengganti paip sanitari
(e) Membaiki atau mengganti tangga dan 'handrail'
(f) Pendawaian semula
(g) Mengecat bangunan dan harta bersama (setiap 10 tahun) dan
(h) Membaiki kerosakan am pada kemudahan awam harta bersama yang menjejaskan keselamatan dan keselesaan penghuni.

Setakat ini, sebanyak 119 permohonan melalui TP1M untuk kerja-kerja penyelenggaraan telah dikemukakan seperti dalam lampiran. Walau bagaimanapun, hanya 3 permohonan sahaja diluluskan setakat ini iaitu:

MPPP:

(i) Taman Sungai Batu (Bayan Lepas) dengan anggaran keseluruhan RM96,100.00, kerja-kerja yang terlibat adalah mengecat dan pembaikan bumbung.

MPSP :

(i) Rumah Pangsa Taman Haji Mohd Amin (Seberang Jaya) dengan anggaran keseluruhan RM900,000.00 dengan kerja-kerja yang terlibat termasuk mengecat, pembaikan bumbung, susur tangan, pendawaian semula dan kerosakan am.

(ii) Blok C Taman Ratna (Telok Ayer Tawar) dengan anggaran keseluruhan RM250,000.00 dengan kerja-kerja yang terlibat termasuk mengecat, pembaikan bumbung, tangki air dan sistem retikulasi, pendawaian semula, paip sanitari dan kerosakan am.

Lampiran Sol. No. 13 (ID396 - BLKE)

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Lau Keng Ee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

14. Apakah projek kerja-kerja penyelenggaraan dan infrastruktur asas bagi projek-projek perumahan awam yang dibina dan diuruskan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang telah diperuntukkan sebanyak RM12.46 juta pada tahun 2013?

Y.A.B. Ketua Menteri:

14. Kerajaan Negeri telah menjalankan kerja-kerja pembaikan dan menaik taraf perumahan awam melibatkan kerja-kerja membaiki keretakan pada bangunan, membaiki kebocoran unit-unit yang terlibat, menaik taraf sistem pencegahan kebakaran, pendawaian semula elektrik, menaik taraf loji-loji kumbahan, kerja-kerja menukar lif baru dan sebagainya. Kerja-kerja pembaikan dan kos yang terlibat adalah seperti dilampiran.

Lampiran Sol. No. 14 (ID397 - BLKE)

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Lau Keng Ee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

15. Berapakah jumlah gelanggang futsal telah dibina oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam tahun 2013 dengan bajet yang telah diperuntukkan sebanyak RM5 juta? Sila nyatakan dengan teliti.

Y.A.B. Ketua Menteri:

15. Kerajaan Negeri sememangnya menyediakan peruntukan sebanyak RM5 juta dalam bajet 2013 untuk pembinaan satu gelanggang futsal di setiap KADUN. Untuk tujuan pembinaan gelanggang futsal terlibat, perlulah dikenal pasti tanah-tanah kerajaan yang sesuai. Setakat ini dengan mengambil kira faktor kesesuaian tanah, Kerajaan Negeri telah pun meluluskan pembinaan dua (2) gelanggang futsal iaitu satu (1) gelanggang di KADUN Batu Maung dan satu lagi gelanggang di Sungai Dua, Tasek Gelugor. Masalah utama yang dihadapi adalah kesukaran untuk mendapatkan tapak/tanah kerajaan yang bersesuaian.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Lau Keng Ee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

16. Berapakah kes yang telah di bantu oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk membantu ibu tunggal demi mempertingkatkan kualiti hidup mereka?

Y.A.B. Ketua Menteri:

16. Jabatan Kebajikan Masyarakat membantu ibu tunggal dengan memberi bantuan kewangan yang disalurkan secara bulanan kepada ibu tunggal yang berkelayakan iaitu mereka yang berpendapatan di bawah RM400.00 sebulan. Bantuan am secara bulanan akan diberikan kepada ibu tunggal yang layak (miskin) pada kadar maksimum RM770.00 setiap bulan. Pemberian bantuan dilihat sebagai usaha untuk meringankan beban yang ditanggung untuk kelangsungan kehidupan seharian. Namun begitu, ibu tunggal turut diberi peluang untuk menjana ekonomi dan tindakan diambil untuk merujuk kes-kes mereka kepada agensi-agensi berkaitan yang boleh memberi bantuan modal untuk memulakan perniagaan kecil-kecilan dan akan dipantau oleh Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah. Sehingga Oktober 2013, bilangan ibu tunggal yang telah menerima sumbangan RM100 setahun adalah seramai 8,730 orang.

    Selain itu, Kerajaan Negeri juga telah mewujudkan dana khas mikro kredit di bawah Projek Titian Saksama Rakyat (PTSR) Negeri Pulau Pinang yang telah dilancarkan pada Oktober 2009 dengan peruntukan keseluruhan berjumlah RM3.0 juta. Setakat November 2013, jumlah bilangan peminjam yang telah mendapat manfaat dari skim PTSR ini adalah seramai 655 orang. Kerajaan Negeri menerusi PDC masih mempunyai dana terkumpul berjumlah RM7 juta untuk diagihkan kepada para usahawan dan peniaga kecil.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Lau Keng Ee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

17. Apakah syarat-syarat untuk usahawan memohon pinjaman Projek Titian Saksama Rakyat (PTSR)?

Y.A.B. Ketua Menteri:

17. Syarat-syarat untuk usahawan memohon pinjaman Projek Titian Saksama Rakyat (PTSR) adalah seperti berikut:-

    (I) Warganegara Malaysia yang berumur 18 - 60 tahun.
    (ii) Mempunyai perniagaan yang diusahakan sekurang-kurangnya 6 bulan
    (iii) Menjalankan perniagaan di Pulau Pinang dan
    (iv) Memiliki lesen perniagaan

Hanya satu pinjaman sahaja untuk seisi rumah atau satu rakan kongsi sahaja dalam perniagaan yang layak memohon pinjaman. Bagi pinjaman kali kedua, rekod bayaran pinjaman terdahulu mestilah bersih untuk pertimbangan pinjaman seterusnya.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Lau Keng Ee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

18. Apakah tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk mempromosikan Pelancongan Negeri?

Y.A.B. Ketua Menteri:

18. Tindakan yang telah diambil untuk mempromosikan pelancongan negeri adalah:-

(i) Memperhebatkan lagi aktiviti pelancongan perubatan dengan kerjasama agensi Kerajaan Negeri dan pusat, syarikat penerbangan, hotel dan hospital- hospital swasta di Pulau Pinang.

(ii) Melaksanakan kempen-kempen pengiklanan keistimewaan Negeri Pulau Pinang melalui *Food Channel* dan stesen Dhoby Ghaut di Singapura.

(iii) Memastikan maklumat pelancongan sentiasa mencukupi melalui penghasilan bahan-bahan promosi Pulau Pinang yang baru dan berinformasi

(iv) Memastikan keindahan Bandar George Town sentiasa bersih dan kemas untuk menerima kedatangan pelancong;

(v) Memperkemaskan pengenalian penganjuran acara-acara antarabangsa seperti Penang World Music Festival dan Larian Marathon Antarabangsa Pulau Pinang

(vi) Menyertai trade mission ke luar Negara dan berbincang bersama agensi pelancongan luar Negara untuk memastikan pakej melancong ke Pulau Pinang disenaraikan dalam pakej-pakej lawatan syarikat pelancongan antarabangsa;

(vii) Menghebahkan keistimewaan dan keunikan Pulau Pinangs seperti budaya, makanan dan sejarah dalam trade mission yang disertai;

(viii) Mengadakan rundingan dengan pihak berkuasa di luar Negara dan syarikat penerbangan antarabangsa untuk mewujudkan penerbangan terus dari luar Negara ke Pulau Pinang.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Lau Keng Ee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

19. Berapakah jumlah CCTV yang telah dipasangkan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang?

Y.A.B. Ketua Menteri:

19. Kerajaan Negeri melalui MPPP telah memasang sebanyak 36 buah kamera CCTV, manakala pihak Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan & Kerajaan Tempatan (KPKT) telah membantu dengan memasang tambahan 24 buah kamera CCTV di bahagian pulau. Oleh itu, pada masa sekarang terdapat sejumlah 60 buah kamera CCTV yang telah dipasang di bahagian pulau, Pulau Pinang. Kerja-kerja sedang dijalankan untuk pemasangan tambahan 75 buah kamera CCTV yang dibiayai oleh MPPP. Kerja-kerja ini dijangka siap pada 24 Disember 2013.

Sehingga sekarang tiada CCTV dipasang di kawasan MPSP dengan menggunakan peruntukan MPSP melainkan dari peruntukan KPKT yang telah memasang sejumlah 24 CCTV di Seberang Perai dengan peruntukan Kerajaan Pusat. MPSP sendiri akan memasang sebanyak 56 lokasi CCTV bagi tahun 2013 / 2014 seperti di Lampiran A.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Lau Keng Ee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

20. Adakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang berhasrat untuk memasang CCTV di setiap persimpangan jalan raya untuk memastikan keselamatan dan kesesakan trafik dapat sentiasa dipantau?

Y.A.B. Ketua Menteri:

20. Kerajaan Negeri berhasrat untuk memasang CCTV di setiap persimpangan jalan raya utama untuk memastikan keselamatan dan kesesakan trafik. Untuk langkah permulaan, lokasi pemasangan kamera CCTV akan ditentukan oleh MPPP bersama Polis berasaskan statistik jenayah. Sebahagian lokasi yang ditentukan ini juga melibatkan persimpangan-persimpangan jalan. Di antara 60 buah kamera CCTV yang telah dipasang setakat ini, 36 buah kamera CCTV telah dipasang di persimpangan jalan. MPPP juga sedang memasang 75 buah kamera CCTV yang dijangka dapat disiapkan pada 24 Disember 2013. Bagi projek ini, sebanyak 48 kamera CCTV akan dipasang di persimpangan jalan. Penyediaan kamera CCTV di persimpangan-persimpangan jalan untuk pemantauan keselamatan dan lalu lintas akan diteruskan pada masa hadapan. Sistem CCTV ini akan menghubungkan terus ke menara kawalan dan dapat melaporkan kepada semua pengguna jalan raya.

Di bahagian Seberang Perai, MPSP akan memasang 56 buah CCTV di mana lokasi tersebut disyorkan oleh pihak PDRM berdasarkan kawasan-kawasan hotspot dan jenayah untuk tujuan penguatkuasaan. Terdapat beberapa lokasi CCTV yang akan dipasang di persimpangan lampu isyarat bagi memantau keselamatan dan kesesakan trafik seperti di bawah:-

KERAJAAN NEGERI SENARAI LOKASI BAGI PEMASANGAN CCTV DI PERSIMPANGAN LAMPU ISYARAT BAGI SEBERANG PERAI UTARA

BIL	LOKASI	KOORDINATOR
1	PEKAN LAMA KEPALA BATAS	N 05 30 59.6' E 100 25 31.6'
2	PERSIMPANGAN LAMPU ISYARAT JALAN PMTG STAR, PINANG TUNGGAL	N 05 33 15.6' E 100 30 04.0'
3	PEKAN SUNGAI PUYU	N 05 26 54.1' E 100 23 45.2'
4	JALAN BAGAN LALLANG / JALAN ONG YI HOW	N 05 25 52.6' E 100 23 48.9'
5	PERSIMPANGAN LAMPU ISYARAT JETTY LAMA	N 05 24 46.0' E 100 22 18.0'
6	SIMPANG JALAN RAJA UDA / JALAN PMTG PAUH / JALAN TELAGA AIR	N 05 24 52.3' E 100 22 44.0'

SENARAI LOKASI BAGI PEMASANGAN CCTV DI PERSIMPANGAN LAMPU ISYARAT BAGI SEBERANG PERAI TENGAH

BIL	LOKASI	KOORDINATOR
1	SIMPANG JALAN TAMAN BAYU MUTIARA / AUTO CITY	N 05 20 36.0' E 100 26 11.7'
2	PERSIMPANGAN TAMAN CHAIN FERRY	N 05 23 29.7' E 100 23 19.6'
3	PEKAN PERMATANG PAUH	N 05 24 37.1' E 100 24 47.8'
4	PERSIMPANGAN LAMPU ISYARAT JALAN KULIM KE MACHANG BUBUK	N 05 20 30.5' E 100 30 13.5'
5	PERSIMPANGAN LAMPU ISYARAT JALAN KULIM / SIMPANG JALAN KOLAM / SEK KEB JUARA CHEROK TOK KUN	N 05 20 46.2' E 100 29 18.6'
6	PERSIMPANGAN LAMPU ISYARAT TAMAN BANDARAYA / TAMAN BUKIT INDAH	N 05 20 59.4' E 100 28 48.2'
7	PERSIMPANGAN LAMPU ISYARAT KOTA PERMAI	N 05 20 13.3' E 100 27 18.3'
8	PERSIMPANGAN LAMPU ISYARAT JALAN ROZHAN/ JALAN MASUK PASARAYA TESCO ALMA / PERSIARAN SRI IMPIAN	N 05 19 01.2' E 100 28 38.9'

SENARAI LOKASI BAGI PEMASANGAN CCTV DI PERSIMPANGAN LAMPU ISYARAT BAGI SEBERANG PERAI SELATAN

BIL	LOKASI	KOORDINATOR
1	JALAN PERSEKUTUAN / JALAN PMTG TOK MAHAT (SIMPANG 9)	N 05 08 54.8' E 100 28 16.8'
2	JALAN TRANSKRIAN / TAMAN PEKAKA	N 05 08 27.0' E 100 29 29.3'
3	JALAN PERSEKUTUAN / JALAN KERIAN KEDAH (PASARAYA ECONSAVE)	N 05 12 09.6' E 100 29 45.9'
4	JALAN PERSEKUTUAN / JALAN GAMELAN INDAH SUNGAI BAKAP	N 05 13 43.3' E 100 29 35.3'
5	JALAN BESAR SIMPANG AMPAT / JALAN KERUING / JALAN BANDAR TASEK MUTIARA	N 05 16 53.7' E 100 28 35.3'
6	JALAN BUKIT TAMBUN / JALAN BUKIT TAMBUN INDAH / JALAN TAMAN IDAMAN	N 05 16 33.7' E 100 27 55.6'
7	PERSIMPANGAN LAMPU ISYARAT LALUAN KELUAR LEBUHRAYA BUKIT TAMBUN	N 05 16 29.3' E 100 27 30.0'
8	SIMPANG 4 JALAN BESAR BUKIT TAMBUN / JALAN BATU KAWAN / TAMAN SAINS PARK	N 05 16 21.6' E 100 27 05.9'

Manakala CCTV yang telah dipasang oleh pihak KPKT di Seberang Perai adalah di 24 lokasi. Lokasi CCTV yang berada di persimpangan lampu isyarat adalah seperti di bawah:-

CCTV Yang Dipasang oleh KPKT Di Persimpangan Lampu Isyarat

BIL	LOKASI
1	Simpang masuk ke Stesen Bas Butterworth
2	Jalan New ferry / Maybank
3	Simpang Jalan Ong Yi How / Jalan Raja Uda
4	Simpang Jalan Dato' Hj. Ahmad Badawi / Padang Kelab
5	Simpang Jalan Tembikai / Padang Lallang
6	Jalan Rozhan / Alma / Pasaraya Wonderful
7	Simpang Jalan Perda / Maybank

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Lau Keng Ee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

21. Dalam beberapa tahun ini, terdapat syarikat yang berminat untuk menolong Kerajaan Negeri mendirikan monorel. Adakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang berhasrat mendirikan monorel di Pulau Pinang untuk menyelesaikan masalah kesesakan lalu lintas?

Y.A.B. Ketua Menteri:

21. (1) Kerajaan Negeri sememangnya berhasrat untuk mewujudkan sistem perkhidmatan LRT atau MRT termasuk monorel di Negeri Pulau Pinang. Walaupun Kerajaan Negeri lebih cenderung kepada penggunaan sistem tram, namun Kerajaan Negeri sedia menerima sistem pengangkutan awam yang dipilih dan dibiayai oleh Kerajaan Persekutuan. Sehubungan itu, sepucuk surat telah dikemukakan kepada Pemangku Menteri Pengangkutan Malaysia pada 26 November 2013 untuk menyatakan hasrat Kerajaan Negeri ini.

(2) Sememangnya Kerajaan Negeri telah menerima pelbagai tawaran bagi projek pengangkutan awam alternatif di Pulau Pinang daripada syarikat-syarikat dalam dan luar negara. Tetapi Kerajaan Negeri berharap agar mendapat kerjasama, kelulusan dan bantuan dana daripada Kerajaan Persekutuan untuk melaksanakan projek berkenaan.

Kawasan Pengkalan Kota (YB. Lau Keng Ee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

22. Adakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang berhasrat untuk menaik taraf tapak warisan klans jeti dan mempertingkatkan taraf kehidupan penduduk di sana? Apakah tindakan yang telah diambil?

Y.A.B. Ketua Menteri:

22. Kerajaan Negeri memang berhasrat untuk menaik taraf tapak warisan klans jeti. Oleh itu, mengikut deraf Rancangan Kawasan Khas George Town adalah dicadangkan untuk menaik taraf sistem pembentungan di kawasan klans-klans jeti. Dalam hal ini, Pejabat Daerah dan Tanah, Daerah Timur Laut (PDTDTL) pernah mengadakan perbincangan dengan pihak-pihak berkaitan termasuk IWK untuk menaik taraf sistem pembentungan di klans jeti ini iaitu pada 26 April 2011 dan diikuti pada 6 April 2012. Seterusnya satu lawatan tapak telah diadakan pada 17 April 2012 bagi membincangkan mengenai penyediaan tapak untuk pembinaan satu (1) unit Vacuum Station berdekatan jeti-jeti berkenaan dan juga kerja-kerja perpaipan bawah tanah daripada Vacuum Station berkenaan ke loji IWK yang terletak di Gat Lebuh Armenian. Pihak Indah Water Konsortium telah membuat kajian, spek kerja dan anggaran kasar kos keseluruhan projek (tidak termasuk kos pengambilan tanah) adalah sebanyak RM12.6 juta.

    Sehubungan itu, pihak Jabatan Kewangan Negeri Pulau Pinang (JKNPP) telah memohon Unit Perancang Ekonomi Negeri Pulau Pinang (UPEN) berkenaan cadangan projek sistem pembentungan di Klans Jeti, Pulau Pinang dipertimbangkan kepada Kerajaan Persekutuan melalui Rolling Plan Ketiga RMKe-10 kepada Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri melalui surat rujukan JKNPP/(S)/07/02/11 Jld. 2 (3) pada 29 Ogos 2012. Kertas cadangan pembinaan sistem pembentungan oleh IWK di clan jetty telah dikemukakan kepada UPEN untuk tindakan seterusnya.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Lau Keng Ee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

23. Terdapat sebidang tanah lapang milik Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) yang terbiar Gat Lebuh Cecil. Apakah cadangan yang akan dibuat terhadap tanah lapang tersebut?

Y.A.B. Ketua Menteri:

23. Untuk makluman Yang Berhormat, perancangan masa hadapan bagi tanah ini adalah sebagai pembangunan perumahan.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Lau Keng Ee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

24. Sila nyatakan dengan teliti kerja-kerja yang telah dinaik taraf oleh pihak Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) di Pangsapuri Pelangi Lintang Macallum 2, Blok No. 3, 5, 7, 9 dan 11?

Y.A.B. Ketua Menteri:

24. Kerja-kerja yang telah dilakukan oleh PDC untuk menaik taraf dan kemudahan harta bersama di projek pangsapuri tersebut, semenjak tahun 2008 sehingga kini termasuklah kerja-kerja penukaran bumbung, pembaikan kebocoran dan kalis air bagi bumbung dan tangki air serta penukaran paip air.

    Maklumat-maklumat berkaitan dengan kerja-kerja berkenaan adalah seperti berikut:

KERJA-KERJA NAIK TARAF YANG DILAKSANAKAN DI 5 BLOK, PANGSAPURI PELANGI, LINTANG MACALLUM 2 SEJAK TAHUN 2008			
Bil	Jenis Kerja	Kos (RM)	Diskripsi Kerja
1	Penggantian Bumbung Jenis "Onduline"	239,000	Kerja-kerja menukar bumbung "Onduline" yang lama dan lain-lain kerja yang bersangkutan dengannya.
2	Kerja-kerja kalis air bagi bumbung dan tangki air	942,071	Kerja-kerja membaiki kebocoran bumbung lantai konkrit dan lain-lain kerja yang bersangkutan dengannya.
3	Kerja-kerja kalis air bagi 'gutters'	196,902	Kerja-kerja membaiki kebocoran konkrit 'gutter' dan lain-lain kerja yang bersangkutan dengannya.
4	Penggantian paip air	587,975	Kerja-kerja penggantian paip air daripada jenis G.I. (Galvanised Iron) kepada paip jenis HDPE.
5	Kerja-kerja di bawah kontrak penyelenggaraan	210,928	Pembaikan ke atas masalah pemendapan tanah (soil settlement) dan penggantian 'railing'.
	Jumlah	2,176,876	

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Lau Keng Ee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

25. Adakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang berhasrat untuk mendirikan Dewan Komuniti yang mengandungi perpustakaan, tempat bersenam gym dan tempat rehat sihat untuk warga emas di setiap kawasan perumahan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

25. MPPP pada masa ini mempunyai sepuluh (10) buah balai rakyat yang boleh digunakan oleh penduduk setempat termasuk warga mas untuk majlis perkahwinan dan berekreasi. MPPP mempunyai 5 buah balai rakyat yang mempunyai perpustakaan komuniti.

MPSP tiada perancangan untuk mendirikan dewan komuniti yang dalamnya mengandungi perpustakaan, tempat bersenam gym dan tempat rehat sihat untuk warga emas di setiap kawasan perumahan.

Walau bagaimanapun, MPSP atau pemaju ada menyediakan dewan komuniti tanpa kemudahan seperti perpustakaan, tempat bersenam gym, tempat rehat warga emas di setiap skim perumahan yang melebihi 40 unit.

Manakala bagi projek-projek perumahan yang dibawah seliaan Kerajaan Negeri telah menyediakan fasiliti kepada pihak penduduk seperti gelanggang sepak takraw, taman permainan kanak-kanak, dewan serbaguna di beberapa projek perumahan milik Kerajaan Negeri. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri mengambil maklum dan memberi perhatian ke atas permintaan tersebut dalam Rancangan Perumahan Kerajaan.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Lau Keng Ee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

26. Adakah Rapid Penang bercadang untuk mengadakan bas mini dan perhentian bas di taman perumahan bagi mengelakkan warga emas berjalan jauh.

Y.A.B. Ketua Menteri:

26. Buat masa sekarang, Rapid Bas Sdn. Bhd. tiada perancangan untuk menyediakan perkhidmatan bas mini. Ini adalah kerana kos untuk mengoperasikan bas mini adalah tinggi dan bas mini jenis dek rendah adalah susah didapati di pasaran. Walau bagaimanapun, perkhidmatan melalui sistem ‘hub dan spoke’ sedang dirancang oleh Rapid Bas Sdn. Bhd. di mana liputan akan dibuat ke taman-taman perumahan daripada *hub-hub* yang yang diwujudkan di bandar-bandar dan pekan seperti Ayer Itam, Balik Pulau, Bayan Baru dan sebagainya.

Perhentian bas adalah mencukupi buat masa sekarang dan akan ditambah mengikut keperluan dan kemampuan syarikat Rapid Penang.

Pihak Rapid Penang memang mempunyai perancangan pada masa hadapan untuk menambah laluan ke kawasan perumahan utama, tetapi ianya bergantung kepada kesesuaian jalan akses dan kelulusan dari pihak SPAD. Ia juga bergantung kepada kajian kebolehlaksanaan yang akan dijalankan di kawasan yang terlibat sebelum Rapid Penang memberikan perkhidmatan.

Namun begitu, Kerajaan Negeri melalui dapatan di dalam Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang akan berbincang secara lanjut bersama pihak SPAD dan operator bas mengenai cadangan menaik taraf laluan bas yang baru dan melibatkan kawasan perumahan yang mempunyai keperluan dan permintaan daripada pengguna. Sebarang makluman terkini akan dimaklumkan oleh Kerajaan Negeri dari masa ke semasa.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Lau Keng Ee) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

27. Mulai tahun 2008 hingga 2013, sudah berapa kali Yang di-Pertua dan Pegawai Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) melawat Majlis Perbandaran di Singapura dan apakah cadangan yang telah dilaksanakan selepas lawatan tersebut? Sila huraikan dengan teliti.

Y.A.B. Ketua Menteri:

27. Jumlah projek pembinaan rumah kos rendah dan kos sederhana rendah yang telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang dari tahun 2012 hingga 2013 ialah 28 projek rumah kos rendah dan 16 projek kos sederhana rendah. Maklumat terperinci bagi projek-projek berkenaan adalah seperti di bawah:

LAWATAN TEKNIKAL KE SINGAPURA

2] Tarikh : 27 – 30 Disember 2011

Delegasi : 13 orang pegawai MPPP
19 orang Pekerja Awam MPPP

PERKARA-PERKARA YANG DIPELAJARI DAN SEDANG DILAKSANAKAN MENGIKUT KEPERLUAN :-

a) Matlamat

i) Memperkasakan pengetahuan peserta tentang percambahan idea pengurusan landskap yang berkualiti

ii) Memperkaya rekabentuk senibina landskap semasa untuk dijadikan sebagai bench mark kepada MPPP bagi mencapai hasrat Y.A.B. Ketua Menteri Pulau Pinang kea rah International City pada masa akan datang.

Iii) Memberi pendedahan kepada peserta tentang teknologi dan rekabentuk dan pengurusan landskap terkini di Singapura dalam mempertingkat kualiti landskap di Pulau Pinang.

iv) Dapat meningkatkan kecekapan dan produktiviti serta dapat mengaplikasikan pengetahuan dan pengalaman dalam pengurusan landskap dan penyelenggaraan kawasan.

v) Mengadaptasai kaedah serta teknik perancangan dan pengurusan landskap serta alam sekitar yang sesuai digunakan dan dilaksanakan bagi Majlis dalam jangkamasa panjang dan pendek.

LAWATAN TEKNIKAL KE SINGAPURA

3] Tarikh : 1 – 3 Februari 2012

Delegasi : 9 orang pegawai MPPP

a) Perkara-perkara Yang Dipelajari Dan Sedang Dilaksanakan Mengikut Keperluan :-

i) Memantapkan fungsi perkhidmatan dalam talian MPPP dengan mewujudkan Seksyen Hotline yang lebih dinamik dan berkualiti melalui konsep pembelajaran berterusan. Persekitaran tempat kerja perlu disusun semula bagi memudahkan urusan pengendalian aduan secara dalam talian di samping membentuk semula fungsi hotline MPPP. Satu fasa pelaksanaan perlu dirancang bagi proses pemantapan ini.

ii) Mewujudkan *filtering and sorting processing* dalam e-aduan bagi kes yang di bawah tanggungjawab agensi luar seperti PDRM, JKR, JPS, Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Pentadbir Tanah Daerah. Pada masa kini, aduan yang dikendalikan oleh sistem e-aduan adalah menyalurkan semua aduan mengikut kategori kepada pegawai aduan jabatan. Keadaan ini akan menyebabkan kelewatan dalam memberi maklum balas kepada pengadu. Bagi tujuan ini, satu pemprograman semula sistem akan dikaji bagi membolehkan sistem dapat menghantar aduan yang di luar bidang kuasa MPPP terus kepada agensi luar yang bertanggungjawab.

iii) Mengaktifkan *features* yang terdapat sistem e-aduan pada tahap yang optimum. Pada masa kini, sistem yang sedia ada adalah komprehensif dan masih kurang digunakan oleh pelanggan seperti menghantar gambar dan data-data lain.

iv) Menghubungkan maklumat aduan yang berkaitan dengan lokasi dan maklumat pengadu bagi memastikan tiada kesilapan semasa menjalankan tindakan semasa siasatan.

LAWATAN TEKNIKAL KE SINGAPURA

4] Tarikh : 20 – 22 Februari 2013

Delegasi : 2 orang pegawai MPPP

PERKARA-PERKARA YANG DIPELAJARI :-

a) Lawatan Sambil Belajar Ke *Hyflux Waste Treatment Plant*

Tujuan utama lawatan ini adalah untuk membolehkan kedua-dua belah pihak memahami akan perjalanan operasi merawat “leachate” yang lebih efektif.

LAWATAN YANG DIPERTUA MPSP DAN PEGAWAI-PEGAWAI (2009 – 2013)

Bil.	Perkara	Peserta	Cadangan / Hasil Lawatan
1.	Lawatan Kerja Delegasi Kerajaan Negeri Ke Urban Redevelopment Authority (URA), Singapore Land Authority (SLA) dan Housing and Development Board (HDB) Singapura pada 23 Februari 2009 – 25 Februari 2009	Dato' Farizan Bin Darus (Mantan YDP)	**Tujuan lawatan** Meninjau dan mempelajari pengalaman Singapura dalam mengendalikan pembangunan perumahan. **Cadangan yang telah dilaksanakan selepas lawatan:-** i) Memberi input kepada Kerajaan Negeri berhubung dasar dan konsep terkini berkaitan perumahan dan perancangan bandar yang dapat diaplikasi di Majlis. ii) Aspek-aspek yang diberi tumpuan adalah seperti berikut:- a. Dasar-dasar perumahan b.Perancangan dan pelaksanaan projek-projek perumahan c.Pengurusan dan penyelenggaraan perumahan awam d. Pengendalian masalah-masalah rumah bertingkat e. Isu-isu lain berhubung perumahan dan perancangan bandar.

Bil.	Perkara	Peserta	Cadangan / Hasil Lawatan
	Lawatan Kerja Sambil Belajar yang dianjurkan oleh Malaysia Institute of Planners (MIP) Ke Singapura pada 6 November 2013 – 9 November 2013	Encik Ahmad Fuad bin Hashim (Pengarah Perancang Bandar), Encik Shaqhrony Bin Md Yusoff @ Jamaludin (Ketua Jabatan Landskap) dan Encik Mohd Raisul Muhaddisin Bin Hamad (Penolong Pengarah Bangunan)	**Tujuan Lawatan :** Mengetahui dan Memahami Perancangan Kerajaan dalam mewujudkan bandar yang selamat, bersih dan indah serta mewujudkan komuniti yang stabil dari segi alam sekitar, kediaman dan juga tenaga hijau. **Cadangan yang akan dilaksanakan selepas lawatan:-** Dengan adanya perancangan bagi mewujudkan perumahan mampu milik yang baik yakni mengkaji setiap keperluan atau kehendak masyarakat mengikut kemampuan masing-masing dengan disediakan oleh pihak PDC, majlis boleh memasukkan syarat bagi perumahan mampu milik ini pada setiap skim perancangan yang dicadangakan. Selain itu, dalam masa yang sama, kajian yang menyeluruh perlu dititikberatkan bagi menwujudkan perhubungan antara komuniti di kawsan persekitaran. *Central Park* atau *Green Pocket* perlu diwujudkan secara berpusat dan boleh menampung populasi kediaman yang berhampiran. selain itu juga perhubungan infra pengangkutan seperti hub pengangkutan bagi setiap parcel-parcel kediaman perlu diwujudkan secara berpusat. Infra lain seperti laluan awam wajib dibentuk bagi menghubungkan pada setiap kemudahan komuniti lain seperti dewan, taman rekreasi, green pocket, food court dan lain-lain kemudahan yang disediakan bagi mengalakkan masyarakat menggunakan laluan pejalan kaki.

Bil.	Perkara	Peserta	Cadangan / Hasil Lawatan
			Bandar Eco-city di Singapura yang baru dilaksanakan adalah di Punggol. Bandar ini menerapkan 3 ciri utama iaitu: 1-well-design Towns, 2-Sustainable Towns 3-Community Centric Towns. Bandar ini menerapkan ciri-ciri green building dari segi penjimatan tenaga, pengurusan sisa dan juga "sustainable environment. Perlaksaan projek ini adalah seiring dengan Cadangan Kerjaan negeri iaitu mewujudkan bandar Eco-city di Batu Kawan oleh pihak PDC. Ciri utama yang perlu ditekan kan disini adalah memainkan peranan sebagai agensi yang menyediakan perumahan mampu milik tanpa mengasingkan kemudahan-kemudahan utiliti lain di kawasan persekitaran selain mewujudkan persekitaran eco-friendly. Jika garis panduan bandar eco-city telah dilaksanakan , maka Majlis perlu menyemak atau memproses semua permohonan mengikut garis panduan bandar Eco-city tanpa kompromi.

(XIX) Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Dato' Mahmud bin Zakaria) Bertanya Kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Apakah syarat-syarat dan prosedur yang digunakan untuk mempertahankan tanah sawah daripada di bangunkan dan di tukar syarat kegunaan daripada kepada pertanian kepada yang lain.

Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang 2020 (RSNPP) telah mengenal pasti kawasan pengekalan tanaman padi di Negeri Pulau Pinang. Mengikut Perangkaan Asas 2011 daripada Jabatan Pertanian, keluasan tanaman padi di Negeri Pulau Pinang ialah seluas 12,782 hektar. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut :-

   SPU - 8,515 hektar
   SPT - 2,592 hektar
   SPS - 1,365 hektar
   DBD - 310 hektar

   Tanaman padi adalah tanaman yang dikategorikan sebagai tanaman keselamatan untuk sokongan hidup dan kawasan tanaman padi telah disenaraikan sebagai Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS) untuk dipelihara dan dikekalkan seperti termaktub dalam Dasar Spatial Utama (DSU 10) di dalam Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang 2020. Dalam masa yang sama, mekanisma yang diguna pakai oleh JPS dalam pengawasan tanah sawah adalah mengikut Akta Kawasan Pengairan 1953 dan pengkelasan tanah di bawah Seksyen 6 dan 7.

   Sehubungan itu, bagi tanah-tanah sawah yang ingin dibangunkan, kawasan berkenaan perlulah diperlingkungkan kepada zon pembangunan terlebih dahulu. Semua jabatan teknikal akan memberikan ulasan masing-masing di peringkat Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Perancang Negeri sebelum dipertimbangkan di Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri. Ulasan teknikal daripada Jabatan Pertanian, khasnya akan diberi lebih perhatian.

Sekiranya diluluskan perlingkungan semula, pemohon perlu mengemukakan pula permohonan Kebenaran Merancang dan ulasan daripada jabatan teknikal akan dikemukakan sekali lagi.

Pemohon juga perlu mendapatkan kelulusan daripada Pihak Berkuasa Negeri untuk menukar kategori kegunaan tanah daripada pertanian kepada bangunan dan bayaran premium akan dikenakan kepada pemohon. Dalam masa yang sama pemohon juga perlu mengemukakan permohonan untuk mengeluarkan lot dari Warta Taliair.

Walau bagaimanapun, secara umumnya pembangunan selain daripada tanaman padi adalah tidak dibenarkan dan tidak disokong oleh agensi dan jabatan berkaitan seperti Jabatan Pertanian, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dan pihak Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu Pulau Pinang (Integrated Agriculture Development Area).

Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Dato' Mahmud bin Zakaria) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Apakah sumbangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam pembangunan dan mempromosikan homestay di negeri ini terutamanya bagi kawasan luar bandar?

Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Pada masa ini, Kerajaan Negeri belum mempunyai program homestay yang dikelolakan sendiri oleh Kerajaan Negeri. Homestay yang beroperasi di Pulau Pinang pada waktu ini adalah dibawah seliaan Kementerian Pelancongan.

Kerajaan Negeri telah pun memulakan rancangan bagi mewujudkan sendiri homestay. Sesi pengenalan program homestay telah pun diadakan bersama bakal-bakal pengusaha homestay dari seluruh daerah Negeri Pulau Pinang. Homestay yang bakal diwujudkan ini akan dipromosikan melalui misi perdagangan yang disertai Kerajaan Negeri serta melalui pakej pelancongan yang disediakan oleh agen-agen pelancongan di Pulau Pinang.

Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Dato' Mahmud bin Zakaria) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Adakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang sedar terdapat pintu gerbang yang telah hampir roboh di pintu masuk sempadan Simpang 4 Kampung Kedah, Negeri Perak ke Permatang Keling, Pulau Pinang.

Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Kerajaan Negeri sememangnya sedia maklum bahawa terdapat sebuah pintu gerbang di pintu masuk sempadan Pulau Pinang dan Kedah yang memerlukan kerja–kerja pembaikan. Namun begitu memandangkan kerja pelebaran Jalan Persekutuan sedang dilaksanakan dan ianya melibatkan lokasi pintu gerbang tersebut, maka pembaikan/pembinaan baru sepenuhnya akan dilakukan kemudian. Sebagai langkah jangka masa pendek bersesuaian dengan pelebaran tersebut pintu gerbang ini akan dipindahkan sementara bagi kerja pelebaran di laksanakan oleh pihak JKR.

Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Dato' Mahmud bin Zakaria) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

4. Adakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang sedar banyak kilang-kilang haram beroperasi di negeri ini. Apakah tindakan Kerajaan Negeri untuk menyelesaikan masalah tersebut.

Y.A.B. Ketua Menteri:

4. Tindakan yang telah diambil oleh MPSP untuk menyelesaikan masalah kilang-kilang haram adalah dengan mengadakan dasar dan program pemutihan secara berperingkat. Justeru itu, langkah-langkah yang telah diambil adalah seperti berikut :

(a) MPSP sedang melaksanakan program pemutihan bagi kilang-kilang yang beroperasi sebelum 31 Disember 2012 dan berada di dalam kawasan industri.

(b) Bagi kilang-kilang yang beroperasi selepas tarikh tersebut, MPSP akan mengambil tindakan dengan mengeluarkan notis meruntuh (Seksyen 72) di bawah Akta Jalan, Parit dan Bangunan kepada empunya kilang.

Jika arahan ini gagal dipatuhi dalam tempoh 30 hari maka pihak MPSP akan meruntuh pembinaan tersebut tanpa mengeluarkan sebarang notis lagi. Segala kos dan perbelanjaan yang terlibat akan ditanggung oleh empunya kilang.

(c) MPSP telah mengadakan perjumpaan dengan empunya kilang-kilang haram untuk memberi penjelasan tentang prosedur permohonan kelulusan dan di samping itu bertujuan memahami masalah mereka.

Di MPPP pula, notis akan dikeluarkan kepada kilang-kilang berkenaan dan nasihat akan diberikan kepada pemilik kilang supaya mematuhi kehendak-kehendak notis selaras dengan seksyen 72, Akta Jalan Parit dan Bangunan 1974.

Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Dato' Mahmud bin Zakaria) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

5. Adakah cadangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang bercadang untuk membina sebuah Pusat Pertanian yang baru di Sungai Acheh kerana difahamkan bangunan yang sedia ada terletak di atas tanah Lembaga Pertubuhan Peladang Negeri Pulau Pinang.

Y.A.B. Ketua Menteri:

5. Pada masa ini, Kerajaan Negeri tidak bercadang untuk membina sebuah Pusat Pertanian baru di Sungai Acheh. Ini kerana, Pusat Pertanian sedia ada iaitu di Relau masih boleh beroperasi. Pusat Pertanian Relau seluas 61.49 ekar terletak di atas tanah milik Kerajaan Negeri di atas Lot 70,71,72,1240,1881,1883,1886 dan 3256 Mukim 13, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang.

Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Dato' Mahmud bin Zakaria) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

6. Adakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang bercadang untuk wujudkan kawasan tanaman kekal pengeluaran makanan. Di fahamkan kawasan tanaman kekal pengeluaran makanan yang sedia ada di Juru merupakan kawasan zon pembangunan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

6. Pengwujudan TKPM yang baru masih dalam peringkat perancangan awal. Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah pun mewujudkan satu kawasan Taman Kekal Pengeluaran Makanan yang dikenali sebagai Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) Juru. TKPM Juru ini terletak di Lot 1441, Mukim 12, Daerah Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang. Keluasan TKPM Juru ini adalah 115.2 hektar (284 ekar). Kawasan TKPM Juru ini telah diberimilik kepada Perbadanan Ketua Menteri Pulau Pinang (CMI) pada 22 Julai 2011. Kawasan ini dibahagikan kepada 3 zon utama iaitu zon pertanian, zon penternakan dan zon perikanan. Jumlah keseluruhan peserta bagi TKPM Juru adalah seramai 14 pengusaha yang meliputi 8 pengusaha zon pertanian, 1 pengusaha bagi zon penternakan dan 5 pengusaha zon perikanan.

Tujuan TKPM Juru ini dibangunkan adalah untuk mewujudkan peluang pelaburan di dalam bidang pertanian kepada usahawan dan sektor swasta, melahirkan masyarakat tani yang berdaya maju untuk menjadi contoh petani moden dan mengoptimumkan penggunaan tanah untuk pengeluaran makanan dan menjaminkan pengeluaran pertanian secara komersial dan berterusan. Selain itu, TKPM Juru ini diwujudkan untuk memaksimumkan pengeluaran makanan melalui aplikasi teknologi pertanian yang moden dan terkini dan mengeluarkan hasil pertanian terpilih, bermutu dan bernilai tinggi untuk membantu menampung keperluan makanan di dalam negara.

Tiga jabatan bertanggungjawab dalam penyeliaan setiap zon di TKPM Juru. Jabatan Pertanian Negeri Pulau Pinang bertanggungjawab menyelia kawasan zon pertanian di TKPM Juru dengan tanaman nanas. Terdapat 8 lot dipajakkan kepada pengusaha-pengusaha yang berkelayakan dengan keluasan di antara 4 hingga 10 ekar. Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Pulau Pinang pula bertanggungjawab menyelia zon penternakan seluas 60 ekar untuk melaksanakan penternakan ayam baka secara sistem tertutup. Jabatan Perikanan Negeri Pulau Pinang pula menyelia zon perikanan yang dibangunkan untuk tujuan penternakan ikan hiasan dan/atau tumbuhan akuatik, penternakan ikan dan udang hiasan/marin serta mengusahakan projek pusat kuarantin ternakan akuatik.

Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Dato' Mahmud bin Zakaria) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

7. Benarkah pusat pertanian di Relau akan dipindahkan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

7. Sehingga kini Kerajaan Negeri tidak mempunyai rancangan untuk memindahkan Pusat Pertanian Relau. Namun begitu sekiranya terdapat rancangan pembangunan yang dapat memberi pulangan yang baik dan memanfaatkan Kerajaan Negeri dan rakyat Pulau Pinang, perpindahan Pusat Pertanian Relau ke lokasi lain mungkin akan dipertimbangkan setelah mendapat pandangan dari semua pihak berkepentingan.

Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Dato' Mahmud bin Zakaria) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

8. Adakah Kerajaaan Negeri Pulau Pinang bercadang untuk wujudkan tabung siswa siswi tani bagi menggalakkan siswa siswi menjalankan aktiviti pertanian.

Y.A.B. Ketua Menteri:

8. Kerajaan Negeri sedang meneliti cadangan pelaksanaan program Usahaan Tani Muda. Program ini akan memberi bantuan dalam bentuk fizikal kepada usahawan muda untuk lebih berdaya saing dalam aktviti pertanian atau industri asas tani.

   Walau bagaimanapun pada masa ini, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pertanian telah menyediakan projek Pembangunan Petani Pelapis. Projek ini bertujuan melahirkan usahawan tani yang moden, kreatif dan agresif di dalam melaksanakan projek pertanian dan memupuk minat golongan belia bagi menceburi bidang pertanian.Golongan yang disasarkan termasuklah belia lepasan sekolah, termasuk graduan, belia dalam sekolah dan briged tani.

   Pada masa ini, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pertanian telah menyediakan projek Pembangunan Petani Pelapis. Projek ini bertujuan melahirkan usahawan tani yang moden, kreatif dan agresif di dalam melaksanakan projek pertanian dan memupuk minat golongan belia bagi menceburi bidang pertanian. Golongan yang disasarkan termasuklah belia lepasan sekolah, termasuk graduan, belia dalam sekolah dan briged tani.

Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Dato' Mahmud bin Zakaria) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

9. Bilakah Pejabat Pertanian Daerah Seberang Perai Tengah yang baru hendak dibina?

Y.A.B. Ketua Menteri:

9. Setakat ini belum ada keperluan untuk membina Pejabat Pertanian Daerah SPT yang baru. Ini ialah kerana tiada perubahan dan pertambahan kepada waran perjawatan sedia ada Jabatan Pertanian Negeri dan ruang pejabat sedia ada mampu untuk menyediakan kemudahan dan persekitaran yang sesuai dalam penyampaian perkhidmatan jabatan ini.

Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Dato' Mahmud bin Zakaria) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

10. Apakah bentuk bantuan yang telah di beri oleh Kerajaan Negeri kepada mangsa banjir baru-baru ini dan berapakah jumlah peruntukannya mengikut kawasan yang ditimpa banjir?

Y.A.B. Ketua Menteri:

10. Bencana banjir telah berlaku di Pulau Pinang pada 18 Oktober hingga 21 Oktober 2013 di Daerah Seberang Perai Utara bagi kawasan Bumbung Lima dan Daerah Seberang Perai Tengah di kawasan Permatang Tok Subuh, Padang Lalang, Mengkuang Semarak, Mengkuang Titi, Permatang Rawa, Kampung Terus dan Kuala Tasek. Kerajaan Negeri melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat telah menyalurkan bantuan kepada mangsa bencana banjir ialah seperti keperluan makanan dan bantuan keperluan asas (kit bencana, tikar dan tilam). Jumlah peruntukan yang terlibat bagi penyediaan makanan sebanyak RM10,694.90. Jumlah ini tidak termasuk bantuan seperti tikar, tilam, selimut yang dibekalkan serta telah pulang selepas selesainya bencana tersebut.

Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Dato' Mahmud bin Zakaria) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

11. Adakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang mengetahui wujudnya pasar Kemboja di kawasan Permatang Tok Mahat, Seberang Perai Selatan yang menyebabkan gangguan di kawasan sekolah serta lalu lintas. Adakah peniaga ini di beri sebarang lesen.

Y.A.B. Ketua Menteri:

11. Kerajaan Negeri sememangnya sedar kewujudan Pasar Kemboja di Permatang Tok Mahat. Penganjur pernah diberikan lesen pada tahun 2006 namun lesen tersebut telah dibatalkan kerana penganjur tidak mematuhi syarat lesen dari segi kebersihan dan kawalan trafik. Sehingga sekarang,Kerajaan Negeri tidak pernah mengeluarkan apa-apa lesen kepada peniaga- peniaga tersebut.

    Perniagaan Pasar Kemboja ini melibatkan kawasan sempadan antara Pulau Pinang dan Perak. Oleh itu pada masa sekarang, MPSP dan Majlis Daerah Kerian, Perak masih lagi berunding untuk menyelesaikan masalah ini. Majlis Daerah Kerian telah menguatkuasakan larangan menjaja pada hari Isnin dan Jumaat dan membenarkan peniaga beroperasi pada hari Sabtu sahaja.

    MPSP akan membuat keputusan secepat mungkin untuk menyelaraskan tindakan dengan Majlis Daerah Kerian untuk memastikan tindakan yang akan diambil berkesan kerana ianya melibatkan penjaja di sempadan Pulau Pinang dan Perak.

(XX) Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd Zain bin Ahmad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Adakah Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) merancang untuk memasang lampu isyarat jalan raya (traffic light) di persimpangan di Jalan Penaga, Lahar Endin, Jalan Guar Kepah dan Bumbung Lima dalam Dewan Undangan Negeri Penaga memandangkan sering berlaku kemalangan jalan raya di tempat tersebut?

Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Pada ketika ini pihak MPSP tiada mempunyai cadangan untuk memasang lampu isyarat di dua persimpangan tersebut. Pemasangan lampu isyarat termasuk di kawasan berkenaan akan hanya dilaksanakan oleh pihak JKR setelah kajian terperinci dijalankan dan mendapati bahawa terdapat keperluan dari segi analisa data untuk tujuan berkenaan.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd Zain bin Ahmad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Adakah Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) merancang untuk memasang Papan Tanda memaklumkan Jadual/Masa/Hari kutipan sampah dan nama kontraktor yang dipertanggungjawab dalam kawasan DUN Penaga?

Y.A.B. Ketua Menteri:

2. MPSP tidak mempunyai perancangan untuk memasang papan tanda bagi memaklumkan jadual kutipan sampah kerana ianya melibatkan kos yang tinggi. Sebagai alternatif, maklumat tersebut boleh dicapai melalui laman sesawang MPSP dengan melayari www.mpsp.gov.my. Maklumat juga boleh diperolehi di pejabat pembersihan berdekatan dan juga notis maklumat yang telah ditampal di dewan-dewan milik MPSP.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd Zain bin Ahmad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Berapakah jumlah peruntukan yang disediakan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk merawat air di dalam parit tali air (ban) di kawasan luar bandar dan nyatakan berapa kali dalam setahun ujian dibuat ke atas air di dalam parit tali air (ban) untuk memastikan bahawa air tersebut selamat digunakan atau tidak ada pencemaran air?

Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Pada masa ini, tiada peruntukan disediakan bagi merawat air di dalam parit tali air (ban) kerana tiada jabatan yang melaksanakan perkhidmatan tersebut.

Buat masa ini, khidmat rawatan air hanya dilaksanakan di sungai atau anak sungai, empangan dan kolam kumbahan, merujuk kepada agensi-agensi yang terlibat seperti MPSP, MPPP, JPS atau Jabatan Veterinar.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd Zain bin Ahmad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

4. Kebanyakan tali air (ban) digunakan sebagai jalan alternatif oleh penduduk-penduduk di kawasan Luar Bandar dan untuk memastikan keselamatan pengguna jalan tersebut daripada terjatuh atau terjunam ke dalam parit tali air tersebut adakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang merancang untuk membina penghadang jalan di persimpangan jalan/ban dan memasang lampu jalan di kawasan gelap?

Y.A.B. Ketua Menteri:

4. Pemasangan lampu jalan dan penghadang jalan di tali air hanya akan dilakukan di kawasan yang benar-benar memerlukan.Pada masa ini, tiada perancangan bagi pemasangan lampu jalan ataupun penghadang pada tali air yang dimaksudkan. Namun demikian, Kerajaan Negeri akan mempertimbangkan pemasangan seumpama ini jika terdapat keperluan yang mendesak.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd Zain bin Ahmad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

5. Kerajaan Pusat telah memberi pelbagai bantuan seperti subsidi petrol, diesal, wang saraan nelayan dan lain-lain kepada nelayan termasuk di Negeri Pulau Pinang yang berdaftar dengan Jabatan Perikanan dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM). Sila jelaskan jenis bantuan yang telah diberikan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang kepada para nelayan di Pulau Pinang sejak tahun 2008 sehingga kini?

Y.A.B. Ketua Menteri:

5. Bantuan yang diberikan adalah pemberian tukun tiruan sebagai inisiatif menjana pendapatan nelayan Pulau Pinang. Pemberian tukun tiruan ini dapat memberi manfaat kepada 2,586 orang nelayan pantai di SPU, SPT dan SPS dengan perlabuhan sebanyak 180 unit tukun tiruan

rekreasi di perairan Pulau Aman, Sg. Udang dan Penaga. Melalui pemberian ini,hasil pengeluaran ikan laut dijangka akan meningkat kepada 52,500 tan metrik dengan nilai sebanyak RM410 juta. Selain daripada itu, Kerajaan Negeri juga telah meluluskan Cadangan pemberian bantuan pukat kepada 2,981 orang nelayan pantai Zon A yang berdaftar dengan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) di seluruh Negeri Pulau Pinang. Pemberian ini melibatkan peruntukan sejumlah RM 1.5 juta bagi tahun 2013 dan 2014.

Pembiayaan ini membuktikan komitmen Kerajaan Negeri untuk mendorong nelayan pantai meningkatkan pendapatan masing-masing. Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah memperuntukkan sebanyak RM65,000.00 setahun setiap tahun kepada Jabatan Perikanan bagi melaksanakan pengurusan Pemuliharaan Penyu di Pusat Konservasi Penyu di Pantai Kerachut.

Walaupun program penetasan penyu di Pantai Kerachut tiada hubungkait dengan nelayan secara terus (direct link), dapat dilihat kemajuan kepada program yang dilaksanakan telah meningkatkan kedatangan lebih ramai pengunjung ke Pantai Kerachut. Ini secara tidak langsung memberi pendapatan tambahan kepada nelayan yang membawa pengunjung menggunakan bot masing-masing.

Peningkatan pendaratan penyu ke Pulau Pinang dan dengan bertambahnya bilangan pelepasan anak penyu (sehingga kini sebanyak 23,000 ekor), merupakan indikator yang menunjukkan bahawa ekosistem marin dan perairan laut di bahagian pantai barat Pulau Pinang berada di dalam keadaan baik dan terjamin. Dengan ekosistem marin yang baik dan kondusif ini akan menggalakkan pembiakan dan perkembangan sumber perikanan di perairan Pulau Pinang yang akan dapat dituai dan dinikmati hasilnya oleh para nelayan tempatan.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd Zain bin Ahmad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

6. Berapakah peruntukan yang telah disediakan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk pembaikan jalan mini tar di luar bandar dan berikan panjang jalan mengikut daerah termasuk kawasan Dewan Undangan Negeri Penaga?

Y.A.B. Ketua Menteri:

6. Sebanyak RM4,792,706.76 telah dibelanjakan untuk pembukaan jalan mini tar di luar bandar sejak 2008 dan daripada jumlah itu RM725,990.00 adalah untuk KADUN Penaga.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd Zain bin Ahmad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

7. Sila jelaskan status terkini Projek Link Ketiga Pulau Pinang yang merupakan pembinaan terowong dasar laut yang menghubungkan Persiaran Gurney dengan Bagan Ajam dan projek membina tiga lintasan lebuh raya?

Y.A.B. Ketua Menteri:

7. Perjanjian Awal telah ditandatangani oleh Kerajaan Negeri dengan Consortium Zenith BUCG Sdn. Bhd. pada 6 Oktober 2013 untuk pelaksanaan Kajian Kemungkinan, Laporan Terperinci Impak Alam Sekitar (DEIA) dan Rekabentuk Terperinci. Pada ketika ini, pihak Consortium Zenith BUCG Sdn. Bhd. telah diberikan kelulusan oleh Kerajaan Negeri untuk memulakan Kajian Kemungkinan mulai 1 November 2013 yang lalu.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd Zain bin Ahmad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

8. Berapakah peruntukan yang telah disalur atau dibelanjakan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang di KADUN) Penaga untuk projek jalan tar kampung, longkang, masjid, surau, sekolah agama, projek ekonomi dan sistem perparitan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

8. Berhubung dengan soalan di atas, Kerajaan Negeri melalui peruntukan pembangunan 2013 telah meluluskan sebanyak RM2 juta untuk KADUN Penaga bagi melaksanakan projek-projek melibatkan jalan tar kampung (RM67 ribu), longkang (RM34 ribu), masjid & surau (RM1 juta), projek-projek ekonomi (RM177 ribu) dan sistem perparitan (RM492 ribu).

   Berkaitannya juga, Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Utara (PDT SPU) diperuntukkan sebanyak RM237 ribu melalui waran peruntukan kecil untuk menjalankan projek- projek jalan kampung, dewan, gerai, baiki dan bina rumah golongan miskin, dan longkang. Maklumat terperinci berkenaan senarai projek pembangunan yang telah dilaksanakan oleh PDT SPU adalah seperti di lampiran A.

   Agensi lain turut sama terlibat dalam usaha membangunkan kawasan di bawah KADUN Penaga. Jabatan Kerja Raya (JKR) telah memperuntukan sebanyak RM 620, 000.00 meliputi projek seperti di bawah iaitu:-

(a)	Jalan tar kampung	:	RM 290, 000.00
(b)	Longkang	:	RM 300, 000.00
(c)	Selenggara parit	:	RM 10, 000.00
(d)	Cat jalan	:	RM 20, 000.00

Lihat Folder Lampiran Soalan No. 8 (ID447 - BMZA)

Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd Zain bin Ahmad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

9. Laporan Ketua Audit Negara 2012 ke atas Jabatan Hal Ehwal Agama Islam mendapati beberapa kelemahan di antaranya pemantauan terhadap premis yang mendapat Sijil Halal tidak dilaksanakan dan penguatkuasaan yang dijalankan adalah terhad. Apakah tindakan segera yang diambil untuk memastikan makanan yang dijual adalah halalan toyyiban?

Y.A.B. Ketua Menteri:

9. Tindakan segera yang diambil terhadap teguran Ketua Audit Negara bagi isu kelemahan pemantauan premis sijil halal sedia ada adalah seperti berikut:-

   (a) Penjadualan semula proses pemantauan yang lebih kerap. Pada tahun ini sehingga Oktober 2013 sebanyak 83 premis pemegang sijil halal sedia ada telah diperiksa dan daripada jumlah itu sebanyak 16 buah premis telah diambil tindakan di bawah Akta Perihal Dagangan 2011.

   (b) Permohonan tambahan kenderaan khusus untuk Bahagian Pengurusan Halal bagimemudahkan aktiviti pemantauan dan penguatkuasaan kerana sebelum ini terpaksa menggunakan kenderaan pool Jabatan Hal Ehwal Agama Islam. Permohonan ini telahdiluluskan oleh Jabatan Kewangan Negeri dan akan diperolehi dalam tahun ini juga.

   (c) Menjadikan aktiviti pemantauan dan penguatkuasaan sebagai prosedur operasi bagi Pensijilan MS ISO 9001:2008 dan MS ISO 1900:2005. Oleh itu, perancangan dan aktiviti pemantauan dan penguatkuasaan dijadualkan secara lebih sistematik mengikut standard dan prosedur ISO yang ditetapkan.

   (d) Mendapatkan kad kuasa bagi menguatkuasakan Akta Perihal Dagangan 2011 (Perintah Takrif Halal dan Perakuan dan Penandaan Tanda Halal) yang mana sebelum ini hanya dimiliki oleh pegawai-pegawai KPDNKK. Dengan penurunan kuasa ini, membolehkan pegawai dari Bahagian Halal menguatkuasakan peruntukan undang-undang berkaitan halal tanpa perlu bergantung kepada pihak KPDNKK dan ini boleh melancarkan lagi proses pemantauan, penguatkuasaan dan siasatan dilaksanakan.

(e) Memohon pertambahan kakitangan kepada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) danperjumpaan dengan pihak JPA pada 1 November 2013 telah memberikan persetujuan secara dasar permohonan tersebut mengikut kesesuaian dan kemampuan kewangan negeri-negeri Pihak JHEAIPP sedang menyediakan kertas cadangan tersebut.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd Zain bin Ahmad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

10. Laporan Ketua Audit Negara 2012 ke atas As Sahabah Urus Zakat Sdn. Bhd. mendapati beberapa kelemahan di antaranya Syarikat telah membuat pelaburan di institusi kewangan yang tidak diluluskan untuk menerima deposit daripada Syarikat Kerajaan serta tidak menyediakan *Standard Operating Procedures*. Apakah tindakan yang telah diambil oleh Majlis Agama Islam Pulau Pinang dan Syarikat tersebut untuk mengatasi kelemahan tersebut?

Y.A.B. Ketua Menteri:

10. (i) Pelaburan Syarikat As Sahabah Urus Zakat Sdn. Bhd. di Bank Persatuan adalah wang syarikat yang disimpan sebagai simpanan tetap dengan tempoh matangnya adalah tiga bulan. Susulan kepada teguran pihak syarikat telah mengeluarkan semua pelaburan di Bank Persatuan pada 18 Oktober 2013 dan memindahkannya ke institusi yang diluluskan untuk menerima deposit daripada Syarikat Kerajaan. Pelaburan tersebut tidak mendatangkan apa-apa kerugian kepada syarikat, malah pelaburan yang dibuat sejak tahun 1992 dilakukan dengan mengambil kira Bank Persatuan sebagai sebuah bank tempatan serta mematuhi kehendak syariah.

(ii) Pada masa ini, pihak syarikat menjadikan Amalan Terbaik Pengurusan Kewangan MAINPP 2003 sebagai garis panduan dalam menjalankan aktiviti syarikat dan disesuaikan dengan keadaan syarikat.

(iii) Pihak syarikat telah mengadakan bengkel bagi membincangkan hala tuju syarikat yang melibatkan Ahli Lembaga Pengarah, Ahli Jawatankuasa Kuasa Fatwa, Ahli-ahli Majlis Agama Islam Negeri, ADUN serta pegawai-pegawai syarikat pada 25 hingga 27 Mac 2011 telah membincangkan hala tuju syarikat untuk lima tahun sehingga 2016. Resolusi bengkel ini menjadi garis panduan pelaksanaan aktiviti-aktiviti syarikat. Sebelum itu, Halatuju 10 Tahun Zakat Pulau Pinang telah dibincangkan pada 24 hingga 26 Ogos 2003 dan Retreat Pengurusan Kewangan telah diadakan pada 2 hingga 5 Ogos 2009.

(iv) Pihak syarikat juga telah menubuhkan Jawatankuasa Perancangan Strategik dan Jawatankuasa *Adhoc Standard Operating Procedures.* Jawatankuasa-jawatankuasa ini sedang merangka perancangan strategik syarikat untuk tempoh lima tahun akan datang dan memperkemaskan prosedur-prosedur kewangan dan proses kerja selaras dengan keperluan syarikat.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd Zain bin Ahmad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

11. Laporan Ketua Audit Negara 2012 ke atas Majlis Perbandaran Seberang Perai, Majlis Perbandaran Pulau Pinang, Pejabat Daerah Dan Tanah Seberang Perai Utara, Pejabat Tanah Dan Daerah Timur Laut, Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Pulau Pinang dan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang mendapati beberapa kelemahan. Sila jelaskan secara terperinci tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk mengatasi kelemahan-kelemahan agensi yang terlibat?

Y.A.B. Ketua Menteri:

11. Kerajaan Negeri Pulau Pinang memandang serius terhadap teguran-teguran audit ke atas jabatan dan agensi di bawah Kerajaan Negeri. Bagi mengatasi masalah tersebut, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri melalui Bahagian Audit dalam bersama-sama dengan Jabatan Kewangan Negeri telah mengadakan mesyuarat pada 7 November 2013 dengan jabatan-jabatan

yang terlibat untuk membincangkan teguran-teguran yang dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara pada tahun 2012. Jabatan-jabatan yang terlibat juga telah memberi maklumbalas terhadap pertanyaan-pertanyaan audit yang dilaporkan.Jabatan dan agensi terlibat juga telah memaklumkan status terkini dan penambahbaikan yang telah dibuat bagi setiap isu yang dibangkitkan.Kerajaan Negeri melalui Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri senantiasa memberi penekanan terhadap integriti dan keutuhan sesebuah jabatan dan agensi Kerajaan dalam menyampaikan perkhidmatan. Mesyuarat berkala seperti Mesyuarat Jawatankuasa Keutuhan Tadbir Urus Negeri yang dipengerusikan oleh Y.A.B. Ketua Menteri senantiasa memantau secara sistematik isu dan masalah yang dibangkitkan. Laporan dari jabatan dan agensi terlibat adalah seperti berikut;

(1) Majlis Perbandaran Pulau Pinang telah mengambil langkah-langkah berikut bagimeningkatkan prestasi pengurusan perumahan awam MPPP seperti berikut:

(i) Membeli sistem berkomputer yang dikenali sebagai e-penilaian/e-sewaan dimana semua urusan pendaftaran permohonan penyewaan, pengemaskinian maklumat penyewaan, pemantauan tunggakan sewa, aduan kerosakan dan sebagainya akan diuruskan oleh sistem ini;

(ii) Melantik konsultan dan melalui proses ‘change management’ telah menyediakan proses kerja baru bagi memendekkan tempoh masa untuk menangani aduan kerosakan;

(iii) Menghantar senarai penyewa berdaftar untuk semakan Jabatan Pendaftaran Negara setiap tahun bagi mengesahkan sama ada penyewa-penyewa masih hidup atau meninggal dunia;

(iv) Kajian juga sedang dibuat sama ada boleh menghubungkan sistem maklumat Jabatan Pendaftaran Negara supaya semakan tersebut boleh dibuat secara ‘real time'

(v) Menyediakan jadual pemeriksaan dan bancian bagi setiap skim perumahan awam bagi memastikan tiada sewa kecil, tukarguna, halangan koridor dan sebagainya.

(2) Majlis Perbandaran Seberang Perai pula telah mengambil langkah-langkah seperti berikut:

(i) Jawatankuasa Penilaian Teknikal dan Jawatankuasa Penilaian Harga tidak ditubuhkan bagi perolehan kenderaan secara tender.

(ii) Pemantauan penggunaan kenderaan tidak dapat disempurnakan oleh Pegawai Pengangkutan.

(iii) Kos penyenggaraan bagi 5 kes kenderaan berusia melebihi 10 tahun melebihi kos asal pembelian kenderaan antara 109% dan 232%.

(iv) Tempat penyimpanan kenderaan didapati kurang sesuai.

Tindakan yang telah diambil bagi mengatasi kelemahan-kelemahan di atas adalah seperti berikut:

Teguran 1:

(i) MPSP telah mengambil tindakan menubuhkan Jawatankuasa Penilaian (Teknikal dan Harga) dan Jawatankuasa Penilaian Teknikal dan Jawatankuasa Harga akan ditubuhkan secara berasingan bagi tender bekalan, perkhidmatan dan kerja berasaskan ‘Turnkey’ atau ‘Design and Build’ seperti yang diperuntukkan di dalam Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5/2007 perkara 39.2.

Teguran 2:

(i) Perlantikan Pegawai Pengangkutan MPSP telah dibuat dengan menjelaskan senarai tugas Pegawai Pengangkutan. Senarai tugas Pegawai Pengangkutan juga telah dimasukkan ke dalam fail meja pegawai tersebut supaya pemantauan penggunaan kenderaan dapat disempurnakan oleh beliau dengan berkesan.

(ii) Kursus berkaitan penggunaan dan penyelenggaraan kenderaan yang merangkui pengemaskinian buku log, pengiraan cerakinan dan penggunaan bahan api telah dirancang untuk diberi kepada semua yang terlibat dengan pengurusan kenderaan seperti Pegawai Pengangkutan, Penyelia Kenderaan Jabatan dan Pemandu supaya pengurusan kenderaan Majlis lebih berkesan.

Teguran 3:

(i) MPSP telah mewujudkan polisi bagi pelupusan kenderaan supaya MPSP dapat membuat perancangan untuk pelupusan dan penggantian kenderaan baru.

(ii) Polisi ini dikawal dan dipantau oleh Penolong Pengarah (Bahagian Perolehan) dan Pegawai Pengangkutan MPSP. Perbincangan akan dilakukan oleh mereka sekiranya pelupusan kenderaan perlu dilakukan sebelum diputuskan oleh Pengurusan Atasan.

Teguran 4:

Bagi mengatasi masalah-masalah tempat penyimpanan kenderaan yang kurang sesuai, tindakan-tindakan berikut telah diambil:

(i) Depo-depo kenderaan yang dikenal pasti kurang sesuai telah dinaik taraf secara berperingkat mulai tahun 2012 sehingga 2015.

(ii) Penaiktarafan itu meliputi ciri-ciri keselamatan dan kemudahan yang sesuai seperti memasang pagar, menyediakan kemudahan paip air tekanan tinggi (water jet pump) untuk mencuci kenderaan dan menyediakan lantai bersimen serta longkang untuk tempat mencuci kenderaan.

(3) Laporan Ketua Audit Negara 2012 ke atas PDTSPU adalah berkaitan Kutipan Hasil Cukai Tanah dan PDTSPU dikehendaki mengambil tindakan ke atas teguran audit dan memberikan maklumbalas terkini kepada Jabatan Kewangan Negeri dari semasa ke semasa. Maklum balas terkini dikemukakan pada 14 November 2013.

Kelemahan kutipan Tunggakan Hasil Tanah telah dapat diatasi iaitu pada 31 Disember 2012, tunggakan cukai tanah adalah sebanyak RM 10,385,780.50 iaitu penurunan tunggakan sebanyak 5.0% berbanding tahun 2011.

Selain itu bagi mengatasi kelemahan-kelemahan yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara 2012 tersebut, penubuhan Pasukan Taskforce Tunggakan Hasil telah dilaksanakan dan antara tindakan yang dilaksanakan adalah seperti berikut:

(i) Pengeluaran surat peringatan kepada semua pemilik yang tidak menjelaskan cukai tanah sebelum 31 Mei 2013.

(ii) Semakan ke atas 1381 hak milik yang tiada rekod alamat dalam bil cukai dan mempunyai tunggakan cukai tanah

(iii) Semakan ke atas hak milik berkadar RM 1 dan RM 0

(iv) Semakan ke atas perbezaan bilangan hak milik di Modul Hasil dan Modul Pendaftaran

(v) Tindakan penguatkuasaan ke atas hak milik yang mempunyai tunggakan melebihi 3 tahun ke atas.

(4) Pejabat Daerah dan Tanah Timur Laut pula Pentadbiran ini mengambil maklum mengenai penemuan-penemuan audit bagi Kajian Audit Terhadap Pengurusan Hasil Cukai Tanah Di Pejabat Daerah Dan Tanah Daerah Timur Laut seperti yang telah dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara 2012.

Pentadbiran ini sentiasa berusaha dan mengambil tindakan sewajarnya bagi meningkatkan prestasi kutipan cukai tanah. Manakala tindakan-tindakan yang di ambil bagi mengurangkan tunggakan cukai tanah di Daerah Timur Laut adalah:-

(i) Pentadbiran ini sentiasa membuat pembersihan data dalam Sistem e-Tanah bagi Modul Hasil dan Modul Pendaftaran. Tindakan pembersihan data dapat mengurangkan tunggakan cukai tanah dengan membuat pembatalan akaun cukai tanah yang tidak aktif. Selain itu, pengemaskinian perbezaan data di antara kedua-dua modul tersebut akan menjadikan data di dalam Sistem e-Tanah lebih tepat.

(ii) Pentadbiran ini juga dari semasa ke semasa menerima dan memproses permohonan bagi pembayaran cukai tanah secara ansuran daripada tuan punya tanah yang berkaitan dan pertimbangan untuk kelulusan bagi permohonan tersebut telah diberi kuasa pada peringkat Pentadbir Tanah sahaja melalui Keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Tanah Negeri Bil. 17/2009 bertarikh 12 Mei 2009 (Perkara 3.2.3)

(iii) Pentadbiran ini juga akan meningkatkan tindakan penguatkuasaan melalui pengeluaran Notis Tuntutan Tunggakan Sewa (Borang 6A) selaras dengan peruntukan di bawah Seksyen 97 Kanun Tanah Negara 1965 bagi hak milik-hak milik yang mempunyai tunggakan cukai tanah.

(5) Jabatan Kebajikan Masyarakat telah mengambil beberapa tindakan untuk mengatasi kelemahan teguran audit tahun 2012 seperti berikut :

Bagi bayaran kepada penerima meninggal dunia, semakan JKM mendapati 41 kes penerima bantuan diambil oleh waris / penjaga. JKM mengambil tindakan segera menuntut balik bayaran telah dikeluarkan ke atas waris melalui lawatan rumah ke rumah dan kemukakan surat tuntutan bayaran balik bantuan kepada waris/penjaga.

Sehingga kini sebanyak 3 kes telah memulangkan dan 38 lagi masih belum mengembalikan. JKM akan terus mengeluarkan surat peringatan sehingga pihak waris memulangkan wang bantuan.

Garis Panduan Bantuan Am 2012 telah dikemaskini dengan meletakkan tanggungjawab kepada penerima bantuan iaitu :

(i) Kelulusan bantuan untuk tempoh satu tahun dan pemohon perlu membuat permohonan semula jika masih memerlukan bantuan.

(ii) Bayaran bantuan bulanan dalam tempoh 1-10 haribulan pada setiap bulan dan jika tidak dituntut akan di ‘refund’ oleh pihak bank dalam tempoh 21 hari.

(iii) Penggunaan Sistem ‘ALIS’ (Agency Link-up System) dengan Jabatan Pendaftaran Negara telah membantu mengesan kes penerima bantuan yang meninggal dunia untuk ditamatkan bantuan.

(6) Tindakan yang diambil oleh PDC bagi memantau syarikat miliknya adalah memastikan syarikat:-

(i) Mengambil tindakan pembetulan ke atas segala teguran audit dengan segera.
(ii) Menyemak semua aktiviti dan mengambil tindakan pembetulan sewajarnya.
(iii) Mempertingkatkan pemantauan dan tindakan susulan terhadap pelaksanaan setiap projek.
(iv) Mematuhi semua prosedur dan garis panduan yang ditetapkan.
(v) Mematuhi Kod Malaysia untuk Tadbir Urus Korporat.
(vi) Mematuhi prosedur perolehan dan pengurusan aset mengikut Amalan terbaik Syarikat.
(vii) Memberi latihan kepada pegawai terlibat.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd Zain bin Ahmad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

12. Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk mempromosikan tempat pelancongan seperti Kuala Muda Daerah Seberang Perai Utara, Pulau Aman Daerah Seberang Perai Selatan, Kelip-kelip Kampung Sanglang Daerah Seberang Perai Selatan dan berapakah jumlah peruntukan yang disediakan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi Tahun 2013?

Y.A.B. Ketua Menteri:

12. Antara langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk mempromosikan tempat pelancongan seperti Kuala Muda di SPU, Pulau Aman di SPS dan kelip-kelip di Kampung Sanglang, SPS adalah melalui penyelarasan bersama dengan MPSP untuk memasukkan kawasan-kawasan ini ke dalam brosur-brosur dan agenda lawatan.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd Zain bin Ahmad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

13. Apakah program-program yang akan dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi meningkatkan kualiti dan produktiviti hasil ladang dan pertanian di Negeri Pulau Pinang?

Y.A.B. Ketua Menteri:

13. Program-program yang dijalankan oleh Kerajaan Negeri bagi meningkatkan kualiti dan produktiviti hasil ladang/pertanian di Pulau Pinang adalah seperti berikut:-

(i) Skim Amalan Ladang Baik Malaysia (SALM)
(ii) Skim Organik Malaysia (SOM)
(iii) Projek Kawasan Tumpuan Pembangunan Pertanian (ACDA)
(iv) Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) Juru
(v) Pembangunan Kluster
(vi) Sistem Pembangunan Teknologi Pertanian (SPTP)
(vii) Insentif Pengeluaran

Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd Zain bin Ahmad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

14. Apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk mengatasi masalah banjir kilat ketika hujan lebat di kawasan DUN Penaga?

Y.A.B. Ketua Menteri:

14. Kebanyakan kawasan di DUN Penaga adalah pertanian dan belum dibangunkan sepenuhnya. Mengikut rekod, tiada masalah banjir kilat yang dilaporkan setakat ini bagi kawasan dibangunkan di DUN Penaga.Walau bagaimanapun, agensi yang bertanggungjawab iaitu Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) sentiasa menyelenggara sungai di kawasan tersebut secara berkala untuk mengatasi masalah banjir kilat ketika hujan lebat.

(XXI) Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr.T.Jayabalan a/l A.Thambyappa) Bertanya Kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Dalam tempoh masa lima (5)tahun, Pihak Berkuasa Tempatan telah menjalankan pelbagai projek untuk manfaat rakyat. Soalnya, sebelum sesuatu projek itu dijalankan, adakah pendapat orang awam terutama sekali penduduk setempat diambil kira melalui satu proses rundingan atau dialog?

Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Pihak Berkuasa Tempatan sememangnya mengamalkan proses mengadakan dialog, pameran serta memberi taklimat berkaitan bagi projek-projek utama yang dicadangkan terutamanya projek kemudahan awam. Hal ini adalah penting supaya pendapat dan kehendak orang awam diambil kira dalam projek berkaitan.

   MPPP telah mengadakan pameran dan rundingan awam bagi beberapa projek besar untuk mengumpul komen dan pendapat daripada orang awam tentang projek berkenaan contohnya seperti cadangan membina laluan khas basikal, SPICE, menaik taraf Pasar Chowrasta, cadangan menaik taraf kawasan Little India dan projek-projek pembaharuan bandar di Lebuh Campbell dan Gold Baazar.

   Sementara MPSP pula mengambil kira pandangan *stakeholders* melalui kaedah seperti berikut:-

   (i) Mengadakan Dialog Bajet pada 12 Mei 2012 dan 6 Julai 2013 untuk mendapat pandangan *stakeholders* mengenai keutamaan perbelanjaan dan projek-projek yang akan dijalankan pada tahun berikutnya.

   (ii) Mengadakan perbincangan dengan peniaga sebelum memulakan projek naik taraf Pasar Awam Sri Bandar diButterworth, Pasar Awam Taman Berjaya di Nibong Tebaldan Pasar Awam Sama Gagah di Permatang Pauh.

   (iii) Mengadakan rundingan dengan IKS Asas Murni untukpembinaan depot lori.

   (iv) Mengadakan perbincangan dengan JKKK dan Persatuan Peniaga bagi Projek Naik Taraf Pasar Awam Berapit, Pasar Awam Kampung Baru dan Gerai Makan Taman Jaya.

   (v) MPSP mengadakan dialog bersama penduduk untuk Projek Tebatan Banjir Sungai Rambai : Sistem Perparitan dan Rumah Pam Taman Makok – Pakej 3.

   Begitu juga bagi pembangunan di kawasan Bukit Bendera, Penang Botanic Garden dan Kawasan Prangin Canal berdekatan KOMTAR, Kerajaan Negeri telah mengadakan pameran dengan tujuan menjemput cadangan dan pandangan semua stakeholders termasuk penduduk setempat.

Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan a/l A. Thambyappa) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

2. (a) Sila nyatakan jumlah sekolah rendah yang mendapat separa pembiayaan dari Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang telah membuat permintaan tanah untuk membangunkan sekolah. Beri pecahan mengikut kategori sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC), Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) dan Sekolah Agama. Apakah tindakan Kerajaan Negeri terhadap permintaan ini?

   (b) Sila kemukakan informasi yang lengkap dari segi, tarikh, kawasan yang dipindah status dan semua maklumat yang berkaitan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Kebanyakan Sekolah Agama Rakyat dibina atas tanah wakaf MAINPP atau individu dan ditadbir oleh orang perseorangan atau Kementerian Pendidikan.

SAR /SMAR	AGAMA RAKYAT	AGAMA BANTUAN KERAJAAN	JUMLAH
Sekolah Rendah	7	1	8
Sekolah Menengah	6	11	17
JUMLAH	13	12	25

Secara umumnya, Kerajaan Negeri akan menimbangkan permohonan tanah untuk membina SAR, SJKC atau SJKT berdasarkan beberapa kriteria dan keperluan semasa.

Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan a/l A.Thambyappa) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

3. (a) Sila nyatakan jumlah bekas pekerja estet yang sudah tersisih yang berada di Negeri Pulau Pinang?

Apakah tindakan dan rancangan Kerajaan Negeri untuk menempatkan pekerja-pekerja tersebut semula pekerja tersebut.

(b) Adakah Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) merancang untuk mengusir bekas pekerja-pekerja estet dari rumah tradisional mereka untuk program pembangunan PDC. Jikalau ini berlaku, adakah PDC mempunyai rancangan pemindahan balik yang lebih baik? Jika tidak kenapa?

Y.A.B. Ketua Menteri:

3. (a) Pada dasarnya bagi Negeri Pulau Pinang tidak terdapat pekerja estet yang tersisih. Sebaliknya bekas pekerja estet menduduki tanah persendirian, apabila tanah tersebut dibangunkan pemilik tanah estet asal bertanggungjawab ke atas bekas pekerja mereka. Di bahagian Daerah Seberang Perai Selatan terdapat beberapa estet yang telah dimajukan seperti Ladang Simpang di Simpang Empat, Estet Batu Kawan, Estet Byram dan Estet Jawi.

(b) Di dalam kawasan pembangunan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) yang melibatkan Estet Batu Kawan terdapat seramai 60 bekas pekerja estet yang terlibat dan masih dalam proses penempatan semula. Status usaha penempatan semula PDC ke atas 60 pekerja estet yang terlibat adalah seperti dibawah:-

Berikut adalah status usaha penempatan semula PDC keatas 60 pekerja estet yang terlibat iaitu:-

Bilangan Penduduk di tapak	60
Penguni yang telah mengambil kunci rumah sewa secara sewabeli	8
Penguni yang akan ditawarkan unit secara sewabeli (peringkat 2)	11
Penguni yang akan ditawarkan unit kos rendah (peringkat 3)	2
Penguni yang memliki unit kediaman dan enggan pindah	29
Penguni yang menduduki secara tanpa izin/saudar apenghuni asal	10

Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan a/l A.Thambyappa) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

4. (a) Apakah status program penanaman semula dan baik pulih pokok-pokok yang telah diratakan di Bukit Relau? Plastik penutup biru yang digunakan sekarang ini tidak berkesan dan dengan keadaan hujan lebat, hakisan tanah semakin serius dan membahayakan orang awam.

(b) Apakah syarat-syarat Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) dan Jabatan Penguatkuasa Negeri Pulau Pinang contohnya Pejabat Perhutanan Negeri dan Jabatan Alam Sekitar yang dikemukakan kepada pemaju?

(c) Adakah pihak pemaju telah mengemukkan senarai rancangan baik pulih ke atas kerosakan ekosistem semula jadi dan hutan-hutan yang telah dilakukan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

4. (a) Kawasan yang telah diratakan di Bukit Relau akan di tanam semula selepas kerja mitigasi cerun dilaksanakan. Kaedah menutup tebing cerun dengan kepingan plastik / geotekstil adalah merupakan langkah sementara sebagai mitigasi bagi mengelakkan berlaku hakisan tanah apabila berlaku hujan. Pemaju telah diarah menggantikan kepingan-kepingan plastik /geotekstil apabila berlaku kerosakan kepada kepingan-kepingan tersebut.

Pemaju melalui jurutera perunding juga telah diarah mengemukakan Pelan Mitigasi Kerja Tanah kepada MPPP untuk kelulusan dengan menunjuk / memberi kaedah-kaedah membaik pulih kawasan itu secara kekal dan menanam rumput secara rapat.

(b) Pemilik tanah telah diminta untuk mematuhi syarat-syarat sepertimana disyorkan oleh Pakar Geoteknikal seperti berikut:-

(i) Membina beberapa kolam enapan dan tadahan di sepanjang masuk laluan ke tapak.

(ii) Memotong tebing cerun supaya lebih landai serta menutup cerun yang terdedah dengan tumbuhan.

(iii) Menyediakan parit tetangga di sepanjang masuk laluan untuk menyurai tenaga air larian permukaan serta memitigasi hakisan Tanah; dan

(iv) Menyediaka “Erosion and Sedimentation Control Plan (ESCP) dan rekabentuk pengukuhan cerun (Slope strengthening design) untuk memitigasi kejadian gelinciran tanah serta pencemaran akibat aliran lumpur di bahagian hiliran bukit.

(c) Pihak pemaju sudah mengemukakan cadangan pelan mitigasi untuk membaik pulih kerosakan ekosistem. Walau bagaimanapun, cadangan itu ditolak kerana tidak mematuhi syor-syor Pakar Geoteknikal.

Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan a/l A.Thambyappa) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

5. (a) Masalah keretapi terhenti di atas Bukit Bendera pada 18hb Oktober, 2013. Pihak TNB telah menafikan kegagalan kuasa elektrik. Apakah sebab-sebab lain Kereta Api terhenti? Difahamkan terdapat generator sampingan (backup) di Bukit Bendera, jika ada, kenapa tenaga dari generator tersebut tidak berfungsi?

(b) Kenapakah system bantuan (auxillary drive) tidak digunakan?

Adakah langkah-langkah keselamatan diumumkan lebih awal kepada para penumpang ketika menggunakan perkhidmatan tersebut?

Y.A.B. Ketua Menteri:

5. (a) Punca perkhidmatan Keretapi Bukit Bendera terhenti pada 18 Oktober 2013 adalah disebabkan terdapat masalah kualiti kuasa elektrik yang dibekalkan di mana voltan mengalami penyusutan dari kadar yang sepatutnya. Ianya berlaku begitu singkat iaitu dianggarkan kurang dari 1 minit tetapi sistem keretapi memerlukan bekalan kuasa yang beterusan di antara toleransi +/- 5 peratus. Manakala gelombang sinus mesti bersih dari lonjakan, mengendur, amplitud tertinggi pada masa yang singkat dan sekiranya berlaku, ianya perlulah tidak lebih dari satu kitaran lengkap. Dengan ini, disimpulkan bahawa masalah yang berlaku adalah disebabkan oleh gangguan bekalan kuasa ke sistem keretapi. Generator telah diaktifkan secara automatik dan berfungsi setelah mendapat isyarat penyusutan bekalan kuasa tetapi tidak melakukan pertukaran sistem menggunakan generator kerana bekalan kuasa dari TNB telah dibekalkan kembali dan keretapi berjalan kembali selama 3.5 minit serta mencapai kelajuan operasi 6 m/s dan berhenti semula disebabkan bekalan kuasa yang tidak stabil.

(b) Staf bilik kawalan telah memutuskan untuk menggunakan sistem bantuan (auxiliary drive) bagi menggerakkan keretapi setelah mendapati terdapat masalah bagi bekalan kuasa. Namun begitu, pemandu keretapi telah mengarahkan staf bilik kawalan untuk tidak menggerakkan sistem menggunakan sistem bantuan memandangkan terdapat beberapa penumpang keretapi telah membuka pintu secara paksa dan melompat keluar dari keretapi dan ianya melibatkan faktor keselamatan di mana menurut SOP bagi operasi keretapi, kereta api tidak dibenarkan beroperasi sekiranya terdapat penumpang berada di sekitar landasan. Langkah-langkah keselamatan telah dimaklumkan pada papan kenyataan yang dipamerkan pada ruang menunggu penumpang sebelum pelanggan berlepas ke stesen atas menggunakan keretapi.

Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan a/l A.Thambyappa) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

6. Penggorekan dan penambakkan Tanah yang berlaku di Persiaran Gurney mencetuskan pendapat yang berkontradiksi daripada dua pakar.

Seorang pakar menyatakan adalah berpunca dari fenomena Tsunami dan seorang pakar lagi mengatakan adalah di sebab penambakkan tanah di Tanjung Tokong.

(a) Apakah pendirian Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam hal ini? Adakah Kerajaan Negeri mempunyai rancangan untuk mendapatkan pandangan daripada jururunding bebas yang bertualiah?

Y.A.B. Ketua Menteri:

6. Tiada aktiviti pengorekan dan penambakkan Tanah di kawasan tersebut kerana di dalam Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang (RSNPP) 2020 telah memberi penekanan kepada isu penambakan dan tebus guna Tanah di mana hanya kawasan yang telah dikenal pasti di dalam RSNPP sahaja dibenarkan untuk ditebus guna. Melalui Dasar Spatial Utama (DSU) 8, L2-L4 juga menyatakan sebarang aktiviti tebus guna Tanah perlu mematuhi garis panduan-garis panduan yang telah ditetapkan iaitu Integrated Coastal Zone Management (ICZM), Integrated Shoreline Management Plan (IMP) yang disediakan oleh JPS dan kajian-kajian terperinci seperti EIA, hidrodinamik, hidrologi dan sebagainya yang perlu mendapat kelulusan dari Jawatankuasa Perancang Negeri.

Dalam hal ini, perkara yang sebenarnya berlaku adalah isu enapan/'sludge' di kawasan tersebut memandangkan ia terjadi disebabkan fenomena alam. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri akan mempertimbangkan untuk mengadakan satu Kajian Terperinci dan laporan berkenaan fenomena enapan/'sludge' yang terkumpul di Persiaran Gurney memandangkan enapan tersebut memberi kesan kepada kawasan persekitaran sehingga menyebabkan bau busuk di kawasan tersebut.

Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan a/l A.Thambyappa) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

7. Promosi Kempen Aktiviti Berbasikal.

Satu soal selidik yang dijalankan telah menunjukkan bahawa 78% daripada responden akan berbasikal ke komuter dengan syarat keselamatan mereka terjamin. Seperti penyediaan landasan yang mesra pengayuh basikal (dedicated) oleh Pihak Berkuasa Tempatan.

(a) Apakah langkah-langkah dan tindakan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinag untuk membolehkan para pengayuh menggunakan landasan basikal tanpa was-was.

Y.A.B. Ketua Menteri:

7. Kerajaan Negeri dan MPPP sedar bahawa satu strategi menyeluruh diperlukan untuk menambah baik sistem pengangkutan di Pulau Pinang. Peralihan daripada penggunaan kenderaan persendirian kepada pengangkutan awam dan mode pengangkutan lain perlu diberi keutamaan untuk menangani masalah kesesakan lalu lintas. Strategi ini adalah berpandukan kepada pewujudan satu sistem pengangkutan yang bersepadu (integrated) serta mampan (sustainable).

Aktiviti berbasikal adalah merupakan salah satu mode pengangkutan yang efisien, mesra alam, selain menjadi satu cara bersenam. Di Pulau Pinang, penggunaan basikal untuk aktiviti harian dan untuk bersenam sedang menjadi semakin popular. Bilangan penduduk yang berbasikal telah meningkat sejak beberapa tahun kebelakangan ini. Kerajaan Negeri juga memainkan peranan untuk menggalakkan penggunaan basikal selaras dengan seruan Cleaner, Greener, Healthier and Safer Penang. Halatuju Kerajaan Negeri dalam usaha ini perlu diperkukuhkan dengan polisi dan garis panduan penyediaan laluan dan kemudahan basikal.

Kerajaan Negeri menyedari bahawa laluan basikal secara berasingan perlu disediakan untuk semua jalan. Walau bagaimanapun, penyediaan laluan basikal secara berasingan untuk jalan-jalan di mana bilangan penunggang basikal adalah rendah mungkin tidak kos efektif dan merugikan ruang yang dapat disediakan untuk tujuan-tujuan lain terutama sekali di Pulau Pinang di mana terdapat banyak kekangan. Oleh yang demikian, kategori laluan basikal telah ditetapkan mengikut kelebaran rezab jalan seperti jadual di bawah.

BIL	KELEBARAN REZAB JALAN	KATEGORI LALUAN BASIKAL
1	40 kaki	Tidak diperlukan
2	50 kaki	3
3	66 kaki hingga 99 kaki	2
4	100 kaki dan ke atas	1

Dalam konteks pemajuan baru, syarat-syarat yang ditetapkan adalah :-

(i) Semua pemajuan baru disediakan dengan laluan basikal Kategori 1, 2 dan 3 mengikut kelebaran rezab jalan yang menghadapi pembangunan berkenaan. Pemajuan yang menghadapi jalan dengan kelebaran resab 40 kaki adalah dikecualikan daripada penyediaan laluan basikal.

(ii) Untuk pembangunan komersial, pusat-pusat membeli belah, tempat tumpuan pelancong, kawasan riadah, institusi-institusi pendidikan serta hub-hub dan terminal pengangkutan awam, petak dan rak untuk membolehkan basikal dikunci disediakan mengikut peratus yang ditetapkan untuk penyediaan petak motosikal iaitu tambahan 20% daripada petak letak motosikal disediakan untuk basikal.

(iii) Tempat mandi, bilik persalinan dan tempat menyimpan barangan disediakan untuk pembangunan komersial, pejabat dan institusi pendidikan yang meliputi luas lantai terbina (built-up floor area) melebihi 50,000 kaki persegi.

(iv) Papan tanda dan garisan jalan untuk laluan basikal diadakan mengikut piawaian yang diguna pakai oleh MPPP.

Laluan khas Basikal berkenaan adalah laluan khas untuk penunggang basikal dan berasingan dengan jalan raya. Laluan basikal berkenaan bermula dari kawasan Queensbay Mall dan tamat di Pusat Bandar George Town. Laluan basikal sepanjang 12.5 km ini akan dibina oleh MPPP dengan kerjasama agensi-agensi kerajaan lain dan 5 pemaju iaitu :-

(i) IJM Land Berhad,
(ii) Tropicana Ivory Sdn. Bhd.,
(iii) GSD Land (M) Sdn. Bhd.,
(iv) Ideal Gim Venture, dan
(v) Asia Green Group

MPPP akan membina 2.9km laluan basikal dan 9.6 km laluan basikal lagi akan dibina oleh pemaju.

Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan a/l A.Thambyappa) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

8. (a) Terdapat beberapa jalan yang dijadikan jalan sehala di Negeri Pulau Pinang seperti di kawasan Pulau Tikus. Apakah kesan terhadap pengguna bus awam apabila jalan sehala dilaksanakan? Adakah bilangan pengguna bas awam bertambah atau berkurangan?

(b) Tujuan utama jalan sehala adalah untuk mengurangkan masalah kesesakan lalu lintas. Jika pengguna bas awam telah berkurangan, ini bermakna usaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam menggalakkan orang ramai menggunakan system pengangkutan awam tidak berkesan. Adakah kajian dijalankan terlebih dahulu?

Y.A.B. Ketua Menteri:

8. (a) Selepas pelaksanaan sistem jalan sehala di kawasan Pulau Tikus, pihak Rapid Penang telah membuat penyelarasan semula laluan bas awam bagi memberi perkhidmatan terbaik kepada orang ramai yang menggunakan perkhidmatan bas.

Terdapat 6 laluan bas disediakan Rapid Penang yang melalui kawasan jalan sehala Pulau Tikus. Tiada kesan yang ketara terhadap pengguna-pengguna bas awam di kawasan Pulau Tikus. Pada awal pelaksanaan jalan sehala, terdapat sedikit pengurangan kadar penumpang. Ini kerana pengguna tidak biasa dengan laluan bas yang baru dan tempat menunggu yang berlainan. Bilangan penumpang kembali normal pada bulan September dan seterusnya secara purata mencatat sedikit peningkatan kerana ramai pengguna sudah mengetahui laluan bas yang baru dan lokasi perhentian baru untuk menunggu bas.

(b) Tujuan utama jalan sehala adalah meningkatkan kapasiti jalan seterusnya dapat mengurangkan masalah kesesakan jalan raya. Rapid Penang membuat kajian dari masa ke semasa untuk memantau sambutan laluan bas sebagai strategi pemasarannya. Pada masa kini, mengikut data dari pihak Rapid Penang, kadar penumpang amat

menggalakkan dan ada sesetengah laluan peningkatan dicatatkan setiap bulan. Kerajaan Negeri dan pihak Rapid Penang akan terus menjalankan promosi dan menambah baik perkhidmatan pengangkutan awam agar terus menjadi mod pengangkutan pilihan rakyat Pulau Pinang. Kajian awalan dan kebolehlaksanaan telah dijalankan oleh pihak MPPP dan Rapid Penang mengenai penyusunan traffic dan laluan bas yang baru sebelum pelaksanaan jalan sehala dijalankan.

Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan a/l A.Thambyappa) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

9. Masalah perumahan setinggan di Negeri Pulau Pinang.

Ada beberapa tempat di seluruh Negeri Pulau Pinang yang menghadapi masalah ini. Apakah tindakan Kerajaan Negeri dalam menempatkan mereka di rumah yang sepadan dengan bilangan ahli keluarga dan tidak jauh dari kawasan asal? sila kemukakan statistik jumlah bilangan keluarga?

Y.A.B. Ketua Menteri:

9. Terdapat empat daerah di Negeri Pulau Pinang yang mempunyai masalah setinggan iaitu Seberang Perai Utara, Seberang Perai Tengah, Seberang Perai Selatan dan Daerah Timur Laut. Manakala bagi statistik jumlah bilangan keluarga setinggan adalah seperti berikut:

Daerah	Bilangan Keluarga Setingan
Seberang Perai Utara	1709
Seberang Perai Tengah	116
Seberang Perai Selatan	765
Daerah Timur Laut	2157
Daerah Barat Daya	Tiada

Secara prinsipnya Kerajaan Negeri mengambil pendekatan secara berhemah bagi menyelesaikan isu penempatan setinggan yang terlibat dengan pelaksanaan projek-projek pembangunan Kerajaan Negeri. Antaranya melalui penawaran/penggantian dengan kediaman jenis Rumah Kos Rendah atau Kos Sederhana Rendah yang terletak berhampiran. Kerajaan Negeri turut mengambil kira faktor keluarga kembangan (extended family) yang diberi keutamaan untuk membeli rumah di skim-skim perumahan yang disediakan. Walau bagaimanapun isu penyelesaian masalah setinggan ini akan diputuskan oleh pihak Kerajaan mengikut kes.

Berkenaan projek swasta yang melibatkan setinggan, Kerajaan Negeri secara umumnya akan memerlukan pihak swasta mengatasi isu tersebut dengan mensyaratkannya dalam sijil mula kerja dan juga akan bertindak sebagai perantara untuk cuba menyelesaikan masalah tersebut.

Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan a/l A.Thambyappa) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

10. (a) Program Negeri Pulau Pinang Bebas daripada Asap Rokok.

Difahamkan bahawa program ini sedang dilancarkan di Negeri Pulau Pinang. Siapakah pakar-pakar perunding kesihatan yang dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan program tersebut? Apakah pengalaman mereka dalam mengendalikan program ini?

(b) Kenapakah pakar-pakar selidik yang pernah menjalankan program kajian tentang Kualiti Udara Dalaman tidak diundang untuk turut serta dalam program tersebut? Sedangkan pakar-pakar ini telah terlebih dahulu menjalankan kajian tentang Kualiti Udara Dalaman.

Y.A.B. Ketua Menteri:

10. (a) Program Pulau Pinang Bebas Asap Rokok atau PENBAR telah di mulakan di Pulau Pinang pada awal tahun 2012, Program bertujuan untuk melindungi orang awam di kawasan awam daripada kesan asap rokok pasif yang terbukti secara saintifik boleh menyebabkan pelbagai jenis penyakit. Program ini disarankan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia dan disokong oleh Kementerian Kesihatan Malaysia dan Mysihat (Lembaga Promosi Kesihatan Malaysia).

Inisiatif program di peringkat Negeri Pulau Pinang adalah di bawah seliaan Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang (Unit Kawalan Penyakit Tidak Berjangkit) yang diketuai oleh Pengarah Kesihatan Negeri Pulau Pinang dan Jawatankuasa Induk Program diketuai oleh EXCO Kesihatan Kerajaan Negeri. Program ini dijalankan berlandaskan garis panduan yang di sediakan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia dan Pertubuhan Kesihatan Sedunia. Pakar perunding yang terlibat terbahagi kepada daripada luar negara dan dalam negara. Luar Negara ialah dari unit Tobacco Control di WPRO, WHO Manila yang diketuai oleh Dr Susan Mercado dan SEATCA South East Asia Contol For Tobacco yang di wakili oleh Dr Dominlyz Lopez dari Davao Filipina.

Manakala Pakar Rujuk dari dalam Negara ialah seperti di bawah:

(1) KKM, Unit FCTC dan Kawalan Tembakau: Dr Aryana, Pakar Kesihatan Awam yang berpengalaman mengendalikan Projek Melaka Bebas Asap Rokok dan En Ooi Poh Keong PPKP K dari KKM yang berpengalaman dalam perundangan PPKHT(Peraturan kawalan hasil tembakau)

(2) JKN Pulau Pinang : Datuk Hj Lailanor b Ibrahim, Pengarah Kesihatan Negeri, Dr Noorlia bt Yahaya TPKN(KA) selaku penyelaras Jawatankuasa PENBAR, Dr Azizah Ab Manan, Pakar Kesihatan Awam dari Unit Kawalan Penyakit Tidak berjangkit, JKN Pulau Pinang yang telah menghadiri bengkel *smoke free initiative* di Manila, Davao dan Makati City Filipina. En Ideris , PKP K yang mengetuai unit Perundangan Kawalan Tembakau JKN PP.

(3) Hospital Pulau Pinang : Pakar Dada dan Pegawai Pendidikan Kesihatan HPP yang mengendalikan Klinik Berhenti Merokok

(4) GTWHI : En Hijass Muhamad dari GTWHI , yang telah menghadiri *smoke free initiative workshop* di Makati City.

(5) Mysihat: Pakar Pakar dari Mysihat yang memantau program inisiatif bebas asap rokok di Melaka, Johor dan Pulau Pinang. Berpengalaman dalam pelbagai bengkel *smoke free initiative* di beberapa negara ASEAN seperti Thailand, Vietnam, Filipina dan Cambodia.

(6) NGO yang bersangkutan seperti Persatuan Kanser Pulau Pinang dan MMA Pulau Pinang.

(7) Universiti : Prof Rahmat Awang dari USM yang mengendalikan *clearing house for tobacco control* dan urus setia ITC International *Tobacco Control Research,* Prof. Rashid dari PMC merupakan penyelidik untuk PENBAR dan Prof Madya Foong Kin dari USM yang mewakili SEATCA South East Asia For Tobacco Control yang juga penyelidik untuk PENBAR.

(b) Kerajaan tidak mengundang pakar-pakar berkaitan kerana Program ini juga telah melatih lebih ramai *stakeholders* yang berminat dan didedahkan mengenai peranan dan aktiviti yang boleh dimainkan oleh mereka demi memastikan program ini dapat laksanakan dengan jayanya. Kesan Perokok Pasif membunuh dan ia telah terbukti secara saintifik. Pelaksanaan PENBAR hendaklah secara menyeluruh dan berterusan demi melindungi rakyat Pulau Pinang daripada pelbagai penyakit terutamanya penyakit kanser dan jantung yang merupakan punca utama kematian di Pulau Pinang.

Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan a/l A.Thambyappa) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

11. (a) Masalah Penyewaan Rumah Kos Rendah Kepada Warga Asing.

Rumah kos rendah dibina untuk memenuhi keperluan golongan yang berpendapatan rendah.

Apakah tindakan Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam mengelakkan rumah-rumah tersebut diduduk oleh warga asing?

(b) Ada difahamkan beberapa rumah kos rendah dan sederhana rendah disalahgunakan sebagai pusat tuisyen, kedai salun, pusat urutan tradisional dan pusat homestay. Apakah tindakan Kerajaan Negeri dalam menangani masalah ini?

Y.A.B. Ketua Menteri:

11. (a) Tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang terhadap pemilik rumah kos rendah dan kos sederhana rendah yang telah menyewa kepada pekerja asing adalah seperti berikut:

(i) satu operasi telah dilakukan pada 8 September 2011 di Rumah Pangsa Taman Ampang Jajar oleh Jabatan Imigresen dengan memberi notis sebanyak 30 hari kepada pemilik unit yang menyewakan unit mereka kepada pekerja warganegara asing. Selepas tamat tempoh 30 hari tersebut, semakan semula mendapati bahawa pekerja-pekerja warganegara asing tersebut telah berpindah keluar dari unit-unit berkenaan.

(ii) Untuk kes rumah kos rendah swasta yang disewakan kepada pekerja warganegara asing termasuk Pangsapuri Sri Saujana, satu perbincangan telah diadakan di antara Y.B. EXCO Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan bersama Bahagian Perumahan PSUK pada bulan Oktober 2011 dengan pihak yang menyewakan rumah kos rendah kepada pekerja warganegara asing (agen yang menyewakan unit rumah tersebut) supaya mengawasi penyewa bagi memastikan mereka tidak menimbulkan masalah kekotoran dan kacau ganggu kepada penduduk sekitar. Perbincangan juga telah diadakan dengan pemaju yang menyewakan unit rumah (yang tidak dapat dijual akibat dari kurang sambutan pembeli kerana projek perumahan tersebut tidak menepati cita rasa bakal pembeli) kepada pekerja kilang supaya mengeluarkan segera penyewa tersebut dan Kerajaan Negeri membantu dari segi mempercepatkan penjualan rumah tersebut agar dibeli segera oleh pembeli untuk mengelakkan rumah tersebut dari rosak akibat vandalisme kerana kosong begitu lama.

(iii) Satu mesyuarat berkenaan masalah ini juga telah diadakan pada 10 Oktober 2011. Mesyuarat tersebut telah dipengerusikan oleh Y.B. EXCO Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan dan telah dihadiri oleh Y.B.-Y.B. ADUN, Pihak Berkuasa Tempatan, Federation of Malaysia Manufacturers (FMM), Real Estate and Housing Developers Association Malaysia (REHDA), Invest-in-Penang Berhad, Socio - Economic & Environment Research Institute (SERI), Jaringan Utara Migrasi dan Pelarian (JUMP), Penang Office for Human Development

(POHD) dan agensi-agensi swasta. Antara cadangan yang telah disyorkan oleh ahli mesyuarat adalah untuk membina asrama pekerja di kawasan-kawasan berdekatan kawasan perindustrian.

(iv) Pada 3 November 2011, Bahagian Perumahan PSUKPP telah mengeluarkan surat arahan kepada pemaju CMC Premier Planner Sdn. Bhd. untuk pihak mereka mengosongkan 55 unit rumah kos rendah yang telah disewakan kepada suatu syarikat yang dijadikan sebagai asrama untuk pekerja warganegara asing memandangkan Bahagian Perumahan PSUKPP telah menerima aduan daripada penduduk setempat berhubung masalah sosial dan ketenteraman.

(v) Pada tahun 2012, Bahagian Perumahan, PSUKPP telah mengeluarkan notis arahan kepada 21 pemilik unit rumah kos rendah/kos sederhana rendah di Halaman Kenanga untuk pihak mereka membatalkan penyewaan unit-unit mereka kepada pekerja-pekerja warganegara asing memandangkan Bahagian Perumahan PSUKPP telah menerima aduan daripada penduduk setempat berhubung masalah sosial dan ketenteraman.

(vi) Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Bil. 43/2012 bertarikh 23 November 2012 telah memutuskan supaya Bahagian Perumahan menyediakan Garis Panduan Dan Penguatkuasaan ke atas warganegara asing Yang Menduduki Rumah Kos Rendah Awam di Negeri Pulau Pinang yang kini masih dalam peringkat perangkaan.

(vii) Terkini berkenaan isu ini ialah satu perjumpaan telah diadakan bersama Y.B. Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan dan ADUN berkaitan untuk mengenal pasti unit-unit yang telah disewakan kepada warga asing. Setelah itu satu mesyuarat telah diadakan di antara Y.B. EXCO Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan dan wakil dari Jawatankuasa Peguam Negeri Pulau Pinang pada 22 Oktober 2013 bersama wakil rakyat yang berlatar belakangkan undang-undang untuk membincangkan terma notis yang dicadang untuk dikeluarkan kepada pemilik-pemilik unit yang telah melanggar syarat dengan memberi sewaan kepada warga asing. Draf notis tersebut telah pun siap dan setelah disahkan, tindakan akan diambil untuk menghantar notis tersebut kepada pemilik yang berkenaan.

(b) Bagi isu ini, memandangkan rumah kos rendah/kos sederhana rendah adalah sememang nya unit-unit perumahan, maka aktiviti perniagaan seharusnya tidak dibenarkan untuk dijalankan di unit-unit tersebut. Maka, Y.B. EXCO Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan bersama Bahagian Perumahan PSUK akan turut mengkaji sama ada notis seperti yang akan dihantar kepada unit-unit yang dihuni oleh warganegara asing juga boleh dihantar kepada unit-unit yang didapati menjalankan perniagaan tersebut.

Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan a/l A.Thambyappa) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

12. Masalah denggi yang tinggi berpunca daripada projek pembangunan yang tergendala dan lorong-lorong belakang yang dijadikan tempat pembuangan sisa-sisa bahan binaan dan barangan terpakai.

(a) Apakah tindakan pihak berkuasa dalam mengatasi masalah ini?

Y.A.B. Ketua Menteri:

12. Tindakan yang diambil oleh pihak berkuasa bagi mengatasi masalah ini adalah seperti berikut:-

(a) Menjalankan pemeriksaan pembiakan *Aedes* di kawasan berisiko dan memusnahkan tempat pembiakan *Aedes*;

(b) Menjalankan aktiviti Larviciding kawasan berisiko;

(c) Menjalankan aktiviti penguatkuasaan seperti pengeluaran notis pembersihan, kompaun dan penutupan tapak binaan ke atas pemaju-pemaju terlibat.;

(d) Menjalankan semburan kabus bagi membunuh nyamuk-nyamuk infektif;

(e) Meletakkan syarat di dalam pelan pembangunan supaya pasukan kawalan denggi ditubuhkan di tapak pembinaan bagi projek pembangunan baru;

(f) Menjalankan aktiviti gotong-royong dengan kerjasama Kementerian Kesihatan untuk membersihkan sampah yang dibuang merata-rata;

(g) Mengenakan caj deposit kebersihan sebanyak RM500 bagi kerja-kerja pembinaan. Deposit ini akan dikembalikan sekiranya kontraktor dapat membuktikan sisa binaan dilupuskan di tapak pelupusan yang ditentukan oleh Pihak Berkuasa Tempatan; dan

(h) Selain dari itu, di kawasan Seberang Perai, pihak MPSP menawarkan ganjaran sebanyak RM100.00 kepada *stakeholders* yang dapat memberi maklumat sehingga tertangkapnya pelaku yang membuang sampah di lokasi yang tidak dibenarkan.

Untuk projek pembangunan yang baru, Pihak Berkuasa Tempatan akan mensyaratkan supaya pasukan kawalan denggi ditubuhkan di tapak pembinaan oleh pemaju. Selain daripada itu, tong sampah *roro bin* juga disediakan di tapak untuk memastikan pelupusan sampah dan pembuangan sisa bahan binaan dibuang secara teratur.

Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan a/l A.Thambyappa) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

13. Masalah tempat letak kereta/tempat parkir.

Kebanyakan aduan yang diterima adalah mengenai masalah kekurangan kemudahan tempat letak kereta. Apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Pihak Berkuasa Tempatan dalam mewujudkan tempat letak kereta yang sejajar dengan pertambahan bilangan kenderaan seperti pembinaan tempat letak kereta pelbagai tingkat?

Y.A.B. Ketua Menteri:

13. Semasa proses permohonan kebenaran merancang di kawasan MPPP, pemohon perlu menyediakan tempat letak kereta secara fizikal mengikut garis panduan MPPP.

Semua pembangunan bertingkat perlu menyediakan tempat letak kereta secara fizikal di tapak sejajar dengan pembangunan yang dicadangkan. MPPP juga telah membuat kajian bagi menambah baik keperluan tempat letak kenderaan bagi pembangunan di Pulau Pinang di mana cadangan jumlah bilangan penyediaan ruang-ruang tempat letak kenderaan akan ditambah seperti berikut dan dijangka dapat dilaksanakan pada tahun hadapan :-

Jenis pembangunan	Keperluan Tempat Letak Kenderaan
Rumah Kos Rendah (LC)	1 unit kediaman : 1 ruang tempat letak kereta (TLK)
Rumah Sederhana Rendah (LMC)	1 unit kediaman : 1.5 ruang + 10% tempat letak kereta (TLK)
Rumah Pangsa	1 unit kediaman : 2 ruang pelawat tempat letak kereta (TLK)

Pembinaan bangunan yang baru juga telah disyaratkan untuk menyediakan petak letak kereta selain membayar sumbangan tempat letak kereta.

Jumlah petak dan Tempat Letak Kereta (TLK) di dalam kawasan pentadbiran MPPP ialah:

(i)	Tempat letak kereta Bertiket	8705 petak
(ii)	Tempat letak kereta Bermeter	2213 petak
(iii)	Tempat letak kereta Bertingkat Jalan Hatin	125 petak
(iv)	Tempat letak kereta Lebuh Union	273 petak
(v)	Tempat Letak kereta Bertingkat Lebuh Pantai	214 petak
	Jumlah Tempat letak kereta ialah	11530 petak

Pada masa kini, pihak MPSP tiada rancangan pembinaan tempat letak kereta bertingkat di mana-mana lokasi di Seberang Perai. Ini adalah kerana tempat letak kereta ini memerlukan kos pembinaan dan penyelenggaraan yang tinggi.

Penyediaan tempat letak kereta yang mencukupi berdasarkan Garis Panduan Perancangan disyaratkan kepada pemaju yang terlibat supaya tempat letak kereta yang mencukupi disediakan.

Selain itu, bagi menambah bilangan tempat letak kereta, MPSP telah melaksanakan aliran lalu lintas sehala di lokasi tumpuan dan kawasan perniagaan. Bilangan tempat letak kereta secara tidak langsung dapat ditambah dengan menjadikan kiri dan kanan bahu jalan tersebut sebagai tempat letak kereta.

(XXII) Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Nyatakan dengan teliti dasar dan garis panduan Perancangan Bandar dan Desa Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk memastikan penghijauan bandar diberi tumpuan dalam pembangunan bandar? Selain dasar dan garis panduan yang berkaitan dengan penghijauan bandar, sila berikan contoh kawasan yang telah ataupun akan dijadikan lebih hijau hasil daripada dasar-dasar dan garis panduan tersebut.

Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Kerajaan Negeri telah menerima pakai beberapa garis panduan perancangan bandar yang berkaitan dengan penghijauan kawasan pembangunan. Garis panduan disediakan oleh JPBD Semenanjung Malaysia yang merangkumi penghijauan kawasan kediaman, perdagangan dan industri. Garis panduan tersebut adalah seperti berikut:

   (i) Piawaian Perancangan Dan Pembangunan Taman Atas Bumbung

   (ii) Garispanduan Perancangan Dan Pembangunan Kawasan Perdagangan

   (iii) Garis panduan Perancangan Dan Pembangunan Kawasan Perindustrian

   (iv) Garis panduan Perancangan Dan Pembangunan Pemeliharaan Topografi Semulajadi Dalam Perancangan Dan pembangunan Fizikal Mengikut Akta Perancangan Bandar Dan Desa 1978 (Akta 172)

   (v) Garis panduan Perancangan Kawasan Tanah Lapang Dan Rekreasi

   (vi) Garis panduan Perancangan Dan Pembangunan Sejagat Edisi 1

   (vii) Garis panduan Perancangan Dan Pembangunan Sejagat Edisi 2

   (viii) Garis panduan Perancangan Kawasan Rizab Sungai Sebagai Sebahagian Tanah Lapang

Kesemua garis panduan yang disenaraikan di atas menitikberatkan kepentingan pemeliharaan alam sekitar dalam bentuk menyediakan kawasan lapang hijau, penanaman pokok-pokok teduhan di bahu-bahu jalan dan juga pemeliharaan topografi semula jadi. Garis-garis panduan ini diguna pakai oleh Pihak-pihak Berkuasa Perancang tempatan (PBPT) sebagai asas pertimbangan di dalam memberi ulasan terhadap sesuatu permohonan kebenaran merancang berkaitan dengan cadangan penghijauan kawasan pembangunan. PBPT biasanya akan mengenakan syarat kepada pemaju supaya menanam pokok-pokok teduhan di kawasan-kawasan lapang yang disediakan dan juga di bahu-bahu jalan.

Garis panduan terkini berkaitan pembangunan hijau yang di terima pakai oleh Kerajaan Negeri ialah Garis Panduan Perancangan Kejiranan Hijau. Garis panduan ini juga diterbitkan oleh JPBD Semenanjung Malaysia pada tahun 2011. Garis panduan ini disediakan dengan tujuan untuk menggalakkan pembangunan kejiranan hijau yang berupaya mewujudkan kualiti persekitaran hidup yang berkualiti dan komuniti yang berdayahuni serta mampan. Garis panduan ini telah menekankan keutamaan mengelak membangun kawasan sensitif alam sekitar, mewujudkan jaringan hijau yang diliputi oleh pelbagai elemen alam semula jadi dan buatan manusia (spt kebun komuniti, kawasan lapang, taman atas bumbung dan tanaman di sepanjang jalan - contoh : The Light). Selain daripada garis panduan di atas, Akta Perancang Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) telah memberi kuasa kepada PBPT berkenaan aktiviti memelihara pokok. Seksyen 35A, Akta 172, memperuntukan mana-mana pokok-pokok yang mempunyai lilitan 0.8 meter dan lebih tidak boleh ditebang kecuali dalam keadaan tertentu dengan izin PBPT. Dengan penguatkuasaan Seksyen 35A ini, gejala penebangan pokok secara sesuka hati untuk sesuatu pembangunan dapat dibendung. Dengan itu pemusnahan terhadap kehijauan sesuatu kawasan yang disumbangkan oleh pokok-pokok dapat dikurangkan.

Bagi penghijauan di dalam kawasan bandar, pihak MPPP telah menanam pokok-pokok hiasan serta pokok-pokok renek di pembahagi jalan di Jalan Dato' Keramat dan Jalan Weld Quey. Di samping itu, GTWHI juga memainkan peranan di dalam penghijauan semula jadi kawasan bandar khususnya bandaraya George Town. Projek yang telah siap dilaksanakan ialah penghijauan Lebuh Carnavon pada tahun 2011. Lima buah projek lagi sedang dalam perancangan iaitu Projek Penghijauan Lebuh Acheh, Lebuh Armenian, Taman Lebuh Pantai, Jalan Masjid Kapitan Keling dan Lebuh Pantai.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Nyatakan dengan teliti dasar dan garis panduan Unit Perancangan Bandar bagi Pihak Berkuasa Tempatan bagi memastikan penghijauan bandar diberi tumpuan dalam pembangunan bandar? Selain dasar dan garis panduan yang berkaitan dengan penghijauan bandar, sila berikan contoh kawasan yang telah ataupun akan dijadikan lebih hijau hasil daripada dasar-dasar dan garis panduan tersebut.

Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Dasar dan garis panduan yang digunapakai di kawasan MPPP adalah seperti berikut:

Dasar yang digunakan di dalam perancangan bandar oleh Pihak Berkuasa Tempatan ialah :

(i) Dasar Landskap Negara 2011

(ii) Saranan / Slogan Kerajaan Negeri Pulau Pinang, "Cleaner, Greener, Safer & Healthier Penang"

Manakala Garis Panduan yang diguna pakai Pulau terdiri dari

(i) Pelan Induk Landskap MPPP 2006

(ii) Garis Panduan Jabatan Landskap Negara Julai 1995

(iii) Garis Panduan Jabatan Landskap Negara Edisi 2 tahun 2001

Senarai kawasan penghijauan bandar yang telah dilaksanakan ialah:

Penanaman pokok di bahu jalan awam seperti di Pengkalan Weld, Lebuh Carnavon, Jalan Dato' Keramat dan jalan Penang.

Di samping itu penanaman pokok di bulatan telah dilakukan di Bulatan Persiaran Gurney, Bulatan Udini dan Bulatan Ayer Itam.

Manakala di kawasan MPSP pula, Dasar dan Garis Panduan bagi memastikan penghijauan bandar diberi tumpuan dalam pembangunan bandar adalah melalui perlaksanan dasar Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang 2020 yang diwartakan pada 28 Jun 2007 dan Garis Panduan Perancangan Tanah Lapang dan Rekreasi MPSP yang diluluskan oleh Jawatankuasa Perancang Negeri pada 2 Ogos 2013. Selain daripada itu Garis Panduan Eco – City sedang disediakan dengan kerjasama PDC.

Contoh kawasan yang akan dijadikan lebih hijau hasil daripada dasar-dasar dan garis panduan tersebut adalah pembangunan di Batu Kawan.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Adakah aspek kehijauan sesuatu bangunan/pemajuan dibri pertimbangan sebelum kelulusan daripada Pihak Berkuasa Tempatan? Sila huraikan proses pertimbangan dan pemantauan Pihak Berkuasa Tempatan bermula dari pertama kali pemaju atau individu menghantar konsep pembangunan untuk kelulusan sehingga bangunan/pemajuan tersebut sedia didiami/digunakan. Dalam huraian ini, jelaskan setiap masa di mana kehijauan diberi keutamaan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Pada masa kini, MPPP menggalakkan pemaju untuk menggunakan Green Building Index (GBI) dalam reka bentuk bangunan yang dicadangkan.

Kelulusan kebenaran merancang oleh MPPP adalah tertakluk kepada syarat-syarat pematuhan kehendak jabatan teknikal dalaman dan luaran MPPP untuk dipatuhi di peringkat Pelan Bangunan Pelan Kerja Tanah dan Pelan Landskap.

Aspek kehijauan yang disyaratkan dalam kebenaran merancang adalah untuk penanaman pokok di bahu jalan, kawasan lapang / kawasan rekreasi. Pemohon perlu mematuhi semua syarat-syarat tersebut sebelum CCC dikeluarkan.

Aspek Penghijauan sesuatu pemajuan adalah diberi pertimbangan sebelum diberi kelulusan oleh PBT.

Proses pertimbangan kelulusan penghijauan / pelan landskap oleh PBT melalui Mesyuarat Pusat Setempat (OSC) :-

(i) Proses permohonan kelulusan Pelan landskap

(ii) Tempoh masa proses pelan sehingga kelulusan diberi adalah 80 hari

(iii) Di bawah carta alir permohonan pelan landskap melalui OSC

(iv) Selepas kelulusan pelan landskap diperolehi masa kerja-kerja landskap penghijauan di tapak boleh dimulakan

(v) PBT akan pantau semasa pemasangan *Root Barrier & tree grating* (syarat ini telah dimasukkan dalam surat kelulusan pelan landskap)

(vi) Selepas siap kerja landskap, PBT akan membuat pemeriksaan setelah pemohon menghantar Permohonan Sijil Kerja Landskap

(vii) PBT akan pastikan kerja landskap di tapak selaras dengan pelan landskap yang diluluskan oleh OSC

(viii) Tempoh masa proses siap kerja landskap adalah 2 minggu

Manakala di MPSP, aspek kehijauan sesuatu bangunan / pemajuan dipertimbangkan mengikut dasar sedia ada sebelum kelulusan bangunan / pemajuan diberikan. Proses pertimbangan dan pemantauan aspek kehijauan di dalam proses pemajuan / bangunan adalah seperti berikut :

(i) Permohonan kebenaran merancang setiap pembangunan disyaratkan menyediakan tidak kurang daripada 10% tapak untuk dijadikan kawasan lapang. Kehijauan diberi keutamaan dengan mensyaratkan tanaman pokok-pokok yang sesuai. Pemantauan dan pematuhan dibuat oleh Principal Submitting Person (PSP) / MPSP sebelum CCC / OC dikeluarkan.

(ii) MPSP mensyaratkan bagi semua pembangunan atau pemajuan baru sama ada industri, komersial atau perumahan untuk mengemukakan Pelan Landskap yang lengkap bagi tujuan kelulusan seperti mana yang dinyatakan di dalam permohonan kebenaran merancang. Kehijauan diberi keutamaan dengan mementingkan jajaran hijau (penanaman pokok teduhan) hendaklah disediakan secara berterusan oleh pemaju melalui syarat-syarat penanaman pokok-pokok teduhan di kawasan perumahan, perindustrian, jalan-jalan utama, kawasan tanah lapang, tanah awam dan sebagainya. Pemantauan kepatuhan dibuat oleh PSP dan MPSP sebelum CCC atau OC dikeluarkan.

(iii) MPSP juga menggalakkan pemaju untuk mengaplikasikan konsep *Green Building* pada bangunan yang dibina. Kehijauan diberi keutamaan dengan menggalakkan pemaju mereka bentuk bangunan mengikut enam (6) kriteria iaitu :

(a) Kecekapan Tenaga (Energy Efficiency)
(b) Kualiti Udara Dalaman (Indoor Environmental Quality)
(c) Pengurusan dan Perancangan tapak mampan (Sustainable site planning and management)
(d) Sumber dan Bahan (Materials and Resources)
(e) Kecekapan Air (Water Efficiency)
(f) Inovasi (Inovation)

Pemantauan pematuhan dibuat oleh PSP dan MPSP sebelum CCC atau OC dikeluarkan.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

4. Pokok dan tumbuhan di laluan pejalan kaki akan menyerap kepanasan suhu yang menyediakan tempat berteduh dan menambah keselesaan terutamanya bagi pengguna bas. Namun, selain pokok yang sudah lama, tidak banyak tanaman baru di bahu jalan. Apakah rancangan dan garis panduan Jabatan Kerja Raya bagi memastikan bahu jalan raya selesa dan praktikal bagi pejalan kaki?

Y.A.B. Ketua Menteri:

4. Jabatan Kerja Raya (JKR) tidak ada garis panduan dalam penanaman pokok/tumbuhan di bahu jalan. Pembinaan laluan pejalan kaki yang dibina oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) adalah mengikut reka bentuk yang selamat dan selesa kepada pengguna. Walau bagaimanapun, tanaman jenis pokok yang sesuai perlu ditanam adalah dibawah bidang kuasa Pihak Berkuasa Tempatan

MPPP sedang giat menghijaukan kawasan di bawah pentadbiran MPPP dengan penanaman pokok-pokok teduhan di bahu-bahu jalan dan pembahagi jalan. Usaha ini akan diteruskan dari masa ke semasa.

Statistik penanaman pokok oleh MPPP:

TAHUN	BILANGAN POKOK YANG DITANAM
2009	565
2010	164
2011	311
2012	702
2012	222

Dasar yang diguna pakai :-

(1) Dasar Landskap Negara 2011

(2) Saranan/slogan Kerajaan Negeri Pulau Pinang *Cleaner Greener Safer & Healthier Penang*

(3) Akta 172 Jabatan Perancang Bandar Dan Desa

Garis panduan yang diguna pakai :-

(1) Pelan Induk Landskap MPPP 2006

(2) Garis panduan Jabatan Landskap Negara Julai 1995

(3) Garis panduan Jabatan Landskap Negara Edisi 2 tahun 2001

Di Seberang Perai, secara dasarnya bagi memastikan keselesaan pejalan kaki MPSP mensyaratkan penanaman pokok teduhan di laluan pejalan kaki ataupun bahu jalan dikenakan ke atas semua pembangunan baru melalui Permohonan Kelulusan Pelan Landskap seperti mana yang dinyatakan dalam Permohonan Kebenaran Merancang (PKM).

Bagi memastikan bahu jalan raya yang selesa dan praktikal kepada pejalan kaki MPSP mengguna pakai garis panduan / rancangan seperti berikut:-

(i) Rezab landskap yang meliputi kawasan siarkaki dan kawasan penanaman perlu disediakan dikedua-dua belah jalan mengikut kelebaran jalan. Rizab landskap bagi pinggir jalan mestilah berukuran minimum 6m lebar dan bagi pembahagi jalan mestilah minimum 2m lebar mengikut hierarki jalan.

(ii) Ruang penanaman minimum 2m lebar perlu disediakan bagi menghadang pemandangan tidak menarik seperti tempat membuang sampah atau kawasan setinggan.

(iii) Penanaman pokok-pokok teduhan di kawasan-kawasan ini adalah bergantung kepada kesesuaian saiz ruang penanaman / kawasan hijau yang disediakan oleh pihak pemaju. Sekiranya ruang penanaman yang disediakan kurang dari 600mm, hanya rumput sahaja yang akan ditanam.

(iv) Landskap di kawasan jalan diperkuatkan dengan kombinasi elemen landskap kejur seperti perabot jalan, papan tanda, siarkaki dan lain-lain.

(v) Konflik pejalan kaki dengan kenderaan perlu diminimakan dengan cara pembinaan kerb, penggunaan bollard dan penggunaan 'pavement'/ pokok renek untuk membezakan laluan.

(vi) Bagi rizab landskap kelebaran yang melebihi 6m, penanaman lebih daripada satu barisan tanaman boleh diwujudkan.

(vii) Jarak penanaman pokok dari kerb di bahu jalan ialah minimum 1m.

(viii) Penanaman pokok di persimpangan jalan perlu mengambil kira jarak penglihatan pemandu.

(ix) Penanaman pokok di bulatan jalan atau di kepulauan trafik (traffic island) perlu mengambil kira garisan pemandangan dan keselamatan pemandu.

Rancangan masa hadapan MPSP bagi memastikan bahu jalanraya yang selesa dan praktikal bagi pejalan kaki adalah seperti berikut:

(i) Pokok hendaklah ditanam diluar garisan talian elektrik dan telefon bagi menggelakkan gangguan talian dan penyelenggaraan dahan pokok.

(ii) Penanaman pokok hendaklah mengambil kira kedudukan utiliti lain seperti tiang lampu, parit, papan tanda dan perangkap sampah (sumps). Rizab utiliti perlu disediakan dikedua-dua belah jalan. Adalah dicadangkan talian elektrik dan pembentungan dikhaskan disebelah bahu jalan manakala telefon dan bekalan air di sebelah bahu jalan yang lain. Talian-talian ini hendaklah ditanam.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

5. (a) Senaraikan mengikut tahun dari tahun 2005 hingga 2013, bilangan pokok baru yang ditanam di bahu jalan raya oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) iaitu di luar kawasan Majlis Perbandaran.

(b) Bagi tempoh yang sama, berapakah projek pembinaan baru atau pembinaan semula laluan pejalan kaki JKR? Berapakah kos dan panjang laluan pejalan kaki yang telah dibina dan dibina semula.

Y.A.B. Ketua Menteri:

5. (1) Pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) tidak menjalankan kerja-kerja menanam pokok di bahu Jalan Persekutuan kerana ianya di luar skop tugas pihak JKR.

(2) Bilangan projek laluan pejalan kaki baru dan pembinaan semula laluan pejalan kaki sedia ada termasuk panjang laluan serta kosnya adalah seperti di bawah:-

Data Panjang Projek Laluan Pejalan Kaki Yang Telah Dilaksanakan Oleh Pihak Jabatan Kerja Raya dan Kos Yang Terlibat Mulai Tahun 2011 Hingga 2013

JKR Daerah Timur Laut

TAHUN	PANJANG LALUAN PEJALAN KAKI (m)	KOS (RM)
2011	5,660	RM1,105,532.52
2012	6,660	RM1,184,864.95
2013	5,440	RM1,032,600.00
JUMLAH		**RM3,322,997.47**
JKR Daerah Barat Daya		
TAHUN	**PANJANG LALUAN PEJALAN KAKI (m)**	**KOS (RM)**
2011	2,400	RM383,659.72
2012	9,200	RM1,332,259.56
2013	12,050	RM1,551,326.88
	JUMLAH	RM3,267,246.16
JKR Seberang Perai Utara		

JKR Seberang Perai Tengah

TAHUN	PANJANG LALUAN PEJALAN KAKI (m)	KOS (RM)
2011	500	RM100,000.00
2012	1,000	RM240,000.00
2013	1,800	RM500,000.00
JUMLAH		**RM840,000.00**

JKR Seberang Perai Selatan

TAHUN	PANJANG LALUAN PEJALAN KAKI (m)	KOS (RM)
2011	1,000	RM105,000.00
2012	-	-
2013	2,000	RM210,000.00
JUMLAH		**RM315,000.00**

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

6. (a) Sila jelaskan dengan teliti visi dan strategi Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk menggalakkan keusahawanan di Negeri Pulau Pinang.

(b) Terdapat banyak persatuan-persatuan usahawan atau yang berkaitan dengan keusahawanan di Negeri Pulau Pinang. Sila senaraikan persatuan-persatuan yang pernah bekerjasama atau menerima sumbangan daripada Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Y.A.B. Ketua Menteri:

6. (a) Visi Kerajaan Negeri ialah untuk menggalakkan dan membantu mewujudkan usahawan berkualiti, mewujudkan dan menyebarkan peluang-peluang perniagaan, merancang, menyelaras dan mempromosikan produk dan perkhidmatan usahawan serta melaksanakan program-program keusahawanan bersama dengan agensi-agensi kerajaan dan persatuan-persatuan usahawan.

Bagi mencapai matlamat ini, Kerajaan Negeri telah melaksanakan strategi-strategi seperti berikut:

(i) Latihan dan bimbingan diberikan kepada usahawan-usahawan;

(ii) Mewujudkan peluang-peluang perniagaan melalui kerjasama dengan Perbadanan Nasional Berhad dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK);

(iii) Menyediakan skim pinjaman kepada peniaga-peniaga kecil melalui Program Titian Saksama Rakyat (PTSR);

(iv) Menyediakan premis-premis perniagaan;

(v) Mewujudkan jaringan perniagaan serta membantu usahawan-usahawan mempromosikan produk mereka melalui penyertaan di dalam ekspo dan pameran keusahawanan sama ada di dalam negeri ataupun di peringkat Asia Tenggara melalui IMT-GT;

(b) Setakat ini hanya Persatuan Penggiat Spa Pulau Pinang(PenSPA)sahaja yang pernah bekerjasama dengan Kerajaan Negeri.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

7. Sila jelaskan dengan teliti visi dan strategi Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam bidang Sains dan Teknologi. Apakah bidang-bidang yang diberi tumpuan? Sila jelaskan bagaimana bidang-bidang ini dikenal pasti untuk diberi tumpuan dan apakah strategi-strategi untuk mendorong dan memantapkan bidang-bidang ini?

Y.A.B. Ketua Menteri:

7. Visi dan strategi kerajaan dalam bidang sains dan teknologi adalah selaras dengan prinsip untuk memperkasakan rakyat Pulau Pinang dengan kepakaran, ilmu pengetahuan dan pendidikan. Kerajaan Negeri telah mengambil inisiatif untuk mewujudkan Majlis Sains Pulau Pinang atau Penang Science Council (PSC) pada Januari 2010.

Berteraskan objektif utama untuk muncul sebagai pusat kecemerlangan sains dan teknologi, misi PSC adalah untuk menarik dan menggalakkan lebih ramai kanak-kanak dan remaja bergiat dengan lebih kreatif dan inovatif di dalam bidang sains dan teknologi tempatan. Ahli PSC termasuk syarikat multinasional dan ahli akademik dari Universiti Sains Malaysia, Universiti Terbuka Wawasan, Universiti Tunku Abdul Rahman dan Inti International University. Kerajaan Negeri hanya memainkan peranan yang amat minima di dalam perancangan dan pelaksanaan program-program yang bakal dijalankan dan PSC dipandu sepenuhnya oleh pihak industri berdasarkan kepada 5 teras yang telah digariskan berdasarkan bidang kepakaran masing-masing seperti berikut:-

(a) Pendidikan dan pembelajaran yang mapan untuk menghidupkan kembali minat dan kecenderungan generasi muda dan pelajar terhadap sains dan teknologi melalui bual bicara dengan usahawan yang telah menempa nama, pertandingan, kuiz dan pameran di Pulau Pinang. Teras ini diketuai oleh MOTOROLA TECHNOLOGY SDN BHD.

(b) Melatih usahawan saintifik muda melalui bimbingan, peluang dan sokongan kewangan untuk mengkomersialkan idea dan ciptaan mereka dan teras ini diketuai oleh MINI CIRCUIT TECHNOLOGIES (MALAYSIA) SDN BHD.

(c) Pengasuhan melalui pengwujudan Pusat Sains Teknologi untuk mempamerkan kejayaan Negeri Pulau Pinang dalam bidang penciptaan dan inovasi selama 35 tahun tempoh perindustrian bertujuan menggalakkan penciptaan dan inovasi baru. Teras ini diketuai oleh MALAYSIAN AMERICAN ELECTRONIC INDUSTRY.

(d) Inovasi dan penyelidikan untuk meneruskan kesinambungan kelebihan daya saing sumber manusia di Pulau Pinang; Keupayaan Pulau Pinang sebagai sebuah pusat penyumberan luar, rantaian bekalan yang baik dan kemudahan penyelidikan dan inovasi termasuk pembiayaan untuk menggalakkan idea kreatif dan penciptaan baru dan diketuai oleh INTEL MALAYSIA SDN BHD.

(e) Sains hayat dan kesihatan perubatan bertujuan memupuk generasi muda untuk meminati bidang sains hayat dan menggalakkan sifat ingin tahu terhadap industri teknologi tinggi yang berpotensi di Pulau Pinang. Teras ini diketuai oleh B BRAUN SDN BHD.

Demi meningkatkan usaha untuk memperkasakan Pulau Pinang sebagai Pusat Cemerlang Sains dan Teknologi, Majlis Sains Negeri Pulau Pinang sedang berusaha membangunkan Penang Tech Centre di Dewan Tunku (Geodesic Dome), KOMTAR yang bermatlamat mewujudkan penyertaan rakyat dalam bidang sains dan teknologi serta penglibatan sektor industri dan perusahaan swasta. Penang Tech Centre telah berada di peringkat akhir perancangan dan akan direalisasikan tidak lama lagi.

Matlamat jangka panjang MSPP ialah untuk membangunkan Pulau Pinang sebagai pusat kecermelangan dalam bidang sains dan teknologi bagi menjadikan Pulau Pinang sebagai pusat ilmu ekonomi bertaraf antarabangsa.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

8. Selain daripada peranan sekolah dalam pendidikan pembangunan minda dan dan bakat golongan muda, aktiviti-aktiviti dan dasar pihak Kerajaan Negeri juga boleh memupuk bakat dalam masyarakat. Sila jelaskan dengan teliti visi dan strategi Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi meningkatkan tahap pendidikan dan bakat masyarakat serta memberi imbuhan kepada sistem pendidikan di Negeri Pulau Pinang?

Y.A.B. Ketua Menteri:

8. Visi dan strategi Kerajaan Negeri memastikan penglibatan masyarakat dalam semua peringkat pendidikan melalui Majlis Pendidikan Negeri Pulau Pinang (MPNPP) yang ditubuhkan oleh Kerajaan Negeri. MPNPP adalah untuk merealisasikan konsep “Pendidikan untuk Semua” yang tidak menindas sesiapa dari segi pendidikan tanpa sebarang sebab. Majlis ini memainkan peranan untuk melaksanakan inisiatif dan program dengan kerjasama pihak kerajaan, swasta, kumpulan akademik, institusi pendidikan dan badan bukan kerajaan dengan tujuan untuk menutup jurang yang berlaku dalam sistem pendidikan serta memainkan peranaan sebagai pelengkap kepada sistem pendidikan sedia ada. MPNPP menjalankan pelbagai program dan inisiatif demi pembangunan pendidikan yang efektif di Pulau Pinang, walaupun sebahagian daripada program-program ini adalah program *one-off.*

Selain itu, Kerajaan mempromosikan pendidikan awal kanak-kanak, pendidikan kanak-kanak istimewa, kaunseling atas talian dan kreatif, kesenian dalam pendidikan dan menjalankan program yang memperkasakan pendidikan serta berunsur kesedaran agar dapat mencapai visi pembelajaran sepanjang hayat secara tak formal. Pembelajaran adalah suatu proses jangka hayat yang berterusan. MPNPP berusaha untuk mempertingkatkan dan memperkembangkan proses pembelajaran secara kreatif agar proses pembelajaran adalah suatu yang ceria (menyeronokkan) dan memupuk minat dalam meneruskan proses pembelajaran dalam hidup mereka. Program dan inisiatif yang dijalankan menerima pakai elemen pembelajaran utama iaitu pendengaran, pembacaan, pertuturan dan penulisan serta pembelajaran secara kreatif menggunakan kaedah-kaedah seperti seni lukisan, muzik, permainan, permainan-watak dan penceritaan sebagai mencapai objektif pembelajaran. Kanak-kanak diberi peluang untuk menemui potensi sebenar mereka dan mencetuskan kreativiti yang terpendam serta membina pemikiran secara kreatif dan ketahanan emosi serta berkomunikasi secara efektif. Pembelajaran secara kreatif seperti penceritaan, permainan-watak dan sebagainya memberi impak yang positif terhadap perkembangan bahasa, emosi intelek dan sahsiah kanak-kanak.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

9. (a) Sila senaraikan bilangan pekerja mahir di Negeri Pulau Pinang mengikut jenis kemahiran, jenis kerja, tahap kemahiran, pendidikan dan tahap gaji.

(b) Apakah rekod keperluan sumber manusia Negeri Pulau Pinang dari tahun 2010 hingga 2013?

(c) Apakah jenis, bilangan dan perubahan sumber manusia yang dijangka diperlukan di Negeri Pulau Pinang dari tahun 2013 hingga 2020?

Y.A.B. Ketua Menteri:

9. (a) Berdasarkan Laporan Tenaga Buruh Malaysia 2012, jumlah penduduk bekerja di Pulau Pinang adalah seramai 770 ribu orang. Bilangan mengikut jenis kemahiran/kerja adalah seperti berikut:-

	Jenis Kemahiran	Jumlah
(i)	Pengurus	52,000
(ii)	Profesional	73,000
(iii)	Juruteknik dan professional bersekutu	100,100
(iv)	Pekerja sokongan perkeranian	77,700
(v)	Pekerja perkhidmatan dan jualan	157,900
(vii)	Pekerja mahir pertanian perhutanan dan perikanan	17,200
(viii)	Pekerja kemahiran dan pekerja pertukangan yang berkaitan	84,800
(ix)	Operator loji dan mesin serta pemasangan	133,900
(x)	Pekerjaan asas	73,000

Bilangan penduduk bekerja di Pulau Pinang mengikut taraf pencapaian pendidikan adalah seperti berikut:-

	Taraf Pendidikan	Jumlah
(i)	Teritiari	207,700
(ii)	Menengah	452,300
(iii)	Rendah	102,000
(iv)	Tiada pendidikan rasmi	8,400

Namun, perangkaan bilangan pekerja mengikut tahap gaji tidak dapat diberikan kerana tiada perangkaan berkaitannya.

Berdasarkan Statistik Perburuhan dan Sumber Manusia 2012, jumlah kekosongan pekerjaan di Pulau Pinang sejak tahun 2010 adalah seperti berikut:

Tahun	Jumlah Kekosongan
2010	135,433
2011	171,897
2012	122,351

Menurut Penang Industrial Survey 2011, untuk tahun 2014, di kalangan 309 firma yang memerlukan pekerja baru, dijangka seramai 26,281 tambahan pekerja diperlukan. Permintaan untuk pekerja dari jurutera adalah tinggi berbanding dengan kategori lain iaitu 17%. Ini tidak termasuk projek baru dan pengembangan.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

10. (a) Sila senaraikan lokasi dan semua jenis kemudahan sukan bukan swasta seperti stadium, gelanggang bola keranjang, gelanggang badminton dan kolam renang yang sedia ada di seluruh Negeri Pulau Pinang. Sila sertakan peta yang menunjukkan distribusi kemudahan-kemudahan ini.

(b) Sila berikan senarai kesemua persatuan-persatuan sukan yang terdapat di Negeri Pulau Pinang.

Y.A.B. Ketua Menteri:

10. (a) Senarai kemudahan sukan sedia ada ada di seluruh negeri dan peta menunjukkan taburan mengikut kawasan Parlimen adalah seperti di lampiran A.

(b) Senarai persatuan-persatuan sukan di bawah Majlis Sukan Negeri (MSNPP) adalah seperti berikut:-

(1) Persekutuan Karate Negeri Pulau Pinang
(2) Persekutuan Persatuan Wushu, Tarian Singa & Naga Pulau Pinang
(3) Persatuan Bola Jaring Pulau Pinang
(4) Persatuan Sofbol Pulau Pinang
(5) Persatuan Berbasikal Pulau Pinang
(6) Persatuan Lawan Tenis Pulau Pinang
(7) Persatuan Ping Pong Pulau Pinang
(8) Persatuan Tinju Amatur Pulau Pinang
(9) Persatuan Hoki Pulau Pinang
(10) Persatuan Bola Keranjang Pulau Pinang
(11) Persatuan Olahraga Amatur Pulau Pinang
(12) Persatuan Renang Amatur Pulau Pinang
(13) Persatuan Badminton Pulau Pinang
(14) Persatuan Sepak Takraw Pulau Pinang
(15) Persatuan Gimnastik Amatur Pulau Pinang
(16) Persatuan Angkat Berat Pulau Pinang
(17) Persatuan Judo Pulau Pinang
(18) Persatuan Kriket Pulau Pinang
(19) Persatuan Bola Sepak Pulau Pinang
(20) Persatuan Skuasy Pulau Pinang
(21) Persatuan Catur Pulau Pinang
(22) Persatuan Taekwando Pulau Pinang
(23) Persatuan Ragbi Pulau Pinang
(24) Persatuan Golf Pulau Pinang
(25) Persatuan Billiard & Snooker Pulau Pinang
(26) Persatuan Lawan Bowls Pulau Pinang

(27) Persatuan Perahu Layar Pulau Pinang
(28) Persatuan Bina Badan Pulau Pinang
(29) Persatuan Bola Tampar Pulau Pinang
(30) Persatuan Tenpin Boling Pulau Pinang
(31) Persatuan Kabaddi Pulau Pinang
(32) Persatuan Petanque Pulau Pinang
(33) Persatuan Lawan Pedang Pulau Pinang
(34) Persatuan Silambam Pulau Pinang
(35) Persatuan Ekuestrian Pulau Pinang
(36) Persatuan Woodball Pulau Pinang
(37) Persatuan Muay Thai Pulau Pinang
(38) Persatuan Athlit Veteran Pulau Pinang
(39) Majlis Silat Negeri Pulau Pinang
(40) Kelab Menembak Pulau Pinang
(41) Kelab Sukan Bermotor Pulau Pinang

Lihat Folder Lampiran Soalan No. 10 (ID484 - BYSH)

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

11. Apakah jenis, bilangan dan jumlah pendapatan dalam sektor agrikultur mengikut daerah? Nyatakan dengan teliti visi dan strategi Kerajaan Negeri bagi agrikultur di Negeri Pulau Pinang?

Y.A.B. Ketua Menteri:

11. Pendapatan sektor agrikultur mengikut daerah adalah seperti di bawah:-

Sektor Pertanian

Visi Kerajaan Negeri dalam sektor agrikultur adalah ke arah mewujudkan industri yang berdaya saing, penghasilan produk berkualiti, dan pengeluaran produk mesra alam serta berorientasikan eksport.

Strategi Kerajaan Negeri bagi sektor agrikultur adalah seperti berikut:-

(i) Meningkatkan pengeluaran Sub Sektor Makanan selaras dengan sasaran untuk mengurangkan import makanan

(ii) Menggalakkan aktiviti penternakan secara komersial dan terancang yang mengamalkan teknologi tinggi untuk meningkatkan sumber bekalan

(iii) Menggalakkan perusahaan Sarang Burung Walit di lokasi yang telah dikenal pasti oleh PBT

(iv) Memajukan industri akuakultur sebagai sumber ekonomi penduduk

(v) Membangun dan memajukan Industri Ikan Hiasan di Negeri Pulau Pinang

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

12. Jabatan Perikanan telah mengumumkan penguatkuasaan saiz lubang jaring yang digunakan oleh nelayan iaitu lubang jaring mesti lebih daripada 38mm. Apakah peranan Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam membantu nelayan-nelayan yang mungkin terjejas pendapatannya? Di samping itu, apakah strategi Kerajaan Negeri bagi memastikan sumber ikan akan berkekalan (sustainable) iaitu untuk mencegah pemupusan spesis ikan yang semakin berkurangan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

12. Penguatkuasaan saiz mata pukat 38mm di bahagian keroncong (kandol) Pukat Tunda adalah tertakluk kepada seksyen 8(b) syarat-syarat lesen Pukat Tunda di bawah Akta Perikanan 1985. Syarat ini sepatutnya dilaksanakan pada tahun 80-an lagi, tetapi ditangguhkan sehingga 1 November 2013 disebabkan oleh masalah teknikal. Statistik pendaratan ikan mendapati bahawa, tidak banyak penurunan pada hasil tangkapan ikan komersial tetapi hasil tangkapan ikan baja menunjukkan penurunan sebanyak 25%-50%. Maka, tindakan penguatkuasaan syarat ini adalah tepat untuk menjamin dan menjaga sumber perikanan pada masa akan datang. Selain daripada itu, bagi menjamin sumber perikanan di perairan Pulau Pinang berkekalan dan bertambah, 3 tapak tukun tiruan dirancang untuk dibina di Perairan Pulau Aman, Sungai Chenaam dan Penaga hasil perbincangan dengan nelayan tempatan.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

13. Sila senaraikan bilangan Orang Kurang Upaya (OKU) di Negeri Pulau Pinang mengikut umur dan jenis kekurangan upaya.

    (a) Berapakah jumlah OKU telah dilahirkan setiap tahun dari tahun 2000 hingga 2013?

    (b) Berapakah OKU yang masuk sekolah dari tahun 2007 hingga 2013 dan apakah jenis kekurangan upaya mereka?

Y.A.B. Ketua Menteri:

13. Bilangan OKU di Negeri Pulau Pinang yang telah berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat sehingga Oktober 2013 sebanyak 28,353 orang. Maklumat terperinci bilangan OKU mengikut kategori ketidakupayaan dan umur adalah seperti jadual di bawah.

    Jabatan Kebajikan Masyarakat bertanggungjawab menjalankan pendaftaran OKU secara sukarela. Tujuan pendaftaran OKU untuk mengetahui:

    (1) bilangan sebenar OKU;

    (2) kategori ketidakupayaan OKU;

    (3) kedudukan dan mobiliti OKU;

    (4) merancang program pembangunan dan latihan OKU.

STATISTIK PENDAFTARAN ORANG KURANG UPAYA
SEHINGGA BULAN OKTOBER TAHUN 2013 NEGERI PULAU PINANG

BIL	KATEGORI KETIDAKUPAYAAN	BILANGAN OKUBERDAFTAR		JUMLAH
		LELAKI	PEREMPUAN	
1	PENGLIHATAN	1718	1040	2758
2	PENDENGARAN	2072	1531	3603
3	PERTUTURAN	35	23	58
4	FIZIKAL	6682	4415	11097
5	MASALAH PEMBELAJARAN	5129	3501	8630
6	MENTAL	633	431	1064
7	PELBAGAI	707	436	1143
JUMLAH		16976	11377	28353
JUMLAH KESELURUHAN		28	353	

KATEGORI PENGLIHATAN(BL) Kumpulan Umur	L	P
Kurang dari 6 tahun	72	47
7 - 12 tahun	142	86
13 - 18 tahun	134	95
19 - 21 tahun	148	68
22 - 35 tahun	290	175
36 - 45 tahun	292	167
46 - 59 tahun	371	234
60 tahun ke atas	269	168
JUMLAH	1718	1040
JUMLAH KESELURUHAN	2758	

KATEGORI PENDENGARAN (DE) Kumpulan Umur	L	P
Kurang dari 6 tahun		81
7 - 12 tahun	199	149
13 - 18 tahun	207	144
19 - 21 tahun	137	168
22 - 35 tahun	453	309
36 - 45 tahun	283	213
46 - 59 tahun	372	289
60 tahun ke atas	291	178
JUMLAH	2072	1531
JUMLAH KESELURUHAN	3603	

KATEGORI ORANG KURANG UPAYA MENGIKUT PECAHAN UMUR DAN JENIS KETIDAKUPAYAAN KATEGORI FIZIKAL (PH) Kumpulan Umur	L	P
Kurang dari 6 tahun	357	278
7 - 12 tahun	492	309
13 - 18 tahun	443	448
19 - 21 tahun	607	414
22 - 35 tahun	1097	772
36 - 45 tahun	1608	779
46 - 59 tahun	1243	835
60 tahun ke atas	835	580
JUMLAH	6682	4415
JUMLAH KESELURUHAN	11097	

KATEGORI MASALAH PEMBELAJARAN(LD) Kumpulan Umur	L	P
Kurang dari 6 tahun	741	380
7 - 12 tahun	1215	828
13 - 18 tahun	879	533
19 - 21 tahun	511	387
22 - 35 tahun	678	496
36 - 45 tahun	504	447
46 - 59 tahun	359	282
60 tahun ke atas	242	148
JUMLAH	5129	3501
JUMLAH KESELURUHAN	8630	

KATEGORI PERTUTURAN(SD) Kumpulan Umur	L	P
Kurang dari 6 tahun	3	3
7 - 12 tahun	5	7
13 - 18 tahun	1	2
19 - 21 tahun	0	1
22 - 35 tahun	9	3
36 - 45 tahun	4	2
46 - 59 tahun	8	4
60 tahun ke atas	5	1
JUMLAH	35	23
JUMLAH KESELURUHAN	58	

KATEGORI MENTAL(ME) Kumpulan Umur	L	P
Kurang dari 6 tahun	2	0
7 - 12 tahun	6	4
13 - 18 tahun	10	3
19 - 21 tahun	13	9
22 - 35 tahun	162	88
36 - 45 tahun	207	129
46 - 59 tahun	204	162
60 tahun ke atas	29	36
JUMLAH	633	431
JUMLAH KESELURUHAN	1064	

KATEGORI PELBAGAI(MD) Kumpulan Umur	L	P
Kurang dari 6 tahun	110	64
7 - 12 tahun	74	46
13 - 18 tahun	81	45
19 - 21 tahun	73	39
22 - 35 tahun	111	68
36 - 45 tahun	87	72
46 - 59 tahun	107	78
60 tahun ke atas	64	24
JUMLAH	707	436
JUMLAH KESELURUHAN	1143	

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

14. Nyatakan dengan teliti dasar Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk meningkatkan peluang pekerjaan Orang Kurang Upaya (OKU)?

Y.A.B. Ketua Menteri:

14. Kerajaan Negeri melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat tidak mempunyai maklumat berhubung perkara tersebut kerana dasar berkaitan peluang pekerjaan OKU di sektor awam merupakan bidang kuasa JPA dan galakan pekerjaan di sektor swasta terletak di bawah bidang kuasa Jabatan Tenaga Kerja (JTK), Kementerian Sumber Manusia.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

15. Nyatakan dengan teliti dasar dan strategi Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk mendorong kerjaya golongan wanita muda profesional?

Y.A.B. Ketua Menteri:

15. Kerajaan Negeri pada masa ini mempunyai 2 dasar bagi mendorong kerjaya golongan wanita muda profesional iaitu:

    (i) Dasar Jagaan Kanak-Kanak Pulau Pinang dan Pelan Tindakan

    (ii) Penggubalan Cadangan Dasar Gender dan Pelan Tindakan (2014-2018)

    Dasar Jagaan Kanak-Kanak Pulau Pinang dan Pelan Tindakan pula diterima pakai pada 1 Mac 2013 oleh Kerajaan Negeri untuk mempromosikan hak sejagat dan akses kepada jagaan kanak-kanak yang berpatutan, selamat dan berkualiti. Penyediaan jagaan kanak-kanak yang lebih baik akan membantu meningkatkan ekonomi Pulau Pinang dengan membolehkan peningkatan penyertaan wanita dalam tenaga kerja dan menggalakkan keseimbangan yang sihat antara pekerja dan kehidupan berkeluarga sebagai sebahagian daripada program Kerajaan Negeri untuk pembangunan yang holistik dan lestari.

    Dalam Dasar Gender dan Pelan Tindakan (2014-2018), beberapa tindakan akan dikenal pasti untuk jangka pendek dan sederhana untuk golongan wanita profesional muda seperti meningkatkan sokongan kredit dan kemahiran pembangunan perniagaan bagi usahawan wanita. Dalam mendorong usaha bahawa golongan wanita dan lelaki diberikan peluang dan akses yang sama rata dan kedua-dua golongan ini mesti diberi keadaan yang terbaik untuk membangun dan membina potensi mereka sepenuhnya. Selaras juga dengan Penang Paradigm yang disediakan

oleh Penang Institute, antara strategi-strategi yang telah dicadangkan bagi belia adalah penyediaan pusat-pusat belia, dan program-program untuk memupuk etika dan moral yang akan mengurangkan pengangguran, dan menggalakkan pemerkasaan diri.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

16. Pembangunan ekonomi Negeri Pulau Pinang memerlukan penggalakkan ekonomi berdasarkan pengetahuan. Keperluan ekonomi ini merangkumi kesediaan tempat kerja (office space) di kawasan bandar. Adakah keperluan ekonomi berdasarkan pengetahuan diberi tumpuan dalam Perancangan Bandar? Huraikan proses penyelarasan Perancangan Bandar dan Desa dengan keperluan ekonomi berdasarkan pengetahuan dan agensi-agensi kerajaan seperti Penang Development Corporation (PDC)dan investPenang.

Y.A.B. Ketua Menteri:

16. Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang (RSNPP 2020) telah menggariskan beberapa strategi ke arah pelaksanaan K-Ekonomi ini. Antara caranya ialah memperlengkapkan kawasan perindustrian sedia ada dengan kemudahan infrastruktur Information And Communications technology (ICT) bagi memacu pembangunan K-Ekonomi. Pada awal tahun 2000, kajian mendapati Negeri Pulau Pinang mempunyai lebihan kawasan perindustrian seluas 1,068.2 hektar yang telah dikenal pasti masih belum dimajukan (tanah kosong) dengan sepenuhnya. Senario ini berubah apabila Penang Cyber City (PCC) diperkenalkan dan penumpuan kepada industri berasaskan ICT ditekankan. Kekurangan tanah perindustrian terutamanya di bahagian Pulau telah menyebabkan peluang pelaburan mengalir ke kawasan Perindustrian Kulim dan Sungai Petani walaupun masih terdapat kawasan perindustrian kosong di Seberang Perai seperti Batu Kawan, Bukit Minyak, dan kawasan perindustrian Valdor. Keadaan ini berlaku kerana lokasi kawasan perindustrian sedia ada yang tidak bersesuaian serta kemudahan infrastruktur yang tidak lengkap. Oleh yang demikian, perancangan untuk menyediakan kawasan prindustrian yang lengkap dengan prasarana infrastruktur dan ICT dipertingkatkan. Di samping itu, juga cadangan PCC 2 di Bertam, PCC 3 di Batu Kawan dan PCC 4 di Sri Ampangan dijangka akan meningkatkan nilai tambah penawaran kawasan prindustrian di Seberang Perai. Terlaksananya projek Jambatan Kedua yang menghubungkan Batu Kawan dan Batu Maung dijangka akan meningkatkan lagi potensi kawasan-kawasan perindustrian di Seberang Perai.

Langkah seterusnya ialah meningkatkan tenaga kerja yang mahir dan berpengetahuan. Secara amnya, Negeri Pulau Pinang masih menghadapi kekurangan tenaga kerja mahir dan berpengetahuan untuk memacu pembangunan K-Ekonomi. Penghasilan lebih banyak tenaga mahir di dalam bidang teknikal dan kejuruteraan adalah amat diperlukan. Ketidaksesuaian kursus yang ditawarkan serta kemahiran yang tidak setanding dengan keperluan sektor perindustrian sering menjadi isu utama. Untuk memastikan Negeri Pulau Pinang komited dan kompetetif di dalam peralihan K-Ekonomi, pembangunan sumber manusia menjadi agenda utama di dalam mencapai matlamat negeri maju. Pusat-pusat pengajian digesa untuk menawarkan kursus-kursus yang memenuhi keperluan ekonomi negeri. Kerjasama di antara pihak institusi pengajian dan pihak industri perlu diadakan supaya latihan praktikal dapat dijalankan di samping penyesuaian kurikulum pelajaran mengikut keperluan industri.

Kerajaan Negeri melalui Invest Penang telah bekerjasama dengan Penang Development Corporation dalam merancang dan menyediakan kemudahan bangunan pejabat kepada pelabur-pelabur baru dan sedia ada yang terlibat di dalam ekonomi berasaskan pengetahuan. Sebagai contoh, beberapa lokasi telah dikenal pasti untuk dibangunkan sebagai Penang Business Process Outsourcing (BPO) Hub. Lokasi ini bakal menawarkan kemudahan ruang pejabat (office space) Gred A untuk di sewa di samping menyediakan kemudahan pembangunan pangsapuri dan bangunan komersil bagi menyokong sektor perkhidmatan ini. Projek Penang BPO Hub ini dilancarkan bertujuan untuk memenuhi keperluan ruang pejabat yang semakin meningkat. Contohnya banggunan pejabat berstatuskan MSC Cybercentre One Precinct di Bayan Baru telah di sewa sepenuhnya.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

17. Nyatakan dengan teliti dasar dan garis panduan Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi mencegah hakisan tanah *landslide* di cerun bukit? Memandangkan beberapa kes *landslide* dan bantahan pemotongan bukit (hill cutting) baru-baru ini, adakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang berpuashati bahawa garis panduan dan pemantauan adalah memadai dan bagaimanakah ianya boleh dipertingkatkan lagi?

Y.A.B. Ketua Menteri:

17. Garis panduan *Safety Guideline for Hillsite Development* 2012 merupakan garis panduan yang disediakan oleh JPBD bersama dengan Pihak Berkuasa Tempatan. Garis panduan ini disediakan untuk mengawal aspek keselamatan dan penyelenggaraan dalam aktiviti pembangunan di kawasan lereng bukit di Negeri Pulau Pinang. Dalam garis panduan ini, kawasan plinth bagi kecerunan kelas 3 & 4 dikurangkan sebanyak 5% bagi kelas 3 dan 20% bagi kelas 4 dalam usaha Kerajaan Negeri meningkatkan keselamatan kecerunan dan memelihara kawasan bukit.

Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang (RSNPP) memperuntukkan supaya kawasan yang berada di aras 250 kaki dan ke atas dikekalkan sebagai kawasan berbukit/kawasan alam semula jadi di bawah Akta Pemeliharaan Tanah 1960. DK3 L2 RSNPP 2020 juga menyatakan bahawa pembangunan perumahan, perhotelan, perdagangan dan pertanian tidak dibenarkan bagi kawasan tanah yang berada pada paras melebihi 250 kaki atau melebihi 25 darjah kecerunan. Pembangunan terhad bagi projek istimewa bagi kawasan melebihi 250 kaki perlu mendapat kelulusan EIA dan Jawatankuasa Perancang Negeri.

Di samping *Safety Guideline for Hillsite Development* 2012 pemaju perlu mematuhi, Garis Panduan Pembangunan Di Kawasan Tanah Tinggi 2008, Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang 2020, Land Conservation Act 1960, Garis Panduan Pembangunan Di Kawasan Tanah Tinggi oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar 2002 dan sebagainya.

Bahagian Geoteknikal, Jabatan Kejuruteraan, MPPP pada masa ini dianggotai oleh dua orang Jurutera, tiga orang Penolong Jurutera dan 3 orang Juruteknik. Bahagian ini akan dibantu oleh seorang Pakar Geoteknikal bersama 6 orang Jurutera yang mempunyai pengalaman dalam bidang Geoteknikal. Manakala dua jawatan Jurutera bertaraf kontrak juga akan dilantik pada tahun 2014 untuk mengukuhkan lagi organisasi dan fungsi Bahagian berkenaan.

Selain daripada itu, dua Jawatankuasa telah ditubuhkan yang dianggotai oleh pakar- pakar yang berpengalaman iaitu :-

(i) Jawatankuasa *Hillsite Development Planning Review* untuk mengkaji semula polisi-polisi sedia ada berkaitan pembangunan tanah bukit bagi menambah baik keselamatan cerun dan mewujudkan alam sekitar yang lebih mampan.

(ii) Jawatankuasa Penasihat Teknikal bagi memastikan cadangan pembangunan baru mematuhi Penang *Safety Guidelines For Hillsite Development* 2012, melatih dan memantapkan kakitangan Bahagian Geoteknikal, Jabatan Kejuruteraan, MPPP dalam menyediakan kerja-kerja harian di samping memajukan strategi dan perancangan untuk meningkatkan pengurusan yang mampan.

Berhubung timbulnya kes tanah runtuh dan bantahan pemotongan bukit baru-baru ini pasukan kajian bagi Kajian semula Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang 2020 (RSNPP) yang bermula sejak tahun ini sedang menilai semula keperluan untuk mengubah atau mengekalkan had pembangunan bagi kawasan lereng bukit melebihi 250 kaki ataupun berkecerunan kelas 3 atau 4.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

18. Senaraikan semua projek perumahan di Kawasan Dewan Undangan Negeri Pulau Tikus yang belum mendapat hakmilik strata (Strata Title). Nyatakan masalah yang dihadapi bagi setiap projek dan bagaimana masalah ini boleh diatasi.

Y.A.B. Ketua Menteri:

18. (1) Terdapat 2 skim perumahan di dalam kawasan DUN Pulau Tikus yang masih belum mengemukakan permohonan untuk pengeluaran hak milik strata. Skim berkenaan adalah di Jadual.

(2) Faktor yang menyumbang kepada kelewatan permohonan hak milik strata telah dikenal pasti iaitu:-

(i) Tuan tanah dan/atau pemaju telah digulungkan dan juga terlibat dengan pembubaran syarikat. (Kes Insolvensi)

(ii) Terdapat juga kes di mana terdapat pindaan pada pelan bangunan di peringkat pertimbangan oleh PBT.

(3) Bagi kes pemaju yang telah digulungkan, Jabatan Insolvensi akan mengambil alih tanggungjawab ke atas hartanah berkenaan, termasuklah persediaan untuk permohonan hak milik strata. Jabatan Insolvensi, atas kapasitinya boleh melantik syarikat lain untuk mengambil tanggungjawab berkenaan.

JADUAL

Bil	Nama Skim	Tuan Tanah/Pemaju	OC/Aduan	Status	Tindakan	Jenis	DUN
1.	Axist Complex, Lot 2589, Sek 1, Bandar George Town.	Omnivest Sdn. Bhd.	9.9.1993	Kes Insolvensi. Terdapat tunggakan cukai tanah ke atas lot tersebut.	Cukai tanah perlu diselesaikan terlebih dahulu. Dalam pemantauan pihak PTG.	Ruang komersial 81 unit.	Pulau Tikus
2.	Premier Centre, Lot 2099, Sek 4, Bandar George Town.	Syarikat Galianbina Sdn. Bhd.	26.1.2000	Terdapat pindaan pelan bangunan yag menunggu kelulusan PBT. Dalam proses mengemukakan permohonan hakmilik strata.	Permohonan hakmilik strata akan dibuat selepas mendapat kelulusan pindaan pelan bangunan daripada PBT. Dalam pemantauan pihak PTG.	Ruang komersial 48 unit.	Pulau Tikus

(XXIII) Ahli Kawasan Bayan Lepas (YB. Nordin bin Ahmad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

1. (a) Berapa peratuskah Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan memperuntukkan kepada orang Melayu berhubung pembinaan projek rumah murah yang akan dibangunkan di atas tanah, di hadapan pejabat Puspakom Telok Kumbar?

(b) Adakah keutamaan akan diberikan kepada pemohon di kawasan Balik Pulau ?.

Y.A.B. Ketua Menteri:

1. (a) Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang 2020 (RSNPP 2020) yang diwarta pada 28 Jun 2007 digunakan sebagai asas Pengurusan dan Perlaksanaan oleh Bahagian Perumahan bagi tujuan pengagihan Rumah Kos Rendah dan Kos Sederhana Rendah di Negeri Pulau Pinang iaitu seperti berikut:

Rumah Kos Rendah		
Melayu	-	50%
Cina & Lain-lain	-	35%
India	-	15%
Rumah Kos Sederhana Rendah		
Melayu	-	30%
Cina & Lain-lain	-	55%
India	-	15%

Sehubungan itu dasar ini adalah terpakai bagi semua projek termasuk projek yang dibangunkan di Telok Kumbar.

(b) Kerajaan Negeri memberi keutamaan kepada pemohon di kawasan Balik Pulau kerana Jawatankuasa Pembersihan dan Peningkatan Mutu Proses Pemilihan Perumahan (JPPPPP)/ Selection Process Enhancement Committees (SPECS), telah menetapkan salah satu kriteria yang diambil kira oleh jawatankuasa ialah kawasan geografi pemohon di mana pemohon akan dipilih berdasarkan daerah tempat tinggal dengan tapak projek.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (YB. Nordin bin Ahmad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Apakah langkah-langkah penyelesaian yang akan dan telah diambil oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi mengatasi masalah banjir di negeri ini ?

Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Punca berlakunya banjir kilat adalah disebabkan hujan yang lebat dan berpanjangan, aktiviti pembangunan yang berleluasan tanpa kawalan dan sistem perparitan yang tidak efisien. Terdapat dua kaedah yang dipraktikkan oleh Kerajaan Negeri bagi mengatasi atau mengurangkan risiko kejadian banjir kilat ini iaitu:

(a) Penyelesaian Secara Struktur

Penyelesaian secara struktur melibatkan komponen pembinaan kejuruteraan seperti rumah pam, *barrage,* ban, pengukuhan tebing, mendalam dan melebarkan sungai, pembinaan kolam takungan, empangan dan juga pelancongan sungai.

(b) Penyelesaian Secara Bukan Struktur

Penyelesaian secara bukan struktur melibatkan pelbagai agensi yang berkaitan seperti kempen Cleaner Greener Penang, program gotong royong bersama JKKK tempatan, penyediaan kajian-kajian dan reka bentuk terperinci bagi sesuatu lokasi yang mengalami masalah banjir, Sistem Ramalan Awal Banjir, Stesen Siren, Public Info Banjir dan Penempatan Semula Penduduk seperti di RTB Sungai Pinang Fasa I dan II.

Masalah banjir kilat memang tidak dapat diselesaikan sepenuhnya. Projek-projek tebatan banjir yang dijalankan oleh Kerajaan Negeri adalah bertujuan untuk menguruskan masalah banjir supaya impak banjir dapat dikurangkan kepada tahap yang minimum. Selama ini, JPS, MPPP, MPSP dan JKR memang memainkan peranan masing-masing untuk menjalankan projek tebatan banjir bagi mengurangkan impak banjir yang melanda negeri ini.

Sesetengah kawasan di bawah pentadbiran MPPP masih menghadapi masalah banjir kilat yang perlu diuruskan. Masalah banjir kilat adalah berpunca daripada beberapa sebab seperti kecurahan hujan (rainfall) yang tinggi (lebih 60mm), kapasiti parit yang tidak mencukupi, kawasan rendah dan kesan air pasang. Di antara lokasi-lokasi *hotspot* yang telah dikenal pasti menghadapi masalah banjir kilat adalah seperti di Lampiran A.

Lampiran Soalan No. 2 (ID507 – BNA)

Masalah banjir kilat memang tidak dapat diatasi sepenuhnya, walau bagaimanapun, MPPP memang berusaha untuk menjalankan projek-projek mitigasi banjir untuk mengurangkan impak masalah banjir kilat dalam kawasan bandar. Di antara projek-projek tebatan banjir yang telah dirancang untuk mengurangkan masalah banjir kilat dalam kawasan hotspot adalah seperti di bawah:-.

Langkah-langkah yang telah diambil oleh MPSP bagi mengatasi masalah banjir di Seberang Perai adalah seperti berikut:

(i) Menaik taraf parit yang bermasalah yang menyebabkan banjir kilat seperti berikut :

(a) Projek Tebatan Banjir Sungai Rambai: Sistem Perparitan dan Rumah Pam Taman Makok – Pakej 3

(b) Cadangan Menaik taraf Parit dan Kolam Takungan di Taman Remia, Bukit Mertajam, SPT

(c) Menaik taraf Parit Di Taman B, Bukit Mertajam, SPT

(d) Menaik taraf Parit Di Jawi Garden, Sungai Bakap, SPS

Langkah-langkah yang akan diambil MPSP untuk mengatasi masalah banjir kilat adalah seperti berikut:

(ii) Menaik taraf parit yang bermasalah yang menyebabkan banjir kilat seperti:

(a) Cadangan Menaik taraf Sistem Perparitan Dan Infrastruktur Di Sekitar Taman Transkrian, Mk. 9, Seberang Perai Selatan.

(b) Projek Tebatan Banjir Dan Menaik taraf Parit Di Sekitar Jalan Kampung Baru, Bukit Mertajam, Seberang Perai Tengah.

(c) Cadangan Kerja-Kerja Menaik taraf Sistem Saliran Bagi Mengatasi Masalah Banjir Kilat Di Taman Sri Nibong, Nibong Tebal.

(d) Kerja-Kerja Menaik taraf Sistem Saliran BagiMengatasi Masalah Banjir Kilat Di Taman Siakap, Seberang Jaya, Pulau Pinang.

(iii) Memastikan pemaju mengikut garis panduan Manual Saliran Mesra Alam (MSMA) untuk reka bentuk perparitan.

(iv) Pemantauan keadaan parit-parit monsun dan saliran perparitan di seluruh kawasan Seberang Perai khususnya kawasan berisiko banjir (Hot Spot) dan menjalankan pembersihan dari masa ke semasa bagi mengelakkan saliran tersumbat.

(v) Pemantauan ke atas projek pembangunan dijalankan dari semasa ke semasa bagi memastikan pemaju mengikut spesifikasi Pelan Jalan dan Parit yang ditetapkan terutam dari segi penyediaan kolam tadahan dan penyelenggaraan parit-parit dalam kawasan pembangunan yang sedang dilaksanakan.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (YB. Nordin bin Ahmad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Adakah Pihak Berkuasa Tempatan dan pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) mengambil kira keadaan sistem peparitan bagi sesebuah projek perumahan, sebelum meluluskan pelan bagi projek tersebut?

Y.A.B. Ketua Menteri:

3. JPS sememangnya mengambil kira keadaan sistem perparitan sedia ada ketika mempertimbangkan projek perumahan baru berdasarkan kepada ulasan merancang (ulasan teknikal) dan reka bentuk oleh perunding.Sistem peparitan yang dibina untuk sesebuah projek perumahan baru kiranya perlu direka bentuk mengikut Manual Saliran Mesra Alam (MSMA) yang dikawal selia oleh Jabatan Pengairan & Saliran (JPS). Setiap pemaju hendaklah mematuhi syarat JKR dan JPS sebelum cadangan pelan mereka diluluskan. Selain itu, Pelan Kerja Tanah dan Pelan Jalan dan Parit juga perlu dikemukakan untuk kelulusan PBT dan JKR. Jawatankuasa OSC akan memastikan projek pembangunan mendapat sokongan teknikal daripada JPS sebelum diluluskan.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (YB. Nordin bin Ahmad) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

4. Apakah sebab Kerajaan Negeri Pulau Pinang tidak meluluskan pelan perumahan kos rendah daripada PERDA dan lain-lain agensi yang bercadang untuk membangun projek rumah murah?

Y.A.B. Ketua Menteri:

4. Adalah tidak benar bahawa Kerajaan Negeri Pulau Pinang tidak meluluskan pelan perumahan kos rendah daripada PERDA dan lain-lain agensi yang bercadang untuk membangun projek rumah murah.

Mengikut rekod MPPP, senarai di Lampiran adalah permohonan kebenaran merancang yang telah diluluskan dan dalam pertimbangan oleh PERDA, UDA dan JKP mulai tahun 2008 hingga kini di OSC serta maklumat status permohonan.

	UDA		**PERDA**		**JKP**	
Tahun	**Lulus**	**Dalam Pertimbangan**	**Lulus**	**Dalam Pertimbangan**	**Lulus**	**Dalam Pertimbangan**
2008	-	-	1	-	-	-
2009	-	-	-	-	-	-
2010	1	-	-	-	-	-
2011	-	-	1	-	1	-
2012	1	-	-	-	1	1
2013	-	-	-	-	-	-
JUMLAH	2	-	2	-	2	1

Semenjak tahun 2008, MPSP telah meluluskan pelan perumahan kos rendah daripada PERDA dan agensi lain adalah seperti berikut:

BIL	LOKASI/DAERAH	PEMAJU	KOMPONEN	TARIKH KELULUSAN	STATUS
1	Jalan Permatang Tok Mahat SPS	JKP Sdn. Bhd.	Rumah Teres 1 Tingkat Kos Sederhana Rendah 108 unit	23.12.2008	Dalam Pembinaan
2	Taman Seri Paya Kg.Paya Kepala Batas SPU	UDA Land North Sdn. Bhd.	Rumah Teres Kos Sederhana Rendah 1 Tingkat 34 Unit	29.4.2009	Dalam Pembinaan
3	Taman Seri Puteri Guar Perahu SPT	JKP Sdn. Bhd.	Rumah Teres (Kluster) Kos Rendah 2 Tingkat 128 unit	15.7.2009	Belum bina
4	Jalan Ara Kuda Mengkuang, SPT	JKP Sdn. Bhd	Rumah Teres (Kluster) Kos Rendah 2 Tingkat 134 unit	30.12.2009	Dalam Pembinaan
5	Jalan Bukit Panchor	SPSJKP Sdn. Bhd	Rumah Teres Kos Rendah 1 Tingkat 84 unit	09.12.2009	Dalam Pembinaan
6	Taman Pauh Jaya	Uda Land North Sdn Bhd	Rumah Pangsapuri Kos Sederhana Rendah 91 unit	07.04.2010	Belum bina
7	Jalan Ara Kuda SPU	Projek Usahasama PERDA dan GDW Mengkuang Sdn Bhd	Rumah Bandar Kos Rendah 1 tkt. 148 unit	27.10.2011	Belum bina
8.	Sungai Bakap SPS	PERDA	Rumah Teres Kos Rendah 1 Tingkat Sebanyak 72 unit	08.05.2013	Belum bina

(XXIV) Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan bin Saidin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Berapa banyakkah rumah kos rendah yang akan dibina oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC), Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) dari tahun 2008 hingga 2013?

Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Bagi tempoh 2008 hingga 2013, Kerajaan Negeri melalui PDC telah membina dan menyiapkan sejumlah 714 unit perumahan di Halaman Kenanga, Sungai Nibong yang terdiri daripada 204 unit rumah kos rendah dan 510 unit rumah kos sederhana rendah. Projek ini telah dimulakan pembinaan pada 25 Januari 2008 dan telah siap pada 31 Januari 2012.

   Tiada projek pembangunan rumah kos rendah yang dibina oleh Kerajaan Negeri melalui MPPP dan MPSP.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan bin Saidin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Pihak Berkuasa Tempatan telah meluluskan projek perumahan dengan nilai jutaan ringgit. Oleh itu, berapa banyak rumah kos rendah yang telah dibina?

Y.A.B. Ketua Menteri:

2. MPPP telah meluluskan untuk dibina sebanyak 3,853 unit rumah kos rendah bagi tahun 2008 hingga 2013. Maklumat terperinci seperti di Lampiran A.

   Di Seberang Perai, sebanyak 3,908 rumah kos rendah telah diluluskan oleh MPSP untuk dibina bagi tempoh yang sama. Maklumat terperinci adalah seperti di Lampiran B.

Lihat Folder Lampiran Sol. No. 2 (ID 511 - BRS)

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan bin Saidin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Berapakah nilai pemasangan lif di Pasar Taman Tun Sardon?

Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Kos pemasangan lif di Pasar Taman Tun Sardon adalah berjumlah RM399,444.50.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan bin Saidin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

4. Berapakah kos perbelanjaan HALAL HUB oleh Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan yang bertanggugjawab dan apakah pulangannya kepada rakyat Pulau Pinang?

Y.A.B. Ketua Menteri:

4. Bagi usaha mempromosikan hab halal antarabangsa di Pulau Pinang, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan geran tahunan berjumlah RM1,000,000.00 kepada Halal Penang. Melalui PDC, geran yang diperuntukkan pada tahun 2009 digunakan secara berhemah sehingga tahun 2010. Geran ini digunakan bagi tujuan promosi dan pemasaran, pengoperasian dan pentadbiran syarikat. Butiran pecahan perbelanjaan yang telah dibelanjakan adalah seperti dilampiran:

Lihat Folder Lampiran Soalan No. 4 (ID 513 - BRS)

Usaha Kerajaan Negeri dalam mempromosikan Pulau Pinang sebagai hab halal antarabangsa ternyata bukan usaha yang sia-sia kerana masyarakat tempatan dan antarabangsa telah membuka mata dengan inisiatif oleh Kerajaan Negeri ini. Kejayaan Pulau Pinang sebagai hab halal antarabangsa memberikan pelbagai impak kepada rakyat Pulau Pinang antaranya seperti berikut:

Hasil:

Berjaya membawa masuk 10 buah syarikat tempatan dan antara bangsa dengan jumlah nilai pelaburan RM484.2 juta di Taman Perindustrian Halal Pulau Pinang. Selain itu terdapat 13 buah lagi permohonan diterima untuk menempatkan operasi di Taman Perindustrian Halal Pulau Pinang dengan jumlah nilai pelaburan RM114.39 juta, bagaimanapun permohonan mereka masih tertunggak berikutan tanah industri belum siap untuk dimasuki pelabur.

Impak:

Menjana peluang pekerjaan kepada rakyat Pulau Pinang sebaik sahaja kilang-kilang tersebut beroperasi. Sepuluh (10) buah kilang telah memulakan pembinaan secara berperingkat. Kilang terawal yang dijangka memulakan operasi sepenuhnya pada suku pertama tahun 2014. Butiran lanjut seperti dalam di atas.

Hasil:

Peningkatan permohonan sijil halal di Pulau Pinang iaitu peningkatan sebanyak 953%. Pada tahun 2008, statistik pemegang sijil halal hanya berjumlah 55 buah syarikat dan telah meningkat kepada 165 buah syarikat pada 2009. Penjenamaan semula Bahagian Pengurusan Halal JHEAIPP pada tahun 2010 menunjukkan jumlah pemegang sijil halal telah bertambah kepada 210 dan terus menunjukkan peningkatan pada tahun 2011 iaitu 290 buah syarikat. Pertambahan sebanyak 208 buah permohonan lagi menjadikan jumlah keseluruhan pada tahun 2012 sebanyak 498. Sehingga November 2013, Pulau Pinang telah mempunyai 579 pemegang sijil halal. Sila lihat jadual 2 seperti di atas**.**

Impak:

Pendekatan yang diambil oleh Halal Penang dengan kerjasama Bahagian Pengurusan Halal, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP) adalah berbeza dan agresif kerana turut memfokuskan kepada francais makanan dan juga restoran nasi kandar. Melalui outreach kesedaran halal, beberapa francais makanan telah berjaya memperolehi status halal iaitu

rangkaian restoran Subway sebanyak 11 buah *outlet, Old Town White Coffee* sebanyak 16 buah *outlet.* Sehingga Ogos tahun lepas, tiada outlet nasi kandar yang memperolehi pensijilan halal. Namun dengan usaha promosi agresif untuk menggalakkan pemilik dan pengusaha nasi kandar memperoleh sijil halal Malaysia telah mendapat sambutan yang positif apabila Nasmir Nasi Kandar Sdn. Bhd. bersama 5 buah cawangannya dan Pelita Samudera Pertama (M) Sdn. Bhd telah menjadi rangkaian restoran nasi kandar halal pertama di Malaysia yang mendapat pengiktirafan halal JAKIM. Manakala outlet nasi kandar yang telah memperolehi sijil halal selain Nasmir dan Pelita ialah Restoran Kamalia, Restoran Jaya, Restoran Subaidah dan Restoran Makbul. Restoran Kayu Nasi Kandar pula sedang dalam proses memohon permohonan.

Selain itu, Star Cruise (HK Limited) juga telah berjaya mendapat pengiktirafan persijilan halal menumpukan kitchen area dan menu makanan bagi memberikan alternatif kepada penumpang beragama Islam menerokai halal *dining experience*.

Selain itu dalam bidang hospitaliti pula, hasil usahasama Halal Penang dan Penang Global Tourism, maka buku panduan Experience Penang – Muslim Travel Guide versi bahasa Inggeris dan bahasa Arab telah diterbitkan sebanyak 5,000 salinan setiap satu sebagai salah satu inisiatif untuk mempromosikan industri pelancangon halal dan hospitaliti kepada pelancong antarabangsa khususnya dari Timur Tengah. Halal Penang dengan kerjasama Kementerian Pelancongan Malaysia sedang dalam proses menerbitkan "Experience Penang – Muslim Travel Guide" jilid 2 yang akan di digitalkan sempena Tahun Melawat Malaysia 2014.

Selaras dengan peningkatan umat Islam yang berinformatif dan bijak membuat pilihan di serata dunia, pastinya permintaan dan tuntutan untuk dibekalkan dengan produk farmaseutikal halal menjadi keutamaan. Oleh yang demikian, Halal Penang dengan kerjasama ibu pejabat Kuwait Finance House di Kuwait telah mengambil inisiatif menterjemahkan buku panduan bahasa Inggeris "The Halal Index: Vol 1: Pig Based Pharmaceuticals" iaitu buku yang memuatkan informasi mengenai ubat-ubatan yang bersumberkan khinzir ke versi bahasa Arab dan Bahasa Melayu sebagai rujukan dan panduan kepada pengguna khususnya umat Islam.

Halal Penang bersama-sama MATTA dan Yayasan Islam Pulau Pinang sedang mengambil inisiatif dalam membangunkan modul "Islamic Tour Guide". Modul ini akan digunakan untuk melatih pemandu pelancong memahami Sejarah Islam dan Warisan Islam di Pulau Pinang bagi mewujudkan jejak Warisan Islam sebagai satu pakej pelancongan Islam (Islamic Tourism). Pemandu Pelancong ini akan menghadiri kursus dan diberi latihan sebelum diiktiraf sebagai *Islamic Tour Guide*. Bagi usaha mempromosikan hab halal antara bangsa di Pulau Pinang, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan geran tahunan berjumlah RM1,000,000.00 kepada Halal Penang. Melalui PDC, geran yang diperuntukkan pada tahun 2009 digunakan secara berhemah sehingga tahun 2010. Geran ini digunakan bagi tujuan promosi dan pemasaran, pengoperasian dan pentadbiran syarikat. Butiran pecahan perbelanjaan yang telah dibelanjakan adalah seperti di atas:-

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan bin Saidin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

5. Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Pihak Berkuasa Tempatan untuk menaik taraf pasar-pasar awam?

Y.A.B. Ketua Menteri:

5. Langkah-langkah yang diambil oleh MPSP untuk menaik taraf pasar-pasar awam adalah seperti berikut :-

   (i) Menyenaraikan pasar-pasar yang perlu dilaksanakan untuk kerja-kerja pembaikan, sama ada pembaikan kecil atau pembaikan besar.

   (ii) Menyediakan peruntukan tahunan untuk kerja-kerja pembaikan kecil dan pembaikan utama termasuk bagi tujuan naik taraf.

(iii) Perlaksanaan dilakukan mengikut keutamaan. Bangunan pasar yang mengalami kerosakan pada struktur yang serius seperti pembaikan pada struktur bumbung, *glazed tile* pada dinding, *non-slip tiles* pada lantai, table – top meja jualan, perangkap sampah, tandas awam dan lain-lain diutamakan.

(iv) Jika terdapatnya keperluan untuk menaik taraf pasar disebabkan kerosakan yang besar atau penambahbaikan ruang niaga yang lebih selesa maka MPSP akan memohon peruntukan daripada Kerajaan Negeri.

Manakala langkah-Langkah yang telah diambil oleh MPPP adalah seperti berikut:-

(i) Mengadakan Sesi *Brain Storming* bersama dengan penjaja- penjaja bagi mendapatkan maklumbalas bagi menjalankan kerja-kerja naik taraf.

(ii) Mengamalkan konsep Local Agenda 21 dengan penglibatan Masyarakat setempat, kerajaan dan Pertubuhan Bukan Kerajaan.

(iii) Menggalakan penyertaan awam semasa proses penyediaan Bajet melalui *Online Survey* yang dimuatnaik dalam Portal Majlis Perbandaran Pulau Pinang.

(iv) Mengadakan kajian setempat yang diuruskan oleh kakitangan MPPP.

(v) Mendapatkan pandangan dan permintaan dari pemimpin dan penduduk setempat dalam melaksanakan kerja-kerja naik taraf.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan bin Saidin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

6. Apakah projek-projek untuk orang Islam yang dijalankan sepanjang tahun 2008 hingga 2013? Adakah wang Kerajaan Negeri Pulau Pinang atau wang Baitumal digunakan untuk membayar guru-guru KAFA, imam, siak dan lain-lain.

Y.A.B. Ketua Menteri:

6. Projek-projek pembangunan untuk umat Islam sepanjang tahun 2008 hingga 2013 melibatkan peruntukan untuk Membina,Membaiki dan Mengubahsuai Masjid dan Surau (P.13/03; Pembinaan dan Pembaikan Kecil Sekolah Agama Rakyat (P.13/04) dan Pembinaan/Pembaikan Kecil bagi Maahad Tahfiz/ Rumah Transit Saudara Baru (P.13/08). Butirannya seperti di bawah:-

Kerajaan Negeri sememangnya memperuntukkan wang untuk tujuan pembayaran kepada Guru KAFA, Imam, Bilal dan Siak. Butirannya adalah seperti jadual di bawah:-

Jumlah Peruntukan Projek-projek Pembangunan Untuk Umat Islam Di Negeri Pulau Pinang Mulai Tahun 2008 Hingga 2013.

Jumlah /Tahun	PERUNTUKAN (RM)					
	2008	2009	2010	2011	2012	2013
JUMLAH	4,480,000.00	7,470,000.00	6,829,940.00	6,680,000.00	6,585,100.00	9,915,010.00

JADUAL 1: PEMBERIAN EX-GRATIA KEPADA GURU KAFA NEGERI PULAU PINANG BAGI TAHUN 2008 HINGGA 2013							
TAHUN	**2008**	**2009**	**2010**	**2011**	**2012**	**2013**	JUMLAH
2008	659,250.00	879,000.00	913,200.00	900,000.00	912,000.00	886,800.00	5,150,250.00

PERUNTUKAN KERAJAAN NEGERI							
PERUNTUKAN KERAJAAN NEGERI BAGI IMAM, BILAL, SIAK, GURU TAKMIR DAN EHYA RAMADAN	PERBELANJAAN MENGIKUT TAHUN						
	2008	2009	2010	2011	2012	2013 - OKTOBER	JUMLAH
JUMLAH PERUNTUKAN	1,785,240.00	1,801,880.00	1,801,173.00	2,540,464,00	3,136,386,00	2,543,988.00	13,611,131.00

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan bin Saidin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

7. Berapa ekar tanah milik Pihak Berkuasa Tempatan, Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) atau Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang diberi milik kepada orang Melayu, Cina, India dan lain-lain.

Y.A.B. Ketua Menteri:

7. (a) Tanah milik MPPP dan MPSP adalah untuk kegunaan awam, dan tidak dilupuskan kepada pihak-pihak lain. Namun demikian terdapat beberapa kes terpencil pelupusan telah berlaku seperti untuk kegunaan persatuan dan rumah ibadat / keagamaan. Manakala tanah PDC, penjualan dibuat secara berjadual kepada pelabur-pelaburterutamanya tanah-tanah perindustrian di Batu Kawan, Bayan Lepas, Perai dan Bukit Mertajam. Perlu diingatkan bahawa Kerajaan Negeri menganugerahkan secara percuma tanah untuk kegunaan penduduk beragama Islam seperti masjid, Mahkamah Syariah dan perkuburan Islam sedangkan penduduk beragama lain terpaksa membelinya.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan bin Saidin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

8. Zon kawasan perumahan Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) yang telah dijadikan tempat perniagaan sejak tahun 2008 hingga 2013. Apakah tindakan yang telah diambil bagi memastikan zon perumahan tidak menjadikan tempat perniagaan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

8. Tindakan yang boleh diambil oleh MPPP bagi memastikan zon ‘perumahan’ tidak dijadikan tempat perniagaan ialah melalui Seksyen 27(2)(A) Akta Perancang Bandar dan Desa 1976 yang mana notis boleh dikeluarkan supaya tanah itu dipulihkan semula setakat yang mungkin seperti keadaanya sebelum pemajuan itu dimulakan.

Notis di bawah Seksyen 72(1) Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 juga boleh dikeluarkan bagi premis-premis yang terlibat dengan tukar guna zon perumahan kepada tempat perniagaan.

Selain daripada tindakan 'sumari' di tapak, MPPP juga telah mengambil tindakan pendakwaan. Tindakan penguatkuasaan terhadap premis perniagaan yang menjalankan aktiviti perniagaan di zon-zon perumahan tanpa kelulusan dan lesen daripada MPSP adalah seperti berikut:

(a) Notis untuk memberhentikan aktiviti perniagaan

(b) Kompaun atas kesalahan menjalankan perniagaan tanpa lesen

(c) Tindakan mahkamah sekiranya premis masih lagi beroperasi setelah notis tamat.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan bin Saidin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

9. Berapa peratus daripada jumlah RM500 juta rumah mampu milik yang diumumkan oleh Y.A.B. Ketua Menteri yang telah siap dan di manakah lokasinya?

Y.A.B. Ketua Menteri:

9. Daripada dana RM500 juta yang diumumkan oleh Y.A.B. Ketua Menteri untuk pembiayaan pembinaan rumah mampu milik, Kerajaan Negeri telah menyalurkan sejumlah RM163.1 juta (32.6 peratus) kepada PDC sebagai geran untuk pembangunan perumahan mampu milik di Negeri Pulau Pinang memandangkan pelaksanaan projek ini adalah melalui PDC.

Di peringkat ini di sebelah pulau, 4 lokasi telah dikenal pasti untuk dilaksanakan projek perumahan mampu milik tersebut iaitu seperti berikut:

Kawasan Pulau

(A) SP Chelliah

Melalui projek ini di Daerah Timur Laut, sebanyak 1,900 jumlah unit akan dibina iaitu 770 kos sederhana rendah dan 1,130 unit kos sederhana. Unit kos sederhana rendah berkeluasan 700 kaki per segi berharga RM72,500.00, 1,130 unit kos sederhana berkeluasan 800 hingga 1,000 kaki per segi berharga RM 200,000.00 sehingga RM 400,000.00 seunit. Ia dijangkakan bermula awal tahun 2014 dan dijangka siap Jun 2017.

(B) Telok Kumbar

Melalui projek ini di Daerah Barat Daya, sebanyak 694 jumlah unit akan dibina iaitu 346 kos sederhana rendah dan 348 unit kos sederhana. Unit kos sederhana rendah berkeluasan 700 kaki per segi berharga RM72,500.00, 348 unit kos sederhana berkeluasan 850 hingga 1,000 kaki per segi berharga RM 250,000.00 hingga RM 320,000.00 seunit. Ia dijangkakan bermula awal tahun 2014 dan dijangka siap Februari tahun 2017.

(C) Jelutong

Melalui projek ini di Daerah Timur Laut, sebanyak 556 jumlah unit kos sederhana rendah akan dibina iaitu berkeluasan 700 kaki per segi yang berharga RM72,500.00. Ia dijangkakan bermula Jun tahun 2014 dan dijangkakan siap pada Julai tahun 2017.

(D) Pintasan Cecil

Melalui projek ini di Daerah Timur Laut, sebanyak 298 jumlah unit kos sederhana rendah akan dibina iaitu berkeluasan 700 kaki per segi berharga RM72,500.00. Ia dijangkakan bermula akhir tahun 2014 dan dijangka siap pada akhir tahun 2017.

Berdasarkan 4 projek di kawasan pulau tersebut, jumlah unit yang akan disediakan adalah 3,448 unit.

Kawasan Seberang

(A) Batu Kawan

Fasa pertama projek di Bandar Cassia, Batu Kawan (SPS) mengandungi 520 unit. 149 unit adalah unit kos sederhana rendah berkeluasan 800 kaki per segi dengan harga jualan seunit RM72,500.00. 98 unit adalah jenis kos sederhana berkeluasan 900 kaki per segi dengan harga jualan seunit RM168,000.00. 273 unit adalah jenis kos sederhana

berkeluasan 1,000 kaki per segi dengan harga jualan RM220,000.00 seunit. Ia dijadualkan bermula pada akhir tahun 2013 dan dijangka akan siap dibina pada tahun 2016. Bandar cassia ini merangkumi beberapa fasa yang keseluruhannya akan membekalkan 11,800 unit rumah mampu milik.

(B) Kampung Jawa

Projek yang terletak di Seberang Perai Utara ini mengandungi 707 unit dimana 353 unit adalah unit kos sederhana rendah berkeluasan 700 kaki per segi dengan harga jualan seunit RM72,500.00. 145 unit adalah jenis kos sederhana berkeluasan 850 kaki per segi sengan harga jualan seunit RM200,000.00. 205 unit adalah jenis kos sederhana Berkeluasan 1,000 kaki per segi dengan harga jualan RM280,000.00 seunit. Ia dijadualkan bermula pada Februari tahun 2014 dan dijangka akan siap dibina pada Januari tahun 2017.

(C) Mak Mandin

Projek yang terletak di Seberang Perai Utara ini mengandungi 250 unityang merupakan unit kos rendah berkeluasan 650 kaki per segi dengan harga jualan seunit RM42,000.00. Ia dijadualkan bermula pada September tahun 2014 dan dijangka akan siap dibina pada September tahun 2017.

(D) Ampang Jajar

Projek yang terletak di Seberang Perai Utara ini merangkumi jumlah 1,200 unit di mana 600 unit adalah unit kos sederhana rendah dengan keluasan 700 kaki per segi dengan harga jualan RM 72,500.00. 360 unit kos sederhana yang berkeluasan 850 kaki per segi akan dijual pada harga RM 200,000.00 dan 240 unit kos sederhana yang berkeluasan 1,000 kaki per segi akan dijual pada harga RM 240,000.00. Projek ini dijadual untuk bermula pada Januari tahun 2015 dan dijangka siap pada Januari tahun 2018.

(E) Bukit Mertajam

Projek ini yang terletak di Seberang Perai Tengah mengandungi 968 unit di mana 484 unit adalah unit kos sederhana rendah dengan keluasan 700 kaki per segi dengan harga RM 72,500.00. 160 unit kos sederhana yang berkeluasan 850 kaki per segi akan dijual pada RM 200,000.00 dan 324 unit lagi kos sederhana yang berkeluasan 1,000 kaki per segi dengan harga jualan RM 240,000.00. Ia dijadualkan bermula pada Mac tahun 2015 dan siap dibina pada Januari tahun 2018.

(F) Juru

Projek ini yang terletak di Seberang Perai Tengah mengandungi 1,600 unit di mana 800 unit adalah unit kos sederhana rendah dengan keluasan 700 kaki per segi dengan harga RM 72,500.00. 200 unit kos sederhana yang berkeluasan 850 kaki per segi akan dijual pada RM 200,000.00 dan 600 unit lagi kos sederhana yang berkeluasan 1,000 kaki per segi dengan harga jualan RM 240,000.00. Ia dijadualkan bermula pada Mac tahun 2015 dan siap dibina pada Januari tahun 2018.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan bin Saidin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

10. Apakah tindakan Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk memantau harga barangan di Negeri Pulau Pinang. Adakah Kerajaan Negeri mempunyai pasukan khas untuk memantau harga barangan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

10. (i) Tindakan penguatkuasaan ke atas harga barang adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK). Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa MMK Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna telah mewujudkan Program Pemantau Pengguna (Consumer Watch) sejak 4 Julai 2008 sehingga sekarang. Program ini bertujuan untuk memberi pendidikan dan kesedaran tentang hak pengguna sebagai teras utama dalam menghasilkan pengguna yang bijak serta mewujudkan model pengguna yang bijak di semua peringkat masyarakat.

(ii) Kumpulan Pemantau Pengguna yang telah ditubuhkan di setiap kawasan ADUN telah dari semasa ke semasa menjalankan pemantauan mengenai harga barangan dan sebarang kegiatan menyorok barangan keperluan. Kumpulan ini juga melaporkan kepada urusetia Jawatankuasa MMK Hal Ehwal Pengguna jika terdapat sebarang kenaikan harga yang tidak mematuhi harga siling untuk dimaklumkan kepada KPDNKK. Kumpulan ini juga memberikan maklum balas kepada Jawatankuasa MMK Hal Ehwal Pengguna mengenai kedai atau pasaraya yang mempunyai harga terendah dan harga tertinggi.

(iii) Dalam usaha Kerajaan Negeri untuk menjadikan kumpulan ini lebih efektif dan berkesan ialah Pengerusi Jawatankuasa MMK Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, YB. Dato' Haji Abdul Malik telah turun padang sendiri bagi mengadakan lawatan ke pasar-pasar, kedai-kedai dan *hypermarket* menjelang musim perayaan bersama dengan kumpulan pemantau mengikut kawasan masing-masing bagi memantau harga barangan.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan bin Saidin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

11. Apakah tindakan Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk mengurangkan masalah tempat letak kereta di Kebun Bunga dan Bukit Bendera serta di seluruh Negeri Pulau Pinang.

Y.A.B. Ketua Menteri:

11. Di kawasan Bukit Bendera, inisiatif yang telah diambil oleh pihak PDC untuk menambah tempat letak kereta dengan mewujudkan Tempat Letak Kereta Bertingkat. Projek berkenaan masih dalam pembinaan.

Bagi kawasan Taman Botani Pulau Pinang (Kebun Bunga), terdapat perancangan untuk membina Tempat Letak Kereta Bertingkat berdasarkan Rancangan Kawasan Khas Taman Botani Jabatan Perancang Bandar dan Desa. Tempat letak kereta bertingkat tersebut akan dibina di Taman Belia, MPPP. Cadangan pembinaan tempat letak kereta bertingkat ini dijangka dapat menampung jumlah kereta pengunjung yang datang ke Taman Botani, Taman Belia dan juga pengunjung yang menaiki Bukit Bendera melalui Taman Botani. Bagi kawasan bandaraya George Town, MPPP telah membina tempat letak kereta bertingkat di Lebuh Pantai, Lebuh Victoria dan Lorong Hutton untuk mengurangkan masalah tempat letak kereta di Bahagian Pulau.

Tindakan MPSP untuk mengurangkan masalah tempat letak kereta di seluruh Seberang Perai adalah dengan mensyaratkan supaya setiap kemajuan pembangunan baru perlu menyediakan bilangan tempat letak kereta seperti yang telah disyaratkan di dalam Garis Panduan Perancangan.MPSP telah membuat pindaan terhadap garis panduan tempat letak kereta sedia ada dan telah diluluskan oleh Majlis Penuh Bil. 471 (9/2013). Pindaan tersebut bertujuan untuk mengurangkan masalah tempat letak kereta.

Di samping itu, bagi menggalakkan pihak swasta menyediakan tempat letak kereta, MPSP juga telah meluluskan garis panduan bagi permohonan kebenaran merancang tempat letak kereta sementara milik persendirian yang mempermudahkan cara-cara permohonannya dan telah diluluskan oleh Majlis Penuh Bil. 459 (9/2013).

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan bin Saidin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

12. Sila nyatakan adakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang mendapat faedah, kepentingan atau royalti dari kutipan tol Jambatan Pulau Pinang. Berapa peratus dan berapakah bayaran yang diterima dari tahun 2008 sehingga kini.

Y.A.B. Ketua Menteri:

12. Kerajaan Negeri tidak mendapat faedah, kepentingan atau royalti dari kutipan tol Jambatan Pulau Pinang.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan bin Saidin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

13. Berapakah anjuran setahun pendapatan tahunan dari Jambatan Kedua Pulau Pinang kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang sekiranya ada kepentingan, faedah atau royalti?

Y.A.B. Ketua Menteri:

13. Tiada unjuran pendapatan tahunan dari Jambatan Kedua Pulau Pinang kepada Kerajaan Negeri. Jambatan berkenaan adalah di bawah pengurusan Kerajaan Persekutuan.

(XXV) Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Norlela binti Ariffin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Senaraikan penerima bantuan Program Titian Saksama Rakyat (PTSR) di KADUN Penanti dan setiap KADUN dari tahun 2008 sehingga 2013. Sila nyatakan,

   (a) Berapa ramaikah pemohon PTSR?

   (b) Nyatakan pecahan yang berjaya atau gagal mengikut jantina dan kaum.

   (c) Nyatakan sebab bagi permohonan yang gagal.

Y.A.B. Ketua Menteri:

1. Dari tahun 2008 sehingga 2013, Projek Titian Saksama Rakyat (PTSR) memberi bantuan pinjaman kepada seramai 1,509 peniaga kecil dengan nilai pinjaman berjumlah RM5,977,630.40. Pinjaman yang diberikan serta maklumat yang disimpan adalah mengikut daerah bukannya berdasarkan KADUN. Bagi Daerah Barat Daya, seramai 460 orang peniaga telah diberikan pinjaman dengan nilai RM1,818,319.90. Daerah Timur Laut pula, seramai 256 orang peniaga telah menerima pinjaman dengan nilai RM1,109,466.00. Manakala bagi Daerah SPU, seramai 226 peniaga telah mendapat pinjaman dengan nilai RM851,272.50. Daerah SPT pula, seramai 362 peniaga telah menerima pinjaman dengan nilai RM1,351,615.00 dan Daerah SPS, seramai 205 peniaga dengan nilai RM846,977.00 telah menerima pinjaman.

   (a) Sehingga Oktober 2013 seramai 3,054 pemohon telah mengemukakan permohonon pinjaman PTSR.

   (b) Seramai 1,509 orang telah berjaya mendapat pinjaman PTSR dengan 1,260 orang dari kaum Melayu, 116 kaum Cina dan 133 kaum India. Manakala 845 permohonan telah ditolak.

(c) Antara sebab-sebab permohonan yang gagal adalah kerana tidak mempunyai perniagaan yang berdaftar, umur melebihi dari had yang ditetapkan iaitu 18 - 60 tahun, kurang berkemampuan dari segi pendapatan dan tapak perniagaan yang tidak sah.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Norlela binti Ariffin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Dari tahun 2008 hingga 2013, berapa banyak koperasi baru yang telah ditubuhkan dan dibimbing oleh Jawatankuasa Majlis Mesyuarat Kerajaan Koperasi mengikut pecahan di Seberang Perai dan di Pulau?. Sila nyatakan,

   (a) Berapakah sumbangan tahunan telah disalurkan?

   (b) Apakah jenis sumbangan dan bimbingan yang telah diberikan?

   (c) Berapa pendapatan dan keuntungan tahunan koperasi-koperasi ini?

Y.A.B. Ketua Menteri:

2. Berdasarkan rekod Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM), terdapat sebanyak 21 buah koperasi telah didaftarkan meliputi 11 di Pulau dan 10 di Seberang Perai.

   (a) Tiada sumbangan tahunan yang telah disalurkan oleh Kerajaan Negeri kepada koperasi.

   (b) Terdapat beberapa bimbingan yang telah diberikan oleh Kerajaan Negeri melalui penganjuran pelbagai bengkel, kursus dan seminar dengan kerjasama Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM), Maktab Kerjasama Malaysia (MKM) dan ANGKASA seperti Bengkel Asas Mee Kuning, Bengkel Asas Jahitan Manik dan Labuci, Kursus Kewangan, Kursus Wajib, Kursus Urutan, Kurus Penyediaan Minit Mesyuarat dan lain-lain lagi.

   (c) Masih di peringkat permulaan dan setakat ini tiada sebarang keuntungan dicatatkan.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Norlela binti Ariffin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Bagaimanakah proses menentukan Bajet Pembangunan dan operasi dalam belanjawan Kerajaan Negeri dari 2009 hingga 2014 dilakukan untuk setiap KADUN?

   (a) Nyatakan proses pengambilan input dari Wakil Rakyat, Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampong (JKKK), Ahli Majlis, Persatuan Penduduk, Badan Bukan Kerajaan (NGO) dan lain-lain ahli masyarakat dalam proses pra-bajet.

Y.A.B. Ketua Menteri:

3. Dalam menentukan cadangan belanjawan tahunan dari 2009 hingga 2014, Kerajaan Negeri memfokuskan kepada dasar pembangunan negeri secara keseluruhannya yang 'merentasi persempadanan KADUN' dengan memberi tumpuan khususnya kepada aspek-aspek utama berikut:

   (i) Menjana pertumbuhan ekonomi negeri yang lebih kukuh dan berterusan bagi memastikan Negeri Pulau Pinang mampu berdaya saing di peringkat negara dan juga antarabangsa;

   (ii) Mempergiatkan aktiviti ekonomi negeri ke arah pewujudan peluang-peluang pekerjaan berpendapatan tinggi;

   (iii) Menyediakan kemudahan perumahan yang bersesuaian dengan pembangunan persekitaran dan mampu dibeli oleh rakyat;

(iv) Memantapkan keterampilan Negeri Pulau Pinang sebagai destinasi pelancongan utama;

(v) Memelihara dan mewujudkan persekitaran yang lebih bersih serta alam sekitar yang berkualiti termasuk menyediakan lebih banyak kawasan hijau;

(vi) Mempertingkatkan kesejahteraan hidup rakyat;

(vii) Mewujudkan urus tadbir yang cekap, akauntabiliti dan telus serta berkeupayaan untuk memberi perkhidmatan yang cekap dan terbaik kepada rakyat.

Sebagai proses dalam bajet, jabatan-jabatan adalah diberi peluang menyusun strategi dalam mengadakan program dan aktiviti yang sesuai dengan dasar kerajaan di samping memenuhi ekspektasi kumpulan sasaran dan rakyat amnya. Perancangan projek juga dibuat dengan mengambil kira bukan sahaja kedudukan kewangan negeri yang terhad tetapi juga dari segi keperluan dan keutamaan, kemampuan untuk menyelenggara dan memberi pulangan yang berkesan kepada rakyat. Kesemua aspek perancangan ini berasaskan kepada input-input awal yang diperolehi dalam Majlis Tindakan Daerah, mesyuarat-mesyuarat di peringkat daerah serta negeri dan diperingkat Jawatankuasa MMK yang seterusnya dimanifestasikan melalui program, aktiviti dan projek yang diluluskan peruntukan bagi pelaksanaannya. Pegawai-pegawai Daerah boleh mengemukakan semua input-input daripada Ahli-ahli Yang Berhormat dan mengemukakan permohonan kepada UPEN untuk pertimbangan.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Norlela binti Ariffin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

4. Bagaimana proses pelantikan syarikat untuk mendapatkan tender pengurusan pelupusan sampah di Seberang Perai Tengah? Sila nyatakan,

(a) Berapa banyak syarikat yang telah masuk tender dan disenarai pendek?

(b) Apa kriteria syarikat yang dianugerahkan kontrak?

(c) Nyatakan jangkamasa kontrak yang telah diluluskan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

4. Kontrak perkhidmatan pengurusan sisa pepejal di stesen pemindahan Ampang Jajar, SPT telah ditawarkan kepada syarikat Eurasia Express Sdn. Bhd. (EESB) berdasarkan kepada keputusan MMK pada 17 Februari 2011 dan disahkan pada 22 Februari 2011.

(a) Tawaran kontrak adalah secara rundingan terus berdasarkan kepada keputusan MMK tersebut.

(b) Kriteria Syarikat EESB ditawarkan kontrak berdasarkan pengalaman syarikat terhadap kerja-kerja menguruskan stesen pemindahan sisa pepejal Batu Maung bagi proses pengangkutan sampah dari MPPP ke tapak pelupusan Pulau Burong.

(c) Kontrak diluluskan untuk tempoh 18 tahun bermula dari 1 Ogos 2011 hingga 31 Julai 2029.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Norlela binti Ariffin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

5. Bagaimana proses pelantikan syarikat untuk mendapatkan tender pusat pengumpulan dan pemindahan sampah sampah di Seberang Perai ? Sila nyatakan,

(a) Berapa banyak syarikat yang telah masuk tender dan disenarai pendek?

(b) Apakah kriteria syarikat yang dianugerahkan kontrak?

(c) Nyatakan jangkamasa kontrak yang telah diluluskan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

5. Kontrak perkhidmatan pengurusan sisa pepejal di stesen pemindahan Ampang Jajar, SPT telah diberikan kepada syarikat Eurasia Express Sdn. Bhd. (EESB) berdasarkan kepada keputusan MMK pada 17 Februari 2011 dan disahkan pada 22 Februari 2011.

Kriteria Syarikat EESB dilanjutkan kontrak asal dengan MPPP berdasarkan pengalaman syarikat terhadap kerja-kerja menguruskan stesen pemindahan sisa pepejal Batu Maung bagi proses pengangkutan sampah dari MPPP ke tapak pelupusan Pulau Burong.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Norlela binti Ariffin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

6. Berapa banyak wang caruman perparitan dari tahun 2008 sehingga 2013 telah diperuntukkan dan diluluskan setiap tahun bagi setiap KADUN? Sila nyatakan,

(a) Amaun yang telah dibelanjakan?

(b) Jenis perbelanjaan dan projek yang diluluskan.

(c) Apakah perancangan tahun 2014 untuk KADUN Penanti?

Y.A.B. Ketua Menteri:

6. Bagi soalan (a) dan (c) Jumlah wang caruman perparitan bagi setiap KADUN disediakan dari tahun 2010 sehingga 2013 berjumlah adalah seperti berikut:-

2010 - RM4,364,000.00

2011 - RM8,419,085.00

2012 - RM25,278,020.00

2013 - RM39,542,125.30

Pecahan mengikut tahun dan KADUN berkaitan adalah seperti di Lampiran A hingga D.

Amaun yang dibelanjakan, jenis perbelanjaan dan perancangan tahun 2014 untuk KADUN Penanti adalah seperti di Lampiran.

Lihat folder Lampiran DRNA (ID530)

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Norlela binti Ariffin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

7. Berapa peruntukan tahunan untuk Jabatan Pengairan dan Saliran dari tahun 2008 sehingga 2013? Sila nyatakan,

(a) Amaun yang telah dibelanjakan di setiap KADUN.

(b) Jenis perbelanjaan yang disalurkan ke setiap KADUN?

(c) Apakah perancangan tahun 2014 untuk KADUN Penanti?

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Norlela binti Ariffin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

7. Peruntukan tahunan untuk Jabatan Pengairan dan Saliran bagi tahun 2008 hingga 2013 adalah seperti berikut:-

2008	RM 10000000.00
2009	RM 6000000.00
2010	RM 7420170.00
2011	RM 11560020.00
2012	RM 16158000.00
2013	RM 16160010.00

(a) & (b) Amaun dan jenis perbelanjaan yang dibelanjakan setiap KADUN adalah seperti di Lampiran A.

(c) Perancangan tahun 2014 untuk KADUN Penanti adalah seperti di Lampiran B.

Lihat folder lampiran Sol. 7 ID532 BDrNA

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Norlela binti Ariffin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

8. Apakah langkah-langkah Jabatan Pengairan dan Saliran yang telah diambil bagi menangani isu banjir di KADUN Penanti pada tahun 2008 sehingga 2013? Sila nyatakan,

(a) Nyatakan senarai projek.
(b) Apakah perancangan tahun 2014 untuk KADUN Penanti?

(c) Nyatakan tahap keberkesanan langkah-langkah ini.

Y.A.B. Ketua Menteri:

8. Terdapat dua kategori penyelesaian yang dipraktikkan oleh Kerajaan Negeri bagi mengatasi/mengurangkan risiko kejadian banjir kilat ini iaitu:

(i) Penyelesaian Secara Struktur

Penyelesaian secara struktur melibatkan komponen pembinaan kejuruteraan seperti rumah pam, *barrage,* ban, pengukuhan tebing, mendalam dan melebarkan sungai, pembinaan kolam takungan, empangan dan juga pelencongan sungai.

(ii) Penyelesaian Secara Bukan Struktur

Penyelesaian secara bukan struktur melibatkan pelbagai agensi yang berkaitan seperti kempen *Cleaner Greener Penang*, Program gotong royong bersama JKKK tempatan, penyediaan kajian-kajian dan rekabentuk terperinci bagi sesuatu lokasi yang mengalami masalah banjir, Sistem Ramalan Awal Banjir, Sistem Siren dan *Public Info* Banjir.

(a) Senarai projek yang dilaksanakan di KADUN Penanti adalah seperti di bawah:-

SENARAI PERANCANGAN KERJA BAGI TAHUN 2014 DI KADUN PENANTI		
BIL.	**PROGRAM**	**KOS (RM)**
1	Kerja-kerja pemulihan kualiti air dan pengukuhan tebing Di kawasan Tanjung Putus / Permatang Pasir/ Penanti	RM40,000
2	Kerja-kerja pemulihan kualiti air dan pengukuhan tebing Di kawasan Berapit / Tanah Liat	RM40,000
3	Menaiktaraf laluan ban di Ibu Bekalan Sungai Kulim	RM100,000
4	Mendalam dan membaiki sungai di kawasan pengairan	RM200,000
5	Kerja-kerja menaiktaraf tebing Sungai Ara di SPT	RM50,000
6	Kerja-kerja membina rumah pam di Sungai Mengkuang	RM250,000
7	Kerja-kerja penyelenggaraan sungai	RM500,000
8	Kerja-kerja penyelenggaraan parit dan taliair	RM150,000
	JUMLAH	RM1,250,000

(b) Perancangan untuk tahun 2014 adalah seperti di bawah:-

(c) Projek-projek pembangunan adalah merupakan penyelesaian jangka pendek dan bagi penyelesaian jangka panjang ianya meliputi kajian dan reka bentuk bagi seluruh kawasan lembangan sungai. Sistem saliran dalaman (internal drainage) di kawasan kampung memerlukan pengambilan balik tanah untuk melaksanakan kerja-kerja menaik taraf.

BIL	SENARAI PROJEK PERBELANJAAN	TAHUN
1	Mencuci dan Membersih syphon Parit Kg. Kota	2008

JUMLAH KESELURUHAN 2008

BIL	SENARAI PROJEK PERBELANJAAN	TAHUN
1	Menaiktaraf Struktur Lintasan DiSg. Mengkuang	2009
2	Menaiktaraf Tebing Taliair Sg. Kulim Dan Kerja - Kerja Berkaitan Dengannya	2009

JUMLAH KESELURUHAN 2009

BIL	SENARAI PROJEK PERBELANJAAN	TAHUN
1	Mengorek serta mendalamkan Sg.Mengkuang dan Sg. Tok Konam	2010
2	Kerja membina serta membaiki titi di Sungai Kubang Ulu, SPT	2010
3	Menaiktaraf Taliair 1-1R di kawasan pengairan Sg. Kulim, SPT	2010
4	Kerja-kerja pembersihan dan mengorek upstream di Sungai Kubang Semang, Penanti dan kerja-kerja berkaitan, SPT	2010

BIL	SENARAI PROJEK PERBELANJAAN	TAHUN
1	Mendalam dan membuang enapan serta memasang gabion di Sungai Mengkuang	2011
2	Menaiktaraf Sungai serta kerja berkaitan dgnya di Kpg Mengkuang Titi	2011
3	Memasang Gabion di Sg. Mengkuang di kawasan Saliran Pertanian Mengkuang serta lain-lain kerja yang berkaitan	2011
4	Menaiktaraf Infrastruktur Saliran Pertanian di Parit Haji Hassan, Permatang Nibong	2011
5	Menaiktaraf Titi Kubang Semang.	2011
6	Membina lintasan Kawasan Mengkuang/ Kubang Semang, SPT	2011
7	Kerja-kerja ukur rizab sungai Mengkuang Mukim 19	2011
8	Mengorek parit-parit kawasan Mengkuang/Kubang Semang	2011

JUMLAH KESELURUHAN 2011

1	Menaiktaraf taliair KB (JPS/SPT/N/SH/P/12/2012)
2	Kerja-kerja menaiktara taliair no.1 sambungan di Kg Bukit indera Muda
3	Kerja-kerja menaiktaraf taliair KB Di cabang Sungai Bongkok Keriang
4	Menaiktaraf infrastruktur sistem pengairan di skim Pengairan Sungai Kulim (JPS/N/SH/SPT/P/22/2012)
5	Menaiktaraf infrastruktur sistem pengairan di Kubang Semang skim Pengairan Sungai Kulim (JPS/N/SH/SPT/P/22/2012)
6	(Mendalam parit-parit di kawasan K5 Berhampiran Kg Kuala Mengkuang dan kerja-kerja berkaitan)
7	Menaiktaraf tebing Sungai Mengkuang (JPS/SPT/N/SH/P/9/2012)
8	(Menaiktaraf tebing Sungai Mengkuang berhampiran Kilang Lee Rubber)
9	Menaiktaraf tebing Sungai Bongkok Keriang (JPS/SPT/N/SH/P/11/2012)
10	Menaiktaraf / mendalam sungai Pasir (JPS/N/SH/SPT/P/19/2012)
11	Kerja-kerja pengukuhan tebing sungai di kawasan Tanjung Putus/Permatang Pasir/ Penanti
12	(kerja-kerja pengukuhan tebing sungai berhampiran sekolah tadika kg kubang ulu)
13	Menaiktaraf / mengorek parit-parit utama di kawasan Kubang Semang (JPS/N/SH/SPT/D/27/2012)

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Norlela binti Ariffin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

9. Berapakah agihan tahunan wang zakat Negeri Pulau Pinang dari tahun 2008 sehingga 2013 mengikut KADUN? Sila nyatakan,

   (a) Ibu Tunggal yang mempunyai anak-anak yang masih bersekolah?

   (b) Warga Emas yang ditinggalkan bersendirian.

   (c) Berapa ramai penerima zakat yang berjaya dibantu keluar dari golongan asnaf?

Y.A.B. Ketua Menteri:

9. Zakat Pulau Pinang tidak mempunyai statistik agihan tahunan mengikut KADUN tetapi sebaliknya agihan dibuat mengikut Kariah dan Pentadbiran Agama Daerah.

Bilangan Ibu Tunggal Yang Mempunyai Anak-Anak Yang Masih Bersekolah

Zakat Pulau Pinang mengagihkan bantuan mengikut asnaf. Ibu tunggal yang diberi bantuan mungkin tergolong asnaf Fakir atau Miskin. Dari tahun 2008 sehingga 2013 terdapat seramai 3,549 orang ibu tunggal telah menerima bantuan persekolahan daripada Zakat Pulau Pinang dengan jumlah agihan melebihi RM1.9 juta. Perincian agihan di bawah program ini adalah seperti di bawah:-

Agihan Bantuan Awal Persekolahan Kepada Ibu Tunggal Dari Tahun 2008 – 2013

TAHUN	2008	2009	2010	2011	2012	2013 (31 OKT)
AGIHAN (RM)	312,650.00	393,400.00	440,250.00	381,250.00	375,050.00	15,350.00

˘ Nota : Bantuan Awal Persekolahan bagi tahun 2013 akan mula diagihkan mulai 1 Disember 2013.

Warga Emas Yang Tinggal Berseorangan

Agihan Zakat kepada Warga Emas juga berdasarkan kepada asnaf Fakir atau Miskin. Asnaf ini

diberi bantuan secara sekaligus atau bulanan.

Status sama ada Warga Emas tinggal bersendirian ataupun bersama keluarga bukanlah menjadi faktor utama penilaian kelayakan pemohon menerima bantuan zakat kerana terdapat ramai Warga Emas yang tinggal bersama keluarga masih dibantu kerana waris mereka tidak berkemampuan.

Bilangan Asnaf Yang Berjaya Dibantu Keluar Daripada Golongan Asnaf

Zakat Pulau Pinang tidak mempunyai maklumat rekod sebenar asnaf yang telah terkeluar dari golongan asnaf. Matlamat utama agihan zakat di bawah Program Membasmi Kemiskinan dan Peningkatan Kualiti Asnaf adalah untuk meringankan bebanan dan menjaga kebajikan para asnaf melalui program-program bantuan yang disediakan seperti Bantuan Kewangan Bulanan, Bantuan Makanan Bulanan, Bantuan Kewangan Secara Sekali gus, Bantuan Perubatan serta Bantuan Bina dan Baikpulih Rumah. Zakat Pulau Pinang juga terlibat dengan Jawatankuasa Pembasmian Kemiskinan Peringkat Daerah dan Negeri untuk menyelesaikan masalah kemiskinan di Pulau Pinang.

Zakat Pulau Pinang juga memberi fokus kepada program-program pembangunan generasi kedua dengan matlamat untuk mewujudkan masyarakat yang celik ilmu dan seterusnya mengubah taraf hidup keluarga asnaf tersebut melalui program-program bantuan di bawah Program Pembangunan Pendidikan dan Pembangunan Modal Insan seperti Bantuan Awal Persekolahan, Bantuan Tajaan Pengajian Siswa/Siswi Di Institusi Pengajian Tinggi (IPT), Bantuan Permulaan Ke IPT Dalam dan Luar Negara, Program Didik Cemerlang Akademik, Program Kelas Persediaan Malam (PREP NIGHT CLASS) dan sebagainya.

Majoriti pelajar-pelajar yang mendapat Bantuan Tajaan Pengajian Di IPT telah menamatkan pengajian dan menjadi pembayar zakat di Pulau Pinang dan lain-lain negeri di mana mereka bekerja. Usaha-usaha juga telah diambil untuk mengenalpasti kelompok asnaf yang berjaya ini namun maklum balas yang diterima kurang memuaskan.

Di bawah Program Pembangunan Ekonomi, Zakat Pulau Pinang telah menumpukan usaha membangunkan asnaf dengan mewujudkan Bengkel-Bengkel Jahitan, Bengkel-Bengkel Makanan Kering dan Atrium My Rasa Cafe. Melalui program ini, asnaf yang terlibat telah mendapat pendapatan di antara RM400.00 – RM1,200.00 sebulan.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Norlela binti Ariffin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

10. Berapa peruntukan tahunan untuk Yayasan Islam dari tahun 2011 sehingga 2013? Sila nyatakan,

    (a) Amaun yang telah dibelanjakan di setiap KADUN?

    (b) Jenis perbelanjaan yang disalurkan ke setiap KADUN?

    (c) Apakah perancangan bagi tahun 2014 untuk KADUN Penanti?

Y.A.B. Ketua Menteri:

10. Pihak Yayasan Islam Pulau Pinang telah menerima “outright grant” pada tahun 2011 sebanyak RM1 Juta. Pada tahun 2012 Yayasan Islam Pulau Pinang tidak menerima sebarang peruntukan manakala pada tahun 2013 pihak Yayasan Islam Pulau Pinang telah mendapat geran tahunan sebanyak RM 800,000.00 sahaja.

    Program-program yang dirancang dan dilaksanakan oleh YIPP adalah berdasarkan perancangan tahunan dan keperluan semasa berdasarkan ketetapan yang dibuat oleh Ahli Lembaga Pengarah YIPP. Justeru, peruntukan yang ada tidak disalurkan mengikut DUN tetapi berdasarkan perancangan tahunan dan keperluan semasa.

    Buat masa ini, pihak YIPP tidak mempunyai sebarang rancangan untuk menyalurkan

perbelanjaan mengikut DUN tetapi melihat secara makro keperluan keseluruhan Negeri Pulau Pinang.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Norlela binti Ariffin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

11. Berapa peruntukan tahunan untuk Majlis Agama Islam Pulau Pinang dari tahun 2008 sehingga 2013? Sila nyatakan,

    (a) Amaun yang telah dibelanjakan di setiap KADUN?

    (b) Jenis perbelanjaan yang disalurkan ke setiap KADUN?

    (c) Apakah perancangan bagi tahun 2014 untuk KADUN Penanti?

Y.A.B. Ketua Menteri:

11. Peruntukan MAINPP bagi tahun 2008 - 2013 seperti di bawah:-

Untuk makluman, bagi jawapan (a) hingga (c) MAINPP tidak membuat perbelanjaan mengikut KADUN.

PERUNTUKAN MAINPP BAGI TAHUN 2008 – 2013

Tahun	2008	2009	2010	2011	2012	2013
Peruntukan	52,520,253.00	59,109,264.00	68.431,489.00	66,763,604.00	81,932,970.00	91,875,359.00

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Norlela binti Ariffin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

12. Berapa peruntukan tahunan untuk Jabatan Kebajikan Masyarakat dari tahun 2008 sehingga 2013? Sila nyatakan,

    (a) Amaun yang telah dibelanjakan di setiap KADUN?

    (b) Jenis perbelanjaan yang disalurkan ke setiap KADUN?

    (c) Apakah perancangan bagi tahun 2014 untuk KADUN Penanti?

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Norlela binti Ariffin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

12. Peruntukan Bantuan Am Tahunan yang diterima oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Pulau Pinang dari tahun 2008 hingga 2013 seperti jadual di bawah. Peruntukan bantuan kewangan kebajikan ini dibelanjakan kepada semua penerima bantuan di seluruh Negeri Pulau Pinang mengikut keperluan dan tahap ekonomi setiap penerima. Jabatan tidak menetapkan jumlah perbelanjaan tertentu mengikut KADUN tetapi sebaliknya melaksanakan agihan mengikut keperluan masyarakat.

JUMLAH PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT (2008 - 2013)

TAHUN	PERUNTUKAN DITERIMA	PERBELANJAAN
2008	3,000,000.00	2,925,800.00
2009	3,367,000.00	3,314,023.65
2010	3,733,000.00	3,706,811.80
2011	4,000,000.00	3,998,819.30

2012	5,124,700.00	5,051,513.00
2013	7,036,900.00	6,045,936.77

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Norlela binti Ariffin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

13. Berapakah agihan tahunan wang zakat Negeri Pulau Pinang dari tahun 2008 sehingga 2013 di setiap KADUN untuk:

    (a) Pembinaan rumah baru dan baikpulih rumah?

    (b) Melanjutkan pelajaran di Institut Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS), Politeknik, Matrikulasi dan Asasi?

    (c) Bantuan ekonomi?

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Norlela binti Ariffin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

13. Zakat Pulau Pinang tidak mempunyai statistik agihan tahunan mengikut KADUN tetapi sebaliknya agihan dibuat mengikut Kariah dan Pentadbiran Agama Daerah.

(a) Pembinaan Rumah Baru dan baik pulih rumah

(i) Pembinaan Rumah Baru

Mengikut rekod, Zakat Pulau Pinang telah mengagihkan sebanyak RM5.77 juta di bawah Program Bantuan Bina Rumah kepada 212 orang asnaf yang layak di seluruh Negeri Pulau Pinang dari tahun 2008 – 2013 seperti di bawah:-

Agihan Bantuan Pembinana Rumah Baru Dari Tahun 2008 - 2013

TAHUN	2008	2009	2010	2011	2012	2013 (31 OKT)	JUMLAH
AGIHAN (RM)	1,670,532.00	684,660.00	921,800.00	1,080,000.00	1,108,200.00	306,300.00	**5,771,492.00**

(ii) Baik Pulih Rumah

Mengikut rekod, Zakat Pulau Pinang telah mengagihkan lebih RM8 juta untuk disalurkan bagi membaik pulih 870 rumah asnaf yang layak di seluruh Negeri Pulau Pinang dari tahun 2008 – 2013 seperti di bawah:-

Agihan Bantuan Baikpulih Rumah Dari Tahun 2008 sehingga 2013

TAHUN	2008	2009	2010	2011	2012	2013 (31 OKT)	JUMLAH
AGIHAN (RM)	1,483,792.00	1,269,960.00	1,749,319.00	1,009,021.00	1,533,730.00	957,242.00	**8,003,064.00**

(b) Agihan di bawah Program Bantuan Permulaan ke IPT, IPTS, Politeknik, Matrikulasi dan Asasi

Dari tahun 2008 sehingga 2013, Zakat Pulau Pinang telah mengagihkan sebanyak RM16.68 juta di bawah Program Bantuan Permulaan Ke IPT Dalam dan Luar Negara bagi meringankan bebanan para pelajar yang melanjutkan pengajian ke IPTA dan IPTS dari peringkat Matrikulasi / Asasi sehingga ke Ijazah Pertama seperti di bawah:-

Agihan Bantuan Permulaan ke IPT Dari Tahun 2008 sehingga 2013
Keseluruhan Bantuan di Negeri Pulau Pinang

Peringkat Pengajian	2008	2009	2010	2011	2012	2013 (Okt)	JUMLAH
Sijil/ Matrikulasi/ Asasi	340,970.00	399,000.00	501,050.00	397,300.00	572,450.00	443,350.00	**2,654,120.00**
Diploma	699,350.00	874,600.00	811,300.00	1,356,100.00	1,417,350.00	1,084,550.00	**6,243,250.00**
Ijazah	752,800.00	944,500.00	1,699,300.00	1,374,700.00	1,788,550.00	1,218,900.00	**7,778,750.00**
Jumlah	**1,793,120.00**	**2,218,100.00**	**3,011,650.00**	**3,128,100.00**	**3,778,350.00**	**2,746,800.00**	**16,676,120.00**

(c) Bantuan Ekonomi

Zakat Pulau Pinang menyediakan peruntukan bantuan modal pusingan dan peralatan perniagaan untuk membantu usahawan yang terlibat dalam bidang perniagaan. Antara tahun 2008 sehingga 2010, bantuan disalurkan kepada asnaf yang terlibat dalam bidang perniagaan yang memerlukan bantuan modal atau peralatan bagi meneruskan kesinambungan perniagaan mereka seperti di bawah:-

Agihan Bantuan Modal dan Peralatan Perniagaan dari Tahun 2008 sehingga 2013

TAHUN	2008	2009	2010	2011	2012	2013 (31 OKT)	JUMLAH
AGIHAN (RM)	350,527.00	359,842.00	384,416.00	119,406.00	37,200.00	36,850.00	**1,288,241.00**

Walau bagaimanapun mulai tahun 2011, Zakat Pulau Pinang lebih memberi tumpuan kepada para asnaf yang mempunyai potensi menjadi usahawan dan berdaya maju. Sementara para asnaf yang menjalankan perniagaan tetapi tiada potensi untuk berkembang pihak Zakat Pulau Pinang akan mempertimbangkan bantuan lain yang lebih sesuai seperti bantuan sara hidup dan sebagainya.

Pada masa ini, Zakat Pulau Pinang memberi tumpuan kepada Program Pembangunan Ekonomi, Zakat Pulau Pinang telah menumpukan usaha membangunkan asnaf dengan mewujudkan Bengkel-Bengkel Jahitan, Bengkel-Bengkel Makanan Kering, dan *Atrium My Rasa Cafe*. Melalui program ini, asnaf yang terlibat telah mendapat pendapatan di antara RM400.00 – RM1,200.00 sebulan.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Norlela binti Ariffin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

14. Bagaimana proses permohonan Pembasmian Kemiskinan Negeri Pulau Pinang dari tahun 2008 sehingga 2013? Sila nyatakan,

(a) Jumlah yang telah memohon setiap tahun di KADUN Penanti dan setiap KADUN lain dari tahun 2008 hingga 2013?

(b) Berapa banyak permohonan yang telah berjaya dan ditolak, jika ditolak nyatakan sebabnya.

(c) Apakah kriteria kelayakan permohonan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

14. Proses permohonan bantuan kemiskinan yang dijalankan sejak 2008 hingga 2013 adalah melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat, Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah dan Pejabat Daerah dan Tanah. Permohonan perlu dibuat dengan mengisi borang permohonan dan siasatan akan

dilakukan sebelum sesuatu permohonan itu diluluskan.

(a) Bilangan permohonan di KADUN Penanti adalah sebanyak 997.

(b) Bilangan permohonan yang telah berjaya adalah seramai 13,556 orang dan seramai 8,426 orang tidak berjaya. Permohonan yang ditolak kerana tidak memenuhi syarat antaranya pendapatan perkapita melebihi RM220 seorang bagi bantuan negeri dan pendapatan keluarga melebihi paras garis kemiskinan melebihi RM720 bagi bantuan persekutuan.

(c) Kelulusan bantuan diberikan kepada penerima yang memenuhi syarat ditetapkan oleh jabatan iaitu Warganegara Malaysia, berpendapatan PGK keluarga tidak melebihi pendapatan garis kemiskinan semasa RM770 bagi bantuan persekutuan dan pendapatan perkapita individu RM220 seorang bagi Bantuan Am Negeri. Di samping itu jabatan juga mengambil kira faktor-faktor lain seperti bilangan anak/tanggungan yang tinggal bersama dan berasingan, tahap keupayaan ketua keluarga atau ahli keluarga, sokongan dari ahli keluarga, keadaan dan kelengkapan rumah berdasarkan keperluan keluarga dan faktor-faktor lain yang munasabah serta boleh memberikan gambaran kedudukan kewangan dan perbelanjaan harian pemohon/keluarga.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Norlela binti Ariffin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

15. Senaraikan projek pembangunan yang telah diusahakan oleh setiap Ahli Majlis dari tahun 2008 sehingga 2013 berdasarkan:

(a) Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) di setiap KADUN

(b) Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) di setiap KADUN.

Y.A.B. Ketua Menteri:

15. Tiada sebarang peruntukan yang diberikan kepada Ahli Majlis MPSP pada tahun 2008 hingga 2010.

(a) Senarai projek yang dinyatakan adalah merangkumi projek pembangunan sahaja dan tidak termasuk bekalan dan gotong-royong. Senarai projek adalah seperti di Lampiran A.

(b) Senarai projek infrastruktur yang telah diusahakan oleh Ahli Majlis MPPP dari tahun 2010-2013 Projek infrastruktur yang di bawah Ahli Majlis MPPP bermula dari tahun 2010 adalah seperti di Lampiran B (Tahun 2010), Lampiran C (Tahun 2011), Lampiran D (Tahun 2012) dan Lampiran E (Tahun 2013 – sehingga 12 November 2013).

Lihat folder lampiran Sol. No. 15 (ID548 BDNA)

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Norlela binti Ariffin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

16. Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk menyelesaikan masalah pencemaran udara, batu-batu yang diangkut bertaburan dan kerosakan jalan yang disebabkan kuari-kuari di KADUN?

(a) Senaraikan kuari yang dikenakan notis amaran.

(b) Berapa lesen yang diperbaharui dan tempoh jangkamasa lesen?

(c) Pecahan pekerja mengikut kewarganegaraan dan penduduk KADUN Penanti.

Y.A.B. Ketua Menteri:

16. Langkah-langkah yang telah diambil untuk mengatasi masalah pencemaran udara, batu-batu yang bertaburan dan kerosakan jalan ialah:

(i) Memastikan bahawa badan kenderaan itu dalam keadaan yang baik dan tidak ada celah atau lubang dari mana bahan-bahan boleh jatuh.

(ii) Memastikan bahawa bahan-bahan tidak diisi dalam kenderaan itu melebihi ketinggian sisi-sisi kenderaan itu.

(iii) Menutup bahan-bahan dengan kain tarpal, plastik kanvas atau lain-lain jenis kain yangsesuai.

(iv) Memastikan bahawa roda-roda dan tayar-tayar kenderaan itu dibersihkan sebelum kenderaan dibenarkan masuk ke mana-mana jalan atau tempat awam.

(v) Menjalankan percontohan cerobong bagi kuari yang mempunyai premix plant dan pemantauan kualiti udara ambien bagi memantau pelepasan habuk.

(vi) Disyaratkan oleh Jabatan Alam Sekitar supaya mendapat kelulusan Penilaian Kesan Alam Sekitar (EIA). Di dalam EIA juga dinyatakan kawalan-kawalan pencemaran yang perlu dilaksanakan dan sekiranya terdapat pelanggaran pihak JAS boleh mengambil tindakan

(vii) Pemantauan secara bersama antara jabatan teknikal seperti Pejabat Daerah dan TanahSeberang Perai Tengah (PDTSPT), Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Jabatan Kerja Raya (JKR), Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) dan Jabatan Alam Sekitar (JAS) bagi mengawal pencemaran udara, kerosakan jalan dan batu-batu yang jatuh di atas jalan akibat aktiviti kuari di KADUN Penanti, di samping bertindak berdasarkan aduan yang dibuat dari semasa ke semasa. Permasalahan yang diadukan turut dibincangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan (JKTD) di mana setiap jabatan akan bertindak mengikut kapasiti jabatan masing-masing.

(a) Syarikat yang pernah dikenakan notis amaran dan kompaun ialah:

(i) Syarikat Hanson Quarry Sdn. Bhd. kerana kegagalan mematuhi pelepasan asap dari *asphalt plant* dengan sewajarnya sehingga menyebabkan pelepasan asap hitam dari cerobong.

(ii) Syarikat Kuad Sdn. Bhd. pula didapati gagal mematuhi pengurusan buangan terjadual seperti yang diperuntukkan oleh Akta Alam Sekeliling 1974.

(b) Jumlah lesen yang diperbaharui dan tempoh jangka masa lesen adalah seperti di Lampiran.

Kerajaan Negeri tidak mempunyai maklumat atau data mengenai pecahan pekerja mengikut kewarganegaraan dan penduduk di KADUN Penanti yang terlibat dengan kuari.

Lampiran

BIL	NAMA SYARIKAT	ALAMAT	TARIKH KELULUSAN	LESEN SAH SEHINGGA
1	Top Base Structure Sdn.Bhd	Lot 909, MK 20 Guar Ipoh, 14000 Bukit Mertajam	28/11/1996	13/12/2013

2	Ban Seng Huat Sdn. Bhd	Lot 1486, MK 17 Berapit, 14000 Bukit Mertajam	28/11/1996	22/01/2014
3	Batu Tiga Quary Sdn. Bhd	Lot 1509, Guar Ipoh, 14400 Bukit Mertajam	29/05/1997	24/01/2014
4	Hanson Quarry Products Sdn.Bhd	Lot 706,379,1263,1264 & 1254, MK 20 Penanti 14000 Bukit Mertajam	21/05/1998	30/12/2014
5	Kuad Sdn Bhd	Lot 44, MK 20 Penanti 14000 Bukit Mertajam	20/10/1994	02/01/2014
6	Tar San Quarri Sdn.Bhd	Pt 43. MK 20 Guar Ipoh	20/01/1998	17/03/2014
7	Foo Yen Soo & Sons Sdn Bhd	Tbp 2519, MK 17, Jln Berapit	11/05/1994	03/01/2014
8	Lean Seng Chan (Quarry) Sdn.Bhd	Lot 1019, Kg. Tok Kangar, Juru	16/08/2013	05/01/2014
9	Kuad Sdn Bhd	Kuari Penanti MK 20, 14000 Bukit Mertajam	08/12/2009	06/03/2014
10	Hanson Quarry Products Sdn.Bhd	Lot 488, Jln Lima Kongsi Sungai Bakap	10/12/2010	17/12/2014

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Norlela binti Ariffin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

17. Senaraikan pelabur dan industri yang berjaya dibawa masuk oleh Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Industri Perdagangan Antarabangsa ke KADUN Penanti dari tahun 2008 hingga 2013? Sila nyatakan,

    (a) Pecahan pekerja mahir dan kurang mahir mengikut kewarganegaraan dan penduduk KADUN Penanti.

    (b) Berapa pendapatan dan keuntungan tahunan syarikat-syarikat ini?

    (c) Apakah perancangan untuk tahun 2014?

Y.A.B. Ketua Menteri:

17. Berdasarkan rekod yang ada, tiada pembangunan tanah industri di KADUN Penanti sepanjang tahun 2008 sehingga 2013. KADUN Penanti tidak dizonkan sebagai kawasan industri sebagaimana Program Pembangunan Tanah Industri oleh PDC yang tertumpu di bahagian Seberang Perai Tengah (Bukit Minyak & Penang Science Park) dan Seberang Perai Selatan (Batu Kawan) yang merupakan tanah pengambilan balik oleh PDC.

    (a) PDC dan Invest Penang tidak mempunyai maklumat berkaitan pecahan pekerja mahir dan kurang mahir mengikut kewarganegaraan dan penduduk KADUN Penanti Walau bagaimanapun, berdasarkan rekod oleh Invest Penang, menurut Laporan Penyiasatan Tenaga Buruh Malaysia 2012, jumlah penduduk bekerja di Pulau Pinang adalah 770,500 ribu orang, dan bilangan mengikut jenis kemahiran/kerja adalah seperti berikut:

        (i) Pengurus 52,000,
        (ii) Profesional 73,900
        (iii) Juruteknik dan professional bersekutu 100,100
        (iv) Pekerja sokongan perkeranian 77,700
        (v) Pekerja perkhidmatan dan jualan 157,900
        (vi) Pekerja mahir pertanian, perhutanan dan perikanan 17,200
        (vii) Pekerja kemahiran dan pekerja pertukangan yang berkaitan 84,800
        (viii) Operator loji dan mesin serta pemasangan 133,900
        (ix) Pekerjaan asas 73,000

    (b) Oleh yang demikian, PDC dan Invest Penang tiada maklumat berkaitan pendapatan dan keuntungan syarikat tersebut.

    (c) Bagi tahun 2014, tiada perancangan pembangunan tanah di KADUN Penanti kerana PDC masih menumpu kepada kawasan perindustrian baru di Tmn Perindustrian Batu Kawan.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Norlela binti Ariffin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

18. Senaraikan permohonan rumah mampu milik, kos rendah dan kos sederhana rendah di KADUN Penanti dari tahun 2008 sehingga 2013? Sila nyatakan:

(a) Berapa jumlah permohonan yang telah berjaya dan dotolak. Jika ditolak nyatakan sebabnya.

(b) Pecahan kaum, jantina mengikut peringkat umur, ibu tunggal.

(c) Apakah perancangan bagi tahun 2014 untuk KADUN Penanti?

Y.A.B. Ketua Menteri:

18. Jumlah permohonan Rumah Kos Rendah dan Kos Sederhana Rendah di Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Penanti dari tahun 2008 sehingga 2013 ialah 1,091. Manakala bagi permohonan perumahan mampu milik, Bahagian Perumahan elah menerima dan mendaftarkan masing-masing sebanyak 26,549 dan 2,696 pemohon yang berminat dengan projek di kawasan Pulau dan Seberang Perai. Pendaftaran ini ialah bagi tujuan kajian perancangan pembangunan projek kerana tiada dokumen sokongan disertakan untuk menentukan kelayakan pemohon dan tidak disenaraikan untuk menentukan kelayakan pemohon dan tidak disenaraikan mengikut KADUN. Borang pendaftaran sebenar akan dikeluarkan mulai 14 Disember 2013 dan borang tersebut boleh didapati di antara lain di Tingkat 3 KOMTAR atau secara atas talian di laman sesawang http://erumah.penang.gov.my.

(a) Jumlah permohonan yang berjaya bagi Rumah Kos Rendah ialah 291 orang manaka 119 bagi Rumah Kos Sederhana Rendah. Setiap permohonan yang telah ditolak adalah berdasarkan kepada syarat dan kriteria permohonan yang elah ditetapkan seperti di dalam Borang PN1. Justeru, Bahagian Perumahan tidak menyimpan data jumlah permohonan yang ditolak kerana permohonan akan disemak dan dikembalikan kepada pemohon pada masa tersebut juga.

(b) Permohonan mengikut pecahan kaum, jantika, peringkat umur dan ibu tunggal adalah seperti di lampiran.

(c) Tiada perancangan perumahan bagi tahun 2014 untuk KADUN Penanti.

Lihat Folder Lampiran Soalan No. 18 (ID552 – Bdr.NA)

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Norlela binti Ariffin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

19. Apakah langkah-langkah Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk melaksanakan dasar gender (gender policy) yang menggariskan tindakan-tindakan yang akan diambil untuk melaksanakan pembangunan mesra gender (gender responsive) di negeri ini? Sila nyatakan,

(a) Untuk projek perumahan berdasarkan indikator mesra gender.

(b) Untuk premis perniagaan, industri dan kompleks kerajaan.

(c) Untuk tempat-tempat rekreasi dan sukan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

19. Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa MMK Belia dan Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti dan Penang Women's Development Corporation (PWDC,) sedang dalam proses menggubal cadangan Dasar Gender dan Pelan Tindakan (2014-2018). Dasar Gender yang dicadangkan berprinsip bahawa golongan wanita dan lelaki perlu mendapat akses dan peluang yang sama (equal) dan kedua-dua golongan ini mesti diberi keadaan yang terbaik untuk membangun dan membina potensi mereka sepenuhnya dalam membentuk masyarakat dan kehidupan mereka sendiri.

Antara objektif yang dicadangkan adalah menstabilkan dan menjamin ekonomi untuk semua, kebebasan daripada keganasan berasaskan gender, responsif kepada gender dan penyertaan takbir urus yang baik serta memastikan peluang dan akses yang adil dalam bidang politik dan ekonomi walau bagaimanapun indikator khusus yang menjurus kepada projek perumahan, premis perniagaan, industri, kompleks hijau, rekreasi & sukan belum diwujudkan.

Langkah-langkah lain yang diambil oleh Kerajaan Negeri ialah:-

(i) Latihan dan pendidikan bagi semua pihak yang berkepentingan supaya dapat memahami konsep umum "mesra gender" (gender friendly) dan menghapuskan *stereotype gender* dan

(ii) Latihan dan pendidikan bagi semua pihak yang berkepentingan mengenai konsep "mesra gender" yang khusus sebagai contohnya dalam perancangan bandar dan penempatan (perumahan).

(iii) Mengarusperdanakan bajet responsif gender dalam proses perancangan anggaran bajet Kerajaan Negeri, yang mana sekarang telah dimulakan melalui satu projek perintis 3 - tahun, di peringkat pihak berkuasa tempatan iaitu Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP).

Langkah-langkah lain yang dicadangkan di bawah Penang Paradigm ialah mencadangkan penubuhan Penang Social Inclusion and Equal Opportunities Committee (SAKSAMA) menjelang 2018 di mana salah satu fungsi utama SAKSAMA adalah untuk menggalakkan kesaksamaan *gender* dalam agensi kerajaan. Satu mekanisme boleh diwujudkan dalam lingkungan SAKSAMA untuk menyelia mengarusperdanakan gender di jabatan-jabatan dan agensi-agensi Kerajaan Negeri.

PWDC pada pada masa kini sedang mengemaskini cadangan Senarai Semakan Gender untuk Reka Bentuk Bandar dan Penempatan/Perumahan. Senarai semak ini akan berfungsi sebagai garis panduan bagi melaksanakan pembangunan mesra *gender*. Pihak Kerajaan akan meminta kerjasama pelbagai jabatan dan agensi kerajaan, NGO dan CBO, syarikat-syarikat awam dan swasta, dan komuniti dan orang awam dalam pelaksanaannya.

Cadangan Senarai Semakan *Gender* untuk Reka Bentuk Bandar dan Penempatan/Perumahan meliputi indikator/penunjuk seperti berikut:

(i) Penilaian Sosial ;

(ii) Penyertaan Golongan Wanita ;

(iii) Proses Penyertaan (Participatory Process) ;

(iv) Kemudahan (dari segi jenis peruntukan dan lokasi) ;

(v) Pembinaan Komuniti yang Selamat ; dan

(vi) Peruntukan yang Adil.

Melaksanakan pembangunan mesra gender (gender responsive) di Negeri Pulau Pinang adalah amat penting. Memastikan keselamatan awam untuk semua gender akan menyumbang kepada pengekalan wanita dalam tenaga kerja, meningkatkan kadar penyertaan tenaga buruh wanita dan memajukan ekonomi negeri.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Norlela binti Ariffin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

20. Berapakah jumlah dan kadar pengangguran di KADUN Penanti dan setiap KADUN di Negeri Pulau Pinang dari tahun 2008 sehingga 2013? Sila nyatakan,

(a) Mengikut umur, *gender*, dan kaum.

(b) Taraf pendidikan.

(c) Apakah hasil daripada langkah-langkah yang telah diambil untuk mengurangkan kadar pengangguran?

Y.A.B. Ketua Menteri:

20. Kadar pengangguran tenaga buruh mengikut jantina bagi Negeri Pulau Pinang dari tahun 2008 sehingga 2011 adalah seperti dilampiran. Tiada data yang disimpan bagi penggangguran di KADUN atau peringkat daerah serta taraf pendidikan. Sebenarnya Pulau Pinang mengalami kekurangan 20,000 orang pekerja.

Di antara langkah-langkah yang diambil Kerajaan Negeri untuk mengurangkan pengangguran adalah dengan mewujudkan peluang-peluang pekerjaan melalui strategi-strategi berikut:-

(i) Menggalakkan pelaburan dalam industri-industri berteknologi tinggi dan nilai tambah tinggi seperti aerospace, peralatan perubatan dan sebagainya yang memerlukan tenaga kerja berkemahiran tinggi.

(ii) Menggalakkan tenaga kerja yang sedia ada untuk menjalani program latihan kemahiran sama ada di institut kemahiran tajaan kerajaan atau swasta demi meningkat kemahiran.

(iii) Memberi tumpuan kepada sektor teknologi maklumat dan perkhidmatan seperti Shared Service Outsourcing (SSO) dan Business Process Outsourcing (BPO) yang akan membuka lebih banyak peluang pekerjaan melalui syarikat-syarikat yang terlibat.

(iv) Menggalakkan perusahaan kecil dan sederhana (IKS) dalam penggunaan automasi untuk meningkat nilai rantaian bagi mengurangkan keperluan mereka mengambil pekerja asing. Dalam hal ini, Kerajaan Negeri telah menubuhkan SMART Centre untuk menyediakan kemudahan dan panduan kepada pengusaha IKS.

(v) Penubuhan Majlis Sains Pulau Pinang yang turut memperlihatkan hala tuju Pulau Pinang dalam melahirkan lebih ramai tenaga kerja yang berkemahiran sains dan teknologi.

(vi) Penubuhan Penang CAT Centre, bertujuan untuk membantu pencari kerja dengan peluang-peluang pekerjaan dengan kerjasama Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC), Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP), Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) dan Pulau Pinang Perbadanan Bekalan Air (PBAPP). Pusat ini juga berkerjasama dengan syarikat-syarikat multinasional dalam mengisi kekosongan jawatan di seluruh negara.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Norlela binti Ariffin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

21. Berapakah purata pendapatan setiap isi rumah di setiap KADUN dari tahun 2008 hingga 2013? Sila nyatakan,

(a) Pecahan mengikut kaum, umur, dan gender.

(b) Apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk memberi jaringan keselamatan sosial kepada mereka yang hilang pendapatan secara tiba-tiba disebabkan oleh kematian, hilang pekerjaan dan kemalangan pencari nafkah?

Y.A.B. Ketua Menteri:

21. (a) Menurut bancian dari Jabatan Perangkaan Malaysia, data yang diterbitkan adalah mengikut sempadan pentadbiran Mukim dan bukannya kawasan DUN. Tambahan pula, kawasan DUN bukanlah aggregat Mukim maka tiada data yang dapat diberikan bagi peringkat kawasan DUN.

Menurut Laporan Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah dan Kemudahan Asas tahun 2009 dan 2012 yang diterbitkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, purata pendapatan isi rumah bulanan di Negeri Pulau Pinang secara keseluruhannya adalah sebanyak RM4,407.00 pada tahun 2009 dan RM5,055.00 pada tahun 2012.

(b) Kerajaan Negeri prihatin terhadap kebajikan rakyatnya dengan memberikan bantuan kepada semua lapisan masyarakat termasuk kepada mereka yang hilang pendapatan secara tiba-tiba disebabkan kematian, kemalangan / hilang pekerjaan, pencari nafkah mereka boleh memohon melalui Pejabat Daerah di bawah Program Pembasmian Kemiskinan.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Norlela binti Ariffin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

22. Bilakah Penang Paradigm akan dilaksanakan? Sila nyatakan,

(a) Berapa kos yang telah dibelanjakan untuk penyediaan pelan?

(b) Berapa ramaikah penduduk KADUN Penanti yang terlibat dalam penyediaan pelan tersebut?

(c) Berapa banyak peruntukan untuk pelaksanaan Penang Paradigm di KADUN Penanti dan di setiap KADUN?

Y.A.B. Ketua Menteri:

22. "Penang Paradigm" atau Pelan Induk Paradigma Pulau Pinang telah dilancarkan secara rasminya pada 23 Februari 2013. Pelan Induk ini merupakan rangka pelan pembangunan selama 10 tahun bermula tahun 2013 dengan matlamat untuk mewujudkan negeri pintar dan antarabangsa dengan "masyarakat yang seimbang" dan merangkumi sifat-sifat kemakmuran, pemerkasaan politik, kemajuan sosial, daya intelektual yang kreatif, alam sekitar yang lestari serta kepesatan budaya.

(a) Kos yang telah dibelanjakan untuk 'Penang Paradigm' adalah sebanyak RM47,889.68 dan dibiayai oleh Penang Institute. Kos ini merangkumi kos kajian, sesi perbincangan meja bulat "Focus Group Discussion" bersama *stakeholders* termasuk penduduk setempat, Badan Bukan Kerajaan (NGO), ahli akademik serta agensi-agensi kerajaan.

(b) Bagi penyertaan KADUN pula, tidak ada perangkaan khusus yang dibuat mengikut KADUN memandangkan metodologi kajian yang digunakan adalah merangkumi keseluruhan Negeri Pulau Pinang.

(c) Tiada peruntukan khas yang disediakan untuk setiap KADUN untuk pelaksanaan Penang Paradigm ini memandangkan ia bersifat menyeluruh.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Norlela binti Ariffin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

23. Senaraikan jenis lesen yang telah dikeluarkan oleh Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) untuk penduduk KADUN Penanti dari tahun 2008 hingga 2013. Sila nyatakan,

(a) Bilangan pemegang setiap jenis lesen.

(b) Berapa ramai penduduk Penanti yang telah mendapat gerai dan pasar Majlis

Perbandaran Seberang Perai (MPSP)?

(c) Pecahan *gender* dan peringkat umur bagi setiap jenis lesen.

Y.A.B. Ketua Menteri:

23. Senarai jenis lesen yang telah dikeluarkan oleh MPSP adalah seperti berikut :-

(i) Lesen penjaja
(ii) Lesen premis Am
(iii) Lesen premis Industri
(iv) Lesen Veterinar

Berkaitan dengan soalan (a), (b) dan (c) MPSP tidak dapat membekalkan maklumat memandangkan manual maklumat yang di simpan di dalam sistem tidak mengikut KADUN. Pengiraan secara manual tidak wajar dilaksanakan kerana melibatkan data yang terlalu banyak.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Norlela binti Ariffin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

24. Apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk pembangunan wanita di setiap KADUN dari tahun 2008 hingga 2013? Sila nyatakan,

(a) Apakah perancangan bagi membantu ibu-ibu tunggal selain daripada hadiah RM100 setiap tahun?

(b) Senaraikan pusat jagaan kanak-kanak komuniti dan taska di rumah yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Jabatan Pendidikan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

24. Kerajaan Negeri telah menjalankan beberapa program dan aktiviti sebagai langkah-langkah untuk pembangunan wanita, antaranya:-

(i) Menjalankan latihan-latihan kepimpinan dan takbir urus baik melalui Gender and Good Governance Society (3GS) dari tahun 2010 ke 2012. Melalui latihan ini ramai wanita telah lebih memahami tentang peranan sebagai pemimpin dalam proses demokrasi dan menjadi pemimpin di tempat masing- masing.

(ii) Menubuhkan Pusat Perkhidmatan Wanita (PPW) di Seberang Perai, untuk wanita mendapat khidmat kaunseling dan nasihat untuk mereka yang mengalami keganasan rumah tangga atau gangguan seksual. Perkhidmatan yang diberikan oleh PPW telah membuka mata tentang isu-isu keganasan terhadap wanita dan cara untuk membuat laporan dan wanita juga mengetahui agensi atau institusi yang mereka boleh mendapatkan bantuan.

(iii) Mendukung initiatif memperkasakan usahawan wanita melalui program-program dan latihan.

(iv) Menubuhkan dua pusat jagaan kanak-kanak masing di Padang Tembak, Daerah Timur Laut, dan di Taman Serumpun, Seberang Perai Tengah untuk membolehkan ibu-ibu mendapatkan perkhidmatan jagaan kanak-kanak yang selamat untuk ibu-ibu bekerjaya.

(v) Penubuhan Penang Women's Development Corporation (PWDC) pada Nov 2011, bagi membantu keberkesanan implementasi kegiatan-kegiatan anjuran Kerajaan Negeri untuk membangun wanita. Sehingga kini PWDC telah melatih lebih 1500 orang wanita dalam berbagai jenis latihan termasuklah latihan pemahaman tadbir urus baik, latihan kepimpinan dan latihan penjagaan kanak-kanak (sijil diakui oleh Jabatan Kebajikan

Masyarakat untuk peserta membuka taska/pusat jagaan kanak-kanak).

(vi) Skim Mikrokredit Projek Titian Saksama Rakyat (PTSR) yang membantu golongan wanita yang mempunyai usaha kecil mendapatkan dana untuk mengembangkan usaha perniagaan mereka.

(a) Perancangan bagi membantu ibu-ibu tunggal selain daripada hadiah RM100 setiap tahun adalah dengan memberi latihan kemahiran (skills training), akses kepada skim mikrokredit Kerajaan Negeri seperti Program Titian Saksama Rakyat dan memberi bantuan pelajaran untuk anak-anak mereka melalui skim sedia.

(b) Pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Pusat Jagaan Kanak-kanak (PJKK) yang sedia ada sekarang adalah dikategorikan di bawah PJKK di Padang Tembak, Daerah Timur Laut dan di Taman Serumpun, Seberang Perai Tengah dimana kos pengurusannya ditanggung oleh pihak Kerajaan Negeri. Perkhidmatan ini disediakan untuk keluarga berpendapatan rendah dan bayaran yang di kenakan adalah sebanyak RM50 seorang anak. Kerajaan Negeri sedang dalam perancangan untuk menyediakan Taska (perkhidmatan penjagaan kanak-kanak bagi bayi sehingga kanak-kanak berumur empat tahun) di KOMTAR bagi kemudahan kakitangan kerajaan. Pusat Jagaan kanak-kanak dibawah kawalan JKM yang berdaftar adalah sebanyak 53 buah dan TASKA di Rumah sebanyak 13 buah.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Norlela binti Ariffin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

25. Bagaimana peruntukan dari Jawatankuasa Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMK) Teknologi dan Inovasi digunakan dari tahun 2008 hingga 2013?

(a) Senaraikan pusat-pusat Sains dan Inovasi yang telah ditubuhkan di Seberang Perai dan di bahagian Pulau.

(b) Jenis perbelanjaan yang disalurkan ke setiap KADUN?

(c) Jika pusat inovasi dibuka di KADUN Penanti, bagaimanakah pihak MMK akan membantu?

Y.A.B. Ketua Menteri:

25. Peruntukan MMK Sains, Teknologi dan Inovasi ini disalurkan untuk Program Penggalakan Sains dan Teknologi (PPST) iaitu bagi menjalankan program-program yang berteras sains, teknologi & inovasi bagi manfaat rakyat Negeri Pulau Pinang. Di antara program yang dilaksanakan dari tahun 2008 - 2013 adalah:-

(i) Program Exploring Engineering and Aerospace
(ii) Science & Tech. Literacy Competition Among Secondary School Penang
(iii) Bengkel Anjuran Friends Penang Botanical Garden
(iv) Program Biosains anjuran Penang Butterfly Farm
(v) Bengkel Anjuran Pusat Kajian Samudera dan Pantai
(vi) Program Insect Collection oleh Pusat Pengajian Sains Kajihayat USM
(vii) Program Reducing Ecological Foot Print On Earth dianjurkan oleh Sameo Recsam
(viii) Coastal Science Investigation Programme.
(ix) Program Literasi Sains dan Teknologi
(x) First Malaysian Astronomy Programme for Primary and Secondary School
(xi) Bengkel Incredible Insect oleh Butterfly Farm
(xii) Bengkel Sains Marin oleh Pusat Pengajian Sains Kajihayat USM
(xiii) Program Penang Science Fair
(xiv) Program Penang International Science Fair
(xv) Program Exploring Nature with Orny oleh Penang Butterfly Farm

(xvi) Program Biodiversity Role of Bird in Earth's Biodiversity
(xvii) Training fo trainers- The Mangrove Ecosystem
(xviii) Kuiz Sains Etnomologi Peringkat Sekolah
(xix) Program From Seeds to Trees : a Seeds Safari

(a) Kerajaan Negeri telah mengambil inisiatif melalui Penang Tech Centre Bhd, sebuah anak syarikat kepunyaan PDC untuk menubuhkan sebuah Pusat Sains Pulau Pinang (Penang Tech Centre) yang dijangka siap dibina pada penghujung tahun 2015 melalui ana sumbangan daripada syarikat swasta, MNCs dan Kerajaan Negeri. Lokasi Pusat ini adalah di DOME, KOMTAR dan pusat ini akan memaparkan perkakasan dan perisisan dibuat di Pulau Pinang dan diselitkan dengan kandungan sains, teknologi dan inovasi.

(b) Tiada pecahan perbelanjaan di bawah Jawatankuasa MMK Sains, Teknologi & Inovasi yang disalurkan kepada setiap KADUN. Walau bagaimanapun, peruntukan yang diterima di bawah Jawatankuasa MMK ini dari tahun 2008 – 2013 adalah sebanyak RM122,200.00 bagi setiap tahun.

(c) Kerajaan Negeri sentiasa membantu apa jua inisiatif yang memberi faedah kepada rakyat dan negeri umumnya. Bantuan dalam pelbagai bentuk tertakluk kepada keperluan pusat inovasi tersebut boleh dipertimbangkan. Oleh itu mana-mana institusi yang memerlukan bantuan seumpamanya termasuk di DUN Penanti boleh mengemukakan cadangan kepada Jawatankuasa MMK Sains ,Teknologi dan Inovasi.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Norlela binti Ariffin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

26. Bagaimana proses pelantikan syarikat untuk mendapatkan tender pengutipan sampah di Daerah Seberang Perai Tengah (SPT) dari 2008 hingga 2013? Sila nyatakan,

(a) Berapa banyak syarikat yang telah masuk tender dan disenarai pendek?

(b) Apa kriteria syarikat yang dianugerahkan kontrak?

(c) Apakah perancangan bagi tahun 2014 untuk KADUN Penanti dan SPT?

Y.A.B. Ketua Menteri:

26. (a) Tiada perlantikan kontraktor baru dibuat bagi Tender Perkhidmatan Pelupusan Sampah semenjak tahun 2005 sebaliknya menyambung kontrak sediada sehingga diambil alih keseluruhan oleh MPSP pada 1 Januari 2014.

(b) Secara amnya perlantikan kontraktor dibuat atas kriteria berikut:-

(i) Memenuhi semua kelayakan yang dinyatakan dalam dokumen tender.

(ii) Kedudukan kewangan yang kukuh.

(iii) Track record yang baik dengan MPSP atau agensi-agensi Kerajaan. Lain.

(iv) Pengalaman kerja.

(v) Memenuhi kehendak Teknikal / Spesifikasi / *Statement of Compliance* / Penilaian Fizikal.

(vi) Tempoh siap atau tempoh penghantaran.

(vii) Harga yang munasabah.

(c) Ketika ini terdapat hanya satu (1) kontraktor Perkhidmatan Pelupusan Sampah (PPS)

dan dua (2) kontraktor Kerja Pembersihan Awam (KPA) yang masih memberi perkhidmatan di KADUN Penanti. Bagi perancangan berikutnya, MPSP akan mengambil alih keseluruhan kerja-kerja tersebut mulai pertengahan 2014 secara berperingkat.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Norlela binti Ariffin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

27. (a) Senaraikan rumah-rumah kebajikan warga Islam dan bukan Islam untuk warga emas, anak-anak emas (terbuang) yang telah ada dan telah diluluskan dengan syarat dan telah diberi lesen oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat dari tahun 2008 hingga 2013.

(b) Apakah tindakan yang telah diambil ke atas rumah rumah warga tercinta yang masih beroperasi tanpa permit dan lesen?

Y.A.B. Ketua Menteri:

27. Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) memberi perhatian kepada rumah-rumah kebajikan yang diuruskan oleh pertubuhan-pertubuhan sukarela bagi memastikan elemen penjagaan, pemeliharaan dan perlindungan diberi keutamaan. Sehubungan itu, JKM menguatkuasakan pendaftaran semua rumah-rumah kebajikan untuk didaftarkan di bawah Akta Pusat Jagaan 1993.

Sehingga kini, JKM telah mengenalpasti sebanyak 67 buah pusat jagaan warga emas sedang beroperasi di Negeri Pulau Pinang dan sebanyak 20 buah telah diberi perakuan pendaftaran, manakala sebanyak 65 buah pusat jagaan kanak-kanak sedang beroperasi di Negeri Pulau Pinang dan sebanyak 53 buah telah diberi perakuan pendaftaran.

(a) Bagi rumah-rumah kebajikan warga emas dan kanak-kanak yang tidak berdaftar tindakan sedang dan akan diambil oleh JKM seperti berikut:

(i) Pemantauan dan pemeriksaan ke premis pusat jagaan bagi memastikan pengendali mematuhi kehendak Akta Pusat Jagaan 1993 dan Peraturan-Peraturan Pusat Jagaan 1994. Khidmat nasihat mengenai prosedur serta standard minimum untuk pendaftaran pusat jagaan akan diberikan.

(ii) Surat Peringatan akan dikeluarkan kepada pihak pengendali sekiranya masih gagal untuk mendaftarkan pusat jagaan.

(iii) Notis Lak akan diberikan sekiranya pihak pengendali gagal untuk mendaftarkan pusat jagaan dalam tempoh 21 hari.

(iv) Pengkompaunan akan dilaksanakan sekiranya pihak pengendali gagal mematuhi kehendak Akta dan Peraturan Pusat Jagaan.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Norlela binti Ariffin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

28. Senaraikan laluan pengangkutan awam di setiap KADUN dari tahun 2008 hingga 2013? Sila nyatakan,

(a) Berapa buah bas yang sedia ada?

(b) Kekerapan jadual perjalanan bas?

(c) Apakah perancangan untuk menambah pengangkutan awam yang sedia ada di KADUN Penanti pada tahun 2014?

Y.A.B. Ketua Menteri:

28. Berikut dilampirkan laluan pengangkutan awam bas bagi setiap KADUN di seluruh Pulau Pinang.

(a) Rapid Penang = 256 buah bas.
Cityliner = 32 buah bas.
Rangkaian Setia = 3 buah bas.

(b) Kekerapan bas bermula dari 15 minit setiap bas sehingga 80 minit pada satu-satu masa mengikut keadaan trafik semasa.

(c) Perancangan untuk menambah pengangkutan awam sedia ada di Seberang Perai padatahun 2014 termasuk KADUN Penanti adalah memastikan terdapat perkhidmatan bas di semua laluan-laluan utama untuk kegunaan orang ramai. Kerajaan Negeri juga sedang berbincang dengan semua pihak berkenaan termasuk pihak SPAD dan operator bas mengenai perkara ini.

BIL	LALUAN		DESTINASI	JUMLAH BAS
1	586	BUTTERWORTH - RNR(BKE)-BALING	Penang Sentral-BKE-Sg. Karangan-Kuala Ketil-Tawar-Binjul-Kupang-Baling	2
2	52	BUTTERWORTH - PADANG SERAI	Penang Sentral-Bagan Luar-Bagan Ajam-Sg. Puyu-Sg Dua-Pokok Sena-Tasek Gelugor-Kg Selamat-Padang Serai	5
3	60	BUTTERWORTH - BUKIT MERTAJAM	Penang Sentral-Chain Ferry-Tmn. Indrawasih-Chai Leng Park-Pacific-Jln Baru-Permatang Rawa-Bukit Mertajam	7
4	63	BUTTERWORTH - TAMAN PELANGI	Penang Sentral-Chain Ferry-Tmn. Indrawasih-Chai Leng Park-Pacific-Kawasan Perindustrian Perai-Tmn Pelangi	2
5	99	BUKIT MERTAJAM - JURU	B.M Plaza-Desa Damai-Jln Kebun Sireh-Simpang Juru-Simpang Semilang-Kuala Juru	2
6	514	BUTTERWORTH - NIBONG TEBAL - PARIT BUNTAR (Lebuhraya)	Penang Sentral-Parit Buntar(lebuhraya melalui Jawi, Nibong Tebal, Simpang Sembilan)-Pusat Bandar	4
7	97	BUKIT MERTAJAM-NIBONG TEBAL-PARIT BUNTAR	B.M Plaza-Desa Damai-Kebun Sireh-Bkt Tengah-Simpang Juru-Valdor-Permatang Tinggi-Jawi-Nibong Tebal-Simpang Sembilan-Parit Buntar	4
8	517	BUTTERWORTH-KEPALA BATAS-SG PETANI	Penang Sentral-Bagan Ajam-Telok Air Tawar-Kepala Batas-Sg Petani	4
9	506	BUTTERWORTH-BKT MERTAJAM-MACHANG BUBOK-KULIM	Penang Sentral-Bukit Mertajam-Hospital-Cherok To' Kun-Machang Bubok-Kulim	2
				32

PERKHIDMATAN RANGKAIAN SETIA

1	15	BKT MERTAJAM - PERMATANG TINGGI
2	16/17	BKT MERTAJAM - TAMAN SEJAHTERA
3	20	BKT MERTAJAM - PADANG SERAI
4	51	BKT MERTAJAM - LUNAS
5	107	BKT MERTAJAM - KULIM
6	108	BKT MERTAJAM - BUKIT TEH

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Norlela binti Ariffin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

29. Apakah langkah-langkah untuk menaik taraf ekonomi penduduk di dua puluh lapan (28) kampung di KADUN Penanti dari tahun 2008 hingga 2013? Sila nyatakan,

(a) Langkah-langkah yang akan diambil untuk menaik taraf Kampung Terus, Sungai Lembu dan Mengkuang Titi sebagai destinasi pelancongan.

(b) Apakah tindakan yang akan diambil untuk memastikan Empangan Ampang Jajar tidak menyekat laluan nelayan ketika air pasang?

Y.A.B. Ketua Menteri:

29. (a) Langkah-langkah Kerajaan Negeri melalui Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) telah memperuntukkan sejumlah peruntukan setiap tahun di bawah P.01 Butiran 64 Projek Khas Ekonomi kepada setiap Pejabat Daerah dan Tanah untuk menjalankan dan melaksanakan program-program bagi meningkatkan ekonomi dan menaik taraf ekonomi penduduk untuk semua kawasan. Antara program di bawah Butiran 64 Projek Khas Ekonomi adalah:

(i) Program Projek Pembaikan Rumah Rakyat Termiskin;

(ii) Program Peningkatan Ekonomi – Bantuan Peralatan;

(iii) Program Pembaikan Gerai-Gerai;

(iv) Program Pembangunan Modal Insan; dan

(v) Program Menaik taraf Jalan Kampung dan Dewan Orang Ramai.

Langkah-langkah lain yang akan diambil untuk menaik taraf Kampung Terus, Sungai Lembu dan Mengkuang Titi sebagai destinasi pelancongan adalah:

(i) Menaik taraf sistem jalinan perhubungan jalan-jalan kampung dan jalan raya utama supaya lebih selesa;

(ii) Menaik taraf sistem perparitan dan saliran di dalam kawasan-kawasan kampung supaya lebih bersistematik;

(iii) Menaik taraf dan membaiki Homestay Mengkuang Titi dan kawasan sekitar supaya lebih selesa bagi menarik pelancong luar dan tempatan untuk menginap di sana serta mempelbagaikan acara-acara dan produk-produk tempatan dengan kerjasama Kementerian Pelancongan Malaysia;

(iv) Mengadakan program-program dan acara-acara di kawasan Empangan Mengkuang supaya dapat menarik pelancong luar dan tempatan ke kawasan Mengkuang;

(v) Memperkasakan industri kecil dan sederhana di Kampung Terus di dalam perusahaan kerepek, maruku dan sebagainya dengan bimbingan daripada Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) dan Jabatan Pertanian Negeri;

(vi) Mengatur dan mengadakan program dan acara dikawasan penanaman padi di Kampung Terus dengan penglibatan Jawatankuasa Kemajuan, Keselamatan dan Komuniti; dan

(vii) Mewujudkan pusat perniagaan buah-buahan setempat di kawasan Sungai Lembu bagi memperkenalkan Sungai Lembu sebagai sebuah kawasan pelancongan buah-buahan seperti durian dengan penubuhan koperasi atau persatuan dengan seliaan dan tunjuk ajar daripada FAMA atau Jabatan Pertanian Negeri.

No	No Laluan	Lokasi	Bil Bas	Bil Trip - Harian	Kekerapan (minit)
1	101	Weld Quay – Teluk Bahang	26	260	7m - 15
2	102	Airport – Teluk Bahang	5	39	45 - 55
3	103	Tanjung Bunga – Weld Quay via Jalan Kelawai	4	58	30 - 40
4	104	Tanjung Bunga - Weld Quay via Fettes Park	4	27	30 - 40
5	201	Paya Terubung – weld Quay via Air Itam	14	150	10 – 15
6	202	Paya Terubung – Weld Quay via Farlim	12	126	10 – 15
7	203	Air Itam – Weld Quay via Farlim	10	129	10m-15
8	204	Penang Hill – Weld Quay via Kg Melayu	6	87	20 – 30
9	206	Weld Quay – Tesco Tg Kudin via Island Glades	6	74	25 - 35
10	301	Weld Quay – Relau	14	130	15 – 20
11	302	Weld Quay – Batu Maung	14	96	20
12	303	Bukit Gedung – Weld Quay	10	94	20 – 30
13	304	Bukit Gedung – Plaza Gurney via Komtar	6	56	35 – 45
14	305	Terminal Sungai Nibong – Teluk Tempoyak	1	13	180
15	306	Airport – Hospital via Farlim	4	46	45 – 55
16	307	Weld Quay – Bayan Baru via Jelutong Highway	4	56	35 – 45
17	308	Terminal Eksp. Sungai Nibong – Gertak Sanggul	6	61	30 - 40
18	401	Balik Pulau – Weld Quay via Jelutong	10	81	20 – 30

(b) Empangan Sungai Perai di Ampang Jajar yang dimaksudkan merupakan struktur utama pintu kawalan air pasang surut JPS yang sudah tidak beroperasi. Kesemua pintu air tersebut telah dibuka sepanjang masa sehingga kini. JPS telah mempunyai perancangan untuk mengeluarkan pintu-pintu tersebut yang akan dilaksanakan setelah pendapat kelulusan dan mempunyai peruntukan mencukupi.

Perancangan ini dibuat bagi menjamin keselamatan pengguna laluan air dan menyelesaikan masalah yang dihadapi ketika ini.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Norlela binti Ariffin) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

30. Dari tahun 2008 hingga 2013, senaraikan mengikut KADUN jumlah kawasan perindustrian, gerai, dewan orang ramai, jeti dan stor nelayan, tempat bersukan dan tempat rekreasi yang telah dibangunkan oleh Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Perbandanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) dan Kerajaan Negeri yang baru di bina, dibaik pulih dan yang dirancangan bagi tahun 2014.

Y.A.B. Ketua Menteri:

30. MPSP tidak membina gerai dan dewan orang ramai dari tahun 2008 sehingga 2013. Senarai gerai dan dewan orang ramai yang telah dibaik pulih oleh MPSP dari tahun 2008 sehingga 2013 seperti di Lampiran A. Pada tahun 2014, MPSP mempunyai rancangan untuk membina sebuah dewan orang ramai bertempat di Bandar Perda dalam KADUN Seberang Jaya.

Senarai mengikut KADUN jumlah tempat rekreasi yang telah dibangunkan oleh Kerajaan Negeri adalah seperti berikut:-

Di KADUN Pinang Tunggal tempat rekreasi yang dibangunkan ialah Vision Park melalui CSR oleh Bertam Properties, manakala di KADUN Telok Ayer Tawar dan Sungai Dua telah dibangunkan Pusat Rekreasi Pantai Robina dan Taman Rekreasi Ayer Hitam oleh JPS dan Jabatan Perhutanan. Di KADUN Bagan Jermal pula, Taman Tugu Demokrasi telah dibangunkan pada tahun 2011 melalui CSR. Manakala di Bagan Dalam dan Seberang Jaya, Taman Linear Semilang dibangunkan oleh MPSP tetapi ini merupakan projek lama melebihi 20 tahun.

Di KADUN Permatang Pasir, MPSP telah membangunkan Taman Bandar Ampang Jajar pada tahun 1994, manakala PBAPP telah mewujudkan kawasan rekreasi di Empangan Mengkuang di DUN Penanti. Hutan lipur Cherok Tok Kun di Berapit telah ditambah baik oleh Jabatan Perhutanan dengan peruntukan Kementerian Pelancongan. Tahun ini, PBAPP telah membangunkan Taman Rekreasi Bukit DO di Padang Lalang. Di DUN Sungai Bakap dan Sungai Acheh terdapat Hutan Lipur Bukit Panchor, Taman Rekreasi Ampang Jajar Kerian dan Taman Rekreasi Kebun Baru yang merupakan kawsan rekreasi lama. Taman Rekreasi terbaru terletak di DUN Jawi iaitu Taman Rekreasi Pulau Burong yang telah dibangunkan tahun ini oleh PLB Terang Sdn. Bhd., pemegang kontrak Tapak Pelupusan Pulau Burong.

Dari tahun 2008 hingga 2013, PDC telah melaksanakan 3 projek di Seberang Perai yang melibatkan 2 Dewan Komuniti iaitu di Seberang Jaya dan Batu Kawan dan 1 projek kawasan perindustrian Batu Kawan serta 1 projek di bahagian Pulau yang melibatkan balai nelayan di sebelah Polis Marin. Manakala bagi tahun hadapan, PDC akan membangunkan Penang Science Park di Bukit Minyak.

PDC akan menyediakan kemudahan-kemudahan seperti dewan, pusat komuniti, tapak penjaja, padang bola dan kawasan lapang di projek-projek PDC mengikut kehendak / syarat PBT dari semasa ke semasa.

Tempat bersukan yang telah dinaik taraf serta dibangunkan oleh Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang seperti berikut:-

(i) Tempat Bersukan Baru Dibina

Menaik taraf Kompleks Sukan Titi Mukim dengan Membina Gelanggang Futsal dan membina Gelanggang Petanque pada Tahun 2012 di KADUN Penaga.

(ii) Tempat Bersukan Dibaik pulih

Menaik taraf Kelab Menembak Pulau Pinang pada Tahun 2009 di KADUN Kebun Bunga. Lain-lain kemudahan yang telah dinaik taraf pada tahun 2010 ialah Pusat Latihan Gimnastik dan Pusat Latihan Gimnasium, Pusat Latihan Wushu Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang di KADUN Batu Uban dan menaik taraf Dataran Kejat Stadium Negeri Batu Kawan di KADUN Bukit Tengah.

Majlis Sukan Negeri juga menaik taraf Pusat Latihan Angkat Berat SMK Seri Balik Pulau Pinang pada Tahun 2011 di KADUN Pulau Betong dan Kem Bina Diri Pantai Robina di KADUN Teluk Ayer Tawar dan Wisma Angkat Berat Bukit Mertajam di KADUN Berapit pada Tahun 2012.

(iii) Tempat Bersukan Yang Dirancang Tahun 2014

Projek Membina Gelanggang Bola Keranjang, Gelanggang Tenis dan Gelanggang Futsal di Perkarangan Tempat Letak Kenderaan Stadium Negeri Batu Kawan di KADUN Bukit Tengah.

Membina Gelanggang Woodball di Kompleks Sukan Titi Mukim di KADUN Penaga.

Menaik taraf Kelab Menembak Pulau Pinang di KADUN Kebun Bunga.

Pada tahun 2013, JKR Pulau Pinang hanya melaksanakan kerja-kerja pembaikan dewan orang ramai iaitu di Dewan Millenium. Antara kerja-kerja baik pulih yang dilakukan ialah:-

(i) Bumbung bocor

(ii) Baiki tandas dan lain-lain

lihat folder lampiran ID604 (YBDNA30)

(XXVI) Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

1. (a) Dalam perindustrian Negeri Pulau Pinang, 46% adalah bagi industri elekronik dan 54% adalah bagi pelancongan, perkhidmatan dan entrepot. Apakah strategi Kerajaan Negeri untuk meneruskan kejayaan ini?

(b) Apakah tindakan yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk membangunkan industri alternatif supaya Negeri Pulau Pinang tidak hanya bergantung kepada industri tradisi?

(c) Apakah industri alternatif yang telah dibangunkan dan berkekalan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

1. (a) Kerajaan Negeri sentiasa berusaha untuk memastikan kestabilan ekonomi negeri, khususnya melalui sektor industri dan perkhidmatan. Sehingga kini, Kerajaan Negeri telah berjaya menjadi lokasi yang menarik untuk para pelabur tempatan dan antarabangsa. Antara strategi kerajaan untuk meneruskan kejayaan ialah meningkatkan daya saing dari segi teknologi dan rantaian nilai dengan menarik pelaburan langsung asing yang bernilai tinggi dan strategik. Selain itu, Kerajaan Negeri juga mengambil langkah untuk mengekalkan, melatih dan menguruskan bekalan tenaga mahir di dalam negeri dan menarik tenaga mahir dari luar untuk bekerja di Pulau Pinang.

Kerajaan Negeri juga berusaha untuk memperkasakan industri tempatan terutamanya industri kecil dan sederhana agar lebih kompetitif di peringkat antarabangsa, seterusnya meningkatkan kedudukan IKS di dalam rantaian nilai. Kerajaan Negeri juga melebarkan akses pemasaran kepada IKS dan pelabur tempatan melalui penganjuran acara dan persidangan sebagai nilai tambah untuk memastikan keberkesanan penyebaran maklumat terkini dan isu semasa. Selain itu, pelbagai sesi dialog dan platform disediakan untuk para pelabur tempatan dan antarabangsa meluahkan sebarang masalah dan sumbangkan idea untuk memastikan keselesaan para pelabur untuk berniaga di Pulau Pinang. Untuk mewujudkan suasana pelaburan dan perniagaan yang lebih kondusif serta menjadikan Negeri Pulau Pinang sebagai destinasi pelaburan yang menarik, Kerajaan Negeri mengamalkan konsep “work, live and play”. Strategi Kerajaan Negeri juga merangkumi penanaman minat dalam bidang sains dan teknologi dalam kalangan generasi muda melalui pendedahan dan penglibatan secara langsung dalam aktiviti anjuran Kerajaan Negeri dan pihak industri.

Selain itu, pihak PDC telah meletakkan sasaran untuk pembangunan industri tradisi sejak dari dahulu lagi dengan penubuhan Invest Penang Sdn. Bhd. dan Penang Institute yang berfungsi untuk menarik lebih banyak pelaburan masuk ke Pulau Pinang. Badan ini berfungsi untuk menyediakan program-program pembangunan pelaburan untuk faedah syarikat tempatan dan luar negeri dalam menghadapi persaingan di pasaran terbuka serta pemindahan teknologi.

Pada masa yang sama PDC menjalankan kerjasama dengan Invest Penang dengan penubuhan 'SMART CENTER' yang beroperasi di PSDC. Pusat ini memberi kemudahan dan bantuan kepada pelbagai industri seperti berikut :

(i) Menawarkan perkhidmatan juruperunding, konsultansi dan khidmat nasihat

(ii) Membekal maklumat pasaran

(iii) Sumber rantai maklumat, pemadanan perniagaan

(iv) Dokumen dan bahan cetakan untuk rujukan

(v) Khidmat latihan dan program pembangunan

Manakala Penang Institute berfungsi sebagai 'think tank' kepada Kerajaan Negeri dalam menjalankan kajian yang terperinci selaras dengan aspirasi serta transformasi Kerajaan Negeri ke arah Bandar Bistari bertaraf antarabangsa.

(b) Kerajaan Negeri mengambil beberapa tindakan/langkah untuk memastikan agar industri di Pulau Pinang tidak bergantung sepenuhnya kepada semikonduktor, komputer, perisian dan peranti dan "Contract Manufacturing" semata-mata. Kerajaan Negeri mengambil langkah untuk mempelbagaikan sektor industri dan memberi 'fokus kepada industri' berasakan pengetahuan yang menuju ke arah teknologi tinggi dan nilai tambah yang tinggi di mana secara langsung dapat membangunkan Pulau Pinang sebagai hub atau pusat sains dan teknologi.

Selain itu, Kerajaan Negeri juga mengambil langkah menggiat sektor perindustrian melalui pelaburan semula oleh pelabur-pelabur sedia ada dengan menggunakan sektor elektrikal dan elektronik sebagai asas dan melebarkan / mempelbagaikan sektor contohnya Fotovoltaik/suria (Solar), Avionik, Diod Pancaran Cahaya (LED) dan peralatan perubatan (Medical Devices).

Kerajaan mengambil kesempatan diatas kepakaran dan kekuatan IKS tempatan contohnya dalam sektor kejuruteraan jitu ("Precision Engineering") yang boleh menyokong industri strategik dan bernilai tinggi seperti peralatan perubatan (Medical Devices) manakala sektor elektronik boleh menyokong sektor Avionik. Selain itu, kajian rantaian bekalan ("Supply Chain Research Mapping") juga dijalankan oleh Kerajaan Negeri untuk memperkasakan rantaian bekalan di Pulau Pinang bagi menyokong syarikat-syarikat multinasional di Pulau Pinang. Disamping itu, Kerajaan Negeri juga nenawarkan skim harga tanah perindustrian yang kompetitif bagi projek pelaburan yang strategik khususnya berteknologi tinggi seperti Diod Pancaran Cahaya (LED), Solar, ICT, Avionik, Peralatan Perubatan (Medical Devices) dan Perkongsian Perkhidmatan Pentumberan Luar (Shared Services Outsourcing - SSO).

Dalam tempoh lebih 40 tahun beroperasi, PDC telah terlibat dengan pembangunan industri di 5 buah Taman Perindustrian iaitu 1 di bahagian pulau dan 4 di bahagian tanah besar. PDC masih terus merancang program pembangunan baru selaras dengan peningkatan industri dunia dengan kemasukan pelabur-pelabur asing bertaraf multinasional (MNC) di Pulau Pinang seperti Aviatron, Honda, Bose, VAT, Malaysia Automotive Lighting, Ibiden dan Haemonatic.

Kesimpulannya, PDC sentiasa merancang dan peka kepada perubahan industri kerana sumbangan industri amat penting dalam menjana dan memastikan pelaburan di Pulau Pinang sentiasa berkembang.

Akibat daripada permintaan yang makin meningkat, Industri tradisi masih menjadi industri utama yang harus diperbaiki dan dinaik taraf dari segi infrastruktur serta perkhidmatan.

Dengan memanfaatkan kelebihan yang sedia ada di Pulau Pinang sebagai sektor pembuatan bertaraf dunia, telah membantu peningkatan industri perkhidmatan ke satu tahap yang lebih dinamik. Kerajaan Negeri telah memulakan usaha sejak dua tahun lalu dengan memberi tumpuan kepada pertumbuhan IT dalam industri perkhidmatan terutamanya dalam konsep pembangunan Business Process Outsourcing (BPO) dan Shared Service Outsourcing (SSO). Sehingga kini perancangan telah dijalankan bagi pembangunan BPO dan SSO Hub di Taman Perindustrian Bayan Lepas dan Bandar Bayan Baru.

(c) Usaha Kerajaan Negeri yang bermula dua tahun lalu telah mula menunjukkan hasil. Hari ini banyak syarikat Multi-Nasional dalam industri elektronik telah menjadikan Pulau Pinang hab pentadbiran dan pengeluaran mereka, dengan operasi Shared Service Outsourcing (SSO) dalam sumber manusia, perolehan, pemprosesan data, urus niaga kredit, kewangan dan perakaunan serta IT.

Bagi merangsang pertumbuhan masa depan, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan 17 ekar tanah di Bayan Baru dan Bayan Lepas untuk menjadi Hub BPO Pulau Pinang. Bayan Baru (Fasa 1) & Bayan Lepas (Fasa 2) menawarkan sekurang-kurangnya 1.7 juta kaki persegi ruang luar dalam tempoh tiga hingga lima tahun akan datang.

Antara sektor yang sedang giat dipromosikan oleh Kerajaan Negeri sebagai Industri alternatif termasuklah Peralatan Perubatan ("Medical Devices"), Farmasi, Perkongsian Perkhidmatan Penyumberan Luar ("Shared Services and Outsourcing"), "Business Processing Outsourcing", Teknologi Hijau ("Green Energy"), Diod Pancaran Cahaya (LED), Avionik dan Aeroangkasa.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

2. (a) Negeri Pulau Pinang adalah lokasi perfileman popular di rantau ini. Apakah strategi dan tindakan Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk memupuk hasil kreatif dan memelihara harta intelek serta memajukan industri perfileman tempatan?

(b) Adakah peruntukan memajukan Produksi Filem Tempatan dalam bajet tahun 2014?

(c) Apakah sumbangan, jasa dan rancangan masa depan Kerajaan Negeri kepada pembangunan industri perfileman tempatan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

2. (a) Kerajaan Negeri Pulau Pinang amat proaktif untuk memupuk hasil kreatif dan memajukan industri perfileman tempatan. Untuk itu, Kerajaan Negeri sentiasa membuka peluang kepada mana-mana syarikat produksi untuk membuat penggambaran filem di Negeri Pulau Pinang dengan menyediakan prasarana yang sesuai dan menarik kepada mereka. Sehingga kini terdapat beberapa lokasi utama yang telah dijadikan tempat pengambaran seperti Bukit Bendera, Botanical Garden dan lain-lain.

(b) Pada masa kini Kerajaan Negeri tidak memberi sebarang geran atau peruntukan yang spesifik untuk mana-mana produksi filem memandangkan semua peruntukan ini adalah di bawah naungan Perbadanan Filem Nasional Malaysia (FINAS) dan Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia.

(c) Kerajaan Negeri tidak menyediakan sebarang sumbangan/peruntukan untuk industri perfileman tempatan melainkan program yang ada kaitan dengan Pembangunan Pelancongan dan Kesenian Negeri.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

3. (a) Kesenian tempatan terutamanya *Wall Murals* menarik ribuan pelancong. Terangkan rancangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk memberi galakan kepada artis tempatan.

(b) Berapakah peruntukan Artis Tempatan telah diagihkan?

(c) Penswastaan tempat letak kereta Balai Seni Negeri untuk disewa kepada Hwang DBS telah merampas keselesaan pelawat dan artis-artis yang berkunjung. Siapakah yang bertanggungjawab?

Y.A.B. Ketua Menteri:

3. (a) Kerajaan Negeri amat menggalakkan artis-artis tempatan untuk menonjolkan bakat mereka di peringkat antarabangsa. Di antara rancangan kerajaan adalah melalui George Town Festival yang dianjurkan pada setiap tahun pada bulan Julai merupakan platform terbaik untuk menggalakkan artis-artis tempatan untuk mempromosi hasil karya mereka melalui pameran, pertandingan serta persembahan kesenian dan kebudayaan contohnya tarian, muzik, nyanyian, teater, seni kraf, lukisan, fotografi, landskap dan sebagainya.

(b) Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sebanyak RM54,500.00 pada tahun 2012 dengan tema "Mirrors of George Town" dan RM 10,000.00 pada tahun 2013 dengan tema "101 kittens".

Petak-petak letak kereta ini adalah di bawah tanggungjawab Unit Dewan Sri Pinang, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri dan tidak disewakan kepada Hwang DBS. Sebaliknya tapak tersebut telah dipajakkan kepada sebuah syarikat bagi mengurus sewaan kepada orang awam. Oleh yang demikian, sekiranya orang awam ingin menggunakan petak letak kereta di kawasan ini, termasuk juga pengunjung Dewan Sri Pinang dan Galeri Seni Negeri, boleh pakir tersebut dengan dikenakan caj untuk sekali masuk. Kadar sewaan bulanan yang dikenakan adalah sebanyak RM120.00 bagi satu petak manakala kadar bayaran yang dikenakan untuk sekali masuk adalah sebanyak RM3.00 bagi sebuah kenderaan. Tawaran pajakan bagi petak-petak kereta ini telah dibuat melalui kaedah sebut harga terbuka.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

4. (a) Siapakah yang bertanggungjawab dan apakah mekanisma penyelamatan di bawah Kerajaan Negeri Pulau Pinang terhadap kes penderaan Otang Kurang Upaya (OKU), anak yatim dan warga emas yang gagal dilaporkan?

(b) Apakah tindak balas Kerajaan Negeri terhadap kekurangan rumah jagaan shelter untuk mangsa keganasan rumah tangga, OKU, anak yatim dan sebagainya?

(c) Berapakah agihan bajet tahun 2014 untuk latihan pekerja OKU?

Y.A.B. Ketua Menteri:

4. Kontrak perkhidmatan pengurusan sisa pepejal di stesen pemindahan Ampang Jajar, SPT telah ditawarkan kepada syarikat Eurasia Express Sdn. Bhd. (EESB) berdasarkan kepada keputusan MMK pada 17 Februari 2011 dan disahkan pada 22 Februari 2011.

(a) Tawaran kontrak adalah secara rundingan terus berdasarkan kepada keputusan MMK tersebut.

(b) Kriteria Syarikat EESB ditawarkan kontrak berdasarkan pengalaman syarikat terhadap kerja-kerja menguruskan stesen pemindahan sisa pepejal Batu Maung bagi proses pengangkutan sampah dari MPPP ke tapak pelupusan Pulau Burong.

(c) Kontrak diluluskan untuk tempoh 18 tahun bermula dari 1 Ogos 2011 hingga 31 Julai 2029.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

5. (a) Sub-kontrator Jabatan Kerja Raya (JKR) masih tidak dapat menyelesaikan masalah pembocoran paip najis di Pangsapuri Padang Tembak dengan alasan tidak dapat cari punca pembocoran. Apakah cadangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk menyelesaikan masalah ini?

(b) Kesihatan terancam disebabkan pembocoran ini, apakah cadangan berkesan Kerajaan Negeri untuk mengurangkan risiko pencetusan epidemik berpunca daripada air najis.

Y.A.B. Ketua Menteri:

5. (a) Rumah Pangsa Padang Tembak telah dibina pada tahun 1969 dan mempunyai 9 blok bangunan. Oleh kerana Kerajaan Negeri sentiasa mengambil berat terhadap tahap keselesaan dan kesihatan penduduk, maka Kerajaan Negeri telah bersetuju meluluskan kerja-kerja mengantikan saluran paip najis dan paip air bersih di mana pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) Negeri Pulau Pinang menjadi agensi pelaksana pada tahun 2010.

Walau bagaimanapun, setelah kerja pembaikan dan menaik taraf dijalankan, telah berlaku kebocoran di beberapa unit. Pihak JKR telah membaiki segala kebocoran yang berlaku pada paip najis dan lain-lain kerosakan yang berlaku dalam tempoh kecacatan. Bagi kebocoran yang berlaku di dalam bilik air, pihak JKR telah meminta pihak kontraktor menggunakan kaedah takungan cecair kimia (waterproofing) keluaran Fosrox Sdn. Bhd. Kaedah ini digunakan bagi mengenal pasti punca kebocoran yang berlaku seperti aduan oleh penghuni-penghuni unit.

Daripada hasil kaedah yang digunakan oleh pihak kontraktor terhadap 10 unit yang mengalami masalah kebocoran yang kritikal hanya 5 unit berjaya melalui kaedah tersebut. Kaedah tersebut hanya memerlukan 24 jam bagi menakung cecair kimia (waterproofing) untuk mengetahui tahap kebocoran yang dialami oleh sesebuah unit tersebut.

Daripada siasatan yang telah dijalankan, kebocoran yang berlaku bukan disebabkan oleh paip najis yang telah dipasang oleh pihak kontraktor tetapi beberapa faktor lain yang menyebabkan kebocoran seperti :-

(i) Kerja-kerja pengubahsuaian unit yang tidak mendapat kelulusan daripada pihak Perumahan.

(ii) Terdapat paip-paip yang telah ditanam di bawah lantai dan dinding semasa kerja-kerja pengubahsuaian unit tersebut;

(iii) Sambungan paip yang tidak sempurna semasa kerja-kerja pengubahsuaian dijalankan.

(b) Setakat ini, tiada kes pencetusan epidemik berpunca daripada air najis yang didapati di projek perumahan ini dan di dalam apa keadaan jua, sekiranya ada kebocoran paip najis, maka pihak Bahagian Perumahan akan menangani aduan tersebut dengan merujuk kepada Jabatan Kerja Raya (JKR) yang merupakan agensi pelaksanaan bagi kerja-kerja pembaikan di Rumah Pangsa Padang Tembak.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

6. Kadar jenayah semakin tinggi dan keselamatan masyarakat terancam. Walaupun PPS ditubuhkan,akan tetapi penguatkuasaan masih memerlukan kerjasama pihak Polis DiRaja Malaysia (PDRM). Bagaimanakah Kerajaan Negeri akan mengalakkan pihak PDRM untuk memberi kerjasama dalam mencegah kes jenayah?

Y.A.B. Ketua Menteri:

6. Keadaan jenayah di Negeri Pulau Pinang adalah terkawal di mana langkah-langkah pencegahan dan pembanterasan jenayah yang diatur dari masa ke semasa oleh PDRM. Langkah-langkah untuk mengurangkan kadar jenayah di negeri ini dilaksanakan dalam berbagai peringkat yang melibatkan pegawai dan anggota PDRM sendiri sama ada di peringkat negeri ataupun daerah-daerah. Tindakan diambil dalam pelbagai cara yang melibatkan tindakan terhadap mereka yang melakukan jenayah dan mengekang mereka daripada terus melakukan tindakan menyalahi undang-undang.

Bagi menambah keyakinan orang ramai terhadap pasukan Polis gerak kerja yang bersifat *omnipresence* ataupun kehadiran Polis di khalayak ramai merupakan langkah mencegah yang dikehendaki oleh masyarakat kepada memenuhi tuntutan penugasan kepolisan dalam negeri ini. Kehadiran Polis di khalayak ramai akan memudahkan orang ramai dan PDRM berinteraksi antara satu sama lain khususnya dalam hal-hal yang berkaitan keselamatan setempat orang ramai boleh menyalurkan apa jua bentuk maklumat dan persoalan setempat kepada anggota PDRM yang ditemui.

Dalam masa yang sama masyarakat setempat Pulau Pinang harus memberikan kerjasama dalam menangani masalah jenayah di tempat-tempat kediaman mereka. Dalam hal mencegah jenayah Ketua-ketua Polis Daerah senantiasa mengatur strategi bagi menurunkan kadar jenayah yang berlaku. Sehingga kini program-program pencegahan berupa reaching out PDRM bagi merungkai permasalahan yang berlaku. Program-program perjumpaan dan dialog oleh pihak PDRM sentiasa diadakan untuk membincangkan langkah-langkah terbaik yang boleh dipraktikkan dalam kawasan yang disasar.

Selain daripada itu, komitmen yang ditunjukkan oleh kumpulan-kumpulan rukun tetangga dan Skim Rondaan Sukarela telah memberikan keyakinan kepada PDRM yang meneruskan aktiviti-aktiviti kepolisan komuniti / community policing di negeri ini. Sejajar dengan itu, kerjasama yang diberikan oleh pasukan RELA, JPAM serta agensi-agensi kerajaan yang lain dalam menguatkuasa tahap keselamatan dalam tadbir urus daerah dan dalam kawasan tadbir urus Ketua-ketua Polis Daerah menambah baik usaha menurunkan kadar jenayah. Masyarakat yang prihatin sentiasa bekerjasama dengan agensi-agensi penguatkuasaan khususnya PDRM akan memberikan keyakinan orang ramai terhadap keselamatan mereka.

Baru-baru ini telah diadakan seminar keselamatan oleh pihak USM untuk melihat bagaimana PDRM akan berperanan dalam masa jangka waktu ke hadapan. Dengan berkeyakinan bahawa keselamatan adalah integrasi pihak berkuatkuasa dan masyarakat bagi menentukan masyarakat sentiasa dalam keadaan harmoni dan saling bekerjasama antara satu sama lain. Selain daripada itu ia dapat memupuk semangat kerjasama ini pastinya akan menzahirkan tahap keselamatan komprehensif meliputi keselamatan sosial dan ekonomi. Di samping itu, tindakan-tindakan drastik oleh PDRM sendiri telah melibatkan impak kepada masyarakat. Ops Cantas Khas dan operasi-operasi lain sewajarnya dilaksanakan bagi membanteras anasir-anasir mengganggu gugat keharmonian masyarakat.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

7. (a) Dengan populasi yang semakin meningkat, permintaan untuk Rumah Pengebumian juga meningkat. Adakah rancangan Pihak Berkuasa Tempatan untuk membina lebih banyak fasiliti ini?

(b) Apakah rancangan Pihak Berkuasa Tempatan untuk menaik taraf atau menambahkan Rumah Pengebumian di kawasan Padang Tembak?

Y.A.B. Ketua Menteri:

7. (a) Di bawah Draf Rancangan Tempatan Pulau Pinang (Pulau) 2020 (DRTPPp 2020) yang masih dalam pertimbangan Pihak Berkuasa Negeri tiada perancangan untuk fasiliti ini.

Walau bagaimanapun, cadangan untuk rumah pengebumian (krematorium atau kolumbarium) adalah dibenarkan di zon perkuburan di Draf Rancangan Tempatan Pulau Pinang (Pulau) 2020 dan Pelan Dasar Perancangan Dan Kawalan Pemajuan MPPP.

(b) Buat masa ini, tiada perancangan oleh PBT untuk menaik taraf atau menambah Rumah Pengebumian di kawasan Padang Tembak.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

8. (a) Anggaran unit rumah yang akan dibina di Mount Erskine adalah sekurang-kurang 6000 unit dalam lima (5) tahun ini. Apakah strategi dan rancangan yang telah diambil untuk mengelakkan kesesakan Jalan Mount Erskine dan Jalan Tanjung Tokong?

(b) Adakah ancangan untuk membina jalan alternatif *flyover* untuk kemudahan rakyat Kawasan Jalan Gotlieb dan Mount Erskine?

Y.A.B. Ketua Menteri:

8. (a) Setakat ini JKR Negeri belum ada perancangan projek bagi mengurangkan kesesakan Jalan Mount Erskine dan Jalan Tanjung Tokong. Walau bagaimanapun, JKR akan membuat siasatan lanjut dan akan mencadangkan sistem penyuraian trafik di persimpangan Tanjung Tokong dan Jalan Fettes kepada Kerajaan Persekutuan.

Manakala MPPP telah mengatur beberapa strategi untuk mengurangkan kesesakan di Jalan Mount Erskine dan Jalan Tanjong Tokong. Diantaranya ialah:-

(i) Melebarkan kedua-dua Jalan Mount Erskine dan Jalan Tanjong Tokong. Pada masa sekarang, kerja-kerja ukur tanah sedang dijalankan. Kerja-kerja pelebaran dijangka akan bermula pada suku kedua tahun 2014 dan disiapkan pada pertengahan tahun 2015.

(ii) Menambah baik perkhidmatan bas awam di Jalan Mount Erskine dan Jalan Tanjong Tokong dengan kerjasama Rapid Bus Sdn. Bhd.

(iii) Membina jalan pintas (by-pass) yang menghubungkan Jalan Mount Erskine dan Jalan Tanjong Tokong ke George Town dan Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu; dan

(b) Mengkaji semula cadangan membina jalan alternatif untuk kemudahan rakyat kawasan Jalan Gottlieb melibatkan cadangan Lebuhraya Lingkaran Luar Pulau Pinang.

Rancangan pembinaan jalan alternatif untuk Jalan Mount Erskine melibatkan cadangan pembinaan Jalan Berkembar Jalan Tanjong Bungah – Jalan Telok Bahang yang akan dihubungkan ke Lebuh Raya Lingkaran Luar Pulau Pinang serta jalan pintas Persiaran Gurney Lebuh Raya Tun Dr. Lim Chong Eu.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

9. (a) Projek Terowong Penang Dasar Laut Penang-Butterworth jelas menambah trafik ke kawasan Tanjung Tokong dan Kebun Bunga. Memandangkan trafik pada *rush hour* sudah sesak, apakah rancangan dan tindakan yang akan diambil untuk mengurangkan kesesakan di jalan tersebut?

(b) Berapakah bajet yang disediakan untuk menaik taraf pengangkutan awam negeri, khasnya untuk Kawasan Kebun Bunga?

Y.A.B. Ketua Menteri:

9. (a) Projek Pembinaan Terowong Link Ketiga Pulau Pinang daribahagian Pulau (Persiaran Gurney) ke Seberang Perai (Bagan Ajam) hanya akan dibina selepas Lebuh Raya Berkembar Persiaran Gurney, Jalan Lingkaran Luar George Town dan Jalan Pintas (by-pass) Persiaran Gurney – Lebuh Raya Tun Dr. Lim Chong Eu serta Jalan Berkembar Jalan Tanjong Bunga -Telok Bahang disiapkan. Ini adalah supaya jalan-jalan yang dibina lebih awal ini dapat mengagih dan menyurai aliran lalu lintas dari Terowong Link Ketiga. Oleh yang demikian, kesan pertambahan trafik di kawasan Tanjong Tokong dan Kebun Bunga dapat dikawal.

Tindakan yang akan diambil oleh MPPP untuk mengurangkan kesesakan lalu lintas di Tanjong Tokong dan Kebun Bunga pada waktu puncak lalu lintas adalah seperti berikut :-

(i) Melebarkan sebahagian Jalan Bagan Jermal dari persimpangan Jalan Burma / Jalan Gottlieb / Jalan Mount Erskine ke persimpangan Jalan Mano / Jalan Bagan Jermal.

(ii) Melebarkan sebahagian Jalan Tanjong Tokong dari persimpangan Jalan Kelawai / Jalan Bagan Jermal / Persiaran Gurney ke persimpangan Jalan Pantai Molek / Tingkat Hock Hin.

(iii) Melebarkan sebahagian Jalan Mount Erskine dari persimpangan Jalan Burma / Jalan Bagan Jermal / Jalan Gottlieb ke persimpangan Ladang Hong Seng.

Pada masa sekarang, kerja-kerja ukur tanah dan reka bentuk sedang dibuat untuk pelaksanaan cadangan-cadangan ini. Kerja-kerja pelebaran sebahagian Jalan Bagan Jermal dijangka dapat dimulakan pada Disember 2013 dan disiapkan dalam tempoh 4 bulan manakala kerja-kerja pelebaran sebahagian Jalan Tanjong Tokong dijangka bermula pada suku kedua tahun 2014 dan disiapkan dalam tempoh 6 bulan. Pelebaran sebahagian Jalan Mount Erskine dijangka bermula pada awal tahun 2015 dan disiapkan dalam tempoh 9 bulan.

(b) Bajet yang disediakan ialah lebih kurang RM1.0 juta disediakan oleh MPPP bagi tahun 2014 untuk menaik taraf pengangkutan awam di bahagian Pulau, Pulau Pinang. Peruntukan ini juga akan digunakan untuk menambah baik pengangkutan awam di kawasan Kebun Bunga.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

10. Merujuk kepada Projek Terowong Dasar Laut Penang – Butterworth:

(a) Berapakah jumlah wang Kerajaan Negeri Pulau Pianng yang telah dan akan dibayar,

(b) Berapakah keluasan tanah tebusan dibenarkan dan siapa *beneficiary* tanah tebusan ini?

(c) Adakah syarikat kontraktor berpengalaman membina terowong yang menyeberang laut dan apakah *concession* yang akan diberi kepada kontraktor tersebut?

Y.A.B. Ketua Menteri:

10. (a) Sehingga kini, Kerajaan Negeri belum membuat apa-apa bayaran bagi pelaksanaan Projek Link Ketiga Pulau Pinang yang menghubungkan Persiaran Gurney ke Bagan Ajam, Butterworth.

(b) Sekiranya Projek Terowong Link Ketiga berserta 3 buah lebuh raya iaitu Jalan Pintasan Lebuh Raya Tun Dr. Lim Chong Eu – Air Itam, Jalan Pintasan Lebuh Raya Tun Dr. Lim Chong Eu – Persiaran Gurney dan Jalan Berkembar Tanjung Bunga – Telok Bahang dilaksanakan kelak, sebagai balasan, syarikat kontraktor iaitu Consortium Zenith BUCG Sdn. Bhd. Akan diserahkan tanah Kerajaan Negeri seluas 110 ekar yang telah dikenal pasti di Bandar Tanjung Pinang, Tanjung Tokong. Tanah tersebut akan ditebus guna oleh Tanjung Pinang Development Sdn. Bhd. dan perjanjian untuk menebus guna tanah tersebut telah dimeterai pada era pemerintahan Kerajaan Negeri yang terdahulu. Sebahagian daripada tanah-tanah tersebut yang perlu diserahkan kepada Kerajaan Negeri oleh Tanjung Pinang Development Sdn. Bhd. akan dijadikan sebagai pertukaran bagi pelaksanaan projek-projek ini.

(c) Consortium Zenith BUCG Sdn. Bhd. akan melaksanakan pembinaan Projek Link Ketiga Pulau Pinang bersama-sama Beijing Urban Construction Group Co. Ltd. Dan China Railway Construction Corporation Ltd. Yang merupakan syarikat antara yang terkemuka di dunia serta memiliki pengalaman yang luas dalam projek infrastruktur mega. Bagi pembinaan Projek Link Ketiga Pulau Pinang, Consortium Zenith BUCG Sdn. Bhd. Akan diberikan hak konsesi selama 30 tahun untuk mengutip tol.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

11. (a) Apakah tindakan Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk mengatasi masalah hakisan tanah bukit secara semula jadi dan juga kerana angkara manusia memandangkan masalah tersebut semakin berleluasan?

(b) Berapakah kes hakisan dan pemotongan tanah bukit akibat perbuatan manusia yang telah didakwa dan berapakah kes yang berjaya didakwa dan dijatuhkan hukuman di bawah Kerajaan Negeri Pulau Pinang?

Y.A.B. Ketua Menteri:

11. (a) Bagi mengawal sebarang aktiviti yang boleh mengakibatkan kawasan hakisan tanah bukit, salah satu langkah yang dibuat oleh Kerajaan Negeri ialah dengan menghadkan kawasan-kawasan yang boleh dimajukan, iaitu hanya setakat 76 meter (250 kaki) atau berkecerunan melebihi 25º berbanding dengan garis panduan Kerajaan Pusat yang memberi kebenaran sehingga 150 meter (500 kaki). Dasar menghadkan pembangunan di kawasan bukit ini ada termaktub dalam Dasar AK3, Rancangan Struktur Pulau Pinang 2020 yang menyatakan :-

DK3 “Aktiviti pemotongan tanah bukit akan dikawal melalui penguatkuasaan garis panduan kawasan berisiko”, dan

DK3 L1 “Mengekalkan kawasan yang berada di aras 76 meterk kaki) dan ke atas sebagai kawasan berbukit/kawasan alam semulajadi, termasuk tanah-tanah yang diwartakan di dalam Akta Pemeliharaan Tanah, 1960 (Warta Tanah Bukit).

Tindakan yang diambil oleh MPSP ke atas pihak yang menjalankan pemotongan tanah bukit di Seberang Perai tanpa kebenaran adalah seperti berikut :

(i) Tindakan mahkamah di bawah seksyen 70A Kerja Tanah – Akta Jalan Dan Parit Dan Bangunan 1974 yang memperuntukan apabila disabitkan denda RM50,000.00 atau penjara tidak lebih 5 tahun atau kedua-duanya. Bagi kesalahan yang berterusan selepas disabitkan denda boleh meningkat sebanyak RM500.00 setiap hari kesalahan diteruskan.

(ii) Memindahkan peralatan, mesin, jentera, kenderaan dan lain-lain bagi memastikan kerja tanah diberhentikan.

(iii) Mengorek laluan keluar / masuk.

Manakala tindakan yang diambil oleh MPPP untuk mengatasi masalah hakisan tanah bukit secara semulajadi adalah seperti berikut : -

(i) Notis Menghendaki Kacauganggu Dihapuskan, Seksyen 82 di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) dikeluarkan kepada pemilik tanah. Di dalam Notis tersebut, pemilik tanah diminta menjalankan kerja-kerja mitigasi di tapak bagi mengatasi masalah hakisan tanah tersebut.

(ii) Sekiranya pemilik tanah gagal melaksanakan kerja-kerja mitigasi tersebut, perkara ini akan dirujuk kepada Penasihat Undang-Undang untuk pendakwaan di mahkamah. Jika disabitkan kesalahan, pemilik tanah boleh dikenakan denda sebanyak tidak melebihi Ringgit Malaysia satu ribu (RM1,000) atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam (6) bulan atau kedua-duanya di Mahkamah.

(iii) Jika pemilik tanah masih gagal melaksanakan kerja-kerja mitigasi di tapak setelah arahan diberi berulang kali, MPPP akan mengambil alih kerja-kerja mitigasi tersebut dan kos pembaikan akan dituntut daripada pemilik tanah terlibat.

Tindakan yang diambil oleh MPPP untuk mengatasi masalah hakisan tanah angkara perbuatan manusia adalah seperti berikut : -

(i) Notis Menghendaki Kerjatanah Diberhentikan, Seksyen 70(A) di bawah Akta Parit, Jalan dan Bangunan (Akta 133) dikeluarkan kepada pemilik tanah. Di dalam Notis tersebut, pemilik tanah diminta menjalankan kerja-kerja mitigasi di tapak dan mengemukakan pelan kerja tanah melalui jurutera perunding bertauliah untuk pertimbangan dan kelulusan Majlis bagi mengatasi masalah hakisan tanah tersebut.

(ii) Sekiranya pemilik tanah gagal melaksanakan perkara tersebut, ianya akan dirujuk kepada Penasihat Undang-Undang untuk pendakwaan dimahkamah. Jika disabitkan kesalahan, pemilik tanah boleh dikenakan penjara selama tempoh tidak lebih dari lima (5) tahun atau denda tidak lebih dari Ringgit Malaysia lima puluh ribu (RM50,000) atau kedua-duanya sekali di Mahkamah.

(b) Terdapat dua (2) kes tindakan pendakwaan di mahkamah kepada pemilik tanah di Seberang Perai yang telah menjalankan pemotongan bukit dan menyebabkan hakisan. Kes tersebut adalah seperti berikut :

BIL PEMAJU LOT/MUKIM TINDAKAN/STATUS

(1) Tumpuan Wawasan Sdn. Bhd. 1127 dan 1126. Tindakan mahkamah Mukim 15, SPT dijatuhkan denda sebanyak RM21,000.00.

(2) Hikmat Cergas Sdn. Bhd. 228, Mukim 17, dalam peringkat SPT perbicaraan.

Bilangan kes hakisan dan pemotongan tanah bukit di sebelah Pulau pada tahun 2013 adalah seperti di Lampiran.

Lampiran Soalan No. 11 (ID578 - BCKP)

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

12. (a) Adakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang mempunyai satu sistem untuk memantau kecekapan dan prestasi kakitangan awam?

(b) Berapakah aduan dan kes pemberhentian kerja terhadap kakitangan Awam Kerajaan Negeri Pulau Pinang kerana salah laku sejak tahun 2008 hingga 2013? Sila berikan butiran terperinci.

(c) Adakah sistem pengauditan bebas terhadap kecekapan kakitangan Awam Kerajaan Negeri dan apakah hasilnya?

Y.A.B. Ketua Menteri:

12. (a) Kecekapan dan prestasi kakitangan awam semasa dipantau melalui Laporan Nilaian Prestasi Tahunan (LNPT) yang merangkumi Sasaran Kerja Tahunan (SKT) yang dilaksanakan pada setiap tahun. Mulai tahun 2014 Kerajaan Negeri akan menggunakan kaedah *outcome base*d sebagai usaha tambahan mengukur prestasi penjawat awam.

(b) Sejak tahun 2008 sehingga 2013, kes pemberhentian kerja terhadap kakitangan awam Kerajaan Negeri kerana salah laku adalah berjumlah 39 kes. Kesalahan utama ialah tidak hadir bertugas dan kesalahan jenayah

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

13. (a) Bagaimanakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang memastikan bahawa wang awam dan peruntukan Kerajaan Negeri dibelanja dengan sempurna dan jujur?

(b) Adakah pengauditan bebas terhadap semua projek Kerajaan Negeri selain daripada Laporan Ketua Audit Negara?

Y.A.B. Ketua Menteri:

13. (a) Bagi memastikan wang awam dan peruntukan Kerajaan Negeri di belanjakan dengan sempurna dan jujur Kerajaan Negeri telah mengeluarkan Surat-surat Pekeliling Kewangan Negeri sebagai garis panduan dan kawalan pemantauan. Sebagai contoh beikut disenariaikan Surat-surat Pekeliling Kewangan Negeri berkenaan:-

(i) Surat-surat Pekeliling Kewangan Negeri Bil.11 Tahun 2008 : Langkah-langkah memperketatkan Kawalan Perbelanjaan Kerajaan Negeri.

(ii) Surat-surat Pekeliling Kewangan Negeri Bil.1 Tahun 2012/Bil.1 Tahun 2013 : Pengurusan Bajet

(iii) Surat-surat Pekeliling Kewangan Negeri Bil. 5 Tahun 2012/Bil.4 Tahun 2013 : Garis panduan dan Peraturan Penutupan Akaun.

Di samping itu juga sistem sysP dapat menjamin akauntabiliti dan ketelusan dalam semua proses perolehan Kerajaan, mengurangkan karenah birokrasi dan yang lebih penting lagi kaedah ini menjamin *value for money* bagi semua perbelanjaan dalam memastikan wang awam dan peruntukan Kerajaan Negeri dibelanjakan dengan sempurna dan jujur.

(b) Berdasarkan Perkara 106 Perlembagaan Persekutuan akaun bagi negeri-negeri hendaklah di audit dan dibuat laporan mengenainya oleh Ketua Audit Negeri (entiti bebas). Sehubungan itu, Kerajaan Negeri tidak membuat lantikan auditor luar bagi membuat auditan kepada projek-projek Kerajaan Negeri selain daripada pengauditan oleh Jabatan Audit Negara.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

14. (a) Siapakah yang bertanggungjawab memeriksa dan memastikan bangunan lama selamat? Misalnya bangunan tinggi Pangsapuri Padang Tembak?

(b) Apakah usaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk menguatkan struktur Pangsapuri Padang Tembak yang sering mendapat laporan masalah struktur bangunan yang membahayakan penghuni dan pelawat?

Y.A.B. Ketua Menteri:

14. (a) Di bawah Seksyen 85A, Akta Jalan Parit dan Bangunan 1974, bagi bangunan yang melebihi lima tingkat dan telah dibina melebihi 10 tahun, maka pemilik bangunan bertanggungjawab untuk melantik seorang jurutera profesional bagi membuat pemeriksaan kestabilan bangunan.

(b) Rumah Pangsa Padang Tembak telah siap dibina pada tahun 1969 di atas Lot 1275-1283 Seksyen 2, Daerah Timur Laut dan ianya mempunyai 9 blok bangunan yang mana mengandungi 3660 unit rumah, kini usia bangunan tersebut menjangkau 44 tahun. Bagi memastikan bangunan lama tersebut selamat didiami maka JKR akan dirujuk dan dipohon untuk menyiasat serta memberi laporan bagi menangani masalah tersebut. Sama ada Pangsapuri Padang Tembak perlu dikuatkuasakan strukturnya bergantung kepada siasatan JKR atas arahan Kerajaan Negeri. Buat masa sekarang belum ada permintaan lagi.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

15. (a) Apakah rancangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam menyediakan kemudahan perubatan tempatan untuk orang awam?

(b) Sekolah perubatan Taiwan Kao Shiung bercadang untuk membuka sekolah perubatan di Negeri Pulau Pinang. Apakah statusnya sekarang dan apakah masalah yang dihadapi?

(c) Adakah rancangan untuk membuka pusat perubatan / hospital baru di Negeri Pulau Pinang dalam tempoh masa yang dekat?

Y.A.B. Ketua Menteri:

15. (a) Pasa masa ini, Kerajaan Negeri telah pun membuka satu Pusat Dialisis CAT Negeri Pulau Pinang di Kompleks Pasar Awam Balik Pulau. Seterusnya, Kerajaan Negeri merancang membuka satu lagi Pusat Dialisis di Seberang Perai iaitu di Seberang Jaya. Selain daripada itu juga, Kerajaan Negeri turut merancang penyediaan pemeriksaan mammogram percuma kepada golongan wanita yang berumur 40 tahun ke atas mulai tahun 2014. Kerajaan Negeri di bawah MMK Kesihatan akan memulakan inisiatif Penang sihat, bermula Januari 2014.

Program ini melibatkan program saringan kesihatan, pendidikan kesihatan dan menggalakkan komuniti untuk turut sama terlibat dalam program gotong-royong, senamrobik dan aktiviti- aktiviti kesihatan lain yang turut sama diadakan. Program akan dimulakan dengan satu KADUN setiap bulan. Program ini mendapat kerjasama UPEN, Jabatan Kesihatan Negeri, Pejabat Daerah, JKKK dan juga para doktor dan paramedik sukarelawan.

(b) Setakat ini, tiada permohonan lengkap yang diterima berhubung cadangan pembinaan sekolah perubatan Taiwan Kao Shiung tersebut.

(c) Tiada perancangan oleh Kerajaan Persekutuan untuk membina Hospital baru di Pulau Pinang. Namun begitu, dua projek menaik taraf sedang dirancang iaitu;

(i) Hospital Wanita dan Kanak-Kanak di Hospital Pulau Pinang - RM250 juta

(ii) Untuk forensik di bilik mayat, Hospital Balik Pulau - RM20 juta

Yayasan Islam Pulau Pinang juga, turut sama di dalam perancangan membina sebuah Hospital Islam yang terdiri daripada 102 bilik melibatkan kos hampir RM100 juta di sebuah lokasi di Bayan Baru. Mesyuarat oleh Ahli Lembaga MAINPP telah bersetuju dengan cadangan pembangunan Hospital ini.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

16. (a) Memandangkan Pelancongan Perubatan (Medical Tourism) adalah satu industri yang banyak menyokong ekonomi negeri. Apakah strategi dan inisiatif Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk mempromosikan industri ini? Apakah bajet untuk inisiatif tersebut?

Y.A.B. Ketua Menteri:

16. (a) Stategi yang dilaksanakan untuk mempromosikan *Medical Tourism* adalah:

(i) Berkerjasama dengan hospital-hospital swasta bagi memasarkan pakej perkhidmatan kesihatan yang ditawarkan melalui trade mission yang disertai di luar negara;

(ii) Mengadakan rundingan dengan hotel-hotel bagi menyediakan kemudahan logistik yang lengkap dan memudahkan bakal pelancong;

(iii) Memasarkan pelancongan perubatan kepada pasaran sasaran baru seperti Hong Kong dan Myanmar; dan

(iv) Menjalin kerjasama dengan syarikat-syarikat penerbangan untuk mewujudkan penerbangan terus dari negara pasaran ke Pulau Pinang seperti Indonesia dan China.

Tiada bajet khusus yang diperuntkkan bagu memproromosikan Midecal Tourism kerana kebanyakan program promosi pelancongan Kerajaan Negeri di buat secara menyeluruhan dan tidak terhad kepada promosi bagi Medical Tourism semata-mata. Rancangan promosi yang dibuat merangkumi promosi bagi teras pelancongan kebidayaan dan warisan, pelancongan eko dan termasuk juga pelancongan perubatan

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

17. (a) Apakah status dan laporan penyiasatan ke atas Jelutong *Dumpsite Rehabilitation Plan* yang dijalankan sejak tahun bulan Jun 2013?

(b) Berapakah keluasan tanah *Dumpsite* itu? Apakah rancangan kegunaan tanah tersebut oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang pada masa hadapan

(c) Adakah rancangan untuk menebus guna tanah (land reclamation) di Negeri Pulau Pinang pada masa hadapan. Jika ada, di mana?

Y.A.B. Ketua Menteri:

17. (a) Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) telah melantik sebuah syarikat jururunding iaitu M.E.I Consultants Sdn. Bhd. pada 1 Julai 2013 untuk menjalankan kajian teknikal dan menyediakan laporan rehabilitasi bagi Tapak Pelupusan Sampah Jelutong (Jelutong Landfill). Tempoh kajian adalah selama tujuh (7) bulan bermula dari 1 Julai 2013 hingga 31 Januari 2014. Pada masa kini laporan penyiasatan ke atas Jelutong Dumpsite belum lagi diperolehi kerana tarikh akhir siap laporan tersebut adalah pada 31 Januari 2014.

(b) Keluasan Tapak Pelupusan Sampah Jelutong dianggarkan seluas 53 ekar. Perancangan bagi kegunaan tanah hanya dapat dibuat selepas laporan kajian daripada jururunding diperolehi.

(c) Kerajaan Negeri dan PDC telah mengenal pasti Middle Bank di kawasan persisiran Jelutong sebagai satu lokasi untuk ditebusguna di masa depan. Walau bagaimanapun projek ini dalam fasa perancangan awal.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

18. Mengenai Jabatan/Agensi Syarikat Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara 2012, sila berikan:

(a) Senarai yang mengaut keuntungan dan berapakah yang mengalami kerugian?

(b) Laporan prestasi Jabatan/Agensi yang disebut dalam Laporan Ketua Audit 2012 khasnya Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) dalam bidang Pelancongan/Pembinaan Rumah.

Y.A.B. Ketua Menteri:

18. (a) Anak Syarikat PDC yang dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara 2012 adalah PDC Telecommunications Services Sdn Bhd. Jumlah keuntungan sebelum cukai syarikat pada tahun 2012 adalah sejumlah RM5.06 juta.

(b) Laporan Ketua Audit Negara 2012 melaporkan mengenai:-

(i) Pembangunan Batu Kawan Pulau Pinang ; dan

(ii) PDC Telecommunications Services Sdn Bhd (sebuah syarikat kemudahan rangkaian telekomunikasi).

Tiada laporan dalam bidang Pelancongan / Pembinaan Rumah dalam Laporan Ketua Audit Negara 2012.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

19. Laporan Ketua Audit Negara telah melaporkan bahawa PDC Tele-communication Services Sdn. Bhd. iaitu sebuah syarikat yang dimiliki Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah mengalami kerugian sebanyak RM363,000.00. Sila berikan penjelasan dan status terkini.

Y.A.B. Ketua Menteri:

19. Sebenarnya, PDC Telco tidak pernah mengalami kerugian semenjak ianya mula beroperasi pada tahun 2006.

Mengikut Laporan Audit Negara 2012 bagi Tahun-tahun Kewangan 2009 hingga 2011, pencapaian keuntungan sesudah bayaran cukai ialah RM1,078,814.00 bagi tahun 2009, RM2,638,890.00 (2010) dan RM4,484,362.00 (2011).

Manakala, keuntungan terkumpul bagi tahun-tahun kewangan 2009 hingga 2011 adalah sebanyak RM4,737,255.00 bagi tahun 2009, RM7,376,145.00 (2010) dan RM11,860,507.00 (2011).

Audit Negara juga menyatakan bahawa Analisis Nisbah Kewangan bagi tahun 2009 hingga 2011 adalah pada tahap yang amat baik, di mana:

(i) Nisbah Semasa ialah 2.46:1 (2009), 4.12:1 (2010) dan 4.39:1 (2011);

(ii) Margin Keuntungan ialah 73.1% (2009), 83.5% (2010) dan 71.5% (2011);

(iii) Pulangan Atas Aset ialah 0.19:1 (2009), 0.28:1 (2010) dan 0.29:1 (2011)

(iv) Pulangan Atas Ekuiti ialah 0.38:1 (2009), 0.48:1 (2010) dan 0.38:1 (2011)

Dalam pada itu, sejumlah RM363,000.00 yang dilaporkan sebagai kerugian adalah berkaitan dengan perolehan 5 tapak PBTS (Portable Base Transceiver Station) yang tidak mendatangkan hasil pendapatan kerana *blanket approval* yang diberikan oleh Kerajaan Negeri telah ditarik balik selepas perolehan dibuat atas bantahan ADUN-ADUN kawasan tertentu serta orang awam. Sejumlah RM363,000.00 yang disebutkan itu adalah kos perolehan PBTS. Namun, PBTS tersebut tidak hilang nilainya memandangkan semua aset itu telah dikategorikan sebagai *Non-Current Asset* dan ianya akan diguna pakai semula di lokasi-lokasi lain yang dirancangkan. Sebagai contoh, 2 unit PBTS yang disimpan di stor akan diguna pakai di tapak Bukit Bendera dan Kampung Terang di Balik Pulau.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

20. Masih banyak bangunan warisan dan bersejarah di Negeri Pulau Pinang telah dibiarkan dan hampir runtuh dan tidak terkawal di dalam tapak warisan dunia. Apakah tindakan Kerajaan Negeri untuk melindungi warisan ini?

Y.A.B. Ketua Menteri:

20. Kerajaan Negeri telah memutuskan untuk membuat pengambilan tanah dan bangunan usang di Lebuh Victoria sebagai bukti komitmen Kerajaan Negeri mempertahan dan melindungi bangunan-bangunan usang dalam Tapak Warisan Dunia George Town. Bangunan warisan tersebut akan dibaik pulih dan ditukar guna sebagai Pusat Pembelajaran Warisan di bawah pengurusan GTWHI. Rancangan pengambilan dan pemuliharaan bangunan warisan usang ini juga bertujuan untuk menggalakkan pemilik-pemilik bangunan usang mengikut jejak Kerajaan Negeri dengan mengambil tindakan untuk membaiki dan membaik pulih bangunan usang mereka.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng) bertanya kepada Y.A.B. Ketua Menteri:

21. Apakah cadangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang mengenai bagaimana melindungi dan memperbaiki bangunan bersejarah dan berwarisan ini boleh dilaksanakan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

21. Kerajaan Negeri sememangnya memainkan peranan yang proaktif dalam melindungi dan mempertahankan bangunan-bangunan warisan di Negeri Pulau Pinang. Antara usaha yang telah dijalankan oleh Kerajaan Negeri adalah seperti berikut:

(i) Meluluskan "Peraturan Untuk Kawasan Pemuliharaan & Bangunan-bangunan Warisan, Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP)" yang diguna pakai oleh MPPP mulai tahun 2008.

(ii) Menubuhkan syarikat George Town World Heritage Incoporated (GTWHI) untuk mengurus, memantau dan mempromosi Tapak Warisan Dunia George Town (TWDGT).

(iii) GTWHI memberi khidmat nasihat teknikal secara percuma kepada semua stakeholders dan mengendalikan bengkel, taklimat dan ceramah warisan bagi menambah pengetahuan dan pemahaman pemilik-pemilik bangunan dan golongan profesional mengenai kerja-kerja menyelenggara, membaiki dan memulihara bangunan warisan dengan kaedah pemuliharaan yang betul.

(iv) Menjalankan kerja-kerja pemantauan pembinaan di tapak warisan dan memberikan khidmat nasihat bagi memastikan kerja-kerja pembinaan mematuhi prinsip-prinsip pemuliharaan dan peraturan kerja yang ditetapkan.

(v) Menubuhkan Jawatankuasa Teknikal Review Plan untuk menyemak aspek-aspek teknikal dan memperakukan pelan-pelan permohonan pemajuan yang dikemukakan untuk kawasan TWDGT.

(vi) Penubuhan Tabung Amanah Warisan untuk memberi kemudahan pinjaman, subsidi atau geran bagi membantu pemilik-pemilik bangunan warisan membaiki dan membaik pulih bangunan warisan mereka.

(vii) Pengwartaan Laporan Rancangan Kawasan Khas George Town sebagai panduan asas dalam rancangan pemajuan dan pengurusan TWDGT.

(viii) Penggubalan dan pengwartaan Enakmen Warisan Negeri untuk melindungi bangunan, tapak, monumen warisan peringkat negeri.

Dalam masa yang sama, pihak MPPP mempunyai garis panduan dan peraturan warisan bagi pemilik bangunan membaik pulih dan mengekalkan bangunan warisan mengikut tata cara yang betul. Oleh yang demikian, pihak MPPP telah memperkenalkan beberapa inisiatif dan insentif bagi pemajuan yang dikemukakan dalam tapak warisan seperti pemprosesan pelan secara fast-track, mewujudkan Technical Review Panel, insentif geran penyelenggaraan (maintainance grant) yang melayakkan rebat terhadap cukai taksiran setiap tahun bagi tempoh 5 tahun, insentif tempat letak kenderaan dan pengecualian penyediaan lorong sisi dan belakang.

Pihak MPPP juga berkolaborasi dengan pihak GTWHI dalam membantu menganjurkan bengkel-bengkel dan seminar-seminar yang boleh membantu pemilik bangunan dan kontraktor dalam menjalankan kerja-kerja pembinaan dan pembaikkan bangunan warisan.

Satu pelan pengurusan warisan dan Pelan Rancangan Kawasan Khas Tapak Warisan juga sedang dalam penyediaan akhir oleh Kerajaan Negeri/MPPP bagi memastikan tapak/bangunan warisan diuruskan dengan sewajarnya.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Dato' Yang di-Pertua saya ingin....(dengan izin), memohon selaras dengan Peraturan 6A(1) Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang, saya mohon supaya masa Persidangan Dewan Undangan Negeri pada 29 November 2013 Jumaat dilanjutkan sehingga jam 6.00 petang.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sokongan.

Timbalan Ketua Menteri I:

YB. Dato' Yang di-Pertua saya mohon menyokong.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ahli-ahli Yang Berhormat, Y.A.B. Ketua Menteri telah mengemukakan usul Peraturan 6A(1) untuk melanjutkan tempoh persidangan hari ini 29 November 2013 Jumaat dilanjutkan sehingga jam 6.00 petang. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju katakan "Ya." Yang tidak bersetuju katakan "Tidak."

Ahli-ahli Kerajaan:

"Ya"

Ahli-ahli Pembangkang:

"Tidak"

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Lebih suara bersetuju, usul dipersetujui.

Setiausaha:

6A. Rang Undang-undang Perbekalan 2014 dan Usul Anggaran Pembangunan Tahun 2014.

"Rang Undang-undang Perbekalan tahun 2014."

Y.A.B. Ketua Menteri:

YB. Dato' Yang di-Pertua saya memohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang Perbekalan Bernama Suatu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 2014 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu dibacakan bagi kali yang pertama.

Timbalan Ketua Menteri I:

YB. Dato' Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, saya mohon menyokong.

Setiausaha:

Rang Undang-undang Bernama Suatu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 2014 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Rang Undang-undang telah dibacakan bagi kali yang pertama.

Y.A.B. Ketua Menteri:

YB. Dato' Yang di-Pertua mengikut Peraturan 59 Peraturan-peraturan Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang. Saya mencadangkan bacaan kali Yang Kedua Rang Undang-undang ini diteruskan bagi serta-merta.

Setiausaha:

Rang Undang-Undang Perbekalan Tahun 2014 bacaan kali Yang Kedua.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua saya mohon mencadangkan Rang Undang-undang bernama Suatu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 2014 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu dibaca bagi Kali Yang Kedua.

Sempena dengan Persidangan Dewan yang mulia ini dan sebelum saya membentangkan Bajet Negeri Pulau Pinang bagi tahun 2014, marilah kita bersama-sama memanjatkan kesyukuran kepada Tuhan kerana dapat berkumpul di Dewan yang mulia ini untuk mendengar pembentangan Bajet Pertama bagi pihak Kerajaan Negeri semenjak diberi mandat untuk meneruskan pentadbiran Kerajaan Negeri dalam Pilihan Raya Umum ke-13 yang lalu. Sesungguhnya, pembentangan Bajet 2014 ini merupakan kali keenam yang dibentangkan oleh Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat.

Bajet 2014 ini adalah sebagai penerus tradisi dan kesinambungan kepada keupayaan Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat dalam memakmurkan Negeri Pulau Pinang dan membawa kesejahteraan kepada semua lapisan rakyat. Ianya adalah juga sebagai tanda terima kasih Kerajaan Negeri kepada semua rakyat Negeri Pulau Pinang kerana memberikan mandat besar dalam Pilihan Raya Umum Ke-13 yang lalu yang membolehkan Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat menambahkan undi popular sebanyak 10% kepada 68% dan menambahkan satu (1) kerusi kepada 30 daripada 40 kerusi DUN.

Hal ini mencerminkan kepercayaan dan sokongan padu rakyat Negeri ini kepada kepimpinan Kerajaan Negeri sebagai ejen perubahan untuk mentransformasikan Pulau Pinang sebagai sebuah Negeri bertaraf Antarabangsa dan Pintar. Oleh itu, Kerajaan Negeri akan sentiasa memberikan yang terbaik kepada seluruh rakyat Negeri Pulau Pinang dengan memantapkan lagi sistem penyampaian perkhidmatan supaya lebih efisien, efektif dan memenuhi kehendak rakyat keseluruhannya. Amanah dan kepercayaan yang diberikan akan dipikul oleh saya dan semua barisan kepimpinan Negeri ini dengan penuh dedikasi dan integriti berdasarkan prinsip Cekap, Akauntabel dan Telus (CAT) demi kemajuan Negeri dan kesejahteraan rakyat.

Dato' Yang di-Pertua bagi pihak kepimpinan Negeri dan semua penjawat awam Negeri Pulau Pinang, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang, di atas segala pandangan dan nasihat yang diberikan kepada kita bagi melaksanakan pembangunan dan pentadbiran di Negeri Pulau Pinang yang kita cintai ini. Keprihatinan Tuan Yang Terutama Tun dalam memastikan setiap pembangunan yang dilaksanakan dapat memenuhi keperluan rakyat dan seterusnya dinikmati oleh semua rakyat Negeri Pulau Pinang amatlah disanjung tinggi. Kami, kepimpinan Negeri dan seluruh rakyat Negeri Pulau Pinang mendoakan agar Tuan Yang Terutama Tun dan Yang Amat Berbahagia Toh Puan sentiasa diberi kesejahteraan, dipanjangkan umur dan mendapat keberkatan serta kerahmatan untuk terus memegang tampuk kepimpinan tertinggi Negeri Pulau Pinang.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, pada penggal Dewan Undangan Negeri Kedua Belas lalu, pendekatan CAT adalah kepada pentadbiran berteraskan belanjawan (*budget-based administration*) untuk mengatasi sebarang ketirisan dalam bentuk penyalahgunaan kuasa, penyelewengan dan amalan rasuah. Dalam hal ini beberapa kejayaan telah dicapai oleh Kerajaan Negeri antaranya merekodkan lebihan bajet setiap tahun, menaikkan aset Kumpulan Wang Disatukan sebanyak 50% sejak 2008 kepada RM1,192 juta. Pengurangan harta Kerajaan Negeri sebanyak 95%, merupakan Kerajaan Negeri tunggal di Malaysia yang dipuji oleh *Transparency International* kerana Kerajaan Negeri Pulau Pinang adalah Kerajaan Negeri yang pertama mengamalkan sistem tender terbuka secara kompetitif dan mengumumkan harta benda peribadi Ketua Menteri, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri dan ADUN-ADUN Kerajaan Negeri.

Kita jemput ADUN-ADUN Kerajaan Barisan Nasional mengisytiharkan harta benda mereka. Menaikkan pengiktirafan di peringkat antarabangsa menaikkan pengiktirafan di peringkat antarabangsa oleh ECA International sebagai *Most Liveable City In Malaysia* dan negeri keempat terbaik di dunia untuk bersara, serta destinasi pelancongan dan sebuah bandar raya warisan dan budaya yang terunggul di Malaysia. Kerajaan Negeri meneruskan prestasi cemerlang lebihan Bajet tahunan dengan lebihan Bajet 2012 sebanyak RM114.47 juta mengikut Laporan Ketua Audit Negara 2012 yang juga memuji keupayaan Pulau Pinang dalam mengamalkan sistem pengurusan kewangan dengan baik.

Bagi tujuan mengekalkan prestasi dan merancakkan pembangunan Negeri yang lebih mampan pada tahun 2014, Kerajaan Negeri akan memberi penekanan ke arah pentadbiran berteraskan hasil atau (*outcome-based budgeting*). Hal ini bukan sekadar memenuhi prinsip *value for money* dan penggunaan sumber secara optimal tetapi juga memastikan setiap projek yang dirancang mampu memberikan impak maksimum kepada rakyat. Pencarian sumber-sumber baru dan kreatif serta memaksimumkan penggunaan sumber sedia ada menjadi fokus utama bagi mengurangkan perbelanjaan, di samping dalam masa yang sama dapat meningkatkan pendapatan. Sebagai sebuah Kerajaan yang berjiwa rakyat, Kerajaan Negeri akan terus memberi tumpuan kepada tiga (3) teras utama pembangunan Negeri iaitu merancakkan pertumbuhan ekonomi (*pro-growth),* mewujudkan peluang-peluang pekerjaan *(pro-jobs)* dan menjamin keadilan sosio-ekonomi *(pro-poor)*.

Jabatan Perangkaan Malaysia melaporkan bahawa prestasi ekonomi bagi Negeri Pulau Pinang mencatatkan peningkatan yang amat memberangsangkan iaitu dari 3.9% pada tahun 2011 kepada 5.0% pada tahun 2012. Adalah dipercayai angka ini kurang tepat kerana Pulau Pinang mencatat pelaburan yang lebih banyak apabila GDP hanya sebanyak 3.9% iaitu pelaburan sebanyak RM 9.1 bilion berbanding hanya RM2.5 bilion pada tahun 2012. Tapi GDP lebih tinggi bagi tahap 5%. Oleh itu pertumbuhan ekonomi pada tahun 2011 harus lebih baik daripada tahun 2012. Sektor perkhidmatan, pembuatan dan pembinaan merupakan penyumbang utama kepada ekonomi Negeri Pulau Pinang. Seharusnya, tumpuan perlu dialihkan kepada jurusan industri dalam tiga (3) sektor ini yang menggaji pekerja tempatan dan bukannya pekerja luar negara.

Mengikut laporan yang dikemukakan oleh Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA), Pulau Pinang merupakan lokasi pelaburan terbesar di Malaysia dengan RM36.1 bilion di antara 2008-2012 berbanding dengan RM18.7 bilion di antara tahun 2003-2007. Kejayaan menarik pelaburan harus dilihat dalam konteks pertumbuhan sektor pembuatan GDP negara sebanyak 0.3% sahaja pada penggal pertama tahun ini berbanding dengan 4.4% pada tahun 2012. Dalam keadaan sedemikian hanya peneraju pertumbuhan ekonomi yang lebih dinamik, kreatif dan inovatif dapat mewujudkan peluang pekerjaan berpendapatan tinggi bagi pekerja tempatan. Ini direalisasikan dengan pelaburan berbilion ringgit oleh syarikat antarabangsa terkemuka seperti Ibiden Corporation, Bose Corporation, Haemonetics Corporation dan Honda. Sektor pembinaan memperlihatkan pertumbuhan yang paling tinggi di seluruh Negara sebanyak 15.4% GDP pada 2012 dan 14.7% pada penggal pertama tahun ini. Di Pulau Pinang, kelulusan *Commencement of Works (COW)* oleh Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) adalah sebanyak RM2.5 bilion pada 2012 dan RM1.2 bilion setakat September 2013. Untuk MPPP pula meluluskan COW sebanyak RM922 juta pada 2012 dan RM1.9 bilion pada Oktober 2013 tahun ini.

Dalam memperkemaskan lagi kemudahan infrastruktur awam memangkin sektor pembinaan, Kerajaan Negeri telah menandatangani perjanjian awal dengan Consortium Zenith BUCG Sdn. Bhd., dengan disertai oleh China Railway Construction Corporation International (CRCC) dan Beijing Urban Construction Group (BUCG) pada 6 Oktober 2013. Perjanjian awal ini adalah untuk membolehkan pihak syarikat menjalankan Kajian Kebolehlaksanaan dan Reka Bentuk Terperinci bagi Jalan Pintasan Air Itam-Lebuh Raya Tun Dr. Lim Chong Eu, Jalan Pintasan Persiaran Gurney-Lebuh Raya Tun Dr. Lim

Chong Eu, Jalan Berkembar Tanjung Bunga-Telok Bahang dan Terowong Link Ketiga yang bernilai RM6.341 bilion. Ini tidak merangkumi projek jalan oleh JKR, khususnya dalam Seberang Perai. Sebanyak RM84.87 juta diperuntukkan berbanding dengan RM41.6 juta pada tahun ini. Manakala MPPP bercadang mengawal selia pembinaan jalan bernilai RM45 juta, termasuk projek menghubungkan jalan berkembar Jalan Paya Terubung yang dikenali sebagai Jalan Bukit Kukus dari Lebuh Raya Thean Teik ke Tingkat Paya Terubong 1 (Sun Moon City). Di samping itu, RM18 juta telah diperuntukkan untuk projek tebatan banjir pada tahun depan berbanding dengan RM16 juta tahun ini. MPSP akan memperuntukkan RM9.1 juta untuk projek tebatan banjir pada tahun depan di mana RM3.4 juta adalah di kawasan Bukit Mertajam.

Kini, kejayaan ekonomi tidak boleh bergantung semata-mata kepada satu sektor tetapi memerlukan penumpuan *(convergence)* dalam sektor pembinaan, perkhidmatan dan kerajaan. Sektor perkhidmatan bukan sahaja merangkumi pelancongan, rawatan perubatan dan pendidikan tetapi juga perkhidmatan berkongsi *(shared services)* seperti kewangan, perakaunan dan pemeprosesan data. Kerajaan Negeri boleh memainkan peranan penting sebagai pendaya *(enabler)* di antara sektor pembuatan dan perkhidmatan. Kerajaan mesti berinovasi dan melabur dalam kemudahan infrastruktur, modal insan, insentif dan bayaran kebajikan serta pembasmian kemiskinan. Dasar merancakkan ekonomi mestilah bertujuan ke arah:

1) Liberalisasi peraturan sedia ada untuk mengurangkan karenah birokrasi,

2) Penjualan *(divestment)* perniagaan yang bukan teras kepada fungsi kerajaan seiring dengan saranan, *the business of government is to stay out of business,*

3) Membenarkan daya saing yang bebas dan adil; dan

4) Menggalakkan pembinaan modal insan.

Sektor perkhidmatan menunjukkan pertumbuhan yang lebih memberangsangkan dengan 5.7% pertumbuhan GDP untuk 2012 di Malaysia berbanding dengan 5.9% untuk Penggal Pertama tahun ini. Pulau Pinang telah memperlihatkan hasil dalam usaha menjana pertumbuhan ekonomi yang mampan dan menawarkan lebih banyak peluang pekerjaan dalam ketiga-tiga sektor. Kerajaan Negeri berkeyakinan Pulau Pinang memiliki syarat-syarat perlu untuk mencapai potensi sebagai salah satu daripada 31 bakal *Business Processing Outsourcing (BPOs) hubs of the future* sepertimana yang diramalkan oleh syarikat perakaunan antarabangsa KPMG.

Dua (2) tahun lepas, Kerajaan Negeri mengambil tindakan berani menumpukan kepada sektor perkhidmatan kerana ianya berupaya menggaji 100% pekerja tempatan yang berpendapatan tinggi. Respons baik daripada sektor perkhidmatan telah menyebabkan Pulau Pinang hampir kehabisan ruang pejabat Gred A. Malah syarikat First Solar Corporation, yang merupakan pemimpin dunia dalam pasaran tenaga solar telah mendirikan *shared services outsourcing hub* bukan di kilang mereka di Kulim, tetapi di Pulau Pinang. Di antara syarikat perkhidmatan terkemuka yang berpindah ke Pulau Pinang adalah Air Asia yang memindahkan bahagian IT, pembelian, dan sumber manusia daripada Bangkok. Wilmar, yang merupakan syarikat gergasi minyak masak

bernilai 45 bilion USD telah berpindah daripada Hong Kong dan salah satu bank terbesar di dunia, *Citigroup*, yang mengambil 1,000 pekerja untuk menguruskan pusat pemprosesan perdagangan dan kredit serantau dengan nilai transaksi USD5.8 trilion, bukan bilion setahun. Demi memperkasakan pertumbuhan masa depan, Kerajaan Negeri akan memperuntukkan 17 ekar tanah di Bayan Baru dan Bayan Lepas untuk dijadikan hak BPO Pulau Pinang. Bayan Baru dan Bayan Lepas akan menawarkan sekurang-kurangnya 1.7 juta kaki persegi ruang pejabat dalam tempoh tiga (3) hingga lima (5) tahun. Ini memang projek terbesar BPO di Pulau Pinang. Kemakmuran Pulau Pinang bergantung kepada keupayaan ketiga-tiga sektor ini dapat menjanakan perkongsian di antara ketiga-tiga sektor pembuatan, perkhidmatan dan Kerajaan. Ataupun perkongsian dengan sumber-sumber dana modal, modal insan, para inovasi dengan kerajaan sebagai kuasa pendaya atau *enabler*.

Pembukaan Jambatan Kedua Pulau Pinang bernilai RM4.5 bilion pada tahun depan merupakan pemangkin pembangunan Batu Kawan. Pada tahun ini juga, PDC telah berjaya menjual sebanyak 106 ekar tanah perindustrian di Batu Kawan kepada 50 buah syarikat dengan nilai jualan sebanyak RM876 juta yang mana ia turut menjana 3,948 peluang pekerjaan. Sebahagian besar daripada pelaburan ini tertumpu di Taman Perindustrian Batu Kawan, iaitu *SME Village* 45 ekar, Batu Kawan *Industrial Park* 38 ekar dan di *Penang Science Park* 14 ekar. Daripada 50 buah syarikat yang melabur tersebut, 46 merupakan syarikat tempatan, manakala empat (4) buah syarikat asing. Di antara pelaburan terbaru yang beralih ke arah aktiviti nilai tambah atau *value added activities* seperti Haemonetics Malaysia Sdn. Bhd., sebuah syarikat daripada Amerika Syarikat yang melabur RM300 juta untuk menubuhkan fasiliti barunya untuk menyediakan bekalan darah dan peralatan untuk pasaran global serta memperkukuhkan kluster peralatan perubatan.

Selain itu, PKT Logistics Group Sdn. Bhd. yang merupakan sebuah syarikat logistik terkemuka di Malaysia dan dipengerusikan oleh bekas Ketua Pengarah MIDA, Datuk Seri Jelilah Baba akan melabur lebih kurang RM100 juta di mana komponen pembangunan logistik oleh PKT Logistics Group yang unik kerana menyediakan pergudangan yang disokong dengan kemudahan kampus pembelajaran seperti Hull University, *eco-tourism,* kemudahan penginapan dan juga komersial. Projek ini mampu menjana ekonomi dengan memberi nilai pelaburan domestik sebanyak RM600 juta dalam tempoh empat (4) tahun, RM1.0 bilion dalam tempoh 10 tahun dan KDNK Negeri sebanyak RM3.7 bilion pada tahun 2020. Keadaan ini juga akan menawarkan peluang pekerjaan kepada 19,400 orang dengan pendapatan tambahan hasil sebanyak RM2.2 bilion pada tahun 2020 serta kemudahan *spin - off* untuk Pelabuhan Pulau Pinang.

Dato' Yang di-Pertua, sektor pelancongan telah mengalami peningkatan yang amat membanggakan sejak tahun 2008 sehingga sekarang di mana jumlah kedatangan pelancong yang dicatatkan telah meningkat daripada seramai 6 juta orang pada tahun 2011 kepada 6.1 juta orang pada tahun 2012 yang kebanyakannya daripada Indonesia, Singapura dan Negara China. Dalam hal ini, Negeri Pulau Pinang berada dalam kedudukan ketiga selepas Kuala Lumpur dan Pahang dengan perbelanjaan pelancong di Negeri ini sebanyak RM8.58 bilion pada tahun 2012. Kemasukan pelancong ke Pulau Pinang adalah melalui dua *entry point*, iaitu di Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang di mana pada tahun 2012 mencatatkan seramai 493,347 orang pelancong, manakala seramai 124,110 orang pelancong melalui Pelabuhan Pulau Pinang.

Di samping daripada *Star Cruise* dan *Star Libra*, kapal-kapal pelayaran mewah seperti *Royal Caribbean* dan *Carnival Australia* turut merancang melabuhkan kapal mereka di Pelabuhan Pulau Pinang pada tahun 2014. Pelayaran domestik seperti dari Pulau Pinang ke Langkawi dan Pulau Payar turut bertambah dari 198,262 orang penumpang pada tahun 2011 bertambah kepada 216,783 orang penumpang pada tahun 2012. Malah, pertumbuhan sektor pelancongan boleh dilihat dengan kenaikan 14% tahun ini dalam pengguna Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang yang mencatat 4.4 juta orang pada akhir bulan Oktober 2013 dan dijangka mencecah di antara 5.2 juta hingga 5.5 juta pengguna pada keseluruhan tahun 2013. Ini jauh melebihi kapasiti baru Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang yang baru siap tahun ini, iaitu sebanyak 5 juta orang. Ada keperluan Lapangan Terbang diperbesarkan lagi. Subsektor pelancongan perubatan juga mencatatkan peningkatan sebanyak 12% bagi setengah tahun pertama 2013 berbanding tahun 2012. sektor perubatan swasta di Pulau Pinang harus memperluaskan harga dan mutu perkhidmatan serta kemudahan sekiranya ingin mengekalkan kedudukan menguasai 60% nilai pasaran Malaysia sebanyak RM630 juta tahun ini.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, pengiktirafan bandar George Town sebagai bandar Warisan Dunia oleh UNESCO telah membuktikan keupayaan Negeri ini untuk mengekalkan nilai sejarah, kebersihan serta kesejahteraan Bandar Raya George Town. Perayaan tahunan George Town Heritage Festival yang akan diadakan pada bulan Ogos 2014 dan acara lain telah membantu menjadikan Pulau Pinang sebagai satu pusat budaya, warisan dan seni Malaysia di mana kebebasan dan peluang menjadi pendorong kepada semua sehingga lukisan mural dinding hanya dibenarkan di Pulau Pinang tanpa menghadapi risiko dipadamkan seperti yang berlaku di Negeri tertentu.

Satu tarikan pelancongan baru ialah projek *Eco-tourism Venture* yang terdiri daripada *Educational Nature Trail* dan Titian Silara di atas Bukit Bendera dengan kos sebanyak RM6.0 juta akan dimulakan pada tahun depan. Selain itu, projek-projek yang dalam perancangan dan akan dilaksanakan pada tahun 2014 ialah projek *Water Play* di *The Escape* Fasa 2 dengan kos RM50 juta dan projek *Integrated Wellness Resort* oleh Syarikat Senja Aman di Telok Bahang. Untuk menarik pelancong ke Bukit Bendera, Perbadanan Bukit Bendera atau (PBB) akan membina sebuah Muzium Funikular pertama di Asia Tenggara. Bagi menjayakan hasrat ini, bilik enjin stesen tengah yang menjadi stesen perantaraan untuk menukar koc dari stesen bawah ke stesen atas sebelum ini akan ditukarkan dan diubah suai menjadi sebuah muzium. Kos mengubahsuai stesen ini untuk dijadikan muzium dianggarkan sebanyak RM4.0 juta. Di samping itu, satu muzium seni juga dirancang. Selain daripada itu, Perbadanan Bukit Bendera akan membelanjakan RM10 juta untuk membina tapak pemandangan baru serta pusat media elektronik digital.

Dalam masa yang sama, teras-teras pelancongan yang lain seperti pelancongan budaya, pelancongan sukan dan pelancongan *eco-tourism* akan terus mendapat perhatian daripada Kerajaan Negeri. Untuk itu, peruntukan berjumlah RM35.48 juta akan disediakan pada tahun 2014 bagi memeriahkan program Tahun Melawat Malaysia 2014 dan Tahun Berpesta 2015 anjuran Kementerian Pelancongan. Kerajaan Negeri Bercadang menganjurkan Tahun Melawat Pulau Pinang pada 2015 hingga 2017. Ini

memerlukan perancangan teratur dan pelaburan besar dalam infrastruktur asas untuk mewujudkan produk baru, acara baru dan pengalaman yang kekal abadi dalam minda pelancong. Demi memastikan bahawa produk dan acara di Pulau Pinang mesti bertaraf antarabangsa, maka Kerajaan Negeri bercadang untuk mengenakan levi RM2.00 bagi setiap malam di bilik penginapan di hotel yang bertaraf satu (1) bintang hingga tiga (3) bintang, manakala levi RM5.00 akan dikenakan bagi bilik penginapan di hotel yang bertaraf empat (4) bintang dan ke atas. Pada tahun lepas, ada kira-kira 5 juta bilik malam direkodkan di Pulau Pinang. Kutipan levi ini akan digunakan sebagai tabung dana dalam mempromosikan lagi aktiviti kebudayaan dan pelancongan Negeri Pulau Pinang. Satu jawatankuasa khas yang terdiri daripada sektor hotel dan penginapan bersama dengan Kerajaan Negeri akan mendapat input untuk berbincang tentang jenis perbelanjaan ke atas kutipan levi ini dibuat secara bersama-sama. Levi ini dicadangkan mulai bulan Mac 2014.

Yang Berhormat Dato' Speaker, untuk memperkemaskan dan memantapkan lagi kemudahan infrastruktur awam di Negeri Pulau Pinang, sebanyak RM19.45 juta diperuntukkan bagi tahun 2014 untuk membiayai penyelenggaraan dan penaiktarafan jalan raya. Selain itu, pada tahun 2014, Kerajaan Negeri bakal menyiapkan projek Pelebaran Jalan dan Menaik Taraf Jambatan di Jalan Song Ban Kheng, yang bernilai RM20.42 juta serta memulakan lapan projek baru yang bernilai RM169.5 juta. Di antara lapan projek baru ialah cadangan Pelebaran Jalan Bukit Minyak, Alma, Seberang Perai Tengah, Butterworth, cadangan pembinaan jambatan baru merentasi Sungai di atas laluan P169, Kampung Tanjung Berembang, Seberang Perai Selatan serta lima (5) projek lagi di mana peruntukan berjumlah RM49 juta daripada keseluruhan kos RM169.5 juta akan disediakan untuk tujuan pembiayaan tahun depan.

MPPP akan melaksanakan enam projek pasar awam, tiga kompleks makanan dan empat (4) tapak penjaja dan melalui MPSP pula akan melaksanakan dua (2) projek pasar awam dan sebuah kompleks makanan yang bakal dinaik taraf sebagai satu (1) usaha penjenamaan semula aktiviti perniagaan kecil. Selaras dengan itu, sebanyak RM25 juta telah diperuntukkan oleh MPPP untuk tujuan tersebut bagi tahun 2014 dan Kerajaan Negeri pula memperuntukkan sejumlah RM2.7 juta kepada MPSP untuk penyediaan kemudahan awam terlibat. Harapan Kerajaan Negeri dengan pelaksanaan projek-projek tersebut, peniaga-peniaga kecil dapat menikmati peluang ekonomi hasil daripada pembangunan Negeri.

Seterusnya, bagi menggalakkan rakyat Negeri Pulau Pinang untuk mengamalkan cara hidup yang lebih sihat dengan aktiviti riadah dan rekreasi, Taman Metropolitan di Daerah Barat Daya telah diberikan nafas baru supaya lebih menarik untuk dikunjungi di mana pihak MPPP telah membina sebuah kolam rekreasi untuk orang ramai pada tahun ini. Pembinaan kolam rekreasi ini mendapat reaksi yang positif daripada semua pihak dan bagi menampung kapasiti pengunjung yang semakin meningkat, peruntukan sebanyak RM1.0 juta pada taun 2014 akan disediakan bagi membina tambahan kolam rekreasi serta tandas awam dan tempat persalinan untuk keselesaan pengunjung di Taman Metropolitan. Di Seberang Perai, projek pembangunan semula di atas tapak milik PDC dan sebahagian tanah kompleks kolam renang MPSP sedang berjalan lancar. Projek ini melibatkan pembinaan sebuah dewan bankuet serbaguna dengan kapasiti 1,000 orang dan dijangka siap sepenuhnya pada suku ketiga 2014 untuk kemudahan masyarakat Negeri Pulau Pinang.

YB. Dato' Yang di-Pertua, bencana banjir yang berlaku di Pulau Pinang diberikan perhatian oleh Kerajaan Negeri dengan peruntukan pada tahun 2014 sebanyak RM5 juta untuk projek khas tebatan banjir dan kolam tadahan air iaitu untuk membina ban, sungai serta kerja-kerja kecemasan dan RM13.00 juta untuk kerja-kerja mendalam dan memulihkan sungai, parit, muara sungai, tali air, membaiki *flood gate*, memasang pam air dan kerja-kerja berkaitan. Peruntukan RM18.00 juta ini adalah 11% lebih tinggi daripada peruntukan tebatan banjir sebanyak RM16 juta tahun ini. Di samping itu MPSP juga menyediakan RM9.2 juta untuk projek tebatan banjir. Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) dan khasnya MPSP juga diarahkan mengambil tindakan tegas ke atas pemaju yang tidak bertanggungjawab yang menyebabkan banjir dengan mewajibkan satu bayaran khas dibuat sebelum arahan henti kerja ditarik balik.

YB. Dato' Yang di-Pertua, Pelan Induk Pengangkutan (PIP) Negeri Pulau Pinang telah dilancarkan secara rasminya pada 25 Mac 2013. Pada tahun 2014, penekanan akan diberikan kepada dua (2) aspek iaitu, meningkatkan sistem pengangkutan awam di Pulau Pinang dan kebolehsampaian semua pengguna jalan raya seperti menyediakan perhentian bas yang sesuai dan selamat, menambah laluan bas yang baru, mengamalkan konsep *Hub N Spoke* dengan pengguna yang perlu menukar bas untuk sampai ke destinasi. Menambah bilangan bas terutama pada waktu puncak dan memperkenalkan laluan khas bas di jalan-jalan yang sesuai. Dengan penambahbaikan ini, adalah diharapkan peratusan pengguna perkhidmatan awam akan bertambah daripada 4% masa kini kepada 40% selaras dengan Pelan Transformasi Kerajaan Persekutuan dan pengangkutan awam akan menjadi pilihan utama penduduk di Negeri ini yang sekali gus dapat mengurangkan kesesakan lalu lintas. Selain itu, cadangan perkhidmatan bas percuma di seluruh Pulau Pinang pada waktu puncak juga akan diteliti pelaksanaannya agar dapat membantu semua golongan masyarakat, Kerajaan Negeri juga akan mengkaji melaksanakan satu sistem jaringan “tram dan sistem jaringan *Light Rail Transit* (LRT) atau Transit Aliran Ringan sepertimana yang telah dicadangkan dalam Pelan Induk Pengangkutan.

Kerajaan Negeri telah menulis surat kepada Kerajaan Persekutuan meminta janji mantan Perdana Menteri dan Y.A.B. Perdana Menteri sekarang yang dibuat sejak 2007 untuk membina dan membiayai sistem monorel ditunaikan. Sekiranya janji ini tinggal janji kosong, maka Kerajaan Negeri meminta Kerajaan Persekutuan menyerahkan kuasa pengendalian demi membolehkan Kerajaan Negeri menjalankan operasi dengan kuasa sepenuhnya kepada sistem pengangkutan “tram” bersama dengan pihak swasta. Kerajaan Negeri telah memulakan langkah awal dengan menawarkan *Request For Proposal* (RFP) secara tender terbuka untuk menjemput mana-mana pihak yang berminat untuk menyertai tender terbuka ini tidak kira dari dalam atau luar negara berkaitan pengangkutan awam TRAM untuk menjalankan kajian kemungkinan atau *feasibility study.*

Sektor pertanian, YB. Dato' Speaker, Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) Juru di Seberang Perai Tengah seluas 115.2 hektar dan Zon Industri Akuakultur (ZIA) Penaga, Seberang Perai Utara (SPU) seluas 277.6 hektar akan dibangunkan sepenuhnya dalam usaha Kerajaan Negeri untuk menjadi jaguh dalam pengeluar agromakanan negara. Untuk itu, pengeluaran akuakultur disasarkan sebanyak 50,000 tan dengan nilai berjumlah RM642 juta. Pemajuan projek ZIA bukan sahaja memberi

faedah kepada peningkatan pengeluaran akuakultur tetapi juga turut berpeluang menjadi kawasan tarikan agro pelancongan. Memandangkan terdapat peningkatan dalam jumlah pendaratan ikan laut melalui kapal-kapal yang berdaftar sebanyak 52,483 tan metrik dengan nilai keseluruhan RM408 juta pada tahun 2012 kepada 51,000 tan metrik dengan nilai RM410 juta sehingga September 2013. Kerajaan Negeri akan mempertimbangkan pemberian tukun tiruan sebanyak 180 unit di perairan Pulau Aman, Sungai Udang dan Penaga sebagai inisiatif menjana pendapatan nelayan Pulau Pinang. Pemberian tukun tiruan ini dijangka dapat memberi manfaat kepada 2,586 orang nelayan pantai di Daerah SPU, SPT dan SPS. Selain daripada itu, Kerajaan Negeri juga telah meluluskan cadangan pemberian bantuan pukat pantai kepada 2,981 orang nelayan yang berdaftar dengan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) di seluruh Negeri Pulau Pinang dan akan melibatkan peruntukan sejumlah RM1.6 juta bagi tahun 2014. Pembiayaan itu membuktikan komitmen Kerajaan Negeri untuk mendorong nelayan pantai meningkatkan pendapatan masing-masing.

Bagi memastikan Pulau Pinang sentiasa menjadi destinasi persinggahan penyu, Kerajaan Negeri saban tahun menyokong usaha-usaha konservasi penyu yang dilakukan melalui Pusat Konservasi Penyu di Pantai Kerachut, Telok Bahang. Jumlah penyu yang mendarat di Pulau Pinang telah bertambah kepada 171 ekor dan Kerajaan Negeri berhasrat akan terus membiayai program-program konservasi penyu yang dirancang pada tahun 2014 dan tahun-tahun yang akan datang. Sehingga kini, Pusat Konservasi Penyu Pantai Kerachut telah menerima kunjungan seramai 37,000 orang pelancong dari dalam dan luar negara melalui penambahbaikan yang dibuat secara berterusan dan dijangka sasaran kunjungan pelancong seramai 40,000 orang pada tahun 2014 akan dapat dicapai. Pendaratan penyu juga didapati di lokasi-lokasi lain seperti di Pantai Kerachut, Telok Kampi, Telok Ketapang dan Moon Light Bay. Kerajaan Negeri merancang pemberian dana Tabung Usahawan Tani Muda berjumlah RM5,000 seorang mulai tahun 2014 kepada bakal usahawan-usahawan tani muda dari seluruh Negeri dalam bentuk mikrokredit. Ini membuktikan bahawa Kerajaan Negeri Pulau Pinang berhasrat untuk meningkatkan sumber tanah dan pertanian yang sedikit ini dengan cara yang paling optimum.

Kerajaan Negeri beriltizam memantapkan Agenda Ekonomi Saksama (AES) agar memberikan peluang sama rata kepada semua yang mampu, yang berkebolehan, tanpa mengira kaum agama, bangsa dan latar belakang. Sebuah Negeri bertaraf antarabangsa dan pintar tidak boleh membenarkan mereka ini ketinggalan. Oleh itu sebuah Negeri yang maju mesti memastikan masalah kemiskinan dibanteras, yang pintar mesti memberikan peluang pembelajaran kepada yang lemah dan yang bertaraf antarabangsa mesti cuba menaik taraf mereka yang daif. Itulah objektif AES yang mencipta sejarah menghapuskan kemiskinan di Pulau Pinang di Malaysia.

Pada Julai 2013, pemberian insentif sebanyak RM300 kepada pemandu teksi, teksi lapangan terbang dan kereta sewa di seluruh Negeri Pulau Pinang telah pun dilaksanakan. Sumbangan ini adalah bagi menghargai perkhidmatan pemandu-pemandu teksi selain mengiktiraf peranan pemandu teksi sebagai duta kecil bagi Pulau Pinang. Untuk itu, bermula pada tahun 2014, pemberian ini akan ditambah kepada RM600 dan dibayar dua (2) kali setahun dan melibatkan peruntukan sebanyak RM1.3 juta untuk tahun 2014. Hanya dua (2) pemandu untuk setiap sebuah teksi layak menerimanya. Dalam usaha menjadikan Pulau Pinang sebagai Negeri bertaraf

antarabangsa dan pintar yang dapat dinikmati oleh semua, khususnya orang muda, *Penang Free WiFi* telah pun berjaya disiapkan pada bulan Ogos 2012 dengan 1,550 *hotspots WiFi* percuma. Jumlah ini akan meningkat sekali ganda iaitu tambahan 1,550 kepada 3,100 *free WiFi hotspot* mulai tahun depan dalam tempoh masa tiga tahun. Peruntukan berjumlah RM75.0 juta pada tahun 2014 bagi meneruskan program-program kebajikan yang telah dilaksanakan sebelum ini iaitu RM200.00 untuk Program Anak Emas setiap tahun. RM100.00 setiap untuk Program Penghargaan Warga Emas, Program Bantuan Ibu Tunggal, Program Bantuan Orang Kelainan Upaya (OKU) dan Program Pelajar Emas dan juga Kerajaan Negeri juga akan memanjangkan pemberian Sumbangan Pengurusan Jenazah sebanyak RM1,000 kepada waris warga emas, ibu tunggal dan OKU yang meninggal dunia dan juga RM1,000 kepada semua mahasiswa-mahasiswi.

Para pujangga bermadah, kasihnya ibu membawa ke syurga, kasihnya bapa berkorban raga. Bagi menghargai jasa dan pengorbanan suri rumah yang menjaga rumah tangga, Kerajaan Negeri akan memberikan wang tunai sebanyak RM100.00 setahun mulai 2014. Kerajaan Negeri akan membuat pelancaran rasmi Program Ibu Emas pada tahun hadapan. Kerajaan Negeri juga telah menaikkan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) bagi setiap isi rumah di Pulau Pinang daripada RM600.00 kepada RM770.00 sebulan mulai Januari 2013 sekali gus menjadikan Negeri Pulau Pinang Negeri pertama yang berjaya membasmi kemiskinan. Dalam tahun semasa 2013 setakat ini selaras dengan kenaikan PGK kepada RM770.00 sebulan, lebih kurang 33,887 penerima bantuan telah mendapat faedah dengan perbelanjaan sebanyak RM5,590.500. Walau bagaimanapun, bagi tahun 2014, Kerajaan Negeri akan menaikkan Pendapatan Garis Kemiskinan bagi setiap isi rumah di Pulau Pinang daripada RM770.00 kepada RM790.00 sebulan. Kerajaan Negeri akan meneruskan bantuan *top-up* kepada RM790.00 sebulan mulai tahun 2014 bagi mengekalkan status Pulau Pinang sebagai satu-satunya Negeri di Malaysia yang bebas daripada kemiskinan. Bagi memastikan wang basmi kemiskinan ini tidak disia-siakan untuk tujuan kurang sihat, bentuk *unconditional cash transfers* ini akan diubah kepada *conditional cash transfers* dengan mewajibkan syarat-syarat yang mesti dipatuhi sebelum layak menerimanya diketatkan, khususnya seperti memastikan anak-anak terus pergi ke sekolah atau makanan yang mencukupi untuk ahli-ahli keluarga diberikan. Usaha ini akan dibantu oleh Penang Institute (PI).

Dalam usaha menjadikan Pulau Pinang Negeri paling selamat, Kerajaan Negeri melalui kedua-dua Pihak Berkuasa Tempatan akan membelanjakan RM3.2 juta untuk memasang tambahan 180 CCTV dalam tahun ini dan tahun hadapan. Ini adalah tambahan daripada 104 CCTV sedia ada dan menjadi keseluruhan CCTV sebanyak 284 unit. Pemasangan CCTV, kerjasama Polis dan penubuhan Pasukan Peronda Sukarela (PPS) diharap dapat berjaya melihat penurunan kadar jenayah di Pulau Pinang yang lebih ketara pada tahun ini. PPS akan dibekalkan dengan *uniform*, seluar, *vest,* topi dan kasut selain daripada kelengkapan rondaan. Bagi melestarikan hasrat ke arah sistem pendidikan yang cemerlang, Kerajaan Negeri akan memulakan langkah pertamanya dengan menjadikan Pulau Pinang sebagai Pusat Kecemerlangan Sains dan Teknologi melalui *Penang Science Cluster* dan Inisiatif *Tech-Dome* bernilai RM25 juta. Pulau Pinang berhasrat menjadi hub pendidikan serantau dengan pembinaan *Penang Learning Centres* di semua daerah termasuk institusi pendidikan bertaraf dunia seperti Universiti Kepimpinan Wanita Asia *(Asian Women's Leadership University*

(AWLU). Di samping itu, Universiti Hull yang termuka daripada United Kingdom dan Kolej Universiti KDU akan membuka kampus cawangannya di Batu Kawan. Penang Institute di bawah pimpinan Profesor Datuk Dr. Woo Wing Tye telah mendapat pengiktirafan di kalangan cendekiawan dan pemikir dalam dan luar Negeri dengan mutu kajiannya. Demi memantapkan pembangunan idea-idea baru selaras dengan visinya *Making Ideas Work,* satu bangunan baru akan ditambah dengan kos RM4 juta. Peruntukan sebanyak RM12 juta tetap akan diberikan kepada semua sekolah bantuan modal. Hasil kerjasama dengan Kerajaan Persekutuan, sebuah Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil Rendah di kawasan Air Putih akan dibina di atas tanah 3 hingga 5 ekar. Kerajaan Negeri boleh menyumbangkan tanah secara percuma di kawasan Bagan untuk Sekolah Menengah Tamil yang pertama di Malaysia sekirannya dipersetujui untuk dibina dan dibiayai oleh Kementerian Pelajaran.

Menerusi *Penang Green Council* banyak program-program alam sekitar seperti Anugerah Sekolah Hijau, Anugerah Kewartawanan Hijau Negeri Pulau Pinang, Pertandingan Video Hijau Negeri Pulau Pinang, *Green Building Intiative* dan Program Pembersihan Pantai dianjurkan untuk menjadikan Pulau Pinang Negeri hijau yang pertama di Malaysia. Bagi memastikan kualiti alam sekitar terus dipelihara, Kerajaan Negeri akan memperuntukan sejumlah RM5.08 juta untuk membersihkan beberapa sungai dan pencemaran minyak di sekitar kawasan Seberang Perai dan di Jambatan Pertama Pulau Pinang. Program membangunkan Bandar Rendah Karbon terjalin dengan kerjasama United Nation Environment Program (UNEP), Global Environment Centre (GEC) di Jepun dan Bank Dunia. Satu memorandum persefahaman mengenai *Project for Developing a Low Carbon Society Through Waste to Energy Technology* telah ditandatangani oleh Kerajaan Negeri dengan Bandar Kawasaki, Jepun. Bagi tahun 2014, fokus Kerajaan Negeri adalah mempromosikan gaya hidup sihat antaranya melalui Pulau Pinang Bebas Asap Rokok atau PENBAR dengan meningkatkan penguatkuasaan larangan merokok di kawasan-kawasan tarikan pelancongan. Inisiatif lain yang diperkenalkan adalah seperti COMBI-Cara Hidup Sihat di Komuniti, Program PROSIS-Siswa Sihat di Institusi Pengajian Tinggi dan Minda Sihat di Sekolah. Saya percaya program ini akan disokong oleh semua ADUN-ADUN kerana saya rasa semua ADUN sekarang tidak merokok.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, Kerajaan Negeri mengucapkan terima kasih kepada Kementerian Kesihatan atas penyediaan infrastruktur di bawah Rolling Plan Ketiga RMKe-10 iaitu pembinaan Blok Wanita dan Kanak-kanak untuk Hospital Besar Pulau Pinang berjumlah RM250 juta dan menaik taraf Jabatan Kecemasan dan Forensik Hospital Balik Pulau berjumlah RM20 juta. Pelaksanaan projek-projek ini pasti akan meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan kesihatan kepada rakyat Pulau Pinang.

Selain itu, Kerajaan Negeri juga mengambil langkah yang proaktif dengan menubuhkan dua (2) buah Pusat Dialisis CAT Negeri Pulau Pinang sebagai usaha membantu rakyat miskin yang mengidap penyakit buah pinggang di kawasan luar bandar. Pusat Dialisis CAT di Balik Pulau telah pun mula beroperasi pada 10 Jun 2013 dengan kapasiti lima (5) buah katil atas sumbangan syarikat Jerman B. Braun. Kerajaan Negeri masih adalam persediaan untuk menubuhkan satu (1) lagi Pusat Dialisis CAT di Seberang Jaya. Untuk itu, Kerajaan Negeri bekerjasama dengan pihak MAA bagi penubuhan Pusat Dialisis CAT yang dicadangkan di Taman Bunga Raya dan proses

permohonan lesen serta pelantikan Perunding Nefrologi sedang diuruskan oleh pihak MAA. Pusat Dialisis ini akan menggunakan mekasnisme pemilihan pesakit seperti yang digunakan di Pusat Dialisis CAT, Balik Pulau dan akan dibuka secara rasminya pada tahun 2014. Setiap rawatan akan dikenakan bayaran RMM30 sahaja. Golongan wanita memainkan peranan yang sangat penting dalam pembangunan ekonomi Negeri. Bagi menghargai jasa dan sumbangan wanita, Kerajaan Negeri akan melancarkan satu program pemeriksaan mammogram percuma kepada 867,000 orang wanita di Pulau Pinang yang berusia 35 tahun ke atas. Sebagai permulaan, Kerajaan Negeri mensasarkan pemeriksaan terhadap 52,000 orang wanita pada tahun 2014 dengan anggaran seramai 40 orang wanita sehari sebagai langkah pencegahan penyakit berbahaya seperti kanser Payudara. Penyediaan perkhidmatan ini akan melibatkan peruntukan sejumlah RM3.5 juta.

Demokrasi perumahan memenuhi keperluan setiap rakyat Negeri ini untuk memiliki rumah selesa, terutamanya bagi golongan yang miskin dan berpendapatan rendah. Sehubungan dengan itu, Kerajaan Negeri akan membina sebanyak 386 unit Rumah Kos Rendah iaitu Mak Mandin dan Ladang Kaledonia. Dalam masa yang sama, Kerajaan Negeri juga akan membina sebanyak 7,579 unit Rumah Kos Sederhana Rendah iaitu 770 unit di S.P Chelliah, 346 unit di Telok Kumbar, 556 unit di Jelutong, 298 unit di Pintasan Cecil, 3,372 unit di Bandar Cassia Batu Kawan, 353 unit di Kampung Jawa, 600 unit di Ampang Jajar, 484 unit di Bukit Mertajam dan 800 unit di Juru. Dalam merealisasikan hasrat rakyat Negeri ini untuk memiliki sebuah rumah, Kerajaan Negeri memperuntukkan sebanyak RM500 juta bagi membiayai pembinaan 20,000 unit perumahan mampu milik di seluruh Negeri Pulau Pinang. Untuk itu, sejumlah 3,150 unit telah dikenal pasti untuk dibina di bahagian Pulau manakala bakinya 16,275 unit akan dibina di Seberang Perai. Dalam pada itu, projek perumahan di Bandar Cassia yang mengandungi 11,800 unit akan dibina mengikut fasa dan dijangka mengambil masa 10 hingga 15 tahun untuk disiapkan. Walau bagaimanapun, kerja-kerja pembinaan Fasa 1 yang mengandungi 520 unit dijangka dapat dimulakan pada akhir tahun 2013.

Projek Perumahan Mampu Milik di Telok Kumbar yang mengandungi 694 unit dijangka dilancarkan pada Februari 2014 tahun depan. Manakala projek di Kampung Jawa, Butterworth yang mengandungi 707 unit rumah dijangka akan dilancarkan pada Mei 2014. Seterusnya, Kerajaan Negeri juga akan turut melaksanakan projek perumahan di Jalan S.P. Chelliah yang mengandungi 1,900 unit rumah dijangka dilancarkan pada akhir tahun 2014. Lain-lain kawasan yang telah dikenal pasti untuk pembangunan perumahan mampu milik ialah di Jelutong yang mengandungi 556 unit, Ampang Jajar 1,200 unit, Bukit Mertajam 968 unit dan Juru sebanyak 1,600 unit.

Untuk memantapkan pengurusan sistem pengagihan dan penawaran Rumah Kos Rendah/Kos Sederhana Rendah di Pulau Pinang, Jawatankuasa Pembersihan dan Peningkatan Mutu Pemilihan Perumahan *Selection Process Enhances Committees* (SPECS) telah ditubuhkan pada Jun 2013 dengan tujuan memastikan pemberian dan pengagihan rumah dibuat secara adil dan telus serta kepada golongan tidak berada yang perlukannya dengan diaudit bersama oleh sebuah syarikat perakaunan. Ini adalah kali pertama oleh sejarah Malaysia sebuah syarikat perakaunan akan dilantik untuk tujuan sedemikian.

Kerajaan Negeri bercadang meminda Dasar Penjualan Rumah Kos Rendah/Kos Sedernana Rendah di Negeri Pulau Pinang bagi permohonan penjualan dan pindah milik. Dasar rumah kerajaan tidak boleh dijual dalam tempoh sepuluh (10) tahun daripada tarikh surat perjanjian jual beli akan dikekalkan tetapi bagi rumah yang dibina oleh pihak swasta tempoh had larangan dijual akan dilanjutkan daripada lima (5) tahun sekarang kepada tempoh sepuluh (10) tahun, sama seperti rumah kerajaan. Demi memastikan penjualan dalam tempoh sepuluh (10) tahun adalah kepada golongan yang perlukannya maka ia hanya boleh dijual kepada pembeli tersenarai '*listed buyer'.* Pembeli yang tersenarai adalah senarai pembeli yang dikumpulkan oleh Bahagian Perumahan Kerajaan Negeri sebagai layak memiliki Rumah Kos Sederhana Rendah atau Rumah Kos Rendah. Dengan kata lain penjualan tidak boleh dijalankan dalam pasaran terbuka tetapi hanya dengan pembeli tersenarai. Harga jualan semula tidak akan ditetapkan oleh Kerajaan Negeri tetapi adalah berasaskan prinsip *willing buyer willing seller* dan boleh melebihi harga jualan asal di antara kedua-dua penjual dan pembeli tersenarai.

Seterusnya, berkenaan perumahan kategori rumah mampu milik, Kerajaan Negeri memutuskan bahawa harga maksimum perumahan mampu milik di kawasan Pulau ditetapkan pada RM400,000 manakala di kawasan Seberang Perai harga maksimum perumahan mampu milik ialah RM250,000. Seseorang pembeli rumah mampu milik boleh dibeli oleh pemilik kos rendah dan kos sederhana rendah sebagai penaiktarafan dengan syarat menjual rumah asalnya. Dengan kata lain, hanya satu (1) unit perumahan mampu milik dibenarkan dimiliki oleh seseorang pada bila-bila masa. Tempoh kawalan jualan rumah mampu milik adalah lima (5) tahun dan penjualan pula hanya boleh dijalankan tertakluk kepada pembeli tersenarai rumah mampu milik yang didaftarkan dengan Bahagian Perumahan Kerajaan Negeri. Harga jualan semula dibenarkan melebihi harga jualan asal berasaskan prinsip *willing buyer willing seller* di antara penjual dan pembeli tersenarai. Langkah sedemikan diharapkan dapat mengawal dan menghalang elemen spekulatif oleh pihak tertentu yang menyebabkan harga rumah mampu milik melambung tinggi.

Dasar baru ini akan dilaksanakan pada 1 Februari 2014. Harga rumah yang melebihi RM400,000 di kawasan Pulau dan RM250,000 di Seberang Perai tidak terikat dengan peraturan baru ini. Syarikat tidak dibenarkan membeli rumah mampu milik kecuali mendapat kebenaran khas daripada Kerajaan Negeri. Levi 3% oleh warganegara asing. Kerajaan Negeri akan mengenakan levi 3% harga penjualan ke atas semua transaksi hartanah oleh warganegara atau syarikat asing mulai 1 Februari 2014. Urusan tanah perindustrian yang dibeli daripada PDC atau atas urusan industri yang diterima sah oleh Kerajaan Negeri adalah dikecualikan. Rayuan boleh dibuat kepada Kerajaan Negeri untuk urusan tanah yang boleh membangunkan ekonomi Negeri atau peluang pekerjaan. Bebincang dengan industri perumahan cadangan levi 2% terhadap penjual yang menjual dalam tempoh tiga (3) daripada tempoh pembelian. Kerajaan Negeri selain daripada pengumuman yang telah dibuat iaitu akan mengenakan levi 3% terhadap pembelian rumah oleh warganegara atau syarikat asing, juga sedang mengkaji pelaksanaan levi 2% terhadap penjual rumah yang menjual rumah dalam tempoh tiga (3) tahun dari tarikh pembeliannya. Levi yang dicadangkan ke atas semua penjual warganegara asing dan tempatan adalah untuk mengawal transaksi spekulatif agar harga hartanah dan perumahan dapat dikawal. Walau

bagaimanapun, levi 2% ini tidak akan terpakai kepada penjualan oleh pemaju atau ke atas rumah mampu milik yang dijual kembali kepada pembeli tersenarai ataupun harga rumah di bawah RM400,000 dalam kawasan Pulau dan bawah RM250,000 di kawasan Seberang Perai. Cadangan ini harus memerlukan perbincangan lanjut dengan semua pihak terbabit *(stakeholders)* khususnya industri perumahan sebelum dilaksanakan pada tarikh yang akan ditetapkan kelak.

Skim Pemilikan Bersama (*Shared Ownership Scheme)* Pulau Pinang. Ramai pembeli Rumah Kos Rendah tidak dapat kelulusan pinjaman bank 90% atau 100% harga pembelian atas alasan tidak berupaya membuat bayaran. Adalah dikesali Skim Jaminan Kredit Perumahan di bawah Kementerian Kewangan gagal menjalankan tugas dan tanggungjawab membiayai pembelian dan menjamin pinjaman bank komersial untuk membolehkan mereka yang miskin membeli Rumah Kos Rendah. Sebagai usaha Kerajaan Negeri untuk membantu golongan berpendapatan rendah memiliki Rumah Kos Rendah, Kerajaan Negeri berhasrat meminjam 30% harga rumah tanpa riba (faedah) menerusi Skim Pemilikan Bersama Pulau Pinang *(shared bonus scheme)*. Kerajaan Negeri akan membeli sejumlah 104 unit rumah murah kos rendah jenis *town house* di Taman Sungai Duri Permai, Sungai Duri, SPS. Kesemua 104 unit ini kemudiannya akan dijual kepada mereka yang berdaftar dengan Bahagian Perumahan Kerajaan Negeri serta memenuhi kriteria untuk melayakkan mereka membeli rumah kos rendah. Harga jualan pasaran adalah RM38,000 seunit.

Walau bagaimanapun pemohon cuma perlu mendapat pinjaman bank 70% harga tersebut manakala baki pinjaman 30% akan ditanggung oleh Kerajaan Negeri dan bayaran semula baki 30% pinjaman tersebut kepada Kerajaan Negeri adalah tanpa faedah. Kerajaan Negeri tidak perlu pembeli membuat sebarang gadaian kepada Kerajaan Negeri hanya kepada bank dan Skim Pemilikan Bersama berfungsi seperti skim mikro-kredit. Kaedah pinjaman tanpa riba oleh Kerajaan Negeri ini dapat membantu pembeli Rumah Kos Rendah yang benar-benar memenuhi kelayakan untuk membeli Rumah Kos Rendah mempunyai bumbung rumah sendiri, memiliki rumah tersebut dengan bantuan kerajaan dengan Skim Pemilikan Bersama. Skim Pemilikan Bersama adalah yang pertama dilaksanakan di Malaysia oleh Kerajaan Negeri untuk membolehkan yang miskin dapat memiliki rumah sendiri.

Kerajaan Negeri juga meneruskan Skim Sewa Beli dengan membeli 51 unit rumah pangsa kos rendah di Taman Seruling Emas, SPS di mana unit-unit tersebut akan dijual kepada pemohon-pemohon yang layak dan tersenarai dalam senarai Bahagian Perumahan Kerajaan Negeri secara sewa beli. Kadar sewa adalah sebanyak RM100.00 sebulan dengan kos penyelenggaraan RM20.00 sebulan. Bagi rancangan perumahan, Kerajaan Negeri Pulau Pinang memperuntukkan sebanyak RM12.5 juta pada tahun 2013 untuk melaksanakan kerja-kerja pembaikan dan penyelenggaraan seperti menaiktaraf lif, pendawaian semula, membaiki kerosakan bumbung, mengatasi keretakan dan lain-lain.

Peruntukan ini akan dinaikkan kepada RM15.8 juta pada tahun 2014 demi menjaga keselamatan dan meningkatkan kualiti hidup penghuni di tujuh (7) buah Kompleks Rancangan Perumahan Awam di Negeri Pulau Pinang. Pada masa yang sama, Kerajaan Negeri telah mengorak langkah apabila menubuhkan Lembaga Perumahan Negeri yang telah pun diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri Pulau

Pinang pada 2010 tetapi belum dapat dilaksanakan kerana isu-isu perjawatan. Dalam hal ini, Kerajaan Negeri merayu agar Kerajaan Persekutuan memberi keutamaan bagi merealisasikan penubuhan Lembaga ini dengan segera supaya dapat melaksanakan perumahan demokrasi dan memastikan pembangunan sektor pembinaan yang mampan.

Di bawah Program Pemerkasaan dan Kepimpinan Wanita, Kerajaan Negeri telah melaksanakan sepenuhnya Dasar dan Pelan Tindakan Jagaan Kanak-Kanak Kerajaan Negeri pada tahun 2014 dan menjadikan Pulau Pinang sebagai Negeri pertama di Malaysia yang mengambil pendekatan sedemikian. Objektif utama dasar ini adalah untuk meningkatkan penyertaan wanita dalam tenaga kerja dan mempromosikan akses kepada jagaan kanak-kanak pada harga yang berpatutan, selamat dan berkualiti. Sebagai permulaan, sebuah TASKA akan dibina bagi kemudahan kakitangan awam di KOMTAR dengan nama TASKA D'KOMTAR yang dijangka beroperasi pada 2014 dan sebuah lagi di Daerah Seberang Perai Selatan. Untuk itu, Kerajaan Negeri bercadang menubuhkan Unit Pembangunan Kanak-kanak di bawah pengurusan Penang Women Development Corporation (PWDC). Kerajaan Negeri melalui PWDC telah menubuhkan Briged Wanita Pulau Pinang iaitu satu Badan Sukarela yang bermatlamat untuk memelihara kebajikan wanita di seluruh Pulau Pinang.

Sejak Jun 2013, PWDC telah melaksanakan Kursus Induksi Briged Wanita Pulau Pinang di semua lima (5) daerah dengan anggaran ahli yang berdaftar seramai 1,500 orang. Briged Wanita telah menjalankan usaha Kerajaan Negeri menyayangi wanita di Pulau Pinang dengan memberikan pemeriksaan payudara secara percuma untuk semua wanita yang berumur 35 tahun mulai 2014. Kerajaan Negeri juga akan mengaturkan bas untuk kaum wanita pergi balik daripada taman perumahan ataupun kampung halaman mereka dengan penyediaan makanan dan minuman. Briged Wanita juga akan membantu pendaftaran Program Ibu Emas dengan memberikan RM100 setiap tahun kepada semua ibu yang tidak bekerja tetapi tinggal balik untuk jaga anak, keluarga dan suami pada tahun hadapan.

Sebagai persediaan melangkah ke Sukan (SUKMA) Malaysia ke-17 di Negeri Perlis pada tahun 2014, Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang atau MSNPP telah menyusun dan merangka program pengukuhan sains sukan yang meliputi latihan pengukuhan fizikal. Psikologi dan mental bagi menaikkan semangat juang atlet-atlet Negeri. Selain itu, bagi menyemarakkan serta menaikkan semangat juang atlet-atlet Negeri di Kejohanan Sukan Malaysia, Kerajaan Negeri pada tahun 2013 telah menaikkan kadar bayaran insentif sebanyak 50% tambahan untuk pemenang. Pada tahun 2014 juga, Kerajaan Negeri akan mengembangkan kegiatan sukan di kelima-lima daerah di Negeri Pulau Pinang kearah gaya hidup sihat dan cergas dengan peruntukan sebanyak RM250,000 untuk tujuan ini. Manakala bagi kakitangan awam di KOMTAR, Kerajaan Negeri akan menyediakan satu ruang *fitness centre* yang dilengkapi dengan peralatan *gym* yang sewajarnya di Tingkat 47 yang boleh dimanfaatkan di waktu rehat atau selepas waktu pejabat.

Selaras dengan usaha Negeri Pulau Pinang di dalam meningkatkan taraf pelancongan dan imej antarabangsa, Kerajaan Negeri ingin memperkenalkan Negeri Pulau Pinang sebagai sebuah Bandar Raya Sukan atau *Sports City.* Kemasyhuran Negeri Pulau Pinang sebagai sebuah Negeri yang mampu melahirkan jaguh sukan

antarabangsa seperti Dato' Lee Chong Wei dalam sukan badminton dan Dato' Nicol Ann David melalui sukan Skuasy ternyata telah meletakkan Negeri Pulau Pinang sebagai sebuah Negeri yang menjadi tumpuan dunia sebagai medan kelahiran atlet sukan bertaraf antarabangsa. Untuk merealisasikan matlamat ini, Kerajaan Negeri akan berusaha untuk memperbaiki, menaik taraf serta memperbanyakkan kemudahan-kemudahan sukan yang ada di Negeri Pulau Pinang. Sungguhpun usaha ini terjejas oleh kekangan sumber kewangan, levi yang dicadangkan ke atas hotel dan rumah penginapan mulai 2014 boleh membantu menaja kejohanan sedunia. Kita boleh lihat betapa besar impak positifnya penganjuran sesuatu aktiviti sukan bertaraf antarabangsa seperti Penang International Bridge Marathon, yang merupakan marathon terbesar di Malaysia, dengan lebih 47,000 peserta sehingga semua hotel di Pulau Pinang di kawasan Pulau penuh dan tidak ada bilik kosong. Tahniah kepada EXCO Pelancongan Batu Lancang.

Sehingga kini, Pulau Pinang belum menjadi tuan rumah untuk satu kejohanan sukan dunia dalam apa pun aktiviti sukan. Kerajaan Negeri bercadang agar Negeri Pulau Pinang membida hos penganjuran untuk temasya Kejohanan Sedunia seperti Skuasy Wanita Dunia ataupun Kejohanan Angkat Berat Dunia dalam masa tiga (3) atau empat (4) tahun ini. Menyedari bahawa sukan menjadi pemangkin kepada perpaduan, Kerajaan Negeri akan memberi tumpuan kepada antara lain pembinaan gelanggang futsal, kolam renang, *velodrome*, gelanggang tenis dan gelanggang bola keranjang. Kerajaan Negeri sekali lagi mengorak langkah yang proaktif dengan menubuhkan Penang Youth Learning Centre yang bernilai RM4.0 juta hasil usahasama dan sumbangan Yayasan ECM Libra. Pusat tersebut yang dibangunkan di Kampung Buah Pala menyediakan sudut untuk membaca, dewan serbaguna, bilik untuk pembelajaran serta enam (6) gelanggang badminton untuk generasi muda mengisi masa dengan aktiviti-aktiviti yang sihat dan aktif. Pusat tersebut dijangka beroperasi sepenuhnya pada tahun 2014.

Memperkasakan Agama Islam sebagai agama rasmi. Sesungguhnya kepentingan rakyat beragama Islam akan terus diperkasakan di bawah kepimpinan Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat dengan meneruskan dasar dan program sedia ada. Untuk maksud ini, sebanyak RM11.17 juta akan diperuntukkan pada tahun 2014 di bawah peruntukan pembangunan agar institute masjid dan surau serta institusi pendidikan Islam seperti Sekolah Agama Rakyat di seluruh Negeri Pulau Pinang terus kekal membangun dan berdaya saing. Ini akan melibatkan peningkatan peruntukan sebanyak 9.3% berbanding tahun 2013 iaitu RM10.22 juta. Salah satu projek yang bakal dilaksanakan ialah pembinaan dua (2) buah blok tambahan Kolej Islam Teknologi Antarabangsa Pulau Pinang yang dianggarkan bernilai RM6 juta. Selain itu, dalam nafas yang sama Kerajaan Negeri juga akan memainkan peranan yang penting dalam pengurusan aset wakaf dalam usaha membangunkan rakyat khususnya yang beragama Islam. Justeru, antara langkah yang sedang dikenal pasti adalah cadangan untuk menubuhkan Lembaga Wakaf sebagai anak syarikat kepada Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) untuk menjalankan tugas-tugas pengurusan dan pembangunan aset wakaf secara korporat dengan lebih efektif. Saya rasa kita patut ucapkan tahniah kepada Yang DiPertua MAIPP Yang Berhormat dari Permatang Pasir atas kejayaan dalam menguruskan Hal Ehwal Islam di Negeri Pulau Pinang.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, penjawat awam selaku pelaksana dasar adalah komponen utama di dalam usaha Kerajaan Negeri merealisasikan impian ke arah negeri maju, pintar dan bertaraf antarabangsa menjelang tahun 2015, berdasarkan kepada penilaian prestasi pengurusan kewangan di bawah Indeks Akauntabiliti telah menunjukkan bahawa bilangan jabatan dan agensi Negeri yang mencapai penarafan empat (4) bintang iaitu tahap sangat baik dalam mengamalkan sitem pengurusan kewangan yang baik dan teratur telah meningkatkan dua (2) kali ganda untuk penilaian tahun 2012. Jabatan dan agensi terlibat adalah Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, Jabatan Kewangan Negeri, MAIPP, Pejabat Tanah dan Daerah Barat Daya, Pejabat Tanah dan Galian Negeri, PDC dan Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Pulau Pinang, Jabatan tersebut akan dianugerahkan sebanyak RM15,000.00. Dalam masa yang sama saya ingin mengambil kesempatan mengucapkan tahniah kepada PTG kerana menjadi satu-satunya Pejabat Tanah dan Galian yang berjaya mendapat pengiktirafan Sangat Baik daripada lima (5) Pejabat Tanah dan Galian yang diaudit pada tahun 2012 oleh Jabatan Audit Negara. Tahniah kepada Pengarah PTG Dato' Ariffin.

Seiring dengan pengiktirafan kepada sumbangan perkhidmatan awam, Kerajaan Negeri menjelang Sambutan Hari Raya Aidilfitri yang lepas telah pun memberi bonus atau duit raya setengah bulan gaji dengan minimum RM600.00 kepada seramai 3,910 penjawat awam. Di samping penjawat awam, bonus raya Kerajaan Negeri juga telah dipanjangkan kepada guru-guru dan penyelia KAFA sebanyak RM300.00 seorang. Kesemua menelan perbelanjaan sebanyak RM4.4 juta. Seperti mana sedia maklum, Kerajaan Persekutuan telah pun mengumumkan pemberian bonus setengah bulan gaji bagi tahun 2013 dengan bayaran minimum RM500.00 yang akan dibayar pada awal Januari 2014. Sehubungan dengan ini Kerajaan Negeri juga ingin mengumumkan memberi bonus sebanyak setengah bulan gaji lagi pada 2013 dengan minimum RM700.00 yang akan dibayar bukan pada Januari 2014 tetapi pada bulan Disember tahun semasa 2013 untuk memudahkan ibu bapa membuat perbelanjaan anak-anak mereka untuk pergi ke sekolah. Keseluruhannya, pemberian bonus Kerajaan Negeri kepada perkhidmatan awam termasuk duit raya untuk tahun 2013 ialah satu bulan gaji. Guru-guru dan penyelia KAFA juga akan diberikan sebanyak RM400.00 seorang. Diharap dengan pengumuman ini akan dapat menyuntik semangat anggota perkhidmatan awam untuk terus memberikan perkhidmatan yang lebih baik dan bersikap amanah dan setia kepada Kerajaan Negeri dan rakyat.

JKKK atau Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti di Pulau Pinang mewakili suara Kerajaan di peringkat akar umbi. Pada Januari 2011 lalu, Kerajaan Negeri telah menaikkan kadar bulanan elaun Pengerusi dan Setiausaha JKKK kepada R450.00 untuk Pengerusi dan RM350.00 untuk Setiausaha sebulan. Dalam mengiktiraf sumbangan di peringkat pengurusan JKKK, Kerajaan Negeri bersetuju untuk menaikkan kadar elaun Pengerusi dan Setiausaha daripada RM450.00 kepada rm650.00 sebulan dan Setiausaha daripada RM350.00 kepada RM550.00 sebulan mulai tahun hadapan. Kenaikan RM200.00 bagi Pengerusi dan Setiausaha untuk 287 JKKK akan menelan perbelanjaan RM5.73 iaitu tambahan RM1.38 juta daripada peruntukan tahun 2013. Kerajaan Negeri sedar bahawa elaun Ahli Dewan Undangan Negeri sebanyak RM4,112.79 sebulan tidak berubah sejak Januari 2004 dan jumlah ini tidak setimpal dengan beban tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan kepada

Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri. Oleh yang demikian, Kerajaan Negeri telah bersetuju untuk meminda Enakmen Anggota Pentadbiran dan Ahli Dewan Undangan Negeri (Saraan) (Pindaan) 2006 supaya kadar elaun bulanan ditambah daripada RM4,1 12.79 kepada RM6,000.00 yang akan berkuatkuasa pada 1 Januari 2014. Elaun YB. Ketua Pembangkang juga dinaikkan 100% daripada RM1,000.00 kepada RM2,000.00 sebulan.

YB. Dato' Yang di-Pertua, Bajet 2014 Negeri Pulau Pinang distrukturkan dengan realistik dan penuh tanggungjawab. Intipati Bajet dirangka sempurna kerana memiliki keseimbangan antara elemen sosial dan ekonomi dan kemampuan kewangan Negeri yang amat terhad. Bagi tahun 2014, Kerajaan Negeri mencadangkan sejumlah RM843,195,379 untuk Bajet Mengurus, manakala bagi peruntukan Pembangunan diperuntukkan sejumlah RM238,995,320.00.

Sebagai gambaran menyeluruh, sejumlah RM962,190,699.00 merangkumi peruntukan mengurus dan peruntukan pembangunan dicadangkan untuk perbelanjaan dalam tahun 2014. Jumlah keseluruhan ini telah pun mengambil kira RM120 juta untuk caruman kepada Kumpulan Wang Pembangunan Negeri. Bajet keseluruhan yang dicadangkan bagi tahun 2014 sebanyak RM962 juta merupakan pengurangkan sebanyak RM171 juta atau 15% berbanding dengan bajet keseluruhan tahun 2013 sebanyak RM1.13 bilion. Selaras dengan itu, ucapan saya akan merujuk kepada dua (2) risalah yang berkaitan, iaitu Risalah Bil. No. 1 Tahun 2013 bagi Bajet Mengurus Tahun 2014 dan Risalah Bil. No. 2 Tahun 2013 bagi Bajet Pembangunan Tahun 2014 bersekali. Bagi tahun 2014, Kerajaan Negeri menganggarkan hasil yang dikutip berjumlah RM587,753,720 iaitu pengurangan RM120,769,940 atau pengurangan 17% berbanding anggaran hasil tahun semasa 2013 sebanyak RM708.52 juta. Komposisi hasil tahun 2014 terdiri daripada hasil cukai RM134.21 juta atau 22.83%. Hasil bukan cukai RM367.50 juta atau 62.53% dan terimaan bukan hasil sebanyak RM86 juta atau 14.64%. Perbezaan pengurangan hasil sebanyak RM120.77 juta yang dijangkakan pada tahun 2014 berbanding anggaran hasil tahun 2013 adalah kerana sumber hasil yang diperolehi daripada bayaran premium tanah bagi pemberian hak milik dan tukar syarat tanah tidak dapat dipastikan dan banyak bergantung kepada permintaan pasaran.

Mengambil kira jangkaan hasil tahun 2014 sejumlah RM587.75 juta berbanding Perbelanjaan Mengurus sebanyak RM843.20 juta akan menjadikan Bajet 2014 mengalami defisit sebanyak RM255.44 juta. Defisit RM255.44 juta ini adalah RM6.60 juta kurang daripada anggaran defisit tahun 2013 iaitu RM262 juta. Anggaran defisit atau kekurangan RM255.44 juta yang dijangka dalam Bajet 2014 dapat dibiayai daripada Simpanan Terkumpul Negeri yang berbaki sebanyak RM825.28 juta pada akhir tahun 2012. Sepertimana dalam Laporan Ketua Audit Negara untuk Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang tahun 2012, Kerajaan Negeri telah mengakhiri tahun kewangan 2012 dengan lebihan sejumlah RM114.47 juta dan dengan lebihan ini, baki terkumpul Akaun Hasil Negeri Disatukan telah meningkat menjadi RM825.28 juta pada 31 Disember 2012. Sebelum ini Kerajaan Negeri telah membentangkan perbelanjaan defisit tapi kita besyukur dengan kerjasama ADUN-ADUN Pakatan Rakyat kita bernasib baik kerana ada belanjawan defisit kita masih dapat mencatatkan pada akhirnya belanjawan lebihan. Sepertimana termaklum, asas ekonomi Negeri Pulau Pinang terus bertambah kukuh. Analisis perbandingan hasil dan

perbelanjaan bagi tahun 2008 hingga 2012 telah menunjukkan Kerajaan Negeri berjaya memperolehi lebihan pada setiap tahun dan dalam masa yang sama masih berupaya untuk meneruskan dengan pelaksanaan projek-projek pembangunan yang dirancang serta melipatgandakan program-program kesejahteraan rakyat. Analisis Audit terhadap kedudukan perbelanjaan mengurus Kerajaan Negeri bagi tahun 2008 hingga 2012 mendapati perbelanjaan mengurus menunjukkan peningkatan pada setiap tahun dalam tempoh 5 tahun dan dalam yamg sama kutipan hasil juga meningkat dan dapat menampung perbelanjaan mengurus dan seterusnya mengekalkan lebihan hasil. Semua pencapaian ini memerlukan bukan sahaja *political will* tetapi kecekapan dalam menguruskan kewangan Negeri. Kerajaan Negeri sememangnya telah membentangkan bajet defisit untuk tahun 2013. Namun demikian, mengambil kira dasar yang diterapkan selama lima (5) tahun pentadbiran Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat adalah dalam landasan yang betul. Maka Kerajaan Negeri akan meneruskan dan menambah baik strategi-strategi pembangunan dan perancangan kewangan yang teratur bagi memastikan kekayaan Negeri dapat terus berkembang. Secara konservatifnya, adalah dijangka Kerajaan Negeri masih dapat mencapai belanjawan seimbang pada akhir tahun kewangan 2013 nanti. Mungkin tidak lebihan tetapi dapat seimbang. Harap-harap begitu.

Seperti mana YB. Ahli-ahli Dewan sedia maklum, Kerajaan Negeri akan mencadangkan Bajet Defisit pada tahun 2014, sama seperti tahun ini. Walau bagaimanapun, bagi tahun 2014 telah mengurangkan defisitnya kepada RM255 juta berbanding anggaran defisit tahun 2013 sebanyak RM262 juta. Ini adalah kerana anggaran Perbelanjaan Mengurus Tahun 2014 sebanyak RM843 juta adalah berkurangan daripada Perbelanjaan Mengurus Tahun 2013 yang dianggarkan sebanyak RM970.56 juta. Pengurangan Perbelanjaan Mengurus ini disebabkan pengurangan pindahan kepada Kumpulan Wang Pembangunan Negeri iaitu sebanyak RM120 juta berbanding RM200 juta bagi tahun 2013 dan pembiayaan sebanyak RM188.9 juta berbanding RM306 juta yang perlu diperuntukkan kepada PDC untuk skim perumahan mampu milik dalam tahun 2013. Akan tetapi peruntukan yang disediakan untuk program-program bantuan sosial dan kesejahteraan rakyat, warga emas, OKU, anak emas, pelajar emas, pelajar cemerlang emas, ibu tunggal emas, elaun guru KAFA, ibu emas, semua emas, bas percuma emas, pemandu teksi emas, nelayan emas, membasmi kemiskinan emas terus meningkat daripada sebanyak RM75 juta pada tahun 2013 kepada sejumlah RM111.47 juta yang diperuntukkan dalam tahun 2014. Sesungguhnya, rakyat boleh menilai keutamaan yang diberikan oleh Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat, yakni menggunakan hasil Negeri mendapat harapan rakyat.

Yang Berhormat Yang di-Pertua, Perbelanjaan Mengurus sebanyak RM843.20 juta terdiri daripada perbelanjaan tanggungan sejumlah RM29,941,390 dan Perbelanjaan bekalan sebanyak RM813.25 juta. Tujuan Rang Undang-undang Perbekalan 2013 adalah untuk mendapat Kuasa Berkanun bagi membolehkan Kerajaan Negeri membuat perbelanjaan Bekalan bagi tahun 2014. Terdapat 19 jabatan yang dimohon kelulusan peruntukan Bekalan dibawah Maksud Bekalan B01, B02, B03, B04, B05, B06, B07, B08, B09, B10, B12, B13, B14, B15, B16, B17, B18, B19 dan B20 sepertimana perincian di Risalah Bil. No. 1 Tahun 2013.

Di bawah Peruntukan Mengurus 2014, sejumlah RM152.29 juta adalah bagi Emolumen, RM123.55 juta bagi Perkhidmatan dan Bekalan, RM7.57 juta untuk Perolehan Aset serta RM553.74 juta bagi Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap, manakala sejumlah RM6 juta disediakan untuk perbelanjaan-perbelanjaan lain. Perbelanjaan Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap, kekal sebagai komponen terbesar mencakupi 65.67% daripada Perbelanjaan Mengurus. Jumlah ini termasuk caruman sejumlah RM120 juta kepada Kumpulan Wang Pembangunan Negeri, sumbangan sebanyak RM188.91 juta untuk Skim Perumahan Mampu Milik dan pemberian dan bantuan-bantuan sosial rakyat yang komited yang telah saya huraikan tadi. Pertambahan peruntukan bagi objek-objek am selainnya adalah bagi menampung keperluan perbelanjaan mengurus yang kian meningkat pada setiap tahun iaitu antara lain kenaikan gaji dan pelarasan emolumen, kenaikan kos bekalan dan utiliti dan keperluan menggantikan kenderaan dan aset yang telah dilupuskan. Namun demikian, peningkatan terlibat adalah pada tahap terkawal selaras dengan langkah pentadbiran untuk mengawal dan menerapkan disiplin dalam perbelanjaan iaitu memaksimumkan penggunaan kemudahan rakyat seperti seminar, bengkel dan latihan. Mengurangkan pengubahsuaian pejabat, penggunaan elektrik yang efisen dan pengurangan kos *overhead* yang lain.

Yang Berhormat Yang di-Pertua, Bajet Pembangunan untuk tahun 2014 adalah sebanyak RM239 juta yang melibatkan punca Negeri sebanyak RM229 juta dan RM10 juta pinjaman Persekutuan khusus untuk pembiayaan pengurusan *North Revenue Water (NRW)*. Anggaran Bajet Pembangunan 2014 yang dimohon kelulusan mengikut maksud pembangunan P.01, P.08, P.09, P.10, P.12, P.13, P.16, P.17 dan P.18 bagi sembilan (9) jabatan negeri adalah seperti tersenarai dalam Risalah Bilangan No. 2, Tahun 2013. Perbelanjaan Pembangunan tahun 2014 adalah rendah jika dibandingkan dengan tahun 2013 sebanyak RM363.39 juta, iaitu pengurangan sebanyak RM124.39 juta. Ini adalah kerana kurangnya keperluan untuk pengambilan tanah di mana peruntukan yang disediakan untuk tahun 2014 adalah sebanyak RM2.65 juta berbanding RM57.99 juta pada tahun semasa 2013. Di samping itu, tumpuan kepada perancangan projek pembangunan adalah juga mengutamakan projek-projek *people centric* dan peningkatan kemudahan-kemudahan awam, serta kemampuan dan keupayaan jabatan pelaksana/teknikal untuk melaksanakan projek-projek pembangunan mengikut jadual bagi mengelakkan *shortfall*. Mengambil kira pendekatan ini, maka lapan (8) daripada sembilan (9) jabatan telah disediakan peruntukan pembangunan yang kurang berbanding tahun 2013 lalu. Hanya untuk Jabatan Hal Ehwal Agama disediakan pertambahan peruntukan sebanyak RM953,030 iaitu berjumlah RM11.17 juta berbanding jumlah peruntukan pembangunan sebanyak RM10.22 juta yang diluluskan untuk tahun 2013. Pembiayaan tambahan ini adalah untuk membiayai pelaksanaan projek-projek pembinaan masjid yang dibiayai secara bersama dengan Kerajaan Persekutuan di bawah dasar 70% Persekutuan dan 30% Negeri.

Terdapat pengurangan yang ketara kepada peruntukan Pembangunan Jabatan Kerja Raya (JKR) di bawah Maksud P12 iaitu peruntukan yang disediakan untuk tahun 2014 ialah sebanyak RM28.23 juta berbanding RM41.6 juta yang diluluskan untuk tahun 2013. Pengurangan ini ialah kerana keperluan peruntukan untuk projek-projek infrastruktur baru sejumlah RM49 juta di letakkan di bawah vot Pembangunan P16 Jabatan Kewangan Negeri (JKN). Dalam hal ini, Kerajaan Negeri mencadangkan

supaya projek-projek infrastruktur baru dilaksanakan oleh PDC supaya memberi ruang kepada JKR untuk memberi tumpuan khusus kepada projek-projek penyelenggaraan. Ini juga selaras dengan usaha Kerajaan Negeri dalam memberi penekanan kepada budaya penyelenggaraan supaya masyarakat dapat mengoptimumkan penggunaan kemudahan awam yang disediakan oleh kerajaan.

Di bawah Maksud Pembangunan P16 Jabatan Kewangan Negeri juga, Kerajaan Negeri memperuntukkan sejumlah RM12 juta untuk pembiayaan projek-projek kecil infrastruktur dan projek-projek khas serta bekalan untuk manfaat masyarakat setempat yang boleh diluluskan mengikut KADUN. Dalam tahun 2014, bagi 10 kawasan yang diwakili oleh Ahli Dewan Undangan Negeri Barisan Nasional, Kerajaan Negeri memperuntukkan sebanyak RM40,000 setiap KADUN untuk pembiayaan projek-projek kecil yang boleh dicadang oleh Y.B. ADUN Barisan Nasional. Peruntukan ini merupakan tambahan kepada 10 KADUN terlibat memandangkan Kerajaan Negeri juga menyediakan peruntukan untuk pembiayaan projek-projek kecil infrastruktur dan projek-projek khas serta bekalan untuk manfaat masyarakat setempat di 10 KADUN terlibat melalui Penyelaras-penyelaras KADUN yang dilantik. Nyata sekali, Kerajaan Negeri tidak mensisihkan mana-mana kawasan dalam Negeri ini tetapi sebaliknya mengimbangkan keperluan yang saksama untuk kesejahteraan rakyat Negeri Pulau Pinang amnya. Inilah kali pertama satu (1) kawasan pembangkang akan diberikan peruntukan, sungguhpun bukanlah satu jumlah yang besar tapi ini menunjukkan bahawa Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat bertindak adil dan tidak mengira latar belakang politik dan kita menghulurkan tangan untuk sama-sama memajukan rakyat.

Kesimpulannya YB. Dato' Yang di-Pertua, apa yang telah dirangka dan akan dilaksanakan pada tahun hadapan merupakan visi bagi memenuhi aspirasi dan kehendak rakyat. Rakyat telah memberi mandat kepada Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat untuk terus memimpin dan kita mahu pastikan agenda pembangunan dapat terus diperkasakan dan sekali gus meningkatkan lagi taraf dan kualiti kehidupan rakyat Negeri Pulau Pinang. Kejayaan yang kita telah capai setakat ini bukanlah mudah. Banyak bebanan daripada Kerajaan Barisan Nasional yang perlu kita tanggung tetapi jelas dengan perencanaan yang strategik, komitmen, ketegasan pelaksanaan serta *political will* kita mampu membuktikan bahawa Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat adalah Kerajaan yang jauh lebih baik dalam 25 tahun ini di Pulau Pinang membawa arus pembangunan kepada rakyat seperti yang dijanjikan dan sebagaimana yang dirancang.

Akhirnya saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan penghargaan saya kepada semua rakyat Negeri Pulau Pinang atas kepercayaan dan sokongan serta sumbangan yang diberikan kepada Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat untuk terus mentadbir Negeri Pulau Pinang. Saya juga merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua anggota perkhidmatan awam dan anggota-anggota keselamatan yang telah berkhidmat dengan gigih dan penuh bertanggungjawab untuk menjamin kestabilan, keamanan, kemajuan dan kemakmuran Negeri yang berterusan. Saya juga ingin merakamkan penghargaan kepada semua YB. ADUN yang sama-sama berkhidmat dengan jujur memerangi rasuah untuk mencapai kesejahteraan rakyat jelata dan kemajuan serta kemakmuran Negeri kita yang tercinta ini. Saya ingin sekali lagi sebagai Ketua Menteri menghargai kerelaan ADUN-ADUN Pakatan Rakyat untuk mengisytiharkan hartanah mereka dan ini bukan senang dan mudah sebagai Negeri yang pertama di mana ADUN Kerajaan Negeri mengisytiharkan hartanah, saya rasa

itulah *standard* antarabangsa dan pintar yang ingin dilihat oleh rakyat Negeri Pulau Pinang. Sepertimana kita menghulurkan wang peruntukan kepada ADUN-ADUN Pembangkang daripada UMNO sama juga Kerajaan Negeri menghulurkan tangan supaya sama-sama kita menegakkan integriti memerangi rasuah dengan menjemput ADUN-ADUN daripada Pembangkang sama-sama mengisytiharkan hartanah secara terbuka.

Saya sudahi ucapan saya dengan serangkap pantun dan ini

Pulau Mutiara digelar nama
Pulau Pinang sudah ternama
Rakyat majmuk hidup saksama
Segala rahmat nikmat bersama

Sekian, YB. Dato' Speaker, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Ketua Menteri I:

YB. Dato' Yang di-Pertua Undangan Negeri, saya mohon menyokong.

Setiausaha:

Usul Anggaran Pembangunan Tahun 2014 daripada Y.A.B. Ketua Menteri.

Y.A.B.Ketua Menteri:

YB. Dato' Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, saya mohon mencadangkan bahawa Dewan ini meluluskan perbelanjaan sebanyak RM238,995,320.00 sahaja yang tertera dalam Anggaran Pembangunan Tahun 2014 yang dibentangkan sebagai Risalah Dewan Undangan Negeri Bilangan 2 Tahun 2013 dan menetapkan bahawa jumlah yang tersebut hendaklah digunakan bagi tujuan-tujuan yang ditetapkan di dalam Anggaran Pembangunan Tahun 2014.

Timbalan Ketua Menteri I:

YB. Dato' Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, saya mohon menyokong.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ahli-ahli Yang Berhormat, perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan Tahun 2014 dan Usul Anggaran Pembangunan Tahun 2014 akan bermula pada 9 Disember 2013, jam 9.30 pagi. Dewan ditangguhkan.

Dewan ditangguhkan pada jam 5.15 petang.